JUZU' KE-29

SURAH AL-MULK

SURAH KE **67**

سُورَةُ المُلْكِ

SURAH AL-MULK

Surah Kerajaan Ilahi

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **30**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

تَبَٰرَكَ ٱلَّذِى بِيَدِهِ ٱلْمُلْكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾
ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْمَوْتَ وَٱلْحَيَوٰةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا
وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفُورُ ﴿٢﴾
ٱلَّذِى خَلَقَ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ طِبَاقًا مَّا تَرَىٰ فِى خَلْقِ ٱلرَّحْمَٰنِ
مِن تَفَٰوُتٍ فَٱرْجِعِ ٱلْبَصَرَ هَلْ تَرَىٰ مِن فُطُورٍ ﴿٣﴾
ثُمَّ ٱرْجِعِ ٱلْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنقَلِبْ إِلَيْكَ ٱلْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ
حَسِيرٌ ﴿٤﴾
وَلَقَدْ زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ وَجَعَلْنَٰهَا رُجُومًا
لِّلشَّيَٰطِينِ وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ ٱلسَّعِيرِ ﴿٥﴾
وَلِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٦﴾
إِذَآ أُلْقُوا۟ فِيهَا سَمِعُوا۟ لَهَا شَهِيقًا وَهِىَ تَفُورُ ﴿٧﴾
تَكَادُ تَمَيَّزُ مِنَ ٱلْغَيْظِ كُلَّمَآ أُلْقِىَ فِيهَا فَوْجٌ سَأَلَهُمْ خَزَنَتُهَآ
أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ ﴿٨﴾
قَالُوا۟ بَلَىٰ قَدْ جَآءَنَا نَذِيرٌ فَكَذَّبْنَا وَقُلْنَا مَا نَزَّلَ ٱللَّهُ مِن شَىْءٍ
إِنْ أَنتُمْ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ كَبِيرٍ ﴿٩﴾
وَقَالُوا۟ لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِىٓ أَصْحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١٠﴾

"Maha Limpah keberkatan Tuhan yang memegang tampuk Kerajaan (seluruh alam) dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(1). Tuhan yang telah menciptakan mati dan hidup untuk menguji siapakah di antara kamu yang paling baik amalannya? Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun(2). Tuhan yang telah menciptakan tujuh langit berlapis-lapisan. Engkau tidak melihat dalam sebarang ciptaan Tuhan Yang Maha Penyayang itu sesuatu yang tidak seimbang. Oleh itu, lihatlah (ciptaan-Nya) sekali lagi. Apakah engkau dapat melihat padanya sesuatu keretakan?(3). Kemudian ulangilah pandanganmu berkali-kali nescaya pandanganmu itu akan kembali kepadamu dengan hampa dan ia letih lesu(4). Sesungguhnya Kami telah hiaskan langit dunia ini dengan pelita-pelita (bintang-bintang) dan Kami jadikannya peluru yang merejam para syaitan, dan Kami sediakan untuk mereka 'azab Neraka yang bernyala-nyala(5). Dan untuk orang-orang yang telah mengingkarkan Tuhan mereka ialah 'azab Neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali(6). Apabila mereka dicampakkan ke dalamnya, mereka akan mendengar suara nafasnya yang dahsyat dan ia terus mendaung menjulang-julang(7). Neraka itu hampir-hampir meledak pecah kerana terlalu marah. Setiap kali dicampakkan ke dalamnya kumpulan manusia (yang berdosa) mereka ditanya oleh malaikat-malaikat penjaganya: Tidakkah datang kepada kamu Rasul yang memberi peringatan?(8). Jawab mereka: Memang benar kami telah didatangi rasul yang memberi peringatan, lalu kami dustakannya malah kami katakan kepadanya: Allah tidak menurunkan sesuatu apa pun. Sebenarnya kamu berada di dalam kesesatan yang amat besar(9). Dan mereka berkata lagi: Sekiranya kami dahulu mendengar peringatan (Rasul) atau kami berfikir sudah tentu kami tidak berada di dalam golongan penghuni-penghuni Neraka yang bernyala-nyala."(10).

فَٱعْتَرَفُوا۟ بِذَنۢبِهِمْ فَسُحْقًا لِّأَصْحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١١﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِٱلْغَيْبِ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ
كَبِيرٌ ﴿١٢﴾
وَأَسِرُّوا۟ قَوْلَكُمْ أَوِ ٱجْهَرُوا۟ بِهِۦٓ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ
ٱلصُّدُورِ ﴿١٣﴾
أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٤﴾
هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ ذَلُولًا فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟
مِن رِّزْقِهِۦ وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ ﴿١٥﴾

ءَأَمِنتُم مَّن فِي ٱلسَّمَآءِ أَن يَخۡسِفَ بِكُمُ ٱلۡأَرۡضَ فَإِذَا هِيَ
تَمُورُ ﴿١٦﴾
أَمۡ أَمِنتُم مَّن فِي ٱلسَّمَآءِ أَن يُرۡسِلَ عَلَيۡكُمۡ حَاصِبٗاۖ
فَسَتَعۡلَمُونَ كَيۡفَ نَذِيرِ ﴿١٧﴾
وَلَقَدۡ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ فَكَيۡفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿١٨﴾
أَوَلَمۡ يَرَوۡاْ إِلَى ٱلطَّيۡرِ فَوۡقَهُمۡ صَٰٓفَّٰتٖ وَيَقۡبِضۡنَۚ مَا
يُمۡسِكُهُنَّ إِلَّا ٱلرَّحۡمَٰنُۚ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَيۡءِۭ بَصِيرٌ ﴿١٩﴾
أَمَّنۡ هَٰذَا ٱلَّذِي هُوَ جُندٞ لَّكُمۡ يَنصُرُكُم مِّن دُونِ ٱلرَّحۡمَٰنِۚ
إِنِ ٱلۡكَٰفِرُونَ إِلَّا فِي غُرُورٍ ﴿٢٠﴾

"Lalu mereka mengakui dosa-dosa mereka. Maka alangkah jauhnya rahmat Allah kepada penghuni-penghuni Neraka yang bernyala-nyala(11). Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka dalam keadaan ghaib (tanpa melihat-Nya) mereka akan mendapat keampunan dan pahala yang amat besar(12). Dan rahsiakanlah percakapan kamu atau ucapkannya dengan lantang dan terus-terang. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada manusia(13). Masakan Tuhan yang telah menciptakan (manusia) tidak mengetahui (rahsia hati mereka)? Sedangkan Dia Maha Halus (dalam segala pentadbiran-Nya) dan Maha Pakar(14). Dialah yang telah menciptakan bumi amat selesa untuk kamu. Oleh itu, jelajahilah seluruh pelusuknya dan makanlah rezeki yang dikurniakan-Nya dan kepada-Nya kamu akan dibangkitkan dan dipulangkan(15). Apakah kamu merasa aman dari balasan Allah yang memerintah di langit yang berkuasa menjadikan kamu ditelan bumi. Dan ketika itu bumi pun tiba-tiba bergoyang dengan gegaran yang dahsyat(16). Apakah kamu merasa aman dari balasan Allah yang memerintah di langit, yang berkuasa melepaskan ribut, yang menghujani batu-batu ke atas kamu. Ketika itu kamu akan mengetahui bagaimana dahsyatnya akibat amaran-Ku(17). Sesungguhnya umat-umat-yang dahulu dari mereka telah mendustakan (rasul-rasul), maka (lihatlah) bagaimana beratnya sangkalan-Ku(18). Apakah mereka tidak melihat burung-burung yang terbang di atas mereka dengan mengembang dan mengecutkan kepaknya? Tiada yang menahankan burung-burung itu dari jatuh melainkan Allah Yang Maha Penyayang. Sesungguhnya Ia Maha Melihat segala sesuatu(19). Siapakah gerangannya orang yang dapat menjadi tentera kamu yang boleh menolong kamu selain dari Allah Yang Maha Penyayang? Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu sentiasa berada di dalam kekeliruan."(20).

أَمَّنۡ هَٰذَا ٱلَّذِي يَرۡزُقُكُمۡ إِنۡ أَمۡسَكَ رِزۡقَهُۥۚ بَل لَّجُّواْ فِي
عُتُوّٖ وَنُفُورٍ ﴿٢١﴾
أَفَمَن يَمۡشِي مُكِبًّا عَلَىٰ وَجۡهِهِۦٓ أَهۡدَىٰٓ أَمَّن يَمۡشِي
سَوِيًّا عَلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ﴿٢٢﴾
قُلۡ هُوَ ٱلَّذِيٓ أَنشَأَكُمۡ وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡأَبۡصَٰرَ
وَٱلۡأَفۡـِٔدَةَۚ قَلِيلٗا مَّا تَشۡكُرُونَ ﴿٢٣﴾
قُلۡ هُوَ ٱلَّذِي ذَرَأَكُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَإِلَيۡهِ تُحۡشَرُونَ ﴿٢٤﴾
وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلۡوَعۡدُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ﴿٢٥﴾
قُلۡ إِنَّمَا ٱلۡعِلۡمُ عِندَ ٱللَّهِ وَإِنَّمَآ أَنَا۠ نَذِيرٞ مُّبِينٞ ﴿٢٦﴾
فَلَمَّا رَأَوۡهُ زُلۡفَةٗ سِيٓـَٔتۡ وُجُوهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَقِيلَ هَٰذَا
ٱلَّذِي كُنتُم بِهِۦ تَدَّعُونَ ﴿٢٧﴾
قُلۡ أَرَءَيۡتُمۡ إِنۡ أَهۡلَكَنِيَ ٱللَّهُ وَمَن مَّعِيَ أَوۡ رَحِمَنَا فَمَن
يُجِيرُ ٱلۡكَٰفِرِينَ مِنۡ عَذَابٍ أَلِيمٖ ﴿٢٨﴾
قُلۡ هُوَ ٱلرَّحۡمَٰنُ ءَامَنَّا بِهِۦ وَعَلَيۡهِ تَوَكَّلۡنَاۖ فَسَتَعۡلَمُونَ
مَنۡ هُوَ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ﴿٢٩﴾
قُلۡ أَرَءَيۡتُمۡ إِنۡ أَصۡبَحَ مَآؤُكُمۡ غَوۡرٗا فَمَن يَأۡتِيكُم بِمَآءٖ
مَّعِينِۭ ﴿٣٠﴾

"Siapakah gerangannya orang yang dapat memberi rezeki kepada kamu jika Allah menahankan rezeki-rezeki-Nya? Tetapi mereka terus bongkak dan menjauhkan diri (dari hidayat)(21). Apakah orang yang berjalan dengan menyungkurkan mukanya ke bumi lebih mendapat hidayat atau orang yang berjalan tegak di atas kakinya dan mengikuti jalan yang lurus?(22). Katakanlah: (Wahai Muhammad!) Allah itulah Tuhan yang telah menciptakan kamu dan mengadakan untuk kamu anggota pendengaran, penglihatan dan hati nurani, tetapi (sayang) sedikit benar kamu bersyukur(23). Katakan lagi kepada mereka: Allah itulah Tuhan yang telah menciptakan kamu mengembang biak di bumi dan kepada-Nya kamu sekalian dikumpulkan kembali(24). Dan mereka berkata: Bilakah datangnya hari Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu benar?(25). Katakanlah kepada mereka: Pengetahuan tentang Qiamat itu hanya tersimpan di sisi Allah sahaja. Dan aku hanya seorang rasul yang memberi peringatan dan penjelasan(26). Kemudian apabila mereka melihat hari Qiamat itu dari dekat, maka muramlah muka orang-orang yang kafir, lalu dikatakan kepada mereka: Inilah hari yang kamu cabar dan minta disegerakan kedatangannya(27). (Wahai Muhammad!) Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku jika Allah membinasakanku dan mereka yang ada bersamaku atau jika Allah terus memberi rahmat kepada kami, siapakah yang dapat melindungkan orang-orang kafir dari 'azab yang amat pedih?(28) (Wahai Muhammad!) Katakanlah kepada

mereka: Allah Yang Maha Penyayang itulah sahaja yang kami beriman dan kami bertawakkal kepada-Nya, dan kamu akan mengetahui siapakah yang sebenarnya berada di dalam kesesatan yang nyata(29). (Wahai Muhammad!) Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku jika matair kamu itu telah menghilang kering di dalam bumi siapakah pula yang sanggup membawa kepada kamu matair yang mengalir mewah?."(30).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Seluruh juzu' ini adalah dari Surah-surah Makkiyah sebagaimana seluruh juzu' yang mendahuluinya adalah dari Surah-surah Madaniyah. Kedua-duanya masing-masing mempunyai ciri dan citarasa yang tersendiri. Setengah-setengah ayat di permulaan surah-surah di dalam juzu' ini adalah dari ayat-ayat Al-Qur'an yang awal diturunkan seperti permulaan Surah "al-Muddaththir" dan Surah "al-Muzzammil". Begitu juga beberapa surah dari juzu' ini mungkin telah diturunkan kira-kira tiga tahun selepas dibangkitkan Rasulullah s.a.w. seperti Surah al-Qalam dan kira-kira sepuluh tahun seperti Surah al-Jin yang menurut riwayat telah diturunkan semasa kepulangan Rasulullah s.a.w. dari Ta'if di mana beliau telah menerima layanan yang buruk dari suku Thaqif. Kemudian Allah mendorong sekumpulan jin mendapatkan beliau dan mendengar beliau membaca Al-Qur'an. Ini telah diceritakan oleh Surah al-Jin, di dalam juzu' ini. Pemergian beliau ke Ta'if itu berlaku selepas wafatnya Siti Khadijah dan Abu Talib iaitu kira-kira setahun atau dua tahun sebelum Hijrah, walaupun di sana ada riwayat yang lain yang lebih rajih mengatakan surah ini diturunkan di masa-masa permulaan beliau dibangkitkan menjadi Rasul.

Isu-isu Yang Dibicarakan Dalam Ayat-ayat Makkiyah Dan Ayat-ayat Madaniyah

Ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah biasanya memperkatakan persoalan menegakkan 'aqidah terhadap Allah, wahyu dan Hari Akhirat, dan menegakkan kefahaman yang terbit dari 'aqidah ini terhadap alam al-wujud dan hubungannya dengan Penciptanya. Juga memperkenalkan Allah dengan pengenalan yang jelas yang membuat kesedaran terhadap Allah itu hidup di dalam hati, mempengaruhi, mengarah dan menimbulkan perasaan-perasaan yang sesuai bagi seseorang hamba yang bertawajjuh kepada Allah. Juga memperkenalkan adab sopan hamba dengan Allah dan memperkenalkan nilai-nilai dan ukuran-ukuran yang harus digunakan oleh orang Islam dalam menilaikan segala sesuatu, peristiwa-peristiwa dan manusia. Kita telah pun melihat contoh-contoh persoalan itu di dalam Surah-surah Makkiyah yang telah lalu. Dan kita akan melihat pula contoh-contoh itu di dalam surah ini.

Ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Madinah pula biasanya memperkatakan, persoalan-persoalan melaksanakan 'aqidah, kefahaman, nilai-nilai dan ukuran-ukuran di dalam kehidupan di alam realiti dan memberangsangkan hati manusia supaya sanggup memikul amanat 'aqidah dan syari'at di dalam perjuangan hidup dan melaksanakan kewajipan-kewajipannya di alam hati dan di alam lahir. Kita telah pun melihat contoh persoalan-persoalan ini di dalam Surah Madaniyah yang telah lepas dan di antaranya beberapa surah juzu' yang silam.

* * * * * *

Menegakkan Kefahaman Baru Terhadap Alam Buana Dan Hubungannya Dengan Allah

Surah Tabaraka merupakan surah pertama juzu' ini. Ia memperkatakan persoalan menegakkan satu kefahaman baru terhadap alam al-wujud dan hubungannya dengan Penciptanya, iaitu satu kefahaman yang amat luas yang melewati alam bumi yang sempit dan ruang dunia yang terbatas dan menjangkau alam langit dan alam hidup di Akhirat, juga menjangkau makhluk-makhluk yang lain dari manusia di alam bumi seperti jin, burung-burung dan makhluk-makhluk di alam Akhirat seperti Neraka dan penjaga-penjaganya, juga menjangkau alam-alam ghaib yang lain dari alam lahiriah yang mengikat hati manusia dan perasaan mereka. Dengan ikatan itu hati dan perasaan-perasaan manusia tidaklah semata-mata tertumpu sepenuhnya kepada kehidupan lahiriah di bumi ini sahaja. Begitu juga surah ini merangsangkan hati mereka supaya memerhati dan meneliti kejadian yang tersergam di hadapan dan di dalam kehidupan mereka seharian dan di dalam tubuh mereka sendiri dan sebagainya dari kejadian-kejadian yang dilaluinya dengan hati yang lalai.

Surah ini menggoncangkan segala gambaran, kesan-kesan dan keladak-keladak yang beku, mati dan mundur dari kefahaman dan kepercayaan jahiliyah yang tersemat di dalam jiwa manusia. Kemudian ia membuka jendela di sana sini, mengebaskan debu-debu, melepaskan pancaindera, akal dan hati nurani manusia supaya menjelajah di serata pelusuk alam, pendalaman-pendalaman jiwa, lapisan-lapisan udara, saluran-saluran air di bawah tanah dan urusan-urusan ghaib yang tersembunyi. Di sana manusia akan melihat qudrat Allah Yang Maha Pencipta. Di sana mereka akan merasa harakat alam al-wujud yang terbit dan qudrat Allah dan setelah kembali dari penjelajahan itu, mereka akan merasa bahawa urusan dan bidang penciptaan Allah adalah lebih besar dan lebih luas dari itu lagi, lalu mereka berpindah dari bumi yang luas kepada langit yang tinggi, dari perkara-perkara yang lahir kepada hakikat-hakikat yang tersembunyi, dari kebekuan kepada pergerakan iaitu pergerakan perencanaan Ilahi, pergerakan hidup dan pergerakan makhluk-makhluk yang hidup.

Isu Hidup Dan Mati

Persoalan mati dan hidup merupakan dua perkara yang lumrah dan berulang-ulang. Tetapi surah ini membangkitkan harakat penelitian supaya manusia

memikirkan perkara-perkara di sebalik mati dan hidup itu, iaitu memikirkan perencanaan Ilahi, dan ujian-Nya, dan memikirkan hikmat kebijaksanaan Ilahi dan pentadbiran-Nya:

ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْمَوْتَ وَٱلْحَيَوٰةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۚ
وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفُورُ ﴿٢﴾

"Tuhan yang telah menciptakan mati dan hidup untuk menguji siapakah di antara kamu yang paling baik amalannya? Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(2)

Langit merupakan satu kejadian yang teguh di hadapan mata-mata yang jahil yang mana pemerhatiannya tidaklah lebih dari pemandangan yang lahir dan tidak menjangkau tangan qudrat Allah yang menciptakannya dan tidak pula memperhatikan kesempurnaan ada pada kejadian langit itu, tetapi surah ini merangsangkan harakat penelitian yang sepenuhnya supaya mengamati keindahan dan kesempurnaan kejadian langit dan tujuan-tujuan di sebaliknya:

ٱلَّذِى خَلَقَ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ طِبَاقًا ۖ مَّا تَرَىٰ فِى خَلْقِ ٱلرَّحْمَٰنِ
مِن تَفَٰوُتٍ ۖ فَٱرْجِعِ ٱلْبَصَرَ هَلْ تَرَىٰ مِن فُطُورٍ ﴿٣﴾
ثُمَّ ٱرْجِعِ ٱلْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنقَلِبْ إِلَيْكَ ٱلْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ
حَسِيرٌ ﴿٤﴾

"Tuhan yang telah menciptakan tujuh langit berlapis-lapisan. Engkau tidak melihat dalam sebarang ciptaan Tuhan Yang Maha Penyayang itu sesuatu yang tidak seimbang. Oleh itu, lihatlah (ciptaan-Nya) sekali lagi. Apakah engkau dapat melihat padanya sesuatu yang keretakan?(3). Kemudian ulangilah pandanganmu berkali-kali nescaya pandanganmu itu akan kembali kepadamu dengan hampa dan ia letih lesu."(4)

وَلَقَدْ زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ وَجَعَلْنَٰهَا رُجُومًا
لِّلشَّيَٰطِينِ ۖ

"Sesungguhnya Kami telah hiaskan langit dunia ini dengan pelita-pelita (bintang-bintang) dan Kami jadikannya peluru yang merejam para syaitan.(5)

Alam Neraka

Hidup dunia pada pandangan jahiliyah merupakan matlamat kewujudan di alam ini dan merupakan peng-habisan perjalanannya, tetapi surah ini menyingkapkan tirai sebuah alam yang lain (Neraka) yang disediakan untuk para syaitan dan orang-orang kafir, Ia merupakan satu makhluk lain yang penuh dengan gerakan bersedia dan menunggu:

وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ ٱلسَّعِيرِ ﴿٥﴾
وَلِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٦﴾
إِذَآ أُلْقُوا۟ فِيهَا سَمِعُوا۟ لَهَا شَهِيقًا وَهِىَ تَفُورُ ﴿٧﴾
تَكَادُ تَمَيَّزُ مِنَ ٱلْغَيْظِ ۖ كُلَّمَآ أُلْقِىَ فِيهَا فَوْجٌ سَأَلَهُمْ خَزَنَتُهَآ
أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ ﴿٨﴾
قَالُوا۟ بَلَىٰ قَدْ جَآءَنَا نَذِيرٌ فَكَذَّبْنَا وَقُلْنَا مَا نَزَّلَ ٱللَّهُ مِن شَىْءٍ
إِنْ أَنتُمْ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ كَبِيرٍ ﴿٩﴾
وَقَالُوا۟ لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِىٓ أَصْحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١٠﴾
فَٱعْتَرَفُوا۟ بِذَنۢبِهِمْ فَسُحْقًا لِّأَصْحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١١﴾

"Dan Kami sediakan untuk mereka 'azab Neraka yang bernyala-nyala(5). Dan untuk orang-orang yang telah mengingkarkan Tuhan mereka ialah 'azab Neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali(6). Apabila mereka dicampakkan ke dalamnya, mereka akan mendengar suara nafasnya yang dahsyat dan ia terus mendaung menjulang-julang(7). Neraka itu hampir-hampir meledak pecah kerana terlalu marah. Setiap kali dicampakkan ke dalamnya kumpulan manusia (yang berdosa) mereka ditanya oleh malaikat-malaikat penjaganya: Tidakkah datang kepada kamu Rasul yang memberi peringatan?(8). Jawab mereka: Memang benar kami telah didatangi Rasul yang memberi peringatan, lalu kami dustakannya malah kami katakan kepadanya, Allah tidak menurunkan sesuatu apa pun. Sebenarnya kamu berada di dalam kesesatan yang amat besar(9). Dan mereka berkata lagi: Sekiranya kami dahulu mendengar peringatan (Rasul) atau kami berfikir sudah tentu kami tidak berada di dalam golongan penghuni-penghuni Neraka yang bernyala-nyala(10). Lalu mereka mengakui dosa-dosa mereka. Maka alangkah jauhnya rahmat Allah kepada penghuni-penghuni Neraka yang bernyala-nyala."(11)

Meninjau Alam Ghaib

Jiwa manusia yang hidup dalam jahiliyah adalah terkongkong dalam kehidupan yang lahir ini sahaja. Mereka tidak pernah memikirkan alam ghaib dan isi kandungannya. Mereka terbenam dalam kehidupan dunia dan terkurung di dalam sangkar bumi yang tetap teguh. Tetapi surah ini menarik hati dan pandangan mereka kepada alam ghaib, kepada langit dan kepada qudrat Ilahi yang tidak dapat dilihat mata, tetapi qudrat Ilahi ini berkuasa berbuat apa sahaja yang disukai-Nya, bagaimana yang disukai-Nya dan ketika mana sahaja yang disukai-Nya. Qudrat Ilahi itu berkuasa menggoncangkan bumi yang teguh ini, yang amat dipercayai mereka dan menjadi tumpuan seluruh perhatian mereka.

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِٱلْغَيْبِ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ
كَبِيرٌ ﴿١٢﴾

وَأَسِرُّوا۟ قَوْلَكُمْ أَوِ ٱجْهَرُوا۟ بِهِۦٓ ۖ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ
ٱلصُّدُورِ ﴿١٣﴾

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٤﴾

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ ذَلُولًا فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟
مِن رِّزْقِهِۦ ۖ وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ ﴿١٥﴾

ءَأَمِنتُم مَّن فِى ٱلسَّمَآءِ أَن يَخْسِفَ بِكُمُ ٱلْأَرْضَ فَإِذَا هِىَ
تَمُورُ ﴿١٦﴾

أَمْ أَمِنتُم مَّن فِى ٱلسَّمَآءِ أَن يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا ۖ
فَسَتَعْلَمُونَ كَيْفَ نَذِيرِ ﴿١٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka dalam keadaan ghaib (tanpa melihat-Nya) mereka akan mendapat keampunan dan pahala yang amat besar(12). Dan rahsiakanlah percakapan kamu atau ucapkannya dengan lantang dan terus-terang. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada manusia(13). Masakan Tuhan yang telah menciptakan (manusia) tidak mengetahui (rahsia hati mereka) sedangkan Dia Maha Halus (dalam segala pentadbiran-Nya) dan Maha Pakar(14). Dialah yang telah menciptakan bumi amat selesa untuk kamu. Oleh itu, jelajahilah seluruh pelusuknya dan makanlah rezeki yang dikurniakan-Nya dan kepada-Nya kamu akan dibangkitkan dan dipulangkan(15). Apakah kamu merasa aman dari balasan Allah yang memerintah di langit yang berkuasa menjadikan kamu ditelan bumi. Dan ketika itu bumi pun tiba-tiba bergoyang dengan gegaran yang dahsyat(16). Apakah kamu merasa aman dari balasan Allah yang memerintah di langit, yang berkuasa melepaskan ribut, yang menghujani batu-batu ke atas kamu. Ketika itu kamu akan mengetahui bagaimana dahsyatnya akibat amaran-Ku."(17)

Mu'jizat Dalam Kejadian Unggas

Burung adalah satu makhluk yang banyak dilihat mereka, tetapi sedikit sekali mereka memikirkan mu'jizat binatang itu, tetapi surah ini memegang mata mereka supaya memandang makhluk itu dengan teliti dan memegang hati mereka supaya mengambil perhatian. Surah ini memperlihatkan qudrat Allah yang menciptakan makhluk-Nya dengan berbagai-bagai rupa dan menentukan kadar masing-masing dengan rapi:

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ إِلَى ٱلطَّيْرِ فَوْقَهُمْ صَٰٓفَّٰتٍ وَيَقْبِضْنَ ۚ مَا
يُمْسِكُهُنَّ إِلَّا ٱلرَّحْمَٰنُ ۚ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍۭ بَصِيرٌ ﴿١٩﴾

"Apakah mereka tidak melihat burung-burung yang terbang di atas mereka dengan mengembang dan mengecutkan kepaknya? Tiada yang menahankan burung-burung itu dari jatuh melainkan Allah Yang Maha Penyayang. Sesungguhnya Ia Maha Melihat segala sesuatu."(19).

Di Mana Tentera Kamu?

Mereka tinggal aman di rumah-rumah mereka dan tenteram di tempat mereka, tetapi mereka lalai dari meneliti qudrat Allah dan perencanaan-Nya. Oleh itu, surah ini menggoncangkan mereka supaya bangkit dari tidur mereka setelah ia menggoncangkan bumi di bawah tapak kaki mereka dan meributkan udara di sekeliling mereka. Ia menggoncangkan mereka supaya menyedari kekuasaan dan keperkasaan Allah yang tidak diperhitungkan mereka dengan sewajarnya:

أَمَّنْ هَٰذَا ٱلَّذِى هُوَ جُندٌ لَّكُمْ يَنصُرُكُم مِّن دُونِ ٱلرَّحْمَٰنِ ۚ
إِنِ ٱلْكَٰفِرُونَ إِلَّا فِى غُرُورٍ ﴿٢٠﴾

"Siapakah gerangannya orang yang dapat menjadi tentera kamu yang boleh menolong kamu selain dari Allah Yang Maha Penyayang? Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu sentiasa berada di dalam kekeliruan."(20).

Di Mana Sumber Rezeki Kamu?

Rezeki yang dapat dicapai oleh mereka pada perasaan mereka adalah hasil dari punca-punca yang dekat iaitu melalui pertandingan dan perlawanan sesama mereka, tetapi surah ini menarik pandangan mereka lebih jauh lagi, iaitu ke langit dan di sebalik punca-punca yang diketahui mereka.

أَمَّنْ هَٰذَا ٱلَّذِى يَرْزُقُكُمْ إِنْ أَمْسَكَ رِزْقَهُۥ ۚ بَل لَّجُّوا۟ فِى
عُتُوٍّ وَنُفُورٍ ﴿٢١﴾

"Siapakah gerangannya orang yang dapat memberi rezeki kepada kamu jika Allah menahankan rezeki-Nya? Tetapi mereka terus bongkak dan menjauhkan diri (dari hidayat)."(21)

Cari Hidayat

Mereka lalai di dalam kesesatan mereka. Mereka mengira mereka mendapat hidayat, sedangkan mereka sesat. Oleh itu surah ini melukiskan hakikat mereka yang sebenar, dan hakikat orang-orang yang mendapat hidayat yang sebenar dengan gambaran yang hidup dan penuh saranan.

أَفَمَن يَمْشِى مُكِبًّا عَلَىٰ وَجْهِهِۦٓ أَهْدَىٰٓ أَمَّن يَمْشِى
سَوِيًّا عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٢٢﴾

"Apakah orang yang berjalan dengan menyungkurkan mukanya kebumi lebih mendapat hidayat atau orang yang berjalan tegak di atas kakinya dan mengikuti jalan yang lurus?"(22)

Gunakanlah Daya Pancaindera Dan Daya Akal Untuk Memahami Matlamat Hidup

Mereka tidak menggunakan pancaindera dan daya-daya akal fikiran yang telah dikurniakan Allah kepada mereka. Apa yang ditanggapkan oleh pancaindera mereka tidak menjangkau kepada memikirkan hikmat di sebalik kejadian-kejadian di alam kenyataan yang dekat. Oleh itu, surah ini mengingatkan mereka terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan Allah itu dan menyuruh mereka supaya menggunakan ni'mat pemberian itu untuk memikirkan masa depan yang tersembunyi di sebalik kehidupan yang lahir ini dan supaya memikirkan matlamat hidup yang akhir dari permulaan hidup ini:

قُلْ هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَكُمْ وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۖ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٢٣﴾ قُلْ هُوَ ٱلَّذِى ذَرَأَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ وَإِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Katakanlah: (Wahai Muhammad!) Allah itulah Tuhan yang telah menciptakan kamu dan mengadakan untuk kamu anggota pendengaran, penglihatan dan hati nurani, tetapi (sayang) sedikit benar kamu bersyukur (23). Katakan lagi kepada mereka: Allah itulah Tuhan yang telah menciptakan kamu mengembang biak di bumi dan kepada-Nya kamu sekalian dikumpulkan kembali."(24)

Janji Qiamat Tetap Berlaku

Mereka mendustakan hari kebangkitan semula dan perhimpunan di Mahsyar dan mereka mencabar dengan menanyakan hari yang dijanjikan itu. Oleh itu, surah ini menggambarkan kepada mereka bahawa hari itu akan berlaku secara tiba-tiba dalam waktu yang dekat dan peristiwa itu amat menghampakan mereka:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٥﴾ قُلْ إِنَّمَا ٱلْعِلْمُ عِندَ ٱللَّهِ وَإِنَّمَآ أَنَا۠ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢٦﴾ فَلَمَّا رَأَوْهُ زُلْفَةً سِيٓـَٔتْ وُجُوهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَقِيلَ هَٰذَا ٱلَّذِى كُنتُم بِهِۦ تَدَّعُونَ ﴿٢٧﴾

"Dan mereka berkata: Bilakah datangnya hari Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu benar?(25) Katakanlah kepada mereka: Pengetahuan tentang Qiamat itu hanya tersimpan di sisi Allah sahaja. Dan aku hanya seorang rasul yang memberi peringatan dan penjelasan(26). Kemudian apabila mereka melihat hari Qiamat itu dari dekat, maka muramlah muka orang-orang yang kafir, lalu dikatakan kepada mereka: Inilah hari yang kamu cabar dan minta disegerakan kedatangannya."(27)

Orang-orang Kafir Tidak Akan Terhindar Dari 'Azab

Mereka menunggu Nabi s.a.w. dan pengikut-pengikutnya mati dan dengan itu mereka dapat beristirehat dari suara da'wah yang memberi peringatan, amaran dan penyedaran dari kebekuan hingga menyebabkan mereka tidak dapat tidur, kerana itu surah ini mengingatkan mereka bahawa hidup mati kumpulan orang-orang Mu'min tidak menjejaskan 'azab Allah yang menunggu mereka sebagai balasan terhadap kekufuran dan pendustaan mereka. Mereka lebih baik memikirkan untung nasib mereka sendiri sebelum tibanya hari Qiamat itu:

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَهْلَكَنِىَ ٱللَّهُ وَمَن مَّعِىَ أَوْ رَحِمَنَا فَمَن يُجِيرُ ٱلْكَٰفِرِينَ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٨﴾ قُلْ هُوَ ٱلرَّحْمَٰنُ ءَامَنَّا بِهِۦ وَعَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا ۖ فَسَتَعْلَمُونَ مَنْ هُوَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢٩﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku jika Allah membinasakanku dan mereka yang ada bersamaku atau jika Allah terus memberi rahmat kepada kami? Siapakah yang dapat melindungkan orang-orang kafir dari 'azab yang amat pedih?(28). (Wahai Muhammad!) Katakanlah kepada mereka: Allah Yang Maha Penyayang itulah sahaja yang kami beriman dan kami bertawakkal kepada-Nya, dan kamu akan mengetahui siapakah yang sebenarnya berada di dalam kesesatan yang nyata."(29)

Kuasa Yang Memegang Sumber Air

Pada akhirnya surah ini memberi amaran kepada mereka tentang kemungkinan terhapusnya air yang menjadi punca hidup mereka, iaitu air yang dialirkan Allah yang tidak dipercayai mereka.

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَآؤُكُمْ غَوْرًا فَمَن يَأْتِيكُم بِمَآءٍ مَّعِينٍ ﴿٣٠﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku jika matair kamu itu telah menghilang kering di dalam bumi siapakah pula yang akan sanggup membawa kepada kamu matair yang mengalir mewah?"(30)

Sesungguhnya surah ini membangkitkan harakat, iaitu harakat pada pancaindera, harakat pada hati, pada pemikiran dan pada perasaan.

* * * * * *

Anak Kunci Surah

Yang menjadi anak kunci seluruh surah ini dan yang menjadi paksinya yang menarik seluruh harakat yang ada padanya ialah ayat permulaannya yang padat dan penuh dengan saranan:

تَبَٰرَكَ ٱلَّذِى بِيَدِهِ ٱلْمُلْكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

"Maha Limpah Keberkatan Tuhan yang memegang tampuk Kerajaan (seluruh alam) dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(1)

Dari hakikat tampuk Kerajaan alam dan hakikat qudrat Allah itulah terbitnya segala gambaran yang ditayangkan oleh surah ini dan terbitnya segala

harakat yang ghaib dan yang zahir yang diperingatkan surah ini kepada hati manusia.

Dari hakikat tampuk Kerajaan alam dan hakikat qudrat Allah itulah terbitnya penciptaan mati dan hidup, terbitnya ujian manusia dengan hidup mati, terbitnya penciptaan langit-langit, terbitnya penciptaan bintang-bintang yang menjadi hiasan dan pelita langit dan menjadi peluru yang merejam para syaitan, terbitnya penciptaan dan penyediaan Neraka Jahannam dengan segala sifat dan rupanya dan dengan segala pengawal dan penjaganya, terbitnya sifat Ilmu Allah yang mengetahui segala yang sulit dan segala yang nyata, terbitnya penciptaan bumi yang serba mudah kepada manusia, terbitnya tindakan ditelan bumi, dihujani ribut batu dan keseksaan terhadap pendusta-pendusta di zaman lampau, terbitnya kemantapan penerbangan burung-burung di langit, terbitnya sifat kekuasaan dan keagungan-Nya, terbitnya pemberian rezeki mengikut iradat-Nya, terbitnya penciptaan manusia dan pengurniaan ni'mat pendengaran, penglihatan dan hati nurani, terbitnya hidup manusia di bumi dan perhimpunan mereka di Mahsyar, terbitnya ikhtisas ilmu Allah sahaja yang mengetahui hal ehwal Akhirat, terbitnya 'azab kepada orang-orang kafir dan terbitnya ni'mat air yang menjadi punca hidup dan terbitnya kehilangan air apabila dikehendaki Allah.

Seluruh hakikat dan pembicaraan-pembicaraan surah ini, juga seluruh gambaran dan, saranan-saranannya adalah diambil dari saranan ayat permulaan surah ini yang mengandungi pengertian yang amat lengkap dan besar. **"Limpah Keberkatan Tuhan yang memegang tampuk Kerajaan (seluruh alam) dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."**

Hakikat-hakikat dan saranan-saranan surah ini dikemukakan berturut-turut dalam rangkaian ayat-ayat itu. Ia memecut tidak berhenti-henti menjelaskan maksud permulaan ayat yang ringkas tetapi padat dan menyeluruh itu. Inilah yang menyebabkan sulit untuk membahagikan hakikat-hakikat itu kepada bahagian-bahagian, dan eloklah hakikat-hakikat itu diteliti dalam rangkaian ayat-ayat itu dengan terperinci:

(Pentafsiran ayat 1)

تَبَٰرَكَ ٱلَّذِى بِيَدِهِ ٱلْمُلْكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

"Maha Limpah Kerberkatan Tuhan yang memegang tampuk Kerajaan (seluruh alam) dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(1)

Saranan Dari Ucapan Tasbih "تبرك"

Ucapan tasbih di permulaan surah ini menyarankan keberkatan Ilahi yang melimpah-ruah dan mengagung-agungkan sebutan Kerajaan seluruh alam, menyarankan kelimpahan keberkatan Ilahi di atas Kerajaan itu di samping mengagung-agungkan keberkatan itu di alam buana setelah mengagung-agungkannya pada Zat Ilahi. Ucapan tasbih itu merupakan sebuah lagu yang bergema di merata pelusuk alam dan memenuhi setiap hati yang maujud. Ia bertolak dari firman Allah dalam Al-Qur'anul-Karim dari Kitab Luh Mahfuz yang tersembunyi menuju ke alam nyata yang diketahui umum:

تَبَٰرَكَ ٱلَّذِى بِيَدِهِ ٱلْمُلْكُ

"Maha Limpah Keberkatan Tuhan yang memegang tampuk Kerajaan (seluruh alam)."(1)

Allah itulah yang memilikinya, menguasainya, memegang terajunya dan mengendalikannya. Ini adalah suatu hakikat. Dan apabila hakikat ini tersemat di dalam hati nurani seseorang ia akan menentukan haluannya dan destinasinya, ia akan membebaskannya dari bertawajjuh, bergantung atau mencari sesuatu yang lain dari Allah yang memilik dan menguasai Kerajaan alam ini tanpa sebarang sekutu, di samping ia membebaskannya dari perhambaan dan menyembah yang lain dari Allah Pemilik seluruh alam Yang Maha Esa.

وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

"Dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu"(1)

Hakikat Qudrat Allah Yang Tidak Terbatas

Maksudnya, tiada sesuatu yang dapat melemahkan-Nya atau luput dari-Nya. Tiada suatu yang dapat menghalangi iradat-Nya dan membataskan kehendak-Nya. Dia mencipta apa sahaja yang disukai-Nya. Dia bertindak mengikut apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Dia Maha Berkuasa di atas segala apa yang dikehendaki-Nya dan Dia menguasai segala urusan-Nya. Iradat-Nya tidak bergantung kepada mana-mana batas dan ikatan. Apabila hakikat ini tersemat di dalam hati nurani seseorang, ia akan membebaskan kefahamannya tentang kehendak Allah dan tindakan-Nya dari segala ikatan-ikatan yang mengongkong pancainderanya, akalnya dan daya khayalannya yang biasa. Qudrat Allah itu meliputi segala apa yang terlintas di dalam hati manusia. Ikatan-ikatan yang mengongkong kefahaman manusia dengan sebab kejadian mereka yang terbatas itulah yang menjadikan mereka terkongkong kepada kebiasaan-kebiasaan mereka apabila mereka menilaikan sesuatu perubahan dan pertukaran yang diduga mereka mengenai hal-hal di sebalik masa sekarang dan hal-hal di sebalik realiti yang terbatas. Hakikat qudrat Ilahi ini membebaskan mereka dari segala belenggu itu. Dan kerana itu mereka sentiasa menduga bahawa Allah berkuasa melakukan segala sesuatu tanpa batas dan mereka menyerahkan segala sesuatu kepada kekuasaan Allah tanpa sebarang ikatan, dan mereka bebas dari ikatan masa sekarang dan dari ikatan realiti yang terbatas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 2)

ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْمَوْتَ وَٱلْحَيَوٰةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۚ
وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفُورُ ﴿٢﴾

"Tuhan yang telah menciptakan mati dan hidup untuk menguji siapakah di antara kamu yang paling baik amalannya? Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(2)

Hidup Dan Mati Merupakan Makmal Ujian Allah

Di antara tanda-tanda kekuasaan dan iradat Allah yang mutlak menguruskan kerajaan-Nya dan segala sesuatu ialah Dia menciptakan mati dan hidup. Kata-kata "**الموت**" (maut) itu meliputi kematian sebelum hidup dan kematian selepas hidup. Begitu juga kata-kata "**الحيوة**" (hidup) itu meliputi hidup di alam dunia dan hidup di alam Akhirat, semuanya dari ciptaan Allah belaka sebagaimana telah diterangkan oleh ayat ini. Dan ayat indah yang mewujudkan hakikat itu dalam pemikiran manusia di samping menimbulkan kesedaran bahawa di sebalik hidup dan mati itu terdapat tujuan dan ujian. Hidup dan mati bukannya masalah kebetulan tanpa tadbir, ia bukannya sesuatu yang sembarangan tanpa tujuan, malah ia merupakan ujian untuk memperlihatkan rahsia-rahsia yang tersembunyi di dalam ilmu Allah, iaitu rahsia-rahsia, kelakuan dan tindak-tanduk manusia di bumi dan kewajaran mereka menerima balasan dan ganjaran.

لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۚ

"Untuk menguji siapakah di antara kamu yang paling baik amalannya?"(2).

Kemantapan hakikat ini di dalam hati nurani seseorang akan menjadikannya sentiasa berjaga-jaga dan hati-hati dan sedar terhadap segala perkara kecil dan besar dalam niat-niat hatinya yang tersembunyi dan di dalam tindakan-tindakannya yang lahir. Ia tidak akan membiarkannya lalai dan cuai. Begitu juga ia tidak akan membiarkannya tenang dan berehat, kerana itu Allah iringi dengan kenyataan:

وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفُورُ ﴿٢﴾

"Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun"(2).

untuk mencurahkan ketenteraman di dalam hati orang yang menjunjung ajaran-ajaran Allah dan takut kepada-Nya. Allah itu Maha Perkasa dan Maha Gagah, tetapi Ia Maha Pengampun dan Maha Pemaaf. Apabila hati seseorang itu sedar bahawa hidupnya di dunia ini untuk diuji, kemudian ia berhati-hati dan menjaga dirinya dari maksiat, maka wajarlah baginya merasa tenteram dan yakin kepada keampunan dan rahmat Allah dan wajarlah baginya untuk bersenang hati dan berehat.

Allah di dalam hakikat yang digambarkan oleh Islam untuk ditanamkan di dalam hati itu bukanlah bersifat memburu manusia dan menyusahkan mereka. Allah tidak mahu menyeksakan mereka, malah Allah mahu mereka menyedari tujuan kewujudan mereka di dunia ini. Allah mahukan mereka meningkatkan diri mereka ke taraf hakikat mereka yang sebenar dan Allah mahu mereka melaksanakan penghormatan-Nya yang tinggi kepada mereka yang telah menerima tiupan roh dari ciptaan-Nya dan yang telah melebihkan mereka di atas makhluk-makhluk-Nya yang lain. Apabila ini terlaksana, maka di sanalah terletak rahmat-Nya yang melimpah-ruah, pertolongan-Nya yang besar, keampunan-Nya yang luas dan kemaafan-Nya yang banyak.

Kemudian Al-Qur'an menghubungkan hakikat ini dengan seluruh alam dalam bidang yang seluas-luas dan setinggi-tingginya, di samping ia hubungkannya dari sudut yang lain pula dengan hakikat balasan, di alam Akhirat selepas manusia diuji dengan mati dan hidup. Ini dijelaskan dalam ayat-ayat (3 - 11):

ٱلَّذِى خَلَقَ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ طِبَاقًا ۖ مَّا تَرَىٰ فِى خَلْقِ ٱلرَّحْمَٰنِ
مِن تَفَٰوُتٍ ۖ فَٱرْجِعِ ٱلْبَصَرَ هَلْ تَرَىٰ مِن فُطُورٍ ﴿٣﴾
ثُمَّ ٱرْجِعِ ٱلْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنقَلِبْ إِلَيْكَ ٱلْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ
حَسِيرٌ ﴿٤﴾
وَلَقَدْ زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ وَجَعَلْنَٰهَا رُجُومًا
لِّلشَّيَٰطِينِ ۖ وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ ٱلسَّعِيرِ ﴿٥﴾
وَلِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٦﴾
إِذَآ أُلْقُوا۟ فِيهَا سَمِعُوا۟ لَهَا شَهِيقًا وَهِىَ تَفُورُ ﴿٧﴾
تَكَادُ تَمَيَّزُ مِنَ ٱلْغَيْظِ ۖ كُلَّمَآ أُلْقِىَ فِيهَا فَوْجٌ سَأَلَهُمْ خَزَنَتُهَآ
أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ ﴿٨﴾
قَالُوا۟ بَلَىٰ قَدْ جَآءَنَا نَذِيرٌ فَكَذَّبْنَا وَقُلْنَا مَا نَزَّلَ ٱللَّهُ مِن شَىْءٍ
إِنْ أَنتُمْ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ كَبِيرٍ ﴿٩﴾
وَقَالُوا۟ لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِىٓ أَصْحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١٠﴾
فَٱعْتَرَفُوا۟ بِذَنۢبِهِمْ فَسُحْقًا لِّأَصْحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١١﴾

Segala pembicaraan yang disebut di dalam ayat-ayat ini merupakan kesan-kesan dari tujuan ayat yang pertama dan merupakan gejala-gejala penguasaan Allah dalam pentadbiran Kerajaan alam, juga gejala-gejaia dari qudrat Allah yang tidak terikat dengan sebarang ikatan. Di samping itu ayat-ayat ini juga

membenarkan ayat yang kedua yang menerangkan penciptaan mati dan hidup untuk menguji manusia dan kemudian memberi balasan kepada mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 3 - 4)

Kejadian Langit Dan Teori-teori Astronomi

ٱلَّذِى خَلَقَ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ طِبَاقًا مَّا تَرَىٰ فِى خَلْقِ ٱلرَّحْمَٰنِ مِن تَفَٰوُتٍ فَٱرْجِعِ ٱلْبَصَرَ هَلْ تَرَىٰ مِن فُطُورٍ ﴿٣﴾ ثُمَّ ٱرْجِعِ ٱلْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنقَلِبْ إِلَيْكَ ٱلْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ ﴿٤﴾

"Tuhan yang telah menciptakan tujuh langit berlapis-lapisan. Engkau tidak melihat dalam sebarang ciptaan Tuhan Yang Maha Penyayang itu sesuatu yang tidak seimbang. Oleh itu, lihatlah (ciptaan-Nya) sekali lagi. Apakah engkau dapat melihat padanya sesuatu keretakan? (3). Kemudian ulangilah pandanganmu berkali-kali nescaya pandanganmu itu akan kembali kepadamu dengan hampa dan ia letih lesu."(4)

Tujuh langit yang disebut oleh ayat ini tidak boleh dipastikan maksudnya dengan berdasarkan teori-teori ilmu bintang (astronomi), kerana teori-teori ini masih terbuka kepada pindaan dan pembetulan apabila alat-alat peneropongan dan penyiasatan bintang semakin bertambah maju. Tegasnya maksud ayat ini tidak harus didasarkan atas penemuan-penemuan sains yang masih terdedah kepada pindaan dan pembetulan seperti itu. Bagi kita cukuplah mengetahui bahawa di sana ada tujuh langit dan tujuh langit itu pula berlapis-lapis dengan erti bertingkat-tingkat mengikut jarak-jarak jauhnya yang berbeza-beza.

Al-Qur'an menarik pandangan manusia kepada penciptaan Allah, khususnya penciptaan langit-langit dan umumnya penciptaan seluruh makhluk-Nya yang lain. Al-Qur'an menarik pandangan kepada penciptaan Allah sambil mencabar mereka memeriksa kesempurnaan penciptaan itu, dia mencabar bahawa mata manusia akan kagum dan lemah untuk menemui sesuatu yang tidak seimbang dalam penciptaan Allah.

مَّا تَرَىٰ فِى خَلْقِ ٱلرَّحْمَٰنِ مِن تَفَٰوُتٍ

"Engkau tidak melihat dalam sebarang ciptaan Tuhan Yang Maha Penyayang itu sesuatu yang tidak seimbang."(3)

Di sana tidak ada cacat cela, tidak ada kekurangan dan tidak ada kacau-bilau.

فَٱرْجِعِ ٱلْبَصَرَ

"Oleh itu, lihatlah (ciptaan-Nya) sekali lagi"(3)

yakni pandanglah sekali lagi untuk mendapat kepastian:

هَلْ تَرَىٰ مِن فُطُورٍ ﴿٣﴾

"Apakah engkau dapat melihat padanya sesuatu keretakan?"(3)

Yakni apakah engkau dapat melihat padanya sesuatu yang terbelah, retak atau rosak?

ثُمَّ ٱرْجِعِ ٱلْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ

"Kemudian ulangilah pandanganmu berkali-kali."(4)

Mungkin ada sesuatu yang terluput dan tidak jelas di dalam pandanganmu yang lepas, oleh itu, ulangilah pandanganmu sekali demi sekali.

يَنقَلِبْ إِلَيْكَ ٱلْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ ﴿٤﴾

"Nescaya pandanganmu itu akan kembali kepadamu dengan hampa dan ia letih lesu."(4)

Mengamati Ciptaan Allah Dengan Mata Yang Tajam Dan Akal Yang Terbuka

Cara Al-Qur'an mengemukakan cabaran itu boleh merangsangkan perhatian dan kesungguhan mereka untuk mengamati penciptaan langit-langit dan seluruh kejadian Allah yang lain. Pandangan yang tajam dan teliti inilah yang mahu dirangsangkan dan dibangkitkan oleh Al-Qur'an. Pandangan bodoh yang biasa adalah menghilangkan keindahan melihat alam yang cantik permai, halus, seni dan menakjubkan. Mata tidak pernah puas memandang keindahannya, hati tidak pernah puas menerima ilham-ilham dan sama-sama darinya. Akal tidak pernah puas meneliti peraturan-peraturan dan kehalusannya. Orang yang memandang dengan mata yang tajam ini sentiasa hidup dalam temasya Ilahi yang gilang-gemilang. Keindahannya tak pernah buruk dan lusuh kerana ia sentiasa membaru pada penglihatan mata, hati dan akal.

Orang yang mengetahui sesuatu mengenai tabi'at dan peraturan alam seperti yang didedahkan sebahagiannya oleh penemuan-penemuan ilmiyah yang moden merasa kaget dan takjub. Tetapi menghayati keindahan alam tidak memerlukan kepada pengetahuan sains, kerana di antara ni'mat yang dianugerahi Allah kepada manusia ialah ni'mat berharmoni dan bermesra dengan alam dengan hanya melalui tilik pandang sahaja, apabila hati terbuka ia akan menerima ilham-ilham secara langsung dari alam buana yang besar dan indah itu. Kemudian hati akan bermesra dan berharmoni pula dengan ilham-ilham itu sebagaimana orang yang hidup bermesra dengan orang yang hidup sebelum ia mengetahui sesuatu mengenai kejadian alam yang agung dan menakjubkan ini melalui fikiran dan hasil peneropongannya.

Al-Qur'an Berbicara Dengan Semua Peringkat Manusia

Kerana itu Al-Qur'an menugaskan manusia supaya meneliti alam buana ini dan supaya meni'mati pemandangan-pemandangan dan keajaiban-keajaibannya. Al-Qur'an berbicara dengan semua peringkat manusia di setiap zaman. Ia berbicara

dengan penduduk hutan rimba dan penduduk padang gurun. Ia berbicara dengan penduduk-penduduk kota dan peneroka-peneroka lautan. Ia berbicara dengan orang yang buta huruf. Begitu juga Al-Qur'an berbicara dengan ahli astronomi, ahli ilmu fizik dan ahli ilmu teori. Setiap orang dari mereka masing-masing memperolehi dari Al-Qur'an maklumat-maklumat yang menghubungkannya dengan alam buana ini dan maklumat-maklumat yang merangsangkan dalam hatinya keinginan meneliti, menyahuti dan meni'mati keindahannya.

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 12)

Keindahan dalam mengaturkan rekabentuk alam buana ini memang merupakan suatu yang dirancangkan Allah sama seperti Ia merancangkan kesempurnaannya juga, malah keindahan dan kesempurnaan merupakan dua sudut pandangan bagi hakikat yang satu, kerana kesempurnaan mencapai darjah keindahan. Oleh itu, Al-Qur'an menarik pandangan manusia kepada keindahan langit-langit setelah ia menarik pandangan mereka kepada kesempurnaannya.

وَلَقَدْ زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ

"Sesungguhnya Kami telah hiaskan langit dunia ini dengan pelita-pelita."(5)

Langit Dunia Dan Keindahannya

Apakah yang dimaksudkan dengan langit dunia? Mungkin maksudnya ialah langit yang paling dekat dengan bumi dan penduduknya yang ditujukan Al-Qur'an. Dan mungkin yang dimaksudkan dengan pelita-pelita di sini ialah bintang-bintang dan planet-planet yang dapat dilihat mata apabila kita memandang ke langit. Ini adalah sesuai dengan perintah memandang ke langit.

Di sini manusia tidak memiliki apa-apa selain dari mata mereka dan pemandangan bintang-bintang cerah yang menghiasi langit yang dilihat mereka.

Pemandangan bintang-bintang di langit memang indah dan menawan hati. Ia merupakan satu keindahan yang sentiasa membaharu dan berwarna warni mengikut perubahan-perubahan waktunya. Ia berbeza-beza mulai dari pagi hingga ke petang, mulai terbit matahari hingga ia terbenam di ufuk barat, ia berlain-lainan dari malam yang terang benderang hingga ke malam yang gelap-gelita, dari pemandangan yang jernih hingga kepada pemandangan yang kabus dan berawan, malah ia belain-lainan dari sejam ke sejam, dari sebuah stesyen kajicuaca ke sebuah stesyen kajicuaca yang lain, dari satu sudut ke sudut yang lain. Seluruhnya menayangkan keindahan dan seluruhnya memikat hati.

Lihatlah bintang tunggal yang mengintai dari sana, seolah-olah sebiji mata yang cantik yang berkilau dengan kasih mesra dan panggilan cinta.

Lihatlah pula dua bintang yang bersendirian di sana seolah-olah sedang berpujuk rayu jauh dari kesesakan.

Lihatlah pula kumpulan bintang-bintang yang bercantum di sana sini seolah-olah sedang berbual dalam satu lingkungan di temasya langit. Kumpulan-kumpulan itu berkumpul dan berpecah seolah-olah kawan-kawan di malam hari dalam satu temasya.

Lihatlah pula sang bulan kelihatan sedang berada dalam impian dan berjaga di suatu malam. Ia kelihatan gemilang dan angkuh di suatu malam, kemudian kelihatan muram dan kecewa di malam yang lain. Ia kelihatan laksana bayi yang baru lahir dan berkembang hidup di suatu malam, kemudian ia kelihatan seperti orang tua yang perlahan-lahan berjalan menghilang diri di suatu malam yang lain.

Angkasaraya yang luas ini membuat mata tidak jemu-jemu melihat kesaujanaannya dan membuat mata tidak dapat menjangkau batas kejauhannya.

Itulah keindahan-keindahan yang dapat dihayati dan dini'mati oleh seseorang, tetapi ia tidak mendapat kata-kata dan ungkapan-ungkapan untuk menyifat dan memerikannya.

Memahami Keindahan Alam Merupakan Jalan Terdekat Untuk Memahami Keindahan Allah

Al-Qur'an menarik jiwa manusia kepada keindahan langit dan keindahan alam buana seluruhnya, kerana memahami keindahan alam al-wujud merupakan jalan yang paling dekat dan tepat untuk memahami keindahan Pencipta alam al-wujud. Kefahaman inilah yang mengangkatkan manusia ke puncak yang paling tinggi yang dapat dicapai olehnya, kerana di waktu itu ia telah sampai kepada satu titik tolak untuk menyesuaikan dirinya dengan kehidupan yang kekal di sebuah alam yang bebas dan indah, yang bersih kekotoran alam bumi dan kehidupannya. Detik-detik waktu yang paling bahagia bagi hati manusia ialah detik-detik waktu ia meni'mati keindahan ciptaan Ilahi di alam buana. Itulah detik-detik, waktu yang memberi peluang dan merintis jalan untuk berhubung dengan keindahan Ilahi sendiri dan meni'matinya.

* * * * * *

Al-Qur'an menyebut di sini bahawa lampu-lampu bintang yang menjadi hiasan langit dunia itu mempunyai satu tugas yang lain pula:

وَجَعَلْنَٰهَا رُجُومًا لِّلشَّيَٰطِينِ ۖ

"Dan Kami jadikannya peluru yang merejam para syaitan."(5)

Dalam tafsir ini kami telah mengikut satu dasar, iaitu kami tidak akan menambahkan sesuatu kepada perkara-perkara ghaib yang diceritakan sebahagiannya oleh Allah kepada kita. Kami akan berhenti di batas nas Al-Qur'an dan tidak akan melangkahinya. Nas Al-Qur'an itu sendiri sudah cukup untuk menegakkan perkara-perkara yang dijelaskannya.

Kita beriman bahawa di sana ada makhluk yang bernama syaitan-syaitan, yang setengah-setengah sifatnya telah diterangkan di dalam Al-Qur'an. Hal ini telah pun dibicarakan dalam tafsir ini. Kami tidak akan menambah sesuatu kepada penerangan Al-Qur'an itu. Kita beriman bahawa Allah telah menjadikan lampu-lampu bintang yang menghiaskan langit dunia sebagai peluru yang merejam para syaitan dalam bentuk bintang meteor yang meluncur pantas sebagaimana diterangkan dalam satu surah yang lain:

وَحِفْظًا مِّن كُلِّ شَيْطَٰنٍ مَّارِدٍ ﴿٧﴾

.... إِلَّا مَنْ خَطِفَ ٱلْخَطْفَةَ فَأَتْبَعَهُۥ شِهَابٌ ثَاقِبٌ ﴿١٠﴾

"Dan untuk memelihara langit dari setiap syaitan penderhaka ....melainkan syaitan yang mencuri dengar (pembicaraan di langit), maka ia akan dikejar bintang meteor yang penembus."

(Surah as-Saffaat: 7-10)

Di Langit Syaitan Direjam Dengan Peluru Bintang Dan Di Akhirat Di 'azab Dengan Neraka

Bagaimana dan berapa besarnya, bagaimana bentuknya? Semuanya tidak diterangkan Allah sedikit pun kepada kita. Dan kita tidak mempunyai sumber lain yang harus kita bertanya kepadanya dalam perkara-perkara yang seperti ini. Oleh itu, cukuplah kita mengetahui sekadar itu sahaja dan percaya bahawa ia berlaku begitu. Inilah maksud yang sebenar. Andainya Allah mengetahui bahawa di sana ada kebaikan dalam penjelasan yang lebih terang dan jelas tentulah Ia menerangkan satu persatu kepada kita. Oleh itu, mengapa kita bersusah payah cuba mengulas perkara yang Allah tahu tidak ada kebaikan mengulaskannya, iaitu mengulaskan perkara perejaman syaitan.

Kemudian ia berpindah kepada penerangan mengenai 'azab yang disediakan untuk syaitan selain dari direjam dengan bintang-bintang:

وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ ٱلسَّعِيرِ ﴿٥﴾

"Dan Kami sediakan untuk mereka 'azab Neraka yang bernyala-nyala."(5)

Perejaman dengan bintang-bintang adalah berlaku di dunia, dan 'azab Neraka yang bernyala-nyala akan berlaku di Akhirat kepada syaitan-syaitan itu. Barangkali sebab kesesuaian disebutkan perkara ghaib yang disediakan Allah untuk syaitan-syaitan di dunia dan Akhirat itu ialah kerana sebelum ini telah disebutkan kejadian langit kemudian diikuti dengan menyebut 'azab yang disediakan kepada orang-orang kafir, kerana hubungan di antara syaitan-syaitan dengan orang-orang yang kafir adalah satu hubungan yang jelas dapat dilihat. Apabila Allah menyebut bintang-bintang lampu langit, Dia menyebut pula bahawa bintang-bintang lampu itu digunakan untuk merejam syaitan. Apabila Allah menyebut 'azab Neraka yang bernyala-nyala yang disediakan untuk syaitan, Dia menyebut pula selepasnya 'azab seksa yang disediakan kepada orang-orang kafir dari pengikut-pengikut syaitan itu:

وَلِلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِرَبِّهِمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٦﴾

"Dan untuk orang-orang yang telah mengingkarkan Tuhan mereka ialah 'azab Neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(6)

Kemudian Al-Qur'an melukiskan sebuah pemandangan Neraka Jahannam ketika Neraka itu menyambut orang-orang kafir dengan kemarahan yang amat bengis:

Neraka Bertindak Seperti Makhluk Yang Mempunyai Roh

إِذَآ أُلْقُوا۟ فِيهَا سَمِعُوا۟ لَهَا شَهِيقًا وَهِىَ تَفُورُ ﴿٧﴾

"Apabila mereka dicampakkan ke dalamnya, mereka akan mendengar suara nafasnya yang dahsyat dan ia terus mendaung menjulang-julang."(7)

تَكَادُ تَمَيَّزُ مِنَ ٱلْغَيْظِ

"Neraka itu hampir-hampir meledak pecah kerana terlalu marah."(8)

Neraka Jahannam yang digambarkan di sini merupakan satu makhluk hidup yang memendamkan kemarahannya. Bunyi nafasnya mendengus dan menderu tinggi dan ia terus menjulang. Dadanya penuh sebak dengan kemarahan hingga hampir-hampir meledak kerana terlalu memendamkan kemarahan dan kebencian yang meluap-luap terhadap orang-orang kafir.

Ungkapan ini pada lahirnya merupakan suatu gambaran majazi atau metafora keadaan Neraka sahaja, tetapi kami rasa ungkapan ini menggambarkan hakikat yang sebenar, kerana setiap makhluk dari makhluk-makhluk Allah adalah hidup dan mempunyai roh yang sesuai dengan jenis masing-masing. Setiap makhluk mengenal Tuhannya dan bertasbih memuji Tuhannya. Ia menunjukkan kehairanannya apabila melihat manusia kufurkan Tuhannya dan seterusnya menunjukkan kemarahannya atas kekufuran mereka yang jahat itu, kerana fitrahnya dan rohnya tidak dapat menerima dan bencikan kekufuran itu. Hakikat ini telah diterangkan di dalam Al-Qur'an dalam berbagai-bagai ayat yang menyarankan bahawa penerangan ayat-ayat itu adalah penerangan yang menyatakan hakikat yang tersembunyi di dalam segala sesuatu di alam al-wujud ini.

Al-Qur'an telah menerangkan dengan ungkapan yang jelas:

Setiap Makhluk Mempunyai Roh

تُسَبِّحُ لَهُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ ٱلسَّبْعُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ ۚ وَإِن مِّن

شَىْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ وَلَٰكِن لَّا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ ۗ

"Langit yang tujuh, bumi dan semua yang ada padanya bertasbih kepada Allah dan tiada suatu makhluk melainkan semuanya bertasbih memuji Allah, tetapi kamu tidak memahami tasbih mereka."

(Surah al-Isra': 44)

Al-Qur'an juga menerangkan perintah Allah kepada gunung-ganang:

يَٰجِبَالُ أَوِّبِى مَعَهُۥ وَٱلطَّيْرَ

"Wahai gunung-ganang dan burung! Bertasbihlah berulang-ulang bersama Daud."

(Surah Saba': 10)

Ini adalah ungkapan-ungkapan yang jelas dan langsung yang tidak memberi ruang untuk ditafsirkan dengan ta'wilan.

Al-Qur'an juga menerangkan perintah Allah kepada langit dan bumi:

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِىَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ
ٱئْتِيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَآ أَتَيْنَا طَآئِعِينَ ﴿١١﴾

"Kemudian ia menuju ke langit yang masih dalam keadaan asap dan berfirman kepadanya dan kepada bumi: Datanglah kamu berdua secara sukarela atau terpaksa. Kedua-duanya menjawab: Kami datang dengan sukarela."

(Surah Fussilat: 11)

Keterangan ini mungkin boleh dikatakan suatu keterangan metafora terhadap hakikat kepatuhan langit dan bumi kepada undang-undang Allah, tetapi ta'wilan seperti ini tidak perlu, malah ta'wilan ini terlalu jauh dari pengertiannya yang langsung dan jelas.

Makhluk-makhluk Yang Lain Turut Bencikan Manusia Yang Kafir

Di dalam ayat tadi Allah menerangkan sifat kemarahan Neraka Jahannam dan di tempat yang lain Allah menerangkan kehairanan makhluk-makhluk yang lain dan kemarahan mereka terhadap perbuatan manusia yang mempersekutukan Tuhannya:

لَّقَدْ جِئْتُمْ شَيْـًٔا إِدًّا ﴿٨٩﴾
تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْهُ وَتَنشَقُّ ٱلْأَرْضُ
وَتَخِرُّ ٱلْجِبَالُ هَدًّا ﴿٩٠﴾
أَن دَعَوْا۟ لِلرَّحْمَٰنِ وَلَدًا ﴿٩١﴾
وَمَا يَنۢبَغِى لِلرَّحْمَٰنِ أَن يَتَّخِذَ وَلَدًا ﴿٩٢﴾

"Sesungguhnya kamu telah melakukan satu perbuatan yang keji. Langit-langit hampir pecah kerananya dan bumi hampir terbelah dan gunung hampir menderak runtuh, kerana perbuatan mereka mendakwa Allah Yang Maha Penyayang itu mempunyai anak, sedangkan Allah Yang Maha Penyayang sama sekali tidak layak mempunyai anak."

(Surah Maryam: 89-92)

Semua nas-nas ini menunjukkan satu hakikat, iaitu hakikat keimanan seluruh alam al-wujud kepada Penciptanya, hakikat segala sesuatu itu bertasbih memujinya, hakikat kehairanan dan kemarahan makhluk-makhluk yang lain terhadap sifat manusia yang luar biasa apabila mereka kufur terhadap Allah dan terpencil dari angkatan makhluk-makhluk itu. Makhluk-makhluk itu bangkit bersedia untuk menyerang manusia dengan penuh kemarahan sama seperti orang yang naik marah apabila orang yang disayanginya ditikam orang dan dadanya hampir meledak kerana terlalu marah seperti yang berlaku kepada Neraka Jahannam.

Begitulah juga kita dapat melihat gejala ini pada penjaga-penjaga Neraka:

Mereka Dikecam Oleh Penjaga-penjaga Neraka

كُلَّمَآ أُلْقِىَ فِيهَا فَوْجٌ سَأَلَهُمْ خَزَنَتُهَآ أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ ﴿٨﴾

"Setiap kali dicampakkan ke dalamnya kumpulan manusia (yang berdosa) mereka ditanya oleh malaikat-malaikat penjaganya: Tidakkah datang kepada kamu Rasul yang memberi peringatan?"(8)

Memang jelas bahawa pertanyaan ini adalah ditujukan untuk mengecam dan menghinakan mereka. Para penjaga dan pengawal Neraka turut serta bersama Neraka Jahannam menyatakan kemarahan mereka dan turut serta mengazabkan orang-orang yang kafir itu. Tiada yang lebih pahit dari kecaman dan penghinaan bagi orang yang sedang berada dalam kesusahan dan penderitaan.

Mereka memberi jawapan dengan hina-dina dan mengaku bodoh dan cuai setelah selama ini berlagak angkuh, bersikap menentang dan menuduh rasul-rasul sebagai orang-orang yang sesat:

قَالُوا۟ بَلَىٰ قَدْ جَآءَنَا نَذِيرٌ فَكَذَّبْنَا وَقُلْنَا مَا نَزَّلَ ٱللَّهُ مِن شَىْءٍ
إِنْ أَنتُمْ إِلَّا فِى ضَلَٰلٍ كَبِيرٍ ﴿٩﴾
وَقَالُوا۟ لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِىٓ أَصْحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١٠﴾

"Jawab mereka: Memang benar kami telah didatangi Rasul yang memberi peringatan, lalu kami dustakannya malah kami katakan kepadanya: Allah tidak menurunkan sesuatu apa pun. Sebenarnya kamu berada di dalam kesesatan yang amat besar(9). Dan mereka berkata lagi: Sekiranya kami dahulu mendengar peringatan (Rasul) atau kami berfikir sudah tentu kami tidak berada di dalam golongan penghuni-penghuni Neraka yang bernyala-nyala."(10)

Orang yang mendengar ajaran yang baik atau berfikir tidak akan membawa dirinya ke jalan yang penuh mala-petaka dan tidak akan bertindak mengingkarkan rasul-rasul dan menuduh mereka sebagai sesat seperti yang telah dilakukan oleh orang-

orang kafir yang angkuh dan tidak tahu malu itu. Mereka menunjukkan keingkaran tanpa beralaskan sesuatu bukti. Mereka membuat tuduhan yang nekad terhadap para rasul yang benar, **"Allah tidak menurunkan sesuatu apapun. Sebenarnya kamu berada di dalam kesesatan yang amat besar."**

فَٱعۡتَرَفُواْ بِذَنۢبِهِمۡ فَسُحۡقٗا لِّأَصۡحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿١١﴾

"Lalu mereka mengakui dosa-dosa mereka. Maka alangkah jauhnya rahmat Allah kepada penghuni-penghuni Neraka yang bernyala-nyala."(11)

Ini adalah kutukan Allah. Dan kutukan Allah itu merupakan suatu keputusan. Mereka dijauhkan dari rahmat-Nya dan tiada harapan bagi mereka untuk mendapatkan keampunan dan menghindari 'azab Neraka. Merekalah penghuni Neraka yang kekal. Alangkah buruknya untung nasib mereka.

'Azab di dalam Neraka Jahannam yang bunyi nafasnya mendaung hebat dan pucuk apinya menjulang-julang adalah suatu 'azab yang amat menakutkan. Allah tidak menganiayai seorang pun. Kami kira – Wallahu a'lam - jiwa manusia yang kufur terhadap Tuhannya, sedangkan fitrahnya telah ditanam dengan hakikat iman dan dalilnya, adalah jiwa yang kosong dari segala kebaikan dan kosong dari segala sifat yang bernilai di alam al-wujud ini. Dia tak ubah seperti batu-batu yang dijadikan bahan api di dalam Neraka Jahannam. Dia telah jatuh begitu rendah dan tempatnya ialah Neraka Jahannam yang tidak dapat dihindar dan diselamatkan lagi.

Jiwa Yang Tidak Beriman Akan Terus Jatuh Setiap Masa

Jiwa manusia yang tidak beriman kepada Allah di dunia ini akan terus merosot dan jatuh setiap hari yang dilaluinya, dan akhirnya sampai kepada satu tahap yang amat buruk dan keji yang tiada tolok bandingnya di alam buana ini, kerana segala sesuatu di alam ini mempunyai roh yang Mu'min dan bertasbih memuji Allah. Segala sesuatu mempunyai kebaikan dan segala sesuatu mempunyai tali hubungan yang mengikatkannya dengan paksi alam al-wujud (Allah), melainkan jiwa manusia-manusia kafir yang liar, yang terlepas dari ikatan alam al-wujud, yang lari dan jahat, yang berkelana dan cacat. Oleh itu, di manakah satu tempat di seluruh alam yang mereka akan sampai, sedangkan mereka putus hubungan dengan segala sesuatu di alam ini? Mereka akan sampai ke Neraka Jahannam yang meradang, menjilat, membakar dan memusnahkan segala erti, segala hak dan segala kehormatan setelah jiwa mereka tidak mempunyai apa-apa erti, apa-apa hak dan apa-apa kehormatan lagi.

Biasanya Al-Qur'an membentangkan dua lambaran yang bertentangan ketika mengemukakan pandangan-pandangan Qiamat. Di sini ia membentang lambaran orang-orang Mu'min sebagai lawan lambaran orang-orang kafir dan sebagai penamat dari tujuan ayat yang kedua surah ini:

لِيَبۡلُوَكُمۡ أَيُّكُمۡ أَحۡسَنُ عَمَلٗاۚ

"Untuk menguji siapakah di antara kamu yang paling baik amalannya?"(2)

Ayat yang berikut menyebut balasan setelah ia menyebut ujian:

Takut Kepada Allah Dalam Keadaan Ghaib

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَخۡشَوۡنَ رَبَّهُم بِٱلۡغَيۡبِ لَهُم مَّغۡفِرَةٞ وَأَجۡرٞ كَبِيرٞ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka dalam keadaan ghaib (tanpa melihat-Nya), mereka akan mendapat keampunan dan pahala yang amat besar."(12)

Keadaan ghaib yang disebutkan di sini mengandungi maksud mereka takut kepada Allah yang tidak dilihat mereka, juga mengandungi maksud mereka takut kepada Allah semasa mereka terlindung dari pandangan mata manusia. Kedua-duanya mengandungi tujuan yang amat besar, perasaan yang bersih dan kefahaman yang mendalam, yang melayakkan seseorang untuk pendapat balasan yang besar yang disebut secara umum di dalam ayat tadi, iaitu keampunan, penghapusan dosa dan pahala yang besar.

Hubungan hati dengan Allah semasa dalam keadaan sulit dan terlindung dari pemandangan mata manusia dan hubungan hati dengan Allah yang tidak dapat dilihat dengan mata itu merupakan neraca yang amat peka dalam hati manusia dan merupakan satu jaminan hidup kepada hati nurani.

Ujar al-Hafiz Abu Bakr al-Bazzar di dalam musnadnya: Kami telah diceritakan oleh Talut ibn 'Ibad, kami telah diceritakan oleh al-Harith ibn 'Ubayd dari Thabit dari Anas katanya:

قالوا : يا رسول الله انا نكون عندك على حال. فإذا فارقناك كنا على غيره. قال : ((كيف انتم وربكم؟)) قالوا : ((الله ربنا في السر والعلانية)) قال :((ليس ذلكم النفاق))

"Mereka berkata: Wahai Rasulullah! Sewaktu kami berada di sisi anda kami merasa berada dalam satu keadaan dan apabila kami berpisah dari anda kami merasa berada dalam satu keadaan yang berlainan pula. Lalu Rasulullah s.a.w. bertanya: Bagaimana-kah hubungan kamu dengan Tuhan kamu? Jawab mereka: Allah itu tetap Tuhan kami sama ada dalam keadaan sulit dan dalam keadaan terang. Sabda beliau: Jika begitu, keadaan yang dialami kamu itu bukannya sifat munafiq."

Hubungan dengan Allah itu merupakan akar tunjang apabila hubungan itu terikat di dalam hati, maka seseorang itu dianggap Mu'min yang sebenar yang berhubung dengan Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 14)

Hakikat Ilmu Allah Terhadap Diri Manusia

Ayat yang terdahulu ini mengikatkan ayat sebelumnya dengan ayat selepasnya dalam menerangkan tentang ilmu Allah yang mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang ternyata. Dia mencabar manusia kerana Dialah yang mencipta jiwa mereka dan mengetahui segala pintu-pintu dan liku-likunya yang tersembunyi:

وَأَسِرُّوا۟ قَوْلَكُمْ أَوِ ٱجْهَرُوا۟ بِهِۦٓ ۖ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿١٣﴾

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٤﴾

"Dan rahsiakanlah percakapan kamu atau ucapkannya dengan lantang dan terus-terang. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada manusia(13). Masakan Tuhan yang telah menciptakan (manusia) tidak mengetahui (rahsia hati mereka)? Sedangkan Dia Maha Halus (dalam segala pentadbirannya) dan Maha Pakar."(14)

Maksudnya, rahsiakanlah percakapan kamu atau ucapkannya dengan lantang dan terus-terang nescaya semuanya diketahui Allah kerana Dia lebih mengetahui segala sesuatu yang lebih sulit lagi:

إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada manusia."(13)

Isi dada itu tidak pernah terpisah dari dada mereka. Allah telah menjadikannya di dalam dada manusia sebagaimana Dia jadikan dada manusia itu sendiri.

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ

"Masakan Tuhan yang telah menciptakan (manusia) itu tidak mengetahui?"(14)

Yakni masakan Dia tidak tahu, sedangkan Dialah yang menciptakannya?

وَهُوَ ٱللَّطِيفُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٤﴾

"Sedangkan Dia Maha Halus dan Maha Pakar."(14)

Yakni ilmu Allah itu menjangkau segala yang halus seni, kecil, tersembunyi dan terlindung.

Orang-orang yang cuba berselindung dari Allah dengan menyembunyikan sesuatu gerak-geri atau sesuatu rahsia atau sesuatu niat di dalam hati adalah manusia-manusia yang lucu, kerana hati di mana mereka sembunyi niat mereka itu sendiri adalah dari ciptaan Allah. Dia mengetahui segala liku-likunya dan segala rahsia-rahsianya. Dan niat yang disembunyikan mereka juga dari ciptaan Allah. Dia mengetahuinya dan mengetahui pula di mana terletaknya niat itu. Oleh itu, apakah yang mahu disembunyikan mereka? Dan di manakah mereka hendak sembunyikannya?

Al-Qur'an mahu menanamkan hakikat ini di dalam hati manusia kerana apabila hakikat ini tertanam dalam hati mereka ia mewujudkan kefahaman yang betul dalam menilaikan segala perkara, di samping ia menimbulkan kesedaran, rasa yang peka dan perasaan taqwa sebagai asas untuk diserahkan amanah yang dipikul oleh orang Mu'min di muka bumi ini, iaitu amanah 'aqidah, amanah keadilan dan amanah keikhlasan kerana Allah dalam segala tindakan dan niat. Ini tidak akan terlaksana melainkan apabila hati manusia yakin bahawa dirinya sendiri dan segala rahsia dan niat yang tersembunyi di dalamnya adalah dari ciptaan Allah Yang Maha Mengetahui. Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Pakar.

Di waktu inilah setiap orang Mu'min menjaga niat yang tersembunyi dan bisikan hati yang terpendam di samping menjaga gerak-gerinya yang nyata dan suaranya yang lantang, kerana ia berinteraksi dengan Allah yang mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang nyata. Allah telah mencipta dada manusia dan mengetahui segala apa yang tersimpan di dalam dada itu.

(Pentafsiran ayat 15)

Kemudian ayat yang berikut memindah mereka dari pembicaraan tentang diri mereka yang telah diciptakan Allah kepada pembicaraan tentang bumi yang diciptakan-Nya untuk mereka dengan memberi serba kemudahan dan menyediakan segala punca hidup:

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ ذَلُولًا فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟ مِن رِّزْقِهِۦ ۖ وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ ﴿١٥﴾

"Dialah yang telah menciptakan bumi amat selesa untuk kamu. Oleh itu, jelajahilah seluruh pelusuknya dan makanlah rezeki yang dikurniakan-Nya dan kepada-Nya kamu akan dibangkitkan dan dipulangkan."(15)

Penciptaan Bumi Dengan Ciri-cirinya Yang Serba Mudah

Manusia yang telah sekian lama biasa dengan kehidupan mereka di bumi ini dan biasa mendapat kemudahan tinggal di bumi dan berjalan di atas bumi juga biasa mendapat kemudahan menggunakan tanah dan airnya, udara dan segala yang tersimpan di dalam perutnya, tenaga dan segala ragam rezekinya... telah lupakan ni'mat Allah yang telah mengurniakan keselesaan, dan kemudahan itu. Oleh itu, Al-Qur'an mengingatkan mereka supaya mengenangkan ni'mat-ni'mat yang besar itu dengan ungkapannya yang dapat difahami oleh setiap orang dan setiap generasi mengikut kadar pengetahuan masing-masing yang diketahui mereka mengenai bumi yang amat selesa.

Maksud bumi yang amat selesa bagi orang-orang di zaman dahulu yang dihadapkan ayat-ayat ini kepada mereka ialah bumi yang memberi kemudahan untuk mereka berjalan kaki, menunggang binatang-binatang dan menaiki bahtera-bahtera yang meredah lautan. Juga bumi yang memberi kemudahan untuk mereka bersawah bendang, memeluk buah-buahan dan manuai hasil-hasil tanaman, juga bumi yang

memberi serba keselesaan untuk mereka hidup dengan menyedia udara, air dan tanah yang subur untuk tanaman dan tumbuh-tumbuhan.

Itulah pengertian-pengertian umum yang dijelaskan oleh penemuan-penemuan sains sehingga hari ini, dan penjelasan ini meluaskan lagi ruang pemahaman terhadap nas Al-Qur'an itu.

Di antara pendapat sains mengenai pengertian bumi yang mudah ialah sifat selesa "ذلول", yang biasanya dikatakan kepada binatang yang selesa ditunggangi itu, adalah juga ditujukan kepada bumi, kerana bumi yang kita lihat tetap, mantap dan tenang itu adalah satu makhluk yang bergerak, malah ia bergerak begitu laju dan pantas, di samping itu juga ia bersifat mudah ditunggangi, ia tidak mencampakkan penunggangnya dari atas belakangnya dan langkah-langkahnya juga tidak gelincir. Ia tidak menggoncang dan memenatkan penunggangnya seperti yang dilakukan binatang-binatang liar yang tidak mudah ditunggangi.

Kelajuan Perjalanan Bumi

Makhluk yang bergerak yang kita tunggangi ini adalah berputar di sekeliling dirinya selaju seribu batu sejam, dan ia berputar mengelilingi matahari selaju kira-kira enam puluh lima ribu batu sejam. Kemudian ia berlari bersama matahari dan bintang-bintang keluarga matahari kira-kira dua puluh ribu batu sejam. Ia bergerak berjauhan ke arah Burjul-Jabbar (orion) di langit. Walaupun ia berlari begitu laju, namun manusia yang menungganinya berada dalam keadaan aman, selesa, tenang dan sihat walafiat, anggota-anggotanya tidak terkoyak, otaknya tidak bergoncang dan tidak pula pening dan tidak pernah jatuh dari makhluk bumi yang selesa ini.

Tiga Gerakan Bumi Dan Kesan-kesannya Kepada Kehidupan

Tiga gerakan bumi itu masing-masing mempunyai hikmatnya dan kita telah pun mengetahui kesan dari dua gerakan itu di dalam kehidupan manusia, malah dalam kehidupan seluruh makhluk yang hidup di muka bumi ini. Putaran bumi di sekeliling dirinya itulah yang melahirkan hari malam dan hari siang. Andainya hari malam tetap selama-lamanya, maka seluruh yang hidup di bumi ini akan menjadi beku, dan andainya hari siang tetap selama-lamanya nescaya seluruh makhluk yang hidup akan terbakar kerana terlalu panas. Sementara putarannya di sekeliling matahari pula melahirkan musim-musim yang berlainan, dan andainya satu musim sahaja yang tetap, maka kehidupan di bumi tidak akan wujud dalam bentuknya yang ada sekarang. Mengenai gerakan bumi yang ketiga, maka tabir ghaib belum lagi menyingkapkan hikmatnya. Sudah tentu gerakan itu mempunyai pertalian dengan dasar keseimbangan alam buana yang besar ini.

Makhluk bumi yang bergerak yang mudah ditunggangi dan yang melakukan tiga gerakan yang besar dalam satu masa itu adalah tetap dengan satu keadaan dalam masa gerakan itu. Ia dibataskan oleh kecondongan paksinya sebanyak 23.5 darjah kerana kecondongan inilah yang melahirkan empat musim dalam masa bumi berputar di sekeliling matahari. Andainya kecondongan itu mungkir di dalam masa gerakan itu, maka musim-musim juga akan mungkir, sedangkan di atas musim-musim inilah terhentinya pusingan hidup tumbuh-tumbuhan dan seluruh hidup yang lain di dunia ini.

Daya Graviti Bumi Dan Tekanan Udara

Allah telah mencipta bumi ini begitu mudah dan selesa kepada manusia, iaitu dengan mengadakan daya graviti bumi yang menarik manusia kepadanya dalam masa ia melakukan gerakan-gerakannya yang besar itu, di samping mengadakan tekanan udara yang wajar ke atasnya yang membolehkan manusia bergerak dengan mudah dan selesa di atasnya. Andainya tekanan udara itu lebih dari kadar yang wajar ini, tentulah manusia tidak dapat atau akan mengalami kesukaran berjalan dan bergerak ke sana ke mari di bumi ini, iaitu sama ada tekanan udara itu akan menekan sehingga menghancurkannya atau menghalanginya dari bergerak. Sebaliknya jika tekanan udara itu kurang dari kadarnya yang wajar, tentulah hayunan langkah-langkah manusia akan menjadi kacau atau rongga-rongga badannya akan meledak kerana tekanan dirinya melebihi tekanan udara di sekelilingnya sebagaimana yang berlaku kepada orang-orang yang naik di lapisan-lapisan udara yang tinggi tanpa menyesuaikan dirinya dengan tekanan udara itu.

Fungsi Tanah Lembut Di Permukaan Bumi

Allah telah menciptakan bumi ini dengan keadaan serba mudah dan selesa iaitu dengan mendatarkan permukaannya dan mengadakan tanah-tanah yang lembut di atasnya. Andainya bumi ini berupa batu-batu yang pejal - sebagaimana yang diandaikan oleh sains selepas bumi menjadi dingin dan beku - tentulah manusia tidak dapat berjalan di atasnya dan tentulah mereka tidak dapat bercucuk tanam. Tetapi faktor-faktor cuaca seperti angin, hujan dan lain-lain itulah yang telah menghancurkan batu-batu yang pejal itu dan dari pecahan batu-batu yang pejal itulah Allah ciptakan tanah yang subur dan sesuai untuk hidup-hidupan. Di samping itu Allah ciptakan berbagai-bagai tumbuhan dan aneka ragam rezeki yang diusahakan oleh penduduk bumi yang bergerak dan serba mudah ini.

Kandungan Unsur-unsur Dalam Udara Yang Membalut Bumi

Allah telah menciptakan bumi dengan keadaan serba mudah dan selesa iaitu dengan menjadikan udara yang mengelilingi bumi itu mengandungi unsur-unsur yang diperlukan oleh makhluk-makhluk yang hidup dengan nisbah-nisbah yang amat rapi, dan andainya nisbah-nisbah ini tidak tepat, maka

makhluk-makhluk yang hidup tidak mungkin wujud dan tidak mungkin hidup. Nisbah oksigennya di dalam udara itu ialah kira-kira 21% dan nisbah azut atau nitrogen ialah kira-kira 78% dan yang bakinya ialah karbon dioksida dengan nisbah tiga dari sepuluh ribu dan lain-lain unsur. Nisbah-nisbah ini pastilah wujud dengan tepat untuk membolehkan makhluk-makhluk yang hidup wujud di bumi ini.

Perseimbangan-perseimbangan Yang Menjadikan Bumi Planet Yang Selesa

Allah telah menciptakan bumi dengan keadaan serba mudah dan selesa, iaitu dengan wujudnya perseimbangan-perseimbangan yang perlu untuk memelihara makhluk-makhluk yang hidup di bumi ini, di antaranya ialah perseimbangan ukuran bumi, ukuran matahari dan ukuran bulan, juga perseimbangan jauh bumi dari matahari dan bulan, perseimbangan darjah kepanasan matahari, perseimbangan ukuran tebal kulit bumi, perseimbangan darjah kelajuan bumi, perseimbangan kecondongan paksinya, perseimbangan nisbah pengagehan kawasan air dan kawasan daratan, perseimbangan ketebalan udara yang melingkungi bumi dan lain-lain. Dengan wujudnya seluruh perseimbangan inilah yang menjadikan bumi ini serba mudah dan selesa. Perseimbangan-perseimbangan inilah yang mewujudkan rezeki di bumi dan membolehkan makhluk-makhluk yang hidup wujud di bumi terutama manusia.

Tangan Qudrat Ilahi

Nas Al-Qur'an ini menunjukkan kepada semua hakikat-hakikat ini supaya disedari oleh setiap individu dan setiap generasi mengikut kemampuan ilmu pengetahuan dan pengamatan masing-masing. Ini supaya mereka menyedari wujudnya tangan kekuasaan Ilahi yang memegang tampuk Kerajaan seluruh alam. Tangan kekuasaan itulah yang melindungi mereka, melindungi segala makhluk di sekelilingnya dan menjadikan bumi dalam keadaan mudah dan selesa. Tangan kekuasaan inilah yang memelihara mereka dan memelihara bumi. Andainya tangan kekuasaan itu mengurangkan pemeliharaannya barang sekelip mata nescaya seluruh alam ini menjadi kacau-bilau dan seluruh penghuninya hancur lebur.

Apabila hati nurani manusia menyedari hakikat yang agung ini, maka barulah Allah Pencipta Yang Maha Penyayang dan Pengasih mengizinkan mereka berjalan di merata pelusuknya dan memakan rezeki-rezeki yang ada di bumi:

فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟ مِن رِّزْقِهِۦ

"Oleh itu, jelajahilah seluruh pelusuknya dan makanlah rezeki yang dikurniakan-Nya."(15)

Kata-kata "مناكب" bererti kawasan-kawasan tinggi atau pelusuk-pelusuk bumi. Andainya Allah mengizinkan manusia menjelajahi kawasan-kawasan tinggi, maka bererti Dia lebih-lebih lagi mengizinkan mereka menjelajahi kawasan-kawasan dataran atau kawasan-kawasan pamahnya. Andainya Allah mengizinkan mereka menjelajahi kawasan-kawasan yang sukar bererti Dia juga mengizinkan mereka menjelajahi kawasan-kawasan yang mudah.

Hakikat Rezeki Dan Sumbernya

Segala rezeki yang wujud di bumi ini adalah dari ciptaan Allah dan seluruh rezeki itu adalah milik-Nya. Inilah pengertian yang lebih luas dari pengertian yang difaham sepintas lalu oleh manusia dari kata-kata rezeki itu. Rezeki itu bukan hanya harta yang dimiliki seseorang yang membolehkannya mendapatkan barang-barang keperluan dan keni'matan-keni'matan, malah rezeki itu ialah segala faktor atau sebab-sebab yang mendatangkan rezeki yang dijadikan Allah di bumi ini. Faktor-faktor itu pada asalnya berpunca dari sifat bumi yang diciptakan Allah dari berbagai-bagai unsur dan dari pembahagian unsur-unsur itu mengikut nisbah-nisbah yang tertentu, kemudian barulah berpunca dari daya kebolehan yang dilengkapkan Allah pada tumbuh-tumbuhan, haiwan termasuk manusia untuk mempergunakan unsur itu.

Di bawah ini secara ringkas kami tunjukkan contoh-contoh hakikat rezeki dengan pengertian ini:

Karbon Dioksida Dan Oksigen

"Kehidupan setiap tumbuh-tumbuhan adalah bergantung kepada kadar-kadar tertentu yang hampir-hampir terlalu kecil dari karbon dioksida yang terdapat di dalam udara yang disedut olehnya. Untuk menjelaskan interaksi kamikal sebatian dengan struktur cahaya dengan cara yang paling mudah dapatlah kita katakan bahawa daun-daun pokok berfungsi seolah-olah paru-paru. Ia mempunyai daya qudrat dalam cahaya matahari untuk memproses karbon dioksid itu kepada karbon dan oksigen atau dengan lain-lain perkataan untuk mengeluarkan oksigen dan menyimpan karbon bersatu dengan hidrogen air yang diserap oleh akar-akar tumbuh-tumbuhan itu (iaitu ia memisahkan air kepada hidrogen dan oksigen). Dengan proses kimia yang aneh ini unsur-unsur itu berubah menjadi gula atau selulos dan berbagai-bagai bahan kimia yang lain. Buah-buahan, bunga-bunga juga menjadi makanan kepada tumbuh-tumbuhan itu sendiri. Dengan ini tumbuh-tumbuhan dapat mengeluarkan hasil yang cukup untuk memberi makanan kepada semua binatang di muka bumi ini dan dalam waktu yang sama tumbuh-tumbuhan itu mengeluarkan oksigen yang disedut oleh kita. Tanpa oksigen, hidup kita akan berakhir selepas lima minit.

"Demikianlah kita dapati semua tumbuh-tumbuhan, hutan rimba, rumput-rampai, lumut-lumut dan segala sesuatu yang bergantung dengan air-air tanaman adalah dibina kejadiannya dari karbon dan terutamanya air. Binatang-binatang mengeluarkan karbon dioksida, sedangkan tumbuh-tumbuhan pula mengeluarkan oksigen. Andainya pertukaran ini tidak berlaku, maka hayat binatang dan tumbuh-tumbuhan pada akhirnya

akan menghabiskan semua oksigen atau semua karbon dioksida. Apabila imbangan terbalik, tumbuh-tumbuhan akan layu atau manusia akan mati. Ia menjejaskan satu sama lain. Menurut hasil penyelidikan kebelakangan ternyata bahawa wujudnya karbon dioksida dengan kadar-kadar yang kecil itu juga perlu kepada hayat kebanyakan binatang, dan dari hasil penyelidikan kebelakangan ini juga ternyata bahawa tumbuh-tumbuhan juga menggunakan oksigen.

Hidrogen Dan Nitrogen

"Hidrogen juga pasti ditambahkan walaupun kita tidak menyedut, kerana tanpa hidrogen air tidak akan wujud. Nisbah air bahan-bahan kejadian haiwan dan tumbul-tumbuhan begitu tinggi hingga menakjubkan dan ia amat diperlukan sekali."[1]

Di sana juga terdapat peranan nitrogen dalam rezeki bumi.

"Tanpa nitrogen dalam apa-apa bentuk, tiada satu tumbuhan dari tumbuh-tumbuhan yang boleh dimakan boleh hidup subur. Salah satu dari dua cara untuk memasukkan nitrogen di dalam tanah ialah melalui kegiatan bakteria-bakteria yang tertentu yang mendiami pada akar-akar sayur-sayuran seperti rumput kuda, kacang kuda, kacang pis, kacang pis dan lain-lain. Bakteria-bakteria inilah yang mengambil nitrogen udara dan mengubahkannya kepada nitrogen sebatian yang dapat diserapkan oleh tumbuh-tumbuhan. Apabila tumbuh-tumbuhan mati, maka sebahagian nitrogen sebatian itu tinggal di dalam tanah.

"Di sana ada lagi satu cara memasukkan nitrogen ke dalam tanah iaitu melalui ribut petir. Setiap kali petir menyambar dicelah udara ia menyatukan di antara sedikit oksigen dengan nitrogen kemudian ia digugurkan oleh hujan seperti nitrogen sebatian"[2](iaitu dalam bentuk yang dapat diserapkan oleh tumbuh-tumbuhan kerana ia tidak dapat menyerapkan nitrogen yang bersih dari udara. Nisbah nitrogen di dalam udara ialah kira-kira 78% sebagaimana telah dijelaskan).

Rezeki-rezeki yang tersembunyi di dalam perut bumi iaitu dari logam-logam beku dan cair adalah semuanya berpunca dari sifat kejadian bumi dan keadaan-keadaan yang melingkunginya. Di sini kami tidak menghuraikannya dengan panjang lebar. Rezeki, menurut penerangan-penerangan yang pantas ini, mempunyai pengertian yang lebih luas dari apa yang difahamkan oleh orang ramai tentang kata-kata rezeki itu. Pengertian itu juga mempunyai sebab-sebab yang lebih mendalam yang terletak pada bentuk bumi itu sendiri dan reka bentuk seluruh alam buana. Apabila Allah memberi kebenaran kepada manusia makan rezeki-Nya bererti Dia juga yang memudahkan rezeki itu untuk mereka. Di samping itu Dia juga yang mengurniakan kepada manusia daya qudrat untuk mendapatkan rezeki itu dan mengambil faedah darinya:

فَٱمۡشُواْ فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُواْ مِن رِّزۡقِهِۦۖ

"Oleh itu, jelajahilah seluruh pelusuknya dan makanlah rezeki yang dikurniakan-Nya."(15)

Rezeki itu dibataskan dengan masa yang ditentukan dalam ilmu Allah dan pentadbiran-Nya, iaitu masa manusia diuji dengan mati dan hidup dan diuji dengan segala ni'mat yang dikurniakan Allah kepada manusia dalam hidup ini. Dan apabila masa ujian itu tamat, maka tibalah maut dan apa yang ada di sebalik maut:

وَإِلَيۡهِ ٱلنُّشُورُ ١٥

"Dan kepada-Nya kamu akan dibangkitkan dan dipulangkan."(15)

Ya, kepadanya dibangkitkan kembali dan dipulangkan, jika tidak ke mana lagi akan dipulangkan? Sedangkan tampuk pemerintahan terpegang di tangan-Nya? Tiada tempat perlindungan melainkan kepada Dia dan Dia Maha Kuasa di atas segala sesuatu.

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 18)

Apabila Bumi Yang Serba Selesa Dilanda Gempa Dan Ribut

Sekarang ketika mereka berada dalam keadaan aman tenteram di atas bumi yang serba mudah dan selesa, dan berada dalam kesenangan yang mewah dengan izin Allah dan perintah-Nya, tiba-tiba bumi yang tenang itu digoncang dan digempakan Allah dengan sekuat-kuatnya di bawah tapak kaki mereka dan tiba-tiba udara di sekeliling mereka dihembus menjadi ribut yang menghujani batu-batu yang membaham muka dan dada mereka. Bumi yang dilanda gempa itu menggoncangkan perasaan mereka dan ribut yang menghujani batu itu merangsangkan pemikiran mereka supaya mereka sedar dari kelalaian kerana asyik berada dalam keamanan dan ketenteraman ini, dan supaya mereka memandang ke langit dan melihat yang ghaib dan menggantungkan hati mereka pada taqdir dan perencanaan Allah:

ءَأَمِنتُم مَّن فِي ٱلسَّمَآءِ أَن يَخۡسِفَ بِكُمُ ٱلۡأَرۡضَ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ ١٦

أَمۡ أَمِنتُم مَّن فِي ٱلسَّمَآءِ أَن يُرۡسِلَ عَلَيۡكُمۡ حَاصِبٗاۖ فَسَتَعۡلَمُونَ كَيۡفَ نَذِيرِ ١٧

وَلَقَدۡ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ فَكَيۡفَ كَانَ نَكِيرِ ١٨

---

[1] *Dari buku " العلم يدعو للإيمان" m.s. 70 - 71 terjemahan Mahmud Soleh al-Falaki.*

[2] *Sumber yang sama m.s. 76 - 77.*

"Apakah kamu merasa aman dari balasan Allah yang memerintah di langit yang berkuasa menjadikan kamu ditelan bumi? Dan ketika itu bumi pun tiba-tiba bergoyang dengan gegaran yang dahsyat(16). Apakah kamu merasa aman dari balasan Allah yang memerintah di langit, yang berkuasa melepaskan ribut, yang menghujani batu-batu ke atas kamu? Ketika itu kamu akan mengetahui bagaimana dahsyatnya akibat amaran-Ku(17). Sesungguhnya umat-umat yang dahulu dari mereka telah mendustakan (rasul-rasul), maka (lihatlah) bagaimana beratnya sangkalan-Ku."(18)

Manusia yang hidup di atas binatang bumi yang amat mudah dan selesa dan memerahkan susunya untuk mendapatkan habuan mereka dari rezeki Allah itu memang tahu bagaimana bumi yang jinak itu akan berubah menjadi liar dan tidak mudah ditunggangi dan akan berhenti mengeluarkan susu pada setengah-setengah waktu apabila Allah memerintahnya supaya bergoncang sebentar. Ini menyebabkan segala sesuatu yang ada di atasnya akan bergoncang atau pecah berantakan dan tiada satu kekuatan yang dapat menahannya. Hal ini berlaku semasa tercetusnya gempa-gempa bumi atau ledakan-ledakan gunung berapi yang mendedahkan sifat liar dan ganas yang terpendam pada binatang bumi yang mudah dan selesa ditunggangi itu. Allahlah yang memegang tali kekang binatang bumi ini. Ia tidak boleh memberontak melainkan sekadarnya sahaja dan tidak boleh bertindak liar melainkan beberapa detik sahaja dan dalam detik-detik inilah segala sesuatu yang dibangunkan manusia di atas belakangnya akan pecah hancur atau akan tenggelam dalam perutnya apabila ia membuka salah satu mulutnya dan menelan. Ia akan terus bergoncang sedangkan manusia tidak dapat berbuat apa-apa.

Dalam menghadapi kedahsyatan peristiwa gempa bumi dan ledakan gunung berapi, manusia kelihatan seperti tikus-tikus kecil yang terkepung di dalam sangkar ketakutan, kerana selama ini mereka berada di dalam keamanan dan ketenteraman yang menyebabkan mereka lupa kepada qudrat Allah Yang Maha Agung yang memegang teraju pemerintah alam.

Manusia juga melihat ribut taufan yang dahsyat yang melempar batu-batunya memusnah, meruntuh, membakar dan mengorbankan jiwa. Dalam menghadapi peristiwa ini juga mereka kelihatan lemah walaupun dengan menggunakan segala ilmu pengetahuan yang diketahui mereka dan segala tindakan yang dilakukan mereka. Apabila ribut taufan mendaung menghujani batu-batu, memusnahkan segala sesuatu di tengah jalannya sama ada di darat atau di laut atau di udara, manusia akan berdiri kerdil, lemah dan lesu di hadapan ribut itu sehingga Allah kembali memegang tali kekangnya dan menjadikannya reda dan lembut.

Amaran Dari Allah

Al-Qur'an mengingatkan manusia yang tertipu dengan ketenangan binatang bumi dan keselesaan menuntunnya. Mereka ditipu keamanan hingga lupakan Allah Pencipta dan Pengasuh binatang itu.

Allah mengingatkan mereka dengan peristiwa-peristiwa kemusnahan yang dahsyat yang mereka tidak dapat berbuat apa-apa terhadapnya. Bumi yang teguh di bawah tapak kaki mereka tiba-tiba bergoyang memuntahkan lahar-lahar yang mendidih. Angin yang nyaman di sekeliling mereka tiba-tiba berubah kepada ribut taufan yang menurunkan hujan-hujan batu dan tiada kekuatan dari ciptaan manusia yang dapat menghalanginya dari kemusnahan. Allah mengingat dan memberi amaran kepada mereka dengan ancaman yang menggerunyutkan urat saraf dan merenggangkan sendi-sendi anggota:

فَسَتَعْلَمُونَ كَيْفَ نَذِيرِ ﴿١٧﴾

"Ketika itu kamu akan mengetahui bagaimana dahsyatnya akibat amaran-Ku."(17)

Kemudian Al-Qur'an membawa contoh-contoh yang telah berlaku kepada manusia dan peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada pendusta-pendusta di zaman lampau:

وَلَقَدْ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya umat-umat yang dahulu dari mereka telah mendustakan (rasul-rasul), maka (lihatlah) bagaimana beratnya sangkalan-Ku."(18)

Ketenteraman Membawa Kepada Kelalaian

Allah telah menyangkal perbuatan orang-orang yang terdahulu dari mereka yang telah mendustakan rasul-rasul, lalu Allah bertanya kepada mereka, **"(Lihatlah) bagaimana beratnya sangkalan-Ku?"** Dan mereka memang tahu kesan-kesan sangkalan itu, kerana kesan-kesan kemusnahan dan keruntuhan itulah yang dapat menceritakan bagaimana dahsyatnya sangkalan Allah.

Keamanan dan ketenteraman yang disangkalkan Allah terhadap manusia ialah keamanan dan ketenteraman yang melalaikan mereka dari Allah, dari qudrat dan taqdir-Nya, bukanlah keamanan dan ketenteraman kerana bermesra dengan Allah, dengan naungan dan rahmat-Nya. Orang yang beriman akan merasa tenang apabila ia bermesra dengan Allah di samping mengharapkan rahmat dan limpah kurnia-Nya. Keamanan dan ketenteraman seperti ini tidak membawa kepada kelalaian, kelupaan dan kelekaan di dalam kemewahan dan keni'matan hidup dunia, malah ketenteraman itu mendorong manusia ke arah sentiasa menaruh harapan kepada Allah, ke arah malu kepada Allah dan bersikap hati-hati terhadap kemurkaan-Nya, dan seterusnya ke arah menjaga dari malapetaka yang tersembunyi dalam taqdir-taqdir Allah serta patuh dan tenteram.

Reaksi Rasulullah Apabila Melihat Awan Mendung

Ujar al-Imam Ahmad dengan sanadnya dari Aisyah Radiallahu 'anha katanya:

ما رأيت رسول الله – صل الله عليه وسلم – مستجمعاً ضاحكاً حتى أرى منه لهواته . إنما كان يبتسم . وقالت : كان رسول الله – صل الله عليه وسلم – إذا رأى غيماً أو ريحاً عرف ذلك في وجهه . قالت : يا رسول الله إن الناس إذا رأوا الغيم فرحوا رجاء أن يكون فيه المطر ، وأراك إذا رأيته عرفت في وجهك الكراهية . فقال رسول الله – صل الله عليه وسلم – : يا عائشة ما يؤمنني أن يكون فيه عذاب ؟ قد عذب قوم بالريح . وقد رأى قوم العذاب وقالوا ، هذا عارض ممطرنا.

"Aku tidak pernah melihat Rasulullah s.a.w. ketawa dengan sepenuh hati hingga aku nampak anak tengkuknya, tetapi beliau hanya tersenyum sahaja. Ujar Aisyah: Biasanya apabila Rasulullah s.a.w. nampak awan mendung atau angin dapatlah dikenalkan pada air mukanya tanda-tanda beliau tidak senang. Lalu Aisyah berkata: Wahai Rasulullah! Bagi orang ramai, apabila mereka melihat awan mendung, mereka terus bergembira kerana mengharapkan ia akan membawa hujan, tetapi hamba tengok anda apabila nampak awan mendung hamba dapat mengecamkan pada air muka anda tanda tidak senang. (Mengapa begitu?). Jawab Rasulullah s.a.w.: Wahai Aisyah! Apakah yang boleh mententeramkan hatiku dari merasa bimbang bahawa awan mendung itu akan membawa 'azab? Kerana ada kaum yang telah di'azabkan Allah dengan angin ribut. Dan ada pula kaum yang melihat 'azab angin ribut tetapi mereka berkata: Inilah awan-awan yang akan menurunkan hujan kepada kita."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim dari Hadith ibn Wahab)

Itulah perasaan orang yang sentiasa mengingati Allah dan taqdir-Nya, dan perasaan ini tidak berlawanan dengan rasa ketenteraman terhadap rahmat Allah dan harapan mendapat limpah kurnia-Nya.

Manusia Tidak Berupaya Menguasai Bencana Alam

Ayat itu mengembalikan semua sebab-sebab yang lahir kepada Allah selaku sebab utama dan mengembalikan segala urusan kepada Allah yang memegang teraju pemerintahan 'alam Yang Maha Berkuasa di atas segala sesuatu. Semua peristiwa-peristiwa ditelan bumi, ribut yang menurunkan hujan-hujan batu, letupan gunung-gunung berapi dan gempa bumi, taufan dan seluruh tenaga alam dan gejala-gejalanya yang tidak dapat dikuasai manusia adalah semuanya terpulang kepada Allah belaka. Apa yang disifatkan manusia tentang peristiwa-peristiwa itu hanya merupakan andaian-andaian dari percubaan mereka untuk mentafsirkan kejadian peristiwa-peristiwa itu. Tetapi mereka tidak ikut campur tangan melahirkan peristiwa-peristiwa itu. Mereka tidak dapat melindungi diri mereka darinya dan segala apa yang dibuat mereka di atas bumi ini musnah dalam gempa-gempanya dan musnah dalam ribut-ribut taufannya seolah-olah barang-barang mainan yang diperbuat dari kertas sahaja. Oleh itu, adalah lebih baik kepada mereka mengembalikan segala peristiwa ini kepada Allah Pencipta alam buana dan undang-undang-Nya, yang mengendalikan segala gejala alam. Dialah yang menyediakan tenaga-tenaga alam yang sebahagiannya dapat dilihat dalam peristiwa-peristiwa bencana itu. Oleh itu, adalah lebih baik kepada mereka memandang ke langit sebagai lambang dari ketinggian Ilahi supaya mereka mengingati Allah yang memegang teraju pemerintahan alam dan Yang Maha Kuasa di atas segala sesuatu.

Manusia itu kuat mengikut kadar kekuatan yang dikurniakan Allah kepadanya, dan manusia itu alim mengikut kadar ilmu pengetahuan yang dikurniakan Allah kepadanya, tetapi teraju seluruh alam buana yang amat luas ini adalah di dalam tangan kekuasaan Allah sahaja. Seluruh undang-undang alam adalah dari ciptaan-Nya dan seluruh tenaga alam adalah dari pembekalan-Nya. Seluruh tenaga kekuatan itu adalah bertindak mengikut undang-undang Allah dalam lingkungan batas yang ditentukan-Nya. Apa yang dapat digunakan manusia dari tenaga kekuatan itu adalah ditentu dan diaturkan Allah. Ilmu pengetahuan manusia mengenai tenaga kekuatan itu adalah ditentu dan dimaklumkan Allah. Peristiwa-peristiwa bencana alam yang berlaku dari satu masa ke satu masa itu membuat manusia berdiri di hadapan alam buana yang amat besar ini dengan tangan yang terkilas dan dengan hati yang hampa. Mereka tidak dapat berbuat apa-apa melainkan hanya mengingati Allah selaku Pencipta dan Pengendali tenaga-tenaga kekuatan itu, dan hanya mengharapkan pertolongan Allah untuk menghadapi tenaga kekuatan itu dan menggunakan tenaga kekuatan itu sekadar yang dibolehkan kepada mereka menggunakannya.

Di Antara Ahli Sains Yang Mu'min Dan Ahli Sains Yang Tidak Mu'min

Apabila manusia lupakan hakikat ini dan tertipu dengan ilmu pengetahuan yang dikurniakan Allah kepada mereka dan dengan kepandaian mereka menggunakan setengah-setengah tenaga kekuatan alam ini, maka mereka akan menjadi makhluk yang terputus dari ilmu yang hakiki yang dapat meningkatkan rohnya kepada Allah selaku sumbernya yang maha tinggi, mereka selama-lamanya akan tertambat di bumi dan terpencil dari roh alam al-wujud, sementara ahli-ahli sains yang Mu'min akan terus sujud di dalam temasya alam yang indah dan berhubung mesra dengan Allah Pencipta alam al-wujud Yang Maha Mulia. Ini adalah satu keni'matan yang tidak dapat dikecapi melainkan oleh orang yang telah merasakan kemanisannya apabila kemanisan itu telah dikurniakan Allah kepadanya.

Kekuatan Dan Ilmu Pengetahuan Manusia Hanya Secebis Kurnia Dari Allah

Tetapi tenaga kekuatan alam yang amat besar ini telah memaksa manusia supaya bersikap lemah dan menyerah sama ada ia dikurniakan kemanisan itu atau tidak. Mereka hanya dapat menemui apa yang dapat ditemui mereka, mereka hanya dapat mencipta apa yang dapat diciptakan mereka, mereka hanya memperolehi kekuatan sekadar yang dapat diperolehi mereka, kemudian mereka kembali meng-hadapi tenaga kekuatan alam dengan sikap yang lemah dan kerdil. Kadang-kadang mereka dapat melindungkan diri dari malapetaka ribut taufan, tetapi ribut taufan terus berjalan juga dan mereka tidak berkuasa menghentikannya dan tidak mampu berdiri menghalanginya. Apa yang dapat dicapai oleh daya usahanya dan ilmu pengetahuannya hanya sekadar mencari perlindungan dan menjauhkan diri dari ribut taufan itu. Kadang-kadang ia menjadi korban ribut taufan itu dan ditindih hancur oleh runtuhan dinding-dinding dan bangunan rumahnya. Di dalam lautan mereka terumbang-ambing oleh gelombang-gelombang yang besar dan angin ribut yang kuat hingga sebesar-besar kapal yang dinaiki mereka kelihatan seperti kapal mainan kanak-kanak yang ditiup angin. Sementara gempa bumi dan ledakan gunung berapi terus berlaku hingga ke akhir zaman.

Hanya manusia-manusia malang yang buta mata hati sahaja yang sanggup mengatakan bahawa "Manusia boleh berdiri di atas kaki sendiri" di alam al-wujud ini dan manusia itu adalah tuan alam al-wujud.

Manusia telah dilantikkan sebagai khalifah, yang memerintah di bumi ini dengan keizinan Allah. Dia kurniakan kekuatan, kebolehan dan ilmu pengetahuan sebagaimana yang dikehendaki Allah. Allahlah yang menjadi pemelihara dan penaungnya. Allahlah yang memberi rezeki kepadanya. Andainya Allah berlepas tangan darinya barang sedetik, ia akan dihancurkan oleh sekecil-kecil tenaga. kekuatan alam yang dijadikan untuknya dan dia akan dimakan lalat dan binatang yang lebih kecil dari lalat, tetapi dengan keizinan dan naungan Allah, ia dijaga, dipelihara dan dimuliakan. Oleh itu, hendaklah ia tahu dari mana ia mendapat penghormatan dan limpah kurnia yang amat besar itu.

(Pentafsiran ayat 19)

Setelah itu Al-Qur'an membawa mereka berpindah dari amaran dan ancaman kepada seruan memperhati dan berfikir tentang satu pemandangan alam yang besar yang dilihat mereka, tetapi sangat sedikit direnungi dan difikirkan mereka. Pemandangan itu merupakan salah satu dari gejala-gejala qudrat Allah dan salah satu dari kesan-kesan pentadbiran Ilahi yang amat halus:

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ فَوْقَهُمْ صَافَّاتٍ وَيَقْبِضْنَ ۚ مَا
يُمْسِكُهُنَّ إِلَّا الرَّحْمَٰنُ ۚ إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ بَصِيرٌ ﴿١٩﴾

"Apakah mereka tidak melihat burung-burung yang terbang di atas mereka dengan mengembang dan mengecutkan kepaknya? Tiada yang menahankan burung-burung itu dari jatuh melainkan Allah Yang Maha Penyayang. Sesungguhnya Dia Maha Melihat segala sesuatu."(19)

Mu'jizat Penerbangan Burung

Kejadian yang aneh ini berlaku di setiap detik, dan oleh kerana ia berlaku begitu kerap, maka ia telah membuat kita lupa kepada ertinya yang membayangkan qudrat dan kebesaran Allah. Perhatikanlah burung ini ketika ia mengembang dan meluruskan kedua-dua sayapnya kemudian ia mengecutkannya, dan ketika ia melakukan dua gerakan mengembang dan mengecutkan kepak-kepaknya itu ia tetap berada di udara dan merenanginya dengan mudah dan selesa. Ia membuat gerakan-gerakan penerbangan yang membuat orang-orang yang melihatnya merasa seolah-olah menyaksi pertunjukan penerbangan iaitu pertunjukan yang memperlihatkan keindahan penerbangan yang menjunam turun dan menjulang naik.

Renungilah pemandangan ini dan ikutilah gerak penerbangan segala jenis burung yang mempunyai cara penerbangan yang tersendiri kerana pemandangan itu tidak menjemukan mata dan tidak membosankan hati. Ia merupakan suatu keni'matan di samping mencetuskan fikiran dan penelitian terhadap ciptaan Allah yang permai, di mana bertemunya keindahan dan kesempurnaan.

Al-Qur'an memberi isyarat supaya memperhatikan pemandangan yang menarik ini:

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ فَوْقَهُمْ صَافَّاتٍ وَيَقْبِضْنَ ۚ

"Apakah mereka tidak melihat burung-burung yang terbang di atas mereka dengan mengembang dan mengecutkan kepaknya?"(19)

Kemudian ia menyarankan bahawa di sebalik penerbangan itu terdapat pentadbiran dan perencanaan Ilahi:

مَا يُمْسِكُهُنَّ إِلَّا الرَّحْمَٰنُ ۚ

"Tiada yang menahankan burung-burung itu dari jatuh melainkan Allah Yang Maha Penyayang."(19)

Allah Yang Maha Penyayanglah yang menahankan burung-burung itu dari gugur dengan undang-undang yang rapi dan aneh, di mana segala sesuatu sama ada yang kecil atau besar dijaga dengan teliti dan dikirakan sehalus kiraan sel dan atom, iaitu undang-undang yang memelihara ribuan perseimbangan dan penyelarasan di bumi, di udara dan pada bentuk kejadian burung itu sendiri untuk membolehkan terlaksananya mu'jizat penerbangan ini dan membolehkannya melakukan penerbangan itu berulang-ulang dan terus berulang-ulang dengan teratur.

Allah Yang Maha Penyayanglah yang menahan burung-burung itu dari gugur dengan qudrat kuasa-Nya yang tak pernah lemah dan dengan pengawasan-

Nya yang tak pernah luput. Qudrat pengawasan Ilahi inilah yang memelihara undang-undang alam ini bertindak terus selama-lamanya dengan rapi dan teratur. Ia tidak pernah lemah dan tidak pernah kacau walaupun sekelip mata hingga ke masa yang dikehendaki Allah, **"Tiada yang menahankan burung-burung itu dari jatuh melainkan Allah Yang Maha Penyayang."** Dengan ungkapan yang langsung ini ia membayangkan tangan qudrat Allah yang memegang setiap burung yang terbang mengembang dan mengecutkan kepaknya di udara.

إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَيۡءِۭ بَصِيرٌ ١٩

"Sesungguhnya Ia Maha Melihat segala sesuatu."(19)

Yakni Allah melihat dan mengetahui segala sesuatu, kerana itu Dia menyedia, mengatur, memberi tenaga kekuatan dan memelihara segala-galanya di setiap sa'at dengan penuh ketelitian dan ilmu yang mendalam.

Penahanan atau pemegangan burung di udara sama dengan penahanan dan pemegangan binatang-binatang yang hidup di atas bumi yang terbang berlegar di angkasa raya dengan segala penghuninya, dan sama dengan penahanan dan pemegangan seluruh jirim yang wujud di langit. Tiada yang menahankannya dari keguguran melainkan Allah. Tetapi Al-Qur'an menarik perhatian dan hati manusia kepada pemandangan yang dapat dilihat dan difahamkan mereka, dan ia menyentuh hati mereka dengan berbagai-bagai saranan dan nada kenyataannya. Jika tidak begitu seluruh ciptaan Allah itu adalah mu'jizat belaka, seluruhnya indah belaka dan seluruhnya memberi saranan dan ilham belaka. Setiap hati dan setiap generasi dapat memahaminya sekadar kebolehan dan pemerhatian masing-masing menurut taufiq yang diberikan Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 21)

Kemudian Al-Qur'an menyentuh hati mereka sekali lagi dengan membawa mereka kepada pemandangan keseksaan dan ketakutan ditelan bumi dan diserang ribut taufan, setelah ia membawa mereka menjelajah bersama-sama burung yang terbang aman:

Tiada Tentera Yang Dapat Menyelamatkan Orang-orang Kafir

أَمَّنۡ هَٰذَا ٱلَّذِي هُوَ جُندٞ لَّكُمۡ يَنصُرُكُم مِّن دُونِ ٱلرَّحۡمَٰنِۚ إِنِ ٱلۡكَٰفِرُونَ إِلَّا فِي غُرُورٍ ٢٠

"Siapakah gerangannya orang yang dapat menjadi tentera kamu yang boleh menolong kamu selain dari Allah Yang Maha Penyayang? Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu sentiasa berada di dalam kekeliruan."(20)

Dahulu Al-Qur'an telah menakutkan mereka dengan bencana ditelan bumi dan dipukul ribut yang kencang dan ia mengingatkan mereka tentang untung nasib yang diterima oleh orang-orang dahulu kala yang disangkalkan Allah dengan membinasakan mereka, dan kini Al-Qur'an kembali menanyakan mereka: Siapakah gerangannya orang yang dapat menolong dan melindungi mereka dari 'azab Allah selain Allah? Siapakah gerangannya orang yang sanggup mempertahankan mereka dari keseksaan Allah Yang Maha Penyayang selain Allah Yang Maha Penyayang? **"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu sentiasa berada di dalam kekeliruan."** Kekeliruan inilah yang membuat mereka merasa aman dan merasa berada dalam perlindungan dan ketenteraman, sedangkan mereka terdedah kepada kemurkaan dan keseksaan Allah tanpa mendapat sebarang pertolongan dari keimanan dan amalan yang boleh menurunkan rahmat Allah yang Rahman.

Sekali lagi Al-Qur'an menyentuh, persoalan rezeki yang dini'mati mereka, tetapi mereka lupakan sumbernya, kemudian mereka tidak takut kehilangan rezeki dan mereka bersikap angkuh dan terus berpaling dari hidayat Allah:

أَمَّنۡ هَٰذَا ٱلَّذِي يَرۡزُقُكُمۡ إِنۡ أَمۡسَكَ رِزۡقَهُۥۚ بَل لَّجُّواْ فِي عُتُوّٖ وَنُفُورٍ ٢١

"Siapakah gerangannya orang yang dapat memberi rezeki kepada kamu jika Allah menahankan rezeki-Nya? Tetapi mereka terus bongkak dan menjauhkan diri (dari hidayat).(21)

Tiada Sumber Rezeki Yang Lain Dari Allah

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini, rezeki seluruh manusia adalah terikat dengan iradat Allah pada punca-puncanya yang pertama lagi iaitu terikat pada rekabentuk alam buana, juga pada unsur-unsur bumi dan udara. Itulah punca-punca rezeki yang sama sekali tidak dapat dikuasai manusia dan sama sekali tidak mempunyai hubungan dengan tindakan-tindakan manusia. Punca-punca ini lebih dahulu wujud dari manusia dan lebih besar dari manusia dari segi tenaga dan lebih berkuasa dari manusia dalam menghapuskan segala kesan-kesan hayat apabila dikehendaki Allah.

Siapakah gerangannya yang sanggup memberi rezeki kepada manusia jika Allah menahankan air atau menahankan udara atau menahankan bahan-bahan asasi yang menjadi punca kewujudan segala sesuatu?

Pengertian rezeki itu lebih luas, lebih lama masanya, lebih mendalam akar umbinya dari pengertian rezeki yang difahamkan sepintas lalu oleh akal ketika mendengar kata-kata rezeki itu. Segala sesuatu sama ada kecil atau besar dalam soal rezeki adalah terpulang kepada qudrat Allah Ta'ala dan perencanaan-Nya, juga terpulang kepada iradat Allah sama ada hendak melepaskan punca-punca rezeki itu atau menahannya.

Pengertian Rezeki Yang Luas Dan Mendalam

Dalam pengertian rezeki yang luas dan mendalam ini tercakup segala pengertian yang dekat bagi kata-kata rezeki itu, iaitu pengertian yang membuat manusia menyangka bahawa rezeki adalah dari hasil daya usahanya seperti usaha-usaha bekerja, mencipta dan mengeluar, sedangkan seluruhnya bergantung kepada wujudnya punca-punca rezeki dan bahan-bahan asasi di satu pihak dan bergantung kepada limpah kurnia Allah kepada individu-individu dan umat-umat di satu pihak yang lain pula. Tiada nafas yang ditarikkan seseorang pekerja dan tiada gerak yang dilakukannya melainkan semuanya dari rezeki Allah yang menciptakannya. Dialah yang mengurniakan kepada seseorang kebolehan dan tenaga. Dialah yang menjadikan nyawa untuknya supaya ia bernafas. Dialah yang menjadikan bahan makanan yang membakar di dalam jasadnya untuk memberikannya tenaga untuk bergerak. Tiada tenaga akal fikiran yang digunakan oleh seseorang pereka melainkan semuanya dari rezeki Allah yang mengurniakan kepadanya kebolehan berfikir dan mencipta. Tiada pengeluaran yang dihasilkan oleh seseorang pekerja atau pencipta melainkan dengan menggunakan bahan-bahan yang dijadikan Allah dan menggunakan sumber-sumber alam dan manusia yang semuanya berasal dari rezeki Allah, **"Siapakah gerangannya yang sanggup memberi rezeki kepada kamu jika Allah menahankan rezeki-Nya?"**

بَل لَّجُّوا۟ فِى عُتُوٍّ وَنُفُورٍ ﴿٢١﴾

"Tetapi mereka terus bongkak dan menjauhkan diri (dari hidayat) Allah."(21)

Gejala Keangkuhan Manusia

Ungkapan ini melukiskan sikap manusia yang angkuh dan sombong setelah Al-Qur'an menjelaskan hakikat rezeki dan membuktikan bahawa seluruh mereka adalah para tanggungan yang hidup bergantung kepada rezeki Allah. Seburuk-buruk sifat angkuh dan sombong ialah sifat angkuh dan sombong yang ditunjukkan oleh orang-orang tanggungan terhadap orang yang memberi makanan dan pakaian kepada mereka. Sedangkan mereka sendiri tidak mempunyai sesuatu apa selain apa yang diberikan kepada mereka, dan dalam keadaan ini pun mereka masih bersifat angkuh dan sombong.

Ungkapan ini menggambarkan hakikat jiwa manusia yang menolak da'wah kepada Allah dengan sombong dan bongkak, sedangkan mereka lupa bahawa diri mereka sendiri dari ciptaan Allah dan mereka hidup bergantung kepada limpah kurnia-Nya dan mereka tidak memiliki sesuatu apa dalam urusan kewujudan, kehidupan dan pembekalan rezeki mereka.

(Pentafsiran ayat 22)

Namun begitu mereka menuduh Nabi s.a.w. dan sahabat-sahabatnya sebagai orang-orang yang sesat dan menyangka bahawa mereka berada di jalan yang lebih betul sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang yang seperti mereka terhadap pendawah-penda'wah di setiap zaman. Oleh kerana itu Al-Qur'an menggambarkan keadaan mereka dan keadaan orang-orang Mu'min dalam satu pemandangan yang hidup yang mendedahkan hakikat yang sebenar:

أَفَمَن يَمْشِى مُكِبًّا عَلَىٰ وَجْهِهِۦٓ أَهْدَىٰٓ أَمَّن يَمْشِى سَوِيًّا عَلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٢٢﴾

"Apakah orang yang berjalan dengan menyungkurkan mukanya kebumi lebih mendapat hidayat atau orang yang berjalan tegak di atas kakinya dan mengikuti jalan yang lurus?"(22)

Perjalanan Orang Yang Mendapat Hidayat Dan Orang Yang Sesat

Maksud orang yang berjalan dengan menyungkurkan mukanya ke bumi itu ialah sama ada ia benar-benar berjalan di atas mukanya bukan di atas dua kakinya yang berdiri tegak sebagaimana yang diciptakan Allah, atau maksudnya ia rebah tergelincir menyebabkan mukanya tersembam kemudian ia bangkit kembali, tetapi tersembam lagi. Kedua-dua keadaan ini sama sahaja iaitu menggambarkan keadaan perjalanan manusia yang menderita kesulitan, kepayahan, rebah dan tergelincir dan tidak sampai ke mana-mana, iaitu tidak sampai kepada hidayat dan kebajikan. Mereka sama sekali tidak boleh dibandingkan dengan orang-orang yang berjalan di atas kakinya dan mengikuti jalan yang lurus, tanpa rebah-rebah dan gelincir, sedangkan matlamatnya pula jelas di hadapannya.

Gambaran yang pertama ialah gambaran manusia celaka, malang dan sesat dari jalan Allah dan diharamkan dari hidayat-Nya. Itulah gambaran manusia yang bercanggah dengan undang-undang Allah dan bercanggah dengan semua makhluk-Nya. Dia bertentangan dengan mereka dalam perjalanannya. Dia mengambil jalan yang berlainan dari jalan mereka. Dia sentiasa rebah, tergelincir, penat dan sesat.

Gambaran yang kedua ialah gambaran manusia yang bahagia, yang bernasib baik, yang mendapat hidayat ke jalan Allah dan meni'mati hidayat-Nya. Dia berjalan mengikut undang-undang Allah di lebuhraya yang lapang dan luas, iaitu lebuhraya yang dilalui oleh angkatan Mu'min yang menjunjung keimanan, tahmid dan tamjid, iaitu angkatan seluruh makhluk yang wujud di alam ini sama ada berupa makhluk-makhluk yang hidup atau benda-benda yang beku.

Ciri-ciri kehidupan keimanan itu ialah mudah, lurus dan bermatlamat, sedangkan ciri kehidupan kekufuran itu payah, gelincir dan sesat.

Manakah di antara kedua manusia ini yang lebih mendapat hidayat? Pertanyaan ini tidak memerlukan

jawapan. Ia merupakan pertanyaan untuk menegakkan kebenaran dan mengakurkannya.

Babak soaljawab menghilang dan yang kelihatan di hati ialah pemandangan sekumpulan manusia yang berjalan di atas muka mereka atau manusia yang tersembam di tengah jalan. Mereka berjalan tanpa tujuan dan tanpa hala, dan pemandangan sekumpulan manusia yang berjalan dengan kepala yang tegak ke atas dan dengan hayunan langkah-langkah yang lurus ke hala yang lurus menuju matlamat yang telah ditentukan.

Itulah cara Al-Qur'an mendedahkan hakikat-hakikat dan menjelaskan kehidupan dalam bentuk gambaran-gambaran.[3]

(Pentafsiran ayat 23)

Setelah menyebut persoalan hidayat dan kesesatan Al-Qur'an mengingatkan mereka kepada limpah kurnia Allah yang telah memberikan kepada mereka alat-alat untuk mencari hidayat dan alat-alat untuk memahami dan mengerti, tetapi mereka tidak menggunakan alat-alat itu dan tidak pula bersyukur kepada Allah:

Manusia Dibekalkan Dengan Alat-alat Untuk Mencari Ilmu Pengetahuan Dan Hidayat

قُلْ هُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَكُمْ وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ
وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۖ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٢٣﴾

"Katakanlah: (Wahai Muhammad!) Allah itulah Tuhan yang telah menciptakan kamu dan mengadakan untuk kamu anggota pendengaran, penglihatan dan hati nurani, tetapi (sayang) sedikit benar kamu bersyukur."(23)

Hakikat bahawa Allah itulah yang menciptakan manusia merupakan satu hakikat yang mendesak akal manusia mengakuinya dan satu hakikat yang ditonjolkan dengan bukti-bukti yang kukuh, yang sukar ditolak. Manusia (selaku makhluk yang paling tinggi, paling mengetahui dan paling berkemampuan dari segala makhluk yang lain) telah wujud di alam ini. Sedangkan ia tidak mencipta dirinya sendiri. Oleh itu, di sana pasti ada Zat yang lebih tinggi, yang lebih mengetahui dan yang lebih berkuasa yang menciptanya. Kewujudan Pencipta manusia pasti diakui, kerana kewujudan manusia itu sendiri membuat manusia terpaksa berdepan dengan hakikat ini. Mempertikaikah hakikat ini merupakan satu perdebatan yang tidak wajar dilayani.

Al-Qur'an mengingatkan hakikat ini di sini untuk mengingatkan di sampingnya alat-alat untuk mendapat ilmu pengetahuan yang dibekalkan Allah kepada manusia:

وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۖ

"Dan mengadakan untuk kamu anggota pendengaran, penglihatan dan hati nurani."(23)

Tetapi manusia tidak mensyukuri ni'mat penciptaan, ni'mat pendengaran, penglihatan dan hati nurani:

قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٢٣﴾

"Tetapi (sayang) sedikit benar kamu bersyukur."(23)

Pendengaran dan penglihatan merupakan dua mu'jizat yang amat besar. Manusia hanya mengetahui beberapa sifat dari sifat-sifatnya yang aneh sahaja. Hati nurani yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an sebagai daya kecerdasan untuk memahami dan mengenali sesuatu merupakan satu mu'jizat yang lebih aneh lagi. Ciri-cirinya belum lagi diketahui melainkan sedikit sahaja. Ia merupakan rahsia Allah pada makhluk manusia yang unik itu.

Mu'jizat Pendengaran

Sains moden telah membuat percubaan-percubaan untuk mengenalpastikan mu'jizat pendengaran dan penglihatan. Di sini kita sebutkan sebahagian kecil darinya:

> "Indera dengar mulai dari bahagian luar telinga dan tiada siapa yang mengetahui melainkan Allah ke mana ia berakhir. Kata sains: "Getaran yang dilahirkan oleh bunyi di udara itu dipindahkan ke dalam liang telinga yang bertugas mengatur kemasukan getaran itu supaya jatuh di atas gegendang telinga dan gegendang telinga pula akan memindahkan getaran itu kepada bahagian dalam telinga.
>
> Bahagian dalam telinga mengandungi sejenis selaput yang berbentuk seperti skru dan separuh bulat. Di dalam bahagian yang berbentuk skru sahaja terdapat empat ribu kaus yang seni yang bersambung-sambung dengan saraf pendengaran di dalam kepala.
>
> Berapa panjang dan berapa besarnya tiap-tiap satu kaus itu? Bagaimana kaus-kaus yang berjumlah ribuan itu disusun dalam satu bentuk yang tertentu? Seluas mana ruang tempat diletakkan kaus-kaus itu? Ini tidak termasuk tulang-tulang seni yang berombak-ombak. Semuanya terdapat di bahagian dalaman telinga yang hampir-hampir tidak dapat dilihat. Di dalam telinga terdapat seratus ribu sel pendengaran. Saraf-saraf pendengaran pula berakhir dengan rerambut yang amat seni yang menakjubkan".[4]
>
> "Pusat indera lihat mengandungi seratus tiga puluh juta penerima cahaya iaitu hujung-hujung saraf penglihatan. Biji mata tersusun dari lapisan luar (sklera); kornea dan lapisan dalam (retina) di

---

3 *Lihat fasal* طريقة القرآن *dan fasal* التخييل الحسي والتجسيم *di dalam kitab* التصوير الفني في القرآن.

4 *Dari buku* الله والعلم الحديث *m.s. 57.*

samping saraf-saraf dan saluran-saluran yang amat banyak".[5]

Mu'jizat Penglihatan

"Bahagian dalam mata (retina) terdiri dari sembilan lapisan yang berasingan. Lapisan yang paling dalam sekali tersusun dari rod-rod dan kon-kon. Dikatakan bahawa jumlah rod ialah tiga puluh juta dan jumlah kun ialah tiga juta. Rod-rod dan kon-kon itu tersusun rapi dan seimbang di antara satu sama lain dan seimbang dengan kantakanta. Tebal kanta dua mata anda adalah berbeza-beza kerana itu ia mengumpul semua cahaya pada satu pusat. Hal yang seperti ini tidak boleh didapati oleh manusia pada mana-mana bahan yang sejenis seperti kaca dan sebagainya."[6]

Hati Nurani Dan Fungsinya

Hati nurani merupakan ciri khusus yang menjadikan manusia itu insan. Ia merupakan daya-daya pemahaman, pembezaan dan pengenalan. Dengan wujudnya daya-daya inilah manusia telah dilantik menjadi khalifah yang memerintah kerajaan alam yang luas ini. Dengan daya-daya ini juga manusia dapat memikul amanah agama Allah yang tidak dapat dipikul oleh langit, bumi dan gunung-ganang, iaitu amanah beriman secara sukarela, mencari hidayat dengan sendiri dan bersikap jujur secara spontan di atas agama yang benar. Tiada seorang pun yang tahu hakikat daya ini dan di mana pusatnya. Adakah di dalam tubuh atau di luar tubuh manusia? Oleh itu, hati nurani merupakan rahsia Allah yang tersimpan pada manusia dan tiada seorang pun yang mengetahui selain dari Allah.

Walaupun Allah telah memberi pengurniaan-pengurniaan yang sedemikian besar kepada manusia untuk membolehkan mereka memikul amanah agung itu, namun mereka tidak juga bersyukur:

قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٢٣﴾

"Tetapi (sayang) sedikit benar kamu bersyukur."(23)

Kenyataan ini menimbulkan rasa malu apabila diperingatkan hakikat ini. Al-Qur'an mengingatkan mereka di sini dan mengingatkan setiap orang yang kafir yang tidak bersyukur kepada ni'mat Allah. Mereka sebenarnya tidak dapat membalas ni'mat-ni'mat itu walaupun seluruh hidup mereka dihabiskan untuk bersyukur.

(Pentafsiran ayat-ayat 24 - 27)

Kemudian Al-Qur'an mengingatkan mereka bahawa Allah tidak menciptakan manusia dan mengurniakan ciri-ciri ini dengan sia-sia dan semborono tanpa sesuatu tujuan, malah Dia mengurniakan kepada mereka kesempatan hidup di dunia ini untuk menguji mereka, dan di hari balasan nanti mereka akan menerima balasannya:

قُلْ هُوَ ٱلَّذِى ذَرَأَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ وَإِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾

"Katakan lagi kepada mereka: Allah itulah Tuhan yang telah menciptakan kamu mengembang biak di bumi dan kepada-Nya kamu sekalian dikumpulkan kembali."(24)

Seluruh Manusia Akan Dikumpulkan Di Mahsyar

Kata-kata "ذراكم" mengandungi makna membiak dan bertaburan, dan kata-kata "تحشرون" bermakna mengumpulkan sesuatu yang bertaburan di merata pelusuk. Ini merupakan dua kegiatan yang bertentangan dari segi gambaran dan makna dan menghasilkan dua pemandangan, iaitu pemandangan umat manusia yang mengembang subur dan bertaburan di bumi dan pemandangan umat manusia yang dikumpulkan kembali di Padang Mahsyar. Kedua-dua pemandangan itu dihimpunkan di dalam satu ayat supaya kedua-duanya bertemu di dalam perasaan dan pemikiran manusia mengikut cara gaya pengungkapan Al-Qur'an, juga supaya umat manusia yang bertaburan di bumi itu mengambil ingatan bahawa mereka sedang menuju kepada satu matlamat iaitu berkumpul di Mahsyar, dan bahawa di sebalik hidup dunia dan di sebalik ujian dengan mati dan hidup ini ada suatu hikmat.

Kemudian Al-Qur'an mengisahkan keraguan mereka terhadap Hari Perhimpunan yang dijanjikan itu:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan mereka berkata: Bilakah datangnya Hari Qiamat yang dijanjikan ini jika kamu benar?"(25)

Itulah pertanyaan orang yang dilamun keraguan, dan itulah juga pertanyaan orang yang degil dan angkuh, sedangkan mengetahui masa Qiamat itu tidak menjejaskan suatu apa dan tidak pula mempunyai apa-apa hubungan dengan hakikat Hari Qiamat sebagai hati balasan selepas menjalani ujian. Bagi mereka sama sahaja sama ada Hari Qiamat itu datang besok atau datang setelah berlalunya berjuta-juta tahun, kerana yang penting ialah Hari Qiamat itu tetap akan datang dan seluruh mereka akan dihimpunkan pada hari itu dan segala amalan mereka dalam kehidupan dunia akan diberi balasan.

Oleh sebab itu Allah tidak memberitahu masa Qiamat itu kepada mana-mana makhluk-Nya, kerana tidak ada sebarang kepentingan untuk mereka mengetahuinya. Begitu juga ia tidak ada sebarang hubungan dengan sifat dan hakikat Hari Qiamat. Demikian pula ia tidak memberi sebarang kesan kepada taklif-taklif yang diwajibkan supaya dilaksanakan oleh manusia sebagai persediaan untuk menemui hari itu, malah yang mendatangkan muslihat dan hikmat ialah menyembunyikan waktu Qiamat itu dari seluruh makhluk-Nya dan mengkhususkan bahawa Allah sahaja yang mengetahui waktu itu:

---

[5] *Sumber yang sama.*

[6] *Dari buku* العلم يدعو للإيمان

قُلْ إِنَّمَا ٱلْعِلْمُ عِندَ ٱللَّهِ وَإِنَّمَآ أَنَا۠ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢٦﴾

"Katakanlah kepada mereka: Pengetahuan tentang Qiamat itu hanya tersimpan di sisi Allah sahaja. Dan aku hanya seorang rasul yang memberi peringatan dan penjelasan."(26)

Masa Qiamat Tersimpan Dalam Ilmu Allah

Di sini timbulnya perbezaan yang jelas di antara Khaliq dan makhluk, dan timbulnya kebersihan Zat Allah dan keesaan-Nya dari sebarang tandingan dan sebarang sekutu, juga tertentunya ilmu Qiamat itu kepada Allah S.W.T. sahaja. Di sana seluruh makhluk termasuk para rasul dan malaikat[7] berdiri di tempat masing-masing dengan sopan-santun menghormati maqam Ilahi Yang Maha Agung, **"Katakanlah pengetahuan tentang Qiamat itu hanya tersimpan di sisi Allah sahaja dan aku hanya seorang rasul yang memberi peringatan dan penjelasan,"** yakni tugasku hanya memberi peringatan dan penerangan, sedangkan ilmu Qiamat itu sendiri adalah tersimpan di sisi Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Tunggal tanpa sebarang sekutu.

Ketika mereka bertanya dengan penuh keraguan dan diberi jawapan yang tegas, ayat yang berikut memberi perasan seolah-olah Hari Qiamat yang ditanya mereka itu telah datang dan waktu Qiamat yang diragui mereka telah tiba dan kini mereka seolah-olah sedang menghadapi hari itu:

فَلَمَّا رَأَوْهُ زُلْفَةً سِيٓـَٔتْ وُجُوهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَقِيلَ هَٰذَا
ٱلَّذِى كُنتُم بِهِۦ تَدَّعُونَ ﴿٢٧﴾

"Kemudian apabila mereka melihat Hari Qiamat itu dari dekat, maka muramlah muka orang-orang yang kafir, lalu dikatakan kepada mereka: Inilah Hari yang kamu cabar dan minta disegerakan kedatangannya."(27)

Apabila Qiamat Tiba

Yakni apabila mereka memandang peristiwa Qiamat itu dan dekat dan menghadapinya di depan mati mereka secara mendadak tanpa sebarang pendahuluan, maka muka mereka terus muram dan tanda-tanda dukacita kelihatan jelas, **"Lalu dikatakan kepada mereka: Inilah hari yang kamu cabar dan minta disegerakan kedatangannya"** yakni inilah Hari Qiamat, ia sudah tiba dan berada di hadapan kamu. Inilah hari yang kamu dakwa tidak akan berlaku.

Cara menayangkan pemandangan-pemandangan yang akan berlaku itu adalah berulang-ulang di dalam Al-Qur'an apabila ia menghadapi pendustaan dan keraguan. Ia menayangkan pemandangan itu secara tiba-tiba dan membuat pendusta dan orang yang ragu itu terus berdepan dengan peristiwa yang dibohongi atau diragui mereka.

Kemudian cara penayangan itu sendiri menggambarkan hakikat yang sebenar iaitu Hari Qiamat itu tetap wujud di dalam ilmu Allah dan garis masa Qiamat di antara ilmu Allah dan manusia hanya wujud dibandingkan kepada manusia sahaja. Ia merupakan satu persoalan yang nisbi (relatif) yang tidak menggambarkan hakikat yang mutlak sebagaimana dalam kiraan Allah. Andainya Allah memberi keizinan nescaya mereka dapat melihat masa Qiamat itu pada sa'at itu sebagaimana yang tersimpan di dalam ilmu Allah. Perpindahan mereka yang mengejut (dalam ayat ini) dari dunia ke Akhirat, dari ragu-ragu kepada suasana menghadapi realiti Hari Qiamat yang diragui mereka mengisyaratkan kepada hakikat Hari Qiamat yang tetap akan berlaku, dan andainya diizinkan Allah, hakikat itu akan terdedah kepada mereka di sa'at Allah menggambarkannya dengan gambaran yang menggoncangkan perasaan mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 29)

Angan-angan Kosong Kaum Musyrikin

Kaum Musyrikin menunggu-nunggu agar Rasulullah s.a.w. dan segelintir orang Mu'min yang ada bersama-samanya akan mati begitu sahaja dan dengan itu mereka akan dapat berehat dan terhindar dari gangguan mereka. Mereka saling memberi nasihat sesama mereka supaya bersabar menghadapi beliau sehingga beliau wafat dan ketika itu ribut yang telah ditimbulkan da'wah dalam barisan mereka akan reda dan tenang. Kaum Musyrikin juga kadang-kadang mendabik dada menyatakan bahawa Allah akan membinasakan Muhammad dan pengikut-pengikutnya kerana mereka adalah manusia-manusia yang sesat dan kerana mereka mengatakan perkara-perkara yang dusta atas nama Allah! Oleh itu, di hadapan pemandangan perhimpunan manusia di Mahsyar dan di hadapan pemandangan balasan di Hari Qiamat, Allah mengingatkan mereka iaitu andainya cita-cita mereka terlaksana, maka ini tidaklah bererti ia dapat menyelamatkan mereka dari menerima akibat kekufuran dan kesesatan. Oleh itu, adalah lebih baik bagi mereka memikirkan hal diri mereka sebelum mereka menghadapi Hari Qiamat yang kini dibentangkan Allah kepada mereka seolah-olah ia sedang berlaku kepada mereka:

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَهْلَكَنِىَ ٱللَّهُ وَمَن مَّعِىَ أَوْ رَحِمَنَا فَمَن
يُجِيرُ ٱلْكَٰفِرِينَ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku jika Allah membinasakanku dan mereka yang ada bersamaku atau jika Allah terus memberi

---

[7] Tersebut dalam sebuah Hadith mengenai hakikat Islam dan iman. Jibril telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang hari Qiamat, jawab beliau "Orang yang ditanya tentang hari itu tidaklah lebih tahu dari orang yang menanyanya." Hadith dikeluarkan oleh Muslim, Abu Daud, at-Tirmizi dan an-Nasa'i.

rahmat kepada kami, siapakah yang dapat melindungkan orang-orang kafir dari 'azab yang amat pedih?"(28)

Ini adalah satu pertanyaan untuk menyedarkan mereka supaya memikirkan untung nasib diri mereka sendiri. Ini lebih baik kepada mereka kerana tidak ada gunanya mengharapkan tercapainya cita-cita mereka supaya Allah membinasakan Nabi dan pengikut-pengikutnya. Begitu juga mereka tentu tidak akan selamat jika Allah terus melimpahkan rahmat-Nya kepada Nabi dan pengikut-pengikutnya, kerana Allah tetap kekal tidak mati. Dialah yang telah menjadikan mereka berkembang subur di bumi dan kepada-Nya kelak seluruh mereka akan dikumpul mengadap-Nya di Padang Mahsyar.

Cara Da'wah Al-Qur'an Yang Bijaksana

Al-Qur'an tidak mengatakan kepada mereka, "Siapakah yang dapat melindungkan kamu dari 'azab yang amat pedih." Malah ia hanya menyindir kepada mereka tentang 'azab yang menunggu orang-orang yang kafir, **"Siapakah yang dapat melindungkan orang-orang kafir dari 'azab yang amat pedih."** Inilah cara da'wah yang bijaksana. Di satu segi ia menakutkan mereka dan di satu segi yang lain pula ia memberi peluang kepada mereka untuk balik ke pangkal jalan. Andainya Al-Qur'an hadapi mereka dengan mengatakan bahawa mereka adalah orang-orang kafir yang tidak akan dapat melarikan diri dari 'azab yang amat pedih, mungkin mereka akan terus mengambil sikap tidak peduli dan degil dan mungkin mereka akan merasa bangga dengan dosa-dosa mereka akibat diancam dan dituduh secara kontan itu.

Dalam setengah-setengah keadaan cara sindiran itu lebih berkesan kepada hati dari cara terus-terang.

Kemudian Al-Qur'an menerangkan sikap orang-orang Mu'min terhadap Allah iaitu kepercayaan dan sikap tawakkal mereka kepada Allah juga kepercayaan mereka terhadap keimanan dan hidayat yang dicapai mereka, juga menerangkan bahawa orang-orang kafir tetap berada di dalam kesesatan:

قُلْ هُوَ ٱلرَّحْمَٰنُ ءَامَنَّا بِهِۦ وَعَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا ۖ فَسَتَعْلَمُونَ مَنْ هُوَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٢٩﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah kepada mereka: Allah Yang Maha Penyayang itulah sahaja yang kami beriman dan kami bertawakkal kepada-Nya dan kamu akan mengetahui siapakah yang sebenarnya berada dalam kesesatan yang nyata?"(29)

Iman Dan Tawakkal Tali Hubungan Rapat Seorang Mu'min Dengan Allah

Sebutan sifat Allah Yang Maha Penyayang di sini menunjukkan kepada limpah rahmat-Nya yang mendalam dan luas ke atas Rasul-Nya dan ke atas orang-orang Mu'min yang ada bersamanya, dan kerana itu dia tidak akan membinasakan mereka seperi yang diangan-angankan oleh orang-orang kafir.

Al-Qur'an mengarahkan Nabi s.a.w. supaya menonjolkan hubungan yang mengikat mereka dengan Allah Yang Maha Penyayang iaitu hubungan iman **"Allah Yang Maha Penyayang itulah sahaja yang kami beriman" dan hubungan tawakkal "Dan kami bertawakkal kepada-Nya",** yakni kepada-Nya sahaja kami bertawakkal. Ungkapan ini membayangkan hubungan yang dekat di antara mereka dengan Allah Yang Maha Penyayang. Di sini Allah S.W.T. telah mengurniakan penghormatan kepada Rasul-Nya dan kepada orang-orang Mu'min dengan memberi keizinan-Nya kepada mereka supaya mengumumkan hubungan mereka yang dekat dengan Allah. Ini seolah-olah Allah berfirman kepadanya, "Jangan engkau takut kepada kata-kata orang kafir, kerana engkau dan pengikut-pengikut engkau mempunyai hubungan yang rapat dengan-Ku dan engkau adalah diizinkan untuk mengumumkan penghormatan ini." Ini adalah satu kenyataan kemesraan dan penghormatan dari Allah.

Ungkapan **"Dan kamu akan mengetahui siapakah yang sebenarnya berada di dalam kesesatan yang nyata"** merupakan satu ancaman yang halus. Ini juga merupakan satu cara da'wah Al-Qur'an bagi mengendurkan kedegilan untuk terus berada di dalam kekufuran. Al-Qur'an menyeru mereka menyemak kedudukan mereka kerana bimbangkan mereka menjadi orang-orang yang sesat kerana akibatnya mereka akan mendapat keseksaan yang tersebut dalam ayat:

فَمَن يُجِيرُ ٱلْكَٰفِرِينَ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٨﴾

"Siapakah yang dapat melindungkan orang-orang kafir dari 'azab yang amat pedih?"(28)

Dalam masa yang sama Allah tidak mengatakan kepada mereka bahawa mereka benar-benar telah sesat supaya mereka tidak merasa angkuh dengan perbuatan mereka yang berdosa. Ini adalah suatu uslub da'wah yang sesuai dengan setengah-setengah jiwa manusia.

(Pentafsiran ayat 30)

Pada akhirnya Al-Qur'an menyindir mereka dengan 'azab dunia sebelum 'azab Akhirat dalam bentuk mengharamkan mereka dari air yang menjadi punca hidup yang pertama ini:

Jika Sumber Air Kekeringan

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَآؤُكُمْ غَوْرًا فَمَن يَأْتِيكُم بِمَآءٍ مَّعِينٍ ﴿٣٠﴾

"(Wahai Muhammad) Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku jika matair kamu itu telah menghilang kering di dalam bumi siapakah pula yang sanggup membawa kepada kamu matair yang mengalir mewah?"(30)

Kata-kata "غورا" bermakna air yang meresap di bumi yang tidak dapat diambil oleh mereka, dan kata-kata "معين" bermakna matair yang memancut keluar. Ini merupakan satu sentuhan yang sangat dekat dengan kehidupan mereka.

Andainya mereka masih meragui hari Qiamat, sedangkan teraju Kerajaan alam berada di tangan Allah Yang Maha Kuasa di atas segala sesuatu, maka apakah akan terjadi jika iradat Allah menghendaki untuk mengharamkan mereka dari air yang menjadi sumber hidup yang amat dekat itu?

Kemudian Al-Qur'an meninggalkan mereka supaya berfikir apakah akan terjadi jika Allah izinkan kejadian kekeringan air itu berlaku?

* * * * * *

Ciri-ciri Keistimewaan Surah Ini

Demikianlah tamatnya surah ini dan berakhirnya pengemblengan nada-nada kenyataan dan sentuhan-sentuhan, pengembaraan-pengembaraan dan penjelajahan-penjelajahan di merata pelusuk alam dan di pendalaman-pendalaman yang jauh. Setiap ayat boleh dikatakan mempunyai nada-nada yang khusus atau merupakan satu pengembaraan di alam majhul dan ghaib atau alam yang dapat dilihat yang tidak mendapat perhatian mata dan hati. Ia merupakan satu surah yang amat besar, iaitu lebih besar dari saiz ukurannya, dari ruangannya dan dari bilangan ayat-ayatnya. Ia merupakan anak-anak panah yang menunjukkan kepada sesuatu yang jauh, dan setiap anak panah masing-masing membuka sebuah alam yang baru.

Surah ini membina beberapa aspek pokok yang amat penting dari asas-asas kefahaman atau persepsi Islam. Ia menanamkan di dalam hati hakikat qudrat Ilahi dan penguasaan-Nya yang mutlak dan hakikat ujian dengan mati dah hidup sebagai persediaan untuk menghadiri perhimpunan di Mahsyar dan untuk menerima balasan, juga menanamkan hakikat kesempurnaan dan keindahan di dalam ciptaan Allah, juga menanamkan hakikat ilmu Allah yang mutlak yang mengetahui segala rahsia dan percakapan yang sulit, juga menanamkan hakikat sumber rezeki, juga hakikat pemeliharaan Allah terhadap sekalian makhluk dan hakikat kehadiran-Nya bersama setiap makhluk. Seterusnya surah ini menanamkan hakikat-hakikat yang menjadi asas kefahaman seseorang Muslim terhadap Allah dan kefahaman terhadap alam dan hubungannya dengan Allah Pencipta alam al-wujud. Dari kefahaman inilah lahirnya peraturan hidup orang-orang Mu'min dengan Tuhannya, dengan dirinya, dengan manusia, dengan makhluk-makhluk yang hidup dan dengan alam seluruhnya baik makhluk-makhluk yang hidup mahupun makhluk-makhluk yang beku. Seterusnya dengan peraturan hidup inilah seseorang Muslim dapat menyesuaikan perasaan, hati nurani, syakhsiyah, nilai, neraca pertimbangannya dan tindak-tanduknya menghadapi hidup.

* * * * * *

JUZU' KE-29

SURAH AL-QALAM

SURAH KE

68

سُورَةُ الْقَلَمِ

SURAH AL-QALAM

Surah Pena

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

52

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

نٓ وَٱلْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ ﴿١﴾

مَآ أَنتَ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ بِمَجْنُونٍ ﴿٢﴾

وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ ﴿٣﴾

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

فَسَتُبْصِرُ وَيُبْصِرُونَ ﴿٥﴾ بِأَييِّكُمُ ٱلْمَفْتُونُ ﴿٦﴾

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ

بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٧﴾

فَلَا تُطِعِ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿٨﴾

وَدُّوا۟ لَوْ تُدْهِنُ فَيُدْهِنُونَ ﴿٩﴾

وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾

"Nun. Demi pena dan demi tulisan yang ditulis mereka(1). Engkau bukannya seorang gila dengan sebab ni'mat (Nubuwah) dari Tuhanmu(2). Dan sesungguhnya engkau akan mendapat pabala yang tidak berkeputusan (3). Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung(4). Oleh itu, engkau akan melihat dan mereka juga akan melihat.(5). Siapakah sebenarnya di antara kamu yang diuji (dengan kegilaan)?(6). Sesungguhnya Tuhanmu itulah yang lebih mengetahui siapakah yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui siapakah orang-orang yang mendapat hidayat?(7). Oleh itu, janganlah engkau tunduk kepada pendusta-pendusta(8). Mereka suka jika engkau bersikap lunak, supaya mereka juga bersikap lunak(9). Dan janganlah engkau tunduk kepada setiap orang yang banyak bersumpah dan hina (budi pekertinya)." (10).

هَمَّازٍ مَّشَّآءٍۭ بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾

مَّنَّاعٍ لِّلْخَيْرِ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾

عُتُلٍّۭ بَعْدَ ذَٰلِكَ زَنِيمٍ ﴿١٣﴾ أَن كَانَ ذَا مَالٍ وَبَنِينَ ﴿١٤﴾

إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ءَايَٰتُنَا قَالَ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٥﴾

سَنَسِمُهُۥ عَلَى ٱلْخُرْطُومِ ﴿١٦﴾

إِنَّا بَلَوْنَٰهُمْ كَمَا بَلَوْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلْجَنَّةِ إِذْ أَقْسَمُوا۟ لَيَصْرِمُنَّهَا

مُصْبِحِينَ ﴿١٧﴾ وَلَا يَسْتَثْنُونَ ﴿١٨﴾

فَطَافَ عَلَيْهَا طَآئِفٌ مِّن رَّبِّكَ وَهُمْ نَآئِمُونَ ﴿١٩﴾

فَأَصْبَحَتْ كَٱلصَّرِيمِ ﴿٢٠﴾

"Yang banyak mengumpat dan banyak berjalan menabur fitnah(11). Pencegah kebajikan, penceroboh dan banyak berdusta(12). Berhati keras dan selain itu ia juga terkenal jahat(13). Kerana dia mempunyai harta yang banyak dan anak-anak lelaki yang ramai(14). Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami ia berkata: Inilah dongeng. dongeng orang-orang purbakala(15). Kami akan tandakan di atas belalainya (batang hidungnya)(16). Sesungguhnya Kami telah mencuba mereka sebagaimana Kami telah mencuba tuan-tuan kebun ketika mereka bersumpah bahawa mereka akan memetik semua buah-buahan di limun-limun pagi(17). Dan mereka tidak mengecualikan (bahagian fakir miskin) (18). Lalu kebun itu ditimpa malapetaka dari Tuhanmu semasa mereka sedang nyenyak tidur(19). Lalu jadilah kebun-kebun itu seperti kebun yang telah dipotong semua buahnya".(20).

فَتَنَادَوْا۟ مُصْبِحِينَ ﴿٢١﴾

أَنِ ٱغْدُوا۟ عَلَىٰ حَرْثِكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰرِمِينَ ﴿٢٢﴾

فَٱنطَلَقُوا۟ وَهُمْ يَتَخَٰفَتُونَ ﴿٢٣﴾

أَن لَّا يَدْخُلَنَّهَا ٱلْيَوْمَ عَلَيْكُم مِّسْكِينٌ ﴿٢٤﴾

وَغَدَوْا۟ عَلَىٰ حَرْدٍ قَٰدِرِينَ ﴿٢٥﴾

فَلَمَّا رَأَوْهَا قَالُوٓا۟ إِنَّا لَضَآلُّونَ ﴿٢٦﴾ بَلْ نَحْنُ مَحْرُومُونَ ﴿٢٧﴾

قَالَ أَوْسَطُهُمْ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ لَوْلَا تُسَبِّحُونَ ﴿٢٨﴾

قَالُوا۟ سُبْحَٰنَ رَبِّنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٢٩﴾

فَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَلَاوَمُونَ ٣٠

"Lalu mereka berpanggil-panggilan satu sama lain di limun-limun pagi(21). Pergilah ke kebun kamu di pagi hari jika kamu hendak memetikkan buah-buahnya(22). Lalu mereka pergi sambil berbisik-bisik(23). Jangan ada seorang miskin pun yang masuk ke dalam kebun menemui kamu(24). Dan mereka pergi di limun-limun pagi itu dengan kepercayaan mereka dapat menahankan (habuan fakir miskin itu)(25). Apabila mereka melihat keadaan kebun itu, mereka pun berkata: Sesungguhnya kita telah sesat jalan (ini bukan kebun kita)(26). (Tidak! Ini memang kebun kita) bahkan kitalah yang dinafikan (dari hasil kebun itu)(27). Lalu berkatalah seorang yang paling baik fikiran di antara mereka: Bukankah dahulu aku telah berkata kepada kamu: Hendaklah kamu mengucap tasbih(28). Lalu mereka pun mengucap: Maha Sucilah Tuhan kami sesungguhnya kami adalah orang-orang yang telah melakukan kezaliman(29). Kemudian mereka berhadap-hadapan satu sama lain saling mencela".(30).

قَالُوا يَا وَيْلَنَا إِنَّا كُنَّا طَاغِينَ ٣١

عَسَىٰ رَبُّنَا أَنْ يُبْدِلَنَا خَيْرًا مِنْهَا إِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا رَاغِبُونَ ٣٢

كَذَٰلِكَ الْعَذَابُ ۖ وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ٣٣

إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتِ النَّعِيمِ ٣٤

أَفَنَجْعَلُ الْمُسْلِمِينَ كَالْمُجْرِمِينَ ٣٥

مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ٣٦

أَمْ لَكُمْ كِتَابٌ فِيهِ تَدْرُسُونَ ٣٧

إِنَّ لَكُمْ فِيهِ لَمَا تَخَيَّرُونَ ٣٨

أَمْ لَكُمْ أَيْمَانٌ عَلَيْنَا بَالِغَةٌ إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ ۙ إِنَّ لَكُمْ لَمَا تَحْكُمُونَ ٣٩

سَلْهُمْ أَيُّهُمْ بِذَٰلِكَ زَعِيمٌ ٤٠

"Mereka berkata: Amboi! Celakalah kita, sesungguhnya kita ini adalah orang-orang yang telah melampaui batas (31). Semoga Tuhan kita menggantikan kepada kita dengan kebun yang lebih baik dari kebun ini. Sesungguhnya kita benar-benar berharap kepada Tuhan kita(32). Demikianlah 'azab dunia, sedangkan 'azab Akhirat adalah lebih besar lagi jika kamu mengetahui(33). Sesungguhnya balasan bagi orang-orang yang bertaqwa di sisi Tuhan mereka ialah kebun-kebun Syurga yang penuh ni'mat(34). Apakah wajar Kami jadikan orang-orang Islam sama seperti orang-orang kafir yang berdosa?(35). Apa sudah jadi kepada kamu? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?(36). Atau apakah kamu mempunyai sebuah kitab yang kamu mempelajarinya? (37). Bahawa (tersebut di dalamnya) kamu boleh memilih apa sahaja yang kamu sukai(38). Atau apakah kamu mempunyai janji-janji yang disanggupi oleh Kami sampai hari Qiamat bahawa kamu boleh membuat keputusan sesuka hati kamu?(39). Tanyakan mereka siapakah di antara mereka yang menjamin dakwaan yang sedemikian?".(40).

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ فَلْيَأْتُوا بِشُرَكَائِهِمْ إِنْ كَانُوا صَادِقِينَ ٤١

يَوْمَ يُكْشَفُ عَنْ سَاقٍ وَيُدْعَوْنَ إِلَى السُّجُودِ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ ٤٢

خَاشِعَةً أَبْصَارُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ ۖ وَقَدْ كَانُوا يُدْعَوْنَ إِلَى السُّجُودِ وَهُمْ سَالِمُونَ ٤٣

فَذَرْنِي وَمَنْ يُكَذِّبُ بِهَٰذَا الْحَدِيثِ ۖ سَنَسْتَدْرِجُهُمْ مِنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ٤٤

وَأُمْلِي لَهُمْ ۚ إِنَّ كَيْدِي مَتِينٌ ٤٥

أَمْ تَسْأَلُهُمْ أَجْرًا فَهُمْ مِنْ مَغْرَمٍ مُثْقَلُونَ ٤٦

أَمْ عِنْدَهُمُ الْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُبُونَ ٤٧

فَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تَكُنْ كَصَاحِبِ الْحُوتِ إِذْ نَادَىٰ وَهُوَ مَكْظُومٌ ٤٨

لَوْلَا أَنْ تَدَارَكَهُ نِعْمَةٌ مِنْ رَبِّهِ لَنُبِذَ بِالْعَرَاءِ وَهُوَ مَذْمُومٌ ٤٩

فَاجْتَبَاهُ رَبُّهُ فَجَعَلَهُ مِنَ الصَّالِحِينَ ٥٠

وَإِنْ يَكَادُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَيُزْلِقُونَكَ بِأَبْصَارِهِمْ لَمَّا سَمِعُوا الذِّكْرَ وَيَقُولُونَ إِنَّهُ لَمَجْنُونٌ ٥١

وَمَا هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ ٥٢

"Atau apakah mereka mempunyai tuhan-tuhan sekutu? Oleh itu, bawalah sekutu-sekutu mereka jika mereka benar (41). Pada hari betis disingsing (kerana terlalu takut) dan mereka diseru supaya sujud, tetapi mereka tidak berdaya(42). Mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan. Sesungguhnya dahulu (di dunia) mereka diseru supaya sujud ketika mereka sihat sentosa(43). Oleh itu, tinggalkan sahaja kepada-Ku orang-orang yang mendustakan Al-Qur'an itu. Kami akan menarik mereka perlahan-lahan (ke jurang kebinasaan) tanpa disedari mereka(44). Dan Aku memberi tempoh kepada mereka. Sesungguhnya rancangan balasanKu amat

rapi(45). Atau apakah engkau (Muhammad) pernah meminta upah dari mereka dan kerana itu mereka merasa berat dengan hutang bayaran itu?(46). Atau apakah mereka mempunyai pengetahuan tentang urusan ghaib, lalu mereka menuliskannya?(47). Oleh itu, bersabarlah menerima keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau jadi seperti orang yang ditelan ikan yang besar (Yunus) ketika ia berdo'a semasa berada di dalam kesusahan (48). Jika ia tidak diselamatkan oleh ni'mat pertolongan dari Tuhannya tentulah dia dicampakkan di bumi yang tandus dengan mendapat kecelaan(49). Lalu dia dipilih Tuhannya dan menjadikannya dari orang-orang yang salih(50). Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu hampir-hampir menggelincirkan kaki engkau dengan pandangan-pandangan mereka (yang penuh marah) apabila mereka mendengar Al-Qur'an, dan mereka berkata: Sesungguhnya dia (Muhammad) seorang gila (51). Sedangkan Al-Qur'an itu tidak lain melainkan peringatan bagi seluruh umat manusia."(52).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Bilakah Surah Ini Diturunkan?

Kita tidak dapat menentukan tarikh turunnya surah ini sama ada bahagian permulaannya atau keseluruhannya. Kita juga tidak dapat mempastikan bahawa permulaan ayat-ayatnya telah diturunkan pada awal dan yang baki semuanya diturunkan pada akhir. Kita tidak dapat tarjihkan mana satu kemungkinan yang lebih kuat kerana bahagian permulaan surah dan bahagian akhirnya mengemukakan pembicaraan yang sama, iaitu tentang keangkuhan dan kelancangan orang-orang kafir terhadap diri Rasulullah s.a.w. dan tuduhan mereka bahawa beliau seorang gila.

Banyak riwayat yang mengatakan bahawa surah ini merupakan surah yang kedua turunnya selepas Surah al-'Alaq, dan menurut pendapat sebulat di dalam susunan tertib berbagai-bagai mashaf, surah ini merupakan surah yang kedua. Tetapi cara penerangan surah ini, juga maudhu' pembicaraannya dan gayanya membuat kami suka mentarjihkan pendapat yang lain, kerana hampir-hampir dapat dipastikan bahawa surah ini diturunkan selepas satu tempoh pelancaran da'wah umum yang dilakukan kira-kira tiga tahun selepas dimulakan dengan da'wah perseorangan, iaitu pada masa orang-orang Quraysy bangkit menolak dan memerangi da'wah Islam dan mengeluarkan perkataan mereka yang jahat itu terhadap Rasulullah s.a.w. Pada masa inilah Al-Qur'an menolak dan menepiskan perkataan yang jahat itu dan mengancam penentang-penentang da'wah dengan ancaman yang terkandung di dalam surah ini.

Kemungkinan pendapat yang mengatakan bahawa permulaan surah ini diturun awal secara bersendirian selepas turunnya permulaan Surah al-'Alaq dan bahawa sifat "gila" yang dinafikan di dalam ayat **"Engkau bukannya seorang gila dengan sebab ni'mat (nubuwah) dari Tuhanmu"** adalah diturunkan dengan sebab kebimbangan Nabi s.a.w. terhadap dirinya ketika beliau mula menerima wahyu bahawa apa yang berlaku kepadanya itu adalah kerana beliau ditimpa penyakit gila... kemungkinan pendapat ini amat lemah kerana kisah kebimbangan itu sendiri dalam bentuk cerita yang seperti itu tidak terdapat dalam satu riwayat yang kuat dan muktamad, kerana penerangan sepadu surah ini menunjukkan bahawa penafian dalam ayat tadi adalah sesuai dengan keterangan akhir ayat surah ini iaitu dalam ayat:

وَإِن يَكَادُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَيُزْلِقُونَكَ بِأَبْصَـٰرِهِمْ لَمَّا سَمِعُوا۟ ٱلذِّكْرَ وَيَقُولُونَ إِنَّهُۥ لَمَجْنُونٌ ﴿٥١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu hunpir-hampir menggelincirkan kaki engkau dengan pandangan-pandangan mereka (yang penuh marah) apabila mereka mendengar Al-Qur'an, dan mereka berkata: Sesungguhnya dia (Muhammad) seorang gila."(51)

Inilah perkara yang hendak dinafikan di dalam ayat-ayat pembukaan surah ini sebagaimana yang segera dapat difahami ketika membaca surah ini yang mempunyai susunan yang amat padu itu.

Surah Ini Bukan Surah Yang Kedua Dalam Tertib Turunnya

Begitu juga setengah-setengah riwayat menyebut bahawa di dalam surah ini, terdapat beberapa ayat yang diturunkan di Madinah iaitu dari ayat yang ketujuh belas hingga akhir ayat yang ketiga puluh tiga iaitu ayat-ayat yang menyebut kisah ujian terhadap tuan-tuan kebun, dan ayat-ayat yang keempat puluh dua hingga akhir ayat lima puluh yang menyentuh kisah Nabi Yunus a.s. yang ditelan oleh ikan yang besar. Pendapat ini juga kami anggap jauh, malah kami beranggapan bahawa seluruh ayat-ayat surah ini adalah diturunkan di Makkah, kerana ciri ayat-ayat surah ini begitu mendalam menunjukkan ia diturunkan di Makkah.

Yang kami tarjihkan mengenai seluruh surah ini ialah ia bukan surah yang kedua dalam tertib turun surah-surah Al-Qur'an, dan ia diturun selepas berlalunya satu tempoh kebangkitan Rasulullah s.a.w. setelah diperintah melancarkan da'wah kepada umum dan setelah Allah S.W.T. berfirman kepadanya:

وَأَنذِرْ عَشِيرَتَكَ ٱلْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾

"Dan berilah peringatan kepada keluargamu yang dekat."

(Surah as-Syu'ara: 214)

Juga setelah turunnya sebahagian ayat-ayat Al-Qur'an yang mengandungi kisah dan cerita-cerita orang-orang zaman purba yang disifatkan oleh orang-orang kafir sebagai

"Dongeng-dongeng orang-orang di zaman purba" dan setelah seluruh orang Quraysy diseru masuk Islam hingga menyebabkan mereka bangkit menentang da'wah Islam dengan berbagai-bagai tuduhan yang karut dan serangan-serangan ganas yang perlu dibalaskan dengan serangan-serangan yang kuat dan ancaman-ancaman yang ngeri terhadap pendusta-pendusta yang terkandung di

dalam surah ini dari awal hingga akhir. Pemandangan yang akhir di dalam surah ini menunjukkan kepada maksud ini, **"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu hampir-hampir menggelincirkan kaki engkau dengan pemandangan-pemandangan mereka (yang penuh marah) apabila mereka mendengar Al-Qur'an dan mereka berkata: Sesungguhnya dia (Muhammad) seorang gila."** Ia merupakan satu pemandangan pelancaran da'wah umum kepada berbagai-bagai golongan, iaitu berlainan dengan keadaan di permulaan da'wah yang hanya dihadapkan kepada orang-orang perseorangan dengan cara-cara perseorangan, bukannya dihadapkan kepada orang-orang kafir yang terdiri dari berbagai-bagai kelompok. Keadaan ini hanya berlaku setelah tiga tahun dari permulaan da'wah mengikut riwayat yang kuat.

Surah ini memberi isyarat kepada percubaan kaum Musyrikin mengemukakan tawaran-tawaran untuk mencari jalan tengah dan tolak ansur dalam perkara 'aqidah yang dipertikaikan mereka:

وَدُّوا۟ لَوْ تُدْهِنُ فَيُدْهِنُونَ ﴿٩﴾

"Mereka suka jika engkau bersikap lunak, supaya mereka juga bersikap lunak."(9)

Pada lahirnya percubaan seperti ini tidak akan berlaku dalam peringkat da'wah kepada individu-individu kerana ia tidak membawa apa-apa bahaya. Oleh sebab itu percubaan ini pastilah berlaku selepas tersebarnya da'wah dan selepas bahayanya dirasai oleh kaum Musyrikin.

Demikianlah terdapat berbagai-bagai bukti yang menunjukkan bahawa surah ini telah diturunkan pada masa mutakhir selepas tempoh da'wah peringkat pertama iaitu sekurang-kurangnya tiga tahun dan mungkin lebih di antara masa permulaan da'wah dengan waktu turunnya. Tidak dapat diterima akal jika dikatakan tiga tahun itu berlalu tanpa diturunkan Al-Qur'an, malah sudah tentu dalam tempoh yang selama itu banyak surah-surah dan bahagian-bahagian surah yang telah diturun memperkatakan 'aqidah Islam tanpa melancarkan serangan yang kuat terhadap pendusta da'wah seperti yang terdapat di dalam surah ini dari bahagian permulaannya lagi.

Tetapi ini tidak pula bererti menafikan bahawa surah ini, juga Surah al-Muddaththir dan Surah al-Muzzammil, telah diturunkan di peringkat permulaan da'wah walaupun tidak merupakan awal-awal surah yang diturunkan sebagaimana yang terdapat di dalam mashaf-mashaf kerana sebab-sebab yang telah kami jelaskan di sini, dan sebab-sebab itu juga mencakup Surah al-Muzzammil dan al-Muddaththir.

* * * * * *

Da'wah Islam Membawa Perubahan Yang Amat Besar Di Semenanjung Tanah Arab

Benih pertama 'aqidah Islam telah ditanam di bumi bagi pertama kalinya dalam bentuknya yang luhur, suci dan jelas. 'aqidah itu dirasa asing dan ganjil dalam tanggapan jahiliyah yang wujud bukan sahaja di Semenanjung Tanah Arab, malah di seluruh negeri di dunia ini. Itulah satu perpindahan yang amat besar dari gambaran 'aqidah yang samar-samar, menyeleweng dan terpesong dari saki-baki agama Nabi Ibrahim yang dipegang oleh kaum Musyrikin dan ditokok tambah oleh mereka dengan kepercayaan-kepercayaan karut, dongeng-dongeng dan kebatilan-kebatilan yang bertapak dalam masyarakat mereka kepada gambaran 'aqidah yang gemilang, luhur, lurus, terang, jelas, mudah, menyeluruh dan syumul yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Dasar-dasar pokok agama ini adalah sama dengan 'aqidah tauhid pertama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s. Gambaran 'aqidah yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. adalah satu gambaran yang paling sempurna sesuai dengan sifatnya sebagai agama yang terakhir di bumi, yang akan terus kekal berbicara dengan akal umat manusia yang matang hingga ke akhir zaman.

Itulah satu perpindahan yang amat besar dari gambaran kepercayaan syirik kepada berbagai-bagai tuhan, kepercayaan menyembah malaikat dan patung-patungnya, kepercayaan menyembah jin-jin dan semangatnya, kepercayaan-kepercayaan karut dan lemah yang menjadi teras 'aqidah jahiliyah kepada gambaran 'aqidah yang cemerlang yang dilukiskan oleh Al-Qur'an mengenai Allah S.W.T. Yang Maha Tunggal, mengenai keagungan dan kebesaran-Nya dan mengenai hubungan iradat-Nya dengan seluruh makhluk.

Itulah juga satu perpindahan yang amat besar dari cara hidup yang berlandaskan kelas yang dominan di Semenanjung Tanah Arab dan berlandaskan ketua agama, juru nujum atau kahin dalam urusan keagamaan mereka, juga dari cara hidup yang menentukan kelas-kelas tertentu sahaja yang berkuasa, yang dipandang tinggi dan bertugas sebagai penjaga urusan Ka'bah dan hubungannya dengan orang-orang Arab yang lain dengan cara hidup Islam yang mudah dan sama rata di hadapan Allah, dan kepada cara ibadat Islam yang berhubung secara langsung di antara Allah dengan para hamba-Nya sebagaimana diterangkan oleh Al-Qur'an.

Itulah juga satu perpindahan yang amat besar dari tata akhlak di zaman jahiliyah kepada tata akhlak yang dibawa oleh Al-Qur'an dan yang diperjuang dan diamalkan oleh Muhammad s.a.w.

Sebab-sebab Penentangan Kaum Quraysy

Perpindahan-perpindahan ini sahaja telah cukup untuk mewujudkan pertentangan di antara 'aqidah yang baru dengan kaum Quraysy, kepercayaan-

kepercayaan keagamaan dan akhlak-akhlak mereka. Tetapi perpindahan itu bukanlah merupakan satu sebab yang tunggal bagi pertentangan itu, malah di sampingnya terdapat pula pertimbangan-pertimbangan dan alasan-alasan lain yang mungkin lebih besar dari 'aqidah itu sendiri di dalam penilaian kaum Quraysy.

Di sana terdapat pertimbangan-pertimbangan sosial yang menyebabkan setengah-setengah orang berkata sebagaimana telah diceritakan oleh Al-Qur'anul-Karim di dalam ayat:

لَوْلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنَ ٱلْقَرْيَتَيْنِ عَظِيمٍ ﴿٣١﴾

"Mengapakah Al-Qur'an ini tidak diturunkan kepada seorang pembesar salah satu dari dua negeri ini?"

(Surah az-Zukhruf: 31)

Yang dimaksudkan dengan dua negeri di sini ialah Makkah dan Ta'if, kerana Rasulullah s.a.w. walaupun dari keturunan yang mulia dan dari salah satu keluarga Quraysy yang tinggi, tetapi beliau tidak pernah menjadi ketua atau kepala mereka sebelum dibangkitkan menjadi Rasul. Sementara di sana ada ketua Quraysy dan ketua Thaqif dan lain-lain dalam masyarakat yang menganggap pangkat ketua itu sebagai kemuncak yang mengatasi segala perkembangan yang lain, maka kerana itu tidaklah mudah kepada ketua-ketua itu untuk mengikut Nabi Muhammad s.a.w.

Di sana juga terdapat alasan-alasan dan pertimbangan-pertimbangan kekeluargaan yang membuat seseorang seperti Abu Jahl iaitu 'Amr ibn Hisyam enggan mengakui kebenaran da'wah Islam yang ditentangkannya dengan hebat itu, kerana Nabi yang membawa da'wah ini adalah dari keluarga Abdu Manaf sebagaimana tersebut dalam kisah Abu Jahl bersama-sama al-Akhnas ibn Syurayq dan Abu Sufyan ibn Harb semasa mereka keluar bersama-sama secara bersembunyi selama tiga malam berturut-turut untuk mendengar Al-Qur'an. Di setiap malam mereka bejanji tidak akan datang ke situ lagi, kerana bimbang dilihat orang lain yang boleh menimbulkan syak dalam hati mereka. Apabila al-Akhnas ibn Syurayq bertanya pendapat Abu Jahl tentang ayat-ayat Al-Qur'an yang didengarnya itu, maka ia menjawab "Kita dengan keluarga Abdu Manaf itu memang sentiasa berlawan dan bertanding untuk merebut kedudukan yang tinggi. Bila mereka mengadakan jamuan, kita turut mengadakan jamuan. Bila mereka menjamin, kita ikut menjamin. Dan jika mereka memberi, kita ikut memberi hingga kita sama-sama melutut. Kita tidak ubah seperti dua kuda lumba yang setanding." Lalu mereka berkata: "Sepatutnya dari golongan kita ada seorang nabi yang menerima wahyu dari langit. Bilakah kita akan dapat peluang yang seperti ini? Demi Allah, kita tidak akan beriman kepadanya (Muhammad) buat selama-lamanya dan tidak akan percaya kepadanya."

Cerita Pembesar-pembesar Quraysy Bersembunyi Untuk Mendengar Rasulullah Membaca Al-Qur'an

Di sana juga ada pertimbangan-pertimbangan lain, iaitu pertimbangan kerana sebab-sebab kepentingan diri, kepentingan kelas dan sebab-sebab psikologi dari sampah sarap tanggapan jahiliyah yang terdapat di dalam perasaan, kepercayaan-kepercayaan, undang-undang dan peraturan hidup mereka. Semuanya itu turut berusaha dengan segala sarana untuk membunuh benih tanaman 'aqidah Islam yang baru itu semasa di tapak semaiannya lagi, iaitu sebelum akar-akarnya menunjang kukuh di dalam bumi dan sebelum ia menghulurkan cabang-cabangnya dengan ranting-rantingnya yang bertautan satu sama lain, apatah lagi setelah ia berjaya melewati peringkat da'wah perseorangan iaitu setelah Allah S.W.T. memerintah Rasul-Nya s.a.w. supaya melancarkan da'wah dengan terus-terang kepada umum. Ketika itu da'wah mulai memperlihatkan ciri perkembangannya yang baru, sebagaimana Al-Qur'an juga mulai turun dengan ayat-ayat yang membodoh-bodohkan 'aqidah syirik dan tuhan-tuhannya yang palsu, kepercayaan-kepercayaannya yang karut-marut dan tradisi-tradisi yang tidak menentu.

Rasulullah s.a.w., walaupun beliau seorang Nabi yang menerima wahyu dari Allah dan berhubung dengan alam al-Mala'ul-A'la, namun beliau tetap dengan sifat manusianya yang diharui berbagai-bagai perasaan. Beliau terpaksa menghadapi tentangan-tentangan yang hebat dan serangan-serangan yang dilancarkan oleh kaum Musyrikin itu dan menderita kesan-kesannya yang pedih bersama-sama dengan segelintir pengikut-pengikutnya yang beriman walaupun tidak disukai kaum Musyrikin.

Rasulullah Menghadapi Ejekan Dan Penghinaan Yang Pedih

Nabi s.a.w. mendengar dan orang-orang Mu'min juga mendengar kata nista kaum Musyrikin dan kelancangan lidah mereka terhadap peribadi Rasulullah s.a.w. **"Dan mereka berkata: Sesungguhnya dia (Muhammad) adalah seorang gila."** Ini hanya salah satu dari berbagai-bagai ejekan dan penghinaan yang dicerita di dalam berbagai-bagai surah yang lain, iaitu ejekan-ejekan yang dituju kepada tubuh Rasulullah dan kepada orang-orang Mu'min yang ada bersama-sama beliau. Ini tidak termasuk penindasan-penindasan dan penyeksaan-penyeksaan yang diterima oleh sebilangan ramai orang Mu'min dari kaum kerabat mereka yang hampir.

Ejekan dan penghinaan yang diterima dalam keadaan yang lemah dan dengan bilangan yang sedikit amatlah menyeksakan hati manusia walaupun hati seorang rasul.

Kerana itulah kita melihat di dalam Surah-surah Makkiyah seperti surah juzu' ini seolah-olah Allah memeluk Rasul-Nya bersama segelintir para Mu'minin yang ada bersamanya untuk menghiburkannya, memuji sikapnya dan sikap para Mu'minin juga untuk

menonjolkan unsur akhlak yang terdapat dalam da'wah ini dan pada pembawaan Nabi-Nya yang mulia. Di samping itu Allah juga menolak kata nista mereka dan menenangkan hati golongan Mu'min yang lemah dengan jaminan bahawa Allah akan menentang musuh-musuh mereka dan melepaskan diri mereka dari kesulitan memikirkan musuh-musuh mereka yang kuat dan kaya-raya itu.

Dalam surah ini kita dapati Allah berfirman tentang Rasul-Nya:

Ayat-ayat Mengenai Peribadi Rasulullah

نٓۚ وَٱلۡقَلَمِ وَمَا يَسۡطُرُونَ ﴿١﴾

مَآ أَنتَ بِنِعۡمَةِ رَبِّكَ بِمَجۡنُونٖ ﴿٢﴾

وَإِنَّ لَكَ لَأَجۡرًا غَيۡرَ مَمۡنُونٖ ﴿٣﴾

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٖ ﴿٤﴾

"Nun. Demi pena dan demi tulisan yang ditulis mereka (1). Engkau bukannya seorang gila dengan sebab ni'mat (nubuwah) dari Tuhanmu(2). Dan sesungguhnya engkau akan mendapat pahala yang tidak berkeputusan(3). Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung."(4)

Dan firman-Nya tentang orang-orang Mu'min:

إِنَّ لِلۡمُتَّقِينَ عِندَ رَبِّهِمۡ جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٣٤﴾

أَفَنَجۡعَلُ ٱلۡمُسۡلِمِينَ كَٱلۡمُجۡرِمِينَ ﴿٣٥﴾

مَا لَكُمۡ كَيۡفَ تَحۡكُمُونَ ﴿٣٦﴾

"Sesungguhnya balasan bagi orang-orang yang bertaqwa di sisi Tuhan mereka ialah kebun-kebun Syurga yang penuh ni'mat(34). Apakah wajar Kami jadikan orang-orang Islam sama seperti orang-orang kafir yang berdosa? (35). Apa sudah jadi kepada kamu? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?"(36)

Kemudian firman-Nya mengenai salah seorang dari musuh-musuh Nabi yang terkemuka:

وَلَا تُطِعۡ كُلَّ حَلَّافٖ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾

هَمَّازٖ مَّشَّآءِۭ بِنَمِيمٖ ﴿١١﴾

مَّنَّاعٖ لِّلۡخَيۡرِ مُعۡتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾

عُتُلِّۭ بَعۡدَ ذَٰلِكَ زَنِيمٍ ﴿١٣﴾ أَن كَانَ ذَا مَالٖ وَبَنِينَ ﴿١٤﴾

إِذَا تُتۡلَىٰ عَلَيۡهِ ءَايَٰتُنَا قَالَ أَسَٰطِيرُ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿١٥﴾

سَنَسِمُهُۥ عَلَى ٱلۡخُرۡطُومِ ﴿١٦﴾

"Dan janganlah engkau tunduk kepada setiap orang yang banyak bersumpah dan hina (budi pekertinya)(10). Yang banyak mengumpat dan banyak berjalan menabur fitnah(11). Pencegah kebajikan, penceroboh dan banyak berdosa(12). Berhati keras dan selain itu ia juga terkenal jahat(13). Kerana dia mempunyai harta yang banyak dan anak-anak lelaki yang ramai(14). Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami ia berkata: Inilah dongeng-dongeng orang-orang purbakala(15). Kami akan tandakan di atas belalainya (batang hidungnya)."(16)

Ayat-ayat Perisytiharan Perang Dari Allah

Kemudian firman-Nya tentang pengumuman perang ke atas seluruh pendusta-pendusta:

فَذَرۡنِي وَمَن يُكَذِّبُ بِهَٰذَا ٱلۡحَدِيثِۖ سَنَسۡتَدۡرِجُهُم مِّنۡ حَيۡثُ لَا يَعۡلَمُونَ ﴿٤٤﴾

وَأُمۡلِي لَهُمۡۚ إِنَّ كَيۡدِي مَتِينٌ ﴿٤٥﴾

"Oleh itu, tinggalkan sahaja kepada-Ku orang-orang yang mendustakan Al-Qur'an itu. Kami akan menarik mereka perlahan-lahan (ke jurang kebinasaan) tanpa disedari mereka(44). Dan Aku memberi tempoh kepada mereka. Sesungguhnya rancangan balasan-Ku amat rapi."(45)

Ini tidak termasuk 'azab Akhirat yang menghinakan manusia-manusia yang angkuh:

يَوۡمَ يُكۡشَفُ عَن سَاقٖ وَيُدۡعَوۡنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ فَلَا يَسۡتَطِيعُونَ ﴿٤٢﴾

خَٰشِعَةً أَبۡصَٰرُهُمۡ تَرۡهَقُهُمۡ ذِلَّةٞۖ وَقَدۡ كَانُواْ يُدۡعَوۡنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ وَهُمۡ سَٰلِمُونَ ﴿٤٣﴾

"Pada hari betis disingsing (kerana terlalu takut) dan mereka diseru supaya sujud, tetapi mereka tidak berdaya (42). Mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan. Sesungguhnya dahulu (di dunia) mereka diseru supaya sujud ketika mereka sihat sentosa."(43)

Al-Qur'an mengemukakan contoh balasan yang telah menimpa tuan-tuan kebun yang angkuh sebagai amaran kepada pembesar-pembesar Quraysy yang angkuh dengan harta kekayaan dan anak-anak mereka yang ramai. Mereka sentiasa membuat rancangan-rancangan jahat untuk menentang da'wah dengan sebab mereka mempunyai harta dan anak-anak yang ramai.

Pada akhir surah ini Al-Qur'an menasihatkan Rasulullah s.a.w. supaya bersabar dengan kesabaran yang baik:

فَٱصۡبِرۡ لِحُكۡمِ رَبِّكَ وَلَا تَكُن كَصَاحِبِ ٱلۡحُوتِ إِذۡ نَادَىٰ وَهُوَ مَكۡظُومٞ ﴿٤٨﴾

"Oleh itu, bersabarlah menerima keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau jadi seperti orang yang ditelan ikan yang besar (Yunus) ketika ia berdo'a semasa berada di dalam kesusahan."(48)

Dari penerangan ayat-ayat memberi hiburan, sanjungan dan pengukuhan semangat, di samping serangan yang kuat ke atas para pendusta ini semua, nampaklah kepada kita bahawa Allah S.W.T. sendiri mengendalikan serangan terhadap mereka dalam uslub yang keras itu, dan dari penjelasan ini seluruhnya dapatlah kita melihat sifat-sifat dan keadaan-keadaan zaman itu, iaitu zaman orang-orang Islam berada dalam keadaan lemah dan mempunyai bilangan yang sedikit, zaman mereka mengalami penindasan-penindasan, kesusahan dan zaman mereka berjuang keras untuk menanamkan benih 'aqidah yang luhur di bumi yang degil.

Gambaran Zaman Dan Mentaliti Masyrakat Di Peringkat Awal Da'wah

Demikian juga dari gaya penjelasan, pengungkapan surah ini dan isi-isi pembicaraannya dapatlah kita melihat sifat-sifat dan keadaan-keadaan masyarakat yang dihadapi oleh da'wah Islam, iaitu sifat-sifat kebersahajaan dan primitif dalam bidang kepercayaan, pemikiran, perasaan, minat dan masalah-masalah. Kita dapat melihat kebersahajaan itu di dalam cara mereka memerangi da'wah dengan mengatakan Nabi s.a.w. itu gila, iaitu satu tuduhan kontan tanpa kepandaian menggunakan alasan-alasan yang lebih halus dan elok. Ini adalah gaya percakapan orang-orang yang tidak mempunyai kata-kata yang lain dari maki hamun yang kesat yang diucapkannya tanpa pendahuluan dan alasan-alasan sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang jakun.

Ciri-ciri Kebersahajaan Cara Berfikir

Kebersahajaan mereka juga dapat difahamkan dari cara jawapan Allah terhadap tuduhan mereka yang dusta, iaitu satu cara yang sesuai dengan keadaan mereka:

مَآ أَنتَ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ بِمَجْنُونٍ ﴿٢﴾

وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ ﴿٣﴾

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

فَسَتُبْصِرُ وَيُبْصِرُونَ ﴿٥﴾ بِأَييِّكُمُ ٱلْمَفْتُونُ ﴿٦﴾

"Engkau bukannya seorang gila dengan sebab ni'mat (nubuwah) dari Tuhanmu(2). Dan sesungguhnya engkau akan mendapat pahala yang tidak berkeputusan(3). Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung (4). Oleh itu, engkau akan melihat mereka juga akan melihat(5). Siapakah sebenarnya di antara kamu yang diuji (dengan kegilaan)?"(6)

Juga dapat difahamkan dari ancaman Allah yang terbuka:

فَذَرْنِي وَمَن يُكَذِّبُ بِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ ۖ سَنَسْتَدْرِجُهُم مِّنْ
حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٤﴾

وَأُمْلِي لَهُمْ ۚ إِنَّ كَيْدِي مَتِينٌ ﴿٤٥﴾

"Oleh itu, tinggalkan sahaja kepada-Ku orang-orang yang mendustakan Al-Qur'an itu. Kami akan menarik mereka perlahan-lahan (ke jurang kebinasaan) tanpa disedari mereka(44). Dan Aku memberi tempoh kepada mereka. Sesungguhnya rancangan balasan-Ku amat rapi."(45)

Kebersahajaan mereka juga dapat diperhatikan dari jawapan Allah terhadap caci maki salah seorang tokoh dari mereka:

وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾

هَمَّازٍ مَّشَّآءٍۭ بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾

مَّنَّاعٍ لِّلْخَيْرِ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾ عُتُلٍّۭ بَعْدَ ذَٰلِكَ زَنِيمٍ ﴿١٣﴾

"Dan janganlah engkau tunduk kepada setiap orang yang banyak bersumpah dan hina (budi pekertinya) (10). Yang banyak mengumpat dan banyak berjalan menabur fitnah(11). Pencegah kebajikan, penceroboh dan banyak berdusta(12). Berhati keras dan selain itu ia juga terkenal jahat."(13)

Kebersahajaan itu juga dapat diperhatikan dari kisah tuan-tuan kebun yang dikemukakan kepada mereka sebagai perbandingan, iaitu kisah satu kumpulan manusia yang daif dalam cara-cara mereka berfikir dan memahami sesuatu dan dalam lagak-lagak keangkuhan dan kesombongan mereka, juga dalam gerak-geri tutur kata mereka:

فَٱنطَلَقُوا۟ وَهُمْ يَتَخَٰفَتُونَ ﴿٢٣﴾

أَن لَّا يَدْخُلَنَّهَا ٱلْيَوْمَ عَلَيْكُم مِّسْكِينٌ ﴿٢٤﴾

"Lalu mereka pergi sambil berbisik-bisik(23). Jangan ada seorang miskin pun yang masuk ke dalam kebun menemui kamu."(24)

Dan akhirnya kita dapat melihat kebersahajaan mereka tersirat dengan jelas dalam, cabaran-cabaran Al-Qur'an yang dihadapkan kepada mereka:

أَمْ لَكُمْ كِتَٰبٌ فِيهِ تَدْرُسُونَ ﴿٣٧﴾

إِنَّ لَكُمْ فِيهِ لَمَا تَخَيَّرُونَ ﴿٣٨﴾

أَمْ لَكُمْ أَيْمَٰنٌ عَلَيْنَا بَٰلِغَةٌ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ۙ إِنَّ لَكُمْ لَمَا
تَحْكُمُونَ ﴿٣٩﴾

سَلْهُمْ أَيُّهُم بِذَٰلِكَ زَعِيمٌ ﴿٤٠﴾

"Atau apakah kamu mempunyai sebuah kitab yang kamu mempelajarinya?(37). Bahawa (tersebut di dalamnya) kamu boleh memilih apa sahaja yang kamu sukai(38). Atau apakah kamu mempunyai janji-janji yang disanggupi oleh Kami sampai hari Qiamat bahawa kamu boleh membuat keputusan sesuka hati kamu(39). Tanyakan mereka siapakah di antara mereka yng menjamin dakwaan yang sedemikian?"(40)

Kejayaan Islam Mengangkat Umat Dalam Masa Yang Pendek

Itulah sifat-sifat dan keadaan-keadaan yang jelas tersirat dari pengungkapan Al-Qur'an. Sifat-sifat dan keadaan-keadaan itu amat berguna dalam pengkajian sirah, peristiwa-peristiwanya dan langkah-langkah da'wah dan sejauh mana kejayaan Al-Qur'an mengangkatkan masyarakat dan kelompok umat ini di masa-masa akhir hayat Rasulullah s.a.w., dan sejauh mana perubahan yang dibawa Al-Qur'an dalam cara-cara pemikiran, kefahaman, perasaan dan minat mereka yang bersahaja atau na'if itu sebagaimana dapat diperhatikan dengan jelas dalam gaya-gaya penerangan Al-Qur'an selepas itu, juga dapat diperhatikan dalam hakikat-hakikat, perasaan-perasaan, kefahaman-kefahaman, minat-minat dan perhatian mereka selepas dua puluh tahun kemudian, iaitu satu jangka waktu yang hanya merupakan sekelip mata sahaja dalam kehidupan umat-umat. Ini adalah satu angka waktu yang amat pendek yang tidak dapat diukur dengan perubahan-perubahan yang luas dan menyeluruh yang dialami oleh kelompok-kelompok umat itu dalam masa yang sependek ini. Dengan perubahan itu mereka telah berjaya memegang tampuk kepimpinan umat manusia, meningkatkan kefahaman-kefahaman dan akhlak mereka ke puncak yang tak pernah ditingkati oleh mana-mana kepimpinan di dalam sejarah umat manusia. Perubahan itu bukan sahaja dari sudut 'aqidah dan implikasinya dalam kehidupan manusia di bumi, bukan sahaja dari sudut keluasannya dan kesyumulannya yang merangkul seluruh umat manusia dengan toleransi dan simpati, malah dari sudut ia dapat memenuhi keperluan-keperluan perasaan mereka, keperluan-keperluan pemikiran mereka, keperluan-keperluan kemasyarakatan mereka dan seterusnya keperluan-keperluan mengendalikan pengurusan dan peraturan di dalam berbagai-bagai bidang.

Itulah satu mu'jizat yang kelihatan jelas di dalam perubahan mereka dari kebersahajaan yang dapat diperhatikan sifat-sifatnya dari celah-celah penerangan surah ini dan sebagainya kepada satu kemajuan yang begitu mendalam dan meluas iaitu satu perubahan yang lebih besar dari semata-mata perubahan dari sedikit kepada banyak, dan dari semata-mata perubahan dari lemah kepada kuat, kerana pembinaan jiwa dan akal adalah lebih sukar dari pembinaan bilangan-bilangan dan barisan-barisan.

* * * * * *

(Pentafsiran Ayat 1)

نٓ ۚ وَٱلْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ ١

"Nun. Demi pena dan demi tulisan yang ditulis mereka."(1)

Allah S.W.T. bersumpah dengan Nun, dengan pena dan dengan tulisan. Wujudnya hubungan di antara huruf Nun (sebagai salah satu huruf abjadiyah) dengan pena dan tulisan adalah amat jelas. Allah bersumpah dengan pena dan tulisan untuk menerangkan betapa besarnya nilai peranan pena dan tulisan, juga untuk menggalakkan ke arah mendapatkan kepandaian tulis menulis di tengah-tengah umat yang belum lagi cenderung belajar menerusi cara ini. Kepandaian tulis menulis dalam masyarakat ini amat mundur dan sedikit, sedangkan peranannya yang telah ditentukan di dalam ilmu Allah memerlukan kesuburan kepandaian itu agar tersebar di dalam kalangan umat itu supaya mereka dapat memindahkan 'aqidah Islam dan sistem hidupnya yang ditegakkan di atas 'aqidah itu ke merata pelosok dunia, dan supaya mereka dapat memimpin umat manusia dengan kepimpinan yang betul. Memang tidak dapat diragui lagi bahawa kepandaian tulis menulis merupakan unsur asasi untuk melaksanakan tugas yang agung itu.

Di antara dalil yang menguatkan pengertian ini ialah wahyu pertama dari Allah S.W.T. dimulakan dengan firman-Nya:

ٱقْرَأْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلَّذِى خَلَقَ ١
خَلَقَ ٱلْإِنسَٰنَ مِنْ عَلَقٍ ٢ ٱقْرَأْ وَرَبُّكَ ٱلْأَكْرَمُ ٣
ٱلَّذِى عَلَّمَ بِٱلْقَلَمِ ٤ عَلَّمَ ٱلْإِنسَٰنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ٥

"(Wahai Muhammad!) Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (seluruh makhluk). Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu Yang Paling Pemurah. Yang mengajar dengan pena. Dia mengajar manusia ilmu pengetahuan yang tidak diketahuinya."

(Surah al-'Alaq: 1-5)

Firman ini dihadapkan kepada Nabi yang ummi (yang tidak tahu menulis dan membaca) yang telah ditaqdirkan Allah bahawa beliau bersifat ummi kerana sesuatu hikmat yang tertentu, tetapi Allah memulakan wahyu itu dengan menyanjung tinggi kepandaian membaca dan kepandaian mengajar dengan mata pena kemudian Allah tekankan perhatian ini sekali lagi di dalam surah ini dalam bentuk sumpah, **"Nun. Demi pena dan demi tulisan yang ditulis mereka."** Ini merupakan satu siri dari methodologi tarbiyah Ilahi untuk mendidik umat Muslimin dan melengkapkan mereka untuk tujuan melaksanakan tugas da'wah global yang amat besar yang telah direncanakan Allah di dalam ilmu-Nya yang tersembunyi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 3)

Allah S.W.T. bersumpah dengan Nun, dengan kalam dan tulisan yang ditulis manusia, untuk menyanjung tinggi nilai kepandaian menulis sebagaimana telah diterangkan tadi. Tujuan sumpah ini ialah untuk menolak tuduhan jahat kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. Allah menangkis tuduhan itu kerana keredhaan Allah mengurniakan ni'mat nubuwah kepada beliau itu sendiri menolakkan tuduhan itu:

مَآ أَنتَ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ بِمَجْنُونٍ ﴿٢﴾

"Engkau bukannya seorang gila dengan sebab ni'mat (nubuwah) dari Tuhamnu."(2)

Dalam ayat yang pendek ini Allah menthabit dan menafi, iaitu Allah menthabitkan ni'mat nubuwah kepada Nabi-Nya dalam satu ungkapan yang membayangkan kemesraan-Nya kepada beliau dan maqam kehampiran beliau kepada-Nya, apabila Allah hubungkan beliau dengan zat-Nya dengan kata-kata "Tuhanmu". Sekaligus itu juga ia menafikan tuduhan jahat yang tidak sesuai dengan pengurniaan ni'mat Allah kepada beliau selaku hamba pilihan-Nya yang mempunyai kedudukan dan hubungan yang dekat kepada-Nya.

Tuduhan Yang Dibohongi Kepercayaan Mereka Sendiri

Setiap pengkaji sirah Rasulullah s.a.w. di dalam kalangan kaumnya akan merasa hairan terhadap tuduhan itu, kerana mereka benar-benar tahu bahawa beliau mempunyai akal fikiran yang mengatasi orang lain hingga mereka pernah melantikkan beliau sebagai hakim untuk mengadili perbalahan mereka dalam menentukan siapakah yang patut mengangkat al-Hajarul-Aswad berpuluh-puluh tahun sebelum beliau diangkat menjadi Rasul. Mereka juga telah menggelarkan beliau sebagai al-Amin (orang yang beramanah) dan mereka terus menyimpan amanah-amanah mereka pada beliau hingga ke masa beliau berhijrah ke Madinah iaitu setelah mereka melancarkan tentangan yang hebat terhadap beliau. Menurut riwayat yang thabit, Sayyidina 'Ali karramallahu wajhahu menangguhkan hijrahnya beberapa hari selepas pemergian Rasulullah s.a.w. untuk memulangkan barang-barang amanah mereka yang tersimpan di sisi Rasulullah s.a.w. walaupun beliau dimusuhi sengit oleh mereka. Mereka tidak pernah dapati beliau berbohong dengan mereka, walau sekalipun, sebelum beliau diangkat menjadi Nabi. Apabila Heraklius (Seri Maharaja Kerajaan Roman Timur) bertanya Abu Sufyan tentang beliau, "Apakah kamu pernah menuduh beliau berdusta sebelum dia menjadi Nabi?" Jawab Abu Sufyan yang menjadi musuh ketat beliau pada masa itu, "Tidak pernah." Lalu Heraklius bertitah, "Tentulah mustahil, dia tidak pernah berbohong dengan manusia kemudian berbohong dengan Allah."

Seseorang tentulah hairan bahawa kemarahan dan dendam kaum Musyrikin terhadap beliau begitu memuncak hingga sampai kepada had mereka sanggup membuat tuduhan yang seperti itu terhadap seorang yang berbudi tinggi dan mulia, seorang yang terkenal mempunyai akal fikiran yang bijak dan perangai yang lurus. Perasaan dendam kesumat telah membutatulikan mereka. Tujuan mereka membuat tuduhan yang jahat itu ialah untuk mengatakan bahawa beliau adalah seorang pendusta yang berdosa. Tetapi dendam yang tidak mengenang budi dan tuduhan mereka yang jahat itu dijawab Allah dengan ungkapan yang penuh kemesraan dan penghormatan-Nya terhadap beliau:

مَآ أَنتَ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ بِمَجْنُونٍ ﴿٢﴾

وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ ﴿٣﴾

"Engkau bukannya seorang gila dengan sebab ni'mat (nubuwah) dari Tuhanmu(2). Dan sesungguhnya engkau akan mendapat pahala yang tidak berkeputusan."(3)

Yakni pahala yang terus bersambung-sambung, tidak putus-putus dan tidak habis-habis, iaitu pahala di sisi Tuhanmu yang telah mengurniakan nubuwah dan maqam yang tinggi kepadamu.

Itulah hiburan dan pampasan yang melimpah-ruah terhadap segala penafian, kekasaran dan tuduhan dusta yang dilemparkan kaum Musyrikin kepada beliau. Kini apakah kerugian dan kehilangan Rasulullah s.a.w. setelah Allah berfirman kepadanya dengan penuh mesra dan hormat, **"Sesungguhnya engkau akan mendapat pahala yang tidak berkeputusan."**

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 4)

Kemudian tiba pula pengakuan dan penghormatan yang amat besar:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

"Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung."(4)

Kemampuan Rasulullah Menerima Sanjungan Allah Dengan Tenang

Seluruh pelusuk alam buana bergema dengan sanjungan Ilahi yang unik kepada Nabi yang mulia, dan terpacaklah sanjungan yang tinggi itu di jantung alam buana. Lemahlah segala pena dan lemahlah segala daya khayal untuk menggambarkan nilai kalimah pengakuan yang agung dari Tuhan semesta alam itu.

Itulah pengakuan dari Allah mengikut neraca Allah terhadap seorang hamba Allah. **"Sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung"** dan pengertian akhlak yang agung itu ialah mengikut ukuran Allah yang tidak dapat ditanggap jarak jatuhnya oleh sesiapapun.

Makna sanjungan yang agung terhadap kebesaran budi pekerti Nabi Muhammad s.a.w. itu dapat dilihat

dari berbagai-bagai sudut. Ia dilihat dari sudut bahawa sanjungan yang agung itu adalah dari Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi sendiri yang dirakamkan oleh dhamir alam buana dan ditegakkan dalam kewujudannya. Sanjungan itu bergema di alam al-Mala'ul-A'la hingga selama masa yang dikehendaki Allah. Ia juga dapat dilihat dari satu sudut yang lain iaitu dari sudut kemampuan Nabi Muhammad s.a.w. menerima sanjungan yang agung itu, sedangkan beliau tahu siapakah Tuhannya yang telah mengeluarkan sanjungan itu, siapakah Dia? Bagaimana keagungan-Nya? Apakah makna kalimat-kalimat sanjungan itu? Sejauh mana jarak jatuhnya? Sejauh mana gemanya?

Kemampuan Nabi Muhammad s.a.w. menerima kalimat yang agung ini dari Allah dengan tenang tanpa hancur di bawah tekanan kalimat sanjungan yang besar walau kalimat itu kalimat sanjungan, beliau mampu menerima sanjungan itu dengan syakhsiyah yang tenteram, teguh dan tidak terumbang ambing dalam gelombang perasaan terharu, adalah merupakan sebesar-besar bukti keagungan syakhsiyahnya.

Berbagai-bagai cerita mengenai keagungan budi pekerti Rasulullah s.a.w. telah diperikan di dalam sirah dan telah dikisahkan oleh para Sahabatnya. Perjalanan dan pembawaan hidup beliau yang sebenar merupakan saksi yang lebih besar dari semua cerita mengenai dirinya. Tetapi sanjungan dan pengakuan Allah yang agung itu mengandung erti yang lebih besar dari segala-galanya. Ia lebih besar kerana ia terbit dari Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar. Ia lebih besar kerana Nabi Muhammad s.a.w. menerimanya dengan kesedaran bahawa sanjungan yang agung itu datang dari Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar, juga kerana beliau dapat mengambil sikap yang mantap dan tenang, tidak menunjukkan sebarang keangkuhan terhadap orang lain, tidak merasa besar kepala dan berlagak sombong selepas mendengar pengakuan dan sanjungan dari Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar itu.

Akhlak Rasulullah Merupakan GambaranYang Hidup Dari Hakikat Agama Islam

Allah itu Maha Mengetahui tentang orang yang akan diserahkan amanah agama-Nya. Tiada orang lain melainkan Nabi Muhammad s.a.w. dengan jiwanya yang agung yang layak memikul amanah agama-Nya yang terakhir dengan segala keagungan universalnya yang paling besar. Beliaulah yang sesuai dengan tugas itu dan beliaulah yang merupakan gambaran yang hidup dari agama itu.

Agama Allah adalah begitu sempurna, begitu indah, begitu besar, begitu luas dan begitu benar dan tiada yang layak membawa agama itu melainkan orang yang telah di-sanjung Allah dengan sanjungan yang setinggi itu. Kemudian sanjungan itu (dapat diterimanya dengan tenang dan tenteram pula, iaitu ketenteraman hati yang besar yang dapat menampung hakikat agama dan hakikat sanjungan yang tinggi itu. Kemudian ia mampu pula menerima teguran dan kecaman Tuhannya terhadap setengah-setengah tindak-tanduknya dengan ketenangan dan ketenteraman yang sama. Beliau tidak segan-segan mengumumkan teguran dan kecaman Allah itu sebagaimana beliau umumkan sanjungan Allah terhadapnya.

Tiada satu pun yang disembunyikan sama ada teguran atau pujian. Itulah sifat Nabi yang mulia, hamba yang ta'at dan muballigh yang amanah.

Sesungguhnya hakikat jiwa Rasulullah s.a.w. adalah dari hakikat agama ini, dan keagungan jiwa beliau adalah dari keagungan agama ini. Sesungguhnya hakikat Muhammadiyah itu sama seperti hakikat Islamiyah, ia mempunyai skop yang lebih jauh dari skop mana-mana mikroskop manusia. Sejauh-jauh skop yang dapat diteropongi oleh peneropong-peneropong yang ingin mengetahui keagungan hakikat yang berkembar ini ialah ia dapat melihatnya tetapi tidak dapat menentukan skopnya, dia dapat menunjukkan lingkungan jalannya yang universal tetapi tidak dapat menentukan jalan itu.

Sekali lagi saya dapati diri saya tertarik untuk berhenti sejenak di samping makna ketenangan Rasulullah s.a.w. menerima sanjungan yang agung itu dari Tuhannya. Beliau sebagai manusia pernah memuji salah seorang dari sahabat-sahabatnya dan pujiannya yang besar itu telah menyebabkan sahabatnya itu dan sahabat-sahabatnya yang lain begitu terharu, sedangkan beliau hanya seorang manusia dan sahabatnya itu juga tahu bahawa beliau hanya seorang manusia. Memang benar beliau seorang Nabi, tetapi beliau tetap berada dalam lingkungan manusia yang terbatas. Adapun beliau sendiri yang telah menerima sanjungan yang agung dari Allah itu memang benar-benar mengenal siapa Allah. Beliau mengenal Allah begitu mendalam, beliau mengenal Allah dengan pengenalan yang tidak tercapai oleh seseorang yang lain darinya, namun begitu, beliau dapat menerima sanjungan yang agung itu dengan tenang, beliau menerima sanjungan yang agung itu kemudian beliau berlalu dengan tenteram. Ini adalah suatu perkara di luar segala daya imaginasi dan di luar segala dugaan.

Hanya Nabi Muhammad s.a.w. sahaja yang dapat meningkat ke puncak keagungan yang sempurna itu. Hanya Muhammad sahaja yang sampai ke kemuncak kesempurnaan insan, iaitu kesempurnaan yang serupa dengan Nafkhatullah (نفخة الله) pada diri manusia. Hanya Muhammad sahaja yang benar-benar layak memikul amanah agama kemanusiaan global itu hingga hakikat agama itu benar-benar hidup tergambar pada dirinya, seolah-olah agama itu berjalan di bumi ini dengan bersarungkan kulit manusia. Hanya Muhammad sahaja pada ilmu Allah yang layak menduduki maqam yang tinggi itu. Allah Maha Mengetahui tentang siapakah yang layak

menerima amanah agama-Nya, dan dalam surah ini Allah mengumumkan bahawa Muhammad itu mempunyai akhlak yang agung, dan di dalam surah yang lain Allah mengumumkan bahawa Dia bersama-sama para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w.

Kedudukan Akhlak Dalam Hakikat Islamiyah

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّ

"Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi (Muhammad)"

(Surah al-Ahzab: 56)

Hanya Allah sahaja yang berkuasa mengurniakan kelebihan yang agung itu kepada seorang hamba dari para hamba-Nya.

Ayat ini menunjukkan betapa mulianya unsur akhlak dalam neraca Allah dan keaslian unsur akhlak di dalam hakikat Islamiyah itu sama seperti keaslian hakikat Muhammadiyah.

Orang yang meneliti dan mengkaji 'aqidah Islam ini sama seperti orang yang meneliti dan mengkaji sirah rasul-Nya, iaitu dia akan dapati unsur akhlak itu begitu menonjol dan sebati dalam 'aqidah ini. Lunas-lunas perundangan dan pendidikannya adalah ditegakkan di atas akhlak. Da'wah agung di dalam 'aqidah ini ialah menyeru manusia kepada kebersihan, kesucian, amanah, benar, keadilan, timbangrasa, kasihan belas, memelihara janji, persamaan perbuatan, persamaan perkataan dan perbuatan dengan niat dan dengan hati nurani, juga melarang mereka melakukan penganiayaan, kezaliman, tipudaya, makan harta orang lain dengan cara yang tidak sebenar, menceroboh kehormatan dan maruah orang lain dan menyebarkan kejahatan seks dalam apa bentuk sekalipun. Segala perundangan di dalam 'aqidah ini adalah untuk melindungi lunas-lunas ini dan untuk memelihara unsur akhlak dalam perasaan, tingkahlaku, lubuk hati nurani, realiti kehidupan masyarakat, hubungan individu, hubungan kemasyarakatan dan dalam hubungan antarabangsa.

Rasulullah Dibangkitkan Untuk Menegakkan Akhlak Yang Mulia

Rasulullah s.a.w. yang mulia pernah bersabda:

إنما بعثت لأتمم مكارم الأخلاق

"Sesungguhnya aku dibangkit untuk menyempurnakan budi pekerti yang mulia."

Dalam sabda ini beliau telah mengintipatikan risalah yang dibawanya dalam matlamat pembinaan akhlak yang luhur itu. Di sana terdapat banyak hadith-hadith yang menggalakkan manusia supaya mengamalkan setiap budi pekerti yang mulia. Sementara sirah peribadinya sendiri merupakan satu contoh yang hidup, satu lembaran yang bersih dan satu gambaran yang luhur yang wajar menerima kalimat sanjungan dari Allah dalam kitab suci-Nya yang abadi:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

"Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung."(4)

Dengan sanjungan ini Allah memuliakan Nabi-Nya s.a.w. dan memuliakan unsur akhlak dalam agama-Nya yang dibawa oleh Nabi-Nya yang mulia itu. Dengan akhlak yang mulia ini Allah menghubungkan bumi dengan langit dan menghubungkan hati orang-orang yang cintakan kepada-Nya apabila Ia menerangkan kepada mereka tentang akhlak yang lurus yang disukai dan diredhai-Nya.

Akhlak Dalam Islam Bukan Dari Bumi

Pandangan ini merupakan pandangan yang unik mengenai tata akhlak dalam Islam, kerana tata akhlak Islam bukanlah lahir dari masyarakat dan bukanlah hasil dari pertimbangan-pertimbangan bumi. Ia tidak bergantung kepada pertimbangan adat tradisi atau pertimbangan muslihat dan kepentingan atau kepada perhubungan yang wujud di dalam sesuatu generasi, malah ia diambil dari langit dan bergantung kepada langit. Ia mengambil dari seruan-seruan langit kepada bumi supaya memandang ke ufuk yang tinggi. Ia mengambil dari sifat-sifat Allah yang bebas dari segala batasan dan ikatan untuk direalisasikan manusia dalam batas kemampuan mereka supaya mereka dapat menegakkan insaniyah mereka yang tinggi dan layak menerima penghormatan dari Allah dan menjadi khalifah-Nya di bumi, juga supaya mereka layak memasuki kehidupan Akhirat yang luhur dengan mendapat kedudukan yang tinggi di sisi Allah:

فِي مَقْعَدِ صِدْقٍ عِندَ مَلِيكٍ مُّقْتَدِرٍۭ ﴿٥٥﴾

"Di majlis penghormatan yang tulen disisi Tuhan Yang Maha Pemilik dan Maha Berkuasa."

(Surah al-Qamar: 55)

Oleh kerana itu akhlak Islam tidak terikat dan tidak terbatas dengan pertimbangan-pertimbangan yang wujud di bumi, malah akhlak Islam adalah bebas. Ia boleh meningkat tinggi sejauh yang mampu dicapai manusia, kerana akhlak Islam bercita-cita untuk melahirkan sifat-sifat Allah yang bebas dari segala batasan dan ikatan.

Di samping itu akhlak-akhlak Islam bukanlah merupakan budi pekerti-budi pekerti yang baik yang berasing-asingan iaitu benar, amanah, adil, bertimbangrasa dan berbudi, malah ia merupakan cara hidup yang sepadu, di mana asuhan dan pendidikan akhlak selaras dengan undang-undang dan peraturan-peraturan masyarakat dan di atasnya ditegakkan seluruh wawasan hidup umat dan seluruh arah tujuannya di mana ia akan berakhir kepada Allah bukan kepada mana-mana pertimbangan yang lain dari pertimbangan-pertimbangan hidup di dunia ini.

Seluruh Akhlak Yang Mulia Tergambar Pada Syakhsiyah Rasulullah

Semua akhlak Islam yang sempurna, indah, seimbang, lurus, berterusan dan mantap ini adalah tergambar dengan jelas pada syakhsiyah Nabi Muhammad s.a.w. dan pada sanjungan Allah yang amat tinggi terhadap beliau:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

"Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung."(4)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 7)

Selepas memberi sanjungan yang tinggi kepada hamba-Nya Allah menenangkan hati beliau terhadap masa depannya dengan kaum Musyrikin yang telah membuat tuduhan yang dusta, dan Allah mengancam mereka untuk mendedahkan keburukan, kesalahan dan kesesatan mereka yang amat nyata:

فَسَتُبْصِرُ وَيُبْصِرُونَ ﴿٥﴾ بِأَييِّكُمُ ٱلْمَفْتُونُ ﴿٦﴾ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٧﴾

"Oleh itu, engkau akan melihat dan mereka juga akan melihat(5). Siapakah sebenarnya di antara kamu yang diuji (dengan kegilaan)?(6). Sesungguhnya Tuhanmu itulah yang lebih mengetahui siapakah yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui siapakah orang-orang yang mendapat hidayat?"(7).

Apakah Maksud Sebenar Tuduhan Mereka?

Orang yang diuji itu ialah seorang tokoh yang sesat. Inilah orang yang dijanjikan Allah untuk mendedahkan rahsianya kepada Rasulullah atau ialah orang yang terbuka tembelangnya ketika diuji Allah. Kedua-dua pengertian itu hampir-hampir sama. Maksud janji itu ialah untuk memberi ketenteraman kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada orang-orang Mu'min yang ada bersamanya, di samping memberi ancaman kepada penentang-penentang beliau yang melempar tuduhan yang jahat itu. Apakah maksud gila yang dilemparkan mereka kepada beliau? Yang lebih hampir kepada kemungkinan mereka bukan bermaksud dengan gila itu ialah kehilangan akal, kerana tuduhan ini terang-terang dibohongkan oleh kenyataan, malah yang dimaksudkan mereka ialah beliau dirasuk oleh jin-jin dan jin-jin inilah yang menurunkan ayat-ayat Al-Qur'an yang aneh dan indah kepadanya. Menurut kepercayaan mereka setiap penyajak itu mempunyai syaitan yang mengilhamkan ungkapan-ungkapan yang indah. Tetapi apa yang dimaksudkan mereka itu amat jauh dari hakikat keadaan Nabi s.a.w. yang sebenar, juga amat ganjil dari sifat wahyu-wahyu yang diwahyukan kepada beliau yang mengandungi perkataan-perkataan yang teguh, benar dan lurus.

Janji Allah ini menyarankan bahawa hari esoklah yang akan mendedahkan hakikat Nabi dan hakikat pendusta-pendustanya. Hari esoklah yang akan menentukan siapakah sebenarnya yang diujikan dengan kegilaan itu atau siapakah sebenarnya yang sesat dalam dakwaan-dakwaan yang dikatakan olehnya? Janji ini menenangkan beliau kerana:

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِۦ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٧﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu itulah yang lebih mengetahui siapakah yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui siapakah orang-orang yang mendapat hidayat?"(7)

Allahlah yang telah menurunkan wahyu kepadanya, kerana itu Allah mengetahui bahawa beliau dan pengikut-pengikutnya itulah orang-orang yang sebenar mendapat hidayat. Pengumuman ini menenangkan hati beliau dan menimbulkan kegelisahan dan kebimbangan di dalam hati musuh-musuhnya.

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 9)

Mereka Tidak Begitu Yakin Dengan Kepercayaan Jahiliyah

Kemudian Allah dedahkan kepada Rasulullah s.a.w. hakikat mereka yang sebenar dan hakikat perasaan-perasaan mereka semasa mempertikaikan kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan menuduh beliau dengan tuduhan yang jahat itu. Sebenarnya mereka berada dalam keadaan goyah terhadap kepercayaan-kepercayaan jahiliyah yang dipegang mereka. Mereka pura-pura memperlihatkan bahawa mereka begitu kuat berpegang dengannya, sedangkan sebenarnya mereka bersedia untuk meninggalkan sebahagian besar dari kepercayaan-kepercayaan yang karut itu, andainya Nabi s.a.w. sanggup meninggalkan beberapa perkara yang diserukannya kepada mereka. Mereka juga bersedia untuk melunakkan pendirian mereka supaya beliau juga dapat melunakkan pendiriannya. Mereka bukanlah pejuang-pejuang 'aqidah yang benar-benar percaya bahawa 'aqidah mereka adalah benar, malah mereka adalah pejuang pura-pura yang mahu melindungkan hakikat yang sebenar:

فَلَا تُطِعِ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿٨﴾ وَدُّوا۟ لَوْ تُدْهِنُ فَيُدْهِنُونَ ﴿٩﴾

"Oleh itu, janganlah engkau tunduk kepada pendusta-pendusta(8). Mereka suka jika engkau bersikap lunak, supaya mereka juga bersikap lunak."(9)

Tidak Ada Tawar Menawar Dengan Kepercayaan Jahiliyah

Itulah tawar-menawar dan mencari titik pertemuan di pertengahan jalan yang dikehendaki mereka sebagaimana biasa mereka lakukannya di dalam urusan perdagangan, sedangkan perbezaan di antara urusan 'aqidah dengan urusan perdagangan amatlah besar. Pejuang 'aqidah tidak akan meninggalkan 'aqidah barang sedikitpun, kerana sesuatu yang kecil di dalam 'aqidah sama seperti sesuatu yang besar, malah di dalam 'aqidah tidak ada yang kecil dan yang besar. 'aqidah merupakan satu hakikat yang mempunyai bahagian-bahagian yang sepadu yang tidak dapat ditinggalkan sedikitpun oleh pejuang-pejuangnya.

Islam tidak mungkin bertemu dengan jahiliyah di pertengahan jalan dan tidak mungkin pula bertemu di mana-mana jalan yang lain. Itulah sikap Islam terhadap jahiliyah di setiap zaman dan tempat sama ada jahiliyah dahulu atau jahiliyah hari ini atau jahiliyah akan datang. Semuanya itu sama sahaja jurang yang memisahkan di antara jahiliyah dan Islam tidak mungkin dilintasi, tidak mungkin didirikan jambatan dan tidak mungkin dihubungkan. Ia merupakan satu pertarungan yang mutlak yang mustahil didamaikan.

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat yang mengisahkan usaha-usaha tolak ansur dilakukan oleh kaum Musyrikin untuk memujuk Nabi s.a.w. supaya beliau melunakkan pendiriannya terhadap mereka dan supaya beliau menghindari perbuatan mencela tuhan-tuhan sembahan mereka dan membodoh-bodohkan cara-cara ibadat mereka, atau supaya beliau mengikut sesuatu dari amalan agama mereka agar mereka dapat mengikut agama yang dibawa oleh beliau dengan tujuan untuk memelihara air muka mereka di hadapan orang ramai Arab mengikut kebiasaan orang yang tawar-menawar dan orang yang mencari penyelesaian separuh-separuhan. Tetapi Rasulullah s.a.w. tetap cekal dan tegas dalam pendiriannya mengenai urusan agama. Beliau tidak pernah bertolak ansur dan lembut, sedangkan beliau dalam urusan-urusan yang lain dari urusan agama merupakan manusia yang paling lembut dan lunak, paling baik layanannya dan paling suka memilih yang mudah dan memberi kemudahan. Tetapi agama tetap agama. Beliau tetap mematuhi arahan Allah:

فَلَا تُطِعِ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿٨﴾

"Oleh itu, janganlah engkau tunduk kepada pendusta-pendusta."(8)

Nabi s.a.w. tidak pernah tawar-menawar dalam urusan agamanya walaupun beliau berada dalam keadaan pertentangan yang sengit di Makkah. Da'wah beliau dikepung, sahabat-sahabatnya yang sedikit dicolek dan diseksa. Mereka menderita begitu teruk dengan penuh kesabaran kerana agama Allah. Tetapi beliau tidak pernah diam dari mengeluarkan sepatah kata yang patut dikatakan di depan muka orang-orang kuat kaum Musyrikin yang angkuh itu dengan tujuan untuk mengambil hati mereka atau untuk menolak gangguan mereka. Begitu juga beliau tidak pernah diam dari menjelaskan sesuatu hakikat yang menyentuh 'aqidah sama ada dekat atau jauh.

Reaksi Pembesar-pembesar Quraysy Menghadapi Da'wah Yang Da'wah Yang Tidak Mengenal Tolak Ansur

Menurut riwayat Ibn Hisham di dalam as-Sirah dari Ibn Ishaq katanya; Apabila Rasulullah s.a.w. menyeru kaumnya secara terang-terangan seperti yang diperintahkan Allah, kaumnya tidak menjauhi diri dari beliau dan tidak pula bertindak balas terhadap beliau - mengikut cerita yang sampai kepadaku - sehingga beliau menyebut tuhan-tuhan sembahan mereka dan mencelanya. Apabila beliau bertindak demikian barulah mereka menentangnya dan berpakat memusuhinya melainkan mereka yang dilindungi Allah dengan memeluk agama Islam, tetapi bilangan mereka sangat kecil dan terpaksa bersembunyi. Bapa saudaranya Abu Talib telah menunjukkan simpatinya kapada Rasulullah s.a.w. dan mempertahankannya, sedangkan beliau terus melaksanakan tugasnya menzahirkan agama Allah dan tiada suatu apa pun yang dapat menghalangnya.

Pendirian Abu Talib Dibantah

Apabila orang-orang Quraysy melihat Rasulullah s.a.w. tidak mempedulikan bantahan mereka terhadap perbuatan beliau yang memisahkan diri dari mereka dan mencela tuhan-tuhan sembahan mereka, dan begitu juga apabila mereka melihat bapa saudaranya Abu Talib telah bersimpati dengan beliau dan mempertahankan beliau tanpa menyerahnya kepada mereka, maka pembesar-pembesar Quraysy pun pergi menemui Abu Talib. Mereka ialah 'Utbah, Syaybah kedua-duanya anak Rabi'ah, Abu Sufyan ibn Harb ibn Umayyah, Abul-Bakhtari iaitu al-'As ibn Hisyam, al-Aswad ibn al-Muttalib ibn Asad, Abu Jahl iaitu 'Amr ibn Hisyam yang digelarkan Abu al-Hakam, al-Walid ibn al-Mughirah, Nabih dan Munabbih anak al-Hajjaj ibn 'Amir dan lain-lain lalu mereka berkata: "Wahai Abu Talib, anak saudara anda telah mencaci tuhan-tuhan kami, mencela agama kami, membodoh-bodohkan fikiran kami dan menuduh nenek moyang kami sebagai sesat. Oleh itu, kami minta anda halangkannya dari mencaci kami atau serahkan sahaja dia kepada kami, kerana anda sendiri juga seperti kami tidak sama dengannya, supaya kami dapat melindungi anda darinya." Lalu Abu Talib memberi satu jawapan yang lemah-lembut dan membalas kata-kata mereka dengan baik. Selepas itu mereka pun bersurai darinya.

Rasulullah s.a.w. terus menjalankan tugasnya menyebarkan agama Allah dan menyeru orang ramai kepadanya, kemudian hubungan di antara beliau dengan kaum Quraysy semakin tegang dan buruk hingga mereka menjauhkan diri dan menaruh dendam kesumat terhadapnya. Mereka banyak memperkatakan tentang Rasulullah s.a.w. dan meluahkan kemarahan mereka terhadapnya serta

memberangsangkan satu sama lain supaya menentangnya. Kemudian mereka sekali lagi pergi menemui Abu Talib dan berkata kepadanya: "Wahai Abu Talib! Anda seorang tua yang mempunyai kedudukan yang terhormat dan tinggi dalam kalangan kami. Kami telah pun meminta anda melarang anak saudara anda, tetapi anda tidak juga melarangkannya dari menyakiti kami. Demi Allah, kami tidak sanggup lagi bersabar di atas perbuatannya yang mencaci datuk nenek kami, membodoh-bodohkan akal fikiran kami dan menghinakan tuhan-tuhan kami sehingga anda bertindak mencegahkannya dari menyakiti kami atau kami bertindak menentangnya dan menentang anda bersama sehingga tewas salah satu dari dua pihak ...."

Jawapan Tegas Rasulullah Kepada Abu Talib

Kemudian mereka, bersurai darinya. Kini Abu Talib merasa begitu berat untuk berpisah dengan kaumnya dan memusuhi mereka, tetapi dia tidak tergamak menyerahkan Rasulullah s.a.w. kepada mereka dan tidak tergamak pula menghampakan beliau. Kata Ibn Ishaq: Kami telah diceritakan oleh Ya'kub ibn 'Uqbah ibn al-Mughirah ibn al-Akhnas ia telah menceritakan iaitu selepas pembesar-pembesar Quraysy itu memberi kata dua kepada Abu Talib dia pun menyuruh orang memanggil Rasulullah s.a.w. Lalu dia berkata kepadanya: "Wahai anak saudaraku, tadi kaum engkau telah datang menemui pakcik dan berkata kepada pakcik begini begitu. Oleh itu, tolonglah jaga diri pakcik dan diri engkau dan janganlah engkau bebankan pakcik dalam perkara ini hingga tidak dapat dipikul oleh pakcik." Lalu Rasulullah s.a.w. pun menyangka bahawa fikiran bapa saudaranya telah berubah, dan dia telah menghampakannya dan akan menyerahkannya kepada kaumnya, dia tidak sanggup lagi menolongnya dan berdiri bersamanya. Rasulullah s.a.w. pun berkata:

يا عم ، والله لو وضعوا الشمس في يميني والقمر في يساري على أن أترك هذا الأمر حتى يظهره الله أو أهلك فيه ما تركته.

"Pakcik, demi Allah, andainya mereka letakkan matahari di kanan hamba dan bulan di kiri hamba supaya hamba tinggalkan da'wah ini nescaya tidak hamba tinggalkannya atau hamba mati kerananya."

Air mata memenuhi mata Rasulullah s.a.w., lalu beliau menangis, kemudian beliau bangkit. Sebaik sahaja Rasulullah s.a.w. hendak berundur dari situ, Abu Talib memanggilnya kembali dengan katanya: "Marilah, wahai anak saudaraku!." Lalu Rasulullah s.a.w. pun datang menghadapinya. Dia pun berkata: "Pergilah wahai anak saudaraku, dan katakanlah apa yang engkau suka. Demi Allah, aku tidak sekali-kali akan menyerahkan engkau kepada sesiapapun."

Itulah gambaran keazaman dan tekad Rasulullah s.a.w. untuk meneruskan tugas da'wahnya dalam sa'at beliau hendak ditinggalkan oleh bapa saudaranya, iaitu satu-satunya pelindung dan penolong beliau dan satu-satunya kubu terakhir di bumi yang dapat melindungkan beliau dari kejahatan musuh-musuhnya.

Itulah satu gambaran pendirian beliau yang sungguh kuat, indah dan baru dari segi hakikatnya, dari segi bentuknya, dari segi pengungkapannya dan dari segi kata-katanya iaitu sama baru dengan 'aqidah ini, sama indah dengan 'aqidah ini dan sama kuat dengan 'aqidah ini tepat seperti firman Allah Yang Maha Besar:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

"Dan sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung."(4)

Di sana ada lagi satu gambaran yang juga diriwayatkan oleh Ibn Ishaq, iaitu gambaran tawar-menawar secara langsung dari kaum Musyrikin kepada Rasulullah s.a.w. setelah mereka tidak berdaya menghadapi da'wahnya. Ketika itu setiap suku bertindak menyeksa sesiapa sahaja dari suku mereka yang memeluk agama Islam.

Cerita 'Utbah Membawa Tawaran-tawaran Lumayan Kepada Rasulullah

Kata Ibn Ishaq: Saya telah diceritakan oleh Yazid ibn Ziad dari Muhammad ibn Ka'b al-Qurazi katanya: Aku telah diceritakan bahawa 'Utbah ibn Rabi'ah salah seorang pembesar telah berkata pada suatu hari semasa dia duduk di majlis perhimpunan orang-orang Quraysy, sedangkan Rasulullah s.a.w. duduk seorang diri sahaja di dalam masjid: Wahai orang-orang Quraysy! Apa kata tuan-tuan jika saya pergi menemui Muhammad dan berbicara dengannya dan mengemukakan beberapa tawaran kepadanya semoga ia dapat menerima setengah-setengahnya, dan dapatlah kita berikan kepadanya apa sahaja yang disukainya supaya ia berhenti menyakiti kita? Peristiwa ini berlaku selepas Hamzah memeluk Islam dan mereka melihat sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. semakin bertambah ramai. Jawab mereka: Wahai Abu al-Walid! Pergilah kepadanya dan berbicaralah dengannya. Lalu 'Utbah pun bangkit dan terus pergi menemui beliau. Dia duduk mengadap Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai anak saudaraku! Sebagaimana anda tahu, anda ini adalah dari kaum kami. Anda mempunyai kedudukan yang terhormat di kalangan keluarga dan darjah yang tinggi dalam keturunan Quraysy. Anda telah membawa kepada kaum anda satu ajaran yang besar. Dengan ajaran ini anda telah memecahbelahkan perpaduan mereka, membodoh-bodohkan akal fikiran mereka, mencaci tuhan-tuhan dan agama mereka, mengkafirkan datuk nenek mereka. Oleh itu, dengarlah saya mahu kemukakan beberapa tawaran untuk difikirkan anda semoga anda boleh menerima setengah-setengahnya." Jawab Rasulullah s.a.w., "Baiklah, wahai Abu al-Walid. Cakaplah saya bersedia

mendengarnya." Lalu 'Utbah pun berkata: "Wahai anak saudaraku! Jika tujuan anda membawa ajaran ini untuk mendapatkan harta kekayaan, kami sanggup mengumpulkan harta kekayaan kami hingga anda dapat menjadi seorang yang paling kaya di kalangan kami. Jika tujuan anda untuk mendapatkan darjat kemuliaan, kami sanggup melantikkan anda sebagai ketua kami hingga kami tidak akan membuat sebarang keputusan tanpa persetujuan anda. Jika tujuan anda untuk menjadi raja, kami bersedia melantikkan anda sebagai raja kami. Andainya ajaran yang datang kepada anda itu dari rasukan jin yang tidak dapat ditolak oleh anda, maka kami bersedia mencari dukun dan kami akan membelanjakan harta kami hingga anda sembuh darinya, kerana kadang-kadang jin itu akan terus mengongkong seseorang sehingga ia diubati." Setelah selesai 'Utbah berbicara dan Rasulullah s.a.w. mendengarnya, beliau pun bersabda: "Sudahkah habis apa yang hendak dikatakan anda, wahai Abu al-Walid?" Jawab Abu al-Walid, "Ya". Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Dengarlah apa yang saya baca."

'Utbah Terpesona Dengan Al-Qur'an

Jawab Abu al-Walid, "Silalah!" Lalu beliau membaca:

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلٌ مِّنَ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٢﴾
كِتَٰبٌ فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾
بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعْرَضَ أَكْثَرُهُمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿٤﴾
وَقَالُوا۟ قُلُوبُنَا فِىٓ أَكِنَّةٍ مِّمَّا تَدْعُونَآ إِلَيْهِ وَفِىٓ ءَاذَانِنَا
وَقْرٌ وَمِنۢ بَيْنِنَا وَبَيْنِكَ حِجَابٌ فَٱعْمَلْ إِنَّنَا عَٰمِلُونَ ﴿٥﴾
قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ
وَٰحِدٌ فَٱسْتَقِيمُوٓا۟ إِلَيْهِ وَٱسْتَغْفِرُوهُ ۗ وَوَيْلٌ
لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾

"Dengan nama Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih". "Haa. Miim(1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih(2). Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk kaum yang mengetahui(3). Yang membawa berita gembira dan membawa amaran 'azab, tetapi kebanyakan mereka berpaling dari-Nya. Oleh kerana itu mereka tidak mahu mendengarnya(4). Dan mereka berkata: Hati kami dalam tutupan yang (menghalangi kami) dari da'wah yang engkau serukan kami kepada-Nya, dan di dalam telinga kami ada penyumbat dan di antara kami dengan engkau ada dinding. Oleh itu, bekerjalah engkau untuk diri engkau dan kami bekerja untuk diri kami(5). Katakanlah: Sesungguhnya aku seorang manusia seperti kamu, aku telah diwahyukan bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu, hendaklah kamu tetap di atas jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan memohon keampunan daripada-Nya. Dan kecelakaan yang besar disediakan untuk orang-orang Musyrikin."(6)

(Surah Fussilat : 1-6)

Kemudian Rasulullah s.a.w. meneruskan bacaannya dan 'Utbah mendengarnya dengan teliti. Ia menghulurkan dua tangannya ke belakang menongkatkan badannya mendengar bacaan itu. Kemudian bacaan Rasulullah s.a.w. berakhir kepada ayat sujud, lalu beliau pun sujud. Setelah itu beliau bersabda: "Wahai Abu al-Walid! Anda telah mendengar apa yang saya baca, terserahlah kepada anda menimbangnya." Lalu 'Utbah pun kembali kepada sahabat-sahabatnya. Mereka berkata satu sama lain: "Kami bersumpah dengan nama Allah bahawa Abu al-Walid telah balik kepada kamu dengan muka yang berlainan dari mukanya sewaktu ia pergi." Apabila 'Utbah duduk mengadap mereka, mereka pun bertanya: "Apa berita, wahai Abu al-Walid?" Jawab 'Utbah, "Beritanya, aku telah mendengar perkataan-perkataan yang tidak pernah aku mendengar sepertinya. Demi Allah perkataan-perkataan itu bukannya perkataan-perkataan sajak, bukan pula perkataan-perkataan jampi tukang sihir, bukan pula perkataan-perkataan mentera kahin. Wahai sekalian orang Quraysy! Ikutilah cakap saya, biarkanlah lelaki ini (Muhammad) dengan keadaannya yang ada sekarang ini, jangan ganggu dia. Demi Allah perkataan-perkataan yang telah aku dengar darinya itu akan melahirkan satu peristiwa yang besar. Jika orang-orang Arab bertindak di atasnya bererti kamu telah selamat darinya dengan tindakan orang-orang yang lain dari kamu, jika dia dapat menguasai orang-orang Arab, maka kerajaannya bererti kerajaan kamu, kemuliaan dan kekuasaannya bererti kemuliaan dan kekuasaan kamu dan kamu akan menjadi umat yang paling bahagia dengan sebabnya." Lalu mereka berkata: "Demi Allah, wahai Abu al-Walid, awak telah disihirkan oleh kepetahan lidahnya." Jawab Abu al-Walid, "Ini adalah pendapatku terhadapnya. Oleh itu, buatlah apa yang kamu suka."

Dalam satu riwayat yang lain, 'Utbah mendengar bacaan Rasulullah s.a.w. hingga sampai kepada firman-Nya:

فَإِنْ أَعْرَضُوا۟ فَقُلْ أَنذَرْتُكُمْ صَٰعِقَةً مِّثْلَ صَٰعِقَةِ
عَادٍ وَثَمُودَ ﴿١٣﴾

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah: Aku memberi amaran kepada kamu dengan 'azab petir seperti petir yang telah membinasakan 'Ad dan Thamud."

(Surah Fussilat: 13)

Mendengar ayat ini dia terus bangun ketakutan dan meletakkan tangannya di atas mulut Rasulullah s.a.w. sambil berkata: "Wahai Muhammad! Aku minta tolong dengan nama Allah dan dengan nama hubungan anak-beranak." Ia merayu begitu kerana takut ditimpa akibat amaran itu, kemudian dia balik

menemui kaumnya dan berkata kepada mereka sebagaimana yang diterangkan di atas.

Gambaran Sopan Santun Nabi Yang Agung

Walau bagaimanapun ini adalah satu lagi gambaran dari gambaran-gambaran tawar-menawar dan satu lagi gambaran dari gambaran-gambaran budi pekerti yang agung yang dapat dilihat dengan jelas pada adab sopan Rasulullah s.a.w. ketika mendengar penerangan 'Utbah hingga sampai akhirnya, sedangkan penerangan itu merupakan cakap-cakap kosong yang tidak wajar mendapat perhatian dari orang seperti Nabi Muhammad s.a.w., tetapi budi pekertinya yang tinggi itulah yang menjadikannya sabar, tidak gopoh memotong percakapan 'Utbah, tidak menunjukkan kemarahan dan kebosanan hingga dia selesai menghabiskan percakapannya, sedangkan beliau mendengar dengan teliti. Kemudian beliau berkata dengan tenang: "Sudahkah habis apa yang hendak dikatakan anda, wahai Abu al-Walid?" Itulah ketenangan dan keyakinan sejati terhadap kebenaran yang disertai pula dengan adab sopan yang tinggi semasa mendengar dan bercakap. Kedua-duanya merupakan sebahagian dari bukti budi pekerti yang agung.

Ada lagi gambaran tawar-menawar yang ketiga yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq katanya:

Sewaktu Rasulullah s.a.w. sedang mengerjakan Tawaf di Ka'bah, tiba-tiba ia dihalangi oleh al-Aswad ibn al-Muttalib ibn Asad ibn Abdul 'Uzza dan al-Walid ibn al-Mughirah, Umayyah ibn Khalaf, al-'As ibn Wa'il al-Sahmi. Mereka merupakan orang-orang tua dalam kalangan kaum mereka lalu mereka berkata: "Wahai Muhammad, marilah kita berpakat. Kami sembah apa yang engkau sembah dan engkau sembah apa yang kami sembah. Marilah kita bersekutu dalam perkara ini, kerana jika Tuhan yang engkau sembah itu lebih baik dari tuhan yang kami sembah, maka ini bererti kami juga turut mendapat habuan darinya. Dan jika tuhan yang kami sembahkan itu lebih baik dari Tuhan yang engkau sembah, maka ini bererti engkau juga turut mendapat habuan darinya." Lalu Allah turunkan ayat:

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١﴾
لَآ أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾
وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٣﴾
وَلَآ أَنَا۠ عَابِدٌ مَّا عَبَدتُّمْ ﴿٤﴾
وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٥﴾
لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِىَ دِينِ ﴿٦﴾

"Katakanlah (Wahai Muhammad!): Wahai orang-orang kafir!(1). Aku tidak sembah apa yang kamu sembah(2). Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah(3). Dan aku bukannya penyembah tuhan yang kamu sembah(4). Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah(5). Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku."(6)

(Surah al-Kafirun : 1 - 6)

Allah telah memutuskan tawar-menawar yang lucu itu dengan mengumumkan pemisahan yang tegas ini, dan Rasulullah s.a.w. telah berkata kepada mereka sebagaimana yang disuruh oleh Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 16)

Al-Walid Dan Al-Mughirah Tokoh Penentang Rasulullah Yang Paling Hebat Dikecam Al-Qur'an

Kemudian nilai unsur akhlak sekali lagi ketara di dalam firman Allah yang menegahkan Rasulullah s.a.w. dari tunduk kepada salah seorang tokoh yang tertentu dari pendusta-pendusta itu dan mensifatkannya dengan sifat-sifat yang hina dan mengancamkannya dengan balasan penghinaan:

وَلَا تُطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾
هَمَّازٍ مَّشَّآءٍۭ بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾
مَّنَّاعٍ لِّلْخَيْرِ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾
عُتُلٍّۭ بَعْدَ ذَٰلِكَ زَنِيمٍ ﴿١٣﴾ أَن كَانَ ذَا مَالٍ وَبَنِينَ ﴿١٤﴾
إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ءَايَٰتُنَا قَالَ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٥﴾
سَنَسِمُهُۥ عَلَى ٱلْخُرْطُومِ ﴿١٦﴾

"Dan janganlah engkau tunduk kepada setiap orang yang banyak bersumpah dan hina (budi pekertinya)(10). Yang banyak mengumpat dan banyak berjalan menabur fitnah(11). Pencegah kebajikan, penceroboh dan banyak berdusta(12). Berhati keras dan selain itu ia juga terkenal jahat(13). Kerana dia mempunyai harta yang banyak dan anak-anak lelaki yang ramai(14). Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami ia berkata: Inilah dongeng-dongeng orang-orang purbakala(15). Kami akan tandakan di atas belalainya (batang hidungnya)."(16)

Mengikut satu pendapat yang dimaksudkan dengan tokoh tersebut ialah al-Walid ibn al-Mughirah. Dialah juga orang yang diturunkan ayat-ayat berikut dari Surah al-Muddaththir.

ذَرْنِى وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا ﴿١١﴾
وَجَعَلْتُ لَهُۥ مَالًا مَّمْدُودًا ﴿١٢﴾ وَبَنِينَ شُهُودًا ﴿١٣﴾
وَمَهَّدتُّ لَهُۥ تَمْهِيدًا ﴿١٤﴾ ثُمَّ يَطْمَعُ أَنْ أَزِيدَ ﴿١٥﴾

"Biarkanlah Aku sahaja bertindak terhadap orang yang Aku telah ciptakannya dengan sendirian(11). Dan Aku telah jadikan untuknya harta kekayaan yang luas(12). Dan anak-anak lelaki yang selalu menemaninya(13). Dan Aku telah memberi kepadanya kemudahan hidup yang sempurna(14). Kemudian dia terus tamak supaya Aku tambahkan lagi."(15)

(Surah Al-Muddaththir: 11-15)

كَلَّآ إِنَّهُۥ كَانَ لِءَايَٰتِنَا عَنِيدًا ﴿١٦﴾
سَأُرْهِقُهُۥ صَعُودًا ﴿١٧﴾ إِنَّهُۥ فَكَّرَ وَقَدَّرَ ﴿١٨﴾
فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿١٩﴾ ثُمَّ قُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿٢٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya dia amat degil terhadap ayat-ayat Kami(16). Aku akan penatkannya mendaki jalan yang sukar(17). Sesungguhnya dia berfikir dan merancang (untuk menentang Al-Qur'an)(18). Binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(19). Kemudian binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang"(20).

(Surah Al-Muddaththir : 16-20)

ثُمَّ نَظَرَ ﴿٢١﴾ ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ﴿٢٢﴾
ثُمَّ أَدْبَرَ وَٱسْتَكْبَرَ ﴿٢٣﴾
فَقَالَ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ يُؤْثَرُ ﴿٢٤﴾
إِنْ هَٰذَآ إِلَّا قَوْلُ ٱلْبَشَرِ ﴿٢٥﴾ سَأُصْلِيهِ سَقَرَ ﴿٢٦﴾

"Kemudian dia merenung(21). Kemudian mukanya menjadi masam dan muram(22). Kemudian dia berpaling (dari keimanan) dan berlagak angkuh(23). Lalu dia berkata: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan suatu sihir yang dinukilkan (dari ahli-ahli sihir)(24). Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya perkataan manusia sahaja(25). Aku akan memasukkannya ke dalam Neraka Saqar."(26)

(Surah al-Muddaththir: 21-26)

Berbagai-bagai cerita tipudaya yang jahat dari al-Walid terhadap Rasulullah s.a.w. telah diriwayatkan bagaimana ia menentang da'wah dan menegahkan orang ramai dari jalan Allah. Begitu juga ada pendapat yang mengatakan bahawa ayat-ayat Surah al-Qalam ini diturun mengenai diri al-Akhnas ibn Syurayq. Kedua-duanya merupakan musuh-musuh yang menentang dan memerangi Rasulullah s.a.w. dalam masa yang begitu lama.

Serangan Al-Qur'an yang keras terhadap tokoh itu dalam surah ini dan ugutan-ugutan yang dahsyat di dalam surah yang lain menunjukkan betapa ganas peranan yang dimainkan oleh tokoh itu dalam memerangi Rasul dan da'wah, sama ada tokoh itu al-Walid atau al-Akhnas, tetapi pendapat yang pertama lebih kuat, juga menunjukkan betapa jahat hatinya dan betapa rosak jiwanya dan betapa kosong hatinya dari kebajikan.

Al-Qur'an telah mensifatkan al-Walid dengan lapan sifat yang buruk belaka. Dia seorang yang banyak bersumpah, dan orang yang banyak bersumpah itu menandakan dia seorang yang tidak bercakap benar. Dia sedar bahawa orang ramai tidak percaya kepadanya, kerana itu dia banyak bersumpah untuk melindungi pembohongannya dan menarik kepercayaan mereka.

Dia seorang yang hina. Dia tidak menghormati dirinya dan orang ramai juga tidak menghormati perkataannya. Tanda kehinaannya ialah dia memerlukan kepada bersumpah. Dia tidak percaya kepada dirinya dan orang ramai juga tidak percaya kepadanya, walaupun dia mempunyai harta kekayaan yang banyak, anak yang ramai dan darjat yang tinggi. Pekertinya yang hina itu merupakan sifat jiwa yang melekat pada seseorang walaupun dia seorang yang penuh berkuasa. Begitu juga pekerti yang mulia merupakan sifat jiwa yang tidak terpisah dari manusia yang mulia walaupun ia tidak mempunyai segala harta kekayaan dan pangkat kebesaran dunia.

Perbuatan Mengumpat Dan Mencaci Orang Lain

Dia seorang yang banyak mengumpat. Dia mencaci dan menghinakan orang lain dengan kata-kata dan isyarat sama ada di hadapan mereka atau di belakang mereka. Islam amat benci kelakuan mengumpat, kerana kelakuan ini bertentangan dengan maruah dan kehormatan diri seseorang, bertentangan dengan adab sopan diri sendiri dan bertentangan dengan adab pergaulan dengan orang lain dan dengan adab menjaga kehormatan mereka sama ada kecil atau besar. Al-Qur'an berulang-ulang kali mencela kelakuan ini di dalam surah-surah yang lain. Firman Allah:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ﴿١﴾

"Kecelakaan disediakan untuk setiap pengumpat dan pencaci."

(Surah al-Humazah : 1)

Firman-Nya lagi:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰٓ أَن
يَكُونُوا۟ خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَآءٌ مِّن نِّسَآءٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُنَّ خَيْرًا
مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا۟ بِٱلْأَلْقَٰبِ بِئْسَ
ٱلِٱسْمُ ٱلْفُسُوقُ بَعْدَ ٱلْإِيمَٰنِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُو۟لَٰٓئِكَ
هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿١١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah ada satu golongan mengejek satu golongan yang lain kerana boleh jadi golongan yang diejekkan itu lebih baik dari mereka, dan janganlah ada satu golongan wanita mengejek satu golongan wanita yang lain kerana boleh jadi golongan yang diejekkan itu lebih baik dari mereka, dan janganlah kamu mencela diri kamu sendiri (mencela sesama Islam) dan

janganlah kamu panggil memanggil dengan gelaran-gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasik setelah mereka beriman. Dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka mereka adalah orang-orang yang zalim."

(Surah al-Hujurat : 11)

Semuanya merupakan aneka ragam kelakuan mengumpat dalam segala bentuknya.

Perbuatan Menabur Fitnah

Dia banyak berjalan menabur fitnah. Dia berjalan menemui orang ramai di sana sini membawa fitnah yang merosakkan hati mereka, memutuskan tali hubungan mereka dan memusnahkan kasih mesra mereka. Inilah satu kelakuan yang tercela dan hina. Setiap orang yang menghormati dirinya atau mengharapkan dirinya dihormati orang lain tidak akan berkelakuan seperti itu. Dia tidak akan dihormati walaupun oleh orang-orang yang suka menadah telinganya kepada umpat dan fitnah-fitnah yang dilakukannya untuk memecahbelahkan di antara orang yang mempunyai hubungan kasih mesra. Hatta orang-orang yang suka menadah telinga mereka kepada umpatan ini juga dalam hati kecilnya tidak menghormati dan menyayanginya.

Rasulullah s.a.w. telah menegah supaya jangan ada sesiapa menyampaikan kepadanya perkara-perkara yang boleh mengubahkan hatinya terhadap mana-mana sahabatnya. Beliau bersabda:

لا يبلّغني أحد عن أحد من أصحابي شيئاً فإني أحب أن أخرج إليكم وأنا سليم الصدر .

-أخرجه أبو داود والترمذي من حديث ابن مسعود-

"Jangan ada sesiapa yang menyampaikan kepadaku sesuatu yang tidak baik mengenai mana-mana sahabatku kerana aku suka keluar menemui kamu dengan hati yang bersih."

(Dikeluarkan oleh Abu Daud dan at-Tirmizi daripada hadith Ibn Mas'ud)

Di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim terdapat sebuah hadith riwayat Mujahid dari Tawus dari Ibn 'Abbas katanya:

مرّ رسول الله – صلى الله تعالى عليه وعلى آله وسلم – بقبرين ، فقال : إنهما ليعذبان ، وما يعذبان في كبير . أما أحد هما فكان لا يستتر من البول ، وأما الآخر فكان يمشي بالنميمة

"Rasulullah s.a.w., telah melalui dua buah kubur lalu bersabda: Kedua-dua orang ini sedang diseksa, dan kedua-duanya diseksa bukan kerana perkara besar. Salah seorang darinya berkebiasaan tidak berlindung ketika ia membuang air kecil, dan yang satu lagi berjalan membawa umpatan."

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Huzayfah yang telah berkata: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

لا يدخل الجنة قتات

"Tidak masuk Syurga orang yang banyak mengumpat."

Al-Iman Ahmad juga telah meriwatkan dengan sanadnya dari Yazid ibn as-Sakan bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

ألا أخبركم بخياركم ؟ قا لوا : بلى يا رسول الله . قال: الذين إذا رؤوا ذكرالله عزوجل ، ثم قال: ألا أخبركم بشراركم ؟ المشاءون بالنميمة المفسدون بين الأحبه ، الباغون للبرآء العيب

"Sukakah aku ceritakan kepada kamu tentang orang yang paling baik di antara kamu? Lalu mereka berkata,'Tentu sekali wahai Rasulullah'. Rasulullah bersabda, ' Iaitu orang-orang yang apabila mereka diceritakan tentang orang lain, lalu mereka mengingati Allah Azzawajalla.'. Kemudian Rasulullah bertanya lagi, 'Sukakah aku ceritakan kepada kamu tentang orang yang paling jahat di antara kamu? Itulah orang-orang yang banyak berjalan menaburkan fitnah, umpat-mengumpat, orang-orang yang merosakkan hubungan di antara orang-orang yang disayanginya, orang-orang yang mencabul maruah orang-orang yang bersih dari kecelaan'."

Islam pasti memberatkan larangannya terhadap kelakuan yang keji dan hina, yang merosakkan hati dan sahabat handai juga merosakkan pengumpat itu sendiri sebelum ia merosakkan perpaduan masyarakat, juga kelakuan yang memakan hati dan akhlaknya sebelum ia memakan kedamaian masyarakat dan menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap satu sama lain dan seringkali mengorbankan orang-orang yang tidak berdosa.

Perbuatan Menjadi Batu Penghalang Kebajikan

Dia seorang pencegah kebajikan sama ada untuk dirinya atau untuk orang lain. Dia mencegah keimanan sedangkan keimanan itulah wadah yang mengumpulkan segala kebajikan. Dia pernah berkata kepada anak-anak dan keluarganya apabila dia mendapat tahu ada di antara mereka yang cenderung kepada Nabi s.a.w., "Jika ada seorang dari kamu mengikut agama Muhammad aku tidak akan memberikannya sesuatu apa pun buat selama-lamanya." Demikianlah dia mengugut mereka untuk mencegah mereka dari memeluk Islam. Kerana itulah Al-Qur'an merakamkan sifatnya sebagai **"pencegah kebajikan"** di dalam tutur kata dan tindak-tanduknya.

Kelakuan Keterlaluan

Dia seorang pelampau yang melewati batas kebenaran dan keadilan. Dia menceroboh ke atas Nabi s.a.w., menceroboh ke atas orang-orang Islam, menceroboh ke atas anak isteri dan keluarganya sendiri, kerana ia menghalangi mereka dari hidayat dan mencegah mereka dari keimanan. Kelakuan pelampau adalah satu sifat yang tercela yang mendapat perhatian yang amat besar dari Al-Qur'an.

Sifat ini telah ditegahkan oleh Islam dalam apa bentuknya sekalipun hingga dalam persoalan makanan dan minuman. Firman Allah:

كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ وَلَا تَطْغَوْا۟ فِيهِ

"Makanlah dari makanan-makanan yang baik yang telah Kami kurniakan rezeki kepada kamu dan janganlah kamu melampau batasnya."

(Surah Taha: 81)

Keadilan dan Kesederhanaan Merupakan Satu Sifat Islam Yang Tulen

Dia seorang yang banyak melakukan maksiat hingga ia memang benar-benar wajar disifatkan Allah sebagai **"Orang yang banyak berdosa"** tanpa membutirkan jenis-jenis dosa yang dilakukannya. Tujuan ungkapan ini ialah untuk mengecap dan melekatkan sifat ini pada dirinya sebagai satu sifat yang tidak terpisah darinya.

Selain dari sifat-sifat itu, dia juga seorang yang kasar dan berhati keras. Kata-kata "عتل" menyampaikan sekumpulan sifat-sifat dan kelakuan-kelakuan yang tidak dapat disampaikan dengan sekumpulan kata-kata dan sifat-sifat. Ia bererti seorang yang kasar kelakuannya dan keras hatinya. Ia juga bererti seorang pemakan dan peminum, seorang yang gelojoh dan bakhil, seorang yang keras dan jahat tabi'atnya, seorang yang buruk pergaulannya. Menurut Abu ad-Darda' r.a.: "عتل" itu ialah orang yang mempunyai perut yang buncit, kasar budi pekertinya, pemakan, peminum, pengumpul harta dan kikir. Walau bagaimanapun kata-kata "عتل" itu sendiri mengandungi erti yang lebih kaya dari semua pengertian itu dan lebih sempurna menggambarkan syakhsiyah yang buruk dari semua aspek.

Dia juga terkenal jahat. Inilah penamat sifat-sifat keji yang terkumpul pada seorang tokoh dari musuh-musuh Islam. Hanya orang-orang dari kelas yang hina ini sahaja yang berhempas pulas menentang Islam. Kata-kata "زنيم" mempunyai banyak erti di antaranya ialah penenggek yang menenggek pada satu kaum sedang dia tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan mereka atau keturunan dengan mereka atau keturunannya menjadi sasaran tuduhan orang. Di antara ertinya lagi ialah orang yang terkenal jahat di kalangan orang ramai. Ertinya yang kedua inilah yang lebih hampir dengan keadaan al-Walid ibn al-Mughirah walaupun pemakaian kata-kata itu juga mengecapkannya dengan suatu sifat yang hina di sisi kaumnya iaitu sifat angkuh dan bongkak.

Selepas memerikan sifat-sifat yang keji tokoh itu, Allah menerangkan pula pendiriannya terhadap ayat-ayat Al-Qur'an serta mencela pendiriannya ini yang dijadikannya sebagai balasan kepada Allah yang telah mengurniakan kepadanya ni'mat harta dan anak.

أَن كَانَ ذَا مَالٍ وَبَنِينَ ﴿١٤﴾
إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ءَايَٰتُنَا قَالَ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٥﴾

"Kerana dia mempunyai harta yang banyak dan anak-anak lelaki yang ramai(14). Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami ia berkata: Inilah dongeng-dongeng orang-orang purbakala."(15)

Alangkah buruknya balasan seorang manusia terhadap Allah yang telah mengurniakan ni'mat kekayaan dan anak yang ramai kepadanya dengan menghinakan firman-firman-Nya, mempersenda-sendakan Rasul-Nya dan mencabulkan agama-Nya. Pendirian ini sahaja telah menyamai segala sifat-sifatnya yang keji yang telah disebutkan sebelum ini.

Kerana itu datanglah ancaman dan Allah Yang Maha Perkasa yang menyentuh keangkuhan dan kebanggaannya yang bermegah-megah dengan harta kekayaan; anak-anak yang ramai, kedudukan dan keturunannya:

سَنَسِمُهُۥ عَلَى ٱلْخُرْطُومِ ﴿١٦﴾

"Kami akan tandakan di atas belalainya (batang hidungnya)."(16)

Di antara makna الخرطوم ialah muncung babi hutan. Barangkali muncung inilah yang dimaksudkan dengan belalai di sini. Kata-kata hidung dalam bahasa Arab melambangkan kemuliaan. Ancaman Allah untuk menanda atau mencalitkan hidung dengan tanda mengandungi dua ragam penghinaan. Pertama ia ditandakan seperti seorang abdi, dan yang kedua hidungnya diserupakan dengan muncung babi.

Tidak syak lagi bahawa kesan ayat-ayat itu kepada jiwa al-Walid amat menghancurkan, kerana dia dari satu umat yang menganggapkan celaan dan cemuhan dari seorang penyajak itu sebagai cemuhan yang amat memalukan iaitu cemuhan yang sangat dijaga oleh orang-orang yang mulia, walaupun cemuhan itu tidak benar. Bagaimana pula dengan cemuhan yang benar dari Allah Pencipta langit dan bumi dengan gaya ungkapan yang tidak dapat ditandingkan dan dirakamkan dalam Al-Qur'an di mana setiap katanya bergema di merata pelusuk alam dan kemudian kekal mantap di alam buana. Itulah pukulan yang menghancurkan yang wajar diterima oleh musuh Islam, musuh Rasul yang mulia yang mempunyai akhlak yang agung.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 34)

Kisah Pekebun-pekebun Yang Bakhil Yang Mahu Menghapuskan Habuan Orang-orang Miskin

Sesuai dengan sentuhannya mengenai harta kekayaan, anak yang ramai, keangkuhan yang lupa daratan yang ditunjukkan oleh para pendusta itu, maka al-Qur'an mengemukakan satu kisah teladan kepada mereka, iaitu kisah yang nampaknya memang terkenal dan tersebar di kalangan mereka. Dalam kisah itu Al-Qur'an mengingatkan mereka terhadap akibat tidak mengenangkan ni'mat Allah, akibat bakhil membuat kebajikan, akibat menceroboh hak-hak orang lain, dan seterusnya menyedarkan mereka

bahawa segala ni'mat kekayaan dan anak-anak yang berada di tangan mereka hanya suatu ujian dari Allah sahaja sebagaimana Allah telah menguji tuan-tuan kebun di dalam kisah itu, dan di sebalik ujian itu ada akibatnya. Mereka tidak akan dibiarkan begitu sahaja:

إِنَّا بَلَوْنَٰهُمْ كَمَا بَلَوْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلْجَنَّةِ إِذْ أَقْسَمُوا۟ لَيَصْرِمُنَّهَا
مُصْبِحِينَ ﴿١٧﴾ وَلَا يَسْتَثْنُونَ ﴿١٨﴾
فَطَافَ عَلَيْهَا طَآئِفٌ مِّن رَّبِّكَ وَهُمْ نَآئِمُونَ ﴿١٩﴾
فَأَصْبَحَتْ كَٱلصَّرِيمِ ﴿٢٠﴾ فَتَنَادَوْا۟ مُصْبِحِينَ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya Kami telah mencuba mereka sebagai-mana Kami telah mencuba tuan-tuan kebun ketika mereka bersumpah bahawa mereka akan memetik semua buah-buahan di limun-limun pagi(17). Dan mereka tidak mengecualikan (bahagian fakir miskin) (18). Lalu kebun itu ditimpa malapetaka dari Tuhanmu semasa mereka sedang nyenyak tidur(19). Lalu jadilah kebun-kebun itu seperti kebun yang telah dipotong semua buahnya(20). Lalu mereka berpanggil-panggilan satu sama lain di limun-limun pagi."(21)

أَنِ ٱغْدُوا۟ عَلَىٰ حَرْثِكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰرِمِينَ ﴿٢٢﴾
فَٱنطَلَقُوا۟ وَهُمْ يَتَخَٰفَتُونَ ﴿٢٣﴾
أَن لَّا يَدْخُلَنَّهَا ٱلْيَوْمَ عَلَيْكُم مِّسْكِينٌ ﴿٢٤﴾
وَغَدَوْا۟ عَلَىٰ حَرْدٍ قَٰدِرِينَ ﴿٢٥﴾
فَلَمَّا رَأَوْهَا قَالُوٓا۟ إِنَّا لَضَآلُّونَ ﴿٢٦﴾

"Pergilah ke kebun kamu di pagi hari jika kamu hendak memetikkan buah-buahnya(22). Lalu mereka pergi sambil berbisik-bisik(23). Jangan ada seorang miskin pun yang masuk ke dalam kebun menemui kamu(24). Dan mereka pergi di limun-limun pagi itu dengan kepercayaan mereka dapat menahankan (habuan fakir miskin itu)(25). Apabila mereka melihat keadaan kebun itu, mereka pun berkata: Sesungguhnya kita telah sesat jalan (ini bukan kebun kita)."(26)

بَلْ نَحْنُ مَحْرُومُونَ ﴿٢٧﴾
قَالَ أَوْسَطُهُمْ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ لَوْلَا تُسَبِّحُونَ ﴿٢٨﴾
قَالُوا۟ سُبْحَٰنَ رَبِّنَآ إِنَّا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٢٩﴾
فَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَلَٰوَمُونَ ﴿٣٠﴾
قَالُوا۟ يَٰوَيْلَنَآ إِنَّا كُنَّا طَٰغِينَ ﴿٣١﴾

"(Tidak! Ini memang kebun kita) bahkan kitalah yang dinafikan (dari hasil kebun itu)(27). Lalu berkatalah seorang yang paling baik fikiran di antara mereka: Bukankah dahulu aku telah berkata kepada kamu: Hendaklah kamu mengucap tasbih(28). Lalu mereka pun mengucap: Maha Sucilah Tuhan kami sesungguhnya kami adalah orang-orang yang telah melakukan kezaliman(29). Kemudian mereka berhadap-hadapan satu sama lain saling mencela(30). Mereka berkata: Amboi! Celakalah kita, sesungguhnya kita ini adalah orang-orang yang telah melampaui batas."(31)

عَسَىٰ رَبُّنَآ أَن يُبْدِلَنَا خَيْرًا مِّنْهَآ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا رَٰغِبُونَ ﴿٣٢﴾
كَذَٰلِكَ ٱلْعَذَابُ ۖ وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾
إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٣٤﴾

"Semoga Tuhan kita menggantikan kepada kita dengan kebun yang lebih baik dari kebun ini. Sesungguhnya kita benar-benar berharap kepada Tuhan kita(32). Demikian-lah 'azab dunia, sedangkan 'azab Akhirat adalah lebih besar lagi jika kamu mengetahui(33). Sesungguhnya balasan bagi orang-orang yang bertaqwa di sisi Tuhan mereka ialah kebun-kebun Syurga yang penuh ni'mat."(34)

Kisah ini mungkin sebuah kisah yang diketahui umum, tetapi penceritaan al-Qur'an mendedahkan tindakan dan qudrat Allah, ujian dan balasan-Nya terhadap setengah-setengah hamba-Nya di sebalik peristiwa-peristiwa kisah itu dan inilah aspek yang baru dalam penceritaan Al-Qur'an.

Dari ungkapan-ungkapan kisah ini dan pergerakan-pergerakan ceritanya kita dapat memerhatikan sekumpulan manusia yang bersahaja dan bertaraf rendah dalam pemikiran, pandangan dan tindak-tanduknya iaitu sama dengan fikiran orang-orang desa yang bersahaja. Mungkin orang-orang dari kelas inilah juga yang dihadapkan dengan kisah ini. Mereka berdegil dan ingkarkan ni'mat Allah, namun demikian jiwa mereka tidaklah begitu rumit dan berbelit-belit malah mereka lebih dekat kepada tahap bersahaja dan lurus.

Dari segi gaya penyampaian, kisah ini merupakan salah satu cara penyampaian yang seni dalam membentangkan kisah di dalam Al-Qur'an. Dalam kisah ini terdapat unsur kejutan yang menarik, juga terdapat suatu sendaan terhadap tipudaya manusia yang lemah di hadapan tadbir Allah dan tindak balasnya, dan seterusnya terdapat unsur-unsur yang hidup dalam gaya pembentangan kisah seolah-olah pendengar atau pembaca melihat peristiwa dalam kisah itu begitu hidup seakan-akan berlaku di hadapan matanya. Marilah kita cuba melihat kisah ini dari penceritaan Al-Qur'an.

Kini kita sedang berada di hadapan tuan-tuan kebun itu. Mereka sedang merancang satu tindakan yang buruk. Dulu di zaman tuannya yang baik hati dan salih, orang-orang miskin mendapat habuan dari buah-buahan kebun itu, tetapi sekarang waris-waris yang mempusakai kebun itu mahu membolotkan semua sekali buah-buahan itu dan menafikan habuan orang-orang miskin:

إِنَّا بَلَوْنَٰهُمْ كَمَا بَلَوْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلْجَنَّةِ إِذْ أَقْسَمُوا۟ لَيَصْرِمُنَّهَا مُصْبِحِينَ ﴿١٧﴾ وَلَا يَسْتَثْنُونَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya Kami telah mencuba mereka sebagai-mana Kami telah mencuba tuan-tuan kebun ketika mereka bersumpah bahawa mereka akan memetik semua buah-buahan di limun-limun pagi(17). Dan mereka tidak mengecualikan (bahagian fakir miskin)."(18)

Mereka telah mengambil keputusan untuk memetik buah-buahan di kebun itu di limun-imun pagi dengan tidak mengecualikan sedikitpun bahagian fakir miskin. Mereka telah bersumpah dan membulatkan niat untuk bertindak demikian. Dengan keazaman yang jahat itulah mereka tidur di malam itu. Marilah kita tinggalkan mereka dalam kelalaian mereka atau dalam rancangan jahat mereka yang telah diaturkan mereka pada malam itu, dan marilah kita lihat apakah yang telah berlaku di belakang mereka pada malam yang gelap-gelita itu tanpa disedari mereka, kerana Allah sentiasa jaga tidak pernah tidur seperti mereka, dan perencanaan Allah terhadap mereka berlainan dari perencanaan yang dirancangkan mereka. Ini adalah balasan di atas kekufuran mereka terhadap ni'mat-ni'mat Allah dan di atas kebakhilan mereka terhadap habuan fakir miskin yang telah diketahui umum itu. Di sana satu peristiwa luar dugaan telah berlaku secara senyap-senyap ketika manusia sedang tidur nyenyak:

فَطَافَ عَلَيْهَا طَآئِفٌ مِّن رَّبِّكَ وَهُمْ نَآئِمُونَ ﴿١٩﴾ فَأَصْبَحَتْ كَٱلصَّرِيمِ ﴿٢٠﴾

"Lalu kebun itu ditimpa malapetaka dari Tuhanmu semasa mereka sedang nyenyak tidur(19). Lalu jadilah kebun-kebun itu seperti kebun yang telah dipotong semua buahnya."(20)

Marilah kita tinggalkan sebentar keadaan kebun yang telah ditimpa malapetaka itu untuk melihat bagaimanakah pula tindakan yang dilakukan oleh mereka yang telah membuat rancangan yang jahat itu.

Mereka bangkit dari tidur mereka di limun-limun hari lagi sebagaimana yang telah dirancangkan mereka dan mereka saling mengajak satu sama lain untuk melaksanakan rancangan yang telah ditetapkan itu:

فَتَنَادَوْا۟ مُصْبِحِينَ ﴿٢١﴾ أَنِ ٱغْدُوا۟ عَلَىٰ حَرْثِكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰرِمِينَ ﴿٢٢﴾

"Lalu mereka berpanggil-panggilan satu sama lain dilimun-limun pagi(21). Pergilah ke kebun kamu di pagi hari jika kamu hendak memetikkan buah-buahnya."(22)

Mereka saling mengingat dan berbisik-bisik satu sama lain.

Kemudian Al-Qur'an menerangkan keadaan mereka dengan mengejekkan kelakuan mereka. Al-Qur'an menggambarkan mereka sedang berjalan menuju ke kebun itu. Mereka bercakap-cakap dengan suara yang rendah untuk merahsiakan rancangan mereka, iaitu rancangan memetik semua buah-buah untuk mereka sahaja dan menafikan habuan orang-orang miskin dan meni'matinya:

فَٱنطَلَقُوا۟ وَهُمْ يَتَخَٰفَتُونَ ﴿٢٣﴾ أَن لَّا يَدْخُلَنَّهَا ٱلْيَوْمَ عَلَيْكُم مِّسْكِينٌ ﴿٢٤﴾

"Lalu mereka pergi sambil berbisik-bisik(23). Jangan ada seorang miskin pun yang masuk ke dalam kebun menemui kamu."(24)

Seolah-olah kita yang mendengar atau membaca Al-Qur'an tahu apa yang tidak diketahui oleh tuan-tuan kebun tentang malapetaka yang telah menimpa kebun itu. Ya, kita telah menyaksi bagaimana tangan halus telah menghulur dalam gelap-gelita dan terus menghapuskan segala buah-buahnya, dan kita melihat kebun itu seolah-olah telah dipetikkan segala buah-buahnya setelah berlaku peristiwa malapetaka halus yang ngeri, itu. Marilah kita tahankan nafas kita untuk melihat bagaimana perancang-perancang yang jahat itu bertindak.

Al-Qur'an terus mengejek perbuatan tipudaya mereka:

وَغَدَوْا۟ عَلَىٰ حَرْدٍ قَٰدِرِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan mereka pergi di limun-limun pagi itu dengan kepercayaan mereka dapat menahankan (habuan fakir miskin itu)."(25)

Ya, mereka berkuasa menahan dan menafikan, sekurang-kurangnya menafikan habuan diri mereka sendiri. Kini mereka terkejut besar dan kita lihat mereka sedang kaget:

فَلَمَّا رَأَوْهَا قَالُوٓا۟ إِنَّا لَضَآلُّونَ ﴿٢٦﴾

"Apabila mereka melihat keadaan kebun itu, mereka pun berkata: Sesungguhnya kita telah sesat jalan (ini bukan kebun kita)."(26)

Yakni bukan kebun kita yang lebat dengan buah-buahan, kita telah sesat jalan. Tetapi selepas itu mereka kembali yakin:

بَلْ نَحْنُ مَحْرُومُونَ ﴿٢٧﴾

"(Tidak! Ini memang kebun kita) bahkan kitalah yang dinafikan (dari hasil kebun itu)."(27)

Inilah berita yang sebenar. Mereka telah ditimpa akibat tipudaya dan niat yang jahat, akibat kekufuran ni'mat dan kebakhilan. Sekarang tampillah seorang yang paling baik fikiran di antara mereka menghadapi mereka. Nampaknya dahulu dia seorang yang mempunyai pendapat yang berlainan dari rakan-rakan mereka. Tetapi dia terpaksa mengikut mereka apabila pendapatnya telah ditentang mereka. Dia keseorangan dengan pendapatnya, tetapi dia tidak berkuasa mempertahankan pendapat yang dianggapnya benar itu, maka akibatnya ia juga

menerima balasan penafian ni'mat sebagaimana yang diterima mereka. Kini ia kembali mengingatkan mereka tentang pendapat dan nasihatnya yang telah lalu:

قَالَ أَوْسَطُهُمْ أَلَمْ أَقُل لَّكُمْ لَوْلَا تُسَبِّحُونَ ﴿٢٨﴾

"Lalu berkatalah seorang yang paling baik fikiran di antara mereka: Bukankah dahulu aku telah berkata kepada kamu, hendaklah kamu mengucap tasbih."(28)

Sekarang sahaja mereka baru mendengar nasihatnya setelah luput waktunya:

قَالُوا سُبْحَانَ رَبِّنَا إِنَّا كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿٢٩﴾

"Lalu mereka pun mengucap: Maha Sucilah Tuhan kami sesungguhnya kami adalah orang-orang yang telah melakukan kezaliman."(29)

Sebagaimana biasa setiap kongsi yang bertanggungjawab itu akan berusaha melepaskan dirinya bila ditimpa akibat yang buruk dan melemparkan kesalahan kepada rakan-rakannya yang lain. Inilah yang telah dilakukan mereka:

فَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ يَتَلَاوَمُونَ ﴿٣٠﴾

"Kemudian mereka berhadap-hadapan satu sama lain saling mencela."(30)

Kemudian mereka berhenti mencela satu sama lain dan mengaku salah di hadapan akibat yang buruk itu dengan harapan semoga kesalahan itu diampun Allah dan semoga Allah menggantikan kebun yang telah musnah akibat kekufuran ni'mat, kebakhilan, tipudaya dan rancangan yang jahat itu:

قَالُوا يَا وَيْلَنَا إِنَّا كُنَّا طَاغِينَ ﴿٣١﴾

عَسَىٰ رَبُّنَا أَن يُبْدِلَنَا خَيْرًا مِّنْهَا إِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا رَاغِبُونَ ﴿٣٢﴾

"Mereka berkata: Amboi! Celakalah kita, sesungguhnya kita ini adalah orang-orang yang telah melampaui batas (31). Semoga Tuhan kita menggantikan kepada kita dengan kebun yang lebih baik dari kebun ini. Sesungguhnya. kita benar-benar berharap kepada Tuhan kita."(32)

Dan sebelum tirai dilabuh menamatkan kisah ini, kita mendengar ulasan Allah:

كَذَٰلِكَ الْعَذَابُ ۖ وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَكْبَرُ ۚ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

"Demikianlah 'azab dunia, sedangkan 'azab Akhirat adalah lebih besar lagi jika kamu mengetahui."(33)

Demikianlah Allah menguji manusia dengan ni'mat kesenangan. Oleh itu, kaum Musyrikin di Makkah hendaklah tahu bahawa:

إِنَّا بَلَوْنَاهُمْ كَمَا بَلَوْنَا أَصْحَابَ الْجَنَّةِ إِذْ أَقْسَمُوا لَيَصْرِمُنَّهَا مُصْبِحِينَ ﴿١٧﴾

"Sesungguhnya Kami telah mencuba mereka sebagaimana Kami telah cubakan tuan-tuan kebun itu."(17)

Hendaklah mereka fikirkan akibat di sebalik ujian itu, kemudian hendaklah mereka takuti akibat yang lebih besar dari ujian dunia dan balasan dunia itu, **"'azab Akhirat adalah lebih besar lagi jika kamu mengetahui."**

Demikian Al-Qur'an membawa "kisah ujian" ini kepada kaum Quraysy iaitu kisah ujian yang berlaku dalam masyarakat mereka dan terkenal di kalangan mereka. Al-Qur'an menghubungkan di antara Sunnatullah yang telah berlaku ke atas orang yang dahulu dengan Sunnatullah yang akan berlaku ke atas orang-orang sekarang. Ia menyentuh hati mereka dengan cara yang paling hampir iaitu dengan menggunakan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan mereka. Serentak dengan itu juga Al-Qur'an menyedarkan orang-orang Mu'min bahawa kesan-kesan ni'mat dan kekayaan yang dilihat mereka pada orang-orang Musyrikin dari pembesar-pembesar Quraysy itu adalah satu ujian dari Allah yang membawa akibat-akibat dan hasil-hasilnya. Sunnatullah mencuba manusia dengan ni'mat kesenangan di samping mencuba mereka dengan kesusahan. Orang-orang yang lupa daratan yang mengingkari ni'mat dan orang-orang yang bakhil dan tertipu dengan ni'mat-ni'mat kesenangan itulah contoh manusia yang menerima akibat yang buruk, **"'azab Akhirat adalah lebih besar lagi jika kamu mengetahui,"** sedangkan orang-orang yang bertaqwa dan berhati-hati mereka mendapat balasan Syurga di sisi Tuhan mereka:

إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّاتِ النَّعِيمِ ﴿٣٤﴾

"Sesungguhnya balasan bagi orang-orang yang bertaqwa di sisi Tuhan mereka ialah kebun-kebun Syurga yang penuh ni'mat."(34)

Itulah pertentangan akibat, juga pertentangan jalan dan hakikat, iaitu pertentangan di antara dua golongan yang berlainan jalan, dan kerana itu mereka menemui jalan penghabisan yang berlainan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 36)

Pada dua bahagian ayat-ayat yang akhir ini Allah berbicara dengan mereka dalam satu perdebatan yang jelas dan tidak berbelit-belit. Allah mencabar mereka dengan pertanyaan demi pertanyaan mengenai perkara-perkara yang hanya mempunyai satu jawapan sahaja yang sukar untuk mengaburi mata. Allah mengancam mereka di Akhirat dengan satu pemandangan 'azab yang menakutkan dan di dunia dengan satu perisytiharan perang dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Gagah (lihat ayat 35 - 47):

أَفَنَجْعَلُ الْمُسْلِمِينَ كَالْمُجْرِمِينَ ﴿٣٥﴾

مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿٣٦﴾

أَمْ لَكُمْ كِتَٰبٌ فِيهِ تَدْرُسُونَ ﴿٣٧﴾
إِنَّ لَكُمْ فِيهِ لَمَا تَخَيَّرُونَ ﴿٣٨﴾
أَمْ لَكُمْ أَيْمَٰنٌ عَلَيْنَا بَٰلِغَةٌ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّ لَكُمْ لَمَا
تَحْكُمُونَ ﴿٣٩﴾
سَلْهُمْ أَيُّهُم بِذَٰلِكَ زَعِيمٌ ﴿٤٠﴾
أَمْ لَهُمْ شُرَكَآءُ فَلْيَأْتُوا۟ بِشُرَكَآئِهِمْ إِن كَانُوا۟ صَٰدِقِينَ ﴿٤١﴾
يَوْمَ يُكْشَفُ عَن سَاقٍ وَيُدْعَوْنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ فَلَا
يَسْتَطِيعُونَ ﴿٤٢﴾
خَٰشِعَةً أَبْصَٰرُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ وَقَدْ كَانُوا۟ يُدْعَوْنَ إِلَى
ٱلسُّجُودِ وَهُمْ سَٰلِمُونَ ﴿٤٣﴾
فَذَرْنِى وَمَن يُكَذِّبُ بِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ سَنَسْتَدْرِجُهُم مِّنْ
حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٤﴾
وَأُمْلِى لَهُمْ إِنَّ كَيْدِى مَتِينٌ ﴿٤٥﴾
أَمْ تَسْـَٔلُهُمْ أَجْرًا فَهُم مِّن مَّغْرَمٍ مُّثْقَلُونَ ﴿٤٦﴾
أَمْ عِندَهُمُ ٱلْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُبُونَ ﴿٤٧﴾

Ancaman dengan 'azab di Akhirat dengan perang di dunia disebut - sebagaimana dapat kita lihat - di tengah-tengah perdebatan dan cabaran itu. Ini menambahkan lagi kehangatan perdebatan dan tekanan cabaran.

Pertanyaan dalam bentuk bantahan yang pertama iaitu:

أَفَنَجْعَلُ ٱلْمُسْلِمِينَ كَٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٣٥﴾

"Apakah wajar Kami jadikan orang-orang Islam sama seperti orang-orang kafir yang berdosa?"(35)

Allah Menyangkal Tanggapan Orang-orang Islam Sama Dengan Orang-orang Kafir

Pertanyaan ini dituju kepada mereka yang telah disebutkan di dalam ayat-ayat yang terdahulu. Ia merupakan satu pertanyaan yang hanya mempunyai satu jawapan sahaja iaitu tidak, tidak mungkin. Orang-orang Islam yang mengaku dan menyerah diri kepada Allah tidak mungkin sekali-kali sama dengan orang-orang kafir yang melakukan dosa kekufuran dengan penuh kedegilan itu. Allah sifatkan mereka dengan sifat yang keji ini. Oleh itu, adalah tidak rasional dan tidak adil, andainya orang-orang Islam itu dijadikan sama dengan orang-orang kafir yang berdosa ketika menerima balasan dan kesudahan.

Kerana itu disusul pula dengan pertanyaan dalam bentuk bantahan yang lain.

مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿٣٦﴾

"Apa sudah jadi kepada kamu? Bagaimana kamu membuat keputusan begitu?"(36)

Mengapa kamu jadi begitu? Dengan pertimbangan apakah kamu membuat keputusan-keputusan itu? Bagaimana cara kamu menimbangkan nilai-nilai dan darjat-darjat hingga darjat orang-orang Islam sama dengan darjat orang-orang kafir yang berdosa dalam pertimbangan kamu?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 40)

Dari pertanyaan-pertanyaan dalam bentuk bantahan berpindah pula kepada ejekan terhadap mereka.

أَمْ لَكُمْ كِتَٰبٌ فِيهِ تَدْرُسُونَ ﴿٣٧﴾
إِنَّ لَكُمْ فِيهِ لَمَا تَخَيَّرُونَ ﴿٣٨﴾

"Atau apakah kamu mempunyai sebuah kitab yang kamu mempelajarinya?(37). Bahawa (tersebut di dalamnya) kamu boleh memilih apa sahaja yang kamu sukai."(38)

Itulah ejekan dalam bentuk menyoal mereka: Apakah mereka mempunyai sebuah kitab yang dikaji dan dipelajari mereka? Apakah dari keterangan kitab itulah mereka mengambil keputusan yang tidak dapat diterima oleh akal dan keadilan? Apakah kitab itu mengatakan kepada mereka bahawa orang-orang Islam adalah sama dengan orang-orang kafir yang berdosa? Itulah sebuah kitab yang lucu yang sesuai dengan kehendak nafsu mereka, dan dari kitab itulah mereka memilih apa sahaja hukum-hukum yang mereka sukai, iaitu hukum-hukum yang sama sekali tidak bersandarkan kebenaran dan keadilan dan sama sekali tidak berasaskan lunas-lunas yang diterima akal dan diakui umum:

أَمْ لَكُمْ أَيْمَٰنٌ عَلَيْنَا بَٰلِغَةٌ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ إِنَّ لَكُمْ لَمَا
تَحْكُمُونَ ﴿٣٩﴾

"Atau apakah kamu mempunyai janji-janji yang disanggupi Kami sampai hari Qiamat bahawa kamu boleh membuat keputusan sesuka hati kamu?"(39)

Andainya tidak ada kitab seperti tadi, maka mungkin pula mereka berbuat begitu dengan alasan yang lain pula, iaitu mereka telah mengadakan perjanjian-perjanjian dengan Allah yang berkuatkuasa hingga hari Qiamat. Menurut perjanjian itu mereka bebas membuat dan memilih keputusan-keputusan sesuka hati mereka. Tetapi alasan ini juga sama sekali tidak berasas, kerana tidak ada sebarang perjanjian Allah dengan mereka. Oleh itu, di atas pertimbangan

apakah mereka bercakap? Dan kepada alasan apakah mereka bersandar?

سَلۡهُمۡ أَيُّهُم بِذَٰلِكَ زَعِيمٌ ﴿٤٠﴾

"Tanyakan mereka siapakah di antara mereka yang menjamin dakwaan yang sedemikian?"(40)

Tanyakanlah, siapakah yang telah membuat perjanjian yang menyatakan bahawa Allah bersetuju dengan apa sahaja yang disukai mereka dan berkuatkuasa hingga hari Qiamat bahawa mereka bebas membuat apa sahaja keputusan?

Ini adalah satu ejekan yang tajam, mendalam dan memalukan kerana serba-salah dan kerana menghadapi cabaran yang begitu terbuka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41- 43)

Orang-orang Kafir Dicabar Membawa Tuhan-tuhan Palsu Mereka Pada Hari Qiamat

أَمۡ لَهُمۡ شُرَكَآءُ فَلۡيَأۡتُواْ بِشُرَكَآئِهِمۡ إِن كَانُواْ صَٰدِقِينَ ﴿٤١﴾

"Atau apakah mereka mempunyai tuhan-tuhan sekutu? Oleh itu, bawalah sekutu-sekutu mereka jika mereka benar."(41)

Mereka mempersekutui Allah, tetapi ungkapan ayat ini menghubungkan sekutu-sekutu itu kepada mereka sendiri bukan kepada Allah dan menyatakan tidak tahu tentang kewujudan sekutu-sekutu itu serta mencabar mereka memanggil sekutu-sekutu itu jika mereka benar, tetapi bilakah mereka patut memanggil sekutu-sekutu itu? Ya, mereka patut memanggil mereka:

يَوۡمَ يُكۡشَفُ عَن سَاقٖ وَيُدۡعَوۡنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ فَلَا يَسۡتَطِيعُونَ ﴿٤٢﴾

خَٰشِعَةً أَبۡصَٰرُهُمۡ تَرۡهَقُهُمۡ ذِلَّةٞۖ وَقَدۡ كَانُواْ يُدۡعَوۡنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ وَهُمۡ سَٰلِمُونَ ﴿٤٣﴾

"Pada hari betis disingsing (kerana terlalu takut) dan mereka diseru supaya sujud, tetapi mereka tidak berdaya (42). Mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan. Sesungguhnya dahulu (di dunia) mereka diseru supaya sujud ketika mereka sihat sentosa."(43)

Al-Qur'an menderetkan mereka berdiri di hadapan pemandangan ini seolah-olah peristiwa itu sedang berlaku, dan mencabar mereka supaya membawa tuhan-tuhan sekutu yang didakwakan mereka. Hari Qiamat merupakan satu hakikat yang hadir di dalam ilmu Allah dan tidak terikat dengan sesuatu masa. Penghadiran hari Qiamat kepada orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini menjadikan kesan hari itu begitu mendalam, hidup dan hadir dalam hati mereka masing-masing mengikut cara gambaran Al-Qur'anul-Karim.

Penyingsingan betis dalam pengungkapan bahasa Arab melambangkan keadaan yang amat kelam-kabut dan kritikal. Hari Qiamat akan membuat setiap lengan dan betis tersingsing kerana terlalu dahsyat kesusahan dan penderitaannya. Orang-orang yang angkuh akan diseru supaya sujud kepada Allah, tetapi mereka tidak berdaya untuk sujud. Ini mungkin kerana masanya telah luput atau mungkin kerana mereka berada dalam keadaan yang telah disifatkan Allah dalam surah yang lain:

مُهۡطِعِينَ مُقۡنِعِي رُءُوسِهِمۡ

"Mereka datang tergesa-gesa (menyahuti panggilan) dengan mengangkatkan kepala mereka......"

(Surah Ibrahim: 43)

Seolah-olah tubuh badan dan urat saraf mereka terikat di luar kemahuan mereka kerana terlalu takut. Walau bagaimanapun ungkapan ini membayangkan kesusahan, kelemahan dan cabaran yang menakutkan.

Kemudian Al-Qur'an melengkapkan gambaran keadaan mereka:

خَٰشِعَةً أَبۡصَٰرُهُمۡ تَرۡهَقُهُمۡ ذِلَّةٞۖ

"Mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan."(43)

Keadaan mata yang tunduk kuyu diselubungi kehinaan itu dipadankan dengan sifat mereka yang angkuh dan sombong yang diancam di awal surah, **"Kami akan tandakannya di atas belalainya (batang hidungnya)."** Ayat ini menggambarkan keadaan hina-dina dengan begitu jelas dan mendalam.

Ketika mereka sedang berada dalam keadaan yang penat dan hina itu, Allah mengingatkan mereka tentang sebab yang telah membawa mereka kepada keadaan yang buruk itu, sebabnya adalah berpunca dari seat mereka yang tidak menghiraukan da'wah dan berlagak sombong di dunia:

وَقَدۡ كَانُواْ يُدۡعَوۡنَ إِلَى ٱلسُّجُودِ وَهُمۡ سَٰلِمُونَ ﴿٤٣﴾

"Sesungguhnya dahulu (di dunia) mereka diseru supaya sujud ketika mereka sihat sentosa."(43)

Yakni di masa itu mereka boleh sujud, tetapi mereka enggan dan berlagak angkuh. Sekarang mereka telah meninggalkan dunia di belakang mereka dan berada dalam situasi yang hina-dina, mereka diseru supaya sujud, tetapi mereka tidak berdaya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 44 - 45)

Perisytiharan Perang Dari Allah

Kemudian datang pula ancaman yang mengoncangkan hati:

فَذَرْنِي وَمَن يُكَذِّبُ بِهَٰذَا الْحَدِيثِ ۖ

"Oleh itu, tinggalkan sahaja kepada-Ku orang yang mendustakan Al-Qur'an ini."(44)

Allah berfirman kepada Rasulullah s.a.w.: "Tinggalkanlah orang yang mendustakan Al-Qur'an itu kepada Aku sahaja menentangnya. Cukuplah Aku yang memeranginya." Siapakah gerangannya orang yang mendustakan Al-Qur'an itu?

Itulah makhluk yang sangat kecil, kerdil, miskin dan lemah. Ia adalah seekor semut yang daif, malah ia adalah sebiji debu yang terbuang, malah ia adalah 'adam yang tidak bererti apa-apa di hadapan Allah Yang Maha Perkasa, Maha Gagah dan Maha Besar.

Wahai Muhammad! Tinggalkan sahaja kepada-Ku urusan makhluk yang lemah ini. Bersenang-senanglah engkau dengan orang-orang Mu'min yang bersama-sama denganmu. Peperangan kini adalah dengan Aku bukan denganmu dan bukan pula dengan orang-orang Mu'min. Makhluk ini adalah musuh-Ku. Aku sendiri akan menyelesaikan urusannya. Biarkanlah sahaja dia kepada-Ku. Pergilah engkau dan orang-orang yang ada bersamamu berehat.

Alangkah hebatnya ancaman ngeri terhadap para pendusta Al-Qur'an! Dan alangkah besarnya ketenteraman yang dirasai Rasulullah s.a.w. dan para Mu'min yang berada dalam keadaan yang lemah!

Bahaya Di Sebalik Istidraj Dengan Keamanan Yang Lahir Dan Penangguhan Balasan

سَنَسْتَدْرِجُهُم مِّنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٤﴾

"Kami akan menarik mereka perlahan-lahan (ke jurang kebinasaan) tanpa disedari mereka."(44)

وَأُمْلِي لَهُمْ ۚ إِنَّ كَيْدِي مَتِينٌ ﴿٤٥﴾

"Dan Aku akan memberi tempoh kepada mereka. Sesungguhnya rancangan balasan-Ku amat rapi."(45)

Kedudukan para pendusta dan seluruh penghuni bumi adalah terlalu gampang dan terlalu kecil dan tidak padan dengan Allah mengaturkan rancangan-rancangan ini untuk menghadapi mereka, tetapi Allah menakutkan mereka dengan kekuatan diri-Nya supaya mereka sedar sebelum terluput waktu. Mereka hendaklah tahu bahawa keamanan yang lahir yang diberikan Allah kepada mereka hanya merupakan perangkap yang akan memerangkapkan diri mereka. Penangguhan balasan terhadap kezaliman, pencerobohan, keengganan beriman dan kesesatan mereka merupakan istidraj atau dorongan halus yang akan membawa mereka kepada akibat yang paling buruk. Itulah tadbir Allah supaya mereka memikul dosa-dosa mereka sepenuhnya dan datang ke Padang Mahsyar penuh sarat dengan dosa-dosa yang wajar menerima penghinaan, penderitaan dan penyeksaan.

Tidak ada keadilan dan rahmat yang lebih besar dari peringatan yang diberikan Allah dan dari kemurahan-Nya mendedahkan bahaya di sebalik istidraj dan tadbir-Nya. Allah

S.W.T. menunjukkan keadilan dan rahmat-Nya kepada musuh-musuh agama-Nya dan Rasul-Nya dengan lebih dahulu memberi peringatan dan amaran. Setelah itu terserahlah kepada mereka memilih jalan mereka sendiri, kerana tabir rahsia telah pun disingkap kepada mereka dan segala sesuatu telah dijelaskan dengan seterang-terangnya.

Allah S.W.T. memberi tempoh, tetapi tidak membiar. Allah memberi tangguhan 'azab kepada orang kafir yang zalim, tetapi apabila Allah mengenakan 'azab ke atasnya, maka ia tidak akan dapat tertepas darinya. Di dalam ayat ini, Allah menjelaskan cara dan undang-undang-Nya, yang telah diatur mengikut kehendak-Nya. Allah berfirman kepada Rasulullah s.a.w.: **"Tinggalkan sahaja kepada-Ku orang yang mendustakan Al-Qur'an ini."** Biarkan sahaja kepada-Ku orang-orang yang angkuh dengan harta kekayaan, anak-anak yang ramai, pangkat dan kekuasaan itu. Aku akan memberi tempoh kepada mereka dan aku jadikan ni'mat kesenangan dan kemewahan itu sebagai perangkap kepada mereka. Dengan penjelasan ini, Allah mententeramkan Rasul-Nya dan mengingatkan musuhnya, kemudian Dia membiarkan mereka menghadapi ancaman-Nya yang ngeri itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 47)

Di dalam bayangan pemandangan Qiamat yang dahsyat dan bayangan ancaman yang menakutkan ini, Al-Qur'an menyambung lagi pendebatan, cabaran dan pernyataan dan memandang aneh terhadap sikap mereka yang ganjil itu:

أَمْ تَسْأَلُهُمْ أَجْرًا فَهُم مِّن مَّغْرَمٍ مُّثْقَلُونَ ﴿٤٦﴾

"Atau apakah engkau (Muhammad) pernah meminta upah dari mereka dan kerana itu mereka merasa berat dengan hutang bayaran itu?"(46)

Maksudnya, apakah bayaran berat yang pernah dituntutkan engkau sebagai upah memberi hidayat itulah yang mendorong mereka enggan menerima hidayat dan mendusta Al-Qur'an dan membuat mereka lebih suka menerima nasib yang buruk dari membayar upahan yang berat itu?

أَمْ عِندَهُمُ الْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُبُونَ ﴿٤٧﴾

"Atau apakah mereka mempunyai pengetahuan urusan ghaib, lalu mereka menuliskannya?"(47)

Kerana itu apakah mereka percaya kepada apa yang tersimpan di alam ghaib dan tidak takut kepada akibat yang menunggu mereka, kerana mereka telah mengetahuinya dan menulisnya, atau apakah mereka telah menulis apa yang tersurat di alam ghaib itu sebagai jaminan kepada apa yang disukai mereka?

Semuanya tidak belaka. Oleh itu, mengapakah mereka mengambil sikap yang aneh dan meragukan itu?

* * * * * *

Allah Sendiri Yang Mengaturkan Peperangan Terhadap Orang Kafir

Dengan ungkapan yang menarik, memberi ilham dan menggerunkan ini: **"Oleh itu tinggalkan sahaja kepada-Ku orang yang mendustakan Al-Qur'an itu."** Dan dengan pengumuman undang-undang peperangan di antara Allah dengan musuh-musuh-Nya yang tertipu itu Allah membebaskan Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'min dari beban peperangan di antara keimanan dan kekufuran, di antara yang hak dan yang batil, kerana peperangan itu merupakan peperangan Allah dan Allahlah sendiri yang mengendalikan peperangan itu.

Inilah hakikat yang sebenar walaupun pada zahirnya kelihatan bahawa Nabi s.a.w. dan orang-orang Mu'min mempunyai peranan yang kuat dalam peperangan ini. Sesungguhnya peranan mereka ketika diberikan Allah kejayaan hanya merupakan sebahagian dari perencanaan Allah dalam peperangan menentang musuh-Nya. Mereka hanya alat yang digunakan Allah atau tidak diguna, dan dalam dua keadaan ini Allah adalah bertindak mengikut iradat-Nya dan mengendalikan sendiri perjuangan itu mengikut peraturan yang dikehendaki-Nya.

Ayat ini diturunkan ketika Nabi s.a.w. berada di Makkah, di mana bilangan orang-orang yang beriman yang ada ber-samanya sangat kecil. Mereka tidak dapat berbuat apa-apa. Oleh itu, ayat ini memberi ketenteraman kepada orang-orang Mu'min yang lemah itu dan takut kepada orang-orang kafir yang berlagak sombong dengan kekuatan, pangkat kebesaran, harta kekayaan dan anak-anak yang ramai itu. Kemudian apabila Rasulullah s.a.w. berada di Madinah, di mana segala keadaan dan kedudukan telah berubah, maka Allah kehendaki agar Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'min yang ada bersamanya mengambil peranan yang ketara dan jelas di dalam perjuangan ini, tetapi di Madinah juga Allah menegaskan kepada mereka apa yang telah ditegaskan kepada mereka di Makkah ketika mereka merupakan golongan kecil yang lemah. Allah menegaskan kepada mereka ketika mereka mencapai kemenangan di dalam Peperangan Badar:

فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ قَتَلَهُمْ ۚ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ
رَمَيْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ رَمَىٰ ۚ وَلِيُبْلِيَ ٱلْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ
بَلَآءً حَسَنًا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٧﴾

"Maka (yang sebenarnya) bukanlah kamu yang membunuh mereka, tetapi Allahlah yang membunuh mereka. Dan bukanlah engkau yang memanah ketika engkau memanah, tetapi Allahlah yang memanah dan (Dia berbuat demikian) untuk menguji orang-orang Mu'min dengan ujian yang baik. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

(Surah al-Anfal: 17)

Allah membuat kenyataan yang sedemikian untuk menanamkan hakikat ini di dalam hati mereka iaitu hakikat bahawa perjuangan dan peperangan adalah perjuangan dan peperangan Allah, dan urusan perang itu adalah urusan Allah. Apabila Allah memberi peranan kepada mereka dalam perjuangan itu, maka itu adalah semata-mata untuk menguji mereka dengan ujian yang baik dan untuk memberi pahala kepada mereka dengan ujian itu. Adapun hakikat perjuangan itu sendiri, maka Allahlah yang mengendalikannya. Dan hakikat kemenangan perjuangan itu juga ditentukan oleh Allah. Allah S.W.T. mengendalikan perjuangan itu dengan mereka atau tanpa mereka, dan ketika mereka memasuki perjuangan itu sebagai alat qudrat kuasa-Nya, maka alat itu bukanlah satu-satunya alat yang berada di tangan qudrat-Nya.

Ini adalah hakikat yang jelas tersirat di celah-celah nas Al-Qur'an di setiap tempat, setiap keadaan dan kedudukannya. Begitu juga hakikat ini merupakan hakikat yang sesuai dengan kefahaman keimanan terhadap qudrat, perencanaan, peraturan dan iradat Allah dan terhadap qudrat manusia yang bertindak untuk melaksanakan perencanaan Allah. Hakikat qudrat manusia hanya alat dan tidak akan lebih dari alat.

Kemenangan Dalam Perjuangan Da'wah Ditentukan Allah

Hakikat ini mencurahkan rasa ketenteraman di dalam hati orang Mu'min sama ada ia berada di dalam keadaan kuat atau lemah selama hatinya ikhlas kepada Allah dan selama ia bertawakkal kepada Allah dalam perjuangannya. Oleh itu, kekuatannya bukanlah kekuatan yang menentukan kemenangannya di dalam perjuangan kebenaran dan kebatilan, keimanan dan kekufuran, hanya Allahlah yang menentukan kemenangan itu. Begitu juga kelemahannya tidak menewaskannya kerana kekuatan Allah berada di belakangnya dan kekuatan Allah itulah yang mengendalikan perjuangan itu dan menentukan kemenangannya, tetapi Allah menangguh dan menempuh, mendorong, menarik dan mengatur segala sesuatu mengikut waktunya sesuai dengan kehendak dan kebijaksanaan-Nya, dan sesuai dengan keadilan dan rahmat kasihan belas-Nya.

Begitu juga hakikat itu menakutkan hati musuh sama ada orang Mu'min yang berdepan dengannya itu berada dalam keadaan lemah atau kuat, kerana yang bertarung dengannya bukan orang-orang Mu'min, malah Allah sendiri yang mengendalikan perjuangan itu dengan kekuatan dan keperkasaan-Nya iaitu Allah yang telah berfirman kepada Nabi-Nya:

فَذَرْنِى وَمَن يُكَذِّبُ بِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ

"Tinggalkan sahaja kepada-Ku orang yang mendustakan Al-Qur'an ini."(44)

Tinggalkan sahaja kepada-Ku manusia yang malang ini. Allah menangguh dan menempoh, mendorong dan menarik, sedangkan si musuh itu tetap berada di dalam perangkap yang menakutkan. Andainya ia berada di kemuncak kekuatan dan kelengkapannya, maka kekuatan itu sendiri merupakan perangkap, dan kelengkapan itu sendiri merupakan jerat.

وَأُمْلِى لَهُمْ إِنَّ كَيْدِى مَتِينٌ ﴿٤٥﴾

"Dan Aku memberi tempoh kepada mereka. Sesungguhnya rancangan balasan-Ku amat rapi."(45)

Tentang bilakah masanya, maka itu adalah tersimpan di dalam ilmu Allah yang tersembunyi. Siapakah yang merasa aman dari tindak balas Allah yang tersimpan dalam ilmu-Nya yang ghaib? Tiada siapa yang merasa aman dari tindak balas Allah melainkan orang-orang kafir yang fasik.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 48 - 50)

Teladan Dari Cerita Nabi Yunus Ditelan Ikan Besar

Berdepan dengan hakikat inilah Allah mengarahkan Nabi s.a.w. supaya bersabar memikul tugas-tugas kerasulan, bersabar menghadapi putarbelit manusia, bersabar menghadapi gangguan dan pendustaan mereka, bersabar terus hingga Allah memberi keputusan-Nya pada waktu yang telah ditentukan-Nya mengikut iradat-Nya. Kemudian Allah mengingatkan Nabi-Nya dengan pengalaman yang telah dilalui saudaranya Nabi Yunus yang telah hilang kesabaran dalam memikul tugas kerasulan itu, dan sekiranya beliau tidak diselamatkan ni'mat Allah tentulah beliau dicampak ke daratan dengan mendapat kecelakaan:

فَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تَكُن كَصَاحِبِ ٱلْحُوتِ إِذْ نَادَىٰ وَهُوَ مَكْظُومٌ ﴿٤٨﴾

لَّوْلَآ أَن تَدَٰرَكَهُۥ نِعْمَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ لَنُبِذَ بِٱلْعَرَآءِ وَهُوَ مَذْمُومٌ ﴿٤٩﴾

فَٱجْتَبَٰهُ رَبُّهُۥ فَجَعَلَهُۥ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٥٠﴾

"Oleh itu, bersabarlah menerima keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau jadi seperti orang yang ditelan ikan yang besar (Yunus) ketika ia berdo'a semasa berada di dalam kesusahan(48). Jika tidak ia diselamatkan oleh ni'mat pertolongan dari Tuhannya tentulah dia dicampakkan di bumi yang tandus, dengan mendapat kecelaan(49). Lalu dia dipilih Tuhannya dan menjadikannya dari orang-orang yang salih."(50)

Orang yang ditelan ikan yang besar itu ialah Nabi Yunus as. sebagaimana diterangkan di dalam Surah as-Saffat. Allah menyebutkan kisah pengalaman Nabi Yunus a.s. itu untuk mengingatkan Nabi Muhammad s.a.w. supaya pengalaman Yunus menadi bekalan dan modal kepada beliau selaku penghabisan para Anbia' yang didahului oleh pengalaman-pengalaman sekalian Anbia' sebelumnya, supaya beliau menjadi pemungut hasil tuaian yang akhir dan menerima modal dan bekalan yang akhir. Ini boleh menolong beliau untuk memikul tugas kerasulan yang amat berat, iaitu tugas menyampaikan hidayat kepada seluruh umat manusia, bukan kepada satu suku manusia, bukan kepada satu negeri dan bukan pula kepada satu umat sahaja, iaitu tugas menyampaikan hidayat kepada seluruh generasi umat manusia, bukan kepada satu generasi dan bukan kepada satu kurun sahaja seperti tugas para rasul sebelumnya. Tugas beliau ialah membekalkan umat manusia selepasnya iaitu seluruh generasi dan bangsa dengan satu sistem hidup yang tetap dan sesuai untuk memenuhi segala perkembangan baru dalam kehidupan mereka, iaitu perkembangan keadaan-keadaan, kedudukan-kedudukan dan pengalaman-pengalaman. Memanglah setiap hari yang datang itu membawa sesuatu yang baru.

Ringkasan pengalaman itu ialah Nabi Yunus ibn Matta a.s. telah diutuskan Allah kepada penduduk sebuah negeri yang dikatakan bernama Ninua di dalam wilayah al-Musal (Iraq). Beliau merasa perkembangan keimanan penduduk negeri itu begitu lambat dan beliau tidak senang dengan sikap mereka yang teragak-agak itu. Oleh itu, beliau pun meninggal mereka dengan perasaan marah dan berkata di dalam hatinya, Allah tidak akan menyusahkan aku tinggal di dalam kumpulan manusia yang degil dan keras hati itu dan Allah boleh mengutuskan aku kepada kumpulan manusia yang lain. Kemarahan dan kebosanan telah mendorong beliau menuju ke tepi laut dan di sana beliau menaiki sebuah bahtera. Apabila bahtera yang membawa mereka itu berada di tengah gelombang, ia menjadi berat dan terancam akan tenggelam, lalu mereka pun membuang undi di antara penumpang-penumpang itu untuk membuang salah seorang dari mereka supaya bahtera itu ringan. Tiba-tiba undi itu terjatuh kepada Yunus a.s. lalu mereka pun mencampakkannya ke laut dan beliau telah ditelan oleh seekor ikan yang besar.

Ketika inilah Yunus a.s. berdo'a. Beliau berada di dalam keadaan lemas dan kesusahan yang amat berat di dalam perut ikan yang gelap-gelita di tengah gelombang lautan itu. Beliau berseru kepada Tuhannya:

لَّآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّى كُنتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ

"Tiada Tuhan melainkan Engkau. Maha Sucilah Engkau. Sesungguhnya aku telah termasuk dalam golongan orang-orang yang melakukan kezaliman."

(Surah al-Anbia': 87)

Lalu beliau diselamatkan oleh ni'mat pertolongan dari Allah. Beliau telah diluahkan ikan itu di tepi pantai dengan hanya tinggal daging tanpa kulit, kerana kulitnya telah larut di dalam perut ikan. Allah telah memelihara nyawa beliau dengan qudrat kuasa-Nya yang tidak terikat dengan mana-mana ikatan manusia yang biasa dan terbatas itu.

Di sini Yunus berkata jika dia tidak diselamatkan oleh ni'mat pertolongan Allah tentulah beliau diluahkan oleh ikan itu di tanah yang tandus dengan mendapat kecelaan dari Tuhannya kerana tindak-tanduknya yang kurang sabar dan kerana beliau mengambil tindakan sendiri sebelum menerima keizinan dari Allah. Tetapi ni'mat pertolongan Allah telah menyelamatkan beliau, dan Allah telah memperkenankan tasbihnya dan menerima pengakuan penyesalannya. Allah mengetahui bahawa beliau benar-benar wajar menerima ni'mat anugerah dan pilihan dari Allah:

فَٱجْتَبَٰهُ رَبُّهُۥ فَجَعَلَهُۥ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٥٠﴾

"Lalu dia dipilih Tuhannya dan menjadikannya dari orang-orang yang salih."(50)

Inilah pengalaman yang telah dilalui Yunus a.s. yang telah ditelan oleh seekor ikan yang besar itu. Allah mengingatkan Rasulullah s.a.w. dengan pengalaman ini dalam masa beliau sedang menghadapi kedegilan dan pendustaan kaumnya, dan setelah Allah membebaskan beliau dari beban perjuangan - menurut hakikat yang sebenar - dan menyuruh beliau tinggalkan sahaja perjuangan itu kepada-Nya untuk dikendalikannya mengikut iradat-Nya dan menyuruh beliau supaya bersabar menunggu hukuman dan keputusan dari Allah dalam masa yang dijanjikannya dan dalam kesukaran-kesukaran perjalanan da'wah sehingga tiba masa yang dijanjikan itu.

Kesulitan-kesulitan Yang Dihadapi Da'wah

Kesukaran da'wah yang sebenar ialah kesukaran bersabar menunggu keputusan Allah sehingga tiba waktu yang dijanjikan-Nya, iaitu waktu yang dikehendaki Allah menurut hikmat kebijaksanaan-Nya. Di tengah jalan da'wah terdapat berbagai-bagai kesukaran iaitu kesukaran-kesukaran pendustaan dan penindasan, kesukaran-kesukaran putar-belit dan kedegilan manusia, kesukaran-kesukaran perkembangan kebatilan dan keangkuhannya, kesukaran-kesukaran manusia yang terpesona dengan kebatilan yang bongkak dan yang menang pada mata kasar dan kesukaran-kesukaran menahan dan menyabarkan diri dalam menghadapi semua kesukaran itu dengan hati yang rela, mantap dan tenteram menunggu janji Allah yang benar, tidak ragu-ragu, tidak teragak-agak untuk meneruskan perjalanan biarpun bagaimana banyak kesukaran di jalan itu. Ini adalah suatu usaha yang amat besar dan sukar. Ia memerlukan keazaman, kesabaran, pertolongan dan taufiq dari Allah. Adapun perjuangan itu sendiri, maka Allah telah membuat keputusan-Nya bahawa Dialah sendiri yang mengendalikannya. Di samping itu, Allah telah menetapkan bahawa Dia akan menangguh dan menempoh, mendorong atau mengistidraj mengikut kebijaksanaan-Nya. Demikianlah Allah memberi janji-Nya kepada Rasul-Nya yang mulia dan Allah telah mengotakan janji-Nya tidak lama selepas itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 52)

Dendam Kesumat Dan Hasad Dengki Orang-orang Kafir Terhadap Rasulullah

Pada akhir surah ini, Al-Qur'an melukiskan pemandangan yang menggambarkan orang-orang kafir yang sedang menerima da'wah dari Rasul-Nya yang mulia dengan hati yang amat marah dan dengan perasaan hasad dengki yang amat mendalam hingga tercurah di dalam pandangan-pandangan mata mereka yang beracun dan membunuh yang ditumpukan kepada Rasulullah s.a.w. Pandangan itu telah disifatkan Allah dengan tepatnya tanpa memerlukan tokok tambah:

وَإِن يَكَادُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَيُزْلِقُونَكَ بِأَبْصَٰرِهِمْ لَمَّا سَمِعُوا۟ ٱلذِّكْرَ وَيَقُولُونَ إِنَّهُۥ لَمَجْنُونٌ ﴿٥١﴾

وَمَا هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu hampir-hampir menggelincirkan kaki engkau dengan pandangan-pandangan mereka (yang penuh marah) apabila mereka mendengar Al-Qur'an, dan mereka berkata: Sesungguhnya dia (Muhammad) seorang gila(51). Sedangkan Al-Qur'an itu tidak lain melainkan peringatan bagi seluruh umat manusia."(52)

Pandangan-pandangan mata mereka hampir-hampir mempunyai kesan yang boleh menggelincirkan kaki Rasulullah s.a.w. dan menghilangkan imbangannya yang berdiri di atas bumi. Ini adalah satu ungkapan yang amat menarik yang membayangkan pandangan-pandangan mata yang sarat dengan dendam kesumat, niat-niat yang jahat, hasad dengki, marah, jengkel, panas hati dan racun-racun. Kemudian pandangan-pandangan yang beracun dan panas berapi itu disertakan pula dengan caci maki yang hina dan pembohongan yang keji:

وَيَقُولُونَ إِنَّهُۥ لَمَجْنُونٌ ﴿٥١﴾

"Dan mereka berkata: Sesungguhnya dia (Muhammad) seorang gila."(51)

Itulah satu pemandangan yang dilukis dan dirakamkan oleh pena yang amat seni dari pemandangan-pemandangan da'wah di Kota Makkah iaitu pemandangan dalam kalangan umum para pembesar Makkah yang degil dan berdosa yang mana dari hati dan pandangan mata merekalah tercetus

segala api hasad dengki yang keji dan panas membara itu.

Kemudian diiringi dengan satu kata pemutus:

وَمَا هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٥٢﴾

"Sedangkan Al-Qur'an itu tidak lain melainkan peringatan bagi seluruh umat manusia."(52)

Sudah tentu **"peringatan"** itu tidak akan diucapkan oleh seorang gila dan tidak dibawa oleh seorang gila.

Perkataan Allah itulah yang benar dan kata-kata rekaan dari pembohong-pembohong itulah yang dusta.

Da'wah Islam Merupakan Da'wah Global

Sebelum mengakhiri tafsiran surah ini perlulah diperhatikan kepada kata "العالمين" (seluruh umat manusia atau semesta alam). Di sini ketika da'wah Islam di Makkah masih ditentang dengan keingkaran dan Rasulullah s.a.w. masih ditentang dengan pandangan-pandangan mata yang beracun dan membara, sedangkan kaum Musyrikin mengemblengkan seluruh tenaga yang ada pada mereka untuk memerangi beliau... di waktu yang awal ini lagi dan dalam keadaannya yang masih terkepung ketat, da'wah Islam telah pun mengumumkan sifat global atau kesejagatannya. Itulah sifat semulajadi dan sifat hakikinya. Sifat ini bukanlah sifat baru yang disandangnya setelah mendapat kemenangan di Madinah sebagaimana yang didakwa oleh pembohong-pembohong hari ini, malah sifat globalnya ini adalah sifatnya yang awal-awal lagi, iaitu sejak masa perkembangannya yang pertama di Makkah, kerana sifat ini merupakan satu hakikat yang sebati di dalam jantung hati da'wah ini sejak permulian lahirnya lagi.

Demikianlah iradat Allah terhadap da'wah ini, demikianlah arah tujunya sejak masa kelahirannya yang pertama, dan demikianlah arah tujunya hingga ke akhir zaman. Allahlah yang berkehendak demikian terhadap da'wah sebagai Tuanpunya dan Penaungnya, Allahlah Pembela dan Pelindungnya. Dialah yang mengendalikan perjuangan terhadap para pendusta sedangkan kewajiban para pejuang da'wah ialah bersabar menunggu keputusan Allah Sebaik-baik Pemberi keputusan.

* * * * * *

JUZU' KE-29

SURAH AL-HAQQAH

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

ٱلْحَآقَّةُ ﴿١﴾ مَا ٱلْحَآقَّةُ ﴿٢﴾

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا ٱلْحَآقَّةُ ﴿٣﴾

كَذَّبَتْ ثَمُودُ وَعَادٌۢ بِٱلْقَارِعَةِ ﴿٤﴾

فَأَمَّا ثَمُودُ فَأُهْلِكُوا۟ بِٱلطَّاغِيَةِ ﴿٥﴾

وَأَمَّا عَادٌ فَأُهْلِكُوا۟ بِرِيحٍ صَرْصَرٍ عَاتِيَةٍ ﴿٦﴾

سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَٰنِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا فَتَرَى ٱلْقَوْمَ

فِيهَا صَرْعَىٰ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ خَاوِيَةٍ ﴿٧﴾

فَهَلْ تَرَىٰ لَهُم مِّنۢ بَاقِيَةٍ ﴿٨﴾

وَجَآءَ فِرْعَوْنُ وَمَن قَبْلَهُۥ وَٱلْمُؤْتَفِكَٰتُ بِٱلْخَاطِئَةِ ﴿٩﴾

فَعَصَوْا۟ رَسُولَ رَبِّهِمْ فَأَخَذَهُمْ أَخْذَةً رَّابِيَةً ﴿١٠﴾

"Hari Qiamat yang tetap berlaku(1). Apakah hari Qiamat yang tetap berlaku itu?(2). Tahukah engkau apakah hari Qiamat yang tetap berlaku itu?(3). Kaum Thamud dan 'Ad telah mendustakan hari Qiamat yang amat menggemparkan itu(4). Adapun kaum Thamud, mereka telah dibinasakan dengan gempa yang amat dahsyat(5).Dan adapun kaum 'Ad, mereka telah dibinasakan dengan ribut taufan yang amat dingin dan amat kencang(6). Allah timpakan ribut itu ke atas mereka selama tujuh malam lapan hari tidak berhenti-henti, maka engkau melihat kaum itu mati bergelimpangan seolah-olah tunggul-tunggul pokok kurma buruk yang kosong(7). Apakah engkau nampak ada seorang dari mereka yang masih tinggal?(8). Dan datanglah pula Fir'aun dan mereka yang sebelumnya, juga penduduk negeri-negeri yang dibalikkan buminya dengan sebab dosa mereka(9). Mereka telah menderhaka utusan Tuhan mereka, lalu Allah seksakan mereka dengan seksaan yang amat dahsyat."(10).

إِنَّا لَمَّا طَغَا ٱلْمَآءُ حَمَلْنَٰكُمْ فِى ٱلْجَارِيَةِ ﴿١١﴾

لِنَجْعَلَهَا لَكُمْ تَذْكِرَةً وَتَعِيَهَآ أُذُنٌ وَٰعِيَةٌ ﴿١٢﴾

فَإِذَا نُفِخَ فِى ٱلصُّورِ نَفْخَةٌ وَٰحِدَةٌ ﴿١٣﴾

وَحُمِلَتِ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةً وَٰحِدَةً ﴿١٤﴾

فَيَوْمَئِذٍ وَقَعَتِ ٱلْوَاقِعَةُ ﴿١٥﴾

وَٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَهِىَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ ﴿١٦﴾

وَٱلْمَلَكُ عَلَىٰٓ أَرْجَآئِهَا ۚ وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ

ثَمَٰنِيَةٌ ﴿١٧﴾

يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَىٰ مِنكُمْ خَافِيَةٌ ﴿١٨﴾

فَأَمَّا مَنْ أُوتِىَ كِتَٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ فَيَقُولُ هَآؤُمُ ٱقْرَءُوا۟ كِتَٰبِيَهْ ﴿١٩﴾

إِنِّى ظَنَنتُ أَنِّى مُلَٰقٍ حِسَابِيَهْ ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya Kami, ketika banjir menenggelamkan segala-galanya, telah mengangkutkan kamu di dalam sebuah bahtera yang berjalan laju(11). Kerana Kami mahu menjadikannya suatu pengajaran kepada kamu dan supaya ia diingati setiap telinga yang mendengar dengan teliti(12). Apabila sangkakala ditiupkan sekali (13). Dan apabila bumi dan gunung-ganang diangkat dileburkan kedua-duanya serentak sekali(14). Maka pada hari itu berlakulah Qiamat.(15).Dan terbelahlah langit kerana pada hari itu ia amat lemah(16). Sedangkan para malaikat berada di segenap penjurunya (langit), dan pada hari itu lapan malaikat menjunjung 'Arasy Tuhanmu di atas mereka(17). Pada hari itu kamu dihadapkan kepada Allah, tiada satu pun dari rahsia kamu yang tersembunyi(18). Adapun orang-orang yang diserahkan buku amalannya dan menerima dengan tangan kanannya ia akan berkata (gembira): Nah! Bacalah buku amalanku ini!(19). Sesungguhnya aku sangka bahawa aku akan menghadapi hisab amalanku."(20).

فَهُوَ فِى عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ ﴿٢١﴾ فِى جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿٢٢﴾

قُطُوفُهَا دَانِيَةٌ ﴿٢٣﴾

كُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ هَنِيٓـًٔۢا بِمَآ أَسْلَفْتُمْ فِى ٱلْأَيَّامِ ٱلْخَالِيَةِ ﴿٢٤﴾

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِشِمَالِهِۦ فَيَقُولُ يَٰلَيْتَنِى لَمْ أُوتَ
كِتَٰبِيَهْ ﴿٢٥﴾ وَلَمْ أَدْرِ مَا حِسَابِيَهْ ﴿٢٦﴾
يَٰلَيْتَهَا كَانَتِ ٱلْقَاضِيَةَ ﴿٢٧﴾ مَآ أَغْنَىٰ عَنِّى مَالِيَهْ ﴿٢٨﴾
هَلَكَ عَنِّى سُلْطَٰنِيَهْ ﴿٢٩﴾ خُذُوهُ فَغُلُّوهُ ﴿٣٠﴾

"Maka dia akan berada dalam kehidupan yang senang-lenang(21). Di dalam Syurga yang tinggi(22). Memetik buah-buahnya amat dekat(23). Makan dan minumlah kamu sepuas hati kerana amalan-amalan baik yang telah dilakukan kamu pada hari-hari yang telah silam (24). Dan adapun orang yang diserahkan buku amalannya dan menerima dengan tangan kirinya dia akan berkata (kecewa): Alangkah baiknya jika aku tidak diserahkan buku amalanku ini!(25). Dan aku tidak tahu bagaimana hisabku ini(26). Alangkah baiknya jika Qiamat itu menamatkan segala-galanya! (27). Hartaku tidak lagi berguna kepadaku(28). Dan kuasaku hilang lenyap dariku(29). Tangkap dia dan belenggukan dia."(30).

ثُمَّ ٱلْجَحِيمَ صَلُّوهُ ﴿٣١﴾
ثُمَّ فِى سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَٱسْلُكُوهُ ﴿٣٢﴾
إِنَّهُۥ كَانَ لَا يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٣٣﴾
وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ﴿٣٤﴾
فَلَيْسَ لَهُ ٱلْيَوْمَ هَٰهُنَا حَمِيمٌ ﴿٣٥﴾
وَلَا طَعَامٌ إِلَّا مِنْ غِسْلِينٍ ﴿٣٦﴾
لَّا يَأْكُلُهُۥٓ إِلَّا ٱلْخَٰطِـُٔونَ ﴿٣٧﴾ فَلَآ أُقْسِمُ بِمَا تُبْصِرُونَ ﴿٣٨﴾
وَمَا لَا تُبْصِرُونَ ﴿٣٩﴾ إِنَّهُۥ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿٤٠﴾

"Kemudian masukkan dia ke dalam Neraka(31). Kemudian tambatkan dia dengan rantai sepanjang tujuh puluh hasta(32). Kerana sesungguhnya dia tidak beriman kepada Allah Yang Maha Besar(33). Dan dia tidak menggalakkan orang lain memberi makan kepada orang miskin(34). Kerana itu pada hari ini dia tidak mempunyai seorang teman pun disini(35). Dan tiada sebarang makanan untuknya melainkan air danur(36). Tiada yang memakannya melainkan orang-orang yang berdosa(37). Tidaklah perlu Aku bersumpah dengan kejadian yang kamu nampak(38). Dan dengan kejadian yang kamu tidak nampak(39). Sesungguhnya Al-Qur'an itu perkataan Rasul yang mulia."(40).

وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ ۚ قَلِيلًا مَّا تُؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾
وَلَا بِقَوْلِ كَاهِنٍ ۚ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾
تَنزِيلٌ مِّن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٤٣﴾

وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضَ ٱلْأَقَاوِيلِ ﴿٤٤﴾
لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِٱلْيَمِينِ ﴿٤٥﴾
ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ ٱلْوَتِينَ ﴿٤٦﴾
فَمَا مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ عَنْهُ حَٰجِزِينَ ﴿٤٧﴾
وَإِنَّهُۥ لَتَذْكِرَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٨﴾
وَإِنَّا لَنَعْلَمُ أَنَّ مِنكُم مُّكَذِّبِينَ ﴿٤٩﴾
وَإِنَّهُۥ لَحَسْرَةٌ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٥٠﴾
وَإِنَّهُۥ لَحَقُّ ٱلْيَقِينِ ﴿٥١﴾
فَسَبِّحْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلْعَظِيمِ ﴿٥٢﴾

"Dan ia bukannya madah seorang penyair, amat sedikit kamu beriman kepadanya(41). Dan bukan pula perkataan kahin, amat sedikit kamu mengambil pengajaran darinya(42). Ia diturun dari Tuhan yang memelihara semesta alam(43). Andainya dia (Muhammad) mereka-rekakan setengah-setengah perkataan atas nama Kami(44). Nescaya Kami seksakannya dengan qudrat kuasa Kami(45). Kemudian Kami patuskan saluran jantungnya(46). Dan tiada seorang pun dari kamu yang berkuasa menghalangi Kami(47). Sesungguhnya Al-Qur'an itu peringatan kepada orang yang bertaqwa(48). Dan sesungguhnya Kami benar-benar tahu bahawa sebahagian dari kamu mendustakannya(49). Dan sesungguhnya Al-Qur'an memberi penyesalan kepada orang-orang yang kafir(50). Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu adalah kebenaran yang amat diyakinkan(51). Kerana itu bertasbihlah dengan menyebut nama Tuhanmu Yang Maha Besar(52).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini merupakan satu surah yang amat hebat. Ia diterima hati manusia dengan keterharuan yang mendalam. Dari mula hingga akhirnya ia memukul hati dan menayangkan kepadanya situasi dahsyat, pernyataan yang serius pemandangan demi pemandangan semuanya mengetuk hati kadang-kadang dengan kedahsyatan, kadang-kadang kebesaran Allah, kadang-kadang dengan 'azab-Nya dan kadang-kadang dengan pergerakan yang kuat pada setiap masa.

'Aqidah Dan Agama Satu Persoalan Yang Serius

Keseluruhan surah ini menyampaikan dengan kuat ke dalam hati manusia satu kesedaran bahawa persoalan agama dan 'aqidah ini adalah satu persoalan yang benar-benar serius, benar-benar tegas dan sungguh-sungguh, bukannya persoalan senda gurau. Ia adalah persoalan yang sungguh-sungguh di dunia dan sungguh-sungguh di Akhirat, sungguh-sungguh dalam pertimbangan dan hisab Allah. Ia adalah persoalan yang serius yang tidak

membenarkan sebarang penyelewengan dan pengabaian di sana sini, sedikit atau banyak. Sebarang penyelewengan baik dari siapapun akan menerima kemurkaan Allah walaupun penyelewengan itu dari Rasul sendiri kerana persoalan itu lebih besar dari Rasul dan lebih besar dari seluruh manusia. Ia adalah persoalan yang benar, ia adalah kebenaran yang amat diyakinkan. Ia adalah diturunkan dari Allah yang memelihara semesta alam.

Kesungguhan dan kesedusan itu kelihatan jelas pada nama hari Qiamat itu sendiri, yang dipanggil dalam surah ini dengan kata-kata al-Haqqah yang bererti hari yang tetap dan pasti berlaku. Kata-kata ini dengan nadanya dan ertinya menyampaikan maksud dan suasana kesungguhan, ketegasan dan ketetapan itu. Bunyi kata-kata: "al-Haqqah" itu sendiri seolah-olah seperti benda yang amat berat yang diangkat tinggi kemudian terlepas jatuh. Ia disebut dengan memanjangkan sebutan "حا" dan dikuatkan dengan mentasydidkan "قاف", kemudian kejatuhannya berakhir dengan "ة" marbutah yang disebut dengan "ة"yang mati.

Kesungguhan dan keseriusan itu juga kelihatan jelas dalam peristiwa-peristiwa kebinasaan umat-umat yang mendustakan agama, 'aqidah dan hari Akhirat. Mereka dibinasakan satu kaum demi satu kaum, sekumpulan demi sekumpulan. Mereka dibinasakan dengan ribut taufan yang dahsyat, meranap, mencabutkan akar umbi dan memutuskan segala-galanya:

Ayat-ayat Yang Menggambarkan Kaum-kaum Yang Menolak Agama Telah Dibinasakan Allah

كَذَّبَتْ ثَمُودُ وَعَادٌۢ بِٱلْقَارِعَةِ ﴿٤﴾
فَأَمَّا ثَمُودُ فَأُهْلِكُوا۟ بِٱلطَّاغِيَةِ ﴿٥﴾
وَأَمَّا عَادٌ فَأُهْلِكُوا۟ بِرِيحٍ صَرْصَرٍ عَاتِيَةٍ ﴿٦﴾
سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَٰنِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا فَتَرَى ٱلْقَوْمَ
فِيهَا صَرْعَىٰ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ خَاوِيَةٍ ﴿٧﴾
فَهَلْ تَرَىٰ لَهُم مِّنۢ بَاقِيَةٍ ﴿٨﴾
وَجَآءَ فِرْعَوْنُ وَمَن قَبْلَهُۥ وَٱلْمُؤْتَفِكَٰتُ بِٱلْخَاطِئَةِ ﴿٩﴾
فَعَصَوْا۟ رَسُولَ رَبِّهِمْ فَأَخَذَهُمْ أَخْذَةً رَّابِيَةً ﴿١٠﴾
إِنَّا لَمَّا طَغَا ٱلْمَآءُ حَمَلْنَٰكُمْ فِى ٱلْجَارِيَةِ ﴿١١﴾
لِنَجْعَلَهَا لَكُمْ تَذْكِرَةً وَتَعِيَهَآ أُذُنٌ وَٰعِيَةٌ ﴿١٢﴾

"Kaum Thamud dan 'Ad telah mendustakan hari Qiamat yang amat menggemparkan itu(4). Adapun kaum Thamud, mereka telah dibinasakan dengan gempa yang amat dahsyat(5). Dan adapun kaum 'Ad, mereka telah dibinasakan dengan ribut taufan yang amat dingin dan amat kencang(6). Allah timpakan ribut itu ke atas mereka selama tujuh malam lapan hari tidak berhenti-henti, maka engkau melihat kaum itu mati bergelimpangan seolah-olah tunggul-tunggul pokok kurma buruk yang kosong(7). Apakah engkau nampak ada seorang dari mereka yang masih tinggal?(8). Dan datanglah pula Fir'aun dan mereka yang sebelumnya, juga penduduk negeri-negeri yang dibalikkan buminya dengan sebab dosa mereka(9). Mereka telah menderhaka utusan Tuhan mereka, lalu Allah seksakan mereka dengan seksaan yang amat dahsyat(10). Sesungguhnya Kami, ketika banjir menenggelamkan segala-galanya, telah mengangkutkan kamu di dalam sebuah bahtera yang berjalan laju(11). Kerana Kami mahu menjadikannya suatu pengajaran kepada kamu dan supaya ia diingati setiap telinga yang mendengar dengan teliti."(12)

Demikianlah setiap mereka yang menyeleweng dan menolak 'aqidah itu akan dibinasakan Allah dengan malapetaka yang amat dahsyat sesuai dengan kesungguhan dan ketegasan urusan 'aqidah yang agung ini yang tidak menerima senda gurau, sikap bermain-main dan penyelewengan di sana sini.

Ayat-ayat Yang Menggambarkan Peristiwa Qiamat

Kesungguhan itu juga kelihatan jelas dalam pemandangan Qiamat yang ngeri yang menamatkan riwayat alam buana, dan lebih hebat lagi kelihatan pada kebesaran Tajjali Allah:

فَإِذَا نُفِخَ فِى ٱلصُّورِ نَفْخَةٌ وَٰحِدَةٌ ﴿١٣﴾
وَحُمِلَتِ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةً وَٰحِدَةً ﴿١٤﴾
فَيَوْمَئِذٍ وَقَعَتِ ٱلْوَاقِعَةُ ﴿١٥﴾
وَٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَهِىَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ ﴿١٦﴾
وَٱلْمَلَكُ عَلَىٰٓ أَرْجَآئِهَا ۚ وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ
ثَمَٰنِيَةٌ ﴿١٧﴾

"Apabila sangkakala ditiupkan sekali(13). Dan apabila bumi dan gunung-ganang diangkat dileburkan kedua-duanya serentak sekali(14). Maka pada hari itu berlakulah Qiamat(15). Dan terbelahlah langit kerana pada hari itu ia amat lemah(16). Sedangkan para malaikat berada di segenap penjurunya (langit), dan pada hari itu lapan malaikat menjunjung 'Arasy Tuhanmu di atas mereka."(17)

Ayat-ayat Yang Menggambarkan Upacara Hisab

Kedahsyatan dan kehebatan kebesaran Allah ini menyalutkan suasana kesungguhan yang gemilang pada pemandangan hisab yang amat ditakuti. Kedua-duanya bekerjasama, mendalamkan pengertian ini di dalam hati manusia bersama-sama dengan nada ayat-ayat yang lain dan saranan-saranannya termasuk

perkataan-perkataan orang-orang yang terselamat dari 'azab dan keluhan-keluhan orang yang mendapat keseksaan:

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ فَيَقُولُ هَآؤُمُ ٱقْرَءُوا۟ كِتَٰبِيَهْ ﴿١٩﴾

إِنِّى ظَنَنتُ أَنِّى مُلَٰقٍ حِسَابِيَهْ ﴿٢٠﴾

"Adapun orang-orang yang diserahkan buku amalannya dan menerima dengan tangan kanannya ia akan berkata (gembira): Nah! Bacalah buku amalanku ini!(19). Sesungguhnya aku sangka bahawa aku akan menghadapi hisab amalanku."(20)

Orang ini terselamat dari keseksaan dan ia hampir-hampir tidak percaya bahawa dia terselamat.

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِشِمَالِهِۦ فَيَقُولُ يَٰلَيْتَنِى لَمْ أُوتَ

كِتَٰبِيَهْ ﴿٢٥﴾ وَلَمْ أَدْرِ مَا حِسَابِيَهْ ﴿٢٦﴾

يَٰلَيْتَهَا كَانَتِ ٱلْقَاضِيَةَ ﴿٢٧﴾ مَآ أَغْنَىٰ عَنِّى مَالِيَهْ ﴿٢٨﴾

"Dan adapun orang yang diserahkan buku amalannya dan menerima dengan tangan kirinya dia akan berkata (kecewa): Alangkah baiknya jika aku tidak diserahkan buku amalanku ini!(25). Dan aku tidak tahu bagaimana hisabku ini(26). Alangkah baiknya jika Qiamat itu menamatkan segala-galanya!(27). Hartaku tidak lagi berguna kepadaku(28). Dan kuasaku hilang lenyap dariku."(29)

Demikianlah rintihan kecewa yang berlarut-larut yang menerapkan kesan nasib kesudahan yang dahsyat di dalam hati mereka.

Ayat-ayat Yang Menggambarkan 'azab-'azab Di Dalam Neraka

Kemudian kesungguhan itu kelihatan begitu ketara dalam perintah Ilahi yang menjatuhkan hukuman-Nya yang dahsyat pada hari yang agung dan situasi yang hebat itu:

خُذُوهُ فَغُلُّوهُ ﴿٣٠﴾ ثُمَّ ٱلْجَحِيمَ صَلُّوهُ ﴿٣١﴾

ثُمَّ فِى سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَٱسْلُكُوهُ ﴿٣٢﴾

"Tangkap dia dan belenggukan dia(30). Kemudian masukkan dia ke dalam Neraka(31). Kemudian tambatkan dia dengan rantai sepanjang tujuh puluh hasta."(32)

Setiap potongan ayat seolah-olah seberat langit dan bumi, dan jatuh dengan kekuatan yang begitu dahsyat, ngeri, begitu berat dan begitu serius.

Kemudian Al-Qur'an menerangkan sebab-sebab mereka dijatuhkan hukuman yang dahsyat itu:

إِنَّهُۥ كَانَ لَا يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٣٣﴾

وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ﴿٣٤﴾

فَلَيْسَ لَهُ ٱلْيَوْمَ هَٰهُنَا حَمِيمٌ ﴿٣٥﴾

وَلَا طَعَامٌ إِلَّا مِنْ غِسْلِينٍ ﴿٣٦﴾ لَّا يَأْكُلُهُۥٓ إِلَّا ٱلْخَٰطِـُٔونَ ﴿٣٧﴾

"Kerana sesungguhnya dia tidak beriman kepada Allah Yang Maha Besar(33). Dan dia tidak menggalakkan orang lain memberi makan kepada orang miskin(34). Kerana itu pada hari ini dia tidak mempunyai seorang teman pun disini(35). Dan tiada sebarang makanan untuknya melainkan air danur(36). Tiada yang memakannya melainkan orang-orang yang berdosa."(37)

Ayat-ayat Yang Menjelaskan Hakikat Al-Qur'an Yang Diturunkan Allah Kepada Nabi

Kemudian kesungguhan itu ketara lagi dalam isyarat sumpah Allah dan dalam penjelasan-Nya mengenai hakikat agama yang akhir itu:

فَلَآ أُقْسِمُ بِمَا تُبْصِرُونَ ﴿٣٨﴾

وَمَا لَا تُبْصِرُونَ ﴿٣٩﴾ إِنَّهُۥ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿٤٠﴾

وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ ۚ قَلِيلًا مَّا تُؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾

وَلَا بِقَوْلِ كَاهِنٍ ۚ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾

تَنزِيلٌ مِّن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٤٣﴾

"Tidaklah perlu Aku bersumpah dengan kejadian yang kamu nampak(38). Dan dengan kejadian yang kamu tidak nampak(39). Sesungguhnya Al-Qur'an itu perkataan Rasul yang mulia(40). Dan ia bukannya madah seorang penyair, amat sedikit kamu beriman kepadanya(41). Dan bukan pula perkataan kahin, amat sedikit kamu mengambil pengajaran darinya(42). Ia diturun dari Tuhan yang memelihara semesta alam."(43)

Pada akhirnya kesungguhan itu jelas kelihatan pada amaran dan ancaman Allah kepada setiap mereka yang mahu mempermain-mainkan persoalan agama itu atau menukar gantikannya, tidak dikira siapa sahaja walaupun Nabi Muhammad s.a.w. sendiri:

وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضَ ٱلْأَقَاوِيلِ ﴿٤٤﴾

لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِٱلْيَمِينِ ﴿٤٥﴾

ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ ٱلْوَتِينَ ﴿٤٦﴾

فَمَا مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ عَنْهُ حَٰجِزِينَ ﴿٤٧﴾

"Andainya dia (Muhammad) mereka-rekakan setengah-setengah perkataan atas nama Kami(44). Nescaya Kami seksakannya dengan qudrat kuasa Kami(45). Kemudian Kami patuskan saluran jantungnya(46). Dan tiada seorang pun dari kamu yang berkuasa menghalangi Kami."(47)

Tiada maaf dan tolak ansur di dalam persoalan agama dan tiada lemah-lembut.

Ayat-ayat Yang Menggambarkan Isi Kandungan Al-Qur'an

Di sini surah ini ditamatkan dengan satu pernyataan yang jelas dan kata pemutus mengenai persoalan Al-Qur'an yang amat penting ini:

وَإِنَّهُۥ لَتَذْكِرَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٨﴾
وَإِنَّا لَنَعْلَمُ أَنَّ مِنكُم مُّكَذِّبِينَ ﴿٤٩﴾
وَإِنَّهُۥ لَحَسْرَةٌ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٥٠﴾
وَإِنَّهُۥ لَحَقُّ ٱلْيَقِينِ ﴿٥١﴾
فَسَبِّحْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلْعَظِيمِ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an itu peringatan kepada orang yang bertaqwa(48). Dan sesungguhnya Kami benar-benar tahu bahawa sebahagian dari kamu mendustakannya(49). Dan sesungguhnya Al-Qur'an memberi penyesalan kepada orang-orang yang kafir(50). Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu adalah kebenaran yang amat diyakinkan(51). Kerana itu bertasbihlah dengan menyebut nama Tuhanmu Yang Maha Besar."(52)

Inilah akhir kata pemutus yang berakhir dengan tasbih.

* * * * * *

Itulah konsep 'aqidah yang dikemukakan oleh surah ini untuk diterapkan ke dalam hati manusia. Uslub, nada, pemandangan-pemandangan, gambaran-gambaran dan bayangan-bayangan dalam surah ini adalah semuanya ditumpukan untuk menjelaskan pengertian itu dan mendalamkannya dengan cara yang berkesan, hidup dan menakjubkan.

Uslub surah ini mengepung hati manusia dengan pemandangan-pemandangan yang hidup hingga membuat mereka tidak dapat memisahkan diri darinya. Pemandangan-pemandangan itu dirasakan begitu hidup dan terpampang di hadapan mata, juga menarik hati manusia dengan gambaran yang menakjubkan.

Gambaran kebinasaan Thamud, 'Ad, Fir'aun, kampung-kampung Lut yang dibalikkan buminya seolah-olah sedang berlaku dan terpampang di hadapan mata. Suasana-suasana ngeri dan dahsyat, menyelubungi pemandangan-pemandangan itu hingga membuat hati tidak terpisah darinya. Pemandangan banjir besar dan saki-baki manusia yang diangkut dalam sebuah bahtera dilukiskan dalam dua ayat yang cepat. Siapakah yang membaca ayat berikut?

وَأَمَّا عَادٌ فَأُهْلِكُوا۟ بِرِيحٍ صَرْصَرٍ عَاتِيَةٍ ﴿٦﴾
سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَٰنِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا فَتَرَى ٱلْقَوْمَ
فِيهَا صَرْعَىٰ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ خَاوِيَةٍ ﴿٧﴾
فَهَلْ تَرَىٰ لَهُم مِّنۢ بَاقِيَةٍ ﴿٨﴾

"Dan adapun kaum 'Ad, mereka telah dibinasakan dengan ribut taufan yang amat dingin dan amat kencang(6). Allah timpakan ribut itu ke atas mereka selama tujuh malam lapan hari tidak berhenti-henti, maka engkau melihat kaum itu mati bergelimpangan seolah-olah tunggul-tunggul pokok kurma buruk yang kosong(7). Apakah engkau nampak ada seorang dari mereka yang masih tinggal?"(8)

Siapakah yang membaca ayat ini, kemudian ia tidak ternampak di dalam hatinya gambaran ribut taufan yang kencang, yang menghancurleburkan segala apa sahaja yang dilandakannya selama tujuh malam dan lapan hari? Pemandangan kaum 'Ad yang mati bergelimpangan sepert **"Batang-batang pokok kurma buruk yang tumbang"** itu adalah satu pemandangan yang hidup terpampang di hadapan mata, hati dan khayal kita. Demikianlah juga dengan pemandangan-pemandangan dahsyat yang lain di dalam surah ini.

Kemudian perhatikan pula pemandangan-pemandangan yang menggambarkan kebinasaan alam buana. Ia benar-benar ternampak dalam hati. Bunyi kehancurannya berdentum di sekeliling hati dan menyebabkannya diselubungi perasaan takut, cemas dan murung.

وَحُمِلَتِ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةً وَٰحِدَةً ﴿١٤﴾

"Dan apabila bumi dan gunung-ganang diangkat dan dileburkan kedua-duanya serentak sekali."(14)

Siapakah yang mendengar ayat ini, kemudian hatinya tidak mendengar bunyi dentum-dentum setelah matanya melihat bumi dan gunung-ganang itu diangkat kemudian dihumbankan untuk dihancurleburkannya?

وَٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَهِىَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ ﴿١٦﴾

"Dan terbelahlah langit kerana pada hari itu ia amat lemah."(16)

وَٱلْمَلَكُ عَلَىٰٓ أَرْجَآئِهَا ۚ

"Sedangkan para malaikat berada di segenap penjurunya (langit)."(17)

Siapakah yang mendengar ayat ini, kemudian tidak tergambar di dalam hatinya gambaran kesudahan langit yang menyedihkan itu dan pemandangan kemusnahan langit yang indah dan kukuh itu? Siapakah yang tidak merasa kebesaran Allah dan situasi yang menakutkan apabila dia mendengar ayat-ayat ini?

وَٱلْمَلَكُ عَلَىٰٓ أَرْجَآئِهَا ۚ وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ
ثَمَٰنِيَةٌ ﴿١٧﴾

يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَىٰ مِنكُمْ خَافِيَةٌ ﴿١٨﴾

"Sedangkan para malaikat berada di segenap penjurunya (langit), dan pada hari itu lapan malaikat menjunjung 'Arasy Tuhanmu di atas mereka(17). Pada hari itu kamu dihadapkan kepada Allah, tiada satu pun dari rahsia kamu yang tersembunyi."(18)

Perhatikan pula pemandangan-pemandangan orang yang terselamat dari 'azab dan menerima buku laporan amalannya dengan tangan kanannya. Ketika itu kegembiraannya begitu besar hingga alam yang luas ini tidak dapat menampungnya. Dia berseru riang kepada khalayak yang ramai supaya turut membaca buku laporan amalannya:

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ فَيَقُولُ هَاؤُمُ اقْرَءُوا كِتَابِيَهْ ﴿١٩﴾
إِنِّي ظَنَنتُ أَنِّي مُلَاقٍ حِسَابِيَهْ ﴿٢٠﴾

"Ia akan berkata (gembira): Nah! Bacalah buku amalanku ini!(19). Sesungguhnya aku sangka bahawa aku akan menghadapi hisab amalanku."(20)

Pemandangan Mereka Yang Diseksa

Perhatikan pula pemandangan orang yang akan mendapat keseksaan dan menerima buku laporan amalannya dengan tangan kirinya. Ketika itu rasa kecewa dan hampa merintih di dalam setiap kata-kata seruannya:

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِشِمَالِهِ فَيَقُولُ يَا لَيْتَنِي لَمْ أُوتَ
كِتَابِيَهْ ﴿٢٥﴾ وَلَمْ أَدْرِ مَا حِسَابِيَهْ ﴿٢٦﴾
يَا لَيْتَهَا كَانَتِ الْقَاضِيَةَ ﴿٢٧﴾ مَا أَغْنَىٰ عَنِّي مَالِيَهْ ﴿٢٨﴾
هَلَكَ عَنِّي سُلْطَانِيَهْ ﴿٢٩﴾

"Dia akan berkata (kecewa): Alangkah baiknya jika aku tidak diserahkan buku amalanku ini!(25). Dan aku tidak tahu bagaimana hisabku ini(26). Alangkah baiknya jika Qiamat itu menamatkan segala-galanya!(27). Hartaku tidak lagi berguna kepadaku(28). Dan kuasaku hilang lenyap dariku."(29)

Siapakah yang tidak merasa gementar apabila mendengar keputusan pengadilan yang amat ngeri ini?

خُذُوهُ فَغُلُّوهُ ﴿٣٠﴾ ثُمَّ الْجَحِيمَ صَلُّوهُ ﴿٣١﴾
ثُمَّ فِي سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَاسْلُكُوهُ ﴿٣٢﴾

"Tangkap dia dan belenggukan dia(30). Kemudian masukkan dia ke dalam Neraka(31). Kemudian tambatkan dia dengan rantai sepanjang tujuh puluh hasta."(32)

Siapakah yang tidak merasa menggigil apabila melihat para malaikat itu berlumba-lumba untuk melaksanakan hukuman yang dahsyat ke atas manusia yang malang itu sedangkan dia berada di sana dalam keadaan yang menyedihkan?

فَلَيْسَ لَهُ الْيَوْمَ هَاهُنَا حَمِيمٌ ﴿٣٥﴾
وَلَا طَعَامٌ إِلَّا مِنْ غِسْلِينٍ ﴿٣٦﴾ لَّا يَأْكُلُهُ إِلَّا الْخَاطِئُونَ ﴿٣٧﴾

"Kerana itu pada hari ini dia tidak mempunyai seorang teman pun di sini(35). Dan tiada sebarang makanan untuknya melainkan air danur(36). Tiada yang memakannya melainkan orang-orang yang berdosa."(37)

Dan akhirnya, siapakah yang tidak merasa menggelentar dan diselubungi ketakutan apabila tergambar dalam imaginasinya gambaran ancaman yang ngeri:

وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضَ الْأَقَاوِيلِ ﴿٤٤﴾
لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِالْيَمِينِ ﴿٤٥﴾ ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ ﴿٤٦﴾
فَمَا مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ عَنْهُ حَاجِزِينَ ﴿٤٧﴾

"Andainya dia (Muhammad) mereka-rekakan setengah-setengah perkataan atas nama Kami(44). Nescaya Kami seksakannya dengan qudrat kuasa Kami(45). Kemudian Kami putuskan saluran jantungnya(46). Dan tiada seorang pun dari kamu yang berkuasa menghalangi Kami."(47)

Itulah pemandangan-pemandangan yang begitu kuat, hidup, jelas di depan mata hingga membuat hati kita tidak dapat berpaling darinya di sepanjang surah itu, kerana pemandangan-pemandangan itu terus mendesak, menekan dan benar-benar mempengaruhi urat saraf dan perasaan kita.

Nada-nada pada akhir ayat-ayat dalam surah ini dengan bunyi-bunyinya yang istimewa dan beranekaragam yang sesuai dengan pemandangan-pemandangan dan situasi-situasi itu, adalah turut serta dalam melahirkan kesan yang hidup dan mendalam iaitu dari bunyi mad tasydid, dan berhenti di permulaan surah:

الْحَاقَّةُ ﴿١﴾ مَا الْحَاقَّةُ ﴿٢﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْحَاقَّةُ ﴿٣﴾

Hingga kepada bunyi-bunyi yang bergema pada "يا" dan "ها" yang mati pada kata-kata akhir selepas ayat-ayat permulaan tersebut, sama ada "ها" itu "تا" marbutah yang diwaqaf dengan sukun atau "ها" saktah yang ditambah untuk mengimbangkan bunyi di sepanjang pemandangan kebinasaan di dunia dan Akhirat, juga pemandangan-pemandangan riang gembira dan, sedih kecewa ketika menerima balasan. Kemudian nada itu berubah ketika dijatuhkan hukuman kepada bunyi yang menakutkan, hebat dan panjang "خذوه فغلوه : ثم الجحيم فصلوه."

Kemudian nada itu berubah sekali lagi ketika menjelaskan sebab-sebab hukuman itu dijatuhkan. Ia berubah kepada bunyi yang tenang, serius, tegas dan berat yang berakhir dengan "م" atau "ن":

إِنَّهُ كَانَ لَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ ﴿٣٣﴾
وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ الْمِسْكِينِ ﴿٣٤﴾

فَلَيْسَ لَهُ ٱلْيَوْمَ هَٰهُنَا حَمِيمٌ ٣٥

وَلَا طَعَامٌ إِلَّا مِنْ غِسْلِينٍ ٣٦

لَّا يَأْكُلُهُۥٓ إِلَّا ٱلْخَٰطِـُٔونَ ٣٧ فَلَآ أُقْسِمُ بِمَا تُبْصِرُونَ ٣٨

وَمَا لَا تُبْصِرُونَ ٣٩ إِنَّهُۥ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ٤٠

وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ ۚ قَلِيلًا مَّا تُؤْمِنُونَ ٤١

وَلَا بِقَوْلِ كَاهِنٍ ۚ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ٤٢

تَنزِيلٌ مِّن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ٤٣

وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضَ ٱلْأَقَاوِيلِ ٤٤

لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِٱلْيَمِينِ ٤٥ ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ ٱلْوَتِينَ ٤٦

فَمَا مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ عَنْهُ حَٰجِزِينَ ٤٧

وَإِنَّهُۥ لَتَذْكِرَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ٤٨

وَإِنَّا لَنَعْلَمُ أَنَّ مِنكُم مُّكَذِّبِينَ ٤٩

وَإِنَّهُۥ لَحَسْرَةٌ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ٥٠

وَإِنَّهُۥ لَحَقُّ ٱلْيَقِينِ ٥١

فَسَبِّحْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلْعَظِيمِ ٥٢

Perubahan nada-nada pada akhir-akhir ayat itu adalah mengikut perubahan penerangan, pemandangan-pemandangan dan suasana-suasana. Perubahan-perubahan itu amat sesuai dengan maudhu' yang dibicarakannya dan dengan gambaran dan bayangan. Ia turut serta menghidupkan pemandangan-pemandangan dan menguatkan implikasinya di dalam hati.

Surah ini adalah satu surah yang mempunyai nada-nada yang kuat dan kesan-kesan yang mendalam. Ia adalah satu surah yang hebat dan mengerikan. Ia membuat hati gementar dan gentar.

Surah ini sendiri lebih kuat dari segala huraian dan ulasan yang dibuat untuk mentafsirkannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

ٱلْحَآقَّةُ ١ مَا ٱلْحَآقَّةُ ٢ وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا ٱلْحَآقَّةُ ٣

"Hari Qiamat yang tetap berlaku(1). Apakah hari Qiamat yang tetap berlaku itu?(2). Tahukah engkau apakah hari Qiamat yang tetap berlaku itu?" (3)

Di Sebalik Kata-kata Al-Haqqah

Qiamat dengan pemandangan-pemandangan dan peristiwa-peristiwanya memenuhi ruang pembicaraan yang terbanyak dalam surah ini, kerana itu ia dimulakan dengan nama Qiamat iaitu al-Haqqah sebuah kata yang dipilih khusus kerana nadanya dan ertinya yang membayangkan kesungguhan sebagaimana telah diterangkan sebelum ini. Ia bererti hari Qiamat yang tetap dan pasti berlaku, atau Qiamat yang akan menjatuhkan hukumannya ke atas manusia atau Qiamat yang akan melahirkan kebenaran. Semuanya mengandungi pengertian-pengertian yang tegas sesuai dengan arah tujuan dan pokok pembicaraan surah. Perkataan al-Haqqah - sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini - mempunyai bunyi yang memberi nada yang tertentu yang selaras dengan pengertian yang terkandung di dalamnya. Ia turut melahirkan suasana hebat yang dikehendaki di samping ia membayangkan balasan-balasan yang akan menimpa orang-orang yang mendustakannya di dunia dan Akhirat.

Seluruh suasana di dalam surah ini adalah suasana serius, sungguh-sungguh dan tegas di samping ngeri dan menakutkan. Ia membuat hati manusia sedar terhadap qudrat Ilahi yang agung dan terhadap kekerdilan dan kelemahan makhluk manusia di bawah qudrat yang agung itu. Ia membuat mereka sedar bahawa Allah akan menimpakan keseksaan yang berat ke atas mereka di dunia dan di Akhirat apabila mereka melencong dari sistem hidup yang diaturkan Allah untuk umat manusia, iaitu melencong dari pengajaran yang benar, dari 'aqidah dan syari'at yang dibawa oleh para rasul. Sistem hidup yang dibawa mereka bukan untuk disia-siakan atau ditukar gantikan, tetapi untuk dipatuhi, dihormati dan dipelihara dengan teliti. Jika tidak, maka 'azab yang dahsyat dan ngeri akan menimpa mereka.

Kata-kata yang digunakan di dalam surah ini dengan nada-nadanya dan makna-maknanya turut serta mencetuskan suasana yang serius itu. Mula-mula dikemukakan kata-kata tunggal:

ٱلْحَآقَّةُ ١

"Hari Qiamat yang tetap berlaku"(1)

tanpa menerangkan ceritanya. Kemudian diikuti dengan pertanyaan yang membayangkan kedahsyatan itu:

مَا ٱلْحَآقَّةُ ٢

"Apakah hari Qiamat yang tetap berlaku itu?"(2)

Kemudian ditambah lagi dengan pertanyaan yang membuat hari Qiamat itu terkeluar dari ilmu pengetahuan dan kefahaman manusia:

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا ٱلۡحَآقَّةُ ٣

"Tahukah engkau apakah hari Qiamat yang tetap berlaku itu?"(3)

Kemudian ia diam tanpa memberi jawapan kepada pertanyaan itu dan meninggalkan anda di hadapan persoalan Qiamat yang tidak diketahui anda dan tidak mungkin diketahui anda kerana ia terlalu besar untuk diketahui dan difahami.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 8)

Kemudian Al-Qur'an memulakan pembicaraannya mengenai kaum-kaum yang tidak percaya kepada hari Qiamat dan akibat kebinasaan yang menimpa mereka, kerana persoalan Qiamat adalah satu persoalan yang serius yang tidak wajar didustakannya. Sesiapa yang terus berdegil tidak mempercayainya tidak akan terlepas dari 'azab:

كَذَّبَتۡ ثَمُودُ وَعَادُۢ بِٱلۡقَارِعَةِ ٤

فَأَمَّا ثَمُودُ فَأُهۡلِكُواْ بِٱلطَّاغِيَةِ ٥

وَأَمَّا عَادٞ فَأُهۡلِكُواْ بِرِيحٖ صَرۡصَرٍ عَاتِيَةٖ ٦

سَخَّرَهَا عَلَيۡهِمۡ سَبۡعَ لَيَالٖ وَثَمَٰنِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومٗاۖ فَتَرَى ٱلۡقَوۡمَ

فِيهَا صَرۡعَىٰ كَأَنَّهُمۡ أَعۡجَازُ نَخۡلٍ خَاوِيَةٖ ٧

فَهَلۡ تَرَىٰ لَهُم مِّنۢ بَاقِيَةٖ ٨

"Kaum Thamud dan 'Ad telah mendustakan Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu(4). Adapun kaum Thamud, mereka telah dibinasakan dengan gempa yang amat dahsyat(5). Dan adapun kaum 'Ad, mereka telah dibinasakan dengan ribut taufan yang amat dingin dan amat kencang(6). Allah timpakan ribut itu ke atas mereka selama tujuh malam lapan hari tidak berhenti-henti, maka engkau melihat kaum itu mati bergelimpangan seolah-olah tunggul-tunggul pokok kurma buruk yang kosong(7). Apakah engkau nampak ada seorang dari mereka yang masih tinggal?"(8)

Ini adalah satu nama baru bagi hari Qiamat yang tetap berlaku. Selain dari merupakan hari yang tetap dan pasti akan berlaku, maka ia juga merupakan hari yang amat menggemparkan. Ia menggemparkan segenap hati dengan ketakutan dan menggemparkan alam buana dengan kemusnahan dan kehancuran. Kaum Thamud dan 'Ad telah mendustakan hari itu. Oleh itu, marilah kita lihat akibat yang telah menimpa mereka:

فَأَمَّا ثَمُودُ فَأُهۡلِكُواْ بِٱلطَّاغِيَةِ ٥

"Adapun kaum Thamud, mereka telah dibinasakan dengan gempa yang amat dahsyat."(5)

Kaum Thamud, sebagaimana telah diterangkan di tempat-tempat yang lain, adalah tinggal di al-Hijr di utara Hijaz, iaitu di antara Hijaz dan Syam. Mereka telah dibinasakan dengan bahana yang kuat "الصيحة" sebagaimana Al-Qur'an menyebutnya di tempat yang lain, tetapi di sini ia sifatkan bahan yang kuat itu dengan "الصيحة" (gempa yang amat dahsyat) tanpa menyebut lafaznya kerana kata-kata "الطاغية" menggambarkan situasi yang ngeri yang sesuai dengan suasana surah dan kerana bunyi kata-kata "الطاغية" sesuai dengan bunyi akhir ayat-ayat dalam kumpulan ini. Dengan sepotong ayat (5) ini untuk menggambarkan kebinasaan Thamud yang amat dahsyat yang menutup riwayat mereka dan membinasakan seluruh mereka tanpa meninggalkan seorang pun.

Kaum Thamud Dibinasakan Dengan Ribut Taufan

Kisah kebinasaan 'Ad pula telah diceritakan agak panjang. Mereka telah dibinasakan dengan ribut taufan yang terus mengecam tidak berhenti-henti selama tujuh malam dan lapan hari, sedangkan 'azab yang membinasakan kaum Thamud ialah 'azab yang berlaku secara mendadak iaitu satu bahana yang amat dahsyat:

وَأَمَّا عَادٞ فَأُهۡلِكُواْ بِرِيحٖ صَرۡصَرٍ عَاتِيَةٖ ٦

"Dan adapun kaum 'Ad mereka telah dibinasakan dengan ribut taufan yang amat dingin dan amat kencang."(6)

Kata-kata "عاتية" itu sendiri menggambarkan tiupan angin yang dahsyat dan ditambahkan pula dengan kata-kata "صرصر" (yang amat dingin dan amat kencang) agar sesuai dengan kezaliman dan kemaharajalelaan yang diceritakan Al-Qur'an. Mereka kaum 'Ad tinggal di al-Ahqaf di Selatan Semenanjung Tanah Arab di antara Yaman dan Hadhramaut. Mereka adalah satu kaum yang amat bengis dan kejam. Ribut taufan itu melanda mereka begitu dahsyat:

سَخَّرَهَا عَلَيۡهِمۡ سَبۡعَ لَيَالٖ وَثَمَٰنِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومٗاۖ

"Allah timpakan ribut itu ke atas mereka selama tujuh malam lapan hari tidak berhenti-henti."(7)

Ayat ini menggambarkan ribut taufan itu berlaku terus-menerus dalam waktu yang ditentukan dengan begitu halus iaitu **"tujuh malam dan lapan hari"** kemudian ia menayangkan pemandangan ribut itu dengan begitu nyata:

فَتَرَى ٱلۡقَوۡمَ فِيهَا صَرۡعَىٰ كَأَنَّهُمۡ أَعۡجَازُ نَخۡلٍ خَاوِيَةٖ ٧

"Maka engkau melihat kaum itu mati bergelimpangan seolah-olah tunggul-tunggul pokok kurma buruk yang kosong."(7)

Mereka mati bergelimpangan dan bertaburan di sana sini. Mereka kelihatan mati bergelimpangan laksana pokok-pokok tamar yang tumbang dan terbungkar dengan akar umbinya. Batang-batangnya kosong kerana reput dan buruk, lalu tumbang menyembah bumi. Ia menggambarkan seolah-olah kejadian itu terpampang di hadapan mata dan

menayangkan satu pemandangan yang sayu dan sunyi sepi setelah dibaham ribut taufan itu:

فَهَلۡ تَرَىٰ لَهُم مِّنۢ بَاقِيَةٖ ٨

"Apakah engkau nampak ada seorang dari mereka yang masih tinggal?"(8)

Tidak! Tidak ada seorang pun yang hidup.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 10)

Kebinasaan Fir'aun Dan Kaum Lut

Itulah balasan yang menimpa kaum 'Ad dan Thamud. Kemudian dalam dua ayat yang berikut dimuatkan ringkasan beberapa peristiwa kebinasaan yang lain pula:

وَجَآءَ فِرۡعَوۡنُ وَمَن قَبۡلَهُۥ وَٱلۡمُؤۡتَفِكَٰتُ بِٱلۡخَاطِئَةِ ٩

فَعَصَوۡاْ رَسُولَ رَبِّهِمۡ فَأَخَذَهُمۡ أَخۡذَةٗ رَّابِيَةً ١٠

"Dan datanglah pula Fir'aun dan mereka yang sebelumnya, juga penduduk negeri-negeri yang dibalikkan buminya dengan sebab dosa mereka(9). Mereka telah menderhakakan utusan Tuhan mereka, lalu Allah seksakan mereka dengan seksaan yang amat dahsyat."(10)

Fir'aun tinggal di Mesir iaitu Fir'aun yang semasa dengan Nabi Musa a.s., Fir'aun-Fir'aun yang hidup sebelum Fir'aun ini tidak dijelaskan. Negeri-negeri yang dibalikkan buminya ialah kampung-kampung kaum Lut yang dimusnahkan selepas pendustaan mereka atau dibalikkan buminya dengan sebab kesalahan-kesalahan yang dilakukan mereka:

فَعَصَوۡاْ رَسُولَ رَبِّهِمۡ

"Mereka telah menderhaka utusan Tuhan mereka."(10)

Mereka telah menderhaka rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka masing-masing. Bilangan rasul itu banyak (namun yang disebut di sini hanya seorang rasul sahaja), kerana hakikat mereka hanya satu dan teras risalah yang dibawa mereka juga satu. Oleh itu, mereka pada hakikatnya hanya merupakan satu rasul sahaja yang mendukung hakikat yang sama. Itulah salah satu dari ciri-ciri indah ungkapan Al-Qur'an yang banyak memberi ilham, kemudian ia menyebut dengan ringkasnya nasib kesudahan yang diterima mereka mengikut suasana surah:

فَأَخَذَهُمۡ أَخۡذَةٗ رَّابِيَةً ١٠

"Lalu Allah seksakan mereka dengan seksaan yang amat dahsyat."(10)

Iaitu 'azab keseksaan yang sesuai dengan 'azab keseksaan "الطاغية"yang menimpa kaum Thamud dan 'azab keseksaan yang menimpa 'Ad. Ia sesuai dengan suasana surah yang ngeri tanpa penjelasan yang panjang lebar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 12)

Kaum Nuh Dibinasakan Dengan Banjir Besar

Kemudian Al-Qur'an melukiskan pemandangan banjir besar dengan bahtera yang meredah arus dengan lajunya. Ia menggambarkan peristiwa kebinasaan kaum Nuh apabila mereka mendustakan rasulnya supaya manusia mengenangkan nikmat Allah yang telah menyelamatkan nenek moyang yang melahirkan mereka. Kemudian mereka tidak bersyukur dan tidak mengambil pengajaran dari bukti kekuasaan Allah yang amat besar itu:

إِنَّا لَمَّا طَغَا ٱلۡمَآءُ حَمَلۡنَٰكُمۡ فِي ٱلۡجَارِيَةِ ١١

لِنَجۡعَلَهَا لَكُمۡ تَذۡكِرَةٗ وَتَعِيَهَآ أُذُنٞ وَٰعِيَةٞ ١٢

"Sesungguhnya Kami ketika banjir menenggelamkan segala-galanya, telah mengangkutkan kamu di dalam sebuah bahtera yang berjalan laju(11). Kerana Kami mahu menjadikannya suatu pengajaran kepada kamu dan supaya ia diingati setiap telinga yang mendengar dengan teliti."(12)

Pemandangan banjir yang besar dan bahtera yang berlari laju itu selaras dengan pemandangan-pemandangan surah dan bayangan-bayangannya. Bunyi kata "الجارية" dan "واعية" sesuai pula dengan bunyi akhir ayat. Ungkapan ini mencubitkan hati yang beku dan telinga yang bodoh yang tidak percaya setelah sekian banyak diberi amaran dan ditunjukkan berbagai-bagai nasib kesudahan kaum-kaum yang derhaka, dan setelah sekian banyak dikemukakan bukti-bukti kekuasaan Allah, pengajaran-pengajaran, dan setelah sekian banyak dikurniakan berbagai-bagai nikmat Allah ke atas nenek moyang mereka yang lalai itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 18)

Hakikat Sangkakala

Tetapi semua pemandangan-pemandangan kebinasaan yang dahsyat itu kelihatan begitu kecil apabila dibandingkan dengan kedahsyatan yang paling besar dan tidak terbatas yang disediakan untuk hari Qiamat yang didustakan mereka dan mereka telah menyaksi kebinasaan para pendusta itu. Kedahsyatan kebinasaan-kebinasaan mereka walaupun begitu besar namun ia merupakan kebinasaan yang terbatas dibandingkan dengan kebinasaan menyeluruh Hari Qiamat yang tidak terbatas. Selepas pendahuluan ini disempurnakan tayangan Qiamat yang mendedahkan kejadian-kejadian yang dahsyat seolah-olah untuk menyempurnakan pemandangan-pemandangan yang pertama:

فَإِذَا نُفِخَ فِي ٱلصُّورِ نَفۡخَةٞ وَٰحِدَةٞ ١٣

وَحُمِلَتِ ٱلۡأَرۡضُ وَٱلۡجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةٗ وَٰحِدَةٗ ﴿١٤﴾
فَيَوۡمَئِذٖ وَقَعَتِ ٱلۡوَاقِعَةُ ﴿١٥﴾
وَٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَهِيَ يَوۡمَئِذٖ وَاهِيَةٞ ﴿١٦﴾
وَٱلۡمَلَكُ عَلَىٰٓ أَرۡجَآئِهَاۚ وَيَحۡمِلُ عَرۡشَ رَبِّكَ فَوۡقَهُمۡ يَوۡمَئِذٖ ثَمَٰنِيَةٞ ﴿١٧﴾

"Apabila sangkakala ditiupkan sekali(13). Dan apabila bumi dan gunung-ganang diangkat dan dileburkan kedua-duanya serentak sekali(14). Maka pada hari itu berlakulah Qiamat(15). Dan terbelahlah langit kerana pada hari itu ia amat lemah(16). Sedangkan para malaikat berada di segenap penjurunya (langit), dan pada hari itu lapan malaikat menjunjung 'Arasy Tuhanmu di atas mereka."(17)

Kita wajib percaya bahawa di sana adanya tiupan sangkakala dan selepas itu berlakulah Qiamat. Inilah sahaja yang wajib kita percaya. Tidak ada ulasan yang lebih dari ini, kerana ia merupakan persoalan alam ghaib. Kita tidak mempunyai dalil-dalil yang lain selain dari keterangan ayat-ayat yang ringkas ini sahaja. Begitu juga kita tidak mempunyai punca yang lain untuk menghuraikan keterangan yang ringkas ini. Percubaan memperincikan persoalan sangkakala ini tidak menambahkan sesuatu mutu hikmat kepada ayat ini, begitu juga usaha membahaskan perkara-perkara di sebalik ayat itu merupakan usaha sia-sia yang tidak berguna melainkan hanya meraba-raba dalam sangkaan dan tekaan yang terlarang. Apabila sangkakala dibunyikan sekali, kemudian diikuti:

وَحُمِلَتِ ٱلۡأَرۡضُ وَٱلۡجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةٗ وَٰحِدَةٗ ﴿١٤﴾

"Dan apabila bumi dan gunung-ganang diangkat dan dileburkan kedua-duanya serentak sekali."(14)

Bumi Dan Gunung-ganang Dihancurkan Serentak

Pemandangan bumi dan gunung-ganang yang di-angkat tinggi kemudian kedua-duanya dileburkan serentak, di mana bahagian atas dan bahagian bawahnya hancur sama rata merupakan satu pemandangan yang sungguh menakutkan, kerana bumi yang selama ini aman tenteram dan gunung-ganang yang selama ini tegak kukuh tiba-tiba diangkat dan dihumbankan seperti bola di tangan kanak-kanak. Ini adalah satu pemandangan yang membuat manusia merasa betapa kerdilnya diri mereka dan betapa kerdilnya alam hidup mereka di samping qudrat Ilahi pada hari yang agung itu:

Apabila kejadian-kejadian itu berlaku:

فَيَوۡمَئِذٖ وَقَعَتِ ٱلۡوَاقِعَةُ ﴿١٥﴾

"Maka pada hari itu berlakulah Qiamat."(15)

Al-Waqi'ah merupakan salah satu dari nama-nama Qiamat seperti al-Haqqah dan al-Qari'ah. Ia dinamakan Waqi'ah, kerana Hari Qiamat itu tetap berlaku. Seolah-olah hakikat Qiamat yang tetap ialah ia tetap akan berlaku. Al-Waqi'ah adalah satu nama yang memberi saranan yang tertentu yang dituju untuk menghapuskan keraguan dan pendustaan.

Bukan sahaja bumi dan gunung-ganang yang dilebur, tetapi langit juga tidak selamat:

وَٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَهِيَ يَوۡمَئِذٖ وَاهِيَةٞ ﴿١٦﴾

"Dan terbelahlah langit kerana pada hari itu ia amat lemah."(16)

Qiamat Di Antara Penjelasan Al-Qur'an Dan Ramalan Ahli Sains

Kita tidak mengetahui secara pasti apakah hakikat langit yang dimaksudkan dengan kata-kata as-Sama' ini di dalam Al-Qur'an, tetapi ayat-ayat yang seperti ini semuanya menunjukkan bahawa undang-undang yang selama ini mengikatkan alam buana yang terbentang di hadapan mata itu akan terlucut, terombak dan terhurai menyebabkan segala-galanya menjadi kacau-bilau dan pecah bertaburan. Di antara kebetulan-kebetulan yang aneh ialah ahli-ahli astronomi sendiri hari ini pernah membuat ramalan-ramalan bahawa alam ini akan berakhir dengan kemusnahan yang seakan-akan kemusnahan yang digambarkan oleh Al-Qur'an. Ini adalah semata-mata berdasarkan kepada pengamatan-pengamatan ilmiyah mereka dan kepada sekelumit pengetahuan mereka mengenai sifat kejadian alam buana yang diketahui mereka atau kisah kejadian alam yang diandaikan mereka.

Tetapi bagi kita, pemandangan-pemandangan kemusnahan yang dahsyat itu hampir-hampir ternampak pada penglihatan kita melalui ayat-ayat Al-Qur'an yang tegas itu. Walaupun ayat-ayat itu begitu ringkas namun ia mengilhamkan sesuatu yang umum. Kita hanya berhenti sekadar keterangan ayat-ayat ini sahaja, kerana inilah sahaja keterangan yang diyakinkan kebenarannya mengenai persoalan ini yang datang dari Allah Yang Maha Mengetahui tentang makhluk-makhluk yang dicipta-Nya. Kini kita seolah-olah ternampak bumi dan gunung-ganang yang amat besar pada pemandangan kita itu diangkat seolah-olah sebiji debu dibandingkan dengan alam buana kemudian dileburkan serentak sekaligus, dan kita juga seolah-olah ternampak langit itu terbelah hancur dan bintang-bintang berguguran. Semuanya ini kita nampak dari celah-celah pandangan ayat-ayat Al-Qur'an yang hidup yang telah menggambarkan pemandangan-pemandangan itu dengan kekuatan senikatanya hingga kelihatan seolah-olah terpampang di depan mata.

Kemudian pemandangan itu diselubungi kebesaran Allah. Segala gegaran dan gegak-gempita dari gerak kemusnahan dan kehancuran itu kembali tenang. Di sana muncullah pemandangan 'Arasy Allah Yang Maha Tunggal dan Maha Gagah:

وَٱلۡمَلَكُ عَلَىٰٓ أَرۡجَآئِهَاۚ وَيَحۡمِلُ عَرۡشَ رَبِّكَ فَوۡقَهُمۡ يَوۡمَئِذٖ



"Sedangkan para malaikat berada di segenap penjurunya (langit), dan pada hari itu lapan malaikat menjunjung 'Arasy Tuhanmu di atas mereka."(17)

Hakikat 'Arasy

Para malaikat berada di segenap penjuru dan di pinggir-pinggir langit, sedangkan 'Arasy berada di atas mereka dijunjung oleh lapan malaikat atau lapan barisan malaikat atau lapan tingkatan malaikat atau lapan sesuatu yang lain yang hanya diketahui Allah. Kita tidak mengetahui hakikat mereka yang sebenar sebagaimana kita tidak mengetahui apakah hakikat 'Arasy yang sebenar? Bagaimana ia dijunjung dan dipandu? Eloklah kita hindari perkara-perkara alam ghaib yang kita tidak mengetahui hakikatnya. Dan Allah tidak mentaklifkan kita mengetahuinya melainkan sekadar yang diceritakannya kepada kita sahaja. Eloklah kita keluarkan diri kita dari perkara-perkara alam ghaib kepada bayangan kebesaran Allah yang ditonjolkannya dalam situasi ini. Apa yang dituntut dari kita merasakan kehebatan pemandangan itu di dalam hati nurani kita, kerana tujuan Allah menyebutkan pemandangan-pemandangan itu supaya hati manusia merasakan kehebatan Ilahi, takut dan khusyu' kepada Allah pada hari Qiamat yang agung itu dan dalam suasana yang hebat itu:



"Pada hari itu kamu dihadapkan kepada Allah, tiada satu pun dari rahsia kamu yang tersembunyi."(18)

Hari Qiamat Mendedahkan Segala-galanya

Pada hari itu segala-gala terdedah, badan terdedah, jiwa terdedah, hati terdedah, amalan terdedah, dan untung nasib terdedah. Gugurlah segala tabir yang melindungi rahsia-rahsia. Bogellah segala jiwa dan segala jasad, ketaralah segala yang tersembunyi. Setiap orang kehilangan daya kewaspadaan, kehilangan daya tipu helah, kehilangan daya tadbir dan kehilangan perasaan. Terbukalah segala tembelang yang selama ini ditabiri hingga kepada dirinya sendiri. Alangkah malunya kepada khalayak yang ramai. Kepada Allah segala rahsia adalah terbuka kepada-Nya di setiap waktu, tetapi mungkin manusia tidak menyedari hakikat ini dengan kesedaran yang sungguh-sungguh kerana tertipu dengan tabir-tabir dunia. Kini barulah dia menyedari dengan sempurna apabila ia terdedah pada hari Qiamat. Segala sesuatu kelihatan jelas di alam buana. Bumi dilebur dan diratakan hingga ia tidak dapat melindungi suatu apa. Langit juga turut pecah terbelah dan hancur hingga tidak dapat melindungi suatu apa pun. Segala jasad bertelanjang bulat tiada dilindungi seurat benang pun, segala jiwa terbuka tanpa suatu tabir pun dan tidak lagi mengandung apa-apa rahsia.

Kepintaran Manusia Menyembunyikan Rahsia Dirinya Berakhir Pada Hari Qiamat

Tetapi yang lebih dahsyat dari kehancuran bumi, gunung-ganang dan langit ialah berdirinya manusia dengan jasad yang bogel, dengan jiwa dan perasaan yang bogel, dengan sejarah hidup yang bogel dan dengan amalan yang bogel lahir dan batin di hadapan perhimpunan raksasa makhluk Allah dari manusia, jin dan malaikat di bawah naungan kebesaran Allah dan 'Arasy-Nya yang terjunjung tinggi di atas segala-galanya.Tabi'at manusia memang rencam dan canggih. Di dalam jiwanya terdapat berbagai-bagai liku dan lorong sempit tempat dia menyimpan perasaan-perasaan dan keinginan-keinginan, tempat dia menyembunyikan salah silap, angan-angan dan rahsia-rahsianya. Manusia lebih pintar melindungkan dirinya dari binatang siput yang dicucuk dengan jarum, di mana ia dengan pantas menyorokkan kepalanya ke dalam sarungnya dan menutupkan dirinya dengan serapat-rapatnya, tetapi manusia akan bertindak lebih pantas dan pintar dari siput itu lagi, apabila ia merasa ada mata sedang melihat, memerhati dan mengetahui sesuatu rahsia yang disembunyikannya selama ini atau apabila ia sedar ada mata sempat melihat suatu lorong atau liku sulit dari dirinya. Dia akan merasa amat pedih dan cemas apabila ia sedar ada orang mengetahui hal dirinya ketika ia berada di dalam keadaan-keadaan persendirian dengan perasaannya.

Tetapi apakah yang dapat dibuat oleh manusia pada hari Qiamat kelak apabila tubuh badan, fikiran, perasaan, niat dan hatinya terdedah belaka dari segala suatu yang dapat melindunginya. Bagaimana ia dapat menyembunyikan dirinya dibawa 'Arasy Allah Yang Maha Kuasa di hadapan perhimpunan raksaksa yang tidak bertabir itu?

Ini adalah satu keadaan yang lebih dahsyat dan lebih pahit dari segala-galanya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 24)

Selepas itu ia menayangkan pemandangan orang-orang yang selamat dan orang-orang yang terseksa:

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ فَيَقُولُ هَآؤُمُ ٱقْرَءُواْ كِتَٰبِيَهْ ﴿١٩﴾
إِنِّى ظَنَنتُ أَنِّى مُلَٰقٍ حِسَابِيَهْ ﴿٢٠﴾
فَهُوَ فِى عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ ﴿٢١﴾ فِى جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿٢٢﴾
قُطُوفُهَا دَانِيَةٌ ﴿٢٣﴾
كُلُواْ وَٱشْرَبُواْ هَنِيٓـًٔا بِمَآ أَسْلَفْتُمْ فِى ٱلْأَيَّامِ ٱلْخَالِيَةِ ﴿٢٤﴾

"Adapun orang-orang yang diserahkan buku amalannya dan menerima dengan tangan kanannya ia akan berkata (gembira): Nah! Bacalah buku amalanku ini!(19).

Sesungguhnya aku sangka bahawa aku akan menghadapi hisab amalanku(20). Maka dia akan berada dalam kehidupan yang senang-lenang(21). Di dalam Syurga yang tinggi(22). Memetik buah-buahnya amat dekat (23). Makan dan minumlah kamu sepuas hati kerana amalan-amalan baik yang telah dilakukan kamu pada hari-hari yang telah silam."(24)

Reaksi Orang Yang Terselamat Dari Hisab

Menerima buku laporan amalan dari sebelah kanan atau dari sebelah kiri atau dari sebelah belakang mungkin merupakan satu hakikat yang benar berlaku begitu, dan mungkin juga merupakan kiasan bahasa menurut istilah bahasa Arab yang mengungkapkan pihak yang baik dengan sebelah kanan dan pihak yang tidak baik dengan sebelah kiri atau sebelah belakang, kedua-duanya membawa maksud yang sama dan ia tidak memerlukan perdebatan yang akan menghilangkan kehebatan suasana.

Keterangan Hadith-hadith Mengenai Hisab Di Mahsyar

Pemandangan yang ditayangkan itu ialah pemandangan orang yang terselamat pada hari yang amat genting itu. Dia berjalan di celah-celah khalayak yang berbanjar-banjar itu dengan hati yang riang dan gembira sambil berteriak, **"Nah! Bacalah buku amalanku ini!"** Dia teringat bahawa dia tidak percaya dia akan selamat kerana dia telah menduga bahawa dia akan dihisab dan diperiksa dengan rapi. "Siapa yang dihisab dengan rapi akan diseksa" sebagaimana diterangkan oleh sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a. Sabda Rasulullah s.a.w.:

من نوقش الحساب عذب. فقالت أليس يقول الله تعالى :((فأما من أوتي كتابه بيمينه فسوف يحاسب حساباً يسيراً وينقلب إلى أهله مسروراً)) فقال : ((إنما ذلك العرض وليس أحد يحاسب يوم القيامة فقال : ((إنما ذلك العرض وليس أحد يحاسب يوم القيامة إلا هلك)).

"Siapa yang dihisab dengan rapi akan diazab." Lalu aku bertanya: Bukankah Allah Ta'ala telah berfirman, "Barang siapa yang diserahkan buku laporan amalannya dan menerima dengan tangan kanannya, maka dia akan dihisab dengan hisab yang mudah dan ringan. Dan dia akan kembali kepada keluarganya (di dalam Syurga) dengan riang gembira." Jawab beliau: "Itu hanya pembentangan sahaja kerana tiada seorang pun yang dihisab pada Hari Qiamat itu melainkan dia akan binasa."

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim,at-Tirmizi dan Abu Daud)

Kata Ibn Abu Hatim, kami telah diceritakan oleh Bisyr ibn Matar al-Wasiti, kami telah diceritakan oleh Yazid ibn Harun, kami telah dikhabarkan oleh 'Asim dari al-Ahwal dari Abu 'Uthman, katanya: Orang Mu'min yang diserahkan buku amalan dan menerima dengan tangan kanannya adalah berada dalam perlindungan Allah. Dia membaca laporan kejahatan-kejahatannya dan setiap kali dia membaca laporan kejahatannya berubahlah warna mukanya sehingga ia membaca laporan kebajikannya. Oleh itu, apabila dia membaca laporan kebajikannya kembalilah semula warna mukanya, kemudian dia melihat kembali (buku amalannya), tiba-tiba kejahatan-kejahatan telah ditukar dengan kebajikan-kebajikan dan pada ketika inilah dia berteriak, "Nah! Bacalah buku amalanku ini."

Menurut riwayat daripada Abdullah ibn Hanzalah yang digelarkan sebagai "Orang yang dimandikan malaikat[1] katanya: Sesungguhnya Allah menyuruh hamba-Nya berdiri pada Hari Qiamat, lalu ditunjukkan kejahatan-kejahatan yang tercatat di dalam buku amalannya kemudian Allah bertanya, "Adakah engkau lakukan perbuatan ini?" Jawab orang itu, "Ya, wahai Tuhanku." Lalu Allah berfirman kepadanya: "Aku tidak akan dedahkannya kepada umum. Sesungguhnya Aku telah kurniakan keampunan kepadamu." Maka pada ketika inilah dia berteriak, "Nah! Bacalah buku amalanku ini! Sesungguhnya aku menyangka bahawa aku akan menghadapi hisab amalanku."

Tersebut di dalam as-Sahih dari hadith Ibn 'Umar ketika beliau ditanya tentang bisikan Allah kepada hamba-Nya pada Hari Qiamat, jawabnya, "Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

يدني الله العبد يوم القيامة ، فيقرره بذنوبه كلها ، حتى إذا رأى أنه قد هلك قال الله تعالى : إني سترتها عليك في الدنيا وأنا أغفرها لك اليوم. ثم يعطى كتاب حسناته بيمينه . وأمّا الكافر والمنافق فيقول الأشهاد : هؤلاء الذين كذبوا على ربهم ، ألا لعنة الله على الظالمين

"Pada Hari Qiamat Allah mendekati seseorang hamba, lalu ia mengaku kepada Allah segala dosa-dosanya yang dilakukannya sehingga apabila dia yakin bahawa dia tetap binasa, tiba-tiba Allah berfirman kepadanya: Sesungguhnya Aku telah lindungkan dosa-dosamu itu di dunia dan pada hari ini Aku ampunkan semuanya, kemudian diserahkan kepadanya buku amalan dan dia menerima dengan tangan kanannya. Adapun orang kafir dan orang Munafiq, maka para saksi akan mengumumkan: Merekalah orang-orang yang telah mendustakan Tuhan mereka. Ingatlah laknat Allah itu akan ditimpa ke atas orang-orang yang zalim."

Nikmat-nikmat Fizikal Dalam Syurga

Kemudian Al-Qur'an mengumumkan kepada khalayak yang ramai nikmat-nikmat yang disediakan untuk orang yang selamat itu iaitu dalam bentuk jenis-jenis nikmat kebendaan yang sesuai dengan mereka yang masih baru dengan zaman jahiliyah dan belum berjalan jauh dalam keimanan dan perasaannya masih belum sebati dengan keimanan

[1] *Beliau gugur syahid di dalam Peperangan Badar lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sababat kamu ini (Hanzalah) telah dimandikan oleh malaikat "Lalu mereka bertanya keluarganya tentang bagaimana ceritanya? Apabila ditanya isterinya, ia berkata: Sebaik sahaja Hanzalah mendengar seruan supaya ia berjihad, ia terus keluar dalam keadaan junub. Dari riwayat Ibn Ishaq.*

hingga membolehkannya mengenal dan mencapai nikmat-nikmat yang lebih halus dan tinggi dari segala nikmat kebendaan:

فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ ﴿٢١﴾ فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿٢٢﴾
قُطُوفُهَا دَانِيَةٌ ﴿٢٣﴾
كُلُوا وَاشْرَبُوا هَنِيٓـًٔا بِمَآ أَسْلَفْتُمْ فِي الْأَيَّامِ الْخَالِيَةِ ﴿٢٤﴾

"Maka dia akan berada dalam kehidupan yang senang-lenang(21). Di dalam Syurga yang tinggi(22). Memetik buah-buahnya amat dekat(23). Makan dan minumlah kamu sepuas hati kerana amalan-amalan baik yang telah dilakukan kamu pada hari-hari yang telah silam."(24)

Inilah jenis-jenis nikmat yang dapat difaham dengan mudah oleh orang-orang yang mula-mula menjalinkan hubungannya dengan Allah, iaitu sebelum perasaan mereka meningkat tinggi dan merasakan nikmat perdampingan dengan Allah lebih menarik dari segala nikmat kebendaan. Di samping itu nikmat-nikmat kebendaan itu memenuhi keinginan manusia yang ramai di sepanjang zaman, sedangkan nikmat-nikmat yang disediakan Allah itu beraneka warna dan berlainan dari nikmat-nikmat kebendaan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 29)

Orang-orang Yang Terkena Hisab

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِشِمَالِهِۦ فَيَقُولُ يَٰلَيْتَنِي لَمْ أُوتَ
كِتَٰبِيَهْ ﴿٢٥﴾ وَلَمْ أَدْرِ مَا حِسَابِيَهْ ﴿٢٦﴾
يَٰلَيْتَهَا كَانَتِ الْقَاضِيَةَ ﴿٢٧﴾ مَآ أَغْنَىٰ عَنِّي مَالِيَهْ ﴿٢٨﴾
هَلَكَ عَنِّي سُلْطَٰنِيَهْ ﴿٢٩﴾

"Dan ada pun orang yang diserahkan buku amalannya dan menerima dengan tangan kirinya dia akan berkata (kecewa): Alangkah baiknya jika aku tidak diserahkan buku amalanku ini!(25). Dan aku tidak tahu bagaimana hisabku ini(26). Alangkah baiknya jika Qiamat itu menamatkan segala-galanya(27). Hartaku tidak lagi berguna kepadaku(28). Dan kuasaku hilang lenyap dariku."(29)

Dia berdiri lama. Dia menyesal dan merintih panjang dan mengeluarkan keluhan-keluhan putus asa yang tidak habis-habis. Itulah keindahan gaya penerangan Al-Qur'an. Ia memanjang atau memendek cerita sesuatu peristiwa mengikut saranan-saranan yang mahu diterapkan ke dalam jiwa manusia. Di sini ia mahu menerapkan sikap menyesal dan sedih di sebalik pemandangan yang sayu itu, kerana itulah ceritanya dipanjang-panjangkan. Si malang itu bercita-cita agar dia tidak berdepan dengan keadaan ini, tidak diserahkan buku amalannya dan tidak tahu hisabnya. Seterusnya dia berangan-angan agar Qiamat itu menamatkan riwayat hidupnya buat selama-lamanya, tidak dibangkitkan kembali. Kemudian dia merintih kerana kini tiada apa pun dari harta kekayaan yang disayangi dan dikumpulkannya di dunia itu berguna kepadanya:

مَآ أَغْنَىٰ عَنِّي مَالِيَهْ ﴿٢٨﴾ هَلَكَ عَنِّي سُلْطَٰنِيَهْ ﴿٢٩﴾

"Hartaku tidak lagi berguna kepadaku(28). Dan kuasaku hilang lenyap dariku."(29)

Harta tidak dapat membantu dan berguna. Kuasa lenyap tidak bersisa dan tidak dapat membela. Nada sedih dan hampa pada suku kata "yah" (يَهْ) di akhir ayat-ayat itu merupakan sebahagian dari bayangan keadaan yang menyarankan penyesalan dan kehampam yang amat mendalam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 32)

Tiba-tiba rintihan yang sedih itu dipotong oleh perintah tertinggi yang tegas dan menakutkan:

خُذُوهُ فَغُلُّوهُ ﴿٣٠﴾ ثُمَّ الْجَحِيمَ صَلُّوهُ ﴿٣١﴾
ثُمَّ فِي سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَاسْلُكُوهُ ﴿٣٢﴾

"Tangkap dia dan belenggukan dia(30). Kemudian masukkan dia ke dalam Neraka(31). Kemudian tambatkan dia dengan rantai sepanjang tujuh puluh hasta."(32)

Diseret Ke Dalam Neraka

Alangkah dahsyatnya! Alangkah ngerinya! Alangkah hebatnya, perintah **"Tangkap dia!"** Sebaik sahaja perintah ini keluar dari Allah Yang Maha Tinggi, maka seluruh yang ada bergerak ke arah insan yang malang dan lemah, dan para malaikat yang bertugas dengan segera tampil dari segenap penjuru sebagaimana kata Abu Hatim dengan sanadnya dari al-Minhal ibn 'Amr, "Apabila Allah berfirman, 'Tangkap dia", maka tujuh puluh ribu malaikat dengan segera menyahut perintah itu. Setiap malaikat akan berbuat begini iaitu ia melontarkan tujuh puluh ribu orang ke dalam Neraka."

"Belenggukan dia". Mereka semua bertindak segera ke atas insan yang malang dan lemah itu.

Mana-mana malaikat dari tujuh puluh ribu malaikat yang menangkapnya akan mengenakan belenggu di lehernya. **"Kemudian masukkan dia ke dalam Neraka."**

Di sini kita seolah-olah mendengar bunyi api membakar badannya: **"Kemudian tambatkan dia dengan rantai sepanjang tujuh puluh hasta."**

Satu hasta sahaja dari rantai Neraka itu sudah cukup untuknya, tetapi ungkapan **"Tujuh puluh hasta"** adalah jelas bertujuan untuk menyaran dan menggambarkan, keadaan rantai yang sangat

panjang dan menakutkan. Mungkin saranan inilah yang dimaksudkan oleh ungkapan ini.[2]

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 34)

Setelah perintah itu selesai dilaksanakan, maka ayat yang berikut menerangkan kepada khalayak yang ramai sebab-sebab dia dimasukkan ke dalam Neraka:

إِنَّهُۥ كَانَ لَا يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٣٣﴾
وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ﴿٣٤﴾

"Kerana sesungguhnya dia tidak beriman kepada Allah Yang Maha Besar(33). Dan dia tidak menggalakkan orang lain memberi makan kepada orang miskin."(34)

Kerana hatinya kosong dari keimanan kepada Allah dan kosong dari rahmat kasihan belas kepada manusia. Oleh itu, hati ini tidak layak melainkan untuk api Neraka sahaja.

Mereka Dihumbankan Ke Dalam Neraka Kerana Tidak Beriman Dan Tidak Membantu Orang Miskin

Hatinya kosong dari iman kerana itu ia laksana bumi gersang, tanah runtuhan dan tanah rang. Dia tidak mempunyai nur, dia adalah makhluk ganjil yang tidak menyerupai makhluk yang hidup dan tidak pula menyerupai kejadian-kejadian yang tidak bernyawa, kerana seluruh makhluk beriman dan bertasbih memuji Tuhannya serta menjalinkan hubungan dengan sumber kewujudannya, tetapi dia putus hubungannya dengan Allah dan putus hubungannya dengan makhluk yang beriman kepada Allah.

Hatinya juga kosong dari rahmat kasihan belas kepada manusia sedangkan orang yang miskin itulah manusia yang amat memerlukan rahmat kasihan belas, tetapi hatinya tidak punya perasaan untuk mengambil berat terhadap nasib orang-orang miskin. Ia tidak menggalakkan orang lain memberi makan kepada orang-orang miskin sedangkan langkah ini merupakan satu usaha untuk memberi makan kepada mereka. Ayat ini menyarankan bahawa di sana ada kewajipan sosial yang harus dipikul dengan galakan bersama daripada orang-orang Mu'min, kerana amalan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan keimanan dan ia disebut selepas membicarakan keimanan di dalam ayat ini. Dalam pertimbangan Allah, amalan ini menduduki tempat kedua selepas iman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 37)

فَلَيْسَ لَهُ ٱلْيَوْمَ هَٰهُنَا حَمِيمٌ ﴿٣٥﴾
وَلَا طَعَامٌ إِلَّا مِنْ غِسْلِينٍ ﴿٣٦﴾
لَّا يَأْكُلُهُۥٓ إِلَّا ٱلْخَٰطِـُٔونَ ﴿٣٧﴾

"Kerana itu pada hari ini dia tidak mempunyai seorang teman pun di sini(35). Dan tiada sebarang makanan untuknya melainkan air danur(36). Tiada yang memakannya melainkan orang-orang yang berdosa."(37)

Mereka Dinafikan Teman, Makanan Dan Minuman Kecuali Air Danur

Inilah pengumuman penamat dari Allah terhadap kesudahan manusia kafir yang malang itu. Dia tidak beriman kepada Allah Yang Maha Besar dan tidak menggalakkan orang lain memberi makan kepada orang miskin. Kerana itu di sini dia terputus dari manusia, **"Dia tidak mempunyai seseorang teman pun di sini"** dan dia ditahan dari makanan, **"Tiada sebarang makanan untuknya melainkan air danur,"** iaitu darah dan nanah yang keluar dari badan penghuni-penghuni Neraka. Ini sesuai dengan hatinya yang kosong dari rahmat kasihan belas terhadap manusia. Air danur adalah makanan yang **"Tiada yang memakannya melainkan orang-orang yang berdosa."** Dan mereka sememangnya dari golongan itu.

Inilah manusia yang dibalas Allah dengan keseksaan ditangkap, dibelenggu, dibakar dan ditambat dengan rantai sepanjang tujuh puluh hasta di dalam Neraka Jahim, iaitu tingkatan Neraka paling dahsyat keseksaannya. Jika beginilah keseksaan yang diterima oleh golongan yang tidak menggalakkan orang lain membantu orang-orang miskin bagaimana pula keseksaan Allah terhadap mereka yang menahan makanan orang-orang miskin, mereka yang melaparkan kanak-kanak, perempuan dan orang-orang tua, dan mereka yang menyeksakan orang-orang yang menghulurkan bantuan makanan dan pakaian kepada mereka di musim dingin? Ke manakah orang-orang ini akan pergi. Golongan yang seperti ini memang wujud di dunia ini dari semasa ke semasa. Apakah keseksaan yang akan disediakan Allah kepada mereka, sedangkan Allah telah pun menyediakan keseksaan yang amat dahsyat di dalam Neraka kepada golongan yang tidak menggalakkan orang lain memberi makanan kepada orang-orang yang miskin?

Al-Qur'an Berbicara Dengan Setiap Peringkat Akal Manusia

Demikianlah tamatnya pemandangan yang dahsyat yang digambarkan sedemikian ngeri. Ini mungkin kerana masyarakat Makkah di waktu itu amat kejam dan perlu ditayangkan pemandagan-pemandangan yang sedahsyat itu untuk menggerak dan menyedarkan mereka. Masyarakat yang seperti itu adalah berulang-ulang di dalam suasana-suasana hidup jahiliyah yang dilalui oleh umat manusia. Begitu juga dalam waktu yang sama kita dapati masyarakat-masyarakat yang lemah-lembut, mudah menerima dan menyambut ajaran-ajaran yang baik, kerana bumi ini amat luas dan pengagihan taraf-taraf pemikiran dan daya-daya jiwa manusia juga berlain-lainan. Al-

---

[2] *Lihat kitab* مشاهد القيامة.

Qur'an berbicara dengan setiap taraf pemikiran dan daya jiwa dengan gaya penerangan yang dapat memberi kesan dan kesedaran kepadanya. Di dunia hari ini terdapat manusia-manusia yang mempunyai hati yang terlalu keras, tabi'at yang terlalu degil dan terlalu pejal yang tidak dapat ditembusi melainkan dengan menggunakan kata-kata api Neraka seperti kata-kata dalam surah ini, dan dengan pemandangan-pemandangan dahsyat dan gambaran-gambaran ngeri seperti pemandangan-pemandangan dan gambaran-gambaran dalam surah ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 43)

Di bawah bayangan pemandangan-pemandangan yang meninggalkan kesan yang mendalam, yang berturut-turut dari awal surah, pemandangan-pemandangan 'azab di dunia dan Akhirat, pemandangan-pemandangan kebinasaan alam yang menyeluruh, pemandangan-pemandangan jiwa yang terdedah, pemandangan-pemandangan kegembiraan yang memuncak dan penyesalan yang menyelubungi hati..... di bawah pemandangan-pemandangan itulah dijelaskan hakikat Kalamullah (Al-Qur'an) yang dibawa oleh Rasul yang mulia, yang diterima mereka dengan penuh keraguan, ejekan dan pendustaan itu:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِمَا تُبۡصِرُونَ ٣٨
وَمَا لَا تُبۡصِرُونَ ٣٩ إِنَّهُۥ لَقَوۡلُ رَسُولٖ كَرِيمٖ ٤٠
وَمَا هُوَ بِقَوۡلِ شَاعِرٖۚ قَلِيلٗا مَّا تُؤۡمِنُونَ ٤١
وَلَا بِقَوۡلِ كَاهِنٖۚ قَلِيلٗا مَّا تَذَكَّرُونَ ٤٢
تَنزِيلٞ مِّن رَّبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٤٣

"Tidaklah perlu Aku bersumpah dengan kejadian yang kamu nampak(38). Dan dengan kejadian yang kamu tidak nampak(39). Sesungguhnya Al-Qur'an itu perkataan Rasul yang mulia(40). Dan ia bukannya madah seorang penyair, amat sedikit kamu beriman kepadanya(41). Dan bukan pula perkataan kahin, amat sedikit kamu mengambil pengajaran darinya(42). Ia diturun dari Tuhan yang memelihara semesta alam."(43)

Persoalan Al-Qur'an ini tidak memerlukan sumpah kerana ia cukup jelas, cukup kukuh dan cukup nyata. Al-Qur'an tidak memerlukan sumpah kerana ia benar dan lahir dari Allah Yang Maha Besar. Al-Qur'an bukan sajak-sajak penyair, bukan ramalan-ramalan kahin-kahin, bukan rekaan-rekaan pembohong, kerana itu Al-Qur'an tidak perlu ditegaskan dengan sumpah:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِمَا تُبۡصِرُونَ ٣٨ وَمَا لَا تُبۡصِرُونَ ٣٩

"Tidaklah perlu Aku bersumpah dengan kejadian yang kamu nampak(38). Dan dengan kejadian yang kamu tidak nampak."(39)

Ayat ini begitu besar mengagung-agungkan perkara ghaib yang tersembunyi di samping mengagung-agungkan perkara nyata yang dapat dilihat. Alam al-wujud ini lebih besar dari kejadian-kejadian yang dapat dilihat oleh manusia, malah lebih besar dari segala apa yang dapat difahamkan mereka. Segala apa yang dapat dilihat dan difaham oleh manusia dari kejadian-kejadian alam buana ini hanya merupakan bahagian-bahagian yang kecil dan terbatas yang dapat memenuhi keperluan mereka untuk memakmurkan bumi dan menegakkan khilafah, seperti yang dikehendaki Allah. Bumi ini seluruhnya tidak lebih dari sebiji debu yang hampir-hampir tidak dapat dilihat di dalam ruang alam buana yang amat besar ini. Sedangkan manusia pula tidak berupaya untuk menjangkau lebih jauh dari daerah-daerah yang diizinkan kepada mereka melihatnya dan memahaminya dari kerajaan alam yang amat luas ini dan dari urusan-urusan dan rahsia-rahsianya yang disimpankan Allah yang menciptakan alam ini.

فَلَآ أُقۡسِمُ بِمَا تُبۡصِرُونَ ٣٨ وَمَا لَا تُبۡصِرُونَ ٣٩

"Tidakkah perlu Aku bersumpah dengan kejadian yang kamu nampak dan dengan kejadian yang kamu tidak nampak."(38-39)

Alam Buana Dan Hakikat Adalah Lebih Luas Dari Ruang Lingkup Yang Mampu Dijangkau Akal Manusia

Ayat ini memberi isyarat yang membukakan pintu hati manusia dan menimbulkan kesedaran bahawa di sebalik sejauh pandangan matanya dan di sebalik batasan kefahamannya terdapat sudut-sudut alam dan rahsia-rahsia lain yang tidak dapat dilihat dan difahaminya. Ini bererti kefahaman manusia terhadap alam buana dan terhadap hakikat itu mempunyai ruang yang amat luas. Oleh itu, manusia tidak lagi hidup terpenjara dalam lingkungan kejadian yang dapat dilihat oleh dua matanya sahaja, dan tidak lagi hidup selaku tawanan dalam lingkungan kejadian yang dapat difaham oleh pengetahuannya yang terbatas. Alam buana ini lebih luas dan hakikat itu lebih besar dari kejadian manusia yang dibekalkan dengan tenaga yang terbatas dan sesuai dengan tugasnya di alam buana ini iaitu tugas menjadi khalifah Allah di bumi ini. Tetapi manusia mempunyai keupayaan untuk mengembang dan meningkat ke ruang-ruang dan ke daerah-daerah yang lebih luas dan lebih tinggi apabila dia yakin bahawa mata dan daya-daya akal fikirannya terbatas. Juga apabila dia yakin bahawa di sebalik kejadian-kejadian yang dapat dilihat oleh matanya dan difaham oleh akalnya terdapat berbagai-bagai alam yang lain dan hakikat-hakikat yang lebih besar yang tidak dapat diukur dengan apa yang telah dicapai olehnya. Ketika inilah sahaja ia dapat meningkat tinggi mengatasi dirinya dan dapat bersambung dengan sumber-sumber makrifat yang Kulli yang akan melimpahkan ke dalam hatinya ilmu, nur hidayat dan nikmat perhubungan secara langsung dengan Allah di sebalik segala tabir.

Sesungguhnya orang-orang yang memenjarakan diri mereka di dalam lingkungan batas-batas kejadian yang dapat dilihat oleh mata dan dapat difaham oleh akal dengan peralatan-peralatannya yang ada sahaja itulah manusia-manusia yang malang. Mereka adalah manusia-manusia kurungan pancaindera dan pengetahuan mereka yang terbatas. Mereka terpenjara di dalam sebuah alam yang sempit dan kecil apabila diukur dengan kerajaan Allah Yang Maha Luas.

Tokoh-tokoh Ilmuan Yang Mengurung Diri Sendiri

Di dalam berbagai-bagai zaman dalam sejarah umat manusia terdapat tokoh-tokoh yang memenjarakan diri di dalam penjara pancaindera mereka yang terbatas dan penjara kejadian-kejadian yang tersergam di depan mata sahaja. Mereka menutup segala jendela makrifat, nur hidayat dan jendela hubungan dengan Allah Yang Maha Besar melalui keimanan dan kesedaran. Setelah itu mereka berusaha pula menutupkan jendela-jendela itu kepada orang ramai, kadang-kadang atas nama jahiliyah dan kadang-kadang atas nama sekularisme, sedangkan kedua-duanya merupakan penjara yang besar, kesengsaraan jiwa yang amat pahit dan situasi terputus sumber makrifat dan nur hidayat.

Sains Mula Membebaskan Diri Dari Penjara

Di dalam abad yang akhir ini sains telah melepaskan diri dari penjara besi yang dibuat dengan kebodohan dan keangkuhannya untuk mengurungkan diri sendiri selama dua abad yang silam. Kini sains telah membebaskan dirinya dari penjara itu dan mula berhubung dengan nur hidayat melalui pengalaman-pengalaman sendiri setelah ia sedar dari mabuk keangkuhan dan siuman dari pelariannya yang terburu-buru untuk melepaskan diri dari belenggu gereja yang kejam di Eropah[3], juga setelah ia mengetahui batas-batasnya. Sains telah mencuba dan dapati bahawa alat-alatnya yang terbatas itu telah membawanya kepada daerah-daerah yang tidak terbatas di alam buana ini dan kepada hakikat-hakikat yang tersembunyi. Kini sains kembali mengumumkan, "Sains Menyeru Kepada Iman"[4] dengan segala rendah diri sebagai mengalu-alukan langkah-langkah pertamanya menuju kebebasan. Ya! Memang itulah kebebasan, kerana apabila manusia mengurungkan dirinya di dalam penjara kebendaan ia akan menderita kesempitan.

Tokoh-tokoh Ahli Sains Mengakui Peranan Sembahyang

Kini kita dapati ahli sains seperti Alexis Carrel seorang pakar dalam kajian tisu dan pemindahan darah, juga seorang pakar perubatan dan pembedahan yang menyeliakan institusi-institusi perubatan dan teori-teori perubatan, juga pemenang hadiah Nobel tahun 1912 dan pengarah pengajian-pengajian kemanusiaan di Perancis dalam masa Peperangan Dunia Yang Kedua, mengemukakan pandangannya:

> "Alam buana yang amat luas ini penuh dengan akal-akal yang efektif yang lain dari akal-akal kita. Akal manusia berfungsi sebagai pemandu kepada orang yang berjalan di liku-liku padang gurun di sekelilingnya jika ia bergantung sepenuhnya kepada panduannya. Sedangkan sembahyang merupakan salah satu saranan untuk berhubung dengan akal-akal di sekeliling kita dan dengan akal abadi yang menguasai seluruh teraju perjalanan alam buana sama ada yang nampak jelas atau yang terlindung dalam lipatan rahsia.

> "Perasaan memandang suci terhadap akal abadi dan terhadap kekuatan-kekuatan kegiatan rohaniyah yang lain darinya mempunyai makna istimewa dalam hidup kita kerana ia menghubungkan kita dengan daerah rahsia yang amat luas di dalam alam roh." [5]

Kita juga dapati seorang lagi ahli perubatan De Noe (دي نوي) iaitu seorang pengkaji dalam bidang anatomi (kajibina tubuh) dan ilmu fizik, beliau telah bekerjasama dengan Profesor Curie dan isterinya, dan beliau pernah diundang, oleh Institut Rockefeller untuk menyambung satu kajian bersama anggota-anggotanya yang lain mengenai ciri-ciri dan perubatan luka-luka, kita dapati beliau berkata:

Memahami Kewujudan Allah

> "Ramai cendekiawan dan orang-orang yang berniat baik berfikir bahawa mereka tidak dapat beriman kepada Allah kerana mereka tidak dapat memahami-Nya. Tetapi seorang yang jujur yang cintakan kajian ilmiyah, tidak semestinya memahami Allah melainkan seperti semestinya seorang ahli fizik memahami kuasa elektrik, kerana kefahaman dalam kedua-dua kes itu adalah tidak sempurna dan betul sebab kewujudan kebendaan bagi kuasa elektrik tidak dapat ditanggap dengan kewujudan yang bersifat fizikal. Namun begitu kesan-kesan kewujudan kuasa elektrik lebih kukuh dari kewujudan sebatang kayu." [6]

Kita juga dapati seorang ahli ilmu fizik seperti Sir J. Arthur Thompson pengarang Scotland yang terkenal berkata:

> "Kita berada di satu zaman di mana bumi yang pejal menjadi tipis membayang, dan ether (atau gelombang elektromagnet di angkasa) telah hilang kewujudan kebendaannya. Inilah zaman yang paling kecil kewajarannya untuk membuat pentafsiran-pentafsiran kebendaan yang ketertaluan."

---

[3] *Lihat buku Muhammad Qub,* الإنسان بين المادية والإسلام.

[4] *Dipetik dari buku A. Cressy Morrison, "Man Does Not Stand Alone", (1944) yang diterjemahkan oleh Mahmud Salih al-Falaki sebagai* العلم يدعو إلى الإيمان.

[5] *Dari buku al-'Aqqad,* عقائد المفكرين في القرآن العشرين.

[6] *Sumber yang sama.*

Kini Keinginan Beragama Dapat Bernafas Dalam Suasana Sains

Beliau berkata lagi dalam sebuah antologi *"Sains dan Agama"*:[7]

"Akal yang percaya kepada agama tidak seharusnya pada hari ini bersedih kerana ahli sains fizik tidak dapat meluluskan dirinya alam kepada Tuhan yang mencipta alam, kerana itu bukan matlamatnya. Mungkin kesimpulan terlalu besar dari premis (mukadimah) apabila ahli-ahli sains membuat kesimpulan dari hakikat-hakikat alam fizikal untuk menanggap alam metafizikal, tetapi kita sekalian patut bergembira kerana ahli-ahli ilmu fizik mulai memberi kelonggaran kepada keinginan beragama untuk bernafas dalam suasana sains, sedangkan kelonggaran ini tidak begitu mudah didapati di zaman-zaman datuk nenek kita. Andainya persoalan mencari Allah itu bukannya tugas ahli-ahli ilmu fizik seperti yang silap didakwakan oleh Mr. Langdon Davies dalam bukunya yang indah mengenai manusia dan alamnya, maka kami tegaskan dengan penuh teliti bahawa perkhidmatan yang paling besar yang dilaksanakan oleh sains ialah ia telah memimpin manusia ke arah tanggapan yang lebih luhur dan tinggi mengenai Allah. Kami tidak melewati pengertian harfiyah apabila kami tegaskan bahawa sains telah mewujudkan untuk umat manusia satu langit yang baru, dan satu bumi yang baru dan dari sini sains telah mendorong manusia menggunakan sepenuh tenaga akal fikirannya, tetapi manusia seringkali tidak dapat menemui kedamaian melainkan apabila ia melampaui batas kefahaman iaitu melalui beriman dan mencari ketenteraman pada Allah."[8]

Kita juga dapati seorang ahli sains seperti A. Cressy Morrison, Presiden Akademi Sains New York dan bekas anggota Majlis Eksekutif di Dewan Penyelidikan Kebangsaan Amerika telah berkata dalam bukunya, "Manusia Tidak Berdiri Sendiri"[9] yang diterjemahkan dengan nama "العلم يدعو إلى الإيمان"(Sains Menyeru Kepada iman):

"Kita sebenarnya sedang mendekati alam majhul yang amat luas, kerana kita sedar bahawa seluruh benda dari segi ilmiyah hanya merupakan semata-mata fenomena dari kesatuan alam buana yang berteraskan elektrik. Tetapi sesuatu yang tidak diragui ialah persoalan 'kebetulan' tidak campurtangan dalam pembentukan alam kerana alam buana yang besar ini tunduk kepada undang-undang.

Manusia Diciptakan Dengan Suatu Matlamat

"Kemajuan atau peningkatan manusia haiwan kepada darjah satu makhluk yang boleh berfikir dan sedar terhadap kewujudannya merupakan satu kemajuan yang terlalu besar untuk dicapaikan melalui proses evolusi fizikal dan tanpa wujudnya suatu matlamat penciptaan.

"Apabila diterima realisme kewujudan suatu matlamat penciptaan itu, maka manusia dengan sifatnya yang sedemikian mungkin merupakan satu alat, tetapi siapakah yang menjalankan alat-alat ini? Kerana alat yang tidak dijalankan itu tidak ada gunanya. Sains tidak dapat menjelaskan siapakah yang mengendalikan perjalanan alat itu dan sains juga tidak mendakwa bahawa yang mengendalinya itu bersifat fizikal.

"Kita telah sampai ke satu darjah kemajuan yang cukup untuk percaya dengan yakin bahawa Allah telah memberi kepada manusia sebatang nur-Nya......."

Demikianlah sains mulai keluar dari penjara kebendaan dan dinding-dindingnya dengan cara-caranya sendiri. Sains mulai berhubung dengan suasana bebas yang diisyaratkan oleh Al-Qur'an dengan ayat seperti ini:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِمَا تُبۡصِرُونَ ﴿٣٨﴾ وَمَا لَا تُبۡصِرُونَ ﴿٣٩﴾

"Tidaklah perlu Aku bersumpah dengan kejadian yang kamu nampak(38). Dan dengan kejadian yang kamu tidak nampak."(39)

Pendapat-pendapat yang seumpama ini memang banyak, walaupun dalam kalangan kita terdapat golongan yang berfikiran dan berperasaan kerdil yang masih menutup jendela-jendela nur hidayat kepada diri mereka sendiri dan kepada orang lain dengan nama sains yang menyarankan ketinggalan kemajuan akal dari sains, ketinggalan kemajuan roh dari agama dan ketinggalan kemajuan perasaan dari kebebasan mutlak untuk mengenal hakikat dan ketinggalan kemajuan manusia dari darjah yang layak sebagai makhluk insan yang mulia. Oleh itu:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِمَا تُبۡصِرُونَ ﴿٣٨﴾ وَمَا لَا تُبۡصِرُونَ ﴿٣٩﴾

إِنَّهُۥ لَقَوۡلُ رَسُولٖ كَرِيمٖ ﴿٤٠﴾

وَمَا هُوَ بِقَوۡلِ شَاعِرٖۚ قَلِيلٗا مَّا تُؤۡمِنُونَ ﴿٤١﴾

وَلَا بِقَوۡلِ كَاهِنٖۚ قَلِيلٗا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾

"Tidaklah perlu Aku bersumpah dengan kejadian yang kamu nampak(38). Dan dengan kejadian yang kamu tidak nampak(39). Sesungguhnya Al-Qur'an itu perkataan Rasul yang mulia(40). Dan ia bukannya madah seorang penyair, amat sedikit kamu beriman kepadanya(41). Dan bukan pula perkataan kahin, amat sedikit kamu mengambil pengajaran."(42)

Tuduhan Karut Terhadap Al-Qur'an

Di antara tuduhan-tuduhan kaum Musyrikin terhadap Al-Qur'an dan terhadap Rasulullah s.a.w.

---

7 *Science and Religion,(1925).*

8 *Sumber yang sama.*

9 *A. Cressy Morrison, "Man Does Not Stand Alone", (1944).*

ialah mereka mengatakan beliau seorang penyair dan seorang kahin. Ini adalah hasil dari kekeliruan mereka yang dangkal yang berpunca dari sifat Kalamullah yang mengatasi segala percakapan manusia. Mereka menganggap penyair itu dikuasai atau diresapi jin yang menyampaikan kepadanya madah-madah yang indah dan sangat menarik. Begitu juga mereka menganggap kahin itu mempunyai hubungan dengan jin-jin yang memberi maklumat-maklumat ghaib kepadanya. Kekeliruan ini akan gugur apabila diteliti dan dikaji tabi'at Al-Qur'an, kerasulan, tabi'at sajak dan kerjaya kahin.

Di Antara Sajak Dan Al-Qur'an

Sajak-sajak mungkin mempunyai nada-nada yang indah, imaginasi-imaginasi yang menarik, gambaran-gambaran dan bayangan-bayangan yang cantik, tetapi ia tidak akan bercampur dan tidak akan menyerupai Al-Qur'an. Di antara kedua-duanya terdapat garis pembeza dan pemisah yang pokok. Al-Qur'an menjelaskan satu sistem hidup yang sempurna yang ditegakkan di atas ajaran yang benar dan wawasan yang sepadu. Al-Qur'an menerangkan konsep kewujudan Allah, konsep kewujudan alam dan konsep hidup, sementara sajak menggambarkan keterharuan rasa dan emosi yang bersilih ganti, menggambarkan sentimen yang berkobar-kobar. Sajak jarang sekali tegak di atas satu wawasan yang tetap dalam keadaan-keadaan rela, marah, bebas, terkongkong, kasih, benci dan sebagainya dari perasaan-perasaan yang sentiasa berubah-ubah dalam setiap keadaan.

Di samping itu kefahaman atau persepsi yang tetap yang dikemukakan oleh Al-Qur'an adalah kefahaman yang telah diciptakannya dari awal-awal lagi di dalam segala dasar dan perinciannya, serta berasaskan sumber Ilahi semata-mata. Oleh itu, segala apa yang terkandung di dalam kefahaman ini menyarankan bahawa Al-Qur'an bukan dari ciptaan manusia, kerana manusia tidak mampu menciptakan satu kefahaman universal yang sempurna seperti kefahaman yang diciptakan oleh Al-Qur'an. Manusia belum pernah berbuat demikian dan tidak akan dapat berbuat demikian. Segala kefahaman yang diciptakan oleh bakat-bakat dan kebolehan-kebolehan manusia terhadap alam dan pencipta yang mentadbirkan perjalanannya adalah tercatat di dalam pengajian-pengajian falsafah, sajak dan sebagainya dari berbagai-bagai aliran pemikiran. Semuanya ini jika dibandingkan dengan kefahaman yang diciptakan oleh Al-Qur'an akan ketara dengan jelas bahawa kefahaman Al-Qur'an adalah lahir dari sumber yang lain dari sumber-sumber falsafah dan sajak itu, dan ia adalah satu kefahaman yang unik yang mempunyai ciri istimewa yang membezakannya dari segala kefahaman manusia.

Di Antara Al-Qur'an Dan Hasil Pemikiran Manusia

Demikianlah juga kahin dan ramalan-ramalannya, kerana itu sejarah dari dahulu hingga sekarang tidak pernah mencatatkan adanya seorang kahin yang telah mencipta satu sistem hidup yang sepadu dan tetap seperti sistem hidup yang diciptakan oleh Al-Qur'an. Segala apa yang dinukilkan daripada kahin itu tidak lebih dari kata-kata yang bersajak, kata-kata hikmat yang menunggal atau isyarat-isyarat yang diselubungi teka-teki.

Di dalam Al-Qur'an terdapat kenyataan-kenyataan yang menarik perhatian yang tidak mampu dibuat oleh manusia. Sebahagian dari kenyataan-kenyataan ini telah pun kita mengetahuinya dalam tafsir ini. Manusia tidak pernah menggambarkan tentang hakikat Ilmu Allah yang meliputi, halus dan seni itu dengan gambaran seperti yang terdapat dalam Al-Qur'an:

وَعِندَهُۥ مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ ۚ
وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۚ وَمَا تَسْقُطُ مِن وَرَقَةٍ
إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِى ظُلُمَٰتِ ٱلْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ
وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٥٩﴾

"Allah memiliki anak-anak kunci urusan ghaib yang tiada siapa mengetahuinya melainkan hanya Dia, dan Allah mengetahui segala isi daratan dan segala isi lautan, dan tiada sehelai daun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya dan tiada sebutir biji di dalam gelap-gelita, dan tiada suatu yang basah dan tiada suatu yang kering melainkan semuanya tertulis di dalam kitab yang nyata (Luh Mahfuz)."

(Surah al-An'am: 59)

يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنزِلُ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۖ وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا
تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤﴾

"Dia mengetahui segala apa yang masuk ke dalam bumi dan segala apa yang keluar darinya, dan segala apa yang turun dari langit dan segala apa yang baik kepadanya. Allah bersama kamu di mana sahaja kamu berada dan Allah itu Maha Melihat segala sesuatu yang dilakukan kamu."

(Surah al-Hadid: 4)

وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِۦ ۚ وَمَا
يُعَمَّرُ مِن مُّعَمَّرٍ وَلَا يُنقَصُ مِنْ عُمُرِهِۦٓ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ ۚ إِنَّ
ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١١﴾

"Dan tiada perempuan yang hamil dan tiada yang melahirkan anak melainkan dengan setahunya, dan tiada orang yang dipanjangkan umurnya dan tiada orang yang dikurangkan umurnya melainkan telah ditetapkan dalam kitab (Luh Mahfuz). Sesungguhnya urusan itu amat mudah kepada Allah."

(Surah Fatir: 11)

Begitu juga manusia tidak pernah membuat kenyataan mengenai qudrat kuasa yang memegang dan mentadbirkan alam buana ini seperti kenyataan yang digambarkan oleh Al-Qur'an:

إِنَّ ٱللَّهَ يُمْسِكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ أَن تَزُولَا ۚ
وَلَئِن زَالَتَآ إِنْ أَمْسَكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِّنۢ بَعْدِهِۦٓ ۚ

"Sesungguhnya Allahlah yang memegang langit dan bumi supaya tidak lenyap, dan andainya kedua-duanya akan lenyap tiada seorang pun yang dapat menahan keduanya selain dari Allah."

(Surah Fatir: 41)

Atau membuat kenyataan tentang kelahiran dan kemunculan hayat di alam buana dari tangan qudrat Pencipta dan tentang penyesuaian-penyesuaian alam yang melingkungi dan mentadbirkan hayat itu:

إِنَّ ٱللَّهَ فَالِقُ ٱلْحَبِّ وَٱلنَّوَىٰ ۖ يُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ
وَمُخْرِجُ ٱلْمَيِّتِ مِنَ ٱلْحَىِّ ۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ ۖ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٩٥﴾
فَالِقُ ٱلْإِصْبَاحِ وَجَعَلَ ٱلَّيْلَ سَكَنًا وَٱلشَّمْسَ
وَٱلْقَمَرَ حُسْبَانًا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿٩٦﴾
وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلنُّجُومَ لِتَهْتَدُوا۟ بِهَا فِى ظُلُمَٰتِ
ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۗ قَدْ فَصَّلْنَا ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٩٧﴾
وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ فَمُسْتَقَرٌّ
وَمُسْتَوْدَعٌ ۗ قَدْ فَصَّلْنَا ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَفْقَهُونَ ﴿٩٨﴾
وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ نَبَاتَ
كُلِّ شَىْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُّخْرِجُ مِنْهُ حَبًّا
مُّتَرَاكِبًا وَمِنَ ٱلنَّخْلِ مِن طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّٰتٍ
مِّنْ أَعْنَابٍ وَٱلزَّيْتُونَ وَٱلرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَٰبِهٍ ۗ
ٱنظُرُوٓا۟ إِلَىٰ ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَيَنْعِهِۦٓ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكُمْ
لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٩٩﴾

"Sesungguhnya Allah itulah yang menumbuhkan benih tumbuh-tumbuhan dan biji buah-buahan. Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Yang menciptakan semuanya itu ialah Allah. Oleh itu, ke manakah kamu dipesongkan?(95). Dialah yang menyingsingkan pagi dan menjadikan malam untuk ketenangan dan menjadi matahari dan bulan untuk perhitungan. Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui(96). Dan Dialah yang menciptakan bintang-bintang untuk kamu supaya kamu berpedoman dengannya di dalam gelap-gelita daratan dan lautan. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan tanda-tanda kekuasaan Kami kepada kaum yang mengetahui(97). Dan Dialah Yang telah menciptakan kamu dari satu diri yang sama, iaitu satu diri menjadi tempat ia menetap (di rahim perempuan) dan satu diri yang lain menjadi tempat simpanan benih (sulbi lelaki). Sesungguhnya Kami telah menjelaskan tanda-tanda kekuasaan Kami kepada kaum yang mengerti(98). Dan Dialah yang menurunkan hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengannya segala macam tumbuh-tumbuhan dan dari tumbuh-tumbuhan itu Kami keluarkan tanaman yang menghijau dan dari tanaman itu Kami keluarkan bijian-bijian yang lebat bersusun-susun dan dari mayang pokok kurma lahirnya tangkai-tangkai yang menjulai. Dan (dengan air itu juga) Kami keluarkan kebun-kebun anggur, zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa. Perhatikanlah kepada buahnya apabila pokok itu berbuah dan perhatikan kematangannya. Sesungguhnya kejadian-kejadian itu merupakan tanda-tanda kekuasaan Allah kepada kaum yang beriman."(99)

(Surah al-An'am)

Kenyataan-kenyataan mengenai kejadian-kejadian alam buana ini amat banyak di dalam Al-Qur'an dan tidak ada tolok bandingnya dengan buah fikiran manusia yang cuba mengungkapkan pengertian-pengertian yang seperti itu sebagaimana diungkapkan oleh Al-Qur'an. Ini sahaja sudah cukup untuk mengenal sumber kitab suci Al-Qur'an tanpa melihat kepada segala makna yang lain yang terkandung dalam isi Al-Qur'an itu sendiri atau yang terkandung di dalam hubungan-hubungan, keadaan-keadaan sekeliling dan suasana-suasana yang menemaninya.

Kekeliruan (terhadap Al-Qur'an) itu terlalu dangkal dan lemah walaupun sewaktu Al-Qur'an belum habis diturunkan dengan sempurna, hanya diturunkan beberapa surah atau beberapa ayat sahaja yang membawa ciri Ilahi yang istimewa yang membuktikan bahawa ia diturunkan dari sumbernya yang tunggal.

Pandangan Pembesar-pembesar Quraysy Terhadap Al-Qur'an

Pembesar-pembesar Quraysy sendiri telah memeriksa diri mereka dan menolak kekeliruan itu dari semasa ke semasa, tetapi tujuan yang jahat itu tetap membuta dan menulikan mereka. Apabila mereka tidak dapat mengambil pengajaran dari Al-Qur'an mereka menuduh Al-Qur'an sebagai cerita bohong yang lama sebagaimana diceritakan oleh Al-Qur'an sendiri.

Kitab-kitab sirah juga telah menceritakan berbagai-bagai cerita mengenai pemimpin-pemimpin Quraysy ketika mereka memeriksa dan meneliti kekeliruan itu dan menafikannya di antara sesama mereka. Setengah dari cerita-cerita itu ialah cerita yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq mengenai al-Walid ibn al-Mughirah dan mengenai an-Nadhr ibn al-Harith dan

'Utbah ibn Rabi'ah. Dalam riwayatnya mengenai al-Walid ibn al-Mughirah tersebut:

Kemudian sekumpulan orang-orang Quraysy datang menemui al-Walid ibn al-Mughirah sebagai seorang tua dalam kalangan mereka. Pada masa itu musim keramaian (Haji) telah pun tiba, lalu ia berkata kepada mereka: "Wahai orang-orang Quraysy, musim keramaian telah pun tiba dan rombongan-rombongan orang Arab akan datang kepada kamu dan tentulah mereka telah mendengar cerita kawan kamu ini (Muhammad). Oleh itu, hendaklah kamu mengeluarkan satu pendapat sahaja mengenainya. Jangan mengeluarkan pendapat yang berlain-lainan hingga menyebabkan kamu mendustakan satu sama lain dan membantah perkataan-perkataan kamu sesama sendiri." Mereka pun berkata: "Wahai Abu 'Abdu Syam! Tolong berikan kami satu pendapat, supaya kami dapat katakannya." Lalu dijawabnya: "Bahkan kamulah yang patut mengeluarkan pendapat-pendapat kamu dan biarkan aku mendengarnya." Jawab mereka: "Kita katakan sahaja dia itu kahin." Jawabnya: "Tidak. Demi Allah, dia bukan kahin, kerana kita semua telah melihat kahin-kahin, tetapi dia bukan mengeluarkan jampi mentera kahin dan madah-madah yang bersajak seperti kahin." Mereka berkata lagi: "Kita katakan dia itu gila." Jawabnya: "Dia bukannya gila kerana kita semua melihat dan mengetahui siapa orang gila, dia tidak pernah menunjukkan sifat-sifat meradang, memberang, mengarut dan was-was seperti orang gila." Mereka berkata pula, "Baiklah kita katakan dia itu penyair." Jawabnya: "Dia tidak juga seorang penyair, kita semua tahu segala ragam sajak, tetapi perkataan-perkataannya bukan sajak. Mereka berkata lagi: "Kita katakan dia itu tukang sihir." Jawabnya: "Tidak. Dia juga bukan tukang sihir kerana kita pernah tengok tukang-tukang sihir dan sihir-sihir yang ditunjukkan mereka. Dia tidak menghembus dan menyimpul-nyimpulkan tali ikatan seperti mereka." Kata mereka, "Jadi, apa yang patut kita katakan, wahai Abu 'Abdu Syam?" Jawabnya: "Perkataannya sungguh manis, ibarat pokok batangnya bercabang-cabang rimbun dan dahannya berbuah lebat. Apa sahaja tuduhan yang seperti ini terhadap dia, maka semuanya diketahui orang sebagai tuduhan yang tidak betul belaka. Perkataan yang lebih hampir tepat dengannya ialah dia itu ahli sihir kerana beliau mengeluarkan perkataan-perkataan yang boleh memecahbelahkan di antara anak dengan bapa, di antara seorang dengan saudaranya, di antara suami dengan isterinya, di antara seorang dengan keluarganya." Lalu mereka bersurai setelah bersetuju dengan pendapat itu. Mereka duduk menunggu di jalan-jalan yang dilalui orang ramai semasa mereka datang mengunjungi musim keramaian itu. Tiada seorang yang lalu menemui mereka di situ melainkan mereka mengingatkannya supaya berwaspada terhadap Muhammad dan menceritakan halnya...

Ibn Ishaq menceritakan pula tentang tokoh yang kedua an-Nadhr ibn al-Harith:

Ia berkata kepada kaumnya: "Wahai sekalian orang-orang Quraysy! Demi Allah, kamu telah ditimpa malapetaka yang tidak terdaya ditolak oleh kamu. Muhammad itu telah hidup dalam kalangan kamu semasa muda belianya. Di waktu itu kamu sukakannya kerana dia seorang yang bercakap benar dan seorang yang paling amanah, sehingga apabila kamu melihat jambangnya telah ditumbuhi uban dan dia membawa kepada kamu ajaran-ajarannya, maka kamu tuduh dia tukang sihir. Tetapi tidak. Demi Allah, dia bukan tukang sihir, kerana kita semua biasa melihat tukang-tukang sihir dan cara-cara mereka meniup, menghembus dan membuat simpulan-simpulan tali. Kamu juga tuduh dia sebagai kahin. Tetapi tidak, dia bukan seorang kahin, kerana kita biasa melihat kahin-kahin dan keraguan-keraguan yang ditunjukkan mereka dan kita biasa mendengar kata-kata mereka yang bersajak-sajak. Kamu juga tuduh dia sebagai penyajak. Tetapi tidak. Demi Allah, dia bukan seorang penyajak, kerana kita biasa dengar bermacam-macam bentuk sajak, dan seterusnya kamu tuduh dia orang gila. Kita semua biasa menengok orang gila dan bagaimana mereka meradang dan memberang, bagaimana mereka dikongkong was-was dan fikiran-fikiran yang karut-marut. Wahai orang-orang

Quraysy! fikirlah baik-baik, keadaan kamu ini! Demi Allah, kami telah ditimpa malapetaka yang amat besar."

Percakapan yang diucapkan oleh an-Nadhr ibn al-Harith dengan percakapan yang diucapkan oleh 'Utbah adalah hampir serupa. Mungkin ini hanya satu cerita sahaja yang sekali sekala dihubungkan kepada an-Nadhr dan sekali sekala pula dihubungkan kepada 'Utbah. Tetapi tidaklah pula mustahil berlakunya persamaan di antara dua percakapan bagi dua pembesar Quraysy yang menghadapi dua keadaan yang sama yang membengongkan mereka untuk menetapkan sikap terhadap Al-Qur'an.

Adapun cerita pendirian 'Utbah sendiri telah pun dikisahkan semasa Kami mentafsirkan Surah al-Qalam di dalam juzu' ini. Pendiriannya sama dengan pendirian al-Walid dan an-Nadhr terhadap Muhammad dan terhadap perkataan-perkataan (Al-Qur'an) yang dibawa olehnya.

Tuduhan mereka kepada Muhammad sebagai ahli sihir dan kahin itu hanya kadang-kadang merupakan satu helah yang jahat, dan kadang-kadang merupakan suatu kekeliruan yang terlalu ketara. Al-Qur'an terlalu jelas untuk mendatangkan sebarang kekeliruan pada sa'at pertama ia diteliti dan difikir, kerana itu Al-Qur'an tidak perlu dikuatkan dengan sumpah, dengan kejadian-kejadian yang diketahui mereka dan dengan kejadian-kejadian yang tidak diketahui mereka:

إِنَّهُۥ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿٤٠﴾

وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ ۚ قَلِيلًا مَّا تُؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾

وَلَا بِقَوْلِ كَاهِنٍ قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾
تَنزِيلٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٣﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an itu perkataan Rasul yang mulia (40). Dan ia bukannya madah seorang penyair, amat sedikit kamu beriman kepadanya(41). Dan bukan pula perkataan kahin, amat sedikit kamu mengambil pengajaran darinya(42). Ia diturun dari Tuhan yang memelihara semesta alam."(43)

Penjelasan bahawa Al-Qur'an itu perkataan Rasul yang mulia bukanlah dimaksudkan bahawa perkataan itu dari karangan dan gubahannya, tetapi yang dimaksudkan di sini

ialah perkataan itu adalah .dari jenis yang lain, bukan dari jenis perkataan yang diungkapkan oleh penyair dan bukan pula dari jenis perkataan yang diucapkan oleh kahin, malah perkataan itu adalah perkataan yang disampaikan oleh seorang Rasul yang diutuskan oleh Allah, dengan erti perkataan itu dibawa dari Allah yang melantikkannya sebagai utusan-Nya. Nas yang menjelaskan maksud ini ialah kata-kata **"Rasul"** yang bererti seorang yang diutus oleh Tuhannya, bukan seorang penyair dan bukan pula seorang kahin yang menyusunkan kata-kata dari gubahannya sendiri atau dengan bantuan bisikan jin atau syaitan, malah dia seorang Rasul yang membaca perkataan-perkataan yang dibawa dari Tuhan yang mengutuskannya. Kerana itulah pada akhirnya ditegaskan:

تَنزِيلٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٣﴾

"Ia diturun dari Tuhan yang memelihara semesta alam."(43)

Ulasan-ulasan:

قَلِيلًا مَّا تُؤْمِنُونَ ﴿٤١﴾

"Amat sedikit kamu beriman dengannya."(41)

Dan:

قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٤٢﴾

"Amat sedikit kamu mengambil pengajaran darinya."(42)

Maksud ayat ini menafikan keimanan dan kesedaran mereka mengambil pengajaran dari Al-Qur'an. Ini berdasarkan kaedah pengungkapan-pengungkapan bahasa Arab yang biasa. Dalam sebuah hadith yang menerangkan sifat Rasulullah s.a.w. berbunyi:

إنه كان يقل اللغو

"Sesungguhnya beliau amat sedikit bercakap sia-sia."

Maksudnya, beliau sama sekali tidak bercakap sia-sia. Ayat ini menerangkan bahawa mereka sama sekali tidak beriman dan sama sekali tidak mengambil pengajaran dari Al-Qur'an, kerana andainya ada iman tentulah seorang yang beriman itu tidak akan menuduh Rasul sebagai penyair dan seorang yang mengambil pengajaran dari Al-Qur'an itu tidak akan menuduh Rasul sebagai seorang kahin kerana orang-orang yang kafir dan orang-orang yang lalai sahaja yang sanggup melemparkan tuduhan yang amat besar itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 44 - 47)

Pada akhirnya dinyatakan amaran dan ancaman yang menakutkan kepada sesiapa yang berbohong atas nama Allah di dalam urusan 'aqidah yang serius, yang tidak ada tolak ansur. Ini untuk membuktikan kebenaran Rasulullah s.a.w. dan kejujurannya dalam menyampaikan perutusan-perutusan Allah kepada manusia. Ini berlandaskan tidak adanya tindakan Allah yang keras terhadap beliau sebagaimana yang semestinya apabila beliau melakukan suatu penyelewengan dalam tugas menyampaikan amanah Allah walaupun kecil:

وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضَ الْأَقَاوِيلِ ﴿٤٤﴾
لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِالْيَمِينِ ﴿٤٥﴾
ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ ﴿٤٦﴾
فَمَا مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ عَنْهُ حَاجِزِينَ ﴿٤٧﴾

"Andainya dia (Muhammad) mereka-rekakan setengah-setengah perkataan atas nama Kami(44). Nescaya Kami seksakannya dengan qudrat kuasa Kami(45). Kemudian Kami putuskan saluran jantungnya(46). Dan tiada seorang pun dari kamu yang berkuasa menghalangi Kami."(47)

Bukti Kebenaran Nabi Muhammad s.a.w.

Maksud ayat ini dari sudut laporan ialah untuk menyatakan bahawa Muhammad s.a.w. itu benar dalam segala apa yang disampaikan kepada mereka. Andainya beliau mereka-rekakan perkataan-perkataan yang tidak diwahyukan Allah kepadanya, tentulah Allah akan membunuhnya dengan cara yang diterangkan oleh ayat-ayat itu.

Oleh sebab keseksaan Allah tidak berlaku ke atas beliau, maka inilah bukan bahawa beliau itu mesti benar.

Inilah kedudukan isu ini dari sudut laporan, tetapi pemandangan yang hidup, di mana dikemukakan laporan ini merupakan satu perkara yang lain pula. Pemandangan ini memberi bayangan-bayangan yang jauh di sebalik laporan itu. Ia memberi bayangan yang mengeri dan menakutkan. Pemandangan ini bergerak dan hidup menyampaikan berbagai-bagai saranan, isyarat dan nada. Pemandangan itu menggambarkan penyeksaan Allah yang bertindak memotongkan saluran jantungnya. Ini adalah satu tindakan yang keras dan mengerikan dan di sebaliknya menyarankan betapa besarnya qudrat Allah dan betapa lemahnya

makhluk manusia di hadapan qudrat Allah itu, juga memberi isyarat kepada kesungguhan urusan 'aqidah ini, yang tidak mengenal tolak ansur terhadap sesiapa walaupun Nabi Muhammad s.a.w. sendiri yang dimuliai dan disayangi Allah. Dan di sebalik semuanya ini terdapat nada-nada pernyataan yang membayangkan perasaan takut, cemas dan khusyu'.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 48 - 52)

Pada akhirnya Al-Qur'an menyampaikan penjelasan penamat mengenai hakikat Al-Qur'an:

وَإِنَّهُۥ لَتَذْكِرَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٤٨﴾

وَإِنَّا لَنَعْلَمُ أَنَّ مِنكُم مُّكَذِّبِينَ ﴿٤٩﴾

وَإِنَّهُۥ لَحَسْرَةٌ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٥٠﴾

وَإِنَّهُۥ لَحَقُّ ٱلْيَقِينِ ﴿٥١﴾

فَسَبِّحْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلْعَظِيمِ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an itu peringatan kepada orang yang bertaqwa(48). Dan sesungguhnya Kami benar-benar tahu bahawa sebahagian dari kamu mendustakannya(49). Dan sesungguhnya Al-Qur'an memberi penyesalan kepada orang-orang yang kafir(50). Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu adalah kebenaran yang amat diyakinkan(51). Kerana itu bertasbihlah dengan menyebut nama Tuhanmu Yang Maha Besar."(52)

Al-Qur'an Hanya Berguna Kepada Golongan Manusia Yang Bertaqwa

Al-Qur'an ini memberi peringatan kepada hati yang bertaqwa dan menjadikannya ingin mengambil pengajaran dari Al-Qur'an. Hakikat yang dbawa oleh Al-Qur'an itu tersemat dalam hati mereka dan apabila Al-Qur'an mengingatkan hakikat itu, mereka terus mengingatinya, sedangkan orang-orang yang tidak bertaqwa, maka hati mereka adalah hati yang padam cahayanya dan hati yang lalai yang tidak lagi berkembang dan mengambil pengajaran. Hati ini tidak dapat mengambil apa-apa faedah dari Al-Qur'an. Hanya hati orang-orang yang bertaqwa sahaja yang dapat menemui daya hayat, nur, makrifat, peringatan dan pengajaran di dalam Al-Qur'an yang tidak dapat ditemui oleh orang-orang yang lalai.

وَإِنَّا لَنَعْلَمُ أَنَّ مِنكُم مُّكَذِّبِينَ ﴿٤٩﴾

"Dan sesungguhnya Kami benar-benar tahu bahawa sebahagian dari kamu mendustakannya."(49)

Tetapi pendustaan kamu tidak menjejaskan hakikat Al-Qur'an dan tidak sedikit pun dapat mengubahkannya kerana taraf kamu terlalu rendah untuk menjejaskan hakikat-hakikat dari urusan-urusan Allah.

وَإِنَّهُۥ لَحَسْرَةٌ عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٥٠﴾

"Dan sesungguhnya Al-Qur'an memberi penyesalan kepada orang-orang yang kafir"(50)

Mereka menyesal kerana Al-Qur'an telah mengangkatkan darjah orang-orang yang beriman dan menjatuhkan darjah orang-orang kafir yang mendustakannya, juga kerana Al-Qur'an telah berjaya menegakkan kebenaran dan menghapuskan kebatilan yang dipegang oleh orang-orang kafir. Di samping itu, Al-Qur'an akan menjadi hujah yang menentang mereka di hadapan Allah pada hari Akhirat kelak, di mana mereka akan diazab kerana Al-Qur'an dan akan menyesal kerana ditimpa 'azab dengan sebab menentang Al-Qur'an. Oleh itu, Al-Qur'an akan menjadi punca penyesalan kepada orang-orang kafir dunia dan Akhirat.

وَإِنَّهُۥ لَحَقُّ ٱلْيَقِينِ ﴿٥١﴾

"Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu adalah kebenaran yang memberi sepenuh keyakinan."(51)

Al-Qur'an Merupakan Haqqul-Yaqin (حق اليقين)

Walaupun didustakan oleh pendusta-pendusta. Al-Qur'an bukan semata-mata keyakinan, tetapi ia adalah kebenaran yang wujud di dalam keyakinan itu. Kata-kata **Haqqul-Yaqin** adalah satu ungkapan istimewa untuk menguatkan makna dan penegasan iaitu Al-Qur'an itu amat mendalam dari segi kebenaran dan amat mendalam dari segi keyakinan. Al-Qur'an mengemukakan kebenaran yang tulen. Setiap ayatnya membuktikan bahawa sumbernya ialah kebenaran yang utama dan sejati.

Inilah hakikat Al-Qur'an yang amat diyakinkan. Ia bukannya madah penyair dan bukannya perkataan kahin dan bukannya perkataan-perkataan rekaan dengan menggunakan nama Allah, malah ia adalah diturun dari Tuhan yang memelihara semesta alam, dan ia adalah peringatan dan pengajaran kepada orang-orang yang bertaqwa, dan ia adalah **Haqqul-Yaqin** (kebenaran yang memberi sepenuh keyakinan). Kemudian Allah mengajar Rasul-Nya yang mulia di sa'at yang paling sesuai.

Di sini tibalah perintah Allah Yang Maha Tinggi mengarahkan Rasul-Nya tepat pada waktunya dan situasi yang paling sesuai supaya beliau bertasbih:

فَسَبِّحْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلْعَظِيمِ ﴿٥٢﴾

"Kerana itu bertasbihlah dengan menyebut nama Tuhanmu Yang Maha Besar."(52)

Ucapan tasbih yang mengandungi tanzih[10] dan tamjid[11] dan mengandungi pengakuan, keyakinan, perhambaan dan khusyu' itulah ucapan yang mengungkapkan perasaan-perasaan khusyu' dan khudhu' yang berkobar-kobar di dalam hati setelah mendengar

---

10 تنزيه - *Membersihkan Allah dari segala yang cacat dan tidak sempurna.*

11 تمجيد - *Mengagung-agungkan dan membesar-besarkan Allah.*

penegasan Al-Qur'an yang akhir dan penjelasannya yang panjang lebar mengenai qudrat dan kebesaran Allah Yang Maha Besar dan Maha Pemurah.

* * * * * *

JUZU' KE-29

SURAH AL-MA'AARIJ

SURAH KE

70

سُورَةُ المَعَارِج

SURAH AL-MA'AARIJ

Surah Darjah-darjah Ketinggian

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

44

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

سَأَلَ سَآئِلُۢ بِعَذَابٖ وَاقِعٖ ١

لِّلۡكَٰفِرِينَ لَيۡسَ لَهُۥ دَافِعٞ ٢

مِّنَ ٱللَّهِ ذِي ٱلۡمَعَارِجِ ٣

تَعۡرُجُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ إِلَيۡهِ فِي يَوۡمٖ كَانَ مِقۡدَارُهُۥ

خَمۡسِينَ أَلۡفَ سَنَةٖ ٤ فَٱصۡبِرۡ صَبۡرٗا جَمِيلًا ٥

إِنَّهُمۡ يَرَوۡنَهُۥ بَعِيدٗا ٦ وَنَرَىٰهُ قَرِيبٗا ٧

يَوۡمَ تَكُونُ ٱلسَّمَآءُ كَٱلۡمُهۡلِ ٨

وَتَكُونُ ٱلۡجِبَالُ كَٱلۡعِهۡنِ ٩

وَلَا يَسۡـَٔلُ حَمِيمٌ حَمِيمٗا ١٠

"Seorang pemohon telah memohon ditimpakan 'azab (Qiamat) yang tetap akan berlaku(1). Ke atas orang-orang kafir yang tiada seorang pun dapat menolakkannya (2). Iaitu 'azab dari Allah yang mempunyai darjah-darjah yang maha tinggi(3). Para malaikat dan roh (Jibril) akan naik mengadap-Nya pada hari yang kadar panjangnya ialah lima puluh ribu tahun(4). Oleh itu, sabarlah (wahai Muhammad) dengan kesabaran yang elok(5).Sesungguhnya mereka memandang hari itu (Qiamat) jauh(6). Sedangkan Kami memandangnya dekat(7). Pada hari itu langit menjadi (hancur) seperti perak yang cair(8). Dan gunung-ganang (berterbangan) seperti bulu-bulu(9). Dan kawan akrab tidak menanyakan kawannya."(10).

يُبَصَّرُونَهُمۡۚ يَوَدُّ ٱلۡمُجۡرِمُ لَوۡ يَفۡتَدِي مِنۡ عَذَابِ يَوۡمِئِذِۭ

بِبَنِيهِ ١١ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَأَخِيهِ ١٢

وَفَصِيلَتِهِ ٱلَّتِي تُـٔۡوِيهِ ١٣

وَمَن فِي ٱلۡأَرۡضِ جَمِيعٗا ثُمَّ يُنجِيهِ ١٤

كَلَّآۖ إِنَّهَا لَظَىٰ ١٥ نَزَّاعَةٗ لِّلشَّوَىٰ ١٦

تَدۡعُواْ مَنۡ أَدۡبَرَ وَتَوَلَّىٰ ١٧ وَجَمَعَ فَأَوۡعَىٰٓ ١٨

إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ١٩ إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعٗا ٢٠

"Sedangkan mereka melihat satu sama lain. Orang yang bersalah bercita-cita jika ia dapat menebuskan dirinya dari 'azab pada hari itu dengan anak-anaknya(11). Dengan isteri dan saudaranya(12). Dengan keluarganya yang melindunginya(13). Dan dengan penghuni-penghuni bumi seluruhnya, kemudian (ia mengharapkan) tebusan itu dapat menyelamatkannya(14). Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Neraka itu adalah api yang bernyala-nyala(15).Yang mencabut kulit kepala(16). Ia memanggil mereka yang membelakangi dan berpaling (dari keimanan)(17). Dan mereka yang mengumpulkan harta kekayaan kemudian menyimpan(18). Sesungguhnya manusia itu diciptakan dengan tabi'at cepat gelisah(19). Apabila dia disentuh kesusahan dia menjadi amat cemas:"(20).

وَإِذَا مَسَّهُ ٱلۡخَيۡرُ مَنُوعًا ٢١ إِلَّا ٱلۡمُصَلِّينَ ٢٢

ٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَاتِهِمۡ دَآئِمُونَ ٢٣

وَٱلَّذِينَ فِيٓ أَمۡوَٰلِهِمۡ حَقّٞ مَّعۡلُومٞ ٢٤

لِّلسَّآئِلِ وَٱلۡمَحۡرُومِ ٢٥

وَٱلَّذِينَ يُصَدِّقُونَ بِيَوۡمِ ٱلدِّينِ ٢٦

وَٱلَّذِينَ هُم مِّنۡ عَذَابِ رَبِّهِم مُّشۡفِقُونَ ٢٧

إِنَّ عَذَابَ رَبِّهِمۡ غَيۡرُ مَأۡمُونٖ ٢٨

وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِفُرُوجِهِمۡ حَٰفِظُونَ ٢٩

إِلَّا عَلَىٰٓ أَزۡوَٰجِهِمۡ أَوۡ مَا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُهُمۡ فَإِنَّهُمۡ غَيۡرُ

مَلُومِينَ ٣٠

"Dan apabila dia disentuh kesenangan dia menjadi amat kikir(21). Kecuali mereka yang mendirikan solat(22). Yang tekun mengerjakan solat mereka(23). Dan mereka yang memperuntukkan sebahagian yang tertentu dari harta kekayaan mereka(24). Untuk orang yang meminta pertolongan dan orang yang susah(25).Dan mereka membenarkan Hari Balasan(26). Dan mereka yang takut kepada 'azab Tuhan mereka(27). Kerana sesungguhnya 'azab Tuhan mereka tidak wajar dirasakan aman(28). Dan mereka yang memelihara anggota kelamin mereka(29). Melainkan dengan isteri-isteri mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak tercela(30)".

فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ٣١

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِأَمَـٰنَـٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ٣٢

وَٱلَّذِينَ هُم بِشَهَـٰدَٰتِهِمْ قَآئِمُونَ ٣٣

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ٣٤

أُو۟لَـٰٓئِكَ فِى جَنَّـٰتٍ مُّكْرَمُونَ ٣٥

فَمَالِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ قِبَلَكَ مُهْطِعِينَ ٣٦

عَنِ ٱلْيَمِينِ وَعَنِ ٱلشِّمَالِ عِزِينَ ٣٧

أَيَطْمَعُ كُلُّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ أَن يُدْخَلَ جَنَّةَ نَعِيمٍ ٣٨

كَلَّآ ۖ إِنَّا خَلَقْنَـٰهُم مِّمَّا يَعْلَمُونَ ٣٩

فَلَآ أُقْسِمُ بِرَبِّ ٱلْمَشَـٰرِقِ وَٱلْمَغَـٰرِبِ إِنَّا لَقَـٰدِرُونَ ٤٠

'Oleh itu, siapa yang mencari keni'matan (seks) melebihi batas itu, maka mereka adalah pelampau-pelampau(31). Dan mereka yang memelihara amanah-amanah dan janji-janji mereka(32). Dan mereka yang memberi kesaksian dengan jujur(33). Dan mereka yang memelihara solat mereka(34). Mereka semuanya akan dimuliakan di dalam Syurga-syurga(35). Mengapakan orang-orang yang kafir itu tergesa-gesa menuju ke arahmu?(36). Berpuak-puak dari kanan dan kiri?(37). Adakah setiap orang dari mereka ingin dimasukkan ke dalam Syurga?(38). Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Kami ciptakan mereka dari bahan yang mereka ketahui(39). Oleh itu, Aku tidak perlu bersumpah dengan Tuhan yang memiliki arah-arah Timur dan arah-arah Barat, bahawa sesungguhnya Kami amat berkuasa.":(40).

عَلَىٰٓ أَن نُّبَدِّلَ خَيْرًا مِّنْهُمْ وَمَا نَحْنُ بِمَسْبُوقِينَ ٤١

فَذَرْهُمْ يَخُوضُوا۟ وَيَلْعَبُوا۟ حَتَّىٰ يُلَـٰقُوا۟ يَوْمَهُمُ ٱلَّذِى
يُوعَدُونَ ٤٢

يَوْمَ يَخْرُجُونَ مِنَ ٱلْأَجْدَاثِ سِرَاعًا كَأَنَّهُمْ إِلَىٰ نُصُبٍ
يُوفِضُونَ ٤٣

خَـٰشِعَةً أَبْصَـٰرُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ ۚ ذَٰلِكَ ٱلْيَوْمُ ٱلَّذِى كَانُوا۟
يُوعَدُونَ ٤٤

"Untuk menggantikan mereka dengan umat yang lebih baik dari mereka dan Kami tidak sekali-kali dapat dilemahkan(41). Biarkanlah mereka mengharungi kebatilan dan bermain-main sehingga mereka menemui hari mereka yang telah dijanjikan kepada mereka(42). Iaitu hari mereka keluar dari kubur dengan tergesa-gesa, seolah-olah mereka menuju kepada berhala-berhala yang disembahkan mereka(43). Sedangkan mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan. Itulah hari yang telah dijanjikan kepada mereka(44).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini merupakan satu siri dari siri-siri pengubatan secara beransur-ansur, lama, mendalam dan halus yang dituju untuk mengubati saki-baki penyakit jahiliyah yang bersarang di dalam jiwa manusia sebagaimana yang dihadapi oleh Al-Qur'an di Makkah, dan mungkin akan dihadapinya di dalam mana-mana masyarakat jahiliyah yang lain. Jahiliyah-jahiliyah itu berbeza-beza pada paras permukaannya, tetapi tidak berbeza di paras dasar. Ia berbeza pada lahirnya sahaja, tetapi tidak berbeza pada hakikatnya.

Atau surah ini merupakan satu pusingan dari pusingan-pusingan perjuangan yang panjang dan sukar yang berlangsung dalam lubuk jiwa manusia, liku-liku dan keladak-keladaknya. Iaitu satu perjuangan yang lebih hebat dan lebih panjang dari perjuangan-perjuangan di medan perang yang diceburi oleh orang-orang Islam selepas itu. Begitu juga keladak-keladak dan saki-baki penyakit-penyakit jahiliyah itu adalah lebih besar dan lebih sukar dari kekuatan-kekuatan yang disediakan untuk menentang da'wah baik dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah zaman dahulu mahupun dalam masyarakat-masyarakat jahiliyah zaman moden.

Hakikat Alam Akhirat Dan Hakikat Jiwa Manusia

Hakikat pokok yang dibicarakan oleh surah ini ialah hakikat alam Akhirat dan balasan-balasannya terutama 'azab seksa yang akan diterima oleh orang-orang yang kafir seperti yang dijanjikan oleh Al-Qur'an kepada mereka. Dalam proses menjelaskan hakikat itu, surah ini juga membincangkan hakikat jiwa manusia dalam masa menghadapi kesusahan dan kesenangan, iaitu satu hakikat yang berbeza-beza pada jiwa yang beriman dan jiwa yang kosong dari iman, begitu juga ia membincangkan ciri-ciri jiwa yang beriman seperti perasaannya, tindak-tanduknya dan balasan penghormatan yang akan diterimanya. Surah ini juga membicarakan tentang penghinaan-penghinaan yang akan diterima oleh orang-orang yang ingkarkan Allah. Seterusnya surah ini

menjelaskan perbezaan nilai dan ukuran yang wujud dalam penilaian Allah dan penilaian manusia.

Dengan membicarakan hakikat-hakikat ini, surah ini benar-benar merupakan satu siri dari siri-siri pengubatan yang memakan waktu yang panjang untuk menghapuskan saki-baki penyakit jahiliyah dan kepercayaan-kepercayaannya atau benar-benar merupakan satu pusingan dari pusingan-pusingan perjuangan yang sengit di dalam lubuk jiwa manusia, iaitu perjuangan yang telah diceburi oleh Al-Qur'an dan telah berjaya mencapai kemenangan dengan kekuatan dirinya sahaja tanpa bantuan dari kekuatan-kekuatan yang lain. Kemenangan Al-Qur'an yang sebenar adalah bermula dengan kemenangannya dalam perjuangan di lubuk jiwa manusia sebelum ia mempunyai kekuatan pedang yang dapat mempertahankan orang-orang Mu'min dari tindasan-tindasan dan memaksa musuhnya menyerah kalah.

Cara-cara Al-Qur'an Menangani Jiwa Manusia

Orang yang membaca Al-Qur'an sambil mengenangkan peristiwa-peristiwa sirah akan merasa betapa hebatnya kekuatan Al-Qur'an dalam menangani jiwa-jiwa manusia di Makkah dan menundukkannya di bawah pimpinannya. Dia juga akan melihat bagaimana Al-Qur'an menggunakan berbagai-bagai cara yang mengkagumkan dalam menghadapi berbagai-bagai jiwa itu. Kadang-kadang Al-Qur'an meng-hadapi mereka dengan mengemukakan berbagai-bagai dalil dan bukti yang memberi ilham dan kesan seolah-olah arus banjir yang deras. Kadang-kadang Al-Qur'an menghadapi mereka dengan pukulan-pukulan yang menghancur-leburkan kepercayaan-kepercayan dan keladak-keladak jahiliyah. Kadang-kadang ia menghadapinya dalam bentuk pembelasahan-pembelasahan cemeti yang amat pedih memukul hati mereka. Kadang-kadang ia menghadapi mereka dengan pujuk rayu yang menawan hati. Kadang-kadang ia menghadapi mereka dengan ledakan gempa yang menakutkan, dengan bahana yang ngeri yang membuka mata hati terhadap bahaya yang dekat. Kadang-kadang ia menghadapi mereka dengan mengemukakan hakikat yang sebenar dengan mudah dan jelas yang tidak dapat diragui dan dipertikaikan lagi. Kadang-kadang ia menghadapi mereka dengan harapan yang indah dan cita-cita yang manis. Kadang-kadang ia menghadapi mereka dengan mendedahkan rahsia-rahsia yang tersembunyi di dalam lubuk dan liku-liku jiwa mereka. Dengan pendedahan itu mereka dapat melihat dengan jelas apa yang berlaku di dalam jiwa mereka. Ini membuat mereka merasa malu dan benci dan seterusnya menyedarkan mereka terhadap tindak-tanduk dan emosi-emosi mereka yang tidak disedari.

Di samping itu terdapat ratusan ragam sentuhan dan cubitan, ratusan ragam cara menarik perhatian, ratusan ragam seruan dan panggilan dan ratusan ragam cara yang memberi kesan yang dapat dilihat oleh pembaca Al-Qur'an ketika mengikuti proses perjuangan yang lanjut dan pengubatan yang beransur-ansur. Begitu juga ia dapat melihat bagaimana Al-Qur'an menewaskan jahiliyah dalam jiwa manusia yang penderhaka dan degil itu.

Gambaran Qiamat Surah Al-Haqqah Dan Surah Ini

Surah ini menjelaskan satu aspek dari usaha untuk menerangkan hakikat alam Akhirat dan hakikat-hakikat yang lain yang disentuh di tengah jalan menuju pembicaraan hakikat Akhirat dan hakikat alam Akhirat itu sendiri telah dibicarakan oleh Surah al-Haqqah, tetapi surah ini menjelaskan hakikat ini dengan cara yang lain dan dari sudut yang baru dengan gambaran-gambaran dan suasana-suasana yang baru.

Dalam Surah al-Haqqah, malapetaka alam yang mengerikan pada hari Qiamat itu digambarkan dalam bentuk pemandangan dan gerak gempa alam yang menakutkan:

فَإِذَا نُفِخَ فِي ٱلصُّورِ نَفْخَةٌ وَٰحِدَةٌ ﴿١٣﴾
وَحُمِلَتِ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةً وَٰحِدَةً ﴿١٤﴾
فَيَوْمَئِذٍ وَقَعَتِ ٱلْوَاقِعَةُ ﴿١٥﴾
وَٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَهِيَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ ﴿١٦﴾

"Apabila sangkakala ditiup sekali, dan apabila bumi dan gunung-ganang diangkat dan dileburkan keduanya serentak sekali, maka pada hari itu berlakulah Qiamat. Dan terbelahlah langit kerana pada hari itu ia amat lemah."

(Surah-al-Haqqah: 13-16)

Juga dalam bentuk pemandangan kehebatan dan kebesaran Allah:

وَٱلْمَلَكُ عَلَىٰٓ أَرْجَآئِهَا ۚ وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ
ثَمَٰنِيَةٌ ﴿١٧﴾

"Sedangkan para malaikat berada di segenap penjurunya (langit), dan pada hari itu lapan malaikat menjunjung 'Arasy Tuhanmu di atas mereka."

(Surah al-Haqqah: 17)

Dan pemandangan keterdedahan diri yang memeranjatkan:

يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَىٰ مِنكُمْ خَافِيَةٌ ﴿١٨﴾

"Pada hari itu kamu dihadapkan kepada Allah tiada satu pun dari rahsia kamu yang tersembunyi."

(Surah al-Haqqah: 18)

Seterusnya di dalam bentuk pemandangan-pemandangan 'azab yang dahsyat dan cara hukuman 'azab itu dijatuhkan ke atas mereka:

خُذُوهُ فَغُلُّوهُ ﴿٣٠﴾ ثُمَّ ٱلْجَحِيمَ صَلُّوهُ ﴿٣١﴾
ثُمَّ فِي سِلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَٱسْلُكُوهُ ﴿٣٢﴾

"Tangkap dia dan belenggukan dia, kemudian masukkan dia ke dalam Neraka.Kemudian tambatkan dia dengan rantai sepanjang tujuh puluh hasta."

(Surah al-Haqqah: 30-32)

Juga dalam bentuk jeritan-jeritan, rintihan-rintihan dan penyesalan-penyesalan:

يَٰلَيۡتَنِي لَمۡ أُوتَ كِتَٰبِيَهۡ ﴿٢٥﴾ وَلَمۡ أَدۡرِ مَا حِسَابِيَهۡ ﴿٢٦﴾
يَٰلَيۡتَهَا كَانَتِ ٱلۡقَاضِيَةَ ﴿٢٧﴾

"Alangkah baiknya jika aku tidak diserahkan buku amalanku ini, dan aku tidak tahu apakah hakikat hisabku itu, alangkah baiknya jika Qiamat itu menamatkan segala-galanya itu merupakan kematian penamat."

(Surah al-Haqqah: 25-27)

Tetapi dalam surah ini gambaran kedahsyatan hari itu dapat dilihat pada penderitaan-penderitaan jiwa lebih dari yang dapat dilihat pada pemandangan-pemandangan kemusnahan alam. Hatta kedahsyatan pemandangan-pemandangan kemusnahan alam buana juga bersifat kejiwaan, dengan erti kedahsyatan pemandangan kemusnahan alam itu bukanlah merupakan ciri yang paling nyata dalam surah ini, malah kedahsyatan itu adalah berlaku dalam jiwa, manusia yang membuat mereka bingung, tercegang bengang dan cemas:

يَوۡمَ تَكُونُ ٱلسَّمَآءُ كَٱلۡمُهۡلِ ﴿٨﴾
وَتَكُونُ ٱلۡجِبَالُ كَٱلۡعِهۡنِ ﴿٩﴾
وَلَا يَسۡـَٔلُ حَمِيمٌ حَمِيمٗا ﴿١٠﴾
يُبَصَّرُونَهُمۡۚ يَوَدُّ ٱلۡمُجۡرِمُ لَوۡ يَفۡتَدِي مِنۡ عَذَابِ يَوۡمِئِذِۭ
بِبَنِيهِ ﴿١١﴾ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَأَخِيهِ ﴿١٢﴾
وَفَصِيلَتِهِ ٱلَّتِي تُـٔۡوِيهِ ﴿١٣﴾
وَمَن فِي ٱلۡأَرۡضِ جَمِيعٗا ثُمَّ يُنجِيهِ ﴿١٤﴾

"Pada hari itu langit menjadi (hancur) seperti perak yang cair(8). Dan gunung-ganang (berterbangan) seperti bulu-bulu(9). Dan kawan akrab tidak menanyakan kawannya(10). Sedangkan mereka melihat satu sama lain. Orang yang bersalah bercita-cita jika ia dapat menebuskan dirinya dari 'azab pada hari itu dengan anak-anaknya(11). Dengan isteri dan saudaranya(12). Dengan keluarganya yang melindunginya(13). Dan dengan penghuni-penghuni bumi seluruhnya, kemudian (ia mengharapkan) tebusan itu dapat menyelamatkannya."(14)

Neraka dalam surah ini digambarkan selaku makhluk yang bernyawa yang mempunyai perasaan dan kesedaran:

كَلَّآۖ إِنَّهَا لَظَىٰ ﴿١٥﴾ نَزَّاعَةٗ لِّلشَّوَىٰ ﴿١٦﴾
تَدۡعُواْ مَنۡ أَدۡبَرَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٧﴾ وَجَمَعَ فَأَوۡعَىٰٓ ﴿١٨﴾

"Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Neraka itu adalah api yang bernyala-nyala(15). Yang mencabut kulit kepala(16). Ia memanggil mereka yang membelakangi dan berpaling (dari keimanan)(17). Dan mereka yang mengumpulkan harta kekayaan kemudian menyimpan."(18)

Gambaran 'azab itu sendiri dalam surah ini lebih ditekankan pada 'azab kejiwaan dari ditekankan pada 'azab fizikal:

يَوۡمَ يَخۡرُجُونَ مِنَ ٱلۡأَجۡدَاثِ سِرَاعٗا كَأَنَّهُمۡ إِلَىٰ نُصُبٖ
يُوفِضُونَ ﴿٤٣﴾
خَٰشِعَةً أَبۡصَٰرُهُمۡ تَرۡهَقُهُمۡ ذِلَّةٞۚ ذَٰلِكَ ٱلۡيَوۡمُ ٱلَّذِي كَانُواْ
يُوعَدُونَ ﴿٤٤﴾

"Iaitu hari mereka keluar dari kubur dengan tergesa-gesa seolah-olah mereka menuju kepada berhala-berhala yang disembahkan mereka(43). Sedangkan mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan. Itulah hari yang telah dijanjikan kepada mereka."(44)

Pemandangan-pemandangan, gambaran-gambaran dan suasana-suasana hari Qiamat yang terdapat dalam surah ini berlainan dengan yang terdapat di dalam Surah al-Haqqah walaupun hakikat yang dibicarakan oleh kedua-duanya sama.

Oleh kerana itu di antara yang dibicarakan oleh surah itu ialah keadaan jiwa manusia dalam masa menghadapi kesusahan dan kesenangan. Ini adalah sesuai dengan ciri surah ini yang menekankan aspek kejiwaan. Ia menjelaskan tabi'at manusia:

إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعٗا ﴿٢٠﴾
وَإِذَا مَسَّهُ ٱلۡخَيۡرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya manusia itu diciptakan dengan tabi'at cepat gelisah(19). Apabila dia disentuh kesusahan dia menjadi amat cemas(20). Dan apabila dia disentuh kesenangan dia menjadi amat kikir."(21)

Kemudian ia terus menggambarkan sifat-sifat jiwa orang yang beriman dan ciri-ciri mereka lahir dan batin sesuai dengan pembicaraan surah dan uslubnya:

إِلَّا ٱلۡمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾
ٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَاتِهِمۡ دَآئِمُونَ ﴿٢٣﴾
وَٱلَّذِينَ فِيٓ أَمۡوَٰلِهِمۡ حَقّٞ مَّعۡلُومٞ ﴿٢٤﴾

لِّلسَّآئِلِ وَٱلۡمَحۡرُومِ ٢٥

وَٱلَّذِينَ يُصَدِّقُونَ بِيَوۡمِ ٱلدِّينِ ٢٦

"Kecuali mereka yang mendirikan solat(22). Yang tekun mengerjakan solat mereka(23). Dan mereka yang memperuntukkan sebahagian yang tertentu dari harta kekayaan mereka(24). Untuk orang yang meminta pertolongan dan orang yang susah(25). Dan mereka membenarkan hari balasan."(26)

وَٱلَّذِينَ هُم مِّنۡ عَذَابِ رَبِّهِم مُّشۡفِقُونَ ٢٧

إِنَّ عَذَابَ رَبِّهِمۡ غَيۡرُ مَأۡمُونٖ ٢٨

وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِفُرُوجِهِمۡ حَٰفِظُونَ ٢٩

إِلَّا عَلَىٰٓ أَزۡوَٰجِهِمۡ أَوۡ مَا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُهُمۡ فَإِنَّهُمۡ غَيۡرُ
مَلُومِينَ ٣٠

فَمَنِ ٱبۡتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡعَادُونَ ٣١

"Dan mereka yang takut kepada 'azab Tuhan mereka(27). Kerana sesungguhnya 'azab Tuhan mereka tidak wajar dirasakan aman(28). Dan mereka yang memelihara anggota kelamin mereka(29). Melainkan dengan isteri-isteri mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak tercela(30). Oleh itu, siapa yang mencari keni'matan (seks) melebihi batas itu, maka mereka adalah pelampau-pelampau."(31)

وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِأَمَٰنَٰتِهِمۡ وَعَهۡدِهِمۡ رَٰعُونَ ٣٢

وَٱلَّذِينَ هُم بِشَهَٰدَٰتِهِمۡ قَآئِمُونَ ٣٣

وَٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَاتِهِمۡ يُحَافِظُونَ ٣٤

"Dan mereka yang memelihara amanah-amanah dan janji-janji mereka(32). Dan mereka yang memberi kesaksian dengan jujur(33). Dan mereka yang memelihara solat mereka."(34)

* * * * * *

Tujuan pokok dalam Surah al-Haqqah ialah menjelaskan hakikat yang serius dalam urusan 'aqidah. Oleh kerana itu hakikat Akhirat merupakan salah satu dari hakikat-hakikat yang lain yang dibicarakan dalam surah itu seperti hakikat menghukumkan para pendusta dengan hukuman yang berat di bumi dan menghukumkan orang-orang yang menukarkan agamanya tanpa tolak ansur. Adapun tujuan pokok Surah al-Ma'aarij ialah menjelaskan hakikat Akhirat dan balasan-balasannya, juga neraca pertimbangan terhadap balasan. Ini bererti bahawa hakikat Akhirat merupakan hakikat pokok yang dibicarakan dalam surah ini.

Oleh sebab itu semua hakikat-hakikat yang lain yang dibicarakan di dalam surah ini mempunyai hubungan secara langsung dengan hakikat Akhirat. Di antaranya ialah hakikat perbezaaan di antara hitungan Allah dengan hitungan manusia mengenai panjang pendek harinya dan perbezaan di antara penilaian Allah dengan penilaian manusia mengenai jauh dekat Hari Akhirat:

تَعۡرُجُ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ إِلَيۡهِ فِي يَوۡمٖ كَانَ مِقۡدَارُهُۥ
خَمۡسِينَ أَلۡفَ سَنَةٖ ٤ فَٱصۡبِرۡ صَبۡرٗا جَمِيلًا ٥
إِنَّهُمۡ يَرَوۡنَهُۥ بَعِيدٗا ٦ وَنَرَىٰهُ قَرِيبٗا ٧

"Para malaikat dan roh (Jibril) akan naik mengadapnya pada hari yang kadar panjangnya ialah lima puluh ribu tahun(4). Oleh itu, sabarlah (wahai Muhammad) dengan kesabaran yang elok(5). Sesungguhnya mereka memandang hari itu (Qiamat) jauh(6). Sedangkan Kami memandangnya dekat."(7)

Di antaranya pula ialah perbezaan di antara jiwa manusia yang beriman dengan jiwa manusia yang tidak beriman dalam menghadapi kesusahan dan kesenangan. Kedua-dua jenis jiwa itu masing-masing disediakan balasan pada hari Akhirat. Di antaranya pula ialah keangkuhan orang-orang kafir dan keinginan mereka untuk memasuki Syurga, sedangkan mereka dipandang hina oleh Allah dan tidak akan terlepas dari 'azab-Nya. Semuanya ini mempunyai hubungan yang amat rapat dengan paksi pembicaraan yang pokok surah ini.

Demikianlah surah ini hampir-hampir keseluruhannya membicarakan hakikat Akhirat, iaitu hakikat agung yang mahu ditanamkan di dalam jiwa manusia, di samping menyentuh hakikat-hakikat lain yang ada hubungan dengan maudhu' yang pokok itu.

Ada lagi satu gejala yang wujud di dalam nada muzik surah ini, iaitu nada muzik yang terbit dari binaan ayat-ayatnya. Keragaman nada di dalam Surah al-Haqqah adalah terbit dari perubahan akhir kata dari satu ceraian ke satu ceraian sesuai dengan makna dan suasana dalam ayat itu, tetapi keragaman nada dalam Surah al-Ma'aarij ini adalah lebih luas lagi, kerana ia mengandungi pelbagai kumpulan nada muzik bukannya nada akhir ayat sahaja. Kumpulan nada muzik ini lebih mendalam, luas dan kukuh susunannya. Keragaman nada ini dapat dilihat dengan jelas pada bahagian pertama surah ini.

Dalam ayat-ayat permulaan berikut terdapat tiga kumpulan nada muzik yang berlainan, tetapi sama bunyi pada akhir kata-katanya dari segi panjang dan dari segi iramanya seperti berikut:

سَأَلَ سَآئِلُۢ بِعَذَابٖ وَاقِعٖ ١

لِّلۡكَٰفِرِينَ لَيۡسَ لَهُۥ دَافِعٞ ٢

مِّنَ ٱللَّهِ ذِى ٱلْمَعَارِجِ ﴿٣﴾
تَعْرُجُ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ إِلَيْهِ فِى يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُۥ
خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ ﴿٤﴾ فَٱصْبِرْ صَبْرًا جَمِيلًا ﴿٥﴾

Di sini nada-nada itu berakhir dengan memanjangkan sebutan alif pada nada yang kelima.

إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُۥ بَعِيدًا ﴿٦﴾ وَنَرَىٰهُ قَرِيبًا ﴿٧﴾

(Ayat 6-7)

Di sini bunyi nada berulang-ulang dengan memanjangkan alif sebanyak dua kali.

يَوْمَ تَكُونُ ٱلسَّمَآءُ كَٱلْمُهْلِ ﴿٨﴾
وَتَكُونُ ٱلْجِبَالُ كَٱلْعِهْنِ ﴿٩﴾
وَلَا يَسْـَٔلُ حَمِيمٌ حَمِيمًا ﴿١٠﴾

(Ayat 8-10)

Di sini nada-nada itu berakhir dengan memanjangkan sebutan alif pada nada yang ketiga di samping keragaman nada yang lain di dalamnya.

يُبَصَّرُونَهُمْ ۚ يَوَدُّ ٱلْمُجْرِمُ لَوْ يَفْتَدِى مِنْ عَذَابِ يَوْمِئِذٍۭ
بِبَنِيهِ ﴿١١﴾ وَصَـٰحِبَتِهِۦ وَأَخِيهِ ﴿١٢﴾
وَفَصِيلَتِهِ ٱلَّتِى تُـْٔوِيهِ ﴿١٣﴾
وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ يُنجِيهِ ﴿١٤﴾ كَلَّآ ۖ إِنَّهَا لَظَىٰ ﴿١٥﴾

(Ayat 11-15)

Di sini nada itu berakhir dengan memanjangkan sebutan alif pada nada yang kelima seperti bahagian pertama.

نَزَّاعَةً لِّلشَّوَىٰ ﴿١٦﴾ تَدْعُوا۟ مَنْ أَدْبَرَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٧﴾
وَجَمَعَ فَأَوْعَىٰٓ ﴿١٨﴾ إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾
إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾
وَإِذَا مَسَّهُ ٱلْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾

(Ayat 16-21)

Di sini nada-nada sebutan "ألف" yang panjang berulang-ulang sebanyak lima kali. Dua daripadanya yang terdapat di akhir adalah berlainan dari tiga nada yang pertama.

Kemudian nada pada ayat-ayat lain semuanya diakhiri dengan mim dan nun yang didahului wau atau ya.

Keragaman nada permulaan surah amat mendalam dan amat canggih dalam penggubahan nada hingga dapat menarik telinga-telinga yang arif dengan bunyi muzik kepada keragaman bunyi muzik yang tinggi dan indah ini. Ia adalah nada muzik yang asing dari masyarakat Arab dan nada muzik Arab, tetapi uslub Al-Qur'an dapat menguasainya dan memudahkannya masuk dan diterima oleh telinga-telinga orang-orang Arab walaupun ia merupakan satu seni kreatif yang mendalam dan baru dari nada-nada muzik biasa.[1]

Sekarang marilah kita meneliti surah ini secara terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

سَأَلَ سَآئِلٌۢ بِعَذَابٍ وَاقِعٍ ﴿١﴾
لِّلْكَـٰفِرِينَ لَيْسَ لَهُۥ دَافِعٌ ﴿٢﴾
مِّنَ ٱللَّهِ ذِى ٱلْمَعَارِجِ ﴿٣﴾

"Seorang pemohon telah memohon ditimpakan 'azab (Qiamat) yang tetap akan berlaku(1). Ke atas orang-orang kafir yang tiada seorang pun dapat menolakkannya (2). Iaitu 'azab dari Allah yang mempunyai darjah-darjah yang maha tinggi."(3)

Hakikat alam Akhirat adalah di antara hakikat-hakikat yang sukar difahami oleh kaum Musyrikin Arab. Mereka menganggap hakikat ini sebagai terlalu pelik dan aneh. Oleh itu, mereka ingkarkannya dengan sekeras-kerasnya. Mereka mencabar Rasulullah s.a.w. dengan berbagai-bagai cara supaya membawa Hari Akhirat yang dijanjikannya itu atau mereka bertanya beliau bilakah hari itu?

Menurut satu riwayat daripada Ibn 'Abbas, orang yang meminta ditimpakan 'azab itu ialah an-Nadhr ibn al-Harith. Mengikut riwayat yang lain dari Ibn 'Abbas juga katanya: "Itulah permintaan orang-orang kafir supaya mereka ditimpakan 'azab Allah, sedangkan 'azab itu tetap akan menimpa mereka."

Walau bagaimanapun surah ini menceritakan ada orang yang meminta ditimpakan 'azab dengan segera, kemudian menjelaskan bahawa 'azab ini memang tetap akan berlaku kerana - dari satu segi - ia telah ditetapkan dalam perencanaan Allah dan kerana - dari satu segi yang lain - ia sudah hampir

---

1 *Bagi mereka yang mengetahui prinsip-prinsip muzik tentulah tidak sulit untuk memahami pembicaraan ini. Untuk memudahkan orang-orang lain memahaminya silalah lihat bab "التناسق الفني" dalam buku "التصوير الفني في القرآن".*

berlaku, dan tiada seorang pun yang berkuasa menolak atau menghalangkannya. Oleh itu, orang yang meminta supaya 'azab hari itu disegerakan merupakan orang yang amat malang sama ada individu atau kelompok.

'Azab hari itu adalah disediakan kepada seluruh orang kafir termasuk orang yang meminta agar 'azab itu disegerakan. Hari itu berlaku dengan perintah dari Allah **"yang mempunyai darjah yang maha tinggi."** Di dalam surah yang lain diungkap:

رَفِيعُ ٱلدَّرَجَٰتِ ذُو ٱلْعَرْشِ

"Yang amat tinggi darjahnya dan mempunyai singgahsana."

(Surah Ghafir: 15)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 7)

Menjelang Qiamat Jibril Bersama Para Malaikat Mengadap Allah

Selepas kata pembukaan yang memberi kata pemutus tentang persoalan 'azab Qiamat, masa berlakunya, orang-orang yang akan menerimanya dan sumber kuasa tertinggi yang menentukan hari itu, maka ia merupakan suatu keputusan tertinggi yang tetap terlaksana, tidak dapat ditahan dan dihalang lagi, kemudian ayat yang berikut menerangkan tentang hari yang akan berlaku 'azab itu yang diminta mereka supaya dilaksanakan dengan segera. Hari itu sebenarnya amat dekat kepada mereka, tetapi penilaian Allah tidak sama dengan penilaian manusia dan ukuran-Nya berlainan dengan ukuran mereka:

تَعْرُجُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ إِلَيْهِ فِى يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُۥ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ ﴿٤﴾ فَٱصْبِرْ صَبْرًا جَمِيلًا ﴿٥﴾ إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُۥ بَعِيدًا ﴿٦﴾ وَنَرَىٰهُ قَرِيبًا ﴿٧﴾

"Para malaikat dan roh (Jibril) akan naik mengadap-Nya pada hari yang kadar panjangnya ialah lima puluh ribu tahun(4). Oleh itu, sabarlah (wahai Muhammad!) dengan kesabaran yang elok(5). Sesungguhnya mereka memandang hari itu (Qiamat) jauh(6). Sedangkan Kami memandangnya dekat."(7)

Menurut pendapat yang terkuat, maksud dari kata-kata **"Hari"** yang disebutkan di dalam ayat ini ialah Hari Qiamat kerana cara susunan ayat ini sendiri menentukan maksud ini. Pada Hari Qiamat nanti para malaikat , dan Jibril akan naik mengadap Allah. Maksud kata-kata "ar-Ruh" pula, menurut pendapat yang terkuat, ialah Jibril kerana beliau juga dinamakan dengan nama ini dalam surah-surah yang lain. Beliau disebut khusus selepas para Malaikat kerana kedudukannya yang istimewa. Demikianlah juga istiadat para malaikat dan Jibril naik mengadap Allah pada hari yang khusus disebutkan itu menunjukkan betapa penting dan betapa istimewanya urusan hari itu. Mereka naik mengadap Allah kerana tugas-tugas urusan penting hari itu. Kita tidak mengetahui dan kita tidak pula dituntut supaya mengetahui apakah tugas-tugas urusan yang penting itu, bagaimana caranya para malaikat itu naik mengadap Allah dan ke mana mereka naik, kerana semua perkara ini merupakan perincian-perincian urusan alam ghaib yang tidak mungkin diketahui oleh kita. Cukuplah bagi kita merasa di tengah-tengah pemandangan ini betapa pentingnya hari itu hingga para malaikat dan Jibril sibuk membuat pergerakan-pergerakan yang berkaitan dengan tugas-tugas urusan penting hari yang agung itu.

تَعْرُجُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ إِلَيْهِ فِى يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُۥ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ ﴿٤﴾

"Para malaikat dan roh (Jibril) akan naik mengadap-Nya pada hari yang kadar panjangnya ialah lima puluh ribu tahun."(4)

Lama Masa Hari Qiamat Mengikut Hitungan Tahun Dunia

Maksud ayat: مقداره خمسين ألف سنة **("Kadar panjangnya ialah lima puluh ribu tahun")** mungkin merupakan satu kiasan betapa panjangnya hari itu menurut kebiasaan dan pertuturan orang-orang Arab, dan mungkin pula merupakan satu hakikat yang tertentu, iaitu kadar panjang hari itu ialah lima puluh ribu tahun mengikut hitungan tahun penghuni bumi. Kini untuk memahami hakikat ini amat mudah sekali, kerana hari kita di bumi ini adalah dikira dari pusingan bumi di sekeliling dirinya selama dua puluh empat jam, di sana terdapat bintang-bintang yang pusingannya di sekeliling dirinya mengambil masa ribuan kali hari kita, tetapi ini tidaklah bermakna bahawa inilah yang dimaksudkan dengan lima puluh ribu tahun di dalam ayat ini. Kita hanya menyebut hakikat ini untuk memudahkan kita memahami perbezaan di antara satu hari dengan satu hari yang lain.

Jika sehari dari hari-hari Allah itu menyamai lima puluh ribu tahun, maka 'azab Hari Qiamat mungkin dilihat mereka amat jauh, sedangkan di sisi Allah ia amat dekat. Kerana, itu Allah menyeru Nabi-Nya s.a.w. supaya bersabar dengan kesabaran yang elok apabila kaum Musyrikin menggesa supaya disegerakan kedatangan hari yang dekat itu dan mendustakannya.

فَٱصْبِرْ صَبْرًا جَمِيلًا ﴿٥﴾ إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُۥ بَعِيدًا ﴿٦﴾ وَنَرَىٰهُ قَرِيبًا ﴿٧﴾

"Oleh itu, sabarlah (wahai Muhammad!) dengan kesabaran yang elok(5). Sesungguhnya mereka memandang hari itu (Qiamat) jauh(6). Sedangkan Kami memandangnya dekat."(7)

Sabar Satu Keperluan Dalam Perjuangan Da'wah

Seruan dan bimbingan kepada bersifat sabar tidak terpisah dari setiap perjuangan da'wah. Seruan itu berulang-ulang dibuat kepada setiap rasul dan kepada

setiap Mu'min yang mengikut Rasul, kerana ia merupakan satu keperluan untuk memikul beban tugas da'wah yang berat dan menempuh jalan perjuangan yang sukar, juga untuk memelihara jiwa para penda'wah supaya sentiasa berada dalam keadaan tabah, rela dan terikat dengan matlamat yang jauh dan bercita-cita untuk menjangkau ke ufuk yang jauh.

Kesabaran yang elok ialah kesabaran yang tenang tenteram, kesabaran yang tidak diseru perasaan-perasaan marah dan gelisah dan tidak pula disertai rasa ragu-ragu terhadap kebenaran janji Allah. Kesabaran orang yang yakin terhadap akibat-akibat, kesabaran orang yang rela dengan taqdir Allah, kesabaran orang yang menyedari hikmat di sebalik ujian Allah dan kesabaran orang yang sentiasa berhubung dengan Allah dan mencari pahala di sisi-Nya dari apa sahaja kesusahan yang menimpa dirinya.

Inilah warna kesabaran yang wajar dipunyai penda'wah, kerana da'wah ini adalah da'wah Allah dan kepada Allah. Dia tidak mempunyai sesuatu habuan dalam da'wah itu dan tidak mempunyai apa tujuan peribadi dari da'wah itu. Segala kesusahan yang ditempuhi dalam perjuangan da'wah itu adalah untuk Sabilullah dan segala yang berlaku kepadanya dalam perjuangan da'wah adalah dari urusan Allah. Oleh itu, kesabaran yang tenang adalah sesuai dengan hakikat ini dan sesuai dengan kesedaran yang dirasakan dalam hati nurani.

Allah selaku Tuanpunya da'wah yang ditentang para pendusta, dan selaku Tuanpunya janji yang digesakan para pendusta supaya disegerakannya. Dialah yang berhak menentukan peristiwa-peristiwa dan menentukan waktunya mengikut kebijaksanaan dan kehendak pentadbiran-Nya terhadap seluruh alam ini, tetapi manusia tidak mengetahui perencanaan dan pentadbiran Ilahi itu, kerana itu mereka menggesa supaya disegera janji ini, dan apabila mereka merasa lambat, mereka mulai meragui kebenarannya. Mungkin penda'wah-penda'wah itu sendiri merasa gelisah dalam menghadapi keadaan ini dan kadang-kadang timbul di dalam hati mereka cita-cita dan keinginan supaya janji itu segera dilaksanakan Allah, dan kerana inilah Allah Yang Maha Mengetahui mengarah supaya bersabar:

فَاصْبِرْ صَبْرًا جَمِيلًا ٥

"Oleh itu, sabarlah (wahai Muhammad!) dengan kesabaran yang elok."(5)

Perintah ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk meneguhkan hatinya dalam menghadapi tentangan dan pendustaan, juga untuk menjelaskan satu hakikat yang baru iaitu penilaian Allah terhadap semua perkara adalah berlainan dari penilaian manusia, dan ukuran-ukuran-Nya yang mutlak berlainan dari ukuran-ukuran manusia yang kecil:

إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُۥ بَعِيدًا ٦ وَنَرَىٰهُ قَرِيبًا ٧

"Sesungguhnya mereka memandang hari itu (Qiamat) jauh(6). Sedangkan Kami memandangnya dekat."(7)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 9)

Kemudian Al-Qur'an melukiskan pemandangan-pemandangan yang akan berlaku pada itu:

يَوْمَ تَكُونُ ٱلسَّمَآءُ كَٱلْمُهْلِ ٨

وَتَكُونُ ٱلْجِبَالُ كَٱلْعِهْنِ ٩

"Pada hari itu langit menjadi (hancur) seperti perak yang cair(8). Dan gunung-ganang (berterbangan) seperti bulu-bulu."(9)

Kata-kata المهل bererti cairan logam yang keruh seperti keladak minyak yang mendap. Al-Qur'an menjelaskan di berbagai-bagai tempat yang lain bahawa pada hari Qiamat ini akan berlaku malapetaka alam yang amat besar yang mengubahkan kedudukan-kedudukan jirim-jirim di alam buana, sifat-sifat dan nisbah-nisbahnya, hubungan-hubungan dan pertalian-pertaliannya.

Di antara kejadian-kejadian malapetaka alam buana yang akan berlaku pada hari itu ialah langit menjadi seperti logam-logam yang hancur lebur. Ayat-ayat ini patutlah diteliti oleh para pengkaji ilmu fizik dan astronomi kerana menurut pendapat mereka yang kuat, jirim-jirim langit itu adalah tersusun dari logam-logam yang lebur hingga ke darjah gas, iaitu beberapa peringkat selepas darjah lebur dan cair. Mungkin pada hari Qiamat kelak jirim-jirim itu akan padam seperti yang diterangkan oleh ayat:

وَإِذَا ٱلنُّجُومُ ٱنكَدَرَتْ ٢

"Apabila bintang-bintang itu menjadi malap."

(Surah at-Takwir: 2)

Kemudian ia akan sejuk hingga menjadi logam-logam yang cair. Ini bererti sifat gasnya yang ada sekarang akan berubah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 14)

Walau bagaimanapun, ini hanya satu kemungkinan sahaja yang berguna untuk para pengkaji ilmu-ilmu ini menelitinya. Bagi kita, kita hanya berhenti setakat keterangan ayat ini sahaja dalam menghayati kemusnahan alam yang ngeri, ketika langit hancur seperti logam-logam cair yang keruh dan ketika gunung-ganang berterbangan seperti bulu-bulu kapas yang dibusur, juga menghayati kedahsyatan di sebalik pemandangan malapetaka Qiamat yang menguasai jiwa manusia yang diungkapkan oleh Al-Qur'an dengan ungkapan-ungkapan yang begitu mendalam:

وَلَا يَسْـَٔلُ حَمِيمٌ حَمِيمًا ١٠

يُبَصَّرُونَهُمْ ۚ يَوَدُّ الْمُجْرِمُ لَوْ يَفْتَدِي مِنْ عَذَابِ يَوْمِئِذٍ
بِبَنِيهِ ﴿١١﴾ وَصَاحِبَتِهِ وَأَخِيهِ ﴿١٢﴾
وَفَصِيلَتِهِ الَّتِي تُؤْوِيهِ ﴿١٣﴾
وَمَن فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ يُنجِيهِ ﴿١٤﴾

"Dan kawan akrab tidak menanyakan kawannya(10). Sedangkan mereka melihat satu sama lain. Orang yang bersalah bercita-cita jika ia dapat menebuskan dirinya dari 'azab pada hari itu dengan anak-anaknya(11). Dengan isteri dan saudaranya(12). Dengan keluarganya yang melindunginya(13). Dan dengan penghuni-penghuni bumi seluruhnya, kemudian (ia mengharapkan) tebusan itu dapat menyelamatkannya."(14)

Setiap Orang Hanya Memikirkan Masalah Dirinya

Manusia pada hari itu masing-masing sibuk dengan masalah-masalah dirinya sendiri. Dia tidak mempunyai kesempatan memandang keluar dari dirinya dan tidak, mempunyai kelapangan untuk memikir masalah-masalah orang lain, **"Kawan akrab tidak menanyakan kawannya."** Kedahsyatan malapetaka Qiamat itu telah memutuskan segala tali perhubungan dan mempenjarakan setiap orang di dalam masalah-masalah dirinya masing-masing. Mereka tidak menghiraukan satu sama lain walaupun mereka melihatkan satu sama lain seolah-olah mereka sengaja bersikap begitu. Tetapi apa boleh buat, setiap orang masing-masing dengan kerungsingannya, dan setiap hati masing-masing dengan urusannya. Tidak terlintas dalam hati sahabat yang akrab untuk bertanya khabar kawannya atau meminta pertolongan darinya. Kesusahan dan ketakutan menyelubungi semua orang.

Bagaimana pula dengan orang yang bersalah? Seluruh perasaannya dikongkongi ketakutan hingga dia bercita-cita untuk menebuskan dirinya dari 'azab hari itu dengan orang-orang yang dekat yang paling disayanginya iaitu dengan anak-anaknya, isterinya, saudaranya dan keluarganya yang dekat yang selalu memberi perlindungan kepadanya, malah kerana terlalu ingin menyelamatkan dirinya dia hilang perasaan terhadap orang lain hingga dia berangan-angan untuk menebuskan dirinya dengan seluruh penghuni bumi, kemudian ia mengharapkan tebusan itu dapat menyelamatkannya. Itulah gambaran keinginan yang terharu dan mendesak, gambaran perasaan takut yang membingungkan dan gambaran cita-cita yang liar untuk melepaskan diri. Itulah gambaran yang ditekatkan dengan bunga-bunga huru-hara, kesusahan dan ketakutan yang terlukis di dalam pengungkapan Al-Qur'an yang menarik.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 18)

Tetapi ketika orang yang bersalah itu dilamun angan-angan untuk mendapatkan perkara yang mustahil itu, tiba-tiba dia mendengar pengumuman yang memutuskan seluruh harapan dan angan-angannya yang palsu itu sebagaimana yang didengarkan oleh khalayak ramai mengenai situasi Qiamat dan segala apa yang berlaku pada hari itu:

كَلَّا ۖ إِنَّهَا لَظَىٰ ﴿١٥﴾ نَزَّاعَةً لِّلشَّوَىٰ ﴿١٦﴾
تَدْعُو مَنْ أَدْبَرَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٧﴾ وَجَمَعَ فَأَوْعَىٰ ﴿١٨﴾

"Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Neraka itu adalah api yang bernyala-nyala(15). Yang mencabut kulit kepala(16). Ia memanggil mereka yang membelakangi dan berpaling (dari keimanan)(17). Dan mereka yang mengumpulkan harta kekayaan kemudian menyimpan."(18)

Setiap Orang Berangan-angan Menebus Dirinya

Itulah satu pemandangan yang menerbangkan seluruh cahaya harapan hati setelah menjadi bingung dalam situasi Qiamat yang penuh derita dan huru-hara. *"Tidak sekali-kali begitu!"* Kata-kata ini menolak seluruh harapan dan angan-angan yang mustahil untuk menebuskan diri dengan anak-anak, isteri, saudara mara, keluarga dan penghuni bumi.

Neraka Bertindak Seperti Makhluk Yang Hidup

"Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Neraka itu api yang bernyala-nyala" yang membakar "Yang mencabut kulit kepala" dan kulit muka dengan dahsyatnya. Neraka itu amat menakutkan laksana hantu raksaksa. Neraka yang hidup bernyawa itu turut mengambil bahagian menyaksi dan mengazab dengan kemahuannya sendiri:

تَدْعُو مَنْ أَدْبَرَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٧﴾ وَجَمَعَ فَأَوْعَىٰ ﴿١٨﴾

"Ia memanggil mereka yang membelakangi dan berpaling (dari keimanan)(17). Dan mereka yang mengumpulkan harta kekayaan kemudian menyimpan."(18)

Maksudnya, Neraka itu memanggil mereka sebagai-mana mereka pernah dipanggil di dunia untuk menerima hidayat Allah, tetapi mereka membelakangi dan berpaling dari panggilan hidayat itu. Tetapi hari ini apabila mereka dipanggil api Neraka mereka tidak berdaya lagi untuk membelakangi dan berpaling dari panggilannya. Dahulu mereka tidak menghiraukan da'wah kerana sibuk dengan urusan mengumpulkan harta kekayaan dan menyimpan di dalam peti-petinya, tetapi hari ini apabila mereka dipanggil api Neraka, mereka tidak berupaya lagi untuk mengabaikan panggilannya dan tidak mempunyai harapan lagi untuk menebuskan diri mereka walaupun dengan seluruh penghuni bumi.

Gambaran Masyarakat Makkah Yang Kufur, Kejam Dan Tamak

Surah ini dan surah sebelumnya, juga Surah al-Qalam, masing-masing menekankan kecaman terhadap sikap manusia yang tidak ingin berbuat kebajikan dan tidak berusaha menggalakkan satu

sama lain untuk memberi makanan kepada fakir miskin, juga kecaman terhadap sikap tamak mengumpul dan menyimpankan harta kekayaan di samping mengecamkan sikap kufur, mendustakan da'wah dan melakukan maksiat. Penekanan sedemikian menunjukkan bahawa da'wah Islam di Makkah menghadapi keadaan-keadaan yang khusus, iaitu keadaan-keadaan manusia yang bakhil, tamak dan haloba, di samping berdegil dengan kekufuran, pendustaan dan kesesatan. Kerana inilah kecaman dan peringatan terhadap akibat sikap dan perbuatan ini perlu diulang-ulangkan, kerana sikap yang seperti itu mengakibatkan hukuman 'azab sama seperti perbuatan kufur dan syirik terhadap Allah.

Di dalam surah ini terdapat isyarat-isyarat yang menunjukkan kepada pengertian itu. Masyarakat Makkah di waktu itu adalah masyarakat yang sibuk dengan kegiatan mengumpul harta kekayaan melalui perdagangan dan pinjaman-pinjaman berbunga (riba). Orang-orang yang menjadi tuan-tuan punya perdagangan dan angkatan-angkatan kafilah dalam perjalan-perjalanan di musim dingin dan di musim panas ialah pembesar-pembesar Quraysy. Di sana terdapat gejala-gejala perlumbaan dan pertandingan sengit untuk mendapat kekayaan, juga gejala-gejala kekikiran dan kebakhilan yang menyebabkan golongan miskin dan anak-anak yatim, hidup dalam kesusahan dan penderitaan. Kerana itulah Al-Qur'an berkali-kali menyentuh perkara ini dan berkali-kali memberi amaran, malah Al-Qur'an terus menerus mengubati penyakit kikir dan bakhil ini dan terus menerus menyerang penyakit itu di dalam lubuk hati manusia sebelum dan sesudah negeri Makkah ditakluk oleh Rasulullah s.a.w. Ini adalah jelas kepada siapa yang mengikui ayat-ayat yang mengandungi amaran-amaran dan peringatan-peringatan Allah terhadap perbuatan-perbuatan makan riba, makan harta orang lain dengan cara yang salah dan makan harta anak yatim di luar batas yang wajar atau secara tergesa-gesa sebelum mereka meningkat dewasa. Juga amaran terhadap perbuatan zalim kepada anak-anak gadis yang yatim dan perbuatan memaksa mereka menerima perkahwinan yang zalim kerana tamakkan harta kekayaan yang diwarisi mereka, juga amaran terhadap perbuatan meng-herdikkan peminta-peminta, perbuatan bertindak kejam terhadap anak-anak yatim dan perbuatan membiarkan orang-orang miskin hidup menderita dan sebagainya dari perbuatan-perbuatan yang diberi kecaman-kecaman dan amaran-amaran keras yang berturut-turut yang benar-benar menggambarkan sifat-sifat masyarakat Makkah di waktu itu. Amaran-amaran itu di samping merupakan bimbingan dan arahan-arahan yang tetap untuk mengubati jiwa manusia di mana-mana masyarakat sekalipun, kerana perasaan kasihkan harta, tamakkan kekayaan, bakhil mendermakannya, keinginan mengumpul dan menyimpan harta merupakan penyakit berat yang mencengkam hati manusia. Usaha untuk membebaskan manusia dari cengkaman penyakit ini memerlukan perjuangan yang berterusan dan pengubatan yang berpanjangan.

Kini setelah selesai menggambarkan keadaan-keadaan huru-hara yang menakutkan di dalam pemandangan-pemandangan Hari Qiamat dan 'azab keseksaannya, Al-Qur'an beralih kepada menggambarkan hakikat jiwa manusia yang beriman dan tidak beriman dalam menghadapi kesusahan dan kesenangan, dan menerangkan kesudahan orang-orang Mu'min dan kesudahan orang-orang kafir yang berdosa. Lihat ayat 19 – 35:

إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعٗا ﴿٢٠﴾
وَإِذَا مَسَّهُ ٱلۡخَيۡرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾ إِلَّا ٱلۡمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾
ٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَاتِهِمۡ دَآئِمُونَ ﴿٢٣﴾
وَٱلَّذِينَ فِيٓ أَمۡوَٰلِهِمۡ حَقّٞ مَّعۡلُومٞ ﴿٢٤﴾
لِّلسَّآئِلِ وَٱلۡمَحۡرُومِ ﴿٢٥﴾
وَٱلَّذِينَ يُصَدِّقُونَ بِيَوۡمِ ٱلدِّينِ ﴿٢٦﴾
وَٱلَّذِينَ هُم مِّنۡ عَذَابِ رَبِّهِم مُّشۡفِقُونَ ﴿٢٧﴾
إِنَّ عَذَابَ رَبِّهِمۡ غَيۡرُ مَأۡمُونٖ ﴿٢٨﴾
وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِفُرُوجِهِمۡ حَٰفِظُونَ ﴿٢٩﴾
إِلَّا عَلَىٰٓ أَزۡوَٰجِهِمۡ أَوۡ مَا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُهُمۡ فَإِنَّهُمۡ غَيۡرُ
مَلُومِينَ ﴿٣٠﴾
فَمَنِ ٱبۡتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡعَادُونَ ﴿٣١﴾
وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِأَمَٰنَٰتِهِمۡ وَعَهۡدِهِمۡ رَٰعُونَ ﴿٣٢﴾
وَٱلَّذِينَ هُم بِشَهَٰدَٰتِهِمۡ قَآئِمُونَ ﴿٣٣﴾
وَٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَاتِهِمۡ يُحَافِظُونَ ﴿٣٤﴾
أُوْلَٰٓئِكَ فِي جَنَّٰتٖ مُّكۡرَمُونَ ﴿٣٥﴾

Gambaran manusia yang kosong dari iman seperti yang dilukiskan oleh Al-Qur'an (dalam ayat-ayat ini) adalah satu gambaran yang amat tepat dan seni. Ia menggambarkan siat-sifat semulajadi manusia iaitu sifat-sifat yang tidak dapat dihindari melainkan

dengan pertolongan keimanan yang menghubungkannya dengan Allah sebagai sumber ketenteraman yang dapat memeliharanya dari kegelisahan ketika menghadapi kesusahan, dan dapat memeliharanya dari kekikiran ketika ia memiliki kekayaan dan kesenangan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 21)

إِنَّ ٱلۡإِنسَٰنَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾

وَإِذَا مَسَّهُ ٱلۡخَيۡرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya manusia itu diciptakan dengan tabi'at cepat gelisah(19). Apabila dia disentuh kemusnahan dia menjadi amat cemas(20). Dan apabila dia disentuh kesenangan dia menjadi amat kikir."(21)

Mengapa Insan Dikongkong Perasaan Gelisah Dan Tabi'at Kikir

Tiga ayat yang pendek ini memberi gambaran yang sungguh hidup. Ia menggambarkan manusia yang amat gelisah dan cemas bila disentuh kesusahan, seolah-olah kesusahan itu akan terus mencengkaminya buat selama-lamanya. Tiada lagi jalan keluar, tiada lagi perubahan yang dapat diharap dari Allah, kerana itu ia terus dimakan kegelisahan dan dikoyak-koyakkan oleh kecemasan. Semuanya ini berpunca kerana dia tidak berlindung pada tempat yang kukuh yang dapat mengotakan keazamannya dan dapat menggantungkan harapannya. Ia menggambarkan manusia yang kikir dan bakhil apabila ia mendapat kekayaan dan kesenangan. Dia mengira bahawa kekayaan dan kesenangan itu adalah semata-mata dari hasil usaha dan penat jerihnya kerana itu dia merasa begitu bakhil untuk ditumpahkannya kepada orang lain dan terus menyimpankan kekayaan itu untuk keni'matan dirinya sahaja. Kini dia menjadi hamba dan tawanan harta kekayaannya kerana dia tidak memahami hakikat rezeki dan hakikat peranannya di dalam rezeki itu. Dia tidak mengharapkan sesuatu yang lebih baik dari Allah kerana dia telah putus dari Allah dan hatinya kosong dari Allah. Di dalam menghadapi dua keadaan ini, dia selama-lamanya gelisah dan cemas iaitu gelisah dan cemas terhadap kesusahan, dan gelisah dan cemas terhadap harta kekayaannya. Itulah, gambaran manusia yang sungguh malang dan menderita apabila hatinya kosong dari iman.

Keimanan Adalah Sikap Jiwa, Cara Hidup Dan Kefahaman Yang Syumul

Dari sini jelaslah bahawa keimanan kepada Allah itu merupakan satu persoalan yang amat besar dalam kehidupan manusia. Keimanan bukannya kata-kata yang diucap dan bukannya lambang-lambang ibadat yang dilaksanakan, malah keimanan adalah satu keadaan atau sikap jiwa dan satu cara hidup dan satu kefahaman lengkap terhadap nilai-nilai, peristiwa-peristiwa dan keadaan-keadaan. Apabila hati manusia kosong dari teras keimanan itu, dia akan menjadi goyang dan goyah, dia akan dipermain-mainkan angin seperti bulu, dia sentiasa dilambung gelisah dan takut sama ada ditimpa kesusahan atau mendapat kekayaan dan kesenangan. Tetapi apabila hatinya dipenuhi iman, dia berada dalam ketenangan dan ketenteraman kerana dia berhubung rapat dengan Allah yang menentukan segala peristiwa dan keadaan. Dia tenang menerima taqdir-taqdir Allah, dia sedar terhadap rahmat dan kasihan belas Allah, dia menghargai ujian Allah, dia sentiasa mengharapkan pertolongan Allah untuk mendapatkan jalan keluar dari kesusahan yang dihadapinya. Dia membuat kebajikan dengan niat yang ikhlas kepada Allah, kerana dia sedar bahawa apa yang dibelanjakannya adalah dari rezeki yang dikurniai Allah, dan yakin bahawa dia akan diberi ganjaran yang baik terhadap perbelanjaan yang dikorbankan untuk Sabilullah sama ada di dunia atau di Akhirat. Keimanan mengeluarkan hasil yang menguntungkan di dunia sebelum seseorang itu mendapat balasan yang baik di Akhirat. Hasil keuntungannya di dunia terlaksana dalam bentuk meni'mati ketenangan, ketenteraman, kemantapan dan kestabilan di sepanjang pengembaraan hidup dunia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 26)

Kemudian Al-Qur'an menerangkan sifat orang-orang Mu'min yang dikecualikan dari menjadi korban kegelisahan:

إِلَّا ٱلۡمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾

ٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَاتِهِمۡ دَآئِمُونَ ﴿٢٣﴾

"Kecuali mereka yang mendirikan solat(22). Yang tekun mengerjakan solat mereka."(23)

Sifat Solat Yang Menjadi Penawar Kegelisahan

Ibadat solat selain dari menjadi rukun Islam dan tanda keimanan, ia juga merupakan sarana perhubungan dengan Allah dan sarana mencari bekalan kekuatan dari-Nya. Solat

merupakan pernyataan dari perhambaan yang tulen, di mana terserlah, maqam Rububiyah dan maqam Ubudiyah dalam bentuk yang tertentu dan sifat *"Yang tekun mengerjakan solat mereka"* memberi gambaran solat yang didirikan dengan tetap dan berterusan, iaitu solat yang tidak diputuskan oleh ketinggalan, kecuaian dan kemalasan, solat yang membuat perhubungan yang terus menerus dengan Allah tanpa putus-putus. Kebiasaan Rasulullah s.a.w. apabila beliau mengerjakan sesuatu ibadat, beliau akan mengerjakan dengan tekun. Sabdanya:

وإن أحب الأعمال إلى الله تعالى ما دام وإن قل

Sesungguhnya amalan yang paling disukai Allah S.W.T ialah amalan yang dikerjakan dengan tekun sekalipun sedikit." [2]

Tujuannya supaya amalan ibadat mempunyai sifat-sifat yang tenteram, mantap, tekun dan tetap dalam perhubungan dengan Allah sesuai dengan kehormatan perhubungan itu sendiri bukannya suatu amalan main-mainan yang kadang-kadang dikerjakan dan kadang-kadang ditinggalkan mengikut selera.

وَٱلَّذِينَ فِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ﴿٢٤﴾

لِّلسَّآئِلِ وَٱلْمَحْرُومِ ﴿٢٥﴾

"Dan mereka yang memperuntukkan sebahagian yang tertentu dari harta kekayaan mereka(24). Untuk orang yang meminta pertolongan dan orang yang susah."(25)

Penawar Untuk Mengubati Penyakit Bakhil

Yang dimaksudkan dengan peruntukan itu secara khususnya ialah zakat dan sedekah-sedekah yang tertentu kadarnya. Peruntukan ini merupakan suatu hak atau kewajipan di dalam harta kekayaan orang-orang Mu'min. Atau mungkin pula tujuannya lebih luas dan lebih besar dari ini lagi, iaitu mereka memperuntukkan sebahagian tertentu dari harta kekayaan mereka dengan kesedaran sebagai hak orang yang meminta bantuan dan orang-orang yang susah. Dengan ini mereka dapat membebaskan diri mereka dari sifat kikir dan tamak di samping membuat setiap yang berada merasa berkewajipan membantu yang tidak berada. Maksud **"Orang yang meminta"** ialah orang yang meminta bantuan dan pertolongan dan maksud **"Orang susah"** ialah orang yang susah, tetapi tidak menyatakan kesusahannya kepada orang lain dan tidak meminta pertolongan dari mereka atau orang yang susah kerana ditimpa bencana-bencana alam, tetapi dia menanggung kesusahan itu tanpa meminta bantuan orang lain.

Kesedaran bahawa orang-orang yang berada di dalam kesusahan itu mempunyai hak di dalam harta kekayaan seseorang Mu'min merupakan kesedaran terhadap ni'mat kesenangan yang dikurniakan Allah kepadanya dan kesedaran terhadap hubungan insaniyah sesama manusia di samping pembebasan diri dari belenggu tamak haloba. Sekaligus itu juga ia merupakan jaminan keselamatan sosial untuk memelihara perpaduan dan kerjasama umat Muslimin seluruhnya. Oleh itu, fardhu zakat mempunyai berbagai-bagai tujuan baik dalam alam dhamir mahupun dalam alam kenyataan. Ia disebut di sini sebagai salah satu dari sifat-sifat orang yang beriman dan salah satu dari siri perubatan untuk menghapuskan penyakit kikir dan tamak.

---

[2] *Dari Hadith 'Aisyah. Dikeluarkan oleh Enam Pengumpul Hadith.*

وَٱلَّذِينَ يُصَدِّقُونَ بِيَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٢٦﴾

"Dan mereka membenarkan hari balasan."(26)

Kesan Dari Kepercayaan Kepada Akhirat Dalam Cara Berfikir Seseorang

Sifat ini mempunyai hubungan secara langsung dengan pokok pembicaraan surah ini. Ia merupakan sifat orang yang beriman, kerana kepercayaan kepada Hari Balasan adalah separuh dari keimanan. Ia mempunyai implikasi positif dalam cara hidup seseorang baik dari segi kesedaran jiwanya mahupun dari segi pembawaan tingkah lakunya. Neraca di tangan orang yang beriman kepada Hari Balasan berlainan dari neraca di tangan orang yang mendustakan hari itu atau orang yang ragu-ragu terhadapnya, iaitu neraca hidup, nilai-nilai, amalan-amalan dan peristiwa-peristiwa. Orang yang beriman kepada Hari Balasan bekerja dan beramal dengan berpedomankan neraca samawi bukan neraca bumi dan dengan memperhitungkan hisab Akhirat bukan memperhitungkan hisab dunia. Dia menerima peristiwa-peristiwa di dunia sama ada baik atau buruk dan memperhitungkannya sebagai pendahuluan-pendahuluan sahaja sedangkan hasil-hasilnya yang sebenar yang akan diterimanya ialah di alam Akhirat, dan justeru itu dia hanya mengira hasil-hasil yang diharapkannya di Akhirat sahaja apabila ia menimbang dan menilaikan peristiwa-peristiwa itu. Tetapi orang yang tidak beriman kepada Hari Balasan memperhitungkan segala sesuatu mengikut apa yang berlaku kepadanya dalam kehidupan dunia yang pendek dan terbatas ini di mana dia bergerak dalam perbatasan-perbatasan bumi dan umurnya yang pendek ini sahaja, kerana itulah perhitungannya berlainan dan hasil pertimbangannya juga berlainan dan akhirnya ia mendapat hasil-hasil pertimbangan yang salah di samping terkepung di ruang tempat dan ruang zaman yang terbatas. Orang yang tidak beriman kepada Hari Balasan adalah seorang yang malang, terseksa dan gelisah kerana segala apa yang berlaku kepadanya dalam kehidupan dunia yang menjadi tumpuan perhatian, perhitungan dan penilaiannya itu kadang-kadang tidak menyenangkannya, kadang-kadang tidak adil dan kadang-kadang tidak rasional selama ia tidak menambahkannya dengan perhitungan nilai-nilai hidup Akhirat yang lebih besar dan kekal. Itulah punca keseksaan jiwa mereka yang tidak membuat perhitungan alam Akhirat atau punca keseksaan orang lain yang hidup di sekelilingnya. Dia tidak dapat menjalani hidup yang mulia dengan jujur jika ia tidak dapat melihat balasannya yang jelas di bumi ini. Kerana itulah kepercayaan kepada hari Akhirat merupakan separuh dari keimanan yang menjadi asas sistem hidup Islamiyah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 28)

وَالَّذِينَ هُم مِّنْ عَذَابِ رَبِّهِم مُّشْفِقُونَ ﴿٢٧﴾

إِنَّ عَذَابَ رَبِّهِمْ غَيْرُ مَأْمُونٍ ﴿٢٨﴾

"Dan mereka yang takut kepada 'azab Tuhan mereka (27). Kerana sesungguhnya 'azab Tuhan mereka tidak wajar dirasakan aman." (28)

Sifat Peka Dan Takut Kepada Balasan Allah

Ini satu lagi darjah di sebalik kepercayaan kepada hari balasan iaitu darjah wujudnya perasaan yang peka, waspada dan hati-hati, darjah merasa taksir dan tidak sempurna melakukan keta'atan kepada Allah walaupun ia banyak mengerjakan amal ibadat, darjah wujudnya perasaan takut terpesong dari jalan Allah dan mendapat balasan seksanya pada bila-bila waktu dan darjah wujudnya perasaan yang sentiasa mengharapkan perlindungan dan pemeliharaan dari Allah.

Rasulullah s.a.w., walaupun beliau diutuskan Allah, walaupun beliau tahu bahawa beliau telah dipilih dan dipeliharakan Allah, namun beliau sentiasa takut kepada 'azab Allah, kerana beliau yakin bahawa amalannya sahaja tidak dapat melindunginya dan tidak dapat memasukkannya ke dalam Syurga melainkan dengan limpah kurnia dan rahmat dari Allah. Beliau telah bersabda kepada sahabatnya:

لن يدخل الجنة أحداً عمله ، قالوا : ولا أنت يا رسول الله ؟ قال : ولا أنا إلا أن يتغمدني الله برحمته.

"Amalan seseorang itu tidak akan dapat memasukkannya ke dalam Syurga." Lalu mereka berkata: "Walaupun anda sendiri, wahai Rasulullah?" Jawab beliau: "Ya. Walaupun aku sendiri kecuali Allah lindungiku dengan rahmat-Nya."

(Diriwayatkan al-Bukhari, Muslim dan an-Nasa'i)

Firman-Nya yang berikut:

إِنَّ عَذَابَ رَبِّهِمْ غَيْرُ مَأْمُونٍ ﴿٢٨﴾

"Kerana sesungguhnya 'azab Tuhan mereka tidak wajar dirasakan aman" (28)

menyarankan supaya adanya kepekaan yang berterusan, tidak lalai walau sesa'at pun. Kadang-kadang maksiat-maksiat yang mewajibkan 'azab Allah itu berlaku di sa'at kelalaian dan menyebabkan seseorang itu mendapat 'azab. Allah hanya menuntut supaya manusia selalu berwaspada dan peka, dan andainya dalam kewaspadaan itu ia dikalahkan juga oleh kelemahan-kelemahannya, maka rahmat Allah tetap terbuka luas dan keampunan-Nya tetap hadir menunggunya, kerana pintu taubat tidak berkunci. Inilah asas pertimbangan dalam Islam di antara kelalaian dan kegelisahan. Islam bukan kelalaian dan bukan pula kegelisahan. Kedudukan hati yang sentiasa berhubung dengan Allah tetap berwaspada dan menaruh harapan kepada Allah, tetap takut dan inginkan keampunan Allah dan tetap yakin kepada rahmat-Nya pada setiap keadaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 31)

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٢٩﴾

إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٣٠﴾

فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٣١﴾

"Dan mereka yang memelihara anggota kelamin mereka (29). Melainkan dengan isteri-isteri mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak tercela(30). Oleh itu, siapa yang mencari keni'matan (seks) melebihi batas itu, maka mereka adalah pelampau-pelampau."(31)

Dasar Hubungan Seks Yang Halal

Ayat ini menyarankan kebersihan diri dan kebersihan kelompok Muslimin. Islam mahukan sebuah masyarakat yang bersih, suci, jelas dan terang iaitu sebuah masyarakat yang dapat dilaksanakan segala fungsinya yang terpenting, sebuah masyarakat yang memenuhi keinginan semulajadi, tetapi bukan dengan cara melulu yang menepikan perasaan malu dan aib dan bukan dengan putarbelit yang membunuh sifat terus terang yang bersih, sebuah masyarakat yang berasaskan kekeluargaan yang halal, kukuh dan berasaskan rumahtangga yang terang iaitu masyarakat yang setiap anak mengenal bapanya dan tidak malu ia dilahirkan ke dunia, bukan kerana sifat malu telah tercabut dari muka dan hati, tetapi kerana hubungan kelamin dalam masyarakat itu dilakukan dengan asas yang suci, terang, terikat dalam hubungan perkahwinan yang panjang masanya dan bermatlamat untuk memenuhi kewajipan insaniyahnya dan kewajipan kemasyarakatan, bukan semata-mata untuk memuaskan hawa nafsu kebinatangan dan keinginan seks.

Kerana itulah Al-Qur'an menyebut di antara sifat-sifat Mu'min dalam surah ini ialah:

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٢٩﴾

إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٣٠﴾

فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٣١﴾

"Dan mereka yang memelihara anggota kelamin mereka (29). Melainkan dengan isteri-isteri mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak tercela(30). Oleh itu, siapa yang mencari keni'matan (seks) melebihi batas itu, maka mereka adalah pelampau-pelampau."(31)

Wanita-wanita Yang Dijadikan Abdi

Ayat ini menjelaskan kebersihan hubungan dengan isteri-isteri dan hamba-hamba sahaya yang dimiliki dan wujud dengan satu sebab yang halal. Satu-satunya sebab yang halal yang diakui oleh Islam ialah wanita-wanita itu ditawan di dalam peperangan Sabilullah iaitu satu-satunya peperangan yang dibenarkan oleh Islam. Nasnya yang menjadi dasar hukum tawanan itu adalah tersebut di dalam Surah Muhammad:

فَإِذَا لَقِيتُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا فَضَرْبَ الرِّقَابِ حَتَّىٰ إِذَا أَثْخَنتُمُوهُمْ فَشُدُّوا الْوَثَاقَ فَإِمَّا مَنًّا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَاءً حَتَّىٰ تَضَعَ الْحَرْبُ أَوْزَارَهَا

"Apabila kamu bertempur dengan orang-orang kafir, maka hendaklah kamu pancungkan leher mereka sehingga apabila kamu telah dapat menghalangkan mereka maka hendaklah kamu (tawankan mereka) dan ikatkan mereka dan setelah itu bolehlah kamu bebaskan mereka atau menerima tebusan sehingga peperangan itu berhenti."

(Surah Muhammad: 4)

Tetapi kadang-kadang setengah-setengah tawanan itu tertinggal iaitu tidak dibebas dan tidak dibayar tebusan kerana sebab-sebab yang wujud pada masa itu, maka mereka dikira sebagai hamba sahaya jika pihak musuh memperhambakan tawanan-tawanan Islam dengan apa sahaja bentuk perhambaan walaupun mereka tidak menamakannya dengan nama perhambaan. Ketika inilah sahaja Islam mengharuskan wanita-wanita hamba yang tertawan itu disetubuhi oleh tuanmasnya sahaja. Di samping itu Islam menjadikan pembebasan mereka bergantung kepada berbagai-bagai cara yang disyarakkan untuk menghapuskan perhambaan itu. Islam tetap berpegang teguh dengan dasarnya yang terang dan bersih. Islam tidak membiarkan tawanan-tawanan wanita dalam percampuran seks yang kotor dan bebas tanpa peraturan seperti yang berlaku kepada tawanan-tawanan wanita di dalam peperangan-peperangan zaman dahulu dan sekarang. Islam tidak menyamar-nyamar dan tidak berbelit-belit dengan menamakan wanita-wanita itu sebagai wanita-wanita merdeka sedangkan mereka sebenarnya hamba sahaya.

فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٣١﴾

"Oleh itu siapa yang mencari keni'matan (seks) melebihi batas itu, maka mereka adalah pelampau-pelampau."(31)

Dengan ayat ini Islam menutup pintu kepada segala kekotoran seks baik dalam apa bentuk sekalipun melainkan melalui dua saluran yang terang itu sahaja. Islam tidak memandang kotor kepada fungsi seks semulajadi, ia hanya memandang kotor kepada penyelewengan-penyelewengannya sahaja, kerana Islam bersih, terang dan lurus.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 33)

Menepati Janji Dan Memelihara Amanah Sifat Utama Mu'minin

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٣٢﴾

"Dan mereka yang memelihara amanah-amanah dan janji-janji mereka."(32)

Ayat ini merupakan asas-asas akhlak dan di atas asas-asas inilah Islam menegakkan peraturan masyarakatnya. Pemeliharaan amanah-amanah dan janji-janji itu adalah bermula dari pemeliharaan amanah agung yang ditawarkan Allah kepada langit dan bumi, kemudian kedua-duanya enggan dan takut untuk memikulkannya kecuali manusia sahaja yang sanggup memikulnya, iaitu amanah 'aqidah dan kesanggupan menjunjungkannya dengan penuh kejujuran dan dengan penuh kerelaan hati bukannya dengan terpaksa. Pemeliharaan janji-janji itu juga lahir dari pemeliharaan janji manusia yang pertama semasa mereka masih berada dalam sulbi-sulbi, di mana mereka mengaku bahawa Allah itulah Tuhan mereka Yang Maha Esa. Malah dari pemeliharaan amanah-amanah dan janji-janji inilah lahirnya pemeliharaan segala amanah dan janji di dalam semua mu'amalah dalam kehidupan dunia. Islam amat menekankan pemeliharaan amanah dan janji dan mengulang-ngulangkan saranannya dengan tegas supaya masyarakat dapat dibangunkan di atas asas-asas akhlak dan kepercayaan yang kukuh. Islam menjadikan sifat memelihara amanah dan janji sebagai sifat jiwa yang beriman sebagaimana Islam jadikan sifat mengkhianati amanah dan memungkiri janji itu sebagai sifat jiwa yang munafiq dan kafir. Hakikat ini dijelaskan di berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'an dan as-Sunnah. Ini tidak syak lagi menunjukkan betapa pentingnya sifat ini dalam tradisi Islam.

وَالَّذِينَ هُم بِشَهَادَاتِهِمْ قَائِمُونَ ﴿٣٣﴾

"Dan mereka yang memberi kesaksian dengan jujur."(33)

Kesediaan Menjadi Saksi Yang Benar

Allah telah menghubungkan kewajipan memberi kesaksian itu dengan berbagai-bagai hak, malah Allah hubungkannya dengan hukum-hukum hudud Allah yang dijalankan dengan berdasarkan kesaksian, kerana itulah Allah menekankan kewajipan memberi kesaksian dan mengingatkan mereka supaya jangan mengelak diri dari kewajipan itu, dan jangan menyembunyikan kesaksian itu ketika diadakan perbicaraan. Kewajipan memberi kesaksian ialah memberi keterangan dengan benar tanpa berat sebelah dan tanpa pemesongan. Allah jadikan pemberian kesaksian itu mempunyai hubungan yang rapat dengan keta'atan kepada-Nya. Firman-Nya:

وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ

"Dan tunaikanlah kesaksian itu kerana Allah."

(Surah at-Talaq: 2)

Di dalam surah ini Allah jadikan sifat kesediaan memberi kesaksian sebagai salah satu dari sifat-sifat orang Mu'min dan salah satu dari amanah-amanah yang wajib dipelihara. Ia disebutkan khusus di dalam surah ini untuk menunjukkan betapa pentingnya sifat itu.

Jika mendirikan solat disebut oleh Al-Qur'an di permulaan ayat sebagai sifat pertama orang yang beriman, maka Al-Qur'an juga menyebutkan solat sekali lagi pada akhir ayat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 35)

Konsep Mendirikan Solat Dengan Tekun Berlainan Dari Konsep Memelihara Solat

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٣٤﴾

"Dan mereka yang memelihara solat mereka."(34)

Sifat memelihara solat berlainan dengan sifat tekun mengerjakan solat yang disebutkan di awal sifat-sifat orang yang beriman itu, kerana memelihara solat bererti memelihara waktu-waktunya, memelihara segala yang fardhu dan segala yang sunat, memelihara segala sunat hai'ahnya dan memelihara roh solat ketika mendirikannya. Oleh itu, mereka tidak mengabai dan mencuaikan solat kerana malas dan tidak pula mensia-siakan solat dengan mengerjakannya tanpa mengikut peraturan-peraturannya yang sempurna. Persoalan solat yang disebutkan di awal dan di akhir ayat menyarankan agar solat diberi perhatian yang berat, dan dengan ayat ini berakhirlah penjelasan tentang sifat-sifat orang yang beriman.

Kemudian ia menjelaskan kesudahan golongan orang-orang Mu'min sesudah menjelaskan kesudahan golongan orang-orang kafir sebelum ini:

أُولَٰئِكَ فِي جَنَّاتٍ مُكْرَمُونَ ﴿٣٥﴾

"Mereka semuanya akan dimuliakan di dalam syurga-syurga."(35)

Ayat yang pendek ini mengumpulkan dua jenis ni'mat iaitu ni'mat fizikal dan ni'mat rohaniyah yang dini'mati mereka dalam Syurga. Mereka juga akan mendapat penghormatan di samping mendapat kelazatan ni'mat fizikal sebagai balasan terhadap budi pekerti mereka yang luhur yang menjadi ciri-ciri orang-orang yang beriman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 39)

Perhimpunan Yang Bermotif Jahat

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pula salah satu dari pemandangan da'wah di Makkah yang menunjukkan kaum Musyrikin tergesa-gesa berkumpul mengerumuni Rasulullah s.a.w. yang sedang membaca Al-Qur'an. Mereka datang berpuak-puak mengelilingi beliau. Lalu Allah kecamkan kedatangan dan perhimpunan mereka yang terburu-buru itu kerana perhimpunan itu bukan bertujuan untuk mencari hidayat dari bacaan Rasulullah s.a.w. yang didengar oleh mereka:

فَمَالِ الَّذِينَ كَفَرُوا قِبَلَكَ مُهْطِعِينَ ﴿٣٦﴾

عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشِّمَالِ عِزِينَ ﴿٣٧﴾

"Mengapakah orang-orang yang kafir itu tergesa-gesa menuju ke arahmu?(36). Berpuak-puak dari kanan dan kiri?"(37)

. Ayat ini secara mengejek menyatakan kehairanan terhadap pergerakan dan perhimpunan mereka yang sedemikian rupa sambil mempersoalkan tujuannya. Mereka datang dengan langkah-langkah yang cepat menuju ke tempat Rasullullah s.a.w. bukan untuk mendengar dan mencari hidayat, tetapi semata-mata untuk menonton dengan perasaan pelik dan aneh, dan setelah itu mereka bersurai dan berkumpul di sana sini seraya berbisik-bisik untuk merancangkan tindakan-tindakan jahat dan untuk menjawab bidasan-bidasan Al-Qur'an yang didengar mereka.

Mengapa mereka berbuat demikian?

أَيَطْمَعُ كُلُّ امْرِئٍ مِنْهُمْ أَنْ يُدْخَلَ جَنَّةَ نَعِيمٍ ﴿٣٨﴾

"Apakah setiap orang dari mereka ingin dimasukkan ke dalam Syurga?"(38)

Pada hal apa yang dilakukan mereka tidak akan membawa mereka ke Syurga, malah akan membawa mereka ke Neraka tempat kediaman sekalian orang yang berdosa, atau apakah mereka menyangka bahawa diri mereka merupakan sesuatu yang sangat mulia di sisi Allah sedangkan mereka tidak beriman kepada-Nya dan melakukan penindasan-penindasan terhadap Rasul-Nya? Mereka mendengar Al-Qur'an tetapi secara rahsia mereka merancangkan tipu muslihat yang jahat. Adakah mereka fikir dengan perbuatan-perbuatan itu mereka berhak untuk memasuki Syurga dengan anggapan kerana mereka mempunyai nilai yang tinggi di sisi Allah?

كَلَّا ۖ إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِمَّا يَعْلَمُونَ ﴿٣٩﴾

"Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Kami ciptakan mereka dari bahan yang mereka ketahui."(39)

Ya! Mereka memang tahu dari bahan apakah mereka diciptakan. Mereka memang tahu bahawa mereka diciptakan dari air mani yang hina. Ungkapan Al-Qur'an yang indah memberi satu cubitan yang amat mendalam dan menyapu bersih segala perasaan sombong mereka dan menghapuskan segala keangkuhan mereka tanpa mengeluarkan sepatah kata kesat atau satu ungkapan tajam yang melukakan hati. Isyarat yang sekilas itu telah menggambarkan kehinaan, kekerdilan dan kemurahan nilai mereka

dengan gambaran yang paling sempurna. Bagaimana mereka bercita-cita hendak masuk Syurga yang penuh ni'mat sedangkan mereka tidak beriman kepada Allah dan bertindak jahat? Mereka telah diciptakan dari bahan yang mereka tahu. Mereka begitu rendah dan hina di sisi Allah untuk menunjukkan keberanian dan kebebasan mereka terhadap Allah dan untuk mengubahkan undang-undang-Nya yang adil yang membalas dengan Neraka dari Syurga itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 40 - 41)

Allah Berkuasa Menukarkan Satu Kaum Dengan Satu Kaum Yang Lebih Baik

Untuk terus memperkecil-kecilkan mereka dan menumbangkan keangkuhan mereka, Allah menjelaskan bahawa Dia berkuasa menjadikan kaum yang lebih baik dari mereka dan mereka tidak akan dapat melemahkan Allah hingga mereka dapat menghindarkan diri dari menerima balasan pedih yang wajar untuk mereka:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِرَبِّ ٱلۡمَشَٰرِقِ وَٱلۡمَغَٰرِبِ إِنَّا لَقَٰدِرُونَ ﴿٤٠﴾
عَلَىٰٓ أَن نُّبَدِّلَ خَيۡرٗا مِّنۡهُمۡ وَمَا نَحۡنُ بِمَسۡبُوقِينَ ﴿٤١﴾

"Oleh itu, Aku tidak perlu bersumpah denganTuhan yang memiliki arah-arah Timur dan arah-arah Barat, bahawa sesungguhnya Kami amat berkuasa(40). Untuk menggantikan mereka dengan umat yang lebih baik dari mereka dan Kami tidak sekali-kali dapat dilemahkan."(41)

Perkara ini tidak memerlukan sumpah tetapi pernyataan Al-Qur'an yang menyebut arah-arah Timur dan arah-arah Barat membayangkan keagungan Allah Tuhan Pencipta. Arah-arah Timur dan arah-arah Barat mungkin dimaksudkan dengan arah-arah terbit terbenamnya bintang-bintang di angkasa raya yang amat luas itu, dan mungkin juga dimaksudkan dengan pusingan terbit dan terbenamnya matahari yang bersilih ganti di bumi di setiap sa'at, kerana dalam setiap sa'at bumi berpusing di sekeliling dirinya di hadapan matahari, maka setiap sa'at yang sama muncul arah Timur dan hilang arah Barat.

Walau apa sahaja maksud dari arah-arah Timur dan arah-arah Barat itu namun ia tetap mengilhamkan kepada hati betapa besarnya alam ini dan betapa agungnya Allah yang menciptakan alam ini. Oleh itu, adakah makhluk-makhluk yang dijadikan dari bahan hina yang diketahui mereka itu memerlukan kepada sumpah dengan nama Tuhan yang memiliki arah-arah Timur dan arah-arah Barat untuk menegaskan kepada mereka bahawa Allah itu berkuasa menjadikan umat yang lebih baik dari mereka dan bahawa mereka tidak akan dapat melarikan diri dari hukuman yang telah ditetapkan kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 44)

Orang-orang Kafir Menemui Kesudahan Hidup Mereka Yang Malang

Setelah menggambarkan kedahsyatan 'azab pada hari balasan di mana terserlah kemuliaan orang-orang yang beriman yang dikurniakan berbagai-bagai ni'mat dan terserlah kehinaan kedudukan orang-orang kafir, maka ayat-ayat yang berikut ditujukan pula kepada Rasulullah s.a.w. supaya meninggalkan orang-orang yang kafir itu menemui hari dan 'azab yang telah dijanjikan kepada mereka, dan melukiskan satu pemandangan yang menggambarkan keadaan mereka yang malang itu:

فَذَرۡهُمۡ يَخُوضُواْ وَيَلۡعَبُواْ حَتَّىٰ يُلَٰقُواْ يَوۡمَهُمُ ٱلَّذِي
يُوعَدُونَ ﴿٤٢﴾
يَوۡمَ يَخۡرُجُونَ مِنَ ٱلۡأَجۡدَاثِ سِرَاعٗا كَأَنَّهُمۡ إِلَىٰ نُصُبٖ
يُوفِضُونَ ﴿٤٣﴾
خَٰشِعَةً أَبۡصَٰرُهُمۡ تَرۡهَقُهُمۡ ذِلَّةٞۚ ذَٰلِكَ ٱلۡيَوۡمُ ٱلَّذِي كَانُواْ
يُوعَدُونَ ﴿٤٤﴾

"Biarkanlah mereka mengharungi kebatilan dan bermain-main sehingga mereka menemui hari mereka yang telah dijanjikan kepada mereka(42). Iaitu hari mereka keluar dari kubur dengan tergesa-gesa seolah-olah mereka menuju kepada berhala-berhala yang disembahkan mereka(43). Sedangkan mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan. Itulah hari yang telah dijanjikan kepada mereka."(44)

Ayat ini memperkecilkan keadaan mereka dan mengancam mereka dengan 'azab dan keseksaan yang menimbulkan ketakutan. Pemandangan pergerakan dan keadaan mereka pada hari itu memang mengerikan. Gaya ungkapan ayat itu sendiri mengandungi ejekan dan penghinaan yang setimpal dengan sifat mereka yang angkuh dan sombong dengan pangkat kedudukan mereka.

Mereka yang keluar dari kubur itu masing-masing berjalan dengan langkah-langkah yang cepat seolah-olah hendak pergi ke tempat berhala-berhala yang disembah mereka. Ungkapan ini merupakan satu ejekan yang sesuai dengan keadaan mereka dalam kehidupan dunia, di mana mereka segera keluar menuju ke tempat-tempat berhala pada hari-hari kebesaran untuk berkumpul di sekelilingnya. Dan pada Hari Qiamat ini juga mereka akan keluar tergesa-gesa, tetapi perbezaan di antara hari itu dengan hari ini adalah terlalu jauh.

خَٰشِعَةً أَبۡصَٰرُهُمۡ تَرۡهَقُهُمۡ ذِلَّةٞۚ

"Mata mereka tunduk kuyu diselubungi kehinaan."(44)

Itulah gambaran air muka mereka yang jelas pada hari itu, iaitu gambaran hina dina dan menderita. Di

dunia dulu mereka sibuk bermain-main dengan riang gembira, tetapi pada hari ini mereka kelihatan hina-dina dan letih-lesu.

ذَٰلِكَ ٱلۡيَوۡمُ ٱلَّذِي كَانُواْ يُوعَدُونَ ﴿٤٤﴾

"Itulah hari yang telah dijanjikan kepada mereka."(44)

Tetapi dahulu mereka meragui hari itu. Mereka dustakannya dan mereka mengejek-ngejek minta disegerakan kedatangannya.

* * * * * *

Dengan ini berlakulah titik pertemuan di antara ayat-ayat bahagian awal dengan ayat-ayat bahagian akhir dan selesailah babak pembicaraan ini sebagai salah satu babak dari babak-babak pembicaraan yang panjang mengenai persoalan kebangkitan semula dan persoalan balasan di Akhirat. Dan dengan ini berakhirlah satu pusingan dari pusingan-pusingan pertentangan yang panjang di antara kefahaman jahiliyah dengan kefahaman Islam.

* * * * * *

JUZU' KE-29

SURAH NUH

SURAH KE		JUMLAH AYAT
71	سُورَةُ نُوحٍ	28

SURAH NUH

Surah Nuh

(Makkiyah)

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِنَّآ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦٓ أَنْ أَنذِرْ قَوْمَكَ مِن قَبْلِ أَن
يَأْتِيَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١﴾
قَالَ يَٰقَوْمِ إِنِّى لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾
أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَٱتَّقُوهُ وَأَطِيعُونِ ﴿٣﴾
يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُؤَخِّرْكُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ
إِنَّ أَجَلَ ٱللَّهِ إِذَا جَآءَ لَا يُؤَخَّرُ ۖ لَوْ كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾
قَالَ رَبِّ إِنِّى دَعَوْتُ قَوْمِى لَيْلًا وَنَهَارًا ﴿٥﴾
فَلَمْ يَزِدْهُمْ دُعَآءِىٓ إِلَّا فِرَارًا ﴿٦﴾
وَإِنِّى كُلَّمَا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوٓا۟ أَصَٰبِعَهُمْ فِىٓ
ءَاذَانِهِمْ وَٱسْتَغْشَوْا۟ ثِيَابَهُمْ وَأَصَرُّوا۟ وَٱسْتَكْبَرُوا۟
ٱسْتِكْبَارًا ﴿٧﴾ ثُمَّ إِنِّى دَعَوْتُهُمْ جِهَارًا ﴿٨﴾
ثُمَّ إِنِّىٓ أَعْلَنتُ لَهُمْ وَأَسْرَرْتُ لَهُمْ إِسْرَارًا ﴿٩﴾
فَقُلْتُ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ إِنَّهُۥ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Kami telah utuskan Nuh kepada kaumnya dengan perintah: Berilah peringatan kepada kaummu sebelum mereka ditimpa 'azab yang amat pedih(1). Lalu Nuh berkata: Wahai kaumku! Sesungguhnya aku adalah seorang Rasul yang memberi peringatan yang amat jelas (2). Hendaklah kamu menyembah Allah, bertaqwa kepada-Nya dan ta'at kepadaku(3). Nescaya Dia ampunkan dosa-dosa kamu dan menangguhkan kamu hingga ke satu tempoh yang ditetapkan. Sesungguhnya ketetapan Allah itu apabila tiba waktunya tidak akan ditangguhkan lagi jika kamu mengetahui(4). Lalu Nuh mengadu: Wahai Tuhanku! Aku telah menyeru kaumku siang dan malam(5).Tetapi seruanku itu tidak menambahkan mereka suatu apa melainkan mereka semakin lari(6). Dan sesungguhnya aku setiap kali aku menyeru mereka (kepada keimanan) supaya Engkau ampunkan dosa mereka, mereka sumbatkan jari-jari ke dalam telinga mereka dan menutupkan muka dengan baju mereka, dan mereka terus berdegil dan menunjukkan sikap yang amat sombong(7). Kemudian aku menyeru mereka secara terang-terangan(8). Kemudian aku menyeru mereka secara terang dan secara sulit(9). Dan aku telah menyeru mereka! Pohonlah keampunan kepada Tuhan kamu sesungguhnya Dia Maha Pengampun"(10).

يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا ﴿١١﴾
وَيُمْدِدْكُم بِأَمْوَٰلٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَل لَّكُمْ جَنَّٰتٍ وَيَجْعَل لَّكُمْ
أَنْهَٰرًا ﴿١٢﴾
مَّا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا ﴿١٣﴾
وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا ﴿١٤﴾
أَلَمْ تَرَوْا۟ كَيْفَ خَلَقَ ٱللَّهُ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ طِبَاقًا ﴿١٥﴾
وَجَعَلَ ٱلْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ ٱلشَّمْسَ سِرَاجًا ﴿١٦﴾
وَٱللَّهُ أَنۢبَتَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ نَبَاتًا ﴿١٧﴾
ثُمَّ يُعِيدُكُمْ فِيهَا وَيُخْرِجُكُمْ إِخْرَاجًا ﴿١٨﴾
وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ بِسَاطًا ﴿١٩﴾
لِّتَسْلُكُوا۟ مِنْهَا سُبُلًا فِجَاجًا ﴿٢٠﴾

"Nescaya Allah menurunkan hujan yang lebat ke atas kamu(11). Dan mengurniakan kepada kamu harta yang banyak dan anak yang ramai, dan mengadakan kebun-kebun untuk kamu, juga mengadakan sungai-sungai untuk kamu(12). Mengapakah kamu tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Allah?(13). Sedangkan Dia telah menciptakan kamu melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan(14). Tidakkah kamu melihat bagaimana Allah telah menciptakan tujuh langit yang bertingkat-tingkat(15).Dan di langit Dia telah menciptakan bulan

sebagai cahaya dan menciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang(16). Dan Allah menumbuhkan kamu dari tanah dengan pertumbuhan yang sempurna(17). Kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam tanah dan mengeluarkan kamu darinya (pada hari Qiamat) dengan sempurna(18). Dan Allah telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai hamparan(19). Supaya kamu dapat melalui jalan-jalannya yang luas."(20).

قَالَ نُوحٌ رَّبِّ إِنَّهُمْ عَصَوْنِي وَاتَّبَعُوا مَن لَّمْ يَزِدْهُ مَالُهُ
وَوَلَدُهُ إِلَّا خَسَارًا ﴿٢١﴾ وَمَكَرُوا مَكْرًا كُبَّارًا ﴿٢٢﴾
وَقَالُوا لَا تَذَرُنَّ آلِهَتَكُمْ وَلَا تَذَرُنَّ وَدًّا وَلَا سُوَاعًا وَلَا
يَغُوثَ وَيَعُوقَ وَنَسْرًا ﴿٢٣﴾
وَقَدْ أَضَلُّوا كَثِيرًا ۖ وَلَا تَزِدِ الظَّالِمِينَ إِلَّا ضَلَالًا ﴿٢٤﴾
مِّمَّا خَطِيئَاتِهِمْ أُغْرِقُوا فَأُدْخِلُوا نَارًا فَلَمْ يَجِدُوا لَهُم
مِّن دُونِ اللَّهِ أَنصَارًا ﴿٢٥﴾
وَقَالَ نُوحٌ رَّبِّ لَا تَذَرْ عَلَى الْأَرْضِ مِنَ الْكَافِرِينَ دَيَّارًا ﴿٢٦﴾
إِنَّكَ إِن تَذَرْهُمْ يُضِلُّوا عِبَادَكَ وَلَا يَلِدُوا إِلَّا فَاجِرًا
كَفَّارًا ﴿٢٧﴾
رَّبِّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِمَن دَخَلَ بَيْتِيَ مُؤْمِنًا
وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ۖ وَلَا تَزِدِ الظَّالِمِينَ إِلَّا
تَبَارًا ﴿٢٨﴾

"Nuh mengadu: Wahai Tuhanku! Mereka telah menderhakakanku dan mengikut orang-orang yang hartanya dan anak-anaknya tidak menambahkannya suatu apa selain kerugian(21). Dan mereka melakukan berbagai-bagai tipu daya yang amat besar(22). Dan mereka berkata (kepada orang ramai): Janganlah kamu tinggalkan tuhan-tuhan kamu, dan janganlah kamu tinggalkan Wadda, Suwaa', Yaghuth, Ya'uuq dan Nasr (23). Dan mereka telah menyesatkan orang ramai, dan janganlah engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim itu selain kesesatan(24). Oleh sebab kesalahan-kesalahan mereka, mereka ditenggelamkan, kemudian dimasukkan ke dalam Neraka, dan mereka tidak akan mendapat penolong-penolong selain dari Allah(25).Dan Nuh berdo'a: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan seorang pun dari orang-orang kafir itu tinggal di bumi (26). Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal di bumi nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hamba-Mu dan mereka tidak akan melahirkan selain dari anak yang jahat dan kafir yang degil(27). Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan kepadaku, kepada dua ibu bapaku, kepada orang yang masuk ke dalam rumahku dengan keadaan beriman dan kepada orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim selain dari kebinasaan."(28).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Seluruh kandungan surah ini mengesahkan cerita Nabi Nuh a.s. dengan kaumnya dan mengesahkan salah satu pengalaman da'wah di muka bumi, dan seterusnya menggambarkan satu sesi dari sesi-sesi rawatan yang berterusan dan berulang-ulang untuk mengubati jiwa manusia, atau menggambarkan satu pusingan dari pusingan-pusingan perjuangan yang kekal di antara kebaikan dan kejahatan, di antara hidayat dan kesesatan, di antara kebenaran dan kebatilan.

Pengalaman Pahit Getir Nabi Nuh

Pengalaman ini mendedahkan satu gambaran dari gambaran-gambaran jiwa manusia yang degil, sesat, hanyut di belakang pemimpin-pemimpin yang sesat, angkuh untuk menerima kebenaran dan tidak menghiraukan segala bukti hidayat dan segala kejadian yang mengilhamkan keimanan yang terbentang pada diri mereka dan di merata pelusuk alam, atau terlukis dalam kitab alam buana yang terbuka lebar dan di dalam kitab jiwa manusia yang tersembunyi.

Pengalaman ini juga sekaligus mendedahkan satu gambaran dari gambaran-gambaran rahmat Ilahi yang dapat dilihat pada perhatian Allah yang besar dan sungguh-sungguh untuk memberi hidayat kepada manusia. Perhatian yang berat itu dapat dilihat pada 'inayah-Nya mengutuskan para rasul berturut-turut kepada umat manusia yang degil, sesat, hanyut di belakang pemimpin-pemimpin yang sesat dan angkuh untuk menerima kebenaran dan hidayat.

Para Rasul Berda'wah Tanpa Bayaran

Di samping itu surah ini juga menayangkan satu gambaran dari gambaran-gambaran perjuangan yang sengit, penat, sabar dan gigih di pihak para rasul a.s. untuk menghidayatkan manusia yang sesat, degil, menderhaka dan liar, sedangkan mereka tidak mempunyai sesuatu kepentingan dalam usaha da'wah itu dan tidak mendapat sebarang upah dari orang-orang yang telah mendapat hidayat, atau sesuatu hadiah atau dalal yang diperolehi dari keimanan orang ramai seperti hadiah atau bayaran yang diterima oleh sekolah-sekolah, universiti-universiti, kolej-kolej dan guru-guru di zaman ini atau di mana-mana zaman dalam bentuk bayaran-bayaran kerana mengajar.

Laporan Nabi Nuh

Itulah gambaran perjuangan da'wah yang dibentangkan oleh Nabi Nuh a.s. kepada Tuhannya sebagai laporan akhir setelah berjuang hebat selama seribu tahun kurang lima puluh menghadapi kaumnya yang degil dan hanyut di belakang pemimpin-pemimpin yang sesat dan menyesatkan iaitu pemimpin-pemimpin yang mempunyai kuasa, harta

dan pengaruh yang kuat. Beliau mengemukakan laporannya kepada Tuhannya:

قَالَ رَبِّ إِنِّي دَعَوْتُ قَوْمِي لَيْلًا وَنَهَارًا ﴿٥﴾

فَلَمْ يَزِدْهُمْ دُعَاءِي إِلَّا فِرَارًا ﴿٦﴾

وَإِنِّي كُلَّمَا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوا أَصَابِعَهُمْ فِي
آذَانِهِمْ وَاسْتَغْشَوْا ثِيَابَهُمْ وَأَصَرُّوا وَاسْتَكْبَرُوا
اسْتِكْبَارًا ﴿٧﴾ ثُمَّ إِنِّي دَعَوْتُهُمْ جِهَارًا ﴿٨﴾

ثُمَّ إِنِّي أَعْلَنتُ لَهُمْ وَأَسْرَرْتُ لَهُمْ إِسْرَارًا ﴿٩﴾

"Lalu Nuh mengadu: Wahai Tuhanku! Aku telah menyeru kaumku siang dan malam(5). Tetapi seruanku itu tidak menambahkan mereka suatu apa melainkan mereka semakin lari(6). Dan sesungguhnya aku setiap kali aku menyeru mereka (kepada keimanan) supaya Engkau ampunkan dosa mereka, mereka sumbatkan jari-jari ke dalam telinga mereka dan menutupkan muka dengan baju mereka, dan mereka terus berdegil dan menunjukkan sikap yang amat sombong(7). Kemudian aku menyeru mereka secara terang-terangan(8). Kemudian aku menyeru mereka secara terang dan secara sulit."(9)

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾

يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا ﴿١١﴾

وَيُمْدِدْكُم بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَل لَّكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَل لَّكُمْ
أَنْهَارًا ﴿١٢﴾

مَّا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا ﴿١٣﴾

وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا ﴿١٤﴾

"Dan aku telah menyeru mereka! Pohonlah keampunan kepada Tuhan kamu sesungguhnya Dia Maha Pengampun (10). Nescaya Allah menurunkan hujan yang lebat ke atas kamu(11). Dan mengurniakan kepada kamu harta yang banyak dan anak yang ramai, dan mengadakan kebun-kebun untuk kamu, juga mengadakan sungai-sungai untuk kamu(12). Mengapakah kamu tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Allah? (13). Sedangkan Dia telah menciptakan kamu melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan."(14)

أَلَمْ تَرَوْا كَيْفَ خَلَقَ اللَّهُ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا ﴿١٥﴾

وَجَعَلَ الْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ الشَّمْسَ سِرَاجًا ﴿١٦﴾

وَاللَّهُ أَنبَتَكُم مِّنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا ﴿١٧﴾

ثُمَّ يُعِيدُكُمْ فِيهَا وَيُخْرِجُكُمْ إِخْرَاجًا ﴿١٨﴾

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ بِسَاطًا ﴿١٩﴾

لِّتَسْلُكُوا مِنْهَا سُبُلًا فِجَاجًا ﴿٢٠﴾

"Tidakkah kamu melihat bagaimana Allah telah menciptakan tujuh langit yang bertingkat-tingkat(15). Dan di langit Dia telah menciptakan bulan sebagai cahaya dan menciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang(16). Dan Allah menumbuhkan kamu dari tanah dengan pertumbuhan yang sempurna(17). Kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam tanah dan mengeluarkan kamu darinya (pada hari Qiamat) dengan sempurna(18). Dan Allah telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai hamparan(19). Supaya kamu dapat melalui jalan-jalannya yang luas."(20)

Kemudian pada akhir laporan perjuangannya yang sabar dan gigih itu beliau berkata:

قَالَ نُوحٌ رَّبِّ إِنَّهُمْ عَصَوْنِي وَاتَّبَعُوا مَن لَّمْ يَزِدْهُ مَالُهُ
وَوَلَدُهُ إِلَّا خَسَارًا ﴿٢١﴾ وَمَكَرُوا مَكْرًا كُبَّارًا ﴿٢٢﴾
وَقَالُوا لَا تَذَرُنَّ آلِهَتَكُمْ وَلَا تَذَرُنَّ وَدًّا وَلَا سُوَاعًا وَلَا
يَغُوثَ وَيَعُوقَ وَنَسْرًا ﴿٢٣﴾

"Nuh mengadu: Wahai Tuhanku! Mereka telah menderhakakanku dan mengikut orang-orang yang hartanya dan anak-anaknya tidak menambahkannya suatu apa selain kerugian(21). Dan mereka melakukan berbagai-bagai tipu daya yang amat besar(22). Dan mereka berkata (kepada orang ramai): Janganlah kamu tinggalkan tuhan-tuhan kamu, dan janganlah kamu tinggalkan Wadda, Suwaa', Yaghuth, Ya'uuq dan Nasr."(23)

وَقَدْ أَضَلُّوا كَثِيرًا

"Dan mereka telah menyesatkan orang ramai ...."(24)

Inilah hasil pencapaian yang pahit, tetapi tugas kerasulan tetap tugas kerasulan.

Pengalaman yang pahit ini dikemukakan kepada Rasulullah s.a.w. selaku pemegang amanah da'wah di akhir zaman yang memikul tugas yang paling besar yang pernah diserahkan kepada seorang rasul, supaya beliau dapat melihat gambaran perjuangan saudaranya yang terdahulu, yang begitu panjang untuk menegakkan hakikat iman di bumi, juga melihat kedegilan manusia di hadapan da'wah yang benar dan kerosakan kepimpinan yang sesat yang mengalahkan kepimpinan yang lurus, juga melihat bagaimana iradat Allah telah mengutuskan para rasul silih berganti selepas menghadapi kedegilan dan kesesatan sejak angkatan umat manusia yang awal di tangan moyang mereka Nabi Nuh a.s.

Pengalaman ini juga dikemukakan kepada kelompok Muslimin di Makkah dan umat Muslimin umumnya sebagai pewaris da'wah Allah di muka

bumi dan sebagai pewaris sistem hidup Ilahi yang lahir dari da'wah itu, iaitu satu sistem yang tegak di tengah-tengah masyarakat jahiliyah di zaman itu dan di tengah-tengah seluruh masyarakat jahiliyah yang datang kemudiannya, supaya mereka dapat melihat gambaran perjuangan yang gigih dan panjang dari Nabi Nuh a.s. moyang yang kedua manusia, juga melihat keperihatinan Allah terhadap golongan orang-orang Mu'min yang kecil dan bagaimana Dia menyelamatkan mereka dari malapetaka banjir yang besar di zaman itu.

Selanjutnya pengalaman ini juga dikemukakan kepada kaum Musyrikin, supaya mereka melihat kesudahan atau untung nasib para pendusta yang telah silam dan supaya mereka dapat memahami betapa besarnya ni'mat Allah yang telah mengutuskan Rasulullah s.a.w. kepada mereka, iaitu seorang Rasul yang lembut hati yang tidak mendo'akan supaya mereka ditimpa malapetaka yang membawa kebinasaan yang total kerana rahmat dan kasihan belas Allah terhadap mereka, juga kerana Allah bermurah hati menangguhkan hukuman-Nya terhadap mereka sehingga ke suatu masa yang tertentu. Oleh sebab itu mereka tidak ditimpa bencana kerana do'a Rasulullah seperti yang dilakukan oleh Nabi Nuh a.s. terhadap kaumnya setelah gagal segala daya usahanya dengan do'anya yang berikut:

وَقَالَ نُوحٌ رَّبِّ لَا تَذَرْ عَلَى الْأَرْضِ مِنَ الْكَافِرِينَ دَيَّارًا ﴿٢٦﴾
إِنَّكَ إِن تَذَرْهُمْ يُضِلُّوا عِبَادَكَ وَلَا يَلِدُوا إِلَّا فَاجِرًا
كَفَّارًا ﴿٢٧﴾

"Dan Nuh berdo'a: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan seorang pun dari orang-orang kafir itu tinggal di bumi (26). Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal di bumi nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hamba-Mu dan mereka tidak akan melahirkan selain dari anak yang jahat dan kafir yang degil."(27)

* * * * * *

Hakikat Kesatuan 'Aqidah Dan Pertaliannya Dengan Iradat Allah

Dari pembentangan babak ini dari babak-babak perjuangan da'wah Ilahiyah yang ditayangkan kepada manusia itu dapat dilihat hakikat kesatuan 'aqidah yang mempunyai akar umbinya yang kukuh juga dapat dilihat pertaliannya yang rapat dengan alam buana, dengan iradat Allah dan perencanaan-perencanaan-Nya, juga dengan peristiwa-peristiwa kehidupan yang berlaku mengikut perencanaan Allah. Hakikat itu dapat dilihat dari celah-celah da'wah Nabi Nuh a.s. kepada kaumnya:

قَالَ يَا قَوْمِ إِنِّي لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾
أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاتَّقُوهُ وَأَطِيعُونِ ﴿٣﴾

يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُؤَخِّرْكُمْ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ
إِنَّ أَجَلَ اللَّهِ إِذَا جَاءَ لَا يُؤَخَّرُ ۖ لَوْ كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾

"Lalu Nuh berkata: Wahai kaumku! Sesungguhnya aku adalah seorang Rasul yang memberi peringatan yang amat jelas(2). Hendaklah kamu menyembah Allah, bertaqwa kepada-Nya dan ta'at kepadaku(3). Nescaya Dia ampunkan dosa-dosa kamu dan menangguhkan kamu hingga ke satu tempoh yang ditetapkan. Sesungguhnya ketetapan Allah itu apabila tiba waktunya tidak akan ditangguhkan lagi jika kamu mengetahui."(4)

Dan hakikat itu juga dapat dilihat dalam perkataan Nuh kepada mereka:

مَّا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا ﴿١٣﴾
وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا ﴿١٤﴾
أَلَمْ تَرَوْا كَيْفَ خَلَقَ اللَّهُ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا ﴿١٥﴾
وَجَعَلَ الْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ الشَّمْسَ سِرَاجًا ﴿١٦﴾
وَاللَّهُ أَنبَتَكُم مِّنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا ﴿١٧﴾
ثُمَّ يُعِيدُكُمْ فِيهَا وَيُخْرِجُكُمْ إِخْرَاجًا ﴿١٨﴾
وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ بِسَاطًا ﴿١٩﴾
لِّتَسْلُكُوا مِنْهَا سُبُلًا فِجَاجًا ﴿٢٠﴾

"Mengapakah kamu tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Allah?(13). Sedangkan Dia telah menciptakan kamu melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan(14). Tidakkah kamu melihat bagaimana Allah telah menciptakan tujuh langit yang bertingkat-tingkat(15). Dan di langit Dia telah menciptakan bulan sebagai cahaya dan menciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang(16). Dan Allah menumbuhkan kamu dari tanah dengan pertumbuhan yang sempurna(17). Kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam tanah dan mengeluarkan kamu darinya (pada hari Qiamat) dengan sempurna(18). Dan Allah telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai hamparan(19). Supaya kamu dapat melalui jalan-jalannya yang luas."(20)

Usaha menanamkan hakikat kesatuan 'aqidah ini dalam jiwa kaum Muslimin adalah penting untuk menyedarkan mereka terhadap hakikat da'wah yang diterima mereka, terhadap hakikat hubungan keturunan mereka yang mulia, terhadap hakikat kesinambungan angkatan mereka dengan angkatan Muslimin yang pertama dan terhadap peranan mereka dalam usaha menegakkan da'wah selaku sistem hidup Ilahi yang lurus dan sediakala.

* * * * * *

Seseorang itu akan merasa takjub, terperanjat dan khusyu' apabila ia melihat perjuangan gigih yang bersambung-sambung dari para rasul untuk menyampaikan hidayat kepada manusia yang sesat dan degil dan apabila ia memikirkan betapa teguhnya iradat Allah mengutuskan rasul-rasul itu satu demi satu untuk berda'wah kepada umat manusia yang berpaling dari ajaran yang benar itu.

Mungkin ada orang bertanya: Padankah hasil pencapaian da'wah itu dibandingkan dengan perjuangan gigih yang begitu panjang dan dengan pengorbanan-pengorbanan yang luhur sejak Nabi Nuh a.s. hingga kepada Nabi Muhammad s.a.w? Di antara kedua rasul dan selepasnya diikuti pula oleh perjuangan dan pengorbanan-pengorbanan yang besar dari para Mu'min, untuk menegakkan da'wah itu?

Padankah hasil kejayaan da'wah itu dibandingkan dengan usaha-usaha yang begitu berat dan penat yang diceritakan oleh Nabi Nuh a.s. dalam surah ini dan di dalam surah-surah yang lain? Beliau telah menghabiskan umurnya yang amat panjang menyeru kaumnya, tetapi mereka bukan sahaja berpaling darinya, malah beliau dihina dengan berbagai-bagai ejekan dan tuduhan. Semuanya diterima beliau dengan sabar dan baik, dengan adab sopan yang halus dan dengan memberi pandangan yang jelas!

Padankah hasil kejayaan da'wah itu dibandingkan dengan usaha-usaha perjuangan yang terus bersambung-sambung sejak zaman Nuh itu dan dengan pengorbanan-pengorbanan yang tidak pernah putus di sepanjang sejarah manusia, iaitu perjuangan dan pengorbanan dari para rasul? Di antara mereka ada yang dihina dan diejek, ada yang dibakar dengan api dan ada yang dibunuh dengan gergaji dan ada yang terpaksa berhijrah meninggalkan anak isteri dan kampung halaman sehingga sampai kepada Rasul terakhir Muhammad s.a.w. menyambung perjuangan itu bersama-sama para Mu'minin yang menjadi pengikutnya, kemudian diikuti pula oleh perjuangan yang gigih dan pengorbanan-pengorbanan yang mengkagumkan dari para penda'wah di setiap negeri dan di setiap generasi.

Padankah hasil kejayaan da'wah itu dibandingkan dengan segala perjuangan, pengorbanan dan jihad yang pahit itu? Padankah manusia ini diberikan Allah perhatian-Nya yang begitu berat dan keperihatinan-Nya yang begitu besar yang dapat dilihat pada ketegasan iradat-Nya yang memutuskan untuk mengirim para rasul berturut-turut dan bersambung-sambung walaupun mereka disambut dengan kedegilan, penentangan dan kesombongan dari makhluk kerdil yang bernama manusia?

Setelah difikir dan dimenungi, maka jawapannya: Memang padan, tanpa sebarang keraguan lagi.

Usaha menegakkan hakikat keimanan terhadap Allah di muka bumi ini adalah memang padan dengan semua perjuangan ini, padan dengan semua kesabaran ini, padan dengan semua kesusahan ini dan padan dengan semua pengorbanan yang luhur yang ditunjukkan oleh para rasul dan pengikut-pengikut mereka yang tulen di setiap generasi, kerana tegaknya hakikat keimanan ini adalah lebih besar nilainya dari kewujudan manusia itu sendiri, malah lebih besar dari bumi dengan segala isi kandungannya, malah lebih besar dari alam buana yang amat luas ini di mana kedudukan bumi di angkasa raya ini kelihatan amat kecil tidak sampai sebesar biji debu yang hampir-hampir tidak dapat dirasa dan dilihat.

Iradat Allah telah memutuskan untuk menciptakan makhluk manusia ini dengan ciri-ciri yang tertentu dan menyerahkan persoalan menegakkan hakikat keimanan di dalam hati manusia dan di dalam sistem hidup mereka kepada daya usaha perjuangan mereka sendiri dengan pertolongan dan taufik daripada Allah. Kita tidak tahu mengapa Allah menciptakan manusia dengan ciri-ciri ini dan menyerahkan persoalan menegakkan hakikat keimanan dalam hati dan di dalam sistem hidup mereka kepada pertimbangan akal fikiran, daya usaha, pilihan dan kemahuan mereka sendiri. Allah tidak ciptakan manusia dengan tabi'at semulajadi yang beriman dan ta'at seperti para malaikat, dan Allah tidak pula menentukan tabi'at manusia kepada kejahatan dan maksiat semata-mata seperti tabi'at Iblis.

Kita tidak mengetahui rahsia ini, tetapi kita percaya bahawa di sana tentulah ada satu hikmat yang berkaitan dengan peraturan alam al-wujud seluruhnya apabila makhluk manusia diciptakan dengan ciri-ciri ini.

Oleh sebab itu usaha dan perjuangan yang serius dari pihak manusia sendiri merupakan suatu kepastian untuk menegakkan hakikat keimanan di alam mereka. Untuk melaksanakan usaha perjuangan ini, Allah telah memilih hamba-hamba-Nya yang terbaik iaitu Nabi-nabi dan rasul-rasul dan golongan yang terpilih dari pengikut-pengikut mereka yang mempunyai keimanan yang tulen. Mereka sekalian dipilih untuk menegakkan hakikat keimanan di muka bumi ini kerana itulah satu-satunya matlamat yang wajar dan padan dengan segala usaha yang jerih, perjuangan yang pahit dan pengorbanan-pengorbanan yang berat dan luhur.

Implikasi Tegaknya Keimanan Dalam Hati Dan Kehidupan Manusia

Tegaknya hakikat keimanan dalam sebuah hati bererti ia mendapat sebatang cahaya dari nur Allah, atau ia menjadi tempat simpanan rahsia dari rahsia-rahsia Allah atau menjadi alat dari alat-alat perencanaan-Nya yang berkuatkuasa di alam al-wujud. Ini adalah sebuah hakikat bukannya suatu kefahaman dan pendekatan semata-mata, dan

hakikat ini adalah lebih besar dari manusia itu sendiri, lebih besar dari bumi dan langit, malah lebih besar dari alam buana ini semua.

Begitu juga tegaknya hakikat keimanan dalam kehidupan manusia atau dalam kehidupan sekumpulan dari mereka bererti hidup duniawi mereka berhubung rapat dengan hidup abadi, dan meningkat ke taraf yang melayakkan mereka untuk menjalinkan hubungan yang abadi ini. Perhubungan ini ialah perhubungan yang fana dengan yang kekal, perhubungan juzu' dengan kulli, perhubungan kewujudan yang kurang dan terbatas dengan kewujudan yang sempurna dan mutlak. Itulah hasil pencapaian yang mengatasi segala penat lelah perjuangan dan pengorbanan walaupun pencapaian itu hanya dapat direalisasikan selama sehari atau setengah hari sahaja di sepanjang usia umat manusia, kerana dengan terlaksananya pencapaian itu, walaupun dalam bentuk yang singkat itu, bererti terangkatnya obor nur hidayat di hadapan umat manusia di seluruh generasinya dalam bentuk amali yang wujud dalam kenyataan. Ini membolehkan mereka berusaha dan berjuang untuk mencapainya di sepanjang generasi mereka.

Sejarah telah membuktikan bahawa manusia tidak pernah sampai ke tahap kesempurnaan yang disediakan kepadanya dengan mana-mana wasilah yang lain sebagaimana kesempurnaan yang dapat dicapainya dengan wasilah keimanan kepada Allah yang tersemat di dalam jiwanya. Kehidupan manusia tidak pernah meningkat ke tahap yang luhur dengan wasilah yang lain sebagaimana keluhuran yang dicapai dengan wasilah keimanan. Zaman-zaman kemantapan hakikat keimanan di bumi dan zaman-zaman kepimpinan umat manusia dipegang oleh orang-orang yang beriman, merupakan zaman-zaman kemuncak dalam sejarah umat manusia, malah merupakan zaman-zaman impian di luar imaginasi yang menjelma dalam alam realiti yang dihayati manusia.

Hanya Dengan Sarana Iman Manusia Akan Mencapai Kemuncak

Umat manusia tidak mungkin meningkat tinggi melalui jalan falsafah atau sains atau seni atau ideologi atau mana-mana sistem hingga ke tahap yang luhur seperti yang dicapainya melalui jalan kemantapan hakikat keimanan kepada Allah di dalam jiwa dan kehidupan mereka, di dalam akhlak dan pemikiran mereka, di dalam nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan mereka. Dari hakikat keimanan inilah lahirnya satu sistem hidup yang sempurna sama ada yang diterangkan secara intisari oleh rasul-rasul yang telah lalu atau dijelaskan secara terperinci dan halus oleh Rasul yang terakhir.

Sebagai bukti yang jelas bahawa 'aqidah Islam ini merupakan hakikat dari Allah bukti yang telah ditunjukkan oleh sejarah manusia sendiri, iaitu mereka telah mencapai tahap yang luhur dengan wasilah kemantapan hakikat keimanan di dalam kehidupan mereka sedangkan tahap ini tidak dapat dicapai oleh mereka melalui wasilah-wasilah buatan manusia. Ia tidak dapat dicapai melalui sains falsafah atau seni dan tidak juga dapat dicapai melalui mana-mana sistem. Apabila umat manusia telah kehilangan kepimpinan orang-orang Mu'min yang sebenar, maka segala wasilah yang lain tidak berguna belaka, malah nilai-nilai, neraca-neraca pertimbangan dan insaniyah mereka terus runtuh dan menurun, di samping kehidupan mereka tenggelam di dalam kegelisahan-kegelisahan jiwa, keraguan-keraguan fikiran dan penyakit-penyakit saraf walaupun tamadun mereka maju di bidang-bidang yang lain. Walaupun manusia kini mempunyai punca-punca kerehatan jasmani dan keni'matan 'aqliyah serta mempunyai segala wasilah kebahagiaan kebendaan, namun mereka tidak pernah meni'mati kebahagiaan, ketenteraman dan kerehatan insaniyah. Pandangan manusia terhadap hidup tidak pernah meningkat setinggi yang dicapai oleh mereka di bawah naungan hakikat keimanan. Hubungan mereka dengan alam al-wujud tidak pernah terjalin sekukuh hubungannya yang terjalin di bawah naungan 'aqidah Islam. Kesedaran mereka terhadap kehormatan insaniyah tidak pernah dirasai mereka setinggi kesedaran dalam zaman tegaknya hakikat keimanan itu. Kajian yang teliti terhadap kefahaman Islam mengenai matlamat seluruh alam buana dan matlamat kewujudan insan tetap akan membawa kepada kesimpulan ini.

Tidak syak lagi semuanya ini mewajarkan segala usaha perjuangan yang sengit dan segala pengorbanan yang luhur yang dikorbankan oleh orang-orang Mu'min itu untuk menegakkan hakikat keimanan kepada Allah di muka bumi, dan untuk membangunkan hati-hati yang membawa sebatang cahaya dari nur hidayat Allah yang sentiasa berhubung dengannya, juga untuk membangunkan satu kehidupan insaniyah yang mengikut sistem hidup yang diatur oleh Allah, iaitu satu sistem yang meninggikan kefahaman-kefahaman dan akhlak manusia dan memajukan kehidupan mereka ke taraf yang tinggi yang pernah disaksikan oleh sejarah di satu zaman dari zaman-zaman sejarah.

Manusia akan terus menjauhkan diri dari da'wah Allah sebagaimana mereka telah menjauhkan diri dari da'wah Nuh, Ibrahim, Musa, Isa, Muhammad dan saudara-saudara mereka dari Anbia' yang lain. Mereka akan terus hanyut bersama kepimpinan-kepimpinan yang sesat dan menyesatkan. Mereka akan terus menyeksakan penda'wah-penda'wah kepada Allah dengan berbagai-bagai cara penyeksaan sebagaimana mereka telah melontarkan Ibrahim ke dalam api, membunuh nabi yang lain dengan gergaji dan menghinakan para rasul dan Anbia' di sepanjang sejarah.

Tetapi da'wah kepada Allah tetap berjalan terus sebagaimana yang dikehendaki Allah, kerana hasil kejayaannya memang wajar dan padan dengan segala usaha perjuangan dan pengorbanan, walaupun kejayaan itu kecil dan walaupun hanya berjaya

membangun sebuah hati yang mendukung sebatang cahaya dari nur Allah dan berhubung dengan Allah.

Angkatan para rasul yang bersambung-sambung dari zaman Nuh a.s. hingga ke zaman Muhammad s.a.w. itu membuktikan betapa teguhnya iradat Allah agar da'wah kepada hakikat keimanan yang agung itu berjalan terus dan menunjukkan betapa tingginya nilai da'wah itu dan nilai kejayaannya. Sekurang-kurangnya kejayaannya ialah kejayaan hakikat keimanan dapat bertapak kukuh di dalam hati para penda'wah yang sanggup menempuh maut atau lebih dahsyat dari maut untuk menegakkan da'wah, kerana dengan sikap ini mereka menunjukkan bahawa mereka tidak terpengaruh kepada keni'matan-keni'matan dunia yang menarik dan mereka bebas dari belenggu-belenggunya. Ini sahaja sudah merupakan satu kejayaan besar kepada para penda'wah, juga kepada umat manusia, kerana mereka telah mendapat kehormatan dengan wujudnya golongan ini yang merupakan sebahagian dari mereka. Kehormatan inilah yang mewajarkan malaikat diperintah Allah supaya sujud kepada makhluk manusia. Walaupun tabi'at makhluk manusia ini suka menumpahkan darah dan merosakkan di bumi, tetapi mereka mempunyai kesediaan berjuang dan berkorban untuk menerima pancaran nur hidayat dari Allah, dan untuk melaksanakan ketetapan-ketetapan Allah di bumi walaupun mereka lemah dan seterusnya untuk menegakkan sistem hidup yang diatur oleh Allah. Di samping itu manusia mempunyai kebebasan jiwa yang begitu tinggi hingga mereka sanggup mengorbankan jiwa mereka dan menanggung penderitaan yang lebih besar dari maut untuk menyelamatkan 'aqidahnya dan untuk melaksanakan kewajipannya dan menegakkan 'aqidah di dalam kehidupan orang lain supaya mereka berbahagia dan bebas. Apabila jiwa manusia telah sampai ke tahap kebebasan itu, maka segala kesusahan menjadi ringan dan segala pengorbanan menjadi kecil. Segala-galanya lenyap dan hilang, dan yang timbul ialah kejayaan da'wah, iaitu satu kejayaan yang amat besar, yang lebih besar dari bumi, dan langit dalam pertimbangan neraca Allah.

Sekarang marilah kita teliti kisah Nabi Nuh a.s. di dalam surah ini yang menggambarkan sebahagian dari hakikat perjuangan da'wah itu:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

Nuh Rasul Pertama Selepas Adam

إِنَّآ أَرۡسَلۡنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوۡمِهِۦٓ أَنۡ أَنذِرۡ قَوۡمَكَ مِن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ١

"Sesungguhnya Kami telah utuskan Nuh kepada kaumnya dengan perintah: Berilah peringatan kepada kaummu sebelum mereka ditimpa 'azab yang amat pedih."(1)

Surah ini bermula dengan menjelaskan sumber risalah dan 'aqidah dengan kenyataan yang tegas:

إِنَّآ أَرۡسَلۡنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوۡمِهِۦٓ

"Sesungguhnya Kami telah utuskan Nuh kepada kaumnya."(1)

Itulah sumber para rasul menerima tugas kerasulan dan hakikat 'aqidah. Dari sumber inilah juga lahirnya seluruh alam al-wujud dan lahirnya hayat. Itulah Allah yang telah menciptakan manusia dan meletakkan dalam fitrah mereka kesediaan untuk mengenal dan menyembah Allah. Apabila mereka menyeleweng dari fitrah itu, Allah utuskan rasul-rasul kepada mereka untuk mengembalikan mereka ke pangkuannya. Nabi Nuh a.s. merupakan rasul pertama dari rasul-rasul itu selepas Adam a.s. Al-Qur'an tidak menyebut Adam mempunyai risalah selepas beliau diturunkan ke bumi menjalankan kehidupannya di sana. Mungkin beliau menjadi guru yang mengajar anak-anak dan cucu-cucunya, dan setelah sekian lama beliau wafat, mereka pun menjadi sesat dan tidak lagi menyembah Allah Yang Maha Esa. Mereka menyembah berhala-berhala selaku tuhan. Mula-mula mereka jadikan berhala-berhala itu sebagai lambang kuasa-kuasa alam ghaib atau alam nyata yang dipandang suci oleh mereka, kemudian mereka lupa kepada lambang-lambang itu, dan akhirnya mereka menyembah berhala-berhala itu sendiri. Di antaranya yang paling terkenal ialah lima buah berhala yang akan disebutkan nanti di dalam surah ini. Lalu Allah utuskan Nabi Nuh a.s. kepada mereka untuk mengembalikan ke pangkuan tauhid dan membetulkan kefahaman mereka terhadap Allah, terhadap hidup dan terhadap alam al-wujud. Kitab-kitab suci yang terdahulu telah meletakkan Nabi Idris a.s. lebih dahulu dari Nabi Nuh a.s., tetapi keterangan-keterangan yang terdapat dalam kitab-kitab suci itu tidak termasuk dalam bahan-bahan yang dapat membentuk 'aqidah seseorang Muslim kerana keterangan-keterangan itu diragui telah dipesong dan ditokok tambah kepada kitab-kitab itu.

Zaman Kelahiran Nuh

Pendapat yang dipegang oleh orang-orang yang membaca kisah-kisah, para Anbia' di dalam Al-Qur'an ialah Nabi Nuh a.s. adalah dilahirkan di zaman awal angkatan umat manusia dan panjang umur beliau ialah seribu tahun kurang lima puluh (atau sembilan ratus lima puluh tahun), dan beliau telah menghabiskan usianya yang lanjut itu dalam usaha berda'wah kepada kaumnya, dan tentulah kaumnya juga berumur panjang-panjang panjang belaka. Umur beliau dan umur orang-orang sezaman yang begitu lanjut itu menunjukkan bahawa umat manusia di zaman itu masih sedikit dan belum membiak ramai seperti di zaman-zaman berikutnya. Ini adalah sesuai dengan undang-undang Allah pada makhluk-makhluk yang hidup iaitu apabila bilangannya sedikit, maka umurnya panjang, seolah-olah sebagai pampasan dan

imbangan. Wallahua'lam. Ini hanya satu pandangan dan bandingan sahaja dan apa yang berlaku di dalam undang-undang Allah.

Setelah menyebut sumber risalah, maka surah ini menyebut pula intisari risalah Nuh itu iaitu memberi amaran dan peringatan:

أَنْ أَنذِرْ قَوْمَكَ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِيَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١﴾

"Berilah peringatan kepada kaummu sebelum mereka ditimpa 'azab yang amat pedih."(1)

Keadaan kaumnya yang terus enggan, menentang, angkuh, degil dan sesat, seperti yang ternyata di dalam laporan akhir yang dikemukakan oleh Nuh kepada Tuhannya, telah membuat matlamat memberi peringatan dan amaran itulah yang paling sesuai untuk dijadikan intisari risalahnya dan untuk dijadikan langkah pembukaan da'wah kepada kaumnya, iaitu memberi amaran dan peringatan kepada mereka dengan 'azab yang amat pedih di dunia atau di Akhirat atau kedua-duanya sekali.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 4)

Dari pemandangan menyerah tugas kerasulan beralih pula kepada pemandangan Nuh menyampaikan da'wah dengan memberi amaran dan memberangsangkan mereka mencari keampunan terhadap dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan yang telah berlaku, juga menyebut tentang masa hisab yang telah ditangguhkan Allah hingga ke suatu masa yang ditentukan pada hari Akhirat, di samping menerangkan dengan ringkas dasar-dasar pokok da'wahnya:

قَالَ يَٰقَوْمِ إِنِّى لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾
أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَٱتَّقُوهُ وَأَطِيعُونِ ﴿٣﴾
يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُؤَخِّرْكُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ
إِنَّ أَجَلَ ٱللَّهِ إِذَا جَآءَ لَا يُؤَخَّرُ ۖ لَوْ كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾

"Lalu Nuh berkata: Wahai kaumku! Sesungguhnya aku adalah seorang Rasul yang memberi peringatan yang amat jelas(2). Hendaklah kamu menyembah Allah, bertaqwa kepada-Nya dan ta'at kepadaku(3). Nescaya Dia ampunkan dosa-dosa kamu dan menangguhkan kamu hingga ke satu tempoh yang ditetapkan. Sesungguhnya ketetapan Allah itu apabila tiba waktunya tidak akan ditangguhkan lagi jika kamu mengetahui."(4)

يَٰقَوْمِ إِنِّى لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾

"Wahai kaumku! Sesungguhnya aku adalah seorang rasul yang memberi peringatan yang amat jelas."(2)

Nuh telah memberi peringatan dan amaran dengan penerangan yang jelas, dengan hujah-hujah dan alasan-alasan yang kuat. Ia tidak tergagap-gagap, tidak tergugup-gugup dan tidak teragak-agak. Tiada kekeliruan dan kesamaran dalam da'wahnya dan tiada kekeliruan dan kesamaran dalam janji-janji yang menunggu pendusta-pendusta yang menolak da'wahnya.

Da'wahnya cukup mudah, terang dan lurus iaitu:

أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَٱتَّقُوهُ وَأَطِيعُونِ ﴿٣﴾

"Hendaklah kamu menyembah Allah, bertaqwa kepada-Nya dan ta'at kepadaku."(3)

Yakni beribadatlah kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu dan jadikanlah perasaan taqwa kepada Allah menguasai perasaan dan tindak-tanduk kamu dan buktikanlah keta'atan kepada rasul dengan menjadikan segala pengajarannya sebagai sumber peraturan hidup dan dasar-dasar perilaku.

Inilah garis-garis lebar yang menjadi intisari keseluruhan agama-agama samawi yang diturunkan Allah. Kemudian agama-agama itu berbeza-beza dari sudut perincian dan pencabangan, dari sudut persepsi dan kebesarannya, kedalamannya, keluasannya, kesyumulannya dan sejauh mana ia merangkumi aspek-aspek seluruh kewujudan dan merangkumi kewujudan insan dalam perincian dan pencabangan itu.

Ibadat Kepada Allah Merupakan Satu Sistem Hidup

Beribadat kepada Allah Yang Maha Esa merupakan satu sistem hidup yang lengkap. Ia meliputi kefahaman manusia terhadap hakikat Uluhiyah dan hakikat 'ubudiyah, hakikat hubungan di antara makhluk dengan Khaliq, hakikat kuasa-kuasa dan nilai-nilai di alam dan di dalam kehidupan manusia. Dari sinilah lahirnya satu sistem hidup manusia yang ditegakkan di atas kefahaman itu, dan terbentuklah satu sistem hidup yang khusus iaitu sistem hidup Rabbani yang dirujukkan kepada hakikat hubungan di antara Uluhiyah dan 'Ubudiyah, juga dirujukkan kepada nilai-nilai yang ditetapkan Allah kepada para makhluk-Nya yang bernyawa dan yang tidak bernyawa.

Taqwa kepada Allah merupakan satu jaminan yang hakiki terhadap istiqamah atau kelurusan seseorang menjalani sistem hidup ini tanpa menyimpang darinya ke sana ke mari, tanpa melakukan apa-apa tipu helah dan penyelewengan dalam melaksanakannya. Taqwa kepada Allah melahirkan akhlak yang mulia dan ikhlas kepada Allah semata-mata tanpa ria', tanpa berpura-pura dan bermuka-muka.

Ta'at kepada rasul merupakan wasilah istiqamah seseorang untuk menjalani jalan yang lurus dan untuk menerima hidayat dari sumbernya yang berhubung dengan Allah selaku sumber pertama penciptaan, dan hidayat juga merupakan wasilah untuk terus kekal berhubung dengan Allah menerusi rasul-Nya selaku stesyen penerima secara langsung yang terjamin benar.

Garis-garis da'wah yang lebar ini dikemukakan oleh Nuh a.s. kepada kaumnya di zaman generasi awal

umat manusia merupakan intisari da'wah Allah dalam setiap generasi selepas itu. Beliau telah menjanjikan mereka apa yang telah dijanjikan Allah kepada orang-orang yang bertaubat dan kembali kepada-Nya:

يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُؤَخِّرْكُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى

"Nescaya Ia ampunkan dosa-dosa kamu dan menangguhkan kamu ke satu tempoh yang ditetapkan."(4)

Ganjaran Da'wah

Ganjaran menyambut da'wah supaya menyembah Allah Yang Maha Esa, bertaqwa kepada-Nya dan mematuhi rasul-Nya ialah keampunan dan pembersihan dari dosa-dosa yang telah silam, juga penangguhan hisab hingga ke masa yang ditentukan Allah iaitu Hari Akhirat tanpa ditimpa 'azab kehapusan dalam hidup dunia. (Dalam laporan Nuh kepada Allah akan disebut bahawa beliau telah menjanjikan mereka beberapa perkara yang lain yang akan didapati mereka di dalam masa hidup di dunia ini).

Kemudian Nuh menerangkan kepada mereka bahawa masa yang ditetapkan Allah itu adalah satu masa yang pasti datang apabila tiba waktunya dan ia tidak akan ditangguhkan lagi sebagaimana ditangguhkan 'azab dunia. Tujuan penjelasan ini ialah untuk menegakkan hakikat i'tiqad yang agung ini:

إِنَّ أَجَلَ ٱللَّهِ إِذَا جَآءَ لَا يُؤَخَّرُ ۖ لَوْ كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ٤

"Sesungguhnya ketetapan Allah itu apabila tiba waktunya tidak akan ditangguhkan lagi jika kamu mengetahui."(4)

Ayat ini juga mungkin bertujuan untuk menjelaskan sifat mana-mana masa yang ditetapkan Allah, supaya hakikat ini secara umum tertanam di dalam hati mereka, sesuai dengan penerangannya mengenai janji Allah untuk menangguhkan hisab mereka pada Hari Qiamat jika mereka ta'at dan kembali kepada Allah.

* * * * * *

Prestasi Da'wah Nuh

Nabi Nuh a.s. keluar meneruskan perjuangannya yang luhur, ikhlas dan mulia untuk menyampaikan hidayat Allah kepada kaumnya tanpa sebarang kepentingan dan faedah peribadi. Demi mencapaikan matlamat ini, beliau telah menerima tentangan-tentangan dan penghinaan-penghinaan mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun, sedangkan bilangan mereka yang menyahut da'wahnya hampir-hampir tidak bertambah dan darjah tentangan dan kedegilan mereka untuk mengikut jalan yang sesat semakin meningkat tinggi. Pada akhirnya Nuh kembali mengemukakan laporannya kepada Allah yang telah menyerahkan tugas yang luhur dan bebanan yang berat ini kepadanya. Ia kembali menceritakan apa yang beliau telah buat dan apa yang beliau telah terima, sedangkan Allah memang tahu dan beliau juga tahu bahawa Allah memang tahu, tetapi beliau kemukakan laporan itu untuk menyampaikan rintihan hati yang letih lesu di akhir pusingan perjuangan kepada Allah sebagai satu-satunya pihak yang menjadi tempat para Anbia', para rasul dan para Mu'minin yang tulen meluahkan rintihan dan rayuan mereka:

قَالَ رَبِّ إِنِّى دَعَوْتُ قَوْمِى لَيْلًا وَنَهَارًا ٥
فَلَمْ يَزِدْهُمْ دُعَآءِىٓ إِلَّا فِرَارًا ٦
وَإِنِّى كُلَّمَا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوٓا۟ أَصَٰبِعَهُمْ فِىٓ
ءَاذَانِهِمْ وَٱسْتَغْشَوْا۟ ثِيَابَهُمْ وَأَصَرُّوا۟ وَٱسْتَكْبَرُوا۟
ٱسْتِكْبَارًا ٧ ثُمَّ إِنِّى دَعَوْتُهُمْ جِهَارًا ٨
ثُمَّ إِنِّىٓ أَعْلَنتُ لَهُمْ وَأَسْرَرْتُ لَهُمْ إِسْرَارًا ٩
فَقُلْتُ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ إِنَّهُۥ كَانَ غَفَّارًا ١٠
يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا ١١
وَيُمْدِدْكُم بِأَمْوَٰلٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَل لَّكُمْ جَنَّٰتٍ وَيَجْعَل لَّكُمْ
أَنْهَٰرًا ١٢
مَّا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا ١٣
وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا ١٤
أَلَمْ تَرَوْا۟ كَيْفَ خَلَقَ ٱللَّهُ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ طِبَاقًا ١٥
وَجَعَلَ ٱلْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ ٱلشَّمْسَ سِرَاجًا ١٦
وَٱللَّهُ أَنۢبَتَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ نَبَاتًا ١٧
ثُمَّ يُعِيدُكُمْ فِيهَا وَيُخْرِجُكُمْ إِخْرَاجًا ١٨
وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ بِسَاطًا ١٩
لِّتَسْلُكُوا۟ مِنْهَا سُبُلًا فِجَاجًا ٢٠

(Ayat 5-20)

Inilah usaha-usaha da'wah yang telah dilakukan oleh Nuh a.s. dan isi rintihannya yang dikemukakan kepada Allah sebagai laporan terakhir di hujung masa perjuangan da'wahnya yang amat panjang di mana

beliau menggambarkan usaha-usaha da'wahnya yang gigih dan tidak putus-putus:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 6)

قَالَ رَبِّ إِنِّي دَعَوْتُ قَوْمِي لَيْلًا وَنَهَارًا ﴿٥﴾

"Lalu Nuh mengadu: Wahai Tuhanku! Aku telah menyeru kaumku siang dan malam."(5)

Beliau terus berda'wah tanpa jemu, tanpa lemah semangat dan tanpa putus asa menghadapi tentangan dan kedegilan kaumnya, tetapi:

فَلَمْ يَزِدْهُمْ دُعَاءِيٓ إِلَّا فِرَارًا ﴿٦﴾

"Tetapi seruanku itu tidak menambahkan mereka suatu apa melainkan mereka semakin lari."(6)

Yakni mereka lari dari rasul yang menyeru mereka kepada Allah yang menjadi sumber kewujudan dan kehidupan, sumber segala ni'mat dan rahmat dan sumber hidayat dan nur, sedangkan beliau tidak meminta sebarang upah. Mereka lari dari rasul yang berdo'a kepada Allah supaya mengurniakan keampunan kepada mereka dan membersihkan mereka dari dosa-dosa maksiat dan kesesatan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 7)

Kedegilan Kaum Nuh

Apabila mereka tidak sempat lari kerana Nuh a.s. sentiasa bersemuka dengan mereka dan sentiasa mengambil kesempatan menyampaikan da'wahnya kepada mereka, mereka tidak suka suaranya sampai ke dalam telinga mereka dan mereka tidak suka mata mereka melihat beliau, lalu mereka mengambil sikap degil mempertahankan kesesatan dan enggan menyambut seruan hidayat yang benar:

وَإِنِّي كُلَّمَا دَعَوْتُهُمْ لِتَغْفِرَ لَهُمْ جَعَلُوٓا۟ أَصَٰبِعَهُمْ فِيٓ ءَاذَانِهِمْ وَٱسْتَغْشَوْا۟ ثِيَابَهُمْ وَأَصَرُّوا۟ وَٱسْتَكْبَرُوا۟ ٱسْتِكْبَارًا ﴿٧﴾

"Dan sesungguhnya aku setiap kali aku menyeru mereka (kepada keimanan) supaya Engkau ampunkan dosa mereka, mereka sumbatkan jari-jari ke dalam telinga mereka dan menutupkan muka dengan baju mereka dan mereka terus berdegil dan menunjukkan sikap yang amat sombong."(7)

Itulah satu gambaran kegigihan penda'wah yang menyampaikan da'wahnya pada setiap kesempatan yang didapatinya, dan gambaran kedegilan kaumnya mempertahankan kesesatan. Gambaran itu memperlihatkan sifat-sifat kebudakan mereka yang degil iaitu menyumbat jari ke dalam telinga dan menutup kepala dan muka dengan baju. Ungkapan, **"Mereka sumbatkan jari-jari mereka ke dalam telinga mereka"** benar-benar menggambarkan kedegilan keanak-anakan. Telinga mereka memang tidak dapat ditelusi semua jari-jari mereka, mereka hanya dapat menyumbatkannya dengan hujung-hujung jari sahaja, tetapi mereka sumbatkannya dengan begitu kuat seolah-olah mereka cuba memasukkan semua jari-jari ke dalam telinga mereka supaya benar-benar terjamin telinga mereka tidak dapat ditembusi oleh suara Nabi Nuh a.s. Ini adalah satu gambaran kedegilan yang amat tebal, juga satu gambaran sifat primitif budak-budak manusia yang telah dewasa.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 12)

Nuh Menggunakan Segala Cara Dan Sarana Dalam Da'wahnya

Di samping menyampaikan da'wah yang berterusan dan mengambil segala kesempatan yang terluang dan menghadapi segala cabaran dengan penuh gigih, beliau menggunakan segala cara dan segala sarana dalam usaha menyampaikan da'wahnya. Kadang-kadang secara terang-terangan, kadang-kadang dicampur di antara cara berterang-terangan dan cara bersulit-sulitan:

ثُمَّ إِنِّي دَعَوْتُهُمْ جِهَارًا ﴿٨﴾

ثُمَّ إِنِّيٓ أَعْلَنتُ لَهُمْ وَأَسْرَرْتُ لَهُمْ إِسْرَارًا ﴿٩﴾

"Kemudian aku menyeru mereka secara terang-terangan (8). Kemudian aku menyeru mereka secara terang dan secara sulit."(9)

Di samping itu beliau merangsangkan kegemaran dan minat mereka supaya mencari kebajikan dunia dan Akhirat dan supaya mencari keampunan Allah kerana Allah S.W.T. bersifat Maha Pengampun:

فَقُلْتُ ٱسْتَغْفِرُوا۟ رَبَّكُمْ إِنَّهُۥ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾

"Dan aku telah menyeru mereka: Pohonlah keampunan kepada Tuhan kamu sesungguhnya Dia Maha Pengampun."(10)

Beliau seterusnya merangsangkan kegemaran dan minat mereka supaya mendapatkan rezeki yang mewah dari sumber air hujan yang lebat yang menjadi idaman mereka, iaitu air hujan yang menumbuhkan tanaman-tanaman dan mengalirkan sungai-sungai. Beliau juga menjanjikan mereka dengan satu rezeki yang lain, iaitu rezeki mendapat zuriat dari anak-anak lelaki yang amat disukai mereka dan rezeki harta kekayaan yang sentiasa dicari dan diidamkan mereka:

يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا ﴿١١﴾

وَيُمْدِدْكُم بِأَمْوَٰلٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَل لَّكُمْ جَنَّٰتٍ وَيَجْعَل لَّكُمْ أَنْهَٰرًا ﴿١٢﴾

"Nescaya Allah menurunkan hujan yang lebat ke atas kamu(11). Dan mengurniakan kepada kamu harta yang banyak dan anak yang ramai, dan mengadakan kebun-

kebun untuk kamu, juga mengadakan sungai-sungai untuk kamu."(12)

Dalam ayat ini Allah menghubungkan di antara istighfar dengan pemberian rezeki yang mewah. Di dalam Al-Qur'an terdapat ayat-ayat yang menerangkan pertalian di antara kebaikan dan istiqamah hati yang mematuhi hidayat Allah dengan kemurahan rezeki dan kemewahan hidup. Firman Allah S.W.T:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم
بَرَكَـٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ وَلَـٰكِن كَذَّبُوا۟
فَأَخَذْنَـٰهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

"Andainya penduduk negeri-negeri itu beriman dan bertaqwa nescaya Kami limpahkan ke atas mereka keberkatan-keberkatan dari langit dan bumi, tetapi malangnya mereka telah mendustakan (hidayat Kami), oleh itu, Kami seksakan mereka kerana perbuatan yang dilakukan mereka."

(Surah al-A'raf: 96)

Firman-Nya lagi:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْكِتَـٰبِ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَكَفَّرْنَا
عَنْهُمْ سَيِّـَٔاتِهِمْ وَلَأَدْخَلْنَـٰهُمْ جَنَّـٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٦٥﴾
وَلَوْ أَنَّهُمْ أَقَامُوا۟ ٱلتَّوْرَىٰةَ وَٱلْإِنجِيلَ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْهِم
مِّن رَّبِّهِمْ لَأَكَلُوا۟ مِن فَوْقِهِمْ وَمِن تَحْتِ
أَرْجُلِهِم

"Dan andainya golongan Ahlil-Kitab itu beriman dan bertaqwa nescaya Kami hapuskan dosa-dosa mereka dan Kami masukkan mereka ke dalam Syurga-syurga yang penuh ni'mat. Dan andainya mereka melaksanakan ajaran Taurat dan Injil dan ajaran yang diturunkan kepada mereka dari Tuhan mereka nescaya mereka akan dapat makan (rezeki yang mewah) dari (langit) di atas mereka dan dari (bumi) di bawah kaki mereka."

(Surah al-Ma'idah: 65-66)

Firman-Nya pula:

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۚ إِنَّنِى لَكُم مِّنْهُ نَذِيرٌ وَبَشِيرٌ ﴿٢﴾
يُمَتِّعْكُم مَّتَـٰعًا حَسَنًا إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِى
فَضْلٍ فَضْلَهُۥ ۖ

"Supaya kamu tidak menyembah selain dari Allah. Sesungguhnya aku (Muhammad) adalah pemberi peringatan dan penyampai berita gembira dari-Nya. Kemudian kembalilah kamu kepada Allah nescaya Dia kurniakan kamu keni'matan yang baik hingga sampai ke suatu tempoh yang telah ditetapkan-Nya. Dan nescaya Dia kurniakan kepada setiap yang berbakti kelebihan yang setimpal dengannya."

(Surah Hud: 2-3)

Allah Janjikan Kehidupan Yang Mewah Kepada Umat Yang Bertaqwa

Prinsip yang dijelaskan oleh Al-Qur'an di pelbagai tempat ini adalah satu prinsip yang betul berdasarkan janji Allah dan undang-undang hidup, begitu juga prinsip ini telah terlaksana di sepanjang abad sebagaimana disaksikan oleh realiti. Apabila memperkatakan prinsip ini, maka yang dirujukkan ialah umat-umat bukannya individu-individu. Mana-mana umat yang melaksanakan syari'at Allah dan benar-benar bertawajjuh kepada Allah dengan amalan-amalan yang salih dan istighfar yang membayangkan rasa takut mereka kepada Allah, mana-mana umat yang bertaqwa kepada Allah, beribadat kepada-Nya dan menjalankan undang-undang dan peraturan Allah untuk menegakkan keadilan dan keamanan kepada semua rakyat jelata, maka mereka akan mendapat kebajikan yang melimpahruah dan Allah akan memberi kedudukan yang kukuh di bumi dan menjadikan mereka selaku khalifah-Nya yang membawa pembangunan dan kebaikan.

Memang benar kita telah melihat di setengah-setengah masa umat-umat yang tidak bertaqwa kepada Allah dan tidak mendirikan syari'at-Nya, namun mereka hidup mewah dan mempunyai kedudukan yang kukuh, tetapi ini semuanya hanya merupakan ujian sahaja. Firman Allah:

وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ فِتْنَةً ۖ

"Dan Kami dugakan kamu dengan kesusahan dan dengan ni'mat yang baik sebagai suatu ujian."

(Surah al-Anbia': 35)

Di Sebalik Kemewahan Di Negara-negara Maju

Selain dari itu kemewahan yang dini'mati mereka itu adalah kemewahan yang penuh penyakit, kemewahan yang dimusnahkan oleh kekacauan-kekacauan sosial dan keruntuhan akhlak, kezaliman, penindasan dan kejatuhan kehormatan insaniyah. Di hadapan kita sekarang ini ada dua buah kerajaan yang besar yang meni'mati hidup yang mewah dan mempunyai kedudukan yang kuat di dunia. Yang satu ialah kerajaan kapitalis dan yang satu lagi ialah komunis. Dalam kerajaan yang pertama, keruntuhan akhlak telah gugur ke paras kebinatangan, dan kefahaman mereka terhadap hidup juga telah menurun ke paras yang paling rendah. Segala-galanya di sana dinilai dengan dolar. Sementara dalam kerajaan yang kedua, kehormatan manusia telah digugurkan ke taraf yang lebih rendah dari taraf seorang abdi. Mereka hidup di bawah intipan perisik-perisik atau polis-polis rahsia. Mereka sentiasa hidup dalam kebimbangan dan ketakutan kepada

pembunuhan-pembunuhan. Apabila mereka tidur di waktu malam, mereka tidak yakin bahawa mereka akan bangkit di pagi besok dengan selamat tanpa menjadi mangsa tuduhan yang dirancang di dalam gelap. Oleh sebab itu kehidupan manusia, sama ada di dalam kerajaan kapitalis atau kerajaan komunis bukanlah kehidupan insaniyah yang benar-benar bersifat mewah dan senang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 14)

Apabila kita mengikuti perjuangan da'wah Nuh yang luhur dan panjang itu, kita dapati beliau menarik perhatian kuamnya kepada bukti-bukti kekuasaan Allah yang ada pada diri mereka sendiri dan pada alam buana di sekeliling, dan beliau merasa hairan terhadap kelakuan mereka yang sewenang-wenang dan biadab terhadap Allah, dan beliau telah membantah kelakuan itu:

مَّا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا ﴿١٣﴾
وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا ﴿١٤﴾

"Mengapakah kamu tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Allah?(13). Sedangkan Dia telah menciptakan kamu melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan."(14)

Peringkat-peringkat Perkembangan Bayi

Peringkat-peringkat perkembangan yang disebut oleh Al-Qur'an kepada kaum Nuh di zaman itu tentulah peringkat-peringkat perkembangan yang difahami oleh mereka supaya peringkat-peringkat perkembangan itu dapat menimbulkan kesan di dalam jiwa mereka apabila diperingatkan kepada mereka. Dari kesan peringatan itu diharap dapat mendorongkan mereka menyahut da'wah Nuh a.s. Kebanyakan Mufassirin berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan peringkat-peringkat perkembangan itu ialah peringkat-peringkat perkembangan bayi di dalam rahim dari nutfah kepada segumpal darah, kepada segumpal daging, kepada lembaga dan seterusnya kepada pembentukan rupa paras manusia yang sempurna. Inilah peringkat-peringkat perkembangan yang dapat difaham oleh kaum Nuh apabila disebut kepada mereka, kerana bayi-bayi yang gugur sebelum terbentuk dengan sempurna di dalam rahim dapat memberi kepada mereka gambaran tentang peringkat-peringkat perkembangan itu. Ini merupakan salah satu dari pengertian-pengertian yang ditunjukkan oleh ayat ini. Mungkin juga maksudnya ialah pengertian yang dikemukakan oleh ilmu bayi yang mengatakan bahawa bayi di peringkat awal kejadiannya menyerupai bentuk rupa haiwan yang bersel satu kemudian berubah kepada bentuk haiwan yang bersel banyak, kemudian berubah kepada bentuk haiwan yang hidup di dalam air, kemudian berubah kepada bentuk haiwan mamalia, kemudian barulah mengambil rupa paras manusia, tetapi pengertian ini terlalu jauh untuk di faham oleh kaum Nuh, kerana pengertian ini baru sahaja ditemui sains. Mungkin pengertian inilah yang dimaksudkan dalam satu ayat lain selepas ia menyebut peringkat-peringkat perkembangan itu iaitu ayat:

ثُمَّ أَنشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ ۚ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ
الْخَالِقِينَ ﴿١٤﴾

"Kemudian Kami ciptakannya menjadi satu makhluk yang lain, Maha Suci Allah Pencipta yang paling baik."

(Surah al-Mu'minun: 14)

Di samping itu ayat-ayat ini mungkin mempunyai pengertian-pengertian yang lain yang belum lagi ditemui sains dan Kami tidak mahu mengikatkan kedua-dua ayat ini dengan penemuan-penemuan sains.

Walau bagaimanapun Nabi Nuh a.s. telah menarik perhatian kaumnya supaya meneliti kejadian diri mereka dan mengecam sikap mereka yang tidak menghormati Allah yang telah menciptakan mereka melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan itu. Inilah sikap yang amat aneh dan amat bodoh yang ditunjukkan oleh makhluk.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 18)

Pengertian Tujuh Langit

Begitu juga beliau telah menarik perhatian mereka kepada kitab alam buana yang terbuka:

أَلَمْ تَرَوْا كَيْفَ خَلَقَ اللَّهُ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا ﴿١٥﴾
وَجَعَلَ الْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ الشَّمْسَ سِرَاجًا ﴿١٦﴾

"Tidakkah kamu melihat bagaimana Allah telah menciptakan tujuh langit yang bertingkat-tingkat?(15). Dan di langit Dia telah menciptakan bulan sebagai cahaya dan menciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang."(16)

Pengertian tujuh langit itu tidak boleh dibataskan dengan pendapat-pendapat yang dikatakan oleh andaian-andaian ilmiyah mengenai alam ini, kerana pendapat-pendapat itu semuanya bersifat andaian semata-mata. Nabi Nuh hanya menarik perhatian kaumnya kepada kejadian langit dan memberitahu kepada mereka sebagaimana yang diajar oleh Allah bahawa langit itu tujuh tingkat dan di sana terdapat bulan yang berfungsi sebagai cahaya, juga terdapat matahari yang berfungsi sebagai lampu. Mereka tentulah melihat bulan dan matahari, melihat apa yang dikatakan langit, iaitu angkasa raya yang berwarna biru tetapi persoalan apakah hakikat langit? Ini bukanlah persoalan yang dituntut dari mereka, dan hingga hari ini tiada seorang pun yang dapat memberi pendapat muktamad mengenainya. Bimbingan Nuh a.s. ini sudah cukup untuk menarik perhatian dan penelitian mereka supaya memikirkan daya qudrat yang mencipta yang berada di sebalik kejadian-

kejadian yang besar ini. Inilah yang dimaksudkan dari bimbingan Nuh itu. Kemudian Nuh kembali sekali lagi menarik perhatian kaumnya kepada kejadian diri mereka sendiri yang diciptakan dari tanah, kemudian mereka kembali lagi ke tanah apabila mereka mati untuk menjelaskan kepada mereka hakikat kebangkitan semula iaitu mereka akan dibangkitkan dan dikeluarkan dari tanah selepas mati:

Asal Kejadian Manusia Sama Dengan Asal Kejadian Tumbuhan

وَٱللَّهُ أَنۢبَتَكُم مِّنَ ٱلۡأَرۡضِ نَبَاتٗا ١٧
ثُمَّ يُعِيدُكُمۡ فِيهَا وَيُخۡرِجُكُمۡ إِخۡرَاجٗا ١٨

"Dan Allah menumbuhkan kamu dari tanah dengan penumbuhan yang sempurna(17). Kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam tanah dan mengeluarkan kamu darinya (pada hari Qiamat) dengan sempurna."(18)

Penciptaan manusia dari tanah telah diungkapkan dalam ayat ini dengan kata-kata **"menumbuhkan"**. Ungkapan ini amat menarik dan banyak memberi ilham. Ia diulang di dalam Al-Qur'an dengan berbagai-bagai gambaran seperti firman-Nya:

وَٱلۡبَلَدُ ٱلطَّيِّبُ يَخۡرُجُ نَبَاتُهُۥ بِإِذۡنِ رَبِّهِۦۖ وَٱلَّذِي
خَبُثَ لَا يَخۡرُجُ إِلَّا نَكِدٗاۚ

"Dan negeri yang berbumi subur mengeluarkan tumbuh-tumbuhannya dengan izin Tuhannya, dan negeri yang mempunyai bumi yang tidak baik tidak dapat mengeluarkan tumbuh-tumbuhannya, kecuali dalam keadaan bantut."

(Surah al-A'raf: 58)

Di sini ia menunjukkan bahawa asal mula kejadian manusia sama dengan asal mula kejadian tumbuh-tumbuhan. Di dalam surah-surah yang lain, Allah menyebutkan penciptaan manusia di samping penciptaan tumbuh-tumbuhan. Misalnya dalam Surah al-Hajj, Allah menghimpunkan kedua-dua penciptaan itu dalam satu ayat sahaja ketika mengemukakan bukti-bukti hakikat kebangkitan semula. Firman Allah Azzawajalla:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمۡ فِي رَيۡبٖ مِّنَ ٱلۡبَعۡثِ
فَإِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن تُرَابٖ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٖ ثُمَّ
مِنۡ عَلَقَةٖ ثُمَّ مِن مُّضۡغَةٖ مُّخَلَّقَةٖ وَغَيۡرِ مُخَلَّقَةٖ
لِّنُبَيِّنَ لَكُمۡۚ وَنُقِرُّ فِي ٱلۡأَرۡحَامِ مَا نَشَآءُ إِلَىٰٓ
أَجَلٖ مُّسَمّٗى ثُمَّ نُخۡرِجُكُمۡ طِفۡلٗا ثُمَّ لِتَبۡلُغُوٓاْ
أَشُدَّكُمۡۖ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم
مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرۡذَلِ ٱلۡعُمُرِ لِكَيۡلَا يَعۡلَمَ مِنۢ بَعۡدِ
عِلۡمٖ شَيۡـٔٗاۚ وَتَرَى ٱلۡأَرۡضَ هَامِدَةٗ فَإِذَآ أَنزَلۡنَا
عَلَيۡهَا ٱلۡمَآءَ ٱهۡتَزَّتۡ وَرَبَتۡ وَأَنۢبَتَتۡ مِن كُلِّ
زَوۡجِۭ بَهِيجٖ ٥

"Wahai manusia! Jika kamu berada dalam keraguan tentang kebangkitan semula, maka (ketahuilah) bahawa Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitis nutfah, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna kejadiannya untuk Kami memberi penerangan yang jelas kepada kamu. Dan Kami tetapkan di dalam rahim-rahim itu bayi-bayi yang Kami kehendaki hingga ke satu tempoh yang ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu dengan bentuk rupa seorang bayi, kemudian kamu berkembang hingga sampai ke peringkat dewasa. Dan di antara kamu ada yang dimatikan dan ada pula di antara kamu yang dilanjutkan umurnya hingga ke peringkat tua bereda hingga ia tidak mengetahui sesuatu apa pun yang dahulunya diketahui olehnya. Dan kamu lihat bumi ini tandus, kemudian apabila Kami turunkan hujan ke atasnya ia terus hidup dan subur dan menumbuhkan berbagai-bagai tumbuhan yang indah."

(Surah al-Hajj: 5)

Di dalam Surah al-Mu'minun pula Allah menyebutkan peringkat-peringkat perkembangan bayi yang hampir sama dengan apa yang disebut dalam Surah al-Hajj, kemudian Allah berfirman:

فَأَنشَأۡنَا لَكُم بِهِۦ جَنَّٰتٖ مِّن نَّخِيلٖ وَأَعۡنَٰبٖ

"Lalu (dengan air itu) Kami ciptakan untuk kamu kebun-kebun kurma dan anggur."

(Surah al-Mu'minun: 19)

Gejala ini tidak syak lagi amat menarik perhatian. Ia membayangkan kesatuan asal usul kejadian hidup-hidupan di bumi, iaitu asal-usul kejadian manusia sama dengan asal-usul kejadian tumbuh-tumbuhan. Ia diciptakan dari anasir-anasir bumi, dan dari anasir-anasir bumi ini juga ia mendapat makanan dan subur. Oleh itu, manusia merupakan satu tumbuhan dari tumbuh-tumbuhan bumi. Allah kurniakan kepadanya bentuk hidup yang sama yang dikurniakannya kepada tumbuh-tumbuhan. Kedua-duanya merupakan dari hasil pengeluaran bumi dan kedua-duanya menyusui ibunda bumi ini.

Demikianlah keimanan itu mencetuskan di hati orang Mu'min satu kefahaman hakiki yang segar tentang hubungannya dengan bumi dan hidup-hidupan, iaitu satu kefahaman yang membayangkan kehalusan ilmu pengetahuan dan kesedaran yang dinamis kerana ia ditegakkan di atas hakikat yang hidup dalam hati nurani. Itulah keistimewaan ilmu pengetahuan Al-Qur'an yang unik.

Manusia Dari Bumi Akan Kembali Ke Bumi

Manusia yang tumbuh dari bumi itu akan kembali sekali lagi ke perut bumi, di sana reputan jasad mereka akan bercampuraduk dengan tanahnya, dan zarah-zarah mereka akan bersebati dengan zarah-zarah tanah sebagaimana keadaannya sebelum ia tumbuh dari bumi. Kemudian Allah mengeluar dan menumbuhkan mereka kembali sebagaimana Allah tumbuhkan mereka pada kali pertama. Ini adalah satu masalah yang amat mudah dan senang tidak memerlukan berhenti walau sedetik pun apabila ditinjau dari sudut yang ditayangkan oleh Al-Qur'an.

Nabi Nuh a.s. menarik perhatian kaumnya kepada hakikat ini supaya hati mereka menyedari kekuasaan Allah yang menumbuhkan mereka dari bumi dengan penumbuhan yang sempurna, dan kemudian Allah memulangkan mereka sekali lagi ke bumi menunggu kebangkitan semula untuk hisab dan ia akan berlaku semudah dan sesenang ini juga yang tidak perlu dipertikaikan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 20)

Akhirnya Nabi Nuh a.s. menarik hati mereka kepada ni'mat kemudahan hidup di muka bumi, iaitu kemudahan berjalan, mencari makan dan berpindah:

وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ بِسَاطًا ﴿١٩﴾
لِّتَسْلُكُوا۟ مِنْهَا سُبُلًا فِجَاجًا ﴿٢٠﴾

"Dan Allah telah menciptakan bumi untuk kamu sebagai hamparan(19). Supaya kamu dapat melalui jalan-jalannya yang luas."(20)

Ni'mat Jalan-jalan Di Bumi

Hakikat ini amat dekat dan cukup jelas kepada penglihatan dan kefahaman mereka. Mereka tidak dapat melarikan diri darinya sebagaimana mereka dapat melarikan diri dari suara Nuh dan amarannya. Bumi kepada mereka terhampar selesa, hinggakan pada bukit-bukau dan gunung-ganang terdapat lorong-lorong dan jalan-jalan yang luas, apatah lagi di tanah-tanah datar, iaitu lorong-lorong dan jalan-jalan yang memberi kemudahan kepada mereka untuk berjalan, menunggang, berpindah, mencari rezeki, bertukar-tukar barangan yang berguna dan rezeki-rezeki.

Hakikat ini dapat difahami mereka tanpa memerlukan kepada kajian-kajian ilmiyah yang sukar untuk mempelajari undang-undang yang menguasai hidup mereka di bumi ini dan memudahkan kehidupan mereka. Apabila ilmu pengetahuan manusia semakin tinggi, maka ia akan dapat memahami dari hakikat ini berbagai-bagai aspek yang baru dan ufuk-ufuk yang jauh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 24)

Laporan Akhir Nuh Kepada Allah

Demikianlah Nabi Nuh a.s. berusaha menyampaikan da'wahnya kepada telinga kaumnya, kepada hati dan minda mereka dengan berbagai-bagai cara dan wasilah dengan penuh tekun, tabah dan sabar selama sembilan ratus lima puluh tahun. Setelah itu beliau kembali kepada Allah mengemukakan laporan dan pengaduannya dan dari laporan yang lengkap yang tersusun dengan kata-kata yang menarik ini kita dapat melihat gambaran kesabaran dan perjuangan yang gigih dan sukar yang ditempuh oleh Nuh. Ia merupakan satu babak perjuangan dalam siri-siri agama samawi yang diturunkan kepada umat manusia yang sesat dan menderhaka. Apakah lagi selepas semua laporan ini?

قَالَ نُوحٌ رَّبِّ إِنَّهُمْ عَصَوْنِى وَٱتَّبَعُوا۟ مَن لَّمْ يَزِدْهُ مَالُهُۥ
وَوَلَدُهُۥٓ إِلَّا خَسَارًا ﴿٢١﴾ وَمَكَرُوا۟ مَكْرًا كُبَّارًا ﴿٢٢﴾
وَقَالُوا۟ لَا تَذَرُنَّ ءَالِهَتَكُمْ وَلَا تَذَرُنَّ وَدًّا وَلَا سُوَاعًا وَلَا
يَغُوثَ وَيَعُوقَ وَنَسْرًا ﴿٢٣﴾
وَقَدْ أَضَلُّوا۟ كَثِيرًا ۖ وَلَا تَزِدِ ٱلظَّـٰلِمِينَ إِلَّا ضَلَـٰلًا ﴿٢٤﴾

"Nuh mengadu: Wahai Tuhanku! Mereka telah menderhakakanku dan mengikut orang-orang yang hartanya dan anak-anaknya tidak menambahkan sesuatu kepada mereka selain kerugian(21). Dan mereka melakukan berbagai-bagai tipu daya yang amat besar(22). Dan mereka berkata (kepada orang ramai): Janganlah kamu tinggalkan tuhan-tuhan kamu, dan janganlah kamu tinggalkan Wadda, Suwaa', Yaghuth, Ya'uuq dan Nasr (23). Dan mereka telah menyesatkan orang ramai. Dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim itu selain kesesatan."(24)

Mereka Tetap Mengikut Pemimpin-pemimpin Yang Sesat

Wahai Tuhanku, mereka telah menderhakakanku setelah sekian lama berjuang dan berpenat lelah, setelah sekian lama mereka diberi bimbingan dan hidayat dan setelah sekian lama mereka diberi amaran dan peringatan di samping ditawarkan janji-janji rezeki yang mewah, anak yang ramai dan kehidupan yang senang, namun mereka tetap mengikut pemimpin-pemimpin yang sesat dan menyesatkan, pemimpin-pemimpin yang mengelirukan pengikut-pengikut dengan harta kekayaan, anak-anak yang ramai, pangkat kebesaran dan kuasa yang dimiliki mereka iaitu pemimpin-pemimpin yang:

وَٱتَّبَعُوا۟ مَن لَّمْ يَزِدْهُ مَالُهُۥ وَوَلَدُهُۥٓ إِلَّا خَسَارًا ﴿٢١﴾

"Yang hartanya dan anak-anaknya tidak menambahkan sesuatu apa selain kerugian."(21)

Mereka telah tertipu dengan harta kekayaan dan anak-anak yang ramai, lalu mengikut jalan yang sesat

di samping berusaha menyesatkan orang lain pula, maka akibatnya tidak lain melainkan kecelakaan dan kerugian.

Pemimpin-pemimpin itu tidak cukup dengan kesesatan, malah mereka:

وَمَكَرُوا۟ مَكْرًا كُبَّارًا ﴿٢٢﴾

"Dan mereka melakukan berbagai-bagai tipu daya yang amat besar."(22)

Mereka Digalakkan Menyembah Berhala

Untuk menghapuskan da'wah dan menutup jalan supaya da'wah itu tidak sampai ke hati orang ramai, mereka melakukan berbagai-bagai tipu helah untuk menghias dan mendandankan kekufuran, kesesatan dan jahiliyah yang dihayati orang ramai supaya kelihatan cantik. Di antara tipu daya mereka ialah mereka menggalakkan orang ramai supaya berpegang kukuh dengan berhala-berhala yang dianggap mereka sebagai tuhan-tuhan.

وَقَالُوا۟ لَا تَذَرُنَّ ءَالِهَتَكُمْ

"Mereka berkata (kepada orang ramai) janganlah kamu tinggalkan tuhan-tuhan kamu."(23)

Mereka tekankan dengan kata-kata tambahan **"tuhan kamu"** untuk membangkitkan rasa kehormatan diri yang palsu dan rasa keangkuhan yang salah di dalam hati mereka. Kemudian secara khusus mereka menyebut berhala-berhala yang besar untuk merangsangkan rasa kebanggaan di dalam hati orang ramai yang sesat:

وَلَا تَذَرُنَّ وَدًّا وَلَا سُوَاعًا وَلَا يَغُوثَ وَيَعُوقَ وَنَسْرًا ﴿٢٣﴾

"Janganlah kamu tinggalkan Wadda, Suwaa', Yaghuth, Ya'uuq dan Nasr."(23)

Itulah tuhan-tuhan besar mereka yang terus disembah di zaman-zaman jahiliyah selepas mereka hingga sampai ke zaman kerasulan Muhammad s.a.w.

Mereka Ditipu Pemimpin

Demikianlah pemimpin-pemimpin yang sesat dan menyesatkan itu membangun berbagai-bagai berhala dengan berbagai-bagai bentuk rupa dan nama mengikut kecintaan dan kegilaan yang wujud dalam masing-masing masyarakat jahiliyah. Mereka mengumpul pengikut-pengikut dan merangsangkan di dalam hati perasaan bangga dengan berhala-berhala itu supaya mereka dapat mengheret mereka dengan tali hidung ke mana sahaja mereka suka dan mengekalkan mereka dalam kesesatan supaya mereka sentiasa patuh dan ta'at:

وَقَدْ أَضَلُّوا۟ كَثِيرًا ۖ وَلَا تَزِدِ ٱلظَّـٰلِمِينَ إِلَّا ضَلَـٰلًا ﴿٢٤﴾

"Dan mereka telah menyesatkan orang ramai. Dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim itu selain kesesatan."(24)

Sebagaimana yang dilakukan oleh setiap pemimpin yang sesat yang mengemblengkan orang ramai supaya menyembah berhala-berhala, iaitu berhala-berhala batu, berhala-berhala tokoh dan berhala-berhala ideologi semuanya mempunyai tujuan yang sama iaitu menghalangkan da'wah Allah dan menjauhkan orang ramai dari para penda'wah dengan berbagai-bagai tipu daya yang besar.

* * * * * *

Do'a Nabi Nuh a.s. Yang Syumul

Di sini terbetiklah dalam hati Nabi Nuh a.s. sebuah do'a agar Allah menghukumkan orang-orang yang zalim, sesat, penyesat dan jahat dan penipu, **"Dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim itu selain kesesatan."**

Itulah do'a yang terbit dari hati rasul yang berjuang sekian lama, menderita sekian banyak dan berusaha dengan segala cara dan akhirnya sedar tiada kebajikan di dalam hati manusia yang zalim, pelampau, dan degil. Hati-hati itu tidak layak menerima hidayat dan keselamatan dari 'azab.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 25)

Sebelum menyebut sambungan do'a Nabi Nuh a.s., dijelaskan dahulu akibat yang diterima oleh orang-orang yang zalim di dunia dan Akhirat, kerana urusan Akhirat sama dengan urusan dunia, iaitu ia sentiasa wujud di dalam ilmu Allah dan tetap akan berlaku:

مِّمَّا خَطِيٓـَٔـٰتِهِمْ أُغْرِقُوا۟ فَأُدْخِلُوا۟ نَارًا فَلَمْ يَجِدُوا۟ لَهُم
مِّن دُونِ ٱللَّهِ أَنصَارًا ﴿٢٥﴾

"Oleh sebab kesalahan-kesalahan mereka, mereka ditenggelamkan, kemudian dimasukkan ke dalam Neraka, dan mereka tidak akan mendapat penolong-penolong selain dari Allah."(25)

Mereka Dibinasakan Banjir

Dengan sebab kesalahan-kesalahan, dosa-dosa dan maksiat-maksiat, mereka ditenggelamkan di dalam banjir dan kemudian dimasukkan ke dalam Neraka. Kata-kata **"kemudian"** di sini memang ada tujuannya kerana masuknya mereka ke dalam Neraka adalah bersambung dengan tenggelamnya mereka di dunia dengan hanya dipisahkan oleh satu masa yang pendek yang seolah-olah tidak wujud, kerana masa yang sependek itu tidak masuk kiraan dalam perhitungan Allah. Tertib itu tetap wujud di antara tenggelamnya mereka di dunia dengan masuknya mereka ke dalam Neraka pada Hari Qiamat. Mungkin juga 'azab Neraka yang dimaksudkan di sini ialah 'azab kubur dalam tempoh yang pendek di antara dunia dan Akhirat.

فَلَمْ يَجِدُوا۟ لَهُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ أَنصَارًا ﴿٢٥﴾

"Dan mereka tidak akan mendapat penolong-penolong selain dari Allah."(25)

Mereka tidak dapat ditolong oleh anak-anak, tidak pula oleh harta kekayaan, tidak pula oleh kuasa dan tidak pula oleh penaung-penaung dari tuhan-tuhan yang didakwa oleh mereka.

Dengan dua ayat yang pendek ini tamatlah kisah kaum penderhaka dan pelampau itu. Cerita hidup mereka ditutup sebelum disebut do'a Nabi Nuh a.s. yang memohon agar mereka dibinasa dan dihapuskan dari alam ini. Ia tidak dipisahkan di sini dengan kisah ketenggelaman mereka, kerana suasana yang mahu dikekalkan di sini ialah suasana pembalasan yang segera hingga jarak di antara ketenggelaman di dunia dengan pembakaran di dalam Neraka dapat dilalui dengan kata-kata **"kemudian"** sahaja mengikut cara penggambaran Al-Qur'an yang amat seni. Oleh itu, kita terpaksa berhenti dalam suasana ini sahaja tanpa menjangkau lebih jauh ke dalam butir-butir cerita tenggelam dan masuk Neraka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 28)

Kemudian barulah ia menyebut sambungan do'a Nabi Nuh a.s. dengan sempurna dan rayuannya kepada Allah di akhir perjuangan da'wahnya:

وَقَالَ نُوحٌ رَّبِّ لَا تَذَرْ عَلَى ٱلْأَرْضِ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ دَيَّارًا ﴿٢٦﴾
إِنَّكَ إِن تَذَرْهُمْ يُضِلُّوا۟ عِبَادَكَ وَلَا يَلِدُوٓا۟ إِلَّا فَاجِرًا
كَفَّارًا ﴿٢٧﴾
رَّبِّ ٱغْفِرْ لِى وَلِوَٰلِدَىَّ وَلِمَن دَخَلَ بَيْتِىَ مُؤْمِنًا
وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ وَلَا تَزِدِ ٱلظَّٰلِمِينَ إِلَّا
تَبَارًۢا ﴿٢٨﴾

"Dan Nuh berdo'a: Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan seorang pun dari orang-orang kafir itu tinggal di bumi(26). Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal di bumi nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hamba-Mu dan mereka tidak akan melahirkan selain dari anak yang jahat dan kafir yang degil(27). Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan kepadaku, kepada dua ibu bapaku, kepada orang yang masuk ke dalam rumahku dengan keadaan beriman dan kepada orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim selain dari kebinasaan."(28)

Hati Nabi Nuh a.s. telah diberi ilham bahawa bumi kini memerlukan kepada pembersihan dari kejahatan yang telah menenggelamkan kaumnya. Kadang-kadang bumi ini tidak dapat diubati melainkan dengan membersihkannya dari manusia-manusia yang zalim, kerana kewujudan mereka boleh membekukan da'wah kepada Allah dan boleh menghalangkan sampainya da'wah kepada hati orang ramai. Itulah hakikat yang diungkapkan oleh Nabi Nuh a.s. ketika beliau memohon kepada Allah supaya menghapuskan sekalian manusia yang zalim itu hingga tiada seorang pun yang dibiarkan tinggal di bumi. Beliau bersabda:

إِنَّكَ إِن تَذَرْهُمْ يُضِلُّوا۟ عِبَادَكَ

"Sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka tinggal di bumi nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hamba-Mu."(27)

Kata-kata **"hamba-hamba-Mu"** membayangkan golongan orang yang beriman. Mereka akan ditindas kerana 'aqidah mereka dengan kuatkuasa yang zalim atau mereka akan terpesona dengan kekuasaan orang-orang yang zalim yang hidup selamat dan tidak diapa-apakan oleh Allah.

Selain dari itu golongan yang kafir dengan sendirinya mewujudkan satu alam sekitar yang melahirkan keturunan yang kafir, menyaran dan mengilhamkan kekufuran kepada kanak-kanak yang kecil mengikut keadaan dan suasana alam sekitar yang diwujudkan mereka. Oleh itu, kanak-kanak tidak mempunyai kesempatan untuk melihat cahaya hidayat. Inilah hakikat yang diutarakan Nabi Nuh a.s.:

وَلَا يَلِدُوٓا۟ إِلَّا فَاجِرًا كَفَّارًا ﴿٢٧﴾

"Dan mereka tidak akan melahirkan selain dari anak yang jahat dan kafir yang degil."(27)

Mereka mengadakan berbagai-bagai adat, undang-undang dan peraturan yang membuat kanak-kanak itu terdidik dengan berbuat dosa dan menjadi kafir yang degil seperti yang disebutkan oleh Nabi Nuh a.s.

Kerana itulah Nuh a.s. berdo'a supaya mereka dibinasakan dan dihapuskan habis-habisan, dan kerana itulah juga Allah memperkenankan do'anya, lalu membasuh muka bumi ini dari kejahatan itu dan menyapu bersih lubang-lubang kejahatan yang tidak dapat dihapuskan melainkan dengan kekuatan dari Allah Yang Maha Kuasa.

Kemudian beliau menutup do'anya terhadap mereka:

وَلَا تَزِدِ ٱلظَّٰلِمِينَ إِلَّا تَبَارًۢا ﴿٢٨﴾

"Dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim selain dari kebinasaan."(28)

Di samping memohon dengan khusyu' dan penuh kasih mesra:

رَّبِّ ٱغْفِرْ لِى وَلِوَٰلِدَىَّ وَلِمَن دَخَلَ بَيْتِىَ مُؤْمِنًا
وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ

"Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan kepadaku, kepada dua ibu bapaku kepada orang yang masuk ke dalam rumahku dengan keadaan beriman dan kepada orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan."(28)

Do'a Nabi Nuh a.s. memohon Allah mengampunkan dosanya merupakan adab sopan kenabian yang mulia di hadapan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar,

iaitu adab sopan seorang hamba yang tidak lupa bahawa dirinya seorang manusia yang mungkin salah dan mungkin tidak sempurna menunaikan kewajipannya biarpun beliau begitu ta'at dan kuat beribadat, juga adab sopan seorang hamba yang sedar bahawa ia tidak semestinya dapat memasuki Syurga dengan semata-mata amalannya kecuali ia mendapat limpah kurnia Allah sebagaimana ditegaskan oleh saudaranya Nabi Muhammad s.a.w. Itulah istighfar Nabi Nuh a.s. yang telah berda'wah kepada kaumnya yang menderhaka dan berdosa kemudian da'wah beliau ditolak dengan begitu angkuh. Beliau memohon keampunan setelah beliau berjuang dan menempuh kesulitan-kesulitan sekian lama.

Do'a beliau memohon keampunan kepada dua ibubapanya merupakan kebaktian beliau kepada dua orang tuanya yang Mu'min mengikut apa yang kami faham dari do'a ini, kerana andainya kedua orang tua itu bukan orang-orang Mu'min tentulah Allah menegur beliau sebagaimana Allah telah menegur beliau sewaktu beliau merayu tentang anaknya yang kafir yang turut tenggelam bersama orang-orang kafir yang ditenggelamkan itu (sebagaimana diterangkan dalam Surah Hud).

Do'a beliau memohon keampunan kepada mereka yang masuk ke dalam rumahnya dengan keadaan beriman merupakan kebaktian seorang Mu'min terhadap Mu'min yang lain dan merupakan hasrat yang baik dari seorang Mu'min terhadap seorang Mu'min yang lain sama seperti hasramya yang baik terhadap dirinya sendiri. Tujuan mengkhususkan pengampunan itu kepada orang-orang yang masuk ke dalam rumah beliau dengan keadaan beriman itu adalah untuk memasukkan golongan orung-orang Mu'min yang akan dibawa bersama beliau di dalam bahtera itu.

Do'a beliau yang meliputi sekalian orang Mu'min lelaki dan perempuan itu merupakan kebaktian seorang Mu'min terhadap seluruh orang Mu'min yang lain di semua zaman dan di semua tempat, dan itulah perasaan seorang Mu'min terhadap tali hubungan kekeluargaan sesama Mu'min di sepanjang zaman dan di seluruh tempat. Inilah satu rahsia yang mengkagumkan yang terdapat dalam 'aqidah Islam, iaitu 'aqidah yang mengikatkan semua penganutnya dengan tali ikatan kasih mesra yang kukuh dan kerinduan yang mendalam terhadap satu sama lain walaupun mereka dipisahkan oleh zaman dan tempat. Inilah rahsia yang disampaikan Allah dalam 'aqidah ini dan di dalam hati Mu'min yang terikat dengan 'aqidah ini.

Inilah rasa kasih sayang seorang Mu'min terhadap para Mu'min yang lain dan setanding dengan perasaan ini ialah perasaan kebencian mereka terhadap orang-orang yang zalim:

وَلَا تَزِدِ ٱلظَّٰلِمِينَ إِلَّا تَبَارًا ﴿٢٨﴾

"Dan janganlah Engkau tambahkan sesuatu kepada orang-orang yang zalim selain dari kebinasaan."(28)

Demikianlah tamatnya surah ini setelah menayangkan gambaran perjuangan gemilang Nabi Nuh a.s. dan gambaran suram orang-orang kafir yang degil. Gambaran-gambaran ini telah meninggalkan rasa kasih mesra terhadap roh Nabi Nuh a.s. yang mulia itu dan rasa kagum terhadap perjuangannya yang luhur. Gambaran itu memberi bekalan untuk terus berjalan di jalan Allah biarpun bagaimana sukar dan penat perjalanannya dan biarpun bagaimana besar pengorbanan dan kepedihannya kerana itulah satu-satunya jalan yang membawa manusia ke puncak kesempurnaan hidup di bumi ini, kerana ia membawa mereka kepada Allah Yang Maha Tinggi, Maha Agung dan Maha Besar.

* * * * * *

JUZU' KE-29

SURAH AL-JINN

SURAH KE

72

سُورَةُ الجِنِّ

SURAH AL-JINN

Surah Jin

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

28

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

قُلْ أُوحِىَ إِلَىَّ أَنَّهُ ٱسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ ٱلْجِنِّ فَقَالُوٓا۟ إِنَّا
سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾
يَهْدِىٓ إِلَى ٱلرُّشْدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦ ۖ وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ﴿٢﴾
وَأَنَّهُۥ تَعَٰلَىٰ جَدُّ رَبِّنَا مَا ٱتَّخَذَ صَٰحِبَةً وَلَا وَلَدًا ﴿٣﴾
وَأَنَّهُۥ كَانَ يَقُولُ سَفِيهُنَا عَلَى ٱللَّهِ شَطَطًا ﴿٤﴾
وَأَنَّا ظَنَنَّآ أَن لَّن تَقُولَ ٱلْإِنسُ وَٱلْجِنُّ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ﴿٥﴾
وَأَنَّهُۥ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ ٱلْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ ٱلْجِنِّ
فَزَادُوهُمْ رَهَقًا ﴿٦﴾
وَأَنَّهُمْ ظَنُّوا۟ كَمَا ظَنَنتُمْ أَن لَّن يَبْعَثَ ٱللَّهُ أَحَدًا ﴿٧﴾
وَأَنَّا لَمَسْنَا ٱلسَّمَآءَ فَوَجَدْنَٰهَا مُلِئَتْ حَرَسًا شَدِيدًا
وَشُهُبًا ﴿٨﴾
وَأَنَّا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقَٰعِدَ لِلسَّمْعِ ۖ فَمَن يَسْتَمِعِ
ٱلْـَٔانَ يَجِدْ لَهُۥ شِهَابًا رَّصَدًا ﴿٩﴾
وَأَنَّا لَا نَدْرِىٓ أَشَرٌّ أُرِيدَ بِمَن فِى ٱلْأَرْضِ أَمْ أَرَادَ بِهِمْ
رَبُّهُمْ رَشَدًا ﴿١٠﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku telah diwahyukan bahawa sekumpulan makhluk jin telah mendengar Al-Qur'an (yang dibaca olehku), lalu mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjubkan(1). Yang membimbing ke jalan hidayat. Oleh itu, kami beriman dengannya dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun(2). Dan sesungguhnya Maha Tinggilah Kebesaran Tuhan kami. Dia tidak beristeri dan tidak pula beranak(3). Dan sesungguhnya ada yang biadab dan bebal dari kalangan kami yang selalu mengeluarkan perkataan-perkataan yang amat jauh dari kebenaran terhadap Allah(4). Dan sesungguhnya kami dulu fikir bahawa manusia dan jin tidak akan tergamak mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah(5). Dan sesungguhnya ada kaum lelaki manusia meminta perlindungan pada kaum lelaki jin, lalu jin-jin itu menambahkan kesusahan kepada mereka(6). Dan sesungguhnya manusia itu ada yang berfikir seperti kamu berfikir bahawa Allah tidak akan membangkitkan seorang rasul pun(7). Dan sesungguhnya kami telah menuju ke langit (untuk mengetahui rahsianya), lalu kami dapatinya penuh dengan pengawal-pengawal yang kuat dan anak-anak panah api(8). Dan sesungguhnya kami dahulu (sebelum kebangkitan rasul) dapat menduduki beberapa tempat di langit untuk mendengar berita-beritanya, tetapi sekarang siapa yang cuba mendengarnya akan menemui panah-panah api yang siap sedia untuk memanahnya(9). Dan sesungguhnya kami tidak mengetahui (dengan adanya kawalan yang ketat itu) apakah sesuatu malapetaka yang hendak ditimpakan ke atas penghuni-penghuni bumi atau Tuhan mereka hendak memberi sesuatu hidayat kepada mereka?"(10).

وَأَنَّا مِنَّا ٱلصَّٰلِحُونَ وَمِنَّا دُونَ ذَٰلِكَ ۖ كُنَّا طَرَآئِقَ قِدَدًا ﴿١١﴾
وَأَنَّا ظَنَنَّآ أَن لَّن نُّعْجِزَ ٱللَّهَ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَن نُّعْجِزَهُۥ
هَرَبًا ﴿١٢﴾
وَأَنَّا لَمَّا سَمِعْنَا ٱلْهُدَىٰٓ ءَامَنَّا بِهِۦ ۖ فَمَن يُؤْمِنۢ بِرَبِّهِۦ
فَلَا يَخَافُ بَخْسًا وَلَا رَهَقًا ﴿١٣﴾
وَأَنَّا مِنَّا ٱلْمُسْلِمُونَ وَمِنَّا ٱلْقَٰسِطُونَ ۖ فَمَنْ أَسْلَمَ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ تَحَرَّوْا۟ رَشَدًا ﴿١٤﴾
وَأَمَّا ٱلْقَٰسِطُونَ فَكَانُوا۟ لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾
وَأَلَّوِ ٱسْتَقَٰمُوا۟ عَلَى ٱلطَّرِيقَةِ لَأَسْقَيْنَٰهُم مَّآءً غَدَقًا ﴿١٦﴾
لِّنَفْتِنَهُمْ فِيهِ ۚ وَمَن يُعْرِضْ عَن ذِكْرِ رَبِّهِۦ يَسْلُكْهُ عَذَابًا
صَعَدًا ﴿١٧﴾
وَأَنَّ ٱلْمَسَٰجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا۟ مَعَ ٱللَّهِ أَحَدًا ﴿١٨﴾

وَأَنَّهُۥ لَمَّا قَامَ عَبْدُ ٱللَّهِ يَدْعُوهُ كَادُوا۟ يَكُونُونَ عَلَيْهِ
لِبَدًا ﴿١٩﴾
قُلْ إِنَّمَآ أَدْعُوا۟ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٠﴾

"Dan sesungguhnya di antara kami ada orang-orang yang soleh dan ada pula orang-orang yang tidak soleh. Kami adalah terdiri dari berbagai-bagai golongan(11). Dan sesungguhnya kami yakin bahawa kami tidak akan dapat melemahkan Allah di bumi dan tidak akan dapat lari melepaskan diri dari kekuasaan-Nya(12). Dan sesungguhnya kami apabila telah mendengar hidayat (Al-Qur'an) kami terus beriman dengannya. Dan barang siapa yang beriman dengan Tuhannya, nescaya ia tidak lagi bimbang dikurangkan haknya dan tidak pula bimbang dibebankan kesusahan(13). Dan sesungguhnya di antara kami (setelah mendengar Al-Qur'an itu) ada golongan menjadi Muslimin dan ada pula golongan yang menyeleweng. Oleh itu, sesiapa menjadi Muslim, maka merekalah orang-orang yang memilih jalan hidayat(14). Dan adapun orang-orang yang zalim, maka mereka akan menjadi bahan bakar Neraka Jahannam(15). Dan andainya mereka beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu nescaya Kami curahkan kepada mereka air yang melimpah-ruah (rezeki yang mewah)(16). Untuk Kami ujikan mereka. Dan siapa yang berpaling dari peringatan Tuhannya (Al-Qur'an) nescaya Allah masukkannya ke dalam 'azab pendakian yang sukar(17). Dan sesungguhnya masjid-masjid itu kepunyaan Allah. Oleh itu, janganlah kamu sembah seseorang yang lain di samping menyembah Allah(18). Dan sesungguhnya apabila seorang hamba Allah (Muhammad) berdiri menyembah-Nya, mereka hampir-hampir bertindih-tindih mengerumuninya(19). (Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya menyembah Tuhanku Yang Maha Esa sahaja dan aku tidak mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun."(20).

قُلْ إِنِّى لَآ أَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا رَشَدًا ﴿٢١﴾
قُلْ إِنِّى لَن يُجِيرَنِى مِنَ ٱللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِن دُونِهِۦ
مُلْتَحَدًا ﴿٢٢﴾
إِلَّا بَلَٰغًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِسَٰلَٰتِهِۦ ۚ وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ
فَإِنَّ لَهُۥ نَارَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ﴿٢٣﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا رَأَوْا۟ مَا يُوعَدُونَ فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ أَضْعَفُ
نَاصِرًا وَأَقَلُّ عَدَدًا ﴿٢٤﴾
قُلْ إِنْ أَدْرِىٓ أَقَرِيبٌ مَّا تُوعَدُونَ أَمْ يَجْعَلُ لَهُۥ رَبِّىٓ أَمَدًا ﴿٢٥﴾
عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾
إِلَّا مَنِ ٱرْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ فَإِنَّهُۥ يَسْلُكُ مِنۢ بَيْنِ
يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ رَصَدًا ﴿٢٧﴾
لِّيَعْلَمَ أَن قَدْ أَبْلَغُوا۟ رِسَٰلَٰتِ رَبِّهِمْ وَأَحَاطَ بِمَا
لَدَيْهِمْ وَأَحْصَىٰ كُلَّ شَىْءٍ عَدَدًۢا ﴿٢٨﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu mudarat terhadap kamu dan tidak pula sesuatu hidayat(21). Katakanlah: Sesungguhnya aku tiada seorang pun yang dapat melindungiku dari 'azab Allah dan aku tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari Allah(22). (Aku tidak berkuasa) kecuali menyampaikan penjelasan dari Allah dan perutusan-perutusan-Nya. Barang siapa yang menderhakakan Allah dan Rasul-Nya, maka balasannya ialah Neraka Jahannam, di mana mereka hidup kekal untuk selama-lamanya(23). Sehingga apabila mereka (kaum Musyrikin) melihat 'azab yang dijanjikan kepada mereka, maka ketika itu mereka akan mengetahui penolong siapakah yang lebih lemah dan bilangan siapakah yang lebih sedikit?(24). Katakanlah: Aku tidak mengetahui sama ada 'azab yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat atau Tuhanku menetapkan satu masa yang masih jauh lagi untuknya(25). Dialah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib dan Dia tidak menzahirkan pengetahuan ghaib-Nya itu kepada sesiapa pun(26). Melainkan kepada rasul yang dipilih dan diredhai oleh-Nya, maka sesungguhnya Dia meletakkan malaikat-malaikat pengawal di hadapan dan di belakang-nya(27). Agar Dia mengetahui bahawa rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhan mereka dan mengetahui segala apa yang ada pada mereka dan menghitungkan segala sesuatu dengan terperinci."(28).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini memeranjatkan hati dengan satu fenomena lain yang amat terang sebelum dilihat kepada konsep-konsep dan hakikat-hakikat yang dibicarakannya. Iaitu surah ini merupakan seolah-olah sebuah lagu yang mempunyai rentak yang teratur, nyaring dan merdu, di samping bercampur dengan nada sedih, pilu dan sayu sesuai dengan gambaran-gambaran, bayangan-bayangan, pemandangan-pemandangan dan semangat saranannya terutama di bahagian akhirnya setelah tamat cerita perkataan-perkataan jin di mana Allah menujukkan firman-Nya kepada Rasulullah s.a.w. yang membangkitkan rasa simpati terhadap beliau pada hati pendengar surah ini, iaitu rasa simpati yang disertai rasa kasih apabila beliau diperintah mengumumkan bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan peribadi dalam urusan da'wah ini selain dari menyampaikannya kepada manusia, dan bahawa beliau sentiasa berada di bawah pengawasan dan pemerhatian Ilahi ketika beliau bertugas menyampaikan da'wah ini:

قُلْ إِنَّمَآ أَدْعُوا۟ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٠﴾
قُلْ إِنِّى لَآ أَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا رَشَدًا ﴿٢١﴾
قُلْ إِنِّى لَن يُجِيرَنِى مِنَ ٱللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِن دُونِهِۦ

مُلْتَحَدًا ﴿٢٢﴾
إِلَّا بَلَاغًا مِّنَ اللَّهِ وَرِسَالَاتِهِ ۚ وَمَن يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
فَإِنَّ لَهُ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ﴿٢٣﴾
حَتَّىٰ إِذَا رَأَوْا مَا يُوعَدُونَ فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ أَضْعَفُ
نَاصِرًا وَأَقَلُّ عَدَدًا ﴿٢٤﴾
قُلْ إِنْ أَدْرِي أَقَرِيبٌ مَّا تُوعَدُونَ أَمْ يَجْعَلُ لَهُ رَبِّي أَمَدًا ﴿٢٥﴾
عَالِمُ الْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِ أَحَدًا ﴿٢٦﴾
إِلَّا مَنِ ارْتَضَىٰ مِن رَّسُولٍ فَإِنَّهُ يَسْلُكُ مِن بَيْنِ
يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ رَصَدًا ﴿٢٧﴾
لِّيَعْلَمَ أَن قَدْ أَبْلَغُوا رِسَالَاتِ رَبِّهِمْ وَأَحَاطَ بِمَا
لَدَيْهِمْ وَأَحْصَىٰ كُلَّ شَيْءٍ عَدَدًا ﴿٢٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya menyembah Tuhanku Yang Maha Esa sahaja dan aku tidak mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun (20). Katakanlah: Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu mudarat terhadap kamu dan tidak pula sesuatu hidayat(21). Katakanlah: Sesungguhnya aku tiada seorang pun yang dapat melindungiku dari 'azab Allah dan aku tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari Allah(22). (Aku tidak berkuasa) kecuali menyampaikan penjelasan dari Allah dan perutusan-perutusan-Nya. Barang siapa yang menderhakakan Allah dan Rasul-Nya, maka balasannya ialah Neraka Jahannam, di mana mereka hidup kekal untuk selama-lamanya(23). Sehingga apabila mereka (kaum Musyrikin) melihat 'azab yang dijanjikan kepada mereka, maka ketika itu mereka akan mengetahui penolong siapakah yang lebih lemah dan bilangan siapakah yang lebih sedikit?(24). Katakanlah: Aku tidak mengetahui sama ada 'azab yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat atau Tuhanku menetapkan satu masa yang masih jauh lagi untuknya(25). Dialah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib dan Dia tidak menzahirkan pengetahuan ghaib-Nya itu kepada sesiapa pun(26). Melainkan kepada rasul yang dipilih dan diredhai oleh-Nya, maka sesungguhnya Dia meletakkan malaikat-malaikat pengawal di hadapan dan di belakangnya(27). Agar Dia mengetahui bahawa rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhan mereka dan mengetahui segala apa yang ada pada mereka dan menghitungkan segala sesuatu dengan terperinci."(28)

Semua penjelasan ini, di samping pernyataan hati terhadap hakikat-hakikat yang terkandung di dalam cerita pengakuan dan penerangan makhluk jin yang panjang lebar itu, iaitu hakikat-hakikat yang mempunyai nilai-nilai yang penting kepada perasaan dan kefahaman dan reaksi terhadapnya yang membuat hati kita diselubungi keadaan termenung dan berfikir itu, adalah sesuai dengan sentuhan nada sedih dan pilu di dalam irama surah ini.

Apabila surah ini dibaca dengan bacaan tartil yang tenang, ia akan mencetuskan di dalam hati perasaan-perasaan yang telah di terangkan tadi.

* * * * * *

Pengakuan Dari Makhluk Jin Mengenai Al-Qur'an

Apabila kita lampaui fenomena ini yang dari awal lagi mencuit hati dan terus memasuki ke dalam maudhu'-maudhu' surah, konsep-konsep dan tujuan-tujuannya, kita dapati surah ini penuh dengan berbagai-bagai tujuan dan saranan.

Ia bermula dengan satu pengakuan atau penyaksian dari sebuah alam yang lain mengenai banyak persoalan 'aqidah yang diingkarkan oleh kaum Musyrikin. Mereka begitu hebat mempertikaikan persoalan-persoalan itu secara meraba-raba tanpa bersandar kepada sesuatu hujah. Kadang-kadang mereka menyangka bahawa Nabi Muhammad s.a.w. menerima perkara-perkara yang dikemukakan kepada mereka itu dari makhluk jin, lalu datanglah pengakuan dari makhluk jin itu sendiri mengakui kebenaran persoalan-persoalan yang diingkar dan dipertikaikan mereka, dan seterusnya mendustakan dakwaan mereka bahawa Nabi Muhammad s.a.w. mengambil sesuatu dari makhluk jin, kerana makhluk jin tidak tahu tentang Al-Qur'an melainkan sesudah mereka mendengar Nabi Muhammad s.a.w. membacakannya kepada mereka. Mereka begitu terpesona dan tertarik dengan isi kandungannya yang menakjubkan hingga mereka tidak dapat mendiamkan diri terhadap ayat Al-Qur'an yang didengar oleh mereka dan tidak dapat mengungkapkan secara umum dan ringkas terhadap hakikat yang diketahui dan dirasakan mereka itu, lalu mereka bercakap dengan rasa keterharuan seorang yang amat kagum dan takjub terhadap peristiwa yang agung ini, yang mendapat perhatian penuh dari langit dah bumi, manusia dan jin, malaikat dan bintang-bintang, dan meninggalkan implikasi-implikasi dan hasil-hasilnya di seluruh alam. Pengakuan ini tentulah merupakan satu pengakuan yang amat berharga kepada manusia seluruhnya.

Kepercayaan-kepercayaan Karut Mengenai Makhluk Jin

Selain dari itu, pengakuan ini juga membetulkan banyak kepercayaan yang karut-marut mengenai alam jin yang terlekat di dalam jiwa orang-orang Arab yang mula-mula menerima surah ini, juga terlekat di jiwa manusia seluruhnya dahulu dan sekarang. Pengakuan ini telah meletakkan hakikat alam ghaib ini di tempatnya yang sebenar tanpa keterlaluan dan meraba-raba.

Orang-orang Arab yang mula-mula menerima Al-Qur'an ini beranggapan bahawa makhluk jin itu mempunyai kuasa di bumi ini. Kerana itu apabila seseorang dari mereka berada di sebuah wadi atau di kawasan tandus dia memohon perlindungan kepada pembesar jin yang memerintah kawasan itu dengan katanya: "Aku berlindung pada tuan wadi ini dari orang-orang yang nakal dan bebal dari kaum yang

mendiaminya." Kemudian ia bermalam di situ dengan aman. Begitu juga mereka beranggapan bahawa jin itu mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan merekalah yang memaklumkannya kepada ahli-ahli nujum yang memberi berbagai-bagai ramalan itu. Di antara mereka ada yang menyembah jin dan menghubungkan di antara Allah dan jin dengan satu pertalian persemendaan. Mereka beranggapan bahawa Allah mempunyai seorang isteri dari bangsa jin dan isteri inilah yang melahirkan malaikat-malaikat.

Kepercayaan yang seperti ini atau sebagainya mengenai jin adalah lumrah dalam setiap masyarakat jahiliyah. Kepercayaan-kepercayaan dan dongeng-dongeng yang karut ini masih kuat di dalam berbagai-bagai masyarakat hingga ke hati ini!!!

Sementara kepercayaan dan dongeng-dongeng yang karut mengenai jin ini menguasai hati, perasaan dan fikiran manusia di zaman silam dan zaman sekarang. Di sana terdapat pula pada hari ini barisan manusia yang mengingkarkan sama sekali kewujudan jin. Mereka sifatkan semua cerita mengenai makhluk yang ghaib ini sebagai cerita-cerita tahyul belaka.

Di antara rekaan khayal yang berlebih-lebihan dengan keingkaran yang melulu inilah Islam menjelaskan hakikat makhluk jin dan membetulkan kepercayaan-kepercayaan umum yang karut mengenainya serta membebaskan hati manusia dari takut dan tunduk kepada kuasa jin yang tidak wujud itu.

Hakikat Kewujudan Makhluk Jin Dan Sifat-sifatnya

Makhluk jin mempunyai hakikat yang benar ada. Sifat mereka telah disifatkan oleh mereka sendiri:

وَأَنَّا مِنَّا ٱلصَّٰلِحُونَ وَمِنَّا دُونَ ذَٰلِكَ كُنَّا طَرَآئِقَ قِدَدًا ﴿١١﴾

"Dan sesungguhnya di antara kami ada orang-orang yang soleh dan ada pula orang-orang yang tidak soleh. Kami adalah terdiri dari berbagai-bagai golongan."(11)

Di antara mereka ada golongan yang sesat dan ada golongan yang menjadi penyesat-penyesat dan ada pula golongan jujur yang tertipu:

وَأَنَّهُۥ كَانَ يَقُولُ سَفِيهُنَا عَلَى ٱللَّهِ شَطَطًا ﴿٤﴾

وَأَنَّا ظَنَنَّآ أَن لَّن تَقُولَ ٱلْإِنسُ وَٱلْجِنُّ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ﴿٥﴾

"Dan sesungguhnya ada yang biadab dan bebal dari kalangan kami yang selalu mengeluarkan perkataan-perkataan yang amat jauh dari kebenaran terhadap Allah(4). Dan sesungguhnya kami dahulu fikir bahawa manusia dan jin tidak akan tergamak mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah."(5)

Mereka mempunyai kesediaan untuk menerima hidayat dan menolak kesesatan dan untuk menghayati Al-Qur'an dan mendengar, memahami dan menerima pengaruhnya:

قُلْ أُوحِىَ إِلَىَّ أَنَّهُ ٱسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ ٱلْجِنِّ فَقَالُوٓا۟ إِنَّا
سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾

يَهْدِىٓ إِلَى ٱلرُّشْدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦ ۖ وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ﴿٢﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku telah diwahyukan bahawa sekumpulan makhluk jin telah mendengar Al-Qur'an (yang dibaca olehku), lalu mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjubkan(1). Yang membimbing ke jalan hidayat. Oleh itu, kami beriman dengannya dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun."(2)

Mereka, dengan tabi'at semulajadi mereka, dapat menerima adanya balasan terhadap amalan mereka dan adanya natijah-natijah keimanan dan akibat-akibat kekufuran terhadap mereka:

وَأَنَّا لَمَّا سَمِعْنَا ٱلْهُدَىٰٓ ءَامَنَّا بِهِۦ ۖ فَمَن يُؤْمِنۢ بِرَبِّهِۦ
فَلَا يَخَافُ بَخْسًا وَلَا رَهَقًا ﴿١٣﴾

وَأَنَّا مِنَّا ٱلْمُسْلِمُونَ وَمِنَّا ٱلْقَٰسِطُونَ ۖ فَمَنْ أَسْلَمَ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ تَحَرَّوْا۟ رَشَدًا ﴿١٤﴾

وَأَمَّا ٱلْقَٰسِطُونَ فَكَانُوا۟ لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾

"Dan sesungguhnya kami apabila telah mendengar hidayat (Al-Qur'an) kami terus beriman dengannya. Barang siapa yang beriman dengan Tuhannya, nescaya ia tidak lagi bimbang dikurangkan haknya dan tidak pula bimbang dibebankan kesusahan(13). Dan sesungguhnya di antara kami (setelah mendengar Al-Qur'an itu) ada golongan menjadi Muslimin dan ada pula golongan yang menyeleweng. Oleh itu, sesiapa menjadi Muslim, maka merekalah orang-orang yang memilih jalan hidayat(14). Dan adapun orang-orang yang zalim, maka mereka akan menjadi bahan bakar Neraka Jahannam."(15)

Mereka juga tidak dapat memberi manfa'at kepada manusia yang berlindung pada mereka bahkan menyulitkan mereka sahaja:

وَأَنَّهُۥ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ ٱلْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ ٱلْجِنِّ
فَزَادُوهُمْ رَهَقًا ﴿٦﴾

"Dan sesungguhnya ada kaum lelaki manusia meminta perlindungan pada kaum lelaki jin, lalu jin-jin itu menambahkan kesusahan kepada mereka."(6)

Mereka tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan mereka tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan langit:

وَأَنَّا لَمَسْنَا ٱلسَّمَآءَ فَوَجَدْنَٰهَا مُلِئَتْ حَرَسًا شَدِيدًا
وَشُهُبًا ﴿٨﴾

وَأَنَّا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقَٰعِدَ لِلسَّمْعِ ۖ فَمَن يَسْتَمِعِ
ٱلْـَٔانَ يَجِدْ لَهُۥ شِهَابًا رَّصَدًا ﴿٩﴾
وَأَنَّا لَا نَدْرِىٓ أَشَرٌّ أُرِيدَ بِمَن فِى ٱلْأَرْضِ أَمْ أَرَادَ بِهِمْ
رَبُّهُمْ رَشَدًا ﴿١٠﴾

"Dan sesungguhnya kami telah menuju ke langit (untuk mengetahui rahsianya), lalu kami dapatinya penuh dengan pengawal-pengawal yang kuat dan anak-anak panah api(8). Dan sesungguhnya kami dahulu (sebelum kebangkitan rasul) dapat menduduki beberapa tempat di langit untuk mendengar berita-berita, tetapi sekarang siapa yang cuba mendengarnya akan menemui panah-panah api yang siap sedia untuk memanahnya(9). Dan sesungguhnya kami tidak mengetahui (dengan adanya kawalan yang ketat itu) apakah sesuatu malapetaka yang hendak ditimpakan ke atas penghuni-penghuni bumi atau Tuhan mereka hendak memberi sesuatu hidayat kepada mereka?"(10)

Mereka tidak mempunyai apa-apa hubungan perkahwinan dan persemendaan dengan Allah:

وَأَنَّهُۥ تَعَٰلَىٰ جَدُّ رَبِّنَا مَا ٱتَّخَذَ صَٰحِبَةً وَلَا وَلَدًا ﴿٣﴾

"Dan sesungguhnya Maha Tinggilah Kebesaran Tuhan kami. Dia tidak beristeri dan tidak pula beranak."(3)

Seterusnya jin tidak mempunyai kekuatan dan daya upaya untuk menghadapi kekuatan Allah:

وَأَنَّا ظَنَنَّآ أَن لَّن نُّعْجِزَ ٱللَّهَ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَن نُّعْجِزَهُۥ
هَرَبًا ﴿١٢﴾

"Dan sesungguhnya kami yakin bahawa kami tidak akan dapat melemahkan Allah di bumi dan tidak akan dapat lari melepaskan diri dari kekuasaan-Nya."(12)

Apa yang disebut dalam surah ini tentang makhluk jin dan ditambah pula dengan sifat-sifat yang lain yang disebut di dalam ayat-ayat Al-Qur'an yang lain seperti cerita sekumpulan syaitan dari jenis jin yang dijadikan buruh atau pekerja Nabi Sulaiman a.s., dan mereka tidak mengetahui kematian Sulaiman melainkan setelah berlalu beberapa waktu. Semuanya ini menunjukkan bahawa makhluk jin tidak mengetahui perkara-perkara ghaib:

فَلَمَّا قَضَيْنَا عَلَيْهِ ٱلْمَوْتَ مَا دَلَّهُمْ عَلَىٰ مَوْتِهِۦٓ إِلَّا
دَآبَّةُ ٱلْأَرْضِ تَأْكُلُ مِنسَأَتَهُۥ ۖ فَلَمَّا خَرَّ تَبَيَّنَتِ
ٱلْجِنُّ أَن لَّوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ٱلْغَيْبَ مَا لَبِثُوا۟ فِى ٱلْعَذَابِ
ٱلْمُهِينِ ﴿١٤﴾

"Setelah Kami tetapkan kematian Sulaiman, tidak ada sesuatu yang membuktikan kematiannya kepada mereka melainkan anai-anai yang memakan tongkatnya. Dan setelah dia rebah tersungkur barulah jelas (kematiannya) kepada jin, andainya mereka mengetahui perkara-perkara yang ghaib sudah tentu mereka tidak akan terus berada dalam keseksaan bekerja yang menghinakan itu."

(Surah Saba': 14)

Makhluk Iblis

Juga seperti firman Allah mengenai salah satu ciri Iblis iaitu dia dari makhluk jin, tetapi bezanya Iblis menumpukan kegiatannya dalam kerja-kerja menimbulkan kejahatan-kejahatan, kerosakan dan godaan sahaja:

إِنَّهُۥ يَرَىٰكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُۥ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ ۗ

"Sesungguhnya syaitan dan suku sakatnya nampak kamu dari sudut yang kamu tidak nampak mereka."

(Surah al-A'raf: 27)

Asal-usul Kejadian Jin

Ini menunjukkan bahawa entiti makhluk jin tidak dapat dilihat oleh manusia, sedangkan entiti manusia dapat dilihat oleh jin.

Keterangan-keterangan ini ditokok pula oleh keterangan Surah ar-Rahman mengenai asal-usul diri jin dan bahan kejadiannya dan asal-usul kejadian manusia:

خَلَقَ ٱلْإِنسَٰنَ مِن صَلْصَٰلٍ كَٱلْفَخَّارِ ﴿١٤﴾
وَخَلَقَ ٱلْجَآنَّ مِن مَّارِجٍ مِّن نَّارٍ ﴿١٥﴾

"Dia menciptakan manusia dari tanah kering seperti tembikar, dan Dia menciptakan jin dari pucuk api yang bernyala-nyala."

(Surah ar-Rahman: 14-15)

....Ayat ini memberi gambaran tentang asal-usul kejadian makhluk jin yang tidak nampak itu, mengiktirafkan kewujudannya dan menggariskan berbagai-bagai sifat-sifatnya dan serentak itu juga mendedahkan kepercayaan-kepercayaan dan dongeng-dongeng yang karut mengenai jin yang terlekat di otak manusia, serta mengemukan kefahaman mengenai jin kepada orang-orang Islam dengan begitu jelas, halus dan bersih dari kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut dan bebas dari keingkaran yang membuta tuli.

Golongan Yang Tidak Percaya Pada Jin Tidak Mempunyai Alasan

Surah ini telah membetulkan kepercayaan orang-orang Arab yang salah tentang kekuasaan makhluk jin dan peranan mereka di alam ini. Adapun orang-orang yang ingkarkan kewujudan makhluk jin, maka saya tidak tahu di atas asas apakah mereka landaskan keingkaran mereka yang begitu tegas dan pasti itu, dan mengapa mereka mengejek-ngejek kepercayaan tentang wujudnya jin ini dan menamakannya sebagai kepercayaan tahyul.

Adakah kerana mereka telah mengetahui seluruh makhluk yang ada di alam buana ini dan di antara makhluk-makhluk itu mereka tidak pernah menemui

makhluk jin? Tiada seorang pun ahli sains yang memberi pendapat seperti ini hingga hari ini. Di bumi ini sahaja terdapat berbagai-bagai makhluk hidup yang diketahui wujudnya hari demi hari. Tiada seorang pun yang berkata bahawa siri penemuan makhluk-makhluk hidup di bumi ini telah terhenti atau akan terhenti pada suatu hari yang tertentu.

Adakah kerana mereka telah mengetahui segala kuasa dan kekuatan yang tersembunyi di alam buana ini, sedangkan mereka tidak menemui kuasa dan kekuatan jin di antara kuasa-kuasa dan kekuatan-kekuatan itu? Tiada seorang pun yang membuat dakwaan seperti ini, kerana di sana terdapat berbagai-bagai kuasa dan kekuatan yang ditemui setiap hari, sedangkan kelmarin ia belum lagi diketahui. Ahli-ahli sains sedang bersungguh-sungguh untuk mengenal pasti kuasa-kuasa alam, dan mereka dengan rendah diri setelah didorong oleh penemuan-penemuan ilmiyah mereka mengumumkan bahawa mereka masih berdiri di tepi batas yang majhul di alam buana ini dan mereka boleh dikatakan belum lagi memulakan penerokaan itu.

Apakah kerana mereka telah melihat segala kuasa yang digunakan mereka, sedangkan mereka tidak melihat kuasa jin di antara kuasa-kuasa itu? Ini pun tidak juga, kerana mereka memperkatakan tentang kuasa elektron dengan sifatnya sebagai satu hakikat ilmiyah sejak mereka berjaya meleburkan atom, tetapi tiada seorang pun dari mereka yang melihat elektron itu, kerana tidak ada di makmal-makmal mereka alat-alat yang dapat mereka asingkan salah satu dari zarrah-zarrah elektron yang diperkatakan mereka itu.

Al-Qur'an Sumber Maklumat Kejadian-kejadian Yang Ghaib

Jadi, apakah alasan untuk menafikan kewujudan jin itu dengan penafian yang sedemikian tegas dan pasti sedangkan ilmu pengetahuan manusia tentang alam, kuasa-kuasanya dan penghuni-penghuninya masih terlalu sedikit hingga seseorang yang menghormati akalnya tidak sanggup mengatakan tentang sesuatu itu dengan penuh kepastian? Apakah kerana makhluk yang bernama jin ini telah dilumpuri oleh berbagai-bagai kepercayaan dan dongeng yang karut-marut? Tetapi dalam hal yang seperti ini, maka cara yang diikuti oleh kita ialah berusaha menghapuskan kekarutan-kekarutan dan dongeng-dongeng itu sebagaimana dilakukan oleh Al-Qur'an, bukannya menunjukkan kesombongan menafikan makhluk ini dari akar umbinya tanpa alasan dan tanpa dalil. Kejadian yang ghaib seperti ini pastilah diambil beritanya dari sumbernya yang tunggal yang dipercayai kesahihannya, dan sumber ini tidak patut ditentang dengan kefahaman-kefahaman yang terdahulu yang tidak diambil darinya, kerana apa yang dijelaskan oleh sumber Al-Qur'an ini merupakan kata pemutus dalam persoalan-persoalan seperti ini.

* * * * * *

Surah yang ada di hadapan kita sekarang ini di samping surah-surah yang lepas telah memberi satu sumbangan yang besar dalam membentuk kefahaman Islam tentang hakikat ketuhanan dan hakikat kehambaan, juga tentang alam dan penghuninya serta hubungan di antara berbagai-bagai makhluk ini.

Pengakuan-pengakuan Jin Dan Arahan-arahan Allah Kepada Nabi

Di dalam pengakuan jin tadi, ia mengakui keesaan Allah, menafikan adanya isteri dan anak pinak, menthabitkan balasan di Akhirat, dan tiada satu pun makhluk yang dapat melemahkan Allah di bumi ini dan dapat lari melepaskan diri dari kekuasaan dan balasan-Nya yang adil. Setengah-setengah hakikat ini diulang-ulang di dalam arahan-arahan yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w.:

قُلْ إِنَّمَآ أَدْعُوا۟ رَبِّى وَلَآ أُشْرِكُ بِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٠﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya menyembah Tuhanku Yang Maha Esa sahaja dan aku tidak mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun."(20)

قُلْ إِنِّى لَن يُجِيرَنِى مِنَ ٱللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِن دُونِهِۦ
مُلْتَحَدًا ﴿٢٢﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku tiada seorang pun yang dapat melindungiku dari 'azab Allah dan aku tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari Allah."(22)

Arahan-arahan ini dinyatakan selepas pengakuan jin yang jelas dan lengkap terhadap hakikat ini.

Pengakuan itu juga menjelaskan bahawa Uluhiyah atau ketuhanan itu hanya untuk Allah sahaja dan bahawa 'Ubudiyah atau kehambaan itu merupakan darjah yang paling tinggi yang dapat dicapai manusia:

وَأَنَّهُۥ لَمَّا قَامَ عَبْدُ ٱللَّهِ يَدْعُوهُ كَادُوا۟ يَكُونُونَ عَلَيْهِ
لِبَدًا ﴿١٩﴾

"Dan sesungguhnya apabila seorang hamba Allah (Muhammad) berdiri menyembah-Nya, mereka hampir-hampir bertindih-tindih mengerumuninya."(19)

Kemudian hakikat ini dikuatkan pula dengan arahan Allah kepada Rasulullah s.a.w.:

قُلْ إِنِّى لَآ أَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا رَشَدًا ﴿٢١﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu mudarat terhadap kamu dan tidak pula sesuatu hidayat."(21)

Seluruh urusan ghaib itu hanya diketahui oleh Allah sahaja dan tidak diketahui oleh makhluk jin:

وَأَنَّا لَا نَدْرِىٓ أَشَرٌّ أُرِيدَ بِمَن فِى ٱلْأَرْضِ أَمْ أَرَادَ بِهِمْ
رَبُّهُمْ رَشَدًا ﴿١٠﴾

"Dan sesungguhnya kami tidak mengetahui (dengan adanya kawalan yang ketat itu) apakah sesuatu malapetaka yang hendak ditimpakan ke atas penghuni-penghuni bumi atau Tuhan mereka hendak memberi sesuatu hidayat kepada mereka?"(10)

Dan urusan ghaib itu tidak pula diketahui oleh rasul-rasul melainkan sekadar yang ditunjukkan Allah kepada mereka kerana sesuatu hikmat yang diketahui-Nya:

قُلۡ إِنۡ أَدۡرِيٓ أَقَرِيبٞ مَّا تُوعَدُونَ أَمۡ يَجۡعَلُ لَهُۥ رَبِّيٓ أَمَدًا ﴿٢٥﴾
عَٰلِمُ ٱلۡغَيۡبِ فَلَا يُظۡهِرُ عَلَىٰ غَيۡبِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾
إِلَّا مَنِ ٱرۡتَضَىٰ مِن رَّسُولٖ فَإِنَّهُۥ يَسۡلُكُ مِنۢ بَيۡنِ
يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦ رَصَدٗا ﴿٢٧﴾

"Katakanlah: Aku tidak mengetahui sama ada 'azab yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat atau Tuhanku menetapkan satu masa yang masih jauh lagi untuknya (25). Dialah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib dan Dia tidak menzahirkan pengetahuan ghaib-Nya itu kepada sesiapa pun(26). Melainkan kepada rasul yang dipilih dan diredhai oleh-Nya, maka sesungguhnya Dia meletakkan malaikat-malaikat pengawal di hadapan dan di belakangnya."(27)

Pertalian Antara Makhluk Jin Dan Manusia

Surah ini juga telah mengajar kita bahawa di antara setengah-setengah makhluk yang menjadi hamba-hamba Allah di alam ini dengan setengah-setengah makhluk dari jenis yang lain itu mempunyai perkongsian-perkongsian dan jalan-jalan perhubungan walaupun kedua-dua jenis makhluk itu tidak sama bentuk rupanya seperti perkongsian-perkongsian yang wujud di antara makhluk jin dengan makhluk manusia sebagaimana diceritakan oleh surah ini dan surah-surah yang lain dari Al-Qur'an. Manusia bukanlah satu makhluk yang terpencil - walaupun di bumi - dari makhluk-makhluk yang lain, malah di antara manusia dengan makhluk-makhluk yang lain terdapat perhubungan dan interaksi dalam sesuatu bentuk yang tertentu. Keterasingan atau 'uzlah yang dirasai oleh manusia dari makhluk-makhluk yang lain, bahkan termasuk juga 'uzlah di antara individu-individu atau di antara suku-suku atau di antara kaum manusia sendiri, tidak wujud di dalam tabi'at dan realiti di alam ini. Oleh itu, kefahaman ini adalah lebih melapangkan perasaan manusia terhadap alam dengan segala roh, kuasa dan rahsia yang ada di dalamnya yang mungkin tidak diketahui manusia, tetapi tetap wujud di sekeliling mereka. Pendeknya manusia bukanlah satu-satunya penghuni alam buana ini sebagaimana kadang-kadang dirasakan mereka.

Pertalian Di Antara Istiqamah Dan Taqdir Ilahi

Selain dari itu di sana terdapat pula satu pertalian di antara kejujuran manusia berjalan di atas agama Allah dengan pergerakan alam dan taqdir Ilahi terhadap para hamba-Nya:

وَأَلَّوِ ٱسۡتَقَٰمُواْ عَلَى ٱلطَّرِيقَةِ لَأَسۡقَيۡنَٰهُم مَّآءً غَدَقٗا ﴿١٦﴾
لِّنَفۡتِنَهُمۡ فِيهِۚ وَمَن يُعۡرِضۡ عَن ذِكۡرِ رَبِّهِۦ يَسۡلُكۡهُ عَذَابٗا
صَعَدٗا ﴿١٧﴾

"Dan andainya mereka beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu nescaya Kami curahkan kepada mereka air yang melimpah-ruah (rezeki yang mewah)(16). Untuk Kami ujikan mereka. Dan siapa yang berpaling dari peringatan Tuhannya (Al-Qur'an) nescaya Allah masukkannya ke dalam 'azab pendakian yang sukar."(17)

Hakikat ini membentuk sebahagian dari kefahaman Islam mengenai pertalian-pertalian di antara manusia, alam dan perencanaan-perencanaan Allah.

Demikianlah ilham-ilham surah ini berkembang kepada bidang-bidang pengertian yang amat luas dan jauh walaupun bilangan ayat-ayatnya tidak melebihi dua puluh lapan ayat sahaja yang diturunkan kerana satu peristiwa dan sebab tertentu.

* * * * * *

Riwayat-riwayat Mengenai Cerita Rombongan Jin Mendengar Al-Qur'an

Adapun peristiwa sekumpulan jin yang mendengar bacaan Al-Qur'an yang diceritakan oleh surah ini, maka di sana terdapat beberapa riwayat yang berbeza-beza mengenainya:

Ujar al-Imam al-Hafiz Abu Bakr al-Bayhaqi dalam kitabnya "دلائل النبوة". Kami dikhabarkan oleh Abu al-Hassan iaitu Ali ibn Ahmad ibn 'Abdan, kami dikhabarkan oleh Ahmad 'Ubayd as-Saffar, kami diceritakan oleh Ismail al-Qadhi, kami dikhabarkan oleh Musaddad, kami diceritakan oleh Abu 'Awanah dari Abu Bisyr dari Sa'id ibn Jubayr dari Ibn 'Abbas r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. tidak membaca Al-Qur'an kepada jin dan tidak pula melihat mereka. Rasulullah s.a.w. telah keluar bersama serombongan sahabat-sahabatnya menuju ke pasar 'Ukkaz, sedangkan di waktu itu syaitan-syaitan telah dihalangi dari mendengar berita langit dan mereka telah dipanah dengan panah-panah api. Lalu syaitan-syaitan itu kembali kepada kaum mereka, lalu mereka bertanya: "Mengapa kamu balik?" Jawab mereka: "Kami telah dihalangi dari mendapat berita langit dan kami telah dipanah dengan panah-panah api." Mereka pun berkata, "Tiada yang menghalangkan di antara kamu dengan berita langit itu kecuali ada sesuatu yang telah berlaku. Oleh itu, jelajahilah seluruh pelusuk bumi Timur dan Barat, dan carilah apakah sebab yang menghalangkan di antara kamu dengan berita langit itu." Lalu kumpulan syaitan itu menuju ke arah Tihamah iaitu tempat Rasulullah s.a.w. yang pada masa itu sedang berada di Nakhlah dalam perjalanannya menuju ke pasar 'Ukkaz. Beliau sedang bersembahyang Subuh bersama sahabat-sahabatnya, dan apabila mereka mendengar Al-Qur'an (yang dibacakan oleh Rasulullah s.a.w.), mereka pun

mendengarnya dengan teliti kemudian mereka berkata: "Demi Allah inilah yang menghalangkan di antara kamu dengan berita langit."

Apabila mereka pulang mendapatkan kaum mereka, maka di sana mereka berkata: "Wahai kaum kami! Kami telah mendengar bacaan ayat-ayat Al-Qur'an yang amat menarik. Ia menunjukkan ke jalan hidayat, lalu kami beriman kepadanya dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun." Kemudian Allah menurunkan firman-Nya kepada Nabi-Nya:

قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ ٱسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ ٱلْجِنِّ فَقَالُوٓا۟ إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾

يَهْدِىٓ إِلَى ٱلرُّشْدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦ ۖ وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ﴿٢﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku telah diwahyukan bahawa sekumpulan makhluk jin telah mendengar Al-Qur'an (yang dibaca olehku), lalu mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjubkan(1). Yang membimbing ke jalan hidayat. Oleh itu, kami beriman dengannya dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun."(2)

Jadi, yang diwahyukan kepada beliau ialah perkataan jin. (Ia diriwayatkan oleh Bukhari dari Musaddad seakan-akan ini, dan Muslim telah mengeluarkannya dari Syaiban ibn Farukh dari Abu 'Uwanah dengan nas ini).

Di sana ada lagi satu riwayat yang lain. Ujar Muslim dalam Sahihnya: Kami diceritakan oleh Muhammad ibn al-Muthanna, kami diceritakan oleh Abdul A'la, kami diceritakan oleh Daud iaitu anak Abu Hind dari 'Amir katanya: Aku bertanya 'Alqamah: "Adakah Ibn Mas'ud ada bersama Rasulullah s.a.w. pada malam peristiwa jin itu? "Kata 'Amir: Jawab 'Alqamah: "Aku telah bertanya Ibn Mas'ud r.a. dengan kataku: Adakah sesiapa di antara kamu yang hadir bersama Rasulullah s.a.w. pada malam peristiwa jin?" Dia menjawab: "Tidak ada, tetapi kami pada suatu malam ada bersama-sama Rasulullah s.a.w., kemudian kami kehilangannya. Lalu kami cari beliau di beberapa wadi dan jalan-jalan celah bukit. Lalu ditanya: "Adakah beliau hilang secara tiba-tiba? Adakah beliau telah dibunuh?" Kata Ibn Mas'ud: "Itulah seburuk-buruk malam yang kami tiduri. Apabila kami berada di pagi keesokan hari, tiba-tiba beliau datang dari arah Bukit Hira'.". Kata Ibn Mas'ud: Kami pun berkata: Wahai Rasulullah s.a.w.! Semalam kami kehilangan anda, lalu kami mencari anda dan kami tidak dapat menemui anda. Itulah seburuk-buruk malam yang kami tiduri." Jawab beliau: "Aku telah didatangi oleh penjemput dari makhluk jin, lalu aku pergi bersama mereka dan aku baca Al-Qur'an kepada mereka." Kata Ibn Mas'ud: Beliau pun pergi membawa kami dan menunjukkan kepada kami kesan-kesan jin itu dan kesan-kesan api mereka. Makhluk jin itu memohon bekalan makanan, lalu beliau bersabda: "Setiap tulang yang disebut nama Allah (ketika makan) dan jatuh ke tangan kamu merupakan daging yang sempurna kepada kamu: Setiap tahi binatang merupakan makanan kepada binatang-binatang ternakan kamu." Sabda Rasulullah s.a.w.: "Oleh itu, janganlah kamu beristinjak dengan kedua-duanya (tulang dan tahi binatang) kerana kedua-duanya makanan saudara kamu."

Di sana ada lagi satu riwayat dari Ibn Mas'ud bahawa beliau pada malam itu ada bersama Rasulullah s.a.w. Tetapi sandaran riwayat yang pertama adalah lebih kuat dari riwayat ini. Oleh itu, kami ketepikan riwayat ini dan riwayat-riwayat yang seumpamanya. Dari dua riwayat yang tersebut dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim itu ternyata bahawa ibn 'Abbas berkata: "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. tidak mengetahui tentang kehadiran rombongan jin itu. Dan Ibn Mas'ud pula berkata: "Bahawa jin-jin itu datang menjemput beliau." Untuk mengseimbangkan dua riwayat itu, al-Bayhaqi mengatakan bahawa kedua-duanya merupakan dua peristiwa yang berasingan bukannya satu peristwa.

Di sana ada lagi riwayat yang ketiga bagi Ibn Ishaq katanya:

Peristiwa Penghinaan Yang Menyayat Di Ta'if

Apabila Abu Talib meninggal dunia, Rasulullah s.a.w. telah menerima tindasan-tindasan dari orang-orang Quraysy yang tidak pernah diterima semasa hidup bapa saudaranya Abu Talib. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. telah keluar ke Ta'if untuk meminta bantuan dan pertolongan dari suku Thaqif supaya mereka mempertahankan beliau dari kejahatan kaumnya, di samping mengharapkan agar suku Thaqif dapat menerima da'wah Allah yang di bawa olehnya, beliau keluar mendapatkan mereka seorang diri. Ujar Ibn Ishaq:

Kemudian kami diceritakan oleh Yazid ibn Ziyad dari Muhammad ibn Ka'b al-Qurazi katanya: Apabila Rasulullah s.a.w. tiba ke Ta'if, beliau terus mendapatkan beberapa orang bangsawan dan pembesar Thaqif. Mereka ialah tiga orang yang bersaudara Yalyl ibn 'Umar ibn 'Umayr, Mas'ud ibn 'Amr ibn 'Umayr dan Habib ibn 'Amr ibn 'Umayr bersama salah seorang dari mereka terdapat seorang perempuan Quraysy dari Bani Jumah. Lalu Rasulullah s.a.w. duduk menemui mereka dan menyeru mereka kepada agama Allah serta menceritakan kepada mereka bahawa tujuan kedatangannya ialah untuk meminta sokongan mereka terhadap agama Islam dan supaya mereka sanggup berjuang bersama beliau untuk melawan kaumnya yang menentang beliau. Salah seorang dari mereka berkata sambil mengoyakkan kain Ka'bah: Apakah benar Allah mengutus engkau menjadi Rasul? Dan seorang lagi berkata: Adakah Allah tidak mendapat seorang yang lain dari engkau untuk di angkat menjadi Rasul? Kemudian orang yang ketiga berkata pula: Demi

Allah, aku tidak akan bercakap dengan engkau buat selama-lamanya, kerana jika benar engkau ini utusan dari Allah tentulah kedudukan engkau terlalu tinggi untuk aku menjawab percakapan engkau, dan jika engkau dusta terhadap Allah, sudah tentu aku tidak patut bercakap dengan engkau, Rasulullah s.a.w. pun bangkit hendak meninggalkan mereka dan beliau tidak menaruh apa-apa harapan lagi untuk mendapatkan apa-apa pertolongan dari suku Thaqif, kemudian beliau bersabda kepada mereka - menurut ceritanya kepadaku – "Segala apa yang telah kamu lakukan itu aku harap kamu rahsiakannya sahaja". Rasulullah s.a.w. tidak suka berita itu sampai kepada kaumnya supaya mereka tidak menghasutkan kaum Thaqif bertindak terhadap beliau.

Tetapi kaum Thaqif tidak mengendahkan permintaan beliau dan terus menghasut orang-orang yang nakal dan bebal dan hamba sahaya mereka memaki hamun Rasulullah s.a.w. dan menyorak-nyorakkannya hingga orang ramai datang mengerumuninya dan mendorongnya masuk berlindung dalam sebuah kebun yang dimiliki 'Utbah ibn Rabi'ah dan Shaybah ibn Rabi'ah. Dan kedua-duanya ada di dalam kebun itu. Lalu kumpulan orang-orang Thaqif yang nakal dan bebal yang sedang mengekori beliau itu pun balik meninggalkannya. Kemudian Rasulullah s.a.w. pergi berteduh di bawah bayang serumpun dahan anggur dan duduk di sana, sedangkan 'Utbah dan Shaybah memperhatikannya dan melihat bagaimana beliau dihinakan oleh orang-orang yang nakal dan bebal dari penduduk Ta'if itu. Apabila Rasulullah s.a.w. merasa tenteram ia pun berdo'a - menurut ceritanya kepadaku:

Doa Rasulullah Di Sa'at Menerima Penghinaan

اللهمّ إليك أشكو ضعف قوتي ، وقتله حيلتي ، وهواني على الناس ، يا أرحم الراحمين ، أنت رب المستضعفين وأنت ربي ، إلى من تكلني ؟ إلى بعيد يتجهّمني ؟ أم إلى عدوّ ملكته أمري ؟ إن لم يكن بك عليّ غضب فلا أبالي ، ولكن عافيتك هي أوسع لي . أعوذ بنور وجهك الذي أشرقت له الظلمات ، وصلح عليه أمر الدنيا والآخرة من أن تنزل بي غضبك ، أو يحل عليّ سخطك ، لك العتبى حتى ترضى ، ولا حول ولا فوة إلا بك.

"Ya, Tuhanku! Aku merayu padamu betapa lemahnya kekuatanku, betapa sedikitnya keupayaanku, betapa hinanyaku di sisi manusia. Wahai Tuhan yang paling pengasih dari semua yang pengasih! Engkaulah Tuhan orang-orang yang lemah dan Engkaulah Tuhanku. Kepada siapakah Engkau serahkan diriku? Adakah kepada orang jauh yang menyambutku dengan wajah yang masam? Atau kepada musuh yang Engkau telah memberi kuasa kepadanya mengganggu urusanku? Andainya tiada apa-apa kemarahan-Mu terhadapku, maka tiadalah apa-apa yang menyusahkanku, tetapi perlindungan-Mu kepadaku itulah yang lebih selesa kepadaku. Aku berlindung dengan nur wajah-Mu yang menerangi segala kegelapan dan menjadi asas kebaikan urusan dunia dan Akhirat dari diturunkan kemurkaan-Mu atau ditimpa kemarahan-Mu ke atasku. Kepada-Mulah taubat dari dosa dan kejahatan hingga Engkau redhai, dan tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan-Mu."

Dialog Di Antara Rasulullah Dan 'Addas

Muhammad ibn Ka'b bercerita lagi: Apabila 'Utbah dan Shaybah ibn Rabi'ah itu melihat Rasulullah s.a.w. dan penderitaannya, maka tergeraklah rasa kasihan belas di hati mereka terhadap beliau, lalu kedua-duanya memanggil seorang hamba mereka yang beragama Kristian bernama 'Addas dan berkata kepadanya: "Ambillah setangkai buah anggur ini dan taruhkannya dalam pinggan ini kemudian bawakannya kepada lelaki itu dan suruhlah dia makan," Lalu 'Addas pun berbuat seperti yang disuruh dan membawa anggur itu dan meletakkannya di hadapan Rasulullah s.a.w. sambil berkata: "Silalah makan!" Apabila Rasulullah s.a.w. meletakkan tangannya pada buah itu beliau pun membaca "Bismillah" kemudian barulah ia makan. 'Addas merenungi wajah beliau dan berkata: "Demi Allah perkataan ini tidak pernah dikatakan oleh penduduk negeri ini." Lalu Rasulullah s.a.w. berkata: "Engkau dari penduduk negeri mana, wahai 'Addas? Dan apa agamamu?" Jawab 'Addas: "Saya beragama Kristian dan saya dari negeri Ninawa." Rasulullah s.a.w. berkata: "Engkau dari negeri seorang yang soleh Yunus ibn Matti?" Kata 'Addas: "Tahukah engkau siapakah Yunus ibn Matti itu?" Jawab Rasulullah s.a.w., "Dia itu saudaraku. Dia seorang Nabi dan aku pun seorang Nabi." Lalu 'Addas pun menerkami Rasulullah s.a.w. mencium kepalanya, tangannya dan kakinya. Muhammad ibn Ka'b meneruskan ceritanya: Lalu salah seorang dari anak-anak Rabi'ah itu berkata kepada saudaranya: "Hamba awak itu telah dirosakkan oleh orang itu." Oleh itu, apabila 'Addas pulang mendapatkan mereka, mereka pun berkata: "Celaka engkau hai 'Addas. Mengapa engkau kucup kepala dan kaki tangan orang itu?" Jawab 'Addas: "Tuan Hamba! Tiada seorang pun di bumi ini yang lebih baik dari orang itu. Dia telah menerangkan kepada hamba satu perkara yang tidak dapat diketahui melainkan oleh seorang Nabi." Lalu mereka berkata kepada 'Addas: "Kasihan kepadamu, hai 'Addas! Janganlah ia pesongkanmu dari agamamu, kerana agamamu lebih baik dari agamanya."

Rombongan Jin Mendengar Rasulullah Membaca Al-Qur'an Di Nakhlah

Kata Muhammad ibn Ka'b meneruskan ceritanya: Kemudian Rasulullah s.a.w. meninggalkan Ta'if pulang ke Makkah setelah beliau tidak mempunyai apa-apa harapan mendapat sebarang pertolongan dari Thaqif. Apabila beliau sampai di Nakhlah beliau bangun di tengah malam mendirikan solat, tiba-tiba lalu rombongan jin yang diceritakan Allah di dalam Al-Qur'an. Mereka terdiri dari tujuh orang dari jin penduduk kampung Nisibin. Mereka mendengar Rasulullah s.a.w. membaca Al-Qur'an. Dan apabila beliau selesai dari solatnya, mereka pun pulang

kepada kaum mereka memberi amaran kepada mereka, sedangkan mereka sendiri telah beriman dan menyambut da'wah Allah yang telah didengar mereka itu. Lalu Allah ceritakan berita mereka kepada Rasulullah s.a.w. dalam firman-Nya:

وَإِذْ صَرَفْنَآ إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ
ٱلْقُرْءَانَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوٓا۟ أَنصِتُوا۟ ۖ فَلَمَّا قُضِىَ وَلَّوْا۟
إِلَىٰ قَوْمِهِم مُّنذِرِينَ ﴿٢٩﴾

قَالُوا۟ يَٰقَوْمَنَآ إِنَّا سَمِعْنَا كِتَٰبًا أُنزِلَ مِنۢ بَعْدِ
مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ وَإِلَىٰ
طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾

يَٰقَوْمَنَآ أَجِيبُوا۟ دَاعِىَ ٱللَّهِ وَءَامِنُوا۟ بِهِۦ يَغْفِرْ لَكُم
مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُجِرْكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣١﴾

"Dan kenangilah ketika Kami dorongkan kepadamu sekumpulan jin untuk mendengar bacaan Al-Qur'an darimu. Apabila mereka hadir di situ mereka pun berkata sesama mereka: Diamlah dan dengarlah baik-baik. Apabila selesai bacaan itu, mereka pun pulang kepada kaum mereka memberi peringatan. Mereka berkata: Wahai kaum kami! Kami telah mendengar bacaan sebuah kitab yang diturunkan selepas Nabi Musa yang membenarkan kitab-kitab sebelumnya dan menunjukkan kepada pengajaran yang benar dan ke jalan yang lurus. Wahai kaum kami! Sambutlah da'wah orang yang menyeru ke jalan Allah dan berimanlah kepada-Nya, nescaya Allah ampunkan dosa-dosa kamu dan melindungkan kamu dari 'azab yang amat pedih."

(Surah al-Ahqaf: 29-31)

Juga dalam firman-Nya:

قُلْ أُوحِىَ إِلَىَّ أَنَّهُ ٱسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ ٱلْجِنِّ

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku telah diwahyukan bahawa sekumpulan makhluk jin telah mendengar....."(1)

Hingga akhir cerita mereka dalam surah ini.

Pendapat Ibn Kathir Dan Sayyid Qutb Tentang Peristiwa Rombongan Jin Mendengar Al-Qur'an

Ibn Kathir dalam tafsirnya telah mengulaskan riwayat Ibn Ishaq ini dengan katanya: Cerita ini betul, tetapi cerita mengenai jin-jin itu mendengar bacaan Al-Qur'an pada malam itu adalah dipertikaikan, kerana mereka mendengar bacaan Al-Qur'an itu pada permulaan diwahyukannya sebagaimana yang dapat difaham dari cerita Ibn 'Abbas r.a. yang telah lalu, sedangkan pemergian Rasulullah s.a.w. ke Ta'if itu ialah selepas kematian bapa saudaranya, iaitu kira-kira setahun atau dua tahun sebelum Hijrah sebagaimana yang ditegaskan oleh Ibn Ishaq dan lainnya. Wallahualam.

Andainya cerita Ibn Ishaq ini sahih iaitu cerita yang mengatakan bahawa peristiwa kumpulan jin mendengar bacaan Al-Qur'an itu adalah berlaku selepas Rasulullah s.a.w. pulang dari Ta'if dengan perasaan patah hati kerana menerima layanan yang buruk dan degil dari pembesar-pembesar Thaqif dan selepas beliau mengangkatkan do'a patah hatinya dan cinta kasihnya kepada Allah, maka dari segi ini, cerita ini amat menarik sekali kerana ia mengisahkan bagaimana Allah mendorongkan sekumpulan jin pergi mendengar bacaan Al-Qur'an dari Rasulullah s.a.w., dan kemudian menceritakan kepada beliau apa yang telah dilakukan dan apa yang telah dikatakan jin-jin itu kepada kaum mereka. Cerita ini mengandungi pengertian-pengertian dan isyarat-isyarat yang halus yang memberi banyak ilham.

Walaupun di waktu mana dan dengan sebab apa sekalipun berlakunya peristiwa ini, namun kandungan cerita ini yang disusulkan dengan pengakuan makhluk jin tentang kebenaran Al-Qur'an dan agama Islam ini adalah tetap membawa pengertian-pengertian yang amat besar. Sekarang marilah kita ikuti penerangan Al-Qur'an sendiri.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

قُلْ أُوحِىَ إِلَىَّ أَنَّهُ ٱسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ ٱلْجِنِّ فَقَالُوٓا۟ إِنَّا
سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku telah diwahyukan bahawa sekumpulan makhluk jin telah mendengar Al-Qur'an (yang dibaca olehku), lalu mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjubkan."(1)

Kata-kata النفر (sekumpulan jin) bererti kumpulan yang terdiri di antara tiga dan sembilan orang yang menurut satu riwayat mereka adalah terdiri dari sembilan orang jin.

Sambutan Hangat Makhluk Jin Terhadap Al-Qur'an

Pembukaan ayat ini menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. mengetahui cerita kumpulan jin mendengar beliau membaca Al-Qur'an, dan tindakan-tindakan mereka selanjutnya selepas mendengar Al-Qur'an itu adalah melalui wahyu dari Allah S.W.T. yang memberitahu kepada beliau apa yang telah berlaku, sedangkan beliau sendiri tidak mengetahui perkara itu. Mungkin peristiwa ini merupakan peristiwa pertama, kemudian berlaku pula sekali atau beberapa kali Nabi s.a.w. membaca Al-Qur'an kepada jin-jin dengan sengaja dan diketahui oleh beliau. Ini dibuktikan oleh riwayat yang menerangkan bahawa Nabi s.a.w. membaca Surah ar-Rahman yang dikeluarkan oleh at-Tirmizi dengan isnadnya dari Jabir r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. keluar menemui

sahabatnya dan membaca kepada mereka Surah ar-Rahman sehingga akhirnya dan mereka terdiam, lalu beliau berkata, "Aku telah baca surah ini kepada jin, dan sambutan mereka adalah lebih baik dari kamu. Setiap kali aku tiba pada ayat:

فَبِأَيِّ ءَالَآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢٥﴾

"Manakah satu ni'mat Tuhan kamu yang kamu hendak dustakannya?"

(Surah ar-Rahman: 25)

mereka menjawab:

لا بشيء من نعمك ربنا نكذب ، فلك الحمد.

"Wahai Tuhan kami! Tiada satu pun ni'mat Engkau yang kami dustakannya. Oleh itu, segala kepujian terpulang kepada-Mu".

Riwayat ini menguatkan riwayat ibn Mas'ud r.a. yang telah dibentangkan di pendahuluan tafsir surah ini.

Tidak syak lagi, bahawa peristiwa yang diceritakan oleh surah ini ialah peristiwa yang diceritakan oleh Surah al-Ahqaf:

وَإِذْ صَرَفْنَآ إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ ٱلْقُرْءَانَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوٓا۟ أَنصِتُوا۟ فَلَمَّا قُضِىَ وَلَّوْا۟ إِلَىٰ قَوْمِهِم مُّنذِرِينَ ﴿٢٩﴾

قَالُوا۟ يَٰقَوْمَنَآ إِنَّا سَمِعْنَا كِتَٰبًا أُنزِلَ مِنۢ بَعْدِ مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ وَإِلَىٰ طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾

يَٰقَوْمَنَآ أَجِيبُوا۟ دَاعِىَ ٱللَّهِ وَءَامِنُوا۟ بِهِۦ يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُجِرْكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣١﴾

وَمَن لَّا يُجِبْ دَاعِىَ ٱللَّهِ فَلَيْسَ بِمُعْجِزٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَيْسَ لَهُۥ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءُ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٣٢﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami arahkan serombongan jin datang kepadamu (Muhammad) untuk mendengar Al-Qur'an. Dan apabila mereka menghadirinya mereka berkata (sesama mereka): Diam dan dengarlah dengan teliti (bacaan Al-Qur'an). Dan apabila selesai bacaan itu mereka pun kembali kepada kaum mereka memberi amaran kepada mereka(29). Mereka berkata: Wahai kaum kami! Sesungguhnya kami telah mendengar kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan selepas Musa, yang mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci yang terdahulu darinya. Ia memberi hidayat kepada kebenaran dan jalan yang lurus(30). Wahai kaum Kami! Sambutlah seruan Rasul yang menyeru kepada Allah dan berimanlah kepada-Nya, nescaya Dia ampunkan kamu dari dosa-dosa kamu dan menyelamatkan kamu dari 'azab yang amat pedih(31). Dan barang siapa yang tidak menyambut seruan Rasul yang menyeru kepada Allah, maka ia tidak akan dapat melemahkan Allah (dari mengazabkannya) di bumi ini dan tiada penaung-penaung baginya selain dari Allah. Mereka berada dalam kesesatan yang amat nyata."(32)

(Surah al-Ahqaf)

Ayat-ayat Surah al-Ahqaf ini sama seperti ayat-ayat, dalam surah ini iaitu menceritakan detik-detik pertama perasaan terpesona makhluk jin terhadap Al-Qur'an iaitu rasa terpesona yang menggegarkan hati mereka, menggoncangkan perasaan yang tidak dapat ditahankan mereka dan membuat mereka begitu terharu, dan kerana itu mereka dengan tergesa-gesa mendapatkan kaum mereka sebelum menceritakannya kepada orang lain. Mereka berkata dengan gaya kata yang bersemangat, terharu, serius dan penuh perhatian. Mereka laksana seorang yang dikejutkan oleh satu peristiwa yang amat mengharukan hatinya dan menghilangkan kesabarannya dan terus terdorong untuk memindahkan perasaan yang berkecamuk dalam jiwanya kepada jiwa orang-orang lain dengan penuh ghairah, kesungguhan dan perhatian yang berat.

فَقَالُوٓا۟ إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾

"Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjub."(1)

Sifat pertama yang mengkagumkan mereka dari Al-Qur'an itu ialah Al-Qur'an itu amat menakjubkan iaitu luar biasa. Ia menimbulkan rasa takjub di dalam hati mereka. Inilah sifat Al-Qur'an yang dirasai oleh orang yang menerimanya dengan hati yang sedar dan terbuka, dengan perasaan yang tajam dan peka dan dengan citarasa yang amat rasa. Ayat-ayat itu begitu menakjubkan. Ia mempunyai pengaruh yang kuat, daya penarik yang menawan dan nada yang menyentuh perasaan dan menggentarkan tali hati. Ini menunjukkan bahawa makhluk jin itu benar-benar merasa dan mengecapi keindahan Al-Qur'an.

يَهْدِىٓ إِلَى ٱلرُّشْدِ

"Yang membimbing ke jalan hidayat."(2)

Pengertian "Ar-Rusyd" - الرشد

Inilah sifat yang kedua Al-Qur'an yang amat nyata, yang dirasai oleh rombongan jin apabila mereka dapati hakikat sifat ini di dalam hati mereka, Kata-kata **"membimbing"** itu sendiri mempunyai pengertian yang amat luas. Al-Qur'an membimbing ke hidayat Allah, kepada kebenaran dan kepada ajaran yang betul. Tetapi kata-kata "الرشد", memberi satu bayangan makna yang lain di sebalik semua makna-makna tersebut, iaitu bayangan makna kematangan dan kesaksamaan berfikir dan ilmu pengetahuan yang betul dan matang dalam memahami hidayat, kebenaran dan ajaran yang betul,

bayangan pemahaman spontan yang jelas terhadap hakikat-hakikat dan nilai-nilai (yang di kemukakan oleh Al-Qur'an), bayangan pemahaman yang melahirkan satu keadaan spontan dalam jiwa yang membimbingkannya kepada kebaikan dan kefahaman yang betul.

Al-Qur'an itu membimbing ke jalan yang benar kerana ia membuat hati manusia terbuka dan peka dan kerana ia mencetuskan kefahaman dan makrifat dalam hati mereka dan menghubungkan mereka dengan sumber nur dan hidayat Allah menyesuaikan mereka dengan undang-undang Allah Yang Agung. Begitu juga Al-Qur'an memberi hidayat ke jalan yang benar, dengan sistem hidupnya yang teratur rapi, iaitu satu sistem hidup yang belum pernah dicapai manusia di sepanjang sejarahnya, atau di dalam mana-mana tamadun atau di dalam mana-mana sistem seperti yang dicapai oleh mereka di bawah naungan sistem Al-Qur'an sama ada kepada individu atau kelompok, sama ada kepada hati atau masyarakat, sama ada kepada akhlak individu atau kepada hubungan sosial.

فَـَٔامَنَّا بِهِۦ

"Oleh itu, kami beriman dengannya."(2)

Al-Qur'an Membawa Makhluk Jin Kepada Keimanan Yang Tulen

Itulah sambutan semulajadi yang jujur apabila mendengar Al-Qur'an, memahami tabi'atnya dan menghayati hakikatnya. Al-Qur'an membentangkan sambutan makhluk jin ini kepada kaum Musyrikin, yang telah mendengar Al-Qur'an, tetapi mereka tidak beriman. Di samping itu mereka hubungkan Al-Qur'an ini dengan jin dan menuduh Rasulullah s.a.w. sebagai kahin, penyair dan orang yang dirasukkan jin. Semuanya merupakan sifat-sifat orang yang dipengaruhi jin, sedangkan makhluk-makhluk jin itu sendiri amat terpesona dan terpengaruh dengan Al-Qur'an hingga menggegarkan seluruh jiwa mereka, dan setelah mereka mengenal kebenaran Al-Qur'an mereka terus beriman dan mengumumkan keimanan mereka dengan patuh dan jujur. *"Kami beriman dengannya,"* mereka tidak mengingkarkan pengaruh Al-Qur'an yang telah menawan hati mereka dan tidak pula bersikap degil sebagaimana dilakukan oleh kaum Musyrikin.

وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ٢

"Dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun."(2)

Itulah keimanan sejati, jelas dan betul, tidak bercampur-aduk dengan syirik dengan kepercayaan-kepercayaan tahyul yang karut-marut. Itulah keimanan yang lahir dari kefahaman terhadap hakikat Al-Qur'an dan terhadap hakikat yang diseru oleh Al-Qur'an iaitu hakikat tauhid atau 'aqidah mengesakan Allah Yang Tunggal tanpa sebarang sekutu.

وَأَنَّهُۥ تَعَٰلَىٰ جَدُّ رَبِّنَا مَا ٱتَّخَذَ صَٰحِبَةً وَلَا وَلَدًا ٣

"Dan sesungguhnya Maha Tinggilah Kebesaran Tuhan kami. Dia tidak beristeri dan tidak pula beranak."(3)

Kata-kata "الجد" bererti bahagian, habuan, kedudukan dan martabat, iaitu kebesaran dan kekuasaan, semuanya merupakan makna-makna yang terpancar dari kata-kata itu dan sesuai dengan tempatnya. Maksud umum dari makna kata-kata ini di dalam ayat ini ialah mengungkapkan perasaan hati bahawa Allah Yang Maha Tinggi, Maha Besar dan Maha Agung itu adalah Maha Suci dari mempunyai isteri dan anak-anak sama ada lelaki atau perempuan. Menurut kepercayaan orang-orang Arab, malaikat-malaikat itu adalah puteri-puteri Allah yang lahir dari perkahwinan-Nya dengan makhluk jin. Dan kini jin-jin sendiri mendustakan kepercayaan tahyul dan dongeng-dongeng yang karut-marut itu untuk membersih dan mentasbihkan Allah dan menolak sebarang konsep syirik terhadap Allah. Sepatutnya makhluk-makhluk jin itu berbangga dengan hubungan perkahwinan tahyul dan dongeng itu jika ada sedikit sebanyak hubungan itu pada anggapan mereka. Ayat ini merupakan sebuah ledakan bom yang menghancur-leburkan kepercayaan-kepercayaan karut kaum Musyrikin dan kepercayaan-kepercayaan yang mempunyai titik-titik keserupaan dengan kepercayaan itu, yang menganggapkan Allah mempunyai anak. Maha Sucilah Allah dari sebarang rupa dan gambaran beranak.

وَأَنَّهُۥ كَانَ يَقُولُ سَفِيهُنَا عَلَى ٱللَّهِ شَطَطًا ٤

وَأَنَّا ظَنَنَّآ أَن لَّن تَقُولَ ٱلْإِنسُ وَٱلْجِنُّ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ٥

"Dan sesungguhnya ada yang biadab dan bebal dari kalangan kami yang selalu mengeluarkan perkataan-perkataan yang amat jauh dari kebenaran terhadap Allah(4). Dan sesungguhnya kami dahulu fikir bahawa manusia dan jin tidak akan tergamak mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah."(5)

Ini merupakan teguran dan koreksi kumpulan jin itu terhadap kepercayaan yang menganggapkan Allah mempunyai sekutu, mempunyai isteri dan anak yang mereka dengar dari orang-orang yang biadab dan bebal dari kalangan mereka setelah mereka sedar selepas mendengar keterangan Al-Qur'an bahawa kepercayaan itu tidak benar. Kini mereka sedar bahawa orang-orang yang mengeluarkan perkataan-perkataan itu adalah orang-orang bodoh yang biadab. Mereka memberi alasan bahawa dahulunya mereka percaya perkataan-perkataan orang-orang biadab itu kerana mereka tidak terfikir adanya seorang manusia atau jin yang sanggup mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah. Mereka dahulu memandang berat perbuatan mengatakan sesuatu yang bohong terhadap Allah, kerana itu apabila orang-orang biadab dari mereka mengatakan Allah mempunyai isteri, anak dan sekutu mereka terus percayakan mereka

kerana mereka tidak terfikir sama sekali bahawa orang-orang itu tergamak mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah. Perasaan kejinya perbuatan dusta terhadap Allah yang dirasai oleh kumpulan jin itulah yang membawa dan melayakkan mereka menjadi Ahlil Iman. Ini merupakan petanda bahawa hati mereka bersih dan lurus dan mereka hanya tersesat kerana tertipu dan terlalu jujur, tetapi apabila mereka sedar dan mengenal kebenaran, mereka terus bangkit memberontak dan berkata lantang:

إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾

يَهْدِىٓ إِلَى ٱلرُّشْدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦ ۖ وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ﴿٢﴾

وَأَنَّهُۥ تَعَٰلَىٰ جَدُّ رَبِّنَا مَا ٱتَّخَذَ صَٰحِبَةً وَلَا وَلَدًا ﴿٣﴾

"Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjubkan(1). Yang membimbing ke jalan hidayat. Oleh itu, kami beriman dengannya dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun(2). Dan sesungguhnya Maha Tinggilah Kebesaran Tuhan kami. Dia tidak beristeri dan tidak pula beranak."(3)

Kebangkitan dan pemberontakan kumpulan jin kerana menyedari kebenaran itu sepatutnya menyedarkan hati orang ramai yang tertipu kepada pembesar-pembesar Quraysy yang menganggapkan Allah itu mempunyai sekutu atau isteri dan anak. Mereka sepatutnya sedar, teliti dan mengkaji kebenaran, apa yang dikatakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan apa yang dikatakan oleh pembesar-pembesar Quraysy itu dan sepatutnya kebangkitan jin itu menggugatkan kepercayaan mereka yang membuta tuli, terhadap perkataan-perkataan pembesar-pembesar yang biadab itu. Inilah yang dimaksudkan dengan penjelasan hakikat ini. Ia merupakan satu pusingan dari satu perjuangan yang panjang di antara Al-Qur'an dan kaum Quraysy yang degil di samping merupakan satu rawatan dari siri-siri rawatan dan pengubatan yang beransur-ansur untuk menghapuskan kepercayaan-kepercayaan jahiliyah yang karut dari hati orang ramai yang sebahagian besarnya tertipu dan tersesat dengan kepercayaan-kepercayaan khurafat yang karut-marut yang disumbatkan oleh pemimpin-pemimpin mereka yang jahil dan bodoh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 7)

Makhluk Jin Menolak Kepercayaan Bahawa Mereka Berkuasa Di Bumi

وَأَنَّهُۥ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ ٱلْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ ٱلْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا ﴿٦﴾

"Dan sesungguhnya ada kaum lelaki manusia meminta perlindungan pada kaum lelaki jin, lalu jin-jin itu menambahkan kesusahan kepada mereka."(6)

Ini merupakan isyarat dari makhluk jin kepada satu kepercayaan yang lumrah dalam masyarakat jahiliyah dan masih terus lumrah hingga ke zaman ini di dalam berbagai masyarakat, iaitu kepercayaan yang menganggapkan makhluk jin itu mempunyai kuasa di atas alam bumi dan manusia, mempunyai qudrat kuasa mendatangkan manfa'at dan mudarat dan menguasai semua kawasan bumi, laut dan udara dan sebagainya hingga menyebabkan kaum Musyrikin memohon perlindungan kepada ketua jin yang menjaga sesuatu wadi dari kejahatan orang-orangnya yang nakal apabila mereka hendak bermalam di padang gurun atau tempat yang sunyi. Setelah itu barulah mereka dapat tidur dengan aman.

Syaitan (jin penghasut - Penterjemah.) itu dapat mengongkongi hati manusia kecuali mereka yang dilindungi Allah sahaja yang terselamat dari kongkongannya. Orang yang bergantung kepada syaitan, maka syaitan tidak memberi sesuatu manfa'at kepadanya kerana syaitan adalah musuhnya, malah syaitan akan menyakitinya dan menyusahkannya. Kumpulan jin itu sendiri menceritakan apa yang berlaku:

وَأَنَّهُۥ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ ٱلْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ ٱلْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا ﴿٦﴾

"Dan sesungguhnya ada kaum lelaki manusia meminta perlindungan pada kaum lelaki jin, lalu jin-jin itu menambahkan kesusahan kepada mereka."(6)

Barangkali yang dimaksudkan dengan kesusahan itu ialah kesesatan, kegelisahan dan kebingungan yang berkecamuk di dalam hati mereka yang bergantung kepada musuh mereka syaitan dan tidak mencari perlindungan pada Allah sebagaimana mereka telah diperintah berbuat demikian sejak moyang mereka Adam a.s. lagi, kerana di antara Iblis dan Adam terdapat perseteruan yang lama.

Apabila hati manusia mencari perlindungan pada yang lain dari Allah kerana tamakkan sesuatu faedah atau kerana hendak menolakkan sesuatu bencana, maka dia tidak akan mendapat apa-apa selain dari kegelisahan, kebingungan, tidak tenang dan tidak tenteram. Inilah kesusahan dalam bentuk yang amat buruk yang membuat hati manusia tidak dapat menikmati keamanan dan kerehatan.

Segala sesuatu - selain Allah - dan setiap manusia adalah berubah, dan tidak tetap belaka, semuanya akan hilang tidak kekal belaka. Oleh itu, apabila hati bergantung kepada sesuatu yang tidak tetap dan kekal, maka ia sentiasa terumbang-ambing, resah-gelisah, bimbang dan cemas. Hati itu akan kembali mengubahkan haluannya apabila sesuatu atau seseorang yang diharapinya itu hilang atau tidak ada lagi. Hanya Allah sahaja yang kekal tidak hilang, yang hidup tidak mati dan yang tetap tidak berubah. Oleh itu, sesiapa berpegang kepada Allah bererti ia berpegang kepada yang tetap tidak hilang dan berubah.

وَأَنَّهُمْ ظَنُّوا۟ كَمَا ظَنَنتُمْ أَن لَّن يَبْعَثَ ٱللَّهُ أَحَدًا ﴿٧﴾

"Dan sesungguhnya manusia itu ada yang berfikir seperti kamu berfikir bahawa Allah tidak akan membangkitkan seorang rasul pun."(7)

Kumpulan jin itu menceritakan kepada kaumnya tentang manusia-manusia yang meminta perlindungan pada jin-jin itu, mereka berkata: Sesunguhnya manusia itu ada yang berfikir seperti kamu bahawa Allah tidak akan membangkitkan seorang rasul pun, tetapi tengoklah sekarang Allah telah membangkitkan rasul - membawa Al-Qur'an yang menunjukkan kejadian yang benar atau maksudnya manusia itu ada yang berfikir seperti kamu bahawa di sana tidak akan ada kebangkitan selepas mati dan tidak akan ada hisab, kerana itu mereka tidak menyediakan sesuatu untuk Akhirat dan mereka mendustakan segala janji Akhirat yang dikemukakan oleh Rasulullah s.a.w. kerana mereka tidak mempercayainya.

Makhluk Jin Mempunyai Dwi Tabi'at Hala Sama Seperti Manusia

Kedua-dua sangkaan atau fikiran itu salah belaka. Ia membayangkan kejahilan dan kekurangan pengertian terhadap hikmat Allah yang menciptakan manusia. Allah menciptakan manusia dengan dari kesediaan semulajadi, iaitu kesediaan untuk kebaikan dan kejahatan, untuk kesesatan dan hidayat. Dari surah ini juga kita dapat mengetahui bahawa makhluk jin juga mempunyai dwi kesediaan seperti manusia kecuali jin yang menumpukan kegiatannya kepada kejahatan sahaja seperti Iblis. Ia telah diusir dari rahmat Allah kerana melanggar perintah Allah dan akhirnya menjadi jahat semata-mata tanpa mempunyai dwi kesediaan lagi.

Kebangkitan Rasul Dan Kebangkitan Di Alam Akhirat Diwujudkan Untuk Kepentingan Dan Kesempurnaan Manusia

Oleh kerana manusia dijadikan dengan dwi kesediaan, maka rahmat Allah hendak menolong manusia dengan mengutuskan para rasul yang dapat menghidup dan menyuburkan unsur-unsur kebaikan dalam jiwa mereka dan menyelamatkan kesediaan semulajadi mereka untuk menerima hidayat yang ada di dalam jiwa mereka. Oleh itu, tidak ada tempat lagi untuk difikirkan bahawa Allah tidak akan membangkitkan seorang rasul kepada mereka.

Ini jika kebangkitan dalam ayat itu diertikan dengan kebangkitan rasul, tetapi jika diertikan dengan kebangkitan di alam Akhirat, maka kebangkitan di Akhirat itu juga merupakan suatu keperluan untuk makhluk manusia yang tidak dapat disempurnakan hisab mereka di dunia kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah, yang ada hubungan dengan penyusunan alam al-wujud yang hanya diketahui oleh Allah dan tidak diketahui oleh kita. Kerana itu Allah jadikan kebangkitan di alam Akhirat dengan tujuan supaya manusia dapat menerima hisab mereka dengan sempurna dan supaya manusia pada akhirnya menerima balasan menurut kerjayakan yang ditunjukkan oleh amalan mereka dalam kehidupan dunia. Berdasarkan hakikat ini, tidak ada tempat lagi untuk difikirkan bahawa Allah tidak akan membangkitkan manusia selepas mati kerana fikiran seperti itu bertentangan dengan hikmat kebijaksanaan dan kesempurnaan Allah S.W.T.

Kumpulan jin yang telah mendengar Al-Qur'an itu telah membetulkan fikiran kaumnya, dan tujuan cerita Al-Qur'an tentang kumpulan jin ini ialah untuk membetulkan kepercayaan kaum Musyrikin yang karut-marut.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 10)

Kemudian kumpulan jin itu meneruskan cerita mereka tentang pengalaman dan pengetahuan mereka mengenai kedudukan kerasulan ini di alam buana, dan seluruh pelusuknya dan di dalam hal ehwal langit bumi untuk membersihkan diri mereka dan segala percubaan yang tidak sesuai dengan kehendak Allah yang menurunkan risalah ini dan menolak segala dakwaan yang mengaku mengetahui urusan ghaib dan mengaku dapat menguasai sesuatu darinya:

وَأَنَّا لَمَسْنَا السَّمَاءَ فَوَجَدْنَاهَا مُلِئَتْ حَرَسًا شَدِيدًا وَشُهُبًا ﴿٨﴾

وَأَنَّا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقَاعِدَ لِلسَّمْعِ ۖ فَمَن يَسْتَمِعِ الْآنَ يَجِدْ لَهُ شِهَابًا رَّصَدًا ﴿٩﴾

"Dan sesungguhnya kami telah menuju ke langit (untuk mengetahui rahsianya), lalu kami dapati penuh dengan pengawal-pengawal yang kuat dan anak-anak panah api(8). Dan sesungguhnya kami dahulu (sebelum kebangkitan rasul) dapat menduduki beberapa tempat di langit untuk mendengar berita-beritanya, tetapi sekarang siapa yang cuba mendengarnya akan menemui panah-panah api yang siap sedia untuk memanahnya."(9)

Kini Makhluk Jin Tidak Dapat Lagi Mencuri Berita Dari Langit

Kejadian-kejadian yang dikatakan oleh jin yang diceritakan oleh Al-Qur'an membayangkan bahawa makhluk jin sebelum kerasulan Muhammad, iaitu mungkin dalam masa di antara kerasulan yang akhir dengan kerasulan sebelumnya iaitu kerasulan 'Isa a.s., telah cuba membuat perhubungan dengan alam tinggi untuk mencuri dengar sesuatu yang sedang dibicarakan di antara para malaikat mengenai urusan-urusan, makhluk alam bumi yang ditugaskan kepada mereka melaksanakannya demi menjunjung kehendak Allah dan ketetapan-ketetapan-Nya, kemudian jin-jin itu akan membisikkan rahsia-rahsia yang didengarkan mereka itu kepada kahin-kahin dan tukang-tukang telek yang berhubung rapat dengan mereka supaya mereka dapat menimbulkan fitnah kepada manusia

menurut perancangan-perancangan Iblis melalui kahin-kahin dan tukang-tukang telek yang menggunakan sedikit kebenaran dan mencampuradukkannya dengan kebatilan yang banyak, kemudian mereka hamburkannya kepada orang ramai yang hidup dalam masa di antara dua kerasulan itu atau dalam masa kekosongan rasul itu. Tetapi tentang bagaimana cara dan bagaimana gambaran kejadian-kejadian ini berlaku, maka Allah tidak menerangkan apa-apa kepada kita dan tidak pula perlu kepada kita menyelidikinya. Apa yang diceritakan di sini hanya gambaran umum atau intisari hakikat ini sahaja.

Kumpulan jin itu menerangkan bahawa usaha mencuri dengar berita-berita dari langit itu tidak mungkin lagi dilakukan, dan apabila mereka lakukan percubaan itu di waktu ini, mereka dapati jalan ke sana telah dikawal rapi oleh pengawal-pengawal yang kuat yang memanah mereka dengan panah-panah api untuk menyerang dan membunuh mereka yang menuju ke sana. Mereka seterusnya menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui sesuatu apa dari urusan ghaib yang ditetapkan untuk manusia:

وَأَنَّا لَا نَدْرِيٓ أَشَرٌّ أُرِيدَ بِمَن فِي ٱلْأَرْضِ أَمْ أَرَادَ بِهِمْ رَبُّهُمْ رَشَدًا ﴿١٠﴾

"Dan sesungguhnya kami tidak mengetahui (dengan adanya kawalan yang ketat itu) apakah sesuatu malapetaka yang hendak ditimpakan ke atas penghuni-penghuni bumi atau Tuhan mereka hendak memberi sesuatu hidayat kepada mereka?"(10)

Makhluk Jin Mengaku Tidak Mengetahui Urusan Ghaib

Urusan-urusan ghaib itu adalah terserah kepada ilmu Allah dan tiada siapa pun yang mengetahui selain dari-Nya. Oleh itu, kami tidak mengetahui apakah yang diputuskan Allah untuk para hamba-Nya di bumi, adakah Allah telah memutuskan untuk menimpakan malapetaka ke atas mereka dengan membiarkan mereka di dalam kesesatan atau Allah memutuskan untuk memberi kebaikan kepada mereka iaitu memberi hidayat yang mereka jadikannya sebagai lawan kepada kejahatan? Hidayat ialah kebaikan dan akibatnya juga ialah kebaikan.

Andainya makhluk jin yang didakwa oleh kahin-kahin, sebagai sumber mereka mengambil maklumat-maklumat urusan ghaib itu sendiri menegaskan bahawa mereka tidak mengetahui sedikit pun urusan ghaib, maka ini bererti segala ramalan dan segala dakwaan mereka adalah kosong belaka, dan segala kerja ramalan dan telekan mereka telah berakhir semuanya dan seluruh urusan ghaib hanya diketahui oleh Allah sahaja, tiada siapa pun yang boleh mendakwa mengetahui atau boleh meramalkannya. Dengan ayat ini, Allah mengisytiharkan pembebasan akal manusia dari kepercayaan-kepercayaan dan sangkaan-sangkaan yang karut seperti ini, dan mengumumkan bahawa sejak hari itu manusia telah ditunjukkan ke jalan hidayat dan dibebaskan dari segala khurafat dan dongeng.

Hakikat Pengawal-pengawal Langit Dan Panah Api

Persoalan di manakah pengawal-pengawal langit itu? Siapakah mereka? Dan bagaimana syaitan-syaitan dipanah dengan panah-panah api atau bintang meteor? Semuanya ini tidak dijelaskan oleh Al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.a.w., sedangkan kita tidak mempunyai sumber yang lain dari kedua-duanya untuk mengetahui urusan-urusan ghaib. Andainya Allah mengetahui bahawa penjelasan yang terperinci mengenai pertanyaan-pertanyaan ini berguna kepada kita tentulah Ia akan menerangkan dengan panjang lebar. Andainya Allah tidak menerangkan apa-apa, maka segala usaha dan percubaan kita untuk mengetahuinya adalah sia-sia belaka. Ia tidak menambahkan apa-apa kepada kehidupan kita dan kepada khazanah ilmu pengetahuan kita yang berguna.

Begitu juga tidak ada tempat lagi untuk menyangkal dan mempertikaikan anak-anak panah api atau bintang meteor,[1] kerana bintang-bintang ini memang beredar mengikut peraturan-peraturan alam angkasa sama ada sebelum dibangkitkan rasul atau selepasnya dan mengikut satu undang-undang yang kini cuba ditafsirkan oleh ahli-ahli ilmu astronomi dengan berbagai-bagai teori yang mungkin salah dan mungkin betul. Jika diandaikan teori-teori itu betul, maka persoalan ini tidak termasuk dalam maudhu' pembicaraan kita. Di sana tidak ada apa-apa halangan andainya syaitan-syaitan itu dipanah dengan bintang meteor ketika ia meluncur laju dan tidak ada apa halangan pula bintang meteor meluncur laju sama ada untuk memanah syaitan atau tidak mengikut kehendak Allah yang memperlakukan undang-undang tertentu ke atasnya.

Di Antara Penjelasan Al-Qur'an Dan Pendapat Manusia

Orang-orang yang melihat persoalan-persoalan ini sebagai satu gambaran atau ilustrasi untuk menunjukkan betapa rapinya Allah memelihara Al-Qur'an dari dikelirukan dengan kebatilan, berpendapat tidak harus ayat-ayat itu difahamkan secara lahir begitu sahaja. Sebabnya kerana mereka menghadapi ayat-ayat Al-Qur'an ini dengan tanggapan-tanggapan yang telah sedia terpaku di dalam otak mereka, iaitu tanggapan-tanggapan yang diambil dari sumber-sumber yang lain dari Al-Qur'an, kemudian mereka berusaha mentafsirkan ayat-ayat Al-Qur'an itu mengikut tanggapan-tanggapan itu. Kerana itulah mereka hanya memandang malaikat sebagai lambang dari kekuatan kebaikan dan keta'atan, dan syaitan sebagai lambang bagi kekuatan kejahatan dan maksiat, dan pemanahan syaitan melambangkan penjagaan dan pemeliharaan Allah terhadap Al-Qur'an, kerana tanggapan-tanggapan

---

[1] *Ia dikenali dengan tahi bintang meteor yang kelihatan melancar laju di waktu malam.*

yang telah sedia terpaku di dalam otak mereka sebelum menghadapi ayat-ayat Al-Qur'an ini ialah apa yang dinamakan malaikat, syaitan atau jin itu tidak mungkin wujud dengan jisim seperti ini dan tidak mungkin mempunyai gerak langkah fizikal dan kesan-kesan yang wujud di alam realiti.

Dari manakah mereka ambil tanggapan-tanggapan yang digunakan mereka untuk mentafsirkan nas-nas Al-Qur'an dan Hadith?

Cara yang paling sempurna untuk seseorang memahami dan mentafsirkan Al-Qur'an juga untuk membentuk kefahaman Islamiyah ialah menghapuskan dari fikirannya segala kefahaman yang telah lalu dan menghadapi Al-Qur'an tanpa menggunakan tanggapan-tanggapan yang terdahulu atau menggunakan pendapat 'aqliyah atau perasaan yang terdahulu. Malah ia harus membina dan membuat seluruh tanggapan terhadap hakikat-hakikat alam buana ini mengikut bagaimana yang dijelaskan oleh Al-Qur'an dan Hadith. Kerana itu dia tidak harus mentafsirkan Al-Qur'an dan Hadith dengan gambaran yang lain dari Al-Qur'an, dan ia tidak harus menafikan sesuatu yang dithabitkan oleh Al-Qur'an dan tidak pula harus mena'wilkannya. Begitu juga dia tidak harus menthabitkan sesuatu yang dinafi atau dibatalkan oleh Al-Qur'an. Dan selain dari ketetapan yang dithabit dan dinafikan oleh Al-Qur'an, maka bolehlah ia mengeluarkan pendapatnya mengikut ilham akalnya dan pengalamannya sendiri. Kami berkata begini kepada orang-orang yang beriman kepada Al-Qur'an, namun demikian mereka mena'wilkan nas-nas Al-Qur'an untuk disesuaikan dengan tanggapan-tanggapan dan kefahaman-kefahaman yang telah sedia tersemat di dalam minda mereka tentang hakikat-hakikat alam al-wujud.[2]

Sesuatu Yang Tidak Ditemui Sains Tidak Menafikan Kewujudannya

Tetapi orang-orang yang tidak beriman kepada Al-Qur'an dan secara sewenang-wenang menafikan hakikat-hakikat ghaib ini semata-mata dengan alasan kerana hakikat-hakikat ini tidak ditemui oleh sains, maka sikap mereka amat melucukan, kerana sains sendiri masih belum mengetahui semua rahsia kejadian-kejadian yang ada di depannya dan yang digunakannya di dalam ujian-ujiannya, sedangkan sesuatu yang belum diketahui sains itu sama sekali tidak menafikan kewujudannya. Apatah lagi ramai di antara ahli-ahli sains yang sebenar mulai mempercayai perkara-perkara yang tidak diketahui mereka melalui saluran ahli-ahli agama atau sekurang-kurangnya mereka tidak mengingkarkan sesuatu, yang tidak diketahui mereka, kerana menurut pengalaman, ahli-ahli sains dapati diri mereka - melalui sains ini sendiri - berdepan dengan berbagai-bagai perkara yang majhul yang selama ini mereka fikir telah mengetahuinya. Kerana itu mereka bersikap rendah diri, tidak menunjukkan sifat berlagak pandai dan sifat berlagak sombong terhadap perkara-perkara yang majhul sebagaimana dilakukan oleh pelagak-pelagak alim dan pelagak-pelagak yang mendakwa berfikir secara ilmiyah yang tidak percayakan hakikat-hakikat agama dan hakikat yang majhul.

Alam buana di sekeliling kita penuh dengan rahsia-rahsia, penuh dengan roh-roh dan penuh dengan tenaga-tenaga kekuatan. Surah ini sama dengan surah-surah Al-Qur'an yang lain. Ia menerangkan kepada kita beberapa sudut dari hakikat-hakikat alam yang dapat menolong kita membentuk satu kefahaman yang hakiki dan betul terhadap alam al-wujud dengan segala isi kandungannya yang terdiri dari tenaga-tenaga kekuatan, roh-roh dan hidup-hidupan yang ada di sekeliling kita yang saling berinteraksi di dalam kehidupan dan diri kita. Kefahaman inilah yang membezakan seseorang Muslim dan meletakkannya di garis tengah di antara khayal yang liar dan khurafat yang karut, di antara berlagak alim dan berlagak sombong. Sumber kefahaman ini ialah Al-Qur'an dan as-Sunnah. Kedua-duanya merupakan sumber yang dijadikan hakim oleh seseorang Muslim untuk menilaikan segala persepsi, segala pendapat dan segala pentafsiran.

Bidang-bidang Ilmu Yang Dapat Diterokai Manusia Dan Bidang-bidang Ilmu Yang Di Luar Keupayaannya

Di sana ada bidang tertentu untuk akal manusia meneroka pelusuk-pelusuk yang majhul. Islam memang menggalakkan manusia membuat penerokaan seperti itu. Tetapi di sebalik bidang ini, akal manusia tidak berdaya menerokainya kerana ia tidak perlu menerokainya. Sesuatu yang tidak diperlukan manusia dalam urusan menjalankan tugas khalifah di bumi ini, maka ia tidak perlu dijadikan bidang penerokaannya dan tidak ada kebijaksanaan untuk membantunya melakukan penerokaan itu, kerana perkara itu bukan dari tugas dan tidak pula termasuk dalam ikhtisasnya. Kadar yang perlu diketahuinya mengenai bidang-bidang yang mahjul itu supaya ia dapat mengetahui kedudukannya di alam buana ini dibandingkan dengan segala sesuatu yang ada di sekeliling, telah pun diterangkan Allah kepadanya kerana ia di luar keupayaan manusia dan ia diterangkan sekadar keupayaannya sahaja. Di antara bidang-bidang yang majhul yang diterangkan sekadar itu ialah urusan-urusan ghaib yang bersangkutan dengan malaikat-malaikat, syaitan dan roh, asal-usul kejadian dan kesudahannya.

Orang-orang yang berpandu dengan hidayat Allah, mereka akan berhenti di batas pengetahuan sekadar itu sahaja sebagaimana yang diterangkan Allah

---

[2] *Dalam hubungan ini saya tidak mahu membersihkan diri saya, kerana saya juga sedikit sebanyak telah terjerumus ke dalam pentafsiran seperti ini di dalam karangan-karangan saya yang silam dan di dalam penggal-penggal awal tafsir ini. Saya harap dapat saya betulkan dalam cetakan akan datang jika ditaufiqkan Allah. Apa yang saya katakan di sini ialah apa yang saya anggapkannya benar dengan hidayat dari Allah.*

kepada mereka dalam kitab-kitab suci-Nya dan menerusi lidah para rasul-Nya. Dari pengetahuan sekadar itu mereka mendapat faedah menyedari kebesaran Tuhan Pencipta dan menyedari hikmat kebijaksanaan-Nya, dalam segala penciptaan-Nya, juga menyedari kedudukan manusia di bumi dan hubungannya dengan alam-alam dan roh-roh ini. Mereka menggunakan tenaga akal fikiran mereka dalam bidang penyelidikan dan ilmu pengetahuan yang disediakan untuk akal dalam lingkungan perbatasan-perbatasan bumi dan cakerawala-cakerawala di sekelilingnya sekadar yang terdaya kepada mereka. Mereka menggunakan ilmu pengetahuan yang diketahui mereka dalam bidang pekerjaan, pengeluaran, pembangunan dan menegakkan khilafah (pemerintahan Allah) di bumi dengan berpedomankan hidayat Allah. Mereka berjuang menuju kepada keredhaan-Nya serta meningkatkan diri mereka ke maqam yang luhur yang diserukan Allah kepadanya.

Mereka yang tidak berpedoman kepada hidayat Allah berpecah kepada dua golongan yang besar:

Golongan-golongan Ahli Ilmu Yang Tidak Berpandukan Penjelasan Allah

Satu golongan berusaha dengan akal fikiran mereka yang terbatas untuk memahami zat Allah Ta'ala yang tidak terbatas, dan untuk mengetahui hakikat-hakikat alam ghaib tanpa melalui kitab-kitab suci yang diturun oleh Allah. Mereka ialah golongan ahli-ahil falsafah yang cuba mentafsirkan rahsia-rahsia alam al-wujud dan segala hubungannya, kerana itu mereka jatuh dan rebah seperti kanak-kanak yang cuba mendaki gunung yang amat tinggi dengan kemuncaknya yang tidak berakhir atau seperti kanak-kanak yang cuba menghuraikan rahsia-rahsia alam al-wujud sedangkan mereka belum begitu mahir dengan peraturan-peraturan mengeja alif, baa', taa'. Mereka telah mengemukakan berbagai-bagai kefahaman dan pandangan yang melucukan terhadap alam al-wujud walaupun mereka tokoh-tokoh ahli falsafah yang besar. Kefahaman yang dikemukakan mereka benar-benar melucukan jika dibanding kepada kefahaman yang jelas, lurus dan indah yang dikemukakan oleh Al-Qur'an. Kefahaman-kefahaman itu lucu kerana kesilapannya yang banyak, kerana fakta-faktanya yang bertentangan, longgar dan tidak kemas. Dan seterusnya kefahaman-kefahaman itu lucu kerana ia merupakan kefahaman yang amat kerdil dan dangkal dibandingkan dengan kebesaran dan keagungan alam al-wujud yang hendak ditafsirkan mereka. Dalam hubungan ini saya tidak kecualikan tokoh-tokoh ahli falsafah Greek dan tidak pula tokoh-tokoh ahli falsafah Islam yang telah meniru cara berfikir ahli-ahli falsafah Greek dan tidak pula ahli-ahli falsafah zaman moden. Semua persepsi mereka adalah lucu dibandingkan dengan persepsi Islam terhadap alam al-wujud.

Satu golongan lagi ialah golongan yang berpendapat bahawa aliran ilmu pengetahuan alam ghaib yang majhul itu tidak ada faedah dan gunanya, mereka mengabaikan bidang ini dan menumpukan seluruh usaha dan fikiran mereka di bidang sains ujian dan gunaan tanpa menghiraukan pengetahuan alam ghaib yang majhul yang tidak dapat diterokai mereka tanpa berpandukan petunjuk dari Allah. Golongan ini berada di kemuncak kebesarannya dalam abad-abad lapan belas dan sembilan belas, tetapi sejak menjelang abad kedua puluh ini mereka mulai sedar dan siuman kembali dari keangkuhan keilmuan mereka yang liar, apabila benda (matter) lari dari tangan mereka dan berubah kepada radiasi yang tidak diketahui hakikatnya dan hampir-hampir pula tidak diketahui undang-undangnya.

Islam Memberi Maklumat Alam Ghaib Kepada Manusia

Hanya Islam sahaja yang berdiri tegak di atas batu keyakinan. Ia memberi maklumat-maklumat alam ghaib yang majhul kepada manusia sekadar yang dapat memberi kebaikan kepada mereka. Ia menjimatkan tenaga akal fikiran manusia untuk digunakan dalam kerja-kerja pentadbiran menegakkan pemerintahan Allah di bumi. Ia menyediakan bidang-bidang tertentu kepada akal manusia agar ia dapat bekerja dengan aman dan memberi petunjuk kepada mereka ke jalan yang benar dan lurus, sama ada dalam perkara-perkara yang berhubung dengan urusan ghaib yang majhul atau dalam perkara yang bukan berhubung dengan urusan ghaib.

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 15)

Selepas itu kumpulan jin itu menjelaskan keadaan dan sikap mereka terhadap hidayat Allah, dan dari penjelasan ini kita dapat memahami bahawa mereka sama dengan manusia iaitu mempunyai dwi tabi'at semulajadi yang boleh menerima hidayat dan kesesatan. Kumpulan jin itu menceritakan kepada kita tentang 'aqidah mereka terhadap Allah dan kepercayaan mereka terhadap balasan yang akan diterima oleh orang yang memilih jalan hidayat dan orang yang memilih jalan kesesatan:

وَأَنَّا مِنَّا ٱلصَّٰلِحُونَ وَمِنَّا دُونَ ذَٰلِكَ ۖ كُنَّا طَرَآئِقَ قِدَدًا ﴿١١﴾

"Dan sesungguhnya di antara kami ada orang-orang yang soleh dan ada pula orang-orang yang tidak soleh. Kami adalah terdiri dari berbagai-bagai golongan."(11)

Jin Soleh Dan Jin Jahat

Penjelasan kumpulan jin yang menegaskan bahawa di antara mereka ada golongan yang soleh dan ada golongan yang tidak soleh menunjukkan makhluk jin itu mempunyai dwi tabi'at dan kesediaan untuk menerima kebaikan dan kejahatan serupa dengan tabi'at dan kesediaan manusia melainkan mereka yang menumpukan kegiatan mereka kepada kejahatan seperti Iblis dan suku sakatnya. Penjelasan ini amat penting untuk membetulkan anggapan kita terhadap jin, kerana kebanyakan kita, termasuk para pengkaji yang pakar, menganggap makhluk jin sebagai makhluk yang melambangkan kejahatan dan bertabi'at jahat semata-mata dan hanya manusia

sahaja di antara makhluk seluruhnya yang mempunyai dwi tabi'at. Anggapan ini adalah lahir dari tanggapan-tanggapan yang terdahulu yang tersemat dalam kefahaman kita mengenai hakikat-hakikat makhluk jin sebagaimana kami telah jelaskan. Kini sampailah masanya kita membetulkan tanggapan itu mengikut keterangan-keterangan yang sahih dari Al-Qur'an. Kumpulan jin itu sendiri berkata:

وَأَنَّا مِنَّا ٱلصَّٰلِحُونَ وَمِنَّا دُونَ ذَٰلِكَ كُنَّا طَرَآئِقَ قِدَدًا ﴿١١﴾

"Dan sesungguhnya di antara kami ada orang-orang yang soleh dan ada pula orang-orang yang tidak soleh. Kami adalah terdiri dari berbagai-bagai golongan."(11)

Yakni setiap golongan dari kami mempunyai cara pembawaan yang terasing dan terpisah dan golongan yang lain.

Kemudian kumpulan jin itu menerangkan kepercayaan mereka setelah mereka beriman:

وَأَنَّا ظَنَنَّآ أَن لَّن نُّعْجِزَ ٱللَّهَ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَن نُّعْجِزَهُۥ هَرَبًا ﴿١٢﴾

"Dan sesungguhnya kami yakin bahawa kami tidak akan dapat melemahkan Allah di bumi dan tidak akan dapat lari melepaskan diri dari kekuasaan-Nya."(12)

Jin Mengakui Qudrat Allah Yang Mutlak

Mereka yakin bahawa Allah menguasai mereka sepenuhnya di bumi, dan mereka yakin bahawa mereka tidak berupaya untuk melarikan diri dari kekuasaan Allah. Itulah kelemahan seseorang hamba di hadapan Tuhannya, itulah kelemahan makhluk di hadapan Khaliqnya dan itulah kesedaran terhadap kekuasaan Allah yang menguasai dan mengatasi segala-galanya.

Makhluk jin itulah yang dipohon perlindungan dan pertolongan oleh manusia, dan makhluk itulah yang dianggap kaum Musyrikin sebagai makhluk yang mempunyai hubungan perkahwinan dengan Allah S.W.T, sedangkan makhluk inilah yang mengaku lemah dan tidak berupaya di hadapan qudrat Allah. Dengan keterangan ini mereka bukan sahaja membetulkan juga anggapan dan kepercayaan kaum mereka, malah membetulkan juga anggapan dan kepercayaan kaum Musyrikin mengenai hakikat qudrat Allah Yang Tunggal yang menguasai seluruh alam dan penghuni-penghuninya.

Kemudian kumpulan jin itu sekali lagi menerangkan keadaan mereka setelah mendengar hidayat Al-Qur'an yang telah diterangkan mereka sebelum ini. Mereka ulangi pengakuan itu di sini dalam konteks penjelasan mengenai sikap golongan-golongan mereka terhadap keimanan:

وَأَنَّا لَمَّا سَمِعْنَا ٱلْهُدَىٰٓ ءَامَنَّا بِهِۦ

"Dan sesungguhnya kami apabila telah mendengar hidayat (Al-Qur'an) kami terus beriman dengannya."(13)

Itulah sikap yang semestinya diambil oleh setiap orang yang mendengar Al-Qur'an. Tetapi di sini mereka namakan Al-Qur'an dengan "hidayat", kerana hidayat merupakan hakikat dan natijah dari Al-Qur'an. Kemudian mereka menerangkan kepercayaan mereka yang kukuh terhadap Allah:

فَمَن يُؤْمِنۢ بِرَبِّهِۦ فَلَا يَخَافُ بَخْسًا وَلَا رَهَقًا ﴿١٣﴾

"Dan barang siapa yang beriman dengan Tuhannya nescaya ia tidak lagi bimbang dikurangkan haknya dan tidak pula bimbang dibebankan kesusahan."(13)

Orang Mu'min Bersikap Tenang Dan Tenteram

Inilah kepercayaan orang yang yakin kepada keadilan Allah dan kekuasaan-Nya dan kepada tabi'at keimanan dan hakikatnya. Allah tidak akan mengurangkan hak-hak yang terhak kepada seseorang Mu'min dan tidak akan membebankan dengan kesusahan yang di luar keupayaannya. Allah S.W.T. Maha Adil dan Dia akan melindungi para hamba-Nya dari perbuatan yang mengurangi hak-hak mereka dan dari perbuatan membeban mereka dengan kesulitan di luar kemampuan mereka.

Siapa lagi yang berkuasa mengurangkan hak-hak orang-orang Mu'min atau menyusahkan mereka sedangkan mereka berada dalam naungan dan perlindungan Allah? Kadang-kadang orang-orang Mu'min dinafikan dari menikmati beberapa kesenangan hidup dunia, tetapi ini tidaklah bererti bahawa haknya telah dikurangkan, kerana dia akan diberi pampasan yang sebaik-baiknya. Kadang-kadang mereka menerima penindasan dari orang-orang yang berkuasa di bumi, tetapi ini bukanlah bererti mereka telah dibebankan dengan kesusahan, kerana Allah menolong mereka dengan tenaga kekuatan untuk menanggung kepedihan penindasan itu supaya mereka dapat mengambil faedah dari penderitaan itu dan supaya mereka dapat mengembangkan diri mereka dengan penderitaan itu. Di samping itu hubungan mereka yang mesra dengan Allah meringankan penderitaan mereka, malah hubungan itulah yang menjadikan penderitaan itu mendatangkan kebaikan kepadanya di dunia dan Akhirat.

Oleh itu, seseorang Mu'min berada dalam keamanan jiwa dari kebimbangan dikurangkan haknya atau kebimbangan ditimpakan kesusahan:

فَلَا يَخَافُ بَخْسًا وَلَا رَهَقًا ﴿١٣﴾

"Ia tidak lagi bimbang dikurangkan haknya dan tidak pula bimbang dibebankan kesusahan."(13)

Keamanan itulah yang melahirkan ketenteraman dan kerehatan di sepanjang masa. Dia tidak lagi hidup dalam kegelisahan dan kecemasan. Apabila dia berdepan dengan kesusahan dia tidak takut dan cemas, dia tidak mengurungkan dirinya dalam bilik yang tertutup segala pintu dan jendelanya, malah dia memandang kesusahan itu sebagai ujian dari Allah,

lalu dia sabar dan mendapat pahala, dia mengharapkan pertolongan dari Allah dan mendapat pahala. Pendeknya dalam kedua-dua keadaan ini dia tidak takut dikurangkan haknya dan tidak pula bimbang dibebankan kesusahan.

Indah hakikat yang amat cemerlang yang digambarkan dengan tepat oleh kumpulan jin itu. Kemudian mereka menerangkan pandangan mereka terhadap hakikat hidayat dan kesesatan dan terhadap balasan kepada hidayat dan kesesatan itu sendiri:

وَأَنَّا مِنَّا ٱلْمُسْلِمُونَ وَمِنَّا ٱلْقَـٰسِطُونَ ۖ فَمَنْ أَسْلَمَ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ تَحَرَّوْا۟ رَشَدًا ﴿١٤﴾

وَأَمَّا ٱلْقَـٰسِطُونَ فَكَانُوا۟ لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾

"Dan sesungguhnya di antara kami (setelah mendengar Al-Qur'an itu) ada golongan Muslimin dan ada pula golongan yang menyeleweng. Oleh itu, sesiapa yang menjadi Muslim, maka merekalah orang-orang yang memilih jalan hidayat(14). Dan adapun orang-orang yang zalim, maka mereka akan menjadi bahan bakar Neraka Jahannam."(15)

"القاسطون" bererti orang-orang yang zalim, yang menjauhi keadilan dan kebaikan. Mereka jadikan kumpulan orang yang zalim ini sebagai lawan kepada kumpulan Muslimin. Ini merupakan satu isyarat kepada satu pengertian yang seni, kerana seorang Muslim adalah seorang yang adil dan aktif dalam amalan-amalan yang baik dan lawannya ialah orang yang dan aktif dalam aktiviti yang merosakkan.

فَمَنْ أَسْلَمَ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ تَحَرَّوْا۟ رَشَدًا ﴿١٤﴾

"Oleh itu, sesiapa yang menjadi Muslim, maka merekalah orang-orang yang memilih jalan hidayat."(14)

Kata-kata **"memilih"** membayangkan bahawa tindakan menerima hidayat Islam itu merupakan suatu tindakan yang teliti mencari jalan yang benar. Ini bererti mereka mencari dan memilih jalan yang benar dengan penuh pengetahuan dan dengan penuh tekad dan niat setelah segala-galanya jelas dan terang, bukannya bertindak serampangan dan bukannya terikut-ikut tanpa memahami apa-apa. Ayat ini bererti bahawa mereka benar-benar telah sampai ke jalan yang benar apabila mereka memilih agama Islam. Ini adalah satu pengertian yang halus dan indah.

وَأَمَّا ٱلْقَـٰسِطُونَ فَكَانُوا۟ لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾

"Dan ada pun orang-orang yang zalim, maka mereka akan menjadi bahan bakar Neraka Jahannam."(15)

Kedudukan mereka telah diputuskan. Mereka pada akhirnya akan menjadi bahan bakar Neraka Jahannam yang memarakkan nyalaan apinya sama seperti api yang galak bernyala dengan sumbangan kayu-kayu yang kering.

Makhluk Jin Juga Akan Di'azabkan Dalam Neraka

Ayat ini menunjukkan bahawa makhluk jin itu juga akan di'azabkan dengan api Neraka, dan dari sini juga difahamkan bahawa mereka juga akan diberi ni'mat dengan Syurga. Demikianlah yang dijelaskan oleh Al-Qur'an yang menjadi sumber pemikiran kita. Selepas keterangan itu tiada siapa pun yang boleh mengemukakan apa-apa pandangannya tentang sifat jin, sifat Neraka atau sifat Syurga yang disandarkan kepada pandangan dan pendapat yang bukan dari Al-Qur'an. Apa yang dijelaskan Allah merupakan satu penjelasan yang benar yang tidak boleh dipertikaikan lagi. Keterangan-keterangan yang tepat tentang makhluk jin yang terdapat dalam penjelasan kumpulan jin kepada kaum mereka itu tepat pula dengan makhluk manusia, dan ini telah pun diterangkan oleh wahyu Allah menerusi lidah Nabi mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 17)

Sampai di sini tamatlah wahyu yang menceritakan perkataan jin dengan kata-kata dari ungkapan mereka secara langsung mengenai diri mereka. Kemudian Al-Qur'an beralih pula kepada menyaripatikan perkataan-perkataan jin itu mengenai tindakan Allah terhadap orang-orang yang beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu menuju kepada-Nya. Al-Qur'an hanya menyebatkan isi perkataan mereka sahaja bukannya ungkapan mereka itu sendiri:

Hubungan Istiqamah Dengan Kemewahan Hidup

وَأَلَّوِ ٱسْتَقَـٰمُوا۟ عَلَى ٱلطَّرِيقَةِ لَأَسْقَيْنَـٰهُم مَّآءً غَدَقًا ﴿١٦﴾ لِّنَفْتِنَهُمْ فِيهِ ۚ وَمَن يُعْرِضْ عَن ذِكْرِ رَبِّهِۦ يَسْلُكْهُ عَذَابًا صَعَدًا ﴿١٧﴾

"Dan andainya mereka beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu nescaya Kami curahkan kepada mereka air yang melimpah-ruah (rezeki yang mewah)(16). Untuk Kami ujikan mereka. Dan siapa yang berpaling dari peringatan Tuhannya (Al-Qur'an) nescaya Allah masukkannya ke dalam 'azab pendakian yang sukar."(17)

Allah berfirman mengesahkan pandangan jin-jin terhadap kita manusia iaitu andainya manusia itu beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu atau andainya orang-orang yang menyeleweng dari jalan yang benar itu beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu nescaya Kami kurniakan kepada mereka bekalan air yang melimpah-ruah yang dapat menghasilkan rezeki yang mewah untuk mereka. **"Untuk Kami ujikan mereka"** sama ada mereka bersyukur atau tidak.

Peralihan dari menceritakan perkataan-perkataan jin kepada menyebut isi cerita itu sahaja mengenai perkara ini menambahkan lagi kekuatan pengertiannya kerana ia menghubungkan penceritaan

dan janji itu kepada Allah. Tarikan-tarikan perhatian seperti ini memang banyak terdapat di dalam uslub Al-Qur'an untuk menghidup dan menguatkan pengertiannya dan menambahkan perhatian mereka kepadanya. Tarikan pandangan ini mengandungi beberapa hakikat yang menjadi unsur penting dalam pembentukan 'aqidah dan kefahaman seseorang Mu'min terhadap keadaan-keadaan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dan hubungan-hubungannya.

Hakikat yang pertama ialah wujudnya hubungan di antara kelurusan iman umat-umat atau kelompok-kelompok manusia mengikuti jalan Allah dengan kemewahan rezeki dan faktor-faktornya. Faktor pertama dari faktor-faktor kemewahan ialah adanya bekalan air yang cukup. Kemewahan dan kesenangan hidup di mana-mana tempat dan negeri adalah mengikut keadaan bekalan air hingga ke zaman ini, iaitu zaman kemajuan perindustrian, di mana pertanian tidak lagi merupakan satu-satunya sumber rezeki dan kemewahan, tetapi air tetap air. Ia selama-lamanya penting untuk pembangunan.

Hubungan di antara kelurusan iman dengan kemewahan rezeki dan keteguhan kedudukan di dunia merupakan satu hakikat yang berdiri kukuh. Misalnya umat Arab di Padang Sahara. Mereka dahulu hidup dengan segala kepayahan dan kesulitan, tetapi apabila mereka beriman dan berjalan lurus di atas jalan itu mereka dikurniakan kawasan bumi yang melimpah dengan bekalan air dan rezeki yang mewah. Kemudian apabila mereka menyeleweng dari jalan keimanan yang lurus, maka segala kemewahan dan kesenangan mereka dirampas kembali dan hingga kini mereka masih hidup dalam kesulitan dan kepayahan sehingga mereka sanggup pulang kembali ke jalan keimanan yang lurus dan ketika itulah akan terlaksana janji Allah kepada mereka.

Andainya di sana terdapat umat-umat yang tidak berjalan di atas jalan Allah, kemudian mereka mendapat kemewahan dan kekayaan, maka mereka akan diseksakan dengan berbagai-bagai penyakit dan malapetaka yang lain yang merosakkan sifat-sifat insaniyah mereka atau menggugatkan keamanan hidup mereka atau menjatuhkan nilai dan kehormatan mereka sebagai manusia. Semuanya ini akan menjadikan kemewahan dan kekayaan mereka tidak bererti apa-apa lagi (sebagaimana telah diterangkan di dalam Surah Nuh).

Kemewahan, Kekuasaan, Kecantikan Dan Kebijaksanaan Suatu Ujian Dari Allah

Hakikat yang kedua yang tercetus dari ayat ini ialah kemewahan hidup itu merupakan ujian Allah kepada hamba-Nya. Firman Allah:

وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ فِتْنَةً

"Dan Kami akan cubakan kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai ujian."

(Surah al-Anbia': 35)

Kesabaran dalam kemewahan dan kesanggupan melaksanakan kewajipan bersyukur dan membuat kebaikan adalah lebih sukar dari kesabaran dalam kesusahan, iaitu kebalikan dari apa yang dilihat dalam pandangan sekilas. Ramai orang dapat bersabar apabila dilanda kesusahan kerana kesusahan itu telah mencetuskan dalam jiwa mereka daya pengemblengan tenaga, sikap yang hati-hati dan kesanggupan melawan, juga mencetuskan ingatan mereka kepada Allah, mendorongkan mereka memohon per-lindungan dan pertolongan kepada-Nya. Tetapi kemewahan membuat manusia lupa, membuat anggota mereka kendur dan rehat, membuat unsur-unsur pertahanan dalam jiwa mereka tidur dan lumpuh dan seterusnya kemewahan menyediakan peluang-peluang menjadi angkuh kerana kesenangan dan kelekaan dengan godaan-godaan syaitan.

Ujian dengan ni'mat kemewahan memerlukan sikap sentiasa berhati-hati supaya terpelihara dari terpesona dan tergoda. Ni'mat harta kekayaan yang banyak seringkali menggoda seseorang menjadi angkuh, kurang bersyukur, membazir atau bakhil dan kedua-duanya merupakan penyakit jiwa dan penyakit kehidupan. Ni'mat kekuatan dan kekuasaan juga seringkali membawa kepada sifat takbur, kurang bersyukur, zalim, menentang kebenaran, menindas manusia dan melanggar larangan-larangan Allah. Ni'mat kecantikan seringkali mendorong manusia berlagak sombong dan menjerumuskan mereka ke dalam kancah dosa dan kepesonaan nafsu. Ni'mat kecerdasan akal seringkali mempesona manusia menjadi bongkak, memandang rendah kepada orang lain, memperkecil-kecilkan nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan yang saksama. Setiap ni'mat tidak sunyi dari godaan melainkan mereka yang sentiasa ingat kepada Allah.

Hakikat yang ketiga ialah perbuatan tidak menghiraukan peringatan Allah akan membawa kepada 'azab Allah. Ungkapan yang mensifatkan 'azab itu sebagai **"'azab pendakian yang sukar"** membayangkan kesulitan yang amat berat, kerana orang yang mendaki bukit yang tinggi akan merasa semakin penat apabila ia mendaki semakin tinggi. Satu kebiasaan Al-Qur'an ialah ia melambangkan kesukaran dan kesulitan dengan perbuatan mendaki seperti dalam ayat:

فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهْدِيَهُۥ يَشْرَحْ صَدْرَهُۥ لِلْإِسْلَٰمِ ۖ وَمَن يُرِدْ أَن يُضِلَّهُۥ يَجْعَلْ صَدْرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِى ٱلسَّمَآءِ

"Barang siapa yang dikehendaki Allah untuk memberi hidayat kepadanya, nescaya Dia lapangkan dadanya kepada Islam, dan barang siapa yang dikehendaki Allah untuk membiarkannya sesat, nescaya Dia jadikan dadanya sempit dan sesak seolah-olah ia sedang mendaki langit."

(Surah al-An'am: 125)

Dan firman-Nya:

سَأُرْهِقُهُۥ صَعُودًا ﴿١٧﴾

"Aku akan bebankannya mendaki jalan yang sukar."

(Surah al-Muddaththir: 17)

Itulah satu hakikat fizikal yang amat terang dan terkenal. Perbandingan di antara ujian dengan kemewahan dengan 'azab keseksaan di waktu pembalasan amatlah jelas.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 19)

Penjelasan ayat yang ketiga yang berikut mungkin merupakan cerita penjelasan jin, dan mungkin pula merupakan firman Allah dari awal lagi iaitu:

وَأَنَّ ٱلْمَسَٰجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا۟ مَعَ ٱللَّهِ أَحَدًا ﴿١٨﴾

"Dan sesungguhnya masjid-masjid itu kepunyaan Allah. Oleh itu, janganlah kamu sembah seseorang yang lain di samping menyembah Allah."(18)

Sujud Dan Masjid Hanya Untuk Allah

Ayat ini menerangkan bahawa sujud atau tempat-tempat sujud iaitu masjid-masjid hanya untuk Allah sahaja. Di sanalah ditegakkan tauhid yang bersih dan di sanalah lenyapnya bayang (kebesaran duniawi) setiap orang, setiap nilai dan setiap perhitungan yang lain. Seluruh suasana dan perhambaan di sana hanya untuk Allah sahaja. Menyembah yang lain dari Allah mungkin dengan membuat ibadat kepada yang lain dari Allah dan mungkin pula dengan mencari perlindungan pada yang lain dari Allah dan mungkin pula dengan menghadirkan hati untuk yang lain dari Allah.

Andainya ayat ini dari perkataan kumpulan jin itu, maka ia merupakan satu kenyataan untuk menguatkan perkataan mereka yang terdahulu iaitu:

وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ﴿٢﴾

"Dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun"(2)

di tempat ibadat dan sujud itu. Andainya ayat ini dari firman Allah dari awal lagi, maka ia merupakan satu perintah atau arahan dari Allah sesuai dengan perkataan kumpulan jin dan kepercayaan tauhid mereka yang bulat, iaitu satu perintah yang disampaikan tepat pada tempatnya mengikut cara Al-Qur'an.

Rasulullah Dikerumuni Sewaktu Solat Dan Membaca Al-Qur'an

Begitu juga penjelasan ayat yang berikut:

وَأَنَّهُۥ لَمَّا قَامَ عَبْدُ ٱللَّهِ يَدْعُوهُ كَادُوا۟ يَكُونُونَ عَلَيْهِ لِبَدًا ﴿١٩﴾

"Dan sesungguhnya apabila seorang hamba Allah (Muhammad) berdiri menyembah-Nya mereka hampir-hampir bertindih-tindih mengerumuninya."(19)

Yakni mereka mengerumuninya ketika beliau mendirikan solat dan berdo'a kepada Tuhannya. Solat pada asalnya bererti berdo'a.

Andainya ayat ini dari perkataan jin, maka ia merupakan cerita dari kumpulan jin itu tentang kaum Musyrikin Arab yang datang mengerumuni Rasulullah s.a.w. ketika beliau sedang mendirikan solat atau ketika beliau sedang membaca Al-Qur'an seperti firman Allah dalam Surah al-Ma'arij ayat 36 - 37:

فَمَالِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ قِبَلَكَ مُهْطِعِينَ ﴿٣٦﴾

عَنِ ٱلْيَمِينِ وَعَنِ ٱلشِّمَالِ عِزِينَ ﴿٣٧﴾

"Mengapakah orang-orang kafir itu tergesa-gesa datang ke arahmu, dari kanan dan kiri, sepuak demi sepuak?"

(Surah al-Ma'arij : 36-37)

Mereka mendengar kagum tetapi mereka tidak beriman atau mereka datang berkumpul untuk bertindak jahat terhadap Rasulullah s.a.w., tetapi Allah peliharakannya dari kejahatan mereka, sebagaimana yang sering berlaku kepada beliau. Perkataan kumpulan jin ini yang dihadapkan kepada kaum mereka ialah untuk menyatakan kehairanan mereka terhadap tindak-tanduk kaum Musyrikin itu.

Andainya ayat ini dari penceritaan Allah dari awal lagi, maka ia merupakan sebuah cerita tentang sekumpulan jin yang mendengar bacaan Al-Qur'an. Mereka terpesona dan kagum dengan Al-Qur'an, lalu mereka datang mengerumuni Rasulullah s.a.w. bertindih-tindih dan berhimpit-himpit satu dengan lain. Pentafsiran ini lebih hampir kepada pengertian ayat ini kerana sesuai dengan keadaan kumpulan jin itu yang begitu tertarik dan terpesona yang kelihatan jelas pada semua perkataan mereka. والله أعلم

Setelah selesai menceritakan perkataan jin mengenai Al-Qur'an dan urusan kerasulan ini yang telah memeranjatkan hati mereka, menggoncangkan perasaan mereka dan memperlihatkan kepada mereka bagaimana langit dan bumi, para malaikat dan bintang-bintang masing-masing sibuk dengan urusan kerasulan, juga memperlihatkan kesan-kesannya di dalam peraturan seluruh alam buana, juga kesungguhan dan keseriusannya dan undang-undang alam yang menemaninya ... setelah selesai semuanya ini Al-Qur'an menghadapkan pula perintahnya kepada Rasulullah s.a.w. dengan nada yang serius dan tegas supaya beliau menyampaikan risalah dan da'wah itu kepada manusia dan membersihkan diri selepas penyampaian itu dari sebarang kepentingan peribadi dalam risalah dan da'wah ini, dan dari membuat dakwaan mengetahui urusan ghaib dan dari dakwaan mempunyai kuasa di dalam perkara-perkara yang menyentuh untung nasib manusia. Semua ini dibuat

dalam suasana yang bercampur duka dan hiba sesuai dengan keseriusan dan ketegasan Al-Qur'an ini:

(Pentafsiran ayat 20)

Perisytiharan Yang Senada Perisytiharan Makhluk Jin

قُلْ إِنَّمَآ أَدْعُواْ رَبِّي وَلَآ أُشْرِكُ بِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٠﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya aku hanya menyembah Tuhanku Yang Maha Esa sahaja dan aku tidak mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun."

Katakanlah, wahai Muhammad! "**Sesungguhnya aku hanya menyembah Tuhanku Yang Tunggal sahaja dan aku tidak mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun.**"

Pengisytiharan ini datang selepas pengisytiharan kumpulan jin kepada kaum mereka:

وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ﴿٢﴾

"Dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan dengan sesiapa pun."(2)

Pengisytiharan itu serasa dan senada. Itulah kata sepakat manusia dan jin. Oleh itu, barang siapa yang menyeleweng dari kata sepakat ini bererti ia terpencil dan asing dari manusia dan jin.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 24)

Rasulullah Tidak Mempunyai Sebarang Kuasa

قُلْ إِنِّي لَآ أَمْلِكُ لَكُمْ ضَرًّا وَلَا رَشَدًا ﴿٢١﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sesuatu mudarat terhadap kamu dan tidak pula sesuatu hidayat."(21)

Rasulullah s.a.w. telah disuruh supaya menyatakan bahawa dia tidak mempunyai sesuatu apa, juga disuruh supaya membersihkan dirinya dari segala dakwaan bahawa dia mempunyai sesuatu sifat yang termasuk dalam sifat-sifat yang khusus bagi Allah Yang Maha Esa yang disembah olehnya, .dan supaya beliau tidak mempersekutukan Allah dengan sesiapa pun, kerana Allah sahaja yang mempunyai kuasa mendatangkan mudarat dan manfa'at. Dalam ayat ini kata-kata (hidayat) dijadikan lawan kepada kata-kata (mudarat) sama seperti yang disebut dalam perkataan kumpulan jin sebelum ini:

وَأَنَّا لَا نَدْرِيٓ

"Dan sesungguhnya kami tidak mengetahui."(10)

Kedua-dua perkataan mempunyai tujuannya yang sama dan susunan kata yang hampir serupa. Dan keserupaan ini memang dirancangkan dalam kisah ini dan dalam ulasannya sebagaimana banyak terdapat dalam uslub Al-Qur'an. Dengan kedua-dua ayat ini makhluk jin dan Nabi s.a.w. membersihkan diri masing-masing dari dakwaan mempunyai kuasa memberi manfa'at dan mudarat dan hanya Allah sahaja Yang Maha Kuasa dalam urusan ini. Dan dengan pembersihan diri yang seperti ini barulah persepsi keimanan menjadi betul, sempurna dan jelas.

قُلْ إِنِّي لَن يُجِيرَنِي مِنَ ٱللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِن دُونِهِۦ مُلْتَحَدًا ﴿٢٢﴾ إِلَّا بَلَٰغًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِسَٰلَٰتِهِۦ

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Sesungguhnya aku tiada seorang pun yang dapat melindungiku dari 'azab Allah, dan aku tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari Allah. (Aku tidak berkuasa) kecuali menyampaikan penjelasan dari Allah dan perutusan-perutusan-Nya."(22-23)

Inilah kata-kata yang hebat yang membuat hati merasa betapa seriusnya urusan kerasulan dan da'wah ini.

Tugas Rasul Ialah Tabligh

Rasulullah s.a.w. disuruh mengumumkan hakikat yang agung ini: **"Tiada siapa pun yang dapat melindungiku dari 'azab Allah dan aku tidak akan mendapat tempat perlindungan selain dari Allah."** Oleh itu, tiada lain kewajipanku melainkan bertindak menyampaikan da'wah dan menunaikan amanah ini. Inilah satu-satunya perlindungan bagiku. Sesungguhnya urusan da'wah ini bukanlah urusanku. Aku tidak mempunyai apa-apa habuan peribadi dalam urusan ini selain dari menyampaikannya kepada manusia. Aku tidak dapat melepaskan diri dari tugas tabligh ini, kerana aku dituntut melaksanakan tugas ini oleh Allah dan tiada siapa pun dapat melindungiku dari 'azab-Nya, dan tiada suatu yang dapat memberi naungan kepadaku melainkan bertindak, melaksanakan tugas tabligh dan menunaikan amanah Allah dengan sempurna.

Alangkah hebatnya dan alangkah seriusnya!

Tugas menyampaikan da'wah bukanlan tugas suka-rela, malah tugas itu adalah tugas yang ditaklif dan diwajibkan dengan penuh ketegasan, tugas yang tidak ada ruang untuk melarikan diri dari melaksanakannya kerana Allah berada di belakangnya.

Tugas da'wah untuk membawa hidayat dan kebaikan kepada manusia bukanlah didorong oleh motif mencari kenikmatan diri, tetapi tugas da'wah adalah tugas yang diperintah oleh Allah yang tidak boleh diabaikan dan tidak boleh disambut dengan teragak-agak. Tegasnya tugas da'wah merupakan suatu taklif dan suatu kewajipan.

Demikianlah jelasnya kedudukan tugas da'wah. Ia merupakan suatu taklif dan suatu kewajipan yang amat besar dan serius, di mana Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi berdiri di belakangnya.

Amaran Kepada Penentang Da'wah

وَمَن يَعْصِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَإِنَّ لَهُۥ نَارَ جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ

فِيهَآ أَبَدًا ﴿٢٣﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا رَأَوْاْ مَا يُوعَدُونَ فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ أَضْعَفُ
نَاصِرًا وَأَقَلُّ عَدَدًا ﴿٢٤﴾

"Dan barang siapa yang menderhakakan Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya balasannya ialah Neraka Jahannam. Mereka kekal di dalamnya untuk selama-lamanya, sehingga apabila mereka (kaum Musyrkkin) melihat 'azab yang dijanjikan kepada mereka, maka ketika itu mereka akan mengetahui penolong siapakah yang lebih lemah dan bilangan siapakah yang lebih sedikit?"(23-24)

Ini adalah satu amaran dan ancaman yang terbuka dan ancaman yang bersalut kepada orang-orang yang sampai da'wah kepada mereka, tetapi mereka menentang dan tidak mengikutinya walaupun diberitahu kepada mereka bahawa tugas menyampaikan da'wah itu adalah suatu tugas yang tegas dan berat.

Andainya kaum Musyrikin berbangga dengan kekuatan dan bilangan mereka yang ramai dibandingkan dengan kekuatan Nabi Muhammad s.a.w. dan bilangan orang-orang Mu'min yang kecil yang ada bersama beliau, maka mereka akan mengetahui apabila mereka melihat 'azab yang dijanjikan kepada mereka kelak sama ada di dunia ataupun di Akhirat siapakah yang lebih lemah dan bilangan siapakah yang lebih kecil atau puak manakah yang lemah dan tewas di antara dua puak itu.

Kita kembali semula kepada perkataan jin, di sini kita dapati mereka berkata:

وَأَنَّا ظَنَنَّآ أَن لَّن نُّعْجِزَ ٱللَّهَ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَن نُّعْجِزَهُۥ
هَرَبًا ﴿١٢﴾

"Dan sesungguhnya kami yakin bahawa kami tidak akan dapat melemahkan Allah di bumi dan tidak akan dapat lari melepaskan diri dari kekuasaan-Nya."(12)

Kita dapati ulasan mereka itu selaras dengan kisah dan kita dapati kisah ini memang sesuai untuk diulas begitu. Oleh itu, ulasan ini merupakan satu ulasan yang tepat dengan masanya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 26)

Kemudian Rasulullah s.a.w. diperintah supaya membersihkan diri dan berlepas tangan dari mendakwa mengetahui perkara-perkara di alam ghaib:

قُلْ إِنْ أَدْرِىٓ أَقَرِيبٌ مَّا تُوعَدُونَ أَمْ يَجْعَلُ لَهُۥ رَبِّىٓ أَمَدًا ﴿٢٥﴾

"Katakanlah aku tidak mengetahui sama ada 'azab yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat atau Tuhanku menetapkan satu masa yang masih jauh lagi untuknya." (25)

Rasulullah Tidak Mengetahui Urusan Alam Ghaib

Urusan da'wah bukan urusan beliau dan beliau tidak mempunyai apa-apa habuan peribadi dalam urusan da'wah itu selain dari tugas menyampaikannya sebagai menjunjung perintah taklif dan sebagai langkah melindungkan dirinya di tempat yang selamat, dan beliau tidak akan selamat melainkan apabila beliau menyampaikan tugas tabligh dan menunaikan amanah Allah. Balasan 'azab yang dijanjikan kepada · mereka yang menderhaka dan mendustakan pengajaran Allah itu juga dari perintah Allah, tidak ada campurtangan dari beliau. Beliau sendiri tidak tahu bilakah masa 'azab yang dijanjikan itu adakah sudah dekat atau masih jauh kerana telah dilanjutkan Allah? Semuanya itu merupakan urusan ghaib yang tersimpan di dalam ilmu Allah sahaja dan tidak diketahui oleh semesta alam:

عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

"Dialah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib dan Dia tidak menzahirkan pengetahuan ghaib-Nya itu kepada sesiapa pun."(26)

Nabi Muhammad s.a.w. tidak mempunyai apa-apa sifat selain dari sifat 'Ubudiyah iaitu beliau hanya hamba Allah. Itulah sahaja sifatnya yang paling tinggi dan paling mulia. Kefahaman Islam bersih dari segala kekeliruan dan kesamaran. Rasulullah s.a.w. telah diperintah menyampaikan hakikat ini:

قُلْ إِنْ أَدْرِىٓ أَقَرِيبٌ مَّا تُوعَدُونَ أَمْ يَجْعَلُ لَهُۥ رَبِّىٓ أَمَدًا ﴿٢٥﴾
عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِۦٓ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah: Aku tidak mengetahui sama ada 'azab yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat atau Tuhanku menetapkan satu masa yang masih jauh lagi untuknya. Dialah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib dan Dia tidak menzahirkan pengetahuan ghaib-Nya itu kepada sesiapa pun."(25-26)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 28)

Urusan-urusan Ghaib Didedahkan Allah Sekadar Yang Diperlukan

Di sana hanya ada satu sahaja pengecualian, di mana Allah mengizinkan para rasul-Nya mengetahui perkara-perkara ghaib sekadar untuk menolong mereka dalam tugas menyampaikan da'wah Allah kepada manusia. Wahyu-wahyu yang disampaikan kepada mereka merupakan perkara-perkara ghaib yang ada di dalam ilmu Allah. Allah dedahkan perkara-perkara ghaib itu kepada mereka pada masanya yang sesuai dan sekadar yang diperlukan mereka sahaja. Allah mengawal dan mengawasi mereka sewaktu mereka menyampaikannya kepada manusia. Rasulullah s.a.w. telah diperintah mengumumkan hakikat ini secara serius dan menggentarkan:

إِلَّا مَنِ ٱرۡتَضَىٰ مِن رَّسُولٖ فَإِنَّهُۥ يَسۡلُكُ مِنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦ رَصَدٗا ﴿٢٧﴾
لِّيَعۡلَمَ أَن قَدۡ أَبۡلَغُواْ رِسَٰلَٰتِ رَبِّهِمۡ وَأَحَاطَ بِمَا لَدَيۡهِمۡ وَأَحۡصَىٰ كُلَّ شَيۡءٍ عَدَدَۢا ﴿٢٨﴾

"Melainkan kepada rasul yang dipilih dan diredhai oleh-Nya, maka sesungguhnya Dia meletakkan malaikat-malaikat pengawal di hadapan dan di belakangnya (27). Agar Dia mengetahui bahawa rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan mereka dan mengetahui segala apa yang ada pada mereka dan menghitungkan segala sesuatu dengan terperinci."(28)

Rasul-rasul yang dipilih dan diredhai Allah untuk menyampaikan da'wah-Nya akan dibuka kepada mereka sebahagian dari pengetahuan ghaib-Nya iaitu pengetahuan mengenai wahyu, maudhu' wahyu dan cara disampaikan wahyu, para malaikat yang membawa wahyu, sumber wahyu dan bagaimana wahyu itu dipelihara di dalam Lauh Mahfuz dan sebagainya dari perkara-perkara yang berkaitan dengan kerasulan mereka yang tersimpan di dalam alam ghaib yang tidak diketahui oleh sesiapa pun.

Para Rasul Dikawal Dengan Rapi

Serentak dengan itu juga Allah lingkungi rasul-rasul itu dengan malaikat-malaikat pengawal untuk memelihara dan menjaga mereka dari godaan dan bisikan-bisikan Iblis, juga untuk memelihara mereka dari bisikan-bisikan dan angan-angan nafsu mereka dan seterusnya untuk memelihara mereka dari kelemahan-kelemahan manusia terhadap da'wah dan dari kelupaan dan penyelewengan. Ungkapan **"Sesungguhnya Dia meletakkan malaikat-malaikat pengawal di hadapan dan di belakangnya"** menggambarkan kawalan dan pengawasan yang sempurna terhadap Rasulullah s.a.w. semasa beliau menjalankan tugas da'wah yang agung itu. **"Agar Dia mengetahui bahawa rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhan mereka."**

Dan Allah itu memang mengetahui, tetapi yang dimaksudkan dengan mengetahui dalam ayat ini ialah untuk menjelaskan bahawa tabligh itu telah dilaksanakan mereka dan dengan ini tertakluklah tabligh itu kepada ilmu Allah di alam kenyataan.

وَأَحَاطَ بِمَا لَدَيۡهِمۡ

"Dan Dia mengetahui segala apa yang ada pada mereka."(28)

Yakni segala sesuatu yang tersemat di dalam jiwa mereka dan segala sesuatu yang berlaku dalam kehidupan mereka atau berlaku di sekeliling mereka adalah tidak terkeluar dari ilmu Allah.

وَأَحۡصَىٰ كُلَّ شَيۡءٍ عَدَدَۢا ﴿٢٨﴾

"Dan menghitungkan segala sesuatu dengan terperinci."(28)

Ilmu Allah bukannya terhenti di sekitar segala sesuatu yang ada pada rasul-rasul malah ilmu-Nya meliputi segala-galanya baik dari segi hitungan atau bilangan. Itulah ilmu yang halus dan paling meliputi.

Ayat ini menggambarkan bahawa rasul itu dikawal dengan penjaga-penjaga, dan ilmu Allah itu mengetahui segala apa yang ada padanya dan segala apa yang ada di sekelilingnya. Rasul menerima tugas da'wah selaku seorang tentera yang tidak mempunyai pilihan yang selain dari menyampaikannya kepada manusia. Dia pasti meneruskan perjuangannya tanpa tunduk kepada kehendak hatinya dan kehendak kelemahannya, tanpa tunduk kepada kehendak keinginannya dan kehendak kesukaan dan keredhaannya. Itulah gambaran tugas da'wah yang serius, keras dan dikawal rapi. Dia mengetahui hakikat ini kerana itu dia berjuang terus dan lurus tanpa menoleh ke sana ke mari. Dia tahu para pengawal mengelilingi dirinya. Dia tahu bahawa dia sentiasa terdedah kepada ilmu dan pengetahuan Allah.

Situasi ini mencetuskan rasa simpati terhadap rasul di samping mencetuskan rasa gerun terhadap urusan da'wah yang amat penting ini.

Surah ini diakhiri dengan nada ungkapan yang hebat dan menggerunkan. Perasaaan gentar dan gerun itu telah pun bermula dengan jelas ketika menceritakan perkataan-perkataan jin yang panjang lebar itu yang penuh dengan kesan-kesan rasa gentar dan bimbang.

* * * * * *

Dengan nada ayat yang hebat ini berakhirlah surah ini yang dimulakan dengan kisah yang indah, mengocakkan perasaan dan merangsangkan perasaan kaget yang dapat dihayati dengan jelas di dalam penceritaan yang panjang, dan terperinci serta penuh dengan implikasi-implikasi rasa takjub, kaget dan terharu.

Surah Yang Memuatkan Hakikat-hakikat Asasi 'Aqidah Muslim

Surah yang tidak lebih dari dua puluh lapan ayat ini telah memuat hakikat-hakikat asasi untuk membentuk 'aqidah Muslim dan untuk mewujudkan kefahamannya yang jelas, imbang dan lurus, iaitu kefahaman yang tidak keterlaluan dan tidak pula meleset, kefahaman yang tidak menutup pintu-pintu ilmu pengetahuan dan tidak pula berkejar-kejar di belakang dongeng-dongeng dan tanggapan-tanggapan yang karut-marut.

Amatlah benar kata-kata kumpulan jin yang mendengar bacaan Al-Qur'an itu ketika mereka berkata:

إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾
يَهْدِىٓ إِلَى ٱلرُّشْدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦ ۖ

"Sesungguhnya kami telah mendengar satu bacaan yang amat menakjubkan, yang membimbing ke jalan hidayat. Oleh itu, kami beriman dengannya."(1-2)

* * * * * *

JUZU' KE-29

SURAH AL-MUZZAMMIL

SURAH KE

73

سُورَةُ المُزَّمِّل

SURAH AL-MUZZAMMIL

Surah (Rasul) Yang Berselimut

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

20

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُزَّمِّلُ ﴿١﴾ قُمِ ٱلَّيْلَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾
نِّصْفَهُۥٓ أَوِ ٱنقُصْ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾
أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ ٱلْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾
إِنَّا سَنُلْقِى عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾
إِنَّ نَاشِئَةَ ٱلَّيْلِ هِىَ أَشَدُّ وَطْـًٔا وَأَقْوَمُ قِيلًا ﴿٦﴾
إِنَّ لَكَ فِى ٱلنَّهَارِ سَبْحًا طَوِيلًا ﴿٧﴾
وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَبْتِيلًا ﴿٨﴾
رَّبُّ ٱلْمَشْرِقِ وَٱلْمَغْرِبِ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱتَّخِذْهُ وَكِيلًا ﴿٩﴾
وَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَٱهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا ﴿١٠﴾

"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangunlah (mendirikan solat) di malam hari kecuali sedikit waktu darinya(2). Iaitu separuh malam atau kurangkan sedikit darinya(3). Atau tambahkannya dari separuh dan bacalah Al-Qur'an itu dengan bacaan yang teliti(4). Sesungguhnya Kami akan turunkan kepadamu firman-firman yang berat(5). Sesungguhnya bangun beribadat di waktu malam itu adalah lebih memenatkan dan lebih jelas bacaannya(6). Sesungguhnya untukmu di siang hari kesibukan yang panjang(7). Dan sebutlah nama Tuhanmu dan tumpukan ibadat kepada-Nya dengan tumpuan yang sempurna(8). Dialah Tuhan Timur dan Barat, tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu, ambillah Allah sebagai pelindung(9). Dan bersabarlah terhadap perkataan-perkataan mereka (yang menyakitkan hati). Dan jauhilah mereka dengan cara yang baik."(10).

وَذَرْنِى وَٱلْمُكَذِّبِينَ أُو۟لِى ٱلنَّعْمَةِ وَمَهِّلْهُمْ قَلِيلًا ﴿١١﴾
إِنَّ لَدَيْنَآ أَنكَالًا وَجَحِيمًا ﴿١٢﴾
وَطَعَامًا ذَا غُصَّةٍ وَعَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣﴾
يَوْمَ تَرْجُفُ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ وَكَانَتِ ٱلْجِبَالُ كَثِيبًا
مَّهِيلًا ﴿١٤﴾
إِنَّآ أَرْسَلْنَآ إِلَيْكُمْ رَسُولًا شَٰهِدًا عَلَيْكُمْ كَمَآ أَرْسَلْنَآ
إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ﴿١٥﴾
فَعَصَىٰ فِرْعَوْنُ ٱلرَّسُولَ فَأَخَذْنَٰهُ أَخْذًا وَبِيلًا ﴿١٦﴾
فَكَيْفَ تَتَّقُونَ إِن كَفَرْتُمْ يَوْمًا يَجْعَلُ ٱلْوِلْدَٰنَ
شِيبًا ﴿١٧﴾
ٱلسَّمَآءُ مُنفَطِرٌۢ بِهِۦ ۚ كَانَ وَعْدُهُۥ مَفْعُولًا ﴿١٨﴾
إِنَّ هَٰذِهِۦ تَذْكِرَةٌ ۖ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ
سَبِيلًا ﴿١٩﴾
إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقُومُ أَدْنَىٰ مِن ثُلُثَىِ ٱلَّيْلِ وَنِصْفَهُۥ وَثُلُثَهُۥ
وَطَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلَّذِينَ مَعَكَ ۚ وَٱللَّهُ يُقَدِّرُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ۚ عَلِمَ
أَن لَّن تُحْصُوهُ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۖ فَٱقْرَءُوا۟ مَا تَيَسَّرَ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ ۚ
عَلِمَ أَن سَيَكُونُ مِنكُم مَّرْضَىٰ ۙ وَءَاخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِى
ٱلْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ ۙ وَءَاخَرُونَ يُقَٰتِلُونَ فِى
سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ فَٱقْرَءُوا۟ مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ ۚ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟
ٱلزَّكَوٰةَ وَأَقْرِضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا ۚ وَمَا تُقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُم مِّنْ
خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا ۚ وَٱسْتَغْفِرُوا۟ ٱللَّهَ ۖ
إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌۢ ﴿٢٠﴾

"Dan biarlah Aku sahaja bertindak terhadap pendusta-pendusta yang mempunyai kemewahan hidup itu dan berilah tempoh kepada mereka sebentar(11). Sesungguhnya di sisi Kami tersedia belenggu-belenggu dan Neraka yang bernyala-nyala (12). Dan makanan yang mencekikkan kerongkong dan 'azab yang amat pedih(13). Pada hari bumi dan gunung-ganang bergegar dan bukit-bukit menjadi timbunan pasir yang bertaburan(14). Sesungguhnya Kami telah utuskan kepada kamu seorang rasul yang akan menjadi saksi di atas kamu, sebagaimana Kami telah utuskan rasul kepada Fir'aun(15). Lalu dia menderhakakan rasul itu, oleh itu, Kami binasakannya dengan kebinasaan yang dahsyat(16). Oleh itu, bagaimana kamu dapat memelihara diri kamu - jika kamu tidak beriman - dari 'azab hari Qiamat yang menjadikan kanak-kanak itu beruban(17). Langit menjadi hancur dengan sebab hari itu dan janji Allah tetap terkota(18). Sesungguhnya ayat-ayat Al-Qur'an ini suatu peringatan. Oleh itu siapa yang mahu hendaklah ia mengambil jalan yang membawa kepada Tuhannya (19). Sesungguhnya Tuhanmu mengetahui bahawa engkau bangun bersembahyang kurang dari dua pertiga malam dan kadang-kadang separuh malam dan kadang-kadang satu pertiga malam, dan begitu juga sekumpulan dari mereka yang ada bersama engkau. Dan Allahlah yang menentukan kadar waktu malam dan siang itu. Allah mengetahui bahawa kamu tidak dapat menentukan dengan tepat batas-batas waktu malam itu, oleh itu, Allah kembali memberi keringanan kepada kamu. Dari itu bacalah apa-apa yang mudah dari Al-Qur'an. Allah mengetahui akan ada di antara kamu segolongan orang yang sakit dan ada pula orang yang akan menjelajah di bumi kerana mencari rezeki dari limpah kurnia Allah. Dan segolongan yang lain akan berperang kerana Sabilullah. Dari itu bacalah apa-apa yang mudah dari Al-Qur'an, dan dirikan solat, keluarkan zakat dan pinjamkanlah kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas). Dan apa sahaja kebajikan yang kamu lakukan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya di sisi Allah dengan balasan yang sebaik-baiknya dan pahala yang sebesar-besarnya. Dan pohonlah keampunan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(20).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Menurut satu riwayat, sebab turunnya surah ini ialah pemimpin-pemimpin Quraisy telah berkumpul di Darun-Nadwah (Dewan Persidangan) merancangkan langkah-langkah jahat untuk menentang Rasulullah s.a.w. dan da'wah yang dibawa kepada mereka. Apabila berita ini sampai kepada Rasulullah s.a.w. beliau pun berdukacita lalu berselimut dan tidur dengan keadaan runsing. Pada masa inilah datang Jibril a.s. membawa bahagian pertama dari surah ini iaitu ayat 1 hingga ayat 19.

Dan bahagian yang kedua diturun lewat kemudian iaitu ayat 20.

Ayat ini telah diturunkan genap setahun kemudian iaitu ketika Rasulullah s.a.w. bersama-sama dengan sekumpulan pengikutnya bangkit di waktu malam kerana mendirikan solat sehingga kaki-kaki mereka menjadi bengkak, lalu turunlah ayat yang meringankan mereka di dalam bahagian yang kedua ini selepas dua belas bulan kemudian.

Di sana ada satu riwayat yang lain, yang sama dengan riwayat mengenai sebab turunnya Surah al-Muddaththir sebagaimana akan diterangkan apabila dibicarakan surah itu kelak.

Beribadat Di Gua Hira'

Intisari dari riwayat ini ialah Rasulullah s.a.w. bertahannuth iaitu menyuci diri dan beribadat di Gua Hira', iaitu tiga tahun sebelum beliau dibangkitkan menjadi rasul. Masa ibadatnya ialah selama sebulan dalam setiap tahun, iaitu sebulan Ramadhan. Dalam bulan ini beliau pergi ke Gua Hira' yang terletak kira-kira dua batu dari Makkah bersama keluarganya yang berada berhampiran dengannya. Beliau tinggal di sana sepanjang bulan ini memberi makanan kepada orang-orang miskin yang datang kepadanya dan menghabiskan waktunya beribadat, berfikir dan merenungi pemandangan-pemandangan alam di sekelilingnya dan kuasa pencipta yang wujud di sebaliknya. Beliau tidak senang dengan kepercayaan-kepercayaan syirik kaumnya yang lemah, tetapi beliau tidak mendapat suatu jalan yang terang, jelas dan memuaskan hatinya.

Keputusan Rasulullah s.a.w. untuk ber'uzlah atau memencilkan dirinya itu merupakan sebahagian dari tadbir Allah untuk menyiapkan diri beliau bagi memikul tugas da'wah yang amat besar kelak. Dengan pengasingan diri ini beliau dapat bersungguh dengan dirinya, dapat membebaskan dirinya dari kesibukan-kesibukan hidup dan desakan-desakannya yang remeh-temeh dan dapat menumpukan perhatiannya kepada kejadian-kejadian alam yang banyak memberi ilham di samping mengamati bukti-bukti ciptaan Allah yang amat indah. Rohnya dapat menjelalah bersama roh alam buana, dapat berpeluk dengan keindahan dan kesempurnaan kejadian-kejadian itu dan dapat berinteraksi dengan hakikat agung, di samping berlatih berinteraksi bersamanya dengan penuh kefahaman dan pengertian.

'Uzlah Suatu Keperluan Kepada Bakal Pemimpin Agung Manusia

Bagi manusia yang berjiwa besar yang dipilih untuk membawa perubahan kepada kehidupan umat manusia ke satu arah yang lain pastilah ber'uzlah atau memencilkan diri untuk beberapa waktu, dan memutuskan hubungannya dengan kesibukan-kesibukan hidup dan dukalara manusia yang remeh-temeh mengganggu kehidupan.

Manusia yang berjiwa besar itu pastilah ber'uzlah selama satu jangka waktu untuk bersemadi, mengheningkan cipta, memerhati dan meneliti, berfikir dan merenungi alam buana yang lebar dan hakikat-hakikatnya yang luas, kerana penenggelaman diri dalam kesibukan kehidupan akan membuat jiwa seseorang itu terbiasa dan lalai dengannya, kerana itu ia tidak lagi cuba dan berusaha mengubahkannya. Tetapi 'uzlah atau pemencilan dari kesibukan dan hidup bebas dari segala belenggu dan gangguan-gangguan yang remeh-temeh itulah yang akan memberi peluang kepada manusia berjiwa besar untuk melihat hakikat-hakikat yang lebih besar dan untuk melatihkan dirinya berdikari dan menyedari

kesepaduan dirinya tanpa memerlukan kepada adat resam manusia dan untuk mengambil pedoman-pedoman dari satu sumber yang lain dari sumber adat resam yang lumrah itu.

Demikianlah Allah mengaturkan persediaan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan melengkapkan dirinya untuk memikul amanah da'wah yang agung, untuk mengubahkan permukaan bumi dan untuk menukarkan perjalanan sejarah. Allah telah mengaturkan 'uzlah ini kepada beliau tiga tahun sebelum ia ditugaskan menjadi Rasul. Selama sebulan dalam 'uzlah itu beliau menjelajah bersama roh alam buana yang bebas lepas, mengheningkan ciptanya memikirkan hakikat alam ghaib yang tersembunyi di sebalik alam buana raya itu hingga tiba waktunya, di mana beliau diizinkan Allah untuk berinteraksi dengan alam ghaib itu.

Menerima Kunjungan Jibril Membawa Wahyu Pertama

Apabila Allah menyatakan iradat-Nya dan memberi keizinan untuk melimpahkan rahmat-Nya ini kepada umat manusia, maka datanglah Jibril a.s. menemui Nabi s.a.w. di dalam Gua Hira'. Kisah pertemuan ini telah diceritakan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq dari Wahb ibn Kisan dan 'Ubayd katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

"Lalu Jibril datang kepadaku sewaktu aku sedang tidur. Dia membawa bekas dari kain berokid yang mengandungi sebuah kitab. Dia berkata kepada Aku: Bacalah! Lalu aku menjawab: Aku tidak tahu membaca." Sabda beliau: **"Jibril terus memelukku dengan kuat sehingga aku fikir aku akan mati, kemudian dia melepaskan aku sambil berkata: Bacalah! Aku jawab lagi: Aku tidak tahu membaca."** Sabda beliau: **"Jibril memelukku lagi dengan kuat sehingga aku fikir aku akan mati, kemudian dia melepaskan aku semula seraya berkata: Bacalah! Aku terus menjawab: Aku tidak tahu membaca."** Sabda beliau: **Dia memelukku lagi dengan kuat sehingga aku fikir aku akan mati, kemudian ia melepaskan aku kembali dan berkata: Bacalah! Aku terus menjawab: Aku hendak baca apa?"** Sabda beliau: **"Aku menjawab begitu untuk mengelakkannya dari memelukku sekali lagi, lalu ia berkata:**

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

خَلَقَ الْإِنسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾

اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾

الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾

عَلَّمَ الْإِنسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

"(Wahai Muhammad!) Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (seluruh makhluk)(1). Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah(2). Bacalah dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah(3). Yang mengajar dengan pena(4). Ia mengajar manusia ilmu pengetahuan yang tidak diketahuinya."(5)

(Surah al-'Alaq: 1-5)

Rasulullah Melihat Jibril Di Kaki Langit

Sabda beliau: **"Lalu aku membacanya hingga selesai dan kemudian dia berundur dariku. Aku pun bangkit dari tidurku dan ayat-ayat itu seolah-olah ditulis dengan jelas di dalam hatiku."** Sabda beliau: **"Lalu aku pun keluar dari gua itu dan apabila aku sampai di pertengahan bukit aku dengar suara dari langit berkata: Wahai Muhammad! Engkaulah utusan Allah dan aku ialah Jibril."** Sabda beliau: **"Aku mendongakkan kepalaku ke langit, tiba-tiba aku nampak Jibril menjelma dalam rupa seorang lelaki mengatur dua tapak kakinya di kaki langit dan berkata: Wahai Muhammad! Engkaulah utusan Allah dan akulah Jibril."** Sabda beliau: **"Aku berdiri melihatnya tanpa bergerak-gerak ke depan atau ke belakang, kemudian aku palingkan mukaku darinya melihat kaki-kaki langit."** Sabda beliau: **"Tetapi aku tidak melihat mana-mana arah kaki-kaki langit itu melainkan aku nampak dia berada di sana. Oleh itu aku terus berdiri tanpa bergerak-gerak ke depan atau ke belakang, sehingga Khadijah menghantarkan utusannya mencariku. Mereka sampai ke hulu Makkah kemudian pulang semula kepada Khadijah, sedangkan aku masih terus berdiri di tempat itu. Kemudian Jibril berundur dariku dan aku pun pulang kepada keluargaku dan mendapatkan Khadijah, lalu aku duduk bersandar ke pahanya. Dia berkata kepadaku: Wahai Abul-Qassim ke mana abang pergi? Demi Allah dinda telah mengirim orang-orang mencari kekanda hingga ke Makkah dan mereka balik semula kepada adinda. Kemudian aku menceritakan kepadanya apa yang aku telah lihat lalu ia berkata: Terimalah berita gembira itu, wahai anak kemanakkanku, dan teguhkan hati kekanda, demi nyawa Khadijah di tangan Allah, adinda harap kekandalah yang akan menjadi Nabi umat ini."**

Kemudian wahyu kepada Nabi s.a.w. terputus seketika hingga beliau berada di bukit itu sekali lagi. Di sana beliau melihat Jibril dan tubuhnya terus menggigit hingga beliau melutut dan jatuh ke tanah, kemudian beliau terus pulang kepada keluarganya dengan keadaan gementar sambil berkata, "Selimutkan aku! Selimutkan aku!" Dan beliau terus

menggigil kerana terlalu cemas dan tiba-tiba Jibril menyerunya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمُزَّمِّلُ ١

"Wahai orang yang berselimut!"(1)

(Menurut satu riwayat Surah al-Muddaththir, Allah sahaja yang tahu manakah satunya yang tepat).

Rasulullah Diseru Bangkit Berjuang

Sama ada riwayat yang pertama atau riwayat yang kedua ini yang betul mengenai sebab turunnya bahagian awal surah ini, namun yang pastinya ialah Rasulullah s.a.w. telah mengetahui bahawa di sana tidak ada lagi masa tidur, malah yang ada di sana ialah tugas yang berat dan perjuangan yang panjang sejak ia diseru supaya bangun dan jangan tidur.

Rasulullah s.a.w. telah diseru **"Bangunlah!"** Lalu beliau pun bangun dari tidurnya dan terus bangun selama lebih dari dua puluh tahun tanpa berehat, tanpa bersenang dan tanpa hidup untuk memperjuangkan kesenangan dirinya dan kesenangan keluarganya. Beliau terus bangun memperjuangkan da'wah Allah dan memikul di atas bahunya tugas yang amat besar dan berat, iaitu tugas amanah teragung di bumi ini, tugas memimpin seluruh umat manusia, tugas menegakkan 'aqidah seluruhnya dan tugas berjuang dan berjihad di dalam berbagai-bagai bidang.

Beliau memikul tugas berjuang dan berjihad dalam medan hati nurani manusia yang tenggelam di dalam kepercayaan-kepercayaan jahiliyah dan persepsi-persepsinya yang karut-marut, hati nurani manusia yang terbeban dengan cita-cita dan kenikmatan bumi yang menarik dan hati nurani manusia yang dirantai dengan belenggu-belenggu nafsu syahwat. Apabila hati sebahagian dari sahabat-sahabatnya telah bersih dari sampah sarap jahiliyah dan kekotoran kehidupan dunia, beliau memulakan pula satu perjuangan yang lain di medan yang lain pula, malah terus berjuang di dalam berbagai medan perjuangan yang bersambung-sambung menentang musuh-musuh da'wah Allah yang bersatu padu untuk menghancurkan da'wah dan orang-orang yang beriman kepada-Nya. Musuh-musuh itu bercita-cita untuk membunuh anak pokok da'wah dari tempat semaiannya lagi sebelum ia membesar subur menghulurkan akar-akarnya di bumi dan melepaskan cabang-cabangnya di udara meneduhi kawasan-kawasan yang luas. Sebaik sahaja beliau selesai dari perjuangannya di Semenanjung Tanah Arab, tampil pula kerajaan Rom bersiap sedia untuk memerangi umat Islam yang baru itu di kawasan-kawasan perbatasannya di bahagian utara.

Dalam masa mengharungi semua perjuangan ini, maka perjuangan pertama iaitu perjuangan di medan hati nurani tidak pernah tamat, kerana perjuangan di medan ini merupakan satu medan perjuangan yang kekal abadi yang dipimpin oleh syaitan sendiri. Ia tidak pernah lalai sedetik pun melakukan kegiatan-kegiatannya di lubuk hati manusia. Nabi Muhammad s.a.w. yang memperjuangkan da'wah Allah dan mengharungi perjuangan-perjuangan yang tidak putus-putus di dalam berbagai-bagai medan itu adalah hidup dalam kesulitan dan kejerihan walaupun kesenangan hidup dunia berada di hadapannya, dan orang-orang Islam menikmati kesenangan hidup di bawah naungan keamanan dan kerehatan di sekeliling beliau. Beliau sentiasa berada dalam kepenatan perjuangan yang tidak putus-putus. Beliau menghadapinya dengan penuh tabah dan sabar. Beliau bangkit di waktu malam mengerjakan ibadat solat dan membaca Al-Qur'an dengan teliti sebagaimana diperintah Allah yang telah menyerunya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمُزَّمِّلُ ١ قُمِ ٱلَّيۡلَ إِلَّا قَلِيلٗا ٢
نِّصۡفَهُۥٓ أَوِ ٱنقُصۡ مِنۡهُ قَلِيلًا ٣
أَوۡ زِدۡ عَلَيۡهِ وَرَتِّلِ ٱلۡقُرۡءَانَ تَرۡتِيلًا ٤
إِنَّا سَنُلۡقِي عَلَيۡكَ قَوۡلٗا ثَقِيلًا ٥

"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangunlah (mendirikan solat) di malam hari kecuali sedikit waktu darinya(2). Iaitu separuh malam atau kurangkan sedikit darinya(3). Atau tambahkannya dari separuh dan bacalah Al-Qur'an itu dengan bacaan yang teliti(4). Sesungguhnya Kami akan turunkan kepadamu firman-firman yang berat."(5)

إِنَّ نَاشِئَةَ ٱلَّيۡلِ هِيَ أَشَدُّ وَطۡـٔٗا وَأَقۡوَمُ قِيلًا ٦
إِنَّ لَكَ فِي ٱلنَّهَارِ سَبۡحٗا طَوِيلٗا ٧
وَٱذۡكُرِ ٱسۡمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلۡ إِلَيۡهِ تَبۡتِيلٗا ٨
رَّبُّ ٱلۡمَشۡرِقِ وَٱلۡمَغۡرِبِ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱتَّخِذۡهُ وَكِيلٗا ٩
وَٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَٱهۡجُرۡهُمۡ هَجۡرٗا جَمِيلٗا ١٠

"Sesungguhnya bangun beribadat di waktu malam itu adalah lebih memenatkan dan lebih jelas bacaannya(6). Sesungguhnya untukmu di siang hari kesibukan yang panjang(7). Dan sebutlah nama Tuhanmu dan tumpukan ibadat kepada-Nya dengan tumpuan yang sempurna(8). Dialah Tuhan Timur dan Barat, tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu, ambillah Allah sebagai pelindung(9). Dan bersabarlah terhadap perkataan-perkataan mereka (yang menyakitkan hati). Dan jauhilah mereka dengan cara yang baik."(10)

Demikianlah Nabi Muhammad s.a.w. bangun dari tidurnya dan terus hidup di dalam perjuangan yang bersambung-sambung lebih dari dua puluh tahun tidak pernah lalai dan cuai di sepanjang masa itu sejak ia diseru Allah dan menerima tugas yang amat berat itu. Semoga Allah memberi sebesar-besar balasan kepadanya bagi pihak kita semua dan umat manusia seluruhnya.

* * * * * *

Di Antara Bahagian Pertama Dan Bahagian Kedua Surah

Bahagian pertama surah ini berlangsung dengan satu irama yang sama dan hampir-hampir diakhiri dengan suku kata akhir yang sama, iaitu huruf ل (lam) yang memanjang yang mengeluarkan irama yang lembut dan hebat sesuai dengan kehebatan tugas, keseriusan urusan da'wah serta berbagai-bagai kejutan yang berturut-turut, dibentangkan penjelasan Al-Qur'an seperti kejutan firman-firman yang berat dan kejutan ancaman yang menakutkan:

وَذَرْنِي وَالْمُكَذِّبِينَ أُولِي النَّعْمَةِ وَمَهِّلْهُمْ قَلِيلًا ﴿١١﴾

إِنَّ لَدَيْنَا أَنكَالًا وَجَحِيمًا ﴿١٢﴾

وَطَعَامًا ذَا غُصَّةٍ وَعَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣﴾

"Dan biarlah aku sahaja bertindak terhadap pendusta-pendusta yang mempunyai kemewahan hidup itu dan berilah tempoh kepada mereka sebentar(11). Sesungguhnya di sisi Kami tersedia belenggu-belenggu dan Neraka yang bernyala-nyala(12). Dan makanan yang mencekikkan kerongkong dan 'azab yang amat pedih."(13)

Juga kejutan situasi yang muncul dalam pemandangan-pemandangan alam dan lubuk hati manusia:

يَوْمَ تَرْجُفُ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ وَكَانَتِ الْجِبَالُ كَثِيبًا مَّهِيلًا ﴿١٤﴾

"Pada hari bumi dan gunung-ganang bergegar dan bukit-bukit menjadi timbunan pasir yang bertaburan."(14)

فَكَيْفَ تَتَّقُونَ إِن كَفَرْتُمْ يَوْمًا يَجْعَلُ الْوِلْدَانَ شِيبًا ﴿١٧﴾

"Oleh itu, bagaimana kamu dapat memelihara diri kamu - jika kamu tidak beriman - dari 'azab hari Qiamat yang menjadikan kanak-kanak itu beruban."(17)

السَّمَاءُ مُنفَطِرٌ بِهِ ۚ كَانَ وَعْدُهُ مَفْعُولًا ﴿١٨﴾

"Langit menjadi hancur dengan sebab hari itu, dan janji Allah tetap terkota."(18)

Adapun ayat akhir yang panjang merupakan bahagian yang kedua surah ini, maka ia diturunkan selepas setahun Rasulullah s.a.w. bersama sekumpulan sahabat-sahabatnya bangun beribadat di waktu malam hingga bengkak kakinya dan kaki mereka. Pada masa ini beliau dan sahabat-sahabatnya sedang dilengkapkan Allah dengan persediaan-persediaan untuk memikul tugas besar yang disediakan untuk mereka. Ayat ini diturunkan untuk meringankan mereka dan mententeramkan mereka bahawa semuanya ini telah dipilihkan Allah mengikut ilmu dan hikmat-Nya yang mengetahui segala tugas dan kewajipan mereka yang telah ditetapkan Allah kepada mereka dalam ilmu-Nya. Ayat ini mempunyai susunan yang tersendiri. Kata-katanya panjang dan iramanya bergelombang luas membayangkan ketenangan dan ketenteraman dan berakhir dengan sebuah huruf yang sesuai dengan ketenangan itu iaitu huruf "م" yang didahului oleh "ي" yang panjang pada kata-kata "غفورٌ رحيم" .

* * * * * *

Surah ini dengan dua bahagiannya menayangkan selembar sejarah da'wah Islam yang bermula dengan seruan Allah yang menyerahkan tugas da'wah yang amat besar kepada Rasulullah s.a.w. dan amalan-amalan penyediaan diri untuk memikul tugas itu, iaitu bangun di waktu malam mengerjakan ibadat solat, membaca Al-Qur'an, berzikir dengan khusyu' dan menumpukan ingatannya kepada Allah semata-mata, bertawakkal kepada Allah Yang Tunggal, sabar menerima tentangan-tentangan, menjauhi pendusta-pendusta dengan cara yang baik dan menyerahkan urusan bertindak ke atas mereka kepada Allah Yang Maha Berkuasa, yang memegang teraju da'wah dan perjuangan da'wah.

Kemudian berakhir dengan belaian kasih sayang, pemberian kemudahan dan keringanan, arahan-arahan mengerjakan keta'atan-keta'atan dan tawaran rahmat dan keampunan:

إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(20)

Ia menggambarkan satu lembaran dari lembaran-lembaran perjuangan luhur yang dilakukan oleh sekelompok manusia pilihan untuk mengembalikan manusia yang sesat kepada Tuhannya, iaitu kelompok manusia yang sabar menerima tentangan, yang berjuang membersihkan hati, yang meninggalkan kenikmatan-kenikmatan hidup yang mempesona, kelazatan-kelazatan yang melekakan, kelinangan kedudukan dan kenyamanan tidur yang dinikmati oleh orang-orang yang kosong hidup mereka.

Sekarang marilah kita melihat surah ini melalui nas-nasnya yang indah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

يَا أَيُّهَا الْمُزَّمِّلُ ﴿١﴾

"Wahai orang yang berselimut!"(1)

قُمِ

"Bangunlah!"(2)

Bangunlah Sekarang Masa Berjuang

Itulah panggilan dari langit dan seruan dari Allah Yang Maha Tinggi. **"Bangunlah"** (قم) untuk memikul

tugas agung yang menunggumu dan untuk melaksanakan beban amanah yang berat yang disediakan untukmu. Bangunlah untuk berjuang dan berpenat lelah. Bangunlah! Masa tidur dan berehat telah berlalu. Bangunlah dan bersedialah untuk tugas ini.

Ia merupakan satu perintah yang amat penting dan hebat yang menarik keluar Rasulullah s.a.w. dari kehangatan selimut tidur dan dari rumah yang tenang ke dalam gelombang perjuangan di tengah-tengah berbagai gegaran dan ribut taufan dan di tengah-tengah pertentangan-pertentangan di dalam hati manusia dan dalam realiti kehidupan.

Seorang yang hidup untuk dirinya mungkin dapat hidup rehat, tetapi dia hidup kerdil dan mati kerdil, tetapi bagi manusia yang berjiwa besar yang memikul tugas yang agung ini, maka dia tidak lagi memperhitungkan persoalan-persoalan tidur, rehat, tilam yang hangat, kehidupan yang tenang dan kenikmatan yang selesa. Rasulullah s.a.w. telah pun menyedari hakikat tugas da'wah itu, kerana itu dia telah berkata kepada Siti Khadijah yang menyuruhnya bertenang dan tidur, "Wahai Khadijah, masa tidur telah berlalu." Ya, masa bersenang-senang dengan tidur telah berlalu dan tidak akan kembali lagi mulai hari ini. Masa kini ialah masa berjaga malam dan berpenat lelah dan masa perjuangan yang sulit dan panjang:

قُمِ ٱلَّيۡلَ إِلَّا قَلِيلٗا ٢
نِّصۡفَهُۥٓ أَوِ ٱنقُصۡ مِنۡهُ قَلِيلًا ٣
أَوۡ زِدۡ عَلَيۡهِ وَرَتِّلِ ٱلۡقُرۡءَانَ تَرۡتِيلًا ٤

"Bangunlah (mendirikan solat) di malam hari kecuali sedikit waktu darinya(2). Iaitu separuh malam atau kurangkan sedikit darinya(3). Atau tambahkannya dari separuh dan bacalah Al-Qur'an itu dengan bacaan yang teliti."(4)

Cara Rasulullah Melakukan Qiamul Layl

Itulah amalan-amalan menyediakan diri untuk tugas yang teragung yang diaturkan oleh Allah iaitu bangun beribadat di malam hari lebih dari separuh malam dan tidak sampai dua pertiga malam, dan sekurang-kurangnya sepertiga malam iaitu bangun beribadat mengerjakan solat dan membaca Al-Qur'an dengan teliti, iaitu membaca dengan memanjangkan suara dan mengelokkan bacaannya tanpa berlagu-lagu dan memain-mainkan irama.

Menurut riwayat yang sah, Rasulullah s.a.w. mengerjakan solat witir di waktu malam tidak lebih dari sebelas raka'at, tetapi beliau menghabiskan lapan raka'at itu dalam masa kurang sedikit dari dua pertiga malam, di mana beliau membaca Al-Qur'an dengan bacaan yang tartil.

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dalam musnad katanya:

Kami telah diceritakan oleh Yahya ibn Sa'id iaitu anak Abu 'Arubah dari Qatadah, dari Zararah ibn Awfa dari Sa'id ibn Hisyam bahawa ia telah datang menemui Ibn 'Abbas dan bertanya kepadanya tentang solat witir, lalu ia berkata: "Sukakah engkau jika aku memberitahu kepadamu seorang yang paling tahu tentang solat witir Rasulullah s.a.w. di dunia ini?" Jawabnya: 'Ya." Lalu Ibn 'Abbas berkata: "Temuilah Aisyah dan tanyakannya. Kemudian kembalilah menemuiku dan beritahu kepadaku apakah jawapan beliau kepadamu." .... kemudian Sa'id bin Hisyam bercerita: Aku pun berkata: "Wahai Ummul-Mu'minin! Ceritakan kepadaku tentang akhlak Rasulullah s.a.w. "Jawab beliau "Tidakkah engkau membaca Al-Qur'an?" Jawabku: "Ya". Kata beliau: "Akhlak Rasulullah s.a.w. ialah Al-Qur'an". Lalu aku pun hendak bangkit berundur, tiba-tiba timbul kepadaku persoalan bagaimana Rasulullah s.a.w. bangun beribadat di waktu malam, aku pun terus berkata, "Wahai Ummul-Mu'minin! Ceritakan kepadaku bagaimana Rasulullah s. a. w. bangun beribadat di waktu malam." Jawab beliau: "Tidakkah engkau baca surah (يايها المزمل) ? Jawabku, 'Ya". Kata beliau: "Sesungguhnya Allah telah memfardhukan bangun beribadat di waktu malam pada awal surah ini, lalu Rasulullah s.a.w. dan sabahat-sahabatnya bangun beribadat di waktu malam selama setahun hingga kaki-kaki mereka bengkak. Dan Allah telah menahan akhir surah ini di langit selama dua belas bulan. Kemudian Allah menurunkan perintah takhfif pada akhir surah ini dan jadilah amalan bangun beribadat di waktu malam itu sebagai ibadat sunat setelah ia menjadi ibadat fardhu." Kemudian aku pun hendak bangkit berundur, tiba-tiba timbul pula kepada aku persoalan bagaimana solat witir Rasulullah s.a.w., aku pun terus berkata: Wahai Ummul-Mu'minin! Ceritakan kepadaku solat witir Rasulullah s.a.w." Jawab beliau: "Kami sediakan untuk beliau kayu suginya dan air untuk bersuci. Kemudian beliau dibangunkan Allah mengikut waktu yang dikehendaki-Nya supaya ia bangun, lalu beliau bersugi kemudian mengambil wudhu', kemudian beliau bersembahyang lapan raka'at dan beliau tidak duduk melainkan pada raka'at yang kelapan di mana beliau duduk berzikir menyebut Tuhannya Yang Maha Tinggi dan berdo'a. Kemudian beliau bangkit tanpa salam. Kemudian beliau berdiri sembahyang raka'at yang kesembilan, kemudian duduk berzikir menyebut Allah Yang Tunggal, kemudian beliau berdo'a kepada-Nya, kemudian memberi salam dengan ucapan yang dapat didengar oleh kami, kemudian beliau sembahyang dua raka'at lagi selepas beliau memberi salam sedangkan beliau duduk, itulah sebelas raka'at semuanya, wahai anakku. Dan apabila Rasulullah s.aw. memasuki umur tua dan badannya menjadi gempal, beliau mengerjakan witir tujuh raka'at. Kemudian ia sembahyang dua raka'at lagi selepas salam, sedangkan beliau duduk. Itulah sembilan raka'at semuanya, wahai anakku. Dan kebiasaan Rasulullah s.a.w. apabila beliau mengerjakan sesuatu solat beliau mengerjakannya dengan tekun, dan jika beliau tidak dapat bangun

beribadat kerana tertidur atau sakit, beliau akan sembahyang di waktu siang hari sebanyak dua belas raka'at. Dan aku tidak tahu Rasulullah s.a.w. membaca sebuah Al-Qur'an semuanya dalam satu malam hingga sampai pagi dan berpuasa selama sebulan genap selain dari bulan Ramadhan sahaja." [1]

Semua persediaan ini dilakukan untuk menerima firman yang berat yang akan diturunkan Allah kepadanya.

(Pentafsiran ayat 5)

Al-Qur'an Menanam Kesan Berat Dan Kuat Dalam Hati Manusia

إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Kami akan turunkan kepadamu firman-firman yang berat."(5)

Firman yang berat itu ialah Al-Qur'an dengan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya yang wujud di sebaliknya, Pada dasarnya, Al-Qur'an itu tidaklah berat malah mudah diingat, tetapi ia adalah berat dalam pertimbangan neraca kebenaran, juga berat dari segi keberkesanannya dalam hati manusia. Firman Allah:

لَوْ أَنزَلْنَا هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُۥ خَٰشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ ٱللَّهِ

"Jika Kami turunkan Al-Qur'an ini di atas sebuah gunung nescaya engkau lihatnya tunduk khusyu' dan pecah retak kerana takutkan Allah."

(Surah al-Hasyr: 21)

Kerana itulah Allah turunkan Al-Qur'an ke atas sebuah hati yang lebih teguh dari gunung untuk menerimanya.

Kerja menerima pancaran nur Ilahi dan kerja menerima ilmu pengetahuan Ilahi dan menguasainya adalah suatu kerja yang amat berat yang memerlukan kepada satu persediaan yang lama.

Kerja berinteraksi dengan hakikat-hakikat alam yang agung dan abstrak itu adalah suatu kerja yang amat berat yang memerlukan satu persediaan yang lama.

Kerja berhubung dengan alam al-Mala'ul-A'la, dengan roh alam dan roh seluruh makhluk yang hidup dan yang beku seperti yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. itu adalah suatu kerja yang amat berat yang memerlukan kepada satu persediaan yang lama.

Kelebihan Bangun Beribadat Di Waktu Malam

Usaha berdiri teguh dan jujur menjunjung perintah Ilahi tanpa ragu-ragu dan teragak-agak, tanpa menoleh ke sana sini di tengah-tengah berbagai-bagai bisikan, tarikan dan halangan itu adalah suatu kerja yang amat berat yang memerlukan kepada satu persediaan yang lama.

(Pentafsiran ayat 6)

Usaha bangun beribadat di waktu malam ketika semua manusia tidur, usaha mengasingkan diri dari kesibukan dan urusan remeh-temeh kehidupan, usaha menghubungkan diri dengan Allah dan menerima pancaran nur-Nya dan usaha berhubung mesra dengan Allah di tempat dan masa yang sunyi dan usaha membaca Al-Qur'an di sa'at-sa'at alam sunyi sepi seolah-olah bacaan itu turun dari alam al-Mala'ul-A'la tertinggi dan bergema di seluruh pelusuk alam tanpa kata-kata dan ungkapan manusia, dan usaha menyambut pancaran-pancaran ilham-ilham dan kesan-kesan dari ayat-ayat itu di malam yang tenang tenteram semuanya merupakan bekalan-bekalan persediaan untuk memikul perintah-perintah Ilahi yang berat, tugas yang besar dan perjuangan yang pahit yang menunggu Rasulullah s.a.w. dan menunggu siapa sahaja yang berda'wah dengan da'wah ini dalam mana-mana generasi umat manusia. Itulah usaha-usaha yang dapat menerangkan hati di jalan perjuangan yang sukar dan lama, juga dapat menyelamatkan hati manusia dari bisikan-bisikan syaitan yang jahat dan dari tersesat dalam kegelapan-kegelapan yang mengepung jalan yang terang benderang ini.

إِنَّ نَاشِئَةَ ٱلَّيْلِ هِىَ أَشَدُّ وَطْـًٔا وَأَقْوَمُ قِيلًا ﴿٦﴾

"Sesungguhnya bangun beribadat di waktu malam itu adalah lebih memenatkan dan lebih jelas bacaannya."(6)

Kata-kata "ناشئة الليل" bererti ibadat yang dilakukan selepas waktu solat Isya'. Ayat ini menyifatkan ibadat malam ini sebagai ibadat yang lebih memenatkan tubuh badan dan lebih kukuh kebaikannya (mengikut pendapat Mujahid), kerana melawan pujukan keinginan tidur dan tarikan tilam empuk setelah berpenat lelah di siang hari itu lebih memenatkan badan. Tetapi bangun beribadat di tengah malam merupakan satu perisytiharan kemenangan roh dan sambutan terhadap seruan Allah di samping merupakan usaha mementingkan hubungan mesra dengan Allah. Sebab itulah ibadat di tengah malam itu lebih jelas bacaannya, kerana berzikir di waktu itu mempunyai kemanisannya. Solat di waktu itu mendatangkan khusyu' yang mendalam dan bermunajat di waktu itu juga mempunyai implikasi yang halus. Sesungguhnya ibadat di tengah malam itu mencurahkan di dalam hati manusia rasa kemesraan, kerehatan, kejernihan dan nur yang mungkin tidak boleh didapati di dalam solat siang hari dan zikir-zikirnya, Allah yang telah menciptakan hati manusia ini adalah mengetahui segala pintunya dan segala tali

---

[1] *Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat mengenai sembahyang Rasulullah s.a.w. di waktu malam dan solat witirnya, Rujuklah kitab* زاد المعاد *oleh Ibn al-Qayyim pada bab* هديه صلى الله عليه وسلم في قيام الليل.

rasnya, mengetahui segala sesuatu yang meresap masuk ke dalamnya, mengetahui bilakah waktu-waktu yang lebih terbuka dan lebih bersedia untuk menerima dan mengetahui manakah sebab-sebab yang lebih mesra dan lebih berkesan kepadanya.

Allah telah memilih hati malam untuk kegiatan ibadat Rasul-Nya Muhammad s.a.w. kerana pada hari siang beliau mempunyai berbagai-bagai urusan dan kesibukan yang banyak menghabiskan tenaga dari perhatiannya:

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 9)

Siang Masa Kerja

إِنَّ لَكَ فِي النَّهَارِ سَبْحًا طَوِيلًا ﴿٧﴾

"Sesungguhnya untukmu di siang hari kesibukan yang panjang."(7)

Oleh itu, biarlah beliau menghabiskan hari siang untuk menyelesaikan urusan-urusan dan kesibukan itu dan menumpukan ibadatnya kepada Allah di hari malam, iaitu bangun mendirikan solat dan berzikir:

وَاذْكُرِ اسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَبْتِيلًا ﴿٨﴾

"Dan sebutlah nama Tuhanmu dan tumpukan ibadat kepada-Nya dengan tumpuan yang sempurna."(8)

Pemusatan Diri Kepada Allah

Maksud menyebut nama Allah bukanlah semata-mata mengulang-ulangkan sebutan nama-Nya yang mulia dengan lidah mengikut bilangan buah tasbih ratusan atau ribuan, tetapi yang dimaksudkan ialah zikir hati yang disertai oleh zikir lidah, atau solat itu sendiri dan membaca Al-Qur'an di dalamnya. Maksud dari penumpuan ibadat ialah pemisahan yang menyeluruh dari segala sesuatu yang lain dari Allah dan pemusatan yang menyeluruh kepada Allah dengan amal ibadat dan zikir, di samping membersihkan hati dari segala sesuatu yang melalaikannya dari Allah dan menghadirkan hati bersama Allah dengan seluruh perasaan dan kesedaran yang sempurna.

Setelah menyebut penumpuan ibadat kepada Allah semata-mata, iaitu pemisahan diri dari segala sesuatu yang lain dari Allah, maka ayat berikut menyebut pula bahawa di sana tiada Tuhan yang lain melainkan Allah yang dapat dituju oleh sesiapa sahaja yang mahu menuju kepada-Nya:

رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَاتَّخِذْهُ وَكِيلًا ﴿٩﴾

"Dialah Tuhan Timur dan Barat, tiada Tuhan melainkan Dia.Oleh itu, ambillah Allah sebagai Pelindung."(9)

Bertawakkal Kepada Allah

Dialah Tuhan yang memiliki segala hala dan arah, iaitu Tuhan hala barat dan hala timur. Dialah Tuhan Yang Maha Esa yang tiada Tuhan yang lain melainkan Dia. Oleh itu, penumpuan kepada Allah ialah penumpuan kepada hakikat Yang Maha Esa di alam al-wujud ini, dan bertawakkal kepada Allah ialah bertawakkal kepada kuasa dan kekuatan Yang Maha Esa di alam al-wujud ini. Bertawakkal kepada Allah merupakan hasil yang langsung dari kepercayaan kepada keesaan Allah dan kuatkuasa-Nya yang meliputi timur dan barat, iaitu meliputi seluruh alam. Rasulullah s.a.w. yang diseru supaya bangkit dari tidurnya untuk memikul tugas yang berat itu memerlukan dari awal lagi kepada penumpuan kepada Allah dan bertawakkal kepada-Nya, kerana dari sinilah beliau mendapat kekuatan dan bekalan untuk memikul bebanan yang berat di jalan perjuangan yang panjang.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 19)

Kemudian Allah memberi bimbingan kepada Rasulullah s.a.w. supaya sabar menghadapi tuduhan, halangan, keengganan dan tentangan kaumnya dan menyerahkan sahaja pendusta-pendusta itu kepada tindakan-Nya dan memberi tempoh sebentar kepada mereka, kerana Allah telah menyediakan untuk mereka 'azab seksa yang dahsyat:

وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَاهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا ﴿١٠﴾
وَذَرْنِي وَالْمُكَذِّبِينَ أُولِي النَّعْمَةِ وَمَهِّلْهُمْ قَلِيلًا ﴿١١﴾
إِنَّ لَدَيْنَا أَنكَالًا وَجَحِيمًا ﴿١٢﴾
وَطَعَامًا ذَا غُصَّةٍ وَعَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣﴾
يَوْمَ تَرْجُفُ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ وَكَانَتِ الْجِبَالُ كَثِيبًا
مَّهِيلًا ﴿١٤﴾
إِنَّا أَرْسَلْنَا إِلَيْكُمْ رَسُولًا شَاهِدًا عَلَيْكُمْ كَمَا أَرْسَلْنَا
إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ﴿١٥﴾
فَعَصَىٰ فِرْعَوْنُ الرَّسُولَ فَأَخَذْنَاهُ أَخْذًا وَبِيلًا ﴿١٦﴾
فَكَيْفَ تَتَّقُونَ إِن كَفَرْتُمْ يَوْمًا يَجْعَلُ الْوِلْدَانَ
شِيبًا ﴿١٧﴾
السَّمَاءُ مُنفَطِرٌ بِهِ كَانَ وَعْدُهُ مَفْعُولًا ﴿١٨﴾

"Dan bersabarlah terhadap perkataan-perkataan mereka (yang menyakitkan hati). Dan jauhilah mereka dengan cara yang baik(10). Dan biarlah Aku sahaja bertindak terhadap pendusta-pendusta yang mempunyai kemewahan hidup itu dan berilah tempoh kepada mereka sebentar(11). Sesungguhnya di sisi Kami tersedia belenggu-belenggu dan Neraka yang bernyala-nyala(12). Dan makanan yang mencekikkan kerongkong dan 'azab yang amat pedih(13).

Pada hari bumi dan gunung-ganang bergegar dan bukit-bukit menjadi timbunan pasir yang bertaburan(14). Sesungguhnya Kami telah utuskan kepada kamu seorang rasul yang akan menjadi saksi di atas kamu, sebagaimana Kami telah utuskan rasul kepada Fir'aun(15). Lalu dia menderhakakan rasul itu, oleh itu, Kami binasakannya dengan kebinasaan yang dahsyat(16). Oleh itu, bagaimana kamu dapat memelihara diri kamu - jika kamu tidak beriman - dari 'azab hari Qiamat yang menjadikan kanak-kanak itu beruban(17). Langit menjadi hancur dengan sebab hari itu dan janji Allah tetap terkota."(18)

Jika riwayat pertama itu betul mengenai turunnya permulaan surah ini pada permulaan dibangkitkan Rasulullah s.a.w., maka bahagian yang kedua ini adalah di-turunkan pada masa kebelakangan, iaitu setelah Rasulullah s.a.w. menjalankan da'wah secara terus terang dan setelah munculnya golongan penentang dan pendusta-pendusta yang berlidah lancang dan bertindak menindas Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'min. Tetapi jika riwayat yang kedua itu yang betul, maka bahagian pertama surah ini semua adalah turun dengan sebab Nabi s.a.w. menerima tindak-tanduk yang jahat dari orang-orang Musyrikin yang menghalangi perkembangan da'wah.

Walau bagaimanapun, namun kita dapati arahan Allah kepada beliau supaya bersabar itu adalah disebut selepas arahannya supaya beliau bangun beribadat di waktu malam dan berzikir. Kedua-duanya sering digandingkan dalam rangka usaha membekalkan hati manusia dengan bekalan da'wah dalam perjalanan perjuangan yang panjang dan sulit, sama ada dalam perjalanan di dalam lorong-lorong hati manusia atau dalam perjalanan menentang para penentang da'wah. Kedua-duanya memang sulit dan sukar kerana inilah beliau di arah bersabar:

وَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَٱهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا ﴿١٠﴾

"Dan bersabarlah terhadap perkataan-perkataan mereka (yang menyakitkan hati). Dan jauhilah mereka dengan cara yang baik."(10)

Kesabaran Senjata Dan Perisai Da'wah

Iaitu tanpa melemparkan celaan dan menunjukkan kemarahan, tanpa melakukan pemulauan dan pergaduhan. Inilah corak da'wah di Makkah terutama di peringkat permulaan da'wah, iaitu da'wah dalam bentuk seruan yang ditujukan kepada hati sahaja dan dalam bentuk penyampaian yang tenang dan penerangan yang jelas semata-mata.

Menjauhkan diri dengan cara yang baik terhadap sindiran-sindiran yang lancang dan pembohongan-pembohongan memerlukan kesabaran dan Zikrullah. Kesabaran merupakan pesanan utama Allah yang berulang-ulang kali dihadapkan kepada setiap rasul-Nya dan kepada para hamba-Nya yang beriman kepada rasul-rasulnya. Tiada seorang pun yang dapat menjalankan tugas da'wah kecuali dia jadikan kesabaran sebagai bekal, perisai dan senjatanya, sebagai tempat naungan dan perlindungannya, kerana da'wah itu jihad dan perjuangan iaitu jihad di dalam jiwa sendiri untuk menentang nafsu dan penyelewengan-penyelewengannya, menentang kelemahan-kelemahan dan penderhakaannya, kegopohan dan keputusan asasnya dan jihad untuk melawan musuh-musuh da'wah dan segala tipudaya dan penindasan mereka. Juga jihad terhadap semua orang yang mahu mengelak dan melarikan diri dari tugas-tugas da'wah dan terhadap mereka yang menyamarkan diri dengan berbagai-bagai pakaian, sedangkan pada hakikatnya mereka menyalahi da'wah dan tidak jujur kepadanya.

Tiada bekal yang lain bagi penda'wah untuk menghadapi segala gelagat-gelagat ini melainkan sabar dan Zikrullah selaku gandingan sabar hampir di segenap tempat.

Sabarlah menghadapi perkataan-perkataan mereka yang kesat dan jauhkan diri dari mereka dengan cara yang seelok-eloknya, dan serahkan sahaja pendusta-pendusta itu kepada Aku, kerana Akulah yang sanggup bertindak terhadap mereka:

وَذَرْنِي وَٱلْمُكَذِّبِينَ أُو۟لِى ٱلنَّعْمَةِ وَمَهِّلْهُمْ قَلِيلًا ﴿١١﴾

"Dan biarlah Aku sahaja bertindak terhadap pendusta-pendusta yang mempunyai kemewahan hidup itu dan berilah tempoh kepada mereka sebentar."(11)

Serahkan Urusan Penentang-penentang Agama Yang Mewah Kepada Allah

Itulah sepatah kata Allah Yang Maha Gagah, Maha Perkasa dan Maha Kuat. Mereka hanya sekumpulan manusia biasa sahaja, sedangkan yang memberi amaran dan ancam kepada mereka ialah Allah yang menciptakan mereka dan alam yang lebar ini dengan hanya mengeluarkan perintah "كن" sahaja. Serahkanlah pendusta-pendusta itu kepada aku sahaja, kerana da'wah yang diperjuangkan engkau adalah da'wah-Ku dan engkau hanya penyampainya sahaja. Biarlah mereka mendustakan engkau dan hindarilah mereka dengan cara yang baik, Aku akan bertindak memerangi mereka. Oleh itu, rehatkan fikiranmu dari memikirkan masalah pendusta-pendusta itu.

Itulah serangan Allah yang amat hebat terhadap kumpulan manusia pendusta yang hina, lemah dan:

أُو۟لِى ٱلنَّعْمَةِ

"Mempunyai kemewahan hidup"(11)

biarpun bagaimana besarnya kekuatan dan kekuasaan mereka ke atas makhluk-makhluk seperti mereka di bumi.

وَمَهِّلْهُمْ قَلِيلًا ﴿١١﴾

"Dan berilah tempoh kepada mereka sebentar."(11)

Andainya Allah memberi tempoh kepada mereka sepanjang hidup dunia sekalipun masih lagi dikira sebentar, kerana hidup di dunia ini hanya satu hari

atau setengah hari sahaja dalam kiraan Allah dan dalam kiraan perasaan mereka sendiri apabila dunia ini di Qiamatkan, malah mereka seolah-olah akan merasakan hidup dunia pada hari Qiamat itu hanya satu sa'at dari waktu siang hari sahaja. Hidup dunia ini tetap sebentar biarpun bagaimana panjangnya, biarpun mereka yang mendustakan da'wah itu berlalu dalam kehidupan dunia ini dengan selamat dari tindakan Allah Yang Maha Kuasa yang telah memberi tempoh yang sebentar kepada mereka:

إِنَّ لَدَيْنَآ أَنكَالًا وَجَحِيمًا ﴿١٢﴾

وَطَعَامًا ذَا غُصَّةٍ وَعَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya di sisi Kami tersedia belenggu-belenggu dan Neraka yang bernyala-nyala(12). Dan makanan yang mencekikkan kerongkong dan 'azab yang amat pedih."(13)

Semuanya merupakan balasan-balasan yang setimpal kepada pendusta-pendusta yang hidup mewah itu, yang tidak tahu menghargai nikmat dan tidak tahu bersyukur kepada Pengurnianya. Oleh itu, sabarlah wahai Muhammad, dengan sebaik-baik sabar, dan serahkan urusan mereka kepada Aku sahaja, kerana Aku telah pun menyediakan untuk mereka belenggu-belenggu yang akan menyeksakan mereka, dan Neraka yang akan membakar mereka, dan makanan yang sentiasa mencekik leher mereka dan 'azab yang amat pedih yang akan menimpa mereka pada hari Qiamat yang ngeri.

Kemudian ayat yang berikut melukiskan pemandangan hari Qiamat yang menakutkan itu:

Pemandangan Ketika Berlaku Qiamat

يَوْمَ تَرْجُفُ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ وَكَانَتِ ٱلْجِبَالُ كَثِيبًا مَّهِيلًا ﴿١٤﴾

"Pada hari bumi dan gunung-ganang bergegar dan bukit-bukit menjadi timbunan pasir yang bertaburan."(14)

Itulah gambaran kedahsyatan malapetaka hari Qiamat yang membuat sebesar-besar bumi ini bergegar, gementar dan hancurlebur dan bagaimana pula dengan manusia yang kerdil yang akan menghadapi hari itu.

Di hadapan pemandangan yang dahsyat dan ngeri ini, ayat yang berikut menoleh kepada para pendusta yang hidup mewah itu sambil mengingatkan mereka dengan kisah Fir'aun yang kuat dan bermaharajalela, bagaimana Allah membinasakan mereka dengan kebinasaan yang hanya dapat dilakukan oleh Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Gagah:

إِنَّآ أَرْسَلْنَآ إِلَيْكُمْ رَسُولًا شَٰهِدًا عَلَيْكُمْ كَمَآ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ﴿١٥﴾

فَعَصَىٰ فِرْعَوْنُ ٱلرَّسُولَ فَأَخَذْنَٰهُ أَخْذًا وَبِيلًا ﴿١٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah utuskan kepada kamu seorang rasul yang akan menjadi saksi di atas kamu, sebagaimana kami telah utuskan rasul kepada Fir'aun (15). Lalu dia menderhakakan rasul itu, oleh itu, Kami binasakannya dengan kebinasaan yang dahsyat."(16)

Demikianlah gambaran ringkas yang menggoncang dan mencabutkan hati mereka selepas ditayangkan pemandangan bumi dan gunung-ganang yang bergegar dan runtuh.

Itulah gambaran kebinasaan di Akhirat dan kebinasaan di dunia, oleh itu, bagaimana mereka hendak menyelamatkan diri mereka dari malapetaka 'azab yang ngeri itu?

فَكَيْفَ تَتَّقُونَ إِن كَفَرْتُمْ يَوْمًا يَجْعَلُ ٱلْوِلْدَٰنَ شِيبًا ﴿١٧﴾

ٱلسَّمَآءُ مُنفَطِرٌۢ بِهِۦ ۚ كَانَ وَعْدُهُۥ مَفْعُولًا ﴿١٨﴾

"Oleh itu, bagaimana kamu dapat memelihara diri kamu - jika kamu tidak beriman - dari 'azab hari Qiamat yang menjadikan kanak-kanak itu beruban(17). Langit menjadi hancur dengan sebab hari itu dan janji Allah tetap terkota."(18)

Gambaran kedahsyatan malapetaka hari Qiamat di sini ialah ia menggegarkan bumi dan gunung-ganang, memecahbelahkan langit dan mengubankan kanak-kanak yang kecil. Gambaran kedahsyatan Qiamat itu terlukis pada alam yang diam dan pada manusia yang hidup dalam bentuk pemandangan-pemandangan yang dipindahkan oleh Al-Qur'an ke dalam hati seolah-olah pemandangan itu terbentang di depan mata, kemudian ditegaskan pula:

كَانَ وَعْدُهُۥ مَفْعُولًا ﴿١٨﴾

"Dan janji Allah tetap terkota."(18)

Yakni Qiamat itu tetap berlaku tidak akan mungkir. Allah melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya dan apa yang dikehendaki-Nya itu tetap terlaksana.

Di hadapan pemandangan-pemandangan kebinasaan yang menimpa alam dan diri manusia itu Allah menyentuh hati mereka supaya sedar dan memilih jalan yang selamat iaitu jalan Allah.

إِنَّ هَٰذِهِۦ تَذْكِرَةٌ ۖ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ سَبِيلًا ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya ayat-ayat Al-Qur'an ini suatu peringatan. Oleh itu, siapa yang mahu hendaklah ia mengambil jalan yang membawa kepada Tuhannya."(19)

Pilihan Jalan Menuju Kepada Allah

Jalan menuju kepada Allah merupakan satu jalan yang lebih aman dan mudah dari jalan yang diragui yang membawa kepada malapetaka yang dahsyat itu.

Ketika ayat-ayat itu menggoncangkan kaki manusia-manusia pendusta, maka hati Rasulullah s.a.w. dan hati sekumpulan para Mu'minin yang kecil dan lemah itu pula dituruni perasaan tenang tenteram dan rasa kepercayaan dan keyakinan, kerana mereka merasa Allah bersama mereka membunuh dan menyeksa musuh-musuh mereka. Penangguhan, itu hanya sebentar sahaja dan akan diselesaikan apabila sampai masa yang ditentukannya. Ketika itu Allah akan membinasakan musuh-musuh-Nya dan musuh-musuh orang Mu'min dengan keseksaan Neraka dan 'azab yang amat pedih.

Sesungguhnya Allah tidak membiarkan hamba-hamba kesayangan-Nya diperilakukan sesuka hati oleh musuh-musuhnya walaupun musuh-musuh itu ditangguhkan tempoh balasan mereka ke suatu masa tertentu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 20)

Kemudian datang pula bahagian yang kedua surah ini dalam satu ayat yang panjang yang diturunkan setahun kemudian selepas bahagian yang pertama, mengikut riwayat yang terkuat.

إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقُومُ أَدْنَىٰ مِن ثُلُثَيِ ٱلَّيْلِ وَنِصْفَهُۥ وَثُلُثَهُۥ
وَطَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلَّذِينَ مَعَكَ ۚ وَٱللَّهُ يُقَدِّرُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ۚ عَلِمَ
أَن لَّن تُحْصُوهُ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۖ فَٱقْرَءُوا۟ مَا تَيَسَّرَ مِنَ ٱلْقُرْءَانِ ۚ
عَلِمَ أَن سَيَكُونُ مِنكُم مَّرْضَىٰ ۙ وَءَاخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِى
ٱلْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ ٱللَّهِ ۙ وَءَاخَرُونَ يُقَٰتِلُونَ فِى
سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ فَٱقْرَءُوا۟ مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ ۚ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟
ٱلزَّكَوٰةَ وَأَقْرِضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا ۚ وَمَا تُقَدِّمُوا۟ لِأَنفُسِكُم مِّنْ
خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا ۚ وَٱسْتَغْفِرُوا۟ ٱللَّهَ ۖ
إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌۢ ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu mengetahui bahawa engkau bangun bersembahyang kurang dari dua pertiga malam dan kadang-kadang separuh malam dan kadang-kadang satu pertiga malam, dan begitu juga sekumpulan dari mereka yang berada bersama engkau. Dan Allahlah yang menentukan kadar waktu malam dan siang itu. Allah mengetahui bahawa kamu tidak dapat menentukan dengan tepat batas-batas waktu malam itu, oleh itu, Allah kembali memberi keringanan kepada kamu. Dari itu bacalah apa-apa yang mudah dari Al-Qur'an. Allah mengetahui akan ada di antara kamu segolongan orang yang sakit dan ada pula segolongan orang yang akan menjelajah di bumi kerana mencari rezeki dari limpah kurnia Allah. Dan segolongan yang lain akan berperang kerana Sabilulah. Dari itu bacalah apa-apa yang mudah dari Al-Qur'an, dan dirikan solat, keluarkan zakat dan pinjamkanlah kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas). Dan apa sahaja kebajikan yang kamu lakukan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya di sisi Allah dengan balasan yang sebaik-baiknya dan pahala yang sebesar-besarnya. Dan pohonlah keampunan dari Allah sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(20)

Kembali Kepada Kehidupan Normal Setelah Tamat Latihan Peningkatan Rohaniyah Yang Intensif

Ayat ini merupakan satu belaian yang lemah lambut menyampaikan perintah memberi keringanan yang mengurangkan kepenatan dan kesulitan kepada Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Mu'min. Allah mengetahui keikhlasan Rasul-Nya dan keikhlasan mereka kepada-Nya. Kaki-kaki mereka bengkak kerana terlalu lama bangun berdiri mengerjakan solat dan membaca Al-Qur'an dengan panjang. Bukanlah tujuan Allah untuk menyusahkan Nabi-Nya dengan banyak membaca Al-Qur'an dan bangun di waktu malam mendirikan solat, malah tujuannya ialah untuk melatih dan menyediakan diri Rasul-Nya untuk memikul tugas da'wah yang amat besar yang akan dihadapi olehnya di sepanjang hayatnya bersama-sama dengan sekelompok para Mu'minin yang sedikit yang turut berjuang dengannya.

Ungkapan ayat ini membayangkan kemesraan dan memberi ketenangan:

إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقُومُ أَدْنَىٰ مِن ثُلُثَيِ ٱلَّيْلِ وَنِصْفَهُۥ وَثُلُثَهُۥ
وَطَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلَّذِينَ مَعَكَ ۚ

"Sesungguhnya Tuhanmu mengetahui bahawa engkau bangun bersembahyang kurang dari dua pertiga malam dan kadang-kadang separuh malam dan kadang-kadang satu pertiga malam, dan begitu juga sekumpulan dari mereka berada bersama engkau."(20)

Wahai Muhammad! Allah melihat engkau, dan sesungguhnya bangunnya engkau di waktu malam mengerjakan ibadat solat bersama-sama kumpulan orang-orang Mu'min yang berada bersama engkau itu adalah diterima di dalam neraca Allah. Tuhanmu tahu bahawa engkau dan sahabat-sahabat engkau telah menjauhkan diri dari tilam-tilam tidur dan meninggalkan kehangatan selimut di malam yang dingin. Tuhanmu tahu engkau tidak menyahut panggilan tempat tidurmu yang amat menarik, kerana menyahut panggilan Allah. Sesungguhnya Tuhanmu amat kasihan kepadamu dan Dia hendak memberi keringanan kepadamu dan kepada sahabat-sahabatmu:

وَٱللَّهُ يُقَدِّرُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ۚ عَلِمَ أَن لَّن تُحْصُوهُ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۖ

"Dan Allahlah yang menentukan kadar waktu malam dan siang itu. Allah mengetahui bahawa kamu tidak dapat menentukan dengan tepat batas-batas waktu malam itu, oleh itu, Allah kembali memberi keringanan kepada kamu."(20)

Kadang-kadang Allah memendekkan malam dan memanjangkan siang, dan kadang-kadang pula Allah me-manjangkan malam dan memendekkan siang sedangkan engkau dan sahabat-sahabat yang bersama dengan engkau terus bangun beribadat di waktu malam kurang dari dua pertiga malam, kadang-kadang separuh malam dan kadang-kadang satu pertiga malam. Allah tahu bahawa kamu lemah untuk terus menerus beramal begitu. Allah tidak mahu membebankan kepayahan dan kesulitan ke atas kamu, malah Allah mahu memberi bekalan-bekalan kepada kamu. Kini, oleh sebab kamu telah mendapat bekalan-bekalan yang cukup, maka ringankanlah diri kamu dan beribadatlah dengan cara yang selesa dan mudah:

فَٱقۡرَءُواْ مَا تَيَسَّرَ مِنَ ٱلۡقُرۡءَانِ

"Dari itu bacalah apa-apa yang mudah dari Al-Qur'an"(20)

Carilah Rezeki

Yakni ketika bangun beribadat di waktu malam tanpa mengalami kepayahan dan kesulitan. Kemudian mengikut ilmu Allah di sana ada masalah-masalah yang menunggu kamu yang akan mengambil sepenuh usaha dan tenaga kamu dan akan menyulitkan kamu untuk bangun beribadat secara panjang di waktu malam iaitu:

عَلِمَ أَن سَيَكُونُ مِنكُم مَّرۡضَىٰ وَءَاخَرُونَ يَضۡرِبُونَ فِي ٱلۡأَرۡضِ يَبۡتَغُونَ مِن فَضۡلِ ٱللَّهِ

"Allah mengetahui akan ada di antara kamu segolongan orang yang sakit dan ada pula segolongan orang yang akan menjelajah di bumi kerana mencari rezeki dari limpah kurnia Allah."(20)

Mereka menjelajah untuk keperluan sara hidup, sedangkan Allah tidak mahu kamu meninggalkan urusan kehidupan kamu dan memencilkan diri semata-mata untuk beribadat seperti yang dilakukan oleh paderi-paderi Kristian.

وَءَاخَرُونَ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ

"Dan segolongan yang lain akan berperang kerana Sabilullah."(20)

Berjihad

Yakni Allah tahu bahawa Dia akan mengizinkan kamu memerangi orang-orang yang melakukan kezaliman terhadap kamu, dan mengizinkan kamu berperang untuk menegakkan panji-panji Islam di bumi yang ditakuti oleh para penceroboh. Oleh itu, ringankanlah diri kamu:

فَٱقۡرَءُواْ مَا تَيَسَّرَ مِنۡهُ

"Dari itu bacalah apa-apa yang mudah dari Al-Qur'an"(20)

Bacalah Al-Qur'an

Tanpa menyulit dan memayahkan diri kamu, dan laksanakanlah dengan jujur dan tekun segala kewajipan yang difardhukan oleh agama:

وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ

"Dan dirikanlah solat, dan keluarkan zakat."(20)

Tunaikan Solat Dan Zakat

Selepas itu berdermalah pula sebagai pinjaman kepada Allah supaya kebajikannya berkekalan:

وَأَقۡرِضُواْ ٱللَّهَ قَرۡضًا حَسَنًاۚ وَمَا تُقَدِّمُواْ لِأَنفُسِكُم مِّنۡ خَيۡرٖ تَجِدُوهُ عِندَ ٱللَّهِ هُوَ خَيۡرًا وَأَعۡظَمَ أَجۡرًاۚ

"Dan pinjamkanlah kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas). Dan apa sahaja kebajikan yang kamu lakukan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya di sisi Allah dengan balasan yang sebaik-baiknya dan pahala yang sebesar-besarnya."(20)

Beristighfarlah

Dan bertawajjuhlah kepada Allah untuk memohon keampunan terhadap ketaqsiran kamu, kerana manusia itu tetap melakukan ketaqsiran dan kesalahan walau bagaimana sekalipun ia bersungguh-sungguh dan walau bagaimanapun ia berhati-hati mencari kebenaran:

وَٱسۡتَغۡفِرُواْ ٱللَّهَۖ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمُۢ ﴿٢٠﴾

"Dan pohonlah keampunan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(20)

Rasulullah Telah Meneruskan Ibadat Qiamul Layl

Itulah belaian rahmat, kasih mesra, kemudahan dan ketenteraman yang datang dari Allah selepas setahun mereka diseru supaya bangun beribadat di waktu malam. Allah telah memberi keringanan kepada orang-orang Islam dengan menjadikan amalan bangun beribadat di waktu malam itu sebagai ibadat sunat bukan fardhu. Tetapi Rasulullah s.a.w. sendiri meneruskan kebiasaannya beribadat kepada Allah tidak kurang dari satu pertiga malam bermunajat dengan Tuhannya di malam yang sunyi sepi. Dari penghadapannya dengan Allah inilah beliau mengambil bekalan hidup dan bekalan jihad. Di samping itu, hati Rasulullah s.a.w. tidak pernah tidur sekalipun dua matanya tidur kerana hatinya sentiasa mengingati Allah dan sentiasa menumpukan perhatian kepada-Nya. Seluruh hatinya kosong dari segala sesuatu kecuali dari Allah walaupun beliau memikul beban yang berat di atas bahunya dan walaupun beliau berada dalam kepayahan kerana menjalani tugas-tugas yang sukar.

* * * * * *

JUZU' KE-29

SURAH AL-MUDDATHTHIR

SURAH KE

74

سُورَةُ الْمُدَّثِّر

SURAH AL-MUDDATHTHIR

Surah (Rasul) Yang Berselimut

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

56

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنذِرْ ﴿٢﴾ وَرَبَّكَ فَكَبِّرْ ﴿٣﴾

وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ ﴿٤﴾ وَٱلرُّجْزَ فَٱهْجُرْ ﴿٥﴾

"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia(2). Dan terhadap Tuhanmu hendaklah engkau mengagung-agungkan-Nya(3). Dan terhadap pakaianmu hendaklah engkau bersihkannya(4). Dan terhadap kejahatan hendaklah engkau jauhkannya."(5).

وَلَا تَمْنُن تَسْتَكْثِرُ ﴿٦﴾ وَلِرَبِّكَ فَٱصْبِرْ ﴿٧﴾

فَإِذَا نُقِرَ فِى ٱلنَّاقُورِ ﴿٨﴾

فَذَٰلِكَ يَوْمَئِذٍ يَوْمٌ عَسِيرٌ ﴿٩﴾

عَلَى ٱلْكَٰفِرِينَ غَيْرُ يَسِيرٍ ﴿١٠﴾

"Dan janganlah engkau memberi dan merasakan pemberian itu banyak(6). Dan sabarlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu(7). Apabila ditiupkan nafiri(8). Maka hari itulah hari yang amat sukar(9). Yang tidak mudah kepada orang-orang yang kafir."(10).

ذَرْنِى وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا ﴿١١﴾

وَجَعَلْتُ لَهُۥ مَالًا مَّمْدُودًا ﴿١٢﴾

وَبَنِينَ شُهُودًا ﴿١٣﴾ وَمَهَّدتُّ لَهُۥ تَمْهِيدًا ﴿١٤﴾

ثُمَّ يَطْمَعُ أَنْ أَزِيدَ ﴿١٥﴾

"Biarkanlah Aku sahaja bertindak terhadap orang yang Aku telah ciptakannya sendirian sahaja(11). Dan Aku telah jadikan untuknya harta kekayaan yang luas(12). Dan anak-anak yang selalu menemaninya(13). Dan Aku telah memberi kepadanya kemudahan hidup yang sempurna(14). Kemudian dia terus tamak supaya Aku tambahkan lagi."(15).

كَلَّآ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ لِءَايَٰتِنَا عَنِيدًا ﴿١٦﴾

سَأُرْهِقُهُۥ صَعُودًا ﴿١٧﴾ إِنَّهُۥ فَكَّرَ وَقَدَّرَ ﴿١٨﴾

فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿١٩﴾ ثُمَّ قُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿٢٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya dia amat degil terhadap ayat-ayat Kami(16). Aku akan penatkannya mendaki jalan yang sukar(17). Sesungguhnya dia berfikir dan merancang (untuk menentang Al-Qur'an)(18). Binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(19). Kemudian binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang."(20).

ثُمَّ نَظَرَ ﴿٢١﴾ ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ﴿٢٢﴾

ثُمَّ أَدْبَرَ وَٱسْتَكْبَرَ ﴿٢٣﴾

فَقَالَ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ يُؤْثَرُ ﴿٢٤﴾

إِنْ هَٰذَآ إِلَّا قَوْلُ ٱلْبَشَرِ ﴿٢٥﴾

"Kemudian dia merenung(21). Kemudian mukanya menjadi masam dan muram(22). Kemudian dia berpaling dari kebenaran dan berlagak angkuh(23). Lalu dia berkata: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan suatu sihir yang dinukilkannya (dari ahli-ahli sihir)(24). Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya perkataan manusia sahaja."(25).

سَأُصْلِيهِ سَقَرَ ﴿٢٦﴾ وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا سَقَرُ ﴿٢٧﴾

لَا تُبْقِى وَلَا تَذَرُ ﴿٢٨﴾ لَوَّاحَةٌ لِّلْبَشَرِ ﴿٢٩﴾

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

"Aku akan memasukkannya ke dalam Neraka Saqar(26). Tahukah engkau apakah Neraka Saqar itu?(27). (Ia membakar habis-habisan) tidak meninggal dan tidak membiarkan sesuatu apa(28). Ia membakar kulit-kulit manusia(29). Ia dikawal oleh sembilan belas malaikat pengawal."(30).

وَمَا جَعَلْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلنَّارِ إِلَّا مَلَٰٓئِكَةً ۙ وَمَا جَعَلْنَا عِدَّتَهُمْ

إِلَّا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِيَسْتَيْقِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ

وَيَزْدَادَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِيمَٰنًا وَلَا يَرْتَابَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ
وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَلِيَقُولَ ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَٱلْكَٰفِرُونَ
مَاذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِهَٰذَا مَثَلًا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ
وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۚ وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ ۚ وَمَا هِىَ
إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْبَشَرِ ﴿٣١﴾

كَلَّا وَٱلْقَمَرِ ﴿٣٢﴾ وَٱلَّيْلِ إِذْ أَدْبَرَ ﴿٣٣﴾

وَٱلصُّبْحِ إِذَآ أَسْفَرَ ﴿٣٤﴾ إِنَّهَا لَإِحْدَى ٱلْكُبَرِ ﴿٣٥﴾

"Dan Kami tidak jadikan pengawal-pengawal Neraka itu melainkan dari jenis malaikat. Dan Kami tidak jadikan bilangan mereka melainkan supaya menjadi ujian kepada orang-orang yang kafir dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab itu yakin kepada (kebenaran Al-Qur'an), dan supaya orang-orang yang beriman semakin bertambah iman mereka, dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab dan orang-orang dan supaya orang Mu'min tidak ragu-ragu, juga supaya orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka dan orang-orang kafir berkata: Apakah tujuan Allah menyebut bilangan ini? Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Tiada siapa yang mengetahui bilangan tentera Tuhanmu melainkan Dia sahaja. Dan ia (Neraka Saqar) tidak lain melainkan suatu peringatan kepada manusia(31). Tidak sekali-kali begitu. Demi bulan(32). Dan demi malam apabila ia berlalu(33). Dan demi pagi apabila ia menyerlah terang(34). Sesungguhnya Neraka Saqar itu salah satu dari kejadian-kejadian yang amat besar."(35).

نَذِيرًا لِّلْبَشَرِ ﴿٣٦﴾

لِمَن شَآءَ مِنكُمْ أَن يَتَقَدَّمَ أَوْ يَتَأَخَّرَ ﴿٣٧﴾

كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ ﴿٣٨﴾

إِلَّآ أَصْحَٰبَ ٱلْيَمِينِ ﴿٣٩﴾ فِى جَنَّٰتٍ يَتَسَآءَلُونَ ﴿٤٠﴾

"Sebagai amaran kepada manusia(36). Kepada siapa di antara kamu yang ingin maju atau mundur(37). Setiap individu bertanggungjawab terhadap perbuatan yang telah dilakukannya(38). Melainkan golongan kanan(39). Mereka berada di dalam Syurga saling bertanya."(40).

عَنِ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٤١﴾ مَا سَلَكَكُمْ فِى سَقَرَ ﴿٤٢﴾

قَالُوا۟ لَمْ نَكُ مِنَ ٱلْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾

وَلَمْ نَكُ نُطْعِمُ ٱلْمِسْكِينَ ﴿٤٤﴾

وَكُنَّا نَخُوضُ مَعَ ٱلْخَآئِضِينَ ﴿٤٥﴾

"Tentang orang-orang yang berdosa(41). Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar?(42). Jawab mereka: Kami dahulu tidak termasuk dalam golongan orang yang mendirikan solat(43). Dan kami tidak pernah memberi makan kepada orang-orang miskin (44). Dan kami banyak membicarakan perkara-perkara yang batil bersama para pembicaranya."(45).

وَكُنَّا نُكَذِّبُ بِيَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤٦﴾

حَتَّىٰٓ أَتَىٰنَا ٱلْيَقِينُ ﴿٤٧﴾

فَمَا تَنفَعُهُمْ شَفَٰعَةُ ٱلشَّٰفِعِينَ ﴿٤٨﴾

فَمَا لَهُمْ عَنِ ٱلتَّذْكِرَةِ مُعْرِضِينَ ﴿٤٩﴾

كَأَنَّهُمْ حُمُرٌ مُّسْتَنفِرَةٌ ﴿٥٠﴾

"Dan kami mendustakan Hari Balasan(46). Hingga kami didatangi maut(47). Oleh itu, tidak akan berguna kepada mereka sebarang syafa'at dari mana-mana pemberi syafa'at(48). Mengapakah mereka berpaling dari peringatan (Al-Qur'an)?(49). Mereka seolah-olah keldai-keldai yang liar."(50).

فَرَّتْ مِن قَسْوَرَةٍۭ ﴿٥١﴾

بَلْ يُرِيدُ كُلُّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ أَن يُؤْتَىٰ صُحُفًا مُّنَشَّرَةً ﴿٥٢﴾

كَلَّا ۖ بَل لَّا يَخَافُونَ ٱلْءَاخِرَةَ ﴿٥٣﴾

كَلَّآ إِنَّهُۥ تَذْكِرَةٌ ﴿٥٤﴾ فَمَن شَآءَ ذَكَرَهُۥ ﴿٥٥﴾

وَمَا يَذْكُرُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ۚ هُوَ أَهْلُ ٱلتَّقْوَىٰ
وَأَهْلُ ٱلْمَغْفِرَةِ ﴿٥٦﴾

"Yang lari dari singa(51). Bahkan setiap orang dari mereka berkehendak supaya, dikurniakan kitab-kitab suci yang tersebar(52). Tidak sekali-kali begitu, bahkan mereka tidak takut kepada Hari Akhirat(53). Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya Al-Qur'an itu suatu peringatan(54). Oleh itu, sesiapa yang mahu dia boleh mengambil pengajaran darinya(55). Dan mereka tidak akan mengambil pengajaran darinya kecuali dikehendaki Allah. Dialah Tuhan yang layak menerima taqwa dan yang layak memberi keampunan."(56).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Keterangan mengenai sebab nuzul dan waktu nuzul yang telah disebut pada Surah al-Muzzammil adalah selari dengan surah ini. Di sana terdapat riwayat-riwayat yang menyebut bahawa surah ini merupakan surah yang pertama yang diturunkan selepas Surah al-

'Alaq. Dan ada pula satu riwayat yang menyatakan bahawa surah ini diturunkan selepas Rasulullah s.a.w. berda'wah secara terus-terang dan menerima tentangan-tentangan kaum Musyrikin.

Ujar al-Bukhari: Kami diceritakan oleh Yahya, Waki' menceritakan kepada kami dari Ali ibn al-Mubarak, dari Yahya ibn Kathir katanya:

"Aku bertanya Abu Salamah ibn Abdul Rahman tentang apakah surah Al-Qur'an yang pertama diturunkan?"

Jawabnya, "يأيها آلمدثر".

Lalu aku berkata, "Ada orang-orang mengatakan "اقرأ با سم ربك الذى خلق".

Jawab Abu Salamah, "Aku juga telah bertanya Jabir ibn Abdullah mengenai hal ini, dan aku katakan kepadanya sama seperti apa yang engkau katakan kepadaku."

Lalu Jabir berkata, "Aku tidak menceritakan kepadamu melainkan apa yang telah diceritakan Rasulullah s.a.w. kepada kami."

Beliau berkata, "Aku beriktikaf di Gua Hira' dan setelah selesai beriktikaf aku pun turun ke bumi, dan tiba-tiba aku dipanggil. Lalu aku pun menoleh ke sebelah kananku, tetapi aku tidak melihat apa-apa. Kemudian aku menoleh ke sebelah kiriku, di sana juga aku tidak melihat apa-apa. Aku melihat ke hadapanku dan tidak juga melihat apa-apa. Aku melihat ke belakangku dan tidak juga aku melihat apa-apa. Kemudian aku angkatkan kepalaku melihat ke atas, di sana aku melihat sesuatu (yakni malaikat Jibril), lalu aku pun pulang mendapatkan Khadijah dan berkata kepadanya: Selimutkan abang, dan curahkan air dingin ke atas abang." Ujar beliau, "Lalu mereka pun menyelimutkan aku dan mencurahkan air dingin ke atasku." Ujar beliau, "Kemudian turunlah ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمُدَّثِّرُ ١ قُمۡ فَأَنذِرۡ ٢ وَرَبَّكَ فَكَبِّرۡ ٣
وَثِيَابَكَ فَطَهِّرۡ ٤

(Ayat 1-4)

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Muslim dari saluran 'Uqayl dari Ibn Syihab dari Abu Salamah katanya: Aku telah dikhabarkan oleh Jabir ibn Abdullah katanya dia mendengar Rasulullah s.a.w. bercerita tentang masa keputusan wahyu dan dalam cerita itu beliau bersabda, "Waktu aku berjalan tiba-tiba aku mendengar suara dari langit. Lalu aku pun mengangkat mataku ke langit, tiba-tiba aku lihat malaikat yang datang menemuiku di Gua Hira' sedang duduk di atas kerusi di antara langit dan bumi. Lalu aku pun melutut, dan sebaik sahaja aku turun ke bumi aku pun pulang kepada keluargaku sambil berkata: Selimutkan aku. Lalu mereka selimutkan aku kemudian Allah menurunkan ayat:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمُدَّثِّرُ ١ قُمۡ فَأَنذِرۡ ٢ وَرَبَّكَ فَكَبِّرۡ ٣
وَثِيَابَكَ فَطَهِّرۡ ٤ وَٱلرُّجۡزَ فَٱهۡجُرۡ ٥

(Ayat 1-5)

Ujar Abu Salamah," الرُّجز (ar-rujza) itu ialah berhala-berhala, dan selepas itu wahyu pun menjadi hangat kembali dan turun berturut-turut."

Hadith ini juga diriwayatkan oleh al-Bukhari dari jalan yang sama dan inilah lafaz al-Bukhari.

Ibn Kathir telah membuat penjelasan mengenai hadith ini di dalam tafsirnya dengan katanya: Inilah cerita yang diingati, dan ini menunjukkan bahawa sebelum ini wahyu telah pun turun kepada Rasulullah s.a.w., kerana beliau bersabda, "Tiba-tiba aku lihat malaikat yang datang di Gua Hira" itulah Jibril yang datang menemuiku dan menyampaikan ayat:

ٱقۡرَأۡ بِٱسۡمِ رَبِّكَ ٱلَّذِي خَلَقَ ١
خَلَقَ ٱلۡإِنسَٰنَ مِنۡ عَلَقٍ ٢
ٱقۡرَأۡ وَرَبُّكَ ٱلۡأَكۡرَمُ ٣ ٱلَّذِي عَلَّمَ بِٱلۡقَلَمِ ٤

"(Wahai Muhammad)! Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (seluruh makhluk)(1). Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah(2). Bacalah dan Tuhanmu Yang Paling Pemurah(3). Yang mengajar dengan pena."(4)

(Surah al-'Alaq: 1-4)

Setelah turun ayat ini berlakulah keputusan wahyu dan selepas itu barulah turun malaikat membawa wahyu. Cara mengumpul atau menyelaraskan hadith-hadith ini ialah surah pertama yang diturun selepas masa keputusan wahyu itu ialah Surah al-Muddaththir ini.

Di sana ada pula satu riwayat yang lain. Ujar at-Tabrani: Kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Ali ibn Shu'ayb as-Simsar, kami telah diceritakan oleh al-Hasan ibn Bisyr al-Bajli, kami telah diceritakan oleh al-Mu'afi ibn 'Imran, dari Ibrahim ibn Yazid katanya: Aku dengar Ibn Abu Mulaykah berkata: Aku dengar Ibn 'Abbas berkata: Bahawa al-Walid ibn al-Mughirah telah mengadakan jamuan makan kepada orang-orang Quraisy. Setelah selesai mereka makan dia bertanya mereka: "Apa kata tuan-tuan terhadap lelaki ini (Nabi Muhammad s.a.w.)?" Jawab setengah mereka, "Dia ahli sihir." Setengah pula membantah, "Dia bukan ahli sihir." Kata yang lain, "Dia kahin (pawang yang mendakwa tahu perkara-perkara yang ghaib)." Dan setengah pula membantah, "Dia bukan kahin." Kata yang lain pula, "Dia seorang penyair." Tetapi yang lain membantah, "Dia bukan penyair." Kata setengah pula, "Al-Qur'an itu suatu sihir yang

dinukilkan dari tukang-tukang sihir." Lalu mereka pun membuat keputusan sepakat bahawa Al-Qur'an itu suatu sihir yang dinukilkan dari ahli-ahli sihir. Kemudian berita ini sampai kepada Rasulullah s.a.w. dan beliau pun berdukacita, lalu beliau membalut kepalanya dan berselimut, dan Allah pun menurunkan ayat-ayat berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمُدَّثِّرُ ١ قُمۡ فَأَنذِرۡ ٢ وَرَبَّكَ فَكَبِّرۡ ٣
وَثِيَابَكَ فَطَهِّرۡ ٤ وَٱلرُّجۡزَ فَٱهۡجُرۡ ٥
وَلَا تَمۡنُن تَسۡتَكۡثِرُ ٦ وَلِرَبِّكَ فَٱصۡبِرۡ ٧

(Ayat 1-7)

Manakah Yang Lebih Awal Turunnya Al-Muzzammil Atau Al-Muddaththir?

Riwayat ini juga hampir-hampir sama dengan riwayat mengenai Surah al-Muzzammil, menyebabkan kami tidak dapat mempastikan manakah satu dari kedua-duanya yang turun lebih awal dan manakah satu yang turun dengan sebab kejadian ini atau dengan sebab kejadian itu.

Tetapi melihat kepada nas Al-Qur'an itu sendiri membayangkan bahawa permulaan surah ini hingga kepada firman Allah Ta'ala:

وَلِرَبِّكَ فَٱصۡبِرۡ ٧

"Dan sabarlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu"(7)

mungkin diturunkan di peringkat awal masa da'wah sama seperti permulaan Surah al-Muzzammil hingga kepada firman Allah Ta'ala:

وَٱذۡكُرِ ٱسۡمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلۡ إِلَيۡهِ تَبۡتِيلٗا ٨
رَّبُّ ٱلۡمَشۡرِقِ وَٱلۡمَغۡرِبِ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱتَّخِذۡهُ وَكِيلٗا ٩

"Dan sebutlah nama Tuhanmu dan tumpukan ibadat kepada-Nya dengan tumpuan yang sempurna(8). Dialah Tuhan Timur dan Barat, tiada Tuhan melainkan Dia. Oleh itu, ambillah Allah sebagai pelindung."(9)

(Surah al-Muzzammil : 8-9)

Kedua-dua permulaan bagi surah-surah ini adalah bertujuan menyiapkan diri Rasulullah s.a.w. untuk memikul tugas da'wah yang amat besar dan untuk menghadapi kaum Quraisy selepas itu apabila da'wah kelak dilancarkan dengan terus-terang dan menyeluruh, kerana perkembangan ini akan menimbulkan berbagai-bagai kesulitan dan kesukaran yang memerlukan kepada penyediaan jiwa yang lebih awal. Kemudian ayat-ayat selanjutnya dalam Surah al-Muddaththir dan ayat-ayat selanjutnya dalam Surah al-Muzzammil, kedua-dua mungkin diturunkan tidak lama selepas itu apabila kaum Musyrikin mendustai Rasulullah s.a.w. dengan penuh kedegilan dan menentang beliau dengan berbagai-bagai tuduhan yang liar dan tipu daya yang jahat.

Tetapi kemungkinan ini tidak pula menafikan satu kemungkinan yang lain iaitu kedua-dua permulaan surah ini mungkin turun bersambung-sambung dengan ayat-ayat selanjutnya dalam surah ini dan surah itu kerana satu sebab yang sama iaitu kerana Rasulullah s.a.w. telah didustai dan ditentang dengan berbagai-bagai tipu daya yang jahat, yang dirancang oleh kaum Quraisy. Jadi, keperihalan dalam dua surah ini sama dengan keperihalan dalam Surah al-Qalam sebagaimana telah kami terangkan di sana.

* * * * * *

Walau bagaimanapun sebab dan latar belakang, namun permulaan surah ini mengandungi seruan Allah Yang Maha Tinggi melantik Nabi s.a.w. memikul tugas kerasulan yang amat besar, dan memerintah beliau supaya bangkit dari tidur dan membuang selimut untuk memulakan perjuangan yang penuh dengan kesukaran:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمُدَّثِّرُ ١ قُمۡ فَأَنذِرۡ ٢

"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."(2)

juga mengandungi bimbingan-bimbingan untuk Rasulullah s.a.w. supaya membuat persediaan yang cukup untuk melaksanakan tugas yang besar itu dan supaya memperjuangkannya mengikut arahan-arahan Allah yang berikut:

وَرَبَّكَ فَكَبِّرۡ ٣ وَثِيَابَكَ فَطَهِّرۡ ٤
وَٱلرُّجۡزَ فَٱهۡجُرۡ ٥ وَلَا تَمۡنُن تَسۡتَكۡثِرُ ٦
وَلِرَبِّكَ فَٱصۡبِرۡ ٧

"Dan terhadap Tuhanmu hendaklah engkau mengagung-agungkan-Nya(3). Dan terhadap pakaianmu hendaklah engkau bersihkannya(4). Dan terhadap kejahatan hendaklah engkau jauhkannya(5). Dan janganlah engkau memberi dan merasakan pemberian itu banyak (6). Dan sabarlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu."(7)

Bimbingan-bimbingan ini diakhiri dengan pesanan bersabar sama seperti bimbingan dalam Surah al-Muzzammil.

Kemudian surah ini mengandungi ancaman dan amaran kepada orang-orang yang tidak percayakan hari Akhirat serta perisytiharan perang secara langsung dari Allah terhadap mereka sama seperti yang terkandung di dalam Surah al-Muzzammil:

فَإِذَا نُقِرَ فِي ٱلنَّاقُورِ ٨
فَذَٰلِكَ يَوۡمَئِذٖ يَوۡمٌ عَسِيرٌ ٩
عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ غَيۡرُ يَسِيرٖ ١٠
ذَرۡنِي وَمَنۡ خَلَقۡتُ وَحِيدٗا ١١

وَجَعَلْتُ لَهُۥ مَالًا مَّمْدُودًا ﴿١٢﴾

"Apabila ditiupkan nafiri(8). Maka hari itulah hari yang amat sukar(9). Yang tidak mudah kepada orang-orang yang kafir(10). Biarkanlah aku sahaja bertindak terhadap orang yang Aku telah ciptakannya sendirian sahaja(11). Dan aku telah jadikan untuknya harta kekayaan yang luas."(12)

وَبَنِينَ شُهُودًا ﴿١٣﴾ وَمَهَّدتُّ لَهُۥ تَمْهِيدًا ﴿١٤﴾
ثُمَّ يَطْمَعُ أَنْ أَزِيدَ ﴿١٥﴾ كَلَّآ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ لِءَايَٰتِنَا عَنِيدًا ﴿١٦﴾
سَأُرْهِقُهُۥ صَعُودًا ﴿١٧﴾

"Dan anak-anak yang selalu menemaninya(13). Dan aku telah memberi kepadanya kemudahan hidup yang sempurna(14). Kemudian dia terus tamak supaya aku tambahkan lagi(15). Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya dia amat degil terhadap ayat-ayat Kami(16). Aku akan penatkannya mendaki jalan yang sukar."(17)

Surah al-Muddaththir ini menentukan salah seorang tokoh dari golongan pendusta itu dengan menyebutkan sifat-sifatnya dan melukiskan sebuah gambaran dari gambaran-gambaran tipu dayanya yang jahat sama seperti yang dilukiskan di dalam Surah al-Qalam.

Surah Al-Qalam Dan Surah Al-Muddaththir Sama-sama Mengecam Seorang Tokoh Penentang Da'wah

Mungkin orang yang dimaksudkan dalam surah ini dan dalam Surah al-Qalam itu ialah orang yang sama. Menurut satu pendapat, orang itu ialah al-Walid ibn al-Mughirah (sebagaimana akan diterangkan dengan terperinci ketika mentafsirkan ayat-ayat ini kelak). Kemudian surah ini menyebut sebab orang ini diperangi Allah:

إِنَّهُۥ فَكَّرَ وَقَدَّرَ ﴿١٨﴾ فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿١٩﴾
ثُمَّ قُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿٢٠﴾ ثُمَّ نَظَرَ ﴿٢١﴾
ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ﴿٢٢﴾

"Sesungguhnya dia berfikir dan merancang (untuk menentang Al-Qur'an)(18). Binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(19). Kemudian binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(20). Kemudian dia merenung(21). Kemudian mukanya menjadi masam dan muram."(22)

ثُمَّ أَدْبَرَ وَٱسْتَكْبَرَ ﴿٢٣﴾
فَقَالَ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ يُؤْثَرُ ﴿٢٤﴾
إِنْ هَٰذَآ إِلَّا قَوْلُ ٱلْبَشَرِ ﴿٢٥﴾ سَأُصْلِيهِ سَقَرَ ﴿٢٦﴾
وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا سَقَرُ ﴿٢٧﴾

"Kemudian dia berpaling dari kebenaran dan berlagak angkuh(23). Lalu dia berkata: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan suatu sihir yang dinukilkannya (dari ahli-ahli sihir)(24). Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya perkataan manusia sahaja(25). Aku akan memasukkannya ke dalam Neraka Saqar(26). Tahukah engkau apakah Neraka Saqar tu?"(27)

لَا تُبْقِى وَلَا تَذَرُ ﴿٢٨﴾ لَوَّاحَةٌ لِّلْبَشَرِ ﴿٢٩﴾
عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

"(Ia membakar habis-habisan) tidak meninggal dan tidak membiarkan sesuatu apa(28). Ia membakar kulit-kulit manusia(29). Ia dikawal oleh sembilan belas malaikat pengawal."(30)

Oleh sebab tayangan pemandangan Neraka Saqar dengan bilangan sembilan belas malaikat Pengawal itu telah menimbulkan kekecohan, fitnah, keraguan, kemusykilan dan sendaan dalam kalangan orang-orang Musyrikin dan orang-orang yang lemah iman, maka surah ini telah menerangkan hikmat Allah menyebutkan bilangan itu dan mendedahkan hakikat alam ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Ia mendedahkan sebahagian dari kefahaman keimanan terhadap hakikat-hakikat ghaib yang tersembunyi dalam pengetahuan Allah:

وَمَا جَعَلْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلنَّارِ إِلَّا مَلَٰٓئِكَةً ۙ وَمَا جَعَلْنَا عِدَّتَهُمْ
إِلَّا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِيَسْتَيْقِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ
وَيَزْدَادَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِيمَٰنًا ۙ وَلَا يَرْتَابَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ
وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۙ وَلِيَقُولَ ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَٱلْكَٰفِرُونَ
مَاذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِهَٰذَا مَثَلًا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ
وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۚ وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ ۚ وَمَا هِىَ
إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْبَشَرِ ﴿٣١﴾

"Dan Kami tidak jadikan pengawal-pengawal Neraka itu melainkan dari jenis malaikat. Dan Kami tidak jadikan bilangan mereka melainkan supaya menjadi ujian kepada orang-orang yang kafir dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab itu yakin kepada (kebenaran Al-Qur'an), dan supaya orang-orang yang beriman semakin bertambah iman mereka, dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab dan orang-orang Mu'min tidak ragu-ragu, juga supaya orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka dan orang-orang kafir berkata: Apakah tujuan Allah menyebut bilangan ini? Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Tiada siapa yang mengetahui bilangan tentera Tuhanmu melainkan Dia sahaja. Dan ia (Neraka Saqar) tidak lain melainkan suatu peringatan kepada manusia."(31)

Kemudian Al-Qur'an hubungkan pemandangan Akhirat dalam bentuk Neraka Saqar dan pengawal-pengawal yang menjaganya dengan pemandangan alam dunia untuk menambahkan kesedaran kepada hati manusia:

كَلَّا وَٱلۡقَمَرِ ﴿٣٢﴾ وَٱلَّيۡلِ إِذۡ أَدۡبَرَ ﴿٣٣﴾
وَٱلصُّبۡحِ إِذَآ أَسۡفَرَ ﴿٣٤﴾ إِنَّهَا لَإِحۡدَى ٱلۡكُبَرِ ﴿٣٥﴾
نَذِيرٗا لِّلۡبَشَرِ ﴿٣٦﴾ لِمَن شَآءَ مِنكُمۡ أَن يَتَقَدَّمَ أَوۡ يَتَأَخَّرَ ﴿٣٧﴾

"Tidak sekali-kali begitu. Demi bulan(32). Dan demi malam apabila ia berlalu(33). Dan demi pagi apabila ia menyerlah terang(34). Sesungguhnya Neraka Saqar itu salah satu kejadian-kejadian yang amat besar(35). Sebagai amaran kepada manusia(36). Kepada siapa di antara kamu yang ingin maju atau mundur."(37)

Pengakuan Orang-orang Yang Masuk Neraka

Kemudian Al-Qur'an menayangkan kedudukan orang-orang yang berdosa dan kedudukan golongan kanan, dan menerangkan pengakuan orang-orang yang berdosa yang mengaku bahawa mereka memang wajar dipersalahkan pada hari balasan dan hisab itu, dan akhirnya ia memberi kata pemutus kepada mereka, iaitu mereka tidak akan dapat ditolong dengan syafa'at dari sesiapa pun.

كُلُّ نَفۡسِۭ بِمَا كَسَبَتۡ رَهِينَةٌ ﴿٣٨﴾
إِلَّآ أَصۡحَٰبَ ٱلۡيَمِينِ ﴿٣٩﴾ فِي جَنَّٰتٖ يَتَسَآءَلُونَ ﴿٤٠﴾
عَنِ ٱلۡمُجۡرِمِينَ ﴿٤١﴾ مَا سَلَكَكُمۡ فِي سَقَرَ ﴿٤٢﴾

"Setiap individu bertanggungjawab terhadap perbuatan yang telah dilakukannya(38). Melainkan golongan kanan (39). Mereka berada di dalam Syurga saling bertanya (40). Tentang orang-orang yang berdosa(41). Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar?"(42)

قَالُواْ لَمۡ نَكُ مِنَ ٱلۡمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾
وَلَمۡ نَكُ نُطۡعِمُ ٱلۡمِسۡكِينَ ﴿٤٤﴾
وَكُنَّا نَخُوضُ مَعَ ٱلۡخَآئِضِينَ ﴿٤٥﴾
وَكُنَّا نُكَذِّبُ بِيَوۡمِ ٱلدِّينِ ﴿٤٦﴾ حَتَّىٰٓ أَتَىٰنَا ٱلۡيَقِينُ ﴿٤٧﴾
فَمَا تَنفَعُهُمۡ شَفَٰعَةُ ٱلشَّٰفِعِينَ ﴿٤٨﴾

"Jawab mereka: Kami dahulu tidak termasuk dalam golongan orang yang mendirikan solat(43). Dan kami tidak pernah memberi makan kepada orang-orang miskin (44). Dan kami banyak membicarakan perkara-perkara yang batil bersama para pembicaranya(45). Dan kami mendustakan Hari Balasan(46). Hingga kami didatangi maut(47). Oleh itu, tidak akan berguna kepada mereka sebarang syafa'at dari mana-mana pemberi syafa'at."(48)

Dalam suasana pemandangan mereka yang menghampa dan pengakuan mereka yang hina itu, Al-Qur'an mengecam sikap mereka dan melukiskan satu pemandangan lucu yang menggambarkan keliaran mereka yang degil dari kebenaran:

فَمَا لَهُمۡ عَنِ ٱلتَّذۡكِرَةِ مُعۡرِضِينَ ﴿٤٩﴾
كَأَنَّهُمۡ حُمُرٞ مُّسۡتَنفِرَةٞ ﴿٥٠﴾ فَرَّتۡ مِن قَسۡوَرَةِۭ ﴿٥١﴾

"Mengapakah mereka berpaling dari peringatan (Al-Qur'an)?(49). Mereka seolah-olah keldai-keldai yang liar (50). Yang lari dari singa."(51)

. Kemudian Al-Qur'an mendedahkan hakikat keangkuhan yang berkecamuk dalam jiwa mereka, iaitu keangkuhan yang menghalang mereka dari menyambut seruan Rasulullah s.a.w. yang memberi peringatan kepada mereka:

بَلۡ يُرِيدُ كُلُّ ٱمۡرِيٕٖ مِّنۡهُمۡ أَن يُؤۡتَىٰ صُحُفٗا مُّنَشَّرَةٗ ﴿٥٢﴾

"Bahkan setiap orang dari mereka berkehendak supaya dikurniakan kitab-kitab suci yang tersebar."(52)

Hakikat keangkuhan itu ialah kerana mereka menaruh hasad dengki terhadap Rasulullah s.a.w. dan berangan-angan supaya mereka dipilih menjadi Rasul, di samping satu sebab batin yang lain iaitu ketiadaan rasa taqwa:

كَلَّاۖ بَل لَّا يَخَافُونَ ٱلۡأٓخِرَةَ ﴿٥٣﴾

"Tidak sekali-kali begitu, bahkan mereka tidak takut kepada hari Akhirat."(53)

Pada akhirnya disampaikan satu kenyataan tegas dan memulangkan segala sesuatu kepada kehendak Allah dan taqdir-Nya:

كَلَّآ إِنَّهُۥ تَذۡكِرَةٞ ﴿٥٤﴾ فَمَن شَآءَ ذَكَرَهُۥ ﴿٥٥﴾
وَمَا يَذۡكُرُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُۚ هُوَ أَهۡلُ ٱلتَّقۡوَىٰ
وَأَهۡلُ ٱلۡمَغۡفِرَةِ ﴿٥٦﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya Al-Qur'an itu peringatan(54). Oleh itu sesiapa yang mahu dia boleh mengambil pengajaran darinya(55). Dan mereka tidak akan mengambil pengajaran darinya kecuali dikehendaki Allah. Dialah Tuhan yang layak menerima taqwa dan yang layak memberi keampunan."(56)

* * * * * *

Surah Al-Qalam, Al-Muzzammil Dan Al-Muddaththir Menghadapi Cabaran Yang Sama

Demikianlah surah ini merupakan satu mata rantai dari mata-mata rantai perjuangan psikologi yang dilancarkan oleh Al-Qur'an untuk menentang tabi'at jahiliyah dan kepercayaan-kepercayaannya di dalam hati orang-orang Quraisy, di samping menentang

sikap mereka yang degil, tipu daya mereka yang jahat dan keengganan mereka untuk mengikut kebenaran dengan berbagai-bagai cara dan gaya. Di sana terdapat banyak titik-titik persamaan di antara tujuan-tujuan surah ini dengan tujuan-tujuan Surah al-Muzzammil dan Surah al-Qalam. Ini menunjukkan bahawa surah-surah ini diturunkan dalam masa yang berdekatan untuk menghadapi keadaan-keadaan yang sama kecuali bahagian yang kedua dari Surah al-Muzzammil yang diturun khusus untuk memberi latihan rohaniyah kepada Rasulullah s.a.w. dan pengikut-pengikutnya.

* * * * * *

Surah ini mengandungi ayat-ayat yang pendek, cepat dan mempunyai berbagai-bagai jenis ceraian dan berbagai-bagai bunyi akhir katanya. Nadanya kadang-kadang lambat dan kadang-kadang pula cepat dan mengah terutama ketika menggambarkan pemandangan si pendusta yang sedang berfikir dan merancang, sekali muram sekali pula sukacita, juga ketika menggambar pemandangan Neraka Saqar yang menelan habis-habisan dan menyelar kulit-kulit manusia dan pemandangan orang-orang kafir yang lari bertempiaran dari hidayat seolah-olah mereka lari dari seekor singa.

Wujudnya berbagai-bagai nada dan bunyi bersajak pada akhiran kata mengikut berbagai-bagai pemandangan dan gambaran itu menjadikan surah ini mempunyai suatu kecapan yang istimewa terutama ketika mengulangkan setengah-setengah bunyi bersajak pada akhiran kata seperti bunyi راء yang mati pada kalimat-kalimat المدثر, أنذر, فكبر kemudian selepas seketika berulang pula pada kalimat-kalimat قدر, بسر, سقر, استكبر begitu juga perpindahan dari satu bunyi bersajak pada akhiran kata kepada satu bunyi bersajak pada akhiran kata, yang lain di dalam satu para ayat yang sama secara mengejut kerja satu tujuan yang tertentu pada ayat:

فَمَا لَهُمْ عَنِ ٱلتَّذْكِرَةِ مُعْرِضِينَ ﴿٤٩﴾

كَأَنَّهُمْ حُمُرٌ مُّسْتَنفِرَةٌ ﴿٥٠﴾ فَرَّتْ مِن قَسْوَرَةٍ ﴿٥١﴾

(Ayat 49-51)

Di dalam ayat yang pertama, Al-Qur'an bertanya dan membidas. Sedangkan di dalam ayat yang kedua ia menggambar dan mengejek. Demikianlah seterusnya.

Sekarang marilah kita mulai huraikan surah ini dengan terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنذِرْ ﴿٢﴾

"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."(2)

Tugas Da'wah Tugas Yang Paling Berat

Itulah seruan Allah Yang Maha Tinggi supaya Rasulullah s.a.w. memikul tugas da'wah yang amat besar dan amat berat itu, iaitu tugas mengingat dan menyedarkan umat manusia dan menyelamatkan mereka dari malapetaka dunia dan keseksaan Neraka di Akhirat, serta membimbing mereka ke jalan keselamatan sebelum luput waktunya. Tugas ini amat berat dan sukar apabila diletakkan ke atas bahu seseorang manusia walaupun ia nabi dan rasul, kerana sikap manusia yang sesat, menderhaka, menentang, zalim, menyeleweng dan menjauhi da'wah. Oleh sebab itulah tugas da'wah merupakan tugas yang paling berat di antara tugas-tugas yang dipikul oleh seseorang manusia di dunia ini.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنذِرْ ﴿٢﴾

"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."(2)

Tugas Utama Kerasulan Ialah Penyampaian Peringatan

Penyampaian peringatan merupakan unsur yang paling nyata dari tugas kerasulan, iaitu mengingatkan manusia dari bahaya yang mengancam orang-orang yang lalai dan leka di dalam kesesatan. Di sini jelas kelihatan bagaimana limpahnya rahmat Allah terhadap para hamba-Nya. Walaupun kesesatan manusia tidak menjejaskan apa-apa kepada kerajaan Allah dan walaupun keimanan mereka tidak menambahkan apa-apa kepada kebesaran kerajaan-Nya, namun dengan limpah rahmat-Nya ia memberi sepenuh perhatian kepada mereka supaya mereka terselamat dari 'azab yang pedih di negeri Akhirat dan dari malapetaka yang membinasakan mereka di dunia, dan supaya mereka disampaikan da'wah oleh para rasul-Nya agar dapat Dia memberi keampunan kepada mereka dan memasukkan mereka ke dalam Syurga-Nya dengan limpah kurnia-Nya.

Kemudian ayat yang berikut menyampaikan arahan-arahan khusus untuk Rasulullah s.a.w. supaya menyediakan dirinya selepas beliau ditugas memberi peringatan kepada orang lain:

وَرَبَّكَ فَكَبِّرْ ﴿٣﴾

"Dan terhadap Tuhanmu hendaklah mengagung-agungkan-Nya."(3)

Segala Sesuatu Lenyap Di Hadapan Keagungan Allah

Hendaklah engkau membesar dan mengagung-agungkan Tuhanmu Yang Maha Esa, Allah mengarahkannya supaya beliau mengagung-agungkan Tuhannya, kerana Dialah sahaja Yang Maha Besar dan agung dan Dialah yang wajar diagung-agung dan dibesar-besarkan. Arahan ini merupakan sebahagian dari kefahaman keimanan terhadap konsep Uluhiyah dan konsep tauhid.

Setiap orang, setiap sesuatu, setiap nilai dan setiap hakikat adalah kecil belaka. Hanya Allah jua Yang

Maha Besar, dan di bawah bayang kebesaran dan kesempurnaan Allah lenyaplah segala jirim, segala saiz, segala kekuatan, segala nilai, segala peristiwa, segala keadaan, segala konsep dan segala bentuk rupa seluruhnya lenyap di dalam kebesaran dan kesempurnaan Allah Yang Maha Esa, Maha Agung dan Maha Tinggi.

Ia merupakan arahan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau menghadapi tugas menyampaikan peringatan kepada manusia dan menempuh segala kesukarannya dengan kefahaman dan kesedaran yang teguh seperti itu. Oleh itu, ia harus memandang segala tentangan, segala kekuatan dan segala halangan sebagai kecil belaka dan merasakan bahawa Tuhannya yang menyerahkan tugas kerasulan ini sahaja Yang Maha Besar. Kesulitan dan kesusahan-kesusahan perjuangan da'wah memerlukan penda'wah-penda'wah itu sentiasa mengingati kefahaman dan kesedaran ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 7)

Kemudian ayat yang berikut menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya membersihkan diri:

وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ ۝٤

"Dan terhadap pakaianmu hendaklah engkau bersihkannya."(4)

Kebersihan Diri Syarat Utama Da'wah

Dalam pemakaian bahasa Arab "kebersihan pakaian" merupakan kiasan dari kebersihan hati, akhlak dan perbuatan atau kebersihan diri yang dibalut oleh pakaian. Kebersihan merupakan satu keadaan yang sesuai untuk menerima wahyu Allah dari alam al-Mala'ul-A'la, juga merupakan satu sifat yang sebati dengan tabi'at kerasulan. Malah kebersihan merupakan satu keperluan untuk menjalankan tugas menyampaikan peringatan dan menyebarkan da'wah di tengah-tengah berbagai-bagai gelombang dan angin ribut, di tengah-tengah berbagai-bagai jalan dan lorong. Di sana penda'wah akan bertembung dengan berbagai-bagai kekotoran, kecemaran dan campur aduk, kerana itu dia perlukan kebersihan yang sempurna supaya dia dapat menyelamatkan orang-orang yang kotor tanpa terdedah kepada kekotoran itu, dan dapat menghubungi manusia-manusia yang cemar tanpa terkena kecemaran. Ayat ini merupakan suatu tarikan perhatian yang amat halus dan mendalam kepada persekitaran-persekitaran yang perlu bagi kerasulan dan da'wah untuk melancarkannya di dalam berbagai-bagai kalangan manusia, berbagai-bagai masyarakat, berbagai-bagai keadaan dan bermacam-macam hati.

Allah mengarahkan Rasul-Nya supaya menjauhi syirik dan segala kejahatan yang akan dibalas dengan 'azab:

وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ ۝٥

"Dan terhadap kejahatan hendaklah engkau jauhkannya."(5)

Penda'wah Harus Berpisah Dari Kemungkinan Dan Amalan Jahiliyah

Rasulullah s.a.w. telah menjauhi syirik dan perbuatan-perbuatan maksiat yang dibalas dengan 'azab itu sejak sebelum beliau diangkat menjadi Nabi lagi. Tabi'at semulajadinya yang bersih itu telah membuat beliau merasa jijik terhadap kepercayaan-kepercayaan jahiliyah yang karut itu dan terhadap tingkahlaku dan budaya-budaya jahiliyah yang kotor itu, kerana itu beliau tidak pernah menyertai dalam mana-mana amalan jahiliyah. Maksud dari arahan ini ialah supaya beliau pisahkan dirinya dari jahiliyah dan mengisytiharkan pemisahan yang tidak ada tidak damai, kerana jalan hidayat dan jalan jahiliyah merupakan dua batang jalan yang tidak mempunyai titik pertemuan. Begitu juga arahan itu bermaksud supaya beliau menjaga diri dari terkena kekotoran kejahatan-kejahatan itu. Kata-kata "الرجز" (ar-rujza) pada asalnya bermakna "'azab" kemudian dipakai dengan makna kejahatan-kejahatan yang membawa kepada akibat yang mengazabkan seseorang. Hendaklah beliau berwaspada menjaga kebersihan dirinya dari noda-noda kejahatan itu.

Kemudian Allah mengarahkan Rasul-Nya supaya melupakan kepentingan-kepentingan dirinya dan jangan membangkit-bangkitkan segala usaha tenaga yang dikorbankannya dan merasakan pengorbanannya itu cukup banyak dan besar:

وَلَا تَمْنُن تَسْتَكْثِرُ ۝٦

"Dan janganlah engkau memberi dan merasakan pemberian itu banyak."(6)

Penda'wah Harus Lupakan Kepentingan Diri Dan Membangkit-bangkitkan Jasa Dan Bakti

Kerana masih banyak lagi yang harus diberi dan dikorbankan oleh beliau, dan masih banyak lagi kesukaran, pengorbanan dan kepenatan yang akan dihadapi beliau. Allah tidak mahu beliau memandang apa yang dikorbankannya sebagai amat besar, banyak dan membangkit-bangkitkannya. Tugas da'wah tidak menjadi betul pada penda'wah yang memperhitungkan pengorbanan-pengorbanannya, kerana pengorbanan untuk da'wah adalah terlalu besar dan tidak tertanggung oleh penda'wah kecuali ia melupakan terus pengorbanan itu dan kecuali dari asal lagi ia tidak terasa dengan pengorbanannya itu kerana seluruh perasaannya telah tertumpu kepada Allah dan kerana dia sedar bahawa segala apa yang dikorbankannya itu adalah dari limpah kurnia Allah belaka. Oleh itu, pengorbanannya merupakan satu kelebihan yang dikurniakan Allah kepadanya. Dia telah dipilih Allah untuk mendapat kelebihan dan penghormatan berkorban dan kerana itu dia harus bersyukur kepada Allah bukannya membangkit-bangkitkan pengorbanannya dan bukan merasakan pengorbanannya cukup banyak dan besar.

Pada akhirnya Allah mengarahkan Rasul-Nya supaya bersabar:

وَلِرَبِّكَ فَٱصۡبِرۡ ٧

"Dan sabarlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu."(7)

Penda'wah Harus Berperisaikan Kesabaran

Kesabaran merupakan pesanan Allah yang sentiasa diulang-ulangkan pada setiap perintah berda'wah dan setiap pernyataan meneguhkan perjuangan da'wah. Kesabaran merupakan bekalan yang pokok dalam perjuangan da'wah yang amat sukar iaitu perjuangan da'wah kepada Allah. Perjuangan dua hala menentang keinginan hati dan menentang musuh-musuh da'wah yang dipimpin oleh syaitan-syaitan dan nafsu keinginan. Ia merupakan satu perjuangan yang amat panjang dan amat sengit, tiada bekalan untuk perjuangan ini kecuali kesabaran yang diniatkan dengan ikhlas kerana Allah dan kerana mencapai balasan dan keredhaan-Nya semata-mata.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 10)

Setelah selesai menyampaikan arahan kepada Rasul-Nya yang mulia, ayat yang berikut memberi amaran kepada manusia-manusia yang lain dengan satu kenyataan yang merangsangkan kesedaran mereka terhadap kedatangan Hari Qiamat yang dahsyat, yang diperingatkan oleh Rasul:

فَإِذَا نُقِرَ فِي ٱلنَّاقُورِ ٨ فَذَٰلِكَ يَوۡمَئِذٖ يَوۡمٌ عَسِيرٌ ٩

عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ غَيۡرُ يَسِيرٖ ١٠

"Apabila ditiupkan nafiri(8). Maka hari itulah hari yang amat sukar(9). Yang tidak mudah kepada orang-orang yang kafir."(10)

Detik-detik Ketibaan Qiamat

Ungkapan "نقر في الناقور" (ditiupkan nafiri) di dalam ayat-ayat yang lain diungkapkan dengan kata-kata "نفخ في الصور" (ditiupkan sangkakala), tetapi ungkapan "ditiupkan nafiri" di dalam surah ini menyaran bunyi suara yang lebih keras seolah-olah bunyi patukan atau catukan yang amat kuat, kerana bunyi yang mematuk dan memukau gegendang telinga itu lebih keras dari bunyi yang didengar telinga. Oleh itu, Al-Qur'an sifatkan hari itu sebagai hari yang amat sukar, yang tiada membawa sebarang bayang kesenangan kepada orang-orang yang kafir:

عَلَى ٱلۡكَٰفِرِينَ غَيۡرُ يَسِيرٖ ١٠

"Yang tidak mudah kepada orang-orang yang kafir."(10)

Segala-galanya pada hari itu sulit dan sukar belaka, dan kesulitan itu tidak akan diselangi sebarang kesenangan dan kemudahan. Al-Qur'an tidak menghuraikan keadaan yang sukar itu, malah ditinggalkan umum begitu sahaja tanpa ulasan, dan ini membayangkan seluruh mereka berada dalam keadaan cemas, susah, derita, gelisah, risau dan bosan. Alangkah baiknya kepada orang-orang yang kafir mendengar amaran Rasul ini sebelum ditiupkan nafiri yang akan mendedahkan mereka kepada hari yang amat sukar dan sulit itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 30)

Kisah Seorang Tokoh Penentang Da'wah Yang Amat Jahat

Setelah selesai memberi amaran kepada semua manusia, ayat yang berikut berpindah pula untuk berdepan dengan seorang tokoh tertentu dari golongan pendusta-pendusta iaitu seorang tokoh yang nampaknya mempunyai peranan utama dan istimewa dalam gerakan menetang da'wah. Lalu Al-Qur'an hadapkan kepadanya satu ancaman dan amaran yang menghancur-leburkannya dan melukiskannya dengan satu gambaran yang keji dan lucu keadaan hidup, keadaan jiwa dan air mukanya muncul begitu jelas dan begitu hidup di celah-celah kata-kata yang menggambarkannya:

ذَرۡنِي وَمَنۡ خَلَقۡتُ وَحِيدٗا ١١

وَجَعَلۡتُ لَهُۥ مَالٗا مَّمۡدُودٗا ١٢ وَبَنِينَ شُهُودٗا ١٣

وَمَهَّدتُّ لَهُۥ تَمۡهِيدٗا ١٤ ثُمَّ يَطۡمَعُ أَنۡ أَزِيدَ ١٥

"Biarkanlah Aku sahaja bertindak terhadap orang yang Aku telah ciptakannya sendirian sahaja(11). Dan Aku telah jadikan untuknya harta kekayaan yang luas(12). Dan anak-anak yang selalu menemaninya(13). Dan Aku telah memberi kepadanya kemudahan hidup yang sempurna(14). Kemudian dia terus tamak supaya aku tambahkan lagi."(15)

كَلَّآۖ إِنَّهُۥ كَانَ لِأٓيَٰتِنَا عَنِيدٗا ١٦

سَأُرۡهِقُهُۥ صَعُودًا ١٧ إِنَّهُۥ فَكَّرَ وَقَدَّرَ ١٨

فَقُتِلَ كَيۡفَ قَدَّرَ ١٩ ثُمَّ قُتِلَ كَيۡفَ قَدَّرَ ٢٠

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya dia amat degil terhadap ayat-ayat Kami(16). Aku akan penatkannya mendaki jalan yang sukar(17). Sesungguhnya dia berfikir dan merancang (untuk menentang Al-Qur'an)(18). Binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(19). Kemudian binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang."(20)

ثُمَّ نَظَرَ ٢١ ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ٢٢

ثُمَّ أَدۡبَرَ وَٱسۡتَكۡبَرَ ٢٣

فَقَالَ إِنۡ هَٰذَآ إِلَّا سِحۡرٞ يُؤۡثَرُ ٢٤

إِنْ هَٰذَآ إِلَّا قَوْلُ ٱلْبَشَرِ ﴿٢٥﴾

"Kemudian dia merenung(21). Kemudian mukanya menjadi masam dan muram(22). Kemudian dia berpaling dari kebenaran dan berlagak angkuh(23). Lalu dia berkata: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan suatu sihir yang dinukilkannya (dari ahli-ahli sihir)(24). Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya perkataan manusia sahaja."(25)

سَأُصْلِيهِ سَقَرَ ﴿٢٦﴾ وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا سَقَرُ ﴿٢٧﴾ لَا تُبْقِى وَلَا تَذَرُ ﴿٢٨﴾ لَوَّاحَةٌ لِّلْبَشَرِ ﴿٢٩﴾ عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

"Aku akan memasukkannya ke dalam Neraka Saqar(26). Tahukah engkau apakah Neraka Saqar itu?(27). (Ia membakar habis-habisan) tidak meninggal dan tidak membiarkan sesuatu apa(28). Ia membakar kulit-kulit manusia(29). Ia dikawal oleh sembilan belas malaikat pengawal."(30)

Kisah Al-Walid Ibn Mughirah Al-Makhzumi Tokoh Penentang Da'wah Yang Kaya Dan Berpengaruh

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat yang menunjukkan bahawa tokoh yang dimaksudkan di sini ialah al-Walid ibn al-Mughirah al-Makhzumi. Ujar Ibn Jarir: Kami diceritakan oleh Ibn Abdul A'la, kami diceritakan oleh Muhammad ibn Thaurah dari Ma'mar dari 'Ubadah ibn Mansur, dari 'Ikrimah bahawa al-Walid ibn al-Mughirah telah datang menemui Nabi s.a.w., lalu beliau membaca Al-Qur'an kepadanya dan dia seolah-olah tertarik kepada beliau. Kemudian berita pertemuan itu sampai kepada Abu Jahl ibn Hisyam, lalu dia datang menemui al-Walid dan berkata kepadanya: "Pak Cik! Kaum Pak Cik mahu mengumpulkan harta untuk Pak Cik." Lalu ia bertanya: "Mengapa?" Jawab Abu Jahl: "Mereka mahu memberikannya kepada Pak Cik sebab Pak Cik telah menemui Muhammad kerana meminta sesuatu darinya, (Abu Jahal mahu membakar hati al-Walid dari segi kewangan kerana dia tahu al-Walid sangat sensitif dengan hal ini). Lalu al-Walid berkata: "Orang-orang Quraisy memang tahu bahawa akulah orang yang paling kaya dalam kalangan mereka." Ujar Abu Jahl, "Jika begitu, berilah pendapat Pak Cik terhadap Muhammad supaya kaum Pak Cik semua tahu bahawa Pak Cik tidak percaya kepada apa yang dicakapkannya dan menaruh benci kepadanya." Jawab al-Walid. "Apakah yang aku akan katakan terhadapnya? Demi Allah tidak seorangpun dari kamu yang lebih alim dariku tentang sajak-sajak dan ragam-ragamnya juga sajak-sajak jin, tetapi demi Allah, apa yang diucapkan oleh Muhammad itu tidak serupa sedikitpun dengan sajak-sajak itu. Demi Allah, kata-kata yang diucapkannya itu amat manis dan amat tinggi." Kata Abu Jahl: "Demi Allah, kaum Pak Cik tidak akan puas hati sehingga Pak Cik memberi pendapat Pak Cik terhadap kata-kata yang diucapkan oleh Muhammad." Jawab al-Walid: "Baiklah. Biarkan aku fikirkannya." Setelah berfikir dia pun berkata, "Al-Qur'an yang diucapkan oleh Muhammad ini tidak lain melainkan kata-kata sihir yang dinukilkannya dari ahli-ahli sihir." lalu turunlah ayat 11 hingga 30 surah ini.

Mengikut satu riwayat yang lain orang-orang Quraisy berkata, "Jika al-Walid keluar dari agamanya, maka seluruh orang-orang Quraisy akan ikut keluar dari agama mereka." Lalu Abu Jahl berkata, "Biarlah aku menolong kamu untuk menghalanginya. "Kemudian dia masuk menemui al-Walid. Selepas berfikir panjang al-Walid berkata, "Al-Qur'an yang diucapkan oleh Muhammad itu ialah kata-kata sihir yang dinukil dari ahli-ahli sihir. Tidakkah kamu lihat bagaimana Muhammad telah memecahbelahkan seseorang dengan keluarganya, anak-anaknya dan bekas-bekas hamba?"

Inilah peristiwa yang berlaku mengikut keterangan riwayat-riwayat, tetapi Al-Qur'an menceritakannya dengan gambaran yang hidup dan menarik. Ia mulakan dengan ancaman yang amat menakutkan:

Allah Mengambil Alih Teruju Perjuangan Menentang Musuh Da'wah

ذَرْنِى وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا ﴿١١﴾

"Biarkanlah Aku sahaja bertindak terhadap orang yang Aku telah ciptakannya sendirian sahaja."(11)

Kata-kata ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. dengan erti: Wahai Muhammad! Tinggalkan sahaja orang itu kepada Aku. Biarkan Aku sahaja bertindak terhadapnya. Akulah yang telah menciptakannya sebatang kara. Dia dulunya tidak memiliki sesuatu apa dari harta kekayaannya yang luas, tidak juga mempunyai anak-anak yang sentiasa berada bersama dengannya dan tidak mempunyai ni'mat-ni'mat kemegahannya yang telah menjadikannya seorang yang congkak bongkak sekarang ini. Biarkan Aku sahaja bertindak terhadapnya, dan janganlah hatimu risau dengan tindak-tanduknya yang jahat, kerana Aku sendiri akan memeranginya. Di sini hati kita menggigil ketakutan apabila memikirkan kemunculan kekuatan Allah Yang Maha Kuasa untuk menggayangkan makhluk yang kerdil ini, iaitu rasa gementar yang dicampakkan Al-Qur'an ke dalam hati pembaca dan pendengar yang aman dari ketakutan ini. Jadi, bagaimana pula dengan orang-orang yang benar-benar dilandakan ketakutan ini.

Al-Qur'an menerangkan dengan panjang keadaan hidup makhluk yang kerdil itu dan ni'mat-ni'mat yang dianugerahi Allah kepadanya sebelum menerangkan kisah kedegilan dan keengganannya untuk beriman. Allah telah menjadikannya dulu seorang diri tidak memiliki sesuatu apa walaupun kain bajunya. Kemudian selepas itu, Allah kurniakan kepadanya harta kekayaan yang melimpah-ruah, anak-anak yang ramai yang sentiasa berada di sekelilingnya dan kemudahan hidup yang sempurna.

ثُمَّ يَطْمَعُ أَنْ أَزِيدَ ﴿١٥﴾

"Kemudian dia terus tamak supaya Aku tambahkan lagi."(15)

Yakni dia merasa tidak cukup dengan segala apa yang telah dikurniakan kepadanya, dan dia tidak bersyukur. Barangkali dia ingin supaya wahyu dan kitab suci itu juga diturun dan dikurniakan kepadanya sebagaimana diterangkan di akhir surah iaitu:

بَلْ يُرِيدُ كُلُّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ أَن يُؤْتَىٰ صُحُفًا مُّنَشَّرَةً ﴿٥٢﴾

"Bahkan setiap orang dari mereka berkehendak supaya dikurniakan kitab-kitab suci yang tersebar."(52)

Jadi dia termasuk dalam golongan mereka yang menaruh hasad dengki terhadap Rasulullah s.a.w. kerana beliau dipilih menjadi Nabi, tetapi kemahuannya itu telah diherdikkan Allah dengan keras. Dia tidak pernah membuat kebaikan dan keta'atan dan tidak pernah bersyukur kepada Allah kemudian dia masih mengharap supaya Allah menambahkan lagi pemberian-Nya:

كَلَّآ إِنَّهُۥ كَانَ لِءَايَٰتِنَا عَنِيدًا ﴿١٦﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya dia amat degil terhadap ayat-ayat Kami."(16)

Kata-kata كلا digunakan untuk membentak dan mencela. Dia menentang bukti-bukti kebenaran dan keimanan dengan degil. Dia menghalangi da'wah dan memerangi Rasul-Nya. Dia enggan menerima da'wah dan menahan orang lain menerimanya, dan ia menyebarkan berbagai-bagai tuduhan yang mengelirukan terhadap da'wah.

Kemudian bentakan dan celaan itu diiringi dengan amaran yang akan menukarkan kesenangan dengan kesulitan dan kesukaran:

سَأُرْهِقُهُۥ صَعُودًا ﴿١٧﴾

"Aku akan penatkannya mendaki jalan yang sukar."(17)

Orang Yang Menyeleweng Dari Kebenaran Akan Menempuh Jalan Yang Sukar

Ungkapan ini menggambarkan gerak kesukaran kerana pergerakan mendaki jalan yang tinggi itu merupakan satu perjalanan yang amat sukar dan memenatkan, apatah lagi apabila seseorang itu mendaki dengan terpaksa bukan dengan kehendaknya sendiri. Senafas itu juga, ungkapan ini menyampaikan satu hakikat yang benar kerana orang yang menyeleweng dari jalan iman yang mudah dan senang itu akan terkisut-kisut di jalan yang berlopak-lopak dan sukar dan akan hidup dalam keadaan resah gelisah, cemas, risau dan bosan seolah-olah ia mendaki langit atau mendaki jalan yang licin, sukar dan tandus tanpa bekalan, tanpa rehat dan tanpa harapan di penghujung jalan.

Kemudian Al-Qur'an melukiskan satu gambaran yang kreatif terhadap gerak-gerinya yang lucu ketika dia sedang memerahkan otak dan sarafnya, mengerut-ngerutkan dahinya dan memasamkan wajahnya kerana mencari suatu cacat cela dan suatu alasan yang keji untuk mencacatkan Al-Qur'an:

إِنَّهُۥ فَكَّرَ وَقَدَّرَ ﴿١٨﴾ فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿١٩﴾

ثُمَّ قُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿٢٠﴾ ثُمَّ نَظَرَ ﴿٢١﴾ ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ﴿٢٢﴾

ثُمَّ أَدْبَرَ وَٱسْتَكْبَرَ ﴿٢٣﴾

فَقَالَ إِنْ هَٰذَآ إِلَّا سِحْرٌ يُؤْثَرُ ﴿٢٤﴾

إِنْ هَٰذَآ إِلَّا قَوْلُ ٱلْبَشَرِ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya dia berfikir dan merancang (untuk menentang Al-Qur'an)(18). Binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(19). Kemudian binasalah dia. Betapa anehnya dia merancang(20). Kemudian dia merenung(21). Kemudian mukanya menjadi masam dan muram(22). Kemudian dia berpaling dari kebenaran dan berlagak angkuh(23). Lalu dia berkata: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan suatu sihir yang dinukilkannya (dari ahli-ahli sihir)(24). Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya perkataan manusia sahaja."(25)

Gambaran Cara Berfikir Yang Lucu

Sebabak demi sebabak pemandangan, gerak-geri dan fikirannya digambarkan dengan begitu hidup seolah-olah dilukis dengan mata pena bukan diungkapkan dengan kata-kata, malah seolah-olah gambaran filem yang bergerak menangkap pemandangan sebabak demi sebabak. Satu pemandangan menunjukkan dia sedang berfikir kemudian diikuti dengan kutukan **"Binasalah dia"** dan diiringi kecaman dan sendaan **"Betapa anehnya, dia merancang."** Kutukan dan kecaman itu disebut berulang-ulang kali untuk menambahkan keberkesanannya. Satu pemandangan pula menunjukkan dia sedang termenung mencari buah fikiran dalam keadaan serius yang dibuat-buat yang membayangkan sendaan dan penghinaan. Dan satu pemandangan lagi menunjukkan wajahnya berubah masam dan muram kerana mengumpulkan segala daya pemikirannya dalam satu gaya yang lucu.

Tetapi setelah penat memerahkan otak dia tidak mendapat suatu apa, malah dia terus membelakangi nur hidayat dan enggan menerima kebenaran lalu berkata:

إِنْ هَٰذَآ إِلَّا قَوْلُ ٱلْبَشَرِ ﴿٢٥﴾

"Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya perkataan manusia sahaja."(25)

Itulah pemandangan-pemandangan yang sungguh hidup yang diterapkan oleh Al-Qur'an dalam imaginasi manusia. Satu gambaran yang lebih hidup dari lukisan berus di atas kanvas dan lebih indah dari tayangan filem yang bergerak. Gambaran itu

membuat dia menjadi bahan sendaan manusia di sepanjang zaman. Gambaran itu mengabadikan satu potret yang hina di tengah alam buana yang dapat dilihat oleh generasi-generasi manusia yang silih berganti.

Neraka Saqar Menunggu Penentang-penentang Da'wah

Setelah selesai menayangkan pemandangan-pemandangan yang begitu hidup menggambarkan seorang makhluk yang lucu, maka ia iringi pula dengan amaran yang menakutkan:

سَأُصْلِيهِ سَقَرَ ﴿٢٦﴾

"Aku akan memasukkannya ke dalam Neraka Saqar."(26)

Amaran itu lebih menakutkan lagi apabila ia bertanya:

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا سَقَرُ ﴿٢٧﴾

"Tahukah engkau apakah Neraka Saqar itu?"(27)

Ia lebih besar dan lebih dahsyat dari yang dapat difikir oleh manusia, dan selepas itu ia iringi dengan menerangkan suatu sifat Neraka yang amat menggerunkan:

لَا تُبْقِي وَلَا تَذَرُ ﴿٢٨﴾

"(Ia membakar habis-habisan) tidak meninggal dan tidak membiarkan sesuatu apa."(28)

Yakni ia menyapu bersih, menelan licin, menghapus terus, tiada suatu yang dapat menahannya, dan tiada suatu sisa yang tinggal.

Kemudian api Neraka Saqar itu menyerang kulit tubuh manusia:

لَوَّاحَةٌ لِّلْبَشَرِ ﴿٢٩﴾

"Ia membakar kulit-kulit manusia."(29)

Di dalam Surah al-Ma'arij Allah sifatkan api Neraka:

تَدْعُوا۟ مَنْ أَدْبَرَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٧﴾

"Ia memanggil mereka yang membelakangi dan berpaling (dari keimanan)."

(Surah al-Ma'arij : 17)

Di sini Neraka Saqar memperkenalkan dirinya seolah-olah bertujuan untuk menimbulkan ketakutan di dalam hati mereka dengan rupanya yang mengerikan.

Ia dikawal oleh para pengawal:

عَلَيْهَا تِسْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

"Ia dikawal oleh sembilan belas malaikat pengawal."(30)

Kita tidak tahu adakah mereka malaikat-malaikat yang kasar dan keras atau barisan-barisan atau jenis-jenis malaikat. Ini adalah satu berita dari Allah yang kita akan mengetahui ulasannya selepas ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 31)

Bilangan Pengawal Neraka Dipertikaikan

Orang-orang Mu'min menerima penjelasan mengenai bilangan pengawal-pengawal Neraka dari Allah itu dengan penuh yakin tanpa mempertikaikannya. Tetapi orang-orang Musyrikin menerima penjelasan bilangan pengawal itu dengan hati yang sunyi dari iman, sunyi dari rasa hormat kepada Allah dan sunyi dari sikap yang serius dalam menerima penjelasan mengenai perkara yang amat besar ini. Mereka mempermain-main dan mengejek-ngejek bilangan itu dan menggunakannya sebagai bahan gurau senda, setengahnya berkata: "Tidakkah setiap sepuluh orang dari kamu ini sanggup membunuh seorang pengawal dari sembilan belas pengawal Neraka itu?" Ada pula yang berkata: "Kamu sekalian boleh membunuh dua orang dari pengawal-pengawal itu dan yang bakinya serahkan kepadaku sahaja mengerjakan mereka:" Mereka menerima perkara yang amat besar ini dengan jiwa yang mati dan tertutup.

Ketika itu turunlah ayat-ayat berikut untuk menjelaskan hikmat Allah menyebutkan sebahagian dari perkara-perkara ghaib dan bilangan pengawal, di samping mengembalikan ilmu perkara-perkara yang ghaib kepada Allah dan menerangkan tujuan menyebut Neraka Saqar dan pengawal-pengawalnya:

وَمَا جَعَلْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلنَّارِ إِلَّا مَلَٰٓئِكَةً ۙ وَمَا جَعَلْنَا عِدَّتَهُمْ
إِلَّا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِيَسْتَيْقِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ
وَيَزْدَادَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِيمَٰنًا ۙ وَلَا يَرْتَابَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ
وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۙ وَلِيَقُولَ ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَٱلْكَٰفِرُونَ
مَاذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِهَٰذَا مَثَلًا ۚ كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ
وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۚ وَمَا يَعْلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ ۚ وَمَا هِىَ
إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْبَشَرِ ﴿٣١﴾

"Dan Kami tidak jadikan pengawal-pengawal Neraka itu melainkan dari jenis malaikat. Dan Kami tidak jadikan bilangan mereka melainkan supaya menjadi ujian kepada orang-orang yang kafir dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab itu yakin kepada (kebenaran Al-Qur'an), dan supaya orang-orang yang beriman semakin bertambah iman mereka, dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab dan orang-orang Mu'min tidak ragu-ragu, juga supaya orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka dan orang-orang kafir berkata: Apakah tujuan Allah menyebut bilangan ini? Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Tiada siapa yang mengetahui bilangan tentera Tuhanmu melainkan Dia sahaja. Dan ia (Neraka Saqar) tidak lain melainkan suatu peringatan kepada manusia."(31)

Pengawal-pengawal Neraka Dari Jenis Malaikat

Ayat ini dimulai dengan penjelasan tentang hakikat sembilan belas pengawal yang dipertikaikan oleh kaum Musyrikin:

وَمَا جَعَلْنَآ أَصْحَٰبَ ٱلنَّارِ إِلَّا مَلَٰٓئِكَةً

"Dan Kami tidak jadikan pengawal-pengawal Neraka itu melainkan dari jenis malaikat."(31)

Mereka adalah dari makhluk alam ghaib yang tiada siapa pun mengetahui sifat dan kekuatannya melainkan Allah. Allah telah menerangkan sifat mereka:

لَّا يَعْصُونَ ٱللَّهَ مَآ أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ٦

"Mereka tidak menderhakakan Allah terhadap apa sahaja perintah yang diperintahkan kepada mereka dan mereka melaksanakan apa sahaja yang diperintah."

(Surah at-Tahrim: 6)

Ayat ini menerangkan bahawa mereka sentiasa ta'at menjalankan segala apa sahaja yang diperintahkan Allah, dan mereka mempunyai daya kekuatan untuk melaksanakan perintah itu. Apabila mereka ditugaskan mengawal Neraka Saqar, maka bererti mereka telah dibekalkan Allah dengan kekuatan-kekuatan yang diperlukan oleh tugas itu. Oleh itu, mereka tidak mungkin dapat dilawan dan dikalahkan oleh manusia yang lemah. Cakap-cakap mereka untuk melawan dan mengalahkan para malaikat itu adalah lahir dari kejahilan mereka yang tebal terhadap penciptaan dan pentadbiran Allah.

وَمَا جَعَلْنَا عِدَّتَهُمْ إِلَّا فِتْنَةً لِّلَّذِينَ كَفَرُوا۟

"Dan Kami tidak jadikan bilangan mereka melainkan supaya menjadi ujian kepada orang-orang yang kafir."(31)

Mengapa Bilangan Pengawal Neraka Sahaja?

Persoalan bilangan malaikat pengawal Neraka itulah yang telah merangsangkan keinginan mereka untuk membantah dan berdebat. Mereka tidak tahu manakah tempat-tempat yang wajar untuk mereka menerima dengan patuh dan manakah tempat-tempat yang wajar untuk mereka berdebat dan membantah. Persoalan bilangan malaikat-malaikat pengawal itu merupakan satu persoalan alam ghaib dari urusan Allah yang tidak diketahui manusia, sama ada banyak atau sedikit. Apabila Allah memberitahu sesuatu perkara yang berhubung dengan alam ghaib, maka Dialah sahaja satu-satunya sumber mengenai hakikat alam itu. Tugas manusia hanya menerima maklumat itu dengan penuh patuh dan yakin tanpa mempertikaikan sesuatu. Seseorang itu boleh membantah dan berbahas apabila dia mempunyai maklumat-maklumat yang bertentangan dengan maklumat-maklumat yang baru diterimanya, tetapi persoalan bilangan sembilan belas pengawal, walau dengan apa pengertian sekalipun, adalah satu persoalan yang hanya diketahui oleh Allah yang menciptakan segala sesuatu mengikut kadar-kadarnya yang tertentu. Bilangan ini sama dengan bilangan-bilangan yang lain. Siapa yang ingin berdebat boleh berdebat dan membantah mana-mana bilangan dan mana-mana perkara yang lain juga. Misalnya mengapa langit itu tujuh? Mengapa manusia diciptakan dari tanah kering seperti tembikar? Mengapa Jin dijadikan dari pucuk api? Mengapa bayi dikandung sembilan bulan? Mengapa kura-kura dapat hidup ribuan tahun? Mengapa? Mengapa? Jawapannya ialah kerana Allah Penciptanya mahu berbuat begitu dan Allah membuat apa yang dikehendaki-Nya. Inilah kata pemutus dalam perkara-perkara yang seumpama ini.

لِيَسْتَيْقِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ وَيَزْدَادَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟
إِيمَٰنًا وَلَا يَرْتَابَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْمُؤْمِنُونَ

"Supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab itu yakin kepada (kebenaran Al-Qur'an), dan supaya orang-orang yang beriman semakin, bertambah iman mereka, dan supaya orang-orang yang dikurniakan al-Kitab dan orang-orang Mu'min tidak ragu-ragu."(31)

Kedua-dua golongan itu masing-masing memperolehi hasil kefahaman yang baik mengenai bilangan pengawal-pengawal Neraka itu. Setengahnya menerima dengan penuh keyakinan dan setengah yang lain pula menerimanya dengan keimanan yang semakin bertambah kukuh.

Mereka yang dikurniakan al-Kitab tentulah mempunyai sedikit sebanyak maklumat mengenai hakikat bilangan pengawal Neraka itu. Oleh itu, apabila mereka mendengar Al-Qur'an menyebut bilangan itu, mereka terus yakin, kerana keterangan itu sesuai dengan maklumat yang ada pada mereka. Kepada orang-orang yang beriman pula setiap keterangan dari Allah menambahkan keimanan mereka, kerana hati mereka sentiasa terbuka dan berhubung rapat dengan Allah serta menerima hakikat-hakikat secara langsung darinya. Setiap penjelasan yang datang dari Allah menambahkan hubungan kasih mesra mereka terhadap Allah dan membuat hati mereka yakin terhadap hikmat Allah yang menentukan bilangan itu dan terhadap perencanaan-Nya yang rapi dan teliti dalam mengendalikan makhluk-makhluk-Nya, kerana itu hati mereka semakin kukuh keimanannya dan mereka sama sekali tidak ragu-ragu terhadap sebarang keterangan yang datang dari Allah.

وَلِيَقُولَ ٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَٱلْكَٰفِرُونَ مَاذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ
بِهَٰذَا مَثَلًا

"Dan supaya orang-orang yang berpenyakit di dalam hati mereka dan orang-orang kafir berkata: Apakah tujuan Allah menyebut bilangan ini?"(31)

Allah Memberi Penjelasan Yang Benar Dan Manusia Menyambut Dengan Tanggapan Yang Berbelah-bahagi

Demikianlah satu hakikat yang sama meninggalkan dua kesan yang berlainan di dalam hati-hati yang berlainan. Sementara orang-orang yang dikurniakan al-Kitab mendapat keyakinan dan orang-orang Mu'min bertambah keimanan mereka, maka orang-orang kafir dan orang-orang Munafik yang lemah keimanan pula berada di dalam keadaan bingung, "Apakah tujuan Allah menyebut bilangan ini?" Mereka tidak dapat memahami hikmatnya yang aneh dan tidak dapat menerima hikmat Allah yang bebas di dalam menentukan setiap makhluk-Nya. Mereka tidak yakin kepada berita yang benar itu dan kepada kebaikan yang tersembunyi yang dikeluarkan dari alam ghaib kepada alam nyata itu.

كَذَٰلِكَ يُضِلُّ ٱللَّهُ مَن يَشَآءُ وَيَهۡدِي مَن يَشَآءُۚ

"Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya."(31)

Demikianlah Allah menjelaskan hakikat-hakikat dan membentangkan pengajaran-pengajaran yang berlainan, lalu disambut oleh hati-hati manusia dengan sambutan yang berlainan. Satu golongan mendapat hidayat dari penjelasan-penjelasan itu mengikut kehendak Allah dan satu golongan lagi mendapat kesesatan darinya mengikut kehendak Allah. Segala-galanya berakhir dengan iradat dan kehendak Allah yang bebas. Umat manusia muncul dari tangan qudrat Allah dengan dwi kesediaan, iaitu kesediaan untuk menerima hidayat dan kesediaan untuk terjerumus ke dalam kesesatan. Mereka yang mendapat hidayat dan mereka yang sesat kedua-duanya bertindak dalam batas-batas kehendak Allah yang telah menciptakan mereka dengan dwi kesediaan itu, dan memberi kemudahan kepada mereka menuju ke jalan itu atau menuju ke jalan ini mengikut hikmat Allah yang tersembunyi.

Cara Yang Betul Dalam Memahami Konsep Kebebasan Iradat Allah Dan Hubungannya Dengan Iradat Manusia

Kefahaman terhadap konsep kebebasan iradat Allah dan berakhirnya segala sesuatu di dalam alam ini dengan iradat Allah yang difaham dengan pengertian yang sempurna dan luas itu dapat menyelamatkan akal manusia dari perdebatan-perdebatan yang sempit di sekitar apa yang dinamakan mereka sebagai masalah "paksaan (al-Jabr) dan iradat" (atau masalah qadha' dan qadar) iaitu perdebatan yang tidak dapat membawa kepada satu kefahaman yang betul, kerana masalah itu dibahas dari sudut yang sempit dan ditimbang di dalam bentuk-bentuk yang terbatas sebagai hasil yang logikal dari pemikiran, pengalaman dan kefahaman-kefahaman manusia yang terbatas, sedangkan persoalan yang dibahas itu merupakan satu persoalan dari persoalan-persoalan ketuhanan yang tidak terbatas.

Allah telah menerangkan kepada kita jalan hidayat dan jalan kesesatan, dan menggariskan kepada kita satu jalan hidup supaya diikuti oleh kita untuk mendapatkan hidayat itu, dan seterusnya supaya kita berbahagia dan berjaya, begitu itu juga Allah telah menjelaskan kepada kita berbagai-bagai jalan hidup yang menyeleweng yang membawa kita kepada kesesatan, kecelakaan dan kerugian. Allah tidak mentaklifkan kita supaya kita mengetahui sesuatu yang lain di sebalik itu, dan Allah juga tidak memberi kepada kita daya qudrat yang memungkinkan kita mengetahui sesuatu di sebalik itu. Allah telah menerangkan kepada kita bahawa iradat-Nya bebas dan segala kemahuan-Nya lulus. Oleh itu, kewajipan kita ialah berusaha sedaya upaya memahami hakikat iradat dan kehendak Allah yang bebas, mutlak dan lulus itu, di samping mengiltizamkan diri kita mematuhi jalan hidup yang lurus dan menjauhi jalan-jalan hidup yang sesat. Kita tidak seharusnya sibukkan diri kita dalam perdebatan-perdebatan yang sia-sia di sekitar persoalan alam ghaib yang kita sendiri tidak diberikan kuasa dan keupayaan untuk memahami hakikatnya. Oleh kerana itu kami melihat dan berpendapat bahawa masa dan tenaga yang dikorbankan oleh ulama'-ulama' ilmu-Kalam membahaskan masalah qadha' qadar secara yang dilakukan mereka itu adalah sia-sia dan tidak berfaedah sedikit pun kerana perbahasan itu dilakukan di luar bidang keupayaan mereka yang sebenar.

Kita tidak mengetahui iradat dan kehendak Allah yang ghaib, tetapi kita tahu apa yang dikehendaki Allah supaya kita laksanakannya agar kita berhak mendapat limpah kurnia-Nya yang telah disanggupinya. Oleh kerana itu kewajipan kita ialah mengorbankan seluruh daya tenaga dan usaha kita untuk melaksanakan kehendak-kehendak Allah yang telah ditaklifkan ke atas kita, dan meninggalkan persoalan iradat dan kehendak-Nya yang ghaib itu kepada Dia sahaja. Segala apa yang akan berlaku itu tertakluk kepada kehendak Allah, dan setelah ia berlaku barulah kita tahu bahawa itulah kehendak Allah dan kita tidak tahu sebelum ia berlaku. Segala apa yang akan berlaku mempunyai hikmat di sebaliknya dan hanya Allah sahaja Yang Maha Mengetahui segala-galanya. Inilah cara pemikiran dan methodologi pemahaman orang Mu'min.

وَمَا يَعۡلَمُ جُنُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَۚ

"Tiada siapa yang mengetahui bilangan tentera Tuhanmu melainkan Dia sahaja."(31)

Hakikat tentera Allah, fungsinya dan kekuatannya merupakan perkara-perkara alam ghaib. Allah menerangkan perkara-perkara itu sekadar yang dikehendaki-Nya sahaja dan apa yang diterangkan merupakan kata pemutus dalam perkara itu. Tiada siapapun boleh membantah dan mempertikaikannya. Begitu juga tiada siapapun yang boleh berusaha untuk mengetahui sesuatu yang ghaib yang tidak diterangkan Allah, kerana tiada jalan untuk mengetahuinya.

وَمَا هِيَ إِلَّا ذِكْرَىٰ لِلْبَشَرِ ﴿٣١﴾

"Dan ia tidak lain melainkan suatu peringatan kepada manusia."(31)

Maksud *"ia"* (هي) di sini mungkin tentera Allah dan mungkin pula Neraka Saqar bersama-sama para pengawalnya yang juga merupakan sebahagian dari tentera Allah. Ia disebut di sini dengan maksud memberi peringatan dan amaran bukan untuk dijadikan bahan perdebatan dan pertikaian. Hati Mu'min akan mengambil pengajaran dari peringatan dan amaran, tetapi hati yang sesat akan menjadikan peringatan itu sebagai bahan pertikaian dan perdebatan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 36)

Setelah menjelaskan hakikat alam ghaib dan cara berfikir yang betul dan yang sesat, maka ayat-ayat berikut menghubungkan hakikat Akhirat, hakikat Neraka Saqar, dan hakikat tentera Allah dengan gejala-gejala kejadian alam nyata yang dilihat manusia dan dilalui mereka dengan hati yang lalai, sedangkan kejadian itu menunjukkan betapa rapinya pentadbiran dan perencanaan Allah terhadap alam dan seterusnya menunjukkan bahawa di sebalik tadbir dan perencanaan Ilahi yang rapi itu ada tujuan dan matlamat, ada hisab dan balasan:

كَلَّا وَالْقَمَرِ ﴿٣٢﴾ وَاللَّيْلِ إِذْ أَدْبَرَ ﴿٣٣﴾
وَالصُّبْحِ إِذَا أَسْفَرَ ﴿٣٤﴾ إِنَّهَا لَإِحْدَى الْكُبَرِ ﴿٣٥﴾
نَذِيرًا لِّلْبَشَرِ ﴿٣٦﴾

"Tidak sekali-kali begitu. Demi bulan(32). Dan demi malam apabila ia berlalu(33). Dan demi pagi apabila ia menyerlah terang(34). Sesungguhnya Neraka Saqar itu salah satu dari kejadian-kejadian yang amat besar (35). Sebagai amaran kepada manusia."(36)

Bulan Dan Waktu-waktu Malam Yang Dan Pagi Melahirkan Pemandangan-pemandangan Yang Mencuit Hati Dan Merangsangkan Fikiran

Pemandangan-pemandangan bulan, malam yang berlalu dan waktu pagi yang terang benderang merupakan pemandangan-pemandangan yang banyak memberi ilham. Ia membisikkan berbagai-bagai rahsia ke dalam hati manusia dan merangsangkan berbagai-bagai perasaan mereka. Al-Qur'an yang mencuit pusat-pusat dalaman perasaan dan rahsia hati manusia dengan isyarat yang sekilas ini memang arif dengah pintu-pintu hati mereka dan lorong-lorongnya.

Jaranglah hati manusia yang segar kerana melihat bulan yang sedang naik, atau sedang turun atau menghilang, kemudian ia tidak teringat sedikit pun kepada rahsia alam yang dibisikkan oleh bulan itu. Kadang-kadang sekali berdiri di bawah cahaya bulan boleh mencucikan hati seseorang seolah-olah dia mandi dengan cahaya.

Jaranglah hati manusia yang segar kerana melihat malam yang sedang berlalu dalam sa'at-sa'at tenang menjelang naiknya matahari dan ketika alam ini mula sedar dan membuka matanya kemudian tidak terlekat sedikitpun kesan pemandangan itu di dalam hatinya dan tidak mendenyut dalam lubuk jiwanya fikiran-fikiran yang halus.

Jaranglah hati manusia yang segar kerana melihat waktu pagi yang terserlah dengan sinarnya yang terang, kemudian tidak mendenyut sedikit pun perasaan gembira dan riang dan tidak menghasilkan fikiran yang terbuka dan perasaan yang berubah dari satu keadaan kepada keadaan yang lain yang membuat dirinya lebih bersedia untuk menerima nur hidayat yang memancar di dalam hati nuraninya bersama-sama cahaya pagi yang dilihat mata mereka.

Allah yang telah menciptakan hati manusia itu tahu bahawa pemandangan-pemandangan alam itu kadang-kadang boleh membawa perubahan-perubahan yang menakjubkan kepada hatinya seolah-olah pemandangan-pemandangan itu menjadikannya seorang insan yang baru.

Di sebalik keterserlahan-keterserlahan, pancaran-pancaran dan sambutan-sambutan yang wujud pada bulan, malam dan waktu pagi, terdapat hakikat besar yang menarik yang dijadikan objek oleh Al-Qur'an supaya difikir oleh akal, juga terdapat bukti yang menunjukkan qudrat Allah yang amat kreatif dan pentadbiran-Nya yang bijaksana dalam mengaturkan alam buana dengan cara yang begitu rapi dan halus yang mengkagumkan akal kita.

Allah bersumpah dengan hakikat-hakikat kejadian alam yang besar itu untuk menyedarkan orang-orang yang lalai terhadap nilai-nilai dan makna-maknanya yang besar. Kemudian Allah bersumpah bahawa Neraka Saqar atau para pengawalnya atau alam Akhirat dengan segala isinya merupakan salah satu dari perkara-perkara besar yang aneh yang memberi amaran kepada manusia terhadap bahaya yang mengancam di belakang mereka:

إِنَّهَا لَإِحْدَى الْكُبَرِ ﴿٣٥﴾

"Sesungguhnya Neraka Saqar itu salah satu dari kejadian-kejadian yang amat besar."(35)

Sumpah ini dan isi kandungannya dan objektifnya yang diungkapkan sebegini merupakan tukul-tukul yang mengetuk hati manusia dengan keras sejajar dengan gema tiupan nafiri dan kesannya pada perasaan manusia dan selaras dengan seruan di permulaan surah supaya bangkit dan memberi amaran:

يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنذِرْ ﴿٢﴾

"Wahai orang yang berselimut(1). Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."(2)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 38)

Setiap Insan Bertanggungjawab Terhadap Dirinya

Di bawah bayangan kenyataan-kenyataan yang menarik dan penting ini, Allah mengumumkan bahawa setiap orang bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri dan memberi pilihan kepada mereka untuk menentukan jalan dan kesudahan hidup mereka masing-masing, juga mengumumkan bahawa setiap orang bertanggungjawab terhadap segala perbuatan yang dilakukannya dengan pilihannya sendiri. Setiap mereka terikat dengan amalan dan dosa masing-masing:

لِمَن شَآءَ مِنكُمۡ أَن يَتَقَدَّمَ أَوۡ يَتَأَخَّرَ ٣٧
كُلُّ نَفۡسِۭ بِمَا كَسَبَتۡ رَهِينَةٌ ٣٨

"Kepada siapa di antara kamu yang ingin maju atau mundur(37). Setiap individu bertanggungjawab terhadap perbuatan yang telah dilakukannya."(38)

Setiap individu memikul masalah dan tanggungawab dirinya sendiri. Setiap orang boleh meletakkan dirinya di mana dia suka, sama ada dia hendak meletakkannya di tempat yang maju atau meletakkannya di tempat yang mundur, sama ada dia mahu memuliakan dirinya atau menghinakannya. Dia tetap terikat dan bertanggungjawab terhadap perbuatan yang telah dilakukan. Allah telah menerangkan kepada manusia jalan yang diredhai-Nya supaya mereka ikutinya dengan penuh kesedaran dan hati-hati. Allah membuat pengumuman supaya manusia meneliti pemandangan-pemandangan alam yang menarik dan memikirkan pemandangan Neraka Saqar yang membakar habis-habisan. Pengumuman ini sudah tentu mempunyai kesan dan nilainya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 39 - 48)

Golongan Kanan Merupakan Golongan Yang Mendapat Kebebasan

Ketika menayangkan pemandangan setiap orang yang terikat dengan tanggungjawab terhadap perbuatan yang telah dilakukannya Al-Qur'an menerangkan bahawa golongan kanan adalah dibebaskan dari ikatan tersebut dan mereka dikurniakan hak menyoal orang-orang yang berdosa yang berakhir dengan nasib yang malang:

إِلَّآ أَصۡحَٰبَ ٱلۡيَمِينِ ٣٩ فِي جَنَّٰتٖ يَتَسَآءَلُونَ ٤٠
عَنِ ٱلۡمُجۡرِمِينَ ٤١ مَا سَلَكَكُمۡ فِي سَقَرَ ٤٢
قَالُواْ لَمۡ نَكُ مِنَ ٱلۡمُصَلِّينَ ٤٣

"Melainkan golongan kanan(39). Mereka berada di dalam Syurga saling bertanya(40). Tentang orang-orang yang berdosa(41). Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar?(42). Jawab mereka: Kami dahulu tidak termasuk dalam golongan orang yang mendirikan solat."(43)

وَلَمۡ نَكُ نُطۡعِمُ ٱلۡمِسۡكِينَ ٤٤
وَكُنَّا نَخُوضُ مَعَ ٱلۡخَآئِضِينَ ٤٥
وَكُنَّا نُكَذِّبُ بِيَوۡمِ ٱلدِّينِ ٤٦ حَتَّىٰٓ أَتَىٰنَا ٱلۡيَقِينُ ٤٧

"Dan kami tidak pernah memberi makan kepada orang-orang miskin(44). Dan kami banyak membicarakan perkara-perkara yang batil bersama para pembicaranya (45). Dan kami mendustakan Hari Balasan(46). Hingga kami didatangi maut."(47)

Kebebasan golongan kanan dari ikatan itu adalah berpunca dari limpah kurnia Allah yang memberkati dan menggandakan amalan-amalan mereka yang baik. Pengumuman ini mencubit hati orang-orang yang berdosa dalam pendusta-pendusta yang berada dalam keadaan yang hina. Mereka membuat pengakuan-pengakuan yang panjang, sedangkan orang-orang Mu'min yang tidak dipedulikan mereka di dunia berada dalam keadaan yang mulia dan tinggi dan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan kepada mereka sebagai mewakili pihak yang berkuasa, **"Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar?"** Pengumuman itu juga mengharukan orang-orang Mu'min yang telah menerima berbagai-bagai tindakan jahat dari orang-orang yang berdosa itu dalam kehidupan mereka di dunia apabila mereka dapati diri mereka di Akhirat berada dalam keadaan mulia sedangkan musuh mereka yang angkuh berada dalam keadaan yang hina. Kekuatan pemandangan ini membuat kedua-dua golongan itu merasa diri mereka di sa'at ini benar-benar berada di hari Akhirat, sedangkan lembaran hidup dunia dengan segala isinya seolah-olah telah berlalu dan berakhir.

Kekuatan pemandangan ini membuat hati kedua-dua golongan itu merasa Hari Qiamat itu telah berlaku pada masa itu dan mereka sedang berada di dalamnya, sedangkan lembaran hidup dunia dengan segala isinya telah berakhir dan berlalu.

Pengakuan yang panjang itu melibatkan berbagai-bagai kesalahan yang membawa orang-orang yang berdosa itu masuk ke dalam Neraka Saqar. Mereka mengaku dengan lidah mereka sendiri di hadapan orang-orang Mu'min dalam keadaan yang hina:

قَالُواْ لَمۡ نَكُ مِنَ ٱلۡمُصَلِّينَ ٤٣

"Jawab mereka: Kami dahulu tidak termasuk dalam golongan orang yang mendirikan solat."(43)

Meninggal Ibadat Solat

Yang dimaksudkan dengan ibadat solat di sini ialah keseluruhan iman. Ini menunjukkan betapa

pentingnya ibadat solat di dalam 'aqidah Islam hingga ia dijadikan sebagai lambang dan bukti iman. Siapa yang ingkarkan solat menjadi kafir dan terpisah dari barisan orang-orang Mu'min.

وَلَمْ نَكُ نُطْعِمُ ٱلْمِسْكِينَ ﴿٤٤﴾

"Dan kami tidak pernah memberi makan kepada orang-orang miskin."(44)

Meninggal Ibadat Golongan Yang Miskin

Sifat ini merupakan sifat yang kedua selepas sifat tidak beriman, kerana memberi makan kepada orang-orang miskin itu merupakan ibadat kepada Allah dalam bentuk berbakti kepada hamba-hamba-Nya selepas seseorang itu beribadat kepada Allah S.W.T. Persoalan memberi makan kepada orang-orang miskin yang ditekankan di dalam berbagai-bagai ayat itu menggambarkan keadaan masyarakat yang dihadapi oleh Al-Qur'an pada masa itu dan menggambarkan ketandusan perasaan belas kasihan terhadap orang-orang miskin dalam masyarakat yang kejam itu, walaupun mereka bermegah-megah dengan sifat murah hati ketika berlagak hendak menunjukkan kemegahan dan keangkuhan, tetapi mereka tinggalkan sifat itu ketika menghadapi orang-orang miskin yang benar-benar memerlukan bantuan dan simpati yang ikhlas.

وَكُنَّا نَخُوضُ مَعَ ٱلْخَآئِضِينَ ﴿٤٥﴾

"Dan kami banyak membicarakan perkara-perkara yang batil bersama para pembicaranya."(45)

Mempermain-main Persoalan Akidah

Ayat ini menggambarkan sikap yang berleluasa dan tidak bertanggungjawab. Mereka mempermain-main, mencemuh dan memperkatakan persoalan 'aqidah dan hakikat keimanan secara gurau senda dan tidak peduli, sedangkan 'aqidah dan keimanan merupakan persoalan yang amat serius dan amat penting dalam kehidupan manusia, iaitu persoalan yang harus diputuskan oleh hati nuraninya dan perasaannya sebelum ia mengendalikan urusan-urusan hidupnya yang lain, kerana di atas asas keimanan inilah tegaknya seluruh pemikiran, perasaan, nilai-nilai hidup dan pertimbangan-pertimbangannya dan di bawah sorotan cahayanya ia dapat meneruskan perjalanan hidupnya. Oleh itu, mengapa dia tidak mengambil keputusan yang tegas dan sungguh-sungguh terhadap persoalan 'aqidah dan keimanan? Mengapa dia masih asyik memperkatakan perkara-perkara yang batil dan asyik mempersenda-sendakan 'aqidah dan keimanan?

وَكُنَّا نُكَذِّبُ بِيَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤٦﴾

"Dan Kami mendustakan Hari Balasan."(46)

Tidak Percaya Kepada Alam Akhirat

Inilah pokok pangkal permasalahan, kerana orang yang tidak percaya kepada Hari Balasan itu akan rosaklah segala neraca pertimbangan yang ada di tangannya, akan kacau bilau segala nilai hidup dalam penilaiannya dan akan sempitlah bidang hidupnya apabila dia membataskan bidang hidupnya pada umumya yang pendek dan terbatas di bumi ini sahaja, apabila dia memperhitungkan akibat segala sesuatu dalam bidang hidup yang pendek ini sahaja tanpa memperhitungkan akibat dan hisab Akhirat. Kerana itulah segala pertimbangan dan penilaiannya menjadi kacau-bilau dan segala urusan dunia akan rosak, di tangannya sebelum rosaknya penilaiannya terhadap Akhirat dan untung nasibnya pada hari itu, dan kerana itulah dia akan berakhir dengan kesudahan yang paling celaka.

Orang-orang yang berdosa itu mengaku "Kami terus berada dalam keadaan-keadaan ini, iaitu kami tidak mendirikan solat, tidak memberi makan kepada orang-orang miskin, asyik membicarakan perkara-perkara yang batil dan mendustakan hari balasan."

حَتَّىٰٓ أَتَىٰنَا ٱلْيَقِينُ ﴿٤٧﴾

"Hingga kami didatangi maut."(47)

Mautlah yang menamatkan segala keraguan dan memberi keputusan yang tegas, dan tiada lagi ruang dan kesempatan untuk penyesalan, taubat dan amalan yang soleh selepas kedatangan maut.

Kemudian selepas menggambarkan keadaan yang buruk dan hina di Akhirat, Al-Qur'an memutuskan segala harapan untuk mengubah dan membetulkan kesudahan hidup mereka:

فَمَا تَنفَعُهُمْ شَفَٰعَةُ ٱلشَّٰفِعِينَ ﴿٤٨﴾

"Oleh itu, tidak akan berguna kepada mereka sebarang syafa'at dari mana-mana pemberi syafa'at."(48)

Yakni keputusan telah dijatuhkan dan hukuman yang wajar telah diputuskan terhadap orang-orang yang berdosa yang mengaku segala kesalahan mereka, dan di sana tidak ada orang yang akan dapat memberi syafa'at kepada orang-orang yang berdosa, dan andainya ditaqdirkan ada, maka syafa'at itu tidak akan berguna sedikit pun kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 51)

Dalam situasi yang hina dan tiada harapan di Akhirat itu, Allah kembalikan mereka kepada kedudukan mereka di dunia semasa peluang terbuka kepada mereka sebelum mereka menghadapi situasi di Akhirat. Mereka bukan sahaja bertindak menghalangi da'wah dan berpaling darinya, malah mereka lari dari hidayat, dari kebaikan dan dari saranan-saranan yang membawa kepada keselamatan yang ditawarkan kepada mereka. Allah lukiskan keadaan mereka dengan satu gambaran yang lucu dan aneh:

فَمَا لَهُمْ عَنِ ٱلتَّذْكِرَةِ مُعْرِضِينَ ﴿٤٩﴾ كَأَنَّهُمْ حُمُرٌ مُّسْتَنفِرَةٌ ﴿٥٠﴾ فَرَّتْ مِن قَسْوَرَةٍۭ ﴿٥١﴾

"Mengapakah mereka berpaling dari peringatan (Al-Qur'an)?(49). Mereka seolah-olah keldai-keldai yang liar (50). Yang lari dari singa."(51)

Keldai Lari Dari Harimau Tetapi Manusia Lari Dari Hidayat

Pemandangan keldai-keldai liar yang lari bertempiaran di segenap hala apabila mendengar singa mengaum kerana terlalu takut adalah satu pemandangan yang lumrah kepada orang-orang Arab. Satu pemandangan yang menggambarkan pergerakan yang kuat dan amat melucukan apabila dibuat perbandingan dengan manusia yang sedang dilambung ketakutan, dan lebih lucu lagi jika mereka lari seperti keldai liar bukan kerana takut dan terancam, tetapi mereka lari kerana seorang rasul telah mengingatkan mereka supaya mengingati Tuhan mereka dan untung nasib kesudahan hidup mereka, juga kerana Rasul itu menawarkan peluang kepada mereka supaya terselamat dari situasi yang hina dan dari kesudahan yang amat pedih itu.

Itulah pena yang unik yang melukiskan pemandangan ini dan merakamkannya di tengah alam buana yang dapat dilihat oleh semua orang dan membuat mereka merasa malu dan enggan dilukiskan seperti itu, dan membuat orang-orang yang lari dan berpaling dari hidayat ini menyembunyikan diri mereka kerana terlalu malu. Mereka memperlahankan gerak lari dan palingan mereka kerana takut ditangkap oleh penggambaran yang begitu hidup dan kasar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 52 - 53)

Mereka Menentang Rasulullah s.a.w. Kerana Hasad Dengki

Setelah menggambarkan keadaan lahiriah mereka seperti keldai-keldai liar yang lari bertempiaran kerana takut kepada singa, ia menggambarkan pula perasaan, cita-cita dan keinginan yang berkecamuk di dalam jiwa mereka:

بَلْ يُرِيدُ كُلُّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ أَن يُؤْتَىٰ صُحُفًا مُّنَشَّرَةً ﴿٥٢﴾

"Bahkan setiap orang dari mereka berkehendak supaya dikurniakan kitab-kitab suci yang tersebar."(52)

Itulah hasad dengki mereka terhadap Rasulullah s.a.w. kerana beliau dipilih oleh Allah untuk menerima wahyu dari-Nya, sedangkan setiap orang dari mereka bercita-cita untuk mencapai darjah itu dan berangan-angan supaya dikurniakan kitab-kitab suci yang tersebar kepada orang ramai. Isyarat ini tentulah ditujukan kepada pembesar-pembesar Quraisy yang merasa begitu terkilan kerana dilangkahi Muhammad bin Abdullah yang mendapat kehormatan menerima wahyu dari Allah itu. Mereka pernah berkata:

وَقَالُوا۟ لَوْلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنَ ٱلْقَرْيَتَيْنِ عَظِيمٍ ﴿٣١﴾

"Dan mereka berkata: Mengapakah Al-Qur'an itu tidak diturunkan kepada salah seorang pembesar dari dua buah negeri (Makkah dan Ta'if)?"

(Surah az-Zukhruf: 31)

Allah tahu di mana hendak meletakkan risalah-Nya, kerana itulah Allah memilih Muhamamd seorang lelaki yang mulia budinya dan besar ketokohannya. Inilah yang menyebabkan dendam kesumat mendidih di dalam dada mereka dan inilah yang menyebabkan mereka lari lintang pukang dari da'wah seperti yang digambarkan oleh Al-Qur'an.

Al-Qur'an Suatu Peringatan Yang Bebas Dipilih Atau Ditolak

Kemudian Al-Qur'an terus menggambarkan keadaan dalaman jiwa mereka selain dari ketamakan dan hasad dengki, di mana ia menyebut satu lagi sebab keingkaran mereka dan mengecamkan ketamakan mereka yang tidak berasaskan kelayakan dan persediaan untuk menerima wahyu dan limpah kurnia Allah:

كَلَّا ۖ بَل لَّا يَخَافُونَ ٱلْءَاخِرَةَ ﴿٥٣﴾

"Tidak sesekali-kali begitu, bahkan mereka tidak takut kepada hari Akhirat."(53)

Sikap mereka yang tidak takut kepada Hari Akhirat itulah yang menjauhkan mereka dari Al-Qur'an dan meliarkan mereka dari da'wah. Andainya hati mereka sedar terhadap hakikat Hari Akhirat tentulah keadaan mereka tidak berada dalam keadaan keraguan yang sedemikian rupa:

Kemudian Al-Qur'an mengecam mereka sekali lagi sambil menyampaikan peringatan terakhir dan memberi kebebasan kepada mereka untuk memilih jalan dan untung nasib diri mereka sendiri.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 54 - 55)

كَلَّآ إِنَّهُۥ تَذْكِرَةٌ ﴿٥٤﴾ فَمَن شَآءَ ذَكَرَهُۥ ﴿٥٥﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya Al-Qur'an itu suatu peringatan (54). Oleh itu, sesiapa yang mahu dia boleh mengambil pengajaran darinya."(55)

Al-Qur'an yang tidak ingin didengar mereka dan yang menyebabkan mereka lari bertempiaran darinya seperti keldai liar, juga menyebabkan mereka memendamkan hasad dengki terhadap Nabi Muhammad s.a.w. dan bersikap leluasa dan tidak peduli terhadap Hari Akhirat... .Al-Qur'an itu adalah sebenarnya suatu peringatan untuk menyedar dan mengingatkan manusia. Siapa yang ingin, ia boleh

mengambil pengajaran darinya, dan siapa yang tidak ingin, maka itu adalah urusannya. Dialah sahaja yang berhak menentukan untung nasibnya, sama ada ia mahu memilih Syurga dan kemuliaan atau memilih Neraka Saqar dan kehinaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 56)

Setelah menerangkan bahawa mereka mempunyai kebebasan untuk memilih jalan hidup masing-masing, maka ayat yang berikut menjelaskan pula bahawa Allah mem-punyai iradat dan kehendak yang bebas dan mutlaq, dan segala sesuatu dirujukkan kepada iradat-Nya. Hakikat ini ditekankan oleh Al-Qur'an pada setiap kesempatan untuk membetulkan kefahaman keimanan dari segi kebebasan iradat Ilahi yang meliputi segala peristiwa dan perkara:

وَمَا يَذۡكُرُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُۚ هُوَ أَهۡلُ ٱلتَّقۡوَىٰ وَأَهۡلُ ٱلۡمَغۡفِرَةِ ٥٦

"Dan mereka tidak akan mengambil pengajaran darinya kecuali dikehendaki Allah. Dialah Tuhan yang layak menerima taqwa dan yang layak memberi keampunan."(56)

Iradat Allah Adalah Bebas Dan Mutlak

Segala apa yang berlaku di alam ini adalah terikat kepada kehendak Ilahi Yang Agung itu. Oleh itu, tidak mungkin seseorang dari makhluk-Nya menghendaki sesuatu yang bertentangan dengan kehendak Ilahi, kerana kehendak Ilahi meliputi seluruh keadaan alam buana. Dialah yang menciptakan alam, menciptakan segala undang-undang dan peraturannya. Seluruhnya bergerak dalam lingkungan kehendak Ilahi yang bebas dari segala pagar, segala batas dan segala ikatan.

Kebolehan mengambil pengajaran itu adalah suatu taufik dari Allah yang dikurniakan kepada siapa yang dikehendaki-Nya yang diketahui layak menerima taufik itu. Seluruh hati manusia berada di antara dua jari dari jari-jari kekuasaan Allah Yang Rahman yang membalik-balikkannya mengikut kehendak-Nya. Apabila Allah mengetahui kejujuran niat seseorang Dia akan membimbingkannya kepada keta'atan-keta'atan.

Manusia Tidak Mengetahui Kehendak-kehendak Allah Tetapi Ia Mengetahui Perintah-perintah-Nya

Seseorang hamba tidak mengetahui kehendak-kehendak Allah terhadap dirinya, kerana perkara ini adalah dari urusan alam ghaib yang terdinding darinya, tetapi dia tahu perintah-perintah yang dikehendaki Allah supaya dilakukan olehnya kerana perintah-perintah ini memang telah diterangkan Allah kepadanya dengan jelas. Oleh itu, apabila niatnya telah kukuh dan jujur untuk melaksanakan perintah-perintah Allah, maka dia akan ditolong dan ditaufikkan Allah mengikut kehendak-Nya yang bebas.

Apa yang mahu diterapkan oleh Al-Qur'an dalam hati seseorang Islam ialah hakikat kebebasan kehendak Allah yang meliputi segala kehendak makhluk-Nya, supaya penjurusan dan penyerahan diri hamba-Nya itu tertumpu kepada-Nya sahaja. Inilah hakikat keislaman dari segi hati, dan tanpa hakikat ini, keislaman belum lagi mantap dalam hati seseorang. Apabila hakikat ini mantap dan bertunjang dalam hati seseorang, ia akan mewujudkan satu keadaan dalaman hati yang tertentu di samping membentukkan satu cara pemikiran yang tertentu yang menjadi asas pertimbangannya ketika menilaikan segala peristiwa hidupnya. Inilah tujuan asal apabila diterangkan persoalan kebebasan iradat Ilahi dan keluasannya yang meliputi segala kehendak selepas Allah memperkatakan janji-janji Syurga atau Neraka atau selepas Allah menjelaskan tentang hidayat dan kesesatan.

Tetapi apabila persoalan iradat Allah yang meliputi ini diselewengkan kepada perdebatan dan perbincangan di sekitar masalah paksaan (al-Jabr) dan pilihan (ikhtiyar) (atau perbahasan qadha' qadar), maka ini bererti memotong satu aspek dari satu kefahaman Kulli dan dari satu hakikat yang mutlak dan membawakannya ke sebuah lorong yang sempit dan tertutup yang tidak akan menyampaikan kepada satu pendapat atau kesimpulan yang mententeramkan hati, kerana persoalan ini tidak pernah diterangkan oleh Al-Qur'an dalam bentuk meletakkan persoalan ini di sebuah lorong yang sempit dan tertutup seperti ini.

وَمَا يَذۡكُرُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُۚ هُوَ أَهۡلُ ٱلتَّقۡوَىٰ وَأَهۡلُ ٱلۡمَغۡفِرَةِ ٥٦

"Dan mereka tidak akan mengambil pengajaran darinya kecuali dikehendaki oleh Allah. Dialah Tuhan yang layak menerima taqwa dan yang layak memberi keampunan."(56)

Mereka tidak mungkin menentang kehendak Allah dengan kehendak mereka, dan mereka tidak bergerak ke suatu hala melainkan dengan iradat Allah yang menentukan gerak dan hala mereka. Allah itulah **"Tuhan yang layak menerima taqwa"** dari para hamba-Nya, dan mereka dituntut supaya bertaqwa kepada-Nya dan Dia juga **"Yang layak memberi keampunan"** kepada hamba-Nya mengikut kehendak-Nya. Taqwa itulah yang melayakkan seseorang menerima keampunan Allah, dan hanya Allah sahaja yang berhak menerima taqwa dan mengurniakan keampunan.

* * * * * *

Dengan tasbih yang khusyu' inilah ditamatkan surah ini. Ia membuat hati kita rindukan Allah Yang Maha Mulia semoga Dia memberi taufik ke arah

mengingati-Nya dan membimbing kita ke arah taqwa dan mengurniakan kita ni'mat keampunan.

هُوَ أَهْلُ ٱلتَّقْوَىٰ وَأَهْلُ ٱلْمَغْفِرَةِ ﴿٥٦﴾

"Dialah Tuhan Yang layak menerima taqwa dan yang layak memberi keampunan."(56)

* * * * * *

JUZU' KE-29

SURAH AL-QIAMAH

SURAH KE	سُورَةُ الْقِيَامَةِ	JUMLAH AYAT
75	**SURAH AL-QIAMAH**	40
	Surah Qiamat	
	(Makkiyah)	

سُورَةُ الْقِيَامَةِ

SURAH AL-QIAMAH

Surah Qiamat

(Makkiyah)

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

لَآ أُقۡسِمُ بِيَوۡمِ ٱلۡقِيَٰمَةِ ﴿١﴾

وَلَآ أُقۡسِمُ بِٱلنَّفۡسِ ٱللَّوَّامَةِ ﴿٢﴾

أَيَحۡسَبُ ٱلۡإِنسَٰنُ أَلَّن نَّجۡمَعَ عِظَامَهُۥ ﴿٣﴾

بَلَىٰ قَٰدِرِينَ عَلَىٰٓ أَن نُّسَوِّيَ بَنَانَهُۥ ﴿٤﴾

بَلۡ يُرِيدُ ٱلۡإِنسَٰنُ لِيَفۡجُرَ أَمَامَهُۥ ﴿٥﴾

يَسۡـَٔلُ أَيَّانَ يَوۡمُ ٱلۡقِيَٰمَةِ ﴿٦﴾ فَإِذَا بَرِقَ ٱلۡبَصَرُ ﴿٧﴾

وَخَسَفَ ٱلۡقَمَرُ ﴿٨﴾ وَجُمِعَ ٱلشَّمۡسُ وَٱلۡقَمَرُ ﴿٩﴾

يَقُولُ ٱلۡإِنسَٰنُ يَوۡمَئِذٍ أَيۡنَ ٱلۡمَفَرُّ ﴿١٠﴾

كَلَّا لَا وَزَرَ ﴿١١﴾ إِلَىٰ رَبِّكَ يَوۡمَئِذٍ ٱلۡمُسۡتَقَرُّ ﴿١٢﴾

يُنَبَّؤُاْ ٱلۡإِنسَٰنُ يَوۡمَئِذِۭ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ﴿١٣﴾

بَلِ ٱلۡإِنسَٰنُ عَلَىٰ نَفۡسِهِۦ بَصِيرَةٞ ﴿١٤﴾

وَلَوۡ أَلۡقَىٰ مَعَاذِيرَهُۥ ﴿١٥﴾

لَا تُحَرِّكۡ بِهِۦ لِسَانَكَ لِتَعۡجَلَ بِهِۦٓ ﴿١٦﴾

إِنَّ عَلَيۡنَا جَمۡعَهُۥ وَقُرۡءَانَهُۥ ﴿١٧﴾

فَإِذَا قَرَأۡنَٰهُ فَٱتَّبِعۡ قُرۡءَانَهُۥ ﴿١٨﴾

ثُمَّ إِنَّ عَلَيۡنَا بَيَانَهُۥ ﴿١٩﴾

كَلَّا بَلۡ تُحِبُّونَ ٱلۡعَاجِلَةَ ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan Hari Qiamat(1). Dan sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan jiwa lawwamah (yang mencela diri sendiri)(2). Adakah manusia fikir bahawa Kami tidak akan berkuasa mengumpulkan kembali tulang-temalangnya?(3). Malah Kami berkuasa untuk menyusunkan jari jemarinya dengan sempurna(4). Tetapi manusia ingin membuat maksiat terus-menerus di masa depannya(5). Ia bertanya: Bilakah Hari Qiamat?(6). Apabila mata terbelalak (ketakutan)(7). Dan apabila bulan telah padam cahayanya(8). Dan apabila matahari dan bulan dikumpulkan(9). Pada hari itu, barulah manusia bertanya: Di mana tempat lari?(10).Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya tiada lagi tempat perlindungan(11). Pada hari itu, hanya kepada Tuhanmu sahaja tempat kembali(12). Pada hari itu, manusia akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukannya dan segala kesan yang ditinggalkan oleh perbuatannya itu(13). Malah manusia amat 'arif terhadap dirinya sendiri (14). Walaupun ia mengemukakan berbagai-bagai alasannya(15). (Wahai Muhammad!) Janganlah, engkau menggerak-gerakkan lidahmu membaca Al-Qur'an kerana hendak menguasainya dengan cepat(16). Sesungguhnya tugas Kami ialah mengumpulkannya (wahyu) dan membacakannya(17). Oleh itu, apabila Kami selesai membacanya, maka ikutilah bacaannya(18). Kemudian tugas Kami juga memberi penjelasannya(19). Tidak sekali-kali begitu, bahkan kamu sebenarnya cintakan kehidupan dunia."(20).

وَتَذَرُونَ ٱلۡأٓخِرَةَ ﴿٢١﴾ وُجُوهٞ يَوۡمَئِذٖ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾

إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٞ ﴿٢٣﴾ وَوُجُوهٞ يَوۡمَئِذِۭ بَاسِرَةٞ ﴿٢٤﴾

تَظُنُّ أَن يُفۡعَلَ بِهَا فَاقِرَةٞ ﴿٢٥﴾

كَلَّآ إِذَا بَلَغَتِ ٱلتَّرَاقِيَ ﴿٢٦﴾ وَقِيلَ مَنۡۜ رَاقٖ ﴿٢٧﴾

وَظَنَّ أَنَّهُ ٱلۡفِرَاقُ ﴿٢٨﴾ وَٱلۡتَفَّتِ ٱلسَّاقُ بِٱلسَّاقِ ﴿٢٩﴾

إِلَىٰ رَبِّكَ يَوۡمَئِذٍ ٱلۡمَسَاقُ ﴿٣٠﴾

فَلَا صَدَّقَ وَلَا صَلَّىٰ ﴿٣١﴾ وَلَٰكِن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٣٢﴾
ثُمَّ ذَهَبَ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦ يَتَمَطَّىٰٓ ﴿٣٣﴾
أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰ ﴿٣٤﴾ ثُمَّ أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰٓ ﴿٣٥﴾
أَيَحْسَبُ ٱلْإِنسَٰنُ أَن يُتْرَكَ سُدًى ﴿٣٦﴾
أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّنِىٍّ يُمْنَىٰ ﴿٣٧﴾
ثُمَّ كَانَ عَلَقَةً فَخَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٣٨﴾
فَجَعَلَ مِنْهُ ٱلزَّوْجَيْنِ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰٓ ﴿٣٩﴾
أَلَيْسَ ذَٰلِكَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يُحْـِۧىَ ٱلْمَوْتَىٰ ﴿٤٠﴾

"Dan kamu tinggalkan kehidupan Akhirat(21). Pada hari itu, wajah-wajah (Mu'min) berseri-seri(22). Memandang kepada Tuhannya(23). Dan pada hari itu, wajah-wajah (kafir) muram suram(24). Mereka menduga akan ditimpakan malapetaka yang memecahkan tulang belakang mereka(25). Tidak sekali-kali begitu, apabila nyawa sampai ke pangkal dada(26). Lalu ditanya: Siapakah yang dapat menyembuhkannya?(27). Dan dia yakin itulah sa'at perpisahan-nya(28). Lalu berpautlah betis (kanan) dengan betis (kirinya)(29). Pada hari itu,(seluruh manusia)dibawa kepada Tuhanmu(30). Dia (si kafir itu) tidak membenarkan Al-Qur'an dan tidak pula mendirikan solat(31). Tetapi dia mendustakan-nya dan berpaling darinya(32). Kemudian dia pergi kepada keluarganya berjalan dengan lagak yang sombong(33). Awaslah engkau, awaslah engkau(34). Kemudian awaslah engkau, awaslah engkau(35). Adakah manusia fikir bahawa dia akan ditinggalkan sia-sia?(36). Bukankah dahulunya dia hanya setitis nutfah dari air mani yang dipancutkannya?(37). Kemudian nutfah itu menjadi segumpal darah lalu Allah ciptakan rupanya dan menjadikannya makhluk yang sempurna (38). Dan Allah jadikan darinya sepasang lelaki dan perempuan(39). Tidakkah Tuhan yang sedemikian sifatnya berkuasa untuk menghidupkan kembali manusia yang mati?!"(40).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah yang pendek ini mengumpulkan berbagai-bagai hakikat, pernyataan-pernyataan yang berkesan, gambaran-gambaran, pemandangan-pemandangan, nada-nada dan sentuhan-sentuhan yang tidak terdaya dihadapi dan dihindari oleh hati manusia. Semuanya dikumpulkan dengan satu kekuatan dan dengan satu uslub yang tertentu yang membuat surah ini mempunyai satu ciri yang istimewa sama ada dari segi uslub, pengungkapan atau dari segi uslub bunyi, di mana kedua-dua uslub ini berpadu melahirkan sebuah nada yang kuat yang sukar dihadapi dan dihindari darinya.

Di dalam dua ayat yang surah ini dimulai dengan nada kenyataan mengenai Qiamat dan nada kenyataan mengenai jiwa manusia:

لَآ أُقْسِمُ بِيَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ﴿١﴾
وَلَآ أُقْسِمُ بِٱلنَّفْسِ ٱللَّوَّامَةِ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan Hari Qiamat (1). Dan sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan jiwa lawwamah (yang mencela diri sendiri)."(2)

Hakikat Maut Yang Dihadapi Oleh Semua Yang Hidup

Kemudian ia terus memperkatakan hakikat-hakikat yang ada kaitan dengan jiwa manusia dan dengan Hari Qiamat dari permulaan sehingga akhirnya. Ia mencampurkan di antara hakikat jiwa dengan hakikat Qiamat seolah-olah permulaan surah ini menunjukkan kepada maudhu' surah, atau seolah-olah permulaan surah ini merupakan nada asasi, di mana seluruh nada yang lain dikembalikan kepadanya dengan satu cara yang amat halus dan indah.

Di antara hakikat-hakikat yang besar yang dikumpulkan oleh surah ini dalam menghadapi hati manusia dan mengenakannya dengan satu kepungan yang ketat yang tidak dapat dihindari olehnya itu ialah hakikat maut yang kejam, yang amat ditakuti oleh setiap yang hidup. Tiada siapa yang berkuasa menolak maut yang berlaku pada setiap detik itu. Ia dihadapi semua orang, orang-orang dewasa dan kanak-kanak, orang-orang kaya dan miskin, orang-orang gagah dan lemah. Mereka semuanya sama sahaja di depan maut. Tiada berguna sebarang helah dan ikhtiar, tiada berguna sebarang kekuatan dan pertolongan dan tiada kesempatan untuk tempoh-menempoh. Semuanya itu menunjukkan bahawa maut itu datang dari pihak yang tertinggi yang tidak mampu ditolak dan dihindarkan manusia. Nada ayat ini amat menyentuh hati ketika ia berkata:

كَلَّآ إِذَا بَلَغَتِ ٱلتَّرَاقِىَ ﴿٢٦﴾ وَقِيلَ مَنْۜ رَاقٍ ﴿٢٧﴾
وَظَنَّ أَنَّهُ ٱلْفِرَاقُ ﴿٢٨﴾ وَٱلْتَفَّتِ ٱلسَّاقُ بِٱلسَّاقِ ﴿٢٩﴾
إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ ٱلْمَسَاقُ ﴿٣٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu, apabila nyawa sampai ke pangkal dada(26). Lalu ditanya: Siapakah yang dapat menyembuhkannya?(27). Dan dia yakin itulah sa'at perpisahannya(28). Lalu berpautlah betis (kanan) dengan betis (kirinya)(29). Pada hari itu,(seluruh manusia) dibawa kepada Tuhanmu."(30)

Hakikat Kuasa Yang Mengatur Penciptaan Manusia Dan Mengatur Kebangkitan Semulanya

Di antara hakikat-hakikat yang besar yang dibicarakan oleh surah ini lagi ialah hakikat asal-usul kejadian manusia dan bagaimana hakikat ini membuktikan kebenaran cerita kebangkitan semula manusia, juga membuktikan adanya perencanaan dan tadbir Allah dalam penciptaan manusia. Ia adalah satu hakikat yang didedahkan Allah kepada manusia untuk menunjukkan betapa halusnya susunan peringkat-

peringkat perkembangan dan tertib-tertib kejadian manusia yang diciptakan dengan begitu indah dan unik yang tiada siapa berkuasa melakukannya selain Allah dan tiada siapa dari kalangan mereka yang tidak percaya kepada Hari Akhirat mampu mendakwa mempunyai kuasa untuk mengatur kejadian manusia. Hakikat itu menjadi bukti yang amat jelas dan kuat bahawa di sana ada Tuhan Yang Maha Esa yang mentadbir dan merencanakan urusan penciptaan manusia, di samping menjadi bukti yang jelas dan tidak dapat ditolak bahawa urusan kebangkitan semula manusia itu merupakan satu perkara yang mudah kepada Allah.

Hakikat asal-usul kejadian manusia ini juga menyarankan dengan kuat betapa perlunya kebangkitan semula manusia itu kerana ia sejajar dengan perencanaan dan tadbir Allah yang tidak akan membiarkan manusia sia-sia dan cuma-cuma. Allah tidak akan meninggalkan kehidupan manusia dan amalan-amalannya tanpa dinilai dan dihisab. Inilah pernyataan ayat-ayat berikut yang mencuit hati yang dimulakan dengan pertanyaan:

أَيَحْسَبُ ٱلْإِنسَٰنُ أَن يُتْرَكَ سُدًى ﴿٣٦﴾

أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّنِيٍّ يُمْنَىٰ ﴿٣٧﴾

ثُمَّ كَانَ عَلَقَةً فَخَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٣٨﴾

فَجَعَلَ مِنْهُ ٱلزَّوْجَيْنِ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰٓ ﴿٣٩﴾

أَلَيْسَ ذَٰلِكَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يُحْـِۧيَ ٱلْمَوْتَىٰ ﴿٤٠﴾

"Adakah manusia fikir bahawa dia akan ditinggalkan sia-sia?(36). Bukankah dahulunya dia hanya setitis nutfah dari air mani yang dipancutkannya?(37). Kemudian nutfah itu menjadi segumpal darah lalu Allah ciptakan rupanya dan menjadikannya makhluk yang sempurna (38). Dan Allah jadikan darinya sepasang lelaki dan perempuan(39). Tidakkah Tuhan yang sedemikian sifatnya berkuasa untuk menghidupkan kembali manusia yang mati?"(40)

Pemandangan Revolusi Alam

Di antara pemandangan-pemandangan yang amat berkesan yang ditayang dan digunakan oleh surah ini untuk bersemuka dengan hati manusia dengan hujah yang kuat ialah pemandangan Hari Qiamat dengan peristiwa-peristiwa revolusi alam buana, kekacauan-kekacauan jiwa manusia dan kebingungan mereka menghadapi peristiwa-peristiwa malapetaka yang dapat dilihat dengan jelas di alam buana dan di dalam lubuk hati manusia yang ketakutan di mana mereka berlari ke sana ke mari laksana tikus di dalam perangkap. Pemandangan ini merupakan jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan manusia yang meragui dan memperkecil-kecilkan Hari Qiamat, manusia yang ingin meneruskan kerja-kerja maksiat mereka. Jawapan itu dilakukan dengan nada-nada yang cepat, pemandangan-pemandangan yang pantas dan kelip-kelip cahaya yang sekilas:

بَلْ يُرِيدُ ٱلْإِنسَٰنُ لِيَفْجُرَ أَمَامَهُۥ ﴿٥﴾

يَسْـَٔلُ أَيَّانَ يَوْمُ ٱلْقِيَٰمَةِ ﴿٦﴾ فَإِذَا بَرِقَ ٱلْبَصَرُ ﴿٧﴾

وَخَسَفَ ٱلْقَمَرُ ﴿٨﴾ وَجُمِعَ ٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ ﴿٩﴾

يَقُولُ ٱلْإِنسَٰنُ يَوْمَئِذٍ أَيْنَ ٱلْمَفَرُّ ﴿١٠﴾

"Tetapi manusia ingin membuat maksiat terus-menerus di masa depannya(5). Ia bertanya: Bilakah Hari Qiamat? (6). Apabila mata terbelalak (ketakutan)(7). Dan apabila bulan telah padam cahayanya(8). Dan apabila matahari dan bulan dikumpulkan(9). Pada hari itu, barulah manusia bertanya: Di mana tempat lari?"(10)

كَلَّا لَا وَزَرَ ﴿١١﴾ إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ ٱلْمُسْتَقَرُّ ﴿١٢﴾

يُنَبَّؤُا۟ ٱلْإِنسَٰنُ يَوْمَئِذٍۭ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ﴿١٣﴾

بَلِ ٱلْإِنسَٰنُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ بَصِيرَةٌ ﴿١٤﴾

وَلَوْ أَلْقَىٰ مَعَاذِيرَهُۥ ﴿١٥﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya tiada lagi tempat perlindungan(11). Pada hari itu, hanya kepada Tuhanmu sahaja tempat kembali(12). Pada hari itu, manusia akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukannya dan segala kesan yang ditinggalkan oleh perbuatannya itu(13). Malah manusia amat 'arif terhadap dirinya sendiri (14). Walaupun ia mengemukakan berbagai-bagai alasannya."(15)

Pemandangan Wajah-wajah Yang Berseri Dan Muram

Di antara pemandangan-pemandangan itu lagi ialah pemandangan orang-orang Mu'min yang yakin kepada Tuhan mereka dan bercita-cita mendapat ni'mat memandang wajah-Nya Yang Maha Mulia di dalam situasi yang gawat itu, dan pemandangan orang-orang kafir yang putus hubungan dengan Allah dan menduga akan menerima balasan terhadap kekafiran, maksiat dan pendustaan mereka. Pemandangan itu ditayangkan begitu kuat dan begitu hidup seolah-olah terjelma di depan kita semasa membaca ayat-ayat itu. Ia ditayangkan sebagai jawapan kepada manusia yang cintakan kehidupan dunia dan mengabaikan kehidupan Akhirat:

كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ ٱلْعَاجِلَةَ ﴿٢٠﴾ وَتَذَرُونَ ٱلْءَاخِرَةَ ﴿٢١﴾

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾

وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ بَاسِرَةٌ ﴿٢٤﴾

تَظُنُّ أَن يُفْعَلَ بِهَا فَاقِرَةٌ ﴿٢٥﴾

"Tidak sekali-kali begitu, bahkan kamu sebenarnya cintakan kehidupan dunia(20). Dan kamu tinggalkan kehidupan Akhirat(21). Pada hari itu, wajah-wajah (Mu'min) berseri-seri(22). Memandang kepada Tuhannya(23). Dan pada hari itu, wajah-wajah (kafir) muram suram(24). Mereka menduga akan ditimpakan malapetaka yang memecahkan tulang belakang mereka."(25)

Arahan Kepada Rasulullah Ketika Menerima Wahyu

Di celah-celah hakikat-hakikat dan pemandangan-pemandangan itu terdapat empat ayat selingan yang mengandungi arahan dan panduan khusus kepada Rasulullah s.a.w. mengenai cara menerima wahyu Al-Qur'an yang diturunkan kepadanya, kerana beliau takut terlupa sesuatu yang diwahyukan kepadanya, dan untuk mengelakkan kelupaan itu beliau mengingatkan wahyu itu serangkap demi serangkap semasa menerimanya dan menggerak-gerakkan lidahnya untuk mempastikan bahawa beliau benar-benar telah menghafalnya. Arahan dan bimbingan itu berbunyi:

لَا تُحَرِّكْ بِهِۦ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِۦٓ ﴿١٦﴾

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُۥ وَقُرْءَانَهُۥ ﴿١٧﴾

فَإِذَا قَرَأْنَٰهُ فَٱتَّبِعْ قُرْءَانَهُۥ ﴿١٨﴾

ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُۥ ﴿١٩﴾

"(Wahai Muhammad!) Janganlah, engkau menggerak-gerakkan lidahmu membaca Al-Qur'an kerana hendak menguasainya dengan cepat(16). Sesungguhnya tugas Kami ialah mengumpulkannya (wahyu) dan membacakannya(17). Oleh itu, apabila Kami selesai membacanya, maka ikutilah bacaannya(18). Kemudian tugas Kami juga memberi penjelasannya."(19)

Tujuan arahan ini untuk mententeramkan beliau bahawa urusan penyampaian Al-Qur'an dan pengumpulannya dalam ingatan beliau dan penjelasan maksud-maksudnya adalah urusan Allah, sedangkan peranan beliau hanya menerima dan menyampai. Oleh itu, hendaklah beliau bertenang dan menerima wahyu itu dengan sempurna dan beliau akan dapati bahawa semua wahyu yang diturunkan kepadanya akan terlukis teguh di dalam hatinya. Beginilah yang telah berlaku.

Ayat-ayat bimbingan ini terus dirakamkan pada tempatnya di sini sebaik sahaja ia diturunkan... kerana bukankah bimbingan ini dari kalam Allah? Bukankah kalam Allah tetap tercatat mengenai apa sahaja tujuan, dan perintah yang dikehendaki Allah? Inilah kalimat-kalimat kalam Allah yang dirakamkan di dalam dada kitab suci sama seperti kalimat-kalimat kalam Allah yang lain di dalam kitab suci ini. Ayat-ayat bimbingan ini yang dirakamkan pada tempatnya itu adalah memberi makna yang amat mendalam yang menyarankan satu hakikat yang halus mengenai setiap kalimat Kalamullah yang memperkatakan sesuatu jurusan, dan mengenai Al-Qur'an yang mengandungi segala Kalamullah yang diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w., maka segala kalimat Kalamullah itu tidak terpotong darinya walau sehuruf pun dan tidak pula terluput dari ingatannya walau satu kalimat pun. Itulah ciri-ciri Al-Qur'an yang benar, betul, waspada dan terhormat.

* * * * * *

Demikianlah hati seseorang akan merasa ketika membaca surah ini bahawa dia dikepung dan tidak mungkin melarikan dirinya dari Allah kerana asal-usul kejadiannya dan peringkat-peringkat perkembangan kejadiannya adalah dirancangankan dengan ilmu Allah dan pentadbiran-Nya, sama ada dalam kehidupan dunia atau kehidupan Akhirat, sedangkan ia masih terus lalai, berhibur, berseronok dan berjalan dengan lagak-lagak yang angkuh:

فَلَا صَدَّقَ وَلَا صَلَّىٰ ﴿٣١﴾ وَلَٰكِن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٣٢﴾

ثُمَّ ذَهَبَ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦ يَتَمَطَّىٰٓ ﴿٣٣﴾

"Dia(si kafir itu)tidak membenarkan Al-Qur'an dan tidak pula mendirikan solat(31). Tetapi dia mendustakannya dan berpaling darinya(32). Kemudian dia pergi kepada keluarganya berjalan dengan lagak yang sombong."(33)

Ketika menghadapi hakikat-hakikat dan pemandangan-pemandangan itu, terdengar pula suara ancaman yang halus:

أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰ ﴿٣٤﴾ ثُمَّ أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰٓ ﴿٣٥﴾

"Awaslah engkau, awaslah engkau(34). Kemudian awaslah engkau, awaslah engkau."(35)

Demikianlah surah ini berusaha mengubati kedegilan hati manusia, keingkarannya dan keinginannya yang suka bersuka-suka dan berhibur itu. Ia menyedarkannya memandang serius kepada persoalan Qiamat dan persoalan jiwa manusia itu, juga persoalan hidup yang dikira dengan hisab yang amat halus dan Al-Qur'an yang tidak terpotong sehuruf pun darinya kerana Al-Qur'an adalah kalam Allah Yang Maha Agung, di mana seluruh pelusuk alam bergema dengan kalimat-kalimat-Nya dan kalimat-kalimat itu tetap tercatat di dalam rekod alam buana yang tetap dan di dalam dada kitab suci yang mulia ini.

* * * * * *

Kami telah bentangkan hakikat-hakikat dan pemandangan-pemandangan di dalam surah ini secara berasingan semata-mata kerana tujuan penjelasan, sedangkan hakikat-hakikat dan pemandangan-pemandangan itu di dalam susunan

penerangan surah tidak diterangkan begitu, malah kedua-duanya diterangkan secara beriringan dan berdamping-dampingan di sana sini. Sekali ia menyentuh hati dengan satu sudut hakikat ini, dan sejurus kemudian ia kembali menyentuh hakikat itu dari sudut yang lain. Semuanya merupakan ciri-ciri uslub Al-Qur'an ketika berbicara dengan hati manusia, iaitu satu uslub yang tidak boleh ditandingi oleh mana-mana uslub yang lain.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 15)

Sekarang marilah kita hadapi surah ini mengikut susunannya:

لَآ أُقْسِمُ بِيَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ﴿١﴾

وَلَآ أُقْسِمُ بِٱلنَّفْسِ ٱللَّوَّامَةِ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan Hari Qiamat(1). Dan sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan jiwa lawwamah (yang mencela diri sendiri)."(2)

Ungkapan **"Tidak usah bersumpah"** itu lebih mendalam kesannya dari bersumpah secara langsung, dan kesan inilah yang dimaksudkan dari ungkapan itu. Dengan uslub yang istimewa ini ia dapat memberi penyampaian yang sempurna. Dan uslub ini digunakan berulang-ulang kali di berbagai-bagai tempat dalam Al-Qur'an dan di sebaliknya lahirlah dengan jelas hakikat Qiamat dan hakikat jiwa lawwamah.

***Hakikat Jiwa Lawwamah* (لوامة)**

Hakikat Qiamat akan dijelaskan pada tempat-tempat mengenainya dalam surah ini, sedangkan hakikat jiwa lawwamah itu mempunyai beberapa pentafsiran dan pendapat. Menurut al-Hasan al-Basri: "Demi Allah, engkau tidak melihat seorang Muslim melainkan dia sentiasa, mencela dan mengkritikkan dirinya sendiri: Mengapa aku berkata begitu? Mengapa aku makan ini? Mengapa aku bercita-cita begini? Tetapi sebaliknya seseorang yang berdosa itu akan meneruskan maksiatnya tanpa mencela dan mengkritikkan dirinya."

Menurut al-Hasan lagi: "Tiada seorang pun dari penghuni langit dan bumi melainkan akan mencelakan dirinya pada Hari Qiamat."

Menurut 'Ikrimah: "Al-nafsul-lawwamah (النفس اللوامة) itu ialah jiwa yang sentiasa mengkritik dan menegur dirinya sama ada dalam perkara-perkara yang baik atau perkara-perkara yang jahat: Alangkah bagusnya jika engkau berbuat begitu atau begini! Begitulah juga pendapat Sa'id ibn Jubayr. Pendapat Ibn 'Abbas.

Menurut Mujahid pula: "Al-nafsul-lawwamah itu ialah jiwa yang menyesali dan mencela dirinya di atas mana-mana kebajikan yang terluput."

Menurut Qatadah: "Ialah jiwa yang berdosa."

Ujar Ibn Jarir: "Semua pendapat ini membawa pengertian yang hampir sama, dan yang lebih sesuai dengan pengertian zahir ayat itu ialah jiwa yang mencela dan mengkritik dirinya sendiri sama ada dalam perkara-perkara kebaikan atau kejahatan dan menyesali di atas mana-mana kebajikan yang terluput."

Kami memilih pendapat al-Hasan al-Basri: "Demi Allah, engkau tidak melihat seorang Muslim melainkan dia sentiasa mencela dan mengkritikkan dirinya sendiri." Mengapa aku berkata begitu? Mengapa aku makan ini? Mengapa aku bercita-cita begini? Tetapi sebaliknya seseorang yang berdosa itu akan meneruskan maksiatnya tanpa mencela dan mengkritikkan dirinya."

Oleh sebab itu jiwa pencela dan pengkritik itu sentiasa waspada, hati-hati dan takut-takut. Ia sentiasa memeriksa dirinya dan mengenalpastikan segala keinginan hatinya dan takut menipu diri sendiri. Itulah jiwa yang mulia di sisi Allah hingga disebutkannya bersama Qiamat, kemudian jiwa pencela ini adalah lawan kepada jiwa, yang berdosa yang ingin terus menerus melakukankan maksiat dan terus berdegil dan menolak Al-Qur'an dan berpaling dari iman, dan terus sombong tanpa memeriksa dan mengkritikkan diri sendiri dan tanpa menghiraukan sesuatu apa pun.

لَآ أُقْسِمُ بِيَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ ﴿١﴾

وَلَآ أُقْسِمُ بِٱلنَّفْسِ ٱللَّوَّامَةِ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan Hari Qiamat(1). Dan sesungguhnya Aku tidak usah bersumpah dengan jiwa lawwamah (yang mencela diri sendiri)."(2)

Maksudnya, Allah tidak payah bersumpah begitu untuk membuktikan bahawa Qiamat itu tetap akan berlaku. Oleh sebab itu Allah tidak bersumpah dan tidak pula menyebut objek sumpah itu, malah objek sumpahnya itu dizahirkan dalam bentuk yang lain seolah-olah memulakan satu pembicaraan baru selepas mengingatkannya dengan muqaddimah yang membangkitkan kesedaran ini:

أَيَحْسَبُ ٱلْإِنسَٰنُ أَلَّن نَّجْمَعَ عِظَامَهُۥ ﴿٣﴾

"Adakah manusia fikir bahawa Kami tidak akan berkuasa mengumpulkan kembali tulang-temalangnya."(3)

Yang menjadi masalah kesedaran kepada kaum Musyrikin ialah kesulitan mereka untuk memikirkan kemungkinan tulang-tulang yang telah hancur reput di dalam tanah itu dapat dikumpulkan kembali untuk menghidupkan semula manusia yang telah mati. Mungkin masalah ini masih menjadi masalah kepada setengah-setengah manusia sehingga hari ini. Sangkaan ini telah disangkalkan oleh Al-Qur'an:

بَلَىٰ قَٰدِرِينَ عَلَىٰٓ أَن نُّسَوِّىَ بَنَانَهُۥ ﴿٤﴾

"Malah Kami berkuasa untuk menyusunkan jari jemarinya dengan sempurna."(4)

Ayat ini menjelaskan bahawa tulang-temalang yang reput dan hancur itu bukan sahaja akan dikumpul dan dicantumkan kembali malah segala jari-jemarinya akan disusun semula seperti asalnya. Proses penyusunan semula jari-jari itu merupakan proses pembentukan semula seseorang manusia dengan sehalus-halus dan serapi-rapinya. Penyusunan semula itu dilakukan dengan sempurna. Tiada satu ruas jari dan tiada satu anggota dan bentuk rupanya akan kehilangan atau dipasang di tempat yang salah, segalanya akan diciptakan kembali dengan sempurna walaupun sekecil mana anggota itu.

Tulang-tulang Yang Hancur Dan Reput Tidak Menjadi Masalah Kepada Qudrat Allah

Di sini cukuplah dengan penjelasan yang tegas sekadar ini, dan pada akhir surah ini akan dikemukakan lagi satu bukti yang lain mengenai asal-usul kejadian manusia. Tujuan dari penegasan ini ialah untuk mendedahkan penyakit jiwa yang membuat manusia tidak memikir dan menduga bahawa tulang-temalang mereka akan dikumpulkan kembali. Penyakit itu ialah kerana mereka ingin meneruskan kejahatan dan maksiat mereka dan kerana mereka tidak ingin diganggu gugat dari kejahatan-kejahatan mereka. Mereka tidak mahu adanya hisab dan balasan, oleh sebab itulah mereka tidak mempercayai kebangkitan semula dan kedatangan Hari Qiamat:

بَلْ يُرِيدُ ٱلْإِنسَٰنُ لِيَفْجُرَ أَمَامَهُۥ ﴿٥﴾

يَسْـَٔلُ أَيَّانَ يَوْمُ ٱلْقِيَٰمَةِ ﴿٦﴾

"Tetapi manusia ingin membuat maksiat terus-menerus di masa depannya(5). Ia bertanya: Bilakah Hari Qiamat?"(6)

Akhirat Pengawal Nafsu Kejahatan

Pertanyaan dengan menggunakan kata-kata أَيَّانَ (Bilakah) yang bernada panjang itu menyarankan betapa jauhnya bagi mereka kemungkinan berlakunya Hari Qiamat itu. Ini sesuai dengan keinginan mereka untuk terus melakukan kejahatan dan maksiat tanpa diganggu dan dihalang oleh bayang-bayang kebangkitan semula atau bayang-bayang Akhirat. Sebenarnya Akhirat itulah pengawal nafsu kejahatan dan penghalang hati yang ingin melakukan maksiat, sedangkan manusia mahu menghapuskan pengawal dan penghalang ini supaya dia bebas melakukan kejahatan dan maksiat tanpa memperhitungkan Hari Hisab.

Justeru inilah Allah menjawab sendaan mereka terhadap Hari Qiamat ini dengan jawapan yang segera, cepat, pantas dan tegas, tidak berlengah-lengah dan berlambat-lambat hingga ternyata pada susunan-susunan kata dan bunyi kata-kata. Jawapan ini menggambarkan satu pemandangan Qiamat yang disertai oleh semua pancaindera, perasaan-perasaan manusia dan pemandangan-pemandangan alam buana:

فَإِذَا بَرِقَ ٱلْبَصَرُ ﴿٧﴾ وَخَسَفَ ٱلْقَمَرُ ﴿٨﴾

وَجُمِعَ ٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ ﴿٩﴾

يَقُولُ ٱلْإِنسَٰنُ يَوْمَئِذٍ أَيْنَ ٱلْمَفَرُّ ﴿١٠﴾

"Apabila mata terbelalak (ketakutan)(7). Dan apabila bulan telah padam cahayanya(8). Dan apabila matahari dan bulan dikumpulkan(9). Pada hari itu barulah manusia bertanya: Di mana tempat lari?"(10)

Apabila Qiamat Bermula, Manusia Tertanya-tanya Di Mana Tempat Selamat

Mata membelalak laksana disambar petir, bulan dihapuskan cahayanya, matahari berganding dengan bulan setelah berpisah selama ini. Sistem peredaran matahari dan bulan yang biasa itu telah menjadi kacau-bilau akibat kekacauan yang berlaku pada sistem alam buana. Di tengah-tengah ketakutan dan revolusi alam yang mengerikan inilah manusia tertanya-tanya **"di mana tempat lari?"** Dan pertanyaan itu membayangkan seolah-olah manusia ketika itu melihat ke segenap sudut dan arah, tiba-tiba dia dapati segala jalan di hadapannya tertutup. Dia benar-benar terkepung tiada lagi jalan untuk mencari perlindungan dan keselamatan, tiada tempat lagi untuk melarikan diri dari 'azab Allah, dari kuatkuasa-Nya dan dari kembali dan berlindung di sisi Allah. Tiada tempat yang lain lagi untuk berlindung:

كَلَّا لَا وَزَرَ ﴿١١﴾ إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ ٱلْمُسْتَقَرُّ ﴿١٢﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya tiada lagi tempat perlindungan(11). Pada hari itu, hanya kepada Tuhanmu sahaja tempat kembali."(12)

Setiap Manusia Bertanggungjawab Di Atas Segala Kesan-kesan Yang Ditinggalkan Oleh Perbuatannya

Keinginan manusia untuk terus melakukan maksiat dan kejahatan tanpa hisab dan balasan itu tidak akan berlaku lagi pada hari itu, bahkan pada hari itu segala perbuatan yang telah dilakukan mereka akan dihisab dan akan diperingatkan Allah apabila dia lupa, dan seterusnya akan menerima balasan yang wajar selepas ia mengingati kejahatannya dan melihat laporan amalannya terbentang di hadapannya:

يُنَبَّؤُا۟ ٱلْإِنسَٰنُ يَوْمَئِذٍۭ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ﴿١٣﴾

"Pada hari itu, manusia akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukannya dan segala kesan yang ditinggalkan oleh perbuatannya itu."(13)

Manusia akan diberitahu segala amalan yang telah dilakukannya sebelum ia mati termasuk kesan-kesan dari amalan dan perbuatannya sama ada baik atau buruk. Kesan-kesan dari segala amalan dan perbuatan yang dilakukan oleh seseorang akan ditokok tambah kepada kumpulan amalannya dalam kiraan terakhir.

Biarpun bagaimana manusia mengemukakan alasan dan dalihan untuk membenarkan perbuatan-perbuatan mereka yang salah, namun alasan dan dalihan itu tidak akan diterima, kerana mereka telah dipertanggungjawabkan terhadap diri mereka sendiri. Merekalah yang berkewajipan memimpin diri mereka kepada kebaikan. Dan andainya diri mereka terjerumus ke dalam kejahatan, maka merekalah yang memikul tanggungjawabnya dan perbuatan itu akan menjadi bukti kesalahannya:

بَلِ ٱلْإِنسَٰنُ عَلَىٰ نَفْسِهِۦ بَصِيرَةٌ ﴿١٤﴾

وَلَوْ أَلْقَىٰ مَعَاذِيرَهُۥ ﴿١٥﴾

"Malah manusia amat 'arif terhadap dirinya sendiri (14). Walaupun ia mengemukakan berbagai-bagai alasannya."(15)

Di sini dapatlah diperhatikan bahawa segala sesuatu diterangkan dengan pantas dan ringkas, dengan susunan kata yang pendek, dengan ceraian-ceraian kata yang ringkas, dengan nada-nada kata yang cepat dan dengan pemandangan yang sekilas hingga proses hisab juga diterangkan begitu ringkas:

يُنَبَّؤُا۟ ٱلْإِنسَٰنُ يَوْمَئِذٍۭ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ﴿١٣﴾

"Pada hari itu, manusia akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukannya dan segala kesan yang ditinggalkan oleh perbuatannya itu."(13)

Segala-galanya ringkas dan pantas seolah-olah memberi jawapan kepada manusia yang merasakan Qiamat itu amat jauh dan memperkecil-kecilkan Hari Hisab.

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 19)

Setiap Kalimat Al-Qur'an Yang Diwahyukan Kepada Rasulullah Tidak Akan Terluput Dari Ingatannya

Kemudian datang pula empat ayat memberi arahan kepada Rasulullah s.a.w. mengenai al-Qur'an yang diwahyukan kepadanya dan bagaimana peraturan menerimanya:

لَا تُحَرِّكْ بِهِۦ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِۦٓ ﴿١٦﴾

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُۥ وَقُرْءَانَهُۥ ﴿١٧﴾

فَإِذَا قَرَأْنَٰهُ فَٱتَّبِعْ قُرْءَانَهُۥ ﴿١٨﴾ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُۥ ﴿١٩﴾

"(Wahai Muhammad!) Janganlah engkau menggerak-gerakkan lidahmu membaca Al-Qur'an, kerana hendak menguasainya dengan cepat(16). Sesungguhnya tugas Kami ialah mengumpulkannya (wahyu) dan membacakannya(17). Oleh itu, apabila Kami selesai membacanya, maka ikutilah bacaannya(18). Kemudian tugas Kami juga memberi penjelasannya."(19)

Sebagai tambahan kepada huraian yang telah kami kemukakan muqaddimah, surah ini mengenai ayat-ayat ini, di sini kami jelaskan bahawa ayat-ayat ini menyarankan jaminan Allah yang mutlak terhadap keutuhan Al-Qur'an dalam segala aspek sama ada dalam aspek penyampaian dan ingatan atau dari aspek pengumpulan dan penjelasan. Segala-galanya terserah kepada Allah. Tugas Rasulullah s.a.w. hanya menanggung Al-Qur'an dan menyampaikannya.

Ayat-ayat ini juga menjelaskan bagaimana gelisah, resah dan tidak sabarnya beliau untuk mengingati wahyu-wahyu yang disampaikan kepada beliau. Beliau memberi sepenuh perhatiannya kepada wahyu itu dan beliau amat bimbang terlupa mana-mana ayat atau kalimat dari wahyu itu. Inilah yang mendorong beliau mengikuti bacaan Jibril a.s. ayat demi ayat dan kalimat demi kalimat agar beliau benar-benar pasti tiada suatu pun yang terluput, dan benar-benar pasti bahawa beliau telah mengingati semuanya.

Rakaman peristiwa ini di dalam Al-Qur'an yang dibacakan kepada beliau itu adalah panting untuk mendalamkan saranan-saranan yang kami telah sebutkan tadi di sini, juga di dalam muqaddimah surah yang khusus mengenai hal ini.

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 25)

Punca Kelalaian Manusia Ialah Cintakan Kehidupan Dunia

Kemudian Al-Qur'an terus menayangkan pemandangan-pemandangan Qiamat dan bagaimana keadaan jiwa lawwamah pada hari itu, lalu ia mengingatkan mereka dengan hakikat jiwa mereka yang begitu cinta dan sibuk dengan kehidupan dunia di samping, mengabai dan kurang memberi perhatian kepada Akhirat. Ia menunjukkan keadaan dan nasib kesudahan yang akan diterima mereka di Akhirat dalam satu pemandangan yang hidup, yang kuat saranannya dan mendalam kesannya:

كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ ٱلْعَاجِلَةَ ﴿٢٠﴾ وَتَذَرُونَ ٱلْءَاخِرَةَ ﴿٢١﴾

"Tidak sekali-kali begitu, bahkan kamu sebenarnya cintakan kehidupan dunia(20). Dan kamu tinggalkan kehidupan Akhirat."(21)

Yang mula-mula menarik perhatian dari segi keselarasan penerangan ayat ialah kehidupan dunia di sini dinamakan dengan (kehidupan yang cepat). Selain dari kata-kata ini menyarankan betapa pendek dan cepatnya berakhir kehidupan dunia ini, di sana juga terdapat keselarasan di antara bayangan kata-kata "*kehidupan yang cepat*" itu dan bayangan keadaan Rasulullah s.a.w. yang gopoh yang diterangkan dengan firman Allah Ta'ala kepada beliau:

لَا تُحَرِّكْ بِهِۦ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِۦٓ ﴿١٦﴾

"(Wahai Muhammad!) Janganlah engkau menggerak-gerakkan lidahmu membaca Al-Qur'an kerana hendak menguasainya dengan cepat."(16)

Penggerakan lidah dan kegopohan ini merupakan salah satu bayangan dari sifat manusia di dalam

kehidupan dunia. Ini adalah satu keselarasan yang indah dan halus yang diperhatikan oleh pengungkapan Al-Qur'an.

Kemudian marilah kita tumpu kepada situasi Akhirat yang dilukiskan oleh ayat Al-Qur'an yang unik ini:

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾

"Pada hari itu, wajah-wajah (Mu'min) berseri-seri."(22)

Tiada Bandingan Di Antara Ni'mat Melihat Kejadian Ciptaan Allah Di Dunia Dengan Ni'mat Melihat Keindahan Zat Allah Di Akhirat

Ayat ini memberi isyarat sekilas kepada suatu situasi di Akhirat yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata dan tidak dapat ditanggapkan segala hakikatnya, iaitu situasi orang-orang Mu'min yang dijanjikan dengan ni'mat kebahagiaan memandang Allah yang mengatasi seluruh ni'mat yang lain, hingga ni'mat Syurga dan segala aneka keni'matan yang ada padanya menjadi kecil, dibandingkan dengan ni'mat kebahagiaan memandang wajah Allah.

Wajah-wajah itu berseri-seri kerana dapat meni'mati memandang Allah Tuhan mereka. Alangkah tinggi ni'mat itu dan alangkah luhurnya kebahagiaan itu!

Di dunia, jiwa manusia kadang-kadang merasa begitu ni'mat memandang keindahan ciptaan Ilahi pada kejadian-kejadian alam dan pada jiwa manusia seperti keindahan malam purnama raya, keindahan malam yang sunyi sepi, keindahan fajar menyingsing, keindahan bayang yang memanjang, keindahan lautan yang bergelombang, keindahan padang gurun yang sayup saujana, keindahan taman-taman yang permai, keindahan wajah yang comel, keindahan hati yang mulia, keindahan keimanan yang kukuh atau keindahan kesabaran yang tenang dan sebagainya dari keindahan-keindahan yang terdapat di alam buana ini. Ia merasa begitu riang, gembira dan bahagia meni'mati keindahan-keindahan itu. Ia terbang jauh ke alam-alam keindahan yang bebas, dan ketika itu lenyaplah darinya segala duri-duri hidup, segala kesakitan dan penderitaan, segala kehodohan, segala gangguan bumi, segala desakan keinginan darah dan daging dan segala pertarungan nafsu keinginan.

Jika beginilah keni'matan melihat keindahan ciptaan Allah di dunia, maka bagaimana pula keni'matan melihat keindahan zat Allah sendiri di Akhirat.

Tidakkah ini satu darjah penghormatan yang memerlukan pertolongan dari Allah dan pengukuhan diri dari Allah agar seseorang itu dapat mengawal dirinya dan berdiri dengan teguh dan agar ia dapat meni'mati kebahagiaan yang tidak terperi sifatnya dan tidak dapat difikirkan hakikatnya:

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾

"Pada hari itu, wajah-wajah (Mu'min) berseri-seri(22). Memandang kepada Tuhannya."(23)

Mengapa pula tidak berseri-seri sedangkan mereka memandang keindahan wajah Tuhan mereka? Apabila seseorang melihat keindahan ciptaan Allah di bumi seperti keindahan mayang-mayang, keindahan kembang yang mekar, keindahan sayap-sayap yang mengepak, keindahan jiwa yang luhur dan perbuatan yang baik, maka perasaan bahagia yang membanjiri hatinya akan melimpah kepada wajahnya dan membuat wajahnya berseri-seri, jadi bagaimana pula nanti wajahnya akan berseri-seri jika mereka memandang keindahan Allah Yang Maha Sempurna dalam suasana yang bebas dari segala gangguan yang wujud di alam buana? Manusia tidak dapat mencapai darjah ini melainkan apabila ia bersih dari segala gangguan yang menghalanginya dari sampai kedarjah yang sukar dikhayalkan ini iaitu, bukan sahaja bersih dari gangguan-gangguan yang wujud di sekelilingnya, tetapi juga bersih dan gangguan-gangguan dan dalam dirinya sendiri dalam bentuk keinginan kepada sesuatu keni'matan yang lain dari keni'matan memandang Allah.

Bagaimana nanti manusia melihat Allah? Dan dengan anggota manakah dia melihat-Nya? Dan bagaimana cara dia melihat-Nya? Ini adalah satu persoalan yang tidak terlintas dalam hati Mu'min yang dibanjiri kesukaan yang dicetuskan oleh ayat ini di dalam hati yang Mu'min, juga rasa bahagia dan gembira menunggu sa'at gemilang dengan penuh harapan yang dilimpahkan oleh ayat ini ke atas jiwanya.

Mengapa ramai orang menafikan jiwa mereka dari meni'mati nur yang penuh kesukaan dan kebahagian itu dengan menyibukkan diri mereka berbahas dan berdebat di sekitar persoalan "Melihat Allah" yang mutlak, yang tidak dapat difahami oleh akal mereka yang terikat dengan pengertian-pengertian dan tanggapan-tanggapan 'aqliyah yang biasa?

Apabila diri manusia meningkat tinggi dan bebas dari ikatan-ikatan kehidupan dunia yang terbatas ini, maka itulah sahaja satu-satunya harapan bagi mereka menemui hakikat melihat Allah yang mutlak pada hari itu, dan sebelum tercapainya kebebasan itu amatlah sukar bagi mereka untuk mendapat gambaran bagaimana caranya pertemuan dengan Allah itu berlaku?

Kerana itu, sia-sia sahajalah perdebatan dan perbahasan yang berlarut-larut di antara golongan Muktazilah dan penentang-penentangnya yang terdiri dari ahli as-Sunnah dan ahli-ahli ilmul-Kalam di sekitar persoalan hakikat melihat Allah di hari Akhirat itu. Kerana mereka menggunakan ukuran-ukuran alam dunia dan memperkatakan tentang manusia yang terikat dengan tanggapan-tanggapan 'aqliyah di alam dunia dan memikirkan masalah melihat Allah dengan daya pemikiran yang terbatas.

Kata-kata Atau Istilah Dunia Yang Digunakan Al-Qur'an Untuk Menggambarkan Sesuatu Di Alam Akhirat Mempunyai Pengertian Yang Berbeza

Pengertian kata-kata itu sendiri terikat dengan apa yang dapat difaham oleh akal dan kefahaman-kefahaman kita yang terbatas. Oleh itu, apabila akal kita bebas dari kefahaman-kefahaman yang terbatas ini, maka tabi'at kata-kata itu mungkin akan berubah, kerana kata-kata itu hanya merupakan lambang yang berbeza-beza tujuannya mengikut kefahaman yang wujud di dalam daya pemikiran manusia. Apabila daya tenaga pemikiran itu berubah, maka kefahaman-kefahamannya juga turut berubah dan pengertian kata-kata itu juga ikut berubah. Dalam kehidupan dunia, kita berinteraksi dengan lambang-lambang ini mengikut keadaan kita. Oleh itu, apakah perlunya kita membahaskan sesuatu persoalan yang belum jelas kepada kita termasuk pengertian kata-kata itu sendiri?

Oleh itu, marilah kita menunggu dengan penuh harapan sa'at yang penuh limpah dengan kebahagiaan dan kesukaan yang suci yang tercetus dari kefahaman-kefahaman kita terhadap hakikat melihat Allah sekadar termampu oleh daya pemikiran kita. Marilah kita penuhkan jiwa kita dengan hasrat dan harapan mendapat ni'mat itu, kerana hasrat dan cita-cita itu sendiri merupakan satu ni'mat yang amat besar yang tiada ni'mat yang dapat mengatasinya melainkan ni'mat memandang wajah Allah Yang Maha Mulia.

Di Sebalik Wajah-wajah Muram

وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ بَاسِرَةٌ ﴿٢٤﴾

تَظُنُّ أَن يُفْعَلَ بِهَا فَاقِرَةٌ ﴿٢٥﴾

"Dan pada hari itu, wajah-wajah (kafir) muram suram (24). Mereka menduga akan ditimpakan malapetaka yang memecahkan tulang belakang mereka."(25)

Itulah wajah-wajah muram yang terhijab dari memandang Allah dengan sebab dosa-dosa, keruntuhan akhlak, ketebalan hati dan kepadaman nur dari hati mereka. Dosa-dosa itulah yang membuat mereka berdukacita, muram dan masam dan membuat mereka menduga dan ternanti-nanti akan ditimpa malapetaka yang dahsyat yang mematahkan tulang belakang mereka. Mereka menanti dengan perasaan resah, murung, bosan dan perasaan yang keruh.

Mereka telah mengabaikan Akhirat dan menyintai kehidupan dunia. Apabila tiba Hari Akhirat, mereka menerima nasib kesudahan yang amat jauh perbezaannya. Pada itu ada wajah-wajah yang berseri-berseri memandang kepada Tuhan mereka dan ada pula wajah-wajah yang suram muram menunggu kedatangan malapetaka yang dahsyat.

Itulah pemandangan-pemandangan Qiamat, di mana mata membelalak, bulan dipadamkan cahayanya, matahari dan bulan dikumpulkan, di mana manusia tertanya-tanya ke mana hendak lari? Sedangkan di sana tiada tempat untuk melarikan diri. Pada hari itu manusia menerima nasib yang berbeza-beza dan jauh pula perbezaannya, di sana kelihatan wajah-wajah yang berseri-seri kerana bahagia dapat melihat Allah dan muka-muka yang masam dan muram kerana menduga akan ditimpa malapetaka.

(Pentafsiran ayat-ayat 26 - 35)

Jika kekuatan pemandangan-pemandangan Qiamat dan kesannya di dalam hati di ambil dari kekuatan hakikat yang tersembunyi di dalam pemandangan-pemandangan itu sendiri, di samping diambil dari kekuatan penyampaian Al-Qur'an yang membuat pemandangan-pemandangan itu seolah-olah hidup, maka surah ini - selepas menayangkan pemandangan itu - menayangkan pula satu pemandangan yang lain dari jarak yang amat dekat seolah-olah terjelma di hadapan mata, iaitu pemandangan yang sentiasa wujud dan berlaku berulang-ulang kali. Pemandangan ini dihadapi oleh manusia pada setiap detik yang dilalui mereka di bumi ini, pemandangan ini menerjah mereka dengan kuat, jelas dan berat.

Apabila Maut Datang Tiada Siapa Yang Dapat Menghalang

Itulah pemandangan maut yang menjadi titik kesudahan bagi setiap yang hidup. Tiada yang hidup dapat mempertahankan dirinya dari maut dan tidak pula dapat mempertahankan maut dari orang lain. Maut yang memisahkan di antara kekasih-kekasih, maut yang terus berlalu tanpa berhenti dan tanpa berpaling, maut yang tidak menghiraukan jerit pekik orang yang susah, tidak memperdulikan hasrat dan harapan orang yang berpisah, tidak mengendahkan keinginan orang yang bercita-cita, dan ketakutan orang yang takut. Maut yang menumbangkan gergasi-gergasi semudah ia menumbangkan orang-orang kerdil. Maut yang menumpaskan orang-orang yang berkuasa sama seperti ia menumpaskan orang-orang yang lemah. Maut yang tidak dapat dihadapi manusia dengan tipu dayanya, tetapi walaupun itulah sifat-sifat maut, namun manusia tidak mahu memikirkan kuasa agung yang menjalankannya:

كَلَّآ إِذَا بَلَغَتِ ٱلتَّرَاقِىَ ﴿٢٦﴾ وَقِيلَ مَنْ ۜ رَاقٍ ﴿٢٧﴾

وَظَنَّ أَنَّهُ ٱلْفِرَاقُ ﴿٢٨﴾ وَٱلْتَفَّتِ ٱلسَّاقُ بِٱلسَّاقِ ﴿٢٩﴾

"Tidak sekali-kali begitu, apabila nyawa sampai ke pangkal dada(26). Lalu ditanya: Siapakah yang dapat menyembuhkannya?(27). Dan dia yakin itulah sa'at perpisahannya(28). Lalu berpautlah betis (kanan) dengan betis (kirinya)."(29)

Itulah pemandangan orang yang sedang menghadapi nazak maut yang digambarkan oleh Al-

Qur'an dengan begitu hidup seolah-olah terbentang di depan mata. **"Tidak sekali-kali begitu, apabila nyawa sampai ke pangkal dada,"** yakni apabila roh sudah sampai ke halkum, maka itulah nazak yang akhir. Itulah detik-detik kesengsaraan maut yang membingung dan membeliakkan mata. Sekalian yang hadir di sekelilingnya memandang satu sama lain mencari ikhtiar menyelamat roh yang menderita itu. **"Lalu ditanya: Siapakah yang boleh menyembuhkannya?"** Semoga ada jampi yang berguna untuk menyelamatkannya dari kesengsaraan dan nazak maut. **"Lalu berpautlah betis (kanan) dengan betis (kiri)",** tetapi segala ikhtiar itu sia-sia dan tidak berupaya untuk menahankan kedatangan maut. Hanya satu jalan sahaja yang kelihatan iaitu jalan penghabisan yang membawa setiap yang hidup kepada Tuhannya:

إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ ٱلْمَسَاقُ ٣٠

"Pada hari itu, (seluruh manusia) dibawa kepada Tuhanmu."(30)

Gambaran maut itu begitu hidup seolah-olah bergerak dan bercakap. Setiap ayat melukiskan gerak-geri dan pemandangan yang membuat keadaan hampir mati itu terlukis begitu jelas dengan suasana-suasana cemas, bingung, terharu menghadapi hakikat yang kejam dan pahit yang tidak dapat ditolak dan dielakkan itu. Kemudian berlakulah penghabisan yang tidak dapat dihindari.

Kemudian tabir dilabuhkan menutup pemandangan yang menyedihkan itu. Gambarannya masih ternampak-nampak di mata, dan kesannya menjejak di dalam hati dan seluruh suasana diselubungi sepi yang mencemaskan.

Sesuai dengan pemandangan orang yang sedang menghadapi kesengsaraan nazak maut itu, ditayangkan pula pemandangan manusia-manusia yang lalai dan pendusta, mereka tidak bersedia dengan amalan dan keta'atan, malah mereka melakukan maksiat dan berpaling dari keimanan:

فَلَا صَدَّقَ وَلَا صَلَّىٰ ٣١ وَلَٰكِن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ٣٢
ثُمَّ ذَهَبَ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦ يَتَمَطَّىٰٓ ٣٣

"Dia (si kafir itu) tidak membenarkan Al-Qur'an dan tidak pula mendirikan solat(31). Tetapi dia mendustakannya dan berpaling darinya(32). Kemudian dia pergi kepada keluarganya berjalan dengan lagak yang sombong."(33)

Kejahatan Abu Jahl Dan Tokoh-tokoh Setandingnya Dirakam Dalam Ayat-ayat Ini

Menurut riwayat, ayat-ayat ini ditujukan kepada seorang tokoh yang tertentu. Kata satu pendapat tokoh itu ialah Abu Jahl iaitu 'Amr ibn Hisyam. Dia kadang-kadang datang menemui Rasulullah s.a.w. mendengar Al-Qur'an kemudian pulang tanpa beriman dan tanpa mengerjakan keta'atan, tanpa beradab sopan dan takut kepada Allah, malah ia sentiasa menyakiti Rasulullah s.a.w. dengan kata-kata yang kesat dan menghalangi orang lain dari agama Allah. Kemudian dia berlalu dari situ dengan sombong dan penuh bangga terhadap kejahatan-kejahatan yang dilakukannya, seolah-olah dia tidak berbuat apa-apa kesalahan.

Ia telah digambarkan dengan gambaran yang sinis apabila Al-Qur'an memerikan gaya ia berjalan dengan lagak yang takbur dengan melonjak-lonjak dan memanjang-manjang belakangnya yang disampaikan oleh kata-kata "يتمطى".

Orang yang seperti Abu Jahl itu memang ramai terdapat dalam sejarah da'wah kepada Allah. Ia mendengar, tetapi menentang dan menghalang orang lain menerima da'wah Allah. Ia mengganggu dan menindas para penda'wah, ia melakukan berbagai-bagai tipu muslihat yang jahat, ia terus berpaling dari da'wah dan berbangga-bangga dengan tindak-tanduknya yang jahat, dengan gerakan yang dilakukannya di bumi dengan tindakan-tindakannya yang menghalangkan manusia dari jalan Allah dan dengan angkara-angkaranya terhadap agama dan 'aqidah Allah.

Kemudian Al-Qur'an menghadapi tokoh yang bongkak dan jahat itu dengan ancaman dan amaran:

أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰ ٣٤ ثُمَّ أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰٓ ٣٥

"Awaslah engkau, awaslah engkau(34). Kemudian awaslah engkau, awaslah engkau."(35)

Ungkapan ini merupakan satu istilah ancaman dan amaran pada suatu masa Rasulullah s.a.w. telah memegang leher Abu Jahl, lalu menggoncang-goncangkannya sambil berkata, "Awaslah engkau, awaslah engkau, kemudian awaslah engkau, awaslah engkau", lalu musuh Allah itu membalas, "Hai Muhammad! Adakah engkau mengugut aku? Demi Allah, engkau dan Tuhan engkau tidak dapat berbuat apa-apa kepadaku, akulah manusia yang paling mulia di negeri ini." Akhirnya dia telah dibinasakan Allah dan terbunuh di tangan orang Mu'min di dalam peperangan Badar. Ia telah dibinasakan oleh Tuhan Muhammad Yang Maha Kuat, Maha Gagah dan Maha Agung. Sebelum Abu Jahl, Maharaja Fir'aun pernah berkata:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمَلَأُ مَا عَلِمْتُ لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرِى

"Wahai para pembesar! Aku tidak mengetahui adanya Tuhan yang lain bagi kamu selain dari aku."

(Surah al-Qasas: 38)

يَٰقَوْمِ أَلَيْسَ لِى مُلْكُ مِصْرَ وَهَٰذِهِ ٱلْأَنْهَٰرُ تَجْرِى
مِن تَحْتِىٓ

"Wahai kaumku! Tidakkah kerajaan Mesir ini kepunyaanku dan tidakkah sungai ini mengalir di bawah kuasaku?"

(Surah az-Zukhruf: 51)

Orang yang seperti Abu Jahal ini memang ramai di dalam sejarah da'wah. Dia berbangga dengan keluarganya, dengan kekuatannya dan kekuasaannya, dan mengirakannya sebagai sesuatu yang besar, tetapi dia lupa kepada balasan Allah yang dapat membinasakannya lebih hina dari seekor nyamuk atau lalat. Dia telah dibinasakan oleh ajal yang telah ditentukan masanya yang tidak dapat dipercepat dan tidak pula dapat diperlewatkan.

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 40)

Pada akhirnya, Al-Qur'an mencuit hati dengan menjelaskan satu lagi hakikat yang berlaku di dalam realiti hidup mereka, iaitu hakikat yang membuktikan adanya tadbir dan perencanaan Allah mengatur kehidupan manusia, juga menunjukkan adanya kebangkitan selepas mati yang diingkarkan mereka dengan sekeras-kerasnya, iaitu kebangkitan semula yang tiada jalan untuk melarikan diri darinya dan tiada daya untuk menolakkan bukti dan dalilnya.

Manusia Diwujudkan Dengan Perancangan Allah Yang Rapi

Bahagian yang akhir ini yang membuat pernyataan-pernyataan yang mendalam adalah mengandungi beberapa tarikan perhatian yang amat mendalam ke arah hakikat-hakikat yang agung yang tidak pernah terlintas di hati orang-orang Arab yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka di zaman itu. Tarikan perhatian yang pertama adalah dihalakan kepada hakikat wujudnya perencanaan Allah yang mengatur kehidupan manusia:

أَيَحْسَبُ ٱلْإِنسَٰنُ أَن يُتْرَكَ سُدًى ﴿٣٦﴾

"Adakah manusia fikir bahawa dia akan ditinggalkan sia-sia?"(36)

Pada hemat orang-orang kafir, hidup di dunia merupakan suatu pergerakan yang tidak mempunyai sebarang sebab, sebarang matlamat dan sebarang tujuan. Ia tidak lebih dari suatu proses dilahirkan oleh rahim ibu kemudian ditelan oleh kubur, dan di antara masa kelahiran dan kematian ialah masa kegiatan berhibur dan bemiain-main, berhias dan berbangga-bangga dan memuaskan nafsu dengan keni'matan-keni'matan haiwaniyah. Adapun konsep hidup yang mempunyai undang-undang, peraturan, matlamat, tujuan dan hikmat, adapun konsep kedatangan manusia ke pentas hidup dunia ini mengikut perencanaan-perencanaan Ilahi yang disusun rapi dan berlangsung mengikut satu matlamat yang telah ditentukan dan berakhir dengan hisab dan balasan, adapun konsep pengembaraan manusia di bumi ini sebagai suatu ujian dan cubaan, adapun kefahaman hidup yang halus dan sepadu, iaitu kefahaman yang sedar bahawa di sebalik hidup ini wujudnya Uluhiyah Yang Maha Kuasa, yang mengaturkan pentadbiran yang rapi dan bijaksana, yang menciptakan segala sesuatu dengan ukuran-ukuran yang sempurna dan mengakhirkan segala sesuatu dengan titik penghabisan, maka semuanya ini tidak pernah difikirkan oleh mereka di zaman itu.

Faktor yang membezakan manusia dari haiwan ialah kesedaran mereka terhadap wujudnya pertalian zaman, peristiwa-peristiwa dan matlamat-matlamat, juga kesedaran mereka terhadap adanya matlamat dan tujuan dari kewujudan mereka dan kewujudan seluruh alam sekelilingnya. Semakin subur dan luas kesedaran ini semakin tinggi darjah kemanusiaannya, semakin halus pemahamannya terhadap undang-undang alam dan pertaliannya dengan peristiwa-petistiwa dan benda-benda yang wujud. Oleh kerana itu dia tidak hidup dalam bentuk sedetik demi sedetik, satu peristiwa demi satu petistiwa, malah dia memandang seluruh hidupnya mempunyai pertalian dengan zaman dan tempat, mempunyai perhubungan dengan masa silam, masa kini dan masa mendatang, kemudian seluruhnya mempunyai pertalian dengan kewujudan alam buana dan undang-undangnya dan kemudian seluruhnya pula mempunyai hubungan dengan iradat Allah Tuhan Pencipta yang tidak menjadikan manusia hidup sia-sia dan tidak akan membiarkan mereka hidup percuma.

Inilah kefahaman yang maha agung yang dipindahkan oleh Al-Qur'an kepada manusia sejak zaman berzaman. Kefahaman ini merupakan satu peralihan yang amat besar dibandingkan dengan kefahaman-kefahaman yang lumrah di masa itu, dan masih tetap agung dibandingkan dengan seluruh kefahaman-kefahaman universal yang diketahui oleh ilmu falsafah dahulu dan sekarang.

Cuitan itu ialah:

أَيَحْسَبُ ٱلْإِنسَٰنُ أَن يُتْرَكَ سُدًى ﴿٣٦﴾

"Adakah manusia fikir bahawa dia akan ditinggalkan sia-sia."(36)

Ini adalah salah satu cuitan Al-Qur'an yang membimbing dan mengarah hati manusia supaya sentiasa mengingati pertalian-pertalian, perhubungan-perhubungan, matlamat-matlamat, tujuan-tujuan, faktor-faktor dan sebab-sebab yang mengikatkan kewujudan dirinya dengan kewujudan alam seluruhnya dan dengan iradat Allah yang mentadbirkan semesta alam.

Kemudian secara jelas dan terang tanpa berbelit-belit dan samar-samar, Al-Qur'an membawa bukti-bukti yang nyata dan mudah, yang menunjukkan bahawa manusia itu tidak akan ditinggalkan hidup sia-sia. Bukti-bukti itu ialah asal mula kejadiannya:

أَلَمْ يَكُ نُطْفَةً مِّن مَّنِيٍّ يُمْنَىٰ ﴿٣٧﴾

ثُمَّ كَانَ عَلَقَةً فَخَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٣٨﴾

فَجَعَلَ مِنْهُ ٱلزَّوْجَيْنِ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰ ﴿٣٩﴾

"Bukankah dahulunya dia hanya setitis nutfah dari air mani yang dipancutkannya?(37). Kemudian nutfah itu menjadi segumpal darah, lalu Allah ciptakan rupa-nya dan menjadikannya makhluk yang sempurna(38). Dan Allah jadikan darinya sepasang lelaki dan perempuan."(39)

Bukti-bukti Perancangan Allah Dalam Penciptaan Manusia

Siapakah manusia itu? Dari bahan apakah dia diciptakan? Bagaimana asal mulanya? Bagaimana titik akhirnya? Dan bagaimana dia mengembara begitu jauh hingga akhirnya sampai ke bumi ini?

Bukankah dulunya manusia hanya berupa setitis nutfah dari air mani yang dipancutkan ke dalam rahim? Bukankah setitis nutfah itu berubah dari satu sel yang kecil kepada segumpal darah yang mempunyai bentuk dan kedudukan yang khusus di dalam rahim di mana ia melekat pada dinding rahim untuk hidup dan mendapat makanan? Siapakah yang memberi ilham kepadanya supaya ia bergerak sedemikian rupa? Siapakah yang memberi kekuatan itu kepadanya? Siapakah yang membimbingnya ke arah itu?

Kemudian siapakah pula yang menjadikannya selepas itu seorang bayi yang sempurna tubuh badannya, yang tersusun dari berjuta-juta sel yang hidup, sedangkan asalnya hanya satu sel bersama sebiji telur perempuan? Perjalanan yang dijalani nutfah dari sel yang tunggal kepada seorang bayi yang sempurna merupakan satu perjalanan yang lebih jauh dari perjalanannya dari masa lahirnya hingga masa matinya. Begitu juga perubahan-perubahan yang dialaminya dalam peringkat perjalanan kebayiannya adalah lebih luas dan lebih banyak dari peristiwa-peristiwa yang ditempuhinya dalam perjalanannya dari masa lahirnya hingga ke masa matinya. Siapakah yang memandu perjalanannya yang amat jauh itu, sedangkan ia ketika itu hanya satu makhluk yang amat kecil dan lemah, tidak mempunyai akal, tidak mempunyai daya tenaga berfikir dan tidak mempunyai pengalaman-pengalaman?

Kemudian pada akhirnya, siapakah pula yang menciptakan lelaki dan perempuan dari sel yang satu itu? Kemahuan atau kehendak siapakah yang menentukan sel ini menjadi bayi lelaki dan sel itu menjadi bayi perempuan? Siapakah yang berani mendakwa bahawa dialah yang ikut campurtangan membuat pilihan itu di dalam alam rahim yang gelap-gelita itu.

Sudah tentu yang dirasa oleh hati ialah tangan qudrat dan tadbir Ilahi yang halus itulah yang telah memandu nutfah yang dipancut ke dalam rahim itu dalam perjalanan-nya yang panjang hingga akhirnya terbentuk menjadi lelaki dan perempuan:

فَجَعَلَ مِنْهُ ٱلزَّوْجَيْنِ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰٓ ﴿٣٩﴾

"Dan Allah jadikan darinya sepasang lelaki dan perempuan."(39)

Di hadapan hakikat yang dipaksakan ke atas hati manusia ini, ayat yang berikut mengemukakan satu pernyataan yang lengkap yang merangkul semua hakikat yang diperkatakan oleh surah ini:

أَلَيْسَ ذَٰلِكَ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يُحْـِۧيَ ٱلْمَوْتَىٰ ﴿٤٠﴾

"Tidakkah Tuhan yang sedemikian sifatnya berkuasa untuk menghidupkan kembali manusia yang mati?"(40)

Ya, Maha Suci Allah. Sesungguhnya Allah berkuasa menghidupkan kembali manusia yang mati.

Ya, Maha Suci Allah. Sesungguhnya Allah berkuasa menciptakan semula manusia.

Ya, Maha Suci Allah. Manusia tidak mempunyai pilihan lain melainkan hanya tunduk kepada hakikat yang begitu kuat dan mendesak ini.

Demikianlah surah ini diakhiri dengan pertanyaan yang tegas, kuat dan mendalam, iaitu pertanyaan yang mengisikan hati manusia dengan hakikat kewujudan insan di alam ini dan dengan hakikat perencanaan dan pentadbiran Allah yang wujud di sebalik kewujudan manusia.

* * * * * *

JUZU' KE-29

SURAH AL-INSAN

SURAH KE

76

سُورَةُ الإِنسَان

SURAH AL-INSAN

Surah Manusia

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

31

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

هَلْ أَتَىٰ عَلَى ٱلْإِنسَٰنِ حِينٌ مِّنَ ٱلدَّهْرِ لَمْ يَكُن شَيْـًٔا مَّذْكُورًا ﴿١﴾

إِنَّا خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن نُّطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَّبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَٰهُ
سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٢﴾

إِنَّا هَدَيْنَٰهُ ٱلسَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا ﴿٣﴾

إِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ سَلَٰسِلَا۟ وَأَغْلَٰلًا وَسَعِيرًا ﴿٤﴾

إِنَّ ٱلْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِن كَأْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا ﴿٥﴾

عَيْنًا يَشْرَبُ بِهَا عِبَادُ ٱللَّهِ يُفَجِّرُونَهَا تَفْجِيرًا ﴿٦﴾

يُوفُونَ بِٱلنَّذْرِ وَيَخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُّهُۥ مُسْتَطِيرًا ﴿٧﴾

وَيُطْعِمُونَ ٱلطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٨﴾

إِنَّمَا نُطْعِمُكُمْ لِوَجْهِ ٱللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنكُمْ جَزَآءً وَلَا شُكُورًا ﴿٩﴾

إِنَّا نَخَافُ مِن رَّبِّنَا يَوْمًا عَبُوسًا قَمْطَرِيرًا ﴿١٠﴾

فَوَقَىٰهُمُ ٱللَّهُ شَرَّ ذَٰلِكَ ٱلْيَوْمِ وَلَقَّىٰهُمْ نَضْرَةً وَسُرُورًا ﴿١١﴾

وَجَزَىٰهُم بِمَا صَبَرُوا۟ جَنَّةً وَحَرِيرًا ﴿١٢﴾

مُّتَّكِـِٔينَ فِيهَا عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ ۖ لَا يَرَوْنَ فِيهَا شَمْسًا وَلَا
زَمْهَرِيرًا ﴿١٣﴾

وَدَانِيَةً عَلَيْهِمْ ظِلَٰلُهَا وَذُلِّلَتْ قُطُوفُهَا تَذْلِيلًا ﴿١٤﴾

وَيُطَافُ عَلَيْهِم بِـَٔانِيَةٍ مِّن فِضَّةٍ وَأَكْوَابٍ كَانَتْ قَوَارِيرَا۠ ﴿١٥﴾

قَوَارِيرَا۟ مِن فِضَّةٍ قَدَّرُوهَا تَقْدِيرًا ﴿١٦﴾

وَيُسْقَوْنَ فِيهَا كَأْسًا كَانَ مِزَاجُهَا زَنجَبِيلًا ﴿١٧﴾

عَيْنًا فِيهَا تُسَمَّىٰ سَلْسَبِيلًا ﴿١٨﴾

وَيَطُوفُ عَلَيْهِمْ وِلْدَٰنٌ مُّخَلَّدُونَ إِذَا رَأَيْتَهُمْ حَسِبْتَهُمْ لُؤْلُؤًا
مَّنثُورًا ﴿١٩﴾

وَإِذَا رَأَيْتَ ثَمَّ رَأَيْتَ نَعِيمًا وَمُلْكًا كَبِيرًا ﴿٢٠﴾

"Tidakkah manusia telah dilalui satu ketika dalam zaman, di mana dia belum lagi merupakan sesuatu yang dapat disebut(1). Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari nutfah yang bercampur (dari benih lelaki dan benih perempuan) dengan maksud untuk Kami mengujikannya, dan kerana itu Kami jadikannya mendengar dan melihat(2).Sesungguhnya Kami telah tunjukkan kepadanya jalan hidayat (dan terpulanglah kepadanya) sama ada ia menjadi seorang yang bersyukur atau menjadi seorang yang amat kafir(3). Sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk orang-orang kafir rantai-rantai, belenggu-belenggu dan api Neraka yang bernyala-nyala(4). Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu minum dari gelas minuman yang campurannya ialah haruman kapur(5). Iaitu matair yang diminum hamba-hamba kesayangan Allah, yang mereka alirkannya sesuka mereka(6). Mereka menyempurnakan nazar dan takutkan Hari Qiamat yang malapetakanya meluas merata-rata(7). Dan memberikan makanan yang disayanginya kepada orang miskin, anak yatim dan orang tawanan(8). (Mereka berkata:) Sesungguhnya Kami memberi makanan kepada kamu semata-mata kerana Allah, Kami tidak berkehendak apa-apa balasan dan terima kasih dari kamu(9). Sesungguhnya kami takut kepada 'azab Tuhan kami, iaitu 'azab Hari Qiamat yang membuat muka manusia masam kusam dan suram muram (10). Lalu Allah peliharakan mereka dari malapetaka hari itu dan memberikan mereka wajah yang berseri-seri dan hati yang gembira(11). Dan dengan sebab kesabaran mereka Allah balaskan mereka dengan Syurga dan sutera(12). Mereka bersandar rehat dalam Syurga di atas takhta-takhta yang berhias. Dan di sana mereka tidak melihat matahari dan tidak pula (merasa) suhu yang amat sejuk(13). Naungan pokok-pokoknya merunduk dekat di atas mereka dan buah-buahannya dapat dipetik dengan semudah-mudahnya(14). Dan kepada mereka diedarkan minuman-minuman di dalam bejana-bejana perak dan gelas-gelas yang jernih seperti

kaca(15). Iaitu kaca-kaca dari perak yang telah diukur dengan ukuran yang sebaik-baiknya(16). Di sana juga mereka dihidangkan gelas minuman yang bercampur zanjabil(17). Iaitu sebuah matair di dalam Syurga yang dinamakan matair Salsabil(18). Pelayan-pelayan remaja yang kekal muda mengelilingi mereka dan apabila engkau melihat mereka, engkau akan menyangka mereka mutiara-mutiara yang bertaburan(19). Dan andainya engkau melihat di sana (Syurga), nescaya engkau melihat aneka ni'mat dan kerajaan yang amat luas."(20).

عَٰلِيَهُمْ ثِيَابُ سُندُسٍ خُضْرٌ وَإِسْتَبْرَقٌ وَحُلُّوٓا۟ أَسَاوِرَ
مِن فِضَّةٍ وَسَقَىٰهُمْ رَبُّهُمْ شَرَابًا طَهُورًا ﴿٢١﴾
إِنَّ هَٰذَا كَانَ لَكُمْ جَزَآءً وَكَانَ سَعْيُكُم مَّشْكُورًا ﴿٢٢﴾
إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ تَنزِيلًا ﴿٢٣﴾
فَٱصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ ءَاثِمًا أَوْ كَفُورًا ﴿٢٤﴾
وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٢٥﴾
وَمِنَ ٱلَّيْلِ فَٱسْجُدْ لَهُۥ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ﴿٢٦﴾
إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ يُحِبُّونَ ٱلْعَاجِلَةَ وَيَذَرُونَ وَرَآءَهُمْ يَوْمًا
ثَقِيلًا ﴿٢٧﴾
نَّحْنُ خَلَقْنَٰهُمْ وَشَدَدْنَآ أَسْرَهُمْ ۖ وَإِذَا شِئْنَا بَدَّلْنَآ
أَمْثَٰلَهُمْ تَبْدِيلًا ﴿٢٨﴾
إِنَّ هَٰذِهِۦ تَذْكِرَةٌ ۖ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ سَبِيلًا ﴿٢٩﴾
وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا
حَكِيمًا ﴿٣٠﴾
يُدْخِلُ مَن يَشَآءُ فِى رَحْمَتِهِۦ ۚ وَٱلظَّٰلِمِينَ أَعَدَّ لَهُمْ
عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٣١﴾

"Mereka memakai pakaian-pakaian dari sutera yang halus berwarna hijau dan dari sutera yang tebal, dan mereka dihiaskan dengan gelang-gelang tangan perak, dan Tuhan mereka memberikan mereka minuman yang suci(21). Semuanya ini adalah balasan untuk kamu, dan segala amalan kamu adalah disyukuri (disanjung tinggi)(22). (Wahai Muhammad!) Sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu dengan beransur-ansur(23). Oleh itu, sabarlah menunggu keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka(24). Dan sebutlah nama Tuhanmu (sembahyanglah) pagi dan petang(25). Dan di waktu malam sujudlah kepada-Nya (sembahyanglah) dan bertasbihlah kepada-Nya di malam hari yang panjang (sembahyang tahajjud)(26). Sesungguhnya mereka (orang-orang kafir) cintakan kehidupan dunia dan membelakangkan Hari Akhirat yang amat berat(27). Kami telah menciptakan mereka dan menguatkan anggota-anggota dan sendi-sendi mereka, dan apabila Kami kehendaki Kami gantikan mereka dengan orang-orang seperti mereka(28). Sesungguhnya ayat-ayat Al-Qur'an ini adalah peringatan. Oleh itu, sesiapa yang berkehendak (kebahagiaan) hendaklah dia memilih jalan menuju kepada Tuhannya(29). Dan kamu tidak menghendaki sesuatu melainkan jika Allah menghendakinya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(30). Dia memasukkan ke dalam rahmat-Nya (Syurga) sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan untuk orang-orang yang zalim Allah sediakan 'azab yang amat pedih."(31).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Atas Sebab-sebab Tertentu Surah Ini Ditarjihkan Turun Di Makkah

Menurut setengah-setengah riwayat, surah ini diturunkan di Madinah. Tetapi ia sebenarnya diturun di Makkah. Sifat-sifat Makkiyahnya amat jelas dari segi pokok pembicaraannya, gaya susunan ayat-ayatnya dan dalam semua ciri-cirinya yang lain. Oleh kerana itulah kami tarjihkan riwayat-riwayat yang mengatakan surah ini diturunkan di Makkah. Bahkan dari gaya susunan ayat-ayatnya kami dapati surah ini adalah dari surah-surah yang awal turun di Makkah. Ini dibuktikan oleh adanya gambaran-gambaran ni'mat Syurga yang fizikal yang panjang lebar dan gambaran-gambaran 'azab yang berat, juga dibuktikan oleh adanya arahan Allah kepada Rasulullah s.a.w. supaya bersabar menunggu keputusan Allah dan supaya jangan mengikut golongan orang-orang yang berdosa dan tidak beriman. Arahan-arahan seperti itu biasanya turun ketika da'wah dan pejuang-pejuangnya menghadapi tentangan-tentangan yang hebat di Makkah, sedangkan orang-orang Musyrikin dibiarkan begitu sahaja. Rasulullah s.a.w. disuruh supaya berdiri teguh di atas agama yang benar yang diturunkan kepadanya dan jangan terpengaruh kepada pujukan-pujukan mereka sebagaimana terdapat dalam Surah al-Qalam, Surah al-Muzzammil dan Surah al-Muddaththir, arahan-arahan yang sama dengan arahan-arahan yang terdapat dalam surah ini. Oleh itu, pada hemat kami kemungkinan surah ini diturun di Madinah adalah sangat lemah dan tidak dapat dipertimbangkan.

* * * * * *

Da'wah Secara Lemah-lembut

Kandungan surah ini pada keseluruhannya merupakan seruan-seruan yang lemah-lembut supaya ta'at kepada Allah, berlindung pada-Nya, mencari keredhaan-Nya, mengenangkan ni'mat dan limpah kurnia-Nya, melindungkan diri dari 'azab-Nya, menyedari ujian-ujian-Nya dan memahami hikmat-hikmat-Nya di bidang-bidang penciptaan, pemberian-

pemberian ni'mat, cubaan dan penangguhan 'azab-Nya.

Surah ini dimulakan dengan pertanyaan yang menyentuh hati manusia. Di manakah dia berada sebelum diwujudkan ke alam ini? Siapakah yang mewujudkannya? Siapakah yang menciptakannya dari tiada kepada sesuatu yang boleh disebut?

هَلۡ أَتَىٰ عَلَى ٱلۡإِنسَٰنِ حِينٞ مِّنَ ٱلدَّهۡرِ لَمۡ يَكُن شَيۡـٔٗا مَّذۡكُورًا ١

"Tidakkah manusia telah dilalui satu ketika dalam zaman, di mana dia belum lagi merupakan sesuatu yang dapat disebut."(1)

Asal-usul Kejadian Manusia Dan Sumber Hidayat

Kemudian diikuti pula dengan penerangan mengenai asal-usul kejadiannya, mengenai hikmat dia diciptakan dan bagaimana dia dilengkapkan dengan tenaga-tenaga dan daya berfikir:

إِنَّا خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ مِن نُّطۡفَةٍ أَمۡشَاجٖ نَّبۡتَلِيهِ فَجَعَلۡنَٰهُ
سَمِيعَۢا بَصِيرًا ٢

"Sesungguhnya Kami ciptakan manusia dari nutfah yang bercampur (dari benih lelaki dan benih perempuan) dengan maksud untuk Kami mengujikannya, dan kerana itu Kami jadikannya mendengar dan melihat."(2)

Sentuhan yang ketiga ialah mengenai pemberian hidayat dan pertolongan Allah kepada manusia untuk menuju ke jalan yang lurus dan pemberian kebebasan untuk memilih jalan hidupnya:

إِنَّا هَدَيۡنَٰهُ ٱلسَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرٗا وَإِمَّا كَفُورًا ٣

"Sesungguhnya Kami telah tunjukkan kepadanya jalan hidayat (dan terpulanglah kepadanya) sama ada ia menjadi seorang yang bersyukur atau menjadi seorang yang amat kafir."(3)

Seruan Menuju Ke Syurga Dan Ni'mat-ni'matnya

Selepas tiga sentuhan yang membawa manusia berfikir panjang dan merenung jauh ke belakang dan melihat ke zaman depan dan membuat mereka berhati-hati memilih jalan itu, Al-Qur'an menyeru manusia yang sedang berada di persimpangan jalan itu supaya menjauhi jalan ke Neraka dan menggalakkan mereka ke jalan Syurga dengan menggunakan segala galakan dan segala bentuk seruan ke arah mencapai kerehatan, keni'matan dan penghormatan:

إِنَّآ أَعۡتَدۡنَا لِلۡكَٰفِرِينَ سَلَٰسِلَاْ وَأَغۡلَٰلٗا وَسَعِيرًا ٤

إِنَّ ٱلۡأَبۡرَارَ يَشۡرَبُونَ مِن كَأۡسٖ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا ٥

عَيۡنٗا يَشۡرَبُ بِهَا عِبَادُ ٱللَّهِ يُفَجِّرُونَهَا تَفۡجِيرٗا ٦

"Sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk orang-orang kafir rantai-rantai, belenggu-belenggu dan api Neraka yang bernyala-nyala(4). Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu minum dari gelas minuman yang campurannya ialah haruman kapur(5). Iaitu matair yang diminum hamba-hamba kesayangan Allah, yang mereka alirkannya sesuka mereka."(6)

Dan sebelum menayangkan gambaran-gambaran ni'mat, Al-Qur'an melukiskan sifat-sifat orang-orang yang ta'at itu dengan kata-kata yang seluruhnya membayangkan kemesraan, lemah-lembut, indah dan khusyu' sesuai dengan gambaran ni'mat yang melimpah-ruah itu:

Orang-orang Ta'at Dan Balasannya

يُوفُونَ بِٱلنَّذۡرِ وَيَخَافُونَ يَوۡمٗا كَانَ شَرُّهُۥ مُسۡتَطِيرٗا ٧

وَيُطۡعِمُونَ ٱلطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ مِسۡكِينٗا وَيَتِيمٗا وَأَسِيرًا ٨

إِنَّمَا نُطۡعِمُكُمۡ لِوَجۡهِ ٱللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنكُمۡ جَزَآءٗ وَلَا شُكُورًا ٩

إِنَّا نَخَافُ مِن رَّبِّنَا يَوۡمًا عَبُوسٗا قَمۡطَرِيرٗا ١٠

"Mereka menyempurnakan nazar dan takutkan Hari Qiamat yang malapetakanya meluas merata-rata(7). Dan memberikan makanan yang disayanginya kepada orang miskin, anak yatim dan orang tawanan(8). (Mereka berkata:) Sesungguhnya kami memberi makanan kepada kamu semata-mata kerana Allah, kami tidak berkehendak apa-apa balasan dan terima kasih dari kamu(9). Sesungguhnya kami takut kepada 'azab Tuhan kami, iaitu 'azab Hari Qiamat yang membuat muka manusia masam kusam dan suram muram."(10)

Kemudian ditunjukkan pula balasan orang-orang yang ta'at menjunjung perintah-perintah Allah dan menunaikan kewajipan-kewajipan mereka, orang-orang yang takut kepada Hari Qiamat, orang-orang yang menghulurkan makanan yang disayanginya kepada orang-orang yang memerlukannya semata-mata kerana Allah, bukan kerana mengharapkan terima kasih dan pujian dari seseorang, malah kerana takut kepada Hari Qiamat yang mengubahkan muka-muka manusia menjadi masam kusam dan suram muram. Seterusnya ditunjukkan pula balasan kepada orang-orang yang takut (kepada Allah), orang-orang yang memberi makanan kepada orang-orang miskin, anak-anak yatim dan tawanan mengutamakan keperluan mereka dari keperluan diri sendiri. Balasan yang diperolehi, mereka ialah keamanan, kemewahan dan ni'mat-ni'mat yang mewah dan senang-lenang:

فَوَقَىٰهُمُ ٱللَّهُ شَرَّ ذَٰلِكَ ٱلۡيَوۡمِ وَلَقَّىٰهُمۡ نَضۡرَةٗ وَسُرُورٗا ١١

وَجَزَىٰهُم بِمَا صَبَرُواْ جَنَّةٗ وَحَرِيرٗا ١٢

مُّتَّكِـِٔينَ فِيهَا عَلَى ٱلۡأَرَآئِكِۖ لَا يَرَوۡنَ فِيهَا شَمۡسٗا وَلَا
زَمۡهَرِيرٗا ١٣

وَدَانِيَةً عَلَيْهِمْ ظِلَالُهَا وَذُلِّلَتْ قُطُوفُهَا تَذْلِيلًا ١٤

وَيُطَافُ عَلَيْهِم بِآنِيَةٍ مِّن فِضَّةٍ وَأَكْوَابٍ كَانَتْ قَوَارِيرَا ١٥

قَوَارِيرَا مِن فِضَّةٍ قَدَّرُوهَا تَقْدِيرًا ١٦

وَيُسْقَوْنَ فِيهَا كَأْسًا كَانَ مِزَاجُهَا زَنجَبِيلًا ١٧

عَيْنًا فِيهَا تُسَمَّىٰ سَلْسَبِيلًا ١٨

وَيَطُوفُ عَلَيْهِمْ وِلْدَانٌ مُّخَلَّدُونَ إِذَا رَأَيْتَهُمْ حَسِبْتَهُمْ لُؤْلُؤًا
مَّنثُورًا ١٩

وَإِذَا رَأَيْتَ ثَمَّ رَأَيْتَ نَعِيمًا وَمُلْكًا كَبِيرًا ٢٠

عَالِيَهُمْ ثِيَابُ سُندُسٍ خُضْرٌ وَإِسْتَبْرَقٌ وَحُلُّوا أَسَاوِرَ
مِن فِضَّةٍ وَسَقَاهُمْ رَبُّهُمْ شَرَابًا طَهُورًا ٢١

إِنَّ هَٰذَا كَانَ لَكُمْ جَزَاءً وَكَانَ سَعْيُكُم مَّشْكُورًا ٢٢

"Lalu Allah peliharakan mereka dari malapetaka hari itu dan memberikan mereka wajah yang berseri-seri dan hati yang gembira(11). Dan dengan sebab kesabaran mereka Allah balaskan mereka dengan Syurga dan sutera(12). Mereka bersandar rehat dalam Syurga di atas takhta-takhta yang berhias. Dan di sana mereka tidak melihat matahari dan tidak pula (merasa) suhu yang amat sejuk(13). Naungan pokok-pokoknya merunduk dekat di atas mereka dan buah-buahannya dapat dipetik dengan semudah-mudahnya(14). Dan kepada mereka diedarkan minuman-minuman di dalam bejana-bejana perak dan gelas-gelas yang jernih seperti kaca(15). Iaitu kaca-kaca dari perak yang telah diukur dengan ukuran yang sebaik-baiknya(16). Di sana juga mereka dihidangkan gelas minuman yang bercampur zanjabil(17). Iaitu sebuah matair di dalam Syurga yang dinamakan matair Salsabil(18). Pelayan-pelayan remaja yang kekal muda mengelilingi mereka dan apabila engkau melihat mereka, engkau akan menyangka mereka mutiara-mutiara yang bertaburan(19). Dan andainya engkau melihat di sana (Syurga), nescaya engkau melihat aneka ni'mat dan kerajaan yang amat luas(20). Mereka memakai pakaian-pakaian dari sutera yang halus berwarna hijau dan dari sutera yang tebal, dan mereka dihiaskan dengan gelang-gelang tangan perak, dan Tuhan mereka memberikan mereka minuman yang suci(21). Semuanya ini adalah balasan untuk kamu, dan segala amalan kamu adalah disyukuri (disanjung tinggi)."(22)

Arahan Supaya Meneruskan Perjuangan Da'wah

Setelah mempamerkan ni'mat-ni'mat yang mewah, Al-Qur'an tujukan pula bicaranya kepada Rasulullah s.a.w. supaya terus memperjuangkan da'wah walaupun menghadapi tentangan dan pendustaan, juga supaya bersabar menunggu keputusan Allah dan supaya sentiasa berhubung dengan Allah dan memohon pertolongan dari-Nya setiap kali menempuh jalan yang sukar:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ تَنزِيلًا ٢٣

فَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ آثِمًا أَوْ كَفُورًا ٢٤

وَاذْكُرِ اسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ٢٥

وَمِنَ اللَّيْلِ فَاسْجُدْ لَهُ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ٢٦

"(Wahai Muhammad!) Sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu dengan beransur-ansur(23). Oleh itu, sabarlah menunggu keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka(24). Dan sebutlah nama Tuhanmu (sembahyanglah) pagi dan petang(25). Dan di waktu malam sujudlah kepada-Nya (sembahyanglah) dan bertasbihlah kepada-Nya di malam hari yang panjang."(26)

Kemudian mereka diperingatkan dengan hari yang amat berat, yang tidak diperhitungkan mereka, sedangkan hari itulah yang ditakuti oleh para Abrar. Mereka juga diberi sindiran terhadap kehinaan dan kekerdilan mereka di sisi Allah. Dialah yang telah menciptakan mereka dan mengurniakan kekuatan kepada mereka, dan Dialah juga yang berkuasa menghapuskan mereka dan menukarkan mereka dengan satu kaum yang lain andainya tidak kerana kemurahan Allah mengurniakan mereka ni'mat hidup yang berterusan supaya terlaksana kehendak ujian Allah. Kemudian pada akhirnya diterangkan akibat ujian itu kepada mereka:

إِنَّ هَٰؤُلَاءِ يُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ وَيَذَرُونَ وَرَاءَهُمْ يَوْمًا
ثَقِيلًا ٢٧

نَّحْنُ خَلَقْنَاهُمْ وَشَدَدْنَا أَسْرَهُمْ وَإِذَا شِئْنَا بَدَّلْنَا
أَمْثَالَهُمْ تَبْدِيلًا ٢٨

إِنَّ هَٰذِهِ تَذْكِرَةٌ فَمَن شَاءَ اتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِ سَبِيلًا ٢٩

وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَن يَشَاءَ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا
حَكِيمًا ٣٠

يُدْخِلُ مَن يَشَاءُ فِي رَحْمَتِهِ وَالظَّالِمِينَ أَعَدَّ لَهُمْ
عَذَابًا أَلِيمًا ٣١

"Sesungguhnya mereka (orang-orang kafir) cintakan kehidupan dunia dan membelakangkan Hari Akhirat yang amat berat(27). Kami telah menciptakan mereka dan menguatkan anggota-anggota dan sendi-sendi mereka, dan apabila Kami kehendaki Kami gantikan mereka dengan

orang-orang seperti mereka(28). Sesungguhnya ayat-ayat Al-Qur'an ini adalah peringatan. Oleh itu, sesiapa yang berkehendakkan (kebahagiaan) hendaklah dia memilih jalan menuju kepada Tuhan-nya(29). Dan kamu tidak menghendaki sesuatu melainkan jika Allah menghendakinya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(30). Dia memasukkan ke dalam rahmat-Nya (Syurga) sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan untuk orang-orang yang zalim Allah sediakan 'azab yang amat pedih."(31)

* * * * * *

Manusia Dicipta Untuk Menghadapi Ujian Allah

Permulaan surah ini mengingatkan manusia terhadap asal-usul kejadian mereka dan bagaimana Allah merancangkan penciptaan mereka dengan tujuan untuk menguji mereka, dan pada akhirnya diterangkan akibat dari ujian itu mengikut sebagaimana kehendak iradat-Nya yang awal. Bahagian permulaan dan bahagian akhir surah ini menyarankan bahawa di sebalik seluruh kehidupan itu terdapat pentadbiran dan perencanaan Allah, yang tidak seharusnya manusia terus bertindak sewenang-wenang tanpa sedarkan diri dan berfikir, sedangkan ia dijadikan untuk menghadapi ujian Allah dan dikurniakan kebolehan berfikir supaya ia berjaya dalam ujian itu.

Mengapa Allah Tekankan Ni'mat Fizikal

Di antara permulaan dan akhir surah ini terdapat gambaran Al-Qur'an yang paling panjang mengenai pemandangan-pemandangan ni'mat di Akhirat jika dibandingkan dengan gambaran-gambaran ni'mat yang dihuraikan dalam Surah al-Waqi'ah. Ni'mat-ni'mat itu pada keseluruhannya merupakan ni'mat-ni'mat fizikal di samping ni'mat penerimaan dan penghormatan. Dan dengan gambaran-gambaran ni'mat fizikal yang panjang lebar itu menunjukkan surah ini diturun di Makkah, kerana umat Arab di masa itu sangat hampir dengan zaman jahiliyah, dan sangat tertarik dengan keni'matan-keni'matan yang dapat dirasa dengan pancaindera mereka, malah jenis keni'matan-keni'matan seperti ini masih tetap menarik perhatian dan minat berbagai-bagai golongan manusia dan layak menjadi balasan yang memuaskan hati mereka. Allah Azawajalla sahaja yang tahu apakah balasan yang sesuai untuk mereka mengikut tabi'at kejadian dan perasaan mereka. Walau bagaimanapun terdapat ni'mat-ni'mat yang lebih tinggi dan lebih halus dari ni'mat-ni'mat fizikal sebagaimana diterangkan di dalam Surah al-Qiamat:

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾

"Pada Hari Qiamat, wajah-wajah berseri memandang kepada Tuhannya."

(Suah al-Qiamah : 22-23)

Allah S.W.T. lebih arif dengan segala balasan-balasan yang baik untuk para hamba kesayangan-Nya dalam segala keadaan.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

هَلْ أَتَىٰ عَلَى الْإِنسَانِ حِينٌ مِّنَ الدَّهْرِ لَمْ يَكُن شَيْئًا مَّذْكُورًا ﴿١﴾

"Tidakkah manusia telah dilalui satu ketika dalam zaman, di mana dia belum lagi merupakan sesuatu yang dapat disebut."(1)

Manusia Tidak Setua Alam, Ia Hanya Penghuni Baru

Pertanyaan di permulaan surah ini merupakan pertanyaan untuk penjelasan. Pertanyaan itu dibuat sedemikian rupa seolah-olah supaya manusia bertanya kepada dirinya sendiri: Tidakkah dia tahu bahawa dia telah dilalui satu ketika dalam zaman di mana dia belum lagi menjadi sesuatu yang dapat disebut? Tidakkah dia memikirkan hakikat ini dengan sebaik-baiknya? Kemudian tidakkah pemikirannya itu melahirkan di dalam hatinya kesedaran adanya tangan qudrat Ilahi yang menolaknya ke pentas hayat dan menyorotkan cahaya lampu kepadanya dan menjadikannya satu makhluk yang dapat disebut setelah selama ini tidak pernah disebut-sebut.

Pertanyaan ini menimbulkan berbagai-bagai saranan dalam pembicaraan ini, iaitu saranan-saranan yang halus dan mendalam yang merangsangkan berbagai-bagai menungan dan renungan.

Di antaranya ialah renungan ke zaman sebelum wujudnya manusia atau sebelum manusia diciptakan, Alam ini telah wujud sekian lama tanpa manusia. Bagaimana manusia ketika itu? Manusia adalah satu makhluk yang begitu angkuh dengan dirinya dan dengan nilai dirinya hingga dia terlupa bahawa alam ini telah sekian lama ada sebelum dia diciptakan lagi, dan mungkin alam tidak menduga bahawa satu makhluk yang bernama manusia akan diwujudkan, hingga datanglah iradat Allah dan lahirlah manusia ke alam al-wujud.

Di antaranya lagi ialah renungan kepada detik waktu lahirnya manusia. Di sana terdapat berbagai-bagai kefahaman mengenai detik waktu kelahiran ini yang tidak diketahui melainkan Allah. Itulah detik waktu yang menambahkan satu makhluk baru kepada alam, iaitu satu makhluk yang telah direncanakan kewujudannya dan peranannya di dalam perjalanan alam buana yang panjang ini sebelum ia diciptakan.

Di antaranya pula ialah renungan kepada tangan qudrat yang menolak makhluk yang baru ini ke pentas alam al-wujud, dan menyediakan peranan-peranannya di alam dan menyediakan peranan-peranan alam kepadanya dan menghubungkan tali-temali hidupnya dengan alam seluruhnya dan seterusnya menyediakan untuknya segala suasana yang membolehkannya untuk hidup dan memainkan peranannya. Dan selepas itu tangan Ilahi terus mengikuti manusia pada setiap langkahnya bersama tali yang mengikatnya dengan tali-tali alam buana yang besar ini.

Di sana terdapat berbagai-bagai saranan dan pemerhatian-pemerhatian yang lain yang diterapkan oleh ayat ini di dalam hati, kemudian ia membawa hati menyedari adanya tujuan, matlamat dan perencanaan Ilahi dalam penciptaan manusia, dalam perjalanan hidup manusia dan di dalam kesudahan hidupnya.

Selepas itu kesinambungan hidup manusia mempunyai kisah yang lain pula:

إِنَّا خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن نُّطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَّبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَٰهُ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia nutfah yang bercampur (dari benih lelaki dan benih perempuan) dengan maksud untuk Kami mengujikannya, dan kerana itu Kami jadikannya mendengar dan melihat."(2)

Makna Nutfah Yang Bercampur

Mungkin kata-kata **"nutfah yang bercampur"** itu dimaksudkan dengan percantuman sperma lelaki dengan telur perempuan selepas perkahwinan atau persenyawaannya, dan mungkin pula dimaksudkan dengan campuran pembawa-pembawa sifat-sifat warisan yang tersembunyi di dalam nutfah itu. Menurut istilah ilmiyah pembawa-pembawa sifat-sifat warisan itu dipanggil gina (genes). Inilah agensi yang membawa sifat-sifat yang membezakan jenis manusia dari makhluk yang lain, dan kemudian agensi inilah juga yang membawa sifat-sifat keturunan keluarga bayi itu yang membezakannya dari keturunan keluarga-keluarga yang lain dan kepada agensi inilah dihubungkan perkembangan nutfah manusia dalam perjalanannya untuk membentuk bayi manusia bukannya bayi haiwan yang lain, juga dihubungkan warisan rupa paras yang tertentu yang terdapat dalam sesuatu keluarga. Mungkin inilah yang dimaksudkan dengan nutfah yang bercampur dari berbagai-bagai warisan.

Demikianlah manusia diciptakan oleh tangan qudrat Allah dari nutfah yang bercampur. Manusia bukan diciptakan sia-sia atau main-main sahaja, malah ia diciptakan untuk diuji dan dicuba. Allah S.W.T. memang tahu siapa dia manusia? Apakah ujian yang akan dilaluinya? Dan apakah akibat ujian itu? Tetapi iradat Allah mahu menzahirkan insan di atas pentas alam al-wujud dan melahirkan kesan-kesannya di alam al-wujud dan memberi balasan kepadanya mengikut natijah ujian yang dilaluinya.

Manusia Dilengkapkan Dengan Daya-daya Mendengar Dan Melihat Yang Menggerakkan Daya Berfikir

Oleh sebab itu Allah jadikannya dengan daya kebolehan mendengar dan melihat yakni Allah membekalkan manusia dengan daya-daya kefahaman supaya dia dapat menerima dan menyambut (da'wah) dan supaya dia dapat memahami benda-benda dan nilai-nilai serta dapat membuat keputusan dan pilihan, juga dapat melalui ujian itu mengikut pilihannya.

Jadi, iradat Allah mahukan jenis manusia itu berlanjutan hidupnya dan individu-individunya lahir berulang-ulang silih berganti melalui sarana yang telah ditentukannya, iaitu Allah jadikannya dari nutfah yang bercampur. Di sebalik kejadian manusia itu ada hikmat dan tujuan. Ia bukannya kejadian kebetulan yang tidak diduga, malah di sebalik kejadiannya ada ujian, iaitu ujian untuk menduga makhluk manusia. Oleh sebab itu Allah kurniakan kepadanya kesediaan untuk menerima dan menyahut da'wah, ilmu pengetahuan dan kebebasan memilih. Segala sesuatu mengenai penciptaannya, kelengkapan daya-daya akal yang dibekalkan kepadanya juga ujian yang dilakukan kepadanya adalah diatur dengan ukuran-ukuran yang wajar.

Di samping bekalan ilmu pengetahuan, Allah bekalkan manusia dengan daya kebolehan memilih jalan hidupnya. Allah telah menjelaskan kepada manusia jalan yang dapat menyampaikannya kepada Allah supaya dipilih olehnya atau ia menjadi sesat kerana mengikuti jalan-jalan yang lain yang tidak membawa kepada Allah:

إِنَّا هَدَيْنَٰهُ ٱلسَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا ﴿٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah tunjukkan kepadanya jalan hidayat (dan terpulanglah-kepadanya) sama ada ia menjadi seorang yang bersyukur atau menjadi seorang yang amat kafir."(3)

Insan Yang Beriman Bersyukur Atas Ni'mat kewujudannya

Allah ungkapkan hidayat dengan kata-kata syukur, kerana kesyukuran itulah perasaan yang paling dekat di dalam hati orang yang mendapat hidayat, iaitu setelah dia sedar bahawa satu masa dulu dia belum lagi wujud sebagai satu makhluk yang boleh disebut, kemudian dengan kehendak Allah barulah dia muncul ke alam al-wujud sebagai makhluk yang boleh disebut. Di samping itu Allah kurniakan kepadanya daya-daya pendengaran dan penglihatan, daya-daya mengenal dan mengetahui. Kemudian Allah menunjukkan kepadanya jalan hidayat dan memberikan kepadanya kebebasan untuk memilih jalan hidup jadi rasa bersyukur itulah merupakan perasaan pertama yang terlintas di dalam hati seseorang Mu'min dalam konteks ini. Dan andainya dia tidak bersyukur bererti dia seorang yang ingkarkan ni'mat-ni'mat Allah yang amat besar itu.

Selepas penerangan ringkas terhadap ketiga-tiga ayat ini, seseorang manusia akan merasa betapa serius dan halusnya urusan penciptaan insan dan menyedari bahawa dia diciptakan Allah, kerana sesuatu matlamat yang tertentu. Dia terikat pada satu paksi yang tetap, dia dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, kerana itu dia bertanggungjawab, terhadap segala tindak-tanduknya. Dia diwujudkan ke dunia ini untuk menempuh ujian. Oleh itu, selama dia berada di dunia ini, bererti dia berada dalam tempoh ujian bukannya berada dalam tempoh bersuka ria, bermain-main dan lalai cuai. Pendeknya dari tiga ayat ini ia mendapat bekalan dari berbagai-bagai hasil

penelitian yang halus dan mendalam, juga merasa belakangnya begitu berat memikul tanggungjawab, di samping merasa serius dan tenang dalam memahami kehidupan dunia ini dan menyedari hasil-hasil ujian di sebalik kehidupan ini. Ketiga-tiga ayat itu pada umumnya menghubungkan pandangannya terhadap matlamat-matlamat kewujudannya, mengubahkan perasaannya terhadap hakikat kewujudannya dan mengubahkan sikapnya terhadap hidup dan nilai-nilainya.

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

Justeru itu Al-Qur'an menerangkan pula akibat-akibat yang menunggu manusia selepas ia menghadapi ujian itu dan selepas ia memilih jalan kesyukuran atau jalan kekufuran. Al-Qur'an menceritakan balasan 'azab yang menunggu orang-orang kafir itu dengan ringkas sahaja, kerana suasana surah ini ialah suasana kemewahan dan kesenangan, juga suasana seruan ke arah mencapai ni'mat-ni'mat yang selesa. Oleh itu, cerita balasan 'azab hanya disebut dengan ringkas sahaja:

إِنَّآ أَعْتَدْنَا لِلْكَٰفِرِينَ سَلَٰسِلَا۟ وَأَغْلَٰلًا وَسَعِيرًا ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Kami telah menyediakan untuk orang-orang kafir rantai-rantai, belenggu-belenggu dan api Neraka yang bernyala-nyala."(4)

Menerima Balasan Selepas Ujian Dan Memilih Jalan

Iaitu belenggu-belenggu untuk mengikatkan kaki dan memasungkan tangan dan api Neraka yang galak untuk dicampakkan mereka ke dalamnya dengan kakitangan yang terbelenggu.

Kemudian ayat yang berikut dengan segera menayangkan ni'mat-ni'mat Syurga:

إِنَّ ٱلْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِن كَأْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا ﴿٥﴾

عَيْنًا يَشْرَبُ بِهَا عِبَادُ ٱللَّهِ يُفَجِّرُونَهَا تَفْجِيرًا ﴿٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu minum dari gelas minuman yang campurannya ialah haruman kapur(5). Iaitu matair yang diminum hamba-hamba kesayangan Allah, yang mereka alirkannya sesuka mereka."(6)

Manusia Tidak Memahami Ni'mat Syurga Kecuali Digambarkan Dengan Istilah Ni'mat Dunia

Ayat ini menjelaskan bahawa minuman orang-orang yang ta'at atau para Abrar di dalam Syurga ialah air campuran dengan haruman kapur, iaitu mereka minum di dalam gelas yang diambil dari matair yang sentiasa mengalir dengan banyaknya. Biasanya orang-orang Arab mencampurkan minuman arak, kadang-kadang dengan kapur dan kadang-kadang dengan halia untuk menambahkan kelazatannya. Dengan keterangan ini tahulah mereka bahawa di Syurga kelak akan disediakan minuman yang bercampur kapur dengan mewahnya, tetapi taraf minuman ini tentulah lebih manis dan nyaman lagi dari minuman-minuman dunia dan kelazatannya berlipat kali ganda. Kita yang hidup di dunia ini tidak mampu untuk menentukan mutu dan jenis keni'matan dan kelazatan di dalam Syurga. Segala sifat-sifat keni'matan itu hanya diterangkan dengan maksud memudahkan kita memahaminya sahaja, kerana Allah tahu manusia tidak pernah meni'mati keni'matan-keni'matan yang lain dari keni'matan-keni'matan yang ada pada mereka untuk memahami keni'matan di alam Syurga yang ghaib dan tersembunyi itu.

Di dalam ayat yang pertama, mereka yang dikurniakan ni'mat Syurga itu dinamakan Abrar (أبرار) atau orang-orang yang ta'at, dan di dalam ayat yang kedua dinamakan 'Ibadullah atau hamba-hamba kesayangan Allah. Ini ialah untuk memuliakan mereka dan mengumumkan kelebihan dan darjah kehampiran mereka kepada Allah sesuai dengan tempat, di mana ditayangkan pemandangan ni'mat-ni'mat dan penghormatan.

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 10)

Kemudian Al-Qur'an memperkenalkan sifat-sifat orang-orang yang ta'at yang menjadi hamba-hamba kesayangannya:

يُوفُونَ بِٱلنَّذْرِ وَيَخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُّهُۥ مُسْتَطِيرًا ﴿٧﴾

وَيُطْعِمُونَ ٱلطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٨﴾

إِنَّمَا نُطْعِمُكُمْ لِوَجْهِ ٱللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنكُمْ جَزَآءً وَلَا شُكُورًا ﴿٩﴾

إِنَّا نَخَافُ مِن رَّبِّنَا يَوْمًا عَبُوسًا قَمْطَرِيرًا ﴿١٠﴾

"Mereka menyempurnakan nazar dan takutkan Hari Qiamat yang malapetakanya meluas merata-rata(7). Dan memberikan makanan yang disayanginya kepada orang miskin, anak yatim dan orang tawanan(8). (Mereka berkata:) Sesungguhnya kami memberi makanan kepada kamu semata-mata kerana Allah, kami tidak berkehendak apa-apa balasan dan terima kasih dari kamu(9). Sesungguhnya kami takut kepada 'azab Tuhan kami, iaitu 'azab Hari Qiamat yang membuat muka manusia masam kusam dan suram muram."(10)

Sifat-sifat Para Abrar (أبرار)

Itulah satu gambaran yang gemilang bagi hati orang-orang yang ikhlas dan penuh azam untuk menunaikan komitmen-komitmen dan kewajipan-kewajipan 'aqidah, juga hati orang-orang yang penuh dengan perasaan kasihan belas terhadap hamba-hamba-Nya yang lemah, hati yang lebih mementingkan kebajikan orang lain dari kebajikan dirinya sendiri, hati yang takut kepada Allah dan yakin mendapat keredhaan-Nya, juga hati yang takut kepada 'azab Allah kerana dirangsangkan oleh taqwa dan sikap serius dalam memahami kewajipan yang berat itu.

يُوفُونَ بِٱلنَّذۡرِ

"Mereka menyempurnakan nazar."(7)

Menyempurnakan Kewajipan Dan Tanggungjawab

Mereka melaksanakan segala keta'atan dan kewajipan-kewajipan yang mereka wajibkan ke atas diri mereka. Mereka menganggapkan perkara itu sebagai perkara yang sungguh-sungguh, mereka tidak cuba mengelakkan diri dari bebanan-bebanan dan tanggungjawab-tanggungjawabnya dan tidak pula cuba meninggalkannya setelah dia menyatakan keazamannya. Inilah maksud dari ungkapan **"mereka menyempurnakan nazar"** iaitu pengertian yang lebih umum pengertian biasa kata-kata "nazar".

وَيَخَافُونَ يَوۡمٗا كَانَ شَرُّهُۥ مُسۡتَطِيرٗا ﴿٧﴾

"Dan takutkan Hari Qiamat yang malapetakanya meluas merata-rata."(7)

Takut Kepada Malapetaka Qiamat

Mereka tahu sifat malapetaka Hari Qiamat itu merebak merata-rata dan menimpa manusia-manusia yang lalai cuai dan berdosa, kerana itu mereka takut ditimpa malapetaka seperti itu. Inilah sifat orang-orang yang bertaqwa, yang benar-benar merasa betapa berat dan besarnya bebanan kewajipan menjunjung perintah-perintah Allah, mereka takut berlakunya kecuaian dan ketidaksempurnaan dalam pelaksanaan tugas-tugas mereka walaupun sebanyak mana mereka menunaikan amalan-amalan ibadat dan keta'atan itu.

وَيُطۡعِمُونَ ٱلطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِۦ مِسۡكِينٗا وَيَتِيمٗا وَأَسِيرًا ﴿٨﴾

"Dan memberikan makanan yang disayanginya kepada orang miskin, anak yatim dan orang tawanan."(8)

Mengutamakan Kepentingan Golongan Yang Lemah

Inilah gambaran perasaan mereka yang suka membuat kebajikan dan menolong orang lain dengan memberi makanan kepada mereka walaupun mereka sendiri memerlukan makanan itu, tetapi mereka utamakan orang-orang yang benar-benar memerlukannya. Hati yang seperti ini tidak boleh disifatkan sebagai hati yang sayangkan makanan yang diberikan kepada orang-orang lemah yang benar-benar memerlukannya, kecuali ia sendiri juga memerlukan makanan itu, tetapi ia lebih mementingkan keperluan orang-orang yang lemah.

Ayat ini membayangkan kekejaman masyarakat kaum Musyrikin di Makkah. Mereka tidak memberi suatu apa kepada orang-orang yang dhaif yang benar-benar memerlukan bantuan, tetapi mereka sanggup berbelanja besar untuk tujuan bermegah-megah. Berlainan dengan orang-orang Mu'min yang ta'at, mereka ibarat sebuah wadi yang teduh di tengahari yang panas dan kikir ini. Mereka memberi makanan dengan hati yang murah dan belas kasihan serta dengan niat yang ikhlas kerana Allah, sebagaimana ayat yang berikut mengungkapkan keadaan dan kata hati mereka:

إِنَّمَا نُطۡعِمُكُمۡ لِوَجۡهِ ٱللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنكُمۡ جَزَآءٗ وَلَا شُكُورًا ﴿٩﴾

إِنَّا نَخَافُ مِن رَّبِّنَا يَوۡمًا عَبُوسٗا قَمۡطَرِيرٗا ﴿١٠﴾

"(Mereka berkata:) Sesungguhnya kami memberi makanan kepada kamu semata-mata kerana Allah, kami tidak berkehendak apa-apa balasan dan terima kasih dari kamu(9). Sesungguhnya kami takut kepada 'azab Tuhan kami, iaitu 'azab Hari Qiamat yang membuat muka manusia masam kusam dan suram muram."(10)

Itulah rasa belas kasihan yang lahir dari hati mereka yang lemah-lembut, yang sentiasa mencari keredhaan Allah. Mereka tidak mengharapkan balasan dan terima kasih dari makhluk. Mereka tidak bertujuan memperlihatkan kelebihan dan kemegahan mereka kepada orang-orang yang susah, malah dengan pemberian itu mereka berharap dapat melindungkan mereka dari malapetaka Qiamat yang sangat ditakuti itu. Mereka berbuat demikian kerana berpandu dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

اتق النار ولو بشق تمرة

"Peliharalah dirimu dari api Neraka walaupun dengan pemberian sebelah buah tamar."

Pemberian Bantuan Harus Dijiwai Semangat Mencari Keredhaan Allah

Di zaman itu memberi makanan secara langsung begini merupakan satu amalan untuk melahirkan rasa kasihan belas yang luhur. Ia merupakan satu cara untuk memenuhi keperluan orang-orang yang susah, tetapi kini cara-cara menghulurkan bantuan dan pertolongan telah pun berubah mengikut perubahan masyarakat dan keadaan zaman dan tidak lagi kekal dalam bentuk yang lama. Tetapi yang perlu dikekalkan ialah hati yang penuh kasihan belas dan perasaan simpati yang hidup segar serta keinginan berbuat kebaikan untuk mencari keredhaan Allah di samping membersihkan diri dari motif-motif keduniaan seperti mengharapkan balasan, terima kasih atau apa-apa faedah dalam kehidupan.

Kini berbagai-bagai cukai dan bayaran telah dikena dan diperuntukkan untuk perlindungan sosial dan kebajikan masyarakat dan membantu orang-orang yang susah, tetapi matlamat ini hanya menyempurnakan separuh tujuan Islam iaitu memenuhi keperluan golongan miskin yang diisyaratkan oleh ayat-ayat tadi dan yang menjadi objektif fardhu zakat. Kedua ialah mendidik dan mengasuh jiwa para penderma untuk ditingkatkan ke suatu taraf yang luhur, dan tujuan ini tidak harus diabai dan dipandang ringan supaya ukuran-ukuran tidak terbalik menyebabkan maksud yang baik itu dicap sebagai buruk dan pemberian hantuan itu disifatkan sebagai pemberian yang menghina para penerimanya dan merosakkan orang-orang yang memberinya.

Islam merupakan 'aqidah yang tersemat di dalam hati di samping merupakan satu methodologi tarbiyah untuk mendidik hati, kerana sentimen kasihan belas yang luhur itu dapat mendidik seseorang dan berguna kepada saudara-saudaranya yang menerima sentimen itu darinya. Oleh itu, usaha menolong orang-orang miskin itu merupa serampang dua mata yang dapat memenuhi maksud tarbiyah yang dikehendaki agama Islam.

Ayat ini memberi gambaran yang cemerlang bagi sentimen kasihan belas yang luhur itu.

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 22)

فَوَقَىٰهُمُ ٱللَّهُ شَرَّ ذَٰلِكَ ٱلْيَوْمِ وَلَقَّىٰهُمْ نَضْرَةً وَسُرُورًا ﴿١١﴾

"Lalu Allah peliharakan mereka dari malapetaka hari itu dan memberikan mereka wajah yang berseri-seri dan hati yang gembira."(11)

Selamat Dari Malapetaka Qiamat

Ayat ini dari awal-awal lagi menyebut tentang keselamatan mereka dari bencana-bencana Qiamat yang ditakuti mereka untuk menenangkan hati mereka di dunia ini ketika menerima Al-Qur'an ini dan mempercayainya. Ayat ini menyebut bahawa mereka akan dikurniakan Allah wajah yang berseri-seri dan hati yang gembira.

Hari itu bukannya hari yang membuat muka mereka kelihatan masam kusam dan suram muram. Itulah balasan yang setimpal terhadap ketakutan mereka kepada Allah dan terhadap kelembutan hati dan perasaan mereka (kepada orang-orang yang susah).

Kemudian Al-Qur'an menggambarkan ni'mat-ni'mat Syurga yang diperolehi mereka:

وَجَزَىٰهُم بِمَا صَبَرُوا۟ جَنَّةً وَحَرِيرًا ﴿١٢﴾

"Dan dengan sebab kesabaran mereka Allah balaskan mereka dengan Syurga dan sutera."(12)

Mereka akan mendiami Syurga dan memakai pakaian-pakaian sutera yang indah.

مُّتَّكِـِٔينَ فِيهَا عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ ۖ لَا يَرَوْنَ فِيهَا شَمْسًا وَلَا زَمْهَرِيرًا ﴿١٣﴾

"Mereka bersandar rehat dalam Syurga di atas takhta-takhta yang berhias. Dan di sana mereka tidak melihat panas matahari dan tidak pula (merasa) suhu yang amat sejuk."(13)

Alam Akhirat Alam Tanpa Matahari Dan Udara Dingin

Mereka sentiasa berada dalam kedudukan yang begitu rehat dan selesa. Udara di sekeliling mereka lembut, tidak panas dan tidak pula dingin. Tiada matahari yang menghangatkan tiupan angin dan tiada pula udara dingin yang membeku. Bolehlah kita katakan bahawa alam Akhirat itu adalah sebuah alam yang lain yang tidak bermatahari seperti di alam dunia ini atau mempunyai matahari-matahari lain yang serupa dengan matahari kita. Cukuplah setakat ini.

وَدَانِيَةً عَلَيْهِمْ ظِلَـٰلُهَا وَذُلِّلَتْ قُطُوفُهَا تَذْلِيلًا ﴿١٤﴾

"Naungan pokok-pokoknya merunduk dekat di atas mereka dan buah-buahnya dapat dipetik dengan semudah-mudahnya."(14)

Apabila bayang-bayang yang teduh itu mendekat dan apabila buah-buahan dapat dipetik dari jarak yang dekat, maka itulah kerehatan dan kesenangan hidup yang paling ni'mat yang dapat digambarkan oleh imaginasi.

Inilah situasi kehidupan umum di dalam Syurga sebagai balasan Allah kepada para hamba-Nya yang ta'at. Keni'matan-keni'matan hidup di sana digambarkan kepada mereka dengan gambaran kesenangan hidup yang indah dan gemilang di dunia. Kemudian ni'mat-ni'mat dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di dalam Syurga dijelaskan dengan terperinci di dalam ayat-ayat yang berikut:

وَيُطَافُ عَلَيْهِم بِـَٔانِيَةٍ مِّن فِضَّةٍ وَأَكْوَابٍ كَانَتْ قَوَارِيرَا۠ ﴿١٥﴾

قَوَارِيرَا۟ مِن فِضَّةٍ قَدَّرُوهَا تَقْدِيرًا ﴿١٦﴾

وَيُسْقَوْنَ فِيهَا كَأْسًا كَانَ مِزَاجُهَا زَنجَبِيلًا ﴿١٧﴾

عَيْنًا فِيهَا تُسَمَّىٰ سَلْسَبِيلًا ﴿١٨﴾

"Dan kepada mereka diedarkan minuman-minuman di dalam bejana-bejana perak dan gelas-gelas yang jernih seperti kaca(15). Iaitu kaca-kaca dari perak yang telah diukur dengan ukuran yang sebaik-baiknya(16). Di sana juga mereka dihidangkan gelas minuman yang bercampur zanjabil(17). Iaitu sebuah matair di dalam Syurga yang dinamakan matair Salsabil."(18)

Minuman Yang Citarasa - Gelas-gelas Yang Aneh Dan Pelayan-pelayan Remaja Yang Awet Muda

Mereka hidup dengan sepenuh keni'matan, mereka berehat di atas takhta-takhta yang berhias di antara pokok-pokok yang rimbun merunduk rendah dan mudah dipetik buah-buahnya dan di dalam udara yang nyaman. Mereka diedarkan dengan minuman-minuman di dalam bejana-bejana dan gelas-gelas perak yang nipis seperti kaca yang belum pernah dilihat pada bejana perak di dunia. Gelas-gelas itu dibentuk dengan ukuran-ukuran yang memberi keindahan dan keni'matan. Kemudian minuman-minuman itu kadang-kadang dicampur dengan zanjabil dan kadang-kadang dicampur dengan haruman kapur. Minuman-minuman itu juga dipenuhkan di dalam gelas-gelas dari sebuah matair yang sentiasa mengalir bernama Salsabil yang amat citarasa.

Yang menambahkan keni'matan ialah pelayan-pelayan yang menghidangkan gelas-gelas minuman itu adalah terdiri dari pemuda-pemuda remaja yang berwajah tampan, yang kekal muda, tidak dimakan zaman dan dilusuhkan usia. Mereka selama-lamanya muda belia dan berseri-seri dan mereka berada di sana sini dalam Syurga seolah-olah mutiara yang bertaburan:

وَيَطُوفُ عَلَيْهِمْ وِلْدَانٌ مُّخَلَّدُونَ إِذَا رَأَيْتَهُمْ حَسِبْتَهُمْ لُؤْلُؤًا
مَّنثُورًا ﴿١٩﴾

"Pelayan-pelayan remaja yang kekal muda mengelilingi mereka dan apabila engkau melihat mereka, engkau akan menyangka mereka mutiara-mutiara yang bertaburan."(19)

Kemudian ayat yang berikut menggambarkan pemandangan-pemandangan yang indah di dalam Syurga itu dengan gambaran yang ringkas, iaitu pandangan sekilas yang merangkumi seluruh kesannya yang menjejak di dalam hati dan mata:

وَإِذَا رَأَيْتَ ثَمَّ رَأَيْتَ نَعِيمًا وَمُلْكًا كَبِيرًا ﴿٢٠﴾

"Dan andainya engkau melihat di sana (Syurga), nescaya engkau melihat aneka ni'mat dan kerajaan yang amat luas."(20)

Pada umumnya di dalam suasana ni'mat dan naungan kerajaan yang luas inilah hidupnya para hamba Allah yang ta'at di alam Syurga.

Kemudian ayat yang berikut secara khusus menyebut salah satu dari gejala-gejala ni'mat dan kerajaan yang luas itu seolah-olah sebagai penjelasan mengapa Syurga digambarkan sedemikian rupa:

عَالِيَهُمْ ثِيَابُ سُندُسٍ خُضْرٌ وَإِسْتَبْرَقٌ وَحُلُّوا أَسَاوِرَ
مِن فِضَّةٍ وَسَقَاهُمْ رَبُّهُمْ شَرَابًا طَهُورًا ﴿٢١﴾

"Mereka memakai pakaian-pakaian dari sutera yang halus berwarna hijau dan dari sutera yang tebal, dan mereka dihiaskan dengan gelang-gelang tangan perak, dan Tuhan mereka memberikan mereka minuman yang suci."(21)

Inilah perhiasan dan keni'matan yang diterima dari Allah, iaitu satu pemberian yang mulia dari Pengurnia Yang Maha Pemurah yang menambahkan lagi ni'mat-ni'mat Syurga.

Kemudian mereka menerima pengumuman yang penuh mesra dan penghormatan:

إِنَّ هَٰذَا كَانَ لَكُمْ جَزَاءً وَكَانَ سَعْيُكُم مَّشْكُورًا ﴿٢٢﴾

"Semuanya ini adalah balasan untuk kamu, dan, segala amalan kamu adalah disyukuri (disanjung tinggi)."(22)

Mereka menerima pengumuman itu dari al-Mala'ut-A'la, dan pengumuman ini sahaja menyamai seluruh ni'mat-ni'mat itu dan menambahkan nilainya.

Demikianlah tamatnya tayangan pemandangan ni'mat yang terperinci dan seruan yang menarik hati supaya mencapai ni'mat itu dan menghindarkan diri dari rantai-rantai, belenggu-belenggu dan api Neraka yang bernyala-nyala. Kedua-dua bentuk balasan itu merupakan dua jalan hidup, iaitu jalan menuju ke Syurga dan jalan menuju ke Neraka.

(Pentafsiran ayat-ayat 23 - 26)

Setelah mengemukakan seruan menuju ke Syurga dengan segala ni'matnya yang mewah, maka ayat-ayat yang berikut membicarakan sikap kaum Musyrikin yang terus degil dan mendustakan Rasul. Mereka tidak faham hakikat da'wah, kerana itu mereka cuba tawar menawar dengan Rasulullah s.a.w. semoga beliau berhenti berda'wah atau berhenti mengemukakan mana-mana bahagian da'wah yang menyakiti mereka. Dalam masa menghadapi tawar menawar, penindasan-penindasan dan tindakan-tindakan jahat mereka terhadap orang-orang Mu'min dan usaha-usaha mereka menghalangkan orang ramai dari menganut agama Allah, juga sikap mereka yang menolak kebaikan, Syurga dan ni'matnya, maka di sini datangnya bahagian yang akhir dari surah ini untuk menangani keadaan ini mengikut cara Al-Qur'anul-Karim:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ تَنزِيلًا ﴿٢٣﴾

فَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ آثِمًا أَوْ كَفُورًا ﴿٢٤﴾

وَاذْكُرِ اسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٢٥﴾

وَمِنَ اللَّيْلِ فَاسْجُدْ لَهُ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ﴿٢٦﴾

"(Wahai Muhammad!) Sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu dengan beransur-ansur(23). Oleh itu, sabarlah menunggu keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka(24). Dan sebutlah nama Tuhanmu (sembahyanglah) pagi dan petang(25). Dan di waktu malam sujudlah kepada-Nya (sembahyanglah) dan bertasbihlah kepada-Nya di malam hari yang panjang (sembahyang tahajjud)."(26)

Di dalam empat ayat inilah tersembunyinya satu hakikat besar dari hakikat-hakikat da'wah yang harus diteliti dan dimenungi sedalam-dalamnya oleh setiap penda'wah. Mereka harus memikirkan makna-maknanya yang luas dari segi realiti, dari segi psikologi dan dari segi keimanan.

Sebab-sebab Sebenar Di Sebalik Penentangan Kaum Musyrikin Terhadap Islam

Rasulullah s.a.w. telah menghadapi kaum Musyrikin dengan da'wah kepada Allah Yang Tunggal, tetapi beliau tidak menghadapi mereka dari segi 'aqidah semata-mata. Andainya beliau menghadapi 'aqidah semata-mata tentulah perjuangannya jauh lebih mudah, kerana 'aqidah syirik yang dipegang mereka itu amat lemah dan tidak mampu untuk menentang 'aqidah Islam yang kuat, jelas dan mudah. Tetapi suasana-suasana dan kedudukan-kedudukan yang melingkungi 'aqidah syirik inilah yang menimbulkan

tentangan-tentangan sengit sebagaimana dicatatkan oleh riwayat-riwayat sejarah dan diceritakan oleh Al-Qur'an di berbagai-bagai surah. Persoalan mempertahankan taraf sosial dan nilai-nilai yang wujud dalam masyarakat serta kepentingan-kepentingan kebendaan inilah yang menjadi unsur pertama yang membawa kaum Musyrikin berpegang kukuh dengan 'aqidah syirik yang lemah dan karut itu untuk menentang 'aqidah Islam yang kuat dan lurus. Di samping itu budaya hidup jahiliyah dan kebebasan mereka berpoya-poya dalam keni'matan nafsu menambahkan lagi kedegilan mereka untuk menentang 'aqidah Islam yang baru, yang memperjuangkan akhlak-akhlak yang mulia dan nilai-nilai yang luhur, iaitu 'aqidah yang tidak membenarkan manusia hidup bebas mengikut hawa nafsu mereka atau hidup gila-gilaan yang tidak terikat dengan kawalan akhlak.

Sebab-sebab ini sama ada yang berhubungkait dengan taraf sosial, nilai-nilai lumrah dalam masyarakat, kekuasaan, harta kekayaan, kepentingan-kepentingan atau yang berhubungkait dengan kebiasaan hidup, adat dan budaya hidup tradisional atau yang berhubungkait dengan resam hidup yang bebas lepas dari nilai-nilai dan batas-batas akhlak, merupakan sebab-sebab tentangan pokok terhadap da'wah Islam yang pertama di zaman Rasulullah s.a.w., dan ia akan terus menjadi sebab-sebab penentangan yang utama terhadap da'wah di mana-mana negeri dan masyarakat, ia merupakan unsur-unsur yang tetap dalam perjuangan 'aqidah, iaitu unsur-unsur yang membuat perjuangan itu menjadi amat sengit dan amat sukar yang tidak tamat dalam masa yang dekat, juga membuat kesukaran-kesukaran, perjuangan, kos-kosnya dan pertahanannya merupakan beban-beban yang paling sulit.

Kerana itu setiap penda'wah kepada agama Allah yang berjuang di mana-mana negeri dan zaman harus meneliti dan menghayati sedalam-dalamnya hakikat yang besar yang terkandung di dalam ayat-ayat tadi, juga merenungi keadaan persekitaran turunnya ayat-ayat itu, kerana keadaan persekitaran yang sama itu merupakan yang tetap akan dihadapi oleh setiap penda'wah di mana-mana negeri dan zaman.

Rasulullah s.a.w. telah diperintahkan Allah supaya menyampaikan peringatannya kepada kaumnya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمُدَّثِّرُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنذِرْ ﴿٢﴾

"Wahai orang yang berselimut!(1). Bangkitlah dan sampaikan peringatan kepada manusia."(2)

(Surah al-Muddaththir)

Cara-cara Penentangan Yang Lumrah

Dan apabila beliau tampil melaksanakan perintah-perintah itu ia terus berdepan dengan sebab-sebab dan faktor-faktor yang membuat kaumnya bangkit menentang da'wah yang baru itu dan merangsangkan mereka berpegang kukuh dengan kepercayaan mereka walaupun mereka menyedarinya lemah dan rapuh. Mereka menentang dengan penuh kedegilan untuk mempertahankan kepercayaan-kepercayaan, kedudukan-kedudukan, taraf, kepentingan-kepentingan, adat kebiasaan mereka dan budaya berpoya-poya memuaskan hawa nafsu mereka yang terancam oleh da'wah Islam yang baru itu.

Mereka berdegil mempertahankannya dengan berbagai-bagai cara. Pada permulaannya mereka menindas kumpulan orang-orang Mu'min yang kecil yang menyahut da'wah yang baru itu, dengan mengazab dan menyeksakan mereka supaya meninggalkan agama Islam, kemudian mereka memburuk-burukkan 'aqidah Islam dan menaburkan keraguan di sekitar 'aqidah itu dan di sekitar Rasulullah s.a.w. dengan berbagai-bagai tuduhan dan tipu helah supaya tidak ada orang-orang baru beriman dengannya. Tindakan menghalangi orang ramai dari menyertai barisan Islam adalah lebih mudah dari menggoncangkan 'aqidah orang-orang Islam yang telah mengenal dan mengecapi kemanisan 'aqidah itu.

Serentak dalam waktu itu juga mereka mengadakan berbagai-bagai usaha terhadap Rasulullah s.a.w. selaku pemimpin da'wah. Mereka mengemukakan tawaran-tawaran yang menggiurkan di samping melakukan ancaman-ancaman dan penindasan-penindasan supaya beliau sanggup mencari jalan penyelesaian dengan mereka dan sanggup menghentikan da'wah yang mengganyangkan 'aqidah-'aqidah, undang-undang dan adat-adat resam mereka, dan supaya beliau sanggup berdamai dengan mereka dengan mengadakan satu persetujuan bersama, sebagaimana biasa dilakukan manusia apabila berlaku sesuatu pertelingkahan mengenai persoalan-persoalan kepentingan dan faedah-faedah yang bersangkutan dengan urusan hidup dunia yang biasa.

Cara-cara yang seperti inilah juga dihadapi oleh setiap penda'wah di mana-mana negeri dan masyarakat.

Nabi s.a.w., walaupun beliau seorang Rasul yang dipeliharakan Allah dari segala fitnah pesona dan tipu daya manusia, namun beliau adalah seorang manusia yang sedang menghadapi satu kenyataan hidup yang amat berat bersama segelintir pengikutnya yang lemah. Allah tahu hakikat ini semuanya, oleh itu, Allah tidak meninggalkan beliau seorang diri menghadapi kenyataan hidup yang berat itu tanpa membekalkan bantuan, pertolongan dan pedoman menuju ke jalan yang betul.

Bantuan, pertolongan dan pedoman itu adalah terkandung di dalam ayat-ayat berikut:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ تَنزِيلًا ﴿٢٣﴾

"(Wahai Muhammad!) Sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu dengan beransur-ansur."(23)

Al-Qur'an Selaku Pedoman Dan Senjata Perjuangan Menghadapi Penentangan

Ayat ini menekankan peringatan pertama kepada sumber perintah memperjuangkan da'wah Islam dan sumber hakikatnya, iaitu da'wah Islam ini adalah dari Allah. Dialah sumber da'wah Islam yang tunggal. Dialah yang menurunkan Al-Qur'an membawa da'wah ini. Kerana itu tiada sumber dan tiada punca lain bagi da'wah melainkan Al-Qur'an. Hakikat da'wah ini tidak mungkin bercampur dengan sesuatu yang lain, yang tidak lahir dari sumber ini. Segala sesuatu yang lain dari sumber Al-Qur'an tidaklah boleh dijadikan punca untuk diambil panduan atau untuk dipinjam atau dicampuradukkan dengan da'wah Islam. Selain dari itu, Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an dan mentaklifkan da'wah ini tidak akan membiarkannya dan tidak akan meninggalkan penda'wahnya begitu sahaja.

Tetapi oleh kerana agama yang batil itu berlagak begitu angkuh dan kejahatan terus berleluasa, dan oleh kerana orang-orang Mu'min ditindas dan da'wah ke jalan Allah telah ditentang hebat oleh musuh-musuhnya yang degil, di samping mereka berdegil mempertahankan 'aqidah, undang-undang, adat resam dan budaya hidup mereka yang buruk dan jahat, oleh kerana mereka menawarkan perdamaian dan mengemukakan jalan tengah untuk penyelesaian, sedangkan tawaran itu tidak mudah untuk ditolak dalam sa'at-sa'at perjuangan yang genting itu, maka di sinilah Allah turunkan peringatan yang kedua:

فَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ ءَاثِمًا أَوْ كَفُورًا ﴿٢٤﴾

"Oleh itu, sabarlah menunggu keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka."(24)

Segala perkara adalah bergantung kepada perencanaan yang diaturkan oleh Allah. Dia memberi tangguhan kepada kebatilan dan kejahatan dan melanjutkan masa kesusahan dan masa ujian terhadap orang-orang Mu'min, semuanya itu kerana sesuatu hikmat yang diketahui-Nya dan dengan hikmat inilah Allah mengaturkan perencanaan-Nya dan melaksanakan keputusan-keputusan-Nya.

فَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ

"Oleh itu, sabarlah menunggu keputusan Tuhanmu."(24)

Sabarlah hingga tiba sa'atnya yang ditentukan. Sabarlah menanggung penindasan dan fitnah, sabarlah melihat kebatilan terus mendapat kemenangan dan kejahatan masih terus merebak dan berleluasa. Sabarlah mempertahankan kebenaran yang diturunkan kepadamu, sabarlah dan janganlah engkau hiraukan tawaran-tawaran perdamaian dan penyelesaian jalan tengah dari mereka yang membahayakan 'aqidah Islam:

وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ ءَاثِمًا أَوْ كَفُورًا ﴿٢٤﴾

"Dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka."(24)

Kerana mereka bukan menyeru kamu kepada keta'atan dan tidak pula kepada kebaikan dan kebajikan. Mereka adalah orang-orang yang berdosa dan tidak beriman kepada Allah. Mereka sebenarnya mahu menyerumu kepada sesuatu dosa dan kekufuran ketika mereka mengajakmu berdamai dan mencari jalan tengah dan ketika mereka mengemukakan tawaran-tawaran yang mereka fikir dapat menarik hatimu. Mereka telah mengemukakan berbagai-bagai tawaran kepada Rasulullah s.a.w., iaitu tawaran jawatan menjadi ketua mereka, tawaran harta kekayaan yang boleh menjadikannya seorang hartawan yang paling kaya di kalangan mereka dan tawaran wanita-wanita jelita. Pernah 'Uthah ibn Rabi'ah berkata kepada beliau: "Berhentikan da'wah ini supaya aku kahwinkan engkau dengan anak perempuan-ku, kerana akulah yang memiliki anak-anak perempuan paling cantik dalam suku Quraisy."

Itulah kepuasan nafsu-nafsu syahwat yang ditawarkan oleh pejuang-pejuang kehidupan yang batil untuk membeli penda'wah-penda'wah agama Allah di mana-mana negeri dan dalam setiap generasi manusia.

فَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ ءَاثِمًا أَوْ كَفُورًا ﴿٢٤﴾

"Oleh itu, sabarlah menunggu keputusan Tuhanmu dan janganlah engkau ikut orang-orang yang berdosa atau orang-orang yang kafir dari golongan mereka."(24)

Tiada Titik Pertemuan Di Antara Islam Dan Jahiliyah

Kerana tiada titik pertemuan di antara engkau dengan mereka dan tidak mungkin didirikan satu jambatan di atas jurang yang memisahkan di antara budaya hidup engkau dengan budaya hidup mereka, di antara kefahaman engkau dengan kefahaman mereka terhadap alam, di antara kebenaran engkau dengan kebatilan mereka, di antara keimanan engkau dengan kebatilan mereka, di antara nur engkau dengan kegelapan mereka, di antara ilmu engkau dengan kejahilan mereka terhadap kebenaran.

Sabarlah wahai Muhammad! Walaupun masanya berlanjutan dan penindasan mereka semakin menjadi-jadi, godaan mereka semakin hebat dan jalan perjuangan masih panjang.......

Tetapi oleh kerana kesabaran itu sukar dan sulit, maka ia memerlukan bekalan dan bantuan yang tertentu. Inilah bekalannya:

وَاذْكُرِ اسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٢٥﴾

وَمِنَ اللَّيْلِ فَاسْجُدْ لَهُۥ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ﴿٢٦﴾

"Dan sebutlah nama Tuhanmu (sembahyanglah) pagi dan petang(25). Dan di waktu malam sujudlah kepada-Nya (sembahyanglah) dan bertasbihlah kepada-Nya di malam hari yang panjang (sembahyang tahajjud)."(26)

Bekalan Perjuangan

Bekalan itu ialah hubungan yang berterusan dengan Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an kepada engkau dan memberi tugas kepada engkau untuk menyampaikan da'wah-Nya. Allah punca kekuatan dan sumber bekalan dan bantuan. Hubungan yang berterusan itu dapat dilakukan dalam bentuk zikir, ibadat, do'a dan tasbih di malam hari yang panjang, kerana jalan perjuangan itu panjang dan beban tanggungjawab amat berat dan ini sudah tentu memerlukan bekalan yang banyak dan bantuan yang besar. Melalui hubungan ini seseorang hamba bertemu dengan Tuhannya dalam suasana yang sunyi, penuh harapan dan kemesraan. Dari perhubungan-perhubungan ini dia akan meni'mati kerehatan yang mengatasi keletihan dan kepenatannya, dia akan memperolehi kekuatan yang mengatasi kelemahan dan kekurangannya. Ketika itulah jiwanya dapat menolak dan menepiskan perkara-perkara remeh-temeh yang mengganggu perasaan dan ketenteramannya, kerana yang besar dan penting kepadanya ialah tugas dan amanah da'wah. Oleh itu, segala duri-duri yang dialaminya di tengah dan perjuangan adalah dirasa kecil belaka.

Sesungguhnya Allah itu Maha Penyayang. Dia memberi tugas kepada Rasul-Nya menyampaikan da'wah dan menurunkan Al-Qur'an kepadanya. Dia tahu beban-beban dan duri-duri di jalan perjuangan da'wah ini, justeru itu Dia tidak membiarkan Nabi-Nya s.a.w. berjuang tanpa bantuan dan bekalan dan inilah bekalan yang diketahui-Nya sebagai bekalan hakiki yang sesuai untuk menempuh jalan perjuangan da'wah yang penat dan penuh duri itu. Itulah bekalan para penda'wah ke jalan Allah di setiap tempat dan setiap generasi. Itulah jalan, da'wah yang sama dan keadaan-keadaan persekitarannya juga sama. Sikap kebatilan terhadap da'wah adalah sama, sebab-sebabnya sama dan sarana-sarananya juga sama. Oleh itu, biarlah sarana-sarana da'wah yang benar itu ialah sarana-sarana yang diakui Allah untuk berjuang di jalan ini.

Pendeknya hakikat yang harus dihayati para penda'wah ialah hakikat yang diajarkan Allah kepada Rasulullah s.a.w. selaku penda'wah yang ulung iaitu tugas penyampaian da'wah ini adalah diturunkan dari Allah. Oleh itu, segala ajaran yang benar yang diturun oleh-Nya tidak boleh dicampuraduk dengan kebatilan-kebatilan yang dianjurkan oleh orang-orang kafir yang berdosa, kerana tiada jalan kerjasama di antara agama yang benar dengan agama yang batil, dan tiada jalan tengah yang menemukan di antara penganut-penganut agama yang benar dengan penganut-penganut agama yang batil. Kedua-duanya merupakan dua budaya yang berlainan. Kedua-duanya merupakan dua jalan yang tidak mempunyai titik pertemuan. Apabila agama yang batil dapat mengalahkan kumpulan orang-orang Mu'min yang lemah dan sedikit dengan kekuatan dan bilangannya yang ramai, kerana sesuatu hikmat yang diaturkan Allah, maka bekalan yang terjamin untuk meneruskan perjuangan ialah bersabar menunggu keputusan dari Allah, dan mencari bantuan dari-Nya dengan do'a dan tasbih di malam-malam hari yang panjang. Itulah bekalan yang terjamin untuk ke jalan ini.

Itulah hakikat yang besar yang pasti difahami dan dihayati oleh peneroka-peneroka jalan da'wah ini.

(Pentafsiran ayat 27)

Kemudian ayat yang berikut menekankan perbezaan yang wujud di antara budaya hidup yang diperjuangkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan budaya hidup jahiliyah dengan menyebut sifat mereka yang lalai dan cuai mencari kebaikan untuk diri mereka, dan sifat mereka yang memberi perhatian yang berat kepada perkara-perkara yang remeh-temeh dan cara berfikir mereka yang rendah dan kerdil:

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ يُحِبُّونَ ٱلۡعَاجِلَةَ وَيَذَرُونَ وَرَآءَهُمۡ يَوۡمٗا ثَقِيلٗا ٢٧

"Sesungguhnya mereka (orang-orang kafir) cintakan kehidupan dunia dan membelakangkan Hari Akhirat yang amat berat."(27)

Orang-orang Kafir Hanya Memilih Kesenangan Dunia Sahaja

Orang-orang yang kafir itu hidup dengan cita-cita yang dekat dan kecil sahaja. Minat dan cita-cita mereka hanya tertumpu dalam lingkungan hidup dunia sahaja dan mereka tidak menghiraukan Hari Akhirat yang amat berat tanggungjawabnya dan amat berat akibatnya dan amat penting di dalam neraca hakikat. Mereka tidak mengikut jalan da'wah dan mereka tidak mempunyai titik pertemuan dengan orang-orang yang beriman dalam sesuatu matlamat atau sesuatu tujuan. Kekayaan, kekuasaan dan kesenangan mereka di dunia ini tidak diperhitungkan sedikit pun, kerana keni'matan dunia merupakan keni'matan yang amat sedikit. Mereka sebenarnya adalah manusia-manusia yang kecil dan kerdil.

Kemudian ayat ini juga menyindir kelalaian mereka yang tidak memikirkan kebaikan untuk diri mereka. Mereka hanya memilih dunia yang sebentar dan mengabaikan Hari Akhirat yang berat yang menunggu mereka di sana dengan rantai-rantai, belenggu-belenggu dan api Neraka selepas melalui hisab yang amat sukar.

Ayat ini merupakan satu selingan untuk menguatkan tekad Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang beriman dalam perjuangan menentang orang-orang kafir yang dikurniakan segala kemewahan dunia yang diingini mereka, di samping memberi amaran secara tidak langsung kepada mereka dengan kedatangan Hari Qiamat yang amat berat itu.

(Pentafsiran ayat 28)

Kemudian ayat yang berikut memperkecilkan kekuatan mereka. Andainya Allah telah memberi kekuatan kepada mereka, maka Dia juga berkuasa menghapuskan mereka dan menggantikan mereka dengan orang-orang yang lain dari mereka, tetapi Allah sengaja membiarkan mereka kerana sesuatu hikmat yang diaturkan perencanaannya yang kadim:

نَّحْنُ خَلَقْنَٰهُمْ وَشَدَدْنَآ أَسْرَهُمْ ۖ وَإِذَا شِئْنَا بَدَّلْنَآ أَمْثَٰلَهُمْ تَبْدِيلًا ﴿٢٨﴾

"Kami telah menciptakan mereka dan menguatkan anggota-anggota dan sendi-sendi mereka, dan apabila Kami kehendaki Kami gantikan mereka dengan orang-orang seperti mereka."(28)

Orang-orang Kafir Harus Menyedari Sumber Kekuatan Dan Kewujudan Mereka Di Tangan Allah

Ayat ini mengingatkan orang-orang kafir yang merasa angkuh dengan kekuatan mereka supaya memikirkan di manakah sumber kekuatan dan kewujudan mereka di alam ini, di samping mententeramkan orang-orang Mu'min yang lemah dan sedikit itu supaya yakin bahawa yang memberi kekuatan itu ialah Allah Tuhan yang dipercayai mereka dan Tuhan yang mereka memperjuangkan da'wah-Nya. Ayat ini juga menanam di dalam hati mereka hakikat perencanaan Allah dan hikmat yang wujud di sebaliknya, dan mengikut perencanaan dan hikmat Ilahi inilah berlakunya segala peristiwa sehingga Allah memberi keputusan-Nya dan Dialah sebaik-baik Pembuat keputusan:

وَإِذَا شِئْنَا بَدَّلْنَآ أَمْثَٰلَهُمْ تَبْدِيلًا ﴿٢٨﴾

"Apabila Kami kehendaki, Kami gantikan mereka dengan orang-orang seperti mereka."(28)

Mereka tidak berkuasa melawan Allah dengan kekuatan mereka, kerana Allahlah yang menciptakan mereka dan memberi kekuatan kepada mereka. Dan andainya Allah memberi tempoh kepada mereka dan tidak menukarkan mereka dengan orang-orang yang lain dari mereka, maka itu merupakan kemurahan dan kebaikan dari-Nya sahaja, juga merupakan keputusan dan hikmat dari-Nya sahaja.

Justeru itu ayat ini merupakan selingan untuk mengukuhkan pendirian Rasulullah s.a.w. dan para pengikutnya, juga untuk menyedarkan mereka yang menenggelamkan dirinya dalam keni'matan dunia semata-mata dan merasa angkuh dengan kekuatan mereka supaya mengenangkan ni'mat Allah yang tidak disyukuri mereka dan supaya mereka sedar kepada ujian dan dugaan Allah di sebalik kemewahan hidup dunia yang dini'mati mereka, iaitu ujian yang telah dijelaskan di bahagian pertama surah ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 31)

Kemudian ayat yang berikut menyedarkan mereka bahawa peluang untuk pulang ke pangkal jalan masih terbuka kepada mereka. Al-Qur'an menawarkan peluang itu kepada mereka dan mengingatkan mereka:

إِنَّ هَٰذِهِۦ تَذْكِرَةٌ ۖ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ سَبِيلًا ﴿٢٩﴾

"Sesungguhnya ayat-ayat Al-Qur'an ini adalah peringatan. Oleh itu, sesiapa yang berkehendakkan (kebahagiaan) hendaklah dia memilih jalan menuju kepada Tuhannya."(29)

Setiap Insan Diberi Peluang Balik Ke Pangkal Jalan

Kemudian kenyataan ini diiringi dengan kenyataan yang menjelaskan tentang masyi'ah Allah yang mutlak dan mengembalikan segala sesuatu kepada kehendak masyi'ah-Nya supaya tujuan yang akhir ialah kembali kepada-Nya dan penyerahan diri yang akhir ialah penyerahan kepada keputusan masyi'ah-Nya, dan supaya manusia melepaskan semua kekuatan dan daya upaya dirinya untuk berpegang kepada kekuatan kehendak masyi'ah Allah. Inilah jantung dan hakikat Islam:

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٣٠﴾

"Dan kamu tidak menghendaki sesuatu melainkan jika Allah menghendakinya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(30)

Segala-galanya Terpulang Kepada Kehendak Allah

Penjelasan ini untuk menyedarkan hati manusia bahawa Allah itu adalah Pencipta Yang Bebas, Yang Maha Kuasa dan mengendalikan segala urusan mengikut masyi'ah-Nya supaya mereka belajar bagaimana hendak bertawajjuh dan berserah kepada perencanaan Allah. Inilah hakikat yang terkandung di, dalam ayat-ayat yang seumpama ini di samping menjelaskan masyi'ah Allah yang telah mengurniakan kepada mereka daya kebolehan untuk memahami kebenaran dan kebatilan, juga mengurniakan kepada mereka daya-daya kefahaman dan ilmu pengetahuan, menunjukkan kepada mereka jalan yang benar, mengutuskan para rasul dan menurunkan Al-Qur'an kepada mereka, namun semuanya itu berakhir dengan perencanaan Allah selaku tempat perlindungan kepada setiap yang mahu mencari perlindungan di mana Allah akan memberi kepadanya taufiq kepada Zikrullah dan kepada keta'atan. Apabila hatinya tidak mengenal hakikat qudrat Allah yang berkuasa di atas segala-galanya dan tidak bertawajjuh kepada-Nya untuk memohon pertolongan dan kemudahan, maka dia tidak akan mendapat hidayat, tidak akan dapat meni'mati Zikrullah dan tidak akan mendapat taufiq kepada kebaikan. Oleh sebab itulah Allah memasukkan:

يُدْخِلُ مَن يَشَآءُ فِى رَحْمَتِهِۦ ۚ وَٱلظَّٰلِمِينَ أَعَدَّ لَهُمْ

عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٣١﴾

"Dia memasukkan ke dalam rahmat-Nya (Syurga) sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan untuk orang-orang yang zalim Allah sediakan 'azab yang amat pedih."(31)

Kehendak Allah itulah kehendak mutlak yang melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Di antara kehendak iradat-Nya ialah Allah memasukkan ke dalam rahmat-Nya sesiapa yang dikehendaki-Nya dari kalangan mereka yang mencari perlindungan-Nya, dan orang-orang yang memohon perlindungan-Nya supaya diberi taufiq kepada keta'atan dan hidayat.

وَٱلظَّٰلِمِينَ أَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٣١﴾

"Dan untuk orang-orang yang zalim Allah sediakan 'azab yang amat pedih."(31)

Allah telah membiarkan mereka dan melanjutkan tempoh kesesatan mereka supaya mereka berakhir ke dalam 'azab yang amat pedih ini.

Ayat penamat ini sesuai dengan ayat pembukaan, kerana ia menggambarkan akibat ujian terhadap makhluk manusia yang diciptakan dari nutfah yang bercampur dengan benih lelaki dan perempuan, dan dikurniakan pendengaran dan penglihatan di samping ditunjukkan jalan sama ada menuju ke Syurga atau menuju ke Neraka.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-MURSALAT

سُورَةُ الْمُرْسَلَاتِ

SURAH KE

77

SURAH AL-MURSALAT

Surah Malaikat Utusan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

50

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَالْمُرْسَلَاتِ عُرْفًا ﴿١﴾ فَالْعَاصِفَاتِ عَصْفًا ﴿٢﴾

وَالنَّاشِرَاتِ نَشْرًا ﴿٣﴾ فَالْفَارِقَاتِ فَرْقًا ﴿٤﴾

فَالْمُلْقِيَاتِ ذِكْرًا ﴿٥﴾

"Demi yang diutus berturut-turut(1). Dan demi yang terbang sekencang-kencangnya(2). Dan demi yang menyebarkan angin seluas-luasnya(3). Dan demi yang mengagihkan segala sesuatu dengan sempurna(4). Dan demi yang mencampakkan peringatan (wahyu kepada para rasul)."(5).

عُذْرًا أَوْ نُذْرًا ﴿٦﴾ إِنَّمَا تُوعَدُونَ لَوَاقِعٌ ﴿٧﴾

فَإِذَا النُّجُومُ طُمِسَتْ ﴿٨﴾

وَإِذَا السَّمَاءُ فُرِجَتْ ﴿٩﴾ وَإِذَا الْجِبَالُ نُسِفَتْ ﴿١٠﴾

"Untuk menolak dalihan manusia atau untuk memberi amaran kepada mereka(6). Sesungguh-nya segala yang dijanjikan kepada kamu pasti akan berlaku(7). Apabila bintang-bintang telah dihapuskan(8). Dan apabila langit telah dipecahkan(9). Dan apabila gunung-ganang telah dihancurleburkan."(10).

وَإِذَا الرُّسُلُ أُقِّتَتْ ﴿١١﴾ لِأَيِّ يَوْمٍ أُجِّلَتْ ﴿١٢﴾

لِيَوْمِ الْفَصْلِ ﴿١٣﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا يَوْمُ الْفَصْلِ ﴿١٤﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٥﴾

"Dan apabila para rasul telah ditentukan waktu (kehadirannya)(11). Untuk hari apakah rasul-rasul itu ditangguhkan?(12). Untuk Hari Pengadilan(13). Tahukah engkau apakah Hari Pengadilan itu?(14). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(15).

أَلَمْ نُهْلِكِ الْأَوَّلِينَ ﴿١٦﴾ ثُمَّ نُتْبِعُهُمُ الْآخِرِينَ ﴿١٧﴾

كَذَٰلِكَ نَفْعَلُ بِالْمُجْرِمِينَ ﴿١٨﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٩﴾

أَلَمْ نَخْلُقْكُمْ مِنْ مَاءٍ مَهِينٍ ﴿٢٠﴾

"Bukankah Kami telah membinasakan umat purba-kala?(16). Kemudian Kami iringkan mereka dengan umat-umat yang kemudian(17). Demikianlah Kami bertindak terhadap orang-orang yang berdosa(18). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(19). Bukankah Kami ciptakan kamu dari air mani yang hina?"(20).

فَجَعَلْنَاهُ فِي قَرَارٍ مَكِينٍ ﴿٢١﴾ إِلَىٰ قَدَرٍ مَعْلُومٍ ﴿٢٢﴾

فَقَدَرْنَا فَنِعْمَ الْقَادِرُونَ ﴿٢٣﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿٢٤﴾

أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ كِفَاتًا ﴿٢٥﴾

"Kemudian Kami letakkannya di tempat yang kukuh (rahim)(21). Hingga sampai kepada waktu yang tertentu(22). Lalu Kami tentukan perencanaan ke atasnya dan Kamilah Sebaik-baik Perencana(23). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(24). Bukankah Kami jadikan bumi sebagai wadah yang mengumpulkan?"(25).

أَحْيَاءً وَأَمْوَاتًا ﴿٢٦﴾

وَجَعَلْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ شَامِخَاتٍ وَأَسْقَيْنَاكُمْ مَاءً فُرَاتًا ﴿٢٧﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿٢٨﴾

انْطَلِقُوا إِلَىٰ مَا كُنْتُمْ بِهِ تُكَذِّبُونَ ﴿٢٩﴾

انْطَلِقُوا إِلَىٰ ظِلٍّ ذِي ثَلَاثِ شُعَبٍ ﴿٣٠﴾

"Orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati(26). Dan Kami jadikan padanya gunung-ganang yang tinggi dan Kami berikan kamu minuman air yang tawar?(27). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(28). Pergilah kamu menerima 'azab yang dahulunya telah didustakan kamu(29). Pergilah kamu berteduh di bawah bayangan asap Neraka yang bercabang tiga."(30).

لَا ظَلِيلٍ وَلَا يُغْنِي مِنَ اللَّهَبِ ﴿٣١﴾

إِنَّهَا تَرْمِي بِشَرَرٍ كَالْقَصْرِ ﴿٣٢﴾

كَأَنَّهُۥ جِمَٰلَتٌ صُفْرٌ ﴿٣٣﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٤﴾

هَٰذَا يَوْمُ لَا يَنطِقُونَ ﴿٣٥﴾

"Yang tidak meneduhkan mereka dan tidak pula menahankan mereka dari julangan api Neraka(31). Sesungguhnya Neraka itu melontarkan bunga-bunga api sebesar istana(32). Ia kelihatan seolah-olah unta-unta kuning tua(33). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(34). Inilah hari mereka tidak dapat bercakap."(35).

وَلَا يُؤْذَنُ لَهُمْ فَيَعْتَذِرُونَ ﴿٣٦﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٧﴾

هَٰذَا يَوْمُ ٱلْفَصْلِ ۖ جَمَعْنَٰكُمْ وَٱلْأَوَّلِينَ ﴿٣٨﴾

فَإِن كَانَ لَكُمْ كَيْدٌ فَكِيدُونِ ﴿٣٩﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٠﴾

"Dan mereka tidak diizinkan bercakap dan tidak dapat memohon maaf(36). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(37). Inilah hari pengadilan, Kami himpunkan kamu sekalian bersama-sama umat-umat manusia yang dahulu kala(38). Jika kamu mempunyai tipu helah, maka lakukanlah tipu helah itu terhadap-Ku(39). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(40).

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى ظِلَٰلٍ وَعُيُونٍ ﴿٤١﴾

وَفَوَٰكِهَ مِمَّا يَشْتَهُونَ ﴿٤٢﴾

كُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ هَنِيٓـًٔۢا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٤٤﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu bersenang-lenang di bawah bayangan pokok yang teduh (berhampiran) matair-matair(41). Dan meni'mati berbagai-bagai buah-buahan yang diidami mereka(42). Makan dan minumlah seenak-enaknya kerana amalan-amalan yang telah kamu lakukan(43). Sesungguhnya begitulah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin(44). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(45).

كُلُوا۟ وَتَمَتَّعُوا۟ قَلِيلًا إِنَّكُم مُّجْرِمُونَ ﴿٤٦﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٧﴾

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱرْكَعُوا۟ لَا يَرْكَعُونَ ﴿٤٨﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٩﴾

فَبِأَىِّ حَدِيثٍۭ بَعْدَهُۥ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٠﴾

"(Wahai orang-orang kafir!) Makanlah dan ni'matilah kesenangan dunia yang sebentar, sesungguhnya kamu adalah orang-orang yang berdosa(46). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(47). Dan jika mereka disuruh ruku', mereka tidak ruku'(48). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(49). Dengan penjelasan yang mana lagi sesudah penjelasan Al-Qur'an mereka hendak beriman?"(50).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini mengandungi tikaman-tikaman yang tajam, pemandangan-pemandangan yang dahsyat dan nada-nada kenyataan yang keras, seolah-olah sebatan cemeti api. Ia meletakkan hati manusia di kandang mahkamah yang hebat, menghadapi berbagai-bagai pertanyaan, kecaman dan ancaman-ancaman yang menembusinya seperti anak-anak panah yang tajam.

Hakikat Alam, Jiwa Dan 'Azab Di Akhirat

Al-Qur'an menayangkan pemandangan-pemandangan dunia dan Akhirat, mengemukakan hakikat-hakikat alam dan jiwa, juga pemandangan-pemandangan 'azab seksa yang dahsyat. Selepas menayangkan setiap pemandangan itu, Al-Qur'an iringi dengan kutukan yang menyelarkan setiap hati yang berdosa seolah-olah selaran api: **"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."** Selaran ini berulang-ulang sebanyak sepuluh kali di sepanjang surah. Selaran-selaran itu amat sesuai dengan bentuk surah ini yang mengandungi kenyataan-kenyataan yang tajam, pemandangan-pemandangan yang hebat dan pukulan-pukulan yang keras itu.

Selaran tetap yang berulang-ulang itu mengingatkan kita dengan pertanyaan tetap yang berulang-ulang di dalam Surah ar-Rahman selepas menyebut setiap ni'mat-Nya kepada manusia iaitu:

فَبِأَىِّ ءَالَآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٢٥﴾

"Manakah satu ni'mat dari ni'mat-ni'mat Tuhan kamu yang kamu hendak dustakannya?"

(Surah ar-Rahman: 25)

Begitulah juga ia mengingatkan kita dengan pertanyaan-pertanyaan tetap yang berulang-ulang dalam Surah al-Qamar selepas menerangkan setiap babak dari babak-babak 'azab:

فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِى وَنُذُرِ ﴿١٦﴾

"Maka bagaimana dengan 'azab-Ku dan amaran-Ku?"

(Surah al-Qamar: 16)

Ulangan-ulangan itu memberikan satu sifat yang khusus dan tajam kepada surah itu.

Struktur Seni Surah Ini

Semua bahagian dan ceraian surah ini pendek-pendek, cepat dan keras dan berakhir dengan kata-kata bersajak dalam berbagai-bagai bentuk. Setiap bahagian dengan kata bersajaknya yang tertentu. Kemudian rangkaian ayat-ayat itu kadang-kadang kembali kepada setengah-setengah kata bersajak yang berulang-ulang kali. Bahagian-bahagian, ceraian-ceraian dan kata-kata akhiran yang bersajak itu diterima oleh hati dengan gigitan dan kekerasannya masing-masing, satu lepas satu. Habis satu nada datang pula nada yang, lain dengan rentak kekuatan dan kekerasan yang sama. Ia memberi pukulan yang keras kepada hati, pukulan yang bertubi-tubi, satu lepas satu.

Fungsi-fungsi Malaikat Dan Angin

Dari permulaannya lagi surah ini diselubungi suasana kencang dan hiruk-pikuk dengan pemandangan-pemandangan angin-angin atau malaikat-malaikat yang dikirimkan atau diutuskan berturut-turut, angin-angin atau malaikat-malaikat yang berhembus atau terbang laju, angin-angin atau malaikat-malaikat yang menabur atau menyebar dengan penyebaran yang sempurna, angin-angin atau malaikat-malaikat yang mengagihkan segala sesuatu dengan pengagihan yang sempurna, angin-angin atau malaikat yang melontar atau mencampak peringatan untuk menolak dalihan manusia atau untuk memberi amaran kepada mereka. Ini adalah satu pembukaan yang amat sesuai dengan suasana surah.

Pemilihan Bingkai Pemandangan Yang Sesuai

Al-Qur'an mempunyai caranya yang tersendiri dalam memilih frem-frem atau bingkai-bingkai yang sesuai bagi gambar-gambar pemandangan yang ditayangkan dalam surah-surah seperti pemandangan-pemandangan tadi. Di dalam Surah adh-Dhuha, ia memilih frem waktu pagi dan malam yang sepi untuk pemandangan keperihatinan, kasih mesra dan perlindungan. Di dalam Surah al-Aadiyat ia memilih frem kuda-kuda perang yang berlari pantas, mendengus dan mengepulkan debu-debu untuk pemandangan pembongkaran kubur-kubur dan pendedahan rahsia-rahsia di dalam dada dan lain-lain lagi yang memang banyak.[1]

Setiap bahagian dari sepuluh bahagian surah ini selepas bahagian pertama ini menggambarkan satu penjelajahan di sebuah alam yang membawa manusia keberbagai-bagai ruang dan bidang renungan-renungan, perasaan-perasaan dan lintasan-lintasan fikiran, emosi-emosi dan reaksi-reaksi, iaitu bidang yang jauh lebih luas dari ruang ungkapan dan kata-kata itu. Ia merupakan seolah-olah bilah anak-anak panah yang menunjukkan kepada berbagai-bagai alam.

Penjelajahan Yang Pertama

Penjelajahan yang pertama ialah di sekitar pemandangan Hari Pengadilan iaitu pemandangan revolusi-revolusi alam yang besar yang berlaku di langit dan di bumi iaitu masa para rasul menutupkan kira-kiranya dengan manusia:

فَإِذَا ٱلنُّجُومُ طُمِسَتْ ﴿٨﴾ وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ فُرِجَتْ ﴿٩﴾

وَإِذَا ٱلْجِبَالُ نُسِفَتْ ﴿١٠﴾ وَإِذَا ٱلرُّسُلُ أُقِّتَتْ ﴿١١﴾

"Apabila bintang-bintang telah dihapuskan(8). Dan apabila langit telah dipecahkan(9). Dan apabila gunung-ganang telah dihancurleburkan(10). Dan apabila para rasul telah ditentukan waktu (kehadirannya)."(11)

لِأَىِّ يَوْمٍ أُجِّلَتْ ﴿١٢﴾ لِيَوْمِ ٱلْفَصْلِ ﴿١٣﴾

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا يَوْمُ ٱلْفَصْلِ ﴿١٤﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٥﴾

Untuk hari apakah rasul-rasul itu ditangguhkan?(12). Untuk Hari Pengadilan(13). Tahukah engkau apakah Hari Pengadilan itu?(14) Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(15)

Penjelajahan Yang Kedua

Penjelajahan yang kedua di sekitar kebinasaan umat-umat purbakala dan bagaimana undang-undang Allah bertindak terhadap manusia-manusia pendusta:

أَلَمْ نُهْلِكِ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٦﴾ ثُمَّ نُتْبِعُهُمُ ٱلْءَاخِرِينَ ﴿١٧﴾

كَذَٰلِكَ نَفْعَلُ بِٱلْمُجْرِمِينَ ﴿١٨﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٩﴾

"Bukankah Kami telah membinasakan umat-umat purbakala?(16). Kemudian Kami iringkan mereka dengan umat-umat yang kemudian(17). Demikianlah Kami bertindak terhadap orang-orang yang berdosa(18). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(19)

Penjelajahan Yang Ketiga

Penjelajahan yang ketiga ialah di sekitar asal-usul kejadian manusia dan bagaimana Allah mengaturkan perencanaan dan pentadbiran-Nya:

أَلَمْ نَخْلُقكُّم مِّن مَّآءٍ مَّهِينٍ ﴿٢٠﴾

فَجَعَلْنَٰهُ فِى قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿٢١﴾ إِلَىٰ قَدَرٍ مَّعْلُومٍ ﴿٢٢﴾

فَقَدَرْنَا فَنِعْمَ ٱلْقَٰدِرُونَ ﴿٢٣﴾

---

1 *Lihat bab* التناسق الفني *dalam buku* التصوير الفني في القرآن .

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٢٤﴾

"Bukankah Kami ciptakan kamu dari air mani yang hina?(20). Kemudian Kami letakkannya di tempat yang kukuh (rahim)(21). Hingga sampai kepada waktu yang tertentu(22). Lalu Kami tentukan perencanaan ke atasnya dan Kamilah Sebaik-baik Perencana(23). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(24)

Penjelajahan Yang Keempat

Penjelajahan yang keempat ialah di alam bumi yang mengumpulkan anak-anaknya, sama ada yang hidup atau yang mati, dan menyediakan untuk mereka kehidupan yang tetap dan air yang menghidupkan segala-galanya:

أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ كِفَاتًا ﴿٢٥﴾ أَحْيَاءً وَأَمْوَاتًا ﴿٢٦﴾

وَجَعَلْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ شَامِخَاتٍ وَأَسْقَيْنَاكُم مَّاءً فُرَاتًا ﴿٢٧﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٢٨﴾

"Bukankah Kami jadikan bumi sebagai wadah yang mengumpulkan?(25). Orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati(26). Dan Kami jadikan padanya gunung-ganang yang tinggi dan Kami berikan kamu minuman air yang tawar?(27). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(28)

Penjelajahan Yang Kelima

Penjelajahan yang kelima ialah di sekitar golongan manusia pendusta dan 'azab keseksaan dan celaan yang akan diterima mereka pada Hari Pengadilan:

انطَلِقُوا إِلَىٰ مَا كُنتُم بِهِ تُكَذِّبُونَ ﴿٢٩﴾

انطَلِقُوا إِلَىٰ ظِلٍّ ذِي ثَلَاثِ شُعَبٍ ﴿٣٠﴾

لَّا ظَلِيلٍ وَلَا يُغْنِي مِنَ اللَّهَبِ ﴿٣١﴾

إِنَّهَا تَرْمِي بِشَرَرٍ كَالْقَصْرِ ﴿٣٢﴾

كَأَنَّهُ جِمَالَتٌ صُفْرٌ ﴿٣٣﴾ وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٤﴾

"Pergilah kamu menerima 'azab yang dahulunya telah didustakan kamu(29). Pergilah kamu berteduh di bawah bayangan asap Neraka yang bercabang tiga(30). Yang tidak meneduhkan mereka dan tidak pula menahankan mereka dari julangan api Neraka (31). Sesungguhnya Neraka itu melontarkan bunga-bunga api sebesar istana(32). Ia kelihatan seolah-olah unta-unta kuning tua(33). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(34)

Penjelajahan Yang Keenam Dan Ketujuh

Penjelajahan yang keenam dan yang ketujuh ialah di sekitar kedudukan para pendusta serta kecaman dan penghinaan tambahan terhadap mereka:

هَٰذَا يَوْمُ لَا يَنطِقُونَ ﴿٣٥﴾

وَلَا يُؤْذَنُ لَهُمْ فَيَعْتَذِرُونَ ﴿٣٦﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٧﴾

هَٰذَا يَوْمُ الْفَصْلِ جَمَعْنَاكُمْ وَالْأَوَّلِينَ ﴿٣٨﴾

فَإِن كَانَ لَكُمْ كَيْدٌ فَكِيدُونِ ﴿٣٩﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٠﴾

"Inilah hari mereka tidak dapat bercakap(35). Dan mereka tidak diizinkan bercakap dan tidak dapat memohon maaf(36). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta(37). Inilah Hari Pengadilan, Kami himpunkan kamu sekalian bersama-sama umat-umat manusia yang dahulu kala(38). Jika kamu mempunyai tipu helah, maka lakukanlah tipu helah itu terhadap-Ku(39). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(40)

Penjelajahan Yang Kelapan

Penjelajahan yang kelapan di sekitar orang-orang yang bertaqwa dan balasan-balasan ni'mat yang disediakan untuk mereka:

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي ظِلَالٍ وَعُيُونٍ ﴿٤١﴾

وَفَوَاكِهَ مِمَّا يَشْتَهُونَ ﴿٤٢﴾

كُلُوا وَاشْرَبُوا هَنِيئًا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿٤٤﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu bersenang-lenang di bawah bayangan pokok yang teduh (berhampiran) matair-matair(41). Dan meni'mati berbagai-bagai buah-buahan yang diidami mereka(42). Makan dan minumlah seenak-enaknya kerana amalan-amalan yang telah kamu lakukan(43). Sesungguhnya begitulah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin(44). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(45)

Penjelajahan Yang Kesembilan

Penjelajahan yang kesembilan ialah laluan sekilas di sekitar golongan manusia pendusta yang menerima kecaman:

كُلُوا وَتَمَتَّعُوا قَلِيلًا إِنَّكُم مُّجْرِمُونَ ﴿٤٦﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٧﴾

"(Wahai orang-orang kafir!) Makanlah dan ni'matilah kesenangan dunia yang sebentar, sesungguhnya kamu

adalah orang-orang yang berdosa(46). Celakalah pada hari ini kepada para pendusta."(47)

Penjelajahan Yang Kesepuluh

Penjelajahan yang kesepuluh ialah laluan sekilas di sekitar golongan manusia pendusta yang terus mendusta:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱرْكَعُوا۟ لَا يَرْكَعُونَ ﴿٤٨﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٩﴾

"Dan jika mereka disuruh ruku', mereka tidak ruku'(48). Celakalah pada hari ini kepada para pendusta."(49)

Kata Penamat

Kata penamat selepas penjelajahan-penjelajahan, tayangan-tayangan, kecaman-kecaman dan pernyataan-pernyataan itu ialah:

فَبِأَيِّ حَدِيثٍۭ بَعْدَهُۥ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٠﴾

"Dengan penjelasan yang mana lagi selepas penjelasan Al-Qur'an mereka hendak beriman?"(50)

Demikianlah hati kita menjelajah bersama rangkaian ayat-ayat pantas surah ini. Ia menjelajah begitu cepat hingga nafasnya termengah-mengah penat mengikuti pernyataan-pernyataannya, tayangan gambar-gambar dan pemandangan-pemandangannya. Persoalan-persoalan yang dibicarakan di dalam surah ini ialah persoalan-persoalan yang berulang-ulang kali dibicarakan di dalam surah-surah Al-Qur'an terutama surah-surah yang diturunkan di Makkah, tetapi persoalan-persoalan itu dikemukakan dari berbagai-bagai sudut dan disorotkan dengan berbagai-bagai cahaya dan dihidangkan dengan berbagai-bagai kecapan dan rasa sesuai dengan keadaan-keadaan jiwa manusia yang menghadapinya, dan sesuai dengan suasana dalaman hati dan jiwa manusia yang diketahui oleh Allah yang menurunkan Al-Qur'an kepada Rasul-Nya dan menyebabkan segala persoalan yang dibicarakannya itu kelihatan baru kerana ia menimbulkan reaksi-reaksi yang baru di dalam jiwa.

Dalam surah ini terdapat gambaran baru di dalam pemandangan-pemandangan Neraka Jahannam dan gambaran baru dalam menghadapi golongan manusia pendusta dengan pemandangan-pemandangan ini. Begitu juga terdapat pembaharuan-pembaharuan dengan gaya pembentangan dan pengucapan yang memberi ciri-ciri keperibadian yang khusus kepada surah ini iaitu ciri-ciri tajam, pedas dan nada-nada yang mengah.

Sekarang marilah kita huraikan surah ini dengan terperinci:

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 7)

وَٱلْمُرْسَلَٰتِ عُرْفًا ﴿١﴾ فَٱلْعَٰصِفَٰتِ عَصْفًا ﴿٢﴾

وَٱلنَّٰشِرَٰتِ نَشْرًا ﴿٣﴾ فَٱلْفَٰرِقَٰتِ فَرْقًا ﴿٤﴾

"Demi yang diutus berturut-turut(1). Dan demi yang terbang sekencang-kencangnya(2). Dan demi yang menyebarkan angin seluas-luasnya(3). Dan demi yang mengagihkan segala sesuatu dengan sempurna."(4)

فَٱلْمُلْقِيَٰتِ ذِكْرًا ﴿٥﴾ عُذْرًا أَوْ نُذْرًا ﴿٦﴾

إِنَّمَا تُوعَدُونَ لَوَٰقِعٌ ﴿٧﴾

"Dan demi yang mencampakkan peringatan (wahyu kepada para rasul)(5). Untuk menolak dalihan manusia atau untuk memberi amaran kepada mereka(6). Sesungguhnya segala yang dijanjikan kepada kamu pasti akan berlaku."(7)

Yang menjadi persoalan di sini ialah persoalan Qiamat yang sukar bagi kaum Musyrikin untuk mempercayainya. Justeru itulah Al-Qur'anul-Karim menegaskan persoalan ini dengan berbagai-bagai cara penegasan di berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'an. Ia memberi perhatian yang begitu berat untuk menjelaskan hakikat persoalan ini di dalam akal fikiran dan hati mereka, kerana penjelasan seumpama itu merupakan suatu keperluan untuk menegakkan 'aqidah Islam di dalam jiwa mereka, juga untuk membetulkan neraca pertimbangan nilai dalam seluruh kehidupan mereka. Kepercayaan kepada Hari Akhirat merupakan batu asas di dalam 'aqidah yang diturunkan Allah di samping merupakan batu asas dalam memahami hidup insaniyah. Ia merupakan asas yang dirujukkan kepadanya segala persoalan hidup dan asas untuk membetulkan neraca pertimbangan nilai-nilai di dalam segala urusan kehidupan mereka. Kerana itulah ia memerlukan usaha-usaha yang gigih dan memakan waktu yang lama untuk menjelaskannya kepada akal dan hati manusia.

Maksud Dari Ungkapan-ungkapan Sumpah

Allah S.W.T. telah bersumpah di bahagian pertama surah ini bahawa janji alam Akhirat itu pasti berlaku. Ungkapan-ungkapan sumpah itu menunjukkan bahawa makhluk-makhluk yang dijadikan bahan sumpahan-Nya itu adalah dari makhluk-makhluk alam ghaib yang mempunyai, kekuatan-kekuatan yang tersembunyi dari memberi kesan kepada alam dan kehidupan manusia. Ulama'-Ulama' Salaf telah berselisih pendapat, mengenai pengertian makhluk-makhluk itu. Kata setengah mereka bahawa makhluk-makhluk itu semuanya ialah angin-angin. Setengah pula berpendapat makhluk-makhluk itu semuanya ialah malaikat-malaikat. Ada pula yang mengatakan bahawa setengah dari makhluk-makhluk itu dimaksudkan angin-angin dan setengah lagi dimaksudkan malaikat-malaikat. Ini menunjukkan bahawa pengertian kata-kata ungkapan sumpah itu tidak jelas dan rahsia. Ketidakjelasan dan kerahsiaan makhluk-makhluk ini amatlah sesuai dijadikan bahan sumpah untuk menjelaskan hakikat Qiamat yang ghaib dan tersembunyi di dalam ilmu Allah. Qiamat itu pasti akan berlaku sebagaimana makhluk-makhluk

ghaib itu benar-benar ada dan mempengaruhi kehidupan manusia,

"Demi yang diutuskan berturut-turut." Dari Abu Hurayrah: Yang dimaksudkan dengan ayat ini ialah malaikat-malaikat. Maksud yang serupa juga telah diriwayatkan dari Masruq, Abu adh-Dhuha dan Mujahid dalam salah satu riwayat, juga as-Suddi, ar-Rabi' ibn Anas dan Abu Soleh dalam satu riwayat (berdasarkan riwayat-riwayat ini, maka maksud dari ayat-ayat ini ialah bersumpah dengan malaikat-malaikat yang diutus berturut-turut laksana jajaran bulu tengkuk kuda yang berjuntai.) Demikianlah pendapat Abu Soleh bahawa المقيات الفارقات الناشرات العاصفات ialah malaikat-malaikat.

Menurut riwayat dari Ibn Mas'ud katanya: المرسلات itu angin-angin. (Maksudnya angin-angin itu dilepaskan berturut-turut seperti jajaran bulu tengkuk kuda yang berjuntai), Begitu juga pendapat beliau mengenai maksud dari kata-kata العاصفات dan الناشرات. Pendapat ini sama sahaja dengan pendapat Ibn 'Abbas, Mujahid, Qatadah dan Abu Soleh mengikut satu riwayat.

Sementara Ibn Jarir pula tidak memberi apa-apa pendapat tentang maksud المرسلات sama ada maksudnya malaikat atau angin, tetapi beliau telah menegaskan bahawa maksud العاصفات ialah angin-angin dan الناشرات ialah angin-angin yang menyebar awan di merata penjuru langit.

Menurut Ibn Mas'ud pula maksud الفارقات dan الملقيات ialah malaikat-malaikat. Pendapat ini sama dengan pendapat Ibn 'Abbas, Masruq, Mujahid, Qatadah, al-Rabi' ibn Anas, al-Suddi dan ath-Thauri tanpa khilaf. Maksud ayat ini ialah malaikat-malaikat itu turun membawa perintah-perintah Allah kepada para rasul iaitu perintah-perintah yang membezakan di antara yang hak dan yang batil dan mencampakkannya kepada para rasul dalam bentuk wahyu untuk menolak dalihan manusia dan memberi amaran kepada mereka.

Di sini kita dapat perhatikan dengan jelas bahawa perkara-perkara yang dipersumpahkan itu telah dibesar-besarkan dengan sifat-sifatnya yang majhul sama seperti pada ayat-ayat الذاريات dan النازعات. Perselisihan pendapat para Ulama' mengenai hakikatnya merupakan bukti kerahsiaannya, dan kerahsiaan ini merupakan unsur pokok perkara-perkara itu di tempat ini. Yang jelas ia hanya memberi saranan dan sindiran secara umum sahaja, tetapi perkara-perkara itu sendiri menggoncangkan perasaan kita kerana saranan-saranan dari bunyi dan nadanya yang bertalu-talu, juga dari bayangan secara langsung yang dicampakkannya. Perasaan terharu yang ditimbulkannya di dalam hati itu merupakan satu perkara yang amat sesuai dengan maudhu' dan tujuan surah ini. Setiap bahagian surah itu menggoncangkan perasaan seolah-olah seperti orang yang memegang leher seseorang dan menggoncangkannya dengan kuat ketika membuat soal selidik mengenai sesuatu dosa atau mengenai sesuatu bukti yang terang yang diingkarkan olehnya, kemudian ia melepaskannya dengan memberi ancaman:

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ٤٩

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(49)

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 15)

Setelah itu tiba pula goncangan yang kuat dari pemandangan-pemandangan kekacauan dan kemusnahan alam pada Hari Pengadilan, iaitu hari yang telah ditentukan kepada para rasul untuk membentangkan hasil da'wah mereka kepada seluruh umat manusia:

فَإِذَا ٱلنُّجُومُ طُمِسَتۡ ٨ وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ فُرِجَتۡ ٩

وَإِذَا ٱلۡجِبَالُ نُسِفَتۡ ١٠ وَإِذَا ٱلرُّسُلُ أُقِّتَتۡ ١١

"Apabila bintang-bintang telah dihapuskan(8). Dan apabila langit telah dipecahkan(9). Dan apabila gunung-ganang telah dihancurleburkan(10). Dan apabila para rasul telah ditentukan waktu (kehadirannya)."(11)

لِأَيِّ يَوۡمٍ أُجِّلَتۡ ١٢ لِيَوۡمِ ٱلۡفَصۡلِ ١٣

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلۡفَصۡلِ ١٤

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ١٥

Untuk hari apakah rasul-rasul itu ditangguhkan?(12). Untuk Hari Pengadilan(13). Tahukah engkau apakah Hari Pengadilan itu?(14). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(15)

Pada hari itu bintang dihapuskan dan hilanglah cahayanya, dan langit dipecahkan dan gunung-ganang dileburkan menjadi debu.

Pemandangan Kemusnahan Alam

Pemandangan-pemandangan kemusnahan alam ini telah ditayangkan di dalam berbagai-bagai surah Al-Qur'an dan semuanya menunjukkan bahawa peraturan-peraturan yang mengikat alam buana ini akan musnah pada hari ini, diikuti bunyi ledakan-ledakan, gempa-gempa dan letupan-letupan yang kuat dan dahsyat yang belum pernah dialami manusia, iaitu ledakan-ledakan yang tidak dapat dibandingkan dengan peristiwa-peristiwa gempa bumi, letupan-letupan gunung berapi dan petir dan sebagainya yang biasa dialami mereka, kerana ledakan dan letupan yang seumpama ini jika dibandingkan dengan ledakan-ledakan yang berlaku pada hari Qiamat itu samalah dengan mercun-mercun mainan kanak-kanak pada hari raya apabila dibandingkan dengan bom-bom atom dan hidrogen. Perbandingan ini hanya untuk memudahkan faham

sahaja, sedangkan kedahsyatannya yang sebenar yang akan berlaku akibat ledakan alam buana dan keguguran bintang-bintangnya adalah di luar tanggapan dan kefahaman manusia.

Di samping menjelaskan kemusnahan-kemusnahan alam, surah ini juga mengemukakan satu lagi perkara yang amat besar yang telah ditangguhkan Allah kepada Hari Qiamat ini, iaitu masa para rasul dipanggil untuk mengemukakan hasil pencapaian da'wah Allah yang diperjuangkan mereka di bumi di sepanjang generasi-generasi manusia. Para rasul itu telah ditentukan masa kehadiran mereka di sana pada hari ini untuk membentangkan penyata kira-kira akhir mengenai urusan yang agung ini yang melebihi langit, bumi dan gunung-ganang untuk tujuan membicarakan kes-kes yang tergantung dalam kehidupan dunia, dan memutuskannya dengan hukuman-hukuman Allah dan mengumumkan keputusan terakhir di mana berakhirnya generasi-generasi insan dan abad-abad zaman.

Ungkapan-ungkapan ayat-ayat ini membesar-besarkan urusan yang agung. Ini menyarankan hakikatnya yang amat besar hingga melampaui batas daya kefahaman manusia.

وَإِذَا الرُّسُلُ أُقِّتَتْ ﴿١١﴾ لِأَيِّ يَوْمٍ أُجِّلَتْ ﴿١٢﴾
لِيَوْمِ الْفَصْلِ ﴿١٣﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا يَوْمُ الْفَصْلِ ﴿١٤﴾

"Dan apabila para rasul telah ditentukan waktu (kehadirannya)(11). Untuk hari apakah rasul-rasul itu ditangguhkan?(12). Untuk Hari Pengadilan(13). Tahukah engkau apakah Hari Pengadilan itu?"(14)

Dari uslub pengungkapan ini nyatalah bahawa Al-Qur'an memperkatakan tentang satu urusan yang agung tetapi apabila kesan penjelasannya menjejak di hati dengan kehebatan dan kejutannya yang mengatasi kejutan bintang-bintang yang dipadamkan cahayanya, langit yang dipecahkan dan gunung-ganang yang dileburkan, lantas ia pun membuat kenyataan dan memberi amaran yang menakutkan:

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٥﴾

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(15)

Inilah amaran dari Allah Yang Maha Kuasa kepada manusia untuk menghadapi keadaan-keadaan ngeri Hari Qiamat yang membabitkan seluruh alam dan menghadapi suasana-suasana kebesaran dan keagungan yang menyelubungi majlis pengadilan yang disaksikan oleh para rasul di mana mereka mengemukakan penyata kira-kira da'wah mereka yang akhir tepat pada masa yang telah ditetapkan kepada mereka. Amaran yang dikeluarkan pada masa ini mempunyai rasa, kesan dan implikasinya yang menakutkan.

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 19)

Kebinasaan Umat-umat Yang Silam

Selesai menjelajah di sekitar kemusnahan alam yang mengerikan Al-Qur'an kembali pula menjelajah di sekitar kebinasaan umat-umat purba dan umat-umat kebelakangan:

أَلَمْ نُهْلِكِ الْأَوَّلِينَ ﴿١٦﴾ ثُمَّ نُتْبِعُهُمُ الْآخِرِينَ ﴿١٧﴾
كَذَٰلِكَ نَفْعَلُ بِالْمُجْرِمِينَ ﴿١٨﴾
وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٩﴾

"Bukankah Kami telah membinasakan umat-umat purbakala?(16). Kemudian Kami iringkan mereka dengan umat-umat yang kemudian(17). Demikianlah Kami bertindak terhadap orang-orang yang berdosa(18). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(19)

Demikianlah umat-umat purba yang ramai itu kelihatan gugur binasa dengan satu pukulan Ilahi, dan dengan satu pukulan yang lain gugur dan binasa pula-umat-umat yang datang selepas mereka. Mereka kelihatan gugur bergelimpangan sejauh mata memandang, dan di hadapan mereka kedengaran suara amaran yang mengingatkan tindakan undang-undang Allah di alam ini:

كَذَٰلِكَ نَفْعَلُ بِالْمُجْرِمِينَ ﴿١٨﴾

"Demikianlah Kami bertindak terhadap orang-orang yang berdosa."(18)

Itulah undang-undang Allah yang tidak dapat dihindari. Dan ketika manusia yang berdosa itu menduga akan menerima balasan kebinasaan seperti yang diterima oleh umat-umat purbakala dan umat-umat yang datang selepas mereka, tiba-tiba datang seruan yang mendo'akan kebinasaan, dan tiba janji 'azab yang mengancam dengan kemusnahan:

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٩﴾

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(19)

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 24)

Asal-usul Kejadian Manusia

Dari penjelajahan melihat kebinasaan dan kehancuran (umat-umat yang silam) Al-Qur'an berpindah pula kepada penjelajahan meninjau cara Allah mencipta dan menghidup manusia mengikut perencanaan dan pentadbiran-Nya yang rapi, sama ada pada makhluk yang kecil atau pada makhluk yang besar:

أَلَمْ نَخْلُقكُّم مِّن مَّاءٍ مَّهِينٍ ﴿٢٠﴾
فَجَعَلْنَاهُ فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿٢١﴾ إِلَىٰ قَدَرٍ مَّعْلُومٍ ﴿٢٢﴾
فَقَدَرْنَا فَنِعْمَ الْقَادِرُونَ ﴿٢٣﴾

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ٢٤

"Bukankah Kami ciptakan kamu dari air mani yang hina?(20). Kemudian Kami letakkannya di tempat yang kukuh (rahim)(21). Hingga sampai kepada waktu yang tertentu(22). Lalu Kami tentukan perencanaan ke atasnya dan Kamilah Sebaik-baik Perencana(23). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(24)

Ini adalah satu penjelajahan mengikuti perkembangan asal-usul kejadian janin yang aneh yang disaringkan dalam keterangan yang pendek. Setitis air mani yang hina diletakkan di dalam rahim yang kukuh untuk satu jangka waktu yang tertentu. Dengan perencanaan Allah, air mani itu melalui peringkat-peringkat perkembangannya yang halus. Di sini Al-Qur'an menegaskan bahawa segala-galanya itu adalah berlaku dengan hikmat kebijaksanaan Allah Yang Maha Tinggi yang mengendalikan segala sesuatu dengan perencanaan-Nya yang rapi dan indah.

فَقَدَرۡنَا فَنِعۡمَ ٱلۡقَٰدِرُونَ ٢٣

"Lalu Kami tentukan perencanaan ke atasnya dan Kamilah Sebaik-baik Perencana."(23)

Dan dengan perencanaan yang halus ini, di mana tiada suatu pun yang terlepas darinya, Allah mengumumkan janji 'azab-Nya:

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ٢٤

"Celakalah pada hati itu kepada para pendusta."(24)

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 28)

Bumi Merupakan Planet Yang amat Selesa Untuk Dihayati Manusia

Kemudian menjelajah pula ke bumi melihat perencanaan Allah terhadap kehidupan manusia dan bagaimana Dia mengadakan di bumi ciri-ciri tertentu yang memberi kemudahan dan keselesaan kepada kehidupan mereka:

أَلَمۡ نَجۡعَلِ ٱلۡأَرۡضَ كِفَاتًا ٢٥ أَحۡيَآءٗ وَأَمۡوَٰتٗا ٢٦

وَجَعَلۡنَا فِيهَا رَوَٰسِيَ شَٰمِخَٰتٖ وَأَسۡقَيۡنَٰكُم مَّآءٗ فُرَاتٗا ٢٧

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ٢٨

"Bukankah Kami jadikan bumi sebagai wadah yang mengumpulkan(25). Orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati(26). Dan Kami jadikan padanya gunung-ganang yang tinggi dan Kami berikan kamu minuman air yang tawar?(27). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(28)

Tidakkah Kami jadikan bumi ini tempat yang mengumpulkan semua penghuninya, sama ada yang hidup atau yang mati, dan di sana Kami ciptakan bukit-bukau dan gunung-ganang yang tinggi, dan di kemuncak-kemuncaknya yang tinggi itulah berkumpulnya awan mega, dan dari sanalah mengalir saluran-saluran air tawar yang nyaman. Tidakkah, semuanya itu berlaku dengan qudrat, perencanaan hikmat dan tadbir Allah yang bijaksana? Apakah selepas semua kemudahan ini mereka masih juga terus mendusta?

وَيۡلٞ يَوۡمَئِذٖ لِّلۡمُكَذِّبِينَ ٢٨

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(28)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 34)

Para Pendusta Diarah Menerima Balasan

Setelah ditayangkan pemandangan-pemandangan itu dan setelah hati manusia dipenuhi kesan-kesan pemandangan yang mencurah ke dalam perasaan-perasaannya, maka Al-Qur'an tiba-tiba berpindah kepada pemandangan Hisab dan Balasan dan di sana kita mendengar satu perintah yang menggerunkan menyuruh orang-orang yang berdosa dan pendusta supaya berjalan menuju kepada 'azab seksa yang pernah didustakan mereka. Perintah itu diselubungi kecaman yang pahit dan penyeksaan jiwa yang memeritkan:

ٱنطَلِقُوٓاْ إِلَىٰ مَا كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ٢٩

ٱنطَلِقُوٓاْ إِلَىٰ ظِلّٖ ذِي ثَلَٰثِ شُعَبٖ ٣٠

لَّا ظَلِيلٖ وَلَا يُغۡنِي مِنَ ٱللَّهَبِ ٣١

"Pergilah kamu menerima 'azab yang dahulunya telah didustakan kamu(29). Pergilah kamu berteduh di bawah bayangan asap Neraka yang bercabang tiga(30). Yang tidak meneduhkan mereka dan tidak pula menahankan mereka dari julangan api Neraka."(31)

Mereka pun pergi dengan bebas selepas ditahan pada Hari Pengadilan yang panjang itu, tetapi ke mana? Pergi ke tempat yang lebih buruk dari 'azab ditahan, iaitu:

ٱنطَلِقُوٓاْ إِلَىٰ مَا كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ٢٩

"Pergilah kamu menerima 'azab yang dahulunya telah didustakan."(29)

Dan 'azab itu sudah siap sedia di hadapan kamu sekarang:

ٱنطَلِقُوٓاْ إِلَىٰ ظِلّٖ ذِي ثَلَٰثِ شُعَبٖ ٣٠

لَّا ظَلِيلٖ وَلَا يُغۡنِي مِنَ ٱللَّهَبِ ٣١

"Pergilah kamu berteduh di bawah bayangan asap Neraka yang bercabang tiga(30). Yang tidak meneduhkan mereka dan tidak pula menahankan mereka dari ulangan api Neraka."(31)

Asap Neraka Bercabang Tiga

Iaitu bayangan asap api Neraka yang pucuknya menjulang-julang bercabang tiga. Ia adalah bayangan teduh yang mencekik pernafasan dan yang panas menyelar. Ia dinamakan bayangan teduh sebagai lanjutan dari penghinaan dan sendaan. Ia memberi angan-angan mendapat bayangan teduh, tetapi di sebaliknya mereka mendapat api Neraka Jahannam. Pergilah kamu dan kamu tentu tahu ke mana, kamu memang mengetahuinya. Oleh itu, tidak payah disebutkan namanya.

إِنَّهَا تَرْمِي بِشَرَرٍ كَالْقَصْرِ ٣٢

كَأَنَّهُ جِمَالَتٌ صُفْرٌ ٣٣

"Sesungguhnya Neraka itu melontarkan bunga-bunga api sebesar istana(32). Ia kelihatan seolah-olah unta-unta kuning tua."(33)

Bunga-bunga Api Neraka Sebesar Istana

Bunga-bunga api itu melambung berturut-turut dan setiap bunga api itu sebesar rumah batu (kebiasaan orang Arab menggunakan kata-kata "istana" kepada setiap rumah yang diperbuat dari batu, dan tidak semestinya bangunan itu sama besar dengan bangunan-bangunan istana yang kita kenali sekarang), dan apabila percikan bunga-bunga api itu melambung berturut-turut, ia kelihatan seolah-olah unta-unta kuning tua yang meragut rumput di sana sini. Andainya bunga-bunga api itu sebesar itu, bagaimana pula besarnya api Neraka itu sendiri yang memercikkan bunga itu?

Dalam sa'at hati diselubungi perasaan ngeri itu datang pula kutukan:

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ٣٤

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(34)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 40)

Qiamat Hari Pengadilan Bukan Hari Meminta Maaf

Untuk menyempurnakan pemandangan setelah ditayangkan gambaran Neraka dengan ciri-ciri fizikal yang dahsyat, maka ayat-ayat yang berikut menayangkan pula pemandangan kedahsyatan kesengsaraan jiwa yang dipaksa yang diam membisu dan menahan perasaan:

هَٰذَا يَوْمُ لَا يَنطِقُونَ ٣٥

وَلَا يُؤْذَنُ لَهُمْ فَيَعْتَذِرُونَ ٣٦

"Inilah hari mereka tidak dapat bercakap(35). Dan mereka tidak diizinkan bercakap dan tidak dapat memohon maaf."(36)

Kedahsyatan pemandangan di sini terletak pada suasana diam membisu, menahan perasaan, ketakutan dan rasa rendah diri yang mengerikan, iaitu suasana bongkam yang tidak diselangi sebarang percakapan dan tidak pula dipecahkan oleh kata-kata memohon maaf kerana masa berbahas dan minta maaf telah pun luput dan berlalu:

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ٣٧

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(37)

Di dalam pemandangan-pemandangan yang lain disebut kata-kata penyesalan dan dalihan-dalihan mereka dan kedua-duanya berlaku, kerana masa pengadilan itu berlalu panjang mengikut cerita Ibn 'Abbas r.a. tetapi di sini Al-Qur'an hanya menyebut suasana diam bongkam yang menakutkan kerana sesuai dengan situasi dan penjelasan ayat ini:

هَٰذَا يَوْمُ الْفَصْلِ جَمَعْنَاكُمْ وَالْأَوَّلِينَ ٣٨

فَإِن كَانَ لَكُمْ كَيْدٌ فَكِيدُونِ ٣٩

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ٤٠

"Inilah Hari Pengadilan, Kami himpunkan kamu sekalian bersama-sama umat-umat manusia yang dahulu kala(38). Jika kamu mempunyai tipu helah, maka lakukanlah tipu helah itu terhadap-Ku(39). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(40)

Hari ini ialah Hari Pengadilan yang memberi keputusan bukannya hari minta maaf. Hari ini Kami kumpulkan sekalian kamu bersama-sama umat-umat manusia dahulu kala. Andainya kamu berkuasa membuat sesuatu, maka silalah buat. Hari ini tiada tipu helah dan tiada daya upaya. Hanya diam bongkam menerima kecaman yang amat pedih.

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ٤٠

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(40)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41- 45)

Para Muttaqin Dipersilakan Menerima Ni'mat

Setelah berakhirnya pemandangan orang-orang yang berdosa itu dikecam, Al-Qur'an mengumumkan pula penghormatan kepada orang-orang yang bertaqwa:

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي ظِلَالٍ وَعُيُونٍ ٤١

وَفَوَاكِهَ مِمَّا يَشْتَهُونَ ٤٢

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu bersenang-lenang di bawah bayangan pokok yang teduh (berhampiran) matair-matair(41). Dan meni'mati berbagai-bagai buah-buahan yang diidami mereka."(42)

Orang-orang yang bertaqwa bersenang-lenang di bawah bayangan teduh, iaitu bayangan teduh yang sebenar bukannya bayangan asap api Neraka yang bercabang tiga, yang tidak meneduh dan tidak pula menahan mereka dari julangan api Neraka. Mereka

bersenang di tepi-tepi matair, bukannya di dalam asap Neraka yang melemaskan pernafasan dan menimbulkan kedahagaan yang dahsyat. Mereka meni'mati berbagai-bagai buah-buahan yang diidami mereka. Dan di samping itu mereka menerima pelawaan dari Allah yang didengar oleh seluruh perhimpunan manusia:

كُلُوا وَاشْرَبُوا هَنِيئًا بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾

إِنَّا كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿٤٤﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٥﴾

"Makan dan minumlah seenak-enaknya kerana amalan-amalan yang telah kamu lakukan(43). Sesungguhnya begitulah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin (44). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(45)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 47)

Keni'matan Dunia Yang Sebentar

Di sini ditayangkan sepintas lalu pemandangan kehidupan dunia yang telah digolongkan riwayatnya dalam ayat-ayat tadi. Kini kita sekali lagi berada di dunia, ketika itu orang-orang kafir yang berdosa menerima kecaman dan penghinaan:

كُلُوا وَتَمَتَّعُوا قَلِيلًا إِنَّكُم مُّجْرِمُونَ ﴿٤٦﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٧﴾

"(Wahai orang-orang kafir!) Makanlah dan ni'matilah kesenangan dunia yang sebentar, sesungguhnya kamu adalah orang-orang yang berdosa(46). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(47)

Demikianlah kehidupan dunia bercampur dengan kehidupan Akhirat di dalam dua ayat yang berturut ini dan di dalam dua pemandangan yang seolah-olah kedua-duanya wujud dalam satu masa, walaupun kedua-duanya dipisahkan oleh zaman-zaman yang amat jauh. Ketika pelawaan Allah disampaikan kepada orang-orang yang bertaqwa di Akhirat, maka satu pelawaan yang sama dihadapkan kepada orang-orang kafir yang berdosa di dunia, seolah-olah Allah berfirman kepada mereka: Lihatlah perbezaan di antara dua kehidupan ini... makanlah dan ni'matilah kesenangan dunia yang sebentar ini supaya kamu diharamkan dari keni'matan abadi dan di'azab sepanjang zaman di negeri Akhirat!

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٧﴾

"Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(47)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 48 - 50)

Hati Orang-orang Kafir Tidak Menerima Penjelasan

Kemudian ayat yang berikut mengisahkan keadaan-keadaan orang-orang kafir yang berdosa itu dan melahirkan takjubnya terhadap sikap mereka, iaitu apabila mereka diseru mengikuti hidayat Allah, mereka tidak menyahutinya:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ارْكَعُوا لَا يَرْكَعُونَ ﴿٤٨﴾

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٩﴾

"Dan jika mereka disuruh ruku', mereka tidak ruku'(48). Celakalah pada hari itu kepada para pendusta."(49)

Sedangkan mereka diberi penjelasan yang sejelas-jelasnya dan diberi amaran yang setegas-tegasnya:

فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٠﴾

"Dengan penjelasan yang mana lagi sesudah penjelasan Al-Qur'an mereka hendak beriman?"(50)

Orang-orang yang tidak beriman kepada penjelasan Al-Qur'an yang menggegarkan bukit-bukau dan gunung-ganang itu tidak akan beriman buat selama-lamanya dengan mana-mana penjelasan yang lain darinya. Tiada lain melainkan hanya kecelakaan, kesialan dan kesudahan yang malang yang disediakan kepada golongan manusia yang celaka ini.

* * * * * *

Surah ini sendiri dengan susunan-susunan ungkapannya, nada-nadanya yang menarik, pemandangan-pemandangannya yang dahsyat dan kecaman-kecamannya yang tajam merupakan serangan yang tidak sanggup dihadapi oleh hati siapa sahaja.

Maha Sucilah Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an dan meletakkan padanya pengaruh yang amat kuat ini.

(Tamat Juzu' Yang Kedua Puluh Sembilan)

JUZU' KE-30

SURAH AN-NABA'

SURAH KE 78

سُورَةُ النَّبَإِ

SURAH AN-NABA'

Surah Berita Qiamat

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT 40

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

عَمَّ يَتَسَاءَلُونَ ﴿١﴾ عَنِ النَّبَإِ الْعَظِيمِ ﴿٢﴾

الَّذِي هُمْ فِيهِ مُخْتَلِفُونَ ﴿٣﴾ كَلَّا سَيَعْلَمُونَ ﴿٤﴾

ثُمَّ كَلَّا سَيَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

"Tentang apakah mereka saling bertanya?(1). Tentang berita yang amat besar(2). Yang mereka pertikaikan kebenarannya(3). Tidak sekali-kali begitu, mereka akan mengetahui kebenarannya)(4). Kemudian, tidak sekali-kali begitu, mereka akan mengetahui (kebenarannya)."(5).

أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ مِهَادًا ﴿٦﴾ وَالْجِبَالَ أَوْتَادًا ﴿٧﴾

وَخَلَقْنَاكُمْ أَزْوَاجًا ﴿٨﴾

وَجَعَلْنَا نَوْمَكُمْ سُبَاتًا ﴿٩﴾

وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ لِبَاسًا ﴿١٠﴾

"Bukankah Kami ciptakan bumi terhampar luas?(6). Dan gunung-ganang sebagai pasak-pasak bumi?(7). Dan bukankah Kami ciptakan kamu berpasang-pasangan?(8). Dan bukankah Kami jadikan tidur kamu suatu kerehatan?(9). Dan bukankah Kami jadikan malam sebagai kain tabir?."(10).

وَجَعَلْنَا النَّهَارَ مَعَاشًا ﴿١١﴾

وَبَنَيْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعًا شِدَادًا ﴿١٢﴾

وَجَعَلْنَا سِرَاجًا وَهَّاجًا ﴿١٣﴾

وَأَنْزَلْنَا مِنَ الْمُعْصِرَاتِ مَاءً ثَجَّاجًا ﴿١٤﴾

لِنُخْرِجَ بِهِ حَبًّا وَنَبَاتًا ﴿١٥﴾

"Dan bukankah Kami jadikan siang masa mencari kehidupan?(11). Dan bukankah Kami binakan di atas kamu tujuh petala langit yang kukuh?(12). Dan bukankah Kami ciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang?(13). Dan bukankah Kami turunkan dari awan-awan pemerah itu air hujan yang lebat?(14). Supaya dengannya Kami keluarkan biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan."(15).

وَجَنَّاتٍ أَلْفَافًا ﴿١٦﴾

إِنَّ يَوْمَ الْفَصْلِ كَانَ مِيقَاتًا ﴿١٧﴾

يَوْمَ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ فَتَأْتُونَ أَفْوَاجًا ﴿١٨﴾

وَفُتِحَتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ أَبْوَابًا ﴿١٩﴾

وَسُيِّرَتِ الْجِبَالُ فَكَانَتْ سَرَابًا ﴿٢٠﴾

"Dan kebun-kebun yang bertautan rimbun(16). Sesungguhnya Hari Pengadilan itu suatu hari yang ditentukan(17). Iaitu hari ditiupkan sangkakala lalu kamu datang (ke Mahsyar) sepuak demi sepuak(18). Dan langit pun dibuka lalu ia jadi berpintu-pintu(19). Dan gunung-ganang dihancurleburkan lalu ia jadi seperti fatamorgana."(20).

إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا ﴿٢١﴾ لِلطَّاغِينَ مَآبًا ﴿٢٢﴾

لَابِثِينَ فِيهَا أَحْقَابًا ﴿٢٣﴾

لَا يَذُوقُونَ فِيهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا ﴿٢٤﴾

إِلَّا حَمِيمًا وَغَسَّاقًا ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Neraka adalah tempat pengawasan yang rapi(21). Sebagai tempat kembali bagi orang-orang yang melampaui (batas-batas Allah)(22). Mereka akan tinggal kekal di dalamnya abad demi abad(23). Mereka tidak akan merasa dingin dan tidak akan mengecap minuman(24). Kecuali air yang mendidih dan air danur."(25).

جَزَاءً وِفَاقًا ﴿٢٦﴾

إِنَّهُمْ كَانُوا لَا يَرْجُونَ حِسَابًا ﴿٢٧﴾

وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا كِذَّابًا ﴿٢٨﴾

وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ كِتَابًا ﴿٢٩﴾

فَذُوقُوا فَلَن نَّزِيدَكُمْ إِلَّا عَذَابًا ﴿٣٠﴾

"Sebagai balasan yang setimpal(26). Mereka dahulu tidak mengharapkan adanya Hisab(27). Dan mereka mendustakan ayat-ayat Kami dengan sekeras-keras pendustaan(28). Sedangkan segala sesuatu Kami hitungkannya dengan catatan yang rapi(29). Oleh itu, rasakanlah 'azab itu dan Kami tidak akan tambah kecuali 'azab (yang lebih dahsyat lagi."(30).

إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ مَفَازًا ﴿٣١﴾ حَدَائِقَ وَأَعْنَابًا ﴿٣٢﴾
وَكَوَاعِبَ أَتْرَابًا ﴿٣٣﴾ وَكَأْسًا دِهَاقًا ﴿٣٤﴾
لَّا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا وَلَا كِذَّابًا ﴿٣٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu memperolehi kejayaan(31). Iaitu taman-taman Syurga dan kebun-kebun anggur(32). Dan bidadari-bidadari remaja yang berdada montok dan sebaya(33). Dan gelas-gelas yang penuh dengan minuman(34). Mereka tidak akan mendengar sebarang percakapan sia-sia dan kata-kata dusta."(35).

جَزَاءً مِّن رَّبِّكَ عَطَاءً حِسَابًا ﴿٣٦﴾
رَّبِّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا الرَّحْمَٰنِ لَا يَمْلِكُونَ
مِنْهُ خِطَابًا ﴿٣٧﴾
يَوْمَ يَقُومُ الرُّوحُ وَالْمَلَائِكَةُ صَفًّا لَّا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ
أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَٰنُ وَقَالَ صَوَابًا ﴿٣٨﴾
ذَٰلِكَ الْيَوْمُ الْحَقُّ فَمَن شَاءَ اتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِ مَآبًا ﴿٣٩﴾
إِنَّا أَنذَرْنَاكُمْ عَذَابًا قَرِيبًا يَوْمَ يَنظُرُ الْمَرْءُ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ
وَيَقُولُ الْكَافِرُ يَا لَيْتَنِي كُنتُ تُرَابًا ﴿٤٠﴾

"Sebagai balasan, dari Tuhanmu dan sebagai kurnia yang dikira dengan rapi(36). Iaitu Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya dan Yang Maha Penyayang. Mereka tidak berupaya untuk berbicara dengan-Nya(37). Pada hari Jibril dan para malaikat berdiri berjajar, mereka tidak bercakap melainkan siapa yang diizinkan Allah Yang Maha Penyayang dan berkata benar(38). Itulah hari yang benar. Oleh itu, siapa yang mahukan (kejayaan) hendaklah ia memilih jalan kembali kepada Tuhannya(39). Sesungguhnya Kami memberi amaran kepada kamu terhadap 'azab yang amat dekat, pada hari itu, setiap orang akan melihat apa yang telah dilakukan oleh dua tangannya dan setiap orang kafir akan berkata: Alangkah baiknya jika aku jadi tanah!"(40).

* * * * * *

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Seluruh Juzu' 'Amma termasuk surah ini mempunyai satu sifat yang umum. Semua surah-surahnya diturunkan di Makkah kecuali Surah al-Bayyinah dan Surah an-Nasr. Semuanya terdiri dari surah-surah pendek. Dan yang lebih penting dari itu lagi ialah surah-surah ini hampir-hampir mempunyai persamaan dalam maudhu' pembicaraannya, nada-nadanya, gambaran-gambarannya, bayangan-bayangannya dan gaya bahasa umumnya.

Ia merupakan ketukan-ketukan yang bertubi-tubi di pintu hati manusia dan ketukan-ketukan itu amat keras, kuat dan lantang. Ia merupakan pekikan-pekikan membangunkan manusia yang sedang nyenyak tidur atau menyedarkan manusia-manusia yang sedang mabuk atau manusia-manusia yang sedang lalai di majlis tarian yang gemuruh dengan tepukan-tepukan dan siulan-siulan. Ketukan dan pekikan itu bertubi-tubi datang dari semua surah-surah ini membawa nada yang sama dan yang sama iaitu: Sedarlah! Bangkitlah! Lihatlah! Berpalinglah! Berfikirlah dan renungilah di sana ada Tuhan Yang Tunggal, ada tadbir dan perencanaan Ilahi, ada ujian, ada tanggungawab, ada hisab, ada balasan, ada 'azab yang pedih, ada ni'mat yang besar. Sedarlah! Bangkitlah! Lihatlah! Berpalinglah! Berfikirlah dan renungilah berulang-ulang kali, tiga, empat, lima, sepuluh kali... di samping ketukan-ketukan dan pekikan-pekikan itu ada tangan yang kuat menggoncangkan manusia-manusia yang tidur, mabuk dan lalai itu dengan goncangan yang keras. Mereka seolah-olah membuka mata dan memandang sepi kemudian balik semula kepada keadaan mereka. Setelah itu datang lagi tangan yang kuat menggoncang-goncang mereka semula, datang pula suara yang kuat memekik-mekik kembali dan berbunyi pula ketukan-ketukan keras memukul telinga dan hati. Kadang-kadang manusia yang tidur itu teriaga dan bangun untuk menjawab dengan tegas dan degil. Tidak! Kemudian melontar pemekik-pemekik yang memberi amaran itu dengan anak-anak batu dan kata-kata yang kesat, kemudian mereka kembali kepada keadaan mereka dan selepas itu datang lagi tangan yang kuat menggoncang-goncang mereka semula.

Demikianlah ternampak kepada saya apabila membaca surah-surah dalam Juzu' 'Amma ini. Saya merasa surah-surah itu memusatkan pembicaraannya pada beberapa hakikat yang amat penting, menggunakan nada-nada tertentu yang menyentuh tali-tali hati, menayangkan pemandangan-pemandangan alam dan jiwa manusia yang tertentu, dan seterusnya menggambarkan peristiwa-peristiwa tertentu pada hari pengadilan Akhirat. Pada hemat saya, ulangan-ulangan dengan berbagai-bagai cara itu menyarankan sesuatu tujuan.

Demikianlah dirasai oleh setiap pembaca ketika ia membaca:

فَلْيَنظُرِ ٱلْإِنسَٰنُ إِلَىٰ طَعَامِهِۦٓ ﴿٢٤﴾

"Kemudian hendaklah manusia memerhatikan kepada makanannya."

(Surah 'Abasa: 24)

فَلْيَنظُرِ ٱلْإِنسَٰنُ مِمَّ خُلِقَ ﴿٥﴾

"Oleh itu, hendaklah manusia fikirkan dari bahan apakah ia diciptakan?"

(Surah at-Tariq: 5)

أَفَلَا يَنظُرُونَ إِلَى ٱلْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ﴿١٧﴾
وَإِلَى ٱلسَّمَآءِ كَيْفَ رُفِعَتْ ﴿١٨﴾
وَإِلَى ٱلْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ﴿١٩﴾
وَإِلَى ٱلْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ ﴿٢٠﴾

"Tidakkah mereka memperhatikan binatang unta bagaimana ia diciptakan?(17). Dan kepada langit bagaimana ia diciptakan begitu tinggi?(18). Dan kepada gunung-ganang bagaimana ia diciptakan begitu tegak?(19). Dan kepada bumi bagaimana ia diciptakan begitu luas terhampar?"(20)

(Surah al-Ghasyiyah)

Dan ketika ia membaca:

ءَأَنتُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمِ ٱلسَّمَآءُ ۚ بَنَىٰهَا ﴿٢٧﴾
رَفَعَ سَمْكَهَا فَسَوَّىٰهَا ﴿٢٨﴾
وَأَغْطَشَ لَيْلَهَا وَأَخْرَجَ ضُحَىٰهَا ﴿٢٩﴾
وَٱلْأَرْضَ بَعْدَ ذَٰلِكَ دَحَىٰهَآ ﴿٣٠﴾
وَٱلْجِبَالَ أَرْسَىٰهَا ﴿٣٢﴾ مَتَٰعًا لَّكُمْ وَلِأَنْعَٰمِكُمْ ﴿٣٣﴾
أَخْرَجَ مِنْهَا مَآءَهَا وَمَرْعَىٰهَا ﴿٣١﴾

"Apakah kamu lebih sukar diciptakan atau langit lebih sukar dibinakan?(27). Dia meninggikan bangunan langit dan menyusunnya dengan sempurna(28). Dia menggelapkan hari malamnya dan menerangkan hari siangnya(29). Dan setelah itu Dia hamparkan bumi(30). Dan dari bumi Dia keluarkan air dan tumbuh-tumbuhannya(31). Dan Dia tegakkan gunung-ganang (32). Untuk keni'matan kamu dan ternakan kamu."(33)

(Surah an-Naazi'aat)

أَلَمْ نَجْعَلِ ٱلْأَرْضَ مِهَٰدًا ﴿٦﴾ وَٱلْجِبَالَ أَوْتَادًا ﴿٧﴾
وَخَلَقْنَٰكُمْ أَزْوَٰجًا ﴿٨﴾
وَجَعَلْنَا نَوْمَكُمْ سُبَاتًا ﴿٩﴾
وَجَعَلْنَا ٱلَّيْلَ لِبَاسًا ﴿١٠﴾
وَجَعَلْنَا ٱلنَّهَارَ مَعَاشًا ﴿١١﴾
وَبَنَيْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعًا شِدَادًا ﴿١٢﴾
وَجَعَلْنَا سِرَاجًا وَهَّاجًا ﴿١٣﴾
وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلْمُعْصِرَٰتِ مَآءً ثَجَّاجًا ﴿١٤﴾
لِّنُخْرِجَ بِهِۦ حَبًّا وَنَبَاتًا ﴿١٥﴾ وَجَنَّٰتٍ أَلْفَافًا ﴿١٦﴾

"Bukankah Kami ciptakan bumi terhampar luas?(6). Dan gunung-ganang sebagai pasak-pasak bumi?(7). Dan bukankah Kami ciptakan kamu berpasang-pasangan?(8). Dan bukankah Kami jadikan tidur kamu suatu kerehatan?(9). Dan bukankah Kami jadikan malam sebagai kain tabir? (10). Dan bukankah Kami jadikan siang masa mencari kehidupan?(11). Dan bukankah Kami binakan di atas kamu tujuh petala langit yang kukuh?(12). Dan bukankah Kami ciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang?(13). Dan bukankah Kami turunkan dari awan-awan pemerah itu air hujan yang lebat?(14). Supaya dengannya Kami keluarkan biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan(15). Dan kebun-kebun yang bertautan rimbun."(16)

(Surah an-Naba')

فَلْيَنظُرِ ٱلْإِنسَٰنُ إِلَىٰ طَعَامِهِۦٓ ﴿٢٤﴾
أَنَّا صَبَبْنَا ٱلْمَآءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾
ثُمَّ شَقَقْنَا ٱلْأَرْضَ شَقًّا ﴿٢٦﴾
فَأَنۢبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ﴿٢٧﴾ وَعِنَبًا وَقَضْبًا ﴿٢٨﴾
وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا ﴿٢٩﴾ وَحَدَآئِقَ غُلْبًا ﴿٣٠﴾
وَفَٰكِهَةً وَأَبًّا ﴿٣١﴾ مَّتَٰعًا لَّكُمْ وَلِأَنْعَٰمِكُمْ ﴿٣٢﴾

"Kemudian hendaklah manusia memerhatikan kepada makanannya(24). Sesungguhnya Kami telah mencurahkan hujan dengan curahan yang sempurna(25). Kemudian Kami belahkan bumi dengan belahan yang sebaik-baiknya(26). Lalu Kami tumbuhkan padanya biji-bijian(27). Anggur dan sayur-sayuran (28). Zaitun dan kurma(29). Dan kebun-kebun yang merimbun subur(30). Serta buah-buahan dan rumput rampai(31). Untuk keni'matan kamu dan ternakan kamu."(32)

(Surah 'Abasa)

Dan ketika ia membaca:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلۡكَرِيمِ ٦

ٱلَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ٧

فِيٓ أَيِّ صُورَةٖ مَّا شَآءَ رَكَّبَكَ ٨

"Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?(6). Yang telah menciptakanmu dan menyempurnakan kejadianmu serta mengimbangkan (segala bahagian) dirimu(7). Ia berkuasa menyusun rupamu dengan apa sahaja bentuk yang dikehendaki-Nya."(8)

(Surah al-Infitar)

سَبِّحِ ٱسۡمَ رَبِّكَ ٱلۡأَعۡلَى ١ ٱلَّذِي خَلَقَ فَسَوَّىٰ ٢

وَٱلَّذِي قَدَّرَ فَهَدَىٰ ٣ وَٱلَّذِيٓ أَخۡرَجَ ٱلۡمَرۡعَىٰ ٤

فَجَعَلَهُۥ غُثَآءً أَحۡوَىٰ ٥

"Sucikanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi(1). Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan-Nya dan memberi petunjuk(3). Dan yang mengeluarkan rumput (untuk ternakan)(4). Kemudian Ia jadikan rumput (yang hijau) itu kering hitam kekuning-kuningan."(5)

(Surah al-A'la)

لَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ فِيٓ أَحۡسَنِ تَقۡوِيمٖ ٤

ثُمَّ رَدَدۡنَٰهُ أَسۡفَلَ سَٰفِلِينَ ٥

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَلَهُمۡ أَجۡرٌ غَيۡرُ
مَمۡنُونٖ ٦

فَمَا يُكَذِّبُكَ بَعۡدُ بِٱلدِّينِ ٧

أَلَيۡسَ ٱللَّهُ بِأَحۡكَمِ ٱلۡحَٰكِمِينَ ٨

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dengan bentuk kejadian yang sebaik-baiknya(4). Kemudian Kami kembalikannya ke tingkat yang sebawah-bawahnya (dengan sebab kekufuran)(5). Kecuali orang-orang yang beriman dan melakukan amalan-amalan yang salih, maka untuk mereka pahala yang tiada berkeputusan(6). Oleh itu, apakah sebab yang menjadikan engkau mendustakan agama (sesudah datang kepadamu keterangan yang jelas)?(7). Bukankah Allah itu hakim yang paling adil?"(8)

(Surah at-Tin)

Dan ketika ia membaca:

إِذَا ٱلشَّمۡسُ كُوِّرَتۡ ١

وَإِذَا ٱلنُّجُومُ ٱنكَدَرَتۡ ٢

وَإِذَا ٱلۡجِبَالُ سُيِّرَتۡ ٣

وَإِذَا ٱلۡوُحُوشُ حُشِرَتۡ ٥

وَإِذَا ٱلۡبِحَارُ سُجِّرَتۡ ٦

وَإِذَا ٱلۡعِشَارُ عُطِّلَتۡ ٤

وَإِذَا ٱلنُّفُوسُ زُوِّجَتۡ ٧

وَإِذَا ٱلۡمَوۡءُۥدَةُ سُئِلَتۡ ٨

بِأَيِّ ذَنۢبٖ قُتِلَتۡ ٩ وَإِذَا ٱلصُّحُفُ نُشِرَتۡ ١٠

وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ كُشِطَتۡ ١١

وَإِذَا ٱلۡجَحِيمُ سُعِّرَتۡ ١٢ وَإِذَا ٱلۡجَنَّةُ أُزۡلِفَتۡ ١٣

عَلِمَتۡ نَفۡسٞ مَّآ أَحۡضَرَتۡ ١٤

"Apabila matahari digulung dan dipadamkan cahayanya(1). Dan apabila bintang-bintang bertaburan (2). Dan apabila gunung-ganang dihancurleburkan(3). Dan apabila unta-unta bunting (yang disayangi) itu dibiarkan(4). Dan apabila binatang-binatang liar dikumpulkan. (5). Dan apabila lautan-lautan dinyalakan (6). Dan apabila roh-roh dicantumkan kembali dengan jasad-jasadnya(7). Dan apabila bayi perempuan yang ditanam hidup-hidup itu ditanyakan(8). Kerana dosa apakah dia dibunuh?(9). Dan apabila surat-surat amalan dibentangkan. (10). Dan apabila langit dihapuskan(11). Dan apabila Neraka dinyalakan(12). Dan apabila Syurga didekatkan(13). Barulah setiap orang mengetahui apa yang telah dilakukannya."(14)

(Surah at-Takwir)

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنفَطَرَتۡ ١

وَإِذَا ٱلۡكَوَاكِبُ ٱنتَثَرَتۡ ٢

وَإِذَا ٱلۡبِحَارُ فُجِّرَتۡ ٣

وَإِذَا ٱلۡقُبُورُ بُعۡثِرَتۡ ٤

عَلِمَتۡ نَفۡسٞ مَّا قَدَّمَتۡ وَأَخَّرَتۡ ٥

"Apabila langit terbelah(1). Dan apabila bintang gugur bertaburan(2). Dan apabila lautan-lautan telah dipecahkan(3). Dan apabila kubur-kubur telah dibongkarkan(4). Barulah setiap manusia mengetahui apa yang telah dilakukannya dahulu dan apa yang telah dilakukannya kemudian."(5)

(Surah al-Infitar)

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنشَقَّتۡ ﴿١﴾ وَأَذِنَتۡ لِرَبِّهَا وَحُقَّتۡ ﴿٢﴾
وَإِذَا ٱلۡأَرۡضُ مُدَّتۡ ﴿٣﴾ وَأَلۡقَتۡ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتۡ ﴿٤﴾
وَأَذِنَتۡ لِرَبِّهَا وَحُقَّتۡ ﴿٥﴾

"Apabila langit pecah terbelah(1). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah(2). Dan apabila bumi ditarik luas(3). Dan meluahkan keluar isi kandungannya dan menjadi kosong(4). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah."(5)

(Surah al-Insyiqaq)

إِذَا زُلۡزِلَتِ ٱلۡأَرۡضُ زِلۡزَالَهَا ﴿١﴾
وَأَخۡرَجَتِ ٱلۡأَرۡضُ أَثۡقَالَهَا ﴿٢﴾
وَقَالَ ٱلۡإِنسَٰنُ مَا لَهَا ﴿٣﴾ يَوۡمَئِذٖ تُحَدِّثُ أَخۡبَارَهَا ﴿٤﴾
بِأَنَّ رَبَّكَ أَوۡحَىٰ لَهَا ﴿٥﴾

"Apabila bumi digegarkan sedahsyat-dahsyat gegarannya (1). Dan bumi telah mengeluarkan isi kandungannya(2). Dan manusia berkata (ketakutan) mengapa bumi jadi begitu?(3). Pada hari itu bumi akan menceritakan berita-berita yang berlaku kepadanya(4). Bahawa apa yang berlaku itu adalah disebabkan kerana Tuhanmu telah memerintahnya (supaya berlaku demikian)."(5)

(Surah al-Zalzalah)

Dan ketika ia membaca ayat-ayat yang menggambarkan pemandangan alam di permulaan surah-surah atau di tengah-tengahnya seperti:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِٱلۡخُنَّسِ ﴿١٥﴾ ٱلۡجَوَارِ ٱلۡكُنَّسِ ﴿١٦﴾
وَٱلَّيۡلِ إِذَا عَسۡعَسَ ﴿١٧﴾ وَٱلصُّبۡحِ إِذَا تَنَفَّسَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya aku bersumpah dengan bintang-bintang(15). Iaitu bintang-bintang yang beredar yang muncul dan menghilang(16). Dan demi malam ketika ia menggelap(17). Dan demi pagi ketika ia mula bernafas."(18)

(Surah at-Takwir)

فَلَآ أُقۡسِمُ بِٱلشَّفَقِ ﴿١٦﴾
وَٱلَّيۡلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾ وَٱلۡقَمَرِ إِذَا ٱتَّسَقَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya aku bersumpah dengan cahaya merah (di waktu senja)(16). Dan demi malam dan segala apa yang dilindunginya(17). Dan demi bulan ketika ia mengambang penuh purnama."(18)

(Surah al-Insyiqaq)

وَٱلۡفَجۡرِ ﴿١﴾ وَلَيَالٍ عَشۡرٖ ﴿٢﴾
وَٱلشَّفۡعِ وَٱلۡوَتۡرِ ﴿٣﴾ وَٱلَّيۡلِ إِذَا يَسۡرِ ﴿٤﴾

"Demi waktu fajar(1). Dan demi (kelebihan) malam-malam yang sepuluh(2). Dan demi (solat) yang genap dan yang ganjil(3). Dan demi (keindahan) malam ketika ia berlalu."(4)

(Surah al-Fajr)

وَٱلشَّمۡسِ وَضُحَىٰهَا ﴿١﴾
وَٱلۡقَمَرِ إِذَا تَلَىٰهَا ﴿٢﴾ وَٱلنَّهَارِ إِذَا جَلَّىٰهَا ﴿٣﴾
وَٱلَّيۡلِ إِذَا يَغۡشَىٰهَا ﴿٤﴾ وَٱلسَّمَآءِ وَمَا بَنَىٰهَا ﴿٥﴾
وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا طَحَىٰهَا ﴿٦﴾
وَنَفۡسٖ وَمَا سَوَّىٰهَا ﴿٧﴾
فَأَلۡهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقۡوَىٰهَا ﴿٨﴾

"Demi cahaya matahari dan cahaya pagi yang terang benderang(1). Dan demi bulan yang mengiringinya (selepas ia terbenam)(2). Dan demi siang ketika ia menampakkannya (matahari) begitu jelas(3). Dan demi malam ketika ia melindunginya (matahari) (4). Dan demi langit dan pembinaannya yang rapi(5). Dan demi bumi dan penghamparannya yang terbentang luas(6). Dan demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna(7). Kemudian Allah mengilhamkan kepadanya jalan kejahatannya dan jalan taqwanya."(8)

(Surah as-Syams)

وَٱلَّيۡلِ إِذَا يَغۡشَىٰ ﴿١﴾ وَٱلنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّىٰ ﴿٢﴾
وَمَا خَلَقَ ٱلذَّكَرَ وَٱلۡأُنثَىٰٓ ﴿٣﴾

"Demi malam ketika ia menyelubungi (siang dengan gelap-gelitanya)(1). Dan demi siang ketika ia terserlah terang benderang(2). Dan demi Pencipta yang menjadikan lelaki dan perempuan."(3)

(Surah al-Layl)

وَٱلضُّحَىٰ ﴿١﴾ وَٱلَّيۡلِ إِذَا سَجَىٰ ﴿٢﴾

"Demi waktu pagi(1). Dan demi waktu malam ketika sunyi sepi."(2)

(Surah adh-Dhuha)

Dan sebagainya...

Tumpuan Pembicaraan Surah-surah Juzu' 'Amma

Dalam seluruh Juzu' 'Amma, pembicaraan dipusatkan pada asal-usul kejadian-kejadian manusia dan hidupan-hidupan yang lain seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan, pada pemandangan-pemandangan alam dan kejadian-kejadian yang membuktikan kekuasaan Allah yang terdapat dalam kitab alam-Nya yang terbuka lebar, pada pemandangan-pemandangan Qiamat yang dahsyat, pemandangan-pemandangan Hisab dan balasan-balasan ni'mat dan 'azab dalam bentuk-bentuk yang mengerikan dan pemandangan-pemandangan yang menggegarkan hati seperti pemandangan-pemandangan Qiamat, dan semuanya digunakan sebagai bukti-bukti penciptaan, pentadbiran Allah dan kewujudan alam Akhirat dan neraca-neraca pertimbangan-Nya yang tegas disertakan dengan kecaman, ancaman dan peringatan, dan kadang-kadang disertai dengan gambaran-gambaran kebinasaan pendusta-pendusta zaman lampau. Seluruh juzu' ini menjadi contoh-contohnya, tetapi dalam kata pendahuluan ini kami hanya mengemukakan beberapa contoh sahaja.

Seluruh surah ini - Surah an-Naba' - merupakan satu contoh pemusatan, pembicaraan yang lengkap mengenai hakikat-hakikat dan pemandangan-pemandangan tersebut, sama seperti Surah An-Naazi'aat. Surah 'Abasa pula mengandungi muqaddimah yang memperkatakan peristiwa tertentu dari peristiwa da'wah, dan seluruh yang bakinya memperkatakan tentang asal usul kehidupan manusia dan kehidupan tumbuh-tumbuhan dan seterusnya memperkatakan Hari Qiamat:

يَوْمَ يَفِرُّ ٱلْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ﴿٣٤﴾
وَأُمِّهِۦ وَأَبِيهِ ﴿٣٥﴾ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَبَنِيهِ ﴿٣٦﴾
لِكُلِّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾
وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ مُّسْفِرَةٌ ﴿٣٨﴾
ضَاحِكَةٌ مُّسْتَبْشِرَةٌ ﴿٣٩﴾
وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ عَلَيْهَا غَبَرَةٌ ﴿٤٠﴾
تَرْهَقُهَا قَتَرَةٌ ﴿٤١﴾

"Pada hari itu, setiap orang lari dari saudaranya(34). Dari ibu dan bapanya(35). Dari isteri dan anak-anaknya(36). Pada hari itu, setiap orang dari mereka sibuk dengan urusan diri masing-masing (37). Pada hari itu, muka orang-orang (Mu'min) berseri-seri(38). Senyum ketawa dan gembira(39). Pada hari itu, muka orang-orang (kafir) comot berdebu(40). Diselubungi suram muram."(41)

(Surah 'Abasa)

Surah at-Takwir menggambarkan revolusi alam buana yang amat dahsyat pada hari Qiamat, di samping menayangkan pemandangan-pemandangan alam yang menarik dalam bentuk sumpah untuk menjelaskan hakikat wahyu dan kebenaran Rasulullah s.a.w.

Demikian juga Surah al-Infitar membentangkan pemandangan-pemandangan revolusi alam di samping menunjukkan pemandangan-pemandangan ni'mat dan 'azab dan menyedarkan hati manusia di hadapan pemandangan-pemandangan itu:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلْكَرِيمِ ﴿٦﴾

"Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?"(6)

(Surah al-Infitar)

Surah al-Insyiqaq juga menunjukkan pemandangan-pemandangan revolusi alam dan pemandangan-pemandangan ni'mat dan 'azab. Surah al-Buruj memberi gambaran sepintas lalu di sekitar pemandangan-pemandangan alam, pemandangan-pemandangan hari yang dijanjikan sehubungan dengan kisah orang-orang kafir yang menyeksakan sekumpulan orang-orang Mu'min di dunia dengan api, dan bagaimana Allah akan mengazabkan orang-orang yang kafir itu di Akhirat dengan 'azab api Neraka yang lebih dahsyat.

Surah at-Tariq menayangkan pemandangan-pemandangan alam buana di samping menerangkan asal usul kejadian manusia dan kejadian tumbuh-tumbuhan dalam bentuk sumpah, untuk menegakkan hakikat Al-Qur'an:

إِنَّهُۥ لَقَوْلٌ فَصْلٌ ﴿١٣﴾ وَمَا هُوَ بِٱلْهَزْلِ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya ayat-ayat Al-Qur'an itu ialah kata-kata pemutus(13).Dan bukannya kata-kata senda gurau."(14)

(Surah at-Tariq)

Surah al-A'la membicarakan tentang penciptaan, penyusunan yang sempurna, penentuan taqdir masing-masing dan pengurniaan hidayat Allah, tentang kejadian tumbuh-tumbuhan dan peringkat-peringkat perkembangannya sebagai pendahuluan bagi pembicaraan mengenai penyampaian peringatan, alam Akhirat, Hisab dan Balasan.

Surah al-Ghasyiyah menggambarkan pemandangan-pemandangan ni'mat dan 'azab, kemudian disusul dengan arahan supaya memikirkan kejadian unta, langit, bumi dan gunung-ganang. Begitulah seterusnya hingga ke akhir Juzu' 'Amma kecuali surah-surah kecil yang memperkatakan persoalan 'aqidah dan iman seperti Surah al-Ikhlas, Surah al-Kafirun, Surah al-al-Ma'un, Surah al-'Asr, Surah al-Qadr dan Surah an-Nasr atau surah-surah yang menghiburkan Rasulullah s.a.w. dan mengarahkan beliau supaya berlindung pada

Tuhannya dari segala bahaya, kejahatan dan bencana seperti Surah-surah adh-Dhuha, al-Insyirah, al-Kauthar, dan an-Nas yang semuanya merupakan surah-surah yang sedikit.

* * * * * *

Gaya Pengucapan Di Dalam Surah-surah Juzu' 'Amma

Satu lagi gejala yang jelas dalam gaya pengungkapan Juzu' 'Amma iaitu cara dan gaya pengucapan atau pengungkapannya begitu indah disertakan dengan sentuhan-sentuhan yang dituju untuk menggambarkan titik-titik keindahan alam dan jiwa, juga cara-cara penjelasannya yang seni dan menarik dalam membentangkan gambaran-gambaran, bayangan, nada-nadanya yang indah, bunyi-bunyi akhir kata dan ceraian-ceraian kata yang seimbang. Semuanya selaras dan sesuai dengan sifat Juzu' 'Amma yang berbicara dengan manusia-manusia yang lalai dan tidur untuk menggerakkan mereka dan menarik hati dan pancaindera mereka dengan menggunakan berbagai-bagai cara, berbagai-bagai nada dan berbagai-bagai bukti yang berkesan. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam pengungkapannya yang indah mengenai bintang-bintang yang muncut dan menghilang laksana kijang yang bersembunyi di sarangnya kemudian keluar menampakkan dirinya. Dan dalam pengungkapannya yang menggambarkan malam seolah-olah makhluk hidup yang merangkak di dalam gelap-gelita, dan menggambarkan waktu pagi seolah-olah makhluk hidup yang bernafas dengan cahaya siang:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِٱلۡخُنَّسِ ١٥ ٱلۡجَوَارِ ٱلۡكُنَّسِ ١٦
وَٱلَّيۡلِ إِذَا عَسۡعَسَ ١٧ وَٱلصُّبۡحِ إِذَا تَنَفَّسَ ١٨

"Sesungguhnya aku bersumpah dengan bintang-bintang(15). Iaitu bintang-bintang yang beredar yang muncul dan menghilang(16). Dan demi malam ketika ia menggelap(17). Dan demi pagi ketika ia mula bernafas."(18)

(Surah at-Takwir)

Juga dalam pengungkapannya yang menggambarkan pemandangan-pemandangan waktu matahari terbenam, pemandangan malam dan bulan:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِٱلشَّفَقِ ١٦
وَٱلَّيۡلِ وَمَا وَسَقَ ١٧
وَٱلۡقَمَرِ إِذَا ٱتَّسَقَ ١٨

"Sesungguhnya aku bersumpah dengan cahaya merah (di waktu senja)(16). Dan demi malam dan segala apa yang dilindunginya(17). Demi bulan ketika ia mengambang penuh purnama."(18)

(Surah al-Insyiqaq)

Juga dalam pengungkapannya yang menggambarkan pemandangan waktu fajar dan waktu malam ketika ia berlalu:

وَٱلۡفَجۡرِ ١ وَلَيَالٍ عَشۡرٖ ٢
وَٱلشَّفۡعِ وَٱلۡوَتۡرِ ٣ وَٱلَّيۡلِ إِذَا يَسۡرِ ٤

"Demi waktu fajar(1). Dan demi (kelebihan) malam-malam yang sepuluh(2). Dan demi (solat) yang genap dan yang ganjil(3). Dan demi (keindahan) malam ketika ia berlalu."(4)

(Surah al-Fajr)

وَٱلضُّحَىٰ ١ وَٱلَّيۡلِ إِذَا سَجَىٰ ٢

"Demi waktu pagi(1). Dan demi waktu malam ketika sunyi sepi."(2)

(Surah adh-Dhuha)

Juga dalam seruannya yang menimbulkan kesedaran dalam hati manusia:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلۡكَرِيمِ ٦
ٱلَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ٧

"Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya, (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?(6). Yang telah menciptakanmu dan menyempurnakan kejadianmu serta mengimbangkan (segala bahagian) dirimu."(7)

(Surah al-Infitar)

Dan dalam pengungkapannya yang menggambarkan Syurga:

وُجُوهٞ يَوۡمَئِذٖ نَّاعِمَةٞ ٨ لِّسَعۡيِهَا رَاضِيَةٞ ٩
فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٖ ١٠ لَّا تَسۡمَعُ فِيهَا لَٰغِيَةٗ ١١

"Pada hari itu, muka orang-orang Mu'min cantik berseri(8). Kerana mereka berpuashati dengan amalan-amalan mereka (ketika menerima balasan)(9). Mereka ditempatkan di dalam Syurga yang tinggi(10). Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang kosong dan sia-sia."(11)

(Surah al-Ghasyiyah)

Dan seterusnya dalam pengungkapannya yang menggambarkan Neraka.

وَأَمَّا مَنۡ خَفَّتۡ مَوَٰزِينُهُۥ ٨ فَأُمُّهُۥ هَاوِيَةٞ ٩
وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا هِيَهۡ ١٠ نَارٌ حَامِيَةُۢ ١١

"Dan barang siapa yang ringan timbangan amalannya(8). Maka tempat kembalinya ialah Neraka Hawiyah(9). Dan tahukah engkau apakah Neraka Hawiyah itu?(10). Itulah Neraka yang amat panas."(11)

(Surah al-Qari'ah)

Keindahan pengungkapan Al-Qur'an amadah jelas, iaitu sejelas tujuan sentuhan-sentuhannya yang indah ketika menayangkan pemandangan-pemandangan alam dan isi kandungan jiwa manusia.

Cara pengungkapan Al-Qur'an yang kadang-kadang melencong dari menggunakan kata-kata yang langsung kepada kata-kata yang tidak langsung, dari kata-kata yang dekat kepada kata-kata yang jauh untuk mendapatkan bunyi yang dikehendaki itu adalah di antara bukti yang menguatkan pemandangan ini di sepanjang juzu' ini secara lebih kurang.

Surah an-Naba' ini merupakan satu contoh dari arah aliran Juzu' 'Amma dari segi pokok-pokok pembicaraannya, hakikat-hakikat yang dijelaskannya, nada-nada yang digunakannya, pemandangan-pemandangan yang ditayangkannya, gambaran-gambarannya, bayangan-bayangannya, irama-iramanya dan sentuhan-sentuhannya mengenai alam, jiwa manusia, kehidupan dunia dan kehidupan Akhirat, pemilihan kata-kata dan susunan kata-katanya yang meninggalkan kesan yang mendalam dalam perasaan dan hati manusia.

Penonjolan Persoalan Qiamat

Surah ini dimulakan dengan satu pertanyaan yang menarik untuk membesar-besarkan persoalan Qiamat yang dipertikaikan mereka. Qiamat adalah satu persoalan yang amat besar dan amat jelas, tiada sebarang kesamaran dan keraguan lagi. Kemudian pertanyaan itu diiringi dengan ancaman Hari Qiamat yang akan mereka ketahui hakikatnya:

عَمَّ يَتَسَآءَلُونَ ﴿١﴾ عَنِ ٱلنَّبَإِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٢﴾
ٱلَّذِى هُمْ فِيهِ مُخْتَلِفُونَ ﴿٣﴾ كَلَّا سَيَعْلَمُونَ ﴿٤﴾
ثُمَّ كَلَّا سَيَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

"Tentang apakah mereka saling bertanya?(1). Tentang berita yang amat besar(2). Yang mereka pertikaikan kebenarannya(3). Tidak sekali-kali begitu, mereka akan mengetahui (kebenarannya)(4). Kemudian, tidak sekali-kali begitu, mereka akan mengetahui (kebenarannya)."(5)

Kejadian-kejadian Yang Membayangkan Kewujudan Pentadbiran Ilahi

Kemudian ia beralih sebentar dari pembicaraan berita Qiamat dan menarik perhatian mereka kepada perkara-perkara yang berlaku di hadapan dan di sekeliling mereka, iaitu berlaku pada diri mereka sendiri dan pada alam di sekitar mereka, iaitu kejadian-kejadian yang dapat menunjukkan hakikat tadbir yang wujud di sebaliknya yang akan diterangkan nanti:

أَلَمْ نَجْعَلِ ٱلْأَرْضَ مِهَٰدًا ﴿٦﴾ وَٱلْجِبَالَ أَوْتَادًا ﴿٧﴾
وَخَلَقْنَٰكُمْ أَزْوَٰجًا ﴿٨﴾
وَجَعَلْنَا نَوْمَكُمْ سُبَاتًا ﴿٩﴾
وَجَعَلْنَا ٱلَّيْلَ لِبَاسًا ﴿١٠﴾
وَجَعَلْنَا ٱلنَّهَارَ مَعَاشًا ﴿١١﴾
وَبَنَيْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعًا شِدَادًا ﴿١٢﴾
وَجَعَلْنَا سِرَاجًا وَهَّاجًا ﴿١٣﴾
وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلْمُعْصِرَٰتِ مَآءً ثَجَّاجًا ﴿١٤﴾
لِّنُخْرِجَ بِهِۦ حَبًّا وَنَبَاتًا ﴿١٥﴾ وَجَنَّٰتٍ أَلْفَافًا ﴿١٦﴾

"Bukankah Kami ciptakan bumi terhampar luas?(6). Dan gunung-ganang sebagai pasak-pasak bumi?(7). Dan bukankah Kami ciptakan kamu berpasang-pasangan?(8). Dan bukankah Kami jadikan tidur kamu suatu kerehatan?(9). Dan bukankah Kami jadikan malam sebagai kain tabir?(10). Dan bukankah Kami jadikan siang masa mencari kehidupan?(11). Dan bukankah Kami binakan di atas kamu tujuh petala langit yang kukuh?(12). Dan bukankah Kami ciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang?(13). Dan bukankah Kami turunkan dari awan-awan pemerah itu air hujan yang lebat?(14). Supaya dengannya Kami keluarkan biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan(15). Dan kebun-kebun yang bertautan rimbun."(16)

Hakikat Qiamat

Setelah menerangkan berbagai-bagai hakikat, pemandangan, gambaran dan nada, ia kembali semula kepada pembicaraan Qiamat yang agung yang dipertikaikan mereka dan diancamkan kepada mereka untuk menjelaskan hakikat yang sebenar.

إِنَّ يَوْمَ ٱلْفَصْلِ كَانَ مِيقَٰتًا ﴿١٧﴾
يَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ فَتَأْتُونَ أَفْوَاجًا ﴿١٨﴾
وَفُتِحَتِ ٱلسَّمَآءُ فَكَانَتْ أَبْوَٰبًا ﴿١٩﴾
وَسُيِّرَتِ ٱلْجِبَالُ فَكَانَتْ سَرَابًا ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya Hari Pengadilan itu suatu hari yang ditentukan(17). Iaitu hari ditiupkan sangkakala lalu kamu datang (ke Mahsyar) sepuak demi sepuak(18). Dan langit pun dibuka lalu ia jadi berpintu-pintu(19). Dan gunung-ganang dihancurleburkan lalu ia jadi seperti fatamorgana."(20)

Pemandangan 'Azab Di Dalam Neraka Jahannam

Kemudian ditayangkan pemandangan 'azab dengan segala kedahsyatan:

إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا ﴿٢١﴾ لِّلطَّٰغِينَ مَـَٔابًا ﴿٢٢﴾
لَّٰبِثِينَ فِيهَآ أَحْقَابًا ﴿٢٣﴾
لَّا يَذُوقُونَ فِيهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا ﴿٢٤﴾
إِلَّا حَمِيمًا وَغَسَّاقًا ﴿٢٥﴾ جَزَآءً وِفَاقًا ﴿٢٦﴾
إِنَّهُمْ كَانُوا۟ لَا يَرْجُونَ حِسَابًا ﴿٢٧﴾
وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا كِذَّابًا ﴿٢٨﴾
وَكُلَّ شَىْءٍ أَحْصَيْنَٰهُ كِتَٰبًا ﴿٢٩﴾
فَذُوقُوا۟ فَلَن نَّزِيدَكُمْ إِلَّا عَذَابًا ﴿٣٠﴾

"Sesungguhnya Neraka adalah tempat pengawasan yang rapi(21). Sebagai tempat kembali bagi orang-orang yang melampaui (batas-batas Allah)(22). Mereka akan tinggal kekal di dalamnya abad demi abad(23). Mereka tidak akan merasa dingin dan tidak akan mengecap minuman(24). Kecuali air yang mendidih dan air danur (25). Sebagai balasan yang setimpal(26). Mereka dahulu tidak mengharapkan adanya Hisab(27). Dan mereka mendustakan ayat-ayat Kami dengan sekeras-keras pendustaan(28). Sedangkan segala sesuatu Kami hitungkannya dengan catatan yang rapi(29). Oleh itu, rasakanlah 'azab itu dan Kami tidak akan tambah kecuali 'azab (yang lebih dahsyat lagi)."(30)

Pemandangan Ni'mat Di Dalam Syurga

Setelah itu ditunjukkan pula pemandangan ni'mat yang melimpah-ruah:

إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ مَفَازًا ﴿٣١﴾ حَدَآئِقَ وَأَعْنَٰبًا ﴿٣٢﴾
وَكَوَاعِبَ أَتْرَابًا ﴿٣٣﴾ وَكَأْسًا دِهَاقًا ﴿٣٤﴾
لَّا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا وَلَا كِذَّٰبًا ﴿٣٥﴾
جَزَآءً مِّن رَّبِّكَ عَطَآءً حِسَابًا ﴿٣٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu memperolehi kejayaan(31). Iaitu taman-taman Syurga dan kebun-kebun anggur(32). Dan bidadari-bidadari remaja yang berdada montok dan sebaya(33). Dan gelas-gelas yang penuh dengan minuman(34). Mereka tidak akan mendengar sebarang percakapan sia-sia dan kata-kata dusta(35). Sebagai balasan, dari Tuhanmu dan sebagai kurnia yang dikira dengan rapi."(36)

Surah ini ditamatkan dengan satu pernyataan yang amat besar dari segi hakikat dan pemandangan yang ditayangkannya, juga dengan memberi amaran dan peringatan sebelum tibanya Hari Qiamat di mana munculnya pemandangan yang hebat ini:

رَّبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ٱلرَّحْمَٰنِ لَا يَمْلِكُونَ
مِنْهُ خِطَابًا ﴿٣٧﴾
يَوْمَ يَقُومُ ٱلرُّوحُ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ صَفًّا لَّا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ
أَذِنَ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ وَقَالَ صَوَابًا ﴿٣٨﴾
ذَٰلِكَ ٱلْيَوْمُ ٱلْحَقُّ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ مَـَٔابًا ﴿٣٩﴾
إِنَّآ أَنذَرْنَٰكُمْ عَذَابًا قَرِيبًا يَوْمَ يَنظُرُ ٱلْمَرْءُ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ
وَيَقُولُ ٱلْكَافِرُ يَٰلَيْتَنِى كُنتُ تُرَٰبًۢا ﴿٤٠﴾

"Iaitu Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya dan Yang Maha Penyayang. Mereka tidak berupaya untuk berbicara dengan-Nya(37). Pada hari Jibril dan para malaikat berdiri berjajar, mereka tidak bercakap melainkan siapa yang diizinkan Allah Yang Maha Penyayang dan berkata benar(38). Itulah hari yang benar. Oleh itu, siapa yang mahukan (kejayaan) hendaklah ia memilih jalan kembali kepada Tuhannya(39). Sesungguhnya Kami memberi amaran kepada kamu terhadap 'azab yang amat dekat, pada hari itu, setiap orang akan melihat apa yang telah dilakukan oleh dua tangannya dan setiap orang kafir akan berkata: Alangkah baiknya jika aku jadi tanah!"(40)

Itulah berita Qiamat yang agung yang mereka saling bertanya tentangnya, dan itulah peristiwa-peristiwa yang akan berlaku pada hati mereka mengetahui berita Qiamat besar itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Mempertikaikan Hari Qiamat

عَمَّ يَتَسَآءَلُونَ ﴿١﴾

"Tentang apakah mereka saling bertanya?"(1)

Pendahuluan ini mengecam sikap orang-orang kafir yang bertanya-tanya tentang Hari Qiamat dan melahirkan kehairanan terhadap mereka kerana menjadikan Qiamat sebagai bahan tanya menanya. Mereka bertanya dan berdebat meragui kedatangan Qiamat. Mereka hampir-hampir tidak dapat memahami kemungkinan berlakunya Hari Qiamat itu, sedangkan Qiamat merupakan sesuatu yang paling wajar berlaku:

عَمَّ يَتَسَآءَلُونَ ﴿١﴾

"Tentang apakah mereka saling bertanya?"(1)

Yakni mereka bercakap-cakap tentang apa?

Pertanyaan itu bukan dituju untuk mendapatkan jawapan dari mereka, bahkan dituju untuk melahirkan rasa hairan dan takjub terhadap keganjilan sikap mereka yang masih bertanya-tanya tentang Qiamat itu. Kemudian dijawab dengan menerangkan hakikat dan sifat Qiamat yang ditanyakan mereka:

عَنِ النَّبَإِ الْعَظِيمِ ﴿٢﴾ الَّذِي هُمْ فِيهِ مُخْتَلِفُونَ ﴿٣﴾

"Tentang berita yang amat besar.(2) Yang mereka pertikaikan kebenarannya."(3)

Di sini Al-Qur'an tidak menyebut perkara yang dipertikaikan itu dengan kata-katanya yang tepat, malah ia menyebut perkara itu sebagai **"berita yang amat besar"**. Inilah uslub melahirkan kehairanan dan membesar-besarkan persoalan itu.

Perselisihan tentang kebenaran Hari Qiamat itu telah berlaku di antara orang-orang yang beriman dan orang-orang yang kafir. Dan golongan yang bertanya itu ialah golongan yang kafir sahaja. Al-Qur'an tidak menerangkan hakikat berita Qiamat yang ditanya-tanyakan itu, malah ia hanya sifatkannya sebagai berita yang amat besar. Kemudian ia memberi ancaman secara halus, dan ancaman ini lebih berkesan dari jawapan secara langsung dan lebih menakutkan:

كَلَّا سَيَعْلَمُونَ ﴿٤﴾ ثُمَّ كَلَّا سَيَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

"Tidak sekali-kali begitu, mereka akan mengetahui (kebenarannya)(4). Kemudian, tidak sekali-kali begitu, mereka akan mengetahui (kebenarannya)."(5)

Kata-kata كَلَّا digunakan untuk menyatakan bantahan dan penolakan dan ia amat sesuai di sini dengan bayangan pengertian yang hendak disampaikan oleh ayat ini. Ulangan kata-kata itu mengandungi ancaman.

Penjelajahan Sepintas Di Alam Buana

Kemudian Al-Qur'an meninggalkan pembicaraan berita yang agung itu untuk menjelajah sebentar di dalam alam buana dengan makhluk-makhluk, hakikat-hakikat, gejala-gejala dan pemandangan-pemandangan yang boleh membawa kepada keinsafan:

أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ مِهَادًا ﴿٦﴾ وَالْجِبَالَ أَوْتَادًا ﴿٧﴾

وَخَلَقْنَاكُمْ أَزْوَاجًا ﴿٨﴾

وَجَعَلْنَا نَوْمَكُمْ سُبَاتًا ﴿٩﴾

وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ لِبَاسًا ﴿١٠﴾

وَجَعَلْنَا النَّهَارَ مَعَاشًا ﴿١١﴾

وَبَنَيْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعًا شِدَادًا ﴿١٢﴾

وَجَعَلْنَا سِرَاجًا وَهَّاجًا ﴿١٣﴾

وَأَنزَلْنَا مِنَ الْمُعْصِرَاتِ مَاءً ثَجَّاجًا ﴿١٤﴾

لِّنُخْرِجَ بِهِ حَبًّا وَنَبَاتًا ﴿١٥﴾ وَجَنَّاتٍ أَلْفَافًا ﴿١٦﴾

"Bukankah Kami ciptakan bumi terhampar luas?(6). Dan gunung-ganang sebagai pasak-pasak bumi?(7). Dan bukankah Kami ciptakan kamu berpasang-pasangan?(8). Dan bukankah Kami jadikan tidur kamu suatu kerehatan?(9). Dan bukankah Kami jadikan malam sebagai kain tabir?(10). Dan bukankah Kami jadikan siang masa mencari kehidupan?(11). Dan bukankah Kami binakan di atas kamu tujuh petala langit yang kukuh?(12). Dan bukankah Kami ciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang?(13). Dan bukankah Kami turunkan dari awan-awan pemerah itu air hujan yang lebat?(14). Supaya dengannya Kami keluarkan biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan(15). Dan kebun-kebun yang bertautan rimbun."(16)

Akal Pentadbiran Di Sebalik Kejadian-kejadian Alam

Penjelajahan ke alam buana yang luas dengan berbagai-bagai pemandangan dan gambaran itu dirakamkan dengan kata-kata dan ungkapan yang ringkas dan padat, yang melahirkan kesan yang tajam menembusi hati manusia. Ungkapan-ungkapan itu merupakan seolah-olah tukul yang mengetuk bertubi-tubi, tanpa jemu dan tanpa putus-putus. Begitu juga pengucapan dalam bentuk pertanyaan-pertanyaan itu merupakan seolah-olah tangan yang kuat yang menggoncangkan insan-insan yang lalai itu supaya memerhati dan meneliti makhluk-makhluk dan gejala-gejala alam itu, dan seluruh kejadian itu membayangkan tadbir dan perencanaan Allah yang rapi, dan membuktikan kekuasaan-Nya untuk menciptakan mereka kembali sesudah mati, juga menunjukkan hikmat Allah bahawa ia tidak akan meninggalkan manusia percuma tanpa Hisab dan Balasan. Di sinilah penjelajahan itu bertemu dengan berita Qiamat yang amat besar yang dipertikaikan oleh orang-orang yang kafir itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 7)

Sentuhan pertama dalam pusingan ini ialah mengenai kejadian bumi dan gunung-ganang:

أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ مِهَادًا ﴿٦﴾ وَالْجِبَالَ أَوْتَادًا ﴿٧﴾

"Bukankah Kami ciptakan bumi terhampar luas?(6). Dan gunung-ganang sebagai pasak-pasak bumi?"(7)

Penciptaan Bumi Dan Gunung-ganang

Kejadian bumi yang terhampar itu merupakan hakikat yang dapat dilihat oleh semua manusia dalam apa sahaja peringkat kemajuan dan ilmu pengetahuan

mereka. Ia tidak memerlukan kepada ilmu yang banyak untuk memahami hakikat ini dalam bentuknya yang nyata itu. Begitu juga kejadian bukit-bukau dan gunung-ganang sebagai pasak-pasak bumi merupakan gejala yang dapat dilihat oleh mata semua manusia walaupun manusia jakun. Dan kejadian-kejadian ini mencetuskan kesan di dalam hati apabila dipandang dengan jiwa yang insaf.

Tetapi hakikat kejadian-kejadian itu adalah lebih besar dan lebih luas dari apa yang dirasakan oleh manusia jakun dengan hatinya yang kosong. Semakin maju dan tinggi ilmu pengetahuan manusia mengenai rahsia-rahsia alam dan peringkat-peringkat perkembangannya semakin besarlah hakikat ini di dalam jiwanya dan dia akan sedar bahawa di belakang kejadian-kejadian alam itu terdapat perencanaan dan tadbir Allah Yang Maha Besar dan Maha Bijaksana yang telah mengatur dan menyelaraskan di antara individu-individu semua makhluk dan keperluan-keperluan mereka masing-masing, dan melengkapkan bumi ini untuk kehidupan insan dan melengkapkan insan untuk membolehkannya menyesuaikan diri dan bersefahaman dengan alam sekitar.

Penciptaan bumi yang memberi kemudahan dan keselesaan hidup terutama hidup manusia merupakan satu saksi yang kuat adanya akal pentadbir di sebalik alam yang nyata ini, kerana jika kerosakan dan kekacauan berlaku pada mana-mana hubungan dari hubungan-hubungan yang diperlukan untuk mewujudkan bumi seperti keadaannya yang ada sekarang, atau jika kerosakan dan kekacauan berlaku pada mana-mana hubungan dari hubungan yang diperlukan untuk mewujudkan hidupan-hidupan di bumi ini, atau jika kerosakan dan kekacauan berlaku di sana sini, maka bumi tidak akan menjadi tempat yang selesa lagi seperti yang diisyaratkan oleh Al-Qur'an dengan ungkapannya yang ringkas itu supaya setiap orang dapat memahaminya mengikut darjah ilmu pengetahuan dan kefahaman masing-masing.

Penciptaan bukit-bukau dan gunung-ganang sebagai pasak-pasak bumi dapat difahami oleh semua manusia dengan pandangan mata kasarnya. Ia serupa dengan pasak-pasak yang meregangkan bangunan khemah. Hakikat ini kita terima dari Al-Qur'an dan kita faham darinya bahawa bukit-bukau dan gunung-ganang itu meneguhkan kedudukan bumi dan memelihara imbangannya, hal ini mungkin kerana bukit-bukau dan gunung-ganang itu mengimbangi di antara nisbah-nisbah berat kawah-kawah lautan dengan nisbah berat tanah-tanah tinggi di kawasan pergunungan. Dan mungkin juga ia mengimbangi di antara susutan-susutan di dalam bumi dengan susutan di permukaan bumi, dan, mungin pula kerana ia memberatkan bumi di bahagian-bahagian yang tertentu supaya ia tidak terumbang-ambing apabila berlaku gempa-gempa bumi, ledakan-ledakan gunung berapi dan goncangan dalam bumi, Dan mungkin kerana sebab-sebab lain yang belum lagi ditemui, kerana masih banyak undang-undang dan hakikat-hakikat majhul yang diisyaratkan oleh Al-Qur'anul Karim kemudian setelah ratusan tahun barulah manusia dapat mengetahui sebahagiannya sahaja.

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 11)

Penciptaan Lelaki Dan Perempuan

Sentuhan kedua ialah mengenai kejadian manusia yang berpasang-pasangan:

وَخَلَقْنَٰكُمْ أَزْوَٰجًا ٨

"Dan bukankah Kami ciptakan kamu berpasang-pasangan?"(8)

Ini juga suatu gejala yang amat jelas dan dapat difahami dengan mudah oleh semua manusia. Allah 'Azzawajalla telah menciptakan manusia lelaki dan perempuan. Ia jadikan kesinambungan hidup manusia bergantung kepada kelainan jenis suami dan isteri dan kepada percantuman keduanya. Semua manusia dapat memahami gejala ini dan dapat merasakan di sebaliknya kerehatan, kelazatan, keni'matan dan kepulihan tenaga tanpa memerlukan kepada ilmu pengetahuan yang banyak. Kerana itulah Al-Qur'an berbicara begitu dengan manusia dari semua masyarakat supaya mereka dapat memahaminya dan dapat mengambil keinsafan darinya apabila mereka memikirkannya dengan teliti, dan seterusnya dapat merasakan adanya tujuan tertentu dan adanya penyusunan dan pentadbiran Allah di sebalik penciptaan itu.

Di sebalik perasaan yang tidak jelas terhadap nilai hakikat ini terdapat pula perhatian-perhatian yang lain apabila ilmu pengetahuan dan perasaan manusia bertambah tinggi. Misalnya, ada perhatian tentang apakah kuasa pengatur yang menentukan nutfah (mani) ini lelaki dan nutfah itu perempuan sedangkan kedua-duanya tidak mempunyai satu sifat pembeza yang nyata yang membuat nutfah ini mengambil jalannya untuk menjadi anak lelaki dan nutfah itu mengambil jalannya untuk menjadi anak perempuan? Tiada lain melainkan iradat dan qudrat Allah Penciptalah yang mengatur, mengarah dan menaruhkan sifat-sifat yang dikehendaki-Nya pada nutfah itu dan nutfah ini untuk mewujudkan pasangan lelaki dan perempuan yang menyubur dan memajukan hayat manusia.

Rahsia-rahsia Di Sebalik Tidur

وَجَعَلْنَا نَوْمَكُمْ سُبَاتًا ٩

وَجَعَلْنَا ٱلَّيْلَ لِبَاسًا ١٠

وَجَعَلْنَا ٱلنَّهَارَ مَعَاشًا ١١

"Dan bukankah Kami jadikan tidur kamu suatu kerehatan?(9). Dan bukankah Kami jadikan malam sebagai kain tabir?(10). Dan bukankah Kami jadikan siang masa mencari kehidupan?"(11)

Di antara pentadbiran Allah terhadap manusia ialah Ia jadikan tidur suatu kerehatan yang memutuskan mereka dari segala kegiatan beriikir dan bekerja. Ia jadikan mereka dalam satu keadaan tidak mati dan tidak hidup, yang merehatkan tubuh badan dan saraf-saraf mereka, dan memulihkan semula tenaga mereka yang dicurahkan semasa jaga, penat dan semasa sibuk dengan urusan-urusan kehidupan. Semuanya itu berlangsung dengan cara yang aneh yang tidak dapat difaham hakikatnya oleh manusia dan tidak pula dicampurtangan oleh kehendak dan kemahuannya. Manusia tidak mungkin mengetahui bagaimana tidur itu berlangsung pada dirinya. Semasa dalam keadaan jaga ia tidak tahu bagaimana ia dalam keadaan tidur, dan semasa dalam keadaan tidur ia tidak pula dapat memperhatikan proses tidur. Tidur merupakan salah satu rahsia makhluk hidup dan tiada yang mengetahuinya melainkan Pencipta makhluk hidup itu sendiri Allah jadikan setiap yang hidup bergantung kepada tidur, kerana itu tiada yang hidup dapat hidup tanpa tidur kecuali untuk jangka waktu yang terbatas sahaja. Dan andainya dipaksa dengan sarana-sarana yang luar dari dirinya supaya ia terus jaga, maka sudah tentu ia akan binasa.

Tidur mempunyai banyak rahsia selain dari memenuhi kehendak tubuh badan urat saraf. Ia merupakan perdamaian jiwa dari pertarungan hidup yang sengit. Satu perdamaian yang menguasai seseorang hingga ia terpaksa membuang senjata dan perisainya, sama ada ia suka atau tidak suka, dan menyerah diri kepada tempoh perdamaian yang aman tenteram, iaitu tempoh perdamaian yang diperlukan oleh setiap orang sama seperti ia perlukan makanan dan minuman. Kadang-kadang berlaku sesuatu yang hampir serupa dengan mu'jizat-mu'jizat apabila mengantuk menguasai kelopak mata, sedangkan roh berat menderita, dan saraf-saraf tegang, jiwa terganggu dan hati resah gelisah, tiba-tiba mengantuk ini - yang kadang-kadang tidak lebih dari detik-detik yang pendek membawa satu perubahan yang besar kepada seseorang, iaitu ia membawa kepulihan tenaga dan jiwa yang sempurna dan menjadikannya seolah-olah manusia baru apabila ia sedar dari mengantuknya. Peristiwa mu'jizat seperti ini telah berlaku kepada pahlawan-pahlawan Islam yang letih lesu di dalam Peperangan Badar dan Peperangan Uhud, dan Allah telah membangkitkan peristiwa ini sebagai satu ni'mat yang dikurniakan kepada mereka. Firman-Nya:

إِذْ يُغَشِّيكُمُ ٱلنُّعَاسَ أَمَنَةً مِّنْهُ

"Ketika Allah melindungi kamu dengan mengantuk sebagai pengurniaan ketenteraman dari limpah kurnia-Nya."

(Surah al-Anfal: 11)

ثُمَّ أَنزَلَ عَلَيْكُم مِّنۢ بَعْدِ ٱلْغَمِّ أَمَنَةً نُّعَاسًا يَغْشَىٰ طَآئِفَةً مِّنكُمْ

"Kemudian Allah menurunkan ke atas kamu perasaan aman tenteram dalam bentuk mengantuk yang menyelubungi sekumpulan kamu."

(Aali 'Imran: 154)

Kejadian yang seumpama ini telah berlaku kepada banyak orang.

Kerehatan dengan tidur yang memutuskan seseorang dari kegiatan berfikir dan bekerja merupakan salah satu dari keperluan-keperluan bagi setiap yang hidup, juga merupakan salah satu rahsia dari rahsia qudrat Allah dan salah satu ni'mat dari ni'mat-ni'mat Allah yang tidak dikurniakan-Nya melainkan kepada makhluk yang hidup. Tarikan perhatian kepada ni'mat tidur secara yang dilakukan oleh Al-Qur'an itu menyedarkan hati kepada ciri-ciri makhluk hidup dan kepada qudrat Allah yang memberi ciri-ciri itu kepadanya, dan tarikan perhatian itu juga mencuit hati manusia ke arah berfikir, mengambil pengertian dan mengalami rasa keterharuan.

Di antara pentadbiran Allah lagi ialah Dia jadikan harakat alam selaras dengan harakat makhluk hidup. Andainya Allah telah meletakkan rahsia tidur selepas bekerja dan bergiat, maka Dialah juga yang meletakkan pada alam ini hari malam sebagai tabir yang melindungi manusia agar ia dapat tidur dan berehat dengan sempurna, juga meletakkan hari siang pada alam supaya menjadi masa mencari kehidupan, iaitu masa yang penuh dengan kesibukan dan kegiatan. Demikianlah penyelarasan yang wujud di dalam penciptaan Allah. Dan kerana itulah alam bumi ini merupakan tempat yang sesuai untuk makhluk-makhluk hidup, iaitu alam yang dapat memenuhi kehendak-kehendak segala sifat yang ada pada mereka, kerana makhluk-makhluk hidup ini dilengkapkan dengan susunan kejadian yang sesuai dari segi harakat dan keperluan-keperluannya dengan ciri-ciri dan penyesuaian-penyesuaian yang wujud di alam ini. Itulah hasil penciptaan qudrat Allah Yang Maha Kreatif dan Maha Pentadbir, iaitu penciptaan yang begitu halus keselarasannya.

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 16)

Penciptaan Langit, Matahari Dan Awan

Sentuhan ketiga ialah mengenai penciptaan langit yang seimbang dengan bumi dan makhluk yang bernyawa:

وَبَنَيْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعًا شِدَادًا ﴿١٢﴾

"Dan bukankah Kami binakan di atas kamu tujuh petala langit yang kukuh?"(12)

Tujuh petala langit yang kukuh yang telah dibinakan Allah di atas penduduk bumi ialah tujuh petala langit iaitu jalan-jalan yang tujuh yang disebut dalam satu ayat yang lain (ayat 17 Surah al-Mu'minun). Hanya Allah sahaja yang mengetahui maksudnya yang sebenar. Mungkin maksudnya tujuh galaksi atau

gugusan bintang-bintang. Setiap gugusan mungkin terdiri dari seratus juta bintang-bintang. Tujuh gugusan bintang-bintang inilah yang mempunyai hubungan dengan bumi kita atau dengan keluarga matahari kita. Dan mungkin pula maksudnya lain dari itu, dan ini hanya Allah sahaja yang tahu susunan alam buana ini, sedangkan manusia hanya mengetahui sebahagian kecil sahaja.

Ayat ini menerangkan bahawa tujuh petala langit itu sangat kukuh dan kuat binaannya. Ia diikat dengan satu kuasa yang menahannya dari pecah dan bengkok. Inilah hakikat yang kita lihat dan ketahui dari sifat dan tabi'at bintang-bintang dan jirim-jirim yang kita namakan dengan kata-kata *"langit"* itu. Semua manusia tahu hakikat ini. Ayat ini juga memberi isyarat bahawa penciptaan tujuh petala langit itu selaras dengan alam bumi dan manusia, kerana itulah ia disebut dalam pembicaraan yang menyentuh tadbir dan perencanaan Allah terhadap bumi dan manusia. Ini dibuktikan oleh ayat seterusnya:

وَجَعَلْنَا سِرَاجًا وَهَّاجًا ﴿١٣﴾

"Dan bukankah Kami ciptakan matahari sebagai lampu yang amat terang?"(13)

Matahari yang terang benderang memberi kepanasan yang dihayati oleh bumi dan makhluk-makhluk hidup yang ada padanya.

Matahari juga mempengaruhi pembentukan awan dengan menguapkan air dari lautan yang luas di bumi dan mengangkatkannya ke lapisan-lapisan udara yang tinggi, itulah awan-awan yang memerah hujan:

وَأَنزَلْنَا مِنَ الْمُعْصِرَاتِ مَاءً ثَجَّاجًا ﴿١٤﴾
لِّنُخْرِجَ بِهِ حَبًّا وَنَبَاتًا ﴿١٥﴾ وَجَنَّاتٍ أَلْفَافًا ﴿١٦﴾

"Dan bukankah Kami turunkan dari awan-awan pemerah itu air hujan yang lebat?(14) Supaya dengannya Kami keluarkan biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan(15). Dan kebun-kebun yang bertautan rimbun."(16)

Siapakah yang memerahkan awan-awan itu? Mungkin angin dan mungkin pula pelepasan arus elektrik di lapisan-lapisan udara, tetapi di sebalik itu semua ialah tangan qudrat Allah yang meletakkan kuasa-kuasa itu di alam ini. Kata-kata *"lampu"* atau سراج itu mengandungi api yang bernyala-nyala, kepanasan dan cahaya, dan semua unsur-unsur ini terdapat pada matahari. Kerana itu pemilihan kata-kata "lampu" amat halus sekali maksudnya.

Dari lampu yang amat terang ini dengan cahaya dan kepanasannya, dan dari awan-awan yang memerah hujan, yang mencurah sekali demi sekali setiap kali berlakunya perlepasan arus elektrik itu, dan dari air dan cahaya ini lahirlah biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan yang dapat dimakan, dan lahirlah kebun-kebun dan pokok-pokok dengan daun-daunnya yang bertaut rimbun.

Keselarasan dan keserasian dalam mengaturkan pelan-pelan alam ini tentulah tidak mungkin berlaku melainkan di sebaliknya pastilah ada kuasa yang mengatur dan menyelaraskannya, ada kebijaksanaan yang merancangkannya dan ada iradat yang mentadbirkannya. Hakikat ini dapat difaham oleh setiap manusia apabila ia menumpukan perasaan-perasaannya ke arah ini. Dan jika ilmu pengetahuan manusia bertambah tinggi, maka akan terbukalah kepadanya rahsia-rahsia keselarasan yang amat luas yang menakjubkan akal fikirannya. Dan ini akan menjadikan pendapat yang mengatakan keselarasan itu berlaku secara kebetulan sahaja sebagai satu pendapat yang remeh yang tidak wajar dibahaskan, dan menjadikan percubaan untuk melarikan diri dari mengakui adanya hakikat taqdir dan tadbir Allah pada alam ini sebagai semata-mata kedegilan yang tidak wajar dilayani.

Alam buana mempunyai Penciptanya, dan di sebalik alam ini pula terdapat tadbir, perencanaan dan penyusunan Ilahi yang rapi. Penjelasan hakikat-hakikat dan pemandangan-pemandangan yang teratur sedemikian rupa di dalam ayat-ayat ini, iaitu penciptaan bumi yang terhampar luas, penciptaan gunung-ganang selaku pasak bumi, penciptaan manusia secara berpasang-pasangan, penciptaan tidur sebagai masa kerehatan setelah sehari suntuk bergerak, sedar dan bergiat, penciptaan malam sebagai kain tabir untuk berlindung dan bersembunyi diri. Penciptaan siang sebagai masa untuk sedar dan bergiat, kemudian pembinaan tujuh petala langit yang kukuh, penciptaan matahari sebagai lampu yang amat terang, penurunan air hujan yang lebat dari awan-awan pemerah untuk menumbuhkan biji-bijian, tumbuh-tumbuhan dan kebun-kebun. Semua penjelasan yang teratur ini membayangkan adanya perencanaan dan penyelarasan yang, amat halus, adanya tadbir dan perencanaan Ilahi yang amat rapi dan wujudnya Allah Pencipta Yang Maha Bijaksana dan Maha Berkuasa, di samping menyentuh hati kita dengan sentuhan-sentuhan yang menyedarkan kita terhadap adanya tujuan dan matlamat (di sebalik hidup ini). Di sinilah bertemunya penerangan ayat dengan tajuk berita Qiamat yang amat besar yang dipertikaikan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 20)

Hari Penentuan Siapa Yang Salah Dan Siapa Yang Benar

Semua penciptaan ini ialah untuk (membolehkan manusia melakukan) kegiatan bekerja dan mencari keni'matan hidup dan di sebalik kegiatan kerja dan mencari keni'matan itu terdapat, pula Hisab dan Balasan pada Hari Pengadilan iaitu suatu hari yang ditentukan untuk dijalankan pengadilan:

إِنَّ يَوْمَ الْفَصْلِ كَانَ مِيقَاتًا ﴿١٧﴾

"Sesungguhnya Hari Pengadilan itu suatu hari yang ditentukan." (17)

Manusia tidak diciptakan sia-sia dan tidak akan ditinggalkan percuma. Tuhan yang merencanakan hidup mereka dan menyelaraskannya dengan alam tempat hidup mereka dengan begitu rapi tidak mungkin membiarkan mereka hidup sia-sia dan mati percuma. Atau membiarkan mereka membuat kebaikan di bumi atau merosakkannya kemudian masuk ke dalam tanah dan hilang begitu sahaja. Atau membiarkan mereka mengikut hidayat atau kesesatan, kemudian menerima akibat yang sama, atau membiarkan mereka berlaku adil di dunia atau berlaku zalim kemudian keadilan dan kezaliman itu hilang begitu sahaja tanpa balasan.

Di sana telah ditetapkan Hari Pengadilan, Hari Penentuan salah benar dan hari yang memberi keputusan terhadap segala perbuatan yang telah dilakukan di dunia.

Itulah hari yang telah ditetapkan, dijanji dan ditentukan masanya yang termaklum di sisi Allah:

إِنَّ يَوْمَ ٱلْفَصْلِ كَانَ مِيقَٰتًا ﴿١٧﴾

"Sesungguhnya Hari Pengadilan itu suatu hari yang ditentukan."(17)

Itulah hari berlakunya kekacauan peraturan alam buana dan terputusnya ikatan peraturannya:

Tiupan Sangkakala

يَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ فَتَأْتُونَ أَفْوَاجًا ﴿١٨﴾

"Iaitu hari ditiupkan sangkakala, lalu kamu datang (ke Mahsyar) sepuak demi sepuak."(18)

Sangkakala ialah nafiri. Kita hanya tahu namanya sahaja, tetapi tidak tahu hakikatnya. Apa yang kita tahu ialah nafiri itu akan ditiup. Kita tidak payah menyusahkan diri kita untuk mengetahui bagaimana nafiri ini ditiupkan, kerana dia tidak menambahkan keimanan kita dan tidak pula menambahkan rasa keterharuan kita terhadap peristiwa itu. Allah mahu memelihara tenaga kita dari dihabiskan di dalam usaha menyelidiki perkara ghaib yang tidak diketahui, dan Ia telah memberi penjelasan mengenainya sekadar berguna untuk kita. Oleh itu, kita tidak payah menambahkan apa-apa lagi. Kita hanya mendapat gambaran bahawa tiupan sangkakala akan membangkitkan sekalian yang mati dan mengumpulkan mereka di Mahsyar. Mereka akan berduyun-duyun ke sana sepuak demi sepuak. Umat manusia yang telah hilang sejak berabad-abad dan mengosongkan muka bumi untuk generasi-generasi selepas mereka supaya kawasan bumi yang terbatas itu tidak penuh sesak dengan mereka, tiba-tiba sekaligus dibangkitkan kembali. Mereka datang berduyun-duyun dari berbagai-bagai hala dan arah menuju ke Mahsyar. Kita mendapat gambaran bahawa semua kubur terbongkar dan manusia yang mati itu akan keluar darinya. Kita mendapat gambaran Mahsyar yang mengumpulkan umat manusia yang ramai yang tidak diketahui di mana awal dan di mana akhirnya. Kita mendapat gambaran betapa dahsyatnya perhimpunan manusia yang begitu ramai. Mereka tidak pernah berkumpul seperti itu serentak dalam satu waktu melainkan hanya pada hari ini sahaja... tetapi mereka berkumpul di mana? Kita tidak tahu. Di alam yang kita tahu ini pun ialah kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa yang besar-besar belaka:

وَفُتِحَتِ ٱلسَّمَآءُ فَكَانَتْ أَبْوَٰبًا ﴿١٩﴾

وَسُيِّرَتِ ٱلْجِبَالُ فَكَانَتْ سَرَابًا ﴿٢٠﴾

"Dan langit pun dibuka, lalu ia jadi berpintu-pintu(19). Dan gunung-ganang dihancurleburkan lalu ia jadi seperti fatamorgana."(20)

Langit yang dibina sebegitu teguh dan kukuh itu akan dibuka dan menjadikannya berpintu-pintu pecah dan terbelah seperti yang digambarkan di tempat-tempat dan surah-surah yang lain. Langit akan berubah kepada satu keadaan yang belum pernah kita lihat. Bukit-bukau dan gunung-ganang yang tersergam itu akan dihancurleburkan menjadi debu-debu yang berterbangan ditiup angin di udara seperti yang digambarkan oleh surah-surah yang lain. Oleh itu, gunung-ganang yang besar itu tidak mempunyai kewujudan lagi sama seperti fatamorgana di padang gurun yang tidak mempunyai kewujudan yang hakiki atau debu-debu gunung-ganang itu dibidas cahaya-cahaya dan menyebabkannya kelihatan seperti fatamorgana di padang gurun.

Itulah keadaan yang amat dahsyat yang jelas dapat dilihat pada revolusi alam buana sama seperti keadaan yang amat jelas dapat dilihat di Mahsyar selepas ditiupkan sangkakala. Itulah Hari Pengadilan yang telah ditentukan dengan hikmat dan tadbir Ilahi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 30)

Neraka Disediakan Untuk Para Penderhaka

Selepas tiupan sangkakala dan perhimpunan di padang Mahsyar, ia menggambarkan pula kesudahan manusia-manusia pelampau dan manusia yang bertaqwa, dan ia mulakan dengan golongan manusia yang mendustakan hari Qiamat yang bertanya-tanya tentangnya.

إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا ﴿٢١﴾ لِّلطَّٰغِينَ مَـَٔابًا ﴿٢٢﴾

لَّٰبِثِينَ فِيهَآ أَحْقَابًا ﴿٢٣﴾

"Sesungguhnya Neraka adalah tempat pengawasan yang rapi.(21) Sebagai tempat kembali bagi orang-orang yang melampaui (batas-batas Allah).(22) Mereka akan tinggal di dalamnya abad demi abad."(23)

Neraka Jahannam itu dicipta dan diwujudkan untuk kediaman para pelampau yang diawasi dengan ketat.

Ia disediakan untuk menyambut kedatangan mereka dan mengawasi mereka. Mereka seolah-olah mengembara di bumi kemudian pulang ke kediaman asal mereka. Mereka pulang untuk tinggal di sini dalam masa yang amat lama, abad berganti abad.

Minuman Penghuni Neraka

لَّا يَذُوقُونَ فِيهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا ﴿٢٤﴾

"Mereka tidak akan merasa dingin dan tidak akan mengecap minuman." (24)

Kemudian ia menyebut pengecualian, tetapi pengecualian itu lebih pahit dan dahsyat

إِلَّا حَمِيمًا وَغَسَّاقًا ﴿٢٥﴾

"Kecuali air yang mendidih dan air danur."(25)

Kecuali air panas yang membakar halqum-halqum dan perut-perut mereka dan air yang keluar dari badan-badan manusia yang dibakar. Inilah sahaja minuman mereka.

جَزَآءً وِفَاقًا ﴿٢٦﴾

"Sebagai balasan yang setimpal."(26)

Yang padan dengan perbuatan jahat yang dilakukan mereka di dunia.

إِنَّهُمْ كَانُوا۟ لَا يَرْجُونَ حِسَابًا ﴿٢٧﴾

"Mereka dahulu tidak mengharapkan adanya Hisab."(27)

Dan tidak menduga akan pulang kepada Allah.

وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا كِذَّابًا ﴿٢٨﴾

"Dan mereka mendustakan ayat-ayat Kami dengan sekeras-keras pendustaan."(28)

Nada kata-kata ayat ini membayangkan pendustaan yang amat keras dan degil, sedangkan Allah mengira segala amalan mereka dengan kiraan yang amat halus. Tiada sehuruf pun yang terlepas dari catatan itu:

وَكُلَّ شَىْءٍ أَحْصَيْنَٰهُ كِتَٰبًا ﴿٢٩﴾

"Sedangkan segala sesuatu kami hitungkannya dengan catatan yang rapi."(29)

Dan di sinilah datang kecaman yang menghilangkan segala harapan untuk mendapatkan perubahan dan keringanan dari 'azab:

فَذُوقُوا۟ فَلَن نَّزِيدَكُمْ إِلَّا عَذَابًا ﴿٣٠﴾

"Oleh itu, rasakanlah 'azab itu dan Kami tidak akan menambah kecuali 'azab (yang lebih dahsyat lagi)."(30)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 36)

Kemudian Al-Qur'an menunjukkan pula pemandangan orang-orang yang bertaqwa yang hidup dalam Syurga selepas menayangkan pemandangan orang-orang yang melampaui batas yang hidup di dalam Neraka:

إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ مَفَازًا ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa itu memperolehi kejayaan."(31)

Syurga Disediakan Untuk Para Muttaqin

Jika Neraka Jahannam di Akhirat menjadi tempat kediaman para pelampau yang diawasi dengan ketat dan tidak mungkin terlepas darinya, maka orang-orang yang bertaqwa pula akan berakhir dengan kejayaan dan keselamatan dalam bentuk ni'mat-ni'mat yang berikut:

حَدَآئِقَ وَأَعْنَٰبًا ﴿٣٢﴾

"Iaitu taman-taman Syurga dan kebun-kebun anggur."(32)

Di sini disebut khusus kebun-kebun anggur, kerana anggur begitu dikenali oleh mereka yang ditujukan ayat-ayat ini.

وَكَوَاعِبَ أَتْرَابًا ﴿٣٣﴾

"Dan bidadari-bidadari remaja yang berdada montok dan sebaya."(33)

Iaitu bidadari-bidadari remaja yang bundar buah dadanya, sebaya umur dan separas cantik.

وَكَأْسًا دِهَاقًا ﴿٣٤﴾

"Dan gelas yang penuh dengan minuman."(34)

Iaitu gelas-gelas yang dipenuhkan dengan minuman yang lazat.

Hakikat Ni'mat Syurga Tidak Dapat Ditanggap Oleh Penduduk Dunia

Ni'mat-ni'mat ini pada lahirnya merupakan ni'mat fizikal untuk mendekatkan kepada pemahaman dan tanggapan manusia, tetapi hakikat kecapan dan ni'matnya tidak dapat ditanggap oleh penduduk dunia yang terikat dengan fahaman dan tanggapan-tanggapan ala hidup di dunia. Di samping keni'matan-keni'matan ini ada pula keni'matan hati dan perasaan:

لَّا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا وَلَا كِذَّٰبًا ﴿٣٥﴾

"Mereka tidak akan mendengar sebarang percakapan sia-sia dan kata-kata dusta."(35)

Kehidupan di sana adalah kehidupan yang terpelihara dari omong-omong kosong dan kata-kata dusta mendustai yang terbit dari perbantahan atau perdebatan. Kebenaran di sana terdedah jelas, tiada ruang untuk berbahas dan dusta mendustai, begitu juga ruang untuk bercakap sia-sia yang tidak membawa apa-apa kebaikan, kerana kehidupan di sana adalah kehidupan luhur dan keni'matan yang sesuai dengan alam hidup Akhirat yang kekal abadi.

جَزَآءً مِّن رَّبِّكَ عَطَآءً حِسَابًا ﴿٣٦﴾

"Sebagai balasan dari Tuhanmu dan sebagai kurnia yang dikira dengan rapi."(36)

Di sini kita dapat melihat keindahan pengungkapan dan irama dalam pembahagian di antara جزاءً(balasan) dan عطاءً (kurnia). Keindahan itu dapat dilihat lebih kurang pada semua bunyi akhir ayat. Inilah ciri yang nyata dalam keindahan seluruh juzu' ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 38)

Para Malaikat Dan Jibril Berdiri Di Hadapan Allah

Bagi melengkapkan pemandangan Qiamat yang berlaku dan menjadi bahan pertanyaan dan pertikaian itu, maka ditayangkan pemandangan akhir di dalam surah ini, iaitu pemandangan Jibril a.s. dan para malaikat berdiri berjajar di hadapan Allah Yang Maha Penyayang dengan khusyu', diam tidak bercakap melainkan mereka yang diizinkan Allah:

رَّبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ٱلرَّحْمَٰنِ لَا يَمْلِكُونَ
مِنْهُ خِطَابًا ﴿٣٧﴾
يَوْمَ يَقُومُ ٱلرُّوحُ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ صَفًّا لَّا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ
أَذِنَ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ وَقَالَ صَوَابًا ﴿٣٨﴾

"Iaitu Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya dan Yang Maha Penyayang. Mereka tidak berupaya untuk berbicara dengan-Nya(37). Pada hari Jibril dan para malaikat berdiri berjajar, mereka tidak bercakap melainkan siapa yang diizinkan Allah Yang Maha Penyayang dan berkata benar."(38)

Balasan-balasan terhadap manusia-manusia pelampau dan orang-orang yang bertaqwa yang telah dihuraikan dalam bahagian yang lepas itu adalah **"dari Tuhanmu"**.

رَّبِّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ٱلرَّحْمَٰنِ

"Iaitu Tuhan yang memelihara langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya dan Yang Maha Penyayang."(37)

Inilah kenyataan yang sesuai yang disediakan untuk menjelaskan hakikat yang amat besar ini iaitu hakikat Rububiyah Allah yang meliputi manusia, langit, bumi, dunia dan Akhirat. Ia memberi balasan kepada perbuatan yang keterlaluan dan kepada amalan taqwa, dan seluruh urusan Akhirat dan dunia dirujukkan kepada-Nya. Ia bersifat Maha Penyayang dan salah satu dari rahmat dan kesayangan-Nya. Ia memberi balasan yang adil kepada orang-orang yang bertaqwa dan orang-orang yang melampau hingga penyeksaan terhadap pelampau-pelampau itu juga terbit dari sifat-sifat-Nya Yang Maha Penyayang, kerana salah satu dari tanda sifat rahmat ialah perbuatan yang jahat itu dikenakan balasan, dan akibat perbuatan yang jahat tidak disamakan dengan akibat kebaikan.

Disamping sifat penyayang itu ialah sifat-Nya Yang Maha Mulia dan Maha Agung.

لَا يَمْلِكُونَ مِنْهُ خِطَابًا ﴿٣٧﴾

"Mereka tidak berupaya untuk berbicara dengan-Nya"(37)

pada hari pengadilan yang amat hebat dan menggerunkan itu di mana Jibril dan para malaikat berdiri berjajar diam, tidak bercakap kecuali mereka yang diizinkan Allah dan berkata benar. Dan Allah tidak mengizinkan mereka melainkan apabila Ia tahu perkataan itu benar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 39 - 40)

Kedudukan para malaikat yang hampir kepada Allah yang bersih dari dosa dan maksiat yang berdiri diam tidak bercakap itu menimbulkan suasana kehebatan, keagungan dan kemuliaan Allah. Dan di dalam suasana inilah tercetusnya suara amaran dan goncangan yang menyedarkan manusia yang tidur lalai:

ذَٰلِكَ ٱلْيَوْمُ ٱلْحَقُّ فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ مَـَٔابًا ﴿٣٩﴾
إِنَّآ أَنذَرْنَٰكُمْ عَذَابًا قَرِيبًا يَوْمَ يَنظُرُ ٱلْمَرْءُ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ
وَيَقُولُ ٱلْكَافِرُ يَٰلَيْتَنِى كُنتُ تُرَٰبًۢا ﴿٤٠﴾

"Itulah hari yang benar. Oleh itu, siapa yang mahukan (kejayaan) hendaklah ia memilih jalan kembali kepada Tuhannya(39). Sesungguhnya Kami memberi amaran kepada kamu terhadap 'azab yang amat dekat, pada hari itu, setiap orang akan melihat apa yang telah dilakukan oleh dua tangannya dan setiap orang kafir akan berkata: Alangkah baiknya jika aku jadi tanah!"(40)

ذَٰلِكَ ٱلْيَوْمُ ٱلْحَقُّ

"Qiamat itulah hari yang benar."(39)

Jawapan Tegas Kepada Mereka Yang Meragui

Ungkapan ini merupakan goncangan yang kuat kepada orang-orang yang bertanya kerana ragukan Hari Qiamat. Tiada masa lagi untuk bertanya dan berdebat. Kejarlah kesempatan yang masih ada.

فَمَن شَآءَ ٱتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ مَـَٔابًا ﴿٣٩﴾

"Oleh itu, siapa yang mahukan (kejayaan) hendaklah ia memilih jalan kembali kepada Tuhannya."(39)

Kejarlah kesempatan ini sebelum Neraka menjadi tempat kediamannya.

إِنَّآ أَنذَرْنَٰكُمْ عَذَابًا قَرِيبًا

"Sesungguhnya Kami memberi amaran kepada kamu terhadap 'azab yang amat dekat."(40)

Ungkapan ini merupakan amaran untuk menyedarkan dari kelalaian. 'azab itu tidak jauh. Neraka Jahannam sedang menunggu kedatangan kamu dan seluruh hidup dunia ini hanya merupakan satu perjalanan yang pendek sahaja dan umur manusia juga pendek. 'Azab Akhirat merupakan 'azab yang amat menakutkan hingga membuat orang-orang kafir lebih suka andainya ia tidak diwujudkan terus:

يَوْمَ يَنظُرُ ٱلْمَرْءُ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ وَيَقُولُ ٱلْكَافِرُ
يَٰلَيْتَنِى كُنتُ تُرَٰبًۢا ﴿٤٠﴾

"Pada hari itu, setiap orang akan melihat apa yang telah dilakukan oleh dua tangannya dan setiap orang kafir akan berkata: Alangkah baiknya jika aku jadi tanah!"(40)

Kata-kata ini hanya diucapkan oleh orang-orang yang terlalu susah dan terlalu rungsing.

Kata-kata itu membayangkan ketakutan dan penyesalan sehingga ia bercita-cita supaya ia kembali kepada Adam sahaja dan kembali jadi tanah yang hina dan terbiar. Ini lebih mudah kepadanya dari menghadapi kenyataan yang amat menakutkan itu, yang akan dihadapi oleh orang-orang yang tertanya-tanya kerana ragukan berita yang agung itu.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AN-NAAZI'AAT

SURAH KE

79

سُورَةُ النَّازِعَاتِ

SURAH AN-NAAZI'AAT

Surah Pencabut-pencabut

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

46

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَالنَّازِعَاتِ غَرْقًا ﴿١﴾ وَالنَّاشِطَاتِ نَشْطًا ﴿٢﴾
وَالسَّابِحَاتِ سَبْحًا ﴿٣﴾ فَالسَّابِقَاتِ سَبْقًا ﴿٤﴾
فَالْمُدَبِّرَاتِ أَمْرًا ﴿٥﴾ يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ ﴿٦﴾
تَتْبَعُهَا الرَّادِفَةُ ﴿٧﴾ قُلُوبٌ يَوْمَئِذٍ وَاجِفَةٌ ﴿٨﴾
أَبْصَارُهَا خَاشِعَةٌ ﴿٩﴾
يَقُولُونَ أَإِنَّا لَمَرْدُودُونَ فِي الْحَافِرَةِ ﴿١٠﴾

"Demi pencabut-pencabut yang amat kuat(1). Demi yang bergerak cergas(2). Demi yang bergerak laju(3). Demi yang berlari pantas(4). Demi pentadbir-pentadbir yang melaksanakan perintah(5). Pada hari bergegarnya gempa bumi(6). Diiringi gegaran langit(7). Pada hari itu, semua hati berdebar-debar takut(8). Mata mereka tunduk hina(9). Mereka berkata: Adakah kita dikembalikan semula kepada kehidupan yang pertama?"(10).

أَإِذَا كُنَّا عِظَامًا نَخِرَةً ﴿١١﴾
قَالُوا تِلْكَ إِذًا كَرَّةٌ خَاسِرَةٌ ﴿١٢﴾
فَإِنَّمَا هِيَ زَجْرَةٌ وَاحِدَةٌ ﴿١٣﴾ فَإِذَا هُمْ بِالسَّاهِرَةِ ﴿١٤﴾
هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ مُوسَىٰ ﴿١٥﴾
إِذْ نَادَاهُ رَبُّهُ بِالْوَادِ الْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٦﴾
اذْهَبْ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿١٧﴾
فَقُلْ هَلْ لَكَ إِلَىٰ أَنْ تَزَكَّىٰ ﴿١٨﴾
وَأَهْدِيَكَ إِلَىٰ رَبِّكَ فَتَخْشَىٰ ﴿١٩﴾
فَأَرَاهُ الْآيَةَ الْكُبْرَىٰ ﴿٢٠﴾

"Adakah kita dihidupkan kembali setelah kita menjadi tulang-tulang yang reput?(11). Kata mereka: Itulah perkembalian yang amat merugikan(12). Sesungguhnya Qiamat itu hanya satu pekikan sahaja(13). Tiba-tiba mereka berada di muka bumi Mahsyar yang putih berkilat(14). (Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu cerita Musa?(15). Ketika ia diseru Tuhannya di Wadi Tuwa yang suci(16). (Wahai Musa!) Pergilah berda'wah kepada Fir'aun. Sesungguhnya ia telah melampaui batas(17). Katakanlah kepadanya: Adakah engkau suka aku menyerumu supaya membersihkan dirimu?(18). Dan (adakah engkau suka) aku membimbingmu kepada Tuhanmu supaya engkau takut kepada-Nya?(19). Kemudian ia memperlihatkan kepadanya mu'jizat yang besar."(20).

فَكَذَّبَ وَعَصَىٰ ﴿٢١﴾ ثُمَّ أَدْبَرَ يَسْعَىٰ ﴿٢٢﴾
فَحَشَرَ فَنَادَىٰ ﴿٢٣﴾ فَقَالَ أَنَا رَبُّكُمُ الْأَعْلَىٰ ﴿٢٤﴾
فَأَخَذَهُ اللَّهُ نَكَالَ الْآخِرَةِ وَالْأُولَىٰ ﴿٢٥﴾
إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِمَنْ يَخْشَىٰ ﴿٢٦﴾
أَأَنْتُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمِ السَّمَاءُ ۚ بَنَاهَا ﴿٢٧﴾
رَفَعَ سَمْكَهَا فَسَوَّاهَا ﴿٢٨﴾
وَأَغْطَشَ لَيْلَهَا وَأَخْرَجَ ضُحَاهَا ﴿٢٩﴾
وَالْأَرْضَ بَعْدَ ذَٰلِكَ دَحَاهَا ﴿٣٠﴾

"Tetapi Fir'aun mendustakannya dan menderhaka(21). Kemudian ia berpaling (meninggalkan) Musa dan berusaha(22). Lalu ia mengumpulkan (ahli-ahli sihir) dan berseru(23). Lalu berkata: Akulah tuhan kamu yang maha tinggi(24). Lalu Allah seksakannya dengan 'azab yang dahsyat di Akhirat dan di dunia(25). Sesungguhnya penyeksaan itu menjadi pengajaran bagi mereka yang takutkan Allah(26). Apakah kamu lebih sukar diciptakan atau langit lebih sukar dibinakannya?(27). Dia meninggikan bangunan langit dan menyusunnya dengan sempurna(28).

Dia menggelapkan hari malamnya dan menerangkan hari siangnya(29). Dan setelah itu Dia hamparkan bumi."(30).

أَخْرَجَ مِنْهَا مَاءَهَا وَمَرْعَاهَا ﴿٣١﴾
وَالْجِبَالَ أَرْسَاهَا ﴿٣٢﴾ مَتَاعًا لَّكُمْ وَلِأَنْعَامِكُمْ ﴿٣٣﴾
فَإِذَا جَاءَتِ الطَّامَّةُ الْكُبْرَىٰ ﴿٣٤﴾
يَوْمَ يَتَذَكَّرُ الْإِنسَانُ مَا سَعَىٰ ﴿٣٥﴾
وَبُرِّزَتِ الْجَحِيمُ لِمَن يَرَىٰ ﴿٣٦﴾
فَأَمَّا مَن طَغَىٰ ﴿٣٧﴾ وَآثَرَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ﴿٣٨﴾
فَإِنَّ الْجَحِيمَ هِيَ الْمَأْوَىٰ ﴿٣٩﴾
وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ
الْهَوَىٰ ﴿٤٠﴾ فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ ﴿٤١﴾
يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا ﴿٤٢﴾
فِيمَ أَنتَ مِن ذِكْرَاهَا ﴿٤٣﴾
إِلَىٰ رَبِّكَ مُنتَهَاهَا ﴿٤٤﴾
إِنَّمَا أَنتَ مُنذِرُ مَن يَخْشَاهَا ﴿٤٥﴾
كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَهَا لَمْ يَلْبَثُوا إِلَّا عَشِيَّةً أَوْ
ضُحَاهَا ﴿٤٦﴾

"Dan dari bumi Dia keluarkan airnya dan tumbuh-tumbuhannya(31). Dan Dia tegakkan gunung-ganang(32). Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu(33). Dan apabila tiba malapetaka agung.(34) Iaitu hari manusia teringat kepada segala perbuatan yang telah diusahakannya(35). Dan Neraka ditonjolkan kepada setiap yang melihat(36). Adapun orang-orang yang melampaui batas(37). Dan mengutamakan hidup dunia(38). Maka Neraka yang bernyala-nyala itulah tempat kediamannya(39). Dan adapun orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan mencegahkan dirinya dari hawa nafsu(40). Maka Syurga itulah tempat kediamannya(41). Mereka bertanya kepadamu tentang Qiamat bilakah waktunya?(42). Mengapakah engkau yang harus menyebutkan waktunya?(43). Hanya kepada Tuhanmu sahaja kesudahan urusannya(44). Tugas engkau hanya memberi peringatan kepada mereka yang takutkannya(45). Pada hari mereka melihat Qiamat, maka terasalah oleh mereka seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan hanya sepetang atau sepaginya sahaja."(46).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini merupakan salah satu contoh dari Surah Juzu' 'Amma yang bertujuan menanamkan kesedaran dalam hati manusia terhadap hakikat Akhirat dengan segala peristiwanya yang ngeri, besar dan serius, dan bagaimana pentingnya alam Akhirat itu dalam perencanaan Ilahi bagi kewujudan alam manusia dan dalam pentadbiran Ilahi yang mengaturkan peringkat-peringkat kewujudan manusia dan langkah-langkahnya di atas muka bumi dan di dalam bumi dan seterusnya di alam Akhirat yang melambangkan penghabisan kewujudan manusia.

Dalam usaha menyedarkan hati manusia terhadap hakikat Akhirat yang agung itu, Al-Qur'an memalu berbagai-bagai nada di atas tali-tali hati manusia dan mencuitnya dengan berbagai-bagai cuitan di sekitar hakikat Akhirat yang agung itu. Nada-nada dan cuitan-cuitan itu mempunyai hubungan dengan hati manusia. Itulah hakikat yang membuka jalan kepada hati manusia di alam kenyataan supaya menerima hakikat Akhirat dengan penuh kesedaran dan kepekaan.

Al-Qur'an membuka jalan kepada hati manusia dengan satu muqaddimah yang tidak jelas hakikatnya dan menimbulkan semacam suasana tertanya-tanya, cemas dan takut. Muqaddimah itu diutarakan dalam nada kata-kata yang cemas dan termengah-mengah. Dengusan nafas seolah-olah terputus kerana terlalu takut, menggelentar, terperanjat dan terkejut:

وَالنَّازِعَاتِ غَرْقًا ﴿١﴾ وَالنَّاشِطَاتِ نَشْطًا ﴿٢﴾
وَالسَّابِحَاتِ سَبْحًا ﴿٣﴾ فَالسَّابِقَاتِ سَبْقًا ﴿٤﴾
فَالْمُدَبِّرَاتِ أَمْرًا ﴿٥﴾

"Demi pencabut-pencabut yang amat kuat(1). Demi yang bergerak cergas(2). Demi yang bergerak laju(3). Demi yang berlari pantas(4). Demi pentadbir-pentadbir yang melaksanakan perintah."(5)

Selepas muqaddimah yang kabur, mencemas dan menakutkan itu, datanglah pemandangan yang pertama Hari Qiamat. Bayangan dan sifat hari itu sama dengan bayangan dan sifat muqaddimah. Seolah-olah muqaddimah itu merupakan frem atau kulit yang menunjukkan hari itu:

يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ ﴿٦﴾ تَتْبَعُهَا الرَّادِفَةُ ﴿٧﴾
قُلُوبٌ يَوْمَئِذٍ وَاجِفَةٌ ﴿٨﴾ أَبْصَارُهَا خَاشِعَةٌ ﴿٩﴾
يَقُولُونَ أَإِنَّا لَمَرْدُودُونَ فِي الْحَافِرَةِ ﴿١٠﴾

"Pada hari bergegarnya gempa bumi(6). Diiringi gegaran langit(7). Pada hari itu, semua hati berdebar-debar takut(8). Mata mereka tunduk hina(9). Mereka berkata: Adakah kita dikembalikan semula kepada kehidupan yang pertama?"(10)

أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمًا نَّخِرَةً ﴿١١﴾

قَالُوا۟ تِلْكَ إِذًا كَرَّةٌ خَاسِرَةٌ ﴿١٢﴾

فَإِنَّمَا هِىَ زَجْرَةٌ وَٰحِدَةٌ ﴿١٣﴾ فَإِذَا هُم بِٱلسَّاهِرَةِ ﴿١٤﴾

"Adakah kita dihidupkan kembali setelah kita menjadi tulang-tulang yang reput?(11). Kata mereka: Itulah perkembalian yang amat merugikan(12). Sesungguhnya Qiamat itu hanya satu pekikan sahaja(13). Tiba-tiba mereka berada di muka bumi Mahsyar yang putih berkilat."(14)

Dalam suasana yang menakut, mengeri dan mencemaskan itu, Al-Qur'an mula menayangkan kisah kejatuhan salah satu tokoh pendusta yang zalim dalam satu babak kisah Musa dengan Fir'aun. Di sini nada ungkapan pun mulai merendah dan kendur supaya sesuai dengan suasana bercerita:

هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ﴿١٥﴾

إِذْ نَادَىٰهُ رَبُّهُۥ بِٱلْوَادِ ٱلْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٦﴾

ٱذْهَبْ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ ﴿١٧﴾

فَقُلْ هَل لَّكَ إِلَىٰٓ أَن تَزَكَّىٰ ﴿١٨﴾

وَأَهْدِيَكَ إِلَىٰ رَبِّكَ فَتَخْشَىٰ ﴿١٩﴾

فَأَرَىٰهُ ٱلْءَايَةَ ٱلْكُبْرَىٰ ﴿٢٠﴾

"(Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu cerita Musa?(15). Ketika ia diseru Tuhannya di Wadi Tuwa yang suci(16). (Wahai Musa!) Pergilah berda'wah kepada Fir'aun. Sesungguhnya ia telah melampaui batas(17). Katakanlah kepadanya: Adakah engkau suka aku menyerumu supaya membersihkan dirimu?(18). Dan (adakah engkau suka) aku membimbingmu kepada Tuhanmu supaya engkau takut kepada-Nya?(19). Kemudian ia memperlihatkan kepadanya mu'jizat yang besar."(20)

فَكَذَّبَ وَعَصَىٰ ﴿٢١﴾ ثُمَّ أَدْبَرَ يَسْعَىٰ ﴿٢٢﴾

فَحَشَرَ فَنَادَىٰ ﴿٢٣﴾ فَقَالَ أَنَا۠ رَبُّكُمُ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٢٤﴾

فَأَخَذَهُ ٱللَّهُ نَكَالَ ٱلْءَاخِرَةِ وَٱلْأُولَىٰٓ ﴿٢٥﴾

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّمَن يَخْشَىٰٓ ﴿٢٦﴾

"Tetapi Fir'aun mendustakannya dan menderhaka(21). Kemudian ia berpaling (meninggalkan) Musa dan berusaha(22). Lalu ia mengumpulkan (ahli-ahli sihir) dan berseru(23). Lalu berkata: Akulah tuhan kamu yang maha tinggi(24). Lalu Allah seksakannya dengan 'azab yang dahsyat di Akhirat dan di dunia(25). Sesungguhnya penyeksaan itu menjadi pengajaran bagi mereka yang takutkan Allah."(26)

Dengan penjelasan itu Al-Qur'an bertemu dan membuka jalan untuk memahami hakikat Akhirat yang agung itu.

Kemudian Al-Qur'an berpindah dari gelanggang sejarah kepada kitab alam buana yang terbuka dengan pemandangan-pemandangannya yang amat hebat, yang membuktikan kuasa, tadbir dan perencanaan Ilahi yang menciptakan alam dan mengawasi segala kesudahannya di dunia dan di Akhirat. Pemandangan-pemandangan itu ditayangkan dengan ungkapan-ungkapan yang kuat dan berkesan selaras dengan permulaan surah dan nada umumnya:

ءَأَنتُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمِ ٱلسَّمَآءُ ۚ بَنَىٰهَا ﴿٢٧﴾

رَفَعَ سَمْكَهَا فَسَوَّىٰهَا ﴿٢٨﴾

وَأَغْطَشَ لَيْلَهَا وَأَخْرَجَ ضُحَىٰهَا ﴿٢٩﴾

وَٱلْأَرْضَ بَعْدَ ذَٰلِكَ دَحَىٰهَآ ﴿٣٠﴾

"Apakah kamu lebih sukar diciptakan atau langit lebih sukar dibinakannya?(27). Dia meninggikan bangunan langit dan menyusunnya dengan sempurna(28). Dia menggelapkan hari malamnya dan menerangkan hari siangnya(29). Dan setelah itu Dia hamparkan bumi."(30)

أَخْرَجَ مِنْهَا مَآءَهَا وَمَرْعَىٰهَا ﴿٣١﴾

وَٱلْجِبَالَ أَرْسَىٰهَا ﴿٣٢﴾ مَتَٰعًا لَّكُمْ وَلِأَنْعَٰمِكُمْ ﴿٣٣﴾

"Dan dari bumi Dia keluarkan airnya dan tumbuh-tumbuhannya(31). Dan Dia tegakkan gunung-ganang(32). Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu."(33)

Selepas pendahuluan-pendahuluan dan singgungan-singgungan yang penuh ilham itu, barulah tiba pemandangan malapetaka Qiamat yang amat besar bersama balasan-balasannya terhadap perbuatan-perbuatan yang dilakukan manusia di dunia, iaitu balasan yang turut digambarkan di dalam pemandangan-pemandangan, di mana bentuk rupa dan bayangannya selaras dengan malapetaka agung:

فَإِذَا جَآءَتِ ٱلطَّآمَّةُ ٱلْكُبْرَىٰ ﴿٣٤﴾

يَوْمَ يَتَذَكَّرُ ٱلْإِنسَٰنُ مَا سَعَىٰ ﴿٣٥﴾

وَبُرِّزَتِ ٱلْجَحِيمُ لِمَن يَرَىٰ ﴿٣٦﴾

فَأَمَّا مَن طَغَىٰ ﴿٣٧﴾ وَءَاثَرَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿٣٨﴾

فَإِنَّ ٱلْجَحِيمَ هِىَ ٱلْمَأْوَىٰ ﴿٣٩﴾
وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِۦ وَنَهَى ٱلنَّفْسَ عَنِ
ٱلْهَوَىٰ ﴿٤٠﴾ فَإِنَّ ٱلْجَنَّةَ هِىَ ٱلْمَأْوَىٰ ﴿٤١﴾

"Dan apabila tiba malapetaka agung(34). Iaitu hari manusia teringat kepada segala perbuatan yang telah diusahakannya(35). Dan Neraka ditonjolkan kepada setiap yang melihat(36). Adapun orang-orang yang melampaui batas.(37). Dan mengutamakan hidup dunia(38). Maka Neraka yang bernyala-nyala itulah tempat kediamannya(39). Dan adapun orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan mencegahkan dirinya dari hawa nafsu(40). Maka Syurga itulah tempat kediamannya."(41)

Ketika hati sedang terharu dengan perasaan-perasaan yang ditimbulkan oleh pemandangan hari malapetaka agung, dan pemandangan Neraka yang ditunjukkan dengan jelas kepada setiap yang melihat dan pemandangan balasan yang diterima oleh orang-orang yang melampaui batas dan mengutamakan hidup dunia dan ganjaran yang diterima oleh orang-orang yang takutkan keagungan Allah dan menahan dirinya dari dijerumuskan oleh hawa nafsu, maka ketika inilah Al-Qur'an kembali kepada mereka yang tidak percayakan Hari Qiamat dan mengemukakan pertanyaan kepada Rasulullah s.a.w. bilakah waktu Qiamat itu..... ia kembali kepada mereka dengan pukulan yang menambahkan lagi kehebatan dan kedahsyatan Qiamat dalam perasaan manusia:

يَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلسَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَىٰهَا ﴿٤٢﴾
فِيمَ أَنتَ مِن ذِكْرَىٰهَآ ﴿٤٣﴾
إِلَىٰ رَبِّكَ مُنتَهَىٰهَآ ﴿٤٤﴾
إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرُ مَن يَخْشَىٰهَا ﴿٤٥﴾
كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَهَا لَمْ يَلْبَثُوٓا۟ إِلَّا عَشِيَّةً أَوْ
ضُحَىٰهَا ﴿٤٦﴾

"Mereka bertanya kepadamu tentang Qiamat bilakah waktunya?(42). Mengapakah engkau yang harus menyebutkan waktunya?(43). Hanya kepada Tuhanmu sahaja kesudahan urusannya(44). Tugas engkau hanya memberi peringatan kepada mereka yang takutkannya(45). Pada hari mereka melihat Qiamat, maka terasalah oleh mereka seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan hanya sepetang atau sepaginya sahaja."(46)

Bunyi "ها" di hujung ayat-ayat itu memberi nada yang keras dan panjang seolah-olah bekerjasama membesar-besarkan peristiwa Qiamat agung itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

وَٱلنَّٰزِعَٰتِ غَرْقًا ﴿١﴾ وَٱلنَّٰشِطَٰتِ نَشْطًا ﴿٢﴾
وَٱلسَّٰبِحَٰتِ سَبْحًا ﴿٣﴾ فَٱلسَّٰبِقَٰتِ سَبْقًا ﴿٤﴾
فَٱلْمُدَبِّرَٰتِ أَمْرًا ﴿٥﴾

"Demi pencabut-pencabut yang amat kuat(1). Demi yang bergerak cergas(2). Demi yang bergerak laju(3). Demi yang berlari pantas(4). Demi pentadbir-pentadbir yang melaksanakan perintah."(5)

Pendapat-pendapat Mengenai Makhluk-makhluk Yang Dimaksudkan Oleh Ayat-ayat Ini

Menurut satu pendapat, itulah "*malaikat-malaikat pencabut nyawa yang amat kuat*", "*malaikat-malaikat yang bergerak cergas*","*malaikat-malaikat yang bergerak laju di alam tinggi*", "*malaikat-malaikat yang amat pantas menjunjung perintah*" dan "*malaikat-malaikat pentadbir yang melaksanakan perintah yang diserahkan kepadanya.*" Menurut satu pendapat yang lain itulah sifat-sifat bintang-bintang yang meluncur di tempat-tempat peredaran masing-masing, yang beredar laju dan bergerak cergas dari satu kedudukan kepada satu kedudukan, yang terapung-apung dan tergantung-gantung di angkasa Allah, berlari laju dalam perjalanan dan peredarannya, mengaturkan gejala-gejala dan natijah-natijah pergerakan alam yang diserahkan Allah kepadanya iaitu urusan-urusan yang memberi kesan kepada kehidupan bumi dan penghuni-penghuninya.

Satu pendapat lagi mengatakan: النازعات , السابحات , الناشطات ,dan السابقات ialah sifat bintang-bintang dan المدبرات ialah sifat-sifat malaikat.

Ada pula yang berpendapat bahawa الناشطات , النازعات , السابحات ialah sifat bintang-bintang, sedangkan السابقات dan المدبرات ialah sifat-sifat malaikat.

Biar apa pun pengertiannya, namun pengungkapan yang sedemikian menggoncangkan perasaan kita dan mencemaskan hati kita dan membuat kita tertunggu-tunggu bahawa sesuatu yang dahsyat akan berlaku. Kerana itu ungkapan-ungkapan ini memberi sumbangan yang kuat menyediakan hati manusia untuk menghadapi gempa bumi dan langit, dan akhirnya menghadapi malapetaka Qiamat agung yang menakutkan itu.

Sesuai dengan wujudnya perasaan ini kami memilih untuk meninggalkan ayat-ayat ini begitu sahaja tanpa menambahkan apa-apa huraian dan penjelasan yang lebih dari itu supaya kita dapat hidup di bawah bayangan Al-Qur'an dengan ayat-ayatnya yang penuh dengan ilham dan saranan itu secara bersahaja begitu, kerana kesan yang menggoncang dan menyedarkan hati itu sendiri merupakan satu matlamat yang dituju oleh Al-Qur'an dengan menggunakan berbagai-bagai cara.

Teladan Hemat 'Umar Ibn Al-Khattab Dalam Menghadapi Kalimat-kalimat Al-Qur'an

Di samping itu kami ingin mengikut teladan yang ditunjukkan oleh Sayidina 'Umar ibn al-Khattab r.a ketika beliau membaca Surah 'Abasa dan apabila beliau sampai kepada ayat "فاكهة وأبا" beliau berkata: "Kita telah mengetahui makna فاكهة (buah-buahan), tetapi apakah pula makna أبا ?"

Kemudian beliau membetulkan semula dirinya dengan katanya:

"Demi usiamu, wahai anak al-Khattab, pertanyaan ini memberat-beratkan diri sendiri sahaja. Apakah salahnya jika engkau tidak mengerti makna sepatah kata dalam kitab Allah Ta'ala?"

Dalam satu riwayat yang lain beliau berkata:

"Semua itu kita sudah tahu, tetapi apa erti أبا ?"

Kemudian beliau mematahkan tongkat di tangannya kerana marahkan diri sendiri dan berkata:

"Ini, demi Allah, satu pertanyaan memberat-beratkan diri sahaja. Apakah salahnya anak ibu 'Umar, jika awak tidak tahu apakah makna أبا ?"

Kemudian beliau berkata lagi:

"Ikutilah maksud-maksud yang nyata dari ayat-ayat kitab suci ini dan tinggalkanlah maksudnya yang tidak nyata."

Inilah kata-kata yang lahir dari adab sopan terhadap kalimat-kalimat dan Allah yang agung itu, iaitu adab sopan seorang hamba di depan kalimat-kalimat Kalam Allah. Kadang-kadang mengekalkan kalimat-kalimat itu tanpa huraian merupakan satu matlamat yang menyampaikan maksudnya dengan sendirinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 9)

Kata-kata pembukaan itu diungkapkan dalam bentuk sumpah untuk menjelaskan hakikat-hakikat yang digambarkan oleh ayat-ayat berikut:

يَوْمَ تَرْجُفُ ٱلرَّاجِفَةُ ﴿٦﴾ تَتْبَعُهَا ٱلرَّادِفَةُ ﴿٧﴾

"Pada hari bergegarnya gempa bumi(6). Diiringi gegaran langit."(7)

Kata-kata (الراجفة) datang dengan makna "bumi" bersandarkan kepada ayat:

يَوْمَ تَرْجُفُ ٱلْأَرْضُ وَٱلْجِبَالُ

"Pada hari bumi dan gunung-ganang bergegar."(14)

(Surah al-Muzzammil)

Pengertian-pengertian Kata-kata Ar-Rajifat Dan Ar-Radifat

Dan الرادفة datang dengan makna "langit" dengan erti langit akan mengikut bumi dalam kejadian revolusi alam di mana langit akan terbelah dan bintang-bintangnya akan berguguran.

Begitu juga kata-kata الراجفة datang dengan makna tempikan pertama yang menggegarkan bumi, gunung-ganang, seluruh makhluk hidup dan mematikan penghuni-penghuni langit dan bumi, kecuali mereka yang dikehendaki Allah. Kata-kata الرادفة datang dengan makna "tiupan yang kedua" yang membangkitkan sekalian yang mati dan mengumpulkan mereka di padang Mahsyar seperti yang diterangkan di dalam Surah az-Zumar ayat 68.

Sama ada dengan pengertian pertama atau dengan pengertian kedua, kedua-duanya membuat hati manusia merasakan ledakan gempa, gegaran malapetaka dan huru-hara pada hari itu, dan membuatnya merasa menggigil, takut, ngeri dan gementar. Seterusnya ia membuat hati bersedia untuk memahami ketakutan yang melanda manusia pada hari itu, iaitu suatu ketakutan yang tidak memberi sebarang kemantapan dan ketenangan dan di waktu itu ia sedar dan menghayati kebenaran firman Allah:

قُلُوبٌ يَوْمَئِذٍ وَاجِفَةٌ ﴿٨﴾ أَبْصَٰرُهَا خَٰشِعَةٌ ﴿٩﴾

"Pada hari itu, semua hati berdebar-debar takut(8). Mata mereka tunduk hina."(9)

Pada Hari Qiamat Seluruh Hati Diselubungi Ketakutan Dan Kecemasan

Mereka dalam keadaan terlalu takut dan cemas, mereka kelihatan jelas hina-dina. Perasaan mereka bercampuraduk di antara takut dan kecewa, gentar dan lumpuh. Inilah yang berlaku pada hari yang dahsyat, di mana gempa bumi bergegaran dan diiringi gegaran langit. Inilah suasana yang terangkul dalam sumpah Allah dengan kejadian-kejadian:

النازعات ، الناشطات ، السابحات ، السابقات ، المدبرات

Ini adalah satu pemandangan yang selaras dari segi bayangan dan nada dengan pendahuluan surah.

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 14)

Kemudian Al-Qur'an menceritakan keadaan mereka yang begitu terkejut, kaget dan termengah-mengah apabila keluar dari kubur mereka:

يَقُولُونَ أَءِنَّا لَمَرْدُودُونَ فِي ٱلْحَافِرَةِ ﴿١٠﴾

أَءِذَا كُنَّا عِظَٰمًا نَّخِرَةً ﴿١١﴾

"Mereka berkata: Adakah kita dikembalikan semula kepada hidup yang pertama?(10). Adakah kita dihidupkan kembali setelah kita menjadi tulang-tulang yang reput?"(11)

Seluruh Manusia Berada Dalam Kebingungan Dan Tertanya-tanya

Mereka tertanya-tanya kaget adakah kita hidup semula seperti dahulu? Dan bagaimana ini boleh

berlaku sedangkan kita telah pun menjadi tulang yang reput dan boleh mengeluarkan bunyi apabila ditiup angin? Dan mereka mungkin sedar bahawa mereka sebenarnya telah dihidupkan kembali, tetapi bukannya hidup di dunia, malah hidup di alam Akhirat, maka terasalah di hati mereka betapa ruginya perkembalian mereka dan terlepaslah kata-kata:

قَالُوا۟ تِلْكَ إِذًا كَرَّةٌ خَاسِرَةٌ ﴿١٢﴾

"Kata mereka: Itulah perkembalian yang amat merugikan."(12)

Kepulangan itu tidak pernah diduga mereka dan tidak pernah dibuat persiapan dan bekalan untuknya. Tiada apa untuk mereka, melainkan kerugian yang tulen. Di sini, dalam menghadapi pemandangan ini, Al-Qur'an iringi dengan satu kenyataan yang menjelaskan hakikat Qiamat:

فَإِنَّمَا هِيَ زَجْرَةٌ وَٰحِدَةٌ ﴿١٣﴾ فَإِذَا هُم بِٱلسَّاهِرَةِ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya Qiamat itu hanya satu pekikan sahaja(13). Tiba-tiba mereka berada di muka bumi mahsyar yang putih berkilat."(14)

Kata-kata الزجرة bererti tempikan yang kuat. Kata-kata yang keras digunakan di sini untuk diselaraskan dengan suasana pemandangan bersama-sama seluruh pemandangan surah. Kata-kata الساهرة" bererti bumi putih berkilat, iaitu bumi Mahsyar.

Di Mana Bumi Mahsyar

Kita tidak mengetahui, di mana bumi Mahsyar? Kita terima keterangan yang benar ini dari Allah, dan oleh itu, kita tidak seharusnya membuat tokok tambah dengan keterangan-keterangan yang tidak muktamad. Berdasarkan kepada nas-nas yang lain, pekikan yang dimaksudkan di sini ialah tiupan sangkakala yang kedua, iaitu tiupan bangkit dari kubur dan berhimpun di padang Mahsyar. Ungkapan ini membayangkan kecepatan dan kepantasan berlakunya peristiwa itu. Segala suasana surah ini menayangkan kecepatan dan kecemasan hati yang takut dan berdebar-debar kencang. Keselarasan ayat-ayat jelas dapat dilihat pada setiap gerak dan pandangan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 16)

Kemudian nada-nada itu agak merendah sedikit di dalam pusingan yang berikut untuk disesuaikan dengan suasana kisah-kisah yang ditayangkan, iaitu kisah-kisah yang berlaku di antara Musa dan Fir'aun dan cerita nasib kesudahannya apabila Fir'aun yang zalim itu bertindak melampaui batas:

هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ﴿١٥﴾

إِذْ نَادَىٰهُ رَبُّهُۥ بِٱلْوَادِ ٱلْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٦﴾

"(Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu cerita Musa?(15). Ketika ia diseru Tuhannya di Wadi Tuwa yang suci."(16)

Babak-babak Kisah Musa a.s. Dalam Al-Qur'an

Kisah Musa merupakan kisah yang paling banyak sekali dicerita dan diperincikan di dalam Al-Qur'an. Sebelum ini kisah ini telah disebut di dalam berbagai-bagai surah, di mana diceritakan bermacam-macam babak dengan berbagai-bagai cara yang sesuai dengan pembicaraan surah yang memuatkan kisah itu dan turut menghasilkan tujuan penting surah itu mengikut gaya cara Al-Qur'an membentang dan menceritakan kisah-kisah itu. Di sini, kisah Musa diceritakan sepintas lalu dari masa beliau diseru Allah di perlembahan suci Tuwa hingga Fir'aun dibinasakan Allah. Ia dibinasakan di dunia kemudian diseksa di Akhirat, kerana itu kisah Musa mempunyai titik pertemuan dengan pokok pembicaraan surah ini, iaitu penjelasan hakikat Akhirat. Jarak waktu yang panjang kisah ini hanya disebutkan di dalam beberapa ayat yang pendek dan pantas supaya sesuai dengan tabi'at dan nada surah.

Ia dimulai dengan mengemukakan pertanyaan kepada Rasulullah s.a.w.:

هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ﴿١٥﴾

"(Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu cerita Musa?"(15)

Nabi Musa Bermunajat Dengan Allah Di Wadi Tuwa

Pertanyaan ini bertujuan membuka jalan dan menyediakan diri untuk menerima kisah ini. Kemudian Al-Qur'an mula membentang kisah itu sebagai kisah sebenar yang berlaku. Ia dimulakan dengan pemandangan munajat:

إِذْ نَادَىٰهُ رَبُّهُۥ بِٱلْوَادِ ٱلْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٦﴾

"Ketika ia diseru Tuhannya di Wadi Tuwa yang suci."(16)

Wadi Tuwa mengikut pendapat yang terkuat ialah nama satu perlembahan di pinggir Bukit Tursina di sebelah kanan bagi orang yang datang dari Madyan utara Hijaz.

Sa'at Allah Memanggil Sendiri Hamba Kesayanganya Merupakan Sa'at Yang Amat Mulia Dan Penuh Rahsia

Sa'at panggilan Allah merupakan satu sa'at yang amat hebat dan mulia, malah ia juga merupakan satu sa'at yang amat menakjubkan, kerana panggilan dari Allah itu sendiri kepada seseorang hamba-Nya merupakan satu perkara yang amat besar yang tidak dapat diungkap dengan kata-kata manusia. Ia merupakan satu rahsia dari rahsia-rahsia ketuhanan Yang Maha Agung di samping merupakan satu rahsia dari rahsia-rahsia kejadian manusia yang dilengkapkan persediaan untuk menerima panggilan Allah, Hanya sekadar inilah sahaja yang dapat kita jelaskan dalam persoalan ini. Manusia tidak dapat memahami hakikatnya. Oleh itu, manusia harus berdiri di pinggirnya sahaja sehingga Allah memberi kasyaf

kepadanya dan dapatlah ia mengecapinya dengan perasaannya.

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 19)

Di tempat-tempat yang lain, percakapan di antara Musa dengan Allah diterangkan dengan terperinci, tetapi oleh kerana ruang ini suatu ruang untuk penjelasan yang ringkas dan pantas, maka ia terus menceritakan tentang Musa menerima perintah Allah selepas menyebut kisah panggilan Allah di Wadi Tuwa yang suci:

اذْهَبْ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ ﴿١٧﴾

"(Wahai Musa!) Pergilah berda'wah kepada Fir'aun. Sesungguhnya ia telah melampaui batas."(17)

Musa Ditugas Menghalangkan Kezaliman Dan Keterlaluan Fir'aun

Tindak-tanduk yang keterlaluan itu adalah suatu perkara yang tidak seharusnya berlaku dan tidak seharusnya dibiarkan. Ia adalah satu perbuatan yang amat buruk dan merosakkan bumi serta bertentangan dengan apa yang disukai Allah dan membawa kepada apa yang dibencikan-Nya. Untuk mencegahkan kelakuan ini, Allah telah mengutuskan seorang hamba pilihan-Nya supaya berjuang menghalangkan kejahatan, kerosakan dan keterlaluan itu. Ia satu perbuatan yang begitu keji dan dibenci sehingga Allah sendiri memerintah seorang hamba pilihan-Nya supaya pergi menghadapi Fir'aun yang zalim dan pelampau itu agar ia sedar dan balik ke pangkal jalan sebelum ditimpa 'azab Allah di dunia dan Akhirat.

Kemudian Allah mengajar Musa bagaimana cara hendak berbicara dengan Fir'aun dengan menggunakan kata-kata yang lembut dan menarik semoga ia berhenti dari kezaliman dan menghindarkan diri dari kemurkaan Allah:

فَقُلْ هَل لَّكَ إِلَىٰٓ أَن تَزَكَّىٰ ﴿١٨﴾

"Katakanlah kepadanya: Adakah engkau suka aku menyerumu supaya membersihkan diri?"(18)

Sukakah engkau membersihkan diri dari noda-noda kezaliman dan maksiat? Sukakah engkau menuju ke jalan perhubungan dengan Allah dan jalan keberkatan?

وَأَهْدِيَكَ إِلَىٰ رَبِّكَ فَتَخْشَىٰ ﴿١٩﴾

"Dan membimbingmu kepada Tuhanmu supaya engkau takut kepada-Nya?"(19)

Sukakah engkau jika aku tunjukkan jalan menuju Tuhanmu? Jika engkau tahu jalan ini, sudah tentu engkau akan takutkan Allah. Manusia tidak bertindak zalim, keterlaluan dan derhaka melainkan apabila ia jauh dari Tuhannya. Jika ia sesat dari jalan yang benar, hatinya akan rosak dan menjadi kejam, dan dari sinilah lahirnya tindak-tanduk yang zalim dan menderhakakan Allah.

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 21)

Inilah yang berlaku dalam babak panggilan dan penyampaian perintah dan kemudiannya dalam babak pertemuan dan penyampaian da'wah kepada Fir'aun, dan untuk meringkaskan cerita tirai terus dilabuhkan kemudian diangkatkan semula untuk menunjukkan kesudahan adegan pertemuan di antara Fir'aun dan Musa itu:

فَأَرَىٰهُ ٱلْءَايَةَ ٱلْكُبْرَىٰ ﴿٢٠﴾

"Kemudian ia memperlihatkan kepadanya mu'jizat yang besar."(20)

Musa Memperlihatkan Mu'jizat-mu'jizat

Musa telah menyampaikan apa yang telah ditugaskan kepadanya dengan gaya bahasa yang diajar oleh Allah sendiri, tetapi cara itu gagal untuk melembutkan hati Fir'aun yang zalim dan kosong dari iman itu, lalu Musa memperlihatkan kepadanya mu'jizat-mu'jizatnya yang besar, iaitu mu'jizat tongkat dan mu'jizat tangan yang putih melepak sebagaimana diterangkan di tempat-tempat yang lain:

فَكَذَّبَ وَعَصَىٰ ﴿٢١﴾

"Tetapi Fir'aun mendustakannya dan menderhaka."(21)

Adegan pertemuan dan penyampaian da'wah ini berakhir setakat Fir'aun menolak dan enggan mengikut penceritaan secara ringkas.

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 24)

Kemudian ditunjukkan pula adegan Fir'aun enggan menerima da'wah Musa dan berusaha mengumpulkan ahli-ahli sihir untuk mengadakan pertandingan antara sihir dan kebenaran apabila ia merasa begitu sukar untuk menyerah kalah kepada kebenaran dan hidayat:

ثُمَّ أَدْبَرَ يَسْعَىٰ ﴿٢٢﴾ فَحَشَرَ فَنَادَىٰ ﴿٢٣﴾
فَقَالَ أَنَا۠ رَبُّكُمُ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٢٤﴾

"Kemudian ia berpaling dari Musa dan berusaha(22). Lalu ia mengumpulkan (ahli-ahli sihir) dan berseru(23). Lalu berkata: Akulah tuhan kamu yang maha tinggi."(24)

Fir'aun Mengaku Dirinya Sebagai Tuhan

Di sini Al-Qur'an dengan pantas menyebut perkataan Fir'aun yang pelampau dan kafir itu, dan secara sepintas lalu ia mengisahkan usaha-usaha Fir'aun melakukan tipu daya dan menghimpunkan ahli-ahli sihir dan khalayak ramai, dan keluarlah dari mulutnya kata-kata biadab yang bongkak dan jahil:

فَقَالَ أَنَا۠ رَبُّكُمُ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٢٤﴾

"Akulah tuhan kamu yang maha tinggi."(24)

Ia berkata begitu kerana tertipu dengan kelalaian rakyat jelata, tertipu dengan kepatuhan dan keta'atan

mereka. Kelalaian, kerendahan diri, kepatuhan dan keta'atan rakyat jelata inilah yang membuat pemerintah-pemerintah yang zalim itu tertipu. Sebenarnya pemerintah yang zalim dan pelampau itu hanya manusia sebatang karah sahaja, dan pada hakikatnya ia tidak mempunyai sebarang kekuatan dan kuasa. Dan yang membuat dia berkuasa ialah rakyat jelata yang lalai dan rendah diri. Merekalah yang memberi belakang untuk ditunggang, memberi leher untuk ditarik, menundukkan kepala untuk dilangkahi dan menyerahkan kemuliaan dan kehormatan untuk diperlakukan dengan sewenang-wenang.

Rakyat jelata yang berbuat demikian ialah kerana tertipu dan kerana takut. Sedangkan ketakutan itu lahir dari sangkaan-sangkaan yang tidak benar. Pemerintah yang zalim adalah manusia yang sebatang karah, Ia tidak mungkin lebih kuat dari ribuan dan jutaan rakyat, jika rakyat menyedari harga kemanusiaan, kehormatan, kemuliaan dan kebebasan diri mereka. Setiap seorang rakyat adalah setanding dengan seorang pemerintah yang zalim dari segi kekuatan, tetapi pemerintah dapat menipu mereka hingga mereka merasa seolah-olah dia memiliki sesuatu untuk mereka. Tidak mungkin sekali-kali seorang manusia sebatang karah bermaharajalela di tengah-tengah rakyat jelata yang mempunyai kemuliaan diri. Tidak mungkin sekali-kali seorang manusia sebatang karah bermaharajalela di tengah-tengah rakyat jelata yang sedar, dan tidak mungkin sekali-kali seorang manusia sebatang karah bermaharajalela di tengah-tengah rakyat jelata yang mengenal dan beriman kepada Allah dan enggan menyembah mana-mana makhluknya yang tidak mempunyai sebarang kuasa yang boleh mendatangkan mudarat dan kebaikan. Tetapi Maharaja Fir'aun mendapati rakyat jelatanya lalai, hina diri dan kosong dari iman, dan inilah yang memberanikannya mengeluarkan kata-kata yang kafir dan berdosa:

فَقَالَ أَنَا۠ رَبُّكُمُ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٢٤﴾

"Akulah tuhan kamu yang maha tinggi."(24)

Ia tidak akan mengeluarkan kata-kata itu jika ia tahu rakyat jelatanya sedar, mempunyai kemuliaan diri dan beriman kepada Allah, kerana mereka tahu bahawa dia hanya seorang manusia yang lemah dan tidak berkuasa di atas suatu apa, dan andainya seekor lalat merampas sesuatu darinya nescaya ia tidak dapat menyelamatkannya.

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 26)

Untuk menghadapi perbuatan biadab dan kezaliman yang keji itu, maka bergeraklah kekuatan agung Ilahi:

فَأَخَذَهُ ٱللَّهُ نَكَالَ ٱلْآخِرَةِ وَٱلْأُولَىٰٓ ﴿٢٥﴾

"Lalu Allah seksakannya dengan 'azab yang dahsyat di Akhirat dan di dunia."(25)

Di sini didahulukan 'azab Akhirat dari 'azab dunia, kerana 'azab Akhirat lebih dahsyat dan kekal. Itulah keseksaan hakiki yang menimpa manusia-manusia yang zalim dan penderhaka, iaitu keseksaan yang amat pedih dan kekal abadi. Di samping itu, mendahulukan sebutan 'azab Akhirat adalah sesuai dengan pembicaraan surah ini yang memperkatakan tentang Hari Akhirat dan menjadikan Akhirat sebagai maudhu'nya yang pokok. Selain dari itu susunan mendahulukan kata Akhirat dari segi sebutannya adalah selaras dengan bunyi akhir kata ayat-ayat yang lain di samping selaras dengan maudhu'nya yang pokok dari segi makna.

Keseksaan dunia menimpa Fir'aun adalah ngeri dan dahsyat, maka bagaimana pula dengan keseksaan Akhirat yang lebih dahsyat dan ngeri itu? Inikan Fir'aun seorang raja yang mempunyai kekuatan, kekuasaan dan kebesaran yang turun-temurun, bagaimana pula dengan manusia-manusia pendusta yang lain? Bagaimana pula dengan kaum Musyrikin di Makkah yang menentang da'wah?

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّمَن يَخْشَىٰٓ ﴿٢٦﴾

"Sesungguhnya penyeksaan itu menjadi pengajaran bagi mereka yang takutkan Allah."(26)

Hanya Orang Yang Beriman Sahaja Mengambil Pengajaran Dari Kejatuhan Pemerintah-pemerintah Yang Zalim

Orang-orang yang mengenai Tuhannya dan takut kepada-Nya dapat memahami contoh pengajaran dari kisah Fir'aun. Tetapi bagi mereka yang hatinya tidak mengenal taqwa akan terhijab dari contoh pengajaran itu hingga mereka berlanggar dengan akibat yang buruk dan sehingga Allah menyeksakan mereka dengan 'azab yang dahsyat di Akhirat dan di dunia. Setiap orang mendapat kemudahan memilih jalan dan setiap orang mendapat kemudahan menuju ke arah akibat yang buruk. Hanya orang yang takut kepada Allah sahaja dapat mengambil pengajaran.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 33)

Sesudah menjelajah di gelanggang-gelanggang kejatuhan manusia pelampau yang zalim dan angkuh dengan kekuatan mereka, Al-Qur'an kembali pula kepada kaum Musyrikin Makkah yang juga berbangga-bangga dengan kekuatan mereka. Ia membawa mereka melihat gejala-gejala kekuasaan Allah Yang Maha Agung di alam buana ini agar dibandingkan dengan kekuasaan mereka yang tidak sampai ke mana-mana itu:

ءَأَنتُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمِ ٱلسَّمَآءُ ۚ بَنَىٰهَا ﴿٢٧﴾

"Apakah kamu lebih sukar diciptakan atau langit lebih sukar dibinakannya?"(27)

Mengulangkan Kembali Penciptaan Manusia Tidak Sepayah Menciptakan Langit

Pertanyaan ini tidak mempunyai jawapan yang lain melainkan jawapan menyerah kalah dan mengaku bahawa langitlah yang lebih sukar diciptakan. Ini tidak dapat dipertikaikan lagi. Oleh itu, mengapa kamu masih tertipu dengan kekuatan kamu sedangkan langitlah yang lebih sukar diciptakan dari kamu, dan yang menciptakan langit lebih gagah dari langit?

Ini adalah satu saranan yang terbit dari pertanyaan itu, tetapi di sana ada satu lagi saranan yang terbit darinya iaitu apakah yang menyebabkan kamu menganggap sukar untuk dibangkitkan kamu semula selepas mati, sedangkan Allah berkuasa menciptakan langit yang lebih sukar dari menciptakan kamu dan sedangkan urusan membangkitkan kamu kembali hanya merupakan satu proses mengulangkan semula penciptaan kamu. Dan tentulah Allah yang berkuasa membina langit yang lebih sukar itu berkuasa pula mengulangi penciptaan kamu yang lebih mudah itu.

Langit yang amat sukar itu telah dibinakan Allah tanpa dipertikaikan. Kata-kata "bina"[1] itu membayangkan keteguhan dan kekukuhan dan kejadian langit juga begitu kukuh, padu dan tidak kucar-kacir. Bintang-bintang dan planet-planetnya tidak pernah berada di dalam keadaan berselerakan dan tidak pernah melencong dari orbit atau jalan-jalan peredaran masing-masing. Ia merupakan satu binaan yang kukuh dan segala bahagiannya tersusun padu.

رَفَعَ سَمْكَهَا فَسَوَّاهَا ﴿٢٨﴾

"Dia meninggikan bangunan langit dan menyusunnya dengan sempurna."(28)

Langit dibina begitu tinggi, begitu kukuh dan sepadu. Inilah maksud penyusunan yang sempurna. Pandangan mata kasar dan perhatian biasa sahaja dapat menyaksikan susunan kejadian langit yang begitu rapi dan seimbang itu. Pengetahuan mengenai hakikat undang-undang yang memegang bintang-bintang dan planet-planet yang besar dan menyelaraskan pergerakan-pergerakannya dan segala implikasinya, dapat meluaskan lagi pengertian ungkapan itu dan menambahkan ruang hakikat yang besar itu, yang mana hanya sedikit sahaja dari hakikat itu dapat diketahui manusia dengan ilmu-ilmu pengetahuan mereka. Mereka berdiri kaget di hadapannya, mereka diselubungi perasaan kagum, tercengang dan takjub dan mereka tidak mampu memberi sebab dan alasan selain dari andaian adanya satu kekuatan agung yang mentadbir dan mengaturkan perjalanannya walaupun mereka tidak menganut apa-apa agama pun.

وَأَغْطَشَ لَيْلَهَا وَأَخْرَجَ ضُحَاهَا ﴿٢٩﴾

"Dia menggelapkan hari malamnya dan menerangkan hari siangnya."(29)

Undang-undang Di Sebalik Pertukaran Siang Dan Malam

Ungkapan ini membawa bunyi dan makna yang keras dan ini sesuai dengan pembicaraan tentang kekerasan dan kekuatan. Maksud dari **"menggelapkan hari malam"** ialah menjadikan hari malam itu gelap, Dan maksud dari **"menerangkan hari siang"** ialah menjadikan hari siang itu terang. Pemilihan kata-kata di sini cukup seimbang dengan pembicaraan ayat-ayat.

Hakikat gelap dan terang silih berganti di waktu malam dan siang ini dilihat oleh semua orang dan dirasakan oleh setiap hati. Tetapi ia mungkin dilupakan, kerana terlalu biasa. Oleh kerana itu Al-Qur'an membaharui ingatan itu dengan menggerakkan perasaan-perasaan manusia ke arahnya supaya ia terus membaharui setiap hari, dan supaya perasaan dan emosi manusia juga turut membaharui dengan kesan-kesannya. Undang-undang yang wujud di sebalik hakikat malam dan siang itu juga begitu halus dan begitu agung. Ia membuat hati setiap orang yang mengetahuinya kagum dan takjub. Dan hakikat ini akan terus menakjubkan hati apabila pengetahuan manusia semakin luas mengenainya.

وَالْأَرْضَ بَعْدَ ذَٰلِكَ دَحَاهَا ﴿٣٠﴾
أَخْرَجَ مِنْهَا مَاءَهَا وَمَرْعَاهَا ﴿٣١﴾
وَالْجِبَالَ أَرْسَاهَا ﴿٣٢﴾

"Dan setelah itu Dia hamparkan bumi(30). Dan dari bumi Dia keluarkan air dan tumbuh-tumbuhannya(31). Dan Dia tegakkan gunung-ganang."(32)

Hasil Dari Kemantapan Permukaan Bumi Dan Kesederhanaan Suhunya

Makna dihamparkan bumi ialah diratakan permukaannya supaya sesuai untuk berjalan di atasnya dan sesuai untuk mewujudkan tanah-tanih yang sesuai untuk menumbuhkan tanaman-tanaman. Penegakan gunung-ganang adalah sebagai hasil dari kemantapan permukaan bumi, dan wujudnya darjah kepanasan bumi pada tahap yang sederhana ini membolehkan makhluk yang bernyawa hidup di atasnya. Allah mengeluarkan air dari bumi sama ada yang mengalir dari matair-matair atau yang turun dari langit, kerana air hujan juga berasal dari air bumi yang berubah menjadi wap yang naik ke udara kemudian turun semula dalam bentuk air hujan. Allah keluarkan dari bumi tumbuh-tumbuhan yang dapat dimakan oleh manusia dan ternakan. Seluruh makhluk yang

---

[1] ((بناها))

hidup adalah bergantung kepada tumbuh-tumbuhan ini secara langsung atau tidak secara langsung.

Semuanya berlaku selepas dibinakan langit, digelapkan malam dan diterangkan siang. Teori-teori moden ilmu astronomi mendekatkan kepada pengertian ayat-ayat ini apabila teori-teori itu mengandaikan bahawa bumi ini telah dilalui ratusan juta tahun beredar siang dan malam bersilih ganti sebelum ia terhampar, sebelum ia sesuai untuk ditanam dan sebelum kulitnya mantap dengan tanah-tanah tinggi dan tanah-tanah datar.

Al-Qur'an mengumumkan bahawa segala apa yang diciptakan Allah itu adalah:

مَتَٰعٗا لَّكُمۡ وَلِأَنۡعَٰمِكُمۡ ٣٣

"Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu."(33)

Seluruh Struktur Alam Dan Bumi Disesuaikan Dengan Kepentingan-kepentingan Hidup Manusia

Ayat-ayat ini mengingatkan manusia betapa besarnya pentadbiran Allah terhadap mereka di samping mengingatkan betapa besarnya perencanaan Allah di dalam kerajaan-kerajaan-Nya. Pembinaan langit dan penghamparan bumi dalam bentuknya yang ada sekarang bukan secara mendadak atau kebetulan, malah ia dibuat dengan perkiraan yang sesuai dengan kepentingan-kepentingan manusia yang akan memerintah bumi ini kerana kewujudan, kesuburan dan kemajuan manusia di bumi ini memerlukan penyesuaian-penyesuaian yang amat banyak dalam pelan alam dan dalam pelan keluarga matahari khususnya, dan lebih-lebih lagi dalam pelan bumi.

Di antara penyesuaian-penyesuaian yang disebut di sini secara ringkas menurut cara Al-Qur'an ialah pembinaan langit, penggelapan malam, pencerahan siang, penghamparan bumi, pengeluaran air dan tumbuh-tumbuhan dan penegakan gunung-ganang atau bukit-bukau untuk kenikmatan manusia dan ternakan-ternakannya. Ia membayangkan hakikat tadbir dan perencanaan Allah pada setengah-setengah kejadian alam yang terbuka dan boleh difahamkan oleh semua peringkat manusia di setiap masyarakat dan di setiap zaman tanpa memerlukan kepada tingkatan ilmu pengetahuan yang tertentu. Ini ialah supaya ayat-ayat Al-Qur'an itu dapat ditujukan kepada seluruh umat manusia dari semua peringkat dan di setiap masa.

Di sebalik hakikat-hakikat yang terbuka itu terdapat pula pengertian-pengertian yang lebih luas dan mendalam terhadap tadbir dan perencanaan Allah dalam mengatur dan menyusun pelan alam buana yang amat besar ini. Penolakan unsur kebetulan dan serampangan dalam kejadian-kejadian ini adalah diungkapkan oleh tabi'at alam buana dan tabi'at kebetulan itu sendiri yang memustahilkan kemungkinan wujudnya penyesuaian-penyesuaian yang menakjubkan itu.

Penyesuaian-penyesuaian ini bermula dari susunan keluarga matahari yang berhubung rapat dengan bumi kita. Ia merupakan satu susunan yang jarang wujud di antara ratusan juta kumpulan bintang-bintang di angkasa raya. Kedudukan bumi sekarang merupakan satu contoh unik yang tidak ada dua tiganya di antara planet-planet di dalam keluarga matahari, iaitu satu kedudukan yang membuat bumi sesuai untuk kehidupan manusia. Sehingga hari ini manusia tidak mengetahui adanya satu planet lain di antara ribuan planet yang mempunyai penyesuaian-penyesuaian seperti itu.

> "Itu ialah kerana sebab-sebab hayat atau faktor-faktor hidup adalah cukup di bumi. Ukurannya cukup sesuai, jarak jauhnya sederhana dan strukturnya adalah sesuai untuk menemukan anasir-anasir benda pada nisbah yang boleh mencergaskan kegiatan hidup.
>
> Ukuran bumi yang sesuai itu adalah perlu, kerana kekalnya udara dingin di sekeliling bumi adalah bergantung kepada daya tarikan yang ada pada bumi.
>
> Jarak bumi yang sederhana itu adalah perlu kerana jirim yang dekat dengan matahari itu panas dan menyebabkan jisim-jisim tidak kemas dan padu, sedangkan jirim yang jauh dari matahari itu pula sejuk menyebabkan jisim-jisim itu kemas dan padu.
>
> Struktur bumi yang sesuai itu adalah perlu supaya anasir-anasir benda dapat bertemu pada nisbah yang boleh mencergaskan kegiatan hidup, kerana nisbah ini untuk pertumbuhan tumbuh-tumbuhan dan kewujudan hidup-hidupan yang bergantung kepada struktur bumi untuk menghasilkan makanan.
>
> Kedudukan bumi merupakan satu kedudukan yang paling sesuai untuk menyempurnakan syarat-syarat tersebut yang pasti untuk pertumbuhan hayat dalam bentuk yang kita ketahui, dan sehingga sekarang tiada bentuk hayat yang lain diketahui oleh kita."[2]

Memahami Kedudukan Manusia Di Bumi Yang Diaturkan Sedemikian Rapi Merupakan Pendahuluan Untuk Memahami Hikmat Diwujudkan Alam Akhirat

Penjelasan mengenai hakikat tadbir dan perencanaan Allah dalam mengatur dan menyusun pelan alam buana yang besar, dan bagaimana kedudukan manusia diperhitungkan dengan teliti dalam pelan itu, merupakan satu pendahuluan bagi mempersiapkan hati dan akal untuk menerima hakikat Akhirat, Hisab dan Balasannya dengan tenang dan yakin. Tidak mungkin manusia yang diciptakan sedemikian rapi ditinggalkan begitu sahaja tanpa menerima balasannya. Dan tidak masuk akal bahawa riwayat manusia akan berakhir dengan usianya yang pendek di dunia ini. Tidak masuk akal kejahatan,

---

[2] *Dari buku al-Ustaz al-'Aqqad,* عقائد المفكرين في القرن العشرين*.m.s. 36.*

kezaliman dan kebatilan yang bermaharajalela di bumi akan berlalu dengan selamat, dan tidak masuk akal kebaikan, keadilan dan kebenaran yang diganyangkan di bumi itu berlalu begitu sahaja. Kerana ini adalah bertentangan dengan semangat tadbir dan perencanaan Ilahi yang jelas dalam penyusunan pelan alam buana yang besar ini. Oleh itu, penjelasan hakikat kejadian alam yang disentuh oleh ayat-ayat dalam bahagian ini mempunyai titik pertemuan dengan hakikat Akhirat yang menjadi pokok pembicaraan utama surah ini. Penjelasan hakikat itu sesuai sebagai pendahuluan bagi hakikat Akhirat supaya mudah difaham oleh hati dan akal. Oleh itu, memang sesuai dengan tempat dan masa, apabila penjelasan malapetaka Qiamat yang agung itu disebut selepasnya.

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 41)

فَإِذَا جَآءَتِ ٱلطَّآمَّةُ ٱلْكُبْرَىٰ ﴿٣٤﴾
يَوْمَ يَتَذَكَّرُ ٱلْإِنسَٰنُ مَا سَعَىٰ ﴿٣٥﴾

"Dan apabila tiba malapetaka agung(34). Iaitu hari manusia teringat kepada segala perbuatan yang telah diusahakannya."(35)

Qiamat Merupakan Hari Kesedaran Manusia

Kehidupan dunia adalah suatu kenikmatan, iaitu kenikmatan yang diatur dengan rapi mengikut pentadbiran Allah yang berhubung rapat dengan seluruh alam, dengan kewujudan hayat dan manusia, tetapi kenikmatan itu ada akhir dan ada penghabisannya. Apabila malapetaka agung (Qiamat) berlaku, maka ia akan menghapuskan segala-galanya. Ia menghapuskan segala kenikmatan-kenikmatan sementara itu, menghapuskan alam yang kukuh dan rapi, menghapuskan langit yang terbina tinggi menyayup, menghapuskan bumi yang terhampar lebar, menghapuskan gunung-ganang yang tersergam tegak, menghapuskan segala yang hidup dan menghapuskan segala pertarungan dan peperangan, kerana Qiamat itu lebih besar dan merangkuli segala-galanya.

Ketika inilah setiap manusia teringat segala perbuatan yang telah dilakukannya, kini ia mengenangkannya kembali kerana selama ini kesibukan hidup dan keasyikan berpoya-poya dalam kenikmatan telah menyebabkannya leka dan lupa. Kini ia teringat segala perbuatan dan amalannya, tetapi ingatan dan kenangan itu tidak lagi berguna kepadanya selain dari penyesalan dan kehampaan, dan selain dari memikirkan balasan yang akan diterimanya.

وَبُرِّزَتِ ٱلْجَحِيمُ لِمَن يَرَىٰ ﴿٣٦﴾

"Dan Neraka ditonjolkan kepada setiap yang melihat."(36)

Neraka kelihatan jelas kepada setiap mata. Kata-kata برزت membawa makna dan bunyi yang kasar dan keras dan menonjol pemandangan Neraka di hadapan setiap mata.

Pada Hari Qiamat Setiap Manusia Pelampau Akan Menerima Balasannya

Ketika itu manusia akan menerima balasan dan akibat yang berbeza-beza, dan ketika itu lahirlah tujuan dan matlamat pentadbiran dan perencanaan Allah yang mewujudkan kehidupan dunia:

فَأَمَّا مَن طَغَىٰ ﴿٣٧﴾ وَءَاثَرَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿٣٨﴾
فَإِنَّ ٱلْجَحِيمَ هِىَ ٱلْمَأْوَىٰ ﴿٣٩﴾

"Adapun orang-orang yang melampaui batas(37). Dan mengutamakan hidup dunia(38). Maka Neraka yang bernyala-nyala itulah tempat kediamannya."(39)

Kata-kata طغى disini lebih luas dari ertinya yang dekat iaitu zalim, ia merupakan sifat bagi setiap orang yapg melampaui batas kebenaran dan hidayat. Pengertiannya lebih luas dari pemerintah yang zalim dan kejam. Ia meliputi setiap orang yang menentang hidayat dan mengutamakan hidup dunia tanpa memperhitungkan Hari Akhirat, sedangkan pada Hari Akhirat itulah yang boleh membetulkan segala neraca pertimbangan di tangan dan di hati manusia. Apabila seseorang itu mengabaikan Hisab Akhirat dan mengutamakan hidup dunia, maka pertimbangannya akan meleset, segala neraca dan segala penilaiannya salah dan segala lunas perasaan dan perilakunya akan menyeleweng, dan ia akan menjadi manusia pelampau dan pelanggar batas. Untuk golongan ini:

فَإِنَّ ٱلْجَحِيمَ هِىَ ٱلْمَأْوَىٰ ﴿٣٩﴾
وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِۦ وَنَهَى ٱلنَّفْسَ عَنِ
ٱلْهَوَىٰ ﴿٤٠﴾ فَإِنَّ ٱلْجَنَّةَ هِىَ ٱلْمَأْوَىٰ ﴿٤١﴾

"Maka Neraka yang bernyala-nyala itulah tempat kediamannya(39). Dan adapun orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan mencegahkan dirinya dari hawa nafsu(40). Maka Syurga itulah tempat kediamannya."(41)

Orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya tidak berani melakukan maksiat, dan apabila ia lakukannya di bawah tekanan kelemahannya sebagai manusia, maka perasaan takutnya kepada Allah Yang Maha Mulia itu akan membawanya kepada penyesalan-penyesalan, kepada memohon keampunan dan bertaubat, dan kerana itu ia tetap berada dalam lingkungan ta'at.

Mengikut Nafsu Selepas Berilmu Merupakan Sakit jiwa

Pencegahan diri dari keinginan hawa nafsu merupakan tiang seri keta'atan. Keinginan hawa nafsu merupakan pendorong yang kuat kepada

tindak-tanduk yang melampau dan kepada perbuatan-perbuatan maksiat. Ia menjadi punca segala bala bencana dan punca segala kejahatan. Jarang manusia binasa kecuali dengan sebab nafsu. Kejahilan mudah diubati tetapi penyakit mengikut hawa nafsu selepas berilmu merupakan penyakit jiwa yang memerlukan mujahadah yang bersungguh-sungguh dan memerlukan masa yang untuk mengubatinya.

Perasaan takut kepada Allah merupakan dinding yang teguh untuk mencegahkan keinginan-keinginan nafsu yang kuat, tetapi dinding-dinding yang lain jarang dapat mencegah rempuhan hawa nafsu. Kerana itulah kedua-duanya dikumpulkan dalam satu ayat. Yang bercakap di sini ialah Allah Pencipta jiwa manusia, kerana itu Dialah Yang Maha Tahu tentang penyakit jiwa dan ubatnya. Dialah Yang Maha Mengetahui segala lorong dan liku-likunya, Dialah Yang Maha Mengetahui di mana tersembunyinya keinginan-keinginan hawa nafsu, dan apakah pula ubatnya dan bagaimana hendak mengusir dan memburu hawa nafsu itu dari tempat-tempat persembunyiannya.

Allah tidak mentaklifkan manusia supaya mempastikan keinginan hawa nafsu itu tidak bersemarak di dalam jiwanya kerana Allah S.W.T. tahu bahawa tindakan itu adalah di luar kemampuan manusia. Oleh itu, ia hanya mentaklifkan manusia supaya melarang, mencegah dan memegang tali pacunya serta mencari pertolongan dari perasaan takut kepada kebesaran Allah Yang Maha Agung. Allah menetapkan balasan Syurga kepada setiap orang yang berjihad melawan hawa nafsunya:

فَإِنَّ ٱلۡجَنَّةَ هِيَ ٱلۡمَأۡوَىٰ ﴿٤١﴾

"Maka Syurga itulah tempat kediamannya."(41)

Ini ialah kerana Allah mengetahui kesulitan dan kehebatan jihad itu, juga mengetahui nilai jihad itu dalam mengasuh, mendidik, membetul dan meningkatkan jiwa manusia ke maqam yang tinggi.

Di Antara Kebebasan Insaniyah Dan Kebebasan Haiwaniyah

Manusia itu menjadi manusia dengan sebab kesanggupannya mencegah hawa nafsunya, dengan sebab jihadnya dan dengan sebab peningkatan jiwanya. Ia bukan manusia apabila ia membiarkan dirinya dipermainkan hawa nafsunya dan apabila ia menta'ati dorongan-dorongan nafsunya hingga ke dasarnya yang dalam dengan alasan kerana nafsu itu telah ditanam di dalam tabi'at semulajadinya. Allah yang menciptakan dalam jiwa manusia kesediaan untuk mengikut dorongan nafsu, Dialah juga yang menciptakan kesediaan untuk mengendali, mencegah dan membebaskan diri dari nafsunya. Dan Allah telah memperuntukkan balasan dan kediaman Syurga kepadanya apabila ia berjaya mengalahkan nafsunya dan meningkatkan dirinya.

Kebebasan insaniyah yang melayakkan seseorang menerima penghormatan dari Allah ialah kebebasan mengalahkan hawa nafsu dan kebebasan dari belenggu-belenggu hawa nafsu dan kebolehan mengendalikannya dengan saksama serta mengukuh kebiasaan membuat pilihan dan penilaian ala manusia. Kebebasan haiwaniyah ialah kekalahan di hadapan hawa nafsu dan perhambaan seseorang kepada dorongan nafsunya, dan keterlucutan tali pacu nafsu dari kawalan kehendak dan kemahuannya. Kebebasan haiwaniyah adalah kebebasan yang diperjuangkan oleh makhluk yang tewas kemanusiaannya atau manusia hamba yang memakai baju merdeka yang indah.

Manusia pertama yang dapat mengawal nafsunya berjaya meningkatkan diri dan menyiapkannya untuk memasuki kehidupan yang luhur di dalam Syurga, sementara manusia kedua yang tidak dapat mengawal nafsunya itulah manusia yang jatuh dan bersedia untuk kehidupan yang rendah dalam Neraka dan menjadi kayu bakarnya bersama batu-batu. Itulah kesudahan-kesudahan yang wajar dalam pertimbangan neraca Allah yang menilaikan hakikat segala sesuatu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 46)

Pada akhirnya datanglah nada terakhir dalam surah ini membawa bunyi yang hebat, mendalam dan panjang:

Qiamat Bukan Urusan Rasul

يَسۡـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلسَّاعَةِ أَيَّانَ مُرۡسَىٰهَا ﴿٤٢﴾

"Mereka bertanya kepadamu tentang Qiamat, bilakah waktunya?"(42)

Orang-orang Musyrikin yang degil bertanya Rasulullah s.a.w. setiap kali mendengar cerita malapetaka Qiamat dan berita hisab dan balasan:

أَيَّانَ مُرۡسَىٰهَا ﴿٤٢﴾

"Bilakah waktunya?"(42)

Jawapannya:

فِيمَ أَنتَ مِن ذِكۡرَىٰهَآ ﴿٤٣﴾

"Mengapakah engkau yang harus menyebutkan waktunya?"(43)

Jawapan ini membayangkan betapa besarnya persoalan Qiamat dan membuat pertanyaan itu kelihatan remeh-temeh, mengada-ngada dan melampau. Ia terlalu besar untuk ditanya waktunya, kerana seluruh urusannya terpulang kepada Allah. Qiamat adalah urusan Allah bukan urusanmu:

إِلَىٰ رَبِّكَ مُنتَهَىٰهَآ ﴿٤٤﴾

"Hanya kepada Tuhanmu sahaja kesudahan urusannya."(44)

Yakni urusan penentuan Qiamat hanya terpulang kepada Allah. Dia sahaja yang mengetahui bilakah waktunya. Dialah yang akan menguruskan segala-galanya pada hari Qiamat itu.

إِنَّمَآ أَنتَ مُنذِرُ مَن يَخۡشَىٰهَا ﴿٤٥﴾

"Tugas engkau hanya memberi peringatan kepada mereka yang takutkannya."(45)

Inilah sahaja tugas engkau. Itulah sahaja batas-batas kewajipan engkau. Engkau hanya ditugaskan menyampai amaran kepada orang yang mahu menerima amaran iaitu orang-orang yang yakin dan takut pada Hari Qiamat serta berbekal untuknya dan percaya Qiamat itu akan berlaku pada waktunya yang terserah kepada penentuan Allah Penciptanya.

Kemudian ayat berikut menggambar kedahsyatan dan kehebatan Qiamat yang mengubahkan perasaan-perasaan dan kefahaman-kefahaman, di samping mengubahkan kayu ukur di antara hidup dunia dengan Hari Qiamat dalam tanggapan dan penilaian manusia:

Masa Hidup Dunia Terlalu Pendek

كَأَنَّهُمۡ يَوۡمَ يَرَوۡنَهَا لَمۡ يَلۡبَثُوٓاْ إِلَّا عَشِيَّةً أَوۡ ضُحَىٰهَا ﴿٤٦﴾

"Pada hari mereka melihat Qiamat, maka terasalah oleh mereka seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia melainkan hanya sepetang atau sepaginya sahaja."(46)

Kesan peristiwa Qiamat itu begitu besar dan dahsyat pada jiwa manusia hingga kehidupan dunia dibandingkan dengannya kelihatan amat kerdil. Seluruh umur di dunia, peristiwa-peristiwanya, kenikmatan-kenikmatannya dan segala sesuatu yang ada padanya dirasakan mereka seolah-olah kehidupan sepetang atau sepagi sahaja.

Kini tergulunglah sudah kehidupan dunia yang selalu membuat penghuni-penghuninya berperang dan bertarung satu sama lain kerana merebut kenikmatannya, dunia yang selalu membuat mereka mengutamakan kenikmatannya dan mengabaikan usaha mereka untuk mendapat habuan di Akhirat, dunia yang selalu membuat mereka sanggup melakukan untuknya segala jenayah, maksiat dan kezaliman, dan dunia yang selalu membuat mereka dihanyut nafsu dan hidup kerana nafsu.

Kini tergulunglah sudah kehidupan dunia ini di dalam hati pencinta-pencintanya hingga dirasakan mereka seolah-olah kehidupan itu hanya berlangsung selama sepetang atau sepagi sahaja.

Inilah kisah kehidupan dunia yang pendek dan kerdil. Adakah kerana kehidupan sepetang atau sepagi itu, mereka sanggup mengorbankan kehidupan Akhirat yang kekal? Adakah kerana kepuasan hawa nafsu yang fana, mereka sanggup meninggalkan kediaman Syurga yang kekal di Akhirat?

Tidakkah ini suatu ketololan yang paling besar, suatu ketololan yang tidak sanggup dilakukan oleh seseorang yang berakal yang mendengar dan melihat.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH 'ABASA

SURAH KE

80

سُورَةُ عَبَسَ

SURAH 'ABASA

Surah Dia Memasamkan Muka

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

42

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

عَبَسَ وَتَوَلَّىٰٓ ﴿١﴾ أَن جَآءَهُ ٱلْأَعْمَىٰ ﴿٢﴾

وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُۥ يَزَّكَّىٰٓ ﴿٣﴾

أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنفَعَهُ ٱلذِّكْرَىٰٓ ﴿٤﴾ أَمَّا مَنِ ٱسْتَغْنَىٰ ﴿٥﴾

فَأَنتَ لَهُۥ تَصَدَّىٰ ﴿٦﴾ وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَزَّكَّىٰ ﴿٧﴾

وَأَمَّا مَن جَآءَكَ يَسْعَىٰ ﴿٨﴾ وَهُوَ يَخْشَىٰ ﴿٩﴾

فَأَنتَ عَنْهُ تَلَهَّىٰ ﴿١٠﴾

"Dia (Muhammad) telah memasamkan mukanya dan berpaling mengabaikannya(1). Kerana seorang buta yang datang menemuinya(2). (Wahai Muhammad!) Tahukah engkau barangkali dia datang dengan tujuan untuk membersihkan dirinya(3). Atau untuk mencari pengajaran, dan pengajaran itu berguna kepadanya(4). Tetapi orang yang merasa dirinya berdikari(5). Maka engkau telah memberi layanan yang baik kepadanya(6). Sedangkan tiada menjadi apa-apa kesalahan kepadamu jika ia enggan membersihkan dirinya(7). Tetapi orang yang datang (tergesa-gesa) menemuimu(8). Dan ia takut kepada Allah(9). Maka engkau telah abaikannya."(10)

كَلَّآ إِنَّهَا تَذْكِرَةٌ ﴿١١﴾ فَمَن شَآءَ ذَكَرَهُۥ ﴿١٢﴾

فِى صُحُفٍ مُّكَرَّمَةٍ ﴿١٣﴾ مَّرْفُوعَةٍ مُّطَهَّرَةٍۭ ﴿١٤﴾

بِأَيْدِى سَفَرَةٍ ﴿١٥﴾ كِرَامٍۭ بَرَرَةٍ ﴿١٦﴾

قُتِلَ ٱلْإِنسَٰنُ مَآ أَكْفَرَهُۥ ﴿١٧﴾

مِنْ أَىِّ شَىْءٍ خَلَقَهُۥ ﴿١٨﴾

مِن نُّطْفَةٍ خَلَقَهُۥ فَقَدَّرَهُۥ ﴿١٩﴾

ثُمَّ ٱلسَّبِيلَ يَسَّرَهُۥ ﴿٢٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu. Sesungguhnya ayat Al-Qur'an itu suatu peringatan(11). Oleh itu, siapa yang mahu ia boleh mengambil pengajaran darinya(12). Ia tercatat di dalam suhuf-suhuf yang dimuliakan(13). Yang dijunjung tinggi dan suci(14). Terpelihara di tangan malaikat-malaikat para utusan(15). Yang mulia dan ta'at setia(16). Wajarlah manusia itu dibunuh! Alangkah besar kekufurannya(17). Dari bahan apakah ia diciptakan Allah?(18). Allah ciptakannya dari nutfah dan menentukan perencanaan terhadapnya(19). Kemudian Dia memudahkannya memilih jalan."(20).

ثُمَّ أَمَاتَهُۥ فَأَقْبَرَهُۥ ﴿٢١﴾ ثُمَّ إِذَا شَآءَ أَنشَرَهُۥ ﴿٢٢﴾

كَلَّا لَمَّا يَقْضِ مَآ أَمَرَهُۥ ﴿٢٣﴾

فَلْيَنظُرِ ٱلْإِنسَٰنُ إِلَىٰ طَعَامِهِۦٓ ﴿٢٤﴾

أَنَّا صَبَبْنَا ٱلْمَآءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾

ثُمَّ شَقَقْنَا ٱلْأَرْضَ شَقًّا ﴿٢٦﴾

فَأَنۢبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ﴿٢٧﴾ وَعِنَبًا وَقَضْبًا ﴿٢٨﴾

وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا ﴿٢٩﴾ وَحَدَآئِقَ غُلْبًا ﴿٣٠﴾

"Kemudian Dia mematikannya dan mengkebumikannya(21). Kemudian apabila Dia kehendaki Dia membangkitkannya kembali(22). Tidak sekali-kali begitu, manusia belum lagi melaksanakan apa yang diperintahkan-Nya(23). Kemudian hendaklah manusia memerhatikan makanannya(24). Sesungguhnya Kami telah mencurahkan air dengan curahan yang lebat(25). Kemudian Kami belahkan bumi dengan belahan yang sempurna(26). Lalu Kami tumbuhkan padanya biji-bijian(27). Anggur dan sayur-sayuran(28). Zaitun dan kurma(29). Dan kebun-kebun yang merimbun subur."(30).

وَفَٰكِهَةً وَأَبًّا ﴿٣١﴾ مَّتَٰعًا لَّكُمْ وَلِأَنْعَٰمِكُمْ ﴿٣٢﴾

فَإِذَا جَآءَتِ ٱلصَّآخَّةُ ﴿٣٣﴾

يَوْمَ يَفِرُّ ٱلْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ﴿٣٤﴾

وَأُمِّهِۦ وَأَبِيهِ ﴿٣٥﴾ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَبَنِيهِ ﴿٣٦﴾

لِكُلِّ ٱمۡرِيٕٖ مِّنۡهُمۡ يَوۡمَئِذٖ شَأۡنٞ يُغۡنِيهِ ٣٧

وُجُوهٞ يَوۡمَئِذٖ مُّسۡفِرَةٞ ٣٨

ضَاحِكَةٞ مُّسۡتَبۡشِرَةٞ ٣٩

وَوُجُوهٞ يَوۡمَئِذٍ عَلَيۡهَا غَبَرَةٞ ٤٠

تَرۡهَقُهَا قَتَرَةٌ ٤١

أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡكَفَرَةُ ٱلۡفَجَرَةُ ٤٢

"Serta buah-buahan dan rumput-rampai(31). Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu(32). Kemudian apabila tiba Qiamat yang gegak-gempita(33). Pada hari itu, setiap orang lari dari saudaranya(34). Dari ibu dan bapanya(35).Dari isteri dan anak-anaknya(36). Pada hari itu, setiap orang dari mereka sibuk dengan diri masing-masing(37). Pada hari itu, muka orang-orang (Mu'min) berseri-seri(38) Senyum ketawa dan gembira(39). Pada hari itu, muka orang-orang (kafir) comot berdebu(40). Di selubungi suram-muram(41). Merekalah orang-orang kafir yang derhaka."(42).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini mengandungi bahagian-bahagian yang amat kuat penjelasannya. Ia membicarakan berbagai-bagai hakikat yang besar. Sentuhan-sentuhannya amat mendalam. Ia mengemukakan gambaran-gambaran, bayangan-bayangan dan saranan-saranan yang unik. Ayat-ayatnya melahirkan nada-nada yang indah yang mengocak perasaan dan memberi ilham.

Bahagian pertama surah ini memperkatakan salah satu peristiwa yang berlaku dalam sirah Rasulullah s.a.w., iaitu ketika beliau sedang sibuk melayani rombongan pembesar-pembesar Quraisy untuk menyeru mereka kepada agama Islam, tiba-tiba beliau ditemui oleh Abdullah ibn Ummu Maktum seorang buta yang miskin. Ia tidak mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w. sedang duduk melayani rombongan itu. Ia terus meminta Rasulullah s.a.w. supaya mengajarnya apa yang telah disampaikan Allah kepadanya. Ini membuat Rasulullah s.a.w. tidak senang dan memasamkan mukanya dan tidak melayaninya, lalu turun Al-Qur'an dengan permulaan surah ini mengecamkan Rasulullah s.a.w. dengan kecaman yang amat tajam, dan menjelaskan hakikat nilai dalam kehidupan kelompok Islam dengan gaya bahasa yang kuat dan tegas di samping menjelaskan hakikat dan sifat da'wah Islam.

عَبَسَ وَتَوَلَّىٰٓ ١ أَن جَآءَهُ ٱلۡأَعۡمَىٰ ٢

وَمَا يُدۡرِيكَ لَعَلَّهُۥ يَزَّكَّىٰٓ ٣

أَوۡ يَذَّكَّرُ فَتَنفَعَهُ ٱلذِّكۡرَىٰٓ ٤ أَمَّا مَنِ ٱسۡتَغۡنَىٰ ٥

"Dia (Muhammad) telah memasamkan mukanya dan berpaling mengabaikannya(1). Kerana seorang buta yang datang menemuinya(2). (Wahai Muhammad!) Tahukah engkau barangkali dia datang dengan tujuan untuk membersihkan dirinya(3). Atau untuk mencari pengajaran, dan pengajaran itu berguna kepadanya(4). Tetapi orang yang merasa dirinya berdikari."(5)

فَأَنتَ لَهُۥ تَصَدَّىٰ ٦ وَمَا عَلَيۡكَ أَلَّا يَزَّكَّىٰ ٧

وَأَمَّا مَن جَآءَكَ يَسۡعَىٰ ٨ وَهُوَ يَخۡشَىٰ ٩

فَأَنتَ عَنۡهُ تَلَهَّىٰ ١٠

"Maka engkau telah memberi layanan yang baik kepadanya(6). Sedangkan tiada menjadi apa-apa kesalahan kepadamu jika ia enggan membersihkan dirinya(7). Tetapi orang yang datang (tergesa-gesa) menemuimu(8). Dan ia takut kepada Allah(9) Maka engkau telah abaikannya."(10)

كَلَّآ إِنَّهَا تَذۡكِرَةٞ ١١ فَمَن شَآءَ ذَكَرَهُۥ ١٢

فِي صُحُفٖ مُّكَرَّمَةٖ ١٣ مَّرۡفُوعَةٖ مُّطَهَّرَةِۭ ١٤

بِأَيۡدِي سَفَرَةٖ ١٥ كِرَامِۭ بَرَرَةٖ ١٦

"Tidak sekali-kali begitu. Sesungguhnya ayat Al-Qur'an itu suatu peringatan(11). Oleh itu, siapa yang mahu ia boleh mengambil pengajaran darinya(12). Ia tercatat di dalam suhuf-suhuf yang dimuliakan.(13) Yang dijunjung tinggi dan suci(14). Terpelihara di tangan malaikat-malaikat para utusan(15). Yang mulia dan ta'at setia."(16)

Bahagian yang kedua memperkatakan keingkaran dan kekufuran manusia yang jahat terhadap Tuhannya. Ia mengingatkan manusia asal-usul kejadiannya dan bagaimana Allah memberi kepadanya kemudahan untuk memilih jalan yang betul, bagaimana Allah menguruskan kematian dan kebangkitannya dan bagaimana manusia cuai melaksanakan perintah-Nya selepas itu:

قُتِلَ ٱلۡإِنسَٰنُ مَآ أَكۡفَرَهُۥ ١٧

مِنۡ أَيِّ شَيۡءٍ خَلَقَهُۥ ١٨

مِن نُّطۡفَةٍ خَلَقَهُۥ فَقَدَّرَهُۥ ١٩

ثُمَّ ٱلسَّبِيلَ يَسَّرَهُۥ ٢٠

"Wajarlah manusia itu dibunuh! Alangkah besar kekufurannya(17). Dari bahan apakah ia diciptakan Allah?(18). Allah ciptakannya dari nutfah dan menentukan perencanaan terhadapnya(19). Kemudian Dia memudahkannya memilih jalan."(20)

ثُمَّ أَمَاتَهُۥ فَأَقْبَرَهُۥ ﴿٢١﴾ ثُمَّ إِذَا شَآءَ أَنشَرَهُۥ ﴿٢٢﴾

كَلَّا لَمَّا يَقْضِ مَآ أَمَرَهُۥ ﴿٢٣﴾

"Kemudian Dia mematikannya dan mengkebumikannya(21). Kemudian apabila Dia kehendaki Dia membangkitkannya kembali(22). Tidak sekali-kali begitu, manusia belum lagi melaksanakan apa yang diperintahkan-Nya."(23)

Bahagian yang ketiga menarik hati manusia supaya memperhatikan satu bahan yang amat penting kepadanya iaitu makanannya dan makanan ternakannya dan bagaimana Allah mengaturkan pentadbiran dan perencanaan-Nya mengeluarkan makanan itu sama seperti Dia mengaturkan pentadbiran dan perencanaan-Nya untuk menciptakan diri manusia itu sendiri:

فَلْيَنظُرِ ٱلْإِنسَٰنُ إِلَىٰ طَعَامِهِۦٓ ﴿٢٤﴾

أَنَّا صَبَبْنَا ٱلْمَآءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾

ثُمَّ شَقَقْنَا ٱلْأَرْضَ شَقًّا ﴿٢٦﴾ فَأَنۢبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ﴿٢٧﴾

"Kemudian hendaklah manusia memerhatikan makanannya(24). Sesungguhnya Kami telah mencurahkan air dengan curahan yang lebat(25). Kemudian Kami belahkan bumi dengan belahan yang sempurna(26). Lalu Kami tumbuhkan padanya biji-bijian."(27)

وَعِنَبًا وَقَضْبًا ﴿٢٨﴾ وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا ﴿٢٩﴾

وَحَدَآئِقَ غُلْبًا ﴿٣٠﴾ وَفَٰكِهَةً وَأَبًّا ﴿٣١﴾

مَّتَٰعًا لَّكُمْ وَلِأَنْعَٰمِكُمْ ﴿٣٢﴾

"Anggur dan sayur-sayuran(28). Zaitun dan kurma(29). Dan kebun-kebun yang merimbun subur(30). Serta buah-buahan dan rumput-rampai(31). Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu."(32)

Bahagian yang akhir Al-Qur'an memperkatakan Hari Qiamat yang gegak-gempita yang akan datang dengan segala malapetakanya yang tergambar jelas pada setiap kata-katanya, di samping tergambar jelas kesan-kesannya yang dahsyat pada hati manusia, hingga ia lupakan segala sesuatu yang lain darinya dan tergambar pada wajah-wajah mereka yang comot:

فَإِذَا جَآءَتِ ٱلصَّآخَّةُ ﴿٣٣﴾

يَوْمَ يَفِرُّ ٱلْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ﴿٣٤﴾

وَأُمِّهِۦ وَأَبِيهِ ﴿٣٥﴾ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَبَنِيهِ ﴿٣٦﴾

لِكُلِّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾

"Kemudian apabila tiba Qiamat yang gegak-gempita(33). Pada hari itu, setiap orang lari dari saudaranya(34). Dari ibu dan bapanya(35). Dari isteri dan anak-anaknya(36). Pada hari itu, setiap orang dari mereka sibuk dengan diri masing-masing."(37)

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ مُّسْفِرَةٌ ﴿٣٨﴾

ضَاحِكَةٌ مُّسْتَبْشِرَةٌ ﴿٣٩﴾

وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ عَلَيْهَا غَبَرَةٌ ﴿٤٠﴾ تَرْهَقُهَا قَتَرَةٌ ﴿٤١﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَفَرَةُ ٱلْفَجَرَةُ ﴿٤٢﴾

"Pada hari itu, muka orang-orang (Mu'min) berseri-seri(38). Senyum ketawa dan gembira(39). Pada hari itu, muka orang-orang (kafir) comot berdebu(40). Di selubungi suram-muram(41). Merekalah orang-orang kafir yang derhaka."(42)

Penayangan bahagian-bahagian surah dengan huraian sepintas lalu seperti ini mencurahkan ke dalam hati kesan-kesannya yang kuat dan mendalam, dan kami akan cuba pula menerangkan sudut-sudut pandangan yang jauh yang ditunjukkan oleh bahagian-bahagian surah ini, yang mungkin tidak dapat difahami menerusi pandangan pertama.

Pembentangan bahagian-bahagian surah ini dan ayat-ayatnya sekilas seperti ini mencurahkan kesan-kesan pada pernyataannya yang begitu kuat dan mendalam mempengaruhi hati kita sebaik sahaja ia menyentuhnya.

Kami akan cuba mendedahkan aspek-aspek dari maksud-maksudnya yang jauh oleh setengah-setengah bahagian surah ini yang tidak dapat difahami dengan pandangan sepintas lalu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 16)

عَبَسَ وَتَوَلَّىٰٓ ﴿١﴾ أَن جَآءَهُ ٱلْأَعْمَىٰ ﴿٢﴾

وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُۥ يَزَّكَّىٰٓ ﴿٣﴾

أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنفَعَهُ ٱلذِّكْرَىٰٓ ﴿٤﴾ أَمَّا مَنِ ٱسْتَغْنَىٰ ﴿٥﴾

"Dia (Muhammad) telah memasamkan mukanya dan berpaling mengabaikannya(1). Kerana seorang buta yang datang menemuinya(2). (Wahai Muhammad!) Tahukah engkau barangkali dia datang dengan tujuan untuk membersihkan dirinya(3). Atau untuk mencari pengajaran, dan pengajaran itu berguna kepadanya(4). Tetapi orang yang merasa dirinya berdikari."(5)

فَأَنتَ لَهُۥ تَصَدَّىٰ ﴿٦﴾ وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَزَّكَّىٰ ﴿٧﴾

وَأَمَّا مَن جَآءَكَ يَسْعَىٰ ﴿٨﴾ وَهُوَ يَخْشَىٰ ﴿٩﴾

فَأَنتَ عَنْهُ تَلَهَّىٰ ﴿١٠﴾

"Maka engkau telah memberi layanan yang baik kepadanya(6). Sedangkan tiada menjadi apa-apa kesalahan kepadamu jika ia enggan membersihkan dirinya(7). Tetapi orang yang datang (tergesa-gesa) menemuimu(8). Dan ia takut kepada Allah(9). Maka engkau telah abaikannya."(10)

كَلَّآ إِنَّهَا تَذْكِرَةٌ ﴿١١﴾ فَمَن شَآءَ ذَكَرَهُۥ ﴿١٢﴾
فِى صُحُفٍ مُّكَرَّمَةٍ ﴿١٣﴾ مَّرْفُوعَةٍ مُّطَهَّرَةٍۭ ﴿١٤﴾
بِأَيْدِى سَفَرَةٍ ﴿١٥﴾ كِرَامٍۭ بَرَرَةٍ ﴿١٦﴾

"Tidak sekali-kali begitu. Sesungguhnya ayat Al-Qur'an itu suatu peringatan(11). Oleh itu, siapa yang mahu ia boleh mengambil pengajaran darinya(12). Ia tercatat di dalam suhuf-suhuf yang dimuliakan(13). Yang dijunjung tinggi dan suci(14). Terpelihara di tangan malaikat-malaikat para utusan(15). Yang mulia dan ta'at setia."(16)

Bimbingan Ilahi yang diturun mengenai peristiwa ini amatlah besar. Ia jauh lebih besar dari apa yang dilihat dalam pandangan seimbas yang pertama. Ia merupakan bimbingan yang berdaya mu'jizat di samping merupakan hakikat yang mahu ditegakkannya di bumi ini, serta kesan-kesannya kepada kehidupan manusia setelah ditegakkannya di bumi. Mungkin hakikat ini merupakan mu'jizat pertama Islam, juga mu'jizatnya yang teragung. Tetapi bimbingan ini hanya datang begini sahaja, dalam bentuk ulasan atau teguran terhadap satu peristiwa peribadi. Inilah cara Ilahi dalam Al-Qur'an. Ia menggunakan suatu kejadian atau peristiwa yang tertentu sebagai peluang untuk menjelaskan satu hakikat yang mutlak dan satu sistem hidup yang tetap teguh.

Jika tidak, maka hakikat yang mahu ditegakkan oleh bimbingan ini dan kesan-kesannya yang wujud selepas ditegakkan dalam kehidupan umat Muslimin merupakan hakikat Islam itu sendiri. Inilah hakikat yang mahu ditegakkan Islam dan agama-agama samawi yang lain di bumi ini.

Hakikat ini bukanlah semata-mata hendak mengajar bagaimana hendak melayani seseorang yang tertentu atau sekelompok manusia yang tertentu mengikut pengertian yang dekat bagi peristiwa dan teguran itu, malah ia terlalu jauh dari maksud ini. Bahkan hakikat ini bertujuan mengajar bagaimana seharusnya manusia menimbang dan menilai segala urusan hidup mereka? Dan dari mana seharusnya mereka mengambil nilai-nilai sebagai asas pertimbangan dan penilaian mereka?

Tegasnya, hakikat yang mahu ditegakkan oleh bimbingan itu ialah supaya manusia yang hidup di bumi mengambil asas-asas penilaian dan pertimbangan mereka dari nilai-nilai Ilahi yang diturun dari langit semata-mata tanpa terikat dengan keadaan-keadaan persekitaran mereka di bumi dan dengan budaya hidup mereka, juga bukan dari nilai-nilai yang lahir dari kefahaman mereka yang terikat dengan budaya-budaya dan keadaan-keadaan persekitaran hidup mereka di bumi.

Pengaruh Realiti Kehidupan Manusia Menyulitkan Mereka Untuk Menghayati Nilai-nilai Luhur Dari Langit

Ini adalah suatu perkara yang amat besar dan sukar. Memang sukar bagi manusia untuk hidup dengan nilai-nilai dan pertimbangan-pertimbangan yang datang dari langit, yang bebas dari pertimbangan-pertimbangan bumi dan bebas pula dari tekanan-tekanannya.

Kita dapat memahami kebesaran dan kesulitan perkara ini apabila kita memahami bagaimana besarnya pengaruh realiti hidup manusia dan bagaimana beratnya ia menekan perasaan dan jiwa manusia, bagaimana sukarnya untuk menghindari pengaruh keadaan-keadaan persekitaran dan tekanan-tekanan yang lahir dari realiti hidup manusia, iaitu realiti yang terbit dari keadaan-keadaan hidup mereka, dari pertalian-pertalian kehidupan mereka, dari tradisi-tradisi yang diwarisi masyarakat mereka, dari sisa-sisa keladak sejarah mereka dan dari semua keadaan yang mengikat mereka di bumi dan menambahkan tekanan ukurannya, nilai-nilai dan kefahamannya ke atas jiwa manusia.

Begitu juga kita dapat memahami betapa besar dan sulitnya perkara ini apabila kita memahami bahawa Nabi Muhammad ibn Abdullah s.a.w. sendiri memerlukan kepada bimbingan ini dari Allah, malah memerlukan kepada kecaman-Nya yang tajam terhadap tindak-tanduknya iaitu kecaman yang menyarankan kehairanan terhadap cara layanannya.

Cukuplah untuk membuktikan betapa penting dan besarnya sesuatu perkara di alam ini apabila dikatakan bahawa Nabi Muhammad ibn Abdullah sendiri memerlukan kepada peringatan dan bimbingan dari Allah untuk memahaminya.

Ya, ini sahaja sudah cukup, kerana kebesaran dan ketinggian jiwa Muhammad yang masih memerlukan kepada peringatan dari bimbingan Allah untuk memahami persoalan ini, menunjukkan bahawa persoalan ini lebih besar dari kebesaran dan ketinggian jiwa beliau. Inilah hakikat persoalan ini yang menjadi sasaran bimbingan Allah untuk ditegakkannya di bumi melalui peristiwa yang unik ini.

Nilai Hidup Yang Teragung Ialah Taqwa

Bimbingan ini bertujuan agar manusia mengambil nilai-nilai dan ukuran-ukuran mereka dari langit dan bebas dari nilai-nilai bumi dan dari ukuran-ukurannya yang diambil dari seluruh realiti hidup mereka. Inilah persoalan yang agung.

Neraca yang telah diturunkan Allah kepada para rasul-Nya untuk menimbangkan nilai-nilai hidup seluruhnya ialah:

إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ

"Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang-orang yang paling bertaqwa."

(Surah al-Hujurat: 13)

Inilah satu-satunya nilai yang memberat atau meringankan timbangan seseorang manusia yang sebenar, dan inilah nilai Ilahi yang diturunkan dari langit yang tidak ada sebarang hubungan dengan budaya-budaya bumi dan keadaan-keadaan persekitarannya.

Tetapi manusia semuanya hidup di bumi. Mereka terikat sesama mereka dengan berbagai-bagai pertahan dan hubungan yang mempunyai nilai kepentingannya dan daya tarikan dalam kehidupan mereka, dan kerana itu mereka berinteraksi sesama mereka dengan nilai-nilai yang lain, iaitu nilai keturunan, nilai kekuatan, nilai kekayaan dan nilai hubungan-hubungan yang lahir dari pengagehan nilai-nilai itu, sama ada hubungan ekonomi atau bukan ekonomi. Di sinilah letaknya perbezaan kedudukan mereka di antara satu sama lain di mana setengahnya lebih kuat dan lebih tinggi dari yang lain mengikut ukuran bumi.

Kemudian datang Islam mengumumkan:

إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ

"Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang-orang yang paling bertaqwa."

(Surah al-Hujurat: 13)

Islam menolak semua nilai-nilai yang dipandang berat dalam kehidupan manusia, dan menekan perasaan mereka dan nilai-nilai yang mempunyai daya tarikannya yang kuat ke bumi, dan Islam menukarkan nilai-nilai ini dengan nilai baru yang diambil secara langsung dari langit, iaitu satu-satunya nilai yang diakui dalam pertimbangan neraca langit.

Kemudian berlaku peristiwa Abdullah ibn Ummu Maktum untuk menjelaskan nilai itu dalam bentuk peristiwa yang berlaku di alam kenyataan, di samping menjelaskan dasar pokok, iaitu neraca dan nilai pertimbangan yang sebenar ialah neraca dan nilai Ilahi yang diturunkan dari langit. Dan umat Islam adalah berkewajipan menolak semua nilai-nilai yang lain, semua pandangan, semua neraca dan semua pertimbangan manusia yang lahir dari hubungan mereka di bumi agar mereka mengambil nilai-nilai Ilahi sahaja yang diturunkan dari langit dan menimbangkan segala sesuatu dengan nilai itu.

Kisah Si Buta Miskin Abdullah Ibn Maktum Menemui Rasulullah Ketika Beliau Sedang Sibuk Melayani Pembesar-pembesar Quraisy Yang Kaya Raya

Seorang buta yang miskin iaitu Ibn Ummu Maktum telah datang kepada Rasulullah s.a.w. yang sedang sibuk melayani pembesar-pembesar Quraisy iaitu 'Utbah dan Syaibah, kedua-duanya anak Rabi'ah, Abu Jahl iaitu 'Amr ibn Hisyam, 'Umayyah ibn Khalaf, al-Walid ibn al-Mughirah, termasuk al-Abbas ibn Abdul Muttalib. Rasulullah s.a.w. menyeru mereka kepada Islam dan berharap agar kemasukan mereka ke dalam agama Islam akan memberi kebajikan kepada Islam ketika beliau sedang menghadapi kesulitan dan kesukaran di Makkah. Pembesar-pembesar inilah yang menentang Islam dengan harta kekayaan, kedudukan dan kekuatan mereka. Merekalah yang menahan orang ramai dari memeluknya. Mereka melakukan berbagai-bagai angkara dan tipu daya terhadap beliau hingga mereka dapat membekukan da'wahnya di Makkah, sedangkan orang-orang yang lain dari mereka hanya berdiri di luar Makkah. Mereka tidak menerima da'wah itu, walaupun beliau dilindungi seorang yang paling dekat dan paling rapat kepada beliau dari segi hubungan kerabat, kerana mereka hidup dalam masyarakat jahiliyah yang berdasarkan semangat kesukuan, di mana pendirian suku mengatasi segala nilai dan pertimbangan yang lain.

Seorang lelaki yang buta dan miskin telah datang kepada Rasulullah s.a.w. sedangkan beliau sibuk melayani pembesar-pembesar itu bukan untuk faedah dan kepentingan dirinya, tetapi untuk faedah dan kepentingan Islam. Andainya mereka memeluk Islam, maka segala rintangan hebat dan duri-duri tajam akan terhapus dari jalan yang dilalui da'wah Islam di Makkah, dan akan tersebarlah agama Islam di sekeliling Makkah selepas mereka menganut Islam.

Lelaki itu datang dan berkata kepada Rasulullah s.a.w.: *"Wahai Rasulullah! Bacalah kepadaku dan ajarkanku apa yang telah diajarkan Allah kepada anda."*

Ia berkata begitu berulang-ulang kali, ia tahu bahawa Rasulullah s.a.w. sedang sibuk dengan urusannya. Oleh kerana itu Rasulullah s.a.w. merasa tidak senang apabila ia datang memotong percakapannya dan mengganggu urusannya, dan tanda-tanda tidak suka itu kelihatan jelas pada air mukanya yang tidak dapat dilihat oleh lelaki itu. Beliau memasamkan wajahnya dan tidak melayaninya kerana ia telah mengganggu urusannya yang amat penting yang diharap dapat memberi faedah-faedah yang banyak kepada da'wah Islam. Beliau bertindak begitu kerana ingin menguatkan agamanya dan kerana keikhlasan beliau terhadap perkembangan da'wahnya, dan seterusnya kerana kesayangan beliau terhadap kepentingan Islam dan hasrat beliau untuk melihat Islam tersebar luas.

Di sini datanglah campurtangan dari langit memberi keputusan yang tegas, memasang tanda-tanda jalan yang terang dan menjelaskan neraca yang sebenar untuk menimbang nilai-nilai, tanpa memperdulikan pertimbangan-pertimbangan dan perhitungan-perhitungan yang lain termasuk perhitungan untuk kepentingan agama yang dilihat oleh manusia walaupun yang melihatnya ialah Rasulullah s.a.w. penghulu manusia sendiri.

Di sini datanglah kecaman dari Allah Yang Maha Tinggi terhadap nabi-Nya yang mulia yang mempunyai budi pekerti yang luhur... datanglah kecaman itu dalam ungkapan yang sangat keras, dan bagi pertama kali dalam seluruh Al-Qur'an, Allah berfirman kepada rasul-Nya yang dikasihi dengan menggunakan kata كَلَّا atau **"tidak sekali-kali begitu"** iaitu sebuah kata-kata bantahan dan herdikan terhadap suatu perbuatan. Ini disebabkan kerana persoalan itu adalah satu persoalan agung yang menjadi asas agama ini.

Gaya bahasa ungkapan kecaman Ilahi itu merupakan satu gaya bahasa yang unik, yang tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa persuratan manusia, kerana bahasa persuratan manusia terikat dengan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang boleh menghilangkan kehangatan ungkapan Ilahi yang segar dan penuh ilham itu. Keistimewaan gaya bahasa ungkapan Al-Qur'an terletak pada kebolehannya menyampaikan sesuatu dengan sentuhan-sentuhan sepintas, dengan kata-kata yang pendek, dengan pengucapan yang penuh perasaan dan dengan pengungkapan yang mengandungi nada-nada, ciri-ciri dan imbasan-imbasan pandangan yang hidup.

عَبَسَ وَتَوَلَّىٰٓ ١ أَن جَآءَهُ ٱلۡأَعۡمَىٰ ٢

"Dia (Muhammad) telah memasamkan mukanya dan berpaling mengabaikannya(1). Kerana seorang yang buta datang menemuinya."(2)

Dengan menggunakan kata-kata cerita seorang yang lain yang tidak ada. Cara ini membayangkan bahawa maudhu' pembicaraan itu tidak disukai Allah hingga Ia tidak mahu menunjukkan maudhu' itu secara langsung kepada nabi kesayangan-Nya kerana kasihkannya dan kerana menghormatinya dari terus mengemukakan kepadanya perkara yang tidak diingininya itu.

Kemudian ungkapan itu diubahkan kepada kecaman dalam bentuk percakapan yang ditujukan secara langsung kepada Rasulullah s.a.w setelah disembunyikan perbuatan beliau yang menimbulkan kecaman itu. Ia diungkapkan agak tenang pada mulanya:

وَمَا يُدۡرِيكَ لَعَلَّهُۥ يَزَّكَّىٰٓ ٣
أَوۡ يَذَّكَّرُ فَتَنفَعَهُ ٱلذِّكۡرَىٰٓ ٤

"(Wahai Muhammad!) Tahukah engkau barangkali dia datang dengan tujuan untuk membersihkan dirinya(3). Atau untuk mencari pengajaran, dan pengajaran itu berguna kepadanya." (4)

Tahukah engkau barangkali kebajikan yang besar ini akan menjadi kenyataan, apabila si lelaki yang buta dan miskin yang datang mencari pengajaran darimu itu dapat membersihkan dirinya dan membuat hatinya sedar dan mendapat pengajaran yang berguna kepadanya? Tahukah engkau barangkali hati lelaki itu akan disinari nur Allah yang akan mengubahkannya menjadi rumah nur yang sentiasa menerima nur dari langit? Kebajikan ini akan menjadi kenyataan apabila ada hati yang membuka pintunya untuk menerima hidayat dan apabila hakikat iman terpacak kukuh di dalam hatinya. Inilah persoalan agung di dalam neraca pertimbangan Allah.

Kemudian nada kecaman itu meninggi dan kata-katanya bertambah keras. Ia berubah dari ungkapan-ungkapan yang membayangkan kehairanan kepada kaum:

أَمَّا مَنِ ٱسۡتَغۡنَىٰ ٥ فَأَنتَ لَهُۥ تَصَدَّىٰ ٦
وَمَا عَلَيۡكَ أَلَّا يَزَّكَّىٰ ٧ وَأَمَّا مَن جَآءَكَ يَسۡعَىٰ ٨
وَهُوَ يَخۡشَىٰ ٩ فَأَنتَ عَنۡهُ تَلَهَّىٰ ١٠

"Tetapi orang yang merasa dirinya berdikari(5). Maka engkau telah memberi layanan yang baik kepadanya(6). Sedangkan tiada menjadi apa-apa kesalahan kepadamu jika ia enggan membersihkan dirinya(7). Tetapi orang yang datang (tergesa-gesa) menemuimu(8). Dan ia takut kepada Allah(9). Maka engkau telah abaikannya."(10)

Yakni orang-orang yang terus terang menyatakan sikap berdikari yang tidak perlu kepadamu, kepada agamamu dan kepada hidayat, kepada kebajikan, kepada nur dan kepada kebersihan yang dibawa oleh da'wahmu, maka engkau telah memberi kepada mereka layanan yang baik, dan engkau bersusah payah supaya mereka mendapat hidayat, sedangkan mereka tidak menghiraukanmu.

وَمَا عَلَيۡكَ أَلَّا يَزَّكَّىٰ ٧

"Sedangkan tiada menjadi apa-apa kesalahan kepadamu jika ia enggan membersihkan dirinya."(7)

Apa mudaratnya kepadamu jika mereka terus bergelimang dalam noda dan dosa mereka? Engkau tidak bertanggungjawab terhadap dosa mereka, dan engkau tidak diberi pertolongan kerana mereka dan bukannya tugas engkau menjaga mereka.

وَأَمَّا مَن جَآءَكَ يَسۡعَىٰ ٨ وَهُوَ يَخۡشَىٰ ٩
فَأَنتَ عَنۡهُ تَلَهَّىٰ ١٠

"Tetapi orang yang datang (tergesa-gesa) menemuimu(8). Dan ia takut kepada Allah(9). Maka engkau telah abaikannya."(10)

Allah namakan sikap tidak melayani seseorang Mu'min yang ingin mencari pengajaran sebagai perbuatan yang abai dan cuai. Ini merupakan satu kenyataan yang berat.

Kemudian nada kecaman itu bertambah tinggi lagi hingga sampai kepada darjah mengherdik dan

membantah, **"tidak sekali-kali begitu."** Yakni ini tidak sepatutnya berlaku buat selama-lamanya. Ia merupakan satu ungkapan yang menarik perhatian di tempat ini.

Da'wah Tidak Menghargai Pangkat Kebesaran Dan Kekayaan, Tetapi Menghargai Siapa Sahaja Yang Ingin Menerimanya

Kemudian ia menerangkan hakikat da'wah, kemuliaannya, kebesarannya, keluhurannya dan sifatnya yang tidak memerlukan kepada sesiapa dan kepada apa-apa bentuk bantuan dan sandaran. Da'wah hanya memberi perhatian kepada sesiapa yang berkehendak kepadanya walau apa pun pangkat dan kedudukannya dalam ukuran dunia:

كَلَّآ إِنَّهَا تَذْكِرَةٌ ﴿١١﴾ فَمَن شَآءَ ذَكَرَهُۥ ﴿١٢﴾
فِى صُحُفٍ مُّكَرَّمَةٍ ﴿١٣﴾ مَّرْفُوعَةٍ مُّطَهَّرَةٍۭ ﴿١٤﴾
بِأَيْدِى سَفَرَةٍ ﴿١٥﴾ كِرَامٍۭ بَرَرَةٍ ﴿١٦﴾

"Tidak sekali-kali begitu. Sesungguhnya ayat Al-Qur'an itu suatu peringatan(11). Oleh itu, siapa yang mahu ia boleh mengambil pengajaran darinya(12). Ia tercatat di dalam suhuf-suhuf yang dimuliakan(13). Yang dijunjung tinggi dan suci(14). Terpelihara di tangan malaikat-malaikat para utusan(15). Yang mulia dan ta'at setia."(16)

Ayat-ayat Al-Qur'an itu mulia dalam semua pertimbangan dan mulia di dalam suhuf-suhufnya. Ia dijunjung tinggi dan suci, ia diserahkan kepada utusan-utusan daripada malaikat yang tertinggi, yang mulia dan ta'at setia untuk dikirimkan kepada para rasul yang terpilih di bumi supaya disampaikan kepada penghuni-penghuninya.

Itulah sifat malaikat-malaikat yang mulia dan ta'at setia. Ayat-ayat Al-Qur'an itu amat mulia dan suci dalam segala perkara yang dibicara dan disentuhkan olehnya, sama ada dari dekat atau dari jauh. Ayat-ayat itu amat mulia, ia tidak ditawarkan kepada orang-orang yang enggan menerimanya iaitu orang-orang yang terang-terang menyatakan bahawa mereka tidak memerlukannya. Ia hanya ditawarkan kepada orang yang mengiktirafkan kemuliaannya dan mahu membersihkan diri dengannya.

Penjelasan ayat-ayat ini merupakan neraca Allah untuk menimbangkan nilai-nilai dan ukuran-ukuran dan untuk menilaikan manusia dan kedudukan mereka. Inilah keputusan Allah dan seluruh keputusan harus dirujukkan kepada-Nya.

Peristiwa ini berlaku di Makkah ketika da'wah Islam ditentang hebat dan bilangan orang-orang Mu'min amat kecil. Perbuatan Rasulullah s.a.w. melayani pembesar-pembesar itu bukanlah terbit dari kepentingan peribadi, dan perbuatan beliau mengabaikan si buta yang miskin itu bukanlah pula terbit dari pertimbangan peribadi, kerana yang menjadi perhitungan beliau pada awal dan akhir ialah perkembangan da'wah. Tetapi yang menjadi hakikat da'wah ialah neraca dan nilai-nilai ini. Kedatangan da'wah ialah untuk menegakkan neraca dan nilai-nilai ini dalam kehidupan manusia. Da'wah tidak boleh menjadi mulia, kuat dan terbela, melainkan apabila tegaknya neraca dan nilai-nilai ini.

Persoalan yang sebenar adalah lebih besar dari peristiwa Ibn Ummu Maktum yang unik itu, dan lebih luas dari maudhu'nya yang langsung. Persoalan yang sebenar ialah manusia harus menerima neraca-neraca dan nilai-nilai dari langit bukannya dari bumi dan menerima pertimbangan-pertimbangan dari Allah bukan pertimbangan-pertimbangan dari bumi.

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ

"Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa."

(Surah al-Hujurat: 13)

Orang Yang Paling Mulia Mengikut Nilai Dan Pertimbangan Allah

Orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang mendapat perhatian dan layanan Allah walaupun ia tidak mempunyai nilai-nilai dan ukuran-ukuran yang lain yang diiktirafkan oleh manusia di bawah tekanan realiti dan budaya-budaya hidup mereka di dunia seperti keturunan, kekuatan, harta kekayaan dan lain-lain nilai. Semua nilai dunia tidak mempunyai apa-apa erti apabila ia kosong dari keimanan dan ketaqwaan. Hanya satu sahaja syarat untuk menjadikan nilai-nilai dunia itu mempunyai erti dan maknanya, ia harus digunakan untuk kepentingan iman dan taqwa.

Inilah hakikat agung yang mahu ditegakkan oleh bimbingan Ilahi dalam peristiwa ini mengikut cara Al-Qur'an yang menggunakan peristiwa yang unik dan kesempatan yang tertentu itu sebagai sarana untuk menegakkan hakikat yang mutlak dan sistem hidup yang tetap.

* * * * * *

Reaksi Rasulullah Terhadap Teguran Dan Bimbingan Allah

Rasulullah s.a.w. telah menerima bimbingan dan kecaman Ilahi dengan penuh terharu dan terus berusaha menegakkan hakikat nilai ini dalam seluruh kehidupan peribadinya dan kehidupan kelompok Muslimin dengan sifatnya sebagai hakikat Islam yang pertama.

Tindakan pertama yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ialah mengumumkan surah yang telah diturunkan kepadanya, yang mengandungi bimbingan dan kecaman Ilahi dalam peristiwa itu. Pengumuman itu sungguh hebat sekali. Ia hanya sanggup dilakukan oleh seorang yang bersifat rasul sahaja jika dilihat dari apa sahaja sudut pandangan kita di waktu itu. Ya, tiada yang sanggup mengumumkan kepada khalayak ramai kecuali rasul bahawa beliau telah dikecam

hebat kerana suatu kesilapan yang telah dilakukannya. Bagi seorang pembesar yang bukan rasul cukuplah ia mengetahui kesilapan itu untuk dihindarinya di masa depan, tetapi urusan nubuwah adalah suatu urusan yang tidak dan mempunyai ufuk-ufuk yang lain pula.

Tiada orang lain melainkan rasul sahaja yang sanggup mengumumkan hakikat nilai ini dengan tenang dan di hadapan pembesar Quraisy dalam masa da'wah Islam sedang menghadapi golongan-golongan yang berbangga dengan keturunan, pangkat kebesaran, harta kekayaan dan kekuatan kerana mereka hidup dalam masyarakat yang tidak memberi tempat kepada yang lain dari nilai-nilai itu hingga mereka pernah mengatakan kepada Muhammad ibn Abdullah ibn Abdul Muttalib ibn Hasyim:

لَوْلَا نُزِّلَ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانُ عَلَىٰ رَجُلٍ مِّنَ ٱلْقَرْيَتَيْنِ عَظِيمٍ ﴿٣١﴾

"Mengapakah Al-Qur'an ini tidak diturunkan kepada seorang pembesar salah satu dari dua negeri ini?"

(Surah az-Zukhruf: 31)

Inilah pandangan mereka terhadap beliau walaupun beliau dari keturunan Quraisy seperti mereka. Ini adalah semata-mata kerana beliau tidak pernah menjadi ketua dan pemimpin di dalam kalangan mereka sebelum menjadi nabi.

Kemudian hakikat nilai yang seperti ini tidak mungkin lahir dari masyarakat yang seumpama ini, malah ia lahir dari wahyu langit. Ia tidak mungkin lahir dari bumi dan tidak mungkin lahir dari bumi Makkah itu sendiri di zaman itu, hanya kekuatan dari langitlah yang menurunkan hakikat ini menerusi Rasulullah s.a.w. kepada masyarakat sekelilingnya hingga bertunjang kuat, mendalam dan dinamis zaman berzaman dalam kehidupan umat Muslimin.

Pengumuman nilai ini merupakan suatu kelahiran baru bagi umat manusia sama seperti kelahiran tabi'i mereka, malah ia lebih besar ertinya dari kelahiran tabi'i, kerana manusia mencapai kebebasannya yang hakiki baik dari segi perasaan mahupun dari segi realiti iaitu kebebasan dari nilai-nilai bumi kepada nilai-nilai yang turun dari langit, yang terpisah dari segala nilai, segala neraca, segala kefahaman, segala perhitungan, segala keadaan persekitaran amali, dan pertalian-pertatian di alam kenyataan yang mempunyai pengaruh dan tekanan yang kuat, juga bebas dari segala hubungan darah daging dan perasaan. Kemudian nilai-nilai baru itu difahami dan diterima oleh semua orang Islam kemudian persoalan yang agung itu berubah menjadi lunas kebenaran yang diterima sepenuhnya oleh hati nurani seorang Muslim, di samping menjadi syari'at dan hakikat hidup pertama masyarakat Islam yang kekal zaman berzaman dalam kehidupan umat Muslimin.

Kita hampir-hampir tidak dapat memahami kelahiran yang baru itu kerana kita tidak dapat menggambarkan dalam hati kita hakikat kebebasan dari nilai-nilai, ukuran-ukuran dan pertimbangan-pertimbangan yang diwujudkan oleh peraturan-peraturan bumi dan hubungan-hubungannya yang mempunyai kesan yang amat kuat hingga setengah-setengah pejuang aliran-aliran teori progresif memandang bahawa nilai ekonomi itulah satu-satunya faktor yang menentukan nasib manusia, menentukan 'aqidah-'aqidah dan kesenian-kesenian mereka, menentukan adab-adab cara, undang-undang dan adat resam mereka, dan menentukan kefahaman-kefahaman mereka terhadap hidup sebagaimana ditegaskan oleh pemimpin-pemimpin teori Pentafsiran Kebendaan Terhadap Sejarah[1] yang berpandangan sempit dan terlalu jahil dengan hakikat-hakikat jiwa manusia dan hakikat-hakikat hidup.

Hakikat ini merupakan satu mu'jizat, iaitu mu'jizat kelahiran baru bagi manusia menerusi agama Islam di zaman itu.

* * * * * *

Sejak kelahiran yang baru itu, nilai-nilai ini pun mula bertapak, tetapi masalah ini tidak mudah di dalam masyarakat Arab dan tidak pula mudah di dalam jiwa umat Muslimin itu sendiri, tetapi Rasulullah s.a.w. dengan kehendak Allah, dengan tindakan-tindakannya, dengan kepimpinan dan bimbingannya yang lahir dari keghairahan perasaannya yang berkobar-kobar terhadap bimbingan Al-Qur'an telah berjaya menanamkan hakikat nilai ini dalam hati dan kehidupan orang-orang Islam serta menjaga dan mengasuhnya hingga akar-akarnya bertunjang kukuh dan dahan-dahannya bercabang-cabang subur menaungi kehidupan umat Muslimin berabad-abad lamanya walaupun menghadapi berbagai-bagai faktor kejatuhan yang lain.

Selepas peristiwa ini Rasulullah s.a.w. sentiasa menunjukkan senyum manisnya dan memberi layanan yang baik kepada Ibn Ummu Maktum, setiap kali beliau bertemu dengannya, beliau berkata: *"Selamat bertemu dengan orang yang menyebabkan aku dikecam oleh Tuhanku."*

Beliau telah melantik Ibn Ummu Maktum sebanyak dua kali sebagai pemangku pemerintah Madinah selepas Hijrah.

Penghormatan Rasulullah Kepada Ibn Ummu Maktum Dan Golongan Bekas-bekas Abdi

Untuk menghancurkan nilai-nilai masyarakat Arab yang lahir dari perhitungan bumi dan budaya-

---

[1] *Seperti Hegel dan Karl Marx. Menurut teori ini, kekuatan kebendaan atau ekonomi itulah yang menentukan perjalanan sejarah - (Penterjemah).*

budayanya, beliau telah mengahwinkan sepupunya Zainab binti Jahsy al-Asadiyah dengan Zayd ibn Harithah, bekas hambanya yang dibebas, sedangkan perkahwinan dan persemendaan itu merupakan perkara yang amat sensitif terutama dalam masyarakat Arab.

Sebelum itu beliau telah mempersaudarakan di antara orang-orang Islam di awal Hijrah. Beliau jadikan bapa saudaranya Hamzah bersaudara dengan bekas hambanya Zayd, dan Khalid ibn Ruwayhah al-Khatha'mi bersaudara dengan Bilal ibn Rabah.

Beliau telah mengirim Zayd ibn Harithah sebagai panglima agung tentera Islam di dalam Peperangan Mu'tah, di bawahnya ialah Ja'far ibn Abu Talib dan Abdullah ibn Abu Rawahah al-Ansari memimpin tiga ribu orang tentera dari para Muhajirin dan para Ansar termasuk pahlawan Khalid ibn al-Walid. Rasulullah s.a.w. sendiri keluar menghantar keberangkatan mereka. Dalam peperangan itulah ketiga-tiga panglima perang itu radiallahu 'anhum gugur syahid.

Perlantikan 'Usamah Ibn Zayd Sebagai Panglima Agung Tentera Islam Yang Termuda

Tindakan Rasulullah s.a.w. yang paling akhir ialah melantik 'Usamah ibn Zayd mengepalai satu angkatan tentera untuk memerangi Rom. Angkatan ini mengandungi ramai dari orang-orang Muhajirin dan Ansar termasuk Abu Bakr dan Umar, iaitu dua orang sahabat dan menteri Rasulullah s.a.w. juga dua orang khalifah selepasnya yang dipilih dengan kata sepakat orang-orang Islam, juga termasuk Sa'ad ibn Abu Waqqas kerabat Rasulullah s.a.w. dan dari suku Quraisy yang paling awal memeluk agama Islam.

Perlantikan 'Usamah selaku panglima besar angkatan tentera itu telah menimbulkan sungutan setengah-setengah orang kerana 'Usamah terlalu muda untuk jawatan itu. Hal ini telah diceritakan oleh ibn Umar r.a. katanya: *"Rasulullah s.a.w. telah mengirim satu angkatan tentera yang dikepalai oleh 'Usamah ibn Zayd r.a. Perlantikan beliau telah dibantah oleh setengah-setengah orang, lalu Nabi s.a.w. bersabda: Jika kamu membantah perlantikannya sebagai kepala angkatan tentera, maka kamu juga telah membantah perlantikan bapanya sebelum ini. Demi Allah, dia adalah seorang yang layak untuk mengepalai angkatan tentera, dan jika jawatan itu patut disandang oleh orang yang paling disukaiku, maka 'Usamah inilah orang yang paling disukaiku."* [2]

Penghormatan Rasulullah Kepada Salman Al-Farisi

Apabila berlaku kekecohan tentang Salman al-Farisi dan mereka mula memperkatakan tentang bangsa Parsi dan bangsa Arab mengikut ilham semangat perkauman yang sempit, Rasulullah s.a.w. telah menyampaikan keputusannya yang muktamad dalam perkara itu dengan sabdanya: *"Salman adalah dari kami Ahlil-Bait."*[3]

Dengan nilai dan neraca langit, Rasulullah s.a.w. telah membawa Salman al-Farisi menyeberangi sempadan-sempadan keturunan dan perkauman sempit yang dibangga-banggakan mereka dan terus dijadikannya Ahlil-Bait.

Kisah Keterlanjuran Abu Zar Al-Ghifari Kepada Bilal Ibn Rabah

Apabila berlaku pertelingkahan di antara Abu Zar al-Ghifari dan Bilal ibn Rabah r.a. di mana Abu Zar terlancar lidahnya berkata kepada Bilal: *"Wahai anak mak hitam!"*

Rasulullah s.a.w. telah menyatakan kemarahannya yang amat besar dan bersabda kepadanya dengan keras dan menakutkan: *"Wahai Abu Zar! Semuanya kurang belaka, tiada kelebihan bagi anak mak putih dengan anak mak hitam."* [4]

Di sini beliau telah menjelaskan perbezaan dalam perkara itu hingga ke akar-akarnya yang jauh. Jika mengikut Islam, maka yang diikuti ialah nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan langit. Dan jika mengikut jahiliyah, maka yang diikut ialah nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan bumi.

Kata-kata Rasulullah s.a.w. yang hangat itu telah menjejak hati Abu Zar yang peka, dan membuatnya begitu terharu, lalu ia meletakkan dahinya ke bumi dan bersumpah bahawa ia tidak akan mengangkatkan dahinya hingga dipijak oleh Bilal untuk menebuskan dosanya dari kata-katanya yang amat kesat.

Di sini neraca yang mengangkatkan darjah Bilal ialah neraca langit. Menurut cerita Abu Huwayrah r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

يا بلال حدثني بأرجى عمل عملته في الإسلام منفعة عندك . فإني سمعت الليلة خشف نعليك بين يدي في الجنة . فقال : ما عملت في الإسلام عملاً أرجى عندي منفعة من أني لاأتطهر طهوراً تاماً في ساعة من ليل أو نهار إلا صليت بذلك الطهور ما كتب لي أن أصلي.

"Wahai Bilal: Ceritakan kepadaku apakah amalan yang engkau kerjakan dalam Islam yang lebih engkau harapkan berguna kepadamu, kerana malam tadi (dalam mimpiku) aku dengar bunyi capalmu di depanku dalam Syurga." Jawab Bilal: "Tiada amalan yang aku kerjakan dalam Islam yang lebih aku harapkan berguna kepadaku dari amalanku bersuci (mengambil wudhu') dengan sempurna pada mana-mana waktu, sama ada malam atau siang, kemudian aku sembahyang dengan wudhu' itu sebanyak yang ditetapkan kepadaku supaya aku sembahyang." [5]

---

[2] *Dikeluarkan oleh Al-Bukhari, Muslim dan at-Tirmizi.*

[3] *Dikeluarkan oleh At-Tabrani dan al-Hakim.*

[4] *Dikeluarkan oleh Ibn al-Mubarak.*

[5] *Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dan Muslim.*

Rasulullah s.a.w. telah bersabda tentang 'Ammar ibn Yasir apabila ia meminta izin untuk menemui beliau: *"Izinkannya masuk. Selamat datang seorang yang jujur yang sentiasa dijujurkan Allah."* [6]

Sabdanya tagi tentang 'Ammar: *"Ammar r.a. telah dipenuhkan dengan iman hingga ke hujung-hujung tulangnya yang lembut."* [7]

Penghormatan Rasulullah Kepada Abdullah Ibn Mas'ud

Dari Huzayfah r.a., sabda Rasulullah s.a.w.:

"Aku tidak tahu selama manakah aku akan ada bersama kamu, oleh itu ikutilah selepasku dua orang ini", beliau menunjukkan kepada Abu Bakr dan 'Umar r.'anhuma *"berpandulah dengan petunjuk 'Ammar" dan apa yang diceritakan oleh Ibn Mas'ud hendaklah kamu percayakannya."* [8]

Bagi orang-orang asing dari Madinah, Ibn Mas'ud dianggapkan sebagai anggota keluarga Rasulullah s.a.w. Dari Abu Musa r.a. katanya: "Aku bersama saudaraku datang dari Yaman, kami tinggal di Madinah sebentar dan kami fikir Ibn Mas'ud dan ibunya dari keluarga Rasulullah s.a.w. kerana terlalu kerap mereka keluar masuk menemui Rasulullah dan duduk bersama-sama dengannya"[9]

Penghormatan Rasulullah Kepada Julaybib

Seorang lagi bekas hamba iaitu Julaybib. Rasulullah s.a.w. sendiri telah meminang seorang perempuan Ansar untuk dikahwinkan dengan Julaybib. Apabila kedua orang tua perempuan itu enggan merestuinya, perempuan itu berkata kepada mereka:

"Sukakah ayah dan ibu menyerahkan perkara ini kepada Rasulullah s.a.w.? Jika beliau bersetuju, maka kahwinkannya dengan saya." Lalu kedua-dua orang tua itu bersetuju dan terus mengahwinkan mereka.[10]

Tidak lama selepas perkahwinan itu Rasulullah s.a.w. telah kehilangan Julaybib dalam satu pertempuran yang mengakibatkannya gugur syahid. Menurut Abu Barzah al-Aslami r.a. katanya:

Rasulullah s.a.w. telah memasuki satu peperangan, lalu Allah memberi kemenangan kepadanya. Beliau bertanya para Sahabat: "Adakah kamu kehilangan sesiapa lagi?" Jawab mereka: "Ya. Kami hilang si anu, si anu dan si anu." Kemudian Nabi bertanya lagi: "Adakah kamu kehilangan sesiapa lagi?" Jawab mereka: 'Ya. Kami kehilangan si anu, si anu dan si anu." Kemudian beliau bertanya lagi: "Adakah kamu kehilangan sesiapa lagi?" Jawab mereka, " Tidak ada lagi." Lalu beliau bersabda: "Aku kehilangan Julaybib." Lalu mereka mencarinya dan menemui mayatnya berada dekat dengan tujuh mayat musuh yang telah dibunuhnya dan akhirnya mereka membunuhnya. Lalu Nabi s.a.w. pun datang dan berdiri di depan mayatnya kemudian bersabda: *"Dia telah membunuh tujuh orang musuh dan kemudian mereka membunuhnya. Dia dariku dan aku darinya. Dia dariku dan aku darinya."*

Kemudian beliau meletakkan mayat Julaybib itu di atas dua lengannya, tanpa pengalas yang lain selain dari dua lengan beliau.

Kata Abu Barzah: Lalu beliau menggali tanah dan meletakkan Julaybib dalam kuburnya, dan Abu Barzah tidak menyebut hal mandinya.[11]

* * * * * *

Dengan bimbingan Ilahi itu dan dengan contoh teladan Nabi s.a.w., terlaksanalah kelahiran baru bagi manusia dalam satu bentuk yang unik, dan dengan itu lahirlah masyarakat Rabbani yang menerima nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangannya dari langit, iaitu nilai-nilai yang bebas dari ikatan-ikatan bumi walaupun mereka hidup di bumi. Ini adalah mu'jizat Islam yang agung, iaitu mu'jizat yang tidak akan terlaksana melainkan dengan iradat Allah dan amalan Rasulullah s.a.w., dan mu'jizat ini sendiri membuktikan bahawa agama ini adalah dari Allah dan orang yang membawa agama ini adalah utusan dari Allah.

Kedudukan Abu Bakr Dan 'Umar Dalam Kepimpinan Islam

Di antara pentadbiran Allah terhadap agama ini selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. ialah agama ini dipimpin oleh sahabatnya yang pertama Saidina Abu Bakr dan sahabatnya yang kedua Saidina 'Umar, iaitu dua orang tokoh yang paling dekat yang memahami tabi'at agama ini, dan yang paling sebati menerima contoh teladan Rasulullah, juga dua orang manusia yang paling kasih kepada Rasulullah s.a.w. dan paling patuh mengikut jejak langkah Rasulullah s.a.w. dan amalan-amalan yang disukainya.

Selepas wafat Rasulullah s.a.w., Abu Bakr r.a. telah mengukuhkan keputusan Rasulullah s.a.w. yang telah melantikkan 'Usamah sebagai panglima besar tentera. Oleh itu, tugas pertama yang dilakukan oleh Abu Bakr selepas memegang jawatan Khalifah ialah meneruskan pengiriman angkatan tentera yang disusun oleh Rasulullah s.a.w. di bawah pimpinan 'Usamah itu. Dan beliau sendiri telah menghantar angkatan itu hingga sampai di luar Madinah. Panglima 'Usamah yang muda itu menunggang, sedangkan Khalifah Abu Bakr yang tua itu berjalan kaki. Ini membuat panglima muda itu merasa serba salah dan malu, lalu berkata: "Wahai khalifah

---

[6] *Dikeluarkan oleh at-Tirmizi.*

[7] *Dikeluarkan oleh an-Nasai'.*

[8] *Dikeluarkan oleh at-Tirmizi.*

[9] *Dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim dan at-Tirmizi'.*

[10] *Dari hadith Musnad al-Imam Ahmad dari Anas.*

[11] *Dikeluarkan oleh Muslim.*

Rasulullah! Silalah naik kenderaan ini atau saya turun sahaja."

Tetapi Khalifah Abu Bakr bersumpah: "Demi Allah, jangan turun! Demi Allah. Aku tidak akan naik kenderaan. Apa salahnya aku cemarkan dua tapak kakiku dengan debu sebentar untuk Sabilullah."

Kemudian Khalifah Abu Bakr berfikir bahawa beliau sangat memerlukan kepada Sayyidina 'Umar, kerana beliau sedang memikul beban Khalifah yang berat, tetapi Sayyidina 'Umar di waktu itu hanya merupakan seorang perajurit dalam angkatan tentera yang dipimpin oleh 'Usamah. Oleh itu, beliau harus meminta izin dari ketuanya 'Usamah. Lalu beliau berkata kepada 'Usamah: "Jika engkau fikir engkau boleh menolongku dengan 'Umar, silalah engkau buat keputusan."

Ya Allah, dia boleh berkata: Jika engkau fikir engkau boleh menolongku dengan 'Umar, silalah engkau buat keputusan.

Itulah kemuncak-kemuncak yang amat tinggi yang tidak dapat dicapai melainkan dengan iradat Allah menerusi tangan rasul-Nya.

'Umar Mengikut Jejak Rasulullah Menghormati Golongan Abdi

Kemudian roda zaman berlalu, Sayyidina 'Umar ibn al-Khattab memegang jawatan Khalifah. Beliau telah melantik 'Ammar ibn Yasir selaku gabenor Kufah.

Satu masa ada rombongan menunggu di pintu untuk bertemu dengan Khalifah 'Umar. Mereka ialah Suhail ibn 'Amr ibn al-Harith ibn Hisyam, Abu Sufyan ibn Harb dan sekumpulan pembesar-pembesar Quraisy yang terpaksa memeluk Islam. Kemudian yang diizinkan masuk sebelum mereka ialah Syuhayb dan Bilal kerana kedua-dua mereka merupakan orang-orang dari barisan pertama yang memeluk agama Islam juga merupakan para pahlawan dalam Peperangan Badar. Ini membuat Abu Sufyan amat tersinggung, lalu berkata dengan emosi jahiliyahnya:

"Aku tak pernah lihat seperti hari ini. Ia izinkan hamba-hamba itu masuk menemuinya dan meninggalkan kita sekalian menunggu di pintunya."

Lalu kawannya yang telah memahami hakikat Islam itu berkata:

"Wahai sekalian yang hadir! Demi Allah aku nampak tanda-tanda marah di muka kamu. Jika kamu marah, maka marahlah kepada diri kamu sendiri. Dulu orang-orang itu diseru kepada agama Islam dan kamu juga diseru kepadanya, tetapi orang-orang itu menyambut seruan itu dengan segera, sedangkan kamu sekalian lambat dan lewat. Bagaimana nanti jika orang-orang itu dipanggil pada hari Qiamat, sedangkan kamu ditinggalkan begini?"[12]

Sayyidina 'Umar telah menetapkan habuan kepada 'Usamah bin Zayd lebih besar dari habuan kepada anaknya Abdullah ibn 'Umar. Apabila ditanya oleh Abdullah tentang sebab perbezaan itu beliau menjawab:

"Wahai anakku! Zayd r.a. itu adalah orang yang lebih dikasihi Rasulullah s.a.w. dari bapamu dan 'Usamah r.a. lebih dikasihi Rasulullah s.a.w. dari dirimu, kerana itulah aku utamakan kasih Rasulullah s.a.w. mengatasi kasihku."[13]

Sayyidina 'Umar berkata demikian kerana beliau tahu bahawa kasih Rasulullah s.a.w. itu ditimbang dengan neraca langit.

Penghormatan 'Umar Kepada 'Ammar Dan Bilal

Khalifah 'Umar telak menghantar 'Ammar untuk memeriksa Khalid ibn al-Walid seorang panglima yang berjaya dari keturunan bangsawan. 'Ammar telah memberkaskannya dengan kainnya, dan menurut satu riwayat, 'Ammar telah mengikatkannya dengan serbannya. Apabila 'Ammar selesai memeriksanya dan ternyata ia tidak bersalah, ia terus membuka ikatannya itu dan mengenakan kembali serban di kepala Khalid dengan tangannya, sedangkan Khalid tidak merasa tersinggung dengan perbuatan 'Ammar itu, kerana ia sedar bahawa 'Ammar itu sahabat Rasulullah s.a.w. dari angkatan pertama yang memeluk Islam dan disanjung tinggi olehnya.

Sayyidina 'Umar pernah menyifatkan Sayyidina Abu Bakr sebagai "penghulu kita yang telah memerdekakan penghulu kita." Ia maksudkan dengan penghulu kita yang akhir itu ialah Bilal, yang dahulunya hamba kepada Umayyah ibn Khalaf. Dia telah mengazabkan Bilal dengan penyeksaan yang teruk sehingga ia dibeli oleh Abu Bakr dan dimerdekakannya dari perhambaan. Bilal inilah yang dikatakan oleh 'Umar ibn al-Khattab sebagai "penghulu kita."

Penghormatan 'Umar Kepada Salim Maula Abu Khuzayfah

Sayyidina 'Umar juga yang pernah berkata, "Jika Salim Maula (bekas hamba) Abu Huzayfah masih hidup, nescaya aku lantikkannya menjadi Khalifah."

Beliau mengeluarkan kata-kata ini, sedangkan beliau tidak melantik Sayyidina 'Uthman, tidak pula Sayyidina Ali, tidak pula Talhah dan tidak pula az-Zubayr, malah ia mencalonkan enam orang bagi jawatan itu untuk diputuskan dalam Syura tanpa menentukan salah seorang dari mereka.

Ali ibn Abu Talib - karramahahu wajhahu - telah menghantar 'Ammar dan al-Hasan ibn Ali kepada penduduk Kufah untuk meminta pertolongan mereka dalam perselisihan yang telah berlaku di antara beliau dengan Siti Aisyah r.a. Beliau berkata kepada mereka: "Aku tahu dia itu isteri Nabi kamu s.a.w. dunia dan

[12] *Dari buku* العدالة الإجتماعية في الإسلام

[13] *Dikeluarkan oleh at-Tirmizi.*

Akhirat, tetapi Allah mahu menguji kamu apakah kamu hendak mengikut beliau atau hendak mengikut dia (Aisyah)." (Dikeluarkan oleh al-Bukhari).

Kemudian penduduk Kufah mendengar pandangan beliau mengenai Aisyah Ibu Para Mu'minin dan puteri Abu Bakr as-Siddiq r.'anhum.

Kejujuran Dan Ketegasan Bilal Ibn Rabah

Satu masa Bilal ibn Rabah telah diharapkan oleh saudara seagama dengannya iaitu Abu Ruwayhah al-Khathami supaya menjadi orang tengah untuk berkahwin dengan wanita dari satu kaum dari negeri Yaman. Bilal berkata kepada mereka:

"Saya Bilal ibn Rabah dan ini saudara saya Abu Ruwayhah. Ia seorang yang buruk dari segi akhlak dan agama. Oleh itu, jika anda sekalian sudi mengahwinkannya, maka kahwinkannya, dan jika anda sekalian tidak mahu menerimanya, maka tinggalkannya."

Ia tidak menipu mereka dan tidak menyembunyikan keaiban saudaranya, malah ia tidak menyebut bahawa dirinya orang tengah dan tidak lupa bahawa dia bertanggungjawab di hadapan Allah terhadap apa yang dikatakannya. Oleh itu, kerana mereka percaya kepada kejujuran Bilal, mereka bersetuju mengahwinkan anak mereka dengan Abu Ruwayhah. Cukuplah bagi mereka Bilal bekas hamba dari bangsa Habsyi itu menjadi orang tengahnya dan Abu Ruwayhah seorang Arab yang berketurunan mulia.

* * * * * *

Nilai Rabbani Telah Mengangkat Bekas-bekas Hamba Ketaraf Tokoh-tokoh Ahli Perundangan Islam Yang Terbilang

Hakikat nilai yang agung ini telah bertunjang kukuh di dalam masyarakat Islam di zaman itu, dan terus kukuh berabad-abad lamanya walaupun menghadapi berbagai- bagai faktor kejatuhan. Apabila disebut Abdullah ibn 'Abbas, maka akan disebut bersamanya 'Ikrimah, bekas hambanya. Begitu juga apabila disebut Abdullah ibn 'Umar akan disebut bersamanya Nafi' bekas hambanya, dan apabila disebut Anas ibn Malik akan disebut bersamanya Ibn Sirin bekas hambanya, dan apabila disebut Abu Hurayrah akan disebut bersamanya Abdul Rahman ibn Hurmuz bekas hambanya. Di Basrah bekas hamba yang terkenal ialah al-Hasan al-Basri, di Makkah ialah Mujahid ibn Jabr, 'Ata' ibn Rabah dan Tawus ibn Kisan. Mereka adalah tokoh-tokoh Ahli Fiqah. Di Mesir tokoh yang memegang jawatan mufti di zaman Khalifah 'Umar ibn Abdul Aziz ialah Yazid ibn Abu Habib iaitu bekas hamba hitam dari Dunqulah.[14]

[14] *Diambil daripada buku "Abu Hanifah" oleh Ustaz Abdul Halim al-Jundi.*

Di Zaman Kebelakangan Nilai Rabbani Di Dalam Negeri-negeri Islam Telah Diganti Semula Dengan Nilai Jahiliyah

Neraca langit terus menerus mengangkatkan Ahli at-Taqwa walaupun mereka tidak mempunyai sebarang nilai bumi. Dan neraca ini tidak terangkat dari bumi melainkan dalam zaman kebelakangan ini, iaitu selepas pengaruh jahiliyah menguasai seluruh dunia, di mana setiap orang dinilai dengan jumlah dolar simpanannya seperti di Amerika kepala negeri-negeri blok Barat, atau setiap orang dinilai tidak lebih dari alat dalam aliran materialisme seperti Russia kepala negeri-negeri blok Timur. Sementara di negeri-negeri Islam pula, pengaruh jahiliyah yang pertama kembali menguasai negeri-negeri itu. Suara seruan-seruan perkauman yang telah dibasmikan oleh Islam kembali menentang dan meleburkan neraca langit dan membawa negeri-negeri itu kepada nilai-nilai jahiliyah yang tidak ada hubungan dengan iman dan taqwa.

Harapan hanya terletak pada da'wah Islamiyah untuk menyelamatkan seluruh umat manusia sekali lagi dari jahiliyah. Semoga di tangannya nanti akan terlaksana kelahiran baru umat manusia seperti kelahiran yang telah disaksikan mereka buat pertama kalinya yang dibawa oleh peristiwa yang telah diceritakan oleh permulaan surah ini untuk mengumumkan kelahiran itu dalam ayat-ayat yang pendek, tegas dan agung.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 23)

Manusia Kafir Lupa Daratan Dan Asal Usul Kejadian

Setelah menjelaskan hakikat yang agung itu menerusi peristiwa Ibn Ummu Maktum di permulaan surah ini, Al-Qur'an melahirkan, dalam bahagian yang kedua kehairanannya terhadap manusia yang enggan menerima hidayat, menolak keimanan dan memandang rendah da'wah kepada Allah. Ia hairankan sikap mereka yang kafir dan tidak mengingati asal-usul kejadian mereka, dan tidak memikirkan betapa besarnya keperihatinan dan pemeliharaan Allah terhadap mereka dalam segenap peringkat perkembangan hidup mereka, dari permulaan jadi hingga mati. Ia hairankan perbuatan mereka yang tidak menunaikan kewajipan-kewajipan mereka terhadap Allah Pencipta, Pemelihara dan Penghisab.

قُتِلَ ٱلْإِنسَٰنُ

"Wajarlah manusia itu dibunuh!"(17)

Yakni ia wajar dibunuh; kerana tindak-tanduknya yang ganjil. Ungkapan ini merupakan ungkapan memburuk dan mengeji manusia yang telah melakukan satu perbuatan yang wajar dibunuh kerana terlalu hina dan kejinya.

مَآ أَكۡفَرَهُۥ ١٧

"Alangkah besar kekufurannya."(17)

Alangkah kejinya perbuatan mereka yang mengingkari Allah dan lupakan asal-usul kejadiannya. Andainya mereka mengenangkan asal-usul mereka tentulah mereka bersyukur kepada Pencipta mereka. Dan tentulah mereka bersikap rendah diri di dunianya dan mengenangkan Akhiratnya. Jika tidak mengapa mereka bersikap angkuh dan berpaling dari da'wah Allah? Bagaimana asal-usul mereka dan bagaimana asal mula mereka?

مِنۡ أَيِّ شَيۡءٍ خَلَقَهُۥ ١٨

"Dari bahan apakah ia diciptakan Allah?"(18)

Asal-usul mereka sangat rendah dan kerdil. Nilai diri mereka hanya diambil dari limpah kurnia Allah dan dari tadbir dan perencanaan-Nya:

مِن نُّطۡفَةٍ خَلَقَهُۥ فَقَدَّرَهُۥ ١٩

"Allah ciptakannya dari nutfah dan menentukan perencanaan terhadapnya."(19)

Allah Mengurniakan Segala Kemudahan Yang Diperlukan Manusia Dari Detik Pertama Ia Diwujudkan Hingga Kedetik Akhir Hayatnya

Yakni Allah menciptakan manusia dari bahan yang tidak mempunyai nilai. Dan Allahlah yang mengaturkan kejadian-kejadiannya dengan perencanaan dan penciptaanNya yang rapi hingga ia menjadi makhluk yang sempurna dan mulia. Berkat limpah kurnia-Nya, manusia yang berasal-usul yang rendah dapat meningkat ke darjat yang tinggi hingga alam bumi dengan segala isi kandungannya diciptakan untuk faedahnya.

ثُمَّ ٱلسَّبِيلَ يَسَّرَهُۥ ٢٠

"Kemudian Dia memudahkannya memilih jalan."(20)

Yakni Allah memudahkan jalan kehidupan atau jalan hidayat, di samping memberikannya kemudahan bertindak dengan sifat-sifat, bakat-bakat dan kesediaan-kesediaan yang ada pada dirinya sama ada untuk perjalanan hidupnya atau untuk mencari hidayat di dalam hidupnya, dan sesudah tamat perjalanannya ia akan kembali kepada kesudahan yang diterima oleh setiap yang hidup tanpa pilihan dan tanpa kesempatan melainkan dirinya:

ثُمَّ أَمَاتَهُۥ فَأَقۡبَرَهُۥ ٢١

"Kemudian Dia mematikannya dan mengkebumikannya."(21)

Kesudahan manusia sama dengan permulaannya; semuanya terletak di tangan kekuasaan Allah yang melahirkannya ke alam al-wujud apabila Ia kehendaki dan menamatkan riwayat hidupnya apabila Ia kehendaki. Ia jadikan kuburnya di dalam bumi sebagai menghormatinya. Mayatnya tidak ditinggalkan di muka bumi untuk makanan binatang-binatang buas, malah dalam jiwanya telah ditanamkan kecenderungan semulajadi untuk melindungi dan mengkebumikan mayat-mayatnya. Itulah sebahagian dari tadbir dan perencanaan Allah.

Hingga apabila sampai ketika yang ditentukan iradat-Nya, ia akan dihidupkannya kembali untuk tujuan yang telah diaturkan-Nya.

ثُمَّ إِذَا شَآءَ أَنشَرَهُۥ ٢٢

"Kemudian apabila Dia kehendaki Dia akan membangkitkannya kembali."(22)

Manusia tidak dibiarkan sia-sia dan percuma. Ia tidak pergi tanpa Hisab dan Balasan. Tetapi apakah engkau melihatnya telah bersedia untuk menghadapinya?

كَلَّا لَمَّا يَقۡضِ مَآ أَمَرَهُۥ ٢٣

"Tidak sekali-kali begitu, manusia belum lagi melaksanakan apa yang diperintahkan-Nya."(23)

Manusia Umumnya Belum Lagi Menyempurnakan Segala Perintah Allah

Manusia umumnya iaitu seluruh individunya dan seluruh generasinya belum lagi melaksanakan apa yang diperintahkan Allah hingga ke akhir detik hayatnya. Itulah saranan yang disampaikan oleh ungkapan كلا. Tidak sekali-kali begitu, manusia masih cuai, tidak menunaikan kewajipannya, tidak mengingatkan asal-usul kejadiannya dengan ingatan yang sebenar, tidak bersyukur kepada Allah dengan kesyukuran yang sebenar, tidak menggunakan perjalanannya di dunia ini untuk membuat persediaan bagi menghadapi Hari Hisab dan Balasan. Beginilah keadaan manusia pada keseluruhannya, sedangkan kebanyakan mereka pula menolak dan menentang hidayat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 24 - 32)

Setelah menyentuh kejadian manusia, Al-Qur'an menyentuh pula dalam bahagian ayat-ayat yang baru tentang mengapa manusia tidak melihat, kepada makanannya dan kepada makanan ternakannya dalam perjalanan hidup ini? Makanan merupakan salah satu keperluan yang diciptakan Allah untuk manusia:

فَلۡيَنظُرِ ٱلۡإِنسَٰنُ إِلَىٰ طَعَامِهِۦٓ ٢٤

أَنَّا صَبَبۡنَا ٱلۡمَآءَ صَبّٗا ٢٥

ثُمَّ شَقَقۡنَا ٱلۡأَرۡضَ شَقّٗا ٢٦

فَأَنۢبَتۡنَا فِيهَا حَبّٗا ٢٧ وَعِنَبٗا وَقَضۡبٗا ٢٨

وَزَيْتُونًا وَنَخْلًا ﴿٢٩﴾

"Kemudian hendaklah manusia memerhatikan makanannya(24). Sesungguhnya Kami telah mencurahkan air dengan curahan yang lebat(25). Kemudian Kami belahkan bumi dengan belahan yang sempurna(26). Lalu Kami tumbuhkan padanya biji-bijian(27). Anggur dan sayur-sayuran(28). Zaitun dan kurma."(29)

وَحَدَآئِقَ غُلْبًا ﴿٣٠﴾ وَفَٰكِهَةً وَأَبًّا ﴿٣١﴾

مَّتَٰعًا لَّكُمْ وَلِأَنْعَٰمِكُمْ ﴿٣٢﴾

"Dan kebun-kebun yang merimbun subur(30). Serta buah-buahan dan rumput-rampai(31). Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu."(32)

Kisah Makanan Manusia

Inilah kisah penciptaan makanan manusia. Ia diperincikan peringkat demi peringkat. Hendaklah manusia memikirkan persoalan makanan ini. Apakah ada tangan kekuasaan yang lain, yang mencipta dan mengaturkan makanan itu? Sesungguhnya tangan kekuasaan yang mencipta dan melahirkan manusia ke alam wujud dan mengaturkan kisah-kisah hidupnya dengan indah itulah juga tangan kekuasaan yang mencipta dan mengeluarkan makanannya serta mengaturkan kisah kejadian makanan dengan indah!

فَلْيَنظُرِ ٱلْإِنسَٰنُ إِلَىٰ طَعَامِهِۦٓ ﴿٢٤﴾

"Kemudian hendaklah manusia memerhatikan pula makanannya."(24)

Makanan merupakan suatu yang paling dekat dan rapat dengan manusia dan paling perlu kepadanya. Perhatikanlah kepada makanan ini. Ia sentiasa mudah, perlu, siap sedia dan berulang. Perhatikanlah kepada kisahnya yang aneh dan mudah, dan kerana ia begitu mudah diperolehi, manusia lupakan keanehannya. Kisah makanan merupakan satu mu'jizat seperti qiamatnnnnqudrat Tuhan yang menciptakannya:

أَنَّا صَبَبْنَا ٱلْمَآءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah mencurahkan air dengan curahan yang lebat."(25)

Curahan air dalam bentuk hujan merupakan satu perkara yang diketahui oleh semua manusia di segenap masyarakat dari segala peringkat ilmu pengetahuan dan pengalaman. Hakikat ini merupakan satu hakikat yang dapat dibicarakan oleh semua orang. Tetapi setelah manusia mencapai banyak kemajuan dalam ilmu pengetahuan, mereka dapat memahami ayat ini dengan pengertian yang lebih jauh dan lebih tua dari sejarah hujan yang berulang-ulang turun pada hari ini yang dapat dilihat oleh semua orang itu. Andaian yang paling dekat sekarang untuk mentafsirkan kewujudan lautan-lautan besar, di mana airnya mengwap kemudian turun kembali dalam bentuk air hujan, ialah lautan-lautan ini pada mulanya adalah terbentuk di langit di atas kepala kita, kemudian ia dicurahkan ke bumi dengan curahan yang lebat.

Sehubungan dengan ini, salah seorang ahli sains zaman ini telah berkata:

> "Jika betul darjah kepanasan bumi semasa ia berpisah dari matahari ialah kira-kira 12,000 darjah, atau jika darjah kepanasan permukaan bumi sepanas itu, maka tentulah semua unsur di waktu itu bebas dan kerana itu tidak mungkin wujudnya sebarang percantuman kimia yang penting. Apabila bumi atau bahagian-bahagian yang membentukkan bumi itu beransur-ansur sejuk, barulah berlaku percantuman-percantuman kimia dan terbentuklah sel alam yang kita kenali sekarang ini. Unsur-unsur oksigen dan unsur hidrogen tidak mungkin bercantum melainkan apabila kepanasan itu turun kepada 4,000° F. Pada paras inilah unsur-unsur itu bersatu membentuk air yang kita kenali sekarang sebagai hawa bumi. Pada masa itu tentulah air itu sangat besar dan seluruh lautan berada di langit. Dan semua unsur yang masih belum bercantum berada dalam bentuk gas-gas di udara. Setelah air itu terbentuk di udara luar, maka ia pun gugur ke bumi, tetapi ia tidak dapat sampai ke bumi kerana darjah kepanasan berhampiran dengan bumi itu lebih tinggi dari kepanasan yang dalam jarak ribuan batu. Dan sudah tentu sampailah pula masanya, di mana banjir dapat sampai ke bumi dan terbang semula dari bumi dalam bentuk wap. Dan oleh kerana lautan-lautan itu berada di udara, maka banjir-banjir yang berlaku di waktu itu bersama kepanasan yang semakin sejuk itu adalah di luar dugaan, dan arus air itu berjalan bersama hancuran (batu-batu kulit bumi)......... hingga akhir".[15]

Andaian ini - walaupun, kami tidak bermaksud mengulaskan nas Al-Qur'an dengannya - adalah meluaskan pandangan kita terhadap pengertian nas Al-Qur'an itu dan terhadap sejarah curahan air hujan yang lebat yang diterangkan ayat ini. Mungkin andaian ini betul dan mungkin pula ada andaian-andaian lain mengenai asal-usul air di bumi, dan nas Al-Qur'an itu tetap sesuai untuk berbicara dengan semua manusia di setiap zaman dan di setiap generasi.

Itulah permulaan kisah makanan:

أَنَّا صَبَبْنَا ٱلْمَآءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah mencurahkan air dengan curahan yang lebat."(25)

Tiada siapa pun yang mendakwa bahawa dia telah menciptakan air dengan mana-mana rupa bentuknya dan menyebut sejarah bilakah penciptaan air itu berlaku. Begitu juga tiada siapa yang mendakwa dia

---

[15] *Dari buku "Man Does Not Stand Alone" karangan A. Cressy Morrison, terjemahan Mahmud Soleh al-Falaki dengan judul* العلم يدعو إلى الإيمان

telah mencurahkan air ke atas bumi dengan lebat supaya kisah makanan itu berlangsung secara ini.

ثُمَّ شَقَقْنَا ٱلْأَرْضَ شَقًّا ﴿٢٦﴾

"Kemudian Kami belahkan bumi dengan belahan yang sempurna."(26)

Kisah Air Hujan Dan Tumbuh-tumbuhan Yang Membelah Bumi

Ini merupakan peringkat kedua selepas curahan air hujan. Kenyataan ini sesuai untuk dihadapkan kepada manusia primitif yang melihat air hujan mencurah dari langit dengan kuasa yang bukan dari kuasanya dan dengan tadbir yang bukan dari tadbirannya, kemudian ia melihat air itu membelah bumi dan meresap ke dalamnya atau melihat tunas tumbuh-tumbuhan membelah bumi dengan qudrat Allah Pencipta, dan tumbuh subur di permukaannya dan menghulurkan batang dan dahan-dahannya ke udara, sedangkan ia sangat kecil dan kerdil dan tanah di atasnya sangat berat, tetapi tangan kekuasaan Pencipta telah membelahkan bumi untuknya dan menolongnya untuk menembusi tanah yang berat itu kerana ia sendiri terlalu lembut dan kecil. Ini adalah satu mu'jizat yang dapat dilihat oleh setiap orang yang memerhatikan kemunculan tumbuh-tumbuhan itu dari dalam tanah dan merasakan ada di sebaliknya cetusan kekuatan yang tersembunyi dalam tumbuh-tumbuhan yang lembut itu.

Maksud Pembelahan Bumi Mengikut Andaian Sains

Apabila pengetahuan manusia bertambah tinggi, ia mungkin membentuk satu pandangan baru tentang maksud nas ini. Mungkin pembelahan bumi untuk menumbuhkan tumbuh-tumbuhan itu lebih lama sejarahnya dari apa yang kita fikir. Mungkin maksud dari pembelahan bumi ialah kehancuran batu-batu kulit bumi akibat banjir-banjir besar yang dikatakan oleh andaian ilmiyah yang tersebut tadi, juga akibat dari berbagai-bagai faktor, udara yang diandaikan oleh ahli-ahli sains sekarang, yang turut bekerjasama menghancurkan batu-batu pejal yang membalut dan menjadi kulit bumi, hingga pada akhirnya mewujudkan lapisan-lapisan tanah lanar atau lumpur yang sesuai untuk tanaman-tanaman. Ini merupakan satu kesan dari kesan-kesan sejarah curahan air yang lebat. Pentafsiran ini lebih sesuai dengan susunan-susunan perkembangan yang dibayangkan oleh ayat-ayat ini.

Sama ada andaian itu atau andaian ini atau andaian-andaian yang lain yang telah berlaku, namun yang menjadi peringkat yang ketiga dalam kisah makanan manusia ialah keluarnya tumbuh-tumbuhan yang berbagai-bagai jenis. Dan di antara yang tersebut di sini ialah jenis tumbuh-tumbuhan yang lebih dekat kepada fahaman orang-orang yang dihadapkan ayat ini serta menjadi makanan umum manusia dan haiwan:

فَأَنۢبَتۡنَا فِيهَا حَبًّا ﴿٢٧﴾

"Lalu Kami tumbuhkan padanya biji-bijian."(27)

Iaitu meliputi semua jenis biji-bijian yang dimakan manusia dan haiwan.

وَعِنَبًا وَقَضۡبًا ﴿٢٨﴾ وَزَيۡتُونًا وَنَخۡلًا ﴿٢٩﴾

وَحَدَآئِقَ غُلۡبًا ﴿٣٠﴾ وَفَٰكِهَةً وَأَبًّا ﴿٣١﴾

"Anggur dan sayur-sayuran(28). Zaitun dan kurma(29). Dan kebun-kebun yang merimbun subur(30). Serta buah-buahan dan rumput-rampai."(31)

Anggur ialah zabib muda yang terkenal. Kalimat قضبا ialah sayuran yang dimakan segar dan dipotong sekali demi sekali. Zaitun dan kurma merupakan dua jenis makanan yang terkenal kepada setiap orang Arab. Kebun-kebun yang merimbun subur ialah kebun-kebun yang mengandungi pokok-pokok buah-buahan yang dikelilingi dengan dinding-dinding atau pagar-pagar. Kalimat أبا mengikut andaian yang terkuat ialah "rumput-rumpai yang dimakan ternakan". Inilah jenis tumbuh-tumbuhan yang ditanya oleh 'Umar ibn al-Khattab, kemudian ia menarik balik pertanyaan itu dengan menyalahkan dirinya. Hal ini telah diulaskan dalam Surah an-Naazi'aat. Kami tidak perlu menambahkan apa-apa lagi di sini.

Ciptaan Benih-benih Tumbuhan Di Luar Kefahaman Manusia

Demikianlah kisah makanan dan semuanya adalah dari ciptaan tangan qudrat yang menciptakan manusia itu sendiri. Manusia tidak boleh mendakwa ada tangan qudrat yang lain yang turut dalam penciptaan itu, baik dalam apa peringkat perkembangannya sekalipun, hingga biji-biji dan benih-benih yang ditabur di bumi itu juga bukan dari ciptaan dan rekaannya. Mu'jizat dalam ciptaan benih-benih itu adalah di luar kefahaman dan tanggapan manusia. Tanah di hadapannya hanya sama sahaja, tetapi benih-benih dan biji-biji berlainan dan masing-masing mengeluarkan buahnya di petak-petak bumi yang berdekatan. Semuanya dijirus dengan air yang sama, tetapi tangan qudrat Ilahi telah mempelbagaikan tumbuh-tumbuhan dan buahan itu, dan memelihara di dalam biji benih yang kecil itu segala sifat-sifat ibunya yang melahirkannya, kemudian sifat-sifat ini dipindahkan kepada anak yang dilahirkannya. Semua sifat-sifat itu tersembunyi dari pengetahuan manusia. Mereka tidak mengetahui rahsianya dan tidak pula membuat apa-apa keputusan terhadapnya. Dan seterusnya mereka tidak pula dirundingi dalam mana-mana urusannya. Inilah kisah makanan yang dikeluarkan tangan qudrat Allah.

مَّتَٰعًا لَّكُمۡ وَلِأَنۡعَٰمِكُمۡ ﴿٣٢﴾

"Untuk kenikmatan kamu dan ternakan kamu"(32)

sehingga kepada suatu masa yang tertentu. Dan selepas itu satu peristiwa akan mengiringi kenikmatan itu, iaitu peristiwa yang wajar difikir oleh manusia sebelum ia berlaku.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 42)

فَإِذَا جَآءَتِ ٱلصَّآخَّةُ ﴿٣٣﴾

يَوْمَ يَفِرُّ ٱلْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ﴿٣٤﴾

وَأُمِّهِۦ وَأَبِيهِ ﴿٣٥﴾ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَبَنِيهِ ﴿٣٦﴾

لِكُلِّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾

"Kemudian apabila tiba Qiamat yang gegak-gempita(33). Pada hari itu, setiap orang lari dari saudaranya.(34) Dari ibu dan bapanya(35). Dari isteri dan anak-anaknya(36). Pada hari itu, setiap orang dari mereka sibuk dengan diri masing-masing."(37)

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ مُّسْفِرَةٌ ﴿٣٨﴾

ضَاحِكَةٌ مُّسْتَبْشِرَةٌ ﴿٣٩﴾

وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ عَلَيْهَا غَبَرَةٌ ﴿٤٠﴾ تَرْهَقُهَا قَتَرَةٌ ﴿٤١﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَفَرَةُ ٱلْفَجَرَةُ ﴿٤٢﴾

"Pada hari itu, muka orang-orang (Mu'min) berseri-seri(38). Senyum ketawa dan gembira(39). Pada hari itu, muka orang-orang (kafir) comot berdebu(40). Di selubungi suram-muram(41). Merekalah orang-orang kafir yang derhaka."(42)

Kisah Kesudahan Hidup Yang Penuh Nikmat

Inilah kesudahan hidup dalam kenikmatan, inilah kesudahan yang sesuai dengan perencanaan Ilahi yang panjang masanya dan pentadbiran Ilahi yang merangkumi setiap langkah dan peringkat penciptaan manusia. Dalam pemandangan ini terdapat penghabisan yang sesuai dengan pemandangan bahagian pertama surah ini yang menggambarkan seorang yang datang tergesa-gesa menemui Rasulullah s.a.w. dengan hati yang takut kepada Allah, dan menggambarkan pembesar-pembesar Quraisy yang angkuh dan menolak da'wah. Dan kini kedua-dua mereka sedang berada dalam pertimbangan neraca Allah.

فَإِذَا جَآءَتِ ٱلصَّآخَّةُ ﴿٣٣﴾

"Kemudian apabila tiba Qiamat yang gegak-gempita."(33)

"الصاخة" ialah bunyi yang gegak-gempita yang hampir-hampir menembusi telinga ketika ia membelah udara dan sampai ke dalam telinga dengan bunyi yang kuat dan mendesak. Dengan nada yang keras ini, Al-Qur'an mengadakan persediaan untuk menayangkan pemandangan selanjutnya iaitu pemandangan setiap individu lari dari orang-orang yang paling dekat dan mesra dengannya.

Hari Manusia Melarikan Diri Dari Ibu Bapa, Adik-beradik, Isteri Dan Anak-anak

يَوْمَ يَفِرُّ ٱلْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ﴿٣٤﴾

وَأُمِّهِۦ وَأَبِيهِ ﴿٣٥﴾ وَصَٰحِبَتِهِۦ وَبَنِيهِ ﴿٣٦﴾

"Pada hari itu, setiap orang lari dari saudaranya(34). Dari ibu dan bapanya(35). Dari isteri dan anak-anaknya."(36)

Dulu orang-orang ini mempunyai pertalian dan hubungan yang tidak mungkin terputus, tetapi gegak-gempita Qiamat yang amat dahsyat itu telah mengoyak dan mencaing-caingkan semua hubungan dan pertalian yang mesra itu.

Kehuru-haraan di dalam pemandangan ini ialah kehuru-haraan jiwa yang mengerikan seseorang, dan memisahkannya dari lingkungannya dan menyeksakannya dengan begitu dahsyat. Setiap orang sibuk dengan dirinya dan cukup dengan kerungsingan dan masalah masing-masing. Mereka tidak mempunyai kelebihan tenaga dan fikiran untuk dibelikan kepada orang lain:

لِكُلِّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾

"Pada hari itu, setiap orang dari mereka sibuk dengan urusan diri masing-masing."(37)

Bayangan-bayangan makna yang tersembunyi di sebalik ungkapan ini adalah amat mendalam dan jauh. Tidak ada ungkapan yang lebih pendek dan lebih syumul dari ungkapan ini untuk menggambarkan kerungsingan yang mengongkong perasaan dan hati manusia:

لِكُلِّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾

"Pada hari itu, setiap orang dari mereka sibuk dengan urusan diri masing-masing."(37) [16]

Itulah keadaan seluruh manusia dalam huru-hara hari itu ketika berlaku Qiamat yang gegak gempita itu. Setelah itu, Allah menggambarkan pula keadaan orang-orang Mu'min dan keadaan orang-orang kafir setelah dinilai dan ditimbangkan dengan neraca Allah di sana:

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ مُّسْفِرَةٌ ﴿٣٨﴾

ضَاحِكَةٌ مُّسْتَبْشِرَةٌ ﴿٣٩﴾

"Pada hari itu, muka orang-orang (Mu'min) berseri-seri(38). Senyum ketawa dan gembira."(39)

---

[16] *Dari kitab* مشاهد القيامة في القرآن

Kisah Wajah-wajah Yang Membayangkan Nasib Yang Gemilang Dan Nasib Yang Malang

Inilah wajah-wajah yang berseri-seri riang gembira, yang menaruh harapan pada Allah, yang merasa begitu tenang kerana mendapat keredhaan Allah. Mereka begitu gembira kerana terselamat dari malapetaka Qiamat yang gegak gempita itu. Mereka begitu gembira kerana mengetahui kedudukan mereka yang berbahagia setelah merempuh huru-hara yang dahsyat itu.

وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ عَلَيْهَا غَبَرَةٌ ﴿٤٠﴾ تَرْهَقُهَا قَتَرَةٌ ﴿٤١﴾
أُولَٰئِكَ هُمُ الْكَفَرَةُ الْفَجَرَةُ ﴿٤٢﴾

"Pada hari itu, muka orang-orang (kafir) comot berdebu(40). Diselubungi suram-muram(41). Merekalah orang-orang kafir yang derhaka."(42)

Wajah golongan ini pula diselubungi debu-debu duka nestapa dan penyesalan, diliputi suram-muram yang membayangkan kehinaan, kerana mereka telah menyedari kejahatan-kejahatan yang telah dilakukan mereka dan kerana mereka telah yakin terhadap balasan yang akan diterima mereka.

أُولَٰئِكَ هُمُ الْكَفَرَةُ الْفَجَرَةُ ﴿٤٢﴾

"Merekalah orang-orang kafir yang derhaka"(42)

yang tidak beriman kepada Allah dan kepada perutusan-perutusan-Nya, yang melanggar batasan Allah dan mencabul larangan-larangan-Nya.

Di atas wajah-wajah dari dua golongan itu terlukis nasib kesudahan masing-masing. Rupa paras wajah-wajah itu terlukis dari celah-celah susunan kata-kata dan ungkapan-ungkapan ayat-ayat itu. Wajah-wajah itu seolah-olah muncul di depan kita kerana kekuatan pengungkapan Al-Qur'an dan kehalusan sentuhan-sentuhannya.

Dengan susunan itu, selaraslah gambaran bahagian pertama dengan gambaran bahagian akhir. Bahagian pertama menjelaskan hakikat nilai atau neraca, dan bahagian akhir menjelaskan hasil penilaian neraca itu. Surah yang pendek ini menjadi satu surah yang tersendiri atau unik dengan pengemblengannya yang mengandungi berbagai-bagai hakikat yang besar, pemandangan-pemandangan, nada-nada dan saranan-saranan yang beraneka ragam yang memberi penjelasan yang cantik dan halus.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AT-TAKWIR

SURAH KE

81

سُورَةُ التَّكْوِيرِ

SURAH AT-TAKWIR

Surah Penggulungan Matahari

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

29

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِذَا ٱلشَّمْسُ كُوِّرَتْ ١ وَإِذَا ٱلنُّجُومُ ٱنكَدَرَتْ ٢
وَإِذَا ٱلْجِبَالُ سُيِّرَتْ ٣
وَإِذَا ٱلْعِشَارُ عُطِّلَتْ ٤
وَإِذَا ٱلْوُحُوشُ حُشِرَتْ ٥
وَإِذَا ٱلْبِحَارُ سُجِّرَتْ ٦
وَإِذَا ٱلنُّفُوسُ زُوِّجَتْ ٧
وَإِذَا ٱلْمَوْءُۥدَةُ سُئِلَتْ ٨
بِأَىِّ ذَنۢبٍ قُتِلَتْ ٩ وَإِذَا ٱلصُّحُفُ نُشِرَتْ ١٠
وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ كُشِطَتْ ١١
وَإِذَا ٱلْجَحِيمُ سُعِّرَتْ ١٢ وَإِذَا ٱلْجَنَّةُ أُزْلِفَتْ ١٣
عَلِمَتْ نَفْسٌ مَّآ أَحْضَرَتْ ١٤
فَلَآ أُقْسِمُ بِٱلْخُنَّسِ ١٥

"Apabila matahari digulung(1). Dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan(2). Dan apabila gunung-ganang dihancurleburkan(3). Dan apabila unta-unta bunting (yang disayangi) itu dibiarkan(4). Dan apabila binatang-binatang liar dikumpulkan(5).Dan apabila lautan-lautan dinyalakan(6). Dan apabila roh-roh dicantumkan kembali dengan jasad-jasad-nya(7). Dan apabila bayi perempuan yang ditanam hidup-hidup itu disoalkan(8). Kerana dosa apakah dia dibunuh?(9). Dan apabila buku-buku catatan amalan dibentangkan.(10) Dan apabila langit dihapuskan(11). Dan apabila Neraka dinyalakan(12). Dan apabila Syurga didekatkan(13). Nescaya setiap orang mengetahui apa yang telah dilakukannya(14). Sesungguhnya Aku bersumpah dengan bintang-bintang."(15).

ٱلْجَوَارِ ٱلْكُنَّسِ ١٦ وَٱلَّيْلِ إِذَا عَسْعَسَ ١٧
وَٱلصُّبْحِ إِذَا تَنَفَّسَ ١٨ إِنَّهُۥ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ١٩
ذِى قُوَّةٍ عِندَ ذِى ٱلْعَرْشِ مَكِينٍ ٢٠
مُّطَاعٍ ثَمَّ أَمِينٍ ٢١ وَمَا صَاحِبُكُم بِمَجْنُونٍ ٢٢
وَلَقَدْ رَءَاهُ بِٱلْأُفُقِ ٱلْمُبِينِ ٢٣
وَمَا هُوَ عَلَى ٱلْغَيْبِ بِضَنِينٍ ٢٤
وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَيْطَٰنٍ رَّجِيمٍ ٢٥
فَأَيْنَ تَذْهَبُونَ ٢٦ إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَٰلَمِينَ ٢٧
لِمَن شَآءَ مِنكُمْ أَن يَسْتَقِيمَ ٢٨
وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ٢٩

"Yang muncul dan menghilang(16). Dan demi malam ketika ia menggelap(17). Dan demi pagi ketika ia bernafas(18). Sesungguhnya Al-Qur'an itu perkataan utusan-Nya yang mulia (Jibril)(19). Yang gagah perkasa dan mempunyai kedudukan yang teguh di sisi Tuhan yang memiliki Arasy(20).Yang dita'ati (di alam al-Mala'ul-A'la) dan amat amanah(21). Sahabat kamu (Muhammad) itu bukannya seorang gila(22). Dan sesungguhnya dia pernah melihatnya (Jibril) di ufuk yang nyata(23). Dan dia tidak bakhil dalam menyampaikan urusan ghaib (yang diwahyukan kepadanya)(24). Dan Al-Qur'an itu bukannya perkataan syaitan yang direjam(25).Ke manakah kamu akan pergi?(26). Sesungguhnya Al-Qur'an itu tiada lain melainkan peringatan kepada semesta alam(27). Iaitu kepada sesiapa di antara kamu yang hendak mengikut jalan yang lurus(28). Dan kamu tidak dapat menentukan kehendak kamu kecuali dikehendaki Allah Tuhan semesta alam."(29)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini mengandungi dua bahagian. Setiap bahagian masing-masing menjelaskan satu hakikat agung dari hakikat-hakikat 'aqidah Islam.

Hakikat pertama ialah hakikat Qiamat dan peristiwa-peristiwa kemusnahan alam yang hebat dan menyeluruh termasuk matahari, bintang-bintang, gunung-ganang, lautan-lautan, bumi dan langit, binatang-binatang ternakan dan binatang-binatang liar dan manusia sendiri.

Hakikat kedua ialah hakikat wahyu serta apa yang berhubung dengannya seperti sifat malaikat yang membawa wahyu itu dan Nabi yang menerimanya, juga sikap kaum yang disampaikan wahyu itu di samping persoalan kehendak Allah yang agung yang telah menciptakan mereka dan menurunkan wahyu kepada mereka.

Nada umum surah ini hampir sama dengan ledakan malapetaka yang terlepas dari tambatannya, yang memusnah dan menghancurleburkan segala-galanya, yang mencemaskan segala yang tenang, yang menggentarkan segala yang aman, yang menghapuskan segala yang disayangi, yang menukarkan segala yang biasa, yang menggoncangkan jiwa manusia dengan goncangan yang hebat dan lama hingga mencabutkan darinya segala sesuatu yang disenangi dan disayanginya. Mereka tiba-tiba berada di tengah-tengah taufan malapetaka yang amat dahsyat laksana sehelai bulu yang diterbangi angin yang tidak pernah mantap dan tetap, tiada tempat perlindungan bagi mereka melainkan hanya di bawah naungan Allah Yang Maha Esa, Maha Gagah dan Maha Kekal. Hanya pada Allah sahaja terdapat ketenangan dan ketenteraman.

Kerana itu nada umum surah ini menghapuskan dari jiwa manusia segala sesuatu yang disayangi dan disenangi olehnya supaya ia berlindung di bawah naungan Allah dan mencari ketenangan dan ketenteraman di sisi-Nya.

Di samping itu surah ini kaya dengan berbagai-bagai pemandangan yang menarik sama ada pemandangan-pemandangan di alam dunia yang indah yang kita lihat sekarang, atau pemandangan-pemandangan di alam Akhirat di mana seluruh alam dunia berubah dari keadaan-keadaannya yang lumrah kepada kita.

Surah ini juga kaya dengan ungkapan-ungkapan yang indah, yang dipilih dengan teliti untuk mewarnakan berbagai-bagai pemandangan dan berbagai-bagai nada pernyataan. Kedua-duanya bertemu dalam ruang surah yang pendek ini dan menembusi ke dalam hati dengan penuh kekuatan dan saranan.

Jika tidak kerana wujudnya dalam pengungkapan Al-Qur'an, kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang tidak begitu biasa dan tidak begitu jelas kepada pembaca-pembaca di zaman ini, tentu saya lebih suka tinggalkan surah ini menjelaskan dirinya sendiri dengan nadanya, dengan gambaran-gambarannya dan bayangan-bayangannya, hakikat-hakikatnya dan pemandangan-pemandangannya iaitu penjelasan yang tidak dapat dilakukan oleh mana-mana terjemahan bahasa manusia dan penjelasan yang terus sampai ke lubuk hati dan memetikkan tali-tali perasaannya yang mengharukan.

Tetapi kami terpaksa mentafsirkan kata-kata dan ungkapan-ungkapan itu, kerana di zaman ini kita berada begitu jauh dari tradisi bahasa Al-Qur'an.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 14)

Pemandangan-pemandangan Perubahan Alam Total

إِذَا ٱلشَّمۡسُ كُوِّرَتۡ ١ وَإِذَا ٱلنُّجُومُ ٱنكَدَرَتۡ ٢
وَإِذَا ٱلۡجِبَالُ سُيِّرَتۡ ٣
وَإِذَا ٱلۡعِشَارُ عُطِّلَتۡ ٤
وَإِذَا ٱلۡوُحُوشُ حُشِرَتۡ ٥

"Apabila matahari digulung(1). Dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan(2). Dan apabila gunung-ganang dihancurleburkan(3). Dan apabila unta-unta bunting (yang disayangi) itu dibiarkan(4). Dan apabila binatang-binatang liar dikumpulkan."(5)

وَإِذَا ٱلۡبِحَارُ سُجِّرَتۡ ٦
وَإِذَا ٱلنُّفُوسُ زُوِّجَتۡ ٧
وَإِذَا ٱلۡمَوۡءُۥدَةُ سُئِلَتۡ ٨
بِأَيِّ ذَنۢبٖ قُتِلَتۡ ٩ وَإِذَا ٱلصُّحُفُ نُشِرَتۡ ١٠

"Dan apabila lautan-lautan dinyalakan(6). Dan apabila roh-roh dicantumkan kembali dengan jasad-jasad-nya(7). Dan apabila bayi perempuan yang ditanam hidup-hidup itu disoalkan(8). Kerana dosa apakah dia dibunuh?(9). Dan apabila buku-buku catatan amalan dibentangkan."(10)

وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ كُشِطَتۡ ١١
وَإِذَا ٱلۡجَحِيمُ سُعِّرَتۡ ١٢ وَإِذَا ٱلۡجَنَّةُ أُزۡلِفَتۡ ١٣
عَلِمَتۡ نَفۡسٞ مَّآ أَحۡضَرَتۡ ١٤

"Dan apabila langit dihapuskan.(11) Dan apabila Neraka dinyalakan.(12) Dan apabila Syurga didekatkan.(13) Nescaya setiap orang mengetahui apa yang telah dilakukannya."(14)

Itulah pemandangan perubahan dan revolusi alam yang membabitkan segala yang ada, membabitkan segala jirim di langit dan di bumi, membabitkan binatang-binatang liar dan ternakan-ternakan yang jinak, membabitkan manusia dan membabitkan segala peraturan dan undang-undang. Pada hari itu, segala yang tersembunyi selama ini akan terdedah, segala yang majhul selama ini akan diketahui dan

setiap orang akan mengetahui sebanyak mana modal dan bekalannya yang dibawa untuk menghadapi situasi pengadilan dan Hisab, sedangkan segala sesuatu di sekelilingnya bergerak kencang dan terbalik songsang.

Alam Buana Menemui Ajalnya

Perubahan-perubahan alam yang amat besar ini menunjukkan bahawa alam yang tersusun indah ini di mana setiap geraknya disusun rapi dan setiap hubungannya dikawal kemas, alam yang diciptakan begitu kukuh dan dibangunkan begitu sempurna dan hemat, alam ini pada Hari Qiamat nanti akan terhurai segala ikatan peraturan dan undang-undangnya menyebabkan segala bahagiannya hancurlebur dan pecah berkecai, segala sifat-sifat asalnya akan musnah dan hilang. Pada hari ini, alam menemui ajalnya dan seluruh kejadiannya berubah kepada satu bentuk yang lain, di mana alam kehidupan dan hakikat-hakikat mengalami perubahan yang berlainan sama sekali dari alam dunia yang kita kenali itu.

Inilah hakikat yang mahu diterapkan oleh surah ini ke dalam hati dan perasaan manusia supaya ia berpisah dari pengaruh gejala-gejala alam yang fana ini - walaupun kelihatan tetap dan mantap - dan berhubung dengan hakikat yang kekal iaitu hakikat Allah yang tidak berubah dan musnah, ketika segala kejadian alam berubah dan musnah, dan seterusnya supaya hati manusia terlepas bebas dari segala ikatan belenggu biasa yang wujud di alam yang dapat dilihat ini untuk menuju kepada hakikat Allah yang mutlak yang tidak terikat dengan zaman dan ruang, pandangan dan tanggapan dan tidak terikat dengan apa sahaja gejala yang mengikatnya dalam suasana dan skop yang terbatas.

Kejadian Qiamat Tidak Dapat Difahami Dengan Pemikiran Kita Yang Biasa

Inilah perasaan umum yang meresap ke dalam jiwa ketika melihat pemandangan-pemandangan Qiamat yang mengerikan itu. Hakikat yang sebenarnya yang akan berlaku kepada seluruh makhluk ini pada hari itu adalah terpulang kepada ilmu Allah. Hakikat ini terlalu besar untuk ditanggapkan oleh kita sekarang dengan perasaan-perasaan dan kefahaman-kefahaman kita yang terikat dengan tanggapan dan pemikiran kita yang biasa. Bencana alam yang paling besar diketahui oleh kita ialah gempa bumi yang meruntuh dan memusnahkan atau letupan gunung berapi yang menyemburkan lahar-lahar, atau malapetaka bumi yang ditimpa tahi bintang atau disambar petir. Paling hebat malapetaka air yang dialami manusia ialah banjir-banjir yang besar. Kejadian angkasa yang paling hebat diteropong manusia ialah ledakan-ledakan kecil yang berlaku pada matahari yang dilihat dalam jarak ratusan juta batu.

Kejadian-kejadian ini jika dibandingkan dengan kejadian-kejadian revolusi alam yang menyeluruh pada Hari Qiamat kelak hanya merupakan hiburan-hiburan kanak-kanak sahaja. Andainya kita perlu mengetahui sebahagian dari hakikat yang akan berlaku kepada makhluk-makhluk yang ada pada Hari Qiamat kelak, maka tidak ada jalan lain untuk kita selain dari memberi gambaran-gambaran yang dekat kepada pemahaman kita dengan menggunakan kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang biasa kita fahami dalam kehidupan dunia ini.

* * * * * *

Matahari Digulung

إِذَا ٱلشَّمۡسُ كُوِّرَتۡ ﴿١﴾

"Apabila matahari digulung."(1)

Penggulungan matahari mungkin dimaksudkan bahawa matahari kelak akan sejuk dan padam cahayanya. Pucuk-pucuk apinya yang marak dan menjulang sekarang di sekeliling tepi-tepinya sejauh ribuan batu ke angkasa raya itu akan merunduk hilang. Pucuk-pucuk apinya itu dapat dilihat melalui teropong-teropong bintang pada masa gerhana. Ia akan berubah dari gas yang tercetus dari kesan kepanasannya yang tinggi hingga 12,000 darjah, iaitu kepanasan yang mengubahkan bahan-bahan yang membentukkan matahari itu kepada gas-gas yang bernyala. Ia akan berubah dari keadaan ini kepada keadaan membeku seperti kulit bumi dan menyebabkan pucuk-pucuk apinya padam tidak menjulang-julang lagi.

Mungkin ia akan berakhir begini dan mungkin pula ia akan berakhir dengan cara yang lain, tetapi bagaimana cara ia berakhir dan apakah faktor-faktor yang menyebabkannya berakhir sedemikian adalah terpulang kepada ilmu Allah.

* * * * * *

Bintang-bintang Digugurkan Bertaburan

وَإِذَا ٱلنُّجُومُ ٱنكَدَرَتۡ ﴿٢﴾

"Dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan."(2)

Keguguran bintang-bintang mungkin dimaksudkan bahawa bintang-bintang itu kelak akan jatuh bertaburan dari sistem yang mengikatnya dan akan padam cahayanya. Allah sahaja yang tahu bintang-bintang manakah yang akan jatuh bertaburan itu. Adakah kumpulan bintang-bintang yang dekat dengan kita seperti kumpulan bintang yang menjadi keluarga matahari kita, atau galaksi kita yang terdiri dari ratusan juta bintang, atau seluruh bintang yang ada yang tidak diketahui bilangannya dan tempat-tempatnya melainkan Allah. Kerana di sebalik apa yang dilihat menerusi teropong-teropong kita terdapat berbagai-bagai galaksi dan angkasa-angkasanya yang kita tidak tahu sebanyak mana bilangannya dan sejauh mana batasnya. Tetapi yang pastinya ada bintang-bintang yang akan gugur bertaburan pada Hari Qiamat sebagaimana yang telah

dijelaskan oleh berita yang benar ini. Tiada siapa yang mengetahui hakikatnya melainkan Allah.

* * * * * *

Gunung-ganang Hancurlebur

وَإِذَا ٱلْجِبَالُ سُيِّرَتْ ﴿٣﴾

"Dan apabila gunung-ganang dihancurleburkan."(3)

Kehancuran gunung-ganang ialah kemusnahan dan keleburannya menjadi debu-debu bertaburan di udara sebagaimana dijelaskan di dalam satu surah yang lain:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْجِبَالِ فَقُلْ يَنسِفُهَا رَبِّى نَسْفًا ﴿١٠٥﴾

"Dan mereka bertanya kepadamu tentang gunung-ganang, maka jawablah ia akan dihancurleburkan oleh Tuhanku."

(Surah Taha: 105)

وَبُسَّتِ ٱلْجِبَالُ بَسًّا ﴿٥﴾

فَكَانَتْ هَبَآءً مُّنۢبَثًّا ﴿٦﴾

"Dan gunung-ganang dileburkan dengan selebur-leburnya(5). Lalu ia menjadi debu-debu yang berterbangan."(6)

(Surah al-Waqi'ah)

وَسُيِّرَتِ ٱلْجِبَالُ فَكَانَتْ سَرَابًا ﴿٢٠﴾

"Dan gunung-ganang dihancurleburkan, lalu ia menjadi seperti fatamorgana."

(Surah an-Naba': 20)

Semua ayat-ayat ini menunjukkan kehancuran dan keleburan yang akan berlaku kepada gunung-ganang. Keadaannya yang selama ini kukuh, teguh dan mantap akan hilang semuanya. Mungkin juga kehancuran itu bermula dengan gerak gempa bumi yang diceritakan oleh Al-Qur'an:

إِذَا زُلْزِلَتِ ٱلْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ﴿١﴾

وَأَخْرَجَتِ ٱلْأَرْضُ أَثْقَالَهَا ﴿٢﴾

"Apabila bumi digegarkan dengan sedahsyat-dahsyat gegarannya(1). Dan bumi telah mengeluarkan isi kandungannya."(2)

(Surah al-Zalzalah)

Itulah peristiwa-peristiwa dahsyat yang akan berlaku pada Hari Qiamat yang panjang itu.

* * * * * *

Harta-harta Kesayangan Dibiarkan

وَإِذَا ٱلْعِشَارُ عُطِّلَتْ ﴿٤﴾

"Dan apabila unta-unta bunting (yang disayangi) dibiarkan."(4)

Yang dimaksudkan dengan unta-unta bunting itu ialah unta-unta bunting yang berada dalam bulannya yang kesepuluh. Ia merupakan harta ternakan yang paling mahal yang dimiliki orang-orang Arab. Unta-unta yang sedemikian amat disayangi mereka kerana mereka mengharapkan anak dan susu yang tidak lama lagi akan berhasil. Pada hari berlakunya kejadian-kejadian kemusnahan alam yang dahsyat itu, maka unta-unta kesayangan itu akan terbiar dan ditinggalkan begitu sahaja. Ia tidak lagi berharga dan tiada seorang pun yang menghiraukannya. Orang-orang Arab yang dihadapkan firman ini kepada mereka tidak akan membiarkan unta-unta itu melainkan dalam keadaan-keadaan yang dilihat mereka terlalu dahsyat dan hebat.

* * * * * *

Binatang-binatang Liar Berkumpul

وَإِذَا ٱلْوُحُوشُ حُشِرَتْ ﴿٥﴾

"Dan apabila binatang-binatang liar dikumpulkan."(5)

Maksudnya, binatang-binatang yang liar itu ketakutan kerana kemusnahan yang sedang berlaku itu. Mereka berkumpul kerana terlalu takut, mereka berkeliaran di celah-celah bukit. Mereka lupakan ketakutan mereka terhadap satu sama lain dan mereka lupakan mangsa-mangsa mereka. Mereka berlari-larian tanpa tujuan. Mereka tidak lagi pulang ke lubang-lubang atau sarang-sarang kediaman mereka. Mereka tidak lagi memburu mangsa-mangsa mereka. Ketakutan dan kedahsyatan suasana telah mencabutkan saki baki tabi'at-tabi'at dan sifat-sifat binatang liar itu. Bagaimana pula keadaan manusia pada hari malapetaka alam yang dahsyat itu?

* * * * * *

Lautan-lautan Membanjir Dan Meledak

وَإِذَا ٱلْبِحَارُ سُجِّرَتْ ﴿٦﴾

"Dan apabila lautan-lautan dinyalakan."(6)

Kata-kata سجّرت ini juga mungkin bermakna "dibanjirkan" atau "dipenuhkan dengan air." Sama ada air-air itu mencurah ke dalam lautan-lautan dengan sebab banjir-banjir seperti banjir-banjir yang dikatakan berlaku semasa kelahiran bumi dan kesejukannya yang telah kami huraikan dalam Surah az-Zalzalah atau dengan sebab berlakunya gempa-gempa bumi dan ledakan gunung-gunung berapi yang membelahkan tebing-tebing yang memisahkan di antara lautan-lautan dan menyebabkan air lautan-lautan itu banjir membanjiri antara satu sama lain. Atau bermakna lautan itu meledak dan terbakar seperti yang diterangkan dalam ayat lain:

وَإِذَا ٱلْبِحَارُ فُجِّرَتْ ﴿٣﴾

"Dan apabila lautan-lautan telah dipecahkan."

(Surah al-Infitar: 3)

Maksudnya, dipecahkan unsur-unsur yang ada di dalam air lautan itu hingga unsur-unsur hidrogennya terpisah dari unsur oksigennya, atau maksudnya

diledakkan atom-atomnya seperti yang berlaku dalam ledakan bom atom atau berlaku dengan cara yang lain. Apabila ledakan ini berlaku, maka api yang amat besar yang tidak dapat dikhayalkan akan tercetus dari lautan-lautan. Ledakan sebahagian kecil dari atom-atom di dalam bom-bom atom dan hidrogen yang biasa telah mengakibatkan malapetaka besar yang dikenali di dunia sekarang. Andainya atom-atom lautan itu diledakkan sedemikian rupa atau dengan cara yang lain, sudah tentu manusia tidak mampu untuk mengkhayalkan bagaimana dahsyatnya malapetaka dan neraka besar yang akan tercetus dari lautan-lautan yang luas itu.

وَإِذَا ٱلنُّفُوسُ زُوِّجَتۡ ٧

"Dan apabila roh-roh dicantumkan kembali dengan jasad-jasadnya."(7)

Roh Bercantum Semula Dengan Jasad

Mungkin dimaksudkan bahawa roh-roh itu akan dicantumkan kembali dengan jasad-jasadnya setelah diciptakan semula, dan mungkin pula dimaksudkan bahawa kumpulan-kumpulan manusia yang sama dan sealiran akan digabungkan dalam satu golongan sebagaimana telah diterangkan dalam ayat yang lain:

وَكُنتُمۡ أَزۡوَٰجٗا ثَلَٰثَةٗ ٧

"Dan jadilah kamu tiga golongan."

(Surah al-Waqi'ah: 7)

Iaitu golongan orang-orang yang dekat dengan Allah (Muqarrabin), golongan kanan dan golongan kiri atau sebagainya dari kumpulan-kumpulan yang sama.

* * * * * *

Jenayah Membunuh Anak-anak Kerana Sebab-sebab Sosio Ekonomi Dibongkar

وَإِذَا ٱلۡمَوۡءُۥدَةُ سُئِلَتۡ ٨

بِأَيِّ ذَنۢبٖ قُتِلَتۡ ٩

"Dan apabila bayi perempuan yang ditanam hidup-hidup itu disoalkan(8). Kerana dosa apakah dia dibunuh?"(9)

Kerendahan jiwa manusia di zaman jahiliyah telah mengakibatkan tersebarnya adat menanam anak perempuan hidup-hidup, kerana takut malu dan takut miskin. Adat ini telah diceritakan oleh Al-Qur'an sebagai merakamkan keburukan zaman jahiliyah dan kerana di zaman inilah Islam datang menyelamatkan umat Arab dari jurangnya yang dalam dan mengangkatkan darjat umat manusia seluruhnya. Allah berfirman dalam ayat yang lain:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِٱلۡأُنثَىٰ ظَلَّ وَجۡهُهُۥ مُسۡوَدّٗا وَهُوَ كَظِيمٞ ٥٨

يَتَوَٰرَىٰ مِنَ ٱلۡقَوۡمِ مِن سُوٓءِ مَا بُشِّرَ بِهِۦٓۚ أَيُمۡسِكُهُۥ عَلَىٰ هُونٍ أَمۡ يَدُسُّهُۥ فِي ٱلتُّرَابِۗ أَلَا سَآءَ مَا يَحۡكُمُونَ ٥٩

"Dan apabila seseorang dari mereka disampaikan berita mendapat anak perempuan. Maka hitamlah mukanya dan ia kelihatan begitu marah(58). Ia menyembunyikan dirinya dari orang ramai kerana terlalu buruknya berita yang disampaikan kepadanya, adakah ia wajar memeliharakannya dengan menanggung kehinaan atau menimbuskannya sahaja hidup-hidup di dalam tanah. Alangkah buruknya keputusan yang diambil mereka."(59)

(Surah an-Nahl)

Dalam surah yang lain Ia berfirman:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِمَا ضَرَبَ لِلرَّحۡمَٰنِ مَثَلٗا ظَلَّ وَجۡهُهُۥ مُسۡوَدّٗا وَهُوَ كَظِيمٌ ١٧

أَوَمَن يُنَشَّؤُاْ فِي ٱلۡحِلۡيَةِ وَهُوَ فِي ٱلۡخِصَامِ غَيۡرُ مُبِينٖ ١٨

"Dan apabila seorang dari mereka disampaikan berita mendapat anak perempuan yang dijadikannya contoh anak kepada Allah Yang Maha Pemurah, maka hitamlah mukanya dan ia kelihatan begitu marah(17). Adakah anak perempuan yang dibesarkan dalam perhiasan itu (layak dikatakan anak Allah) sedangkan dia pula tidak dapat memberi hujah yang jelas dalam pertengkaran."(18)

(Surah az-Zukhruf)

Dalam surah yang lain lagi Ia berfirman:

وَلَا تَقۡتُلُوٓاْ أَوۡلَٰدَكُمۡ خَشۡيَةَ إِمۡلَٰقٖۖ نَّحۡنُ نَرۡزُقُهُمۡ وَإِيَّاكُمۡۚ

"Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut miskin, Kamilah yang menanggung rezeki mereka dan rezeki kamu."

(Surah al-Isra': 31)

Penanaman bayi perempuan itu dilakukan dengan cara yang amat kejam iaitu mereka ditanam hidup-hidup. Dan penanaman hidup-hidup itu dilakukan dengan bermacam-macam cara. Ada yang membiarkan anak perempuan itu besar sehingga usia enam tahun. Di waktu itu ia akan berkata kepada ibunya, "Harumkan budak ini dengan minyak wangi dan hiaskan dengan pakaian yang indah supaya dapat aku bawakannya kepada bapa mertuanya." Sebelum ini ia telah pun menggali sebuah telaga untuk anak itu di padang pasir, dan apabila ia membawa anak itu ke sana ia berkata kepadanya, "Tengoklah dalam lubang ini," dan ia terus menolaknya ke dalam lubang itu dan menimbuskannya. Setengahnya pula si ibu sendiri yang duduk di atas sebuah lubang yang digali khas apabila tiba masanya untuk melahirkan anak. Jika anak yang dilahirnya itu perempuan, ia terus campakkannya ke dalam lubang itu dan

menimbuskannya, dan jika lelaki, ia akan berdiri bersama anak itu. Ada setengah mereka, jika ia berniat untuk tidak menanamkan anak perempuannya, ia akan memeliharanya dalam keadaan yang hina sehingga kanak-kanak itu dapat mengembalakan ternakannya. Di waktu itulah kanak-kanak itu akan dipakaikan dengan baju jubah yang diperbuat dari bulu atau rambut, kemudian di hantar ke desa untuk mengembala untanya.

Penindasan Terhadap Kaum Wanita

Mereka yang tidak menanamkan bayi perempuan dan tidak pula menghantarkan mereka ke desa untuk mengembala ternakan, mereka mempunyai cara-cara yang lain untuk menghina dan menindaskan kaum wanita. Apabila seorang perempuan berkahwin, tiba-tiba suaminya meninggal, maka wali suaminya akan datang kepadanya dan mencampakkan bajunya di atasnya. Ini bererti ia tidak dibolehkan berkahwin dengan orang lain. Jika ia suka, ia akan mengambil perempuan itu sebagai isterinya tanpa menghiraukan sama ada ia bersetuju atau tidak. Dan jika ia tidak suka, ia akan tahankannya sampai mati untuk mewarisi hartanya atau perempuan itu membayar wang tebusan kepadanya. Ada pula yang menceraikan isterinya dengan mengenakan syarat bahawa ia tidak boleh berkahwin melainkan dengan lelaki yang disukainya dan sanggup membayar tebusan sebanyak maskahwin yang telah diberikan kepadanya. Ada pula yang menahan perempuan yang mati suaminya dari berkahwin untuk dikahwinkan dengan seorang kanak-kanak mereka dan apabila kanak-kanak ini besar, maka dapatlah ia mengambil, perempuan itu. Ada lelaki yang memelihara anak perempuan yang yatim dan menahankannya dari berkahwin dengan harapan isterinya mati dan dapatlah ia berkahwin dengan anak yatim itu, atau dia kahwinkan anak yatim itu dengan anaknya sendiri yang masih kecil kerana tamakkan harta kekayaan dan kecantikannya.

Demikianlah pandangan jahiliyah terhadap kaum wanita hingga datang agama Islam mengecam adat-adat yang keji itu dan menamatkan perbuatan menanam anak perempuan dan mencampakkannya sebagai perbuatan yang ganas. Ia jadikan perbuatan itu sebagai dosa-dosa yang akan dihisab pada Hari Qiamat dan menyebutkannya bersama-sama peristiwa-peristiwa huru-hara Qiamat yang amat dahsyat seolah-olah perbuatan itu merupakan salah satu dari peristiwa-peristiwa Qiamat yang amat besar. Allah menjelaskan bahawa anak-anak perempuan yang ditanam hidup-hidup itu kelak akan ditanya: Apakah dosa mereka yang menyebabkan mereka ditanamkan hidup-hidup? Jika yang ditanam itu ditanya dan diperiksa, bagaimana pula dengan penanam itu sendiri?

Kedatangan Islam Mengangkatkan Darjat Kaum Wanita

Kehormatan kaum wanita tidak mungkin direalitikan selama-lamanya dalam masyarakat jahiliyah andainya syari'at Allah tidak menurunkan peraturan mengenai wanita yang telah mengangkatkan kehormatan seluruh umat manusia. Ia telah memuliakan manusia lelaki dan perempuan dan meletakkan mereka di tempat yang layak dengan makhluk yang menanggung tiupan roh ciptaan Allah Yang Maha Tinggi. Dari sumber syari'at inilah terpancarnya kehormatan wanita yang dibawa oleh Islam, dan kehormatan itu bukannya lahir dari mana-mana faktor alam sekitar masyarakat Arab.

Apabila umat manusia dilahirkan semula dengan nilai-nilai dari langit, barulah kehormatan wanita dapat ditegakkan. Kedudukan wanita tidak dinilai berdasarkan kelemahan dan perbelanjaan hidupnya yang ditanggung oleh keluarganya, kerana ini bukannya dari nilai-nilai yang dipertimbangkan dalam neraca Allah, malah yang menjadi asas pertimbangan ialah roh manusia yang mulia yang berhubung dengan Allah. Dan roh ini adalah dimiliki bersama oleh kaum lelaki dan kaum perempuan.

Apabila bukti-bukti menunjukkan bahawa agama Islam adalah dari Allah dan apa yang dibawa Rasul itu adalah wahyu dari Allah, maka perubahan kedudukan wanita-wanita Arab merupakan salah satu dari bukti-bukti yang tepat, kerana dalam masyarakat jahiliyah tidak terdapat satu tanda pun yang dapat diharapkan akan mengangkatkan kaum wanita kepada kehormatan yang setinggi itu. Di sana tidak ada satu faktor masyarakat terutama faktor ekonomi yang mendorong ke arah itu andainya agama Allah tidak turun mengangkatkan kehormatan mereka bagi permulaan kali. Kehormatan mereka bukannya terangkat dengan faktor-faktor dari bumi umumnya dan bukanlah pula dengan faktor-faktor masyarakat jahiliyah khususnya, malah ia terangkat dengan agama Allah yang telah mewujudkan satu kedudukan kaum wanita yang baru, yang berlandaskan kepada penilaian dan pertimbangan undang-undang Allah semata-mata.

* * * * * *

Buku Laporan Amalan Didedah Dan Dibentangkan Kepada Umum

وَإِذَا ٱلصُّحُفُ نُشِرَتۡ ﴿١٠﴾

"Dan apabila buku-buku catatan amalan dibentangkan."(10)

Buku-buku catatan amalan itu didedahkan dengan terang, dan pembentangan itu membawa makna bahawa amalan itu terbuka kepada pengetahuan umum, ia tidak lagi tersembunyi atau sulit. Amalan-amalan yang didedahkan sedemikian terbuka amatlah menyeksakan jiwa manusia. Beberapa banyak perbuatan keji yang terlindung dari mata ramai telah membuat orang-orang yang melakukannya merasa begitu malu apabila dikenangkan mereka dan membuat mereka menggelentar dan hancurluluh apabila didedah. Tetapi pada Hari Qiamat perbuatan keji itu akan dibentang dan didedahkan kepada umum.

Pendedahan ini merupakan salah satu dari peristiwa-penstiwa dahsyat pada hari itu, di samping merupakan salah satu dari sifat-sifat revolusi alam yang mendedahkan segala yang tersembunyi, menzahirkan segala yang terlindung dan membuka segala rahsia yang terpendam di dalam dada.

* * * * * *

Langit Dihapuskan

Penghapusan tabir yang melindungi rahsia-rahsia yang tersembunyi di dalam hati dibandingkan pula dengan pemandangan penghapusan langit di alam buana:

وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ كُشِطَتۡ ﴿١١﴾

"Dan apabila langit dihapuskan."(11)

Pengertian yang mula-mula masuk ke dalam fikiran kita dari kata-kata "langit" ialah bumbung alam yang terbentang di atas kepala kita. Maksud langit dihapuskan ialah ia akan ditiadakan, dan bagaimana cara penghapusan langit dan bagaimana penghapusan itu akan berlaku merupakan satu persoalan yang tidak dapat dijelaskan dengan pasti. Kita hanya dapat khayalkan apabila seseorang melihat ke langit di waktu itu, ia dapati kubah alam itu tidak ada lagi di atasnya kerana sesuatu sebab yang telah mengubahkan undang-undang dan peraturan alam yang ada. Selama ini undang-undang dan peraturan inilah yang menjadi sebab adanya langit itu. Ini sahaja pun sudah cukup.

* * * * * *

Neraka Dinyalakan Dan Syurga Disediakan

Kemudian tibalah peringkat akhir pemandangan-pemandangan Hari Qiamat yang amat menakutkan itu:

وَإِذَا ٱلۡجَحِيمُ سُعِّرَتۡ ﴿١٢﴾ وَإِذَا ٱلۡجَنَّةُ أُزۡلِفَتۡ ﴿١٣﴾

"Dan apabila Neraka dinyalakan.(12) Dan apabila Syurga didekatkan."(13)

Neraka bernyala dengan marak dan pucuk apinya semakin membumbung tinggi dan kepanasannya semakin ghairah. Di mana Neraka ini? Bagaimana ia bernyala? Kita tidak mempunyai keterangan selain dari keterangan firman Allah:

وَقُودُهَا ٱلنَّاسُ وَٱلۡحِجَارَةُ

"Bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu."

(Surah at-Tahrim: 6)

Ini ialah selepas dicampakkan ahli-ahli Neraka ke dalamnya, tetapi sebelum itu hanya Allah sahaja yang mengetahui apakah bahan bakarnya.

Di waktu itu juga Syurga didekatkan dan dapat dilihat oleh bakal-bakal penghuninya yang dijanjikan. Ia kelihatan begitu mudah dan senang untuk dimasuki mereka. Kata-kata **"didekatkan"** (أزلفت) itu membayangkan seolah-olah Syurga itu ditolakkan kepada mereka atau seolah-olah tapak-tapak kaki mereka ditolakkan ke Syurga.

* * * * * *

Setelah berlaku segala peristiwa-peristiwa yang dahsyat itu di alam buana dan di alam hidupan dan benda ini, maka ketika itu barulah manusia yakin terhadap hakikat amalan-amalan yang telah dilakukan mereka dan terhadap bekalan-bekalan yang disedia dan dibawakan bersama mereka untuk menghadapi peperiksaan dan Hisab:

عَلِمَتۡ نَفۡسٞ مَّآ أَحۡضَرَتۡ ﴿١٤﴾

"Nescaya setiap orang mengetahui apa yang telah dilakukannya."(14)

Qiamat Membawa Kesedaran Kepada Setiap Orang

Setiap orang tahu pada hari yang dahsyat itu amalan-amalan yang sebenar yang ada bersama-samanya, ia tahu manakah amalan-amalan yang menguntungkannya dan manakah amalan-amalan yang merugikannya. Semuanya disedari dalam sa'at-sa'at ia terkepung di dalam huru-hara alam yang dahsyat. Ia sedar di sa'at-sa'at ia tidak dapat berbuat apa-apa untuk mengubahkan amalan-amalan yang telah dilakukannya itu atau untuk menambah atau mengurangkannya. Ia sedar di sa'at-sa'at itu ia telah terpisah dari segala peraturan biasa dalam kehidupan dan kefahaman, kerana ia telah terputus dari alamnya dan alamnya telah terpisah darinya. Segala-galanya telah berubah dan segala-galanya telah bertukar. Yang tetap kekal hanya Allah yang tidak pernah berubah dan bertukar. Alangkah wajarnya setiap hati sentiasa bertawajjuh kepada Allah agar ia menemui Allah ketika seluruh alam ini berubah dan bertukar.

Dengan nada pernyataan ini berakhirlah bahagian pertama surah ini. Ia membuat hati dan pancaindera penuh dengan pemandangan-pemandangan revolusi alam buana.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 18)

فَلَآ أُقۡسِمُ بِٱلۡخُنَّسِ ﴿١٥﴾ ٱلۡجَوَارِ ٱلۡكُنَّسِ ﴿١٦﴾
وَٱلَّيۡلِ إِذَا عَسۡعَسَ ﴿١٧﴾ وَٱلصُّبۡحِ إِذَا تَنَفَّسَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya Aku bersumpah dengan bintang-bintang(15). Yang muncul dan menghilang(16). Dan demi malam ketika ia menggelap(17). Dan demi pagi ketika ia mula bernafas."(18)

Kemudian tiba pula bahagian yang kedua dari surah ini. Ia dimulakan dengan ungkapan sumpah dengan kejadian-kejadian alam yang indah yang digubah dengan senikata-senikata pilihan yang cantik untuk menegakkan hakikat wahyu, dan menerangkan sifat

malaikat yang menyampaikan wahyu itu dan sifat rasul yang menerimanya, dan seterusnya menjelaskan sikap manusia terhadapnya mengikut kehendak Allah:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِٱلۡخُنَّسِ ﴿١٥﴾ ٱلۡجَوَارِ ٱلۡكُنَّسِ ﴿١٦﴾

"Sesungguhnya Aku bersumpah dengan bintang-bintang(15). Yang muncul dan menghilang."(16)

Gambaran Seni Pergerakan Bintang-bintang Di Angkasa Raya

Bintang-bintang yang beredar, yang muncul dan menghilang itu ialah bintang- bintang yang kembali muncul dalam peredaran-peredarannya kemudian menghilang. Ungkapan Al-Qur'an menyalutkan bintang-bintang itu dengan sifat yang indah iaitu kehidupan kijang-kijang yang berlari dan bersembunyi di sarang-sarangnya kemudian muncul kembali dari sudut yang lain.

Di sana terdapat gambaran hayat yang mendenyut segar dalam senikata-senikata indah yang memerikan bintang-bintang itu. Di sana juga terdapat saranan yang merangsangkan keindahan dalam pergerakan bintang-bintang apabila ia beredar, muncul dan menghilang, bersembunyi dan keluar berlari dan kembali. Dan saranan keindahan-keindahan pemandangan ini berpadu pula dengan saranan keindahan senikata dan nada bunyinya yang menarik.

وَٱلَّيۡلِ إِذَا عَسۡعَسَ ﴿١٧﴾

"Dan demi malam ketika ia menggelap."(17)

Gambaran Seni Pergerakan Malam

Yakni ketika malam menjadi gelap. Kata-kata عسعس sendiri mempunyai saranan-saranan. Ia terdiri dari dua perkataan عس عس. Bunyi kata-kata ini sendiri memberi saranan seakan-akan malam itu makhluk hidup yang berjalan dalam gelap-gelita dengan kakitangannya yang tidak dapat dilihat. Ini adalah satu saranan yang menarik yang aneh dan satu pemilihan kata-kata yang sungguh indah.

Ungkapan itu sama dengan ungkapan:

وَٱلصُّبۡحِ إِذَا تَنَفَّسَ ﴿١٨﴾

"Dan demi pagi ketika ia mula bernafas."(18)

Malah ungkapan ini lebih hidup dan lebih kuat saranannya seolah-olah waktu pagi itu satu makhluk hidup yang bernafas. Nafas-nafas pagi ialah cahaya siang, denyut hayat dan gerak-geri yang menjalar pada segenap makhluk yang hidup. Di sini saya tegaskan bahawa bahasa Arab, dengan segala ungkapan-ungkapan tradisionalnya, tidak dapat menandingi ungkapan Al-Qur'an ini yang menggambarkan waktu pagi. Pemandangan fajar menyingsing membuat hati yang terbuka benar-benar merasa bahawa pagi bernafas, kemudian datang ungkapan ini menggambarkan hakikat yang dirasai oleh hati yang terbuka itu.

Setiap orang yang menikmati keindahan pengucapan dan gambaran akan menganggap firman Allah yang berikut:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِٱلۡخُنَّسِ ﴿١٥﴾ ٱلۡجَوَارِ ٱلۡكُنَّسِ ﴿١٦﴾
وَٱلَّيۡلِ إِذَا عَسۡعَسَ ﴿١٧﴾ وَٱلصُّبۡحِ إِذَا تَنَفَّسَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya Aku bersumpah dengan bintang-bintang(15). Yang muncul dan menghilang(16). Dan demi malam ketika ia menggelap(17). Dan demi pagi ketika ia mula bernafas."(18)

sebagai satu kekayaan pengucapan yang mengocakkan perasaan di samping menggambarkan hakikat-hakikat kejadian alam yang sebenar. Satu kekayaan pengucapan yang amat indah ditambah pula dengan perasaan-perasaan manusia yang menyambut fenomena-fenomena alam itu dengan hati yang benar-benar sedar dan peka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 21)

Al-Qur'an Wahyu Allah Yang Dibawa Oleh Jibril Utusan Allah Yang Paling Istimewa

Al-Qur'an mengemukakan pemandangan-pemandangan alam yang menyalutkan sifat hayat dan menghubungkan jiwa manusia dengan jiwa kejadian-kejadian melalui pengungkapan-pengungkapan yang hidup dan indah itu, adalah bertujuan untuk mencurahkan rahsia-rahsia kejadian alam itu ke dalam jiwa mereka dan untuk menunjukkan adanya qudrat Ilahi di sebaliknya, juga untuk menjelaskan kebenaran hakikat keimanan yang diserukan kepadanya. Kemudian Al-Qur'an menyebutkan hakikat ini dalam suasana yang paling sesuai:

إِنَّهُۥ لَقَوۡلُ رَسُولٖ كَرِيمٖ ﴿١٩﴾
ذِي قُوَّةٍ عِندَ ذِي ٱلۡعَرۡشِ مَكِينٖ ﴿٢٠﴾
مُّطَاعٖ ثَمَّ أَمِينٖ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an itu perkataan utusannya yang mulia (Jibril)(19). Yang gagah perkasa dan mempunyai kedudukan yang teguh di sisi Allah yang memiliki Arasy(20). Yang dita'ati (di alam al-Mala'ul-A'la) dan amat amanah."(21)

Yakni Al-Qur'an ini adalah dari perkataan utusannya yang mulia, iaitu Jibril yang membawa dan menyampaikan perkataan ini. Oleh itu, Al-Qur'an disifatkan sebagai perkataan Jibril dilihat dari sudut tugasnya yang menyampaikannya.

Kemudian ia menyebut sifat Jibril yang dipilih untuk membawa dan menyampaikan perkataan itu sebagai seorang yang **"mulia"** di sisi Allah. Penjelasan Allah yang menyifatkannya sebagai **"gagah perkasa"** itu menyarankan bahawa wahyu Allah itu memerlukan

kepada kekuatan untuk membawanya. Ia juga mempunyai **"kedudukan yang teguh di sisi Allah yang memiliki Arasy"**. Maqam dan darjatnya begitu tinggi di sisi Allah yang mempunyai Arasy yang amat tinggi. Ia juga dita'ati di alam al-Mala'ul-A'la dan seterusnya ia bersifat **"amanah"** dalam urusan membawa dan menyampaikan wahyu itu.

Semua sifat-sifat ini menyarankan betapa mulia, betapa agung dan betapa luhurnya wahyu itu di samping menyarankan betapa besarnya perhatian Allah terhadap makhluk manusia hingga Allah memilih malaikat-Nya yang mulia, yang gagah perkasa dan mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi-Nya sebagai utusan-Nya untuk menyampaikan agama-Nya kepada manusia dan menyampaikan wahyu itu kepada Nabi yang dipilih oleh-Nya. Itulah perhatian Allah yang seharusnya membuat manusia merasa malu kerana mereka tidak mempunyai nilai sedikit pun dalam kerajaan Allah jika Allah tidak bermurah hati memuliakan mereka dengan kemuliaan ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 28)

Rasulullah bukan Seorang Yang Asing Kepada Kaum Quraisy

Inilah sifat utusan yang membawa kalam Allah. Adapun sifat Rasulullah yang membawa wahyu ini kepada kamu, maka ia sebenarnya seorang sahabat yang kamu benar-benar mengenalinya sejak beberapa lama. Oleh itu, mengapakah kamu menuduhnya dengan bermacam-macam tuduhan dan menganggapkan da'wahnya dengan berbagai-bagai anggapan apabila ia menyampaikan agama yang benar kepada kamu, sedangkan dia sahabat kamu yang kamu kenali, dan dia seorang yang jujur dan amanah dalam tugas menyampaikan urusan ghaib kepada kamu dengan penuh keyakinan:

وَمَا صَاحِبُكُم بِمَجْنُونٍ ﴿٢٢﴾

وَلَقَدْ رَآهُ بِالْأُفُقِ الْمُبِينِ ﴿٢٣﴾

وَمَا هُوَ عَلَى الْغَيْبِ بِضَنِينٍ ﴿٢٤﴾

"Sahabat kamu (Muhammad) itu bukannya seorang gila(22). Dan sesungguhnya dia pernah melihatnya (Jibril) di ufuk yang nyata(23). Dan dia tidak bakhil dalam menyampaikan urusan ghaib (yang diwahyukan kepadanya)."(24)

Al-Qur'an Bukan Bisikan Syaitan

Mereka telah menuduh Nabi yang mulia, seorang yang mereka tahu benar-benar mempunyai fikiran yang baik dan bersifat jujur, sebagai seorang yang gila. Mereka mengatakan syaitanlah yang menurunkan Al-Qur'an yang diucapkannya. Setengahnya, berkata begitu untuk menentangnya dan menentang da'wahnya, sebagaimana telah diterangkan oleh riwayat-riwayat. Dan setengahnya pula berkata begitu kerana terlalu takjub dengan ayat-ayat Al-Qur'an yang tidak mampu diucapkan oleh manusia sejauh yang diketahui mereka, juga kerana sesuai dengan kepercayaan mereka bahawa setiap penyair mempunyai syaitan yang membisikkan perkataan-perkataan yang unik, begitu juga setiap kahin mempunyai syaitan yang menyampaikan kepadanya berita-berita ghaib yang jauh, dan syaitan boleh merasuk setengah-setengah manusia, lalu terkeluar perkataan-perkataan yang ganjil dari lidah mereka. Mereka menolak satu-satunya pentafsiran yang sebenar bahawa Al-Qur'an adalah wahyu yang diturunkan oleh Allah Tuhan Semesta Alam.

Oleh kerana itu Al-Qur'an menceritakan kepada mereka di dalam bahagian yang kedua surah ini tentang keindahan alam buana dan pemandangan-pemandangannya yang menarik untuk menyarankan ke dalam hati mereka bahawa Al-Qur'an ini adalah datang dari Allah Yang Maha Berkuasa dan Maha Pencipta yang telah menciptakan keindahan alam buana yang tiada tolok bandingnya, juga untuk menerangkan kepada mereka sifat malaikat Jibril utusan Allah yang membawa Al-Qur'an dan sifat Rasulullah s.a.w. yang menyampaikan Al-Qur'an, dia adalah sahabat mereka sendiri yang mereka benar-benar tahu bahawa dia bukan sekali-kali seorang yang gila. Dan beliau telah melihat Jibril utusan Allah yang mulia itu di ufuk yang nyata dan penglihatannya itu amat jelas dan amat yakin. Dia seorang yang jujur dan amanah dalam tugasnya menyampaikan wahyu Allah mengenai urusan ghaib. Kebenaran percakapannya tidak pernah diragui, dan mereka semua tahu bahawa dia tidak bercakap melainkan perkara yang sebenar dan yakin.

وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَيْطَانٍ رَّجِيمٍ ﴿٢٥﴾

"Dan Al-Qur'an bukannya perkataan syaitan yang direjam."(25)

Kerana syaitan-syaitan tidak pernah mewahyukan agama yang benar. Kemudian Allah mengaju pertanyaan yang mengandungi ejekan:

فَأَيْنَ تَذْهَبُونَ ﴿٢٦﴾

"Ke manakah kamu akan pergi?"(26)

Ke manakah kamu hendak pergi dengan anggapan dan kata-kata kamu itu? Atau ke manakah kamu hendak melarikan diri dari kebenaran, sedangkan kebenaran itu akan berdepan dengan kamu di mana sahaja kamu pergi.

إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ ﴿٢٧﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an itu tiada lain melainkan peringatan kepada semesta alam."(27)

Da'wah Islam Ditujukan Kepada Semua Bangsa Dan Umat Manusia

Iaitu peringatan yang mengingatkan mereka tentang hakikat kewujudan mereka, hakikat kejadian mereka dan hakikat alam buana di sekeliling mereka. Maksud **"peringatan kepada semesta alam"** ialah da'wah Islam merupakan da'wah global atau antarabangsa sejak peringkat perkembangannya yang pertama lagi, sedangkan da'wah di Makkah sentiasa ditentang dan diburu sebagaimana dijelaskan oleh ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Makkah.

Berdasarkan penerangan yang halus itu, Allah mengingatkan mereka bahawa kemudahan menuju jalan hidayat itu adalah diberi kepada siapa sahaja yang berkehendak kepadanya. Jadi, merekalah yang bertanggung-jawab terhadap diri mereka sendiri setelah mereka diberi sepenuh kemudahan ke arah itu:

لِمَن شَآءَ مِنكُمۡ أَن يَسۡتَقِيمَ ﴿٢٨﴾

"Iaitu kepada siapa di antara kamu yang hendak mengikut jalan yang lurus."(28)

Yakni mengikut hidayat Allah dalam perjalanan menuju kepada-Nya selepas penerangan yang jelas ini, yang menghapuskan segala keraguan, menggugurkan segala keuzuran dan menunjukkan jalan yang lurus kepada hati yang lurus. Oleh itu, barang siapa yang masih tidak mahu mengikut jalan yang lurus, dialah yang bertanggungjawab di atas penyelewengannya kerana kewajipannya ialah mengikut jalan yang lurus.

Bukti Kebenaran Dan Keimanan Terdapat Di Mana-mana

Sebenarnya bukti-bukti hidayat dan dalil-dalil yang menyarankan keimanan yang terdapat dalam kejadian-kejadian diri manusia dan kejadian-kejadian di merata pelusuk alam adalah begitu kuat dan begitu mendalam hingga sukar kepada hati manusia untuk menghindari desakannya melainkan dengan susah payah yang disengajakan terutama apabila ia mendengar bimbingan ke arah itu disampaikan dengan uslub Al-Qur'an yang amat menarik dan menyedarkan. Tiada yang menyeleweng dari jalan Allah selepas penerangan itu melainkan mereka yang sengaja menyeleweng tanpa sesuatu keuzuran dan alasan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 29)

Kehendak Allah Mengatasi Segala Kehendak Yang Lain

Setelah menjelaskan kepada mereka kemungkinan mendapatkan hidayat dan kemudahan mengikut jalan yang lurus, maka Allah kembali menjelaskan pula satu hakikat agung di sebalik kehendak dan kemahuan mereka, iaitu hakikat bahawa kehendak yang berkuasa di sebalik segala sesuatu itu ialah kehendak dan iradat Allah:

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ رَبُّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan kamu tidak dapat menentukan kehendak kamu kecuali dikehendaki Allah Tuhan semesta alam."(29)

Tujuan pernyataan ini supaya mereka jangan memahami bahawa kehendak dan kemahuan mereka adalah terpisah dari kehendak dan iradat Allah Yang Maha Agung yang menjadi pokok pangkal kepada segala perkara. Pengurniaan kebebasan memilih dan kemudahan mencari jalan hidayat adalah berpokok pangkal dari kehendak dan iradat Allah yang meliputi segala sesuatu yang telah dan akan berlaku.

Nas-nas yang menerangkan bahawa manusia tidak dapat menentukan kehendak-kehendak mereka kecuali dikendaki Allah yang disebut oleh Al-Qur'an selepas membicarakan kehendak-kehendak makhluk adalah bertujuan untuk membetulkan kefahaman keimanan yang merangkul hakikat yang agung, iaitu hakikat bahawa segala sesuatu di dalam alam buana ini adalah berpokok pangkal dari kehendak dan iradat Allah. Dan apa yang dikurniakan Allah kepada manusia iaitu kebolehan memilih salah satu dari dua jalan yang telah diterangkan kepada mereka merupakan sebahagian dari kehendak dan iradat-Nya sama seperti perencanaan dan pentadbiran-Nya yang lain. Hal ini sama juga dengan apa yang dikurniakan Allah kepada para malaikat iaitu kebolehan melakukan keta'atan mereka yang mutlak menjunjung perintah Allah dan kebolehan mereka yang sempurna melaksanakan perintah-perintah itu adalah sebahagian dari kehendak dan iradat-Nya, samalah dengan kurnia-Nya kepada manusia yang memberi kebolehan memilih salah satu dari dua jalan setelah diajar dan diberi penjelasan.

Hakikat agung ini perlu dijelaskan kepada kefahaman orang-orang Mu'min supaya mereka dapat memahami hakikat yang sebenar dan supaya mereka mencari perlindungan pada kehendak dan iradat Allah untuk memohon pertolongan dan taufik serta berpegang dengan-Nya dalam segala apa yang diambil dan ditinggalkan mereka di dalam perjalanan hidup mereka.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-INFITAR

سُورَةُ الانفِطَار

SURAH KE

82

SURAH AL-INFITAR

Surah Langit Terbelah

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

19

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنفَطَرَتۡ (١)

وَإِذَا ٱلۡكَوَاكِبُ ٱنتَثَرَتۡ (٢)

وَإِذَا ٱلۡبِحَارُ فُجِّرَتۡ (٣)

وَإِذَا ٱلۡقُبُورُ بُعۡثِرَتۡ (٤)

عَلِمَتۡ نَفۡسٞ مَّا قَدَّمَتۡ وَأَخَّرَتۡ (٥)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلۡكَرِيمِ (٦)

ٱلَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ (٧)

فِيٓ أَيِّ صُورَةٖ مَّا شَآءَ رَكَّبَكَ (٨)

كَلَّا بَلۡ تُكَذِّبُونَ بِٱلدِّينِ (٩)

وَإِنَّ عَلَيۡكُمۡ لَحَٰفِظِينَ (١٠)

"Apabila langit terbelah(1). Dan apabila bintang gugur bertaburan(2). Dan apabila lautan-lautan telah dipecahkan(3). Dan apabila kubur-kubur telah dibongkarkan(4). Nescaya sedarlah seorang itu segala apa yang telah dilakukannya dahulu dan segala apa yang telah dilakukannya kemudian(5). Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?(6). Yang telah menciptakanmu, menyempurnakan kejadianmu dan mengimbangkan (segala bahagian) dirimu(7). Sedangkan Dia berkuasa membentuk rupamu dengan apa sahaja bentuk yang dikehendaki-Nya(8). Tidak sekali-kali begitu, malah kamu mendustakan Hari Balasan(9). Dan sesungguhnya kamu diawasi para malaikat (segala tindak-tanduk kamu)."(10).

كِرَامٗا كَٰتِبِينَ (١١)

يَعۡلَمُونَ مَا تَفۡعَلُونَ (١٢) إِنَّ ٱلۡأَبۡرَارَ لَفِي نَعِيمٖ (١٣)

وَإِنَّ ٱلۡفُجَّارَ لَفِي جَحِيمٖ (١٤)

يَصۡلَوۡنَهَا يَوۡمَ ٱلدِّينِ (١٥) وَمَا هُمۡ عَنۡهَا بِغَآئِبِينَ (١٦)

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلدِّينِ (١٧)

ثُمَّ مَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلدِّينِ (١٨)

يَوۡمَ لَا تَمۡلِكُ نَفۡسٞ لِّنَفۡسٖ شَيۡـٔٗاۖ وَٱلۡأَمۡرُ يَوۡمَئِذٖ
لِّلَّهِ (١٩)

"Yang mulia yang bertugas sebagai penulis-penulis (amalan kamu)(11). Mereka mengetahui segala apa yang kamu lakukan(12). Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu ditempatkan dalam Syurga yang penuh ni'mat(13). Dan sesungguhnya orang-orang yang menderhaka itu ditempatkan di dalam Neraka yang bernyala-nyala(14). Mereka akan memasukinya pada Hari Balasan(15). Dan mereka tidak akan dapat keluar darinya(16). Tahukah engkau apakah Hari Balasan itu?(17). Kemudian (sekali lagi) tahukah engkau apakah Hari Balasan itu?(18). Pada hari itu, tiada seorang pun yang berkuasa memberi sesuatu pertolongan kepada orang lain. Segala urusan pada hari itu terserah kepada Allah."(19).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah yang pendek ini memperkatakan revolusi alam yang dibicarakan oleh Surah at-Takwir, tetapi ia membawa gambaran dan sifat-sifat khusus yang lain. Ia membicarakan bidang-bidang tertentu dan membawa hati manusia menjelajahi bidang-bidang itu. Ia membuat sentuhan dan singgungan dari jenis yang baru, tenang dan mendalam, iaitu sentuhan-sentuhan yang seakan-akan kecaman tetapi mengandungi ancaman.

Oleh sebab itu ia menayangkan pandangan-pandangan revolusi dengan ringkas sahaja, tidak seperti tayangan dalam Surah at-Takwir, kerana suasana kecamannya lebih tenang dan lebih perlahan, dan irama senikata surah ini juga tenang, dan dengan ini tercapailah keseimbangan dan keserasian yang sempurna dalam syakhsiyah surah ini.

Dalam bahagian yang pertama, surah ini menceritakan tentang langit terbelah, bintang-bintang tergugur, lautan-lautan terpecah dan kubur-kubur terbongkar. Peristiwa-peristiwa inilah yang membuat setiap orang, pada hari yang dahysat itu, sedar apa yang telah dibuat dahulu dan apa yang telah dibuat kemudiannya.

Dalam bahagian yang kedua, ia mulakan dengan kecaman yang mengandungi ancaman terhadap manusia yang tahu menerima ni'mat-ni'mat Allah yang melimpah-ruah, tetapi tidak tahu kewajipan membalas ni'mat-ni'mat itu, tidak menghormati Tuhannya dan tidak bersyukur di atas limpah kurnia, ni'mat dan penghormatan yang diberikan Allah.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلۡكَرِيمِ ﴿٦﴾
ٱلَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾
فِيٓ أَيِّ صُورَةٖ مَّا شَآءَ رَكَّبَكَ ﴿٨﴾

"Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?(6). Yang telah menciptakanmu, menyempurnakan kejadianmu dan mengimbangkan (segala bahagian) dirimu(7). Sedangkan Dia berkuasa membentuk rupamu dengan apa sahaja bentuk yang dikehendaki-Nya."(8)

Dalam bahagian yang ketiga, ia menjelaskan sebab keingkaran dan kekufuran mereka. Sebabnya ialah kerana mereka tidak percaya kepada Balasan dan Hisab. Inilah sebab yang menjadi punca segala kejahatan dan kekufuran mereka. Kerana itulah ia menekan kuat persoalan Hisab, akibatnya dan Balasannya yang pasti.

كَلَّا بَلۡ تُكَذِّبُونَ بِٱلدِّينِ ﴿٩﴾
وَإِنَّ عَلَيۡكُمۡ لَحَٰفِظِينَ ﴿١٠﴾ كِرَامٗا كَٰتِبِينَ ﴿١١﴾
يَعۡلَمُونَ مَا تَفۡعَلُونَ ﴿١٢﴾ إِنَّ ٱلۡأَبۡرَارَ لَفِي نَعِيمٖ ﴿١٣﴾

"Tidak sekali-kali begitu, malah kamu mendustakan Hari Balasan(9). Dan sesungguhnya kamu diawasi para malaikat (segala tindak-tanduk kamu)(10). Yang mulia yang bertugas sebagai penulis-penulis (amalan kamu)(11). Mereka mengetahui segala apa yang kamu lakukan(12). Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu ditempatkan dalam Syurga yang penuh ni'mat."(13)

وَإِنَّ ٱلۡفُجَّارَ لَفِي جَحِيمٖ ﴿١٤﴾
يَصۡلَوۡنَهَا يَوۡمَ ٱلدِّينِ ﴿١٥﴾ وَمَا هُمۡ عَنۡهَا بِغَآئِبِينَ ﴿١٦﴾

"Dan sesungguhnya orang-orang yang menderhaka itu ditempatkan di dalam Neraka yang bernyala-nyala(14). Mereka akan memasukinya pada Hari Balasan(15). Dan mereka tidak akan dapat keluar darinya."(16)

Dalam bahagian akhir, ia menggambarkan kehebatan dan kedahsyatan Hari Hisab dan menanggalkan segala daya kekuatan dari sekalian manusia, kerana pada hari itu hanya Allah sahaja yang berkuasa:

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلدِّينِ ﴿١٧﴾
ثُمَّ مَآ أَدۡرَىٰكَ مَا يَوۡمُ ٱلدِّينِ ﴿١٨﴾
يَوۡمَ لَا تَمۡلِكُ نَفۡسٞ لِّنَفۡسٖ شَيۡـٔٗاۖ وَٱلۡأَمۡرُ يَوۡمَئِذٖ
لِّلَّهِ ﴿١٩﴾

"Tahukah engkau apakah Hari Balasan itu?(17). Kemudian (sekali lagi) tahukah engkau apakah Hari Balasan itu?(18). Pada hari hu, tiada seorang pun yang berkuasa memberi sesuatu pertolongan kepada orang lain. Segala urusan pada hari itu terserah kepada Allah."(19)

Surah ini pada keseluruhannya merupakan satu babak dalam rangkaian nada-nada pernyataan dan ketukan-ketukan penyedaran yang dikendalikan oleh juzu' ini dengan berbagai-bagai gaya dan cara.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Langit Terbelah Pada Hari Qiamat

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنفَطَرَتۡ ﴿١﴾
وَإِذَا ٱلۡكَوَاكِبُ ٱنتَثَرَتۡ ﴿٢﴾
وَإِذَا ٱلۡبِحَارُ فُجِّرَتۡ ﴿٣﴾
وَإِذَا ٱلۡقُبُورُ بُعۡثِرَتۡ ﴿٤﴾
عَلِمَتۡ نَفۡسٞ مَّا قَدَّمَتۡ وَأَخَّرَتۡ ﴿٥﴾

"Apabila langit terbelah(1). Dan apabila bintang gugur bertaburan(2). Dan apabila lautan-lautan telah dipecahkan(3). Dan apabila kubur-kubur telah dibongkarkan(4). Nescaya sedarlah seorang itu segala apa yang telah dilakukannya dahulu dan segala apa yang telah dilakukannya kemudian."(5)

Dalam surah yang lepas, kami telah terangkan tentang saranan yang meresap di dalam hati ketika melihat alam ini diubah oleh tangan qudrat dan digoncangkan oleh revolusi yang mengerikan hingga tiada satu pun yang terselamat di alam yang besar ini. Di sana kami telah tegaskan bahawa saranan ini menjurus ke arah membuat setiap orang merasa terhapusnya segala sesuatu yang disenangi dan diharapkannya di alam ini kecuali Allah S.W.T. Pencipta sahaja yang kekal selepas musnahnya segala yang kukuh itu. Saranan ini telah membawa hati manusia kepada hakikat tunggal yang kekal, tidak berubah, supaya mereka mendapat ketenteraman dalam menghadapi perubahan, kekacauan,

goncangan dan keruntuhan alam yang selama ini kelihatan tetap, aman dan teratur seolah-olah akan terus begitu, sedangkan yang kekal hanya Allah Pencipta yang disembah sahaja:

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنفَطَرَتۡ ﴿١﴾

"Apabila langit terbelah."(1)

Antara gejala kemusnahan yang disebut di dalam surah ini ialah keterbelahan langit, dan gejala ini telah disebut di dalam beberapa ayat yang lain. Firman-Nya di dalam Surah ar-Rahman:

فَإِذَا ٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَكَانَتۡ وَرۡدَةٗ كَٱلدِّهَانِ ﴿٣٧﴾

"Apabila langit terbelah ia kelihatan merah laksana bunga mawar dan berkilat laksana minyak."

(Surah ar-Rahman : 37)

Firman-Nya lagi di dalam Surah al-Haqqah:

وَٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَهِيَ يَوۡمَئِذٖ وَاهِيَةٞ ﴿١٦﴾

"Dan terbelahlah langit kerana pada hari itu ia amat lemah."

(Surah al-Haqqah : 16)

Firman-Nya di dalam Surah al-Insyiqaq:

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنشَقَّتۡ ﴿١﴾

"Apabila langit pecah terbelah."

(Surah al-Insyiqaq : 1)

Gejala keterbelahan langit merupakan salah satu dari hakikat-hakikat yang berlaku pada Hari Qiamat yang dahsyat itu, tetapi yang sukarnya ialah untuk menentukan maksud dari keterbelahan langit itu secara tepat. Begitu juga sukar untuk menentukan bagaimana caranya keterbelahan itu berlaku. Apa yang tergambar dalam tanggapan kita ialah pemandangan perubahan yang dahsyat pada keadaan alam yang dilihat sekarang, dan berakhirnya segala peraturan dan undang-undang alam yang berlangsung selama ini, juga terhurainya segala ikatan peraturan yang mengikatkan perjalanan bintang-bintang yang halus ini.

وَإِذَا ٱلۡكَوَاكِبُ ٱنتَثَرَتۡ ﴿٢﴾

"Dan apabila bintang gugur bertaburan."(2)

Keguguran Bintang-bintang

Turut sama dalam pemandangan itu ialah keguguran bintang-bintang yang selama ini berada dalam hubungan yang utuh dan padu, dan beredar begitu laju dalam lingkungan peredaran masing-masing. Ia beredar begitu tetap dan teratur tanpa menyeleweng dari jalan peredarannya. Ia tidak pernah beredar dan mengembara liar di angkasa raya yang tidak terhingga batasnya itu. Andainya bintang-bintang itu gugur dan terlepas dari ikatan peraturan yang selama ini mengikat dan memelihara perjalanannya, sebagaimana yang akan berlaku pada Hari Qiamat yang menamatkan ajalnya, maka ia akan hancurlebur di angkasa raya sebagaimana hancurnya atom yang terlepas dari ikatannya.

وَإِذَا ٱلۡبِحَارُ فُجِّرَتۡ ﴿٣﴾

"Dan apabila lautan-lautan telah dipecahkan."(3)

Lautan-lautan Pecah Atau Meledak Seperti Bom

Yang dimaksudkan dengan pemecahan atau pembedahan lautan-lautan itu ialah mungkin lautan-lautan itu membanjir hingga menenggelami segala daratan dan sungai-sungai, dan mungkin pula maksudnya ialah pemecahan air lautan kepada unsur-unsur oksigen dan hidrogen sebagaimana keadaan asalnya sebelum kedua-dua unsur itu bertemu dan dicantumkan Allah untuk membentuk lautan itu. Seterusnya mungkin juga maksudnya ialah ledakan gas oksigen dan hidrogen sebagaimana yang berlaku dalam letupan bom-bom atom atau hidrogen hari ini. Letupan itu begitu dahsyat hingga bom yang ada pada hari ini dapat dianggap hanya bom-bom mainan kanak-kanak sahaja, atau mungkin pula letupan itu berlaku dengan cara-cara yang lain yang belum pernah diketahui manusia. Itulah letupan yang maha dahsyat yang belum pernah dialami saraf-saraf manusia.

وَإِذَا ٱلۡقُبُورُ بُعۡثِرَتۡ ﴿٤﴾

"Dan apabila kubur-kubur telah dibongkarkan."(4)

Kubur-kubur Terbongkar

Gejala keterbongkaran kubur-kubur itu mungkin berlaku akibat peristiwa-peristiwa yang lepas atau merupakan satu kejadian yang tersendiri yang akan berlaku pada Hari Qiamat yang panjang, yang penuh dengan berbagai-bagai pemandangan dan kejadian. Pada hari itu, jasad-jasad yang dibangkit dan diciptakan semula oleh Allah akan keluar dari kubur untuk menghadapi Hisab dan menerima balasan masing-masing.

Ini selaras dengan firman-Nya yang berikut selepas menayangkan pemandangan-pemandangan dan kejadian-kejadian itu:

عَلِمَتۡ نَفۡسٞ مَّا قَدَّمَتۡ وَأَخَّرَتۡ ﴿٥﴾

"Nescaya sedarlah seorang itu segala apa yang telah dilakukannya dahulu dan segala apa yang telah dilakukannya kemudian."(5)

Qiamat Menginsafkan Manusia

Maksudnya, ia mengetahui segala apa yang telah dilakukannya dahulu dan kemudian, atau segala apa yang telah dilakukannya di dunia dari segala apa yang telah ditinggalkannya di belakangnya dari kesan-kesan perbuatannya, atau segala apa yang telah dini'matinya di dunia dan segala apa yang disediakannya untuk Hari Akhirat. Biar bagaimanapun, namun tujuannya ialah kesedaran

manusia terhadap amalan-amalannya itu adalah seiringan dengan berlakunya kejadian-kejadian malapetaka yang besar itu, dan kesedaran itu amat menakutkannya sama seperti takutnya mereka kepada malapetaka-malapetaka itu sendiri.

Pengungkapan Al-Qur'an yang unik itu menerangkan:

عَلِمَتْ نَفْسٌ

"Nescaya sedarlah seorang itu."(5)

Ungkapan ini dari segi makna memberi erti "setiap orang", tetapi pengungkapan Al-Qur'an lebih cantik dan lebih menarik. Begitu juga maksud kesedaran di sini tidaklah terbatas setakat mengetahui dan menyedari apa yang telah dilakukannya dahulu dan apa yang telah dilakukannya kemudian, kerana "kesedaran" dengan pengertian ini memberi kesan yang hebat, sama hebat dengan kesan pemandangan revolusi alam. Pengungkapan Al-Qur'an memberi bayangan ini tanpa menyebutkannya, dan ini menjadikannya lebih cantik dan lebih berkesan.

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

Mengapa Insan Sanggup Mencuaikan Kewajipan Terhadap Allah

Selepas kata-kata pembukaan yang menggerak dan menyedarkan pancaindera dan perasaan, membangkitkan minda dan hati nurani, Al-Qur'an berpaling pula kepada realiti hidup manusia sekarang yang lalai, lengah dan cuai. Di sini ia mencubitkan hati mereka dengan kecaman yang lembut, tetapi mengandungi ancaman yang halus dan peringatan yang wajar supaya manusia mengenangkan ni'mat Allah yang pertama terhadap dirinya iaitu ni'mat ia diciptakan Allah dengan rupa bentuk yang sempurna, sedangkan Allah berkuasa menciptakannya dengan rupa bentuk apa sahaja yang dikehendaki-Nya, tetapi Allah memilih untuk menciptakannya dengan rupa yang sempurna, sederhana dan cantik, namun begitu, manusia masih tidak bersyukur dan tidak menghargainya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلْكَرِيمِ ﴿٦﴾
ٱلَّذِى خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾
فِىٓ أَىِّ صُورَةٍ مَّا شَآءَ رَكَّبَكَ ﴿٨﴾

"Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?(6). Yang telah menciptakanmu, menyempurnakan kejadianmu dan mengimbangkan (segala bahagian) dirimu(7). Sedangkan Dia berkuasa membentuk rupamu dengan apa sahaja bentuk yang dikehendaki-Nya."(8)

Dengan kata-kata **"Wahai insan!"**, Allah menyeru manusia dengan sifat-Nya yang paling mulia iaitu sifat insaniyahnya yang membezakannya dari seluruh makhluk hidup yang lain, iaitu sifat yang mengangkatkan manusia ke martabat yang paling tinggi dan memperlihatkan betapa besarnya penghormatan dan limpah kemurahan Allah ke atasnya.

Kemudian Al-Qur'an iringi dengan kecaman yang cantik dan hebat:

مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلْكَرِيمِ ﴿٦﴾

"Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?"(6)

Mengapa Insan Sanggup Mencuaikan Kewajipannya Terhadap Allah

Yakni wahai manusia yang telah dikurniakan Allah - Penaung dan Pemeliharanya - dengan sifat insaniyahmu yang mulia dan luhur! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya mencuaikan kewajipanmu terhadap Tuhanmu sehingga engkau sanggup mencuaikan hak-hak-Nya, meringan-ringan perintah-Nya dan berkelakuan biadab terhadap-Nya, sedangkan Allah Tuhanmu Yang Maha Pemurah telah memberi selimpah-limpah kurnia kepadamu? Di antaranya yang paling besar ialah sifat insaniyahmu yang membezakanmu dari seluruh makhluk-Nya dan menjadikanmu dapat berfikir dan memahami apa yang patut dan apa yang tidak patut dilakukanmu terhadap Tuhanmu.

Kemudian Al-Qur'an menghuraikan sebahagian kecil dari limpah kurnia Ilahi yang disarankan secara umum dalam seruannya yang memberi ilham dan pengertian yang mendalam, iaitu seruan yang mengandungi berbagai-bagai isyarat yang tersembunyi. Ia menjelaskan sebahagian dari limpah pemberian Allah yang banyak kepada manusia yang dapat dilihat pada sifat insaniyahnya yang dijadikan objek seruannya di permulaan ayat. Dalam penjelasan itu, Allah menunjukkan ni'mat-Nya yang telah menciptakan manusia dengan rupa bentuk yang sempurna, sedangkan Allah berkuasa untuk menciptakannya dengan apa sahaja rupa bentuk yang dikehendaki-Nya. Pilihan Allah untuk menciptakan manusia sedemikian rupa adalah lahir dari limpah ihsan-Nya semata-mata ke atas manusia yang tidak tahu bersyukur dan menghargai Allah, malah selalu terpedaya dan cuai.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلْكَرِيمِ ﴿٦﴾
ٱلَّذِى خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾

"Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?(6). Yang telah menciptakanmu, menyempurnakan kejadianmu dan mengimbangkan (segala bahagian) dirimu."(7)

Seruan ini menggegarkan setiap zarrah entiti manusia apabila sifat insaniyahnya sedar dan apabila seruan itu benar-benar menjejak ke lubuk hatinya ketika dikecam Tuhannya sedemikian hebat dan ketika ia diperingatkan supaya mengenali limpah

kurnia Tuhannya, sedangkan dia lalai, cuai dan biadab terhadap hak Allah yang telah menciptakannya dengan sebaik-baik ciptaan.

Penciptaan manusia yang sedemikian sempurna dan cantik merupakan satu perkara yang patut difikir panjang-panjang dan wajar disyukuri sedalam-dalamnya dan ditunjukkan adab yang sopan dan kasih mesra terhadap Allah yang telah mengurniakan ni'mat-ni'mat itu, sedangkan Ia memang berkuasa andainya Ia mahu ciptakan manusia dengan rupa bentuk yang lain. Namun demikian, Ia memilih ciptaan manusia dengan rupa bentuk yang sempurna dan cantik ini.

Ciri-ciri Yang Menakjubkan Dalam Penciptaan Manusia

Manusia adalah satu makhluk yang cantik susunan tubuh badannya, sempurna kejadiannya dan sederhana rupa bentuknya. Keanehan penciptaan pada manusia adalah lebih besar dari apa yang difikirkan olehnya, dan lebih ajaib dari segala kejadian yang dilihat di sekelilingnya.

Kecantikan, kesempurnaan dan kesederhanaan kelihatan jelas pada kejadian tubuh badan manusia, kejadian 'aqalnya dan kejadian rohnya. Semua susunan entitinya seimbang dan lengkap.

Di sana terdapat berbagai-bagai karangan yang menghuraikan kesempurnaan, kehalusan dan kerapian susunan kejadian anggota manusia. Kita tidak mempunyai ruang yang cukup untuk membentangkan keanehan kejadian-kejadian ini, tetapi cukuplah kita kemukakan sebahagiannya sahaja.

Sistem-sistem umum bagi struktur tubuh badan manusia, iaitu sistem tulang temalang, sistem otot, sistem kulit, sistem pencernaan makanan, sistem peredaran darah, sistem pernafasan, sistem jantina, sistem limpa, sistem saraf, sistem kencing, sistem-sistem rasa, cium, dengar, pandang dan sebagainya, semuanya masing-masing merupakan satu kejadian ajaib yang tidak boleh dibandingkan dengan alat-alat jentera rekaan yang menakjubkan manusia. Sebenarnya manusia lupa bahawa keajaiban kejadian dirinya sendiri adalah lebih besar dan lebih mendalam dan tiada tolok bandingnya.

Tangan Yang Serba Boleh

"Kata Majalah Sains British: Tangan manusia merupakan kejadian ajaib yang ulung dan tersendiri di antara kejadian-kejadian ajaib yang lain. Amatlah sukar, malah mustahil untuk direkakan sebuah alat yang dapat menyamai tangan manusia dari segi mudah, serba boleh dan dapat menyesuaikan diri. Apabila anda hendak membaca buku, tangan anda akan mengambilnya dan meletakkannya pada kedudukan yang sesuai untuk membolehkan anda membacanya. Tangan andalah yang membetulkan kedudukan itu secara otomatik. Apabila anda mahu membalikkan lembaran buku itu, anda akan meletakkan jari di bawah kertas itu dan menekankannya sekadar yang dapat membalikkannya, kemudian tekanan itu hilang apabila kertas itu terbalik. Tangan memegang pena dan menulis dengannya. Tangan menggunakan segala macam alat yang diperlukan manusia dari sudu, pisau dan mesen taip. Ia membuka dan menutup jendela dan membawa apa sahaja yang dikehendaki manusia. Dua belah tangan itu mengandungi dua puluh tujuh tulang dan masing-masing mempunyai sembilan belas kumpulan otot.[1]

Telinga Yang Mendengar Bunyi

"Sebahagian dari telinga manusia iaitu (telinga tengah) merupakan rangkaian lengkungan yang terdiri dari kira-kira empat ribu lengkungan yang seni, rumit dan tersusun rapi dari segi kecil besar dan bentuk rupanya. Rangkaian lengkungan ini boleh dikatakan menyerupai satu alat muzik. Ia nampaknya disediakan untuk menangkap dan memindah ke otak apa sahaja bunyi dan dentuman, mulai dari bunyi guruh kepada bunyi desiran daun-daun kayu, lebih-lebih lagi paduan bunyi yang indah dari berbagai-bagai nada alat muzik dari sebuah orkestra dengan unit-unitnya yang harmonis.".[2]

Mata Yang Menangkap Cahaya

"Pusat deria lihat di dalam mata mengandungi seratus tiga puluh juta penerima cahaya dalam bentuk hujung-hujung saraf yang dilindungi oleh pelupuk mata yang mempunyai bulu-bulu yang melindungi mata siang dan malam. Gerakan pelupuk mata merupakan gerakan pantulan yang bergerak secara otomatik. Ia menahan debu-debu, habuk-habuk dan benda-benda asing dari masuk ke dalam mata. Di samping itu pelupuk mata juga mengurangkan ketajaman tikaman cahaya matahari masuk ke dalam mata dengan sebab adanya bulu-bulu mata yang memberi bayangan teduh kepadanya. Selain dari memelihara dan menjaga, ia juga bertindak mencegahkan kekeringan mata. Cecair yang ada di sekeliling mata yang dikenali dengan nama air mata merupakan pencuci yang paling kuat."[3]

Lidah Merasa Makanan

"Sistem rasa pada manusia ialah lidah. Kegiatan sistem ini bergantung kepada kumpulan-kumpulan sel perasa yang terdapat pada puting-puting selaput lidah yang berlendir. Puting-puting itu mempunyai berbagai-bagai rupa bentuk. Di antaranya bentuk benang, cendawan dan adas. Makanan puting-puting ini dibekalkan oleh cabang-cabang saraf lidah di bahagian kerongkong, juga oleh cabang-cabang saraf perasa. Sewaktu makan, saraf-saraf perasa itulah yang menangkap kesan-

---

1 *Dari buku* الله والعلم الحديث, *Abdur-Razzaq Naufal.*

2 *Dari buku* العلم يدعو إلى الإيمان.

3 *Dari buku* الله والعلم الحديث.

kesan makanan itu dan menghantarkannya ke otak. Sistem ini terdapat pula pada awal-awal bahagian mulut lagi untuk membolehkannya meluah apa sahaja benda yang mendatangkan mudarat kepadanya. Dengan sistem inilah seseorang dapat merasakan kecapan pahit, masin, sejuk, panas, masam, masin, pedas dan sebagainya.

Saraf Yang Memindahkan Perasaan Ke Otak

"Lidah mengandungi sembilan ribu bonjol perasa yang seni. Setiap bonjol dihubungkan dengan otak oleh lebih dari satu saraf. Hitunglah berapa banyak bilangan saraf itu? Berapa besar ukurannya? Dan bagaimana ia bekerja secara sendirian dan secara berkelompok membawa rasa itu kepada otak?

"Sistem saraf yang menguasai tubuh badan sepenuhnya adalah terdiri dari rerambut-rerambut yang seni yang menjalar di seluruh anggota tubuh badan manusia dan berhubung dengan rerambut-rerambut yang lebih besar darinya yang bertugas sebagai pusat-pusat saraf. Apabila mana-mana bahagian anggota tubuh badan manusia mendapat apa-apa kesan walaupun kesan dari sedikit perubahan suhu udara sekeliling, maka rerambut-rerambut saraf yang seni itu akan memindahkan perasaan itu kepada pusat-pusat saraf yang berselerak di dalam tubuh badan manusia dan pusat-pusat saraf ini pula akan menghantarkan perasaan itu kepada otak untuk membolehkannya bertindak. Kecepatan perjalanan isyarat-isyarat dan peringatan-peringatan melalui saraf-saraf itu mencapai seratus meter sedetik."[4]

Pencernaan Makanan

"Andainya kita memandang pencernaan makanan itu sebagai proses dalam makmal kimia, dan makanan yang kita makan itu sebagai bahan-bahan yang belum diproses, maka dengan segera kita dapat memahami bahawa pencernaan makanan itu merupakan satu proses yang amat aneh, kerana ia dapat mencernakan hampir-hampir segala sesuatu yang dapat dimakan kecuali maidah itu sendiri.

"Mula-mula kita letakkan di dalam makmal ini berbagai-bagai jenis makanan selaku bahan yang belum diproseskan tanpa mempedulikan makmal itu sendiri atau tanpa memikirkan bagaimana cara ia mencernakan makanan itu secara kimia. Kita makan daging, lobak, gandum dan ikan goreng kemudian kita tolakkannya dengan air....

"Di antara makanan-makanan yang bercampuraduk ini, maidah akan bekerja memilih segala sesuatu yang berguna melalui proses menghancurkan segala jenis makanan kepada bahagian-bahagian kimianya tanpa mempedulikan hampas-hampasnya. Kemudian makanan-makanan yang ditinggalkan itu diproses menjadi protein-protein baru untuk menjadi makanan berbagai-bagai sel. Alat-alat pencernaan itu memilih zat kapur, belerang (sulfur), iodin, besi dan lain-lain zat yang perlu. Ia menjaga supaya bahagian-bahagian makanan yang penting itu tidak hilang, supaya hormon-hormon dapat dikeluarkan dan supaya semua keperluan asasi itu dapat disediakan dengan jumlah kuantiti yang teratur sebagai persediaan untuk menghadapi segala keadaan darurat. Ia juga menyimpan bahan lemak dan bahan-bahan simpanan yang lain untuk menghadapi keadaan-keadaan yang mendadak seperti kelaparan. Alat-alat pencernaan itu melakukan semua kerja-kerja ini tanpa menghiraukan fikiran manusia. Kita curahkan segala macam bahan makanan yang tidak terhitung itu di dalam makmal kimia ini tanpa menghiraukan sama sekali apa yang dimakan oleh kita, malah kita menganggapnya sebagai proses otomatik untuk memelihara kita supaya hidup. Apabila makanan-makanan itu hancur dan diproseskan kembali, maka ia dibekalkan secara berterusan kepada setiap sel dari berbilion-bilion sel yang mencapai jumlah bilangan yang lebih dari jumlah bilangan seluruh umat manusia di bumi ini. Pembekalan kepada setiap sel itu pastilah berterusan dan ia tidak dibekalkan melainkan dengan bahan-bahan yang diperlukan oleh sel-sel itu untuk diproseskannya menjadi tulang, kuku, daging, rambut, dua mata, gigi dan sebagainya.

"Inilah satu makmal kimia yang menghasilkan bahan-bahan yang lebih banyak dari mana-mana makmal yang pernah direkakan oleh 'aqal manusia. Inilah satu sistem pembekalan yang lebih besar dari mana-mana sistem pengangkutan atau pengagihan yang diketahui dunia. Semua urusan ini dilakukan dengan peraturan yang amat sempurna."[5]

Setiap sistem dari sistem-sistem manusia yang lain telah dihuraikan dengan panjang lebar, tetapi sistem-sistem yang amat aneh itu mungkin disyarikati sama oleh binatang-binatang yang lain dalam salah satu bentuknya. Namun yang khusus dimiliki manusia ialah ciri-ciri 'aqliyah dan rohaniyahnya yang unik yang menjadi tempat manusia melahirkan pernyataan terhutang budi khususnya di dalam surah ini:

ٱلَّذِى خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾

"Yang telah menciptakanmu, menyempurnakan kejadianmu dan mengimbangkan (segala bahagian) dirimu."(7)

Selepas diseru: "Wahai insan!".

Daya 'Aqliyah Yang Unik

Kita tidak dapat memahami hakikat kefahaman 'aqal kerana 'aqal merupakan alat kita untuk memahami apa yang difahamkan oleh kita, sedangkan 'aqal itu tidak memahami dirinya sendiri dan tidak dapat memahami bagaimana ia memahami.

Katakanlah segala apa yang ditanggapkan itu sampai ke otak melalui alat-alat saraf yang seni itu, tetapi di manakah hendak disimpankan semua hasil tanggapan itu? Andainya otak itu sebagai di pita rakaman nescaya manusia memerlukan selama umur

[4] *Dari buku* الله والعلم الحديث.

[5] *Dari buku* العلم يدعو إلى الإيمان .

hidupnya, yang purata enam puluh tahun, kepada ribuan juta meter pita rakaman untuk merakamkan sekian banyak gambaran-gambaran, kata-kata, makna-makna, perasaan-perasaan dan kesan-kesannya untuk diingatkan kembali selepas itu, dan memang manusia dapat mengingatkannya kembali setelah dilalui masa puluhan tahun.

Kemudian bagaimana pula otak itu menyusun di antara kata-kata yang tunggal, makna-makna yang tunggal, peristiwa-peristiwa yang tunggal dan gambaran-gambaran yang tunggal itu untuk menjadikannya satu budaya yang terkumpul dan untuk meningkatkannya dari maklumat-maklumat kepada ilmu, dari tanggapan-tanggapan kepada kefahaman dan dari pengalaman-pengalaman kepada pengetahuan.

Daya Rohaniyah Yang Menjadi Teras Hakikat Manusia

Inilah salah satu dari ciri-ciri manusia yang membezakannya dari makhluk yang lain. Namun demikian, ciri ini bukanlah merupakan sebesar-besar cirinya, dan bukanlah pula setinggi-tinggi cirinya yang membezakannya dari makhluk yang lain. Yang lebih dari ciri ini ialah rohnya yang dikurniakan Allah, iaitu roh manusia yang khusus untuknya, yang menghubungkannya dengan keindahan alam dan dengan keindahan Pencipta alam. Itulah roh yang memberikan kepada manusia detik-detik yang gemilang yang menghubungkannya dengan Zat yang mutlak yang tidak terbatas setelah berhubung dengan pancaran-pancaran keindahan di alam ini.

Itulah roh yang tidak diketahui hakikatnya oleh manusia. Itulah roh yang memberi ni'mat kesukaan dan kebahagiaan yang tinggi kepada manusia, walaupun ia berada di bumi, dan menghubungkannya dengan alam al-Malaul-A'la dan menyediakannya untuk hidup di dalam Syurga yang kekal abadi dan untuk memandang keindahan Ilahi di alam yang penuh bahagia itu.

Roh itu merupakan satu pengurniaan Allah Yang Maha Besar kepada manusia, dan dengan roh itulah ia menjadi manusia. Roh inilah yang diseru Allah dengan namanya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ

"Wahai insan!"(6)

Dan mengecamnya dengan kecaman yang memalukannya:

مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلۡكَرِيمِ ۝٦

"Apakah yang menyebabkan engkau terkeliru terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?"(6)

Kecaman Yang Tajam Dari Allah

Inilah kecaman-kecaman secara langsung dari Allah. Dia memanggil manusia, lalu ia berdiri di depan-Nya sebagai seorang yang cuai, berdosa, terpedaya, tidak menghargai kebesaran Allah dan tidak beradab sopan terhadap-Nya. Kemudian Allah mengingatkan ni'mat-Nya yang agung, kemudian mengingatkan kecuaian manusia, kebiadabannya dan kekeliruan dan keterpedayaannya.

Ia merupakan sebuah kecaman yang menghancur-luluhkan apabila seseorang itu memikirkan hakikat asal usulnya dan hakikat kedudukannya ketika berdiri di depan Tuhannya yang memanggil namanya dan mengecamkan perbuatannya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ مَا غَرَّكَ بِرَبِّكَ ٱلۡكَرِيمِ ۝٦ ٱلَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّىٰكَ فَعَدَلَكَ ۝٧ فِيٓ أَيِّ صُورَةٖ مَّا شَآءَ رَكَّبَكَ ۝٨

"Wahai insan! Apakah yang menyebabkan engkau terpedaya (mencuaikan kewajipan) terhadap Tuhanmu Yang Maha Pemurah?(6). Yang telah menciptakanmu, menyempurnakan kejadianmu dan mengimbangkan (segala bahagian) dirimu(7). Sedangkan Dia berkuasa membentuk rupamu dengan apa sahaja bentuk yang dikehendaki-Nya."(8)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 12)

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan punca kekeliruan dan kecuaian manusia iaitu mereka tidak mempercayai Hari Hisab dan serentak itu ia menerangkan hakikat Hisab dan kelainan balasan dengan tegas dan keras:

كَلَّا بَلۡ تُكَذِّبُونَ بِٱلدِّينِ ۝٩

"Tidak sekali-kali begitu, malah kamu mendustakan hari balasan."(9)

Kata-kata كلا (tidak sekali-kali begitu) digunakan untuk menolak dan membantah sikap dan perbuatan. Kata-kata بل (malah) digunakan untuk berpindah dari persoalan yang lepas kepada persoalan yang baru iaitu pernyataan dan penegasan baru yang berlainan dari kecaman, peringatan dan gambaran.

كَلَّا بَلۡ تُكَذِّبُونَ بِٱلدِّينِ ۝٩

"Tidak sekali-kali begitu, malah kamu mendustakan hari balasan."(9)

Puncak Kekeliruan Dan Kecuaian Manusia

Kamu tidak percaya kepada Hisab dan Balasan. Inilah punca kekeliruan dan kecuaian kamu terhadap Allah. Apabila hati mendustakan Hisab dan Balasan, maka ia tidak akan berdiri tegak di atas hidayat, kebaikan dan keta'atan. Kadang-kadang hati itu meningkat ke darjat yang amat tinggi dan luhur, lalu ia ta'atkan Tuhannya dan beribadat kepada-Nya semata-mata kerana cintakan-Nya bukan kerana gentar kepada balasan seksa-Nya dan bukan pula

kerana tamakkan pahala dari-Nya, tetapi ia tetap percaya kepada Hari Balasan dan menaruh perasaan takut kepadanya. Ia menunggu-nunggu kedatangan hari itu untuk menemui Tuhannya yang amat dicintainya. Tetapi apabila manusia tidak mempercayai Hari Balasan, maka ia tidak akan beradab sopan dan ta'at kepada Tuhannya dan tidak lagi mendapat nur hidayat. Hatinya tidak akan hidup dan dhamirnya tidak akan sedar.

Kamu mendustakan Hari Balasan, sedangkan kamu dalam perjalanan menuju kepadanya. Segala amalan yang telah dilakukan kamu akan dihisab. Tiada amalan yang akan terlepas dan tiada amalan yang akan dilupakan:

وَإِنَّ عَلَيْكُمْ لَحَٰفِظِينَ ﴿١٠﴾ كِرَامًا كَٰتِبِينَ ﴿١١﴾

يَعْلَمُونَ مَا تَفْعَلُونَ ﴿١٢﴾

"Dan sesungguhnya kamu diawasi para malaikat (segala tindak-tanduk kamu)(10). Yang mulia yang bertugas sebagai penulis-penulis (amalan kamu)(11). Mereka mengetahui segala apa yang kamu lakukan."(12)

Manusia Ditemani Malaikat-malaikat Yang Mengawas Pergerakan Dan Merakamkan Segala Kegiatannya

Malaikat-malaikat pengawas ialah malaikat-malaikat yang ditugaskan untuk menemani, memerhati dan mengawasi manusia dan mencatatkan segala perbuatan yang terbit dari mereka. Kita tidak mengetahui bagaimana cara pengawasan dan pencatatan itu dilakukan, dan kita tidak dituntut untuk mengetahui caranya, kerana Allah tahu bahawa kita tidak dikurniakan kebolehan untuk memahaminya. Tidak ada gunanya kita memahaminya kerana perkara ini tidak termasuk di dalam tugas kita dan di dalam matlamat kewujudan kita. Tidak perlu kita mengharungi dalam perkara ghaib lebih jauh dari kadar yang telah diterangkan Allah kepada kita, cukuplah hati manusia itu sedar bahawa dia tidak akan dibiarkan percuma dan dia sentiasa di bawah perhatian para malaikat pengawas dan penulis amalan mereka, yang mengetahui setiap perbuatan yang dilakukan mereka, kerana dengan kesedaran ini sudah cukup untuk membuat mereka menggelentar, berwaspada dan beradab sopan terhadap Tuhannya. Itulah tujuan yang pokok.

Oleh kerana suasana surah ini suasana mulia dan luhur, maka Allah menyebutkan sifat para malaikat pengawas itu sebagai penulis-penulis yang mulia untuk mencetuskan perasaan segan, malu dan beradab sopan di dalam hati manusia terhadap para malaikat yang mulia itu, kerana biasanya seseorang itu akan merasa malu dan segan apabila ia berdepan dengan orang-orang yang mulia untuk melakukan sesuatu yang kurang manis sama ada pada tutur kata, gerak-geri dan tindak-tanduk, maka sudah tentu ia akan bertambah malu dan segan apabila mengenangkan dirinya berada di setiap masa dan keadaan di hadapan malaikat-malaikat yang mengawasi mereka. Tidak sepatutnya para malaikat-malaikat itu mengetahui hal dirinya melainkan sifat-sifat dan perbuatan yang baik sahaja.

Al-Qur'an mahu mencetuskan dalam hati manusia perasaan-perasaan yang luhur dengan menanamkan hakikat ini dalam hati mereka melalui satu gambaran yang benar-benar berlaku, hidup dan dekat dengan kefahaman biasa.

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 16)

Kemudian ia menjelaskan kesudahan orang-orang yang ta'at dan kesudahan orang-orang yang derhaka setelah diadakan hisab yang didasarkan di atas catatan dan laporan yang ditulis para malaikat selaku penulis-penulis yang mulia itu:

إِنَّ ٱلْأَبْرَارَ لَفِى نَعِيمٍ ﴿١٣﴾

وَإِنَّ ٱلْفُجَّارَ لَفِى جَحِيمٍ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu ditempatkan dalam Syurga yang penuh ni'mat(13). Dan sesungguhnya orang-orang yang menderhaka itu ditempatkan di dalam Neraka yang bernyala-nyala."(14)

Balasan Orang-orang Yang Ta'at Berakhir Ke Dalam Syurga Manakala Orang Yang Derhaka Ke Dalam Neraka

Ia merupakan satu kesudahan yang tetap dan satu akibat yang pasti bahawa orang-orang yang ta'at itu akan berakhir ke dalam Syurga dan orang-orang yang derhaka akan berakhir ke dalam Neraka. Orang yang ta'at ialah orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang baik hingga menjadi suatu kebiasaannya atau menjadi suatu sifat yang tidak tanggal darinya. Amalan-amalan yang baik ialah amalan-amalan kebajikan umumnya iaitu satu sifat yang selaras dengan sifat kemuliaan dan insaniyah manusia. Sementara dalam kelompok orang-orang yang menderhaka yang bertentangan dengan kelompok ini terdapat sifat-sifat biadab, sifat tidak malu melakukan dosa dan maksiat dan hanya Neraka sahaja yang layak dengan orang-orang yang mempunyai sifat-sifat yang derhaka ini. Kemudian Al-Qur'an menerangkan lebih jelas kelompok yang menderhaka ini di dalam Neraka itu:

يَصْلَوْنَهَا يَوْمَ ٱلدِّينِ ﴿١٥﴾

"Mereka akan memasukinya pada Hari Balasan."(15)

Dan penjelasan itu semakin bertambah tegas dan kuat:

وَمَا هُمْ عَنْهَا بِغَآئِبِينَ ﴿١٦﴾

"Dan mereka tidak akan dapat keluar darinya."(16)

Yakni mereka tidak akan dapat melarikan diri dari awal lagi dan tidak pula akan dapat melepaskan diri sesudah dihumbankan ke dalam Neraka walaupun untuk sejenak waktu. Dengan ungkapan-ungkapan ini sempurnalah perbandingan-perbandingan di antara kelompok yang ta'at dengan kelompok yang

menderhaka, dan di antara Syurga dan Neraka dengan sedikit penjelasan tambahan mengenai penghuni-penghuni Neraka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 19)

Kelemahan Manusia Pada Hari Balasan

Oleh kerana persoalan Hari Balasan itu merupakan perkara pokok yang didustakan manusia, maka ayat yang berikut kembali lagi menjelaskan hakikat hari ini dengan lebih hebat. Pada hari itu, setiap orang benar-benar akan menjadi lemah dan tidak berdaya dan benar-benar sendirian tanpa pertolongan. Hanya Allah yang berkuasa penuh pada hari itu:

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا يَوْمُ ٱلدِّينِ ﴿١٧﴾

ثُمَّ مَآ أَدْرَىٰكَ مَا يَوْمُ ٱلدِّينِ ﴿١٨﴾

"Tahukah engkau apakah Hari Balasan itu?(17). Kemudian (sekali lagi) tahukah engkau apakah hari balasan itu?(18).

وَمَآ أَدْرَىٰكَ

"Tahukah engkau?"(17)

Pertanyaan yang membayangkan kejahilan mereka yang ditanyakan itu memang lumrah dalam ungkapan-ungkapan Al-Qur'an. Ia menimbulkan dalam hati bahawa sesuatu yang ditanya itu adalah terlalu hebat dan dahsyat untuk difahami oleh pemikiran manusia yang terbatas itu, ia merupakan satu perkara yang di luar fikiran dan dugaan manusia.

Pertanyaan itu diulang lagi untuk menambahkan kehebatan dan selepas itu barulah dijelaskan dengan penjelasan yang selaras dengan gambaran ini:

يَوْمَ لَا تَمْلِكُ نَفْسٌ لِّنَفْسٍ شَيْـًٔا ۖ

"Pada hari itu, tiada seorang pun yang berkuasa memberi sesuatu pertolongan kepada orang lain."(19)

Manusia pada hari itu diselubungi keadaan terlalu lemah, keadaan terlalu lumpuh dan tersorok dan keadaan terlalu terpisah dari orang lain yang masing-masing sibuk dengan penanggungan dan duka nestapa diri sendiri hingga tidak berdaya menghubungi orang-orang yang dikenalinya:

وَٱلْأَمْرُ يَوْمَئِذٍ لِّلَّهِ ﴿١٩﴾

"Segala urusan pada hari itu terserah kepada Allah."(19)

Allah sahaja yang berkuasa pada hari itu. Dan memanglah Allah sahaja yang berkuasa di dunia dan di Akhirat, tetapi hanya pada Hari Qiamat hakikat kuasa Ilahi yang tunggal itu tertonjol dengan sejelas-jelasnya, hingga disedari oleh semua orang yang terkeliru dan tertipu di dunia selama ini. Kini hakikat ini tidak tersembunyi lagi kepada orang yang terpedaya dan tertipu.

* * * * * *

Suasana sunyi sepi yang dahsyat pada akhir surah ini selaras dengan suasana gegak-gempita hari Qiamat yang dahsyat di permulaannya. Ia membuat hati kita terkepung di antara dua suasana yang dahsyat itu. Kedua-duanya mengeri dan menggentarkan dan di antara keduanya terdapat kecaman Allah yang amat tajam, amat memalu dan menghancurleburkan.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-MUTAFIFIN

SURAH KE

83

سُورَةُ الْمُطَفِّفِين

SURAH AL-MUTAFFIFIN

Surah Orang-orang Menurangkan Sukatan dan Timbangan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

36

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾

ٱلَّذِينَ إِذَا ٱكْتَالُوا۟ عَلَى ٱلنَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾

وَإِذَا كَالُوهُمْ أَو وَّزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ﴿٣﴾

أَلَا يَظُنُّ أُو۟لَٰٓئِكَ أَنَّهُم مَّبْعُوثُونَ ﴿٤﴾

لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥﴾

"Celakalah kepada orang-orang yang mengurangkan sukatan (dan timbangan)(1). Iaitu orang-orang yang apabila menerima sukatan (dan timbangan) dari orang lain mereka menuntut sukatan (dan timbangan) yang sempurna(2). Dan apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka memberi sukatan yang kurang(3). Tidakkah mereka fikir bahawa mereka akan dibangkitkan kembali?(4). Pada Hari Qiamat yang amat besar."(5).

يَوْمَ يَقُومُ ٱلنَّاسُ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦﴾

كَلَّآ إِنَّ كِتَٰبَ ٱلْفُجَّارِ لَفِى سِجِّينٍ ﴿٧﴾

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا سِجِّينٌ ﴿٨﴾

كِتَٰبٌ مَّرْقُومٌ ﴿٩﴾ وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٠﴾

"Iaitu hari manusia berdiri menghadapi (pengadilan) Tuhan semesta alam(6). Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya buku amalan penderhaka-penderhaka itu adalah tercatat dalam daftar Sijjin(7). Tahukah engkau apakah daftar Sijjin itu?(8). Itulah buku catatan yang ditulis (rapi)(9). Pada hari itu, celakalah kepada pendusta-pendusta."(10).

ٱلَّذِينَ يُكَذِّبُونَ بِيَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿١١﴾

وَمَا يُكَذِّبُ بِهِۦٓ إِلَّا كُلُّ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾

إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ءَايَٰتُنَا قَالَ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾

كَلَّا ۖ بَلْ ۜ رَانَ عَلَىٰ قُلُوبِهِم مَّا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾

كَلَّآ إِنَّهُمْ عَن رَّبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّمَحْجُوبُونَ ﴿١٥﴾

"Iaitu orang-orang yang mendustakan Hari Balasan(11). Dan tiada yang sanggup mendustakan hari itu melainkan setiap orang yang melampaui batas dan berdosa(12). Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, ia mengejek: Semuanya ini dongeng-dongeng orang-orang zaman purba(13). Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya hati mereka telah dikarati dosa yang telah dilakukan mereka(14). Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya pada Hari Qiamat kelak mereka terhijab dari Tuhan mereka."(15).

ثُمَّ إِنَّهُمْ لَصَالُوا۟ ٱلْجَحِيمِ ﴿١٦﴾

ثُمَّ يُقَالُ هَٰذَا ٱلَّذِى كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ﴿١٧﴾

كَلَّآ إِنَّ كِتَٰبَ ٱلْأَبْرَارِ لَفِى عِلِّيِّينَ ﴿١٨﴾

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا عِلِّيُّونَ ﴿١٩﴾ كِتَٰبٌ مَّرْقُومٌ ﴿٢٠﴾

"Kemudian mereka akan masuk ke dalam Neraka yang bernyala-nyala(16). Kemudian dikatakan kepada mereka: Inilah 'azab seksa yang telah kamu mendustakannya (di dunia)(17). Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya buku amalan orang-orang yang ta'at itu tercatat di dalam daftar 'Illiyyin(18). Tahukah engkau apakah daftar 'Illiyyun itu?(19). Itulah buku catatan yang ditulis (rapi)."(20).

يَشْهَدُهُ ٱلْمُقَرَّبُونَ ﴿٢١﴾

إِنَّ ٱلْأَبْرَارَ لَفِى نَعِيمٍ ﴿٢٢﴾

عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ يَنظُرُونَ ﴿٢٣﴾

تَعْرِفُ فِى وُجُوهِهِمْ نَضْرَةَ ٱلنَّعِيمِ ﴿٢٤﴾

يُسْقَوْنَ مِن رَّحِيقٍ مَّخْتُومٍ ﴿٢٥﴾

"Yang disaksikan oleh para malaikat Muqarrabin(21). Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu berada dalam Syurga yang penuh ni'mat(22). Mereka bersenang-senang

diatas takhta-takhta melihat keindahan (dalam Syurga)(23). Dari wajah mereka engkau dapat mengenal cahaya keni'matan hidup mereka(24). Mereka diberi minuman yang murni yang ditutup rapat"(25).

خِتَٰمُهُۥ مِسۡكٞۚ وَفِي ذَٰلِكَ فَلۡيَتَنَافَسِ ٱلۡمُتَنَٰفِسُونَ ٢٦

وَمِزَاجُهُۥ مِن تَسۡنِيمٍ ٢٧

عَيۡنٗا يَشۡرَبُ بِهَا ٱلۡمُقَرَّبُونَ ٢٨

إِنَّ ٱلَّذِينَ أَجۡرَمُواْ كَانُواْ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ يَضۡحَكُونَ ٢٩

وَإِذَا مَرُّواْ بِهِمۡ يَتَغَامَزُونَ ٣٠

"Penutupnya ialah kasturi (yang harum), dan untuk mendapatkan ni'mat yang sedemikian, maka hendaklah mereka berlumba-lumba (membuat amalan yang salih)(26). Campuran minuman itu adalah dari air Tasnim(27). Iaitu sebuah matair yang diminum para Muqarrabin(28). Sesungguhnya orang-orang yang berdosa semasa dahulu selalu mentertawakan orang-orang yang beriman(29). Apabila mereka melintasi orang-orang Mu'min, mereka (cemuhkan mereka dengan) mengenyit-ngenyitkan mata sesama mereka."(30).

وَإِذَا ٱنقَلَبُوٓاْ إِلَىٰٓ أَهۡلِهِمُ ٱنقَلَبُواْ فَكِهِينَ ٣١

وَإِذَا رَأَوۡهُمۡ قَالُوٓاْ إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَضَآلُّونَ ٣٢

وَمَآ أُرۡسِلُواْ عَلَيۡهِمۡ حَٰفِظِينَ ٣٣

فَٱلۡيَوۡمَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنَ ٱلۡكُفَّارِ يَضۡحَكُونَ ٣٤

عَلَى ٱلۡأَرَآئِكِ يَنظُرُونَ ٣٥

هَلۡ ثُوِّبَ ٱلۡكُفَّارُ مَا كَانُواْ يَفۡعَلُونَ ٣٦

"Dan apabila mereka pulang kepada keluarga mereka, mereka pulang dengan riang gembira(31). Dan apabila mereka melihat (orang-orang Mu'min) mereka berkata: Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang sesat(32). Sedangkan mereka tidak pernah diutuskan untuk mengawasi orang-orang yang beriman itu(33). Tetapi pada hari ini (di Akhirat), orang-orang yang beriman pula tertawakan orang-orang yang kafir(34). Mereka bersenang-senang di atas takhta melihat (ni'mat-ni'mat Syurga)(35) Adakah orang-orang kafir itu telah diberi pahala terhadap apa yang dilakukan mereka?"(36).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini menggambarkan sebahagian dari realiti hidup yang dihadapi oleh da'wah Islamiyah di negeri Makkah, di samping ia bertujuan menyedarkan hati, menggerakkan perasaan dan menarikkan pandangan kepada peristiwa baru yang berlaku di dalam kehidupan umat Arab dan kehidupan seluruh umat manusia, iaitu peristiwa kedatangan agama Allah ke bumi dengan segala pandangan dan kefahamannya yang baru yang meliputi semua bidang.

Di permulaan surah ini realiti hidup itu digambarkan dengan ancaman balasan 'azab kecelakaan pada Hari Qiamat yang agung terhadap golongan orang-orang yang melakukan kecurangan dalam sukatan dan timbangan. Mereka diancam mendapat kecelakaan:

يَوۡمَ يَقُومُ ٱلنَّاسُ لِرَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٦

"Iaitu hari manusia berdiri menghadapi (pengadilan) Tuhan semesta alam."(6)

Begitu juga realiti hidup itu digambarkan pada akhir surah ini dengan menceritakan kelakuan-kelakuan biadab orang-orang kafir terhadap orang-orang yang beriman. Mereka dicemuh dan dihina dengan kenyitan mata, ketawa hilai dan sindiran dan kata-kata yang menghina:

وَإِذَا رَأَوۡهُمۡ قَالُوٓاْ إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَضَآلُّونَ ٣٢

"Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang sesat."(32)

Di samping itu, surah ini mendedahkan keadaan orang-orang yang menderhaka dan keadaan orang-orang yang ta'at dan untung nasib masing-masing pada Hari Qiamat yang agung itu.

Surah ini terdiri dari empat bahagian. Bahagian pertama mengisytiharkan perang ke atas penipu-penipu sukatan dan timbangan:

وَيۡلٞ لِّلۡمُطَفِّفِينَ ١

ٱلَّذِينَ إِذَا ٱكۡتَالُواْ عَلَى ٱلنَّاسِ يَسۡتَوۡفُونَ ٢

وَإِذَا كَالُوهُمۡ أَو وَّزَنُوهُمۡ يُخۡسِرُونَ ٣

أَلَا يَظُنُّ أُوْلَٰٓئِكَ أَنَّهُم مَّبۡعُوثُونَ ٤ لِيَوۡمٍ عَظِيمٖ ٥

يَوۡمَ يَقُومُ ٱلنَّاسُ لِرَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٦

"Celakalah kepada orang-orang yang mengurangkan sukatan (dan timbangan)(1). Iaitu orang-orang yang apabila menerima sukatan (dan timbangan) dari orang lain mereka menuntut sukatan (dan timbangan) yang sempurna(2). Dan apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka memberi sukatan yang kurang(3). Tidakkah mereka fikir bahawa mereka akan dibangkitkan kembali?(4). Pada Hari Qiamat yang amat besar(5). Iaitu hari manusia berdiri menghadapi (pengadilan) Tuhan semesta alam."(6)

Bahagian yang kedua surah ini menceritakan tentang golongan manusia yang menderhaka yang dikecam keras, diherdik dengan hebat, diancam dengan 'azab kecelakaan dan kebinasaan dan

dicapkan sebagai pendusta dan pelampau serta menerangkan sebab-sebab yang mengakibatkan mata hati mereka buta. Seterusnya menggambarkan balasan-balasan yang akan diterima mereka pada Hari Qiamat, iaitu mereka akan di'azab dengan dihijabkan mereka dari rahmat Allah sebagaimana hati mereka di bumi dihijabkan oleh dosa-dosa mereka. Dan mereka akan terus di'azab dengan penghinaan dan celaan.

كَلَّآ إِنَّ كِتَٰبَ ٱلْفُجَّارِ لَفِى سِجِّينٍ ﴿٧﴾
وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا سِجِّينٌ ﴿٨﴾
كِتَٰبٌ مَّرْقُومٌ ﴿٩﴾ وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٠﴾
ٱلَّذِينَ يُكَذِّبُونَ بِيَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿١١﴾
وَمَا يُكَذِّبُ بِهِۦٓ إِلَّا كُلُّ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya buku amalan penderhaka-penderhaka itu adalah tercatat dalam daftar Sijjin(7). Tahukah engkau apakah daftar Sijjin itu?(8). Itulah buku catatan yang ditulis (rapi)(9). Pada hari itu, celakalah kepada pendusta-pendusta(10). Iaitu orang-orang yang mendustakan Hari Balasan(11). Dan tiada yang sanggup mendustakan hari itu melainkan setiap orang yang melampaui batas dan berdosa."(12)

إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ءَايَٰتُنَا قَالَ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾
كَلَّا ۖ بَلْ ۜ رَانَ عَلَىٰ قُلُوبِهِم مَّا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾
كَلَّآ إِنَّهُمْ عَن رَّبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّمَحْجُوبُونَ ﴿١٥﴾
ثُمَّ إِنَّهُمْ لَصَالُوا۟ ٱلْجَحِيمِ ﴿١٦﴾
ثُمَّ يُقَالُ هَٰذَا ٱلَّذِى كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ﴿١٧﴾

"Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, ia mengejek: Semuanya ini dongeng-dongeng orang-orang zaman purba(13). Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya hati mereka telah dikarati dosa yang telah dilakukan mereka(14). Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya pada Hari Qiamat kelak mereka terhijab dari Tuhan mereka(15). Kemudian mereka akan masuk ke dalam Neraka yang bernyala-nyala.(16) Kemudian dikatakan kepada mereka: Inilah 'azab seksa yang telah kamu mendustakannya (di dunia)."(17)

Bahagian yang ketiga menayangkan lembaran sebaliknya iaitu menceritakan tentang golongan orang-orang yang ta'at yang ditempatkan di maqam yang tinggi dan dikurniakan ni'mat-ni'mat yang diperuntukkan kepada mereka. Wajah mereka berseri-seri gembira. Mereka dihidangkan dengan minuman yang murni. Mereka bersenang-tenang di atas takhta sambil menonton keindahan Syurga. Inilah lembaran yang lembut dan gemilang:

كَلَّآ إِنَّ كِتَٰبَ ٱلْأَبْرَارِ لَفِى عِلِّيِّينَ ﴿١٨﴾
وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا عِلِّيُّونَ ﴿١٩﴾ كِتَٰبٌ مَّرْقُومٌ ﴿٢٠﴾
يَشْهَدُهُ ٱلْمُقَرَّبُونَ ﴿٢١﴾
إِنَّ ٱلْأَبْرَارَ لَفِى نَعِيمٍ ﴿٢٢﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya buku amalan orang-orang yang ta'at itu tercatat di dalam daftar 'Illiyyin(18). Tahukah engkau apakah daftar 'Illiyyun itu?(19). Itulah buku catatan yang ditulis (rapi)(20). Yang disaksikan oleh para malaikat Muqarrabin(21). Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu berada dalam Syurga yang penuh ni'mat."(22)

عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ يَنظُرُونَ ﴿٢٣﴾
تَعْرِفُ فِى وُجُوهِهِمْ نَضْرَةَ ٱلنَّعِيمِ ﴿٢٤﴾
يُسْقَوْنَ مِن رَّحِيقٍ مَّخْتُومٍ ﴿٢٥﴾
خِتَٰمُهُۥ مِسْكٌ ۚ وَفِى ذَٰلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ ٱلْمُتَنَٰفِسُونَ ﴿٢٦﴾
وَمِزَاجُهُۥ مِن تَسْنِيمٍ ﴿٢٧﴾
عَيْنًا يَشْرَبُ بِهَا ٱلْمُقَرَّبُونَ ﴿٢٨﴾

"Mereka bersenang-senang diatas takhta-takhta melihat keindahan (dalam Syurga).(23) Dari wajah mereka engkau dapat mengenal cahaya keni'matan hidup mereka(24). Mereka diberi minuman yang murni yang ditutup rapat(25). Penutupnya ialah kasturi (yang harum), dan untuk mendapatkan ni'mat yang sedemikian, maka hendaklah mereka berlumba-lumba (membuat amalan yang salih)(26). Campuran minuman itu adalah dari air Tasnim(27). Iaitu sebuah matair yang diminum para Muqarrabin."(28)

Bahagian akhir menceritakan bagaimana orang-orang Mu'min yang ta'at itu menerima berbagai-bagai gangguan, penghinaan dan kebiadaban dari orang-orang kafir yang hidup di dalam kebanggaan yang palsu, kemudian menerangkan kesudahan yang akan diterima oleh kedua golongan itu di alam Akhirat yang hakiki dan kekal abadi:

إِنَّ ٱلَّذِينَ أَجْرَمُوا۟ كَانُوا۟ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ يَضْحَكُونَ ﴿٢٩﴾
وَإِذَا مَرُّوا۟ بِهِمْ يَتَغَامَزُونَ ﴿٣٠﴾
وَإِذَا ٱنقَلَبُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمُ ٱنقَلَبُوا۟ فَكِهِينَ ﴿٣١﴾
وَإِذَا رَأَوْهُمْ قَالُوٓا۟ إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَضَآلُّونَ ﴿٣٢﴾

وَمَآ أُرۡسِلُواْ عَلَيۡهِمۡ حَٰفِظِينَ ٣٣

فَٱلۡيَوۡمَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنَ ٱلۡكُفَّارِ يَضۡحَكُونَ ٣٤

عَلَى ٱلۡأَرَآئِكِ يَنظُرُونَ ٣٥

هَلۡ ثُوِّبَ ٱلۡكُفَّارُ مَا كَانُواْ يَفۡعَلُونَ ٣٦

"Sesungguhnya orang-orang yang berdosa semasa dahulu selalu mentertawakan orang-orang yang beriman(29). Apabila mereka melintasi orang-orang Mu'min, mereka (cemuhkan mereka dengan) mengenyit-ngenyitkan mata sesama mereka(30). Dan apabila mereka pulang kepada keluarga mereka, mereka pulang dengan riang gembira(31). Dan apabila mereka melihat (orang-orang Mu'min) mereka berkata: Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang sesat(32). Sedangkan mereka tidak pernah diutuskan untuk mengawasi orang-orang yang beriman itu(33). Tetapi pada hari ini (di Akhirat), orang-orang yang beriman pula tertawakan orang-orang yang kafir.(34) Mereka bersenang-senang di atas takhta melihat (ni'mat-ni'mat Syurga)(35). Adakah orang-orang kafir itu telah diberi pahala terhadap apa yang dilakukan mereka?"(36)

Surah ini pada umumnya menggambarkan sebahagian dari alam sekitar da'wah, di samping menggambarkan sebahagian dari cara da'wah dalam menghadapi realiti di alam sekitar itu. Juga menghadapi realiti tabi'at manusia yang kita akan huraikan dengan terperinci.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 6)

Allah Mengisytiharkan Perang Ke Atas Penipu-penipu Dalam Dunia Perniagaan

Surah ini dimulakan dengan perisytiharan perang dari Allah ke atas penipu-penipu sukatan:

وَيۡلٞ لِّلۡمُطَفِّفِينَ ١

"Celakalah kepada orang-orang yang mengurangkan sukatan (dan timbangan)."(1)

Sama ada yang dimaksud dengan kata-kata **"celakalah"** ini ialah suatu ketetapan Allah terhadap mereka atau suatu do'a supaya mereka binasa, namun tujuan kedua-duanya adalah satu, kerana do'a dari Allah merupakan ketetapan. Kemudian pengertian **"orang-orang yang mengurangkan sukatan (dan timbangan)"** itu ditafsirkan oleh dua ayat yang berikut:

ٱلَّذِينَ إِذَا ٱكۡتَالُواْ عَلَى ٱلنَّاسِ يَسۡتَوۡفُونَ ٢

وَإِذَا كَالُوهُمۡ أَو وَّزَنُوهُمۡ يُخۡسِرُونَ ٣

"Iaitu orang-orang yang apabila menerima sukatan (dan timbangan) dari orang lain mereka menuntut sukatan (dan timbangan) yang sempurna(2). Dan apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka memberi sukatan yang kurang."(3)

Yakni mereka ialah orang-orang yang apabila membeli, mereka mahukan barang-barang itu disukat dengan cukup, tetapi jika mereka menjual, mereka memberikan barang-barang mereka dengan sukatan yang kurang.

Kemudian tiga ayat yang kemudiannya menyatakan kehairanan terhadap sikap penipu-penipu sukatan yang bertindak, seolah-olah perbuatan mereka di dunia ini tidak akan dihisab, dan seolah-olah manusia tidak akan berdiri di depan Allah pada Hari Qiamat untuk menjalani Hisab dan menerima balasan di hadapan khalayak yang ramai.

أَلَا يَظُنُّ أُوْلَٰٓئِكَ أَنَّهُم مَّبۡعُوثُونَ ٤ لِيَوۡمٍ عَظِيمٖ ٥

يَوۡمَ يَقُومُ ٱلنَّاسُ لِرَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٦

"Tidakkah mereka fikir bahawa mereka akan dibangkitkan kembali?(4). Pada Hari Qiamat yang amat besar(5). Iaitu hari manusia berdiri menghadapi (pengadilan) Tuhan semesta alam."(6)

Memperkatakan persoalan penipu-penipu sukatan dan timbangan dengan gaya bahasa seperti ini dalam Surah Makkiyah merupakan satu perkara yang menarik perhatian, kerana Surah Makkiyah biasanya menumpukan pembicaraantabi'at kepada persoalan-persoalan yang berhubung dengan lunas-lunas 'aqidah yang pokok seperti menegakkan lunas-lunas kepercayaan kepada keesaan Allah dan kepada kebebasan masyi'ah atau iradat-Nya, juga lunas-lunas kepercayaan kepada penguasaan-Nya yang penuh ke atas seluruh alam dan manusia, juga menegakkan hakikat wahyu dan kenabian, hakikat-hakikat Akhirat, Hisab dan Balasan, di samping memberi perhatian kepada pembentukan kesedaran akhlak secara umum, dan menghubungkannya dengan lunas-lunas 'aqidah itu. Tetapi memperkatakan persoalan-persoalan akhlak secara khusus seperti persoalan kecurangan dalam sukat menyukat dan timbang menimbang dan persoalan urusniaga umumnya merupakan persoalan-persoalan yang dibicarakan kemudian di dalam Surah Madaniyah ketika memperkatakan masalah pentadbiran untuk menyusun kehidupan masyarakat di bawah pemerintahan Islam menurut sistem hidup Islam yang meliputi segala bidang kehidupan.

Kerana itu, memperkatakan persoalan itu secara khusus dalam Surah Makkiyah seperti ini merupakan satu perkara yang wajar mendapat perhatian. Ia menunjukkan berbagai-bagai makna yang tersembunyi di sebalik ayat-ayat yang pendek ini.

Pertama, ia menunjukkan bahawa Islam di dalam masyarakat Makkah di waktu itu sedang menghadapi satu keadaan keterlaluan kerana amalan curang dalam sukat menyukat yang dilakukan oleh

pembesar-pembesar Makkah sendiri yang kebetulan merekalah yang menjadi tuanpunya-tuanpunya perniagaan yang luas di sana dan hampir-hampir membolot bidang perniagaan itu. Sejumlah harta yang besar di tangan mereka, dan dengan harta itu mereka menjalankan perniagaan melalui angkatan-angkatan kafilah yang membuat dua perjalanan perdagangan di musim dingin dan di musim panas ke negeri-negeri Yaman dan Syam. Di samping itu mereka membuka pasaran-pasaran tempatan yang bermusim seperti pasaran 'Ukkaz di musim Haji di mana mereka berjual beli sambil mengadakan majlis-majlis pembacaan sajak.

Ayat-ayat ini menunjukkan bahawa golongan curang yang diancamkan Allah dengan 'azab kecelakaan dan diisytiharkan perang terhadap mereka itu adalah terdiri dari golongan pembesar-pembesar yang berpengaruh yang dapat memaksa orang ramai menerima apa sahaja sukatan yang diberikan mereka. Merekalah yang menentukan sukatan ke atas orang ramai, bukan orang ramai yang menentukannya. Kerana sesuatu sebab yang tertentu, mereka seolah-olah mempunyai kuasa menuntut sukatan dan timbangan yang sempurna dari mereka secara paksa, tetapi ini bukanlah bererti bahawa mereka menuntut sukatan yang sempurna atau cukup yang terhak kepada mereka, kerana jika inilah perbuatan mereka tentulah tidak wajar diisytiharkan perang ke atas mereka, malah yang dapat difaham ialah mereka menuntut sukatan yang lebih banyak dari sukatan yang terhak kepada mereka secara paksa. Mereka menuntut sukatan itu sesuka hati mereka secara mendesak dan menekan. Dan sebaliknya apabila mereka melakukan sukatan atau timbangan kepada orang ramai, mereka mempunyai kuasa mengurangkan sukatan dan timbangan yang terhak kepada mereka, sedangkan orang ramai tidak berupaya untuk menuntut hak mereka yang adil. Sama sahaja, sama ada keadaan ini berlaku kerana pengaruh kekuatan dan kedudukan suku atau kerana pengaruh harta kekayaan atau keperluan orang ramai kepada barang-barang yang ada di tangan mereka atau kerana mereka membolot semua perniagaan yang menyebabkan orang ramai terpaksa menerima amalan mereka yang curang itu sebagaimana yang berlaku sekarang di pasaran-pasaran perniagaan. Semuanya itu menunjukkan bahawa di sana terdapat amalan curang yang keterlaluan yang wajar diperkatakan dalam waktu yang lebih awal.

Mengapa Amalan Curang Dalam Perniagaan Dibicarakan Dalam Peringkat Awal Da'wah

Memperkatakan lebih awal persoalan kecurangan yang berlaku dalam masyarakat Makkah itu mencerminkan sifat agama Islam itu sendiri yang membawa sistem hidup yang meliputi soal-soal kehidupan dan amalan seharian, dan menegakkannya di atas landasan akhlak yang mendalam yang menjadi akar tunjang agama Allah yang lurus. Agama ini bencikan perbuatan yang zalim dan amalan yang menyeleweng di dalam bidang jual beli walaupun ketika itu ia belum lagi memegang teraju kehidupan masyarakat itu yang membolehkannya menyusun semula masyarakat itu dengan kuasa undang-undang dan pemerintahan berdasarkan undang-undang syari'atnya. Agama ini telah mengisytiharkan perang dan kutukan yang lantang terhadap golongan yang curang itu, walaupun mereka di masa itu merupakan pembesar-pembesar negeri Makkah yang mempunyai kuasa yang bukan sahaja menindas roh dan perasaan manusia melalui 'aqidah paganisme yang karut, bahkan menindas perekonomian dan urusan kehidupan mereka.

Agama ini mengangkatkan suaranya yang lantang menentang kezaliman dan kecurangan yang menimpa orang ramai yang dilakukan oleh para pembesar yang menindas mereka, yang memperniagakan rezeki mereka, yang memakan riba dan membolot perniagaan, di samping mempengaruhi mereka dengan kepercayaan-kepercayaan agama yang karut-marut. Dengan suara yang lantang, yang lahir dari hakikat ajarannya dan dari hakikat sistemnya yang diatur oleh Allah itu, agama Islam telah menjadi penyedar kepada rakyat yang tertindas. Islam tidak pernah menjadi candu rakyat walaupun ia terkepung di Makkah di bawah kekuasaan pembesar-pembesar yang bermaharajalela dan menguasai masyarakat dengan kekuatan harta kekayaan dan dengan pengaruh kedudukan dan kepercayaan agama.

Mengapa Da'wah Islamiyah Ditentang Oleh Pembesar-pembesar Yang Memegang Teraju Perniagaan Di Makkah

Dari sini kita dapat memahami sebahagian dari sebab-sebab yang sebenar yang membuat pembesar-pembesar Makkah itu menentang da'wah Islamiyah dengan tentangan yang begitu degil. Mereka tentulah sedar bahawa da'wah baru yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu bukanlah semata-mata merupakan 'aqidah-'aqidah atau kepercayaan-kepercayaan yang tersemat di dalam hati, dan bukanlah semata-mata agama yang menuntut mereka mengucap dua kalimah syahadat mengakui bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. itu Rasulullah, dan bukanlah semata-mata agama yang menyuruh mereka mendirikan solat tanpa patung dan berhala, tetapi mereka sedar bahawa 'aqidah Islam itu merupakan satu cara hidup yang mahu meruntuhkan segala asas jahiliyah di mana mereka tegakkan di atasnya segala undang-undang dan peraturan, segala kepentingan dan kedudukan mereka. Mereka sedar bahawa sifat agama Islam tidak menerima pengecualian dan tidak secucuk dengan unsur-unsur peraturan bumi yang tidak lahir dari sumber peraturannya yang diturun dari langit itu. Mereka sedar bahawa sifat agama Islam adalah mengancam segala nilai-nilai bumi yang rendah yang menjadi landasan tegaknya jahiliyah. Kerana kesedaran inilah mereka melancarkan perang yang berterusan terhadap Islam, sama ada sebelum Hijrah dan selepasnya, iaitu perang untuk mempertahankan seluruh undang-undang dan peraturan jahiliyah yang

diancam oleh undang-undang dan peraturan Islam, bukan perang untuk mempertahankan 'aqidah dan kefahaman semata-mata.

Islam Merupakan Ancaman Kepada Sistem-sistem Hidup Ciptaan Manusia

Orang-orang yang menentang pengaruh sistem hidup Islam ke atas kehidupan umat manusia dalam mana-mana generasi dan di mana-mana tempat di bumi adalah menyedari hakikat ini. Mereka benar-benar sedar dan benar-benar tahu bahawa sistem hidup Islam yang lurus dan luhur itu adalah mengancam segala undang-undang dan peraturan mereka yang batil, segala kepentingan-kepentingan mereka yang merampas hak orang lain, segala kewujudan mereka yang palsu dan segala kelakuan mereka yang menyeleweng.

Pembesar-pembesar yang sewenang-wenang, zalim dan curang - dalam segala bentuk kecurangan sama ada kecurangan dalam harta benda atau kecurangan di dalam menunaikan hak-hak kewajipan - merekalah orang-orang yang lebih takut dan gentar dari golongan yang lain terhadap pengaruh sistem hidup Islam yang adil, yang bersih, yang tidak menerima tawar-menawar, ampu-mengampu dan penyelesaian separuh-separuhan.

Hakikat ini telah pun disedari oleh ketua-ketua suku 'Aus dan suku Khazraj ketika mereka hendak mengikat Perjanjian Setia 'Aqabah yang kedua sebelum Hijrah dengan Rasulullah s.a.w.

Perjanjian 'Ni'mat Yang Bersejarah

Ujar Ibn Ishaq, aku telah diceritakan oleh 'Asim ibn 'Umar ibn Qatadah, apabila rombongan itu berkumpul untuk mengikat perjanjian setia dengan Rasulullah s.a.w., maka berucaplah al-'Abbas ibn 'Ubadah ibn Nadhlah al-Ansari saudara Bani Salim ibn 'Auf: "Wahai sekalian orang-orang Khazraj! Adakah kamu tahu untuk apakah kamu mengikatkan janji setia dengan lelaki ini?" Jawab mereka: "Ya. Kami tahu." Lalu al-'Abbas menyampuk: "Kamu adalah berjanji setia dengan beliau untuk memerangi siapa sahaja sama ada yang merah atau yang hitam. Oleh itu, jika (dalam perjuangan ini) kamu memandang sebagai ditimpa musibat jika harta kamu kehabisan, dan jika ketua-ketua kamu dibunuh, kamu akan menyerahkan beliau kepada musuh, maka tinggalkanlah beliau dari sekarang! Demi Allah, jika kamu berbuat begitu, kamu akan mendapat kehinaan di dunia dan Akhirat. Dan jika kamu berfikir kamu sanggup menunaikan janji setia yang dianjurkan oleh kamu itu, iaitu sanggup mengorbankan harta benda dan ketua-ketua, maka ikatlah perjanjian dengannya. Demi Allah, itulah kebajikan dunia dan Akhirat." Lalu mereka berkata: "Kami berjanji setia dengannya dan sanggup mengorbankan harta benda dan ketua-ketua. "Wahai Rasulullah! Apakah balasan kami jika kami tunaikan janji itu?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Balasannya Syurga." Mereka pun terus berkata: "Hulurkan tanganmu". Rasulullah s.a.w. pun menghulurkan tangannya dan mereka pun mengikat janji setia dengannya.

Islam Tetap Ditentang Oleh Setiap Pemerintah Yang Zalim

Mereka menyedari hakikat agama ini sebagaimana disedari oleh pembesar-pembesar Quraisy sebelum ini. Agama ini tegak laksana mata pedang untuk mempertahankan keadilan dan membangunkan kehidupan manusia di atas keadilan. Agama ini tidak menerima kezaliman dari pembesar yang zalim, tidak menerima penindasan dari pembesar yang menindas dan tidak menerima ketakburan dari pembesar yang takbur. Agama ini tidak merelakan penindasan dan pemerasan terhadap manusia, kerana itu agama ini ditentang oleh setiap pembesar yang zalim, takbur, menindas, memeras dan menentang da'wahnya dan para penda'wahnya.

Mengenang Sejenak Hari Kebangkitan Boleh Mencegahkan Perbuatan Curang

أَلَا يَظُنُّ أُولَٰٓئِكَ أَنَّهُم مَّبْعُوثُونَ ﴿٤﴾ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥﴾
يَوْمَ يَقُومُ ٱلنَّاسُ لِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦﴾

"Tidakkah mereka fikir bahawa mereka akan dibangkitkan kembali?(4). Pada Hari Qiamat yang amat besar(5). Iaitu hari manusia berdiri menghadapi (pengadilan) Tuhan semesta alam."(6)

Sikap mereka sungguh aneh. Sebenarnya jika wujud kesanggupan berfikir sejenak tentang hari kebangkitan semula, di mana manusia menghadapi pengadilan Allah dan berdiri seorang diri menunggu hukuman Allah tanpa kawan dan penolong... jika wujud kesanggupan berfikir sejenak bahawa mereka akan dihidupkan kembali pada hari itu, maka sudah cukup untuk mencegahkan mereka dari terus melakukan perbuatan curang, perbuatan makan harta orang lain secara haram dan menggunakan kuasa dan pengaruh untuk menindas dan memeras hak manusia dalam urusniaga. Tetapi mereka terus berlaku curang mengurangkan sukatan seolah-olah mereka tidak fikir bahawa mereka akan dibangkitkan kembali. Inilah sikap mereka yang menghairankan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 10)

Di dalam bahagian pertama surah ini mereka digelarkan sebagai **"Mutaffifin"** (orang-orang yang curang dalam sukatan dan timbangan). Tetapi di dalam bahagian yang kedua ini mereka digetarkan sebagai **"Fujjar"** (penderhaka-penderhaka) kerana bahagian ini telah memasukkan mereka ke dalam golongan orang-orang yang menderhaka. Bahagian ini menceritakan kedudukan mereka di sisi Allah, keadaan hidup mereka di dunia dan balasan yang

menunggu mereka pada Hari Qiamat setelah mereka dihidupkan kembali.

كَلَّآ إِنَّ كِتَٰبَ ٱلْفُجَّارِ لَفِى سِجِّينٍ ﴿٧﴾

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا سِجِّينٌ ﴿٨﴾

كِتَٰبٌ مَّرْقُومٌ ﴿٩﴾ وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya buku amalan penderhaka-penderhaka itu adalah tercatat dalam daftar Sijjin(7). Tahukah engkau apakah daftar Sijjin itu?(8). Itulah buku catatan yang ditulis (rapi)(9). Pada hari itu, celakalah kepada pendusta-pendusta."(10)

Amalan-amalan Curang Dicatatkan Dalam Daftar Sijjin

Mereka tidak menganggap bahawa mereka akan dibangkitkan pada Hari Qiamat yang amat besar itu. Oleh itu, Al-Qur'an menolak sangkaan itu dan mengherdik mereka dan seterusnya menegaskan kepada mereka bahawa di sana terdapat buku catatan amalan yang merakamkan segala amalan mereka. Di samping itu, Al-Qur'an menentukan di mana tempat tersimpannya buku itu untuk menguatkan lagi keterangan itu dan seterusnya menjanjikan mereka dengan balasan kecelakaan pada hari dibentangkan buku catatan amalan mereka kelak:

كَلَّآ إِنَّ كِتَٰبَ ٱلْفُجَّارِ لَفِى سِجِّينٍ ﴿٧﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya buku amalan penderhaka-penderhaka itu adalah tercatat dalam daftar Sijjin."(7)

Maksud kata-kata "al-Fujjar" ialah penderhaka-penderhaka yang melampaui batas maksiat dan dosa. **"Buku amalan"** ialah rekod amalan mereka. Kita tidak tahu hakikatnya dan kita tidak pula disuruh untuk mengetahui hakikatnya. Ia merupakan urusan ghaib yang kita tidak tahu melainkan sekadar yang diceritakan oleh Allah dan tidak lebih dari itu. Menurut Al-Qur'an, di sana ada buku amalan dan daftar Sijjin. Kemudian diiringi dengan pertanyaan biasa Al-Qur'an untuk menimbulkan kehebatan:

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا سِجِّينٌ ﴿٨﴾

"Tahukah engkau apakah daftar Sijjin itu?"(8)

Di sini yang ditanya akan merasa bahawa perkara itu amat besar dan di luar kefahaman ilmu pengetahuannya. Tetapi pertanyaan ini dijelaskan dengan firman-Nya:

إِنَّ كِتَٰبَ ٱلْفُجَّارِ لَفِى سِجِّينٍ ﴿٧﴾

"Sesungguhnya buku amalan penderhaka-penderhaka itu adalah tercatat dalam daftar Sijjin."(7)

Dalam ayat ini ia menentukan tempat buku amalan itu walaupun tidak diketahui manusia. Penentuan ini melalui saranan menambahkan keyakinan adanya buku amalan itu, dan inilah saranan yang dimaksudkan di sebalik menyebutkan hakikat ini sekadar ini sahaja dan tidak lebih dari ini.

Kemudian Al-Qur'an kembali pula menerangkan sifat buku amalan orang-orang yang menderhaka itu dengan firman-Nya:

كِتَٰبٌ مَّرْقُومٌ ﴿٩﴾

"Itulah buku catatan yaag ditulis (rapi)."(9)

Yakni selesai ditulis dengan sempurna, tidak akan ditambah dan dikurangkan sehingga dibentangkan pada Hari Qiamat yang amat besar itu. Jika demikian buku amalan itu, maka:

وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٠﴾

"Pada hari itu, celakalah kepada pendusta-pendusta."(10)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 14)

Setelah itu Al-Qur'an menerangkan perkara yang didustakan itu dan hakikat para pendusta itu:

ٱلَّذِينَ يُكَذِّبُونَ بِيَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿١١﴾

وَمَا يُكَذِّبُ بِهِۦٓ إِلَّا كُلُّ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾

إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ءَايَٰتُنَا قَالَ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾

"Iaitu orang-orang yang mendustakan Hari Balasan(11). Dan tiada yang sanggup mendustakan hari itu melainkan setiap orang yang melampaui batas dan berdosa(12). Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, ia mengejek: Semuanya ini dongeng-dongeng orang-orang zaman purba."(13)

Keterlaluan dan dosa itulah yang mendorongnya membohongkan Hari Qiamat dan berkelakuan biadab terhadap Al-Qur'an apabila ia mengejek ketika dibacakan ayat Al-Qur'an kepadanya:

أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾

"Semuanya ini dongeng-dongeng orang-orang zaman purba."(13)

Ini disebabkan kerana terdapat di dalam Al-Qur'an kisah-kisah umat zaman dahulu yang diceritakan Allah dengan tujuan untuk memberi pengajaran dan contoh teladan, juga untuk menunjukkan undang-undang Allah yang tetap dan tidak pernah meleset, iaitu undang-undang yang menghukum manusia dengan tepat, teratur dan tidak dapat dihindari mereka.

Perkataan yang lancang dan pendustaan ini diiringi dengan kenyataan mengherdik dan menyangkal dengan keras:

كَلَّا

"Tidak, sekali-kali begitu."(14)

Yakni tidak sekali-kali seperti yang dikatakan mereka.

Apabila Hati Dikarati Dosa Segala Penyelewengan Boleh Berlaku

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan sebab kelancangan dan pembohongan mereka, juga sebab kelalaian mereka dari kebenaran yang begitu jelas, juga sebab kegelapan matahati para pendusta itu:

كَلَّاۖ بَلۡۜ رَانَ عَلَىٰ قُلُوبِهِم مَّا كَانُواْ يَكۡسِبُونَ ﴿١٤﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya hati mereka telah dikarati dosa yang telah dilakukan mereka."(14)

Maksudnya, hati mereka telah ditutupi kekotoran dosa dan maksiat yang dilakukan mereka. Sebenarnya, apabila hati itu lumrah dengan kerja-kerja maksiat, maka cahayanya akan muram, gelap dan kemudian diliputi karat yang tebal yang tidak dapat lagi ditembusi nur hidayat. Sifat kepekaannya perlahan-lahan hilang sedikit demi sedikit dan akhirnya menjadi lemah dan terus mati.

Menurut riwayat Ibn Jarir, at-Tirmizi, an-Nasa'i dan Ibn Majah dari berbagai-bagai saluran, dari Muhammad ibn al-'Ijlan dari al-Qa'qa' ibn Hakim dari Abu Soleh dari Abu Hurayrah dari Nabi s.a.w. sabdanya:

إن العبد إذا أذنب ذنباً كانت نكتة سوداء في قلبه .
فإن تاب منها صقل قلبه وإن زاد زادت

"Apabila seseorang hamba itu mengerjakan satu dosa, maka timbullah di dalam hatinya satu tompok karat yang hitam. Andainya ia bertaubat dari dosa itu, maka hatinya kembali bersih dari karat itu, dan jika dosanya bertambah, maka tompok karat hitam itu pun akan bertambah besar."

Menurut lafaz hadith yang diriwayatkan oleh an-Nasa'i ialah:

إن العبد إذا أخطأ خطيئة نكت في قلبه نكتة سوداء .
فإن هو نزع واستغفر وتاب صقل قلبه ، فإن عاد زيد
فيها حتى تعلو قلبه ، فهو الران الذي قال الله تعالى :
((كلا! بل ران على قلوبهم ما كانوا يكسبون))

"Apabila seseorang hamba melakukan sesuatu kesalahan, maka digoreskan di dalam hatinya satu tompok karat yang hitam. Jika ia meninggalkan dosa itu dan meminta ampun serta bertaubat, maka hatinya kembali bersih dari karat itu, dan jika ia kembali mengerjakan dosa, maka tompok karat itu akan ditambahkan lebih besar hingga akhirnya menutupi seluruh hatinya." Itulah "karat" (الران) yang telah diterangkan Allah dalam firman-Nya: **كلا! بل ران على قلوبهم ما كانوا يكسبون** *("Tidak sekali-kali begitu, sebenarnya hati mereka telah dikarati dosa yang dilakukan mereka.)".*

Ujar al-Hasan al-Basri, "Itulah dosa yang berlapis-lapis yang menyebabkan hati menjadi buta dan terus mati."

Demikianlah keadaan golongan penderhaka yang mendustakan Hari Qiamat, dan inilah sebab yang menjadikan mereka penderhaka dan pendusta. Kemudian Al-Qur'an menyebut sebahagian dari kesudahan mereka pada Hari Qiamat yang besar itu, iaitu kesudahan yang sesuai dengan sebab yang telah menjadikan mereka pelampau dan pendusta.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 17)

كَلَّآ إِنَّهُمۡ عَن رَّبِّهِمۡ يَوۡمَئِذٖ لَّمَحۡجُوبُونَ ﴿١٥﴾

"Tidak sekali-kali begitu, sesungguhnya pada Hari Qiamat kelak mereka terhijab dari Tuhan mereka."(15)

Hati Yang Dihijabkan Dosa Diharamkan Dari Ni'mat Memandang Wajah Allah

Hati mereka telah dihijabkan oleh maksiat-maksiat dan dosa-dosa menyebabkan mereka tidak mempunyai perasaan terhadap Allah. Akibat maksiat dan dosa ini hati mereka menjadi gelap dan buta di dalam hidup mereka, kerana itu kesudahan dan balasan yang setimpal di Akhirat ialah mereka diharamkan dari ni'mat memandang wajah Allah Yang Maha Mulia. Mereka dihalang dari ni'mat kebahagiaan yang agung ini, iaitu satu ni'mat yang hanya dikurniakan kepada orang-orang yang berjiwa suci, bersih dan jernih hening yang wajar dibukakan hijab yang terbentang di antaranya dengan Tuhannya. Inilah orang-orang yang disifatkan Allah dalam Surah al-Qiamat:

وُجُوهٞ يَوۡمَئِذٖ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٞ ﴿٢٣﴾

"Pada hari itu, wajah-wajah (Mu'min) berseri-seri(22). Memandang kepada Tuhannya."(23)

(Surah al-Qiamah)

Balasan dihijabkan dari Allah itu merupakan satu keseksaan yang mengatasi segala keseksaan yang lain, satu penafian ni'mat yang mengatasi segala penafian yang lain, satu kesudahan yang amat malang bagi seseorang manusia yang mendapat sifat-sifat insaniyahnya dari sumber perhubungannya dengan Allah. Oleh itu, apabila ia dihijabkan dari sumber ini, maka hilanglah sifat-sifatnya sebagai insan yang mulia, dan jatuhlah ia ke darjat yang rendah yang wajar dimasukkan ke dalam Neraka:

ثُمَّ إِنَّهُمۡ لَصَالُواْ ٱلۡجَحِيمِ ﴿١٦﴾

"Kemudian mereka akan masuk ke dalam Neraka yang bernyala-nyala."(16)

Dan di samping 'azab Neraka, ia diseksakan pula dengan 'azab kecaman yang lebih pahit dari 'azab Neraka:

ثُمَّ يُقَالُ هَٰذَا ٱلَّذِي كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ﴿١٧﴾

"Kemudian dikatakan kepada mereka. Inilah 'azab seksa yang telah kamu mendustakannya (di dunia)."(17)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 21)

Amalan-amalan Yang Baik Dicatatkan Dalam Daftar 'Illiyyin

Kemudian ditayangkan pula cerita golongan orang-orang yang ta'at mengikut cara biasa Al-Qur'an yang ghalibnya membentangkan dua cerita yang bertentangan untuk dijadikan perbandingan di antara dua hakikat, dua keperihalan dan dua kesudahan:

كَلَّآ إِنَّ كِتَٰبَ ٱلْأَبْرَارِ لَفِى عِلِّيِّينَ ﴿١٨﴾

"Tidak sekali-kali begitu.Sesungguhnya buku amalan orang-orang yang ta'at itu tercatat dalam daftar 'Illiyyin."(18)

Kata-kata كلا (tidak sekali-kali begitu) disebut di permulaan bahagian ini untuk menyangkal pendustaan yang disebut sebelumnya dalam firman-Nya:

ثُمَّ يُقَالُ هَٰذَا ٱلَّذِى كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ﴿١٧﴾

"Kemudian dikatakan kepada mereka. Inilah 'azab seksa yang telah kamu mendustakannya (di dunia)."(17)

Setelah itu diiringi dengan كلا kemudian dimulakan penjelasan mengenai orang-orang yang ta'at dengan tegas dan kuat.

Jika buku amalan golongan penderhaka itu dicatat dalam daftar Sijjin, maka buku amalan golongan yang ta'at pula dicatat data daftar 'Illiyyin. Golongan yang ta'at ialah golongan yang patuh mengerjakan segala kebaikan. Sifat mereka bertentangan dengan golongan penderhaka yang melakukan maksiat-maksiat dan melampaui segala batas.

Kata-kata "Illiyyin" menyarankan kedudukan yang tinggi dan luhur. Sementara kata-kata "Sijjin" membayangkan keadaan yang rendah dan hina. Kemudian diiringi dengan pertanyaan biasa yang membayangkan kejahilan manusia dan menimbulkan kehebatan:

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا عِلِّيُّونَ ﴿١٩﴾

"Tahukah engkau apakah daftar 'Illiyyun itu?"(19)

Yakni "Illiyyin" itu adalah satu perkara yang di luar ilmu pengetahuan dan kefahaman manusia. Kemudian Al-Qur'an kembali menjelaskan hakikat buku amalan golongan yang ta'at:

كِتَٰبٌ مَّرْقُومٌ ﴿٢٠﴾ يَشْهَدُهُ ٱلْمُقَرَّبُونَ ﴿٢١﴾

"Itulah buku catatan yang ditulis (rapi)(20). Yang disaksikan oleh para malaikat Muqarrabin."(21)

Maksud dari ungkapan **"yang ditulis rapi"** itu telah pun diterangkan tetapi di sini ditambahkan pula dengan satu keterangan yang lain iaitu buku amalan golongan yang ta'at itu disaksi dan dilihat oleh para malaikat yang hampir kepada Allah. Penjelasan hakikat ini memberikan satu suasana mulia, suci dan luhur kepada buku amalan golongan yang ta'at. Buku itu disaksikan oleh para malaikat dengan penuh ni'mat kerana di dalamnya terdapat amalan-amalan dan sifat-sifat yang mulia. Ini satu lagi suasana mulia yang disebut dengan tujuan memberi penghormatan yang tinggi kepada mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 23)

Bagaimana Orang-orang Yang Ta'at Dimuliakan Di Dalam Syurga

Kemudian diterangkan keadaan orang-orang yang ta'at itu sendiri yang menjadi tuanpunya buku amalan yang mulia itu, iaitu diterangkan ni'mat-ni'mat yang dini'mati mereka pada hari yang agung itu:

إِنَّ ٱلْأَبْرَارَ لَفِى نَعِيمٍ ﴿٢٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang ta'at itu berada dalam Syurga yang penuh ni'mat."(22)

Iaitu satu keadaan yang bertentangan dengan keadaan dalam Neraka yang dimasuki orang-orang yang menderhaka:

عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ يَنظُرُونَ ﴿٢٣﴾

"Mereka bersenang-senang di atas takhta-takhta melihat keindahan (dalam Syurga)."(23)

Mereka diletakkan di tempat yang mulia, mereka bebas melihat sesuka hati mereka. Tiada apa yang mengganggu pandangan mereka.

Mereka bersenang-senang di atas takhta-takhta atau kerusi-kerusi di pelamin yang berhias indah. Ia hampir serupa dengan tempat duduk yang dihiasi dengan kain kelambu di sisi kita. Bagi orang-orang Arab yang berada dalam keadaan hidup yang kasar, maka gambaran takhta ini merupakan gambaran keni'matan dan kemewahan hidup yang paling tinggi di dunia, tetapi gambarannya yang sebenar di alam Akhirat adalah tersimpan di dalam ilmu Allah jua. Walau bagaimanapun, gambaran di Akhirat mengatasi segala bentuk dan gambaran yang pernah dikenali yang diambil dari pengalaman-pengalaman dan kefahaman manusia di bumi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 24 - 26)

Wajah Orang-orang Yang Ta'at Sentiasa Berseri-seri

Dalam kehidupan yang penuh ni'mat itu, jiwa dan tubuh badan mereka berada dalam keadaan yang senang-lenang dan lemah-lembut. Wajah mereka berseri-seri bahagia hingga dapat dilihat oleh setiap orang yang memandang:

تَعْرِفُ فِى وُجُوهِهِمْ نَضْرَةَ ٱلنَّعِيمِ ﴿٢٤﴾

يُسْقَوْنَ مِن رَّحِيقٍ مَّخْتُومٍ ﴿٢٥﴾

"Dari wajah mereka engkau dapat mengenal cahaya keni'matan hidup mereka(24). Mereka diberi minuman yang murni yang ditutup rapat."(25)

خِتَٰمُهُۥ مِسْكٌ

"Penutupnya ialah kasturi (yang harum)."(26)

Minuman Mereka Dihidang Dalam Bekas-bekas Yang Ditutup Dengan Penutup-penutup Yang Amat Harum

Minuman yang murni ialah minuman yang bersih dan bertapis, tidak bercampuraduk, dan tidak keruh. Ungkapan **"yang tertutup rapat dan penutupnya itu ialah kasturi (yang harum)"** mungkin dimaksudkan bahawa minuman itu disediakan dalam bekas-bekas khas yang ditutup rapat dan boleh dibuka apabila hendak diminum. Sifat ini membayangkan bahawa minuman itu dijaga dengan hemat dan teliti. Penutupnya yang dibuat dari kasturi yang harum itu membayangkan keindahan dan kemewahan, gambaran-gambaran ini tidak dapat difaham manusia melainkan sekadar yang dialami mereka di bumi. Apabila mereka berada di alam Akhirat kelak, mereka akan memperolehi selera-selera dan pengertian-pengertian baru yang sesuai dengan pemikiran mereka di alam yarig bebas dari suasana bumi yang serba terbatas itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 28)

Sebelum Al-Qur'an menghabiskan penjelasannya tentang sifat minuman yang disebut dalam dua ayat yang berikut:

وَمِزَاجُهُۥ مِن تَسْنِيمٍ ﴿٢٧﴾

عَيْنًا يَشْرَبُ بِهَا ٱلْمُقَرَّبُونَ ﴿٢٨﴾

"Campuran minuman itu adalah dari air Tasnim(27). Iaitu sebuah matair yang diminum para Muqarrabin"(28)

maka Al-Qur'an terus selingkan dengan kenyataan dan arahan ini:

وَفِى ذَٰلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ ٱلْمُتَنَٰفِسُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan untuk mendapatkan ni'mat yang sedemikian, maka mereka hendaklah berlumba-lumba (membuat amalan yang salih)."(26)

Keni'matan Dan Kemuliaan Di Akhirat Itulah Yang Wajar Dijadikan Matlamat Perlumbaan

Ungkapan ini amat mendalam dan mengandungi banyak erti, iaitu orang-orang yang curang yang makan harta orang lain secara haram dan tidak pernah berfikir bahawa mereka akan dihisab di Akhirat, malah mereka tidak percayakan Hari Hisab dan Balasan, dan hati mereka telah dikarati pula oleh dosa dan maksiat..... Orang-orang yang seperti ini hanya berlumba-lumba untuk merebut harta kekayaan dan keni'matan dunia yang sedikit. Setiap orang dari mereka berlumba-lumba untuk mendapat habuan yang sebanyak mungkin. Mereka sanggup melakukan kezaliman-kezaliman dan membuat kerja-kerja yang berdosa untuk mencapai keni'matan dunia yang fana.

Sedangkan yang sebenarnya keni'matan-keni'matan yang sedikit ini tidak seharusnya dijadikan sasaran perlumbaan, kerana yang wajar dijadikan sasaran ialah keni'matan dan kemuliaan di Akhirat:

وَفِى ذَٰلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ ٱلْمُتَنَٰفِسُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan untuk mendapatkan ni'mat yang sedemikian, maka hendaklah mereka berlumba-lumba (membuat amalan yang salih)."(26)

Itulah tujuan yang wajar direbut, dan itulah kemuncak dan matlamat yang wajar ditandingi dan dimenangi.

Orang-orang yang berlumba-lumba untuk sesuatu tujuan dunia biarpun bagaimana besar, mulia dan tinggi, bererti berlumba-lumba untuk sesuatu yang kecil, hina, sedikit, fana dan dekat. Timbangan dunia di sisi Allah tidak seberat sayap nyamuk, tetapi timbangan Akhirat di sisi-Nya adalah amat berat, kerana itu Akhiratlah yang seharusnya merupakan hakikat yang wajar dijadikan sasaran perlumbaan.

Kesan-kesan Kejiwaan Dalam Perlumbaan Merebut Keni'matan Dunia Dan Akhirat

Yang menarik dalam perlumbaan untuk mencapai keni'matan Akhirat ialah perlumbaan itu dapat meninggi dan meluhurkan jiwa seluruh para pelumbanya, sedangkan perlumbaan merebut keni'matan dunia menjatuh dan merendahkan jiwa mereka semuanya. Usaha-usaha untuk merebut keni'matan Akhirat memberi kebaikan dan kemakmuran kepada bumi di samping membersihkannya untuk kebajikan semua orang, tetapi usaha-usaha untuk merebut keni'matan dunia mengubahkan bumi kepada sebuah paya yang menjadi tempat pembiakan nyamuk yang membunuh satu sama lain atau sarang serangga yang menggigit kulit-kulit orang yang baik dan jujur.

Perlumbaan untuk mendapatkan ni'mat Akhirat tidak akan mengubahkan bumi menjadi negeri-negeri yang roboh dan runtuh sebagaimana digambarkan oleh setengah orang yang menyeleweng. Sesungguhnya Islam telah menjadikan dunia ini sawah bendang bagi Akhirat, dan menjadikan tugas memerintah bumi sebagai kewajipan yang sebenar para Mu'min, dengan syarat mereka membawa pemerintahan itu menuju kepada Allah, dan menjadikan kegiatan pemerintahan itu sebagai ibadat kepada yang dapat merealitikan matlamat kewujudan mereka di alam ini sebagaimana firman Allah 'Azzawajalla:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri kepada-Ku."

(Surah az-Zaariat: 56)

Firman Allah:

وَفِي ذَٰلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ ٱلْمُتَنَٰفِسُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan untuk mendapatkan ni'mat yang sedemikian, maka mereka hendaklah berlumba-lumba (membuat amalan yang salih)"(26)

merupakan arahan untuk menarik pandangan dan hati penduduk bumi kepada alam yang wujud di sebalik bumi yang kecil dan kerdil ini ketika mereka sedang asyik membangun dan memerintah bumi ini, juga suatu arahan supaya mereka berusaha meningkatkan kehidupan di bumi ini kepada taraf yang lebih bersih dari sebuah paya yang busuk ketika mereka sibuk membersihkan paya-paya di bumi.

Perbezaan Di Antara Ruang Hidup Di Dunia Dengan Ruang Hidup Di Akhirat

Umur seseorang di dunia ini adalah terbatas, sedangkan umurnya di Akhirat tidak diketahui batas kesudahannya melainkan Allah. Keni'matan dunia juga terbatas, sedangkan keni'matan Syurga tidak dapat dibataskan oleh kefahaman-kefahaman manusia. Taraf ni'mat-ni'mat dunia telah diketahui semua orang, sedangkan taraf ni'mat-ni'mat Akhirat sahaja yang layak kekal abadi. Alangkah jauhnya perbezaan di antara ruang hidup dunia dengan ruang hidup Akhirat, di antara matlamat hidup dunia dengan matlamat hidup Akhirat. Perbezaan itu tidak dapat dihitungkan dengan kira-kira untung rugi yang biasa dibuat oleh manusia.

Oleh itu, perlumbaan yang sebenar ialah perlumbaan ke Akhirat.

وَفِي ذَٰلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ ٱلْمُتَنَٰفِسُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan untuk mendapatkan ni'mat yang sedemikian, maka hendaklah mereka berlumba-lumba (membuat amalan yang salih)."(26)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 33)

Penerangan mengenai gambaran-gambaran ni'mat yang menunggu orang-orang Mu'min yang ta'at itu telah diterangkan agak panjang, seolah-olah sebagai persediaan untuk menceritakan kisah mereka dengan orang-orang kafir yang menderhaka yang telah melakukan gangguan-gangguan dan sendaan-sendaan, menunjukkan tindak-tanduk yang bongkak dan membuat tuduhan yang bukan-bukan terhadap mereka. Kisah ini diceritakan dengan panjang lebar juga dan ditamatkan dengan sendaan terhadap orang-orang kafir itu, ketika mereka melihat ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada orang-orang Mu'min yang ta'at itu:

إِنَّ ٱلَّذِينَ أَجْرَمُوا۟ كَانُوا۟ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ يَضْحَكُونَ ﴿٢٩﴾

وَإِذَا مَرُّوا۟ بِهِمْ يَتَغَامَزُونَ ﴿٣٠﴾

وَإِذَا ٱنقَلَبُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمُ ٱنقَلَبُوا۟ فَكِهِينَ ﴿٣١﴾

وَإِذَا رَأَوْهُمْ قَالُوٓا۟ إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَضَآلُّونَ ﴿٣٢﴾

وَمَآ أُرْسِلُوا۟ عَلَيْهِمْ حَٰفِظِينَ ﴿٣٣﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang berdosa semasa dahulu selalu mentertawakan orang-orang yang beriman(29). Apabila mereka melintasi orang-orang Mu'min, mereka (cemuhkan mereka dengan) mengenyit-ngenyitkan mata sesama mereka(30). Dan apabila mereka pulang kepada keluarga mereka, mereka pulang dengan riang gembira(31). Dan apabila mereka melihat (orang-orang Mu'min) mereka berkata: Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang sesat(32). Sedangkan mereka tidak pernah diutuskan untuk mengawasi orang-orang yang beriman itu."(33)

Sikap Orang-orang Yang Tidak Beriman Terhadap Orang-orang Yang Beriman Di Setiap Zaman Dan Tempat

Pemandangan-pemandangan yang dilukiskan oleh Al-Qur'an tentang sendaan orang-orang yang berdosa dan, berkelakuan biadab dan sombong terhadap orang-orang Mu'min, juga tentang tuduhan mereka bahawa orang-orang Mu'min itu kumpulan sesat adalah diambil dari apa yang berlaku di dalam masyarakat Makkah. Namun demikian, pemandangan-pemandangan ini adalah berulang-ulang dalam masyarakat manusia di berbagai-bagai tempat. Ramai di antara Mu'min di zaman ini yang telah mengalami peristiwa-peristiwa yang sama, seolah-olah ayat-ayat ini diturunkan untuk menggambarkan pengalaman-pengalaman itu. Ini menunjukkan bahawa tabi'at dan sikap orang-orang kafir yang menderhaka terhadap orang-orang Mu'min yang ta'at adalah sama sahaja di semua tempat dan zaman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ أَجْرَمُوا۟ كَانُوا۟ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ يَضْحَكُونَ ﴿٢٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang berdosa semasa dahulu selalu tertawakan orang-orang yang beriman."(29)

Al-Qur'an hanya menyebut "mereka dahulu" (كانوا) tanpa menyebut kehidupan dunia yang fana. Kemudian orang-orang ini tiba-tiba dihadapkan cerita ini di Akhirat ketika mereka melihat keni'matan-keni'matan yang dicapai oleh orang-orang yang ta'at. Al-Qur'an menceritakan tindak-tanduk mereka semasa berada di dunia.

Orang-orang Mu'min Dijadikan Bahan Ejekan Dan Sendaan

Mereka mengejek dan ketawakan orang-orang Mu'min sama ada kerana keadaan hidup mereka yang miskin dan derita atau kerana kelemahan mereka untuk menolak ejekan dan sendaan itu, atau kerana orang-orang Mu'min itu tidak menghiraukan tindak-tanduk mereka yang tolol itu. Semuanya itu menimbulkan gelak ketawa orang-orang yang

berdosa. Mereka telah menjadikan orang-orang Mu'min itu sebagai bahan ketawa, ejekan, gurauan dan sendaan. Mereka melakukan tindakan-tindakan jahat ke atas mereka, kemudian mereka ketawa melihat kesusahan yang menimpa orang-orang yang beriman itu. Namun demikian, orang-orang Mu'min tetap sabar dan mematuhi adab sopan orang-orang yang beriman.

وَإِذَا مَرُّوا۟ بِهِمْ يَتَغَامَزُونَ ٣٠

"Apabila mereka melintasi orang-orang Mu'min, mereka (cemuhkan mereka dengan) mengenyit-ngenyitkan mata sesama mereka."(30)

Mereka juga membuat isyarat dengan tangan atau dengan gerak-geri tertentu yang difaham di antara mereka untuk menghinakan orang-orang Mu'min, iaitu gerak-geri yang hina dan keji yang menunjukkan kebiadaban dan kekasaran budi bahasa mereka. Semuanya ini dilakukan mereka dengan tujuan untuk melemahkan semangat orang-orang Mu'min dan membuat mereka merasa malu dan serba salah. Orang-orang yang berminda lemah itu selalu mengenyit-ngenyitkan mata untuk mempersenda-sendakan orang-orang yang beriman.

وَإِذَا ٱنقَلَبُوٓا۟ إِلَىٰٓ أَهْلِهِمُ ٱنقَلَبُوا۟ فَكِهِينَ ٣١

"Dan apabila mereka pulang kepada keluarga mereka, mereka pulang dengan riang gembira."(31)

Dan setelah mereka memuaskan jiwa mereka yang kecil itu dengan mengejek dan menghinakan orang-orang Mu'min mereka pulang dengan riang gembira. Kini mereka berpuas hati dan merasa girang kerana mereka dapat bertindak menghinakan orang-orang yang beriman. Mereka tidak segan dan tidak menyesal dan tidak pula merasa bahawa perbuatan mereka adalah perbuatan yang hina dan kotor. Inilah kemuncak kejatuhan dan kematian hati nurani seseorang.

وَإِذَا رَأَوْهُمْ قَالُوٓا۟ إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَضَآلُّونَ ٣٢

"Dan apabila mereka melihat (orang-orang Mu'min) mereka berkata: Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang sesat."(32)

Orang-orang Mu'min Dituduh Sesat

Perbuatan ini adalah lebih aneh lagi, kerana tidak ada yang lebih aneh apabila orang-orang kafir yang telah banyak melakukan dosa itu cuba membicarakan persoalan hidayat dan kesesatan atau cuba membuat keputusan bahawa orang-orang Mu'min itu kumpulan manusia yang sesat. Mereka tudingkan kepada orang yang beriman dengan penuh ketegasan untuk menjatuhkan nama baik dan menghinakan mereka:

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَضَآلُّونَ ٣٢

"Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang sesat."(32)

Sebenarnya perbuatan jahat yang melampau dan tidak menghormati batas, tidak malu berkata apa sahaja, tidak segan melakukan apa sahaja tindakan dan menuduh orang-orang yang beriman itu sebagai manusia-manusia yang sangat sesat adalah mencerminkan tabi'at mereka yang melampaui segala batas. Di sini Al-Qur'an tidak tampil berdebat untuk mempertahankan orang-orang yang beriman dan tidak pula tampil untuk membincangkan tuduhan yang palsu itu, kerana tuduhan itu adalah satu tuduhan yang amat keji yang tidak wajar dilayani, tetapi Al-Qur'an dengan keras mencela mereka kerana cuba campurtangan dalam urusan yang tidak ada kena-mengena dengan mereka. Mereka berlagak seperti tamu yang tidak diundang dalam perkara ini:

وَمَآ أُرْسِلُوا۟ عَلَيْهِمْ حَٰفِظِينَ ٣٣

"Sedangkan mereka tidak pernah diutuskan untuk mengawasi orang-orang yang beriman itu."(33)

Maksudnya, mereka tidak pernah dilantik sebagai wakil Allah untuk memerhati dan mengawasi orang-orang yang beriman dan tidak pula pernah ditugas Allah untuk menilai keadaan orang-orang Mu'min. Mereka tidak berhak membuat kenyataan yang seperti ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 34 - 36)

Pada Hari Akhirat Sendaan Orang-orang Kafir Menerima Balasan Yang Amat Pahit

Ayat yang berikut menamatkan cerita orang-orang kafir yang jahat semasa di dunia itu dengan sebuah sendaan yang lantang. Kemudian menutup cerita mereka untuk menayangkan pemandangan orang-orang Mu'min yang hidup penuh ni'mat (pada hari Akhirat):

فَٱلْيَوْمَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنَ ٱلْكُفَّارِ يَضْحَكُونَ ٣٤

عَلَى ٱلْأَرَآئِكِ يَنظُرُونَ ٣٥

"Tetapi pada hari ini (di Akhirat), orang-orang yang beriman pula tertawakan orang-orang yang kafir(34). Mereka bersenang-senang di atas takhta melihat (ni'mat-ni'mat Syurga)." (35)

Maksudnya, pada hari ini orang-orang kafir dihijabkan dari Allah. Mereka terseksa dengan hijab yang menghilangkan sifat insaniyah mereka, kerana itu mereka dimasukkan ke dalam Neraka dengan penuh sendaan dan penghinaan di mana mereka dikatakan:

هَٰذَا ٱلَّذِى كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ١٧

"Inilah 'azab seksa yang telah kamu mendustakannya (di dunia)."(17)

Pada hari ini ketika orang-orang Mu'min bersenang-senang di atas takhta melihat ni'mat-ni'mat Syurga

yang kekal dan meneguk minuman yang murni yang ditutup dengan kasturi dan dicampur dengan air Tasnim.... pada hari inilah orang-orang yang beriman pula mentertawakan orang-orang yang kafir.

Kemudian Al-Qur'an sekali lagi mengemukakan sendaan yang lantang dalam bentuk pertanyaan:

هَلْ ثُوِّبَ ٱلْكُفَّارُ مَا كَانُوا۟ يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾

"Adakah orang-orang kafir itu telah diberi pahala terhadap apa yang dilakukan mereka?"(36)

Ya, apakah mereka telah diberi pahala. Apakah mereka memperolehi pahala dari apa yang telah dilakukan mereka di dunia? Mereka tidak mendapat "pahala" dengan erti yang lumrah dari kata-kata itu, kerana kita melihat mereka sekarang diseksa di dalam Neraka. Tidak syak lagi itulah balasan dari perbuatan mereka, dan itulah nampaknya pahala yang diterima mereka. Alangkah tajamnya sendaan dan sindiran yang terkandung dalam kata-kata "pahala" di ayat ini.

* * * * * *

Tujuan Penceritaan Al-Qur'an Yang Terperinci Tentang Cara Penghinaan Orang-orang Kafir Terhadap Orang-orang Yang Beriman

Marilah kita berhenti sejenak di hadapan pemandangan-pemandangan yang diterangkan dengan panjang lebar oleh Al-Qur'an, iaitu pemandangan orang-orang kafir yang menghinakan orang-orang Mu'min di dunia dan pemandangan-pemandangan orang-orang Mu'min yang mendapat keni'matan-keni'matan hidup dalam Syurga. Di sini kita dapati bahawa penceritaan yang panjang itu dari segi keberkesanannya merupakan satu seni yang tinggi dalam gaya penyampaian dan pengungkapan, di samping merupakan satu seni yang tinggi dalam cara rawatan perasaan manusia, kerana di Makkah di waktu itu terdapat segolongan kecil orang Mu'min sedang menghadapi penindasan dan gangguan yang jahat dari kaum Musyrikin yang telah meninggalkan kesan yang berat dan mendalam dalam hati mereka. Allah tidak mahu membiarkan mereka begitu sahaja tanpa sebarang sokongan yang dapat meneguhkan hati mereka dan menghiburkan perasaan mereka.

Gambaran yang terperinci mengenai penindasan dan gangguan kaum Musyrikin itu merupakan penawar kepada hati mereka, kerana Tuhan mereka sendiri yang melihat dan menceritakan penderitaan mereka, dan Ia tidak akan membiarkan mereka begitu sahaja walaupun Ia membiarkan orang-orang kafir itu untuk beberapa waktu - ini sahaja sudah cukup untuk mengubati hati orang-orang Mu'min yang luka dan menderita. Sesungguhnya Allah melihat bagaimana mereka dihina dan disakiti oleh orang-orang yang kafir itu dan bagaimana penderitaan dan kesusahan mereka dijadikan sendaan oleh orang-orang yang kafir. Allah melihat bagaimana orang-orang kafir yang berbudi rendah itu tidak merasa segan dan tidak menyesal. Tuhan mereka melihat semuanya ini dan menceritakannya dengan terperinci di dalam wahyu-wahyu yang diturunkan kepada mereka. Jadi, keadaan mereka tetap berada dalam perhatian dan pertimbangan Allah. Ini sahaja sudah cukup apabila dirasakannya oleh hati orang-orang Mu'min biarpun bagaimana parahnya luka mereka dan beratnya penderitaan mereka.

Kemudian Tuhan mereka menghinakan orang-orang kafir yang berdosa itu dengan satu penghinaan yang halus melalui sindiran yang pedih. Mungkin sindiran ini tidak dirasakan oleh hati manusia-manusia pendosa yang telah dikarati berbagai-bagai dosa, tetapi ia benar-benar dirasakan oleh hati orang-orang Mu'min yang memang peka. Ia benar-benar dihargai mereka dan benar-benar menghibur dan mententeramkan mereka.

Kemudian hati orang-orang Mu'min itu melihat pula kedudukan mereka di sisi Allah, melihat ni'mat Syurga yang dikurniakan Allah kepada mereka dan melihat darjat mereka di alam al-Mala'ul-A'la, di samping melihat kedudukan musuh-musuh mereka dan balasan kehinaan dan balasan Neraka Jahannam yang diterima mereka. Mereka melihat dan merasakan semuanya itu dengan terperinci dan penuh keyakinan. Tidak syak lagi bahawa apa yang dirasakan mereka itu dapat menghapuskan segala perasaan pahit getir yang dialami akibat penindasan, penghinaan, kelemahan, dan bilangan mereka yang kecil. Tetapi bagi setengah-setengah hati, kepahitan itu bertukar kepada kemanisan apabila sahaja mereka melihat pemandangan-pemandangan itu di dalam firman Allah yang mulia.

Da'wah Makkiyah Hanya Menjanjikan Syurga Kepada Orang-orang Yang Beriman Dan Tidak Pernah Menjanjikan Kemenangan Dan Kekuasaan Di Bumi

Nampaknya itulah satu-satunya hiburan Ilahi kepada orang-orang Mu'min yang menjadi mangsa penyeksaan, penindasan dan penghinaan para penjenayah yang hina itu. Hanya balasan Syurga untuk orang-orang Mu'min dan Neraka untuk orang-orang yang kafir, dan pertukaran yang menyeluruh di antara keadaan dunia dan keadaan Akhirat merupakan satu-satunya janji yang diberikan oleh Nabi s.a.w. kepada orang-orang yang mengikat perjanjian setia dengannya apabila mereka sanggup mengorbankan harta dan jiwa mereka.

Adapun janji kemenangan di dunia dan berkuasa di bumi tidak pernah disebut di dalam Surah-surah Makkiyah dengan tujuan menguatkan pendirian dan menghiburkan orang-orang Mu'min.

Al-Qur'an mewujudkan hati-hati yang disediakan untuk memikul amanah da'wah. Hati-hati itu pastilah tabah, kuat dan ikhlas iaitu ia berjuang dan berkorban bukan kerana mengharapkan sesuatu faedah dunia. Ia tidak menunggu sesuatu yang lain melainkan Akhirat. Ia tidak mengharapkan sesuatu apa melainkan keredhaan Allah. Itulah hati yang bersedia untuk meneruskan perjalanan mereka dalam kepayahan, kesusahan, pengharaman, keseksaan, pengorbanan

dan penderitaan tanpa mengharapkan balasan yang cepat di bumi walaupun balasan dalam bentuk kemenangan da'wah, kejayaan Islam dan keunggulan umat Muslimin.

Apabila hati-hati ini telah diwujudkan iaitu hati-hati yang tahu bahawa di dalam perjalanan mereka di bumi tiada kewajipan lain di hadapan mereka melainkan hanya memberi tanpa mengharapkan balasan dan hanya menunggu Akhirat sahaja sebagai masa balasan dan masa penyelesaian di antara yang benar dan yang batil. Apabila hati-hati ini telah diwujudkan dan Allah mengetahui pula kejujuran niat mereka untuk melaksanakan janji setia mereka, barulah kemenangan di bumi datang kepada mereka dan Allah menjadikan kemenangan itu amanah bukan kemenangan untuk mereka, tetapi untuk membolehkan mereka memikul amanah agama Allah. Hati-hati seperti inilah yang benar-benar layak menunaikan amanah Allah yang tidak menjanjikan apa-apa keuntungan dunia. Hati-hati inilah yang tidak mengharapkan apa-apa faedah dunia. Mereka benar-benar jujur kepada Allah sejak mereka tahu bahawa satu-satunya balasan untuk mereka ialah keredhaan Allah.

Semua ayat-ayat yang menyebut kemenangan dunia adalah diturun di Madinah selepas itu, iaitu selepas persoalan kemenangan ini berada di luar program orang-orang Mu'min dan di luar harapan dan cita-cita mereka kemudian. Kemenangan itu sendiri datang kerana kehendak Allah mahukan agama ini tegak di alam realiti hidup manusia dalam bentuk amali yang dapat dilihat oleh generasi-generasi manusia. Kemenangan itu bukannya merupakan balasan penat lelah perjuangan, bukan balasan pengorbanan dan bukan balasan penderitaan, tetapi kemenangan itu merupakan salah satu dari perencanaan Allah yang mempunyai hikmat di sebaliknya yang kita sekarang berusaha untuk melihatnya.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-INSYIQAQ

SURAH KE

84

سُورَةُ الانشِقَاق

SURAH AL-INSYIQAQ

Surah Langit Terbelah

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

25

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِذَا السَّمَاءُ انشَقَّتْ ﴿١﴾

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٢﴾

وَإِذَا الْأَرْضُ مُدَّتْ ﴿٣﴾ وَأَلْقَتْ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتْ ﴿٤﴾

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٥﴾

يَا أَيُّهَا الْإِنسَانُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَىٰ رَبِّكَ كَدْحًا فَمُلَاقِيهِ ﴿٦﴾

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ ﴿٧﴾

فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا ﴿٨﴾

وَيَنقَلِبُ إِلَىٰ أَهْلِهِ مَسْرُورًا ﴿٩﴾

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ وَرَاءَ ظَهْرِهِ ﴿١٠﴾

"Apabila langit pecah terbelah(1). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah(2). Dan apabila bumi ditarik lebar(3). Dan meluahkan keluar isi kandungannya dan menjadi kosong(4). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah(5). Wahai insan! Sesungguhnya engkau bekerja dengan begitu penat menuju kepada Tuhanmu, maka (pada akhirnya) engkau tetap akan menemui-Nya(6). Barang siapa yang diserahkan buku amalannya dari sebelah kanannya(7). Maka ia akan dihisab dengan Hisab yang mudah dan ringan(8). Dan ia akan kembali kepada keluarganya (di dalam Syurga) dengan riang gembira(9). Dan barang siapa yang diserahkan buku amalannya dari sebelah belakangnya."(10).

فَسَوْفَ يَدْعُو ثُبُورًا ﴿١١﴾ وَيَصْلَىٰ سَعِيرًا ﴿١٢﴾

إِنَّهُ كَانَ فِي أَهْلِهِ مَسْرُورًا ﴿١٣﴾

إِنَّهُ ظَنَّ أَن لَّن يَحُورَ ﴿١٤﴾

بَلَىٰ إِنَّ رَبَّهُ كَانَ بِهِ بَصِيرًا ﴿١٥﴾

فَلَا أُقْسِمُ بِالشَّفَقِ ﴿١٦﴾ وَاللَّيْلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾

وَالْقَمَرِ إِذَا اتَّسَقَ ﴿١٨﴾ لَتَرْكَبُنَّ طَبَقًا عَن طَبَقٍ ﴿١٩﴾

فَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠﴾

"Maka ia akan meraung-raung mengutuk dirinya yang malang(11). Dan dia akan masuk ke dalam Neraka yang menjulang marak(12). Sesungguhnya (ketika di dunia dahulu) ia sentiasa bersukaria dalam keluarganya(13). Sesungguhnya dahulu dia menyangka bahawa dia tidak akan kembali (kepada Tuhannya)(14). Malah sebenarnya Tuhannya sentiasa melihat tindak-tanduknya(15).Sesungguhnya Aku bersumpah dengan cahaya merah (di waktu senja)(16). Dan demi malam dan segala apa yang dilindunginya(17). Demi bulan ketika ia mengambang penuh purnama(18). (Wahai insan!) Sesungguhnya kamu akan menunggang (peringkat perkembangan hidup) setingkat demi setingkat(19). Mengapakah mereka tidak mahu beriman?"(20).

وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْآنُ لَا يَسْجُدُونَ ﴿٢١﴾

بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا يُكَذِّبُونَ ﴿٢٢﴾

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يُوعُونَ ﴿٢٣﴾

فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ
مَمْنُونٍ ﴿٢٥﴾

"Dan mengapa apabila dibaca kepada mereka Al-Qur'an mereka tidak sujud?(21). Sebenarnya orang-orang yang kafir itu sentiasa mendustakan (ajaran yang benar)(22). Sedangkan Allah lebih mengetahui segala apa yang disembunyikan (di dalam hati mereka)(23). Oleh itu, (wahai Muhammad!) Sampaikan kepada mereka berita gembira bahawa mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih(24). Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih. Mereka akan mendapat pahala yang tidak putus-putus."(25).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini dimulakan dengan menayangkan beberapa pandangan Qiamat yang dijelaskan dengan luas di dalam Surah at-Takwir, Surah al-Infitar dan Surah an-Naba', tetapi gambaran Qiamat yang ditayangkan di dalam surah ini mempunyai satu ciri khusus yang berlainan, iaitu ciri menyerah diri kepada Allah, di mana langit dan bumi menyerah diri dengan penuh patuh dan khusyu' kepada Allah:

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنشَقَّتْ ﴿١﴾ وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٢﴾

وَإِذَا ٱلْأَرْضُ مُدَّتْ ﴿٣﴾ وَأَلْقَتْ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتْ ﴿٤﴾

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٥﴾

"Apabila langit pecah terbelah(1). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah(2). Dan apabila bumi ditarik lebar(3). Dan meluahkan keluar isi kandungannya dan menjadi kosong(4). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah."(5)

Itulah pembukaan yang menimbulkan rasa khusyu' yang mendalam sebagai persediaan untuk bertitah kepada manusia dan mencampakkan rasa rendah diri kepada Allah di dalam hati mereka, di samping mengingatkan persoalan diri mereka dan untung nasib mereka yang akan diterimanya di sisi Allah kelak dalam suasana khusyu', patuh dan menyerah diri, iaitu suasana yang ditimbulkan oleh langit dan bumi dalam pemandangan Qiamat yang begitu menggerunkan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَٰنُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَىٰ رَبِّكَ كَدْحًا فَمُلَٰقِيهِ ﴿٦﴾

فَأَمَّا مَنْ أُوتِىَ كِتَٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ ﴿٧﴾

فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا ﴿٨﴾

وَيَنقَلِبُ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦ مَسْرُورًا ﴿٩﴾

وَأَمَّا مَنْ أُوتِىَ كِتَٰبَهُۥ وَرَآءَ ظَهْرِهِۦ ﴿١٠﴾

"Wahai insan! Sesungguhnya engkau bekerja dengan begitu penat menuju kepada Tuhanmu, maka (pada akhirnya) engkau tetap akan menemui-Nya(6). Barang siapa yang diserahkan buku amalannya dari sebelah kanannya(7). Maka ia akan dihisab dengan Hisab yang mudah dan ringan(8). Dan ia akan kembali kepada keluarganya (di dalam Syurga) dengan riang gembira(9) Dan barang siapa yang diserahkan buku amalannya dari sebelah belakangnya."(10)

فَسَوْفَ يَدْعُوا۟ ثُبُورًا ﴿١١﴾ وَيَصْلَىٰ سَعِيرًا ﴿١٢﴾

إِنَّهُۥ كَانَ فِىٓ أَهْلِهِۦ مَسْرُورًا ﴿١٣﴾

إِنَّهُۥ ظَنَّ أَن لَّن يَحُورَ ﴿١٤﴾

بَلَىٰٓ إِنَّ رَبَّهُۥ كَانَ بِهِۦ بَصِيرًا ﴿١٥﴾

Maka ia akan meraung-raung mengutuk dirinya yang malang(11). Dan dia akan masuk ke dalam Neraka yang menjulang marak(12). Sesungguhnya (ketika di dunia dahulu) ia sentiasa bersukaria dalam keluarganya(13). Sesungguhnya dahulu dia menyangka bahawa dia tidak akan kembali (kepada Tuhannya)(14). Malah sebenarnya Tuhannya sentiasa melihat tindak-tanduknya."(15)

Bahagian yang ketiga menayangkan pemandangan alam buana yang berlaku sekarang di depan pancaindera mereka, iaitu pemandangan-pemandangan yang menunjukkan kehalusan tadbir dan perencanaan Allah di samping menjelaskan hakikat setelah bersumpah dengan pemandangan-pemandangan itu bahawa manusia tetap melalui berbagai-bagai keadaan yang direncana dan diaturkan oleh Allah. Mereka tidak dapat menghindarkan diri dari menempuh dan mengalami keadaan-keadaan itu:

فَلَآ أُقْسِمُ بِٱلشَّفَقِ ﴿١٦﴾ وَٱلَّيْلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾

وَٱلْقَمَرِ إِذَا ٱتَّسَقَ ﴿١٨﴾ لَتَرْكَبُنَّ طَبَقًا عَن طَبَقٍ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya Aku bersumpah dengan cahaya merah (di waktu senja)(16). Dan demi malam dan segala apa yang dilindunginya(17). Demi bulan ketika ia mengambang penuh purnama(18). (Wahai insan!) Sesungguhnya kamu akan menunggang (peringkat perkembangan hidup) setingkat demi setingkat."(19)

Kemudian datang pula bahagian yang akhir dari surah ini menyatakan kehairanan terhadap sikap orang-orang yang tidak beriman. Itulah hakikat mereka sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam dua bahagian yang silam, dan itulah kesudahan hidup mereka dan kesudahan alam dunia ini sebagaimana yang dijelaskan di dalam bahagian pertama surah ini. Oleh itu:

فَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠﴾

وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ ٱلْقُرْءَانُ لَا يَسْجُدُونَ ۩ ﴿٢١﴾

"Mengapakah mereka tidak mahu beriman?(20). Dan mengapa apabila dibaca kepada mereka Al-Qur'an mereka tidak sujud?"(21)

Kemudian dijelaskan bahawa ilmu Allah mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka di dalam hati sanubari mereka, dan diiringi dengan ancaman bahawa mereka akan menerima balasan yang telah ditentukan:

بَلِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ يُكَذِّبُونَ ﴿٢٢﴾

وَٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِمَا يُوعُونَ ﴿٢٣﴾

فَبَشِّرۡهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمۡ أَجۡرٌ غَيۡرُ مَمۡنُونِۭ ﴿٢٥﴾

"Sebenarnya orang-orang yang kafir itu sentiasa mendustakan (ajaran yang benar)(22). Sedangkan Allah lebih mengetahui segala apa yang disembunyikan (di dalam hati mereka)(23). Oleh itu, (wahai Muhammad!) Sampaikan kepada mereka berita gembira bahawa mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih(24). Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih. Mereka akan mendapat pahala yang tidak putus-putus."(25)

Nada pernyataan surah ini tenang, tetapi mempunyai saranan yang amat besar. Inilah cirinya yang dominan sehingga dalam pemandangan-pemandangan Qiamat sedangkan pemandangan-pemandangan itu ditayangkan dalam Surah dalam suasana yang gempar dan dahsyat. Gaya pengucapan dalam surah ini, ialah gaya pengucapan yang memberi kesedaran yang lemah-lembut selangkah demi selangkah, dengan cara yang tenang tenteram. Kata-kata:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ

"Wahai manusia!"(6)

mengandungi peringatan dan perangsang kepada hati nurani manusia.

Bahagian-bahagian surah ini yang disusunkan sedemikian rupa membawa hati manusia menjelajah berbagai-bagai bidang kejadian alam dan persoalan-persoalan manusia yang bersilih ganti. Ia dimulai dengan pemandangan penyerahan diri alam buana, kemudian ia menyentuh hati manusia, kemudian pemandangan Hisab dan Balasan, pemandangan alam dan fenomena-fenomenanya yang menarik yang terbentang di depan mata, kemudian sekali lagi menyentuh hati manusia, kemudian melahirkan kehairanan dan takjub terhadap perilaku orang-orang yang masih tidak mahu beriman setelah diberikan semua penjelasan ini. Dan kemudian memberi ancaman 'azab keseksaan di samping mengecualikan orang-orang Mu'min yang akan dikurniakan pahala yang tak kunjung putus.

Seluruh pengembaraan, pemandangan, saranan dan sentuhan itu dimuatkan dalam satu surah yang pendek yang tidak lebih dari beberapa baris sahaja. Hal ini tidak mungkin ditemui melainkan hanya di dalam kitab suci Al-Qur'an yang aneh ini sahaja. Kerana tujuan-tujuan ini tidak mungkin dijelaskan dalam ruang yang besar sekuat daya dan keberkesanan penjelasan Al-Qur'an. Memang Al-Qur'an itu mudah menyampaikan peringatan. Ia berbicara secara langsung dengan hati manusia melalui jalan yang dekat. Itulah sifat firman Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Langit Mematuhi Perintah Allah

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنشَقَّتۡ ﴿١﴾ وَأَذِنَتۡ لِرَبِّهَا وَحُقَّتۡ ﴿٢﴾ وَإِذَا ٱلۡأَرۡضُ مُدَّتۡ ﴿٣﴾ وَأَلۡقَتۡ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتۡ ﴿٤﴾ وَأَذِنَتۡ لِرَبِّهَا وَحُقَّتۡ ﴿٥﴾

"Apabila langit pecah terbelah(1). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah(2). Dan apabila bumi ditarik lebar(3). Dan meluahkan keluar isi kandungannya dan menjadi kosong(4). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah."(5)

Kejadian langit yang terbelah pada Hari Qiamat itu telah pun diterangkan di dalam surah-surah yang lain. Tetapi perkara baru yang dikemukakan di dalam surah ini ialah penyerah diri langit kepada Tuhannya iaitu ia wajib menyerah diri menjunjung perintah Tuhannya dengan penuh keta'atan dan kepatuhan:

وَأَذِنَتۡ لِرَبِّهَا وَحُقَّتۡ ﴿٢﴾

"Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah."(2)

Kepatuhan langit kepada perintah Tuhannya ialah keta'atannya menjunjung perintah-Nya supaya pecah dan terbelah.

Kewajipan itu tertanggung ke atasnya langit mengaku berkewajipan terhadap Allah dan inilah salah satu gejala kepatuhan yang diwajibkan ke atas dirinya dan diterima olehnya.

Ada lagi satu perkara baru yang dikemukakan di dalam surah ini iaitu bumi pada Hari Qiamat kelak akan ditarik lebar:

وَإِذَا ٱلۡأَرۡضُ مُدَّتۡ ﴿٣﴾

"Dan apabila bumi ditarik lebar."(3)

Bumi Meluahkan Segala Isi Kandungannya

Mungkin maksudnya kawasan dan bentuk bumi kelak akan diregang dan ditarik lebar menyebabkan peraturan-peraturan dan undang-undang yang mengendalikan perjalanannya dan memelihara bentuk bulatnya yang ada sekarang ini menjadi kacau-bilau dan kucar-kacir. Di sini diungkapkan bahawa perkara ini berlaku dari tindakan yang datang dari luar bumi dengan menggunakan kata kerja majhul (*possessive*) **"ditarik luas"**.

وَأَلۡقَتۡ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتۡ ﴿٤﴾

"Dan meluahkan keluar isi kandungannya dan menjadi kosong."(4)

Ayat ini menggambarkan bumi seolah-olah makhluk hidup yang meluahkan keluar isi kandungannya dari berbagai-bagai makhluk yang tidak terhitung dan tidak dikelahui banyaknya melainkan Allah, termasuklah isi kandungan di dalam bumi seperti logam-logam, air-air dan rahsia-rahsia yang hanya diketahui Allah. Semua isi kandungan ini telah dikandung bumi abad demi abad sehingga sampailah pada Hari Qiamat, dan pada hari itulah bumi akan meluahkan keluar semua isi kandungannya itu.

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٥﴾

"Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah."(5)

Bumi juga turut mematuhi perintah Allah seperti langit dan mengakui bahawa ta'at dan patuh kepada perintah Allah itu merupakan kewajipannya. Di dalam ayat-ayat ini langit dan bumi digambarkan seolah-olah dua makhluk yang bernyawa yang menerima dan menyambut perintah dengan segera dan patuh tanpa menyeleweng dan tanpa dipaksa.

Walaupun pemandangan-pemandangan di dalam surah ini merupakan pemandangan-pemandangan Qiamat, namun gambarannya di sini diselubungi suasana khusyu', hebat dan tenang tenteram dan meninggalkan di dalam hati semangat penyerahan diri dan kepatuhan yang tidak tahu menyangkal atau membantah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 9)

Dalam suasana khusyu', patuh dan ta'at inilah bergemanya seruan Allah kepada manusia di hadapan alam buana dengan langit dan buminya yang menyerah diri sepenuhnya kepada Allah:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَـٰنُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَىٰ رَبِّكَ كَدْحًا فَمُلَـٰقِيهِ ﴿٦﴾

Wahai insan! Sesungguhnya engkau bekerja dengan begitu penat menuju kepada Tuhanmu, maka (pada akhirnya) engkau tetap akan menemui-Nya."(6)

Perjuangan Meerupakan Ciri Kehidupan Manusia

"Wahai manusia!" (يا أيها الإنسان) yang telah dijadikan Allah dengan limpah ihsan-Nya, dan dikurniakan dengan sifat insaniyah yang menjadikannya satu makhluk yang unik di alam ini, juga dengan sifat-sifat yang sepatutnya boleh menjadikannya satu makhluk yang lebih mengenali Allah dan lebih mematuhi Allah dari langit dan bumi. Allah meniupkan roh ciptaan-Nya pada manusia dan melengkapkannya dengan daya kebolehan untuk berhubung dengan-Nya dan untuk menerima pancaran nur dari-Nya. Manusia juga telah dikurniakan kesediaan untuk menerima limpah hidayat-Nya supaya ia dapat membersihkan dirinya dan meningkat naik setinggi-tingginya hingga sampai kepada darjat yang sempurna yang direncanakan Allah untuk umat manusia, dan ufuk-ufuk kesempurnaan ini amatlah tinggi dan jauh:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَـٰنُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَىٰ رَبِّكَ كَدْحًا فَمُلَـٰقِيهِ ﴿٦﴾

"Wahai insan! Sesungguhnya engkau bekerja dengan begitu penat menuju kepada Tuhanmu, maka (pada akhirnya) engkau tetap akan menemui-Nya."(6)

Maksudnya, wahai insan! Engkau berpenat lelah meredah jalan pengembaraan hidupmu, engkau berpenat lelah memikul beban dan tanggunganmu, engkau berpenat lelah berusaha dan berjuang dan engkau berpenat lelah berjalan untuk sampai kepada Allah di akhir perjalananmu. Ya, engkau akan pulang kepada Allah setelah engkau berpenat lelah dalam hidupmu.

Wahai insan! Engkau terpaksa berpenat lelah walaupun untuk mencapai kenikmatan dan kesenangan hidupmu. Engkau tidak akan mencapai kenikmatan itu di bumi ini melainkan dengan kesungguhan bekerja dan dengan penat lelah berusaha, sama ada kepenatan tubuh badan dan kerja kuat atau kepenatan berfikir dan meluah perasaan. Pengalaman sedemikian dialami oleh semua orang yang berada atau orang yang tidak berada. Cuma yang berbeza ialah jenis kesungguhan bekerja dan kepenatan yang dialaminya. Oleh itu, kepenatan dan kejerihan itu merupakan suatu hakikat yang tetap dalam kehidupan manusia. Kemudian seluruh manusia akan mengakhiri penjelajahan hidupnya dengan kepulangan kepada Allah.

Wahai insan! Engkau tidak akan menemui kerehatan di muka bumi ini buat selama-lamanya. Kerehatan ini hanya berada di Akhirat untuk mereka yang patuh dan menyerah diri kepada Allah. Kepenatan dan kejerihan hanya satu sahaja di bumi dalam kehidupan dunia ini walaupun berlainan warna dan rasa, tetapi akibatnya berlain-lainan apabila engkau sampai kepada Tuhanmu. Di sana ada orang yang menerima kepenatan dan kesusahan yang mengatasi segala kepenatan dan kesusahan di muka bumi ini, dan ada orang yang menerima kenikmatan yang menghapuskan segala penderitaan yang pedih dan jerih yang dialaminya di bumi seolah-olah ia tidak pernah mengalami kepenatan dan kejerihan.

Wahai insan yang dikurniakan dengan sifat-sifat kemanusiaan yang istimewa! Pilihlah untuk dirimu jalan yang layak dan sesuai dengan sifat-sifat istimewa yang dikurniakan Allah kepadamu! Pilihlah jalan yang memberi kerehatan kepadamu dari segala kepenatan semasa engkau menemui Allah kelak:

Seruan ini menghubungkan dengan untung nasib yang akan diterima oleh orang-orang yang berpenat lelah dan bertungkus lumus di dunia apabila mereka sampai di penghujung jalan menemui Tuhan mereka:

فَأَمَّا مَنْ أُوتِىَ كِتَـٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ ﴿٧﴾

فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا ﴿٨﴾

"Barang siapa yang diserahkan buku amalannya dari sebelah kanannya(7). Maka ia akan dihisab dengan Hisab yang mudah dan ringan."(8)

Upacara Penyerahan Buku Laporan Amalan

Orang yang diserahkan buku laporan amalannya dari sebelah kanannya ialah orang yang mendapat keredhaan Allah yang berbahagia, iaitu orang yang beriman dan beramal dengan baik. Kerana itu ia diredhai Allah dan dikurniakan keselamatan dari 'azab Akhirat. Ia dihisab dengan Hisab yang mudah dan ringan. Ia tidak diperiksa dengan halus dan rapi. Hal ini telah digambarkan dengan cukup jelas oleh hadith-hadith yang diterima dari Rasulullah s.a.w.:

عن عائشة – رضي الله عنها – قالت : قال رسول الله – صلى الله عليه وسلم – :((من نوقش الحساب عذب)). قالت : أفليس قال الله تعالى : ((فسوف يحاسب حساباً يسيراً)) . قال : ((ليس ذلك بالحساب ، ولكن ذلك العرض . من نوقش الحساب يوم القيامة عذب – (أخرجه البخاري ومسلم والترمذي والنسائي).

"Dari Aisyah r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda, ***"Barangsiapa dihisab dengan halus akan di'azab.*** *Kata Aisyah: Aku pun bertanya: Tidakkah Allah telah berfirman:* ***Ia akan dihisab dengan hisab yang mudah dan ringan?*** *Jawab beliau:* ***Itu bukannya hisab. Itu hanya pembentangan amalan sahaja, barangsiapa yang dihisab dengan halus pada hari Qiamat akan di'azab."***

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim, at-Tirmizi dan an-Nasa'i)

وعنها كذلك قالت : سمعت رسول الله – صلى الله عليه وسلم – يقول في بعض صلاته : ((اللهم حاسبني حساباً يسيراً)) .. فلما انصرف قلت : يا رسول الله ، ما الحساب اليسير؟ قال : ((أن ينظر في كتابه فيتجاوز له عنه . من نوقش الحساب يا عائشة ، يومئذ هلك)) ـ (رواه الإمام أحمد).

"Dari Aisyah juga katanya: Aku dengar Rasulullah s.a.w. berdo'a di dalam setengah-setengah solatnya: ***"Ya Tuhanku, hisabkan aku dengan hisab yang mudah dan ringan."*** *Apabila beliau selesai aku pun bertanya: "Ya Rasulullah, apakah hisab yang mudah dan ringan itu?" Jawab beliau:* ***"Dilihat sahaja buku amalannya, kemudian dimaafkannya. Wahai Aisyah! Barang siapa yang dihisab dengan halus pada hari itu akan dibinasa."***

(Diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad)

Itulah maksud Hisab yang mudah dan ringan yang akan dihadapi oleh orang yang menerima buku laporan amalannya dengan tangan kanannya. Ia akan selamat dari 'azab.

وَيَنقَلِبُ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦ مَسْرُورًا ﴿٩﴾

"Dan ia akan kembali kepada keluarganya (di dalam Syurga) dengan riang gembira."(9)

Iaitu anggota-anggota keluarganya yang terselamat dan masuk Syurga sebelumnya.

Di Dalam Syurga Setiap Orang Dikumpulkan Kembali Dengan Kelompok Yang Disayangi Di Dunia

Ayat ini memberi pengertian bahawa orang-orang yang sehaluan dan bersatu di atas keimanan dan kebaikan dari ahli-ahli Syurga akan berkumpul kembali di dalam Syurga. Ia akan bercantum kembali di dalam Syurga dengan semua anggota keluarganya, sahabat handainya dan orang-orang yang dikasihinya.

Ayat ini menggambarkan bahawa orang yang terselamat dari Hisab yang halus itu akan kembali ke pangkuan kelompoknya yang mempunyai hubungan kasih mesra dengannya setelah ia selesai menghadapi keadaan yang genting itu. Ia pulang kepada mereka dengan riang gembira kerana mendapat keselamatan dan kerana dapat bertemu kembali di dalam Syurga.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 12)

Petanda Nasib Yang Malang Di Akhirat

Nasib orang ini bertentangan dengan nasib orang yang mendapat keseksaan dan kebinasaan kerana dosa-dosanya, dan menerima buku laporan amalannya dengan perasaan hampa dan kecewa:

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ وَرَآءَ ظَهْرِهِۦ ﴿١٠﴾

فَسَوْفَ يَدْعُوا۟ ثُبُورًا ﴿١١﴾

"Dan barang siapa yang diserahkan buku amalannya dari sebelah belakangnya(10). Maka ia akan meraung-raung mengutuk dirinya yang malang."(11)

Sebelum ini yang biasa kita temui di dalam ungkapan-ungkapan Al-Qur'an ialah buku laporan amalan yang diserahkan dari sebelah kanan dan buku laporan amalan yang diserahkan dari sebelah kiri, tetapi di dalam ayat ini terdapat satu gambaran baru iaitu buku amalan yang diserahkan dari sebelah belakang. Nampaknya tiada halangan jika dikatakan bahawa orang yang diserahkan buku laporan amalannya dari sebelah kiri itu juga diserahkan buku laporan amalannya itu dari sebelah belakangnya. Ini adalah gambaran manusia yang hampa dan kecewa.

Kita tidak mengetahui hakikat buku laporan amalan dan bagaimana ia diserahkan dari sebelah kanan atau sebelah kiri atau dari belakang, tetapi apa yang dapat kita simpulkan dari ayat yang pertama ialah golongan itu akan mendapat keselamatan dan dari ayat yang kedua ialah golongan ini akan mendapat kebinasaan. Itulah dua hakikat yang dikehendaki supaya kita mempercayainya dengan penuh keyakinan. Dan

segala gambaran yang lain adalah dituju untuk menghidupkan pemandangan dan mendalamkan keberkesanannya di dalam hati kita. Hanya Allah jua yang mengetahui apa yang sebenar akan berlaku dan bagaimana caranya ia akan berlaku.

Manusia yang malang ialah manusia yang menghabiskan umur hidupnya di bumi ini di dalam kegiatan maksiat, dosa dan kesesatan dengan menderita kepenatan dan keletihan. Manusia yang seperti ini kelak akan mengetahui kesudahannya dan akan menghadapi untung nasibnya. Di waktu itu ia akan sedar bahawa kepenatan yang akan dideritainya pada kali ini (di Akhirat) adalah satu kepenatan yang amat panjang yang tiada batas kesudahannya, kerana itulah ia memanggil kebinasaan atau maut supaya menyelamatkannya dari kecelakaan itu. Dan andainya seseorang itu berdo'a supaya terus binasa atau mati untuk menghindarkan dirinya dari kecelakaan, bererti ia tidak mempunyai sebarang tempat perlindungan lagi untuk menyelamatkannya, kerana itu tiada lain yang diimpikannya melainkan maut sahaja.

Inilah yang dimaksudkan oleh penyajak al-Mutanabbi dalam sebuah sajaknya yang menggambarkan bahawa keberatan penyakit anda dikira telah sampai kemuncak apabila anda memandang maut itu sahaja yang boleh menjadi penawarnya dan maut sahaja menjadi satu-satunya impian anda.

Tetapi yang lebih celaka dari segala kecelakaan ialah:

وَيَصْلَىٰ سَعِيرًا ﴿١٢﴾

"Dan dia akan masuk ke dalam Neraka yang menjulang marak."(12)

Dan inilah kecelakaan yang mahu dihindarinya dengan memanggil maut supaya menyelamatkan dirinya dari kecelakaan itu, tetapi jauh bumi dari langit.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 15)

Di hadapan pemandangan manusia yang malang itu, Al-Qur'an kembali sebentar ke zaman silamnya yang telah membawa kecelakaan kepadanya itu:

إِنَّهُۥ كَانَ فِىٓ أَهْلِهِۦ مَسْرُورًا ﴿١٣﴾

إِنَّهُۥ ظَنَّ أَن لَّن يَحُورَ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya (ketika di dunia dahulu) ia sentiasa bersukaria dalam keluarganya(13). Sesungguhnya dahulu dia menyangka bahawa dia tidak akan kembali (kepada Tuhannya)."(14)

Demikianlah keadaannya di dunia dahulu, tetapi kini kita bersama Al-Qur'an sedang berada pada Hari Hisab dan Balasan. Kita telah meninggalkan bumi jauh di belakang kita iaitu jauh dari segi waktu dan jauh dari segi tempat.

إِنَّهُۥ كَانَ فِىٓ أَهْلِهِۦ مَسْرُورًا ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya (ketika di dunia dahulu) ia sentiasa bersukaria dalam keluarganya."(13)

Cara Hidup Dan Cara Berfikir Orang-orang Yang Bernasib Malang Di Akhirat Semasa Berada Di Dunia

Dahulu ia sentiasa bersukaria di dalam kalangan keluarganya hingga menyebabkannya lupa terhadap masa depannya dan lalai terhadap balasan-balasan yang menunggunya di Akhirat, kerana itu ia tidak membuat apa-apa perhitungan dan bekalan terhadap hari itu.

إِنَّهُۥ ظَنَّ أَن لَّن يَحُورَ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya dahulu dia menyangka bahawa dia tidak akan kembali (kepada Tuhannya)"(14)

yang telah menciptakannya. Andainya ia berfikir bahawa pada akhir penjelajahan hidupnya ia akan kembali kepada Tuhannya tentulah ia menyimpan bekalan dan membuat sesuatu untuk menghadapi Hari Hisab.

بَلَىٰٓ إِنَّ رَبَّهُۥ كَانَ بِهِۦ بَصِيرًا ﴿١٥﴾

"Malah sebenarnya Tuhannya sentiasa melihat tindak-tanduknya."(15)

Maksudnya, dia menyangka bahawa dia tidak akan kembali kepada Allah. Tetapi sebenarnya Allah mengetahui segala gerak langkahnya dan akan membalas segala tindak-tanduknya. Demikianlah nasibnya apabila perjalanannya berakhir kepada kesudahan yang telah ditetapkan dalam ilmu Allah dan terpaksa dihadapinya.

Gambaran si malang yang sedang bersukaria bersama keluarganya di dalam kehidupan dunia yang pendek dan penat itu dipadankan pula dengan gambaran orang yang berbahagia yang pulang ke pangkuan keluarganya di dalam kehidupan Akhirat yang kekal, bebas, indah, bahagia, senang-lenang dan sunyi dari segala bentuk kepenatan dan kepayahan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 19)

Setelah selesai dari pengembaraan yang luas dan banyak meninggalkan kesan yang mendalam, iaitu pengembaraan yang membabitkan berbagai-bagai pemandangan dan berbagai-bagai pembicaraan itu, mereka dibawa kembali kepada pemandangan-pemandangan alam yang dihayati mereka, sedangkan mereka lalai dari memerhatikan hikmat yang disarankan oleh pemandangan-pemandangan itu, iaitu hikmat pentadbiran dan perencanaan Allah yang merangkuli alam buana dan diri mereka. Dan Allah menentukan perencanaan-Nya dengan rapi peringkat-peringkat perubahan keadaan yang melalui mereka:

فَلَآ أُقْسِمُ بِٱلشَّفَقِ ﴿١٦﴾ وَٱلَّيْلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾
وَٱلْقَمَرِ إِذَا ٱتَّسَقَ ﴿١٨﴾ لَتَرْكَبُنَّ طَبَقًا عَن طَبَقٍ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya Aku bersumpah dengan cahaya merah (di waktu senja)(16). Dan demi malam dan segala apa yang dilindunginya(17). Demi bulan ketika ia mengambang penuh purnama(18). (Wahai insan!) Sesungguhnya kamu akan menunggang (peringkat perkembangan hidup) setingkat demi setingkat."(19)

Saranan Waktu Senja Yang Diselubungi Warna Merah

Tujuan Allah bersumpah dengan pemandangan alam ialah supaya hati manusia merenunginya dan menerima saranan-saranan dan projeksi-projeksinya. Pemandangan-pemandangannya itu mempunyai satu ciri istimewa yang menumpukan perasaan khusyu' yang tenang tenteram dengan perasaan gentar terhadap keagungan Allah. Pemandangan-pemandangan ini pada umumnya sesuai dengan pemandangan-pemandangan di bahagian awal surah ini.

Waktu cahaya senja yang merah ialah waktu yang menimbulkan perasaan khusyu' dan gerun selepas terbenamnya sang suria, iaitu waktu jiwa diselubungi rasa kagum yang tenang dan mendalam, waktu hati merasakan erti perpisahan atau selamat tinggal dan segala perasaan sedih dan pilunya, merasakan kehebatan hari malam yang mendatang, merasakan kesepian di dalam kegelapan malam yang sedang merangkak, dan akhirnya seluruh hati diselimuti perasaan khusyu', perasaan takut yang sulit dan perasaan sunyi yang tenang.

وَٱلَّيْلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾

"Dan demi malam dan segala apa yang dilindunginya."(17)

Saranan Waktu Malam Dengan Isi Kandungannya

Maksudnya, waktu malam dengan segala, apa yang terkumpul dan terkandung di dalamnya. Di sini waktu malam disebut dengan ungkapan yang begitu umum, begitu majhul dan begitu menggerunkan. Memang hari malam mengumpul dan mengandungi seribu satu macam benda dan perkara. Renungan mengembara begitu jauh untuk menghitungkan segala sesuatu yang dikumpul dan dikandung malam yang terdiri dari benda, hidup-hidupan, peristiwa-peristiwa, perasaan-perasaan dan berbagai-bagai alam yang tersembunyi di dalam lubang-lubang bumi dan lubuk-lubuk hati, kemudian renungan itu pulang kembali dari pengembaraannya yang jauh tanpa mendapatkan semua gambaran yang dikandungkan oleh sepotong ayat yang pendek ini:

وَٱلَّيْلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾

"Dan demi malam dan segala apa yang dilindunginya."(17)

Ungkapan yang mendalam dan aneh ini telah membuat malam diselubungi perasaan takut dan gerun, perasaan khusyu' dan sunyi yang selaras dengan waktu senja yang merah yang samar-samar menimbulkan perasaan takut, gerun dan sunyi.

وَٱلْقَمَرِ إِذَا ٱتَّسَقَ ﴿١٨﴾

"Demi bulan ketika ia mengambang penuh purnama."(18)

Saranan Bulan Purnama Raya

Ini satu lagi pemandangan yang tenang, indah dan menarik iaitu pemandangan bulan di malam-malam ia mengambang penuh memandikan bumi dengan cahayanya yang romantis, menimbulkan perasaan khusyu', menyarankan sunyi sepi dan merangsangkan penjelajahan yang jauh di alam-alam nyata dan alam-alam yang tersembunyi di lubuk perasaan. Ia memberi suasana yang berkait rapat dengan suasana cahaya senja yang merah, suasana malam dan segala apa yang dilindunginya. Kedua-duanya bertemu dalam keagungan, khusyu' dan sunyi sepi.

Semua pemandangan alam yang indah, agung, gemilang, menggerun dan mengilhamkan itu dipetik oleh Al-Qur'an dengan petikan-petikan segera untuk berbicara dengan hati manusia yang lalai dari merenungi firman-firman-Nya mengenai kejadian-kejadian alam. Pemandangan-pemandangan itu dikemukakan dengan sumpah supaya pemandangan-pemandangan itu dapat diterapkan dengan jelas di dalam perasaan dan hati manusia, iaitu dapat diterapkan dengan segala dinamikannya dan keindahannya, dengan segala saranan dan projeksinya, juga dengan segala pengertiannya yang membuktikan qudrat kuasa Allah yang mengendalikan perencanaan alam ini, yang mengatur segala gerak langkahnya dan yang menyusun segala perubahan keadaan-keadaannya termasuk keadaan-keadaan manusia, sedangkan manusia terus lalai:

لَتَرْكَبُنَّ طَبَقًا عَن طَبَقٍ ﴿١٩﴾

"(Wahai insan!) Sesungguhnya kamu akan menunggang (peringkat perkembangan hidup) setingkat demi setingkat."(19)

Manusia Menempuh Berbagai-bagai Situasi Perubahan Sepanjang Masa Hidupnya

Maksudnya, kamu akan mengalami keadaan demi keadaan menurut perencanaan- perencanaan dan keadaan-keadaan yang telah ditetapkan oleh Allah. Dalam ayat ini pengalaman manusia yang menempuh keadaan-keadaan yang berubah itu diungkapkan dengan kata-kata **"menunggang"** kerana ungkapan menunggang bahaya, malapetaka dan keadaan-keadaan itu merupakan satu ungkapan yang lumrah di dalam bahasa Arab seperti kata bidalan mereka:

إن المضطر يركب الصعب من الأمور وهو عالم بركوبه.

"Orang yang susah sanggup menunggang segala kesulitan dan pandai pula menunggangnya"

seolah-olah keadaan-keadaan itu merupakan binatang-binatang kenderaan yang ditunggang

manusia satu demi satu. Setiap binatang itu membawa mereka dari satu perhentian ke satu perhentian yang baru mengikut kehendak perencanaan Allah yang menuntun binatang-binatang itu bersama-sama penunggang-penunggangnya. Perjalanan-perjalanan itu diatur rapi sama seperti ia mengaturkan keadaan-keadaan alam yang berubah-ubah seperti waktu senja yang merah, waktu malam dengan segala isinya dan bulan mengambang penuh purnama. Mereka akan terus berjalan sehingga sampai kepada Allah sebagaimana telah dijelaskan oleh ayat-ayat yang silam.

Penjelasan yang tersusun rapi di dalam bahagian-bahagian surah ini dan perpindahannya yang halus dari satu pembicaraan ke satu pembicaraan dan dari satu pengembaraan ke satu pengembaraan merupakan salah satu sifat Al-Qur'an yang indah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 21)

Golongan Manusia Yang Memandang Sepi Kepada Saranan-saranan Alam Dan Al-Qur'an

Dalam suasana pemandangan-pemandangan yang akhir ini, juga pemandangan-pemandangan dan pengembaraan yang terdahulu di dalam surah ini, Allah menyatakan kehairanan-Nya terhadap sikap orang-orang yang masih tidak mahu beriman walaupun mereka berdiri di depan berbagai-bagai kejadian alam yang mengilham dan memberi bukti-bukti keimanan yang terdapat pada diri mereka dan pada alam buana semuanya:

فَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠﴾

وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْءَانُ لَا يَسْجُدُونَ ﴿٢١﴾

"Mengapakah mereka tidak mahu beriman?(20). Dan mengapa apabila dibaca kepada mereka Al-Qur'an, mereka tidak sujud?"(21)

Ya, mengapakah mereka tidak mahu beriman?

Bukti-bukti yang menyarankan keimanan yang terdapat dalam pemandangan-pemandangan alam dan keadaan-keadaan perubahan yang dilalui manusia sentiasa berdepan dengan hati manusia di mana sahaja mereka berada. Bahkan kejadian-kejadian alam yang mencetuskan iman itu terdapat begitu banyak, begitu mendalam, begitu kuat dan begitu berat dalam neraca hakikat sehingga mereka tidak dapat melarikan diri dari kepungannya. Kejadian-kejadian itu membisik dan memanggil mereka apabila mereka memberi telinga dan hati kepadanya.

فَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠﴾

وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْءَانُ لَا يَسْجُدُونَ ﴿٢١﴾

"Mengapakah mereka tidak mahu beriman?(20). Dan mengapa apabila dibaca kepada mereka Al-Qur'an, mereka tidak sujud?"(21)

Allah berbicara dengan manusia dengan menggunakan bahasa fitrah. Ia membuka pintu hati mereka kepada kejadian-kejadian alam yang mengilhamkan iman dan menunjukkan bukti-buktinya yang terdapat pada diri mereka dan terdapat di merata pelusuk alam. Ia membangkitkan di dalam hati mereka perasaan taqwa, khusyu', ta'at dan tunduk kepada Allah Pencipta alam. Inilah yang dimaksud dengan "sujud" dalam ayat tadi.

Alam ini amat indah dan amat memberi ilham. Di alam ini terdapat berbagai-bagai kejadian yang mencetuskan setinggi-tinggi perasaan respon khusyu' dan patuh di dalam hati manusia.

Al-Qur'an juga amat indah dan amat memberi ilham. Di dalam lembaran-lembaran Al-Qur'an terdapat berbagai-bagai ayat yang memberi ilham dan menghubungkan hati manusia dengan alam yang indah dan dengan Penciptanya Yang Maha Agung. Di dalam Al-Qur'an tercurah hakikat alam yang agung yang membayangkan hakikat Penciptanya Yang Maha Agung.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 25)

Sifat Dan Tabi'at Orang Kafir Yang Tidak Berubah

Ini sungguh aneh. Kemudian Allah menerangkan hakikat orang-orang kafir dan untung nasib yang menunggu mereka:

بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا يُكَذِّبُونَ ﴿٢٢﴾

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يُوعُونَ ﴿٢٣﴾

"Sebenarnya orang-orang yang kafir itu sentiasa mendustakan (ajaran yang benar)(22). Sedangkan Allah lebih mengetahui segala apa yang disembunyikan (di dalam hati mereka)."(23)

Maksudnya, orang-orang kafir itu selama-lamanya mendustakan ajaran yang benar. Itulah tabi'at dan sifat asli mereka, tetapi Allah mengetahui segala rahsia dalam dada mereka, segala kejahatan dan niat-niat curang dan motif-motif pendustaan yang tersimpan di dalam hati mereka.

Sampai di sini cerita mereka ditamatkan dan firman-Nya secara langsung dihadapkan kepada Rasulullah s.a.w.:

فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾

"Oleh itu, (wahai Muhammad!) Sampaikan kepada mereka berita gembira bahawa mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(24)

Alangkah dahsyatnya berita gembira itu, iaitu berita gembira yang sama sekali tidak menggembirakan dan sekaligus itu juga diterangkan untung nasib yang menunggu orang-orang Mu'min yang tidak mendustakan ajaran Allah dan bersedia dengan amalan-amalan yang salih untuk masa depan mereka. Penerangan ini diberikan dalam bentuk pengecualian dari untung nasib orang-orang kafir yang mendustakan kebenaran itu:

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍۭ ﴿٢٥﴾

"Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih. Mereka akan mendapat pahala yang tidak putus-putus."(25)

Inilah yang dipanggil dalam istilah bahasa Arab استثناء منقطع (pengecualian yang terputus), kerana orang-orang yang beriman dari awal lagi tidak termasuk dalam berita gembira yang hitam itu, kemudian mereka dikecualikan darinya, tetapi pengungkapan sedemikian rupa lebih merangsangkan perhatian kepada perkara yang dikecualikan itu.

Maksudnya, pahala yang tidak putus ialah pahala yang berterusan di negeri Akhirat yang kekal abadi. Dengan senikata yang tegas dan ringkas ini tamatlah surah yang pendek ungkapannya ini, tetapi jauh jangkauannya di ruang alam dan di lubuk-lubuk hati nurani manusia.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-BURUJ

SURAH KE **85**

سُورَةُ ٱلْبُرُوجِ

SURAH AL-BURUJ

Surah Gugusan Bintang

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **22**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَٱلسَّمَآءِ ذَاتِ ٱلْبُرُوجِ ﴿١﴾ وَٱلْيَوْمِ ٱلْمَوْعُودِ ﴿٢﴾
وَشَاهِدٍ وَمَشْهُودٍ ﴿٣﴾ قُتِلَ أَصْحَٰبُ ٱلْأُخْدُودِ ﴿٤﴾
ٱلنَّارِ ذَاتِ ٱلْوَقُودِ ﴿٥﴾ إِذْ هُمْ عَلَيْهَا قُعُودٌ ﴿٦﴾
وَهُمْ عَلَىٰ مَا يَفْعَلُونَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ شُهُودٌ ﴿٧﴾
وَمَا نَقَمُوا۟ مِنْهُمْ إِلَّآ أَن يُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ﴿٨﴾
ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ
شَهِيدٌ ﴿٩﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ فَتَنُوا۟ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا۟ فَلَهُمْ
عَذَابُ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابُ ٱلْحَرِيقِ ﴿١٠﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمْ جَنَّٰتٌ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْكَبِيرُ ﴿١١﴾
إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ ﴿١٢﴾

"Demi langit yang mempunyai bintang-bintang yang besar(1). Dan demi hari (Qiamat) yang dijanjikan(2). Dan demi saksi dan yang disaksikan(3). Binasalah pembesar-pembesar yang menggali parit(4). Iaitu parit api yang penuh dengan kayu bakar(5). Ketika mereka duduk di sekelilingnya(6). Dan mereka menyaksi pembunuhan kejam yang dilakukan mereka ke atas orang-orang yang beriman(7). Dan mereka tidak mendendami orang-orang Mu'min itu, melainkan hanya kerana mereka beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji(8). Tuhan yang memiliki kerajaan langit dan bumi, dan sesungguhnya Allah sentiasa menyaksi segala sesuatu yang berlaku(9). Sesungguhnya orang-orang yang menindas orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat, akan memperolehi 'azab Neraka Jahannam dan akan memperolehi 'azab pembakaran(10). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Itulah kejayaan yang amat besar(11). Sesungguhnya 'azab Tuhanmu itu amat dahsyat."(12).

إِنَّهُۥ هُوَ يُبْدِئُ وَيُعِيدُ ﴿١٣﴾ وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلْوَدُودُ ﴿١٤﴾
ذُو ٱلْعَرْشِ ٱلْمَجِيدُ ﴿١٥﴾ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٦﴾
هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ ٱلْجُنُودِ ﴿١٧﴾ فِرْعَوْنَ وَثَمُودَ ﴿١٨﴾
بَلِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فِى تَكْذِيبٍ ﴿١٩﴾
وَٱللَّهُ مِن وَرَآئِهِم مُّحِيطٌۢ ﴿٢٠﴾
بَلْ هُوَ قُرْءَانٌ مَّجِيدٌ ﴿٢١﴾ فِى لَوْحٍ مَّحْفُوظٍۭ ﴿٢٢﴾

"Sesungguhnya Dialah yang memulakan ciptaan dan Dialah juga yang mengulangi ciptaan(13). Dan Dialah Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang(14). Dialah yang mempunyai singgahsana yang amat agung(15). Dialah Yang Maha Kuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya(16). (Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu berita angkatan-angkatan tentera?(17). Iaitu angkatan tentera Fir'aun dan Thamud(18). Sebenarnya orang-orang yang kafir tetap mendustakan (ajaran agama yang benar)(19). Sedangkan Allah tetap mengepung dari belakang mereka(20). Sebenarnya (apa yang didustakan mereka) ialah al-Qur'an yang mulia(21). Yang tertulis di Lauh Mahfuz."(22).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah yang pendek ini membentangkan hakikat-hakikat 'aqidah Islam dan asas-asas kefahaman keimanan. Ia mengemukakan persoalan-persoalan yang amat besar yang memancarkan di sekelilingnya sinaran cahaya yang kuat dan jauh sorotannya. Ia memancarkan di belakang konsep-konsep dan hakikat-hakikat secara langsung yang diungkapkan oleh nas-nas surah ini hingga hampir-hampir setiap ayat dan kadang-kadang setiap kalimatnya membuka pintu yang menampakkan sebuah alam hakikat yang luas dan sayup saujana.

Yang menjadi pokok pembicaraan secara langsung surah ini ialah peristiwa-peristiwa pembesar-pembesar yang menggali parit. Di zaman sebelum Islam ada sekumpulan orang-orang Mu'min, yang menurut satu

pendapat, mereka adalah dari penganut-penganut Kristian yang berpegang dengan 'aqidah tauhid. Mereka telah diseksa oleh musuh-musuh mereka yang kejam dan zalim. Mereka dipaksa meninggalkan 'aqidah tauhid dan agama yang dipegang mereka, tetapi mereka enggan dan tetap mempertahankan 'aqidah mereka. Lalu pembesar-pembesar yang zalim itu menggali sebuah parit yang besar dan menyalakan api di dalamnya. Kemudian mereka campakkan kumpulan orang-orang yang beriman itu ke dalam parit ini menyebabkan mereka mati terbakar. Pembunuhan ini dilakukan di hadapan khalayak ramai yang dikerah dan dikumpulkan oleh pembesar-pembesar yang berkuasa untuk menyaksikan kematian orang-orang Mu'min yang dibunuh dengan cara yang amat dahsyat dan kejam itu. Pembesar-pembesar itu begitu terhibur dengan pemandangan pembakaran itu, iaitu pembakaran manusia-manusia yang Mu'min:

وَمَا نَقَمُوا۟ مِنْهُمْ إِلَّآ أَن يُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ﴿٨﴾

"Dan mereka tidak mendendami orang-orang Mu'min itu, melainkan semata-mata kerana mereka beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji."(8)

Surah ini dimulakan dengan sumpah:

وَٱلسَّمَآءِ ذَاتِ ٱلْبُرُوجِ ﴿١﴾ وَٱلْيَوْمِ ٱلْمَوْعُودِ ﴿٢﴾
وَشَاهِدٍ وَمَشْهُودٍ ﴿٣﴾ قُتِلَ أَصْحَٰبُ ٱلْأُخْدُودِ ﴿٤﴾

"Demi langit yang mempunyai bintang-bintang yang besar(1). Dan demi hari (Qiamat) yang dijanjikan(2). Dan demi saksi dan yang disaksikan(3). Binasalah pembesar-pembesar yang menggali parit."(4)

Surah ini menghubungkan di antara langit dan bintang-bintang yang besar, juga dengan Hari Qiamat dan kejadian-kejadiannya yang menggemparkan, juga dengan khalayak ramai yang menyaksi dan peristiwa-peristiwa yang disaksikan mereka. Ia menghubungkan di antara semuanya ini dengan peristiwa pembakaran orang-orang Mu'min dan kemurkaan Allah terhadap para pembesar yang zalim itu.

Kemudian surah ini selayang pandang menayangkan satu pemandangan yang ngeri yang membuat perasaan kita benar-benar merasakan kedahsyatan peristiwa itu tanpa memberi perincian atau penceritaan yang panjang, dan secara tidak langsung memperlihatkan kebesaran 'aqidah yang mengatasi penindasan manusia, mengatasi api dan mengatasi hayat itu sendiri, iaitu 'aqidah yang menjulang ke puncak kemuliaan yang memberi kebanggaan kepada seluruh generasi manusia, di samping memperlihatkan kekejian pembunuhan itu, iaitu pembunuhan yang penuh dengan kezaliman, keganasan dan kerendahan budi, dan seterusnya memperlihatkan keluhuran dan kesucian orang-orang Mu'min yang dibakar itu:

ٱلنَّارِ ذَاتِ ٱلْوَقُودِ ﴿٥﴾ إِذْ هُمْ عَلَيْهَا قُعُودٌ ﴿٦﴾

وَهُمْ عَلَىٰ مَا يَفْعَلُونَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ شُهُودٌ ﴿٧﴾

"Iaitu parit api yang penuh dengan kayu bakar(5). Ketika mereka duduk di sekelilingnya(6). Dan mereka menyaksi pembunuhan kejam yang dilakukan mereka ke atas orang-orang yang beriman."(7)

Selepas itu diiringi pula dengan ulasan-ulasan pendek mengenai persoalan-persoalan besar da'wah, 'aqidah dan kefahaman keimanan yang sejati.

Di sana terdapat isyarat kepada kerajaan Allah di langit dan di bumi dan kepada sifatnya yang sentiasa menyaksi dan melihat segala apa yang berlaku di langit dan di bumi:

ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ
شَهِيدٌ ﴿٩﴾

"Tuhan yang memiliki kerajaan langit dan bumi, dan sesungguhnya Allah sentiasa menyaksi segala sesuatu yang berlaku."(9)

Di sana juga terdapat isyarat kepada 'azab Neraka Jahannam dan keseksaan api yang membakar yang menunggu pembesar-pembesar yang zalim, ganas dan rendah budi dan isyarat kepada keni'matan Syurga yang merupakan kejayaan yang amat besar yang menunggu, orang-orang Mu'min yang mengutamakan 'aqidah mereka dari hayat dan sanggup diseksa dan dibakar:

إِنَّ ٱلَّذِينَ فَتَنُوا۟ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا۟ فَلَهُمْ
عَذَابُ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابُ ٱلْحَرِيقِ ﴿١٠﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمْ جَنَّٰتٌ
تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْكَبِيرُ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang menindas orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat, akan memperolehi 'azab Neraka Jahannam dan akan memperolehi 'azab pembakaran(10). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Itulah kejayaan yang amat besar."(11)

Di sana terdapat pula isyarat kepada 'azab Allah yang amat dahsyat yang telah menciptakan manusia dan membangkitkannya semula, selepas mati:

إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ ﴿١٢﴾ إِنَّهُۥ هُوَ يُبْدِئُ وَيُعِيدُ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya 'azab Tuhanmu itu amat dahsyat(12). Sesungguhnya Dialah yang memulakan ciptaan dan Dialah juga yang mengulangi ciptaan."(13)

Isyarat ini merupakan satu hakikat yang ada hubungan secara langsung dengan nyawa orang-orang Mu'min yang dibunuh di dalam peristiwa-peristiwa itu dan menyorotkan cahayanya yang jauh di sebalik peristiwa itu.

Selepas itu ayat yang berikut mengemukakan beberapa sifat Allah S.W.T., dan setiap sifat itu mengandungi maksud yang tertentu:

وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلْوَدُودُ ﴿١٤﴾

"Dan Dialah Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(14)

Maksudnya, Allah Maha Pengampun kepada orang-orang yang bertaubat dari dosa- dosa dan kesalahan mereka biarpun bagaimana besar dan keji. Dan Allah itu Maha Penyayang kepada para hamba-Nya yang telah memilih-Nya dari segala sesuatu. Kasih sayang yang dikemukakan di sini merupakan ubat yang mujarrab untuk menyembuhkan kudis-kudis dari akibat peristiwa itu.

ذُو ٱلْعَرْشِ ٱلْمَجِيدُ ﴿١٥﴾ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٦﴾

"Dialah yang mempunyai singgahsana yang amat agung(15). Dialah Yang Maha Kuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya." (16)

Sifat-sifat ini menggambarkan kekuasaan dan iradat Allah yang mutlak, dan semuanya mempunyai hubungan dengan peristiwa itu dan menyorotkan cahaya-cahaya yang jauh di sebalik peristiwa itu.

Kemudian diiringi pula dengan isyarat-isyarat sepintas lalu kepada tindakan-tindakan Allah yang telah diambilnya terhadap kuasa-kuasa yang zalim yang mempunyai senjata-senjata yang lengkap:

هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ ٱلْجُنُودِ ﴿١٧﴾ فِرْعَوْنَ وَثَمُودَ ﴿١٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu berita angkatan-angkatan tentera?(17). Iaitu angkatan tentera Fir'aun dan Thamud."(18)

Kebinasaan kedua-dua kaum itu merupakan dua kebinasaan yang berlainan dari segi bentuk dan kesannya, dan menyorotkan di sebalik keduanya cahaya-cahaya yang jauh bersama peristiwa parit api itu.

Pada akhirnya, dijelaskan kedudukan orang-orang kafir dan kepungan Allah yang ketat terhadap mereka, sedangkan mereka tidak sedar:

بَلِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فِى تَكْذِيبٍ ﴿١٩﴾
وَٱللَّهُ مِن وَرَآئِهِم مُّحِيطٌۢ ﴿٢٠﴾

"Sebenarnya orang-orang yang kafir tetap mendustakan (ajaran agama yang benar)(19). Sedangkan Allah tetap mengepung dari belakang mereka."(20)

Akhir sekali ia menjelaskan hakikat Al-Qur'an dan keteguhan sumbernya:

بَلْ هُوَ قُرْءَانٌ مَّجِيدٌ ﴿٢١﴾ فِى لَوْحٍ مَّحْفُوظٍۭ ﴿٢٢﴾

"Sebenarnya (apa yang didustakan mereka) ialah Al-Qur'an yang mulia(21). Yang tertulis di Lauh Mahfuz."(22)

Ayat ini membayangkan bahawa segala apa yang dijelaskan oleh Al-Qur'an itu merupakan kata-kata pemutus dan kata-kata rujukan yang muktamad di dalam segala urusan dan persoalan.

Inilah pandangan-pandangan intipati dari sorotan-sorotan surah ini dan bidang-bidang persoalannya yang luas sebagai pendahuluan bagi sorotan-sorotan yang terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

وَٱلسَّمَآءِ ذَاتِ ٱلْبُرُوجِ ﴿١﴾

"Demi langit yang mempunyai bintang-bintang yang besar." (1)

Sebelum menyentuh peristiwa parit api, surah ini memulakan dengan sumpah:

وَٱلسَّمَآءِ ذَاتِ ٱلْبُرُوجِ ﴿١﴾

"Demi langit yang mempunyai bintang-bintang yang besar."(1)

Pengertian Al-Buruj

Kata-kata البروج boleh diertikan dengan jirim-jirim bintang yang besar seolah-olah bangunan istana-istana langit yang besar yang dibinakan Allah sebagaimana firman-Nya:

وَٱلسَّمَآءَ بَنَيْنَٰهَا بِأَيْي۟دٍ وَإِنَّا لَمُوسِعُونَ ﴿٤٧﴾

"Dan langit itu Kami binakannya dengan kekuatan-kekuatan dan sesungguhnya Kami mempunyai kekuasaan yang amat luas."

(Surah az-Zariat: 47)

Dan seperti firman-Nya:

ءَأَنتُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَمِ ٱلسَّمَآءُ ۚ بَنَىٰهَا ﴿٢٧﴾

"Adakah kamu lebih sukar diciptakan atau langit lebih sukar dibinakan?"

(Surah an-Naazi'aat: 27)

Dan البروج juga boleh diertikan dengan tempat-tempat peredaran bintang yang dilaluinya dalam masa perkelilingannya. Ia merupakan lingkungan peredaran tetap yang dilingkari bintang-bintang tanpa melewatinya semasa beredar di langit. Isyarat kepada tempat-tempat peredaran itu menyarankan kebesaran dan keagungan, dan itulah yang dimaksudkan di dalam suasana itu.

وَٱلْيَوْمِ ٱلْمَوْعُودِ ﴿٢﴾

"Dan demi hari (Qiamat) yang dijanjikan."(2)

Hari Yang Ditunggu Seluruh Manusia

Maksudnya ialah Hari Qiamat yang menamatkan seluruh peristiwa dunia dan menyelesaikan seluruh kira-kira kehidupan dunia. Itulah hari yang dijanjikan

Allah, dan pada hari itu Ia berjanji akan menghisabkan amalan-amalan manusia dan memberi balasannya yang setimpal, dan seluruh orang-orang yang bersengketa dan berguam di dunia ditangguhkan untuk menghadapi pengadilan-Nya pada hari ini. Itulah hari yang agung yang ditunggu-tunggu oleh semua manusia untuk melihat bagaimana berakhirnya segala perkara.

وَشَاهِدٖ وَمَشۡهُودٖ ٣

"Dan demi saksi dan yang disaksikan."(3)

Hari Seluruh Manusia Sekaligus Menjadi Saksi Dan Orang-orang Disaksikan

Pada hari itu dibentangkan segala amalan dan dihadirkan seluruh makhluk. Dan seluruh mereka sekaligus menjadi orang-orang yang .disaksi dan orang-orang yang menjadi saksi. Seluruh mereka mengetahui segala-galanya, dan segala-galanya terbuka dan terdedah kepada segala hati dan mata tanpa dilindungi suatu apa pun.

Pemandangan langit yang mempunyai jirim-jirim bintang yang besar dan pemandangan Hari Qiamat dengan orang-orang yang disaksi dan orang-orang yang menjadi saksi..... semuanya bertemu dan berkumpul untuk melontarkan bayangan perhatian dan keperihatinan, bayangan perhimpunan manusia yang ramai dan bersesak-sesak ke atas suasana yang akan dibentangkan peristiwa parit api selepas itu. Ayat ini juga menyarankan betapa luasnya bidang di mana diletakkan peristiwa itu dan ditimbangkan hakikatnya serta diselesaikan Hisabnya. Bidang ini lebih luas dari ruang bumi dan lebih jauh dari usia hidup di dunia yang terbatas itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 7)

Setelah digambarkan suasana peristiwa ini dan dibukakan bidangnya, barulah dijelaskan peristiwa itu dengan penjelasan yang ringkas.

Gambaran peristiwa itu dimulai dengan perisytiharan kemurkaan Allah terhadap penggali-penggali parit api itu:

قُتِلَ أَصۡحَٰبُ ٱلۡأُخۡدُودِ ٤

"Binasalah pembesar-pembesar yang menggali parit."(4)

Kemurkaan Allah Terhadap Orang-orang Yang Menindas Orang-orang Yang Beriman

Ayat ini membayangkan kemurkaan Allah terhadap perbuatan yang kejam dan terhadap orang-orang yang bertanggungawab melakukan perbuatan itu, Ia menunjukkan betapa kejinya perbuatan itu hingga menimbulkan kemurkaan Allah Yang Maha Sabar yang mengancam mereka dengan kebinasaan dan pembunuhan balas.

Kemudian dijelaskan keadaan parit yang digali itu:

ٱلنَّارِ ذَاتِ ٱلۡوَقُودِ ٥

"Iaitu parit api yang penuh dengan kayu bakar."(5)

Maksudnya, mereka menggali parit dan menyalakan api di dalamnya sehingga seluruh parit itu menjadi api. Ia membayangkan betapa dahsyatnya kemarakan api dan julangannya.

Binasalah penggali-penggali parit itu dan mereka memang wajar menerima kemurkaan dan kemarahan itu, kerana sikap mereka yang selamba ketika melakukan dosa dan jenayah itu:

إِذۡ هُمۡ عَلَيۡهَا قُعُودٞ ٦

وَهُمۡ عَلَىٰ مَا يَفۡعَلُونَ بِٱلۡمُؤۡمِنِينَ شُهُودٞ ٧

"Ketika mereka duduk di sekelilingnya(6). Dan mereka menyaksi pembunuhan kejam yang dilakukan mereka ke atas orang-orang yang beriman."(7)

Ayat ini menggambarkan sikap mereka dan pemandangan ketika mereka menyalakan api dan men-campakkan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan ke dalam api itu, sedangkan mereka duduk di tempat itu menyaksi peristiwa penyeksaan yang kejam itu dari dekat, mereka melihat peringkat-peringkat perkembangan penyeksaan itu, dan melihat bagaimana api itu menjilat badan-badan mangsanya. Mereka menonton dengan penuh kelazatan dan kegila-gilaan, seolah-olah mereka mahu menerapkan pemandangan yang kejam ini di dalam hati mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 9)

Pemerintah Yang Zalim Menganggap Keimanan Sebagai Jenayah

Orang-orang Mu'min yang dibakar itu tidak melakukan apa-apa dosa:

وَمَا نَقَمُواْ مِنۡهُمۡ إِلَّآ أَن يُؤۡمِنُواْ بِٱللَّهِ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡحَمِيدِ ٨

ٱلَّذِي لَهُۥ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ شَهِيدٌ ٩

"Dan mereka tidak mendendami orang-orang Mu'min itu, melainkan hanya kerana mereka beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Terpuji(8). Tuhan yang memiliki kerajaan langit dan bumi, dan sesungguhnya Allah sentiasa menyaksi segala sesuatu yang berlaku."(9)

Inilah satu-satunya kesalahan mereka, iaitu kerana mereka beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa yang berkuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya.

Maksud dari sifat الحميد atau Maha Terpuji ialah Allah itu wajar menerima kepujian dan sanjungan dalam semua keadaan. Allah tetap terpuji dengan zat-Nya sendiri walaupun Ia tidak dipuji oleh orang-orang yang jahil. Dialah yang wajar dipercayai dan disembah, Dialah Tuhan Yang Tunggal yang

menguasai kerajaan langit dan bumi, Dialah yang menyaksikan segala sesuatu, dan Dialah yang menyaksikan apa yang telah berlaku kepada orang-orang Mu'min dan apa yang telah dilakukan oleh penggali-penggali parit itu. Penerangan ini mententeramkan hati orang-orang Mu'min dan mengancam pembesar-pembesar yang ganas dan bermaharajalela itu. Allah sentiasa menyaksi, dan cukuplah Allah sendiri menjadi saksi.

Tamatlah riwayat peristiwa parit api itu di dalam beberapa ayat yang pendek yang membuat kita penuh dengan perasaan benci dan jijik terhadap keganasan perbuatan itu, dan terhadap kekejaman orang-orang yang tergamak melakukannya, di samping merangsangkan hati kita merenung dan meneliti apa yang ada di sebalik peristiwa itu, dan memikirkan betapa beratnya peristiwa itu dalam pertimbangan Allah, dan betapa hebatnya kemarahan dan kemurkaan-Nya. Tetapi perkara ini tidak tamat setakat ini sahaja, malah di belakangnya terdapat ekoran yang lebih jauh dalam perkiraan Allah.

Biar Mati Berputih Tulang, Asalkan 'Aqidah Selamat

Demikianlah tamatnya kisah peristiwa pembunuhan kejam yang membuat hati kita dipenuhi perasaan kagum terhadap kehebatan iman yang mengalahkan penindasan dan penyeksaan terhadap kekuatan 'aqidah yang mengatasi nyawa dan terhadap kebebasan jiwa dari segala belenggu keinginan jasmani dan dari daya tarikan hidup di bumi. Orang-orang Mu'min yang terbunuh itu memang dapat menyelamatkan nyawa mereka apabila mereka memilih kekalahan dari keimanan, tetapi andainya mereka berbuat begitu, betapa besar kerugian diri mereka di dunia sebelum Akhirat! Betapa besar kerugian seluruh manusia! Betapa besarnya kerugian mereka kerana membunuh konsep yang agung itu iaitu konsep kekerdilan hidup tanpa 'aqidah dan konsep kejelikan hidup tanpa kebebasan dan konsep kerendahan dan kemunduran hidup apabila pemerintah-pemerintah yang zalim menguasai jiwa manusia setelah mereka menguasai tubuh badan mereka. Itulah konsep yang amat mulia dan luhur. Itulah keuntungan yang dicapai mereka semasa berada di bumi ini lagi. Itulah keuntungan yang dicapai mereka apabila api menjilat dan membakar tubuh badan mereka dan apabila konsep yang luhur yang, dibakar api itu telah mendapat kemenangan.

Setelah itu diterangkan pula Hisab dan Balasan yang disediakan Allah untuk mereka dan untuk musuh-musuh mereka yang kejam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 11)

Kehidupan Dunia Bukan Pengembaraan Terakhir

إن الذين فتنوا المؤمنين والمؤمنات ثم لم يتوبوا فلهم
عذاب جهنم ولهم عذاب الحريق ﴿١٠﴾
إن الذين ءامنوا وعملوا الصالحات لهم جنات
تجري من تحتها الأنهار ذلك الفوز الكبير ﴿١١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang menindas orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat, akan memperolehi 'azab Neraka Jahannam dan akan memperolehi 'azab pembakaran(10). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Itulah kejayaan yang amat besar."(11)

Apa yang berlaku di bumi dan di dalam kehidupan dunia ini bukanlah peristiwa penamat dan bukanlah pengembaraan terakhir. Lanjutannya akan datang dan balasan yang adil yang memberi penyelesaian di antara orang-orang Mu'min dan orang-orang yang zalim akan tiba. Ini adalah suatu keputusan yang tetap akan berlaku seperti yang dijelaskan oleh Allah:

إن الذين فتنوا المؤمنين والمؤمنات ثم لم يتوبوا

"Sesungguhnya orang-orang yang menindas orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat."(10)

Maksudnya, orang-orang yang menimpakan bala bencana ke atas orang-orang Mu'min sama ada lelaki atau perempuan dan meneruskan hidup mereka di dalam kesesatan dan penyelewengan tanpa menyesali dosa-dosa yang dilakukan mereka.

ثم لم يتوبوا فلهم عذاب جهنم ولهم عذاب الحريق ﴿١٠﴾

"Kemudian mereka tidak bertaubat, akan memperolehi 'azab Neraka Jahannam dan akan memperolehi 'azab pembakaran."(10)

Kebakaran Di Dunia Dan Kebakaran Di Akhirat

Di sini Allah menentukan 'azab الحريق (pembakaran), walaupun pengertian ini dapat difaham dari 'azab Neraka Jahannam, namun disebutkannya juga supaya selaras dan, sesuai dengan pembakaran api di dalam parit dengan menggunakan lafaz yang sama yang menunjukkan kejadian pembakaran itu, tetapi tentulah amat jauh perbezaan di antara kepanasan dan kelamaan masa api dalam parit dengan api di dalam Neraka. Pembakaran di dunia berlaku dengan api yang dinyalakan oleh manusia, tetapi pembakaran di Akhirat berlaku dengan api yang dinyalakan Tuhan Pencipta. Pembakaran di dunia hanya berlangsung beberapa detik kemudian berakhir, tetapi pembakaran di Akhirat berlangsung berabad-abad yang hanya Tuhan sahaja yang mengetahuinya. Di

sebalik pembakaran di dunia ialah keredhaan Allah kepada orang-orang Mu'min dan kemenangan kepada konsep kemanusiaan yang mulia, sementara di sebalik pembakaran di Akhirat ialah kemurkaan Allah dan kejatuhan insan yang amat rendah dan keji.

Kemuncak Kejayaan Ialah Memenangi Syurga

Kemudian keredhaan Allah dan ni'mat-Nya yang melimpah-ruah ke atas orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang salih digambarkan dengan balasan Syurga:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمْ جَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْكَبِيرُ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih akan memperolehi Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Itulah kejayaan yang amat besar."(11)

Itulah keselamatan yang hakiki iaitu kejayaan yang amat besar, kerana keselamatan dari 'azab Akhirat merupakan kejayaan, dan kemuncak kejayaan ialah Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai.

Ayat penamat ini merupakan penamat yang hakiki bagi perjuangan itu. Itulah hakikat dari penjelasan yang pertama mengenai peristiwa parit api supaya hakikat ini tertanam di dalam hati sekumpulan kecil orang-orang yang beriman di negeri Makkah pada masa itu, juga tertanam di dalam hati setiap kelompok yang beriman yang menghadapi penindasan di sepanjang abad.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 12 – 18)

'Azab Dari Allah Lebih Besar Dari 'azab Manusia

Kemudian diiringi pula dengan penjelasan-penjelasan yang bertalu-talu:

إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya 'azab Tuhanmu itu amat dahsyat."(12)

Penjelasan hakikat 'azab Allah yang amat dahsyat di tempat ini adalah sesuai dengan peristiwa parit api yang memperlihatkan tindakan kekerasan yang kecil dan kerdil, tetapi disangkakan oleh pembesar-pembesar dan manusia di bumi sebagai satu tindakan yang amat dahsyat, sedangkan yang sebenarnya tindakan dan 'azab yang amat dahsyat itu tindakan dan 'azab dari Allah Yang Maha Berkuasa yang memiliki kerajaan langit dan bumi, bukannya tindakan dan 'azab dari manusia yang lemah yang hanya menguasai kawasan bumi yang terbatas dalam jangka waktu yang terbatas pula.

Ayat ini memperlihatkan hubungan yang mesra di antara Rasulullah s.a.w. dan Allah yang berfirman:

إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ

"Sesungguhnya 'azab Tuhanmu...."(12)

Yakni Tuhan yang disembah olehmu, Tuhan yang menjadi sandaranmu dan yang engkau percayakan kepada pertolongan-Nya. Hubungan dengan Tuhanmu ini amat bererti ketika orang-orang Mu'min diseksa dan dianiayai oleh orang-orang kafir.

إِنَّهُۥ هُوَ يُبْدِئُ وَيُعِيدُ ﴿١٣﴾

"Sesungguhnya Dialah yang memulakan ciptaan dan Dialah juga yang mengulangi ciptaan."(13)

Ciptaan Pertama Dan Ciptaan Ulangan Berlaku Setiap Masa

Walaupun pengertian umum ciptaan pertama dan ciptaan ulangan itu ditujukan kepada ciptaan di alam dunia dan ciptaan di alam Akhirat, namun kedua-duanya merupakan peristiwa-peristiwa yang berlaku di setiap sa'at sama ada malam atau siang. Dalam setiap detik terdapat ciptaan baru, dan dalam setiap detik juga terdapat ciptaan ulangan atau ciptaan semula bagi sesuatu yang reput dan mati. Seluruh kejadian alam sentiasa membaharu dan sentiasa musnah. Dalam bayangan kegiatan ciptaan baru dan ciptaan semula yang terus menerus berlangsung itu, maka peristiwa parit api dan akibat-akibatnya yang lahir kelihatan sebagai satu persoalan sementara sahaja mengikut realiti persoalan itu dan mengikut hakikat perencanaan Allah. Ia merupakan permulaan bagi ulangan atau ulangan bagi permulaan dalam gerak alam yang sentiasa berputar.

وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلْوَدُودُ ﴿١٤﴾

"Dan Dialah Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang." (14)

Sifat keampunan ini berkaitan dengan firman-Nya sebelum ini:

ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا۟

"Kemudian mereka tidak bertaubat."(10)

Darjat Kasih Mesra Dari Allah Kepada Hamba Sukar Diungkapkan Dengan Pena

Keampunan merupakan rahmat dan limpah kurnia yang tidak terbatas. Ia merupakan pintu yang terbuka, yang tidak tertutup kepada siapa yang ingin pulang ke pangkal jalan dan bertaubat, walaupun dosa dan maksiatnya amat besar. Sementara sifat kesayangan pula mempunyai hubungan dengan pendirian orang Mu'min yang mengutamakan Allah di atas segala-galanya. Kesayangan itu ialah kasih mesra yang lemah-lembut. Apabila Allah mengangkatkan para hamba yang cintakan-Nya ke suatu martabat yang menyukarkan mata pena untuk mendiskripsikannya jika tidak ia dikurniakan Allah, iaitu martabat persahabatan di antara Tuhan dan hamba. Itulah darjat kasih mesra dari Allah kepada hamba-hamba kesayangan-Nya yang Mukarrabin. Apakah ertinya nyawa yang dikorbankan oleh orang-orang Mu'min itu sedangkan nyawa itu sendiri lambat-laun akan hilang juga. Dan apakah ertinya 'azab keseksaan yang dialami mereka sedangkan 'azab itu hanya sebentar

sahaja? Apakah ertinya 'azab keseksaan di samping setitis kemesraan yang dikurniakan Allah dan sekilas pandang kasih sayang-Nya?

Ada abdi-abdi di bumi yang dimiliki manusia bersedia untuk mencampakkan diri mereka ke dalam kebinasaan kerana sepatah kata perangsang yang keluar dari mulut tuanmasnya, atau kerana satu pandangan tanda gembira terbayang pada wajahnya. Inilah kasih sayang di antara hamba dengan hamba, maka bagaimana pula dengan para hamba Allah yang mendapat kasih sayang dari Allah Yang Maha Pemurah, iaitu Allah:

ذُو ٱلْعَرْشِ ٱلْمَجِيدُ ﴿١٥﴾

"Yang mempunyai singgahsana yang amat agung"(15)

Untuk Mendapat Keredhaan Allah Persoalan Nyawa Menjadi Kecil

Yang Maha Tinggi, Maha Penguasa, Maha Mulia, dan Maha Pemurah? Tidakkah nyawa dan 'azab keseksaan menjadi perkara kecil? Tidakkah segala sesuatu yang mahal dan disayangi itu menjadi perkara kecil untuk mendapatkan keredhaan Allah Yang Maha Penyayang dan yang memiliki singgahsana yang agung itu?

فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٦﴾

"Dialah Yang Maha Kuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya."(16)

Kehendak Dan Tindakan Allah Yang Bebas

Inilah sifat Allah yang banyak menjadi kenyataan dan sentiasa bertindak. Dia mempunyai iradat yang bebas, Dia memilih apa yang disukai-Nya. Dia membuat apa yang dikehendaki-Nya. Dia selama-lamanya begitu dan itulah sifat-Nya. Sekali Dia mahukan orang-orang Mu'min mencapai kemenangan di bumi ini kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki-Nya, dan sekali pula Dia mahukan keimanan mengatasi malapetaka penindasan dan mahukan tubuh badan yang fana itu terkorban kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki-Nya. Dan sekali pula Dia mahu bertindak terus membinasakan manusia-manusia yang zalim di bumi, dan sekali pula Dia mahu menangguhkan balasan terhadap mereka sehingga tiba Hari Qiamat yang dijanjikan itu kerana suatu hikmat yang tertentu yang direalitikan di dunia di sini dan di Akhirat sana mengikut perencanaan-Nya yang tersusun rapi.

Ini adalah sebahagian dari tindakan-tindakan Allah yang bebas mengikut kehendak dan iradat-Nya yang sesuai dengan peristiwa parit api dan sesuai dengan cerita kebinasaan kaum Fir'aun dan Thamud pada ayat yang akan datang. Hakikat iradat dan qudrat Allah yang bebas di sebalik peristiwa-peristiwa, di sebalik kehidupan dan di sebalik alam itu akan terus bertindak di alam buana ini.

Dia melakukan apa yang disukai-Nya dan sebagai contohnya ialah tindakan-Nya terhadap kaum Fir'aun dan Thamud:

هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ ٱلْجُنُودِ ﴿١٧﴾ فِرْعَوْنَ وَثَمُودَ ﴿١٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Sudahkah sampai kepadamu berita angkatan-angkatan tentera?(17) Iaitu angkatan tentera Fir'aun dan Thamud."(18)

Tindakan Allah Terhadap Kaum Fir'aun Dan Thamud

Ayat ini menunjukkan dua cerita yang panjang yang telah dimaklumi umum setelah sekian banyak disebut di dalam Al-Qur'anul-Karim. Al-Qur'an menamakan mereka **"angkatan-angkatan tentera"** (الجنود) untuk menggambarkan kekuatan dan kelengkapan mereka. Adakah sampai kepadamu cerita mereka? Bagaimana Allah bertindak terhadap mereka mengikut apa yang dikehendaki-Nya?

Ini merupakan dua kisah yang berlainan dari segi bentuk dan akibatnya. Adapun kisah Fir'aun, maka Allah telah membinasakannya bersama bala tenteranya dan Allah menyelamatkan Bani Israel serta mengukuhkan kekuasaan mereka di bumi untuk satu jangka waktu bagi melaksanakan salah satu dari perencanaan dan iradat-Nya. Sementara kisah Thamud pula, Allah telah membinasakan seluruh mereka dan menyelamatkan Nabi Soleh a.s. bersama segolongan kecil orang-orang yang beriman, tetapi mereka tidak diberikan kekuasaan dan pemerintahan, malah semata-mata dikurniakan keselamatan dari kejahatan orang-orang kafir sahaja.

Itulah dua contoh kebebasan kehendak dan iradat Allah, dan dua bentuk da'wah kepada Allah dengan kemungkinan-kemungkinannya yang diduga, di samping kemungkinannya yang ketiga yang telah berlaku dalam peristiwa parit api. Dan semua cerita ini dibentangkan kepada sekumpulan kecil orang-orang Mu'min di Makkah dan kepada setiap generasi dari generasi-generasi orang-orang Mu'min.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 22)

Tabi'at Orang Kafir Tetap Mendustakan Agama Allah

Pada akhirnya datanglah dua penjelasan yang kuat dan tegas dan setiap penjelasan itu merupakan ketetapan dan kata pemutus atau hukuman yang akhir:

بَلِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فِى تَكْذِيبٍ ﴿١٩﴾
وَٱللَّهُ مِن وَرَآئِهِم مُّحِيطٌۢ ﴿٢٠﴾
بَلْ هُوَ قُرْءَانٌ مَّجِيدٌ ﴿٢١﴾ فِى لَوْحٍ مَّحْفُوظٍۭ ﴿٢٢﴾

"Sebenarnya orang-orang yang kafir tetap mendustakan (ajaran agama yang benar)(19). Sedangkan Allah tetap mengepung dari belakang mereka(20). Sebenarnya (apa

yang didustakan mereka) ialah al-Qur'an yang mulia(21). Yang tertulis di Lauh Mahfuz."(22)

Memanglah hakikat dan keadaan orang-orang kafir itu sentiasa berada dalam kegiatan mendustakan agama yang benar pagi dan petang:

وَٱللَّهُ مِن وَرَآئِهِم مُّحِيطُۢ ﴿٢٠﴾

"Sedangkan Allah tetap mengepung di belakang mereka."(20)

Tiada Yang Lebih Mulia Dari Wahyu Allah

Sedangkan mereka tidak sedar bahawa mereka dilingkungi oleh kuasa dan ilmu Allah. Mereka adalah lebih lemah dari tikus-tikus yang dikepung banjir yang besar.

بَلْ هُوَ قُرْءَانٌ مَّجِيدٌ ﴿٢١﴾ فِى لَوْحٍ مَّحْفُوظٍۭ ﴿٢٢﴾

"Sebenarnya (apa yang didustakan mereka) ialah Al-Qur'an yang mulia(21). Yang tertulis di Lauh Mahfuz."(22)

Maksudnya, adakah lagi yang lebih mulia, lebih tinggi dan lebih luhur dari firman Allah Yang Maha Besar? Al-Qur'an itu tertulis dalam Lauh Mahfuz. Kita tidak tahu hakikat Lauh Mahfuz, kerana ia dari urusan alam ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Kita hanya dapat memahami dan bayangan ayat ini dan dan dari ilham yang ditinggalkan dalam hati kita bahawa Al-Qur'an tetap terpelihara kukuh. Keterangannya merupakan sumber rujukan muktamad dari segala perkara yang dibicarakannya. Segala kata-kata yang lain akan hilang, hanya kata-kata Al-Qur'an sahaja yang terkawal dan terpelihara.

Al-Qur'an telah pun memberi penjelasannya tentang peristiwa parit api dan hakikat yang wujud di sebaliknya, dan penjelasannya itu merupakan penjelasan yang muktamad.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AT-TARIQ

SURAH KE

86

سُورَةُ الطَّارِقِ

SURAH AT-TARIQ

Surah Yang Muncul Di Waktu Malam

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

17

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَٱلسَّمَآءِ وَٱلطَّارِقِ ١

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا ٱلطَّارِقُ ٢ ٱلنَّجۡمُ ٱلثَّاقِبُ ٣

إِن كُلُّ نَفۡسٖ لَّمَّا عَلَيۡهَا حَافِظٞ ٤

فَلۡيَنظُرِ ٱلۡإِنسَٰنُ مِمَّ خُلِقَ ٥

خُلِقَ مِن مَّآءٖ دَافِقٖ ٦

يَخۡرُجُ مِنۢ بَيۡنِ ٱلصُّلۡبِ وَٱلتَّرَآئِبِ ٧

إِنَّهُۥ عَلَىٰ رَجۡعِهِۦ لَقَادِرٞ ٨ يَوۡمَ تُبۡلَى ٱلسَّرَآئِرُ ٩

فَمَا لَهُۥ مِن قُوَّةٖ وَلَا نَاصِرٖ ١٠

وَٱلسَّمَآءِ ذَاتِ ٱلرَّجۡعِ ١١

وَٱلۡأَرۡضِ ذَاتِ ٱلصَّدۡعِ ١٢

إِنَّهُۥ لَقَوۡلٞ فَصۡلٞ ١٣ وَمَا هُوَ بِٱلۡهَزۡلِ ١٤

إِنَّهُمۡ يَكِيدُونَ كَيۡدٗا ١٥ وَأَكِيدُ كَيۡدٗا ١٦

فَمَهِّلِ ٱلۡكَٰفِرِينَ أَمۡهِلۡهُمۡ رُوَيۡدَۢا ١٧

"Demi langit dan demi yang muncul di waktu malam(1). Tahukah engkau apakah yang muncul di waktu malam itu?(2). Itulah bintang terang yang menembusi (kegelapan malam)(3). Tiada suatu jiwa melainkan diawasi penjaganya(4). Dan hendaklah manusia melihat dari bahan apakah ia diciptakan?(5). Ia diciptakan dari air mani yang memancut(6). Yang keluar dari antara tulang sulbi lelaki dan tulang dada perempuan(7). Sesungguhnya Allah itu amat berkuasa untuk menghidupkan manusia kembali(8). Pada hari diperiksa segala isi hati(9). Maka ketika itu manusia tidak lagi mempunyai sebarang kekuatan dan tidak pula mempunyai penolong(10). Demi langit yang mempunyai hujan(11). Dan demi bumi yang mempunyai tumbuh-tumbuhan(12). Sesungguhnya (penjelasan Al-Qur'an itu) ialah kata pemutus(13). Dan bukannya kata-kata senda gurau(14). Sesungguhnya mereka (para Musyrikin) itu membuat berbagai-bagai rancangan yang jahat(15). Dan Aku juga mengaturkan berbagai-bagai rancangan (balas)(16). Oleh itu, (wahai Muhammad)! Berilah tempoh kepada orang-orang kafir itu, iaitu berikan tempoh yang sebentar kepada mereka"(17).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Tersebut dalam mukadimah Juzu' 'Amma bahawa surah-surahnya merupakan ketukan-ketukan yang bertubi-tubi pada pintu hati manusia iaitu ketukan-ketukan yang kuat dan lantang, juga jeritan-jeritan untuk membangkitkan mereka yang sedang tidur nyenyak. Ketukan dan jeritan-jeritan itu bertalu-talu dengan nada yang satu dan dengan amaran yang satu. "Sedarlah, bangkitlah, lihatlah, berpalinglah, berfikirlah, dan perhatikanlah bahawa di sana ada Tuhan, di sana ada pentadbiran dan perencanaan Ilahi, ada ujian, di sana ada tanggungjawab, di sana ada Hisab dan ada Balasan dan di sana ada 'azab yang dahsyat dan ada ni'mat yang besar."

Surah ini merupakan satu contoh yang jelas dari sifat-sifat Juzu' 'Amma itu. Pada senikata ayat-ayatnya terdapat paluan yang keras yang sesuai dengan jenis pemandangan, jenis irama, bunyi kata-kata dan saranan makna-maknanya. Di antara pemandangan-pemandangannya ialah bintang yang muncul di waktu malam, bintang yang cahayanya menembusi angkasa raya, air mani yang memancut, hujan yang turun dan tumbuh-tumbuhan yang tumbuh. Di antara persoalannya ialah pengawasan Allah di atas setiap jiwa.

إِن كُلُّ نَفۡسٖ لَّمَّا عَلَيۡهَا حَافِظٞ ٤

"Tiada suatu jiwa melainkan diawasi penjaganya."(4)

Dan di antara persoalannya lagi ialah menafikan adanya kekuatan dan penolong (yang dapat membantu seseorang pada Hari Qiamat):

يَوۡمَ تُبۡلَى ٱلسَّرَآئِرُ ٩

فَمَا لَهُۥ مِن قُوَّةٖ وَلَا نَاصِرٖ ١٠

"Pada hari diperiksa segala isi hati(9). Maka ketika itu manusia tidak lagi mempunyai sebarang kekuatan dan tidak pula mempunyai penolong."(10)

.... dan seterusnya ialah persoalan keseriusan Al-Qur'an:

إِنَّهُۥ لَقَوۡلٞ فَصۡلٞ ﴿١٣﴾ وَمَا هُوَ بِٱلۡهَزۡلِ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya (penjelasan Al-Qur'an itu) ialah kata pemutus(13). Dan bukannya kata-kata senda gurau."(14)

Amaran-amarannya juga membawa sifat serius yang sama:

إِنَّهُمۡ يَكِيدُونَ كَيۡدٗا ﴿١٥﴾ وَأَكِيدُ كَيۡدٗا ﴿١٦﴾

فَمَهِّلِ ٱلۡكَٰفِرِينَ أَمۡهِلۡهُمۡ رُوَيۡدَۢا ﴿١٧﴾

"Sesungguhnya mereka (para Musyrikin) itu membuat berbagai-bagai rancangan yang jahat(15). Dan Aku juga mengaturkan berbagai-bagai rancangan (balas)."(16) Oleh itu, (wahai Muhammad!) Berilah tempoh kepada orang-orang kafir itu, iaitu berikan tempoh yang sebentar kepada mereka."(17)

Surah ini juga hampir-hampir mengandungi persoalan-persoalan yang diterangkan dalam mukadimah Juzu' 'Amma ini iaitu persoalan kewujudan Allah, persoalan pentadbirdn dan perencanaan Ilahi, persoalan ujian dan tanggungjawab, persoalan Hisab, Balasan dan sebagainya.

Di antara pemandangan-pemandangan alam dan hakikat-hakikat persoalan yang diperkatakan dalam surah ini terdapat keserasian yang sempurna, halus dan jelas yang dapat dilihat dalam pembentangan surah ini iaitu dalam penjelasannya yang indah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

Bintang-bintang Terang Menembusi Kegelapan Angkasa Raya

وَٱلسَّمَآءِ وَٱلطَّارِقِ ﴿١﴾

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا ٱلطَّارِقُ ﴿٢﴾ ٱلنَّجۡمُ ٱلثَّاقِبُ ﴿٣﴾

إِن كُلُّ نَفۡسٖ لَّمَّا عَلَيۡهَا حَافِظٞ ﴿٤﴾

"Demi langit dan demi yang muncul di waktu malam(1). Tahukah engkau apakah yang muncul di waktu malam itu?(2). Itulah bintang terang yang menembusi (kegelapan malam)(3). Tiada suatu jiwa melainkan diawasi penjaganya."(4)

Bahagian ini mengandungi satu pemandangan alam dan satu hakikat keimanan. Ia dimulakan dengan menyebut langit dan bintang yang muncul di waktu malam, kemudian diiringi dengan pertanyaan biasa dalam pengungkapan Al-Qur'an.

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا ٱلطَّارِقُ ﴿٢﴾

"Tahukah engkau apakah yang muncul di waktu malam itu?"(2)

Pertanyaan ini merupakan seolah-olah perkara yang dibicarakan itu di luar kefahaman dan pengetahuan manusia. Kemudian ia menjelaskannya dengan menyalakan bentuk rupanya:

ٱلنَّجۡمُ ٱلثَّاقِبُ ﴿٣﴾

"Itulah bintang terang yang menembusi (kegelapan malam)."(3)

Maksudnya, bintang-bintang itu menembusi kegelapan langit dengan cahayanya yang terang. Sifat ini sesuai dengan jenis bintang itu. Dan dari nas ini tidak dapat ditentukan jenis bintang itu, dan penentuan yang seperti itu tidak perlu, malah lebih baik dikekalkan dengan pengertiannya yang umum dengan makna, "demi langit dan demi bintang-bintangnya yang menembusi kegelapan malam, yang meredah dinding-dinding gelap yang melindungi segala-galanya" dan isyarat ini melahirkan saranannya di sekitar hakikat-hakikat surah dan pemandangan-pemandangannya yang lain yang akan diterangkan kemudian.

Allah bersumpah dengan langit dan bintang-bintangnya yang terang dan mengemukakan hakikat **"bahawa setiap jiwa"** itu diawasi oleh penjaga-penjaganya dengan perintah Allah.

Setiap Jiwa Manusia Di Bawah Pengawasan Yang Rapi

إِن كُلُّ نَفۡسٖ لَّمَّا عَلَيۡهَا حَافِظٞ ﴿٤﴾

"Tiada suatu jiwa melainkan diawasi penjaganya."(4)

Dalam ungkapan ini terdapat satu penegasan yang kuat iaitu tiada satu jiwa pun melainkan ada penjaga yang mengawasi, memerhati dan memeliharanya. Ia ditugas dengan perintah Allah supaya menjaganya. Allah menyebut **"jiwa"**, kerana jiwalah tempat simpanan rahsia dan fikiran manusia dan pada jiwa juga dihubungkan amalan dan balasan.

Di sana tidak ada kacau-bilau dan keadaan tidak menentu. Manusia yang hidup di bumi ini tidak dibiarkan bebas lepas tanpa penjaga. Mereka tidak dilepaskan begitu sahaja dalam liku-liku kehidupan tanpa pengawal. Mereka tidak ditinggalkan bebas boleh berbuat apa sahaja tanpa pengawasan, malah kegiatan hidup mereka dirakamkan dengan teliti dan Hisab amalan mereka kelak adalah diasaskan di atas catatan-catatan yang hemat dan secara langsung.

Ayat-ayat ini melepaskan saranan-saranan yang hebat yang membuat seseorang itu merasa bahawa dia selama-lamanya tidak keseorangan, dan andainya ia seorangan ia akan diawasi oleh penjaganya. Di sana ada pengawas yang memerhatinya apabila ia berada seorang diri atau jauh dari segala mata atau berada di tempat yang aman dari lalu lintas. Di sana tetap ada

penjaga dan pemerhati yang dapat mengoyakkan segala penutup dan menembus segala yang tersembunyi sama seperti cahaya bintang yang dapat menembusi tabir kegelapan malam. Ciptaan Allah itu serupa sahaja sama ada pada jiwa manusia atau pada kejadian-kejadian yang lain di merata pelusuk alam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 7)

Pendedahan Asal-usul Kejadian Manusia

Setelah menyentuh hakikat yang menghubungkan jiwa manusia dengan alam, maka Allah menyentuh pula hakikat perencanaan dan pentadbirannya iaitu hakikat yang dimuliakannya dengan sumpah demi langit dan demi bintang yang muncul di waktu malam. Asal mula kejadian manusia itulah yang menunjukkan hakikat pentadbiran ini, dan menyarankan bahawa manusia tidak dibiarkan sia-sia dan percuma:

فَلْيَنظُرِ ٱلْإِنسَٰنُ مِمَّ خُلِقَ ﴿٥﴾
خُلِقَ مِن مَّآءٍ دَافِقٍ ﴿٦﴾
يَخْرُجُ مِنۢ بَيْنِ ٱلصُّلْبِ وَٱلتَّرَآئِبِ ﴿٧﴾

"Dan hendaklah manusia melihat dari bahan apakah ia diciptakan?(5). Ia diciptakan dari air mani yang memancut(6). Yang keluar dari antara tulang sulbi lelaki dan tulang dada perempuan." (7)

Rangkaian Tulang Belakang Lelaki Dan Tulang Dada Perempuan Merupakan Sumber Mani Yang Melahirkan Manusia

Hendaklah manusia melihat dari bahan apakah ia diciptakan Allah, dan kepada rupa apakah ia membentuk? Ia diciptakan dari air mani yang memancut keluar dari antara tulang sulbi lelaki dan tulang dada perempuan. Yakni ia diciptakan dari air yang terkumpul dari tulang sulbi lelaki iaitu rangkaian tulang belakangnya dan dari tulang dada perempuan, iaitu tulang dadanya bahagian atas. Dahulu asal-usul kejadian manusia merupakan satu rahsia yang tersembunyi dalam pengetahuan Allah dan tidak diketahui manusia sehingga sampai separuh akhir abad ini barulah hakikat ini diketahui oleh pengetahuan sains moden, iaitu baru diketahui bahawa di dalam rangkaian tulang-tulang belakang itulah terjadinya air mani lelaki dan di dalam tulang-tulang dada perempuan bahagian atas itulah pula terjadinya air mani perempuan, dan kedua-duanya bertemu di dalam rahim dan dalam keduanya terbentuk manusia.

Perjalanan yang amat jauh di antara titik mula kejadian dengan titik akhir terbentuknya manusia, di antara air yang memancut dari antara tulang sulbi lelaki dan tulang dada perempuan dengan terbentuknya manusia yang mempunyai akal fikiran dan susunan-susunan anggota, saraf, akal dan jiwa yang canggih. Perjalanan yang amat jauh ini yang dilalui air mani yang memancut hingga terbentuknya manusia yang berakal itu menunjukkan adanya tangan qudrat Ilahi yang di luar tubuh manusia yang menolak air mani yang tidak mempunyai sebarang bentuk rupa, sebarang iradat dan sebarang kuasa itu ke jalan pengembaraan yang amat jauh sehingga akhirnya sampai kepada rupa bentuk manusia yang ada ini, di samping menunjukkan adanya pemelihara yang ditugaskan Allah supaya menjaga nutfah yang belum mempunyai rupa, akal, kemahuan dan qudrat kuasa dalam pengembaraannya yang amat jauh dan aneh itu. Keanehan kejadian manusia di peringkat ini berkali-kali ganda lebih menakjubkan dari keanehan-keanehan yang ditempuh manusia dari sejak lahirnya sehingga matinya.

Perjalanan Sel Benih Lelaki Dan Perempuan Yang Disenyawakan

Sel tunggal benih lelaki dan perempuan yang telah berkahwin atau bersenyawa itu hampir-hampir tidak dapat dilihat dengan teropong mikroskop. Berjuta-juta sel terdapat dalam satu pancutan. Sebaik sahaja makhluk seni yang tidak punya rupa, akal, kuasa dan kemahuan ini mengambil tempatnya di dalam rahim, ia terus bekerja mencari makanan. Ia telah dibekalkan oleh qudrat Ilahi yang memeliharanya dengan satu sifat pemakan dan dengan sifat ini ia mengubahkan dinding rahim di sekelilingnya kepada tasik darah cair yang disediakan sebagai makanan segar. Dan setelah mendapat bekalan makanannya yang tetap, ia terus memulakan proses yang baru iaitu proses perubahan umum (mitosis) sel yang berterusan, dan dari proses inilah lahirnya sel-sel baru yang banyak.

Fungsi Kelompok-kelompok Sel

Makhluk seni yang tidak punya rupa, akal, kuasa dan qudrat ini adalah cukup tahu apa yang ia mahu dan apa yang ia harus lakukan, kerana ia telah dibekalkan oleh qudrat Ilahi yang memeliharanya dengan bimbingan hidayat, pengetahuan, kuasa dan kemahuan yang membolehkannya mengenal jalannya. Makhluk seni ini telah ditugaskan supaya ia menentukan setiap kelompok sel-sel yang baru itu untuk membina satu anggota tertentu dari anggota-anggota tubuh badan manusia itu. Satu kelompok bekerja untuk membina rangka badan, satu kelompok bekerja untuk membina sistem otot, satu kelompok lagi bekerja untuk membina sistem saraf dan satu kelompok yang lain bekerja untuk membina sistem penghadaman dan begitulah seterusnya tiap-tiap kelompok itu membina anggota-anggota asasi dari tubuh badan manusia. Tetapi kerja-kerja itu bukanlah semudah ini. Ia memerlukan pengkhususan yang amat halus. Setiap tulang, setiap otot dan setiap saraf itu tidak sama dengan tulang-tulang, otot-otot dan saraf-saraf yang lain, kerana bangunan tubuh badan manusia itu amat halus pertukangannya, amat aneh

susunannya dan mempunyai bermacam-macam tugas dan fungsi.

Oleh itu, setiap kelompok sel yang bekerja untuk membina sesuatu anggota yang tertentu itu harus belajar membahagikan kelompok mereka kepada kumpulan-kumpulan ikhtisas yang bertugas melakukan kerja tertentu dalam bidang pembinaan anggota tertentu yang diserahkan kepadanya dalam rangka usaha menegakkan bangunan tubuh yang besar itu. Setiap sel yang seni itu masing-masing tahu jalannya, tahu ke mana ia harus pergi dan tahu kerja yang halus dilaksanakannya. Tiada satu sel yang tersalah jalan dalam kawasan pembinaan yang amat luas itu. Sel-sel yang ditugaskan untuk membuat mata adalah cukup tahu bahawa letak mata itu ialah di bahagian muka dan tidak mungkin di bahagian perut atau di tapak kaki atau di lengan walaupun di tempat-tempat ini mata boleh subur. Andainya sel pertama yang ditugas untuk membuat mata itu diambil dan ditanam pada tempat-tempat ini nescaya ia akan tetap membuat mata di situ, tetapi sel itu sendiri dari mula lagi menuju ke tempat yang ditentukan untuk diletakkan mata dalam sistem tubuh badan manusia yang canggih itu. Siapakah yang berkata kepada sel itu bahawa tubuh badan manusia itu memerlukan mata diletakkan di tempat ini bukan di tempat yang lain? Itulah Allah Pemelihara Yang Maha Agung yang menyelenggara, mengarah, menunjuk dan membimbingkan sel-sel itu ke tempatnya masing-masing dalam kawasan pembinaan yang amat luas itu di mana tiada pemandu yang berkuasa memandu di sana melainkan Allah.

Siapakah Yang Menggariskan Fungsi-fungsi Sel Yang Teratur Rapi?

Setiap sel sama ada bersendirian atau berkelompok adalah bekerja dalam bidang yang digariskan oleh kumpulan unit yang tertentu dari unit-unit yang tersembunyi dalam sel-sel itu, iaitu unit-unit warisan yang menjaga dan menyimpan daftar bangsa dan sifat-sifat datuk nenek. Sel mata yang berpecah-pecah atau berubah-ubah dan bertambah banyak untuk membentuk mata itu berusaha semasa ia bekerja untuk menjaga dan memelihara satu rupa bentuk mata yang tertentu dan sifat-sifat mata yang tertentu yang menentukan mata itu mata manusia bukannya mata haiwan yang lain, atau menentukan mata itu serupa dengan mata datuk neneknya yang mempunyai bentuk rupa dan sifat-sifat yang tertentu. Sebarang penyelewengan dalam reka bentuk mata itu, baik dari segi rupa bentuk atau dari segi sifat-sifatnya, akan menyimpang dari garis yang dipelankan. Siapakah mewujudkan daya kuasa ini pada sel-sel itu? Siapakah yang mengajar sel-sel itu melaksanakan fungsi-hingsi itu, sedangkan sel-sel itu sendiri tidak mempunyai akal fikiran, tidak mempunyai kemahuan dan kuasa? Itulah Allah S.W.T. Dialah yang telah mengajar sel-sel itu melaksanakan fungsi-fungsi yang tidak dapat dilaksanakan oleh seluruh manusia andainya mereka ditugas untuk mereka bentuk dan membuat sebiji mata atau sebahagian dari mata, sedangkan satu sel yang tunggal atau beberapa sel yang tidak punya apa-apa itu dapat melaksanakan tugas yang besar itu.

Di sebalik pemandangan sepintas lalu dari gambaran-gambaran pengembaraan yang amat jauh dan aneh di antara titik permulaan air mani yang memancut dengan titik akhir terbentuknya seorang manusia yang berakal itu terdapat berbagai-bagai keanehan pada sifat-sifat peralatan-peralatan dan anggota tubuh badan yang tidak terdaya oleh kita untuk mengisahkan semuanya di dalam tafsir ini. Seluruhnya menunjukkan bahawa di sebaliknya ada perencanaan dan pentadbiran dan qudrat Ilahi yang menjaga, memelihara, menunjuk dan membantunya, di samping menjelaskan hakikat yang pertama setelah ia bersumpah dengan langit dan bintang sebagai persediaan untuk menjelaskan hakikat yang kedua iaitu hakikat kewujudan alam Akhirat yang diingkari kaum Musyrikin yang ditujukan surah ini kepada mereka bagi pertama kali.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 10)

Tanpa Kebangkitan Semula Nilai Kejadian Manusia Yang aneh Dan Canggih Akan Menjadi Sia-sia

إِنَّهُۥ عَلَىٰ رَجۡعِهِۦ لَقَادِرٌ ﴿٨﴾ يَوۡمَ تُبۡلَى ٱلسَّرَآئِرُ ﴿٩﴾
فَمَا لَهُۥ مِن قُوَّةٖ وَلَا نَاصِرٖ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Allah itu amat berkuasa untuk menghidupkan manusia kembali(8). Pada hari diperiksa segala isi hati(9). Maka ketika itu manusia tidak lagi mempunyai sebarang kekuatan dan tidak pula mempunyai penolong."(10)

Tuhan yang mencipta dan memelihara manusia itulah juga yang berkuasa menghidupkannya kembali selepas mati atau memulihkannya hidup kembali selepas reput dan hancur. Kelahiran dan penciptaan pertama manusia membuktikan kekuasaan Allah, di samping membuktikan perencanaan dan pentadbiran-Nya. Oleh itu, penciptaan manusia yang amat halus dan hikmat penciptaannya itu akan hilang sia-sia sahaja andainya tidak ada Hari Kebangkitan semula untuk diperiksa segala isi hatinya dan untuk dibalas amalan mereka dengan balasan yang setimpal:

يَوۡمَ تُبۡلَى ٱلسَّرَآئِرُ ﴿٩﴾

"Pada hari diperiksa segala isi hati."(9)

Pada Hari Pengadilan Di Akhirat, Hati Dan Jiwa Terdedah Bogel

Maksudnya, pada hari itu diperiksa segala rahsia hati yang terpendam dan tersembunyi. Pada hari itu, hati-hati akan diperiksa dan terdedah segala rahsianya. Andainya cahaya bintang dapat menembusi kegelapan malam dan andainya malaikat penjaga yang mengawasi manusia itu dapat menembusi jiwa manusia yang tertutup, begitulah

juga hati manusia akan ditembusi untuk diperiksa pada Hari Qiamat kelak, di mana manusia tidak mempunyai sebarang kekuatan dan penolong, iaitu tidak mempunyai kekuatan dari dalam dirinya sendiri dan tidak pula mempunyai mana-mana penolong dari luar dirinya. Keadaan terdedah dari segala sesuatu yang melindunginya dan keadaan kekosongan dari segala kekuatan menambahkan kedahsyatan situasi dan memberi kesan yang amat mendalam ketika ia berpindah dari pembicaraan mengenai alam dan jiwa kepada pembicaraan mengenai kejadian manusia dan pengembaraannya yang aneh menuju kesudahan perjalanan hidupnya di Akhirat, di sana segala rahsia hatinya terbuka dan terdedah, dan di sana ia tidak mempunyai sebarang kekuatan dan penolong.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 14)

Barangkali masih ada saki-baki keraguan yang melekat di dalam hati yang meragukan kepastian berlakunya Qiamat itu, kerana itu Allah memberi penegasan yang sekuat-kuatnya bahawa firman-Nya ini adalah kata-kata pemutus. Di sini sekali lagi Al-Qur'an menghubungkan firman Allah dengan pemandangan-pemandangan alam sebagaimana dilakukan di bahagian awal surah ini:

وَٱلسَّمَآءِ ذَاتِ ٱلرَّجۡعِ ﴿١١﴾

وَٱلۡأَرۡضِ ذَاتِ ٱلصَّدۡعِ ﴿١٢﴾

إِنَّهُۥ لَقَوۡلٞ فَصۡلٞ ﴿١٣﴾ وَمَا هُوَ بِٱلۡهَزۡلِ ﴿١٤﴾

"Demi langit yang mempunyai hujan(11). Dan demi bumi yang mempunyai tumbuh-tumbuhan(12). Sesungguhnya (penjelasan Al-Qur'an itu) ialah kata pemutus(13). Dan bukannya kata-kata senda gurau."(14)

Kata-kata الرجع ialah hujan yang turun berulang-ulang kali dari langit dan kata-Kata الصدع ialah tumbuh-tumbuhan terus membelah tanah dan muncul membesar. Kedua-duanya merupakan satu pemandangan kehidupan dalam salah satu gambarannya iaitu pemandangan kehidupan tumbuh-tumbuhan dan titik mula kejadiannya. Pemandangan air hujan yang mencurah dari langit, pemandangan tumbuh-tumbuhan yang membelah tanah hampir sama dengan pemandangan air mani yang memancut keluar dari antara tulang sulbi lelaki dan tulang dada perempuan, dan hampir sama dengan pemandangan bayi yang muncul dari dalam rahim yang gelap-gelita. Hidup tetap hidup, pemandangan tetap pemandangan dan gerak tetap gerak. Itulah peraturan yang tetap yang membuktikan adanya Pencipta yang tiada tolok bandingnya sama ada dari segi hakikat ciptaan atau dari segi rupa bentuknya yang lahir.

Pemandangan itu hampir sama dengan pemandangan bintang yang muncul di waktu malam, yang cahayanya menembusi tabir-tabir angkasa raya, begitu juga ia hampir sama dengan pemandangan hati yang diperiksa dan dibuka tabir-tabir rahsianya. Semuanya itu merupakan satu ciptaan yang sama yang membuktikan pencipta yang sama.

Penjelasan Allah Mengenai Kebangkitan Manusia Adalah Satu Penjelasan Yang Muktamad

Allah bersumpah dengan dua makhluk dan dua peristiwa ini iaitu peristiwa langit yang menurunkan hujan dan peristiwa bumi yang mencetuskan tumbuh-tumbuhan. Kedua-dua pemandangan itu juga saranan dan nada pengungkapannya membayangkan kekuatan, kepastian dan ketegasan. Allah bersumpah bahawa firman-Nya ini yang menjelaskan bahawa manusia akan dibangkitkan kembali dan rahsia hati mereka akan diperiksa atau bersumpah bahawa Al-Qur'an umumnya merupakan kata-kata pemutus, bukannya kata-kata yang bercampuraduk dengan senda gurau. Ia merupakan kata-kata pemutus yang menamatkan segala pertikaian dan segala keraguan. Ia merupakan kata-kata penamat yang tiada lagi sebarang kata-kata selepasnya. Kata-kata yang tegas ini disaksikan oleh ketegasan langit yang menurunkan hujan dan ketegasan bumi yang menumbuhkan tumbuh-tumbuhan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 17)

Rasulullah Dan Orang-orang Mu'min Diseru Bersabar Menghadapi Angkara Tipu Daya Musuh

Di bawah bayangan ketegasan kata-kata pemutus yang menjelaskan kebangkitan semula dan pemeriksaan hati manusia itu, Allah menghadapkan firman-Nya kepada Rasulullah s.a.w. Ketika itu beliau bersama-sama dengan segelintir pengikutnya yang Mu'min sedang menghadapi ancaman tipu daya kaum Musyrikin dan komplot-komplot mereka yang jahat terhadap da'wah dan para Mu'minin. Kaum Musyrikin tidak berhenti-henti merancangkan tindakan-tindakan jahat terhadap da'wah dan mengadakan berbagai-bagai cara untuk menentangnya. Tetapi di waktu inilah Allah menghadapkan firman-Nya kepada Rasulullah s.a.w. supaya berdiri teguh dan bertenang, supaya memandang kecil kepada ancaman tipu daya kaum Musyrikin itu dan menganggapkannya sebagai sementara sahaja, kerana teraju perjuangan berada di tangan Allah dan kepimpinan-Nya. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. dan para Mu'minin diseru supaya bersabar dan bertenang:

Mereka Merancang Tipu Daya, Allah Merancang Tindak Balas

إِنَّهُمۡ يَكِيدُونَ كَيۡدٗا ﴿١٥﴾ وَأَكِيدُ كَيۡدٗا ﴿١٦﴾

"Sesungguhnya mereka (para Musyrikin) itu membuat berbagai-bagai rancangan yang jahat(15). Dan Aku juga mengaturkan berbagai-bagai rancangan (balas)." (16)

Orang-orang yang membuat berbagai-bagai rancangan jahat itu ialah manusia-manusia yang dijadikan dari air mani yang memancut, yang keluar dari antara tulang sulbi lelaki dan tulang dada perempuan, iaitu sel-sel yang tidak punya daya dan kekuatan, tidak punya kuasa dan kemahuan, tidak punya ilmu pengetahuan dan hidayat, iaitu manusia-manusia yang dijaga dan dipelihara Allah dalam pengembaraan mereka yang jauh dan akan dibangkitkan kembali selepas mati untuk diperiksa segala rahsia hati mereka, dan pada hati itu mereka tidak mempunyai sebarang kekuatan dan penolong. **"Mereka membuat berbagai-bagai rancangan jahat"** dan Aku sebagai Tuhan Pencipta, Penunjuk, Pemelihara, Pengarah, Penghidup kembali dan sebagai Tuhan Yang Maha Berkuasa, Yang Maha Perkasa dan sebagai Tuhan yang menciptakan langit dan bintang yang muncul di waktu malam, yang menciptakan air mani yang memancut dan manusia yang berakal, menciptakan langit yang menurunkan air hujan dan bumi yang menumbuhkan tumbuh-tumbuhan, Allah akan turut mengatur berbagai-bagai rancangan balas.

Jika di sana merancang tipu angkara, di sini juga merancang tindakan balas, maka itulah erti pertarungan, tetapi pertarungan itu pada hakikatnya adalah pertarungan sepihak sahaja walaupun ia digambarkan dua pihak untuk tujuan mengejek dan menyenda-nyendakan mereka.

فَمَهِّلِ ٱلْكَٰفِرِينَ أَمْهِلْهُمْ رُوَيْدًۢا ﴿١٧﴾

"Oleh itu, (wahai Muhammad)! Berilah tempoh kepada orang-orang kafir itu, iaitu berikan tempoh yang sebentar kepada mereka."(17)

Penentang-penentang Agama Allah Diberi Tempoh Untuk Menghabiskan Sisa-sisa Hidup Dunia

Maksudnya, janganlah engkau gopoh dan janganlah engkau merasa lambat menunggu tamatnya perjuangan itu, kerana engkau sendiri telah melihat sifat dan hakikat perjuangan itu. Ada hikmat di sebalik tempoh yang sebentar itu, tempoh itu memang sebentar sahaja walaupun menghabisi usia hidup di dunia, kerana apalah ertinya usia hidup dunia jika dibandingkan dengan abad-abad Akhirat yang tidak diketahui batas panjangnya.

Kita dapat perhatikan dalam ungkapan ini bagaimana mesranya Allah mengambil hati Rasul-Nya:

فَمَهِّلِ ٱلْكَٰفِرِينَ أَمْهِلْهُمْ رُوَيْدًۢا ﴿١٧﴾

"Oleh itu, (wahai Muhammad)! Berilah tempoh kepada orang-orang kafir itu, iaitu berikan tempoh yang sebentar kepada mereka."(17)

Cara Allah Mengambil Hati Rasulullah

Pengungkapan ini seolah-olah Rasulullah s.a.w. itulah yang memiliki urusan perjuangan dan perintah itu, seolah-olah dialah yang berhak memberi tempoh kepada mereka atau yang bersetuju memberi tempoh itu kepada mereka. Sedangkan yang sebenarnya Rasulullah tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam urusan ini. Itu hanya satu cara mesra untuk mengambil hati Rasulullah s.a.w., iaitu cara mencampurkan keinginan Rasulullah s.a.w. dengan iradat Tuhannya, cara membabitkan Rasulullah s.a.w. dalam urusan itu seolah-olah ia mempunyai kuasa di dalamnya, cara menghapuskan pagar-pagar perbezaan di antara Rasulullah s.a.w. dengan kehendak Ilahiyah yang berkuasa menentu dan memutuskan urusan itu. Seolah-olah Allah berkata kepadanya "engkau diberi kuasa terhadap mereka, tetapi berikan mereka tempoh yang sebentar." itulah cara mengambil hati yang lemah-lembut dan penuh mesra untuk menghapuskan kesusahan dan penderitaannya menghadapi tindakan-tindakan yang jahat. Semuanya hancur belaka, dan yang kekal dan tinggal ialah kemesraan dan kasih sayang.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-A'LA

SURAH KE

87

سُورَةُ الأَعْلَى

SURAH AL-A'LA

Surah Allah Yang Maha Tinggi

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

19

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

سَبِّحِ ٱسْمَ رَبِّكَ ٱلْأَعْلَى ﴿١﴾ ٱلَّذِى خَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٢﴾
وَٱلَّذِى قَدَّرَ فَهَدَىٰ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِىٓ أَخْرَجَ ٱلْمَرْعَىٰ ﴿٤﴾
فَجَعَلَهُۥ غُثَآءً أَحْوَىٰ ﴿٥﴾ سَنُقْرِئُكَ فَلَا تَنسَىٰٓ ﴿٦﴾
إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۚ إِنَّهُۥ يَعْلَمُ ٱلْجَهْرَ وَمَا يَخْفَىٰ ﴿٧﴾
وَنُيَسِّرُكَ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٨﴾ فَذَكِّرْ إِن نَّفَعَتِ ٱلذِّكْرَىٰ ﴿٩﴾
سَيَذَّكَّرُ مَن يَخْشَىٰ ﴿١٠﴾ وَيَتَجَنَّبُهَا ٱلْأَشْقَى ﴿١١﴾
ٱلَّذِى يَصْلَى ٱلنَّارَ ٱلْكُبْرَىٰ ﴿١٢﴾
ثُمَّ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ ﴿١٣﴾
قَدْ أَفْلَحَ مَن تَزَكَّىٰ ﴿١٤﴾ وَذَكَرَ ٱسْمَ رَبِّهِۦ فَصَلَّىٰ ﴿١٥﴾
بَلْ تُؤْثِرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿١٦﴾
وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ﴿١٧﴾
إِنَّ هَٰذَا لَفِى ٱلصُّحُفِ ٱلْأُولَىٰ ﴿١٨﴾
صُحُفِ إِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ ﴿١٩﴾

"Tasbihkanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi(1). Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan (terhadap setiap makhluk) dan memberi bimbingan kepadanya(3). Dan yang mengeluarkan tumbuh-tumbuhan(4). Kemudian Ia jadikan tumbuh-tumbuhan (yang hijau) itu kering hitam kekuning-kuningan(5). (Wahai Muhammad!) Kami akan bacakan Al-Qur'an kepadamu, oleh itu, engkau tidak akan lupa(6). Kecuali apa yang dikehendaki Allah. Sesungguhnya Ia mengetahui segala yang nyata dan segala yang tersembunyi(7). Dan Kami akan memberi kepadamu taufiq ke jalan yang mudah(8). Oleh itu, berilah peringatan kerana peringatan itu berguna(9). Orang yang takut kepada Allah akan menerima peringatan itu(10).Dan orang yang paling celaka akan menjauhinya(11). Dia yang akan memasuki api Neraka yang amat besar(12). Kemudian di sana Ia tidak mati dan tidak pula hidup(13). Sesungguhnya beruntunglah orang yang telah membersihkan dirinya(14). Dan sentiasa menyebut nama Tuhannya dan mendirikan solat(15). Tetapi kamu mengutamakan kehidupan dunia(16). Sedangkan kehidupan Akhirat itu lebih baik dan lebih kekal(17). Sesungguhnya hakikat ini tercatat di dalam kitab-kitab suci yang terdahulu(18). Iaitu kitab-kitab suci yang dikurniakan kepada Ibrahim dan Musa."(19).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Kesukaan Rasulullah

Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dari al-Imam 'Ali Karramallahu wajhahu bahawa Rasulululllah s.a.w. kasihkan surah (سبح اسم ربك الأعلى) dan tersebut di dalam Sahih Muslim bahawa beliau membaca (سبح اسم ربك الأعلى) dan (هل أتاك حديث الغاشية) di dalam solat dua hari raya dan hari Juma'at, dan beliau juga membaca kedua-dua surah itu untuk sembahyang hari raya dan sembahyang Juma'at yang jatuh pada hari Juma'at.

Memang wajar bagi Rasulullah s.a.w. menyintai surah ini, kerana surah ini menukarkan seluruh alam menjadi sebuah tempat ibadat di mana bergema ucapan tasbih dan tahmid di seluruh sudutnya, dan menjadi sebuah tempat pameran yang penuh dengan kejadian-kejadian yang mengilhamkan tasbih dan tahmid:

سَبِّحِ ٱسْمَ رَبِّكَ ٱلْأَعْلَى ﴿١﴾ ٱلَّذِى خَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٢﴾
وَٱلَّذِى قَدَّرَ فَهَدَىٰ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِىٓ أَخْرَجَ ٱلْمَرْعَىٰ ﴿٤﴾
فَجَعَلَهُۥ غُثَآءً أَحْوَىٰ ﴿٥﴾

"Tasbihkanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi(1). Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan (terhadap setiap makhluk) dan memberi bimbingan kepadanya(3). Dan yang mengeluarkan tumbuh-tumbuhan(4). Kemudian Ia jadikan tumbuh-tumbuhan (yang hijau) itu kering hitam kekuning-kuningan."(5)

Irama surah yang lembut ini melahirkan bayangan ucapan tasbih yang bergema jauh.

Memang wajar bagi Rasulullah s.a.w. menyintai surah ini yang telah membawa berita-berita gembira kepada beliau mengenai suatu perkara yang amat besar. Tuhannya telah berfirman kepadanya ketika beliau diperintah menyampaikan da'wah dan peringatan:

سَنُقۡرِئُكَ فَلَا تَنسَىٰٓ ﴿٦﴾
إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُۚ إِنَّهُۥ يَعۡلَمُ ٱلۡجَهۡرَ وَمَا يَخۡفَىٰ ﴿٧﴾
وَنُيَسِّرُكَ لِلۡيُسۡرَىٰ ﴿٨﴾ فَذَكِّرۡ إِن نَّفَعَتِ ٱلذِّكۡرَىٰ ﴿٩﴾

"(Wahai Muhammad!) Kami akan bacakan Al-Qur'an kepadamu, oleh itu, engkau tidak akan lupa(6). Kecuali apa yang dikehendaki Allah. Sesungguhnya Ia mengetahui segala yang nyata dan segala yang tersembunyi(7). Dan Kami akan memberi kepadamu taufiq ke jalan yang mudah(8). Oleh itu, berilah peringatan kerana peringatan itu berguna."(9)

Di dalam ayat ini Allah memberi jaminan bahawa Ia akan terus memelihara hati Rasulullah s.a.w. supaya tetap mengingati Al-Qur'an, dan ia akan mengangkatkan keberatan tugas itu dari bahu beliau. Allah juga berjanji untuk memberikan kepadanya taufiq ke jalan yang mudah dan berjaya di dalam segala urusan da'wah. Inilah perkara yang amat besar.

Memang wajar bagi Rasulullah s.a.w. menyintai surah ini, kerana ia mengandungi asas-asas kepercayaan yang kukuh, iaitu kepercayaan tauhid terhadap Tuhan Pencipta, kepercayaan tentang adanya wahyu dari Allah, kepercayaan tentang adanya balasan di Akhirat. Inilah asas-asas 'aqidah yang pokok, kemudian 'aqidah ini dihubungkan pula dengan akar umbinya yang menjalar jauh dalam liku-liku zaman silam:

إِنَّ هَٰذَا لَفِي ٱلصُّحُفِ ٱلۡأُولَىٰ ﴿١٨﴾
صُحُفِ إِبۡرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya hakikat ini tercatat di dalam kitab-kitab suci yang terdahulu(18). Iaitu kitab-kitab suci yang dikurniakan kepada Ibrahim dan Musa."(19)

Di samping itu ayat ini juga menggambarkan tabi'at 'aqidah Islam, tabi'at rasul yang menyampaikan 'aqidah itu dan tabi'at umat yang memikulnya iaitu tabi'at keselesaan dan toleransi setiap ayatnya yang terdapat di bawahnya berbagai-bagai saranan dan di belakangnya terdapat berbagai-bagai bidang yang amat jauh jangkauannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

سَبِّحِ ٱسۡمَ رَبِّكَ ٱلۡأَعۡلَى ﴿١﴾ ٱلَّذِي خَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٢﴾
وَٱلَّذِي قَدَّرَ فَهَدَىٰ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِيٓ أَخۡرَجَ ٱلۡمَرۡعَىٰ ﴿٤﴾
فَجَعَلَهُۥ غُثَآءً أَحۡوَىٰ ﴿٥﴾

"Tasbihkanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi(1). Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan (terhadap setiap makhluk) dan memberi bimbingan kepadanya(3). Dan yang mengeluarkan tumbuh-tumbuhan(4). Kemudian Ia jadikan tumbuh-tumbuhan (yang hijau) itu kering hitam kekuning-kuningan."(5)

Pembukaan dengan ungkapan-ungkapan yang lembut ini ialah untuk melepaskan dari awal-awal gema-gema ucapan tasbih, di samping konsep tasbih. Sifat-sifat Allah yang disebut selepas diperintah bertasbih itu iaitu:

سَبِّحِ ٱسۡمَ رَبِّكَ ٱلۡأَعۡلَى ﴿١﴾ ٱلَّذِي خَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٢﴾
وَٱلَّذِي قَدَّرَ فَهَدَىٰ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِيٓ أَخۡرَجَ ٱلۡمَرۡعَىٰ ﴿٤﴾
فَجَعَلَهُۥ غُثَآءً أَحۡوَىٰ ﴿٥﴾

"Yang Maha Tinggi yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang, dan yang menentukan perencanaan, dan memberi petunjuk, yang mengeluarkan rumput (untuk ternakan), kemudian ia jadikan rumput (yang hijau itu) kering hitam kekuning-kuningan."(1 -5)

Sifat-sifat itu menukarkan seluruh alam ini kepada sebuah tempat ibadat yang penuh dengan gema tasbih dan sebuah pameran yang penuh dengan kesan-kesan Allah Pencipta Yang Maha Kreatif:

ٱلَّذِي خَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٢﴾ وَٱلَّذِي قَدَّرَ فَهَدَىٰ ﴿٣﴾

"Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan (terhadap setiap makhluk) dan memberi bimbingan kepadanya."(3)

Yang dimaksudkan dengan tasbih ialah memuji, menyanjung tinggi, membersihkan Allah dari segala sifat yang kurang dan menghadirkan konsep sifat-sifat Allah Yang Maha indah serta hidup di tengah-tengah pancaran cahaya pengertian-pengertiannya yang indah, jelas, berwarna-warni dan menghayati citarasa dengan sepenuh hati dan perasaan. Tasbih bukan semata-mata mengulang-ngulangkan ucapan Subhanallah sahaja, malah ia merupakan satu ucapan yang melepaskan ke dalam hati suatu pengertian dan suatu keadaan yang sukar digambarkan dengan kata-kata, tetapi dapat dirasa dan dikecapi oleh minda. Ia menyarankan hidup bersama pancaran pengertian-pengertian yang jelas dan berwarna-warni yang terbit dari mengingati konsep-konsep nama-nama Allah.

Pengertian Sifat-sifat Ar-Rab Dan Al-A'la

Sifat Allah yang pertama yang disebut di dalam ayat ini ialah sifat الرب dan sifat الأعلى. Ar-Rabb (الرب)bererti pemelihara, pengasuh dan pelindung. Bayangan dari sifat Allah yang lemah-lembut ini adalah selaras dengan suasana surah ini, sesuai dengan berita-berita gembira yang terkandung di dalamnya dan seimbang dengan irama kata-katanya yang lembut. Sifat Allah Yang Maha Tinggi itu melepaskan keinginan di hati untuk menjelajah seluruh pelusuk alam yang tidak terhingga di samping melepaskan jiwa supaya bertasbih dan terus bertasbih memuji Allah sepanjang masa. Sifat Allah Yang Maha Tinggi itu seimbang dengan suasana memuji, menyanjung tinggi dan membersihkan Allah dari sifat yang rendah, kerana perbuatan memuji dan menyanjung tinggi adalah pada pokoknya lahir dari perasaan insaf terhadap sifat Allah Yang Maha Tinggi.

سَبِّحِ ٱسْمَ رَبِّكَ ٱلْأَعْلَى ﴿١﴾

"Tasbihkanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi."(1)

Asal Bacaan Sujud Dan Ruku'

Ayat ini pada mulanya ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. Ia merupakan perintah yang disampaikan kepada beliau dari Tuhannya. Pengertian kata-kata ayat ini begitu lembut dan begitu mesra yang tidak terungkap. Biasanya apabila Rasulullah s.a.w. membaca perintah ini (سبح اسم ربك الأعلى), beliau terus membalasnya sebelum beliau teruskan bacaannya dengan ucapan:

سبحان ربي الأعلى

"Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi."

Beliau membalas begitu seolah-olah beliau sedang berada di hadapan Tuhannya menerima perintah itu secara langsung dari-Nya. Kemudian perintah itu terus dijunjungnya dengan penuh mesra. Apabila turun ayat ini beliau bersabda:

اجعلوها في سجودكم

"Jadikanlah bacaan ini di dalam sujud kamu."

Dan ketika turun ayat yang berikut sebelum ayat tadi:

فسبح باسم ربك العظيم

"Tasbihkanlah nama Tuhanmu Yang Maha besar."

beliau bersabda:

اجعلوها في ركوعكم

"Jadikanlah bacaan ini di dalam ruku' kamu."

Ucapan tasbih yang dibacakan di dalam ruku' dan sujud itu merupakan satu ucapan yang hidup yang dihubungkan dengan solat yang hidup supaya menjadi sambutan secara langsung kepada perintah Allah, atau dengan kata-kata yang lebih halus, sambutan kepada keizinan Allah secara langsung yang membenarkan para hamba-Nya bertahmid dan bertasbih kepada-Nya kerana keizinan itu merupakan salah satu limpah kurnia-Nya kepada mereka. Ia merupakan keizinan yang membolehkan mereka membuat perhubungan dengan Allah dalam bentuk yang dapat difaham oleh fikiran manusia yang terbatas, iaitu satu bentuk perhubungan yang memberi peluang kepada manusia mengenal zat Allah menerusi sifat-sifat-Nya dalam batas yang dapat difahamkan mereka. Setiap keizinan yang diberikan kepada para hamba supaya membuat hubungan dengan Allah dalam apa bentuk sekalipun merupakan satu penghormatan dan limpah kurnia-Nya kepada mereka:

سَبِّحِ ٱسْمَ رَبِّكَ ٱلْأَعْلَى ﴿١﴾ ٱلَّذِى خَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٢﴾

وَٱلَّذِى قَدَّرَ فَهَدَىٰ ﴿٣﴾

"Tasbihkanlah nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi(1). Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan (terhadap setiap makhluk) dan memberi bimbingan kepadanya."(3)

Ciri-ciri Penciptaan Allah Yang Sempurna

Maksudnya, Tuhan yang telah menciptakan segala sesuatu dengan sempurna dan menentukan setiap makhluk-Nya dengan tugas, cara hidup dan matlamat hidup masing-masing, dan memberi petunjuk, bimbingan dan ilham kepada mereka ke arah melaksanakan tugas dan matlamat hidup mereka masing-masing serta menetapkan segala sesuatu yang boleh memberi kebaikan kepada mereka selama hidup mereka dan membimbing mereka ke arahnya.

Hakikat yang agung ini terdapat pada setiap kejadian alam. Dari kejadian yang besar kepada kejadian yang kecil dan dari kejadian yang mulia kepada kejadian yang hina. Segala-galanya telah diciptakan dengan sempurna, segala-galanya telah dilengkapkan untuk menjalankan tugasnya, segala-galanya telah ditentukan matlamat wujudnya dan segala-galanya diberi kemudahan untuk mencapai matlamat-matlamat itu dari jalan yang paling mudah. Seluruh kejadian alam merupakan satu kelompok yang cukup teratur, masing-masing diberi, kemudahan untuk melaksanakan tugas secara kelompok dan tugas secara peribadi.

Sebiji atom merupakan satu unit yang sempurna imbangannya di antara proton-proton dan elektron-elektronnya. Ia sama dengan cakera suria (solar sistem) dalam imbangan susunan di antara mataharinya, planet-planet dan satelit-satelitnya. Masing-masing mengetahui jalan peredaran dan ia tahu cara melaksanakan tugasnya.

Sel hidup yang tunggal merupakan satu makhluk yang sempurna dari segi kejadian dan persediaan untuk melaksanakan seluruh tugasnya. Ia sama

dengan makhluk-makhluk hidup yang paling tinggi dan canggih kejadiannya.

Di antara sebiji atom dengan cakera suria, di antara satu sel yang tunggal dengan makhluk hidup yang paling tinggi, terdapat darjat-darjat perbezaan susunan dan struktur yang semuanya sama sahaja dari segi kesempurnaan kejadian, keseimbangan kelompok dan dari segi tadbir dan perencanaan yang mengendalikannya. Seluruh kejadian alam menjadi saksi kepada hakikat yang mendalam ini.

Hakikat ini dapat difaham oleh hati manusia apabila mereka memperhatikan kejadian-kejadian alam dengan perasaan yang terbuka. Kefahaman secara ilham ini tidak sukar dicapai oleh sesiapa sahaja, dari masyarakat mana sahaja dan dengan taraf pelajaran apa sahaja apabila mata hatinya terbuka untuk menerima ilham-ilham alam.

Pengamatan dan ilmu pengetahuan yang dipelajari telah mengemukakan contoh-contoh hakikat yang dapat difaham secara ilham melalui pandang pertama. Di sana terdapat hasil-hasil pengamatan dan kajian ilmiyah yang menunjukkan sebahagian dari hakikat yang meliputi seluruh kejadian alam itu.

Daya Penglihatan Haiwan

Ujar Abraham Cressy Morrison seorang ahli sains Amerika dan ketua Akademi Sains di New York dalam bukunya yang berjudul, *"Manusia Tidak Berdiri Sendirian"*[1]:

"Burung-burung itu mempunyai naluri pulang ke tempat asal. Burung ciak yang membuat sarang di pintu rumah anda akan berpindah ke Selatan di musim gugur, tetapi ia kembali semula ke sarangnya di musim bunga selepas itu. Dalam bulan September kebanyakan burung kita (burung Amerika) terbang berpuak-puak menuju ke Selatan. Biasanya burung-burung itu memotong sejauh kira-kira seribu batu di atas lautan, tetapi mereka tidak sesat jalan. Burung merpati yang dilatih membawa surat apabila ia berada dalam keadaan bingung akibat bunyi-bunyi yang baru dialaminya dalam satu perjalanan yang jauh di dalam sangkar akan terbang berlegar-legar sebentar di udara, kemudian terbang menuju tempat asalnya tanpa sesat. Lebah dapat menemui sarangnya walaupun angin ribut memukul rumput-rumput dan pokok sehingga menghilangkan segala tanda yang dapat dilihat. Deria atau daya asas mencari jalan balik ke tempat asal itu tidak begitu kuat pada manusia, tetapi ia dapat melengkapkan persediaan derianya yang sedikit itu dengan alat-alat pelayaran. Kita perlu kepada naluri ini dan akal kitalah yang memenuhi keperluan itu. Serangga-serangga yang seni tentulah mempunyai mata sekuat mikroskop atau teropong pembesar yang kita tidak mengetahui sejauh mana kekuatan penglihatannya. Begitu juga burung-burung helang mempunyai mata sekuat mikroskop atau teropong pembesar dan pendekat, tetapi di sini juga manusia dapat mengatasi binatang-binatang itu dengan alat-alat mekanik yang direkakan mereka, Oleh kerana itu dengan pertolongan teleskopnya manusia boleh melihat nebula atau kelompok-kelompok bintang yang jauh. Oleh kerana matanya lemah, maka ia perlu menggandakan kekuatan penglihatan matanya dengan dua juta kali untuk membolehkannya melihat kelompok-kelompok bintang yang jauh itu. Dengan perantaraan teropong mikroskop elektrik, manusia boleh melihat kuman-kuman yang selama ini tidak boleh dilihat, juga dapat melihat serangga-serangga seni yang menggigit serangga-serangga itu.

"Andainya anda membiarkan kuda tua anda berjalan sendirian di malam yang gelap, ia akan dapat mengikuti jalan itu walau bagaimana gelap sekalipun malam itu. Ia boleh melihat walaupun pada tempat-tempat yang tidak terang. Burung hantu juga dapat melihat tikus yang berlari di atas rumput biarpun bagaimana gelapnya malam itu. Kita boleh menukar malam menjadi siang dengan mengadakan pancaran cahaya.

Kerajaan Lebah

"Kumpulan buruh-buruh betina lebah bertugas membuat kamar-kamar yang berbagai bentuk pada sikat yang diguna untuk membela lebah. Mereka membuat kamar-kamar kecil untuk keperluan buruh-buruh jantan dan kamar yang paling besar ialah untuk lebah-lebah jantan di samping membuat sebuah bilik khas untuk ratu-ratu lebah yang hamil. Ratu lebah bertugas meletakkan telur yang belum disenyawakan di dalam sel-sel yang disediakan kepada lebah-lebah jantan dan telur yang telah disenyawakan di dalam kamar-kamar yang disediakan kepada buruh-buruh betina dan lebah-lebah bakal ratu. Buruh-buruh betina yang sebaya yang menunggu kedatangan generasi baru sekian lama, kini juga bersedia untuk menjalan tugas menyediakan makanan kepada anak-anak lebah dengan memamah madu debunga dan awalan cernaannya, kemudian berhenti dari kerja memamah apabila anak-anak lebah jantan dan betina itu sampai kepada peringkat perkembangan yang tertentu, dan anak lebah itu tidak makan selain dari madu dan debunga, dan lebah-lebah betina yang dilayan seperti ini akan menjadi buruh-buruh betina.

"Lebah-lebah betina yang berada di dalam bilik-bilik diraja terus memamah madu dan awalan cernaannya untuk mendapat makanannya. Mereka yang diberi layanan yang sedemikian akan berkembang menjadi ratu-ratu lebah. Ratu-ratu inilah sahaja yang mengeluarkan telur yang disenyawakan. Proses mengulangi pengeluaran ini membabitkan bilik-bilik khas dan telur yang khas, juga membabit kesan yang ajaib untuk mengubahkan makanan-makanan, dan ini memerlukan kesabaran menunggu, kebolehan membeza dan menggunakan penemuan kesan makanan itu. Perubahan-perubahan ini khususnya mencakup kehidupan kelompok dan ia nampaknya

---

[1] *"Man Does Not Stand Alone", (1944), terjemahan Mahmud Soleh al-Falaki berjudul* العلم يدعو إلى الإيمان.

merupakan suatu keperluan untuk kewujudan kelompok. Tentulah pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan itu telah diperolehi selepas bermulanya kehidupan kelompok ini walaupun kedua-duanya tidak perlu untuk membentuk lebah dan mengekalkan hidupnya. Di sini ternyata bahawa lebah mengatasi manusia dalam kepandaian mengenal kesan-kesan makanan dalam suasana yang tertentu.

"Anjing dengan hidungnya yang mempunyai daya cium yang kuat dapat menghidupkan binatang-binatang yang lalu. Walaupun manusia belum lagi mempunyai alat-alat rekaan untuk menguatkan daya hidunya yang lemah, namun deria cium manusia boleh membezakan zarrah-zarrah yang amat seni.

Daya Dengar Haiwan

"Semua binatang-binatang dapat mendengar bunyi-bunyi yang kebanyakannya di luar lengkongan getaran-getaran bunyi yang khusus dengan kita manusia iaitu kehalusan bunyi yang banyak mengatasi deria pendengaran yang terbatas pada kita. Kini dengan menggunakan alat-alat rekaan manusia dapat mendengar suara lalat yang terbang dalam jarak berbatu-batu jauhnya, seolah-olah lalat itu berada di atas gegendang telinganya, begitu juga dengan alat-alat seperti itu manusia dapat merakamkan bunyi jatuhnya pancaran cahaya matahari.

"Sejenis lelabah air membuat sarangnya dalam bentuk sebiji belon yang dibuat dari benang-benang lelabah itu. Belon itu dilekatkan pada sesuatu di bawah air kemudian ia memegang bebola udara yang ada pada rambut tubuhnya dan membawanya ke dalam air dan melepaskan bebola itu di bawah sarangnya. Ia melakukan pemindahan bebola ini berulang-ulang kali sehingga sarang itu menggelembung, dan di waktu inilah ia melahirkan anaknya dan membelanya dalam keadaan yang selamat dari tiupan angin. Di sini kita dapat menemui kepandaian bertenun termasuk pengetahuan kejuruteraan, rekaan bentuk, pembinaan dan pengangkutan udara.

Kebolehan Ikan-ikan Salmon Dan Belut

"Ikan salmon mengharungi lautan bertahun-tahun lamanya kemudian pulang kembali ke sungai asalnya. Yang lebih aneh ikan-ikan itu memanjat tebing sungai yang jadi muara anak sungai tempat lahirnya. Apakah yang membolehkan ikan itu kembali ke sungai tempat lahirnya dengan begitu tepat? Ikan-ikan salmon yang memanjat tebing itu apabila dipindah ke anak sungai yang lain dengan serta merta akan mengetahui bahawa anak sungai itu bukan anak sungai tempat lahirnya, dan ia akan terus mencari jalannya untuk pulang ke sungai asalnya.

"Di sana ada lagi satu teka-teki yang lebih sulit iaitu teka-teki ikan-ikan belut. Ikan-ikan yang aneh ini apabila sudah cukup besar akan berhijrah dari berbagai-bagai sungai dan tasik. Andainya ikan-ikan itu berada di Eropah, ia akan mengharungi lautan sejauh beribu-ribu batu menuju lautan-lautan yang jauh di Selatan Bermuda, di sanalah ia bertelur dan mati, tetapi anak-anaknya akan balik ke pantai tempat ibu bapanya datang dan dari sana mereka akan pergi ke setiap sungai dan tasik. Mereka melawan dan menghadapi arus air yang kuat, ribut taufan dan ombak-ombak yang mendampar di setiap pantai. Dan kini mereka mendapat kesempatan, untuk berkembang subur, dan apabila mereka sudah cukup besar, mereka akan didorong oleh satu undang-undang sulit supaya mereka balik ke tempat asalnya setelah selesai semua perjalanan mereka. Dari manakah datangnya dorongan itu? Tidak pernah berlaku ikan belut dari perairan Amerika ditangkap di perairan Eropah atau ikan belut dari perairan Eropah ditangkap dalam perairan Amerika. Alam melambatkan kesuburan ikan belut perairan Eropah selama setahun atau lebih sebagai ganti kelebihan jarak perjalanan yang diharungi olehnya kerana jarak perjalanannya lebih jauh dari jarak perjalanan yang ditempuh oleh ikan belut dari perairan Amerika. Apakah atom-atom atau abus-abus yang bercantum pada ikan belut ini mempunyai deria mengarah dan daya iradat yang perlu untuk melaksanakan tindakan-tindakan?

Komunikasi Rama-rama

"Apabila angin membawa rama-rama betina dari celah tingkap ke bilik atas rumah anda, maka tidak lama kemudian ia mengirim isyarat sulit kepada rama-rama jantan. Kadang-kadang rama-rama jantan itu berada di tempat yang jauh, tetapi ia boleh menerima isyarat itu dan membalasnya walaupun anda menggunakan sejenis bau untuk mengelirukannya. Apakah rama-rama betina itu mempunyai stesyen pemancar dan rama-rama jantan mempunyai alat radio mental terutama aerial atau dawai-dawai yang dapat memungut suara? Apakah rama-rama betina menggerakkan ether dan rama-rama jantan dapat menangkap gerakan itu?

"Telefon dan radio merupakan dua alat dari alat-alat rekaan yang aneh, yang membolehkan kita membuat perhubungan-perhubungan yang segera, tetapi sehubungan ini kita masih terikat dengan dawai dan tempat, namun demikian rama-rama masih mengatasi kita dari segi ini.

Keanehan Tumbuhan-tumbuhan

"Tumbuh-tumbuhan pula berusaha menggunakan agen-agen asing untuk menyambungkan kesinambungan hidupnya tanpa keinginan dari mereka seperti serangga-serangga yang membawa debunga dari satu bunga ke satu bunga, juga angin dan segala sesuatu yang terbang atau berjalan untuk menaburkan benihnya. Dan akhir sekali tumbuh-tumbuhan telah berjaya mengenakan manusia masuk ke dalam perangkapnya. Mereka telah berbuat baik kepada bumi dan mendapat ganjaran yang sebaik-baiknya, lalu mereka dibelenggu dengan alat-alat membajak, mereka terpaksa menabur benih tumbuh-tumbuhan itu,

menuai dan menyimpannya, mereka terpaksa membiak, mengawin, mencantas dan mencantumnya, dan andainya mereka abaikan usaha-usaha ini, mereka akan ditimpa kebuluran, dan tamadun mereka akan runtuh dan bumi akan kembali kepada keadaan semulajadinya.

Keanehan Udang Galah

"Banyak dari binatang seperti udang galah, apabila kehilangan sepitnya, maka ia akan segera menggantikannya dengan mencergaskan kembali sel-sel, dan sebaik-baik sahaja sepitnya itu tumbuh dengan sempurna, sel-sel itu akan berhenti bekerja seolah-olah ia tahu masa rehat telah tiba. Apabila anda potong kepala ulat makanan, ia akan segera menggantikannya dengan kepala baru. Kita manusia boleh mencergaskan proses terkatupnya luka-luka, tetapi bilakah pakar-pakar bedah dapat mengetahui bagaimana hendak menggerakkan sel-sel supaya dapat menumbuhkan lengan baru, atau daging dan tulang baru atau kuku dan urat saraf baru jika perkara ini boleh berlaku.

Keajaiban Sel-sel Benih

"Di sana ada satu hakikat yang menakjubkan yang dapat memberi sebahagian pentafsiran kepada teka-teki ciptaan yang baru atau ciptaan semula ini, iaitu sel-sel benih di peringkat perkembangannya yang pertama apabila bercerai, maka setiap bahagian yang bercerai itu mempunyai kebolehan untuk mewujudkan satu individu yang sempurna. Oleh kerana itu apabila sel pertama berpecah kepada dua bahagian dan kedua-duanya bercerai, maka kedua-duanya akan berkembang subur menjadi dua individu. Mungkin hakikat inilah dapat mentafsirkan keserupaan rupa paras dua orang anak kembar, malah hakikat ini menunjukkan kepada satu hakikat yang lebih besar lagi iaitu setiap sel pada mulanya boleh membentuk satu individu yang sempurna dengan terperinci. Oleh kerana itu tidak syak lagi,bahawa anda sendiri juga wujud di dalam tiap-tiap sel dan tisu anda."

Dalam bab yang lain beliau berkata:

Keajaiban Pokok Oak

"Apabila buah oak gugur di atas bumi, ia terselamat kerana kulitnya yang keras dan berwarna coklat muda. Ia mungkin menggolek ke dalam mana-mana lubang. Di dalam musim bunga benih buah itu akan cambah dan mengembang subur menyebabkan kulitnya pecah.Ia menyedut makanannya dari biji yang berupa seperti telur. Di sinilah tersimpannya gena-gena atau unit-unit warisan pokok itu. Kemudian ia berakar dan melahirkan anak pokok oak, dan beberapa tahun kemudian ia menjadi pokok oak yang besar.

"Gena-gena dalam benih itu membiak berjuta-juta banyaknya untuk melahirkan batang pokok, kulit, daun dan buah oak yang serupa dengan pokok oak yang pertama. Buah oak dalam ratusan tahun akan terus melahirkan pokok oak yang sama dengan pokok oak yang pertama sejak berjuta-juta tahun yang lampau."

Dalam bab yang ketiga beliau berkata lagi:

Fungsi Sel Pada Makhluk-makhluk Yang Hidup

"Setiap sel yang wujud pada mana-mana makhluk yang hidup harus menyesuaikan dirinya untuk menjadi sebahagian dari daging, atau mengorbankan dirinya sebagai sebahagian dari kulit yang tidak lama akan reput atau bertugas untuk membina gusi, untuk mengeluarkan cecair jernih dalam mata dan untuk membentuk hidung dan telinga. Ia harus menyesuaikan dirinya dari segi rupa bentuk dan sifat-sifat yang lain yang perlu untuk melaksanakan tugasnya. Memang sukar untuk difikirkan manakah sel yang membentuk tangan kanan atau tangan kiri, tetapi yang pastinya salah satu sel menjadi sebahagian dari telinga kanan dan satu sel yang lain menjadi sebahagian dari telinga kiri.

"Ratusan ribu sel kelihatan seolah-olah didorong dan dirangsangkan untuk melakukan sesuatu yang betul dalam waktu yang betul dan di tempat yang betul."

Dalam bab yang keempat beliau berkata pula:

Kecerdasan Serangga

"Banyak makhluk yang memperlihatkan naluri atau kecerdasan yang tinggi atau sesuatu yang kita tidak mengetahui. Misalnya tebuan jantan memburu belalang, lalu ditanam dalam bumi setelah disengat pada tempat yang tertentu supaya belalang itu tidak sedarkan diri dan hidup seperti daging simpanan. Kemudian tebuan betina datang bertelur pada tempat belalang itu ditanam. Apabila anak-anak tebuan itu telah menetas, maka belalang itulah yang menjadi makanannya, dan sekiranya belalang itu dibunuh terus tentulah anak-anaknya diancam bahaya. Tentulah tebuan jantan itu melakukan kerja itu sejak semulajadinya lagi dan mengulanginya. Jika tidak, tentulah tebuan-tebuan tidak akan wujud lagi di bumi ini. Sains tidak dapat mentafsirkan fenomena yang sulit ini, namun demikian ia tidak boleh mentafsirkannya sebagai satu kejadian kebetulan.

"Tebuan betina yang bertelur itu akan menimbuskan lubang telurnya di bumi dan terus terbang kemudian mati, sedangkan ia dan datuk neneknya tidak pernah memikirkan proses ini. Ia tidak tahu apa yang akan berlaku kepada anak-anak kecilnya, atau tahu bahawa di sana ada sesuatu yang dinamakan anak-anak kecil, malah ia tidak tahu bahawa ia hidup dan bekerja, untuk memelihara dan mengekalkan kesinambungan jenisnya.

Kaum Buruh Semut

"Setengah-setengah jenis semut ada pekerja yang mengangkut biji-bijian untuk membekalkan makanan kepada semut-semut yang lain di musim dingin. Dalam sarang semut terdapat sebuah tempat simpanan biji-bijian yang dikisar. Di sinilah semut yang dilengkapkan dengan rahang-rahang besar untuk mengisarkan makanan bagi menyediakan makanan untuk negerinya. Dan inilah

satu-satunya pekerjaannya. Apabila tiba musim gugur dan semua biji-bijian siap dikisar, maka perlulah bekalan makanan itu dijaga dengan hemat, dan oleh kerana angkatan semut yang baru akan terdiri dari bilangan semut pekerja atau semut pengisar yang ramai, maka tentera-tentera semut bertindak membunuh semut pengisar yang ada, mungkin hati kecil serangga itu redha bertindak dengan alasan kerana semut itu telah pun meni'mati habuannya yang cukup, kerana dialah yang mula-mula berpeluang merasa ni'mat makanan itu semasa ia dikisar.

Ternakan Semut

"Setengah-setengah jenis semut didorong naluri atau pemikirannya (pilihlah mana yang disukai anda) menanam rumput-rumput makanan yang dapat dinamakan sebagai 'taman rumput' dan memburu ulat-ulat tertentu dan menjadikannya sebagai lembu-lembu dan kambing-kambing susu mereka untuk mengambil sejenis lelehan yang serupa dengan madu yang dikeluarkan oleh ulat-ulat itu untuk dijadikan makanan mereka. Setengah-setengah semut menawan beberapa kumpulan semut lain untuk dijadikan hamba abdinya, dan setengah-setengah semut pula apabila membuat sarangnya, akan memotong daun-daun tepat dengan ukuran-ukuran yang diperlukannya.

"Sementara setengah-setengah buruh semut menggunakan anak kecil yang boleh menenun sutra supaya bertenun bersamanya. Mungkin anak semut itu tidak dapat membuat sebuah rumah untuk dirinya sendiri, tetapi dia telah berkhidmat kepada kelompoknya. Sebagaimana atom-atom material yang membentuk semut boleh melaksana kerja-kerja yang canggih ini?

"Di sini bagaimana atom-atom benda yang membentuk semut itu dibolehkan melaksanakan kerja-kerja yang canggih itu...

"Tidak syak lagi di sana adanya Tuhan Pencipta yang menunjukkan kerja-kerja itu kepada binatang-binatang ini." Ya! Tidak syak lagi di sana wujudnya Tuhan Pencipta yang memberi bimbingan kepada semut-semut itu dan kepada seluruh binatang yang lain sama ada kecil atau besar. Itulah Tuhan Yang Maha Tinggi yang telah menciptakan seluruh makhluk dengan ciptaan yang sempurna, dan menentukan tugas dan matlamat kepada mereka masing-masing serta memberi bimbingan kepada mereka"...

Contoh-contoh yang kita petik dari penerangan seorang ahli sains itu merupakan sebahagian kecil dari hasil pengamatan yang dirakamkan oleh manusia di alam tumbuh-tumbuhan, alam serangga, alam burung-burung dan alam haiwan. Contoh-contoh yang seperti ini memang amat banyak dan semuanya memperlihatkan sebahagian kecil dari maksud-maksud pengertian firman Allah 'Azzawajalla:

الَّذِي خَلَقَ فَسَوَّىٰ ﴿٢﴾ وَالَّذِي قَدَّرَ فَهَدَىٰ ﴿٣﴾

"Yang telah menciptakan (semesta alam) dan menyusun kejadiannya dengan sempurna dan seimbang(2). Dan yang menentukan perencanaan (terhadap setiap makhluk) dan memberi bimbingan kepadanya."(3)

di alam yang nyata yang masih sangat sedikit diketahui kita. Dan di belakang alam yang nyata ini juga terdapat alam ghaib, di mana berita dan ceritanya hanya sekelumit sahaja sampai kepada kita melalui penerangan-penerangan dari Allah sekadar yang sesuai dengan kemampuan kita yang lemah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 5)

Setelah mempamerkan pemandangan-pemandangan alam yang luas dan melepaskan ucapan tasbih bergema di merata pelusuknya yang jauh, surah ini menyempurnakan tasbih agungnya dengan menyentuh sepintas lalu tentang kehidupan tumbuh-tumbuhan yang mengandungi saranan dan tujuannya:

وَالَّذِي أَخْرَجَ الْمَرْعَىٰ ﴿٤﴾ فَجَعَلَهُ غُثَاءً أَحْوَىٰ ﴿٥﴾

"Dan yang mengeluarkan tumbuh-tumbuhan(4). Kemudian Ia jadikan tumbuh-tumbuhan (yang hijau) itu kering hitam kekuning-kuningan."(5)

Yang dimaksudkan dengan المرعى ialah segala tumbuh-tumbuhan dan setiap tumbuhan sesuai untuk dimakan sesuatu makhluk dari makhluk Allah. Ia lebih umum dari pengertian rumput-rumput ternakan yang biasa kita faham. Allah Azzawajalla telah menciptakan alam bumi dan menentukan makanan-makanan bagi semua makhluk yang hidup bergerak di permukaannya atau tersembunyi di dalam perutnya atau terbang melayang di udaranya.

Tumbuh-tumbuhan Seperti Hidupan Yang Lain Berakhir Dengan Kematian

Tumbuh-tumbuhan itu mulanya tumbuh menghijau. Kemudian beransur-ansur layu kering hitam kekuning-kuningan. Semasa hijau ia boleh dimakan dan semasa kering hitam kekuningan juga boleh dimakan. Dalam semua keadaan, tumbuh-tumbuhan itu berguna belaka kepada kehidupan mengikut perencanaan Allah yang telah menjadikan makhluk-Nya dengan ciptaan yang sempurna dan menentukan tugas dan matlamat masing-masing serta memberi bimbingan kepadanya.

Tujuan menyentuh kehidupan tumbuh-tumbuhan di sini ialah menyarankan secara halus bahawa setiap tumbuh-tumbuhan itu berakhir dengan penuaian, dan setiap yang hidup berakhir dengan mati. Sentuhan ini memang sesuai dengan penjelasan Al-Qur'an mengenai kehidupan dunia dan kehidupan Akhirat:

بَلْ تُؤْثِرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ﴿١٦﴾
وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ﴿١٧﴾

"Tetapi kamu mengutamakan kehidupan dunia(16). Sedangkan kehidupan Akhirat itu lebih baik dan lebih kekal." (17)

Kehidupan dunia sama seperti kehidupan tumbuh-tumbuhan yang akan berakhir menjadi kering dan hitam, hanya kehidupan Akhirat sahaja yang kekal.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 7)

Dengan ayat-ayat permulaan yang membuka lembaran alam buana yang luas ini, maka hakikat-hakikat yang termuat dalam surah ini bersambung dengan alam buana dan alam buana bersambung dengan hakikat-hakikat itu dalam satu frem yang lebar dan indah ini. Satu perkara yang dapat diperhatikan ialah kebanyakan surah dalam juzu' 'Amma ini mempunyai frem yang seperti ini, iaitu satu frem yang cukup selaras dengan suasana surah, bayangan dan nadanya.

Selepas itu surah ini membawa pula berita gembira yang paling besar kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada umat Muslimin selepasnya.

Berita gembira itu dimulai dengan berita bahawa Allah telah mengangkatkan kepenatan dan kesulitannya menghafal Al-Qur'an dari bahu Rasulullah s.a.w.:

سَنُقۡرِئُكَ فَلَا تَنسَىٰٓ ٦

"(Wahai Muhammad!) Kami akan bacakan Al-Qur'an kepadamu, oleh itu, engkau tidak akan lupa."(6)

Keselamatan Al-Qur'an Terjamin

Tugas beliau ialah membaca apa yang diterima dari Tuhannya, dan selepas itu Tuhannya menjamin akan memelihara ingatan hatinya dan kerana itu ia tidak akan lupa apa yang telah disampaikan oleh Tuhannya.

Inilah berita gembira kepada Nabi s.a.w. untuk menyenang dan mententeramkan hatinya terhadap Al-Qur'an yang agung, yang indah dan yang amat disayanginya itu. Beliau dengan perasaan yang begitu kasih, hemat dan bertanggungjawab mengulangi ayat demi ayat yang dibawa Jibril kepadanya. Beliau menggerak-gerakkan lidahnya untuk memperingatinya kerana takut terlupa walaupun sehuruf darinya hingga datang jaminan yang mententeramkan hatinya bahawa Allah akan menguruskan perkara itu.

Ia juga merupakan berita gembira kepada umat Rasulullah s.a.w. selepasnya, iaitu mententeramkan hati mereka terhadap sumber agama Islam ini. Ia benar-benar datang dari Allah dan Allahlah yang menjadi Penjaga dan Pemeliharanya pada hati Nabi-Nya. Ini menunjukkan betapa besar keprihatinan Allah S.W.T., betapa mulianya agama ini di sisi-Nya dan betapa agungnya urusan agama ini dalam neraca-Nya.

Kehendak Allah Mengatasi Segala-galanya

Dalam ayat ini dan di dalam setiap ayat yang membawa janji yang tegas atau undang-undang yang tetap, Allah iringi dengan satu kenyataan yang membayangkan bahawa kehendaknya tetap mengatasi segala-galanya. Ia tidak terikat dengan sebarang ikatan, walaupun ikatan yang terbit dari janji-janji dan undang-undangnya sendiri. Pendeknya kehendak dan masyi'ah Allah sentiasa bebas di sebalik undang-undang-Nya. Inilah yang selalu ditekankan oleh Al-Qur'an di setiap tempat, dan di antaranya ialah di dalam ayat ini:

إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ

"Kecuali apa yang dikehendaki Allah."(7)

Inilah pengecualian yang menjelaskan kebebasan kehendak atau masyi'ah Allah selepas ia menyebut janji-Nya yang tegas bahawa Rasulullah tidak akan lupakah ayat-ayat yang telah disampaikan kepadanya, supaya urusan itu tetap tertakluk dalam lingkungan kehendak Allah Yang Maha Agung dan supaya hati manusia sentiasa bergantung kepada kehendak Allah dan hidup dengan pergantungan ini buat selama-lamanya.

إِنَّهُۥ يَعۡلَمُ ٱلۡجَهۡرَ وَمَا يَخۡفَىٰ ٧

"Sesungguhnya Ia mengetahui segala yang nyata dan segala yang tersembunyi."(7)

Ayat ini seolah-olah merupakan alasan dari kenyataan yang telah lalu dalam bahagian ayat-ayat ini mengenai penjelasan, penghafalan dan pengecualian yang disebut Allah itu, iaitu semuanya terpulang kepada hikmat yang diketahui Allah Yang Maha Mengetahui segala yang nyata dan segala yang tersembunyi serta mengetahui segala sudut persoalan itu. Oleh itu, Allah memutuskan persoalan itu mengikut kehendak kebijaksanaan-Nya yang bersandarkan kepada ilmu-Nya yang mengetahui segala liku-liku persoalan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 8)

Berita gembira yang kedua ialah:

وَنُيَسِّرُكَ لِلۡيُسۡرَىٰ ٨

"Dan Kami akan memberi kepadamu taufiq ke jalan yang mudah."(8)

Rasulullah Dikurniakan Kemudahan Dalam Segala Urusan

Ini merupakan berita gembira kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada umat Muslimin selepasnya. Begitu juga ia merupakan penjelasan tentang sifat dan hakikat agama dan da'wah Islam dan peranannya dalam kehidupan manusia, juga kedudukannya di dalam peraturan alam. Sebenarnya dalam dua kalimat ونيسرك لليسرى mengandungi satu hakikat yang paling besar dari hakikat-hakikat agama Islam dan hakikat-

hakikat alam buana ini. Ia menghubungkan sifat Rasulullah s.a.w. dengan sifat agama Islam dan dengan sifat alam buana ini, iaitu alam buana yang muncul dari tangan qudrat Allah dengan mudah, dan berjalan mengikut peraturan Allah dengan mudah, dan menuju ke matlamatnya dengan mudah. Itulah pancaran nur yang menampakkan seluruh pelusuk dan liku hakikat yang tidak terbatas.

Rasulullah s.a.w. yang diberikan taufiq ke jalan yang mudah telah mendapat kemudahan di sepanjang jalan hidupnya. Beliau meneruskan perjalanannya bersama alam buana yang selaras struktur kejadiannya, harakatnya dan arah tujuannya menuju kepada Allah. Ia tidak berlanggar melainkan dengan orang-orang yang menyeleweng dari jalan alam buana yang agung ini, dan orang-orang ini tidak mempunyai apa-apa nilai dibandingkan dengan alam buana yang besar ini. Dan beliau terus berjalan dengan mudah, selesa dan lemah lembut bersama alam buana ini, bersama peristiwa-peristiwa, bersama segala bebenda, bersama semua orang dan bersama perencanaan Allah yang mengendalikan peristiwa-peristiwa, bebenda dan individu-individu manusia. Beliau diberikan kemudahan pada tangannya, pada lidahnya, pada gerak langkahnya, pada tindak-tanduknya, pada kefahamannya, kepada pemikirannya, dan kemudahan untuk mengendali dan menyelesaikan segala urusan, juga kemudahan dengan dirinya sendiri dan kemudahan dengan orang lain.

Rasulullah Suka Memilih Yang Mudah

Demikianlah keadaan Rasulullah s.a.w. dalain semua urusannya. Menurut riwayat Aisyah r.'anha:[2]

ما خير بين أمرين إلا اختار أيسرهما

"Nabi tidak diberi pilih di antara dua perkara melainkan beliau memilih mana yang lebih mudah dari keduanya."

Menurut Aisyah r.'anha lagi, biasanya Rasulullah s.a.w.: Apabila beliau berada di rumah, maka kelakuannya amat lemah-lembut dan sentiasa senyum ketawa tersebut dalam hadith al-Bukhari: (Ada seorang budak perempuan memegang tangan Rasulullah s.a.w. dan membawanya ke mana dia suka), Cara Rasulullah s.a.w. memakai pakaian, makan minum, tidur dan sebagainya menunjukkan beliau memilih cara yang mudah dan senang.

Cara Rasulullah Mengenakan Pakaiannya

Tersebut dalam kitab زاد المعاد karangan Syamsuddin Muhammad ibn Qayyim al-Juziyah mengenai cara Rasulullah s.a.w. memakai pakaian-pakaiannya:

"Beliau mempunyai sehelai serban yang dinamakan as-sahab yang telah dipakaikannya kepada Ali. Beliau telah memakainya, dan di bawahnya beliau memakai kopiah, kadang-kadang ia memakai kopiah tanpa serban dan kadang-kadang memakai serban tanpa kopiah. Apabila beliau memakai serban, beliau melabuhkan hujung serbannya di antara dua bahunya, sebagaimana diriwayatkan oleh Muslim di dalam Sahihnya.

"Dan menurut riwayat 'Umar ibn Hurayth katanya: Aku lihat Rasulullah s.a.w. di atas mimbar memakai serban hitam, kadang-kadang ia melabuhkan hujung serbannya di antara dua bahunya. Dan dalam riwayat Muslim juga dari Jabir menyebut: Ekor serban. Ini menunjukkan bahawa beliau tidak selama-lamanya melabuhkan hujung serbannya di antara dua bahunya.

"Menurut satu riwayat lagi beliau memasuki Makkah lengkap dengan pakaian perang dan memakai sarung kepala besi. Pendeknya beliau memakai pada setiap tempat pakaian yang sesuai dengan tempat itu."

Dalam satu fasal yang lain ia berkata:

"Sebenarnya, cara yang paling afdhal ialah cara Rasulullah s.a.w. iaitu cara yang disunat, disuruh, digalak dan selalu diamalkan beliau. Cara beliau berpakaian ialah memakai apa sahaja pakaian yang mudah. Kadang-kadang ia memakai pakaian yang diperbuat dari bulu, kadang-kadang dari kapas dan kadang-kadang dari rami yang halus. Beliau memakai baju buatan Yaman yang berjalur, juga memakai baju hijau. Beliau memakai jubah, memakai baju luar berlengan panjang, memakai kemeja, memakai seluar, memakai kain, memakai baju lapis, memakai kasut, memakai capal, kadang-kadang melabuhkan ekor serbannya ke belakang dan kadang-kadang tidak."

Cara Makan Minum Rasulullah

Mengenai cara makan dan minum Rasulullah s.a.w. pula ia berkata:

"Begitulah juga cara dan sirah Rasulullah s.a.w. dalam makan dan minum. Beliau tidak menolak makanan yang ada dan tidak berpayah-payah dengan makanan yang tidak ada. Apa sahaja makanan yang baik yang dihidangkan kepadanya beliau akan makan kecuali seleranya tidak menerima, maka beliau akan meninggalkan makanan itu tanpa mengharamkannya. Beliau tidak pernah mengeji sesuatu makanan, jika beliau suka beliau makan dan jika tidak suka beliau tinggalkan sebagaimana beliau tinggalkan makan biawak pasir, kerana tidak biasa memakannya, tetapi beliau tidak mengharamkannya kepada umatnya, malah pernah biawak itu dimakan dalam hidangannya, sedangkan beliau melihat sahaja. Beliau makan manisan-manisan dan madu dan kedua-dua makanan itu sangat disukainya. Beliau makan tamar muda dan tamar masak, beliau minum susu, kadang-kadang susu sahaja dan kadang-kadang dicampur

---

[2] *Hadith ini dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim.*

dengan makanan yang lain. Beliau makan bubur gandum. Beliau minum air bercampur madu dan air rendaman buah tamar. Beliau makan bubur yang diperbuat dari susu dan gandum. Beliau makan mentimun dengan tamar muda. Beliau makan susu kering yang dibekukan, makan tamar dengan roti dan makan roti dengan cuka. Beliau makan daging kering dan suka makan labu yang dimasak. Beliau makan sup daging, makan roti dengan minyak sapi. Beliau makan keju dan makan roti dengan minyak. Beliau makan tembikai dengan tamar muda dan suka makan tamar dengan mentega, dan inilah makanan yang disukainya. Beliau tidak menolak makanan yang baik dan tidak pula berpayah-payah dengannya, bahkan adat beliau ialah makan apa yang mudah dan jika tidak ada beliau bersabar......"

Cara Tidur Rasulullah

Mengenai cara tidur bangun Rasulullah s.a.w. ia berkata:

"Rasulullah s.a.w. kadang-kadang tidur di atas tilam, kadang-kadang di atas hamparan kulit, kadang-kadang di atas tikar, kadang-kadang di atas tanah, kadang-kadang di atas ranjang, kadang-kadang di atas pasir dan kadang-kadang di atas kain hitam."

Hadith Yang Menggalakkan Cara Hidup Yang Mudah

Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. yang menggalakkan manusia supaya mengambil jalan yang mudah, sikap berlapang dada dan berlemah lembut di dalam menghadapi urusan-urusan terutama urusan agama dan kewajipan-kewajipannya, amatlah banyak dan sukar hendak dijelaskan kesemuanya.

Di antaranya ialah sabda Rasulullah s.a.w.:

إن هذا الدين يسر ، ولن يشادّ الدين أحد إلا غلبه — (أخرجه البخاري)

"Sesungguhnya agama ini mudah, dan seorang itu tidak akan menyulit-nyulitkan agama melainkan ia akan kalah."

لاتشدّدوا على أنفسكم فيشدّد عليكم فإنّ قوماً شدّدوا على أنفسهم فشدّد عليهم ... (أخرجه أبو دواد)

"Janganlah kamu memberat-beratkan diri kamu, kerana akibatnya kamu akan dibebankan dengan keberatan. Sesungguhnya ada satu kaum yang memberat-beratkan diri mereka, lalu mereka dibebankan dengan keberatan."

إن المنبتّ لا أرضاً قطع ولا ظهراً أبقى — (أخرجه البخاري)

"Orang yang (terlantar kerana) memenatkan binatang tunggangannya tidak dapat pergi ke mana-mana dan tidak dapat menunggang kenderaannya."

يسروا ولا تعسروا — (أخرجه الشيخان)

"Hendaklah kamu pilih cara yang mudah dan jangan pilih cara yang sukar."

Dalam bidang mu'amalah beliau bersabda:

رحم الله رجلاً سمحاً إذا باع وإذا اشترى وإذا اقتضى — (أخرجه البخاري)

"Allah memberi rahmat kepada seseorang yang lapang dada apabila ia menjual, apabila ia membeli dan apabila ia menagih hutang."

المؤمن هيّن ليّن — (أخرجه البيهقي)

"Orang yang beriman bersikap mudah lemah-lembut."

المؤمن يألف ويؤلف — (أخرجه الدار قطني)

"Orang yang beriman bersikap mudah mendekati dan didekati."

إن أبغض الرجال إلى الله الألدّ الخصم — (أخرجه الشيخان)

"Orang yang paling dibenci Allah ialah orang yang bermusuh ketat."

Di sana terdapat pandangan-pandangan sekilas yang mendalam yang menunjukkan bahawa beliau tidak sukakan sesuatu yang payah dan sukar hingga pada nama-nama dan raut-raut muka. Ia menyarankan hakikat fitrahnya yang dijadikan Allah yang telah mentaufiqkannya ke jalan yang mudah. Ini membuktikan bahawa beliau dari semulajadi lagi telah difitrahkan di atas tabi'at yang mudah.

Menurut riwayat dari Sa'id ibn al-Musayyib dari bapanya r.a. katanya: Dia datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu beliau bertanya: Apa nama engkau? Jawabku: حزن ("Hazn" yang bererti payah dan sukar). Sabda beliau: "Sebenarnya nama engkau سهل ("Sahl" yang bererti mudah). Jawabku: "Saya tidak suka mengubahkan nama yang telah diletakkan oleh bapa saya kepada saya." Kata Ibn al-Musayyib Rahimahullah: Selepas itu kami terus mengalami kepayahan dan kesukaran. (Hadith ini dikeluarkan oleh al-Bukhari).

Menurut riwayat dari ibn 'Umar r.a. pula, Rasulullah s.a.w. telah menukar nama seorang perempuan yang bernama 'Asiyah (yang bererti penderhaka) kepada Jamilah (yang bererti molek). (Hadith ini dikeluarkan oleh Muslim).

Di antara sabda Rasulullah s.a.w.:

إن من المعروف أن تلقى أخاك بوجه طلق — (أخرجه الترمذي)

"Setengah daripada kebajikan ialah engkau menemui saudara engkau dengan muka yang manis."

(Diriwayatkan oleh at-Tirmizi)

Beliau mempunyai perasaan yang amat peka dan dapat memerhatikan ciri-ciri kekerasan dan kepayahan hingga pada nama-nama dan raut-raut muka yang tidak disukainya. Beliau sukakan sesuatu yang senang dan mudah.

Seluruh sirah Rasulullah s.a.w. merupakan lembaran-lembaran dari tingkahlaku yang toleran,

mudah, lemah-lembut dan mendapat taufiq ke jalan yang mudah dalam mengendalikan segala perkara.

Ini satu lagi contoh yang menunjukkan bagaimana cara Rasulullah s.a.w. mengubati hati manusia.

Cara Rasulullah Melayani Peminta Bantuan Yang Tamak

Pada suatu hari seorang Badwi datang meminta sesuatu dari Rasulullah s.a.w., lalu diberinya seraya bertanya, "Adakah aku telah berbuat kebaikan kepadamu?"

Jawab lelaki itu, "Tidak. Anda tidak berbuat kebaikan."

Lalu orang-orang Islam yang ada di situ naik marah dan mereka bangkit untuk mendapatkan lelaki itu, tetapi Rasulullah s.a.w. memberi isyarat supaya mereka jangan berbuat apa-apa. Kemudian beliau masuk ke dalam rumahnya dan menyuruh orang menjemput orang Badwi itu datang menemuinya, lalu beliau menambahkan lagi pemberiannya sambil bertanya:

"Adakah aku telah berbuat kebaikan kepadamu?"

Jawab lelaki itu: "Ya. Allah jua yang membalas kebaikan kepada keluarga dan kaum anda."

Lalu Nabi s.a.w. pun berkata kepadanya: "Tadi engkau telah mengeluarkan perkataan yang menyebabkan sahabat-sahabatku merasa terkilan di dalam hati mereka. Oleh itu, jika engkau suka, katakalah di hadapan mereka apa yang engkau telah katakan dihadapanku tadi supaya hilanglah apa-apa perasaan marah di dalam dada mereka terhadap engkau."

Di limun-limun pagi keesokannya, lelaki itu pun datang, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda (kepada sahabat-sahabatnya): "Orang ini (semalam) telah berkata apa yang telah dikatakannya, lalu aku tambahkan lagi pemberian kepadanya dan (sekarang) ia pun telah menyatakan puas hatinya, bukankah begitu?"

Jawab orang kampung itu: "Ya. Allah jua yang membalas kebaikan kepada keluarga dan kaum anda."

Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda (kepada sahabat-sahabatnya), "Aku dan orang Badwi itu bolehlah dibandingkan dengan seorang lelaki yang mempunyai seekor unta yang dari darinya, lalu dikejar oleh orang ramai menyebabkan unta itu menjadi bertambah liar. Kemudian tuan unta itu berkata kepada mereka: Biarkan sahaja aku dengan unta itu kerana aku lebih lemah-lembut terhadapnya dan lebih tahu. Lalu ia menuju ke hadapan unta itu dan mengambil sesuatu dari bumi untuknya, kemudian perlahan-lahan ia memanggil unta itu hingga unta itu datang dan berlutut. Lalu ia pun mengikat talinya dan mengenderainya. Andainya aku biarkan kamu bertindak ketika lelaki tadi mengeluarkan perkataannya itu, lalu kamu bunuhkannya, tentulah dia akan masuk Neraka."

Demikianlah cara Rasulullah s.a.w. melayani jiwa yang liar dengan cara yang begitu mudah, senang, lemah-lembut dan berjaya. Di samping itu di sana terdapat berbagai-bagai contoh dalam seluruh sirah Rasulullah s.a.w. iaitu contoh teladan bersikap mudah sebagaimana yang ditabsyir dan diberi taufiq oleh Allah dalam kehidupannya, dan dalam kegiatan da'wahnya dan dalam semua urusannya.

Beliau dikurniakan sifat keperibadian yang mudah itu untuk membawa da'wah Islam kepada manusia, supaya sifat dan hakikat da'wah itu sama dengan sifat dan hakikat peribadinya. Sikap dan sifatnya yang mudah merupakan suatu kelayakan untuk memikul amanah da'wah yang berat itu berkat kemudahan dan taufiq yang dikurniakan Allah kepadanya. Dengan kemudahan itu amanah da'wah yang berat berubah kepada kerja yang menyukakan hati, kepada senaman yang menyegarkan dan kepada kesukaan dan kegembiraan.

Mengenai sifat Nabi Muhammad s.a.w. dan sifat tugasnya, yang hendak dilaksanakannya, Al-Qur'an menerangkan:

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٧﴾

"Dan Kami tidak utuskan engkau melainkan supaya menjadi rahmat kepada sekalian alam."

(Surah al-Anbia': 107)

ٱلَّذِينَ يَتَّبِعُونَ ٱلرَّسُولَ ٱلنَّبِىَّ ٱلْأُمِّىَّ ٱلَّذِى
يَجِدُونَهُۥ مَكْتُوبًا عِندَهُمْ فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ
يَأْمُرُهُم بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَىٰهُمْ عَنِ ٱلْمُنكَرِ
وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ ٱلْخَبَٰٓئِثَ
وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَٱلْأَغْلَٰلَ ٱلَّتِى كَانَتْ
عَلَيْهِمْ ۚ

"Iaitu orang-orang yang mengikut Rasul, Nabi yang ummi yang mereka dapati namanya tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada pada mereka. Ia menyuruh mereka melakukan kebaikan dan melarang mereka melakukan kejahatan, ia menghalalkan untuk mereka segala yang baik dan mengharamkan ke atas mereka segala yang keji dan membuang dari mereka beban-beban yang memberatkan mereka dan belenggu-belenggu yang mengikat mereka."

(Surah al-A'raf: 157)

Rasulullah Membawa Agama Dan Cara Hidup Yang Mudah

Nabi Muhammad s.a.w. telah datang membawa rahmat kepada seluruh manusia. Ia datang membawa cara hidup yang mudah yang menghapuskan bebanan-bebanan dan belenggu-belenggu dari bahu manusia yang memberatkan mereka apabila mereka mencari jalan yang memayahkan diri mereka sendiri, maka kerana itulah mereka dipayahkan.

Al-Qur'an juga telah menyifatkan agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu dengan firman-firman yang berikut:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَّكِرٍ ﴿٢٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah memudahkan Al-Qur'an untuk dijadikan peringatan, oleh itu, adakah orang yang mahu mengambil peringatan?"

(Surah al-Qamar: 22)

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

"Allah tidak jadikan dalam agama sesuatu yang menyusahkan kamu."

(Surah al-Hajj: 78)

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

"Allah tidak memberatkan seseorang melainkan sekadar keupayaannya."

(Surah al-Baqarah: 286)

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَٰكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ

"Allah tidak sekali-kali mahu menjadikan sebarang kesulitan ke atas kamu, tetapi ia mahu membersihkan kamu."

(Surah al-Ma'idah: 6)

Agama ini telah diaturkan dengan cara yang mudah dalam lingkungan daya kesanggupan manusia. Ia tidak mentaklifkan dengan kewajipan yang menyusah dan menyulitkan mereka. Dasar kemudahan itu telah meresap dalam roh agama di samping meresap dalam taklif-taklifnya.

فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا

"Agama Allah yang difitrahkan manusia di atasnya."

(Surah ar-Rum: 30)

Apabila seorang mengikut agama ini ia akan dapatinya mudah dan sesuai dengan daya kesanggupan manusia, sesuai dengan keadaan-keadaan dan suasana-suasana hidup yang dihadapi mereka di dalam bermacam-macam persekitaran dan ehwal. 'Aqidah agama ini sendiri senang ditangkap dan difaham, iaitu percaya kepada Tuhan yang tunggal yang tiada tolok bandingnya. Dia menciptakan segala sesuatu dan membimbingnya ke matlamat kewujudannya. Dia mengutuskan para rasul-Nya kepada manusia untuk mengingatkan mereka terhadap matlamat kewujudan mereka dan mengembalikan mereka kepada Allah yang telah menciptakan mereka, dan selepas itu seluruh taklif atau kewajipan-kewajipan ini dalam agama adalah lahir dari 'aqidah yang mudah yang diatur dalam bentuk yang selaras dan lurus, tiada bengkang bengkok dan tiada penyelewengan. Kewajipan manusia ialah melaksanakan taklif-taklif itu mengikut daya kesanggupan yang ada pada mereka tanpa keberatan dan kesulitan.

Sabda Rasulullah s.aw.:

إذا أمرتكم بأمر فأتوا ما استطعتم ، وما نهيتكم عنه فاجتنبوه – (أخرجه الشيخان)

"Apabila aku menyuruh kamu melakukan sesuatu, maka hendaklah kamu laksanakannya sedaya upaya kamu, dan apabila aku melarang kamu melakukan sesuatu, maka hendaklah kamu jauhinya."

Di samping itu sesuatu yang dilarangkan itu tidak menjadi suatu dosa atau kesalahan dalam keadaan darurat. Firman Allah:

إِلَّا مَا اضْطُرِرْتُمْ إِلَيْهِ

"Kecuali sesuatu yang kamu terpaksa melakukannya."

(Surah al-An'am: 119)

Dalam lingkungan batas-batas yang luas inilah diletakkan semua taklif-taklif.

Agama Islam Yang Mudah Melahirkan Umat Muslimin Yang Sederhana

Kerana itu tabi'at Rasulullah s.a.w. bertemu dengan tabi'at agama dan hakikat penda'wah bertemu dengan hakikat da'wah di dalam sifat semulajadi yang terang ini. Begitu juga umat Islam yang dipimpin oleh Rasul yang ditaufiqkan Allah ke jalan yang mudah dan membawa agama yang mudah telah menjadi umat yang sederhana. Merekalah umat yang mendapat rahmat dan membawa rahmat, umat yang mendapat kemudahan dan membawa kemudahan, umat yang fitrahnya sesuai dengan fitrah alam buana yang besar ini.

Alam buana yang teratur rapi dan bergerak dengan lancar dan licin itu merupakan kemudahan dan kelancaran dari ciptaan Allah yang tidak pernah berlanggar dan bergesel antara satu sama lain. Berjuta-juta bintang dan planet-planet beredar di angkasa Allah dan berlari di dalam lingkungan-lingkungan peredaran masing-masing dengan lancar, teratur, seimbang, saling tarik menarik, tidak berlanggar, tidak kucar-kacir dan tidak terumbang-ambing. Berjuta-juta makhluk yang bernyawa meneruskan hidup mereka menuju matlamat masing-masing sama ada dekat atau jauh dengan teratur rapi. Setiap mereka diberi kemudahan menuju kepada matlamat yang dijadikan untuknya, dan setiap mereka berjalan dengan lancarnya menuju matlamat itu. Berjuta-juta gerak-geri, peristiwa dan keadaan

berkumpul dan berpisah di dalam perjalanan menuju matlamatnya laksana nada-nada bunyian dari sebuah orkestra yang memainkan berbagai alat muzik. Seluruh nada-nada itu berkumpul dalam sebuah lagu yang panjang.

Itulah keserasian atau keseimbangan yang sempurna di antara sifat alam buana dengan sifat agama, sifat Rasulullah s.a.w. dan sifat umat Muslimin. Itulah ciptaan Allah Yang Maha Esa, Maha Pencipta dan Maha Bijaksana.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 9)

فَذَكِّرْ إِن نَّفَعَتِ ٱلذِّكْرَىٰ ﴿٩﴾

"Oleh itu, berilah peringatan kerana peringatan itu berguna."(9)

Al-Qur'an Sumber Peringatan Dan Pengajaran Allah Kepada Manusia

Allah telah membacakan Al-Qur'an itu kepada Rasul-Nya dan ia tidak akan lupa kecuali apa yang dikehendaki Allah. Di samping itu, Allah taufiqkannya ke jalan yang mudah untuk memikul amanah da'wah yang agung itu. Kerana itu hendaklah ia memberi peringatan kepada manusia dengan Al-Qur'an yang diturunkan kepadanya. Inilah matlamat perjuangan yang disediakan untuknya dan kerana matlamat inilah disampaikan kepadanya berita-berita yang menggembirakan itu. Berilah peringatan dan pengajaran Allah itu sebaik sahaja engkau mendapat peluang atau mendapat jalan menembusi hati manusia dan mendapat sarana untuk menyampaikannya. Berilah peringatan Allah.....

إِن نَّفَعَتِ ٱلذِّكْرَىٰ ﴿٩﴾

"Kerana peringatan itu berguna."(9)

Peringatan Allah itu selama-lamanya berguna. Di sana ada sahaja orang yang mahu mendapatkan manfaat darinya sama ada sedikit atau banyak. Mana-mana generasi dan mana-mana bumi tidak akan sunyi dari kelompok manusia yang ingin mendengar dan mengambil manfaat dari peringatan itu, biarpun bagaimana rosaknya umat manusia dan biarpun bagaimana keras dan berkaratnya hati mereka.

Apabila kita memperhatikan tertib ini di dalam ayat-ayat tadi, dapatlah kita mengetahui betapa besarnya agama yang dibawa oleh Rasulullah dan betapa agungnya amanah yang dipikulkan olehnya, iaitu amanah yang memerlukan kepada pengurniaan taufiq kepada kemudahan, kepada pembacaan Al-Qur'an dari Allah dan penghafalannya yang dijaminkan Allah agar dengan bekalan yang besar ini Rasulullah s.a.w. dapat melaksanakan tugas menyampaikan peringatan itu.

Apabila Rasulullah s.a.w. memikul beban amanah ini, bererti ia telah menunaikan tugas dan kewajipannya. Dan selepas itu, manusia akan memikul tanggungjawab masing-masing. Jalan hidup mereka tidak sama dan nasib kesudahan yang diterima mereka juga tidak sama. Allah akan bertindak terhadap mereka mengikut kehendak masyi'ah-Nya dan mengikut sejauh mana mereka menerima dan menyambut peringatan Allah yang disampaikan Rasulullah s.a.w. itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 13)

سَيَذَّكَّرُ مَن يَخْشَىٰ ﴿١٠﴾

"Orang yang takut kepada Allah akan menerima peringatan itu." (10)

Hanya Orang Bertaqwa Menyebut Peringatan Allah

Berilah peringatan dan orang yang akan mengambil manfaat dari peringatan itu ialah, **"orang yang takut kepada Allah"** iaitu orang yang hatinya dipenuhi perasaan taqwa yang takut kepada kemurkaan dan azab Allah. Hati yang hidup itu selalu bimbang dan takut sejak ia menyedari bahawa alam buana ini dimiliki Allah Tuhan yang telah menciptakannya dengan ciptaan yang sempurna, yang menentukan perencanaan terhadap makhluk-makhluk dan memberi petunjuk dan bimbingan kepadanya, Tuhan yang tidak akan meninggal dan membiarkan manusia sia-sia dan percuma, bahkan Ia akan menghisab segala perbuatan dan amalan mereka sama ada baik atau jahat dan akan menghukum mereka dengan adil. Kerana itulah mereka merasa takut, dan apabila diberi peringatan mereka mengambil peringatan, apabila diberi kesedaran mereka menerimanya dengan insaf, dan apabila diberi nasihat mereka mengambil pengajaran.

وَيَتَجَنَّبُهَا ٱلْأَشْقَى ﴿١١﴾

"Dan orang yang paling celaka akan menjauhinya."(11)

Hanya Manusia Yang Paling Malang Menolak Peringatan Allah

Maksudnya, ia akan menjauhi peringatan itu, ia tidak akan mendengar dan mengambil manfaat darinya. Kerana itulah ia merupakan manusia yang paling malang, manusia yang berada di kemuncak dan di penghabisan kecelakaan. Ia paling malang di dunia dengan sebab jiwanya yang kosong, mati dan tebal, kerana itu ia tidak dapat merasakan hakikat alam buana, tidak dapat mendengar pengakuan-pengakuan alam semesta yang benar dan tidak mendapat apa-apa kesan dari ilham-ilham alam semesta yang mendalam. Ia akan hidup dirundung gelisah, hidup dengan tamak haloba merebut keni'matan dunia, hidup dengan menumpukan segala daya usaha mereka yang penat untuk mendapatkan keni'matan dunia yang kecil ini. Ia juga manusia yang paling malang di Akhirat kerana mendapat keseksaannya yang tidak terhingga:

ٱلَّذِى يَصْلَى ٱلنَّارَ ٱلْكُبْرَىٰ ﴿١٢﴾
ثُمَّ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ ﴿١٣﴾

"Dia yang akan memasuki api Neraka yang amat besar(12). Kemudian di sana ia tidak mati dan tidak pula hidup."(13)

Neraka yang amat besar ialah Neraka Jahannam. Ia amat besar dengan keseksaan-keseksaannya, amat besar dengan masanya yang lama dan amat besar dengan keluasannya. Di sana ia akan tinggal buat selama-lamanya, ia tidak akan mati, dan kerana itulah ia tidak mendapat kerehatan dan tidak akan hidup dalam aman dan senang. Itulah azab yang kekal, dan bagi orang-orang yang merasakan keseksaannya berangan-angan supaya ia terus mati sama seperti ia berangan-angan mendapatkan impiannya yang paling tinggi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 15)

Golongan Manusia Yang Beruntung

Di sebelah lembaran yang setentang dengannya pula kita dapati kelompok manusia yang selamat, yang mendapat keuntungan, yang suci jiwanya dan sentiasa mengingati Allah:

قَدْ أَفْلَحَ مَن تَزَكَّىٰ ﴿١٤﴾ وَذَكَرَ ٱسْمَ رَبِّهِۦ فَصَلَّىٰ ﴿١٥﴾

"Sesungguhnya beruntunglah orang yang telah membersihkan dirinya(14). Dan sentiasa menyebut nama Tuhannya dan mendirikan solat." (15)

Membersihkan diri ialah mencucikan dirinya dari segala kekotoran, Allah S.W.T. telah menjelaskan bahawa orang yang membersihkan dirinya dan menyebut nama Allah serta mengenangkan kebesaran dan keagungan-Nya di dalam hatinya, **"dan mendirikan solat"** sama ada dengan erti "khusyu' dan patuh" atau dengan pengertian sembahyang biasa, maka kedua-dua pengertian ini mungkin hasil dari amalan mengingati Allah, mengenangkan kebesaran dan kehebatan-Nya di dalam hati... orang yang berbuat demikian tetap akan mendapat keuntungan. Ia beruntung di dunianya, iaitu ia hidup berhubung rapat dengan Allah, ia hidup dengan hati yang hidup yang mengecap kemanisan berzikir. Ia beruntung di alam Akhiratnya, iaitu ia terselamat dari api Neraka yang amat besar dan mendapat ni'mat Syurga dan keredhaan Allah. Alangkah jauhnya perbezaan di antara kesudahan ahli keimanan dan ahli kekufuran! Dan alangkah jauhnya perbezaan untung nasib di antara dua kelompok itu!

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 17)

Dalam bayangan pemandangan api yang amat besar untuk manusia yang paling celaka, dan pemandangan keselamatan dan keberuntungan untuk orang yang membersihkan jiwanya itu, Al-Qur'an kembali menjelaskan sebab yang membawa mereka kepada kecelakaan dan punca yang menyebabkan mereka lalai dan tidak menghiraukan usaha-usaha berzikir dan membersihkan diri dan usaha-usaha untuk mendapatkan keselamatan dan keberuntungan hingga mengakibatkan mereka terseret ke dalam api Neraka dan kecelakaan yang amat besar:

بَلْ تُؤْثِرُونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا ﴿١٦﴾
وَٱلْءَاخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ﴿١٧﴾

"Tetapi kamu mengutamakan kehidupan dunia(16). Sedangkan kehidupan Akhirat itu lebih baik dan lebih kekal."(17)

Mengutamakan Hidup Dunia Menjadi Punca Kesesatan Dan Penyelewengan

Sikap mengutamakan kehidupan dunia merupakan punca segala bala. Dari sikap inilah lahirnya sikap tidak menghiraukan peringatan dan pengajaran Allah, kerana peringatan itu mahukan mereka memperhitungkan kehidupan Akhirat dan mengutamakannya, sedangkan mereka mahukan kehidupan dunia dan mengutamakannya.

Kata-kata الدنيا bererti "rendah dan dekat". Ia dinamakan begitu bukan kerana kebetulan, malah sebenarnya kehidupan dunia itu adalah satu kehidupan yang rendah di samping merupakan satu kehidupan yang segera dan sementara, **"Sedangkan kehidupan Akhirat itu lebih baik dan lebih kekal"** iaitu lebih kekal dari segi nilai dan mutunya dan lebih kekal dari segi masanya.

Di dalam bayangan-bayangan hakikat ini, perbuatan mengutamakan kehidupan dunia ini merupakan suatu perbuatan yang tolol dan salah perhitungan, suatu perbuatan yang tidak dilakukan oleh orang yang mempunyai fikiran dan pandangan yang jauh.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 19)

Pada akhir surah ini, Allah menjelaskan bahawa da'wah Islamiyah adalah satu da'wah yang amat tua yang berakar umbi dalam liku-liku zaman yang jauh, tetapi segala lunas-lunas dan dasarnya tetap satu dan padu di seluruh zaman dan tempat:

إِنَّ هَٰذَا لَفِى ٱلصُّحُفِ ٱلْأُولَىٰ ﴿١٨﴾
صُحُفِ إِبْرَٰهِيمَ وَمُوسَىٰ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya hakikat ini tercatat di dalam kitab-kitab suci yang terdahulu(18). Iaitu kitab-kitab suci yang dikurniakan kepada Ibrahim dan Musa." (19)

Kesatuan Ajaran Dalam Agama Samawi

Hakikat-hakikat yang diterangkan dalam surah ini adalah mengandungi dasar-dasar atau lunas-lunas

pokok 'aqidah Islamiyah yang pernah dijelaskan di dalam kitab-kitab suci yang silam yang dikurniakan kepada Ibrahim dan Musa.

Kesatuan ajaran agama yang benar dan kesatuan 'aqidah pastilah terbit dari sumber yang satu dan kehendak yang satu yang mengutuskan para rasul kepada umat manusia. Ia merupakan agama yang benar yang satu, yang datang dari satu asal atau sumber. Hanya perincian-perinciannya atau butirannya sahaja yang berbeza-beza, kerana perbezaan keperluan-keperluan dan perbezaan tahap-tahap perubahan, tetapi semuanya bertemu pada asal yang sama dan terbit dari sumber yang sama, iaitu terbit dari Tuhanmu Yang Maha Tinggi yang menciptakan seluruh makhluk dan menentukan perencanaan terhadapnya memberi petunjuk kepadanya.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-GHASYIYAH

سُورَةُ الغَاشِيَةِ

SURAH KE

88

SURAH AL-GHASYIYAH

Surah Hari Malapetaka Yang Meliputi Seluruh Alam

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

26

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

هَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ ٱلْغَٰشِيَةِ ﴿١﴾

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ خَٰشِعَةٌ ﴿٢﴾ عَامِلَةٌ نَّاصِبَةٌ ﴿٣﴾

تَصْلَىٰ نَارًا حَامِيَةً ﴿٤﴾ تُسْقَىٰ مِنْ عَيْنٍ ءَانِيَةٍ ﴿٥﴾

لَّيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِن ضَرِيعٍ ﴿٦﴾

لَّا يُسْمِنُ وَلَا يُغْنِى مِن جُوعٍ ﴿٧﴾

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاعِمَةٌ ﴿٨﴾ لِّسَعْيِهَا رَاضِيَةٌ ﴿٩﴾

فِى جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿١٠﴾ لَّا تَسْمَعُ فِيهَا لَٰغِيَةً ﴿١١﴾

فِيهَا عَيْنٌ جَارِيَةٌ ﴿١٢﴾ فِيهَا سُرُرٌ مَّرْفُوعَةٌ ﴿١٣﴾

وَأَكْوَابٌ مَّوْضُوعَةٌ ﴿١٤﴾ وَنَمَارِقُ مَصْفُوفَةٌ ﴿١٥﴾

"(Wahai Muhammad!) Adakah telah sampai kepadamu berita Qiamat yang menyelubungi manusia (dengan segala malapetakanya)?(1). Pada hari itu, terdapat wajah-wajah yang tunduk hina-dina(2). Mereka telah bekerja keras dan letih lesu(3). Mereka memasuki Neraka yang amat panas(4).Mereka diberi minuman dari matair yang amat panas(5). Tiada makanan untuk mereka selain dari tumbuh-tumbuhan yang berduri(6). Yang tidak menggemuk dan tidak pula menghilangkan kelaparan(7). Pada hari itu, terdapat wajah-wajah yang halus berseri(8). Kerana mereka berpuashati dengan amalan-amalan mereka(9). Mereka ditempatkan di dalam Syurga yang tinggi(10).Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang kosong dan sia-sia(11). Di sana terdapat matair yang sentiasa mengalir(12). Dan takhta-takhta yang tinggi(13). Dan gelas-gelas minuman yang siap terhidang(14). Dan bantal-bantal yang tersusun rapi."(15).

وَزَرَابِىُّ مَبْثُوثَةٌ ﴿١٦﴾

أَفَلَا يَنظُرُونَ إِلَى ٱلْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ﴿١٧﴾

وَإِلَى ٱلسَّمَآءِ كَيْفَ رُفِعَتْ ﴿١٨﴾

وَإِلَى ٱلْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ﴿١٩﴾

وَإِلَى ٱلْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ ﴿٢٠﴾

فَذَكِّرْ إِنَّمَآ أَنتَ مُذَكِّرٌ ﴿٢١﴾

لَّسْتَ عَلَيْهِم بِمُصَيْطِرٍ ﴿٢٢﴾

إِلَّا مَن تَوَلَّىٰ وَكَفَرَ ﴿٢٣﴾

فَيُعَذِّبُهُ ٱللَّهُ ٱلْعَذَابَ ٱلْأَكْبَرَ ﴿٢٤﴾

إِنَّ إِلَيْنَآ إِيَابَهُمْ ﴿٢٥﴾

ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا حِسَابَهُم ﴿٢٦﴾

"Dan permaidani-permaidani yang terhampar(16). Tidakkah mereka melihat kepada unta, bagaimana ia diciptakan?(17). Dan kepada langit, bagaimana ia diangkatkan?(18). Dan kepada gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan?(19). Dan kepada bumi, bagaimana ia dihamparkan?(20).Oleh itu, (wahai Muhammad!) Sampaikan peringatan kerana tugas engkau hanya sebagai penyampai peringatan sahaja(21). Engkau bukannya bertugas sebagai pemaksa ke atas mereka(22). Kecuali orang yang berpaling dari iman dan kufur(23). Maka Allah akan menyeksakannya dengan 'azab yang paling besar(24). Sesungguhnya kepada Kami mereka akan kembali(25). Kemudian Kamilah yang menghisabkan amalan mereka."(26).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini merupakan satu surah yang mengandungi nada-nada pertanyaan yang mendalam, tenang dan membangkitkan minat untuk berfikir, dan merenungi kejadian-kejadian Allah, juga mengembangkan harapan dan cita-cita, dan seterusnya merangsangkan perasaan takut kepada Allah dan bimbang kepada proses Hisab pada Hari Qiamat.

Surah ini membawa hati manusia menjelajah dua ruangan yang amat luas iaitu ruang Akhirat dengan alamnya yang luas dan pemandangan-pemandangannya yang menarik, dan ruang alam dunia yang lebar dan terbentang kepada semua penglihatan mata dengan bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat di dalam semua makhluk ciptaan-Nya

yang dipamerkan kepada semua manusia. Kemudian setelah selesai dari dua penjelajahan ini ia mengingatkan manusia tentang Hisab di Hari Akhirat, tentang penguasaan Allah yang penuh di hari itu dan tentang kepastian kembalinya seluruh manusia kepada Allah di akhir penjelajahan hidupnya. Semuanya dibentangkan dalam gaya pernyataan yang mendalam, tenang, tetapi menembusi lubuk hati, teratur rapi, tetapi ngeri.

* * * * * *

Nama-nama Hari Qiamat Di Dalam Al-Qur'an

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْغَاشِيَةِ ﴿١﴾

"(Wahai Muhammad!) Adakah telah sampai kepadamu berita Qiamat yang menyelubungi manusia (dengan segala malapetakanya)?"(1)

Dengan ayat ini dimulakan surah ini. Tujuannya ialah untuk mengembalikan hati manusia kepada Allah dan mengingatkan mereka terhadap bukti-bukti kekuasaan-Nya di alam ini dan tentang Hisab dan Balasannya di Hari Akhirat yang tetap akan berlaku. Pertanyaan ini menunjukkan kehebatan Hari Qiamat, dan serentak itu juga menunjukkan bahawa persoalan Akhirat yang telah pun dijelaskan dan diperingatkan sebelum ini.

Surah ini juga menamakan Hari Qiamat dengan nama yang baru iaitu الغاشية yang bererti Hari Qiamat yang menyelubungi manusia dengan segala malapetakanya yang dahsyat. Ia merupakan salah satu dari nama-nama baru bagi Qiamat yang disebut di dalam Juzu' 'Amma ini iaitu الطامة, الصاخة, الحاقة, dan القارعة yang sesuai dengan sifat Juzu' 'Amma yang terkenal itu.

Pertanyaan:

هَلْ أَتَاكَ

"Adakah telah sampai kepadamu....."(1)

membuat Rasulullah s.a.w. benar-benar merasa surah ini dihadapkan kepada dirinya apabila beliau mendengarnya. Seolah-olah surah ini baru pertama kali diterima secara langsung dari Tuhannya, kerana hati Rasulullah s.a.w. amat peka terhadap firman Allah, amat sedar terhadap hakikatnya, dan kerana beliau merasa firman itu dikeluarkan terus kepadanya tanpa melalui pengantara sewaktu didengar oleh telinganya.

Kepekaan Rasulullah Dengan Surah Ini

Kata Ibn Abu Hatim: Kami telah diceritakan oleh Ali ibn Muhammad al-Tanafisi, kami diceritakan oleh Abu Bakr ibn 'Abbas dari Abu Ishaq dan 'Imran ibn Maymun katanya: Nabi s.a.w. melintasi seorang perempuan yang sedang membaca " هل أتاك حديث الغاشية" lalu beliau berhenti mendengar dan menjawab, **"Ya. Berita itu telah sampai kepadaku."**

Walaupun demikian, ayat ini adalah ditujukan kepada semua orang yang mendengar surah ini. Berita Qiamat merupakan berita utama Al-Qur'an yang disebut berulang-ulang kali dalam bentuk peringatan, amaran dan penyampaian berita gembira untuk menggerakkan hati manusia supaya sentiasa sedar, takut, bertaqwa dan menaruh rasa bimbang, juga merangsangkan harapan dan angan-angan mereka. Kerana itu ia dapat menjadikan hati manusia sentiasa hidup, waspada, tidak mati dan tidak lalai.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 7)

Pemandangan 'azab

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْغَاشِيَةِ ﴿١﴾

"(Wahai Muhammad!) Adakah telah sampai kepadamu berita Qiamat yang menyelubungi manusia (dengan segala malapetakanya)?"(1)

Setelah itu Al-Qur'an menerangkan sebahagian dari peristiwa Hari Qiamat:

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ خَاشِعَةٌ ﴿٢﴾ عَامِلَةٌ نَّاصِبَةٌ ﴿٣﴾
تَصْلَىٰ نَارًا حَامِيَةً ﴿٤﴾ تُسْقَىٰ مِنْ عَيْنٍ آنِيَةٍ ﴿٥﴾
لَّيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِن ضَرِيعٍ ﴿٦﴾
لَّا يُسْمِنُ وَلَا يُغْنِي مِن جُوعٍ ﴿٧﴾

"Pada hari itu, terdapat wajah-wajah yang tunduk hina-dina(2). Mereka telah bekerja keras dan letih lesu(3). Mereka memasuki Neraka yang amat panas(4). Mereka diberi minuman dari matair yang amat panas(5). Tiada makanan untuk mereka selain dari tumbuh-tumbuhan yang berduri(6). Yang tidak menggemuk dan tidak pula menghilangkan kelaparan."(7)

Bekerja Kuat Di Dunia Tetapi Hasilnya Kosong Di Akhirat

Ia menayangkan pemandangan-pemandangan 'azab sebelum menayangkan pemandangan-pemandangan kesenangan dan keni'matan sesuai dengan suasana namanya الغاشية (yang menyelubungi manusia dengan segala malapetakanya). Pada hari itu, terdapat golongan manusia yang berwajah muram, hina-dina dan letih lesu. Mereka di dunia bekerja begitu kuat dan penat, tetapi hasil tidak membangga dan menggembirakan mereka, tidak dihargai dan diredhai mereka. Apa yang didapati mereka hanya kecelakaan dan kerugian, dan ini menambahkan lagi penderitaan dan kemeranaan mereka. Mereka bekerja begitu kuat dan penat di dunia, tetapi kerja mereka bukan kerana Allah dan bukan kerana Sabilullah. Mereka bekerja kuat untuk kepentingan diri mereka dan kepentingan anak-anak mereka. Mereka bekerja penat untuk kepentingan-kepentingan dunia dan

tamak haloba mereka, kemudian mereka memperolehi hasil panat lelah mereka. Di dunia mereka mendapat kesusahan tanpa memperolehi bekalan ke Akhirat, sedangkan di Akhirat pula mereka memperolehi nasib yang hitam yang menjerumuskan mereka ke dalam 'azab Allah. Mereka menghadapi kesudahan hidup mereka dengan hina-dina, letih lesu, kecewa dan hampa.

Di samping mengalami kehinaan, kelesuan dan keseksaan:

تَصْلَىٰ نَارًا حَامِيَةً ﴿٤﴾

"Mereka memasuki Neraka yang amat panas." (4)

Di sana mereka mengalami keseksaan:

تُسْقَىٰ مِنْ عَيْنٍ آنِيَةٍ ﴿٥﴾

لَّيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِن ضَرِيعٍ ﴿٦﴾

لَّا يُسْمِنُ وَلَا يُغْنِي مِن جُوعٍ ﴿٧﴾

"Mereka diberi minuman dari matair yang amat panas(5). Tiada makanan untuk mereka selain dari tumbuh-tumbuhan yang berduri(6). Yang tidak menggemuk dan tidak pula menghilangkan kelaparan."(7)

Makanan Dan Minuman Dalam Neraka

Menurut satu pendapat الضريع itu ialah sejenis pokok dari api Neraka, ini berdasarkan hadith yang menceritakan tentang pokok Zaqqum yang tumbuh di dasar Neraka. Menurut satu pendapat yang lain الضريع ialah sejenis tumbuh-tumbuhan berduri di bumi yang dimakan oleh unta ketika ia masih menghijau dan apabila dipotong ia akan menjadi beracun dan tidak boleh dimakan unta. Sama ada tumbuh-tumbuhan yang berduri atau pokok dari api Neraka, kedua-duanya merupakan jenis makanan ahli Neraka, di samping minuman dari air danur yang keluar dari tubuh badan dan kulit orang-orang kafir di dalam Neraka dan sebagainya yang tidak menggemuk dan tidak pula menghilangkan kelaparan.

Hakikat 'azab Di Akhirat Di Luar Kefahaman Manusia

Memang jelas bahawa kita di dunia ini tidak dapat memahami hakikat 'azab di Akhirat. Sifat-sifat 'azab yang diceritakan itu hanya untuk membolehkan kita menggambarkan kemuncak keseksaan yang bercampur kehinaan, kelesuan, kehampaan, bakaran api Neraka yang amat panas, minuman dari air panas yang mendidih dan makanan dari duri-duri yang tidak berguna. Dari seluruh gambaran ini dapatlah kita tanggapkan kemuncak keseksaan di Akhirat, sedangkan keseksaan Akhirat yang sebenarnya adalah lebih dahsyat lagi. Dan tiada siapa yang dapat menyifatkannya melainkan mereka yang mencapainya sendiri.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 16)

Pemandangan-pemandangan Ni'mat

Di sebelah yang lain pula terdapat:

وُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاعِمَةٌ ﴿٨﴾ لِّسَعْيِهَا رَاضِيَةٌ ﴿٩﴾

فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿١٠﴾ لَّا تَسْمَعُ فِيهَا لَاغِيَةً ﴿١١﴾

"Pada hari itu, terdapat wajah-wajah yang halus berseri(8). Kerana mereka berpuashati dengan amalan-amalan mereka(9). Mereka ditempatkan di dalam Syurga yang tinggi(10). Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang kosong dan sia-sia."(11)

فِيهَا عَيْنٌ جَارِيَةٌ ﴿١٢﴾ فِيهَا سُرُرٌ مَّرْفُوعَةٌ ﴿١٣﴾

وَأَكْوَابٌ مَّوْضُوعَةٌ ﴿١٤﴾ وَنَمَارِقُ مَصْفُوفَةٌ ﴿١٥﴾

وَزَرَابِيُّ مَبْثُوثَةٌ ﴿١٦﴾

"Di sana terdapat matair yang sentiasa mengalir(12). Dan takhta-takhta yang tinggi(13). Dan gelas-gelas minuman yang siap terhidang.(14) Dan bantal-bantal yang terhampar(15). Dan permaidani-permaidani yang terhampar."(16)

Di sana pula terdapat golongan manusia yang muka mereka berseri-seri, senang-lenang dan puashati dengan balasan-balasan yang diperolehinya, mereka merasa senang kerana amalan-amalan mereka dihargai dan disanjungi dan kerana mereka mendapat ganjaran yang baik. Mereka benar-benar merasa keni'matan rohaniyah yang luhur itu iaitu perasaan puashati terhadap amalan-amalan mereka apabila mereka dapati amalan-amalan itu telah mendapat keredhaan Allah. Tiada yang lebih menyenangkan dari perasaan tenteram terhadap amalan yang baik dan perasaan puashati dengan balasannya kemudian melihat dirinya berada dalam keredhaan Allah Yang Maha Pemurah dan dalam Syurga yang penuh ni'mat, kerana itu Al-Qur'an lebih dahulu menyebut kebahagiaan jenis rohaniyah ini di antara ni'mat-ni'mat kesenangan dan kemewahan yang lain di, dalam Syurga. Kemudian ia menceritakan sifat-sifat Syurga dan keni'matan-keni'matannya:

Sifat-sifat Syurga

فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿١٠﴾

"Mereka ditempatkan di dalam Syurga yang tinggi."(10)

Syurga itu sendiri terletak di tempat yang tinggi di samping mempunyai martabat dan darjat yang tinggi. Kedudukan yang tinggi itu mencetuskan implikasi istimewa dalam perasaan seseorang.

لَّا تَسْمَعُ فِيهَا لَاغِيَةً ﴿١١﴾

"Disana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang kosong dan sia-sia."(11)

Ungkapan ini menimbulkan satu suasana sunyi, tenang, damai, tenteram, mesra dan puas, suasana berbisik-bisik di antara orang-orang yang disayangi dan dikasihi, suasana menjauh diri dari segala kata-kata yang sia-sia dan tidak berfaedah. Semuanya itu merupakan satu keni'matan dan kebahagiaan yang tersendiri, jika dikenangkan kehidupan dunia yang penuh dengan kata-kata yang sia-sia, penuh dengan pertengkaran, pergaduhan, perbantahan dan perseteruan, penuh dengan bunyi yang bising, hiruk-pikuk, riuh-rendah dan gegak-gempita. Ia menggambarkan ketenangan, keamanan, kesejahteraan, ketenteraman, kemesraan, keredhaan, bayangan yang lemah-lembut dalam ungkapan yang menarik:

لَّا تَسْمَعُ فِيهَا لَٰغِيَةً ﴿١١﴾

"Di sana mereka tidak mendengar sebarang perkataan yang kosong dan sia-sia."(11)

Lafaz-lafaz ungkapan ini sendiri mencetuskan suasana rehat dan senang. Ia menggolek dengan lemah-lembut dan selesa menggeluarkan irama yang lembut, dan sentuhan ini menyarankan bahawa kehidupan orang-orang yang beriman di bumi yang jauh dari perdebatan dan percakapan yang sia-sia merupakan sebahagian dari kehidupan di dalam Syurga sebagai persediaan untuk mereka mencapai ni'mat yang mulia itu.

Demikianlah Allah mendahulukan sifat Syurga yang luhur dan gemilang ini di atas ni'mat-ni'mat Syurga yang lain. Setelah itu barulah ia menyebut ni'mat-ni'mat yang memberi kepuasan kepada pancaindera dalam bentuk yang dapat difahami manusia. Keni'matan-keni'matan itu disesuaikan dengan kehendak-kehendak ahli Syurga, iaitu keni'matan-keni'matan yang tidak diketahui melainkan oleh mereka yang akan mengecapinya sendiri.

فِيهَا عَيْنٌ جَارِيَةٌ ﴿١٢﴾

"Di sana terdapat matair yang sentiasa mengalir."(12)

Maksudnya, di sana ada pancuran air yang memberi siraman dan keindahan, iaitu keindahan bergerak, memancut dan mengalir. Air yang mengalir itu membuat perasaan dan jiwa menjadi segar dan cergas. Ia merupakan keni'matan mata dan jiwa dari sudut yang halus yang menyerap ke segenap lubuk perasaan.

فِيهَا سُرُرٌ مَّرْفُوعَةٌ ﴿١٣﴾

"Dan takhta-takhta yang tinggi."(13)

Kedudukan yang tinggi membayangkan kesucian dan kebersihan.

وَأَكْوَابٌ مَّوْضُوعَةٌ ﴿١٤﴾

"Dan gelas-gelas minuman yang siap terhidang."(14)

Maksudnya, gelas-gelas itu siap diatur dan siap disajikan untuk diminum tanpa perlu diminta dan disediakan.

وَنَمَارِقُ مَصْفُوفَةٌ ﴿١٥﴾

"Dan bantal-bantal yang tersusun rapi."(15)

Bantal-bantal itu disediakan untuk bersandar dengan selesa.

وَزَرَابِيُّ مَبْثُوثَةٌ ﴿١٦﴾

"Dan permaidani-permaidani yang terhampar."(16)

Maksudnya, ialah permaidani-permaidani yang berbulu yang dihampar di sana sini untuk perhiasan dan kerehatan.

Kita Tidak Dapat Memahami Hakikat Keni'matan-keni'matan Di Akhirat Selama Kita Berada Di Dunia

Semuanya itu merupakan ni'mat-ni'mat kesenangan yang dapat dilihat manusia contoh-contoh seumpamanya di bumi. Ni'mat-ni'mat itu disebut sedemikian rupa untuk mendekatkan kepada kefahaman manusia di bumi, sedangkan hakikat yang sebenar terpulanglah kepada selera di sana yang dikurniakan Allah kepada golongan manusia yang berbahagia.

Di antara usaha yang sia-sia ialah usaha membuat perbandingan-perbandingan dan penyelidikan-penyelidikan yang halus mengenai bentuk dan sifat ni'mat atau 'azab di Akhirat, kerana penduduk bumi berfikir dengan fikiran yang terikat dengan keadaan-keadaan yang wujud di bumi ini dan terbatas dengan suasana-suasana hidupnya. Andainya mereka telah berada di negeri Akhirat, maka segala hijab dan segala dinding akan terhapus, segala roh dan fikiran terlepas bebas, segala makna kata-kata akan berubah mengikut perubahan selera manusia di sana. Kerana itu segala apa yang akan berlaku di Akhirat merupakan perkara-perkara yang di luar kemampuan kita sekarang untuk mengetahuinya.

Sifat-sifat ni'mat yang dijelaskan oleh Allah kepada kita hanya berguna untuk menolong kita memahami dan menggambarkan kemuncak kelazatan, kemanisan dan keni'matan hidup yang kita tidak mampu mencapainya selama kita berada di sini. Ketika kita berada di Akhirat nanti, barulah kita dapat mengenal hakikatnya apabila Allah memuliakan kita dengan limpah kurnia dari keredhaan-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 20)

Merenungi Kejadian-kejadian Alam

Setelah selesai menjelajah di alam Akhirat, maka Al-Qur'an membawa kita kembali ke alam dunia, iaitu sebuah alam yang menyarankan betapa besarnya kekuasaan Allah, betapa bijak pentadbiran-Nya, betapa istimewa dan uniknya penciptaan Allah yang

menunjukkan bahawa di sebalik pentadbiran dan perencanaan-Nya yang rapi itu, ada lagi suatu kehidupan selepas kehidupan dunia, ada lagi suatu urusan yang berlainan dari urusan bumi, dan ada lagi suatu kesudahan yang berlainan dari kesudahan mati:

أَفَلَا يَنظُرُونَ إِلَى ٱلۡإِبِلِ كَيۡفَ خُلِقَتۡ ١٧

وَإِلَى ٱلسَّمَآءِ كَيۡفَ رُفِعَتۡ ١٨

وَإِلَى ٱلۡجِبَالِ كَيۡفَ نُصِبَتۡ ١٩

وَإِلَى ٱلۡأَرۡضِ كَيۡفَ سُطِحَتۡ ٢٠

"Tidakkah mereka melihat kepada unta, bagaimana ia diciptakan?(17). Dan kepada langit, bagaimana ia diangkatkan?(18). Dan kepada gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan?(19). Dan kepada bumi, bagaimana ia dihamparkan?"(20)

Empat ayat yang pendek ini mengumpulkan bahagian-bahagian alam sekitar masyarakat Arab yang ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka bagi pertama kalinya, di samping mengumpul bahagian-bahagian kejadian yang nyata di seluruh alam ini, iaitu kejadian langit, bumi, gunung-ganang dan unta yang mewakili seluruh haiwan yang lain dengan keistimewaan kejadiannya serta nilai khususnya di dalam masyarakat Arab.

Seluruh pemandangan ini terbentang kepada semua penglihatan manusia. Di mana sahaja mereka berada, mereka akan bertembung dengan langit, bumi, gunung-ganang dan haiwan. Walaupun sebanyak mana dan sejauh mana ilmu pengetahuan dan tamadun manusia, namun seluruh pemandangan ini tetap di dalam alam mereka dan di dalam kemampuan akal mereka untuk memahaminya, dan seluruh pemandangan-pemandangan ini menyarankan kepada mereka hikmat-hikmat yang wujud di sebalik penciptaannya apabila mereka menumpukan perhatian untuk mencari makna dan tujuan di sebaliknya.

Setiap kejadian itu mengandungi mukjizat dan keistimewaan ciptaan yang tidak ada tolok bandingnya. Kejadian-kejadian itu sahaja sudah cukup untuk menyarankan 'aqidah tauhid yang pertama. Oleh kerana itu Al-Qur'an mengajak semua manusia supaya merenungi dan menelitinya:

Ciri-ciri Keunikan Binatang Unta

أَفَلَا يَنظُرُونَ إِلَى ٱلۡإِبِلِ كَيۡفَ خُلِقَتۡ ١٧

"Tidakkah mereka melihat kepada unta bagaimana ia diciptakan?"(17)

Unta merupakan haiwan masyarakat Arab yang utama. Ia merupakan alat kenderaan dan pengangkutan mereka. Susu dan dagingnya menjadi makanan dan minuman mereka. Bulu dan kulitnya menjadi pakaian dan khemah mereka. Ia merupakan sumber utama kehidupan.

Di samping itu, unta mempunyai sifat-sifat yang tidak ada pada haiwan-haiwan yang lain. Walaupun bentuk tubuh badannya kuat, besar dan gagah, namun ia mudah dituntun. Ia akan mengikut dan patuh walaupun dituntun oleh kanak-kanak yang kecil. Walaupun kegunaan dan perkhidmatannya begitu besar, namun perbelanjaan memeliharanya kecil. Makanannya senang dan belanjanya murah. Ia merupakan binatang yang paling sabar dan tahan lasak. Ia tahan lapar, dahaga, penat dan gigih menghadapi keadaan-keadaan yang buruk. Selain dari itu, rupa bentuknya selaras dengan pemandangan alam yang ditayangkan dalam ayat-ayat ini sebagaimana akan diterangkan nanti.

Kerana itulah Al-Qur'an menarik pandangan orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka supaya memperhatikan hikmat penciptaan binatang unta yang ada di depan mereka, mereka tidak perlu pergi ke tempat lain dan tidak perlu kepada ilmu pengetahuan yang baru:

أَفَلَا يَنظُرُونَ إِلَى ٱلۡإِبِلِ كَيۡفَ خُلِقَتۡ ١٧

"Tidakkah mereka melihat kepada unta bagaimana ia diciptakan?"(17)

Tidakkah mereka melihat kepada rupa bentuk dan susunan kejadiannya kemudian cuba berfikir bagaimana unta itu diciptakan Allah dengan bentuk rupa yang begitu sesuai dengan tugas-tugasnya, sesuai dengan matlamat ciptaannya, dan sesuai dengan alam sekitarnya dan dengan seluruh kerjanya? Mereka tentulah tidak menciptakan unta itu, dan begitu juga unta tentulah tidak menciptakan dirinya sendiri. Oleh kerana itu tiada lain melainkan unta itu pastilah dijadikan oleh Tuhan Penciptanya. Ia dijadikan dengan pertukangan dan ciptaan yang tidak ada tolok bandingnya iaitu ciptaan yang membayangkan kekuasaan-Nya dan memastikin kewujudan-Nya, juga membayangkan betapa tinggi pentadbiran dan perencanaan-Nya.

Langit Di Padang Pasir

وَإِلَى ٱلسَّمَآءِ كَيۡفَ رُفِعَتۡ ١٨

"Dan kepada langit, bagaimana ia diangkatkan?"(18)

Arahan supaya hati manusia merenungi ke langit sering diulang-ulangkan di dalam Al-Qur'an. Dan orang-orang yang paling wajar merenung ke langit ialah penduduk-penduduk padang pasir. Di sana, langit mempunyai rasa dan seleranya, mempunyai kesan dan ilhamnya seolah-olah langit dalam erti yang sebenar itu tidak wujud melainkan di padang pasir.

Langit dan hari siangnya yang terang benderang. Langit dengan waktu senjanya yang menarik dan menawan indah dan mempesonakan. Langit dengan waktu terbenamnya matahari yang amat cantik dan memberi ilham. Langit dengan hari malamnya yang

sayup saujana, dengan bintang-bintangnya yang bergemerlapan dan dengan bisikan-bisikannya yang lembut, dan langit dengan waktu terbitnya matahari yang indah, segar dan cemerlang.

Inilah langit di padang pasir, tidakkah mereka merenunginya? Tidakkah mereka memperhatikan bagaimana ia ditegakkan begitu tinggi? Siapakah yang menegakkannya tanpa tiang meniang? Siapakah yang menaburkan di atasnya bintang-bintang yang tiada terbilang? Siapakah yang menjadikan keindahan, kecantikan dan saranan itu? Manusia tentulah tidak mengangkatkan langit yang tinggi itu, begitu juga langit tentulah tidak menegakkan dirinya sendiri. Oleh kerana itu ia pasti mempunyai penciptanya. Kesimpulan ini tidak memerlukan sebarang ilmu dan tidak pula memerlukan kepada usaha yang meminatkan minda. Pemerhatian yang penuh sedar dan insaf sahaja sudah cukup.

وَإِلَى ٱلْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ﴿١٩﴾

"Dan kepada gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan?" (19)

Gunung-ganang Dalam Masyarakat Arab

Gunung-ganang dan bukit-bukau dalam masyarakat Arab merupakan tempat-tempat perlindungan dan merupakan teman dan sahabat. Pemandangannya yang menarik mengilhamkan kepada jiwa manusia rasa keagungan dan kehebatan di mana manusia kelihatan begitu kerdil berada di sampingnya. Mereka merasa tenang dan khusyu' kepada kehebatan gunung yang tinggi mengawan, tenang dan tenteram. Apabila jiwa manusia berada dalam pelukan gunung-ganang, ia menjadi begitu kepingin bertawajjuh kepada Allah dan merasa dirinya hampir kepada Allah dan jauh dari hiruk-pikuk kehidupan dunia dan titik-bengiknya. Oleh itu, bukanlah suatu usaha yang sia-sia dan bukan pula suatu kebetulan apabila Nabi Muhammad s.a.w. beribadat di dalam Gua Hira' di Bukit Thur. Malah bukanlah suatu usaha yang sia-sia apabila orang-orang yang mahu menyelamatkan nyawa mereka mencari perlindungan di gunung-ganang untuk beberapa masa.

Pandangan sepintas kepada gunung-ganang di sini sesuai dari segi penggambaran dengan tabi'at pemandangan ini sebagaimana akan diterangkan nanti:

Bumi Yang Terhampar Luas

وَإِلَى ٱلْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ ﴿٢٠﴾

"Dan kepada bumi, bagaimana ia dihamparkan?"(20)

Bumi itu terhampar luas di depan mata, memberi sepenuh kemudahan untuk manusia hidup, berjalan dan bekerja. Manusia tentulah tidak menghampar dan meratakan bumi itu, kerana bumi itu sudah pun siap terhampar sebelum mereka wujud di alam ini. Tidakkah mereka berfikir dan merenungi hikmat di sebaliknya dan menanyakan diri mereka. "Siapakah yang menghampar dan meratakan bumi begini?"

Pemandangan-pemandangan itu mengilhamkan sesuatu di dalam hati apabila ditonton dengan pandangan yang insaf dan penelitian yang sedar. Dengan pandangan seperti ini sudah cukup untuk menggerakkan kesedaran, menghidupkan hati dan membangkitkan roh supaya bertawajjuh kepada Allah yang menciptakan seluruh makhluk ini.

Marilah kita berdiri sejenak di hadapan keindahan gambaran pemandangan alam yang dilukiskan oleh Al-Qur'an untuk melihat bagaimana Al-Qur'an berdialog dengan kesedaran keagamaan yang wujud dalam jiwa manusia dengan menggunakan bahasa seni keindahan, dan bagaimana kedua-duanya boleh bertemu dalam hati orang yang beriman yang menyedari keindahan alam.

Pemandangan umum yang dilukiskan oleh Al-Qur'an mengandungi pemandangan langit yang tinggi dan bumi yang terhampar, dan di ruang lintang yang memanjang kelihatan banjaran gunung samar-samar dengan mercunya yang mencakar langit dan di sampingnya kelihatan haiwan unta dengan kelasannya yang tinggi. Dua barisan mendatar dan dua garis tegak yang tergambar di dalam satu pemandangan yang besar di satu ruang yang amat luas. Ia merupakan sebuah lukisan yang mempunyai dimensi yang seimbang dan hala-hala yang selaras mengikut cara Al-Qur'an dalam menayangkan pemandangan-pemandangan dengan pengungkapan-nya menggunakannya ilustrasi secara umum.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 26)

Tugas Rasulullah Hanya Menyampai

Sekarang setelah selesai penjelajahan pertama di alam Akhirat dan penjelajahan yang kedua di dalam pemandangan-pemandangan alam dunia yang terbentang, Al-Qur'an berpaling pula kepada Rasulullah s.a.w. mengingatkan beliau terhadap batas-batas kewajipannya dan tabi'at tugasnya dan menyentuh hati manusia dengan peringatan akhir yang menyedarkan:

فَذَكِّرْ إِنَّمَآ أَنتَ مُذَكِّرٌ ﴿٢١﴾
لَّسْتَ عَلَيْهِم بِمُصَيْطِرٍ ﴿٢٢﴾
إِلَّا مَن تَوَلَّىٰ وَكَفَرَ ﴿٢٣﴾
فَيُعَذِّبُهُ ٱللَّهُ ٱلْعَذَابَ ٱلْأَكْبَرَ ﴿٢٤﴾
إِنَّ إِلَيْنَآ إِيَابَهُمْ ﴿٢٥﴾

ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا حِسَابَهُم ﴿٢٦﴾

"Oleh itu, (wahai Muhammad)! Sampaikan peringatan kerana tugas engkau hanya sebagai penyampai peringatan sahaja(21). Engkau bukannya bertugas sebagai pemaksa ke atas mereka(22). Kecuali orang yang berpaling dari iman dan kufur(23). Maka Allah akan menyeksakannya dengan 'azab yang paling besar(24). Sesungguhnya kepada Kami mereka akan kembali(25). Kemudian Kamilah yang menghisabkan amalan mereka."(26)

Oleh itu, berilah peringatan kepada mereka. Peringatkan mereka dengan alam Akhirat dan segala isinya, dan peringatkan mereka dengan kejadian alam dunia dan segala isinya. Tugasmu ialah memberi peringatan. Inilah sahaja batasan tugasmu, dan inilah sahaja perananmu dalam da'wah. Selain dari itu tiada lagi tugas dan tanggungjawabmu. Hendaklah engkau memberi peringatan, kerana engkau diberi kemudahan dan ditugaskan melaksanakannya:

لَّسْتَ عَلَيْهِم بِمُصَيْطِرٍ ﴿٢٢﴾

"Engkau bukannya ditugas sebagai pemaksa ke atas mereka."(22)

Maksudnya, engkau tidak sedikit pun mempunyai kuasa di atas hati mereka hingga engkau dapat memaksa mereka beriman. Seluruh hati manusia berada di tangan qudrat Allah dan tiada seorang manusia pun dapat menguasainya.

Tujuan Jihad Bukan Untuk Memaksa Manusia

Fardhu jihad yang diwajibkan ke atas orang Mu'min bukan untuk memaksa manusia beriman, malah untuk menghapuskan halangan-halangan yang menyekat da'wah sampai kepada manusia supaya mereka tidak dihalang dari mendengar da'wah dan tidak dianiayai dan ditindas kerana agama mereka apabila mereka menerima da'wah. Tegasnya tujuan jihad ialah untuk menghapuskan rintangan-rintangan di dalam usaha menyampaikan peringatan kepada manusia kerana itulah satu-satunya tugas yang dimiliki Rasulullah.

Serahkan Urusan Penerimaan Da'wah Kepada Perencanaan Allah

Saranan yang mengatakan bahawa peranan Rasulullah s.a.w. di dalam urusan da'wah ialah memberi peringatan dan menyampaikan ajaran Allah adalah diulang-ulang di dalam Al-Qur'an kerana berbagai-bagai sebab: Yang utamanya ialah untuk membebaskan Rasulullah s.a.w. dari memikul beban kerungsingan selepas menyampaikan da'wah kepada manusia, dan menyerahkan urusan itu, kepada perencanaan Allah yang akan menentukannya menurut iradat-Nya. Desakan keinginan manusia yang beriman supaya da'wah yang baik itu tetap menang dan diterima orang ramai merupakan satu desakan yang amat kuat, yang memerlukan kepada saranan-saranan seperti ini yang berulang-ulang kali agar penda'wah mengeluarkan dirinya dan keinginannya yang seperti itu dari bidang da'wah. Kewajipannya ialah terus berda'wah tanpa memikirkan sejauh mana da'wahnya disambut dan diterima, dan sejauh mana hasil usahanya. Ia tidak perlu menyusahkan dirinya dengan kerungsingan-kerungsingan memikirkan orang-orang yang beriman dan orang-orang yang enggan beriman. Ia tidak perlu menyusahkan hatinya dengan kerungsingan-kerungsingan yang berat apabila da'wahnya menghadapi gangguan-gangguan yang buruk, apabila sambutan berkurangan dan apabila penentang-penentang da'wah semakin ramai.

Arahan-arahan Allah yang seperti ini berulang-ulang kali disampaikan kepada Rasulullah s.a.w. Beliau yang memang bersopan santun terhadap Allah dan mengenal batas-batas tugasnya adalah menunjukkan adanya desakan keinginan yang kuat dari manusia yang beriman supaya da'wah Allah itu tetap menang dan diterima orang ramai kerana kebaikan dan rahmat yang dibawa olehnya. Untuk mengatasi desakan keinginan inilah perlunya diberi rawatan dan pengubatan yang berulang-ulang kali.

Serahkan Tugas Menghukum Orang-orang Yang Menolak Da'wah Kepada Allah

Tetapi walaupun batas tugas Rasulullah s.a.w. itu ditentukan sekadar menyampaikan sahaja, namun perkara ini tidak berakhir setakat itu sahaja. Ia tidak bermakna bahawa orang-orang yang menentang da'wah itu akan selamat, kerana di sana ada hukuman Allah dan kepada Allah terserah teraju segala urusan:

إِلَّا مَن تَوَلَّىٰ وَكَفَرَ ﴿٢٣﴾
فَيُعَذِّبُهُ ٱللَّهُ ٱلْعَذَابَ ٱلْأَكْبَرَ ﴿٢٤﴾

"Kecuali orang yang berpaling dari iman dan kufur(23). Maka Allah akan menyeksakannya dengan 'azab yang paling besar." (24)

Mereka pasti akan pulang kepada Allah dan Allah tetap menghukum mereka. Kemudian surah ini diakhiri dengan ungkapan, yang pasti dan tegas:

إِنَّ إِلَيْنَآ إِيَابَهُمْ ﴿٢٥﴾
ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا حِسَابَهُم ﴿٢٦﴾

"Sesungguhnya kepada Kami mereka akan kembali(25). Kemudian Kamilah yang menghisabkan amalan mereka."(26)

Tugas Jihad

Dengan penjelasan ini peranan Rasulullah s.a.w. di dalam da'wah dan peranan penda'wah-penda'wah yang datang selepas beliau telah dihadkan pada batasnya yang tertentu, iaitu tugas engkau ialah memberi peringatan dan selepas itu terserah kepada Allah urusan menghisabkan amalan-amalan mereka. Mereka tetap akan kembali kepada Allah. Mereka tidak mungkin melepaskan diri mereka dari Hisab dan hukuman Allah. Tetapi hendaklah difaham bahawa setengah dari tugas menyampaikan da'wah ialah meng-hapuskan halangan dan rintangan supaya

da'wah sampai kepada manusia. Inilah tugas jihad yang difahamkan dari Al-Qur'an dan dari sirah Rasulullah s.a.w. tanpa kecuaian dan keterlaluan.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-FAJR

SURAH KE

89

سُورَةُ الفَجْرِ

SURAH AL-FAJR

Surah Waktu Fajar

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

30

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَٱلۡفَجۡرِ ﴿١﴾ وَلَيَالٍ عَشۡرٖ ﴿٢﴾

وَٱلشَّفۡعِ وَٱلۡوَتۡرِ ﴿٣﴾ وَٱلَّيۡلِ إِذَا يَسۡرِ ﴿٤﴾

هَلۡ فِي ذَٰلِكَ قَسَمٞ لِّذِي حِجۡرٍ ﴿٥﴾

أَلَمۡ تَرَ كَيۡفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ﴿٦﴾

إِرَمَ ذَاتِ ٱلۡعِمَادِ ﴿٧﴾

ٱلَّتِي لَمۡ يُخۡلَقۡ مِثۡلُهَا فِي ٱلۡبِلَٰدِ ﴿٨﴾

وَثَمُودَ ٱلَّذِينَ جَابُواْ ٱلصَّخۡرَ بِٱلۡوَادِ ﴿٩﴾

وَفِرۡعَوۡنَ ذِي ٱلۡأَوۡتَادِ ﴿١٠﴾

"Demi waktu fajar(1). Dan demi malam-malam yang sepuluh(2). Dan demi (solat) yang genap dan yang ganjil(3). Dan demi malam ketika ia berlalu(4). Tidakkah sumpahku itu merupakan sumpah (yang mengandungi hikmat) kepada orang-orang yang berakal(5). Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhanmu bertindak terhadap kaum 'Ad?(6). Iaitu penduduk negeri Iram yang mempunyai khemah-khemah yang bertiang tinggi(7). Yang tidak pernah diciptakan sepertinya di negeri-negeri yang lain(8). Dan terhadap kaum Thamud yang handal memahat bukit-bukit batu di Wadil-Qura(9). Dan terhadap Fir'aun yang mempunyai binaan-binaan besar yang teguh."(10).

ٱلَّذِينَ طَغَوۡاْ فِي ٱلۡبِلَٰدِ ﴿١١﴾

فَأَكۡثَرُواْ فِيهَا ٱلۡفَسَادَ ﴿١٢﴾

فَصَبَّ عَلَيۡهِمۡ رَبُّكَ سَوۡطَ عَذَابٍ ﴿١٣﴾

إِنَّ رَبَّكَ لَبِٱلۡمِرۡصَادِ ﴿١٤﴾

فَأَمَّا ٱلۡإِنسَٰنُ إِذَا مَا ٱبۡتَلَىٰهُ رَبُّهُۥ فَأَكۡرَمَهُۥ وَنَعَّمَهُۥ

فَيَقُولُ رَبِّيٓ أَكۡرَمَنِ ﴿١٥﴾

"Mereka semua telah bermaharajalela di negeri masing-masing(11). Dan mereka telah melakukan banyak kerosakan(12). Kerana itu Tuhanmu menimpakan ke atas mereka cemeti 'azab(13). Sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawasi (tindak-tanduk hamba-Nya)(14). Adapun manusia, apabila diuji Tuhannya dengan memberikan kepadanya kemuliaan dan ni'mat-ni'mat (yang mewah), maka dia akan berkata (megah): Tuhanku telah memuliakanku(15).

وَأَمَّآ إِذَا مَا ٱبۡتَلَىٰهُ فَقَدَرَ عَلَيۡهِ رِزۡقَهُۥ فَيَقُولُ رَبِّيٓ أَهَٰنَنِ ﴿١٦﴾

كَلَّاۖ بَل لَّا تُكۡرِمُونَ ٱلۡيَتِيمَ ﴿١٧﴾

وَلَا تَحَٰٓضُّونَ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلۡمِسۡكِينِ ﴿١٨﴾

وَتَأۡكُلُونَ ٱلتُّرَاثَ أَكۡلٗا لَّمّٗا ﴿١٩﴾

وَتُحِبُّونَ ٱلۡمَالَ حُبّٗا جَمّٗا ﴿٢٠﴾

"Dan apabila dia diuji Tuhannya dengan menyempitkan rezekinya, maka dia akan berkata (hampa): Tuhanku telah menghinakanku(16). Tidak sekali-kali begitu! Bahkan kamu tidak memuliakan anak yatim(17). Dan kamu tidak saling menggalak untuk memberi makanan kepada orang miskin(18). Dan kamu makan harta pusaka dengan segala kerakusan(19). Dan kamu cintakan harta kekayaan dengan segala kecintaan." (20).

كَلَّآ إِذَا دُكَّتِ ٱلۡأَرۡضُ دَكّٗا دَكّٗا ﴿٢١﴾

وَجَآءَ رَبُّكَ وَٱلۡمَلَكُ صَفّٗا صَفّٗا ﴿٢٢﴾

وَجِاْيٓءَ يَوۡمَئِذِۭ بِجَهَنَّمَۚ يَوۡمَئِذٖ يَتَذَكَّرُ ٱلۡإِنسَٰنُ

وَأَنَّىٰ لَهُ ٱلذِّكۡرَىٰ ﴿٢٣﴾

يَقُولُ يَٰلَيۡتَنِي قَدَّمۡتُ لِحَيَاتِي ﴿٢٤﴾

فَيَوۡمَئِذٖ لَّا يُعَذِّبُ عَذَابَهُۥٓ أَحَدٞ ﴿٢٥﴾

وَلَا يُوثِقُ وَثَاقَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٢٦﴾

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾

ٱرْجِعِىٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾

فَٱدْخُلِى فِى عِبَٰدِى ﴿٢٩﴾ وَٱدْخُلِى جَنَّتِى ﴿٣٠﴾

"Tidak sekali-kali tidak! Apabila bumi telah digegarkan dengan sedahsyat gegaran(21). Dan apabila Tuhanmu tiba dan para malaikat turun berjajar(22). Dan apabila pada hari itu dibawa Neraka Jahannam, maka pada hari itulah baru manusia sedar, tetapi apalah gunanya kesedaran itu?(23). Dia akan merungut: Alangkah bagusnya jika aku telah sediakan amalan amalan yang baik untuk hidupku (di Akhirat)!(24). Pada hari itu, tiada seorang pun yang mengazab sedahsyat 'azab-Nya(25). Dan tiada seorang pun yang Mengikat sedahsyat ikatan-Nya(26). Wahai jiwa yang tenang!(27). Kembalilah kepada Tuhanmu dengan kepuasan dan mendapat keredhaan dari-Nya(28). Dan silalah masuk kedalam kumpulan para hamba kesayangan-Ku(29). Dan silalah masuk ke dalam Syurga-Ku."(30).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini pada umumnya merupakan satu siri dari siri-siri Juzu' 'Amma yang sama yang menyeru hati manusia kepada keimanan, ketaqwaan, kesedaran dan renungan, tetapi ia mengandungi berbagai-bagai pengembaraan, nada-nada pernyataan, berbagai-bagai bayangan yang membentuk satu lagu yang bermacam-macam bunyi, tetapi membawa satu rentak irama yang seimbang.

Pemandangan-pemandangan Indah Dan Tenang

Sesetengah pemandangannya menggambarkan keindahan yang tenang, ciri-ciri dan nada-nada pernyataan yang mesra dan lembut seperti ayat-ayat bahagian permulaan yang menayangkan pemandangan-pemandangan alam ibadat solat di celah-celah pemandangan-pemandangan bayangan:

وَٱلْفَجْرِ ﴿١﴾ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ﴿٢﴾

وَٱلشَّفْعِ وَٱلْوَتْرِ ﴿٣﴾ وَٱلَّيْلِ إِذَا يَسْرِ ﴿٤﴾

"Demi waktu fajar(1). Dan demi malam-malam yang sepuluh(2). Dan demi (solat) yang genap dan yang ganjil(3). Dan demi malam ketika ia berlalu."(4)

Pemandangan Riuh Rendah

Sesetengah pemandangannya pula menggambarkan suasana kedahsyatan, riuh rendah dan gegak gempita, baik dari segi pemandangan mahu pun dari segi bunyi kata-katanya seperti pemandangan yang dahsyat dan ngeri ini.

كَلَّآ إِذَا دُكَّتِ ٱلْأَرْضُ دَكًّا دَكًّا ﴿٢١﴾

وَجَآءَ رَبُّكَ وَٱلْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا ﴿٢٢﴾

وَجِاْىٓءَ يَوْمَئِذٍۭ بِجَهَنَّمَ ۚ يَوْمَئِذٍ يَتَذَكَّرُ ٱلْإِنسَٰنُ

وَأَنَّىٰ لَهُ ٱلذِّكْرَىٰ ﴿٢٣﴾

يَقُولُ يَٰلَيْتَنِى قَدَّمْتُ لِحَيَاتِى ﴿٢٤﴾

فَيَوْمَئِذٍ لَّا يُعَذِّبُ عَذَابَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٢٥﴾

وَلَا يُوثِقُ وَثَاقَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٢٦﴾

"Tidak sekali-kali tidak! Apabila bumi telah digegarkan dengan sedahsyat gegaran(21). Dan apabila Tuhanmu tiba dan para malaikat turun berjajar(22). Dan apabila pada hari itu dibawa Neraka Jahannam, maka pada hari itulah baru manusia sedar, tetapi apalah gunanya kesedaran itu?(23). Dia akan merungut: Alangkah bagusnya jika aku telah sediakan amalan-amalan yang baik untuk hidupku (di Akhirat)!(24). Pada hari itu, tiada seorang pun yang mengazab sedahsyat 'azab-Nya(25). Dan tiada seorang pun yang mengikat sedahsyat ikatan-Nya."(26)

Sesetengah pemandangannya yang lain menggambaikan suasana-suasana kelembutan, ketenangan, keredhaan dan ketenteraman di mana pemandangan-pemandangan dan bunyi kata-kata kelihatan begitu serasi seperti pemandangan di bahagian akhir:

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾

ٱرْجِعِىٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾

فَٱدْخُلِى فِى عِبَٰدِى ﴿٢٩﴾ وَٱدْخُلِى جَنَّتِى ﴿٣٠﴾

"Wahai jiwa yang tenang!(27). Kembalilah kepada Tuhanmu dengan kepuasan dan mendapat keredhaan dari-Nya(28). Dan silalah masuk kedalam kumpulan para hamba kesayangan-Ku(29). Dan silalah masuk ke dalam Syurga-Ku."(30)

Di dalam surah ini juga terdapat singgungan-singgungan sepintas lalu terhadap peristiwa-peristiwa kejatuhan dan keruntuhan umat-umat purba yang zalim dan angkuh. Bunyi ayat-ayatnya begitu imbang di antara nada cerita-cerita yang lembut dengan nada-nada kebinasaan yang keras yang dijelaskan dalam ayat-ayat (6 - 14):

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ﴿٦﴾

إِرَمَ ذَاتِ ٱلْعِمَادِ ﴿٧﴾

ٱلَّتِى لَمْ يُخْلَقْ مِثْلُهَا فِى ٱلْبِلَٰدِ ﴿٨﴾

وَثَمُودَ ٱلَّذِينَ جَابُوا۟ ٱلصَّخْرَ بِٱلْوَادِ ﴿٩﴾

"Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhanmu bertindak terhadap kaum 'Ad?(6). Iaitu penduduk negeri Iram yang mempunyai khemah-khemah yang bertiang tinggi(7). Yang tidak pernah diciptakan sepertinya di negeri-negeri yang lain(8). Dan terhadap kaum Thamud yang handal memahat bukit-bukit batu di Wadil-Qura."(9)

وَفِرْعَوْنَ ذِى ٱلْأَوْتَادِ ﴿١٠﴾ ٱلَّذِينَ طَغَوْا۟ فِى ٱلْبِلَٰدِ ﴿١١﴾

فَأَكْثَرُوا۟ فِيهَا ٱلْفَسَادَ ﴿١٢﴾

فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ ﴿١٣﴾

إِنَّ رَبَّكَ لَبِٱلْمِرْصَادِ ﴿١٤﴾

"Dan terhadap Fir'aun yang mempunyai binaan-binaan besar yang teguh(10). Mereka semua telah bermaharajalela di negeri masing-masing(11). Dan mereka telah melakukan banyak kerosakan(12). Kerana itu Tuhanmu menimpakan ke atas mereka cemeti 'azab(13). Sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawasi (tindak-tanduk hamba-Nya)."(14)

Tanggapan-tanggapan Yang Tidak Berasaskan Keimanan

Di dalam surah ini juga diterangkan persepsi-persepsi manusia dan nilai-nilai pegangannya yang bukan berteraskan keimanan. Penerangan ini mempunyai bentuk pengungkapan dan bunyi nada yang istimewa:

فَأَمَّا ٱلْإِنسَٰنُ إِذَا مَا ٱبْتَلَىٰهُ رَبُّهُۥ فَأَكْرَمَهُۥ وَنَعَّمَهُۥ
فَيَقُولُ رَبِّىٓ أَكْرَمَنِ ﴿١٥﴾

وَأَمَّآ إِذَا مَا ٱبْتَلَىٰهُ فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقَهُۥ فَيَقُولُ رَبِّىٓ أَهَٰنَنِ ﴿١٦﴾

"Adapun manusia, apabila diuji Tuhannya dengan memberikan kepadanya kemuliaan dan ni'mat-ni'mat, maka dia akan berkata (megah): Tuhanku telah memuliakanku(15). Dan apabila dia diuji Tuhannya dengan menyempitkan rezekinya, maka dia akan berkata (hampa): Tuhanku telah menghinakanku."(16)

Kemudian Allah memberikan jawapan-jawapan terhadap persepsi-persepsi yang salah itu dengan menerangkan hakikat keadaan diri mereka yang sebenar yang menjadi punca lahirnya persepsi-persepsi yang salah itu melalui dua ragam ungkapan:

كَلَّا ۖ بَل لَّا تُكْرِمُونَ ٱلْيَتِيمَ ﴿١٧﴾

وَلَا تَحَٰٓضُّونَ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ﴿١٨﴾

وَتَأْكُلُونَ ٱلتُّرَاثَ أَكْلًا لَّمًّا ﴿١٩﴾

وَتُحِبُّونَ ٱلْمَالَ حُبًّا جَمًّا ﴿٢٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu! Bahkan kamu tidak memuliakan anak yatim(17). Dan kamu tidak saling menggalak untuk memberi makanan kepada orang miskin(18). Dan kamu makan harta pusaka dengan segala kerakusan(19). Dan kamu cintakan harta kekayaan dengan segala kecintaan."(20)

Di sini dapat diperhatikan bahawa ragam pengungkapan yang akhir ini merupakan jambatan yang menghubungkan di antara penjelasan mengenai keadaan mereka dengan penjelasan mengenai nasib kesudahan yang menunggu mereka, kerana selepas itu datang ayat:

كَلَّآ إِذَا دُكَّتِ ٱلْأَرْضُ دَكًّا دَكًّا ﴿٢١﴾

"Tidak sekali-kali tidak! Apabila bumi telah digegarkan dengan sedahsyat gegaran(21)

Gaya Pengungkapan Yang Indah

Ia merupakan nada pertengahan dalam kekerasan bunyi di antara bunyi penjelasan yang pertama dengan bunyi ancaman yang akhir.

Dari tayangan yang sepintas lalu ini, terdapat berbagai-bagai pemandangan yang beraneka warna di dalam surah ini serta berbagai-bagai nada dan rentak bunyi pengungkapannya dan berbagai-bagai gaya ceraian kata dan perubahan-perubahan akhir kata yang sama sesuai dengan tujuan-tujuan dan pemandangan-pemandangan yang dibentangkan itu, kerana itu surah ini dari aspek ini merupakan contoh yang sempurna bagi keserasian yang cantik dalam pengungkapan Al-Qur'an[1]. Di samping itu surah ini pada keseluruhannya memperlihatkan pengungkapan yang amat indah dan menarik.

Pokok-pokok pembicaraan yang dibawa oleh pengungkapan-pengungkapan Al-Qur'an yang indah dan seimbang itu adalah dibentangkan dengan terperinci seperti berikut:

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

وَٱلْفَجْرِ ﴿١﴾ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ﴿٢﴾

وَٱلشَّفْعِ وَٱلْوَتْرِ ﴿٣﴾ وَٱلَّيْلِ إِذَا يَسْرِ ﴿٤﴾

هَلْ فِى ذَٰلِكَ قَسَمٌ لِّذِى حِجْرٍ ﴿٥﴾

"Demi waktu fajar(1). Dan demi malam-malam yang sepuluh(2). Dan demi (solat) yang genap dan yang ganjil(3). Dan demi malam ketika ia berlalu(4). Tidakkah sumpahku itu merupakan sumpah (yang mengandungi hikmat) kepada orang-orang yang berakal."(5)

Alam Di Waktu Fajar

Dalam bahagian permulaan surah ini, Allah bersumpah dengan pemandangan-pemandangan dan makhluk-makhluk yang mempunyai roh-roh yang halus lemah-lembut dan mesra:

---

1 *Lihat bab* التناسق الفني *dalam buku* التصوير الفني في القرآن.

وَٱلۡفَجۡرِ ١

"Demi waktu fajar."(1)

Waktu fajar merupakan detik waktu hidup yang mula menggerakkan nafasnya dalam suasana tenang, gembira, senyum mesra dan ketika seluruh alam yang sedang lena itu perlahan-lahan bangkit dari tidurnya, di mana bunyi nafasnya seolah-olah bisikan-bisikan munajat dan detik-detik pembukaan matanya seolah-olah detik-detik berdo'a dan memanjat permohonan. Kemudian:

وَلَيَالٍ عَشۡرٖ ٢

"Dan demi malam-malam yang sepuluh."(2)

Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Malam Yang Sepuluh?

Walaupun Al-Qur'an menyebut **"malam-malam yang sepuluh"** itu secara umum namun terdapat riwayat-riwayat yang menentukannya. Menurut satu riwayat yang dimaksudkan dengan malam-malam yang sepuluh itu ialah sepuluh malam dari bulan Zulhijjah, dan mengikut riwayat yang lain pula ialah sepuluh malam dari bulan Muharram dan dalam satu riwayat lagi ialah sepuluh malam dari bulan Ramadhan. Walau bagaimanapun mengekalkan **"malam-malam yang sepuluh"** dalam pengertiannya yang umum itu lebih mendalam keberkesanannya dan lebih lunak ertinya iaitu sepuluh malam yang berada dalam ilmu Allah dan dipandang mulia di sisi-Nya. Ia menggambarkan bayangan malam-malam yang berperibadi istimewa seolah-olah malam-malam itu merupakan makhluk-makhluk hidup yang bernyawa yang saling bermesra dengan kita dalam pengungkapan Al-Qur'an yang lemah-lembut itu.

وَٱلشَّفۡعِ وَٱلۡوَتۡرِ ٣

"Dan demi (solat) yang genap dan yang ganjil."(3)

Solat Yang Genap Dan Solat yang Ganjil Bilangan Rakaatnya

Ayat ini menggambarkan solat dan ibadat dalam suasana mesra iaitu suasana waktu fajar dan malam-malam yang sepuluh. Tersebut di dalam hadith:

ومن الصلاة الشفع والوتر – (أخرجه الترمذي)

"Dari ibadat solat, ada yang genap dan ada yang ganjil (yakni bilangan rakaatnya)."

Inilah pengertian yang paling sesuai di dalam suasana ini. Di sini roh ibadat yang khusyu' bertemu dengan roh alam yang tenang tenteram, dan di sini juga roh orang-orang yang beribadat, berdialog dengan roh-roh malam yang terpilih di sisi Allah dan dengan roh waktu fajar yang terserlah gemilang.

وَٱلَّيۡلِ إِذَا يَسۡرِ ٤

"Dan demi malam ketika ia berlalu."(4)

Malam Digambarkan Sebagai Perantau Dalam Perjalanan

Malam di sini digambarkan sebagai satu makhluk yang hidup yang berlalu di alam seolah-olah pengawal yang meronda di dalam gelap atau seolah-olah perantau yang memilih waktu malam sebagai masa perjalanannya yang jauh. Alangkah indah ungkapannya, alangkah mesra pemandangan dan alangkah cantik bunyi kata-katanya dan alangkah seimbangnya pula dengan suasana-suasana waktu wajar, malam-malam yang sepuluh, ibadat solat yang genap dan yang ganjil!

Semuanya itu bukannya sekadar kata-kata dan ungkapan-ungkapan sahaja, malah ia merupakan hembusan bayu-bayu waktu fajar dan titis-titis embun yang semerbak harum, atau ia merupakan bisikan mesra kepada hati dan rayuan yang gemulai kepada roh atau sentuhan yang penuh erti kepada hati nurani insan.

Ia merupakan gambaran keindahan yang menarik, yang membisik-bisik lembut dan penuh mesra, satu keindahan yang tidak dapat dibandingkan dengan keindahan persepsi-persepsi penyajak yang bebas, kerana ia merupakan satu keindahan kreatif yang sekaligus menggambarkan hakikat yang benar. Oleh sebab itulah pada akhir ayat diiringi dengan pertanyaan:

هَلۡ فِي ذَٰلِكَ قَسَمٞ لِّذِي حِجۡرٍ ٥

"Tidakkah sumpahku itu merupakan sumpah (yang mengandungi hikmat) kepada orang-orang yang berakal."(5)

Ini satu pertanyaan untuk menegakkan hakikat bahawa sumpah dengan kejadian-kejadian itu merupakan sumpah yang penuh erti dan meyakinkan kepada setiap orang yang berakal fikiran. Penggunaan bentuk pertanyaan untuk menegakkan hakikat itu adalah lebih halus dan sesuai dengan suasana lembut dan membisik dalam ayat-ayat ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 14)

Adapun objek yang menjadi sasaran sumpah ini tidak lagi dijelaskan untuk ditafsirkannya selepas ini, iaitu isu kezaliman, pencabulan, kerosakan dan tindakan Allah menimpakan balasan-Nya ke atas mereka yang melakukan kezaliman dan kerosakan itu. Ia merupakan isu yang benar berlaku, dijadikan objek sumpah itu dalam bentuk sindiran yang sesuai pada umumnya dengan sentuhan-sentuhan surah yang ringan ini:

أَلَمۡ تَرَ كَيۡفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ٦

إِرَمَ ذَاتِ ٱلۡعِمَادِ ﴿٧﴾

ٱلَّتِي لَمۡ يُخۡلَقۡ مِثۡلُهَا فِي ٱلۡبِلَٰدِ ﴿٨﴾

وَثَمُودَ ٱلَّذِينَ جَابُواْ ٱلصَّخۡرَ بِٱلۡوَادِ ﴿٩﴾

"Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhanmu bertindak terhadap kaum 'Ad?(6). Iaitu penduduk negeri Iram yang mempunyai khemah-khemah yang bertiang tinggi(7). Yang tidak pernah diciptakan sepertinya di negeri-negeri yang lain(8). Dan terhadap kaum Thamud yang handal memahat bukit-bukit batu di Wadil-Qura."(9)

وَفِرۡعَوۡنَ ذِي ٱلۡأَوۡتَادِ ﴿١٠﴾

ٱلَّذِينَ طَغَوۡاْ فِي ٱلۡبِلَٰدِ ﴿١١﴾

فَأَكۡثَرُواْ فِيهَا ٱلۡفَسَادَ ﴿١٢﴾

فَصَبَّ عَلَيۡهِمۡ رَبُّكَ سَوۡطَ عَذَابٍ ﴿١٣﴾

إِنَّ رَبَّكَ لَبِٱلۡمِرۡصَادِ ﴿١٤﴾

"Dan terhadap Fir'aun yang mempunyai binaan-binaan besar yang teguh(10). Mereka semua telah bermaharajalela di negeri masing-masing(11). Dan mereka telah melakukan banyak kerosakan(12). Kerana itu Tuhanmu menimpakan ke atas mereka cemeti 'azab(13). Sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawasi (tindak-tanduk hamba-Nya)."(14)

Penggunaan ungkapan pertanyaan dalam persoalan-persoalan seperti ini lebih membangkitkan kesedaran dan perhatian. Ayat-ayat ini pada mulanya ditujukan kepada Nabi s.a.w., kemudian kepada siapa sahaja yang dapat memahami dan meneliti kejatuhan dan kebinasaan umat-umat yang diketahui oleh generasi yang mula-mula menerima Al-Qur'an ini, juga kebinasaan yang telah dibuktikan oleh kesan-kesan sejarah dan cerita-cerita yang masih kekal dihikayatkan oleh generasi-generasi yang silih berganti. Kata-kata:

كَيۡفَ فَعَلَ رَبُّكَ

"Bagaimana Tuhanmu bertindak?"(6)

Kebinasaan Umat 'Ad Dan Thamud

yang menghubungkan tindakan itu kepada Allah menyerapkan perasaan tenteram mesra dan tenang ke dalam hati orang-orang Mu'min, terutama mereka yang sedang menderita di Makkah di bawah penindasan dan kekejaman orang-orang Musyrikin yang zalim dan kejam yang menentang da'wah dan mengawasi setiap langkah penda'wah.

Di dalam ayat-ayat yang pendek itu, Allah kumpulkan semua kisah kejatuhan dan kebinasaan umat-umat yang paling kejam yang dikenali dalam sejarah purba, iaitu kisah kebinasaan umat 'Ad di Iram iaitu umat 'Ad yang pertama. Menurut satu pendapat, mereka adalah dari bangsa Arab tulen atau bangsa Arab di padang gurun. Tempat kediaman mereka ialah di al-Ahqaf, iaitu kawasan bukit pasir di selatan Semenanjung Tanah Arab di antara Hadhramaut dan negeri Yaman. Mereka adalah kaum Badwi yang tinggal di khemah-khemah yang ditegakkan di atas tiang-tiang yang tinggi. Mereka telah disifatkan oleh Al-Qur'an sebagai umat yang gagah dan ganas. Di zaman itu, suku 'Ad merupakan suku yang paling kuat dan terkenal:

ٱلَّتِي لَمۡ يُخۡلَقۡ مِثۡلُهَا فِي ٱلۡبِلَٰدِ ﴿٨﴾

وَثَمُودَ ٱلَّذِينَ جَابُواْ ٱلصَّخۡرَ بِٱلۡوَادِ ﴿٩﴾

"Yang tidak pernah diciptakan sepertinya di negeri-negeri yang lain(8). Dan terhadap kaum Thamud yang handal memahat bukit-bukit batu di Wadil-Qura."(9)

Kaum Thamud tinggal di al-Hijr di utara Semenanjung Tanah Arab di antara Madinah dan Syam. Mereka telah memotong batu-batu bukit untuk membuat istana-istana, dan mereka juga memahat bukit-bukit batu untuk dijadikan rumah-rumah kediaman dan gua-gua.

Kebinasaan Fir'aun

وَفِرۡعَوۡنَ ذِي ٱلۡأَوۡتَادِ ﴿١٠﴾

"Dan terhadap Fir'aun yang mempunyai binaan-binaan besar yang teguh."(10)

Menurut pendapat yang terkuat, yang dimaksudkan dengan binaan-binaan besar yang teguh itu ialah binaan-binaan Ahram (piramid) yang berbentuk seperti pasak yang teguh kukuh di bumi. Raja Fir'aun yang dimaksudkan di sini ialah Raja Fir'aun yang zalim di zaman Nabi Musa a.s.

ٱلَّذِينَ طَغَوۡاْ فِي ٱلۡبِلَٰدِ ﴿١١﴾

فَأَكۡثَرُواْ فِيهَا ٱلۡفَسَادَ ﴿١٢﴾

"Mereka semua telah bermaharajalela di negeri masing-masing(11). Dan mereka telah melakukan banyak kerosakan."(12)

Pemerintahan Yang Zalim Merosakkan Seluruh Kehidupan

Tidak ada di sebalik kemaharajalelaan dan kezaliman itu melainkan ialah kerosakan. Kemaharajalelaan itulah yang merosakkan pemerintah yang zalim dan merosakkan orang-orang yang ditimpa kemaharajalelaan itu. Begitulah juga ia merosakkan perhubungan-perhubungan dalam semua bidang kehidupan. Ia mengubahkan kehidupan manusia dari garisnya yang sihat, bersih dan membina kepada satu garis yang lain yang membuat khilafah manusia di bumi sama sekali tidak dapat ditegakkan.

Kemaharajalelaan membuat pemerintah yang zalim itu tunduk kepada hawa nafsunya, kerana ia tidak pernah merujukkan kepada satu neraca pertimbangan yang tetap, dan tidak pernah berhenti di garis batasan yang jelas. Kerana itu dialah sendiri yang pertama menjadi korban kerosakan. Ia meletakkan dirinya di bumi bukan lagi di tempat seorang hamba yang dilantikkan Allah sebagai khalifah, kerana itu Fir'aun pernah berkata kepada rakyat jelatanya:

أَنَا۠ رَبُّكُمُ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٢٤﴾

"Akulah Tuhan kamu Yang Maha Tinggi."

(Surah an-Naazi'aat: 24)

Kata-kata ini diucapkan setelah ia dirosakkan oleh kezaliman dan kemaharajalelaannya sendiri, dan melampaui batas seorang hamba selaku makhluk Allah hingga tergamak membuat dakwaan yang keji itu. Itulah kemuncak kerosakan.

Kemaharajalelaan dan kezaliman pemerintah juga membuat rakyat jelata menjadi abdi yang hina dan membuat mereka menyimpan dendam kesumat yang terpendam, kerana itu perasaan-perasaan kehormatan insaniyah dan bakat-bakat daya cipta mereka yang bebas akan menjadi lumpuh, kerana bakat-bakat itu hanya dapat berkembang dalam suasana yang bebas sahaja. Jiwa manusia yang dihina itu akan menjadi busuk dan menjadi tanah subur bagi pembiakan ulat-ulat nafsu syahwat yang rendah dan keinginan-keinginan yang tidak sihat, juga menjadi gelanggang berbagai-bagai penyelewengan, dan seterusnya menyebabkan lenyapnya hati nurani dan ketajaman akal fikiran, dan hilangnya semangat dermawan, hemah yang tinggi dan cita-cita yang luhur. Itulah kemuncak kerosakan.

Kemaharajalelaan dan kezaliman pemerintah itu juga menghancurleburkan segala neraca pertimbangan, segala nilai dan segala pemandangan yang lurus dan jujur, kerana neraca-neraca, nilai-nilai dan pandangan-pandangan yang saksama itu merupakan ancaman dan bahaya kepada pemerintah-pemerintah yang zalim. Oleh sebab itu neraca-neraca dan nilai-nilai yang benar itu perlu dipalsukan, dan pandangan-pandangan yang lurus itu perlu diselewengkan supaya ia dapat menerima gambaran kezaliman yang buruk itu. Itulah kemuncak kerosakan.

Cemeti Allah Membelasah Setiap Orang Yang Zalim

Apabila pemerintah-pemerintah yang bermaharaja-lela melakukan berbagai-bagai kerosakan dan kejahatan, maka ubatnya tidak lain dan tidak bukan melainkan permukaan bumi ini harus dibersihkan dari segala kerosakan itu.

فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ ﴿١٣﴾

إِنَّ رَبَّكَ لَبِٱلْمِرْصَادِ ﴿١٤﴾

"Kerana itu Tuhanmu menimpakan ke atas mereka cemeti 'azab.(13) Sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawasi (tindak-tanduk hamba-Nya)."(14)

Tuhanmu sentiasa mengamati mereka dan merakamkan segala tindak-tanduk mereka, dan apabila kerosakan dan kejahatan itu semakin banyak, maka Allah menimpakan ke atas mereka, cemeti 'azab yang membinasakan mereka. Ungkapan ini menimbulkan rasa kesakitan digigit sebatan cemeti apabila ia menyebut kata-kata **"cemeti"** dan menimbulkan rasa di selubungi 'azab apabila ia menyebut kata-kata **"menimpakan ke atas mereka."** Di sini kesakitan yang pedih bercampur dengan rasa diselubungi keseksaan yang menimpa orang-orang yang zalim dan bermaharajalela yang melakukan berbagai-bagai kerosakan dan kejahatan di bumi.

Cerita-cerita kebinasaan umat-umat yang zalim itu mencurahkan rasa ketenangan dan ketenteraman ke dalam hati orang Mu'min yang sedang menghadapi penindasan dan kezaliman di setiap zaman dan tempat.

إِنَّ رَبَّكَ لَبِٱلْمِرْصَادِ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawasi (tindak-tanduk hamba-Nya.)"(14)

Ayat ini melimpahkan suatu perasaan ketenteraman yang istimewa, kerana Tuhanmu adalah Pengawal dan Pemerhati yang tiada suatu pun yang terlepas atau terluput dari kawalan dan pemerhatiannya. Justeru itu setiap Mu'min harus bertenang dan meni'mati tidur nyenyak sepenuh mata, kerana Allah sentiasa mengawasi kezaliman, kejahatan dan kerosakan.

Demikianlah kita dapat melihat contoh-contoh perencanaan Ilahi di dalam urusan da'wah selain dari contoh yang dikemukakan dalam Surah al-Buruj mengenai pembesar-pembesar yang menyeksa manusia dalam parit-parit api, dan dengan contoh-contoh inilah Al-Qur'an telah dan akan terus mendidik orang-orang Mu'min supaya bertenang dan menyerahkan segala-galanya kepada perencanaan Allah yang mengatur segala sesuatu mengikut iradat-Nya.

* * * * * *

إِنَّ رَبَّكَ لَبِٱلْمِرْصَادِ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu itu sentiasa mengawasi (tindak-tanduk hamba-Nya)."(14)

Dialah yang melihat, menghisab dan menentukan balasan mengikut pertimbangan neraca yang halus yang tidak pernah salah, tidak pernah zalim dan tidak pernah terpengaruh kepada rupa bentuk yang lahir, malah yang menjadi perhitungannya ialah hakikat yang benar di dalam segala perkara. Ini berlainan dengan manusia yang selalu membuat pertimbangan-pertimbangan yang salah dan penilaian-penilaian

yang menyeleweng. Mereka tidak nampak melainkan rupa bentuk yang lahir sahaja selama mereka tidak berhubung dengan neraca Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 16)

فَأَمَّا الْإِنسَانُ إِذَا مَا ابْتَلَاهُ رَبُّهُ فَأَكْرَمَهُ وَنَعَّمَهُ
فَيَقُولُ رَبِّي أَكْرَمَنِ ﴿١٥﴾
وَأَمَّا إِذَا مَا ابْتَلَاهُ فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَهَانَنِ ﴿١٦﴾

"Adapun manusia, apabila diuji Tuhannya dengan memberikan kepadanya kemuliaan dan ni'mat-ni'mat (yang mewah), maka dia akan berkata (megah): Tuhanku memuliakanku(15). Dan apabila dia diuji Tuhannya dengan menyempitkan rezekinya, maka dia akan berkata (hampa): Tuhanku telah menghinakanku."(16)

Kefahaman Yang Salah Terhadap Ujian Allah

Inilah kefahaman atau persepsi manusia terhadap ujian-ujian Allah ke atas mereka dalam bentuk kesenangan dan kesusahan hidup, keluasan dan kesempitan mata pencarian. Mereka diuji dengan ni'mat dan kemuliaan, dengan harta dan pangkat, tetapi mereka tidak sedar bahawa semuanya itu hanya suatu ujian dari Allah dengan tujuan untuk menentukan balasan, tetapi mereka menyangka bahawa rezeki yang mewah dan pangkat yang tinggi itu merupakan bukti bahawa mereka memang wajar di sisi Allah untuk menerima kemuliaan itu atau merupakan tanda bahawa mereka telah dipilih Allah, kerana itu mereka menganggapkan ujian dan dugaan itu sebagai balasan dan hasil natijah, dan mereka mengukur darjat kemuliaan di sisi Allah itu dengan keluasan hidup dunia. Dan jika Allah menguji mereka dengan kesempitan mata pencarian, mereka terus menganggapkannya sebagai balasan dan hukuman dari Allah. Mereka memandang kesempitan rezeki sebagai suatu penghinaan dari Allah, kerana pada hemat mereka jika Allah tidak mahu menghinakan mereka, tentulah Ia tidak menyempitkan rezeki mereka.

Kedua-dua kefahaman dan penilaian itu adalah salah belaka, kerana keluasan atau kesempitan rezeki merupakan ujian Allah terhadap hamba-Nya, sama ada mereka memperlihatkan kesyukuran atau keangkuhan terhadap ni'mat itu, dan sama ada mereka memperlihatkan kesabaran atau kebosanan terhadap kesempitan hidup itu, sedangkan balasan ditetapkan kemudian mengikut sikap yang diperlihatkannya. Bukanlah segala pemberian atau penahanan ni'mat-ni'mat dunia itu merupakan balasan dari Allah, kerana nilai seseorang hamba di sisi Allah sama sekali tidak bergantung kepada harta benda atau keluasan hidup dunia yang dimilikinya. Keredhaan dan kemurkaan Allah tidak boleh dicam dari pemberian dan penahanan rezeki yang limpah dalam kehidupan dunia, kerana Allah mengurniakan pemberian-Nya kepada siapa sahaja, sama ada kepada orang yang baik atau kepada orang yang tidak baik, dan Ia juga menahankan pemberian-Nya kepada siapa sahaja, sama ada kepada orang yang baik atau kepada orang yang tidak baik. Yang menjadi pokok pegangan ialah Allah mengurniakan pemberian-Nya untuk menguji, dan menahankan pemberian-Nya juga untuk menguji. Jadi yang dikira dan dipegang ialah hasil dari ujian itu.

Tetapi manusia, apabila hatinya kosong dari iman, tidak dapat memahami hikmat pemahanan dan pemberian ni'mat dan rezeki itu, dan tidak dapat memahami hakikat nilai dalam neraca pertimbangan Allah. Sebaliknya, apabila hatinya dipenuhi keimanan, ia akan berhubung dengan Allah dan akan memahami hikmat di sebalik pemberian dan penahanan ni'mat-ni'mat itu. Kerana itu ni'mat-ni'mat dunia dipandang ringan dalam pertimbangannya. Ia juga sedar terhadap balasan di sebalik ujian itu, kerana itu ia terus berbakti kepada Allah, sama ada di dalam kesenangan atau kesusahan. Ia mengambil sikap bertenang dengan taqdir Allah terhadap dirinya, sama ada di dalam kesenangan atau kesusahan, dan ia mengenal kadar dirinya di dalam neraca pertimbangan Allah tanpa memandang kepada nilai-nilai ni'mat dunia yang lahir dan kosong itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 20)

Punca Kefahaman Yang Salah

Dahulu Al-Qur'an menujukan ayat-ayat ini di Makkah kepada segolongan manusia yang boleh didapati dalam setiap masyarakat jahiliyah yang putus hubungannya dengan alam yang lebih tinggi dan lebih luas dari alam bumi, iaitu golongan manusia yang membuat sangkaan yang salah terhadap Tuhan mereka apabila Dia meluas dan menyempitkan rezeki mereka, juga membuat penilaian yang salah terhadap harga manusia di bumi. Bagi mereka harta kekayaan dan pangkat kebesaran itulah yang menjadi ukuran segala-galanya. Tiada lagi ukuran yang lebih tinggi dari harta kekayaan dan pangkat kebesaran, kerana itu mereka begitu haloba merebut kekayaan dan begitu cinta kepada harta mereka, dan kerana itu mereka mewarisi sifat tamak, rakus, bakhil dan kikir. Justeru itulah Allah mendedahkan rahsia hati mereka dan menjelaskan bahawa sifat tamak haloba dan bakhil itulah yang menjadi punca kesilapan mereka dalam memahami hikmat ujian Allah di sebalik perluasan dan penyempitan rezeki mereka.

كَلَّا ۖ بَل لَّا تُكْرِمُونَ الْيَتِيمَ ﴿١٧﴾
وَلَا تَحَاضُّونَ عَلَىٰ طَعَامِ الْمِسْكِينِ ﴿١٨﴾
وَتَأْكُلُونَ التُّرَاثَ أَكْلًا لَّمًّا ﴿١٩﴾
وَتُحِبُّونَ الْمَالَ حُبًّا جَمًّا ﴿٢٠﴾

"Tidak sekali-kali begitu, bahkan kamu tidak memuliakan anak yatim(17). Dan kamu tidak saling menggalak untuk memberi makanan kepada orang miskin(18). Dan kamu makan harta pusaka dengan segala kerakusan(19). Dan kamu cintakan harta kekayaan dengan segala kecintaan."(20)

Tidak sekali-kali begitu, hakikat yang sebenar bukan seperti yang dikatakan oleh manusia yang kosong dari iman, itu. Keluasan rezeki bukannya bukti seorang itu dimuliakan di sisi Allah, begitu juga kesempitan rezeki bukannya bukti ia dihinakan di sisi Allah. Hakikat yang sebenar ialah kerana kamu tidak menunaikan kewajipan memberi derma dan tidak membayar hak yang wajar di atas harta kekayaan kamu, kamu tidak memuliakan anak yatim yang masih kecil yang telah kehilangan penaung dan pemeliharanya apabila ia ditinggalkan orang tuanya, dan kamu juga tidak berusaha menggalakkan kerjasama untuk memberi makanan kepada orang-orang miskin. Mereka sabar dan tidak mengemis di sana sini sedangkan mereka amat memerlukan bantuan, Allah mengirakan perbuatan meninggalkan usaha menggalakkan kerjasama untuk memberi makanan kepada orang-orang miskin itu sebagai perbuatan yang amat keji. Allah juga menyarankan betapa perlunya gerakan takaful sosial untuk mengarah dan memimpin orang ramai menunaikan kewajipan sosial dan kebajikan umum. Inilah ciri ajaran Islam.

Kamu tidak mengerti makna ujian Allah, dan kamu tidak pernah mencuba untuk berjaya di dalam ujian itu dengan memuliakan anak yatim dan dengan usaha menggalakkan kerjasama untuk memberi makanan kepada orang-orang miskin. Bahkan kamu sebaliknya makan harta pusaka dengan segala kerakusan, dan cintakan harta kekayaan dengan sepenuh hati hingga tidak ada lagi di dalam jiwa kamu semangat dermawan dan murah hati terhadap golongan yang memerlukan bantuan dan makanan.

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini bahawa Islam di negeri Makkah sedang menghadapi golongan manusia yang tamak mengumpulkan harta kekayaan dengan segala cara dan usaha yang menyebabkan hati mereka jadi keras dan kejam. Kelemahan anak-anak yatim telah menggalakkan mereka untuk merampas harta benda mereka dengan berbagai-bagai tipu helah terutama anak-anak yatim perempuan dan terutama harta kekayaan yang ada kaitan dengan pusaka (sebagaimana telah dijelaskan di berbagai-bagai tempat dalam tafsir ini). Kecintaan kepada harta dan usaha mengumpulkan kekayaan dengan mu'amalah riba merupakan satu gejala yang amat ketara di dalam masyarakat Makkah sebelum Islam. Dan itulah ciri masyarakat-masyarakat jahiliyah di sebap zaman dan tempat hingga ke zaman sekarang.

Selain dari mendedahkan rahsia hati mereka yang sebenar, maka ayat-ayat ini merupakan kecaman dan sangkalan terhadap sikap yang seperti ini dengan mengulangi kata كَلَّا (tidak sekali-kali begitu). Kecaman itu juga dapat dilihat pada susunan ungkapan-ungkapan dan nada-nadanya yang melukiskan kerakusan dan ketamakan mereka:

وَتَأْكُلُونَ ٱلتُّرَاثَ أَكْلًا لَّمًّا ١٩

"Dan kamu makan harta pusaka dengan segala kerakusan."(19)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 26)

Suasana Gawat Pada Hari Qiamat

Setelah Al-Qur'an mendedahkan sikap mereka yang keji dan setelah menerangkan kefahaman mereka yang salah terhadap ujian Allah yang memberi ni'mat rezeki atau menahan pemberian ni'mat itu, maka ia mengemukakan pula ancaman ngeri dengan Hari Balasan dan hakikatnya selepas manusia diuji dan diketahui natijahnya dalam satu nada pernyataan yang keras:

كَلَّآ إِذَا دُكَّتِ ٱلْأَرْضُ دَكًّا دَكًّا ٢١

وَجَآءَ رَبُّكَ وَٱلْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا ٢٢

وَجِاْيٓءَ يَوْمَئِذٍۭ بِجَهَنَّمَ ۚ يَوْمَئِذٍ يَتَذَكَّرُ ٱلْإِنسَٰنُ

وَأَنَّىٰ لَهُ ٱلذِّكْرَىٰ ٢٣

يَقُولُ يَٰلَيْتَنِى قَدَّمْتُ لِحَيَاتِى ٢٤

فَيَوْمَئِذٍ لَّا يُعَذِّبُ عَذَابَهُۥٓ أَحَدٌ ٢٥

وَلَا يُوثِقُ وَثَاقَهُۥٓ أَحَدٌ ٢٦

"Tidak sekali-kali tidak, apabila bumi telah digegarkan dengan sedahsyat gegaran(21). Dan apabila Tuhanmu tiba dan para malaikat turun berjajar(22). Dan apabila pada hari itu dibawa Neraka Jahannam, maka pada hari itulah baru manusia sedar, tetapi apalah gunanya kesedaran itu?(23). Dia akan merungut: Alangkah bagusnya jika aku telah sediakan amalan-amalan yang baik untuk hidupku (di Akhirat)!(24) Pada hari itu, tiada seorang pun yang mengazab sedahsyat 'azab-Nya(25). Dan tiada seorang pun yang mengikat sedahsyat ikatan-Nya."(26)

Gegaran atau gempa bumi yang dahsyat itu akan menghancurleburkan tetanda bumi dan meranapkannya. Ia merupakan salah satu perubahan besar alam yang berlaku pada Hari Qiamat. Kehadiran Allah dan para malaikat yang berjajar itu merupakan satu perkara ghaib yang kita tidak ketahui hakikatnya selama kita masih berada di bumi ini, tetapi ungkapan ayat-ayat ini menjadikan kita benar-benar merasa kebesaran dan kehebatan hari itu. Begitu juga perkara pembawaan Neraka pada hari itu kita ambil dengan erti Neraka itu amat dekat kepada mereka atau

orang-orang yang akan diseksa itu didekatkan kepada Neraka. Cukuplah sekadar ini sahaja. Adapun hakikat dan cara yang sebenar yang akan berlaku pada hari itu, maka ia merupakan perkara-perkara ghaib yang disimpankan Allah untuk Hari Qiamat.

Dari ungkapan ayat-ayat ini dan dari irama-iramanya yang keras itu ternampaklah satu pemandangan yang mengerikan hati dan melayukan mata ketika bumi digegarkan dengan gempa-gempa yang amat dahsyat dan ketika Allah Yang Maha Kuasa bertajalli memegang teraju urusan pengadilan dan hukuman, ketika para malaikat berdiri belajar dan ketika Neraka dibawa ke sana dalam keadaan siap-siaga:

وَجِاْىٓءَ يَوْمَئِذٍۭ بِجَهَنَّمَ ۚ يَوْمَئِذٍ يَتَذَكَّرُ ٱلْإِنسَـٰنُ وَأَنَّىٰ لَهُ ٱلذِّكْرَىٰ ﴿٢٣﴾

"Dan apabila pada hari itu dibawa Neraka Jahannam, maka pada hari itulah baru manusia sedar, tetapi apalah gunanya kesedaran itu."(23)

Keinsafan Yang Terlewat Masanya Tidak Berguna

Manusia yang lalai dari hikmat ujian Allah yang menahan dan melimpahkan rezeki, manusia yang telah makan harta pusaka dengan segala kerakusan, manusia yang cintakan kepada harta kekayaannya dan tidak memulia akan anak-anak yatim dan tidak pula menggalakkan orang-orang lain supaya memberi makan kepada orang-orang miskin, manusia yang bertindak zalim, melampau, melakukan berbagai-bagai kerosakan dan berpaling dari iman.... pada hari itu barulah ia teringat kepada ajaran yang benar dan insaf terhadap apa yang dilihat dengan mata kepalanya, tetapi sayang, waktu telah luput, kerana itu:

وَأَنَّىٰ لَهُ ٱلذِّكْرَىٰ ﴿٢٣﴾

"Apalah gunanya kesedaran itu."(23)

Masa untuk mencari keinsafan telah berlalu dan ia tidak akan kembali memberi faedah kepada sesiapa pun pada Hari Balasan itu. Ia akan menjadi satu penyesalan yang besar, kerana kehilangan peluang menyediakan amalan semasa berada di dunia.

Apabila hakikat ini terbentang jelas kepadanya:

يَقُولُ يَـٰلَيْتَنِى قَدَّمْتُ لِحَيَاتِى ﴿٢٤﴾

"Dia akan merungut, alangkah bagusnya jika aku telah sediakan amalan-amalan yang baik untuk hidupku (di Akhirat)!"(24)

Alangkah bahagianya jika aku telah membuat persediaan dengan amalan yang salih untuk kehidupanku di negeri Akhirat, kerana hidup di negeri Akhirat inilah merupakan hidup hakiki yang wajar dengan nama hidup, yang wajar dibuat persediaan dan bekalan untuk menghadapinya. Alangkah bahagianya aku jika ... ! Itulah angan-angan yang membayangkan penyesalan yang jelas, dan itulah sahaja kemuncak yang dapat dilakukan oleh seseorang pada hari Akhirat. Kemudian Al-Qur'an menggambarkan untung nasib mereka setelah mereka meluahkan penyesalan dan angan-angan yang kosong:

فَيَوْمَئِذٍ لَّا يُعَذِّبُ عَذَابَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٢٥﴾ وَلَا يُوثِقُ وَثَاقَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٢٦﴾

"Pada hari itu, tiada seorang pun yang mengazab sedahsyat 'azab-Nya(25). Dan tiada seorang pun yang mengikat sedahsyat ikatan-Nya."(26)

'Azab Yang Tiada Tolok Bandingnya

Itulah Allah Yang Maha Gagah Kuasa yang akan menyeksakan mereka dengan penyeksaan yang tidak ada tolok bandingnya, dan yang akan mengikat dan membelenggu mereka dengan pembelengguan yang tidak pernah dilakukan oleh sesiapapun. Gambaran penyeksaan dan pembelengguan Allah telah diterangkan dengan panjang lebar di dalam surah-surah lain yang menayangkan berbagai-bagai pemandangan di Hari Qiamat, sedangkan dalam surah ini gambaran penyeksaan dan pembelengguan itu hanya disebut secara umum dan disifatkan sebagai sesuatu yang unik yang tidak dapat dibandingkan dengan cara-cara penyeksaan dan pembelengguan yang dilakukan manusia. Penerangan ini sejajar dengan penerangan mengenai kekejaman manusia-manusia zalim yang diwakili oleh kaum 'Ad, Thamud dan Fir'aun yang telah diterangkan di dalam surah ini. Mereka telah melakukan, berbagai-bagai kerosakan dan kejahatan di muka bumi termasuk menyeksa dan mengikat manusia dengan rantai dan belenggu. Ayat-ayat ini seolah-olah berkata: "Wahai Nabi! Wahai orang-orang Mu'min! Inilah Tuhanmu yang akan menyeksa dan membelenggu orang-orang yang zalim yang telah menyeksa dan membelenggukan manusia, tetapi di antara penyeksaan dan pembelengguanku dengan penyeksaan dan pembelengguan mereka terdapat perbezaan yang amat jauh. Alangkah ringannya penyeksaan dan pembelengguan makhluk! Dan alangkah beratnya penyeksaan dan pembelengguan Khaliq! Biarlah mereka mengazab dan membelenggu manusia seperti mereka, kerana mereka akan dibalas dengan penyeksaan dan pembelengguan yang di luar kefahaman dan dugaan manusia!

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 30)

Orang Yang Berjiwa Mutma'innah Dipersilakan Masuk Ke Dalam Syurga

Di tengah-tengah suasana Qiamat yang ngeri dan di tengah-tengah suasana penyeksaan dan pembelengguan yang dahsyat dan di luar segala kefahaman itu, tercetuslah suara panggilan dari al-Mala'ul-A'la menyeru orang yang beriman:

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ ٱرْجِعِىٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾ فَٱدْخُلِى فِى عِبَٰدِى ﴿٢٩﴾ وَٱدْخُلِى جَنَّتِى ﴿٣٠﴾

"Wahai jiwa yang tenang!(27). Kembalilah kepada Tuhanmu dengan penuh kepuasan dan mendapat keredhaan dari-Nya(28). Dan silalah masuk ke dalam kumpulan para hamba kesayangan-Ku(29). Dan silalah masuk ke dalam Syurga-Ku."(30)

Demikianlah ia diseru dengan penuh mesra dan lemah-lembut: **"Wahai"**. Ia diseru dengan ciri kerohaniyah dan penuh penghormatan: **"Wahai jiwa"**. Ia diseru dengan memberi sanjungan dan ketenangan:

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾

"Wahai jiwa yang tenang!"(27)

Dan di tengah-tengah suasana belenggu dan ikatan itu muncul kebebasan, kesenangan dan kemewahan:

ٱرْجِعِىٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾

"Kembalilah kepada Tuhanmu dengan kepuasan dan mendapat keredhaan-Nya."(28)

Yakni kembalilah kepada asal mulamu setelah berpisah dengan bumi dan bercerai dengan dunia. Pulanglah kepada Tuhanmu kerana di antara Dia dan engkau terdapat hubungan dan perkenalan yang kukuh. Kembalilah:

رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾

"Dengan kepuasan dan mendapat keredhaan dari-Nya."(28)

Ia diseru sedemikian lembut yang membuat suasana seluruhnya diselubungi kemesraan yang bertimbal balik, kepuasan dan keredhaan:

فَٱدْخُلِى فِى عِبَٰدِى ﴿٢٩﴾

"Dan silalah masuk ke dalam kumpulan para hamba kesayangan-Ku." (29)

Iaitu para hamba-Ku yang mukarrabin yang dipilih untuk mendapatkan darjat itu.

وَٱدْخُلِى جَنَّتِى ﴿٣٠﴾

"Dan silalah masuk ke dalam Syurga-Ku."(30)

Di bawah naungan dan rahmat-Ku.

Dari seruan pertama:

يَٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾

"Wahai jiwa yang tenang!"(27)

lagi jelas terbayang rasa kasih mesra Ilahi yang mengusap jiwa-jiwa penghuni Syurga, iaitu jiwa yang tenang tenteram terhadap Allah dan jalan hidupnya, terhadap qadha' dan qadar Allah yang ditetapkan ke atas dirinya, juga jiwa yang tenang tenteram, sama ada di dalam kesenangan atau kesusahan, sama ada dalam, keluasan atau kesempitan, sama ada ia dikurnia atau ditahankan kurnia, ia selama-lamanya tetap tenang tenteram, tidak ragu-ragu, tidak menyeleweng dan tidak teragak-agak di tengah jalan dan tidak gentar pada Hari Qiamat yang ngeri.

Kemudian ayat-ayat itu berlalu berturut-turut menyelubungi seluruh suasana dengan keamanan, kepuasan, ketenteraman dan irama kata-kata yang lemah-lembut di sekeliling pemandangan yang membayangkan rasa kemesraan, hubungan yang dekat dan rasa ketenangan, itulah Syurga dengan hembusan-hembusan bayunya yang nyaman dan menyegar menjenguk di celah-celah ayat ini, dan di atasnya muncul tajalli wajah ar-Rahman Yang Mulia dan Maha Gemilang.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-BALAD

SURAH KE

90

سُورَةُ البَلَدِ

SURAH AL-BALAD

Surah Negeri Makkah

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

20

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

لَآ أُقۡسِمُ بِهَٰذَا ٱلۡبَلَدِ ١
وَأَنتَ حِلُّۢ بِهَٰذَا ٱلۡبَلَدِ ٢ وَوَالِدٖ وَمَا وَلَدَ ٣
لَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ فِي كَبَدٍ ٤
أَيَحۡسَبُ أَن لَّن يَقۡدِرَ عَلَيۡهِ أَحَدٞ ٥
يَقُولُ أَهۡلَكۡتُ مَالٗا لُّبَدًا ٦
أَيَحۡسَبُ أَن لَّمۡ يَرَهُۥٓ أَحَدٌ ٧
أَلَمۡ نَجۡعَل لَّهُۥ عَيۡنَيۡنِ ٨ وَلِسَانٗا وَشَفَتَيۡنِ ٩
وَهَدَيۡنَٰهُ ٱلنَّجۡدَيۡنِ ١٠ فَلَا ٱقۡتَحَمَ ٱلۡعَقَبَةَ ١١
وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا ٱلۡعَقَبَةُ ١٢ فَكُّ رَقَبَةٍ ١٣
أَوۡ إِطۡعَٰمٞ فِي يَوۡمٖ ذِي مَسۡغَبَةٖ ١٤
يَتِيمٗا ذَا مَقۡرَبَةٍ ١٥ أَوۡ مِسۡكِينٗا ذَا مَتۡرَبَةٖ ١٦
ثُمَّ كَانَ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلصَّبۡرِ وَتَوَاصَوۡاْ
بِٱلۡمَرۡحَمَةِ ١٧
أُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلۡمَيۡمَنَةِ ١٨
وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِنَا هُمۡ أَصۡحَٰبُ ٱلۡمَشۡـَٔمَةِ ١٩
عَلَيۡهِمۡ نَارٞ مُّؤۡصَدَةُۢ ٢٠

"Sesungguhnya aku bersumpah dengan negeri ini (Makkah)(1). Sedangkan engkau pula tinggal di negeri ini(2). Dan demi bapa dan anak-anaknya(3). Sesungguhnya Kami jadikan manusia sentiasa dalam perjuangan yang sukar dan penat(4). Adakah dia (manusia) menyangka tiada seorang pun akan dapat menguasainya?(5).Dia berkata (ria'): Aku telah menghabiskan harta yang banyak(6). Adakah dia menyangka tiada seorang pun yang melihatnya?(7). Bukankah Kami telah jadikan untuknya dua biji mata?(8). Sekeping lidah dan dua ulas bibir?(9). Dan bukankah Kami telah tunjukkan kepada-nya jalan kebaikan dan jalan kejahatan(10).Oleh itu, mengapakah dia tidak tempuhkan jalan yang sukar?(11). Tahukah engkau, apakah jalan yang sukar itu?(12). Iaitu membebaskan hamba(13). Atau memberi makanan pada hari berlaku kebuluran(14). Kepada anak yatim yang mempunyai hubungan keluarga(15).Atau kepada orang miskin yang berselekeh dengan tanah(16). Kemudian ia termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman yang saling berpesan supaya bersikap sabar dan saling berpesan supaya bersikap belas kasihan(17). Merekalah golongan kanan(18). Dan orang-orang yang mengkufuri ayat-ayat Kami merekalah golongan kiri(19). Pintu Neraka itu ditutupkan ke atas mereka."(20).

Surah yang pendek ini mengandungi berbagai-bagai hakikat pokok dalam kehidupan manusia yang memberi saranan-saranan yang memberi dorongan dan sentuhan-sentuhan yang memberi ilham. Pengumpulan hakikat-hakikat yang sebanyak ini adalah sukar untuk diisikan dalam ruangan yang sekecil ini di dalam buku yang lain dari Al-Qur'anul-Karim. Hakikat-hakikat ini disampaikan secara sentuhan-sentuhan sekilas dan mendalam dengan gaya penyampaian yang unik yang memukul tali hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

Surah ini dimulakan dengan sumpah untuk menerangkan satu hakikat yang kukuh dalam kehidupan manusia.

لَآ أُقۡسِمُ بِهَٰذَا ٱلۡبَلَدِ ١
وَأَنتَ حِلُّۢ بِهَٰذَا ٱلۡبَلَدِ ٢ وَوَالِدٖ وَمَا وَلَدَ ٣
لَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ فِي كَبَدٍ ٤

"Sesungguhnya aku bersumpah dengan negeri ini (Makkah)(1). sedangkan engkau pula tinggal di negeri ini(2). Dan demi bapa dan anak-anaknya(3). Sesungguhnya Kami jadikan manusia sentiasa dalam perjuangan yang sukar dan penat."(4)

Keistimewaan Negeri Makkah

Negeri yang dimaksudkan di sini ialah negeri Makkah Baitullahil-Haram, iaitu rumah ibadat yang pertama yang ditetapkan Allah kepada manusia untuk menjadi pusat perhimpunan ibadat mereka yang aman damai. Di sinilah mereka harus meletakkan senjata, pergaduhan dan perseteruan mereka dan berkumpul dengan aman damai, dan mereka diharamkan menceroboh satu sama lain. Begitu juga diharamkan segala pokok kayu, burung-burung dan hidup-hidupannya yang terdapat dalam kawasannya. Baitullah itu juga merupakan rumah yang dibina oleh Nabi Ibrahim a.s. bapa kepada Nabi Ismail a.s. yang menjadi moyang umat Arab dan umat Muslimin seluruhnya.

Allah menghormati Nabi-Nya Muhammad s.a.w., lalu ia menyebutkannya dan menyebut sejarah ia mendiami di negeri itu. Ini merupakan satu peristiwa yang menambahkan lagi kehormatan, kemuliaan dan keagungan negeri Makkah. Dan ini merupakan satu isyarat yang membawa makna yang mendalam di tempat ini, kerana kaum Musyrikin mencabulkan kesucian Baitullah, mengganggu Nabi dan orang-orang Islam yang tinggal di sana. Baitullah itu adalah sebuah rumah yang mulia, dan kemuliaannya bertambah besar lagi apabila Rasulullah s.a.w. sendiri tinggal di sana. Dan apabila Allah bersumpah dengan negeri Makkah dan dengan Nabi yang tinggal di situ, bererti Ia telah menambahkan kemuliaan dan keagungannya. Dan dengan itu pendirian kaum Musyrikin, yang mendakwa diri mereka sebagai penjaga rumah Allah dan sebagai anak cucu Ismail yang berpegang dengan agama Ibrahim itu, kelihatan begitu jelik dan buruk dari segala segi.

Siapakah Yang Dimaksudkan Dengan Bapa Dan Anak-anak?

Pengertian ini mungkin dapat dijadikan alasan untuk mengatakan bahawa ayat:

وَوَالِدٍ وَمَا وَلَدَ ﴿٣﴾

"Dan demi bapa dan anak-anaknya"(3)

adalah isyarat khusus kepada Nabi Ibrahim atau Nabi Ismail a.s., dengan erti Allah bersumpah dengan negeri Makkah dan dengan Rasulullah yang tinggal di dalamnya dan dengan pengasas pertama negeri itu dan anak cucunya. Walau bagaimanapun, pentafsiran ini tidak pula menolak bahawa yang dimaksudkan dengan ayat ini ialah pengertiannya yang bebas iaitu pengertian bapa dan anak secara umum. Dan ini merupakan isyarat kepada asal mula, kejadian manusia sebagai pendahuluan untuk membicarakan tentang hakikat insan yang menjadi bahan ulasan pokok surah ini.

Pendapat As-Syeikh Muhammad 'Abduh

Dalam hubungan ini al-Ustaz al-Imam as-Syeikh Muhammad 'Abduh dalam tafsirnya "Juzu' 'Amma" telah mengemukakan satu pandangan yang baik yang sesuai dengan semangat tafsir Fi Zilalil-Qur'an ini. Di sini kami petikkan sebahagian darinya. Ujar beliau Rahimahullah:

"Kemudian Allah bersumpah dengan bapa dan anak untuk menarik perhatian kita kepada betapa pentingnya peringkat beranak pinak ini kepada kewujudan manusia. Ia menarik perhatian kita kepada hikmat-hikmatnya yang mendalam kepada penciptaan Allah yang rapi. Seterusnya ia menarik perhatian kita kepada kesukaran-kesukaran yang dialami oleh ibu bapa dan anak-anak dalam usaha-usaha memula dan menyempurnakan asuhan dan didikan supaya anak-anak itu subur dan berkembang hingga sampai ke tahap kesuburan yang ditentukan Allah kepadanya.

"Apabila anda memikirkan tumbuh-tumbuhan bagaimana sukarnya pengalaman yang dialami oleh benihnya di peringkat-peringkat pertumbuhan. Ia terpaksa melawan kesan-kesan udara dan terpaksa berusaha menyedutkan makanannya dari unsur-unsur yang terdapat di sekelilingnya hingga ia subur menjadi sebatang pokok yang lengkap dengan ranting-ranting dan dahan-dahannya dan akhirnya menjadi pokok yang sanggup melahirkan benih-benih yang baru untuk mengulangi peranannya dan menghiaskan bumi dengan pandangan-pandangannya yang indah. Apabila anda hadirkan kejadian tumbuh-tumbuhan ini di dalam minda anda dan menoleh pula kepada kejadian yang lebih tinggi dari tumbuh-tumbuhan, iaitu kejadian binatang dan manusia, nescaya anda akan dapati bahawa persoalan bapa dan anak pada dua makhluk ini adalah lebih besar lagi, dan anda akan dapati kesulitan-kesulitan yang dihadapi makhluk-makhluk ini dalam usaha memelihara jenis masing-masing, dan mengekalkan keindahan alam dengan rupa bentuk mereka adalah lebih sukar dan besar lagi."

Hidup Manusia Dalam Gelombang Kesulitan

Allah membuat sumpahan ini untuk menerangkan satu hakikat yang tetap dalam hidup manusia iaitu:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ فِي كَبَدٍ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Kami jadikan manusia sentiasa dalam perjuangan yang sukar dan penat."(4)

Ia sentiasa menghadapi kesulitan demi kesulitan, kepenatan demi kepenatan dan perjuangan demi perjuangan sebagaimana firman-Nya dalam surah yang lain:

يَا أَيُّهَا الْإِنسَانُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَىٰ رَبِّكَ كَدْحًا فَمُلَاقِيهِ ﴿٦﴾

"Wahai insan! Sesungguhnya engkau bekerja dengan begitu penat menuju kepada Tuhanmu, maka (pada akhirnya) engkau tetap akan menemui-Nya."

(Surah al-Insyiqaq: 6)

Kesukaran Yang Dilaui Insan Dari Alam Rahim Ke Alam Nyata

Sebaik sahaja sel pertama dari benih manusia menetap di dalam rahim, ia terus mula menghadapi perjuangan dan penat lelah untuk mendapatkan suasana-suasana yang sesuai untuk menjalani hidupnya dan mendapat makanannya dengan izin Tuhannya. Dan sel itu akan terus berkembang dalam keadaan seperti itu sehingga tiba sa'at kelahirannya ke alam dunia. Ketika itu, ia dan ibunya akan mengalami kesulitan dan kesakitan bersalin. Apabila ia hampir melihat cahaya dunia, badannya terus dihimpit, ditekan dan ditolak hingga hampir-hampir tercekik semasa dalam pelajanan keluar dari rahim ibunya.

Sejak detik pertama kelahirannya ini, ia mula menghadapi kepayahan dan kesulitan yang lebih berat iaitu kepayahan untuk memulakan proses pernafasan yang belum pernah dialaminya. Bagi kali yang pertama, bayi itu membuka mulutnya dan menggerakkan paru-parunya untuk menyedut dan menghembuskan nafas dengan teriak tangis yang membayangkan kesukaran daln kesulitan memulakan kehidupan. Kemudian sistem penghadaman makanan dan pengedaran darah memulakan kegiatannya yang luar biasa. Ia mengalami kesulitan-kesulitan membuang air sehingga ia dapat membiasakan tali perutnya melaksanakan tugas yang baru itu, dan setelah itu ia akan terus menghadapi perjuangan demi perjuangan dalam setiap langkah dan geraknya. Sesiapa yang melihat bayi ketika hendak merangkak dan berjalan, dapatlah ia fikirkan betapa banyaknya daya usaha dan kepenatan yang dicurahkannya untuk melaksanakan pergerakan yang mudah itu.

Kemudian perjuangan dan penat lelah yang baru akan timbul pula apabila giginya tumbuh, apabila ia hendak berdiri, apabila ia hendak menghayunkan langkah-langkah yang tetap, apabila ia hendak mempelajari dan memikirkan sesuatu, malah setiap percubaan yang baru itu merupakan perjuangan dan usaha yang memenatkan sama seperti percubaan-percubaannya untuk merangkak dan berjalan.

Kemudian berlakulah perbezaan cara hidup dan muncul berbagai jenis kesulitan; ada yang bekerja dengan tenaga otot-ototnya, ada yang berusaha dengan menggunakan fikirannya dan ada yang bekerja mempertaruhkan nyawanya. Ada yang berjuang hanya untuk mendapat sesuap nasi dan sehelai pakaian. Ada pula yang berjuang supaya seribu menjadi dua ribu atau puluhan ribu. Ada yang berjuang untuk merebut kuasa atau pangkat, ada yang berjuang untuk jalan Allah dan ada yang berjuang untuk mencapai kepuasan hawa nafsunya, ada yang berjuang kerana 'aqidah dan da'wah. Ada yang berjuang menuju ke Neraka dan ada yang berjuang menuju ke Syurga. Setiap orang memikul beban hidupnya dan mendaki jalan hidupnya dengan penuh penderitaan menuju kepada Allah dan akhirnya ia menemui-Nya, di sanalah kesengsaraan yang paling besar akan menimpa orang-orang yang celaka, dan di sanalah kerehatan yang paling besar akan dini'mati oleh orang-orang yang berbahagia.

Perjuangan Dan Penderitaan Itulah Sifat Kehidupan Di Dunia

Kesulitan dan kesukaran itulah sifat kehidupan di dunia. Walaupun bentuk-bentuknya dan sebab-sebabnya itu berbeza-beza, tetapi kesudahannya ialah kesulitan dan kesukaran belaka. Orang yang paling rugi ialah orang yang mengalami penderitaan perjuangan hidup di dunia, tetapi berakhir dengan kesengsaraan yang lebih dahsyat dan pahit di Akhirat, dan orang yang paling beruntung ialah orang yang berjuang dan menderita dalam perjalanan menuju Allah untuk menemui-Nya dengan kelayakan-kelayakan yang menghapuskan penderitaan hidup itu, dan berakhir di Akhirat dengan kesenangan dan kerehatan yang paling besar di bawah naungan Allah.

Walau bagaimanapun, di dunia ini sendiri manusia mendapat sebahagian ganjaran atau balasan dari berbagai-bagai usaha perjuangan dan kesulitan. Orang yang berjuang kerana satu tujuan yang besar tidak sama dengan orang yang berjuang kerana satu tujuan yang kecil, iaitu tidak sama dari segi ketenteraman hati dan kegembiraan memberi tenaga dan berkorban, kerana orang yang berjuang yang bebas dari tekanan-tekanan tanah atau berjuang untuk membebaskan diri dari tekanan-tekanan itu tidak sama dengan orang yang berjuang untuk menyelam ke dalam lumpur dan berpeluk dengan tanah seperti serangga-serangga dan ulat-ulat, orang yang mati dalam perjuangan da'wah tidak sama dengan orang yang mati dalam perjuangan nafsu, iaitu tidak sama dari segi perasaannya terhadap penderitaan dan penat lelah yang dialaminya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 7)

Tindakan Manusia Yang Lupakan Hakikat Dirinya

Selepas menerangkan hakikat hidup manusia, Allah memperkatakan pula beberapa dakwaan dan persepsi manusia yang ditunjukkan oleh tindak-tanduknya:

أَيَحْسَبُ أَن لَّن يَقْدِرَ عَلَيْهِ أَحَدٌ ﴿٥﴾
يَقُولُ أَهْلَكْتُ مَالًا لُّبَدًا ﴿٦﴾
أَيَحْسَبُ أَن لَّمْ يَرَهُۥٓ أَحَدٌ ﴿٧﴾

"Adakah dia (manusia) menyangka tiada seorang pun yang akan dapat menguasainya?(5). Dia berkata (ria') aku telah menghabiskan harta yang banyak(6). Adakah dia menyangka tiada seorang pun yang melihatnya?"(7)

Manusia yang sentiasa berjuang dan tidak terlepas dari menderita kesulitan dan kesukaran itu telah lupakan hakikat diri mereka dan terkeliru dengan ni'mat-ni'mat kekuatan, daya qudrat, kekuatan jiwa dan kesenangan hidup yang dikurniakan Allah

Penciptanya, kerana itu mereka bertindak seperti orang yang tidak mengira bahawa mereka bertanggungjawab terhadap tindakan mereka dan tidak berfikir bahawa ada yang lebih berkuasa menguasai mereka dan seterusnya menghisabkan segala tindak-tanduk mereka. Oleh sebab itu mereka bertindak kejam dan ganas, mereka merampas dan merompak, mereka mengumpul kekayaan sebanyak-banyaknya, mereka melakukan segala kejahatan dan kemungkaran tanpa takut dan bimbang kepada sesiapa. Itulah sifat manusia yang berhati tandus dari iman.

Kemudian apabila ia diseru kepada kebajikan dan pengorbanan seperti di bidang-bidang kebajikan yang disebut dalam surah ini ia akan berkata:

يَقُولُ أَهْلَكْتُ مَالًا لُّبَدًا ٦

"Aku telah habiskan harta yang banyak."(6)

Yakni aku telah mengeluarkan perbelanjaan sekian banyak dan cukuplah dengan pengorbanan aku yang sebanyak itu.

أَيَحْسَبُ أَن لَّمْ يَرَهُۥٓ أَحَدٌ ٧

"Adakah ia menyangka tiada seorang pun yang melihatnya?"(7)

Lupakah dia bahawa mata pengawasan Allah melihatnya, dan bahawa ilmu Allah mengetahui segala rahsia dirinya. Ya, Allah sentiasa melihat apa yang dibelanjakannya, dan mengapa ia membelanjakannya. Tetapi manusia seolah-olah lupakan hakikat ini, dan seolah-olah menyangka bahawa dirinya terlindung dari pandangan Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 10)

Di hadapan keangkuhan yang membuat manusia merasa dirinya cukup kuat, dan di hadapan kekikiran yang membuat mereka begitu sayangkan harta dan mendakwa bahawa mereka telah pun berkorban dengan banyaknya, maka Al-Qur'an mencabar mereka dengan menyebutkan ni'mat-ni'matnya yang amat banyak pada tubuh badan mereka sendiri, pada struktur kejadiannya, pada ciri-ciri tabi'atnya dan pada kesediaan-kesediaan jiwa mereka yang semulajadi, iaitu ni'mat-ni'mat yang tidak pernah disyukuri mereka dan ditunaikan hak-haknya:

أَلَمْ نَجْعَل لَّهُۥ عَيْنَيْنِ ٨

وَلِسَانًا وَشَفَتَيْنِ ٩ وَهَدَيْنَٰهُ ٱلنَّجْدَيْنِ ١٠

"Bukankah Kami telah jadikan untuknya dua biji mata?(8). Sekeping lidah dan dua ulas bibir?(9). Dan bukankah Kami telah tunjukkan kepadanya jalan kebaikan dan jalan kejahatan."(10)

Manusia merasa angkuh dengan kekuatan dirinya, sedangkan Allahlah yang mengurniakan kekuatan itu. Manusia begitu kikir dengan harta kekayaannya, sedangkan Allahlah yang memberikan kekayaan itu. Manusia menolak hidayat Allah dan tidak bersyukur kepada-Nya, sedangkan Allah telah menciptakan untuknya alat-alat pancaindera yang sempurna untuk memandu mereka di alam benda ini. Allah ciptakan untuknya dua biji mata yang halus susunannya dan mempunyai daya penglihatan yang kuat. Allah bezakan manusia dari lain-lain makhluk dengan daya bertutur dan memberikannya alat bertutur yang sempurna: **"Sekeping lidah dan dua ulas bibir".** Kemudian Allah lengkapkan dalam jiwanya dengan daya-daya kefahaman untuk mengenalpastikan mana yang baik dan mana yang jahat, untuk membezakan hidayat dari kesesatan, kebenaran dari kebatilan:

وَهَدَيْنَٰهُ ٱلنَّجْدَيْنِ ١٠

"Dan bukankah Kami telah tunjukkan kepadanya jalan kebaikan dan jalan kejahatan."(10)

Supaya ia dapat membuat pilihan yang disukainya. Memanglah tabi'at semulajadi manusia mempunyai dua kesediaan untuk menempuh dua jalan itu. Dengan kehendak Allah, Dia telah mengurniakan kepada manusia kebolehan untuk melalui mana satu jalan yang disukainya, dan ini adalah sesuai dengan hikmat penciptaan Allah yang memberikan kepada setiap makhluk-Nya segala sesuatu yang sesuai dengan kejadiannya supaya masing-masing senang menjalankan tugasnya di alam ini.

Ayat ini mendedahkan tabi'at manusia, dan ayat ini juga merupakan asas "teori kajian psikologi Islam" di samping ayat-ayat yang lain dalam Surah asy-Syams:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّىٰهَا ٧

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَىٰهَا ٨

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ٩

وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ١٠

"Demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna(7). Kemudian Allah mengilhamkan kepadanya jalan kejahatan dan jalan taqwanya(8). Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkannya(9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang membenamkannya."(10)

(Surah asy-Syams)

Kami tundakan huraiannya yang lebih terperinci di tempat yang lain dalam tafsiran Surah asy-Syams kerana ia mempunyai bidang yang lebih luas.

* * * * * *

Lidah Dan Mulut Boleh Menghumbankan Seseorang Ke Dalam Neraka

Ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan khusus kepada manusia pada struktur kejadiannya itu sepatutnya boleh membantunya untuk mencari jalan hidayat. Dua biji matanya dapat melihat bukti-bukti qudrat Allah dan bukti-bukti yang mencetuskan keimanan yang terbentang di permukaan alam dan tersebar di merata pelosok dan liku-likunya. Sekeping lidah dan dua ulas bibir merupakan alat pernyataan dan pengungkapan yang membolehkan manusia melakukan berbagai-bagai perkara. Kadang-kadang kekuatan kata-kata menyamai kekuatan pedang dan alat-alat letupan, dan kadang-kadang kata-kata indah itulah yang menghumbankan manusia ke dalam Neraka, di samping ia boleh mengangkatkan manusia ke darjat yang tinggi. Menurut sebuah hadith: Dari Mu'az ibn Jabal r.a. katanya: Suatu masa aku bersama-sama Rasulullah s.a.w. dalam satu persafiran. Pada suatu hari, aku berada dekat dengannya semasa kami sedang berjalan, lalu aku berkata: 'Ya Rasulullah! Ceritakan kepadaku, apakah amalan yang boleh memasukkanku ke dalam Syurga dan menjauhkanku dari Neraka?" Jawab Rasulullah s.a.w.:

سألت عن عظيم وإنه ليسير على من يسره الله عليه : تعبد الله ولا تشرك به شيئاً ، وتقيم الصلاة وتؤتي الزكاة وتصوم رمضان وتحج البيت . ثم قال : ألا أدلك على أبواب الخير؟ قلت : بلى يا رسول الله . قال : الصوم جنة ، والصدقة تطفئ الخطيئة كما يطفئ الماء النار ، وصلاة الرجل في جوف الليل شعار الصالحين ،

"Engkau bertanya perkara yang amat besar, tetapi perkara ini adalah mudah kepada orang yang ditaufikkan Allah, iaitu hendaklah engkau menyembah Allah dan jangan sekutui-Nya dengan suatu apa pun, hendaklah engkau tekun mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa bulan Ramadhan dan menunaikan Haji ke Baitullah. Kemudian beliau bersabda lagi: "Tidakkah engkau suka aku tunjukkan kepadamu segala pintu kebaikan?" Lalu aku menjawab: "Suka, ya Rasulullah!" Beliau pun bersabda: "Puasa itu perisai, sedekah itu memadamkan dosa sebagaimana air memadamkan api, solat di tengah malam adalah syi'ar para Salihin".

Lalu beliau membaca ayat:

تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾

"Lambung-lambung mereka jauh dari tempat-tempat tidur (mereka tidak tidur kerana mendirikan solat), mereka berdo'a kepada Tuhan mereka dengan penuh ketakutan dan harapan (mendapatkan rahmat-Nya) dan mereka mengorbankan sebahagian rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka ke jalan Allah"

(Surah as-Sajadah: 16)

kemudian beliau bersabda lagi:

ألا أخبرك برأس الأمر وعموده وذروة سنامه ؟ قلت : بلى يا رسول الله . قال : رأس الأمر الإسلام وعموده الصلاة وذروة سنامه الجهاد .

"Sukakah engkau, aku ceritakan kepadamu perkara yang menjadi pokok pangkal, tiang seri dan kemuncak segala sesuatu?" Jawabku: "Benar, ya Rasulullah." Lalu beliau bersabda: "Yang menjadi pokok pangkal segala sesuatu ialah Islam, dan yang menjadi tiang serinya ialah solat, dan yang menjadi kemuncaknya ialah jihad."

Kemudian beliau bersabda lagi:

ألا أخبرك بملاك ذلك كله ؟ قلت : بلى يا رسول الله. قال: كف عليك هذا ، وأشار إلى لسانه . قلت : يا نبي الله وإنا لمؤا خذون بما نتكلم به ؟ قال : ثكلتك أمك ! وهل يكب الناس في النار على وجوههم – أو قال : على مناخرهم – إلا حصائد ألسنتهم ؟ –

(رواه أحمد والترمذي والنسائي وابن ماجه)

"Sukakah engkau aku ceritakan kepadamu perkara yang menjadi teraju kepada segala-galanya itu?" Jawabku: "Benar, ya Rasulullah," Lalu beliau bersabda: "Jaga ini!" Seraya beliau menunjukkan kepada lidahnya. Aku terus bertanya: "Wahai Nabi Allah! Adakah kita diambil salah dengan apa yang kita kata?" Jawab beliau: ثكلتك (ibumu telah kehilanganmu).[1] Bukankah orang-orang yang disembamkan di atas muka atau di atas hidung mereka di dalam Neraka itu merupakan mangsa tutur kata lidah mereka?."

(Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad, at-Tirmizi, an-Nasa'i dan Ibn Majah).

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 18)

Syurga Dicapai Dengan Kesanggupan Menempuh Tembok Halangan

Allah juga memberi ni'mat hidayat kepada manusia supaya mereka dapat mengenalpastikan kebaikan dan kejahatan, jalan ke Syurga dan jalan ke Neraka, dan dengan hidayat ini, ia membantu mereka ke arah kebaikan. Tetapi semua ni'mat itu tidak dapat mendorong manusia menempuhi jalan sukar yang menjadi penghalang yang menyekat mereka ke Syurga yang diterangkan dalam ayat-ayat berikut:

فَلَا ٱقْتَحَمَ ٱلْعَقَبَةَ ﴿١١﴾ وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا ٱلْعَقَبَةُ ﴿١٢﴾ فَكُّ رَقَبَةٍ ﴿١٣﴾

---

[1] *Kata-kata tempelak dalam masyarakat Arab apabila mengecam sesuatu perbuatan yang buruk atau sesuatu kefahaman yang dangkal. Secara kasarnya dapatlah disamakan dengan tempelak kita: "Kalau macam ini lebih baik engkau mati sahaja. "Ini bukan do'a tetapi hanya tempelak sahaja. Lihat " لسان العرب " (jilid 13 m.s. 93 - 94). Penterjemah.*

أَوۡ إِطۡعَٰمٞ فِي يَوۡمٖ ذِي مَسۡغَبَةٖ ١٤

"Oleh itu, mengapakah dia tidak tempuhkan jalan yang sukar?(11). Tahukah engkau apakah jalan yang sukar itu?(12). Iaitu membebaskan hamba(13). Atau memberi makanan pada hari berlaku kebuluran."(14)

يَتِيمٗا ذَا مَقۡرَبَةٍ ١٥ أَوۡ مِسۡكِينٗا ذَا مَتۡرَبَةٖ ١٦
ثُمَّ كَانَ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلصَّبۡرِ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلۡمَرۡحَمَةِ ١٧
أُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلۡمَيۡمَنَةِ ١٨

"Kepada anak yatim yang mempunyai hubungan keluarga(15). Atau kepada orang miskin yang berselekeh dengan tanah(16). Kemudian ia termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman yang saling berpesan supaya bersikap sabar dan saling berpesan supaya bersikap belas kasihan(17). Merekalah golongan kanan."(18)

Inilah yang sukar dan tidak dapat ditempuhi melainkan dengan pertolongan keimanan. Inilah halangan yang menyekat manusia ke Syurga, dan andainya ia berjaya menempuhinya nescaya ia akan sampai ke Syurga. Halangan atau jalan yang sukar yang digambarkan sedemikian rupa mencetuskan satu dorongan yang kuat, memberangsang dan menggerakkan hati manusia supaya menempuhi jalan yang sukar itu, satu jalan yang secara jelas merupakan penghalang yang menyekatkan mereka dari mendapat balasan yang besar itu:

فَلَا ٱقۡتَحَمَ ٱلۡعَقَبَةَ ١١

"Oleh itu, mengapakah dia tidak tempuhkan jalan yang sukar?"(11)

Ayat ini mengandungi pemberangsangan, dorongan dan galakan.

Kemudian diiringi pertanyaan untuk memuliakan persoalan ini:

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا ٱلۡعَقَبَةُ ١٢

"Tahukah engkau, apakah jalan yang sukar itu?"(12)

Tujuan ayat ini bukannya untuk membesar-besarkan halangan atau jalan yang sukar itu, malah untuk mengagung-agungkan darjatnya di sisi Allah supaya manusia gemar dan penuh bersemangat menempuhinya walaupun sebesar mana ia memerlukan perjuangan dan menghadapi kesulitan, kerana kesulitan-kesulitan itu tetap wujud dan berlaku, tetapi apabila ia berkorban untuk menempuh jalan yang sukar itu, ia akan mencapai hasilnya dan akan mendapat gantinya, kerana setiap pengorbanannya tidak akan hilang percuma.

Perjuangan Membebaskan Abdi Dan Membantu Golongan Yang Lemah

Kemudian Allah mula menerangkan hakikat jalan yang sukar atau halangan itu dengan menyebut persoalan yang amat diperlukan masyarakat Makkah khususnya yang dihadapi oleh da'wah Islam, iaitu persoalan membebaskan hamba abdi dan memberi makanan yang amat diperlukan oleh golongan yang lemah yang ditindas oleh masyarakat yang kufur dan tamak haloba itu. Dan pada akhirnya ia menyebut persoalan umum yang tidak bergantung dengan sesuatu masyarakat yang tertentu dan dengan sesuatu zaman yang tertentu, iaitu persoalan yang dihadapi oleh seluruh manusia ketika mereka berjuang menempuh halangan atau jalan yang sukar itu. Dan:

ثُمَّ كَانَ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلصَّبۡرِ وَتَوَاصَوۡاْ بِٱلۡمَرۡحَمَةِ ١٧

"Kemudian ia termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman yang saling berpesan supaya bersikap sabar dan saling berpesan supaya bersikap belas kasihan."(17)

Menurut riwayat, yang dimaksudkan dengan istilah فك رقبة (pembebasan hamba abdi) itu ialah bekerjasama dalam usaha melaksana pembebasan itu dan yang dimaksudkan dengan العتق (pemerdekaan hamba) ialah melakukan pembebasan itu secara persendirian. Namun apa sahaja maksud, maka hasilnya adalah sama.

Sayyidina Abu Bakr Pelopor Gerakan Pembebasan Abdi

Ayat-ayat ini diturun semasa da'wah Islam terkepung di negeri Makkah, di mana Islam tidak mempunyai satu kerajaan pun yang ditegakkan di atas syari'atnya, dan adat memperhambakan manusia terdapat di mana-mana di Semenanjung Tanah Arab dan di negeri-negeri sekitarnya. Kaum hamba abdi pada umumnya diberi layanan yang kejam. Apabila segolongan dari mereka memeluk agama Islam seperti Ammar bin Yasir dan keluarganya, Bilal ibn Rabah, Suhayb dan lain-lainnya r.'anhum, mereka semakin teruk menerima penindasan, mereka telah diseksakan dengan ganas oleh tuanmas mereka. Mereka diazab di luar kemampuan mereka. Nyatalah di waktu itu, tiada jalan untuk menyelamatkan mereka melainkan dengan perjuangan membebaskan mereka dari perhambaan melalui usaha membeli mereka dari tuanmas-tuanmas mereka yang kejam. Sayyidina Abu Bakr telah mempelopori perjuangan ini, dan memang begitulah kebiasaannya, beliau selama-lamanya menjadi orang yang mula-mula menyahut seruan Allah dengan penuh keyakinan, ketenangan dan kejujuran.

Ujar Ibn Ishaq: Bilal hamba yang dimerdekakan oleh Abu Bakr itu, pada mulanya seorang hamba yang dimiliki oleh setengah keluarga dari suku Bani Jumah. Ia dilahirkan dalam kumpulan hamba abdi mereka. Ia

seorang yang kuat imannya dan berhati jujur. Setiap waktu Zuhur yang panas terik, ia dikeluarkan oleh tuanmasnya Umayyah ibn Khalaf ibn Wahb ibn Huzafah ibn Jumah, lalu ditelentangkan di tanah lapang Makkah kemudian Umayyah menyuruh orang meletakkan seketul batu yang besar di atas dada Bilal kemudian berkata kepadanya: "Awak akan dibiarkan begini sehingga awak mati atau menolak agama Muhammad dan kembali menyembah al-Laata dan al-'Uzza." Tetapi dalam keseksaan itu, Bilal sentiasa menyebut: "Allah Yang Maha Esa, Allah Yang Maha Esa."

Hingga pada suatu hari, Abu Bakr as-Siddiq r.a. lalu di tempat itu dan melihat bagaimana mereka menyeksakan Bilal, kebetulan rumah Abu Bakr terletak di perkampungan Bani Jumah, lalu ia pun berkata kepada Umayyah ibn Khalaf. "Tidakkah engkau takut kepada Allah kerana menyeksakan si miskin ini? Sampai bila engkau akan terus menyeksa-kannya?" Jawab Umayyah: "Engkaulah yang telah merosak-kannya. Oleh itu, selamatkan dia dengan apa cara yang engkau fikirkan baik". Abu Bakr membalas: "Baik, aku ada satu cadangan, aku ada seorang hamba hitam yang lebih kuat dari Bilal dan seagama dengan engkau, aku hendak berikannya kepada engkau sebagai tukaran dengan Bilal. Apa kata engkau?" Jawab Umayyah: "Aku terima." Disambut Abu Bakr, "Baik, ia sekarang kepunyaanmu". Lalu Abu Bakr as-Siddiq r.a. memberikan hambanya kepada Umayyah dan mengambil Bilal lalu membebaskannya dari perhambaan.

Turut sama dibebaskan di dalam Islam sebelum beliau berhijrah ke Madinah ialah enam hamba yang lain. Bilal merupakan orang yang ketujuh. Mereka ialah 'Amir ibn Fuhayrah yang turut dalam pertempuran Badr dan gugur syahid dalam Peperangan Bi'r Ma'unah, Ummu 'Ubais dan Zinnirah yang telah buta matanya ketika dibebaskan oleh Abu Bakr. Lalu orang-orang Quraisy mengejek: "Ia telah dibutakan matanya oleh al-Laata dan al-'Uzza." Lalu dijawab oleh Zinnirah: "Mereka dusta, demi Baitullah, al-Laata dan al-'Uzza tidak berkuasa mendatangkan sesuatu mudarat dan tidak pula memberi apa guna pun." Lalu Allah mengembali-kan penglihatannya. Beliau juga telah membebaskan an-Nahdiyah dan anak gadisnya. Kedua-duanya berasal dari hamba kepunyaan seorang perempuan dari suku Bani 'Abdud-Dar. Abu Bakr terserempak dengan keduanya sewaktu mereka dihantar oleh tuanmasnya membawa gandumnya, dan tuanmasnya ini pernah berkata kepada mereka: "Demi Allah aku tidak akan bebaskan engkau berdua buat selama-lamanya." Lalu Abu Bakr menemui perempuan ini dan berkata kepadanya: "Batalkan sumpahmu itu, wahai Ummu si anu!" jawab perempuan itu: "Baiklah, aku batalkannya, engkaulah yang telah merosakkannya, kerana itu engkau patut membebaskannya." Kata Abu Bakr: "Berapa engkau mahu?" Jawab perempuan itu: "Sekian, sekian banyak." Kata Abu Bakr: "Aku ambil kedua orang ini dan kedua-duanya aku bebaskan. Hai kamu berdua, pulangkan balik gandum ini kepada perempuan itu." Lalu kedua-dua si ibu dan anak gadisnya itu berkata: "Bolehkah tidak wahai Abu Bakr, kami selesaikan dahulu urusan gandum ini, kemudian barulah kami pulangkan kepadanya?" Jawab Abu Bakr: "Boleh, jika kamu berdua suka."

Pada suatu masa, Abu Bakr terserempak dengan seorang hamba perempuan yang dimiliki suku Bani Mu'mil, dan hamba ini adalah dari suku Bani 'Adi. Dia seorang hamba yang beragama Islam, ketika itu dia sedang diseksa dan dipukul oleh 'Umar ibn al-Mattab yang masih lagi beragama syirik pada masa itu, hingga apabila ia, merasa jemu memukulnya ia pun berkata mengejek: "Aku minta maaf kepadamu, aku terpaksa berhenti memukulmu kerana jemu." Lalu dijawab oleh perempuan itu: "Itulah kehendak Allah yang dilakukan terhadap engkau." Lalu Abu Bakr membelinya dan membebaskannya.

Ujar Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Muhammad ibn Abdullah ibn Abu 'Atiq dari 'Amir ibn Abdullah ibn az-Zubayr dari beberapa keluarganya katanya: Abu Quhafah bapa Abu Bakr pada suatu masa telah berkata kepada Abu Bakr: "Wahai anakku! Aku tengok engkau hanya membebaskan hamba-hamba yang lemah, jika engkau membebaskan hamba-hamba yang kuat tentulah mereka dapat mempertahan dan membela engkau." Jawab Abu Bakr r.a.: "Wahai ayahku! Tujuan anakanda berbuat begitu adalah semata-mata kerana Allah."

Kewajipan Memberi Makanan Kepada Orang-orang Yang Miskin Ketika Dilanda Kebuluran

Sesungguhnya Abu Bakr r.a. telah menempuh jalan yang sukar dengan membebaskan hamba-hamba yang menderita kerana Allah semata-mata. Keadaan-keadaan yang wujud di Makkah pada masa itu telah menjadikan amalan membebaskan hamba abdi itu merupakan langkah pertama untuk menempuh halangan di jalan Allah.

أَوْ إِطْعَٰمٌ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ ﴿١٤﴾
يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ﴿١٥﴾ أَوْ مِسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ ﴿١٦﴾

"Atau memberi makanan pada hari berlaku kebuluran(14). Kepada anak yatim yang mempunyai hubungan keluarga(15). Atau kepada orang miskin yang berselekeh dengan tanah."(16)

Hari kelaparan yang sukar didapati makanan merupakan batu uji kepada keimanan yang sebenar. Anak-anak yatim dalam masyarakat jahiliyah yang kafir dan tamak itu mengalami berbagai-bagai penindasan dan penganiayaan walaupun mereka mempunyai hubungan kerabat. Di dalam Al-Qur'an penuh dengan anjuran-anjuran supaya melindungi anak-anak yatim. Ini menunjukkan betapa kejamnya sikap masyarakat itu terhadap anak-anak yatim. Dan anjuran-anjuran itu terus disampaikan hingga di dalam surah-surah yang diturunkan di Madinah yang ada kaitan dengan undang-undang pusaka, wasiat

dan perkahwinan. Sebahagian besar dari persoalan-persoalan itu telah dihuraikan di dalam Surah an-Nisa' khususnya Surah al-Baqarah dan lain-lain.

Begitu juga perkhidmatan memberi makanan kepada orang-orang miskin yang terlantar di tengah jalan, yang berselekeh dengan tanah kerana terlalu susah dan menderita pada hari berlakunya kelaparan, telah disebut dalam surah ini sebagai satu langkah untuk menempuh jalan yang sukar. Amalan ini merupakan batu uji perasaan-perasaan imaniyah iaitu perasaan kasihan belas, bertimbang rasa, bantu membantu dan mementingkan kebaikkan orang lain dan bermuraqabah dengan Allah untuk membantu hamba-Nya yang menderita pada masa kesusahan dan kelaparan. Kedua-dua langkah tersebut, iaitu langkah membebaskan hamba abdi dan memberi makanan, merupakan langkah-langkah yang disarankan oleh keadaan masyarakat yang mendesak di masa itu walaupun kedua-duanya bersifat umum. Oleh kerana itu kedua-dua langkah itu didahulukan sebutan di dalam ayat, kemudian barulah diiringi dengan lompatan agung yang menyeluruh:

ثُمَّ كَانَ مِنَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَوَاصَوْاْ بِٱلصَّبْرِ وَتَوَاصَوْاْ بِٱلْمَرْحَمَةِ ﴿١٧﴾

"Kemudian ia termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman dan saling berpesan supaya bersikap sabar dan saling berpesan supaya bersikap belas kasihan."(17)

Lompatan Yang Paling Besar Melangkah Tembok Halangan Ialah Kesanggupan Menyertai Barisan Mu'minin

Kata-kata ثم (kemudian) di sini bukan dimaksudkan dengan pengertian penundaan dari segi masa, tetapi dimaksudkan dengan pengertian penundaan dari segi makna, iaitu langkah menyertai orang-orang yang beriman itu merupakan langkah yang lebih syumul, lebih luas dan lebih tinggi, kerana tidak ada gunanya perjuangan membebas abdi dan memberi makanan kepada orang yang susah tanpa beriman. Kerana itu keimanan harus wujud sebelum perjuangan membebas abdi dan memberi makanan kepada orang yang susah. Keimanan itulah yang memberi nilai kepada amalan-amalan yang baik dalam pertimbangan neraca Allah, kerana iman itulah yang menghubungkan amalan yang baik dengan cara hidup agama Allah yang tetap teguh supaya amalan yang baik itu tidak merupakan sesuatu amalan yang mendadak untuk memuaskan keinginan yang berubah-ubah atau untuk mencari kepujian dari masyarakat atau untuk sesuatu muslihat. Seolah-olah Allah berfirman: Bebaskan hamba atau berikan makanan pada hari kelaparan kepada anak yatim atau kepada orang-orang miskin yang berselekeh dengan tanah, kemudian langkah yang lebih tinggi dari itu ialah menyertai orang-orang yang beriman yang saling berpesan supaya bersikap sabar dan saling berpesan supaya bersifat belas kasihan. Kata-kata ثم (kemudian) di sini dikehendaki dengan erti lebih utama dan lebih tinggi.

Menaruh Kesabaran Dan Belas Kasihan Secara Kolektif Untuk Kesinambungan Da'wah

Kesabaran pada umumnya merupakan unsur asasi bagi keimanan, dan khususnya merupakan unsur asasi bagi perjuangan menempuh jalan yang sukar. Sikap saling berpesan supaya bersabar merupakan satu darjat yang tinggi di belakang kesabaran itu sendiri iaitu darjat perpaduan masyarakat Islam yang saling berpesan supaya bersikap sabar dan saling membantu untuk melaksanakan tugas-tugas keimanan. Kerana itu mereka merupakan anggota-anggota masyarakat yang mempunyai perasaan yang padu dan sama dalam menghadapi kesulitan perjuangan untuk merealisasikan keimanan di bumi dan untuk memikul tugas-tugasnya. Kerana itu mereka menganjurkan satu sama lain supaya bersabar dalam perjuangan memikul beban kewajipan bersama. Mereka saling menyokong dan menguatkan satu sama lain supaya tidak mudah lemah dan kalah. Kesabaran secara berkelompok ini berlainan dari kesabaran secara individu walaupun ia ditegakkan di atas kesabaran individu. Kesabaran secara berkelompok mengingatkan setiap Mu'min kepada kewajipannya dalam masyarakat yang beriman, iaitu setiap Mu'min jangan jadi unsur pelemah perjuangan bahkan hendaklah jadi unsur pengukuh dan penguat, jangan jadi penyeru kepada kekalahan bahkan hendaklah jadi penyeru ke arah merempuh dan menyerang, jangan jadi pencetus ketakutan dan kebimbangan bahkan hendaklah jadi pencetus ketenangan dan ketenteraman.

Demikian juga anjuran saling berpesan supaya bersikap belas kasihan atau penyayang merupakan satu perjuangan tambahan kepada sikap belas kasihan itu sendiri. Ia bertujuan menyebarkan kewajipan saling bersikap penyayang di dalam barisan masyarakat Mu'min melalui pesan memesan dan anjur menganjur satu sama lain, dan sekaligus menjadikan-nya sebagai satu kewajipan berkelompok dan sebagai satu kewajipan individu yang diberi perhatian dan diperjuangkan bersama oleh semua orang.

Kehidupan Berjama'ah

Konsep hidup berkelompok tetap wujud dalam arahan-arahan Ilahi tersebut, dan tujuan inilah yang ditonjol-tonjolkan oleh Al-Qur'an dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w., kerana konsep hidup berkelompok itu penting untuk merealisasikan hakikat Islam sebagai agama kelompok dan sebagai sistem hidup umat dengan dasar tanggungjawab individu dan hisab individu yang cukup jelas.

Orang-orang yang sanggup menempuh jalan yang sukar ialah:

أُوْلَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْمَيْمَنَةِ ﴿١٨﴾

"Merekalah golongan kanan (penghuni Syurga)."(18)

Konsep Golongan Kanan Dan Kiri Dalam Islam

Itulah "golongan kanan" seperti yang disifatkan oleh Al-Qur'an, iaitu golongan manusia yang berbahagia dan bernasib baik. Kedua-dua erti itu berhubung rapat dalam pengertian keimanan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 20)

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِنَا هُمْ أَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ ﴿١٩﴾

عَلَيْهِمْ نَارٌ مُؤْصَدَةٌ ﴿٢٠﴾

"Dan orang-orang yang mengkufuri ayat-ayat Kami merekalah golongan kiri(19). Pintu Neraka itu ditutupkan ke atas mereka."(20)

Di sini tidak perlu disebut sifat-sifat golongan kiri selain dari sifat:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِنَا

"Dan orang-orang yang mengkufuri ayat-ayat Kami."(19)

Sifat kekufuran itu menamatkan kedudukan, kerana tiada kebajikan bersama kekufuran dan, tiada kejahatan melainkan diselubungi kekufuran. Tidak perlu dikatakan bahawa golongan kiri ialah golongan yang tidak berjuang membebaskan hamba abdi dan tidak memberi bantuan makanan, kemudian mereka mengingkarkan ayat-ayat Kami, kerana jika mereka sudah kufur, maka tidak berguna lagi segala amalan yang baik itu walaupun telah dilakukan mereka.

Mereka adalah golongan kiri atau merekalah golongan yang malang dan celaka dan kedua-duanya mempunyai makna yang dekat dalam pengertian keimanan dan merekalah orang-orang yang tinggal di belakang jalan yang sukar yang tidak sanggup ditempuhinya.

عَلَيْهِمْ نَارٌ مُؤْصَدَةٌ ﴿٢٠﴾

"Pintu Neraka itu ditutupkan ke atas mereka."(20)

Sama ada dengan pengertian yang dekat, iaitu semua pintu Neraka tertutup kepada mereka dan mereka terpenjara di dalam keseksaan Neraka atau dengan pengertian bahawa mereka tidak akan dapat keluar darinya kerana pintu-pintunya telah ditutup dan tidak dapat dibuka oleh mereka. Kedua-dua pengertian ini mempunyai hubungan yang saling berkaitan.

* * * * * *

Itulah hakikat asasi dalam kehidupan manusia dan dalam kefahaman keimanan. Semuanya dibentangkan dalam ruang surah yang pendek ini dengan pernyataan-pernyataan yang kuat dan jelas. Inilah ciri istimewa pengungkapan Al-Qur'an yang unik.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH ASY-SYAMS

SURAH KE

91

سُورَةُ الشَّمْسِ

SURAH ASY-SYAMS

Surah Matahari

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

15

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا ﴿١﴾

وَالْقَمَرِ إِذَا تَلَاهَا ﴿٢﴾ وَالنَّهَارِ إِذَا جَلَّاهَا ﴿٣﴾

وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَاهَا ﴿٤﴾ وَالسَّمَاءِ وَمَا بَنَاهَا ﴿٥﴾

وَالْأَرْضِ وَمَا طَحَاهَا ﴿٦﴾ وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا ﴿٩﴾

وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

كَذَّبَتْ ثَمُودُ بِطَغْوَاهَا ﴿١١﴾ إِذِ انبَعَثَ أَشْقَاهَا ﴿١٢﴾

فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ نَاقَةَ اللَّهِ وَسُقْيَاهَا ﴿١٣﴾

فَكَذَّبُوهُ فَعَقَرُوهَا فَدَمْدَمَ عَلَيْهِمْ رَبُّهُم بِذَنبِهِمْ

فَسَوَّاهَا ﴿١٤﴾ وَلَا يَخَافُ عُقْبَاهَا ﴿١٥﴾

"Demi matahari dan cahaya pagi yang terang benderang(1). Dan demi bulan yang mengiringinya(2). Dan demi siang ketika ia menampakkannya dengan jelas(3). Dan demi malam ketika ia melindunginya(4). Dan demi langit dan pembinaannya yang rapi(5). Dan demi bumi dan penghamparannya yang terbentang luas(6). Dan demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna(7). Kemudian Allah mengilhamkan kepadanya jalan kejahatan dan jalan taqwanya(8). Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkannya(9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang mencemarkannya(10). Kaum Thamud telah mendustakan rasulnya kerana sikap mereka yang melampaui batas(11). Ketika seorang yang paling jahat dari mereka tampil tergesa-gesa (untuk membunuh unta mu'jizat)(12). Lalu rasul Allah (Soleh) berkata kepada mereka: Jangan ganggu unta Allah dan minumannya(13). Tetapi mereka mendustakannya, lalu mereka menyembelihkan unta itu, maka Allah pun murka dan menimpakan ke atas mereka 'azab yang amat dahsyat dengan sebab dosa mereka dan meratakannya ke atas seluruh mereka(14). Dan Allah tidak bimbang kepada akibatnya."(15).

Surah pendek yang mempunyai rentak kata yang sama dan bunyi irama yang sama ini adalah mengandungi beberapa sentuhan perasaan yang lahir dari pemandangan-pemandangan dan gejala-gejala alam yang disebut pada awal surah ini. Pemandangan-pemandangan dan gejala-gejala alam itu seolah-olah merupakan frem bagi penjelasan hakikat agung yang ditegaskan oleh surah ini, iaitu penjelasan hakikat jiwa manusia dan kesediaan-kesediaan semulajadinya, juga penjelasan tentang peranan manusia terhadap urusan dirinya sendiri dan tanggungjawabnya di atas untung nasibnya. Hakikat ini telah dihubungkan oleh surah ini dengan hakikat-hakikat alam dan pemandangannya yang tetap.

Surah ini juga mengandungi kisah kaum Thamud dan perbuatan-perbuatan mereka yang mendustakan amaran rasul mereka Nabi Soleh a.s., juga perbuatan mereka menyembelih unta mu'jizat dan malapetaka yang menghapuskan mereka. Kisah kaum Thamud merupakan contoh dari kerugian yang menimpa manusia yang tidak membersihkan jiwanya, dan tidak memaksakannya menurut jalan taqwa, malah membiarkannya ditunggang kejahatan sebagaimana yang dijelaskan dalam ceraian pertama surah ini.

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا ﴿٩﴾

وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkannya(9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang mencemarkannya"(10).

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 10)

وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا ﴿١﴾

وَالْقَمَرِ إِذَا تَلَاهَا ﴿٢﴾ وَالنَّهَارِ إِذَا جَلَّاهَا ﴿٣﴾

وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَاهَا ﴿٤﴾ وَالسَّمَاءِ وَمَا بَنَاهَا ﴿٥﴾

"Demi matahari dan cahaya pagi yang terang benderang(1). Dan demi bulan yang mengiringinya(2). Dan demi siang ketika ia menampakkannya dengan jelas(3). Dan demi malam ketika ia melindunginya(4). Dan demi langit dan pembinaannya yang rapi."(5)

وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا طَحَىٰهَا ﴿٦﴾ وَنَفۡسٖ وَمَا سَوَّىٰهَا ﴿٧﴾
فَأَلۡهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقۡوَىٰهَا ﴿٨﴾
قَدۡ أَفۡلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ﴿٩﴾
وَقَدۡ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ﴿١٠﴾

"Dan demi bumi dan penghamparannya yang terbentang luas(6). Dan demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna(7). Kemudian Allah mengilhamkan kepadanya jalan kejahatan dan jalan taqwanya(8). Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkannya(9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang mencemarkannya." (10)

Allah bersumpah dengan makhluk-makhluk dan pemandangan-pemandangan alam di samping bersumpah dengan jiwa manusia, penciptaannya yang sempurna dan ilham yang diterima olehnya. Sumpah ini meletakkan nilai yang amat besar ke atas makhluk-makhluk ini dan mengajak manusia supaya merenungi dan meneliti apakah nilai-nilai dan erti-erti dari kejadian-kejadian itu hingga mewajarkan Allah Yang Maha Agung bersumpah dengannya.

Dialog Tanpa Suara Di Antara Kejadian-kejadian Alam Dan Hati Nurani Manusia

Pemandangan-pemandangan alam dan gejala-gejalanya merupakan bahasa rahsia di antara alam dengan hati manusia, satu bahasa yang terkenal di lubuk fitrah dan perasaan manusia. Di antara kejadian-kejadian alam dan manusia, terdapat dialog-dialog tanpa bunyi dan tanpa suara. Kejadian-kejadian itu menyampaikan perkataan dan bisikannya kepada hati dan roh manusia. Ia mencetuskan denyut hayat dalam hati manusia apabila mereka merenungi dan memandangnya untuk bermesra, berbisik-bisik dan berdialog dengannya di samping mencari ilham-ilham dan saranan-saranan.

Kerana itu Al-Qur'an banyak sekali mengajak hati manusia supaya meneliti pemandangan-pemandangan alam di berbagai-bagai tempat dengan menggunakan berbagai-bagai cara. Kadang-kadang dengan arahan-arahan secara langsung, dan kadang-kadang pula dengan singgungan-singgungan sampingan seperti bersumpah dengan kejadian-kejadian dan pemandangan-pemandangan dan menggunakannya sebagai frem untuk menjelaskan hakikat-hakikat yang akan dijelaskan kemudian. Arahan-arahan dan singgungan-singgungan yang seperti itu banyak sekali terdapat dalam bahagian juzu' 'Amma ini. Hampir setiap surah tidak sunyi dari ayat-ayat yang menggerakkan hati manusia supaya menjelajah di alam buana ini untuk berbisik-bisik mencari ilham-ilham dan menerima darinya - menerusi bahasa rahsia - bukti-bukti dan bisikan-bisikannya.

Di sini kita dapati Allah bersumpah dengan:

وَٱلشَّمۡسِ وَضُحَىٰهَا ﴿١﴾

"Demi matahari dan cahaya pagi yang terang benderang."(1)

Matahari Di Waktu Pagi

Yakni mula-mula ia bersumpah dengan kejadian matahari secara umum, kemudian bersumpah dengan matahari ketika ia terbit di waktu pagi dan meninggi di kaki langit secara khususnya. Di waktu itu cahaya matahari kelihatan paling indah dan paling manis. Di musim dingin, waktu ini merupakan waktu hangat yang lemah lembut dan mesra. Sedangkan di musim panas, ia merupakan waktu pancaran cahaya yang jernih dan cemerlang sebelum tibanya cahaya panas waktu Zuhur yang terik. Pendeknya matahari di waktu pagi berada dalam waktunya yang paling indah dan jernih. Ada riwayat yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan ضحى dalam ayat ini bukannya waktu pagi, tetapi ialah waktu siang hari seluruhnya. Tetapi bagi kami, kami berpendapat kita tidak perlu berganjak dari maknanya yang dekat iaitu "waktu pagi" kerana ia mempunyai pengertian dan tujuan yang khusus.

Kemudian Allah bersumpah dengan bulan yang mengiringi matahari dengan cahayanya yang lembut gemulai dan jernih hening.

وَٱلۡقَمَرِ إِذَا تَلَىٰهَا ﴿٢﴾

"Dan demi bulan yang mengiringinya."(2)

Di Antara Bulan Dan Hati Manusia

Memanglah di antara bulan dan hati manusia itu telah terjalin kasih mesra yang yang meresap ke segenap sudut jiwa. Di mana-mana sahaja hati bersua dengan bulan, rasa rindu mesranya terus memancar dan membungkas. Bulan menyampaikan bisikan-bisikan dan ilham-ilhamnya kepada hati manusia di samping mengucapkan tasbih-tasbihnya kepada Allah Penciptanya. Ucapan-ucapan ini hampir didengar oleh hati yang dilamun perasaan dalam cahaya bulan yang lembut. Kadang-kadang hati ini merasa ia sedang bermandi dalam cahaya indah di malam purnama raya, membersih segala kekotorannya, meni'mati sepuas-puasnya sambil berpeluk-peluk dengan nurnya yang amat dicintainya dan menyedut rahmat Allah yang menyegarkan dalam pancaran nur itu.

Kemudian Allah bersumpah dengan hari siang:

وَٱلنَّهَارِ إِذَا جَلَّىٰهَا ﴿٣﴾

"Dan demi siang ketika ia menampakkannya dengan jelas."(3)

Hari Siang

Ini menunjukkan bahawa maksud kata-kata ضحى dalam ayat yang lepas itu ialah khusus waktu pagi bukannya hari siang keseluruhannya. Dhamir جلاها (menampakkannya) itu pada lahirnya kembali kepada matahari (yakni menampakkan matahari), tetapi saranan Al-Qur'an membayangkan bahawa dhamir itu kembali kepada bumi (yakni menampakkan bumi). Uslub Al-Qur'an memang mempunyai saranan-saranan sampingan seperti saranan yang tersembunyi

di dalam ayat ini, kerana saranan itu memang lumrah dalam tanggapan manusia dan secara halus ia boleh dihadirkan oleh pengungkapan ayat itu. Ia bererti hari siang menampakkan bumi dengan jelas.

Siang juga mempunyai kesan-kesannya di dalam kehidupan manusia yang memang diketahui oleh mereka, tetapi oleh kerana terlalu kerap berulang-ulang, maka manusia kadang-kadang lupa kepada keindahan dan kesan-kesan hari siang itu. Singgungan sepintas terhadap hari siang di dalam ayat ini ialah untuk mendorong manusia supaya memerhati dan meneliti hikmat dari kejadian hari siang yang agung itu.

Begitu juga sumpah Allah dengan hari malam:

وَٱلَّيۡلِ إِذَا يَغۡشَىٰهَا ٤

"Dan demi malam ketika ia melindunginya."(4)

Hari Malam

Hari malam itu merupakan tudung yang melindungi segala-galanya, dan pemandangan hari malam meninggalkan kesan dalam hati manusia. Hari malam juga mempunyai kesan-kesannya di dalam kehidupan manusia sama seperti kesan-kesan hari siang.

Kemudian Allah bersumpah dengan langit dan pembinaannya yang rapi:

وَٱلسَّمَآءِ وَمَا بَنَىٰهَا ٥

"Dan demi langit dan pembinaannya yang rapi."(5)

Apabila disebut langit, maka yang terlintas dalam fikiran kita ialah sesuatu yang kita nampak seperti kubah di atas kepala kita, di mana bertaburan bintang-bintang dan planet-planet yang beredar di garis peredaran masing-masing, tetapi sebenarnya kita tidak mengetahui hakikat langit. Langit yang kita lihat di atas kita itu kelihatan begitu kukuh dan padu, tiada pernah rosak dan kacau-bilau. Ini menunjukkan bahawa pembinaannya amat rapi, tetapi bagaimana langit itu dibina dan dibangunkan? Apakah yang menahan dan memegang bahagian-bahagian langit itu dari jatuh berguguran semasa beredar di angkasa raya yang tidak diketahui di mana awal dan di mana akhirnya? Semuanya itu kita tidak mengetahui. Segala pendapat yang dikemukakan mengenai langit itu tidak lebih dari teori-teori sahaja yang boleh dipertikaikan dan boleh diubah dan dipinda, ia bukan merupakan pendapat-pendapat yang benar-benar kukuh dan mantap. Apa yang benar-benar meyakinkan kita ialah Allah yang memegang bangunan langit itu:

إِنَّ ٱللَّهَ يُمۡسِكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ أَن تَزُولَاۚ
وَلَئِن زَالَتَآ إِنۡ أَمۡسَكَهُمَا مِنۡ أَحَدٖ مِّنۢ بَعۡدِهِۦٓۚ

"Sesungguhnya Allahlah yang menahan langit dan bumi supaya tidak musnah, dan andainya kedua-duanya musnah, tiada siapa pun yang dapat menahan kedua-duanya selain dari Allah."

(Surah Fatir: 41)

Inilah satu-satunya yang kita tahu dengan penuh keyakinan.

Begitu juga Allah bersumpah dengan bumi yang terhampar:

وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا طَحَىٰهَا ٦

"Dan demi bumi dan penghamparannya yang terbentang luas." (6)

Bumi Yang Terhampar

Keadaan bumi yang terhampar itu merupakan satu hakikat yang membolehkan manusia dan lain-lain makhluk hidup di atasnya. Inilah ciri-ciri bumi dan penyesuaian-penyesuaian yang diciptakan Allah di bumi ini yang membolehkan wujudnya hayat di bumi ini mengikut perencanaan dan pentadbiran-Nya. Jika salah satu dari ciri-ciri itu rosak, maka kehidupan di atas bumi tidak mungkin wujud dan ia tidak mungkin berjalan mengikut peraturan yang telah dijalankan. Sifat bumi yang terbentang dan terhampar seperti yang dijelaskan dalam firman-Nya:

وَٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ ذَٰلِكَ دَحَىٰهَآ ٣٠
أَخۡرَجَ مِنۡهَا مَآءَهَا وَمَرۡعَىٰهَا ٣١

"Dan setelah itu Dia hamparkan bumi, dan dari bumi Dia keluarkan air dan tumbuh-tumbuhannya."

(Surah an-Naazi'aat: 30-31)

merupakan ciri bumi yang terpenting sekali di antara ciri-ciri dan penyesuaian-penyesuaiannya yang lain. Hanya tangan qudrat Allah sahaja yang mengendalikan urusan ini. Apabila Allah menyebut di sini ciri bumi yang terhampar ini, maka ia mengingatkan manusia kepada kuasa-Nya di sebalik ciri itu dan menyentuh hatinya supaya merenungi hikmat-Nya dan mengingati Allah.

* * * * * *

Hakikat Jiwa Manusia

Kemudian datang pula penjelasan mengenai hakikat agung mengenai jiwa manusia dalam keterangan sumpah ini iaitu hakikat yang mempunyai hubungan dengan alam buana, pemandangan-pemandangan dan gejala-gejalanya. Ia merupakan salah satu bukti agung di alam yang saling berkait dan selaras:

وَنَفۡسٖ وَمَا سَوَّىٰهَا ٧
فَأَلۡهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقۡوَىٰهَا ٨
قَدۡ أَفۡلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ٩

وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ﴿١٠﴾

"Dan demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna(7). Kemudian Allah mengilhamkan kepadanya jalan kejahatan dan jalan taqwanya(8). Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkannya(9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang mencemarkannya."(10)

Keempat-empat ayat ini di samping ayat-ayat berikut:

وَهَدَيْنَٰهُ ٱلنَّجْدَيْنِ ﴿١٠﴾

"Dan bukankah Kami telah tunjukkan kepadanya jalan kebaikan dan jalan kejahatan?"

(Surah al-Balad: 10)

إِنَّا هَدَيْنَٰهُ ٱلسَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا ﴿٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah tunjukkan kepadanya jalan hidayat (dan terpulanglah kepadanya) sama ada dia bersyukur atau menjadi amat kafir"

(Surah al-Insan: 3)

merupakan asas teori kajian psikologi Islam. Ayat ini mempunyai pertalian yang melengkapkan keterangan ayat-ayat lain yang menunjukkan bahawa manusia itu mempunyai dua tabi'at seperti firman-Nya:

إِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّى خَٰلِقٌۢ بَشَرًا مِّن طِينٍ ﴿٧١﴾ فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِى فَقَعُوا۟ لَهُۥ سَٰجِدِينَ ﴿٧٢﴾

"Kenangilah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku akan menciptakan manusia dari tanah(71). Dan setelah Aku sempurnakan penciptaannya dan meniup roh ciptaanKu kepadanya, maka mereka pun sujud kepadanya."(72)

(Surah Sad)

Begitu juga ayat-ayat ini mempunyai pertalian yang melengkapkan keterangan ayat yang menetapkan dasar tanggungjawab individu seperti firman-Nya:

كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ ﴿٣٨﴾

"Setiap orang terikat dengan tanggungjawab terhadap perbuatan yang telah dilakukannya"

(Surah al-Muddaththir: 38)

dan ayat-ayat yang menjelaskan bahawa Allah mengaturkan tindakannya terhadap manusia mengikut realiti manusia seperti firman-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

"Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum hingga mereka mengubahkan keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."

(Surah ar-Ra'd: 11)

Dari ayat-ayat yang seperti inilah lahirnya pandangan Islam terhadap manusia dengan segala sifat-sifatnya yang pokok, iaitu manusia adalah satu makhluk yang mempunyai dua tabi'at, dua kesediaan dan dua kecenderungan. Kita maksudkan dengan dua tabi'at ialah manusia telah diciptakan dari tanah bumi dan dari tiupan roh ciptaan Allah. Ia telah dilengkapkan dengan kesediaan-kesediaan yang sama untuk menuju ke jalan yang baik dan ke jalan yang jahat, ke jalan hidayat dan ke jalan kesesatan. Ia berkeupayaan untuk membezakan mana yang baik dan mana yang tidak baik, begitu juga ia berkemampuan untuk mengarahkan dirinya ke jalan yang baik dan ke jalan yang tidak baik. Keupayaan dan kemampuan ini tersembunyi di dalam jiwanya, yang kadang-kadang disebut oleh Al-Qur'an sebagai ilham seperti dalam surah ini:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّىٰهَا ﴿٧﴾

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَىٰهَا ﴿٨﴾

"Dan demi jiwa dan penciptaannya yang sempurna(7). Kemudian Allah mengilhamkan kepadanya jalan kejahatan dan jalan taqwanya."(8)

Dan kadang-kadang disebutkan sebagai hidayat:

وَهَدَيْنَٰهُ ٱلنَّجْدَيْنِ ﴿١٠﴾

"Dan bukankah Kami hidayatkan kepadanya jalan kebaikan dan jalan kejahatan."

(Surah al-Balad: 10)

Keupayaan dan kemampuan itu tersembunyi dalam jiwa manusia dalam bentuk kesediaan-kesediaan, sementara peranan agama-agama, bimbingan-bimbingan dan faktor-faktor dari luar ialah menggerak, menguat dan membimbing kesediaan-kesediaan itu ke sana atau ke sini. Ia bukannya diciptakan oleh faktor-faktor luaran, malah ia diciptakan semulajadi lagi. Ia wujud selaku tabi'at semulajadi dan tersembunyi selaku ilham.

Sebab-sebab Manusia Bertanggungjawab

Di samping kesediaan-kesediaan semulajadi yang tersembunyi itu terdapat pula daya kekuatan yang sedar, mampu berfikir dan memimpin di dalam diri manusia, dan dengan daya kekuatan ini menjadikan manusia itu bertanggungjawab di atas tindak-tanduknya. Oleh itu, sesiapa yang menggunakan daya kekuatan ini untuk membersihkan dirinya dan menyuburkan kesediaan-kesediaan yang baik yang ada padanya hingga dapat menundukkan kesediaan-kesediaan yang jahat, maka bererti ia telah mencapai kejayaan dan keberuntungan, sebaliknya sesiapa memalap, membenam dan melemahkan daya kekuatan ini bererti ia telah ditimpa kerugian:

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ﴿٩﴾

وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya amat beruntunglah orang yang membersihkannya(9). Dan sesungguhnya amat rugilah orang yang mencemarkannya."(10)

Oleh itu, di sana timbul persoalan tanggungjawab sebagai akibat kerana manusia telah dikurniakan daya kekuatan yang sedar dan mampu berfikir yang membolehkannya memilih dan membimbing kesediaan-kesediaan semulajadinya yang boleh disuburkan dalam bidang kebaikan dan dalam bidang kejahatan. Pendeknya ia merupakan kebebasan yang dibayar dengan tanggungawab. Ia merupakan daya kebolehan berfikir yang dibayar dengan tugas atau taklif dan ia merupakan pengurniaan yang dibayar dengan kewajipan.

Di Samping Dikurniakan Daya Kebolehan Berfikir, Manusia Dibantu Dengan Agama Dari Allah

Sebagai rahmat kepada manusia, Allah tidak hanya meninggalkan mereka kepada pimpinan kesediaan-kesediaan semulajadi melalui ilham-ilham dan pimpinan daya kekuatan berfikir yang sedar, yang mampu menguasai tindak-tanduk mereka sahaja, bahkan Allah membantu mereka dengan agama-agama (yang dibawa para rasul) untuk memberikannya neraca-neraca pertimbangan yang teguh dan halus kepada mereka, dan mendedahkan kepada mereka kejadian-kejadian alam yang mencetuskan keimanan dan bukti-bukti yang membawa kepada hidayat yang terdapat pada diri mereka dan kejadian-kejadian di sekeliling mereka, dan seterusnya menghapuskan kekaburan dari diri mereka yang ditimbulkan oleh hawa nafsu mereka supaya mereka dapat melihat kebenaran dalam bentuk rupanya yang sahih. Dengan ini, maka jalan hidup yang akan ditempuh manusia itu menjadi begitu terang lagi bersuluh, tiada diganggu sebarang kekaburan dan kesamaran, dan membolehkan daya kekuatan yang sedar bekerja dengan kefahaman yang jelas terhadap hakikat haluan yang dipilih dan dihayatinya.

Inilah kehendak Allah pada keseluruhannya terhadap makhluk manusia, dan segala sesuatu yang berlangsung dalam lingkungannya bererti menepati dengan kehendak Allah dan perencanaan umum-Nya.

* * * * * *

Pandangan yang amat ringkas ini melahirkan beberapa hakikat yang penting dalam bimbingan pendidikan:

Hakikat Yang Penting Dalam Aspek Pendidikan

Pertama: Hakikat ini telah mengangkatkan nilai makhluk insan apabila ia menganggapkan manusia itu layak memikul tanggungjawab terhadap arah tujuan yang dipilihnya dan apabila ia memberi kepadanya kebebasan memilih (iaitu kebebasan dalam lingkungan kehendak Allah yang menentukan kebebasan itu). Kebebasan dan tanggungjawab inilah yang meletakkan makhluk manusia di tempat yang mulia dan memberikannya darjat yang tinggi di alam ini sesuai dengan kejadiannya yang diciptakan Allah dengan tangan qudrat-Nya sendiri kemudian ditiupkan padanya roh dari ciptaan-Nya dan dilebihkannya di atas kebanyakan makhluk-makhluk yang lain.

Kedua: Hakikat ini meletakkan di atas bahu manusia tanggungjawab terhadap untung nasibnya sendiri dan meletakkan urusan hidupnya di hadapannya (dalam lingkungan kehendak Allah Yang Maha Agung sebagaimana telah dijelaskan), kerana itu hakikat ini membangkitkan dalam hatinya perasaan-perasaan waspada, berhati-hati dan bertaqwa, di samping itu ia sedar pula bahawa Allah menentukan taqdir terhadapnya menurut tindakan-tindakan yang dilakukannya:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡۗ

"Sesungguhnya Allah tidak mengubahkan keadaan sesuatu kaum hingga mereka mengubahkan keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."

(Surah ar-Ra'd: 11)

Ini adalah satu tanggungawab yang amat berat yang tidak harus dilupa dan dicuai.

Ketiga: Hakikat ini membuat manusia sentiasa merasa perlu merujukkan kepada neraca-neraca pertimbangan Ilahi yang teguh dan tetap supaya ia tetap yakin bahawa ia tidak ditipu dan disesatkan hawa nafsunya, dan supaya ia tidak diheretkan nafsunya ke arah kebinasaan, dan tidak ditimpa balasan Allah yang ditimpakan ke atas orang-orang yang bertuhankan nafsu. Dengan itu, ia akan terus hampir dengan Allah, berpedomankan hidayat-Nya dan bersuluh dengan nur petunjuk-Nya untuk menempuh jalan-jalan yang menyesatkan.

Oleh itu, tidak ada batas bagi keupayaan manusia untuk mencapai setinggi-tinggi darjat dalam membersih dan meluhurkan dirinya apabila ia bermandi dalam nur hidayat Allah yang melimpah-ruah ini, dan membersihkan dirinya dalam gelombang air hidayat yang memancut di sekelilingnya dari matair-matair alam buana.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 15)

Kebinasaan Kaum Thamud

Selepas itu, Allah menunjukkan satu contoh dari contoh-contoh kerugian yang telah menimpa manusia yang membenamkan jiwanya, melindungkannya dari hidayat Allah dan mengotorkannya. Contoh ini digambarkan dalam bentuk kemurkaan, keseksaan dan kebinasaan yang telah menimpa kaum Thamud:

كَذَّبَتۡ ثَمُودُ بِطَغۡوَىٰهَآ ﴿١١﴾ إِذِ ٱنۢبَعَثَ أَشۡقَىٰهَا ﴿١٢﴾

فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ ٱللَّهِ نَاقَةَ ٱللَّهِ وَسُقْيَٰهَا ﴿١٣﴾ فَكَذَّبُوهُ فَعَقَرُوهَا فَدَمْدَمَ عَلَيْهِمْ رَبُّهُم بِذَنۢبِهِمْ فَسَوَّىٰهَا ﴿١٤﴾ وَلَا يَخَافُ عُقْبَٰهَا ﴿١٥﴾

"Kaum Thamud telah mendustakan rasulnya kerana sikap mereka yang melampaui batas(11). Ketika seorang yang paling jahat dari mereka tampil tergesa-gesa (untuk membunuh unta mu'jizat)(12). Lalu rasul Allah (Soleh) berkata kepada mereka: Jangan ganggu unta Allah dan minumannya(13). Tetapi mereka mendustakannya, lalu mereka menyembelihkan unta itu, maka Allah pun murka dan menimpakan ke atas mereka 'azab yang amat dahsyat dengan sebab dosa mereka dan meratakannya ke atas seluruh mereka(14). Dan Allah tidak bimbang kepada akibatnya."(15)

Unta Mu'jizat

Kisah kaum Thamud dengan nabi mereka Soleh a.s. telah diterangkan di beberapa tempat dalam Al-Qur'anul-Karim dan yang paling dekat ialah dalam Surah al-Fajr dalam Juzu' 'Amma ini. Oleh itu, cerita-ceritanya yang terperinci bolehlah dirujukkan di sana. Dalam surah ini Allah hanya menyebut bahawa kaum Thamud telah mendustakan rasulnya dengan sebab perangai mereka yang kejam dan melampau. Sifat keterlaluan inilah yang merupakan satu-satunya sebab mereka mendustakan Nabi Soleh a.s., dan keterlaluan itu dapat dilihat pada tindakan seorang yang paling jahat dari mereka. Dialah yang menyembelih unta mu'jizat, dialah yang paling celaka dan paling malang, kerana dosa besar yang dilakukannya. Nabi Soleh a.s. telah memberi amaran kepada mereka sebelum mereka bertindak melakukan kekejaman itu. Ia mengingatkan mereka supaya, jangan menyentuh unta Allah atau merampas air yang telah ditentukan Allah untuk unta itu sehari dan untuk mereka sehari sebagaimana yang telah disyaratkan ke atas mereka apabila mereka menuntut bukti dari Allah, dan Allah telah menjadikan unta itu sebagai bukti mu'jizat kepada mereka. Tentulah unta itu mempunyai kelebihan-kelebihan istimewa yang tidak payah kita masuk ke dalam cerita-ceritanya yang terperinci, kerana Allah sendiri tidak menerangkan apa-apa mengenainya. Tetapi kaum Thamud tidak percaya kepada amaran Nabi Soleh a.s. itu, lalu mereka sembelihkan unta itu. Tindakan itu dilakukan oleh seorang yang paling jahat dari mereka, tetapi seluruh mereka bertanggungjawab atas tindakan itu dan merekalah yang dikira menyembelihkan unta itu kerana tidak cuba menghalangi perbuatan penjahat itu matah merestuinya. Ini merupakan salah satu dari dasar-dasar pokok Islam mengenai konsep tanggungjawab sosial dalam kehidupan dunia. Dasar ini tidak bercanggah dengan dasar tanggungjawab individu mengenai balasan Akhirat, di mana tidak ada orang yang memikul dosa orang lain. Menurut dasar ini adalah berdosa meninggalkan kerjasama, nasihat menasihati, bantu membantu, galak menggalak dan mencegah mereka yang hendak melakukan perbuatan yang kejam dan jahat.

Ketika inilah tangan qudrat Ilahi bertindak mengenakan 'azab yang besar ke atas mereka:

فَكَذَّبُوهُ فَعَقَرُوهَا فَدَمْدَمَ عَلَيْهِمْ رَبُّهُم بِذَنۢبِهِمْ فَسَوَّىٰهَا ﴿١٤﴾.

"Maka Allah pun murka dan menimpakan ke atas mereka 'azab yang amat dahsyat dengan sebab dosa mereka dan meratakannya ke atas seluruh mereka."(14)

Kata-kata دمدم bererti murka dan mengenakan 'azab, dan bunyi kata-kata itu sendiri membayangkan pengertian yang dahsyat di sebaliknya. Ia seolah-olah menggambarkan satu pemandangan yang ngeri di mana Allah timpakan ke atas kaum Thamud 'azab yang amat dahsyat dan meratakannya ke atas seluruh mereka, iaitu Allah balikkan bumi mereka ke atas ke bawah. Ini adalah satu pemandangan malapetaka yang maha dahsyat.

وَلَا يَخَافُ عُقْبَٰهَا ﴿١٥﴾

"Dan Allah tidak bimbang ke atas akibatnya."(15)

Apakah yang hendak ditakut dan dibimbangkan Allah? Maksud dari ungkapan ini ialah Allah tidak takut kepada akibat perbuatan-Nya kerana itu Ia mengazabkan mereka dengan malapetaka yang sebesar-besarnya dan sedahsyat-dahsyatnya. Itulah cara penyeksaan Allah:

إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya 'azab Tuhanmu itu amat dahsyat."

(Surah al-Buruj: 12)

Itulah nada pernyataan yang bertujuan menyampaikan saranan dan bayangannya ke dalam hati manusia.

Demikianlah hakikat jiwa manusia itu mempunyai pertalian yang rapat dengan hakikat-hakikat alam yang besar dan dengan pemandangan-pemandangannya yang tetap. Dan dua hakikat ini pula mempunyai pertalian yang rapat dengan Sunnatullah yang menghukumkan para pendusta dan para pelampau mengikut batas-batas perencanaan-Nya yang bijaksana yang telah menetapkan bahawa setiap suatu ada ajalnya, setiap peristiwa ada masanya, setiap perkara ada titik akhirnya dan setiap taqdir Allah ada hikmatnya. Allah itulah Tuhan yang mengatur dan memelihara urusan jiwa, urusan alam dan seluruh urusan qadha' dan qadarnya.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-LAYL

SURAH KE

92

سُورَةُ اللَّيۡلِ

SURAH AL-LAYL

Surah Malam

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

21

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَٱلَّيۡلِ إِذَا يَغۡشَىٰ ﴿١﴾ وَٱلنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّىٰ ﴿٢﴾
وَمَا خَلَقَ ٱلذَّكَرَ وَٱلۡأُنثَىٰٓ ﴿٣﴾ إِنَّ سَعۡيَكُمۡ لَشَتَّىٰ ﴿٤﴾
فَأَمَّا مَنۡ أَعۡطَىٰ وَٱتَّقَىٰ ﴿٥﴾ وَصَدَّقَ بِٱلۡحُسۡنَىٰ ﴿٦﴾
فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلۡيُسۡرَىٰ ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنۢ بَخِلَ وَٱسۡتَغۡنَىٰ ﴿٨﴾
وَكَذَّبَ بِٱلۡحُسۡنَىٰ ﴿٩﴾ فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلۡعُسۡرَىٰ ﴿١٠﴾
وَمَا يُغۡنِي عَنۡهُ مَالُهُۥٓ إِذَا تَرَدَّىٰٓ ﴿١١﴾
إِنَّ عَلَيۡنَا لَلۡهُدَىٰ ﴿١٢﴾ وَإِنَّ لَنَا لَلۡأٓخِرَةَ وَٱلۡأُولَىٰ ﴿١٣﴾
فَأَنذَرۡتُكُمۡ نَارٗا تَلَظَّىٰ ﴿١٤﴾
لَا يَصۡلَىٰهَآ إِلَّا ٱلۡأَشۡقَى ﴿١٥﴾
ٱلَّذِي كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٦﴾ وَسَيُجَنَّبُهَا ٱلۡأَتۡقَى ﴿١٧﴾
ٱلَّذِي يُؤۡتِي مَالَهُۥ يَتَزَكَّىٰ ﴿١٨﴾
وَمَا لِأَحَدٍ عِندَهُۥ مِن نِّعۡمَةٖ تُجۡزَىٰٓ ﴿١٩﴾
إِلَّا ٱبۡتِغَآءَ وَجۡهِ رَبِّهِ ٱلۡأَعۡلَىٰ ﴿٢٠﴾
وَلَسَوۡفَ يَرۡضَىٰ ﴿٢١﴾

"Demi malam ketika ia menyelubungi (bumi)(1). Dan demi siang ketika ia terserlah terang-benderang(2). Dan demi makhluk ciptaan-Nya lelaki dan perempuan(3). Sesungguhnya amal usaha kamu itu berlain-lainan(4). Adapun orang yang memberi dan bertaqwa(5).Serta percaya kepada 'aqidah yang paling indah(6). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesenangan(7). Adapun orang yang kikir dan merasa dirinya berdikari(8). Dan mendustakan 'aqidah yang paling indah(9). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesukaran(10).Dan harta kekayaannya tidak lagi berguna kepadanya apabila ia terjerumus ke dalam kesesatan(11). Sesungguhnya di atas Kamilah tugas menerangkan jalan hidayat(12). Dan sesungguhnya Kamilah yang memiliki alam Akhirat dan alam dunia(13). Oleh itu, aku ingatkan kamu dengan keseksaan Neraka yang bernyala-nyala(14). Tiada yang masuk di dalamnya melainkan orang yang paling jahat(15).Yang mendustakan ajaran Allah dan berpaling dari iman(16). Dan akan dijauhkan darinya (Neraka) setiap orang yang bertaqwa(17). Yang mendermakan hartanya semata-mata untuk membersihkan diri(18). Dan bukan kerana dia menanggung budi kepada seseorang yang wajib dibalas(19). Melainkan semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Tuhannya Yang Maha Tinggi(20). Dan dia kelak akan berpuas hati."(21).

Dalam sebuah frem yang menggambarkan pemandangan-pemandangan alam dan tabi'at manusia, surah ini menjelaskan hakikat amalan dan balasan. Oleh sebab hakikat amalan dan balasan ini beraneka bentuk sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat-ayat (4 - 10):

إِنَّ سَعۡيَكُمۡ لَشَتَّىٰ ﴿٤﴾ فَأَمَّا مَنۡ أَعۡطَىٰ وَٱتَّقَىٰ ﴿٥﴾
وَصَدَّقَ بِٱلۡحُسۡنَىٰ ﴿٦﴾ فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلۡيُسۡرَىٰ ﴿٧﴾

"Sesungguhnya amal usaha kamu itu berlain-lainan(4). Adapun orang yang memberi dan bertaqwa(5). Serta percaya kepada 'aqidah yang paling indah(6). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesenangan."(7)

وَأَمَّا مَنۢ بَخِلَ وَٱسۡتَغۡنَىٰ ﴿٨﴾ وَكَذَّبَ بِٱلۡحُسۡنَىٰ ﴿٩﴾
فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلۡعُسۡرَىٰ ﴿١٠﴾

"Adapun orang yang kikir dan merasa dirinya berdikari(8). Dan mendustakan 'aqidah yang paling indah(9). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesukaran."(10)

maka akibatnya di Akhirat juga beraneka bentuk, dan berbeza-beza mengikut amalan dan tujuan. Ini dijelaskan dalam ayat-ayat (14 - 18):

فَأَنذَرۡتُكُمۡ نَارٗا تَلَظَّىٰ ﴿١٤﴾
لَا يَصۡلَىٰهَآ إِلَّا ٱلۡأَشۡقَى ﴿١٥﴾

ٱلَّذِى كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٦﴾ وَسَيُجَنَّبُهَا ٱلْأَتْقَى ﴿١٧﴾
ٱلَّذِى يُؤْتِى مَالَهُۥ يَتَزَكَّىٰ ﴿١٨﴾

"Oleh itu, aku ingatkan kamu dengan keseksaan Neraka yang bernyala-nyala(14). Tiada yang masuk di dalamnya melainkan orang yang paling jahat(15). Yang mendustakan ajaran Allah dan berpaling dari iman(16). Dan akan dijauhkan darinya (Neraka) setiap orang yang bertaqwa(17). Yang mendermakan hartanya semata-mata untuk membersihkan diri."(18)

Dan oleh sebab fenomena-fenomena hakikat ini mempunyai dua jenis dan dua arah tujuan, maka frem yang dipilih untuk menggambarkannya di permulaan surah ini juga mempunyai dua jenis, sama ada pada kejadian alam buana atau pada kejadian manusia. Ini dijelaskan dalam ayat-ayat (1 - 3):

وَٱلَّيْلِ إِذَا يَغْشَىٰ ﴿١﴾ وَٱلنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّىٰ ﴿٢﴾
وَمَا خَلَقَ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰٓ ﴿٣﴾

"Demi malam ketika ia menyelubungi (bumi)(1). Dan demi siang ketika ia terserlah terang-benderang(2). Dan demi makhluk ciptaan-Nya lelaki dan perempuan."(3)

Inilah di antara keselarasan yang indah di dalam pengungkapan Al-Qur'an.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

وَٱلَّيْلِ إِذَا يَغْشَىٰ ﴿١﴾ وَٱلنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّىٰ ﴿٢﴾
وَمَا خَلَقَ ٱلذَّكَرَ وَٱلْأُنثَىٰٓ ﴿٣﴾

"Demi malam ketika ia menyelubungi (bumi)(1). Dan demi siang ketika ia terserlah terang-benderang(2). Dan demi makhluk ciptaan-Nya lelaki dan perempuan."(3)

Allah S.W.T. bersumpah dengan malam dan siang dengan sifat-sifat-Nya masing-masing, iaitu malam dengan gelap-gelitanya yang menyelubungi bumi, dan siang dengan cahayanya yang terang benderang yang menampak jelas segala sesuatu. Kedua-duanya merupakan dua waktu yang bertentangan dalam peredaran cakerawala iaitu, kedua-duanya bertentangan dari segi rupa, sifat dan kesan. Demikian juga Allah bersumpah dengan penciptaan-Nya yang telah mengadakan dua jenis manusia yang bertentangan, iaitu lelaki dan perempuan, untuk melengkapkan imbangan fenomena-fenomena yang bertentangan di dalam suasana surah ini dan semua hakikat-hakikatnya.

Di Sebalik Kejadian Malam Dan Siang

Malam dan siang merupakan dua fenomena yang meliputi segalanya. Kedua-duanya masing-masing menyampaikan makna dan saranannya kepada hati manusia, dan kedua-duanya juga masing-masing menyampaikan maknanya ketika seseorang itu memikirkannya dan merenungi rahsia-rahsia di sebaliknya dengan teliti. Perubahan malam dan siang membawa kesan-kesan yang spontan kepada jiwa manusia apabila malam gelap-gelita dan siang terang benderang. Dan setiap perubahan itu mempunyai cerita dan saranan masing-masing, iaitu cerita rahsia-rahsia alam yang majhul dan cerita mengenai gejala-gejala ini yang tidak, dapat dikuasai manusia, dan saranan yang menunjukkan bahawa di sebalik perubahan malam dan siang itu terdapat kuasa Ilahi yang memutarkan waktu-waktu alam sebagaimana diputarkan roda yang ringan, juga saranan yang menunjukkan bahawa di alam ini terdapat perubahan dan pertukaran yang tidak pernah tetap.

Makna malam dan siang ketika direnung dan difikir menunjukkan dengan pasti bahawa di sana adanya tangan qudrat yang lain yang mengendalikan cakerawala ini dan mengubahkan siang dan malam dengan peraturan yang serapi ini. Qudrat yang mengatur peredaran cakerawala itulah qudrat yang mengaturkan kehidupan manusia. Mereka tidak ditinggalkan sia-sia (tanpa balasan) sebagaimana juga mereka tidak diciptakan kosong (tanpa tujuan).

Biar bagaimanapun percubaan yang dilakukan oleh para pengingkar dan para penyesat untuk menolak hakikat ini dan mengalihkan pandangan-pandangan manusia dari mengamatinya, namun hati manusia tetap berhubung dengan alam buana ini dan menerima saranan-saranannya, memerhati perubahan-perubahannya dan memahami secara spontan - setelah berfikir dengan mendalam - bahawa di sana ada satu kuasa pentadbir yang pasti dirasa dan diakui kewujudannya di sebalik pendapat-pendapat yang karut dan sikap yang menolak dan mengingkarkannya.

Di Sebalik Kejadian Lelaki Dan Perempuan

Begitu juga penciptaan jenis lelaki dan perempuan atau jantan dan betina. Penciptaan jenis pada manusia dan binatang-binatang mamalia itu bermula dengan setitis nutfah yang menetap dalam rahim atau dengan satu sel dari lelaki yang bersatu dengan sebiji telur perempuan, tetapi mengapakah pada akhir perkembangannya tidak sama, yang ini menjadi lelaki dan yang itu menjadi perempuan. Siapakah yang memerintah begitu? Penemuan faktor-faktor yang menjadikan nutfah ini lelaki dan nutfah itu perempuan tidak mengubahkan hakikat, kerana yang menjadi pokok pertanyaan, mengapa faktor-faktor itu wujud pada nutfah ini dan tidak wujud pada nutfah yang lain? Bagaimana kejadian lelaki dan perempuan (betina dan jantan) ini merupakan kejadian yang selaras dengan garis perjalanan hidup dan menjamin kesinambungan hidup melalui proses beranak-pinak sekali lagi? Adakah ini berlaku secara kebetulan? Tetapi kebetulan juga mempunyai undang-undangnya, dan mustahil segala-galanya berlaku secara kebetulan. Mahu tidak mahu pasti diakui bahawa di sana ada Tuhan Pentadbir yang

menciptakan lelaki dan perempuan kerana tujuan dan matlamat yang tertentu. Kebetulan dan kejadian secara otomatis sama sekali tidak mempunyai tempat dalam peraturan alam ini.

Jantan dan betina meliputi semua haiwan yang bukan mamalia, dan berlaku pada semua hidup-hidupan termasuk tumbuh-tumbuhan. Seluruhnya mengikut satu peraturan yang sama. Hanya Allah sahaja yang tunggal dan tiada suatu yang sebanding dengan-Nya.

Inilah beberapa saranan dari pemandangan-pemandangan alam. Dan hakikat kejadian manusia yang menjadi bahan sumpah Ilahi dalam surah ini mempunyai makna yang amat besar dan tujuan yang amat mendalam. Al-Qur'an telah menjadikan hakikat ini sebagai frem untuk menjelaskan hakikat amalan dan balasan dalam kehidupan dunia dan Akhirat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 11)

Hakikat Amalan Dan Balasan

Tujuan Allah bersumpah dengan malam dan siang, lelaki dan perempuan selaku hakikat-hakikat yang bertentangan dalam kejadian alam dan kejadian manusia ialah untuk menjelaskan bahawa usaha dan amalan manusia itu berlain-lainan dan cara usaha dan amalan mereka juga berlain-lainan, kerana itu balasan yang akan diterima mereka juga berlain-lainan. Usaha yang baik tidak sama dengan usaha yang jahat. Hidayat tidak sama dengan kesesatan, yang baik tidak sama dengan yang rosak, orang yang memberi derma ke jalan Allah dan bertaqwa tidak sama dengan orang yang kikir dan merasa dirinya berdikari kaya, orang yang percaya kepada 'aqidah yang paling indah dan beriman tidak sama dengan orang yang tidak percaya kepadanya dan berpaling dari iman. Masing-masing mempunyai jalan dan kesudahannya yang tersendiri dan masing-masing akan menerima balasan yang setimpal:

إِنَّ سَعْيَكُمْ لَشَتَّىٰ ﴿٤﴾ فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَاتَّقَىٰ ﴿٥﴾
وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَىٰ ﴿٦﴾ فَسَنُيَسِّرُهُ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٧﴾

"Sesungguhnya amal usaha kamu itu berlain-lainan(4). Adapun orang yang memberi dan bertaqwa(5). Serta percaya kepada 'aqidah yang paling indah(6). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesenangan."(7)

وَأَمَّا مَنْ بَخِلَ وَاسْتَغْنَىٰ ﴿٨﴾ وَكَذَّبَ بِالْحُسْنَىٰ ﴿٩﴾
فَسَنُيَسِّرُهُ لِلْعُسْرَىٰ ﴿١٠﴾
وَمَا يُغْنِي عَنْهُ مَالُهُ إِذَا تَرَدَّىٰ ﴿١١﴾

"Adapun orang yang kikir dan merasa dirinya berdikari(8). Dan mendustakan 'aqidah yang paling indah(9). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesukaran(10). Dan harta kekayaannya tidak lagi berguna kepadanya apabila ia terjerumus ke dalam kesesatan."(11)

Perbezaan Amalan

Yakni amalan dan usaha kamu itu berbeza-beza dan berlain-lainan dari segi hakikatnya, dari segi motifnya, dari segi arah tujuannya dan dari segi hasilnya. Manusia di bumi ini berbeza-beza dan tidak sama dari segi tabi'at dan kecenderungan masing-masing, dan tidak sama dari segi fikiran dan minat masing-masing hingga setiap orang seolah-olah merupakan sebuah dunia yang tersendiri yang hidup di sebuah planet tersendiri.

Seluruh Manusia Dikumpulkan Dalam Dua Golongan Yang Mempunyai Cara Hidup Yang Berbeza

Ini merupakan satu hakikat, tetapi di sana ada lagi satu hakikat yang lain iaitu hakikat umum yang merangkuli seluruh manusia dan seluruh alam yang berlainan itu di mana keseluruhan manusia itu dikumpulkan dalam dua golongan atau dua barisan yang mempunyai panji-panji masing-masing, iaitu golongan:

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَاتَّقَىٰ ﴿٥﴾ وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَىٰ ﴿٦﴾

"Adapun orang yang memberi dan bertaqwa(5). Serta percaya kepada 'aqidah yang paling indah."(6)

Dan golongan:

وَأَمَّا مَنْ بَخِلَ وَاسْتَغْنَىٰ ﴿٨﴾ وَكَذَّبَ بِالْحُسْنَىٰ ﴿٩﴾

"Adapun orang yang kikir dan merasa dirinya berdikari(8). Dan mendustakan 'aqidah yang paling indah."(9)

Itulah golongan yang sanggup mengorbankan diri dan hartanya ke jalan Allah dan sentiasa memelihara diri dari kemurkaan dan 'azab Allah serta teguh percaya kepada 'aqidah Islam yang paling indah, iaitu satu 'aqidah apabila disebut الحسنى (paling indah), maka itulah namanya dan lambangnya. Itulah golongan yang bakhil untuk mengorbankan diri dan harta kekayaannya ke jalan Allah, dan merasa berdikari tidak perlu kepada Allah dan hidayat-Nya serta tidak percaya kepada 'aqidah Islam yang paling indah.

Nasib Kesudahan Golongan Dermawan Dan Budiman

Inilah dua barisan manusia yang menjadi tempat pertemuan berbagai-bagai jiwa dan usaha, berbagai-bagai cara hidup dengan berbagai-bagai matlamatnya, masing-masing mempunyai jalan sendiri dan masing-masing mempunyai kemudahannya:

فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَاتَّقَىٰ ﴿٥﴾ وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَىٰ ﴿٦﴾
فَسَنُيَسِّرُهُ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٧﴾

"Adapun orang yang memberi dan bertaqwa(5). Serta percaya kepada 'aqidah yang paling indah(6). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesenangan."(7)

Mereka yang berkorban kerana Allah dan bertaqwa serta berpegang teguh dengan 'aqidah yang paling indah bererti ia telah melakukan segala-galanya untuk membersih dan membawa dirinya ke jalan Allah, dan ketika itu wajarlah ia menerima pertolongan dan taufiq yang telah disanggupi Allah dengan kehendak iradat-Nya, kerana tanpa pertolongan dan taufiq-Nya, manusia tidak mampu melakukan sesuatu pun.

Sesiapa yang diberikan Allah kemudahan ke arah kesenangan bererti ia telah sampai kepada Allah dengan mudah selesa semasa berada di bumi ini lagi di mana ia hidup dalam kesenangan dan melimpahkan kesenangannya ke atas mereka yang ada di sekelilingnya. Ia mendapat kemudahan dalam segala langkah hidupnya dan kemudahan dalam mengendalikan semua urusannya dan mendapat taufiq yang tenteram dalam semua perkara sama ada kecil atau besar. Kesenangan itu merupakan satu darjat yang mengandungi segala sesuatu yang baik, dan ia meletakkan seseorang sejajar dengan Rasulullah s.a.w. untuk menerima janji Allah kepada beliau:

فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلْيُسْرَىٰ ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنۢ بَخِلَ وَٱسْتَغْنَىٰ ﴿٨﴾
وَكَذَّبَ بِٱلْحُسْنَىٰ ﴿٩﴾ فَسَنُيَسِّرُهُۥ لِلْعُسْرَىٰ ﴿١٠﴾
وَمَا يُغْنِى عَنْهُ مَالُهُۥٓ إِذَا تَرَدَّىٰٓ ﴿١١﴾

"Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesenangan(7).[1] Adapun orang yang kikir dan merasa dirinya berdikari(8). Dan mendustakan 'aqidah yang paling indah(9). Maka Kami akan memudahkannya ke arah kesukaran(10). Dan harta kekayaannya tidak lagi berguna kepadanya apabila ia terjerumus ke dalam kesesatan."(11)

Nasib Kesudahan Golongan Bakhil Dan Tidak Beriman

Orang yang bakhil untuk mengorbankan diri dan hartanya ke jalan Allah dan merasa berdikari tidak perlu kepada Allah dan hidayat-Nya serta tidak percaya kepada da'wah Allah dan agama-Nya, bererti ia telah sampai ke puncak kerosakan dan wajarlah ia mendapat balasan dari Allah iaitu balasan menerima kesulitan, kesukaran dan kepayahan dalam segala perkara. Ia akan melorongkannya terjerumus ke dalam segala kesulitan dan kesukaran, ia akan memudahkannya ke setiap jalan yang menyulitkannya, dan akan menghapuskan segala kemudahan dan kesenangan untuknya. Ia akan menjadikan setiap langkahnya menempuh kepayahan dan menyeleweng dari jalan yang benar. Dan ia akan membawanya mendaki jalan kecelakaan walaupun ia merasa bahawa ia sedang menuju ke jalan kejayaan. Ia akan rebah dan jatuh sekali demi sekali yang menjauhkannya dari jalan Allah. Ia akan terus jauh dari jalan Allah dan dari keredhaan-Nya. Dan apabila ia terhumban jatuh di penghabisan jalan kesesatan dan penyelewengannya, maka segala harta kekayaan, yang amat disayanginya dan yang membuat dirinya merasa berdikari tidak berhajat kepada Allah dan hidayat-Nya itu, tidak lagi berguna kepadanya:

وَمَا يُغْنِى عَنْهُ مَالُهُۥٓ إِذَا تَرَدَّىٰٓ ﴿١١﴾

"Dan harta kekayaannya tidak lagi berguna kepadanya apabila ia terjerumus ke dalam kesesatan."(11)

Mendapat lorongan dan kemudahan untuk melakukan kejahatan dan maksiat termasuk dalam pengertian memberi kemudahan untuk terjerumus ke dalam kesukaran walaupun di dunia ia berjaya dan terselamat. Apakah di sana ada lagi sesuatu yang lebih dahsyat kesulitannya dari Neraka Jahannam? Neraka itulah, kesulitan dalam ertikata yang sebenarnya.

Demikianlah berakhirnya bahagian pertama surah ini, dan dari bahagian ini ternyatalah bahawa di sana terdapat dua jalan yang diikuti manusia di setiap zaman dan tempat. Kedua-dua jalan itu merupakan dua golongan atau dua panji-panji yang berlainan walaupun bentuk dan warnanya beraneka ragam. Setiap orang berbuat untuk dirinya apa yang dipilih olehnya, dan Allah akan memberi kemudahan kepadanya untuk menuju ke jalan pilihannya, sama ada jalan kesenangan atau ke jalan kesukaran.

Bahagian yang kedua dari surah ini pula memperkatakan tentang nasib yang akan diterima oleh setiap golongan itu, atau tentang kesudahan mereka yang diberikan kemudahan untuk mendapat kesenangan dan kesudahan mereka yang diberikan kemudahan untuk terjerumus ke dalam kesukaran. Dan sebelum segala sesuatu, bahagian ini menjelaskan bahawa setiap balasan yang diterima oleh setiap golongan itu merupakan balasan yang adil dan benar serta tetap akan berlaku, kerana Allah telah pun menerangkan hidayat-Nya dengan jelas kepada manusia dan mengingatkan mereka terhadap 'azab Neraka yang berkobar-kobar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 21)

إِنَّ عَلَيْنَا لَلْهُدَىٰ ﴿١٢﴾ وَإِنَّ لَنَا لَلْءَاخِرَةَ وَٱلْأُولَىٰ ﴿١٣﴾
فَأَنذَرْتُكُمْ نَارًا تَلَظَّىٰ ﴿١٤﴾
لَا يَصْلَىٰهَآ إِلَّا ٱلْأَشْقَى ﴿١٥﴾
ٱلَّذِى كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٦﴾

"Sesungguhnya di atas Kamilah tugas menerangkan jalan hidayat(12). Dan sesungguhnya Kamilah yang memiliki alam Akhirat dan alam dunia(13). Oleh itu, aku ingatkan kamu dengan keseksaan Neraka yang bernyala-nyala(14). Tiada yang masuk di dalamnya melainkan orang yang paling jahat(15). Yang mendustakan ajaran Allah dan berpaling dari iman."(16)

---

[1] *Lihat tafsir ayat* ونيسرك لليسرى *dalam Surah al-A'la.*

وَسَيُجَنَّبُهَا ٱلْأَتْقَى ﴿١٧﴾

ٱلَّذِى يُؤْتِى مَالَهُۥ يَتَزَكَّىٰ ﴿١٨﴾

وَمَا لِأَحَدٍ عِندَهُۥ مِن نِّعْمَةٍ تُجْزَىٰٓ ﴿١٩﴾

إِلَّا ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ رَبِّهِ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٢٠﴾

وَلَسَوْفَ يَرْضَىٰ ﴿٢١﴾

"Dan akan dijauhkan darinya (Neraka) setiap orang yang bertaqwa(17). Yang mendermakan hartanya semata-mata untuk membersihkan diri(18). Dan bukan kerana dia menanggung budi kepada seseorang yang wajib dibalas(19). Melainkan semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Tuhannya Yang Maha Tinggi(20). Dan dia kelak akan berpuas hati."(21)

Allah telah mewajibkan ke atas diri-Nya - sebagai limpah kurnia dan rahmat kasihan belas dari-Nya terhadap hamba-hamba-Nya - memberi petunjuk kepada fitrah manusia dan kesedarannya, di samping menyampaikan hidayat itu menerusi para rasul atau menerusi agama-agama dan ayat-ayatnya supaya tiada seorang pun yang dapat berdalih dan supaya tidak berlaku sebarang kezaliman kepada sesiapa pun:

إِنَّ عَلَيْنَا لَلْهُدَىٰ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya di atas Kamilah tugas menerangkan jalan hidayat."(12)

Sentuhan yang kedua ialah penjelasan yang tegas tentang hakikat kuatkuasa Allah yang mengepung seluruh manusia hingga tiada tempat perlindungan selain dari-Nya:

وَإِنَّ لَنَا لَلْءَاخِرَةَ وَٱلْأُولَىٰ ﴿١٣﴾

"Dan sesungguhnya Kamilah yang memiliki alam Akhirat dan alam dunia."(13)

Dunia Dan Akhirat Terletak Di Bawah Kuasa Allah

Oleh itu, ke mana lagi orang yang ingin pergi jauh dari Allah? Dan sebagai hasil dari pernyataan bahawa Allah meletakkan ke atas diri-Nya tugas menjelaskan hidayat kepada para hamba-Nya, juga pernyataan bahawa Dialah yang memiliki negeri Akhirat dan alam dunia selaku dua negeri untuk menerima balasan dan untuk beramal, Allah mengingatkan mereka dengan keseksaan api Neraka:

فَأَنذَرْتُكُمْ نَارًا تَلَظَّىٰ ﴿١٤﴾

لَا يَصْلَىٰهَآ إِلَّا ٱلْأَشْقَى ﴿١٥﴾

"Oleh itu, aku ingatkan kamu dengan keseksaan Neraka yang bernyala-nyala(14). Tiada yang masuk di dalamnya melainkan orang yang paling jahat."(15)

Orang Yang Paling Jahat

Api Neraka yang bernyala-nyala akan membakar manusia-manusia yang amat jahat, dan tidak ada sengsaraan yang lebih besar dari kesengsaraan dibakar dalam Neraka.

Kemudian ayat yang berikut menjelaskan siapakah orang yang amat jahat itu:

ٱلَّذِى كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٦﴾

"Yang mendustakan ajaran Allah dan berpaling dari iman."(16)

Iaitu orang yang tidak percaya kepada da'wah Allah dan berpaling dari hidayat-Nya, sebagaimana yang telah dijanjikan Allah untuk memberi hidayat kepada siapa yang datang kepada-Nya dengan penuh minat:

Orang Yang Paling Bahagia

وَسَيُجَنَّبُهَا ٱلْأَتْقَى ﴿١٧﴾

"Dan akan dijauhkan darinya (Neraka) setiap orang yang bertaqwa."(17)

Iaitu orang yang paling bahagia dan ia merupakan tandingan bagi orang yang paling jahat. Kemudian Allah menjelaskan, siapakah orang yang paling bertaqwa itu:

ٱلَّذِى يُؤْتِى مَالَهُۥ يَتَزَكَّىٰ ﴿١٨﴾

"Yang mendermakan hartanya semata-mata untuk membersihkan diri."(18)

Iaitu manusia yang membelanjakan hartanya ke jalan Allah untuk membersihkan dirinya bukan kerana ria' dan bukan kerana bermegah-megah dan mendabik dada, manusia yang mengorbankan hartanya dengan sukarela bukan kerana membalas budi, bukan kerana menuntut terima kasih orang, malah semata-mata ikhlas kerana Allah Tuhannya Yang Maha Tinggi.

وَمَا لِأَحَدٍ عِندَهُۥ مِن نِّعْمَةٍ تُجْزَىٰٓ ﴿١٩﴾

إِلَّا ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ رَبِّهِ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٢٠﴾

"Dan bukan kerana dia menanggung budi kepada seseorang yang wajib dibalas(19). Melainkan semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Tuhannya Yang Maha Tinggi."(20)

Apakah yang ditunggu-tunggu dan diharapkan oleh insan yang bertaqwa dan berkorban sedemikian rupa? Balasan yang ditunjukkan oleh Al-Qur'an kepada orang-orang Mu'min itu amat menakjubkan, amat memeranjatkan dan luar biasa.

Ni'mat Kepuasan Hari Menerima Balasan

وَلَسَوْفَ يَرْضَىٰ ﴿٢١﴾

"Dan dia kelak akan berpuas hati."(21)

Itulah kerelaan dan kepuasan hati yang mencurah di dalam hati orang yang bertaqwa. Itulah kepuasan yang menyelubungi jiwanya dan seluruh anggotanya. Itulah kerelaan yang menyerapi seluruh entitinya dan membasahi hidupnya. Itulah balasan dan ni'mat yang paling agung:

وَلَسَوْفَ يَرْضَىٰ ﴿٢١﴾

"Dan dia kelak akan berpuas hati."(21)

Ia rela dan puas hati dengan agamanya, dengan Tuhannya dan qadha' qadarnya. Ia rela dan puas hati dengan nasibnya. Ia rela dan puas hati terhadap apa sahaja yang dialaminya, sama ada kesenangan atau kesusahan, kekayaan atau kemiskinan, kemudahan atau kesukaran. Kerana itu ia tidak gelisah, tidak bosan, tidak gopoh, tidak merasa memikul beban yang berat dan tidak merasa matlamat-matlamatnya masih jauh. Kerelaan dan kepuasan hati itu merupakan satu balasan yang paling besar yang wajar diperolehi oleh setiap orang yang memberi jiwa dan hartanya untuk membersihkan dirinya dan yang berkorban semata-mata kerana Allah Yang Maha Besar. Itulah balasan yang tidak dapat diberikan oleh sesiapa melainkan hanya Allah. Dia mencurahkan rasa kepuasan di dalam hati orang-orang yang ikhlas kepada-Nya yang tidak melihat siapa pun selain dari Allah.

وَلَسَوْفَ يَرْضَىٰ ﴿٢١﴾

"Dan dia kelak akan berpuas hati."(21)

Ia berpuas hati kerana dia telah membayar harganya dan memberi sumbangannya.

Ini adalah satu pernyataan yang memeranjatkan dan sesuai di tempat ini, dan ia memang ditunggu-tunggu oleh orang yang bertaqwa yang mengorbankan harta untuk membersihkan dirinya, bukan untuk membalas budi, malah semata-mata kerana mencari keredhaan Allah Yang Maha Tinggi.

وَلَسَوْفَ يَرْضَىٰ ﴿٢١﴾

"Dan dia kelak akan berpuas hati."(21)

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH ADH-DHUHA

SURAH KE

93

سُورَةُ الضُّحَىٰ

SURAH ADH-DHUHA

Surah Waktu Pagi

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

11

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَالضُّحَىٰ ﴿١﴾ وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَىٰ ﴿٢﴾

مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ﴿٣﴾

وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ ﴿٤﴾

وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰ ﴿٥﴾

أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَىٰ ﴿٦﴾

وَوَجَدَكَ ضَالًّا فَهَدَىٰ ﴿٧﴾

وَوَجَدَكَ عَائِلًا فَأَغْنَىٰ ﴿٨﴾

فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ ﴿٩﴾

وَأَمَّا السَّائِلَ فَلَا تَنْهَرْ ﴿١٠﴾

وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ﴿١١﴾

"Demi waktu pagi(1). Dan demi waktu malam ketika sunyi sepi(2). Tiada sekali-kali Tuhanmu meninggalkanmu dan tiada pula ia murkakanmu(3). Dan sesungguhnya Akhirat itu lebih baik untukmu dari dunia(4). Dan sesungguhnya Allah akan memberi (limpah kurnia-Nya) kepadamu dan engkau tetap berpuas hati(5).Bukankah dahulunya engkau seorang anak yatim piatu, lalu Allah memberi perlindungan kepadamu?(6). Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu dalam keadaan tiada pedoman, lalu Ia memberi hidayat kepadamu?(7). Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu miskin, lalu Ia memberi kekayaan kepadamu?(8). Oleh itu, janganlah engkau hinakan anak yatim(9). Dan janganlah engkau herdikkan peminta bantuan(10). Dan hendaklah engkau sebut-sebutkan ni'mat Tuhanmu."(11).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pokok pembicaraan surah ini, pengungkapannya dan pemandangan-pemandangannya, bayangan-bayangan dan nada-nada pernyataannya merupakan suatu sentuhan kasih mesra, suatu hembusan rasa sayang, suatu belaian tangan yang belas kasihan yang menghilangkan sakit derita, suatu tiupan bayu yang membawa kerehatan, kerelaan dan harapan di samping mencurahkan rasa ketenteraman dan keyakinan. Semuanya itu adalah dituju kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghibur dan mententeramkan hatinya. Semuanya itu merupakan tiupan bayu rahmat, bisikan kasih, perdampingan yang mesra, timangan-timangan kepada jiwa yang lesu, fikiran yang gelabah dan hati yang menderita.

Keputusan Wahyu Menimbulkan Kesengsaraan Jiwa Kepada Rasulullah

Berbagai-bagai riwayat telah memerikan bahawa penurunan wahyu telah putus seketika kepada Rasulullah s.a.w. Malaikat Jibril telah terlambat membawa wahyu Allah kepadanya, kerana itu kaum Musyrikin melancarkan kempen bahawa Muhammad telah ditinggalkan Tuhannya! Lalu Allah turunkan surah ini.

Penerimaan wahyu, pertemuan dengan Jibril dan perhubungan dengan Allah, merupakan bekalan-bekalan kepada Rasulullah dalam mengharungi jalan da'wah yang sukar, merupakan air minum di panas yang terik dalam menghadapi keingkaran, dan merupakan angin sepoi bahasa dalam cuaca panas menghadapi pendustaan kaum Musyrikin. Dengan wahyu inilah Rasulullah s.a.w. dapat hidup dalam panas terik yang membakar yang dialami beliau ketika menghadapi manusia-manusia yang liar, penderhaka dan degil, dan ketika menghadapi tipu daya, gangguan dan penindasan yang ditimpakan ke atas da'wah, keimanan dan hidayat oleh pelampau-pelampau kaum Musyrikin.

Apabila wahyu terputus seketika, maka putuslah bekalannya, keringlah matairnya dan sepilah hatinya dari kekasih, dan tinggallah beliau seorang diri di tengah panas terik tanpa bekalan, tanpa air dan tanpa bau kekasih tercinta yang biasa dini'matinya. Dan ini menjadikan Rasulullah s.a.w. begitu sengsara menanggungnya dari segala sudut.

Ketika itulah turunnya surah ini membawa kasih mesra, rahmat, perdampingan, kerelaan, ketenteraman dan keyakinan:

مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ﴿٣﴾

وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ ٱلْأُولَىٰ ﴿٤﴾

وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰٓ ﴿٥﴾

"Tiada sekali-kali Tuhanmu meninggalkanmu dan tiada pula ia murkakanmu(3). Dan sesungguhnya Akhirat itu lebih baik untukmu dari dunia(4). Dan sesungguhnya Allah akan memberi (limpah kurnia-Nya) kepadamu dan engkau tetap berpuas hati."(5)

Yakni Tuhanmu tidak pernah sekalipun meninggalmu sebelum ini dan tidak pernah sekalipun membiarkanmu dari limpah rahmat, naungan dan perlindungannya.

أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَـَٔاوَىٰ ﴿٦﴾

وَوَجَدَكَ ضَآلًّا فَهَدَىٰ ﴿٧﴾

وَوَجَدَكَ عَآئِلًا فَأَغْنَىٰ ﴿٨﴾

"Bukankah dahulunya engkau seorang anak yatim piatu, lalu Allah memberi perlindungan kepadamu?(6). Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu dalam keadaan tiada pedoman, lalu Ia memberi hidayat kepadamu?(7). Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu miskin, lalu Ia memberi kekayaan kepadamu?"(8)

Tidakkah ini benar-benar berlaku dalam kehidupanmu? Tidakkah engkau merasa kesannya dalam hatimu dan dalam realiti kehidupanmu?

Tidak, tidak...

مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ﴿٣﴾

"Tiada sekali-kali Tuhanmu meninggalkanmu dan tiada pula Ia murkakanmu."(3)

Yakni rahmat kebajikan-Nya tidak pernah putus darimu dan tidak akan putus buat selama-lamanya.

وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ ٱلْأُولَىٰ ﴿٤﴾

"Dan sesungguhnya Akhirat itu lebih baik untukmu dari dunia."(4)

Yakni di sana terdapat balasan-balasan untukmu yang lebih besar dan lebih sempurna:

وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰٓ ﴿٥﴾

"Dan sesungguhnya Allah akan memberi (limpah kurnia-Nya) kepadamu dan engkau tetap berpuas hati."(5)

Turut bersama tiupan bayu hakikat ini ialah tiupan bayu yang lembut yang terdapat dalam ungkapan-ungkapan ayat dan nada-nada pernyataannya, juga dalam frem alam yang diletakkan hakikat ini iaitu ungkapan:

وَٱلضُّحَىٰ ﴿١﴾ وَٱلَّيْلِ إِذَا سَجَىٰ ﴿٢﴾

"Demi waktu pagi.(1) Dan demi waktu malam ketika sunyi sepi"(2)

Ungkapan ini melahirkan suasana mesra yang lemah-lembut dan kasih yang tenang di samping melahirkan kerelaan yang syumul dan rindu dendam yang halus:

مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ﴿٣﴾

وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ ٱلْأُولَىٰ ﴿٤﴾

وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰٓ ﴿٥﴾

أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَـَٔاوَىٰ ﴿٦﴾

وَوَجَدَكَ ضَآلًّا فَهَدَىٰ ﴿٧﴾

وَوَجَدَكَ عَآئِلًا فَأَغْنَىٰ ﴿٨﴾

"Tiada sekali-kali Tuhanmu meninggalkanmu dan tiada pula ia murkakanmu(3). Dan sesungguhnya Akhirat itu lebih baik untukmu dari dunia(4). Dan sesungguhnya Allah akan memberi (limpah kurnia-Nya) kepadamu dan engkau tetap berpuas hati(5). Bukankah dahulunya engkau seorang anak yatim piatu, lalu Allah memberi perlindungan kepadamu?(6). Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu dalam keadaan tiada pedoman, lalu Ia memberi hidayat kepadamu?(7). Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu miskin, lalu Ia memberi kekayaan kepadamu?"(8)

Mengapa Allah Bersumpah Dengan Waktu Pagi Yang Terang Dan Waktu Malam Yang Sepi

Seluruh perasaan kasih mesra, kerelaan dan kerinduan itu adalah mengalir dari suasana ungkapan yang seni, kata-kata yang lembut, dari irama indah yang keluar dari ungkapan-ungkapan itu iaitu irama yang bergerak dan melangkah tenang dan melahirkan gema yang halus dan sayu. Apabila Allah hendak mengadakan satu frem bagi mengungkapkan perasaan kasih sayang, rahmat yang tenang, kerelaan yang menyeluruh dan kerinduan yang halus ini, maka Dia telah memilih waktu pagi yang terang cemerlang dan malam yang sunyi itu sebagai frem yang amat sesuai dengannya. Itulah dua waktu yang paling jernih, hening dan bening dari waktu-waktu siang dan malam. Itulah dua waktu yang merangsangkan manusia melepaskan menungan-menungan dan pengamatan-pengamatannya, merangsangkan jiwa-nya berhubung dengan alam buana dan dengan Allah Penciptanya dan mengarahkannya supaya bertawajjuh kepada Allah dengan tasbih-tasbih dan dengan melahirkan perasaan yang gembira dan jernih. Allah telah menggambarkan dua waktu itu dengan kata-kata yang sesuai.

وَٱلَّيْلِ إِذَا سَجَىٰ ﴿٢﴾

"Dan demi waktu malam ketika sunyi sepi."(2)

Yakni malam yang dimaksudkan di sini bukannya seluruh waktu malam yang sepi dan gelap-gelita, malah yang dimaksudkan ialah waktu malam yang tenang, jernih, hening, diselubungi tompokan-

tompokan awan yang tipis yang merangsangkan perasaan sedih, bimbang dan terharu yang halus dan menungan yang tenang seperti suasana hidup yatim dan menumpang orang lain. Kemudian ia menyerlah terang bersama waktu pagi yang hening. Demikianlah warna-warna gambaran itu sesuai dengan warna-warna fremnya. Dengan ini pengungkapan ayat-ayat ini menjadi begitu serasi. Gubahan ungkapan yang cukup indah ini membuktikan bahawa Al-Qur'an itu dari gubahan Allah yang indah, tidak dapat ditandingi dan ditiru.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Allah Tidak Pernah Membiarkan Rasul Kesayangan-Nya

وَٱلضُّحَىٰ ﴿١﴾ وَٱلَّيۡلِ إِذَا سَجَىٰ ﴿٢﴾
مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ﴿٣﴾
وَلَلۡأٓخِرَةُ خَيۡرٞ لَّكَ مِنَ ٱلۡأُولَىٰ ﴿٤﴾
وَلَسَوۡفَ يُعۡطِيكَ رَبُّكَ فَتَرۡضَىٰٓ ﴿٥﴾

"Demi waktu pagi(1). Dan demi waktu malam ketika sunyi sepi(2). Tiada sekali-kali Tuhanmu meninggalkanmu dan tiada pula ia murkakanmu(3). Dan sesungguhnya Akhirat itu lebih baik untukmu dari dunia(4). Dan sesungguhnya Allah akan memberi (limpah kurnia-Nya) kepadamu dan engkau tetap berpuas hati."(5)

Allah S.W.T. telah bersumpah dengan dua waktu yang jernih hening, dan menghubungkan di antara gejala-gejala alam dengan perasaan-ia satu bentuk hidup yang sedar dan mempunyai hubungan saling mesra dengan alam yang indah dan dinamis, yang bermesra dengan setiap yang hidup. Hati ini hidup dalam hubungan penuh kemesraan dengan alam ini dan tidak lagi merasa sepi dan dagang di alam ini. Dalam surah ini, kesan rasa kemesraan itu benar-benar dirasai, seolah-olah Allah mahu menyarankan kepada Rasulullah s.a.w. dari awal surah lagi bahawa Tuhannya telah melimpahkan rasa kemesraan di sekeliling hidupnya di alam ini. Ia bukannya terbuang dan terbiar dan bukan pula sebatang kara.

Dan selepas menyampaikan saranan dari alam, maka secara langsung Allah menekankan:

مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ﴿٣﴾

"Tiada sekali-kali Tuhanmu meninggalkanmu dan tiada pula Ia murkakanmu."(3)

Allah tidak sekali-kali membiar dan membuangmu sebagaimana dikatakan oleh kaum Musyrikin yang mahu menyakiti hatimu dan merungsingkan fikiranmu, kerana Dia adalah *"Tuhanmu"* (ربك) dan engkau adalah hamba-Nya yang dihubungkan kepada-Nya dan disandarkan kepada Rububiyah-Nya, dan Dialah Penjaga, Pelindung dan Penaungmu. Limpah kurnianya kepadamu tidak kunjung putus. Balasan-balasan yang disediakan untukmu di Akhirat adalah lebih baik dari limpah kurnia-Nya yang diberikan kepadamu di dunia:

وَلَلۡأٓخِرَةُ خَيۡرٞ لَّكَ مِنَ ٱلۡأُولَىٰ ﴿٤﴾

"Dan sesungguhnya Akhirat itu lebih baik untukmu dari dunia."(4)

Itulah pengertian kebaikan dari awal hingga akhir.

Dan Allah akan terus memberi taufik yang dikehendakimu dalam menjalankan tugas da'wahmu, menghapuskan segala halangan dan rintangan dari jalanmu, memberi kemenangan kepada agama dan kebenaran yang diperjuangkanmu. Semuanya itu merupakan masalah-masalah yang merungsingkan Rasulullah s.a.w. sewaktu menghadapi kedegilan, pendustaan, gangguan, tipu daya dan penghinaan kaumnya. Inilah maksud dari ayat:

وَلَسَوۡفَ يُعۡطِيكَ رَبُّكَ فَتَرۡضَىٰٓ ﴿٥﴾

"Dan sesungguhnya Allah akan memberi (limpah kurnia-Nya) kepadamu dan engkau tetap berpuas hati."(5)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

Allah Mengajak Rasulullah s.a.w. Mengingatkan Detik-detik Sejarah Hidupnya Yang Silam

Kemudian surah ini terus mengingatkan Rasulullah s.a.w. tentang hubungan beliau dengan Allah sejak permulaan jalan hidupnya lagi agar beliau sentiasa mengenangkan budi baik Allah, kasih mesra dan limpah kurnia-Nya terhadap beliau, dan agar beliau mendapat keni'matan dengan mengingatkan kembali suasana-sausana rahmat dan kasih mesra Ilahi terhadap dirinya. Ini adalah suatu keni'matan yang besar yang dirangsangkan oleh kenangan-kenangan indah seperti berikut:

أَلَمۡ يَجِدۡكَ يَتِيمٗا فَـَٔاوَىٰ ﴿٦﴾
وَوَجَدَكَ ضَآلّٗا فَهَدَىٰ ﴿٧﴾
وَوَجَدَكَ عَآئِلٗا فَأَغۡنَىٰ ﴿٨﴾

"Bukankah dahulunya engkau seorang anak yatim piatu, lalu Allah memberi perlindungan kepadamu?(6). Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu dalam keadaan tiada pedoman, lalu Ia memberi hidayat kepadamu?(7). Dan bukankah dahulunya Allah dapatimu miskin, lalu Ia memberi kekayaan kepadamu?"(8)

Lihatlah realiti hidupmu sekarang dan sejarah hidupmu di zaman silam, pernahkah Allah meninggalmu, pernahkah Allah murkakanmu walaupun sebelum engkau ditugas membawa agama ini? Tidakkah Allah telah melindungimu semasa

engkau yatim piatu? Tidakkah Ia telah menyelamatkan engkau dengan hidayat-Nya semasa engkau terumbang-ambing dalam keadaan tiada pedoman? Tidakkah Allah telah menutupkan kemiskinanmu dengan pemberian-pemberian-Nya yang limpah?

Engkau telah dilahirkan yatim kemudian Allah telah memberi perlindungan kepadamu menyebabkan semua hati sayangkanmu hingga hati bapa saudaramu sendiri Abu Talib yang tidak seagama denganmu.

Dahulu engkau seorang miskin, lalu Allah kayakan dirimu dengan sikap memada di samping mengayakanmu dengan usaha-usaha perdaganganmu sendiri dan dengan harta isterimu Khadijah r.a. hingga engkau terselamat dari perasaan merasa miskin dan dari perasaan ingin berangan-angan untuk mendapat kekayaan yang wujud di sekeliling engkau.

Hidayat Ni'mat Yang Paling Agung

Dahulunya engkau telah dilahirkan dalam masyarakat jahiliyah yang penuh dengan kefahaman-kefahaman dan kepercayaan-kepercayaan yang kacau-bilau, kelakuan-kelakuan yang sesat dan peraturan-peraturan yang menyeleweng yang menyebabkan hatimu tidak tenteram, tetapi di waktu itu engkau masih belum menemui satu jalan yang terang, jelas dan meyakinkan, sama ada dalam tradisi jahiliyah atau dalam agama pengikut-pengikut Musa dan 'Isa a.s. yang telah mengubah dan meminda dasar-dasar agama mereka dan menyebabkan mereka menyeleweng dari agama yang benar. Kemudian Allah memberi hidayat kepadamu dengan agama-Nya yang benar yang telah diwahyukan kepadamu, dan dengan sebuah sistem hidup yang menghubungkan engkau dengan-Nya.

Hidayat yang menyelamatkan manusia dari kekacauan 'aqidah dan kesesatannya merupakan ni'mat yang paling agung yang tidak dapat ditandingi oleh ni'mat-ni'mat yang lain. Hidayat itu memberikan kerehatan dan ketenteraman dari segala kegelisahan dan kepenatan jiwa yang tiada tolok bandingnya. Ayat ini mungkin diturunkan dengan sebab penderitaan jiwa yang dialami Rasulullah s.a.w. semasa berlakunya keputusan wahyu, dan semasa Rasulullah s.a.w. menerima berbagai-bagai cemuhan dan penghinaan dari kaum Musyrikin, dan sewaktu beliau merasa sepi dari kekasih, lalu ayat ini turun untuk mengingat dan menenangkan beliau bahawa Allah tidak akan meninggalkannya dalam kebingungan, sebagaimana ia tidak meninggalkannya sebelum ini dalam keadaan kebingungan dan tanpa pedoman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 11)

Kewajipan Membantu Golongan-golongan Yang Lemah

Sesuai dengan peringatan Allah yang menyebut kisah beliau diberi perlindungan semasa hidup yatim piatu dan kisah beliau diselamatkan dengan hidayat-Nya dari keadaan tanpa pedoman, dan seterusnya kisah beliau diselamatkan dari kemiskinan, maka Allah mengarahkan beliau dan umat Muslimin selepasnya supaya memberi perlindungan kepada anak-anak yatim, menolong orang-orang yang memerlukan pertolongan dan menyebut-nyebutkan ni'mat-ni'mat Allah yang amat besar yang dikurniakan kepadanya terutama ni'mat mendapat hidayat dengan agama Islam:

فَأَمَّا ٱلۡيَتِيمَ فَلَا تَقۡهَرۡ ٩

وَأَمَّا ٱلسَّآئِلَ فَلَا تَنۡهَرۡ ١٠

وَأَمَّا بِنِعۡمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثۡ ١١

"Oleh itu, janganlah engkau hinakan anak yatim(9). Dan janganlah engkau herdikkan peminta bantuan(10). Dan hendaklah engkau sebut-sebutkan ni'mat Tuhanmu."(11)

Arahan-arahan supaya memuliakan anak yatim dan melarang dari menindas, menyakiti hati dan menghinakannya, juga arahan supaya menolong orang-orang yang meminta pertolongan dengan cara yang lemah-lembut dan terhormat itu merupakan saranan-saranan yang paling penting dari realiti keadaan masyarakat jahiliyah yang tidak berbudi dan tamak dan tidak melindungi hak-hak orang yang lemah dari mempertahankan haknya dengan kekuatan mata pedangnya. Kemudian Allah telah mengangkatkan masyarakat ini melalui syari'at-Nya kepada masyarakat yang benar dan adil, masyarakat taqwa yang tidak melampaui batas-batas yang digariskan Allah dan masyarakat yang sentiasa melindungi dan membela hak-hak orang-orang yang lemah, yang tidak mempunyai kekuatan mata pedang untuk mempertahankannya.

Menyebut-nyebut ni'mat Allah terutama ni'mat iman dan hidayat merupakan salah satu dari cara melahirkan kesyukuran terhadap Allah yang mengurniakan ni'mat itu. Dan cara melahirkan kesyukuran yang sempurna ialah berbakti kepada para hamba-Nya. Itulah cara amali bersyukur dan itulah kenangan ni'mat secara senyap yang berguna dan mulia.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH ASY-SYARH

SURAH KE 94

سُورَةُ الشَّرْح

SURAH ASY-SYARH

Surah Kelapangan Hati

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT 8

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ ﴿١﴾

وَوَضَعْنَا عَنكَ وِزْرَكَ ﴿٢﴾

ٱلَّذِىٓ أَنقَضَ ظَهْرَكَ ﴿٣﴾ وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ ﴿٤﴾

فَإِنَّ مَعَ ٱلْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾ إِنَّ مَعَ ٱلْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾

فَإِذَا فَرَغْتَ فَٱنصَبْ ﴿٧﴾ وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَٱرْغَب ﴿٨﴾

"(Wahai Muhammad!) Bukankah Kami telah lapangkan dadamu?(1). Dan Kami telah ringankan bebananmu(2). Yang telah memberatkan belakangmu(3). Dan Kami telah angkatkan namamu(4). Sesungguhnya bersama kesukaran itu ialah kemudahan(5). Sesungguhnya bersama kesukaran itu ialah kemudahan (6). Oleh itu, apabila engkau telah selesai dari sesuatu kegiatanmu, maka minatilah kegiatan yang lain pula(7). Dan kepada Tuhanmu tumpukan perhatian dan minatmu."(8).

'Inayah Allah Terhadap Rasul-Nya

Surah ini diturunkan selepas Surah adh-Dhuha, seolah-olah merupakan surah yang menyempurnakannya. Di dalam surah ini terdapat naungan kasih mesra dan semangat berbicara dan berbisik-bisik dengan kekasih. Di dalam surah ini juga disebut gejala-gejala dan peristiwa-peristiwa yang membuktikan 'inayah dan keprihatinan Allah terhadap Rasul-Nya, juga disebut berita gembira mendapat kesenangan dan kelapangan, dan bimbingan untuk memahami rahsia kesenangan dan tali hubungan yang kukuh dengan Allah 'Azzawajalla.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

Beban Penderitaan Rasulullah s.a.w. Dalam Perjuangan Da'wah

أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ ﴿١﴾

وَوَضَعْنَا عَنكَ وِزْرَكَ ﴿٢﴾

ٱلَّذِىٓ أَنقَضَ ظَهْرَكَ ﴿٣﴾ وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ ﴿٤﴾

"(Wahai Muhammad!) Bukankah Kami telah lapangkan dadamu?(1). Dan Kami telah ringankan bebananmu(2). Yang telah memberatkan belakangmu(3). Dan Kami telah angkatkan namamu."(4)

Ayat-ayat ini menyarankan bahawa jiwa Rasulullah s.a.w. sedang mengalami kesulitan dan kesusahan dalam usaha menyebarkan da'wah yang ditugaskan kepadanya dan dalam menghadapi berbagai-bagai halangan, rintangan dan tipu daya di jalan da'wah. Dadanya penuh sebak dengan kerungsingan-kerungsingan memikul tugas da'wah yang berat itu, dan merasa betapa perlunya kepada pertolongan, bantuan dan bekalan semangat dari Allah.

Kemudian berlakulah munajat yang manis dan bisikan yang mesra:

أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ ﴿١﴾

"(Wahai Muhammad!) Bukankah Kami telah lapangkan dadamu?"(1)

Yakni bukankah Kami telah bukakan dadamu untuk memikul tugas da'wah ini, dan Kami berikan kemudahan-kemudahan kepadamu untuk melaksanakannya? Bukankah Kami telah jadikan tugas da'wah itu satu tugas yang amat disukai hatimu, dan Kami licinkan jalan-jalannya untukmu serta Kami terangi jalan-jalan itu hingga engkau dapat melihat penghabisannya yang bahagia.

Wahai Muhammad! Periksalah dadamu, tidakkah engkau dapati di lubuknya perasaan senang dan lapang hati, perasaan terang benderang oleh nur iman? Pulihkan kembali kecapan citarasa dari kurnia-Ku ini di dalam perasaanmu dan jawablah: Tidakkah dengan kecapannya yang citarasa itu melapangkan hatimu dari segala kesusahan, merehatkan dirimu dari segala kepenatan, memberikanmu perasaan senang dalam menghadapi setiap kesukaran dan perasaan rela terhadap segala penafian?

وَوَضَعْنَا عَنكَ وِزْرَكَ ﴿٢﴾

ٱلَّذِىٓ أَنقَضَ ظَهْرَكَ ﴿٣﴾

"Dan Kami telah ringankan bebananmu(2). Yang telah memberatkan belakangmu."(3)

Yakni Kami telah ringankan bebanan da'wah yang amat berat itu dengan melapangkan hatimu, dan dengan memberi taufik dan kemudahan kepadamu untuk melaksanakan tugas da'wah, dan dengan menurunkan wahyu kepadamu untuk menerangkan hakikat-hakikat yang sebenar dan untuk menolongmu mempengaruhi jiwa manusia dengan cara yang lemah lembut.

Tidakkah engkau dapati semuanya itu ketika menanggung beban yang telah memberatkan belakangmu? Tidakkah kini engkau dapati beban itu telah menjadi ringan setelah Kami lapangkan dadamu?

وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ ﴿٤﴾

"Dan Kami telah angkatkan namamu."(4)

Nabi Muhammad s.a.w. Disanjung Di Langit Dan Bumi Dan Disebut Di Sepanjang Zaman

Yakni Kami angkatkan namamu di alam al-Mala'ul-A'la. Kami angkatkannya di bumi dan di seluruh alam buana, dan kerana itulah Kami gandingkan namamu dengan nama Allah setiap kali bibir manusia menyebut لا إله إلا الله محمد رسول الله. Tidak ada lagi darjat yang setinggi dan semulia ini, itulah satu-satunya darjat yang hanya dicapai oleh Rasulullah s.a.w. di antara seluruh isi alam.

Kami telah angkatkan namamu di dalam Lauh Mahfuz ketika Allah memutuskan supaya namamu disebut di setiap zaman dengan ucapan do'a, selawat dan taslim dan dengan perasaan kasih sayang yang mendalam.

Kami telah angkatkan namamu yang telah terikat dengan agama Allah yang luhur ini, kerana pemilihanmu untuk menyampaikan agama ini merupakan satu pengangkatan nama yang paling tinggi yang belum pernah dicapai oleh seseorang pun di alam buana ini baik sebelummu atau selepasmu.

Oleh itu, kesusahan, kepenatan dan keletihan tidak mempunyai tempat lagi dibandingkan dengan limpah kurnia Allah yang besar yang boleh menghapuskan segala penderitaan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 6)

Walaupun begitu, namun Allah terus berlemah lembut dengan Rasul kesayangan-Nya yang terpilih itu dan terus menghibur dan menenangkan hatinya di samping menerang-kan rahsia kesenangan yang tidak terpisah darinya, kerana:

فَإِنَّ مَعَ ٱلْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾

"Sesungguhnya bersama kesukaran itu ialah kemudahan."(5)

Kesenangan Dan Kesusahan Silih Berganti

Kesukaran dan kesusahan tidak sunyi dari kesenangan dan kemudahan yang menemanimu dan tidak berpisah darinya, dan kadang-kadang kesukaran itu menemani kesenangan bersamamu. Justeru itu apabila bebanan da'wah menjadi begitu berat, Kami lapangkan dadamu, lalu bebanan yang memberatkan belakangmu itu menjadi ringan. Kesenangan sentiasa menemani kesusahan untuk meringankan tekanan dan keberatannya.

Ini adalah satu hakikat yang diyakinkan dan kerana itu ia disebut berulang-ulang kali dengan ungkapan yang sama:

إِنَّ مَعَ ٱلْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾

"Sesungguhnya bersama kesukaran itu ialah kemudahan."(6)

Pengulangan ayat ini menunjukkan Rasulullah s.a.w. benar-benar berada dalam kesulitan dan kesukaran yang memerlukan kepada pengamatan dan peringatan ini, memerlukan kenangan kepada gejala-gejala keprihatinan Allah ini, memerlukan kepada penayangan tempat-tempat keprihatinan dan memerlukan kepada penegasan dengan segala macam penegasan yang seperti ini. Tidak syak lagi bahawa urusan da'wah yang telah memberatkan penanggungan hati Nabi Muhammad s.a.w. sebegini rupa adalah satu urusan yang amat besar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 8)

Kegiatan Melaksanakan Tugas Seharian Harus Diiringgi Dengan Kegiatan-kegiatan Beribadat Dan Bertaubat Kepada Allah

Kemudian datang pula arahan Ilahi supaya ia mencari sebab-sebab yang boleh melahirkan kelapangan dan kesenangan hati dan mencari sumber simpanan bekalan untuk menempuh perjalanan da'wah yang jauh dan sukar:

فَإِذَا فَرَغْتَ فَٱنصَبْ ﴿٧﴾ وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَٱرْغَب ﴿٨﴾

"Oleh itu, apabila engkau telah selesai dari sesuatu kegiatanmu, maka minatilah kegiatan yang lain pula(7). Dan kepada Tuhanmu tumpukan perhatian dan minatmu."(8)

Bersama kesulitan ialah kesenangan. Oleh itu, gunakanlah segala punca yang membawa kesenangan dan kemudahan. Jika engkau telah selesai dari urusan-urusanmu dengan orang ramai dan dari urusan-urusan dunia dan kehidupan, maka hadapilah dengan seluruh hatimu kepada kegiatan yang wajar dilakukan dengan sungguh-sungguh, iaitu kegiatan beribadat, menumpukan hati kepada Allah, mengadap dan bertawajjuh kepada Allah:

وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَٱرْغَب ﴿٨﴾

"Dan kepada Tuhanmu tumpukan perhatian dan minatmu."(8)

Tumpukan seluruh perhatian dan minat kepada Tuhanmu semata-mata dan kosongkan hatimu dari segala sesuatu termasuk urusan orang ramai yang engkau da'wahkan mereka, kerana engkau memerlukan bekalan perjalanan, dan di sinilah engkau akan mendapat bekalan itu, engkau juga memerlukan kelengkapan berjihad. Di sinilah engkau akan menemui kesenangan dan kemudahan setiap kali engkau menempuh kesulitan dan kesukaran. Inilah jalan perjuangan da'wah.

* * * * * *

Surah ini berakhir sama seperti berakhirnya Surah adh-Dhuha. Ia meninggal dalam hati dua perasaan yang bercampuraduk, iaitu perasaan betapa besarnya kasih mesra Allah terhadap hamba kesayangan-Nya Rasulullah s.a.w. Dan perasaan betapa besarnya timbang rasa dan belas kasihan-Nya terhadap Rasulullah s.a.w. dan kita sendiri seolah-olah turut merasakan perasaan kesulitan yang sedang berkecamuk di dalam hati Rasulullah s.a.w. di waktu itu yang benar-benar memerlukan kepada kasih mesra Ilahi yang indah itu.

Itulah da'wah, itulah amanah dan tugas yang amat berat, namun demikian ia tetap merupakan tempat pancaran dan tempat turunnya nur Ilahi. Ia merupakan tali hubungan yang menyambung fana dengan baqa' dan 'adam dengan wujud.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AT-TIN

SURAH KE

95

سُورَةُ التِّينِ

SURAH AT-TIN

Surah Buah Tin

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

8

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَالتِّينِ وَالزَّيْتُونِ ﴿١﴾ وَطُورِ سِينِينَ ﴿٢﴾

وَهَٰذَا الْبَلَدِ الْأَمِينِ ﴿٣﴾

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٥﴾

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٦﴾

فَمَا يُكَذِّبُكَ بَعْدُ بِالدِّينِ ﴿٧﴾

أَلَيْسَ اللَّهُ بِأَحْكَمِ الْحَاكِمِينَ ﴿٨﴾

"Demi buah tin dan buah zaitun(1). Dan demi Bukit Tursina(2). Dan demi negeri (Makkah) yang aman ini(3). Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dengan sebaik-baik rupa bentuk(4).Kemudian Kami kembalikannya ke tingkat yang sebawah-bawahnya(5). Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih, maka untuk mereka disediakan pahala yang tiada berkeputusan(6). Oleh itu, apakah yang menyebabkan engkau mendustakan agama(7). Bukankah Allah itu Hakim yang paling adil?"(8).

Hakikat pokok yang dikemukakan oleh surah ini ialah hakikat fitrah yang lurus yang menjadi asas tabi'at manusia yang diciptakan Allah dan kesesuaian tabi'atnya dengan tabi'at iman. Dengan fitrah yang lurus, manusia boleh mencapai darjat yang sempurna yang ditentukan keadaanya, dan manusia akan jatuh ke darjat yang sebawah-bawahnya apabila ia menyeleweng dari fitrah yang lurus dan iman yang jujur itu.

Allah kemukakan hakikat ini dengan bersumpah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

وَالتِّينِ وَالزَّيْتُونِ ﴿١﴾ وَطُورِ سِينِينَ ﴿٢﴾

وَهَٰذَا الْبَلَدِ الْأَمِينِ ﴿٣﴾

"Demi buah tin dan buah zaitun(1). Dan demi Bukit Tursina(2). Dan demi negeri (Makkah) yang aman ini."(3)

Sumpah-sumpah seperti ini yang banyak kita jumpai di dalam surah-surah juzu' 'Amma ini merupakan sebuah frem untuk dibentangkan hakikat fitrah manusia ini, dan biasanya frem-frem itu amat selaras pula dengan hakikat yang dibentangkan itu.

Bukit Tursina, Negeri Makkah, Buah-buah Tin Dan Zaitun Mengingatkan Tempat-tempat Dan Peristiwa Kemenangan Di Dalam Perjuangan Agama Allah

Maksud dari **"Bukit Tursina"** ialah Bukit Tur tempat Nabi Musa a.s. diseru oleh Allah 'Azzawajalla. Maksud **"negeri yang aman"** ialah Makkah Baitullahil-Haram. Hubungan kedua-dua tempat ini dengan urusan agama dan iman adalah jelas sekali. Tetapi bayangan hubungan ini tidak jelas di dalam buah **"tin dan zaitun"** sejauh yang ternampak kepada kami. Di sana terdapat berbagai-bagai pendapat yang ma'thur tentang maksud dari tin dan zaitun itu. Ada pendapat yang mengatakan bahawa buah tin itu ialah isyarat kepada Turtina yang terletak berdekatan dengan Damsyik. Ada yang mengatakan ia adalah isyarat kepada pokok-pokok tin, di mana Adam dan isterinya Hawa mengambil daun-daunnya untuk menutup aurat mereka di dalam Syurga ketika mereka tinggal di sana sebelum turun ke dalam kehidupan dunia. Dan ada pula yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan tin itu ialah tempat tumbuhnya pokok tin di bukit yang menjadi tempat berlabuhnya bahtera Nuh a.s.

Tentang **"az-Zaitun"** pula, ada pendapat yang mengatakan bahawa Zaitun itu adalah isyarat kepada Turzita di Baitul-Maqdis. Ada pula yang mengatakan ia adalah isyarat kepada Baitul-Maqdis itu sendiri. Ada yang mengatakan ianya isyarat kepada dahan Zaitun yang dibawa balik oleh burung merpati yang dilepas oleh Nabi Nuh a.s. dari atas bahtera untuk meninjau keadaan banjir dan apabila burung merpati itu pulang membawa dahan Zaitun, maka fahamlah beliau bahawa bumi telah timbul dan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan.

Selanjutnya ada pendapat yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan tin dan Zaitun itu

ialah dua jenis buah-buahan yang dimakan yang dikenali umum, dan kedua-duanya bukanlah melambangkan sesuatu yang lain, atau kedua-duanya merupakan lambang dari bumi tempat tumbuhnya.

Di tempat yang lain dari Al-Qur'an, Zaitun disebut di samping Bukit Tur. Firman Allah:

وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِن طُورِ سَيْنَآءَ تَنۢبُتُ بِٱلدُّهْنِ وَصِبْغٍ لِّلْـَٔاكِلِينَ ﴿٢٠﴾

"Dan pokok (Zaitun) yang keluar dari Tursina yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi orang-orang yang makan."

(Surah al-Mu'minun: 20)

Di suatu tempat yang lain disebut زيتونا ونخلا (pokok Zaitun dan kurma). Sementara "tin" hanya disebut sekali sahaja di dalam Al-Qur'an seluruhnya.

Kerana inilah kami tidak dapat pastikan maksudnya yang sebenar. Apa yang dapat kami katakan ialah bahawa maksud yang lebih dekat dari sebutan buah tin dan buah Zaitun di sini ialah isyarat kepada tempat-tempat dan peristiwa-peristiwa kenangan yang ada hubungan dengan agama dan iman, atau ada hubungan dengan asal mula kejadian manusia yang diciptakan dengan sebaik-baik bentuk rupa (mungkin sewaktu ia berada di dalam Syurga tempat pertama ia memulakan hidupnya) supaya isyarat itu sesuai dengan hakikat pokok yang dikemukakan di dalam surah ini atau supaya frem itu selaras dengan hakikat yang dibicarakannya mengikut kaedah Al-Qur'an.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

Yang menjadi inti hakikat dalam surah ini ialah:

Kedudukan Istimewa Manusia Di Sisi Allah

لَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ فِىٓ أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾ ثُمَّ رَدَدْنَٰهُ أَسْفَلَ سَٰفِلِينَ ﴿٥﴾ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dengan sebaik-baik rupa bentuk(4). Kemudian Kami kembalikannya ke tingkat yang sebawah-bawahnya(5). Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih, maka untuk mereka disediakan pahala yang tiada berkeputusan."(6)

Dari ayat ini jelas ternyata betapa besarnya perhatian Allah terhadap manusia. Sejak awal lagi ia diciptakan dalam bentuk yang sebaik-baiknya. Memang tiap-tiap kejadian itu diciptakan Allah dengan sebaik-baiknya, tetapi menyebut secara khusus bahawa manusia itu dijadikan dengan sebaik-baik susunan dan bentuk rupa dalam surah ini dan di tempat-tempat yang lain dari Al-Qur'an, menunjukkan bahawa Allah memberi perhatian dan 'inayah yang lebih besar terhadap makhluk manusia.

Perhatian dan 'inayah Allah yang besar terhadap makhluk insan ini, walaupun ia mempunyai titik-titik kelemahan dan sering dilanda kerosakan dan penyelewengan dari fitrah yang suci, menunjukkan ia mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah dan mempunyai nilai istimewa dalam susunan kejadian alam ini. Perhatian dan 'inayah Allah yang besar itu dapat dilihat dengan jelas dalam susunan kejadiannya yang amat rapi, sama ada dalam susunan anggota jasmani yang amat seni dan canggih atau dalam susunan kejadiannya yang unik atau dalam susunan kejadian rohaniyahnya yang menakjubkan.

Kejatuhan Ciri Rohaniyah Menandakan Kejatuhan Ciri Insaniyah Manusia

Dalam ayat ini penekanan telah ditumpukan kepada ciri-ciri rohaniyahnya yang boleh jatuh terjunam ke darjat yang sebawah-bawahnya apabila manusia itu menyeleweng dari fitrahnya yang suci atau menyimpang dari iman yang lurus, kerana memang jelas bahawa ciri-ciri jasmaniyahnya tidak berubah dan jatuh kepada darjat yang sebawah-bawahnya.

Di dalam ciri-ciri rohaniyah inilah nampak jelas kelebihan kejadian insan, kerana ia dikurniakan kesediaan untuk meningkat ke darjat yang amat tinggi yang melebihi ketinggian darjat para malaikat al-Muqarrabin sebagaimana dibuktikan oleh kisah Mi'raj di mana malaikat Jibril a.s. terpaksa berhenti pada maqam tinggi yang tertentu, sedangkan Nabi Muhammad ibn Abdullah s.a.w. terus meningkat naik ke maqam yang lebih tinggi. Di samping itu juga manusia mempunyai kesediaan menggelonsor jatuh ke darjat yang sebawah-bawahnya yang tidak pernah dialami oleh mana-mana makhluk lain, iaitu merosot ke darjat yang membuat haiwan-haiwan itu lebih tinggi dan lebih baik darinya kerana haiwan-haiwan itu hidup dengan fitrahnya yang betul, iaitu mereka bertasbih kepada Allah dan melaksanakan fungsinya yang betul, mereka bertasbih kepada Allah dan melaksanakan fungsinya di alam ini dengan hidayat yang benar, sedangkan manusia yang merupakan sebaik-baik makhluk itu sanggup mengingkari Tuhan Penciptanya dan menggelonsor turun bersama hawa nafsunya ke darjat yang lebih bawah dari haiwan.

لَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ فِىٓ أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dengan sebaik-baik rupa bentuk."(4)

Iaitu sebaik-baik kejadian dari segi fitrah dan kesediaan semulajadi.

ثُمَّ رَدَدْنَٰهُ أَسْفَلَ سَٰفِلِينَ ﴿٥﴾

"Kemudian Kami kembalikannya ke tingkat yang sebawah-bawahnya." (5)

Apabila ia menyeleweng dengan fitrahnya dari garis lurus yang ditunjukkan Allah, dan setelah diberi penjelasan dan kebebasan agar ia memilih salah satu dari dua jalan.

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ

"Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih."(6)

Merekalah golongan manusia yang kekal di atas fitrahnya yang lurus, kemudian mereka lengkapkan pula fitrah mereka dengan iman dan amal salih, dan terus meningkat ke darjat yang sempurna yang diperuntukkan kepada mereka sehingga berakhir dengan kehidupan yang sempurna di negeri Akhirat, negeri yang sempurna!

فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ۝٦

"Maka untuk mereka disediakan pahala yang tiada berkeputusan."(6)

Di Persimpangan Jalan Di Antara Meningkat Setinggi-tinggi Dengan Keimanan Atau Jatuh Serendah-rendah Dengan Kesesatan

Golongan insan yang menurun jatuh bersama fitrah mereka ke darjat yang paling bawah itu terus menjunam ke bawah hingga ia sampai dan menetap di lapisan Neraka yang terkebawah sekali, di mana nilai insaniyahnya tidak berharga lagi.

Naik dan turun itu merupakan dua perhentian atau kesudahan bagi satu titik tolak, iaitu sama ada tegak di atas fitrah yang lurus serta menyempurna dan meningkatkannya dengan iman dan amalan yang salih, maka jalan ini akan membawa manusia kepada darjatnya yang sempurna dalam kehidupan yang penuh ni'mat, atau menyeleweng dari fitrah yang lurus dan meluncur ke bawah dan putus hubungan dengan hidayat Allah, maka jalan ini akan membawa manusia ke dasar Neraka dalam kehidupan yang penuh 'azab.

Dari sini jelas ternyata nilai keimanan dalam kehidupan manusia. Keimanan itulah jalan naik yang menyampaikan, fitrah manusia kepada matlamatnya yang sempurna. Keimanan itulah tali hubungan di antara fitrah manusia dengan Tuhan Penciptanya. Keimanan itulah nur yang menerangi jalan naik menuju kehidupan orang-orang yang kekal yang dimuliakan di sisi Allah.

Apabila tali ini putus dan apabila nur ini padam, maka akibatnya manusia akan meluncur jatuh ke darjat yang paling rendah yang menggugurkan seluruh nilai kemanusiaannya dan hanya layak untuk menjadi bahan-bahan bakar api Neraka sama seperti ketul-ketul batu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 8)

Keadilan Allah

Dan di bawah bayangan hakikat inilah manusia diseru:

فَمَا يُكَذِّبُكَ بَعْدُ بِٱلدِّينِ ۝٧

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَحْكَمِ ٱلْحَٰكِمِينَ ۝٨

"Oleh itu, apakah yang menyebabkan engkau mendustakan agama(7). Bukankah Allah itu Hakim yang paling adil?"(8)

Apakah yang menyebabkan engkau tidak percayakan agama sesudah menyedari hakikat ini, sesudah mengetahui nilai keimanan dalam kehidupan manusia dan sesudah melihat nasib mereka yang tidak beriman, yang tidak bersuluhkan nur hidayat dan tidak berpegang dengan tali Allah yang kukuh?

أَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَحْكَمِ ٱلْحَٰكِمِينَ ۝٨

"Bukankah Allah itu Hakim yang paling adil."(8)

tidakkah Allah itu Pengadil Yang Maha Adil apabila Ia menetapkan hukuman-hukuman yang seperti ini? Atau tidakkah hikmat kebijaksanaan Allah mencapai matlamatnya dalam hukuman-hukuman yang telah ditetapkannya terhadap orang-orang Mu'min dan orang yang tidak Mu'min.

Keadilan Allah itu amat jelas sekali, kerana itu dalam sebuah Hadith Marfu' dari Abu Hurayrah Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

فإذا قرأ أحدكم ((والتين والزيتون)) فأتى آخرها : ((أليس الله بأحكم الحاكمين)) ... فليقل ... بلى وأنا على ذلك من الشاهدين.

"Apabila seseorang kamu membaca ((والتين والزيتون)) dan membaca ayat akhirnya ((أليس الله بأحكم الحاكمين)) , maka hendaklah dia berkata:

بلى وأنا على ذلك من الشاهدين

"Memang benar dan akulah salah seorang dari orang-orang yang menyaksikan keadilan-Mu itu."

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-'ALAQ

SURAH KE

96

سُورَةُ الْعَلَق

SURAH AL-'ALAQ

Surah Segumpal Darah

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

19

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

خَلَقَ الْإِنسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾

اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾

عَلَّمَ الْإِنسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

كَلَّا إِنَّ الْإِنسَانَ لَيَطْغَىٰ ﴿٦﴾

أَن رَّآهُ اسْتَغْنَىٰ ﴿٧﴾ إِنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ الرُّجْعَىٰ ﴿٨﴾

أَرَأَيْتَ الَّذِي يَنْهَىٰ ﴿٩﴾ عَبْدًا إِذَا صَلَّىٰ ﴿١٠﴾

أَرَأَيْتَ إِن كَانَ عَلَى الْهُدَىٰ ﴿١١﴾

أَوْ أَمَرَ بِالتَّقْوَىٰ ﴿١٢﴾ أَرَأَيْتَ إِن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿١٣﴾

أَلَمْ يَعْلَم بِأَنَّ اللَّهَ يَرَىٰ ﴿١٤﴾

كَلَّا لَئِن لَّمْ يَنتَهِ لَنَسْفَعًا بِالنَّاصِيَةِ ﴿١٥﴾

نَاصِيَةٍ كَاذِبَةٍ خَاطِئَةٍ ﴿١٦﴾

فَلْيَدْعُ نَادِيَهُ ﴿١٧﴾ سَنَدْعُ الزَّبَانِيَةَ ﴿١٨﴾

كَلَّا لَا تُطِعْهُ وَاسْجُدْ وَاقْتَرِب ﴿١٩﴾

"(Wahai Muhammad!) Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (seluruh makhluk)(1). Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah(2). Bacalah dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah(3). Yang mengajar dengan pena(4). Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya(5). Ingatlah! Sebenarnya manusia itu bersifat melampau dan takbur(6). Kerana melihat dirinya mempunyai harta kekayaan(7). Sesungguhnya kepada Tuhanmulah titik perkembalian(8). Apakah pandanganmu terhadap orang yang melarang(9). Seorang hamba Allah apabila ia hendak mengerjakan solat?(10). Apakah pandanganmu jika orang yang dilarang itu berada di atas jalan hidayat?(11). Atau menyuruh orang lain bertaqwa kepada Allah?(12). Apakah pandanganmu jika orang yang melarang itu mendustakan (agama Allah) dan berpaling darinya?(13). Tidakkah ia mengetahui bahawa Allah itu melihat?(14). Tidak sekali-kali begitu, demi sesungguhnya jika ia tidak berhenti (dari perbuatan yang keji itu) nescaya Kami akan tarikkan ubun-ubunnya(15). Iaitu ubun-ubun manusia yang pendusta dan berdosa(16). Biarlah dia memanggil kuncu-kuncunya (17). Kami akan memanggil malaikat Zabaniyah(18). Tidak sekali-kali! Janganlah engkau menurut kehendak-Nya, malah sujudlah dan dampingilah dirimu kepada Allah."(19).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Ayat Al-Qur'an Yang Pertama Diturunkan Kepada Rasulullah s.a.w.

Permulaan surah ini merupakan ayat-ayat Al-Qur'an yang pertama yang diturunkan, mengikut kata sepakat para Ulama'. Riwayat-riwayat yang menyebut ayat-ayat yang lain yang mula diturunkan itu adalah tidak dapat dipegang. Ujar al-Imam Ahmad: Kami telah diceritakan oleh 'Abdur-Razzaq, kami telah diceritakan oleh Ma'mar ibn az-Zuhri dari 'Urwah dari 'Aisyah r.'anha katanya:

Keadaan Rasulullah s.a.w. Sebelum Dan Selepas Menerima Wahyu Yang Pertama

"Wahyu pertama yang mula diterima Rasulullah s.a.w. ialah berupa mimpi-mimpi yang benar dalam masa tidur. Beliau tidak melihat satu mimpi melainkan mimpi itu datang dengan jelas seperti serlahan cahaya pagi. Kemudian beliau diberi kegemaran bersemadi di tempat yang sunyi. Beliau bersemadi di Gua Hira'. Di sanalah beliau beribadat beberapa malam lamanya sebelum beliau pulang kepada keluarganya dan berbekal untuk itu, kemudian beliau pulang lagi kepada Khadijah dan berbekal pula seperti itu sehingga datanglah kebenaran semasa beliau berada dalam Gua Hira'. Ia didatangi malaikat Jibril yang berkata kepada beliau: "Bacalah!" Jawab beliau: "Aku tidak pandai membaca" beliau bercerita: Lalu malaikat itu datang memelukku hingga membuat aku penat, kemudian ia melepaskan aku sambil berkata: "Bacalah!" Aku menjawab: "Aku tidak pandai membaca." Lalu ia memelukku kali yang kedua sehingga membuat aku penat, kemudian ia

melepaskan aku sambil berkata: "Bacalah!" Aku menjawab: "Aku tidak pandai membaca". Lalu ia memelukku kali yang ketiga kemudian ia berkata:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾
خَلَقَ الْإِنسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾
اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾
عَلَّمَ الْإِنسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

"(Wahai Muhammad!) Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (seluruh makhluk)(1). Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah(2). Bacalah dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah(3). Yang mengajar dengan pena(4). Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya."(5)

Penjelasan Waraqah Naufal

Selepas itu Rasulullah s.a.w. kembali dengan ayat-ayat ini dalam keadaan menggigil hingga beliau masuk ke dalam rumah menemui Khadijah dan berkata: "Selimutkan aku! Selimutkan aku!" Lalu mereka menyelimutkan beliau sehingga hilang ketakutannya. Lalu beliau berkata: "Wahai Khadijah! Mengapa aku jadi begini?" Kemudian beliau menceritakan kepada Khadijah apa yang telah berlaku dan berkata: "Aku bimbang terhadap diriku." Lalu dijawab Khadijah: "Tidak. Senangkan hati anda. Demi Allah, Allah tidak sekali-kali akan menghinakan anda, kerana sesungguhnya anda seorang yang sentiasa membuat hubungan yang baik dengan kaum kerabat, sentiasa bercakap benar, menanggung bebanan menolong orang-orang yang lemah, sentiasa memuliakan tamu dan sentiasa menolong orang-orang yang dilandakan mala bencana." Kemudian Khadijah membawa beliau bertemu dengan Waraqah ibn Naufal ibn Asad ibn Abdul 'Uzza ibn Qusayy iaitu sepupu Khadijah sebelah bapanya. Dia adalah seorang yang telah memeluk agama Nasrani pada masa jahiliyah lagi. Dia boleh menulis kitab dalam bahasa Arab dan telah menulis kitab suci Injil dalam bahasa 'Ibrani sebanyak yang dikehendaki Allah. Dia seorang tua yang telah buta matanya, lalu Khadijah berkata: "Wahai sepupuku! Dengarlah cerita dari anak saudaramu ini. Kata Waraqah: "Wahai anak saudaraku! Apakah yang engkau lihat?" lalu Rasulullah s.a.w. menceritakan segala apa yang dilihatnya. Kemudian Waraqah berkata: "Itulah malaikat yang diturunkan kepada Musa a.s. Aku berangan-angan kembali muda belia, aku berangan-angan semoga aku masih hidup sewaktu engkau diusir keluar oleh kaum engkau." Lalu Rasulullah s.a.w. bertanya: "Apakah mereka akan mengusirku keluar?" Jawab Waraqah: "Ya. Tiada siapa pun yang datang membawa apa yang dibawa engkau melainkan ia akan dimusuhi. Jika aku sempat dengan masamu, aku akan memberi sepenuh pertolongan kepadamu." Tetapi tidak lama kemudian Waraqah meninggal dunia.... hingga akhir."[1]

Permulaan Turun Wahyu Mengikut Riwayat At-Tabar

Menurut riwayat at-Tabari dengan sanadnya dari Abdullah ibn az-Zubayr katanya:

"Sabda "Rasulullah s.a.w.: 'Malaikat itu datang kepadaku semasa aku sedang tidur membawa sejenis bekas dari kain beroked di mana terletak sebuah kitab, lalu berkata: 'Bacalah!' Aku pun menjawab: 'Aku tidak pandai membaca.' Lalu ia memelukku hingga aku sangka aku tentu mati. Kemudian ia melepaskan aku dan berkata: 'Bacalah!' Aku pun menjawab: 'Aku nak baca apa?' Aku jawab begitu untuk mengelak supaya ia tidak memelukku lagi seperti tadi. Lalu ia pun berkata:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾
خَلَقَ الْإِنسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾
اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾
عَلَّمَ الْإِنسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

Ujar beliau: "Lalu aku pun membacanya hingga habis. Kemudian ia beredar meninggalkanku. Aku pun terjaga dari tidurku dan aku merasa hatiku telah ditulis satu tulisan." Beliau bersabda lagi: "Tidak ada makhluk Allah yang lebih tidak disukaiku dari penyair dan orang gila. Aku tidak sanggup melihat kedua mereka." Beliau bersabda lagi: "Aku berkata: Sesungguhnya diriku kini telah menjadi seorang penyair atau seorang gila. Janganlah sekali-kali orang-orang Quraisy mengatakan begitu kepadaku. Aku akan naik ke atas bukit untuk mencampakkan diriku dan membunuhnya supaya aku rehat." Beliau bersabda lagi: "Lalu aku keluar untuk berbuat demikian sehingga apabila sampai di tengah bukit aku dengar satu suara dari langit berkata: 'Wahai Muhammad! Engkau adalah Rasulullah dan aku adalah Jibril."' Beliau bersabda lagi: "Aku pun mendongak kepalaku ke langit, tiba-tiba aku melihat Jibril dalam bentuk seorang lelaki berdiri di kaki langit seraya berkata: 'Wahai Muhammad! Engkau adalah Rasulullah dan aku adalah Jibril."' Beliau bersabda lagi: "Aku pun berhenti memandang kepadanya hingga aku tidak lagi teringat kepada tujuanku. Aku tidak dapat melangkah ke depan dan tidak pula dapat berundur ke belakang. Aku mengalihkan mukaku darinya melihat ke kaki langit yang lain, tetapi tiada satu arah pun yang ku pandang melainkan aku tetap nampaknya. Aku terus berdiri tidak maju ke depan dan tidak pula mundur ke belakang sehingga Khadijah mengirim orang-orangnya mencariku sampai

---

[1] *Hadith ini dikeluarkan di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim dari hadith az-Zuhri.*

ke Makkah dan balik semula, tetapi aku masih berdiri di tempatku, kemudian Jibril berundur meninggalkanku dan aku beredar dari situ pulang kepada keluargaku."

Kisah ini diriwayatkan oleh Ibn Ishaq dengan panjang lebar dari Wahb ibn Kisan dari 'Ubayd juga.

* * * * * *

Hakikat-hakikat Agung Di Sebalik Peristiwa Itu

Aku berdiri di depan peristiwa ini yang sering kita membaca di dalam kitab-kitab sirah dan kitab-kitab tafsir, kemudian kita lewati dan meninggalkanya begitu sahaja atau kita berhenti sebentar kemudian kita berlalu dari situ.

Ia merupakan satu peristiwa yang maha agung, yang tiada batas bagi keagungannya. Walau bagaimanapun kita cuba pada hari ini untuk mengetahui seluruh keagungannya, namun di sana masih banyak dari sudut-sudut peristiwa ini berada di luar kefahaman kita.

Ia adalah peristiwa yang agung dari sudut hakikatnya, dari sudut maknanya dan dari sudut kesan-kesannya kepada kehidupan seluruh manusia. Detik-detik masa berlakunya peristiwa ini merupakan detik-detik masa yang paling agung yang pernah berlalu di bumi ini di sepanjang sejarahnya.

Apakah hakikat peristiwa yang telah berlaku dalam detik-detik ini?

Kemurahan Allah Memberi Perhatian Istimewa Kepada Makhluk Insan

Hakikatnya ialah Allah Yang Maha Agung, Maha Berkuasa dan Yang Maha Besar yang memiliki seluruh alam ini telah sudi dan berkenan memandang kepada makhluk-Nya yang bernama manusia yang duduk tersorok di satu sudut alam buana, yang namanya hampir-hampir tidak dilihat bumi, lalu ia muliakannya dengan memilih salah seorang dari makhluk ini untuk menjadi pusat pancaran nur-Nya, khazanah hikmat-Nya, tempat turun kalam-Nya yang suci dan pelaksana perencanaan-perencanaan yang dikehendaki-Nya terhadap makhluk manusia ini.

Ini adalah satu hakikat yang maha agung, yang tiada batas bagi keagungannya, dan sudut-sudut keagungannya akan beransur-ansur kelihatan jelas apabila manusia mulai memahami sekadar kemampuannya hakikat Uluhiyah yang mutlak, yang azali dan abadi, dan mulai memahami hakikat Ubudiyah atau kehambaan dirinya yang terbatas, yang baru dan yang fana, kemudian ia akan merasa kemanisan kesan dari keprihatinan dan 'inayah Allah itu terhadap makhluk manusia dan menerimanya dengan penuh patuh, syukur dan gembira apabila ia memahami kalam Allah yang bergema di alam, yang diturunkan kepada manusia yang duduk tersorok di suatu alam yang kecil.

Apakah makna peristiwa ini?

Maknanya dari segi Allah S.W.T. ialah Allah adalah Tuhan Yang Maha Pemurah, Pengurnia rahmat yang melimpah-ruah, Yang Maha Penyayang, yang mencurahkan kurnia dan rahmat-Nya tanpa sesuatu sebab selain dari kerana limpah kurnia itu sendiri merupakan sebahagian dari sifat zatiyah-Nya Yang Maha Mulia.

Maknanya dari segi manusia pula ialah Allah S.W.T. telah mengurniakan kepada mereka satu penghormatan yang hampir-hampir tidak dapat, digambarkannya dan tidak berdaya disyukuri walaupun ia menghabiskan seluruh umurnya dalam keadaan sujud dan ruku', penghormatan itu ialah Allah sentiasa terkenang kepadanya, menoleh kepadanya dan membuat hubungan dengannya, dan memilih dari bangsanya seorang Rasul yang menerima wahyu-wahyu-Nya, juga kerana Allah memilih bumi ini sebagai tempat kediamannya dan sebagai tempat turun kalam suci-Nya yang bergema di merata pelusuk alam dengan khusyu' dan do'a.

Kesan Peristiwa Nuzul Al-Qur'an Selama 23 Tahun

Kesan-kesan peristiwa yang agung ini dalam seluruh kehidupan manusia telah bermula sejak awal-awal lagi, iaitu ia bermula dengan mengubahkan perjalanan sejarah sejak ia mula mengubahkan perjalanan hati manusia dan sejak Allah telah ditentukan sebagai satu-satunya pihak yang harus di pandang manusia dan sebagai satu-satunya sumber bagi manusia menerima persepsi-persepsi, nilai-nilai dan neraca pertimbangan mereka. Kini yang menjadi penentu bukannya bumi dan hawa nafsu, tetapi, ialah langit dan wahyu Ilahi.

Sejak masa ini penghuni bumi, yang tersemat hakikat ini dalam jiwa mereka, hidup secara langsung di bawah naungan dan pemeliharaan Allah. Mereka hidup dengan menumpukan pandangan mereka secara langsung kepada Allah dalam segala urusan hidup mereka baik yang kecil atau yang besar. Mereka melihat, mendengar, merasa dan bergerak di bawah perhatian Allah. Mereka mengharapkan Allah membimbing mereka selangkah demi selangkah ke jalan yang benar dan menghindarkan jalan yang salah. Setiap malam mereka tertunggu-tunggu turunnya wahyu Allah yang baru yang menceritakan apa yang ada di dalam hati mereka dan menyelesaikan masalah-masalah mereka dan memerintah mereka buat ini dan jangan buat itu.

Itulah satu zaman yang aneh, iaitu selama 23 tahun yang berikut selepas itu di mana terjalinnya hubungan secara langsung di antara manusia dan al-Mala'ul-A'la, satu zaman yang tidak dapat difahami hakikatnya melainkan oleh angkatan Muslimin yang pertama yang telah menghayatinya, mengalaminya dan menyaksikannya sendiri dari awal hingga akhirnya. Mereka telah mengecapi kemanisan hubungan itu dan merasakan tangan qudrat Allah

sentiasa memimpin mereka. Mereka telah melihat sendiri dari mana mereka bermula dan ke mana mereka berakhir, iaitu satu jarak perbezaan yang amat jauh yang tidak dapat diukur dengan mana-mana ukuran bumi, iaitu jarak yang wujud di dalam hati yang tidak dapat disamakan dengan jarak yang wujud di alam nyata, juga tidak dapat disamakan dengan jarak jauh yang wujud di antara bintang-bintang dan alam-alam yang lain, iaitu jarak perbezaan antara menerima bimbingan dari bumi dengan menerima bimbingan dari langit, dan jarak perbezaan mencari petunjuk dari hawa nafsu dengan mencari petunjuk dari wahyu Allah, jarak perbezaan di antara pimpinan jahiliyah dengan pimpinan Islamiyah, di antara pimpinan manusia dengan pimpinan Rabbani iaitu satu jarak perbezaan yang lebih jauh dari jarak bumi dengan langit di alam bintang-bintang.

Mereka mengenal dan mencapai kemanisan rasanya, mereka menyedari nilainya dan mereka benar-benar merasa kesan dari kehilangan zaman ini apabila Rasulullah s.a.w. kembali ke Rahmatullah dan dengan itu putuslah zaman yang cemerlang itu, iaitu satu zaman yang tidak dapat digambarkan oleh akal andainya ia tidak benar-benar berlaku di alam kenyataan.

Abu Bakr Dan 'Umar Menangis Bersama Ummu Aiman Kerana Terkenangkan Zaman Keputusan Wahyu

Dari Anas r.a. katanya:

"Abu Bakr telah berkata kepada 'Umar r.a. selepas wafatnya Rasulullah s.a.w.: "Marilah pergi bersama kami ke rumah Ummu Aiman r.a. untuk mengunjunginya sebagaimana Rasulullah s.a.w. selalu mengunjunginya." Apabila kedua-duanya datang menemui Ummu Aiman ia pun menangis, lalu kedua-duanya berkata: "Mengapa mak cik menangis? Tidakkah mak cik tahu bahawa balasan yang disediakan di sisi Allah itu adalah lebih baik untuk Rasulullah s.a.w.?" Jawab Ummu Aiman: "Ya mak cik tahu bahawa balasan yang disediakan di sisi Allah itu adalah lebih baik untuk Rasulullah s.a.w., tetapi mak cik menangis kerana wahyu telah terputus dari Allah." Perkataan Ummu Aiman itu telah mengharukan kedua-duanya lalu kedua-duanya menangis bersama Ummu Aiman". [2]

Kesan-kesan zaman ini terus mempengaruhi kehidupan manusia sejak zaman itu hingga ke zaman ini, malah hingga ke Hari Qiamat.

Manusia telah dilahirkan semula apabila mereka mengambil nilai-nilai hidupnya dari langit bukan dari bumi, dan mengambil undang-undang dan syari'atnya dari wahyu bukan dan nafsu.

Kini Asas-asas Sistem Hidup Ilahi Telah Pun Ditegakkan Dengan Jelas

Perjalanan sejarah manusia telah berubah, iaitu satu perubahan yang belum pernah berlaku sebelum itu, dan kerana itu peristiwa ini merupakan satu persimpangan jalan, di mana batu-batu tandanya kelihatan jelas, tegap dan tinggi, tidak dapat dikikis oleh zaman dan tidak pula dapat dihapuskan oleh peristiwa-peristiwa yang berlaku, dan di mana terpacak dalam hati manusia kefahaman yang jelas terhadap alam, terhadap hidup dan terhadap nilai-nilai yang belum pernah wujud sepertinya dan tidak pernah ada selepasnya satu kefahaman lain yang syumul, bersih dan bebas dari segala perhitungan-perhitungan bumi yang serupa dengannya, di samping sifatnya yang realistik dan sesuai dengan kehidupan manusia. Asas-asas sistem hidup ilahi ini telah ditegakkan di bumi dengan jelas dan terang:

لِّيَهْلِكَ مَنْ هَلَكَ عَنۢ بَيِّنَةٍ وَيَحْيَىٰ مَنْ حَىَّ عَنۢ بَيِّنَةٍ

"Agar siapa yang binasa, ia binasa selepas mendapat keterangan yang jelas dan siapa yang hidup, ia hidup selepas mendapat keterangan yang jelas."

(Surah al-Anfal: 42)

Iaitu tanpa sebarang kesamaran dan kekeliruan.

Andainya berlaku kesesatan dan penyelewengan, maka ia berlaku dengan ilmu pengetahuan dan dengan sengaja.

Itulah satu peristiwa unik di zaman yang unik iaitu satu peristiwa pemutus dalam sejarah umat manusia seluruhnya, bukannya dalam sejarah satu umat atau satu generasi, satu peristiwa yang telah dirakamkan oleh seluruh alam dan hati nurani manusia. Sepatutnya pada hari ini hati nurani insan terus mengingati peristiwa yang agung ini tanpa melupakannya, dan harus mengenanginya selama-lamanya sebagai hari kelahiran semula manusia yang hanya dapat menyaksikannya sekali sahaja di sepanjang zaman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Inilah ulasan bahagian awal dari surah ini, sedangkan bahagian-bahagian bakinya adalah jelas diturunkan selepasnya. Ia mengisyaratkan kepada beberapa situasi dan peristiwa yang berlaku dalam sirah Rasulullah s.a.w. pada masa-masa kebelakangan iaitu selepas beliau diperintah menyampaikan da'wah dan mendirikan ibadat solat secara terang-terangan atau selepas berlakunya penentangan-penentangan dari kaum Musyrikin, dan peristiwa-peristiwa itulah yang disyaratkan oleh ayat:

أَرَءَيْتَ ٱلَّذِى يَنْهَىٰ ﴿٩﴾ عَبْدًا إِذَا صَلَّىٰٓ ﴿١٠﴾ ...

(Ayat 9 - hingga akhir)

[2] *Dikeluarkan oleh Muslim.*

Asal-usul Kejadian Manusia

Walau bagaimanapun di sana terdapat susunan yang cukup selaras di antara bahagian-bahagian surah ini, dan cukup teratur dalam penyusunan hakikat-hakikat yang dibicarakannya selepas bahagian awal ini. Dan ini menjadikan keseluruhan surah ini satu unit yang padu dan rapat hubungannya.

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾
خَلَقَ الْإِنسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾
اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾
عَلَّمَ الْإِنسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

"(Wahai Muhammad!) Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (seluruh makhluk)(1). Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah(2). Bacalah dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah(3). Yang mengajar dengan pena(4). Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya."(5)

Itulah surah pertama Al-Qur'an. Ia dimulakan dengan nama Allah. Ia mengarahkan Rasul-Nya s.a.w. pada kali yang pertama beliau berhubung dengan al-Mala'ul-A'la, dan pada kali pertama beliau menghayunkan langkahnya di jalan da'wah di mana beliau dipilih Allah untuknya. Allah mengarah beliau supaya membaca dengan nama Allah:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ

"(Wahai Muhammad!) Bacalah dengan nama Tuhanmu."(1)

Ayat ini dimulakan dengan menyebut secara umum salah satu dari sifat-sifat Allah iaitu sifat mencipta dan memulakan penciptaan:

الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

"Yang telah menciptakan (seluruh makhluk)."(1)

Kemudian diiringi dengan menyebut khusus tentang penciptaan dan asal mula kejadian makhluk manusia:

خَلَقَ الْإِنسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾

"Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah."(2)

Yakni dari titik darah beku yang melekat di dalam rahim, iaitu dari asal mula yang sangat kecil dan bersahaja, kemudian dengan limpah kemurahan-Nya dan dengan qudrat kuasa-Nya. Allah mengangkatkan segumpal darah itu kepada darjat manusia yang mengerti dan boleh belajar:

اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾
عَلَّمَ الْإِنسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

"Bacalah dan Tuhanmulah Yang Paling Pemurah(3). Yang mengajar dengan pena(4). Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya."(5)

Itu adalah satu perpindahan yang amat jauh di antara asal mula dengan akhir kesudahan, tetapi Allah Maha Kuasa dan Maha Pemurah dan kerana itulah berlakunya perpindahan yang menakjubkan itu.

Peranan Pena Dalam Perkembangan Budaya Manusia

Di samping menjelaskan hakikat penciptaan manusia, ayat itu juga menjelaskan hakikat mengajar iaitu bagaimana Allah mengajar manusia dengan pena, kerana pena selama-lamanya merupakan alat mengajar yang paling luas dan paling mendalam kesannya dalam kehidupan manusia. Pada masa itu, hakikat peranan pena belum lagi jelas seperti yang kita ketahui dalam kehidupan manusia sekarang ini. Tetapi Allah S.W.T. amat mengetahui nilai pena, kerana itulah Ia menyebutkannya pada detik pertama kemunculan agama yang terakhir bagi umat manusia dan pada surah yang pertama dari surah-surah Al-Qur'anul-Karim. Namun begitu Rasulullah s.a.w. sendiri yang membawa surah ini bukanlah seorang yang pandai menulis dengan pena. Oleh itu, andainya Al-Qur'an itu bukannya wahyu dan Allah, malah perkataan yang dikarangkan oleh beliau, tentulah beliau tidak akan menonjolkan hakikat peranan pena itu pada detik pertama da'wahnya, hakikat ini tentulah tidak tertonjol andainya Al-Qur'an itu bukannya wahyu dan bukannya perutusan dari Allah.

Allah Sumber Ilmu Pengetahuan

Kemudian ayat ini menjelaskan sumber pengajaran iaitu sumbernya ialah Allah. Dari Allah, manusia, mengambil ilmu pengetahuan yang telah dan sedang diketahuinya. Dari Allah, manusia mengetahui segala rahsia alam yang dibuka kepadanya, mengetahui segala rahsia kehidupan dan rahsia-rahsia dirinya sendiri. Segala-galanya datang dari satu sumber, dan di sana tiada sumber yang lain dari Allah.

Dengan bahagian awal surah ini, yang diturunkan pada detik pertama Rasulullah s.a.w. berhubung dengan al-Mala'ul-A'la, diletakkan batu asas kefahaman keimanan yang luas, iaitu setiap urusan, setiap gerak langkah dan setiap tindakan hendaklah dimulakan dengan nama Allah dan diteruskan dengan nama Allah. Kepada Allah ia menuju dan kepada-Nya ia kembali. Dan Allah itulah yang mencipta dan Dialah juga yang mengajar. Dari Allah asal mula kejadian dan dari Allah datangnya segala pengajaran dan segala ilmu pengetahuan. Manusia belajar dan mengajar, dan seluruhnya bersumberkan Allah yang Mencipta dan Mengajar:

عَلَّمَ الْإِنسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

"Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya."(5)

Hakikat pertama Al-Qur'an yang diterima oleh Rasulullah s.a.w. inilah yang terus mengawal

perasaannya, mengawal lidahnya, mengawal tindak-tanduknya di sepanjang hidupnya selaku asas keimanan yang pertama.

Bagaimana Rasulullah s.a.w. Mengingati Allah?

Ujar al-Imam Syamsuddin Abu Abdullah Muhammad ibn Qayyim al-Juziyah dalam kitabnya **زاد المعاد في هدى خير العباد** menyaringkan contoh-contoh teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam amalan menyebut dan mengingati Allah:

Nabi s.a.w. adalah seorang manusia yang paling sempurna ingatan dan sebutannya terhadap Allah 'Azzawajalla, malah semua perkataan dan percakapannya adalah mengenai peringatan kepada Allah dan segala sesuatu yang berhubung dengannya. Semua perintah, larangan dan perundangannya yang disampaikan kepada umat Muslimin merupakan peringatan darinya terhadap Allah. Semua penjelasannya tentang nama-nama Allah, sifat-sifat-Nya, hukum-hukum-Nya, tindakan-tindakan-Nya, janji-janji-Nya yang baik dan janji-janji 'azab seksa-Nya, merupakan peringatan darinya terhadap Allah. Segala sanjungan dan kesyukurannya terhadap ni'mat-ni'mat Allah, segala kata-katanya yang mengagung-agungkan Allah, segala tahmidnya dan segala tasbihnya, merupakan peringatan darinya terhadap Allah. Segala permohonan dan do'a-do'anya, segala kegemaran dan ketakutannya, merupakan peringatan darinya terhadap Allah. Segala diam dan senyapnya merupakan kenangan hatinya terhadap Allah. Beliau adalah seorang yang mengingati Allah di sepanjang masa dan dalam semua keadaannya. Ingatan dan kenangannya terhadap Allah adalah berlangsung bersama gerak nafasnya, sama ada dia berdiri, duduk, baring, berjalan kaki, menunggang, pergi dan singgah, berlepas dan berhenti dalam persafiran.

Zikir Dan Do'anya Selepas Bangkit Dari Tidur

Apabila beliau bangkit dari tidurnya, beliau membaca:

الحمد لله الذي أحيانا بعد ما أماتنا وإليه النشور.

"Segala sanjungan itu terpulang kepada Allah yang menghidupkan kita setelah Ia mematikan kita dan kepada-Nya kita kembali."

Ujar Aisyah r.a.: Apabila beliau bangkit sembahyang di waktu malam ia mengucapkan الله أكبر sepuluh kali dan لا إله إلا الله sepuluh kali kemudian ia berdo'a sepuluh kali:

اللهم إني أعوذبك من ضيق الدنيا وضيق يوم القيامة.

"Ya Tuhanku, aku berlindung pada-Mu dari kesulitan dunia dan kesulitan hari Qiamat."

Kemudian barulah ia mulakan solat. Ujar Aisyah r.a. lagi: Menurut kebiasaannya apabila beliau bangkit di waktu malam beliau membaca:

لا إله إلا أنت سبحانك اللهم أستغفرك لذنبي وأسألك رحمتك . اللهم زدني علماً ولا تزغ قلبي بعد إذ هديتني وهب لي من لدنك رحمة ، إنك أنت الوهاب.

"Tiada Tuhan yang layak disembah melainkan hanya Engkau, Maha Sucilah Engkau. Ya Tuhanku! Aku pohon keampunan dari-Mu terhadap dosa-dosaku dan aku pohon limpah rahmat-Mu. Ya Tuhanku! Tambahkan ilmu untukku dan janganlah Engkau pesongkan hatiku ke jalan yang sesat setelah Engkau berikan hidayat kepadaku dan kurniakanlah kepadaku rahmat dari sisi-Mu. Sesungguhnya Engkan Tuhan Yang Maha Pengurnia."

(Hadith ini disebut oleh Abu Daud)

Dan beliau bersabda: "Barang siapa yang bangkit di waktu malam dan membaca:

لا إله إلا الله وحده لاشريك له ، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير ،الحمد لله وسبحان الله ولا إله إلا الله و الله أكبر ولا حول ولا قوة إلا با لله العلي العظيم .

Kemudian berdo'a:

اللهم اغفرلي .

atau lain-lain do'a nescaya dimakbulkan do'anya. Dan jika ia mengambil wudhu' dan mendirikan solat nescaya diterima solatnya."[3].

Ibn 'Abbas telah menceritakan tentang Rasulullah s.aw. pada malam ia bermalam di rumahnya. Katanya: Apabila beliau bangkit dari tidur beliau mendongakkan kepalanya ke langit dan membaca sepuluh ayat yang akhir dari Surah Aali 'Imran iaitu:

Kemudian berdo'a:

اللهم لك الحمد أنت نور السماوات والأرض ومن فيهن . ولك الحمد أنت قيم السماوات والأرض ومن فيهن . ولك الحمد أنت الحق ، ووعدك الحق ، وقولك الحق ، ولقاؤك الحق ، والجنة حق ، والنار حق ، والنبيون حق ، ومحمد حق ، والساعة حق ، اللهم لك أسلمت ، وبك آمنت ، وعليك توكلت ، وإليك أنبت ، وبك خاصمت ، وإليك حاكمت ، فاغفر لي ما قدمت وما أخرت ، وما أسررت وما

---

3 *Hadith ini disebut oleh al-Bukhari.*

أعلنت . أنت إلهي لا إله إلا أنت ، ولا حول ولا قوة إلا با لله العلي العظيم .

"Ya Tuhanku! Segala kepujian terpulang kepada-Mu, Engkaulah cahaya yang menerangi langit dan bumi dan segala penduduknya. Segala kepujian terpulang kepada-Mu, Engkaulah Pentadbir langit dan bumi dan segala penduduknya. Segala kepujian terpulang kepada-Mu, Engkaulah Tuhan yang sebenar dan segala janji-Mu adalah benar, segala firman-Mu adalah benar, pertemuan dengan-Mu di Hari Akhirat adalah benar, balasan Syurga adalah benar, balasan Neraka adalah benar, seluruh nabi-nabi adalah benar, Muhammad adalah benar dan Hari Qiamat adalah benar. Ya Tuhanku! Kepada-Mu aku berserah dan kepada-Mu aku beriman, kepada-Mu aku bertawakkal dan kepada-Mu aku kembali, dengan pertolongan-Mu aku berlawan dan kepada-Mu aku berhakim. Dan ampunkan segala dosaku yang telah lepas dan segala dosaku yang kemudian, ampunkan segala dosa yang ku lakukannya secara sulit dan segala dosa yang ku lakukan secara terang-terangan. Engkaulah Tuhanku, tiada tuhan yang layak disembah melainkan Engkau, dan tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar."

Ujar Aisyah r.a.: Biasanya Rasulullah s.a.w. apabila bangun di waktu malam beliau berdo'a:

اللهم رب جبرائيل و ميكائيل و إسرافيل ، فاطر السماوات والأرض ، عالم الغيب والشهادة ، أنت تحكم بين عبادك فيما كانوا فيه يختلفون ، اهد دني لما اختلف فيه من الحق بإذنك ، إنك تهدي من تشاء إلى صراط مستقيم .

"Ya Tuhanku, Tuhan Jibril, Mikail dan Israfil, Tuhan Pencipta langit dan bumi, Tuhan yang mengetahui yang ghaib dan nyata, Engkaulah yang mengadili di antara hamba-Mu dalam perkara-perkara yang menjadi bahan perselisihan mereka.Tunjukkanlah mana yang benar kepadaku di dalam perkara-perkara yang dipertikaikan itu. Sesungguhnya Engkaulah yang memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Mu ke jalan yang lurus."

Dan mungkin juga Aisyah berkata: "Adalah Rasulullah s.a.w. memulakan solatnya dengan bacaan tersebut."

Zikir Selepas Solat Witir

Biasanya apabila beliau selesai mendirikan Solat Witir beliau membaca:

سبحان الله القدوس.

(tiga kali), dengan memanjangkan suaranya pada kali yang ketiga.

Zikir Dan Do'anya Ketika Keluar Dari Rumah

Biasanya apabila beliau keluar dari rumahnya beliau membaca:

بسم الله توكلت على الله ، اللهم إني أعوذبك أن أضل أو أُضل ، أو أزل أو أُزل ، أو أظلم أو أُظلم ، أو أجهل أو يُجهل عليّ .

"Dengan nama Allah, aku bertawakkal kepada Allah. Ya Tuhanku! Aku berlindung kepadamu dari menyesatkan orang atau disesatkan orang, atau dari menggelincirkan orang lain atau dari digelincirkan dari jalan yang benar, atau menganiayai orang atau dianiayai orang, atau bertindak bodoh atau diperbodohkan orang."[4]

Sabda Rasulullah s.a.w.: "Siapa yang membaca apabila keluar dari rumahnya:

بسم الله توكلت على الله ولا حول ولا قوة إلا بالله .

Nescaya dijawab kepadanya:

هديت وكفيت ووقيت وتنحى عنه الشيطان.

"Engkau diberi hidayat, diberi perlindungan dan keselamatan, dan syaitan menjauhkan diri darinya." [5]

Ibn 'Abbas menceritakan hal Nabi s.a.w. semasa ia bermalam di rumahnya, katanya: Beliau keluar untuk mengerjakan Solatul-Fajr sambil berdo'a:

اللهم اجعل في قلبي نوراً ، واجعل في لساني نوراً ، واجعل في سمعي نوراً ، واجعل في بصري نوراً ، واجعل من خلفي نوراً ، ومن أمامي نوراً ، واجعل من فوقي نوراً ، واجعل من تحتي نوراً ، اللهم أعظم لي نوراً .

"Ya Tuhanku! Letakkan pancaran nur dalam hatiku, letakkan pancaran nur pada lidahku, letakkan pancaran nur dalam pendengaran-ku, letakkan pancaran nur dalam penglihatan-ku, letakkan pancaran nur di belakangku, letakkan pancaran nur di hadapanku, letakkan pancaran nur di atasku dan letakkan pancaran nur di bawahku. Ya Tuhanku! Besarkanlah pancaran nur untukku."

Ujar Fadl ibn Marzuq dari 'Atiyah al-'Awfi dari Abu Sa'id al-Khudri katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.:

ما خرج رجل من بيته إلى الصلاة ، فقال : اللهم إني أسألك بحق السائلين عليك ، وبحق ممشاي إليك ، فإني لم أخرج بطراً ولا أشراً ولا رياء ولا سمعة ، وإنما خرجت اتقاء سخطك ، وابتغاء مرضاتك ، أسألك أن تنقذني من النار، وأن تغفرلي ذنوبي ، فإنه لا يغفر الذنوب إلا أنت . إلا وكل الله به سبعين ألف ملك

---

[4] *Hadith Sahih.*

[5] *Hadith Hasan.*

يستغفرون له ، وأقبل الله عليه بوجهه حتى يقضي صلاته .

"Tiada seorang yang keluar dari rumahnya untuk mengerjakan solat, lalu berdo'a: 'Ya Tuhanku, aku pohon kepada-Mu dengan hak orang-orang yang memohon kepada-Mu dengan hak kepenatan perjalananku kepada-Mu, sesungguhnya aku bukan keluar sembahyang kerana sombong dan megah dan bukan pula kerana ria' dan ingin mendapat kepujian, malah aku keluar sembahyang kerana melindungkan diri dari kemurkaan-Mu dan kerana mencari keredhaan-Mu, aku pohon pada-Mu supaya Engkau selamatkan aku dari api Neraka dan supaya Engkau ampunkan dosaku kerana tiada yang mengampunkan dosa melainkan Engkau. 'Tiada yang berbuat demikian melainkan Allah tugaskan tujuh puluh ribu malaikat memohon ampun untuknya dan Allah akan memandang kepadanya sehingga ia selesai mengerjakan solatnya."

Bacaan Ketika Memasuki Masjid

Abu Daud menyebut cerita Nabi s.a.w. iaitu apabila beliau masuk ke dalam masjid, beliau berkata:

أعوذ بالله العظيم ، بوجهه الكريم ، وسلطانه القديم، من الشيطان الرجيم .

"Aku berlindung pada Allah Yang Maha Besar, pada Zat-Nya yang Maha Pemurah dan pada Kuasa-Nya yang qadim dari syaitan yang terkutuk."

Siapa yang berkata demikian, maka syaitan akan berkata: "Dia terselamat dari gangguanku di sepanjang hari itu."

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إذا دخل أحدكم المسجد فليصلِّ وليسلم على النبي – صلى الله عليه وسلم – وليقل : اللهم افتح لي أبواب رحمتك ، فإذا خرج فليقل : اللهم إني أسألك من فضلك .

"Apabila seseorang kamu masuk masjid, maka hendaklah ia berselawat dan bertaslim ke atas Nabi s.a.w. dan berdo'a: Ya Tuhanku, bukalah untukku pintu rahmat-Mu. Dan apabila ia keluar hendaklah ia berdo'a: Ya Tuhanku! Aku pohon limpah kurniamu."

Abu Daud juga menyebut cerita apabila Nabi s.a.w. masuk ke dalam masjid beliau berdo'a:

اللهم اغفرلي ذنوبي وافتح لي أبواب رحمتك .

"Ya Allah, ya Tuhanku! Ampunkanlah dosa-dosaku dan bukakanlah pintu-pintu rahmat-Mu kepadaku."

Do'a Ketika Keluar Masjid

Kemudian apabila beliau keluar dan masjid beliau berdo'a:

اللهم اغفرلي ذنوبي ، وافتح لي أبواب فضلك .

"Ya Allah, ya Tuhanku! Ampunkanlah dosa-dosaku dan bukakanlah pintu-pintu limpah kurnia-Mu."

Zikirnya Menjelang Waktu Pagi

Biasanya apabila beliau sembahyang Subuh, beliau duduk di tempat solatnya berzikir mengingati Allah 'Azzawajalla hingga matahari naik dan apabila menjelang pagi beliau berdo'a:

اللهم بك أصبحنا ، وبك أمسينا ، وبك نحيا ، وبك نموت وإليك النشور.

"Ya Tuhanku, dengan rahmat-Mu kami selamat berada di waktu pagi, dan dengan rahmat-Mu kami selamat berada di waktu petang, dan dengan rahmat-Mu kami hidup, dan dengan rahmat-Mu kami mati dan kepada-Mu kami kembali."[6]

Beliau juga berdo'a begini:

أصبحنا وأصبح الملك لله ، والحمدلله ، ولا إله إلا الله وحده لا شريك له ، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير ، رب أسألك خير ما في هذا اليوم وخيرما بعده .وأعوذ بك من شر هذا اليوم وشرما بعده . رب أعوذبك من الكسل و سوء الكبر . رب أعوذبك من عذاب في النار وعذاب في القبر .

"Kami selamat berada di waktu pagi dan seluruh kerajaan alam adalah milik Allah, segala kepujian terpulang kepada Allah, dan tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah Yang Tunggal, tiada sekutu bagi-Nya, Ia memiliki seluruh kerajaan alam dan seluruh kepujian dan Dia adalah Tuhan Yang Maha Kuasa di atas segala sesuatu. Ya Tuhanku! Aku pohon dari-Mu segala kebaikan yang ada pada hari ini dan pada hari selepasnya, dan aku berlindung dengan rahmat-Mu dari segala kejahatan yang ada pada hari ini dan pada hari selepasnya. Ya Tuhanku! Aku berlindung dengan rahmat-Mu dari perangai malas dan umur yang sangat tua. Ya Tuhanku! Aku berlindung dengan rahmat-Mu dari keseksaan di dalam Neraka dan dari keseksaan di dalam kubur."

Zikirnya Di Waktu Petang

Dan apabila ia berada di waktu petang beliau berkata:

أمسينا وأمسى الملك ربه ... الخ

"Kami selamat berada di waktu petang dan seluruh kerajaan adalah milik Allah........... hingga akhir bacaan tadi"

Abu Bakr r.a. telah berkata kepada beliau: "Suruhlah aku membaca beberapa kalimah do'a apabila aku berada di waktu pagi dan apabila aku berada di waktu petang." Jawab beliau bacalah:

اللهم فاطر السماوات والأرض، عالم الغيب والشهادة، رب كل شيء مليكه ومالكه . أشهد أن لا إله إلا أنت

---

[6] *Hadith Sahih.*

، أعوذبك من شر نفسي وشر الشيطان وشركه ، وأن أقترف على نفسي سوءاً أو أجره إلى مسلم .

"Ya Tuhanku, Tuhan Pencipta langit dan bumi, Tuhan yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, Tuhan yang memelihara segala sesuatu, yang menguasainya dan memilikinya. Aku bersaksi tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Engkau, aku berlindung dengan rahmat-Mu dari kejahatan diriku dan dari kejahatan syaitan dan perangkap-perangkap-nya, dan dari melakukan kejahatan ke atas diriku atau menarikkan kejahatan itu kepada mana-mana orang Islam."

Sabda Rasulullah s.a.w.: *"Bacalah do'a ini apabila engkau berada di waktu pagi atau di waktu petang atau engkau hendak tidur."*

Do'anya Ketika Memakai Pakaian Baru

Biasanya apabila beliau memakai pakaian-pakaian baru, beliau berdo'a:

اللهم لك الحمد ، أنت كسوتنيه ، أسألك خيره وخير ما صنع له ، وأعوذبك من شره وشر ماصنع له .

"Ya Tuhanku! Seluruh kepujian terpulang kepada-Mu,Engkaulah yang telah mengurniakan pakaian ini kepadaku, aku pohon dari-Mu kebaikannya dan kebaikan tujuan yang dibuat kerananya, dan aku berlindung dengan rahmat-Mu dari kejahatannya dan kejahatan tujuan yang dibuat kerananya." [7]

Do'a Dan Zikirnya Ketika Pulang Ke Rumah

Dia juga menyebut cerita Rasulullah s.a.w. iaitu biasanya apabila beliau pulang ke rumahnya beliau berkata:

الحمد لله الذي كفاني وآواني ، والحمدلله الذي أطعمني وسقاني ، والحمد لله الذي منَّ عليّ ، أسألك أن تجيرني من النار.

"Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah memberi perlindungan dan kediaman kepadaku, segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah mengurniakan makanan dan minuman kepadaku, dan segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah mengurniakan ni'mat kepadaku. Aku pohon kemurahan-Mu supaya melindungiku dari api Neraka."

Bacaannya Ketika Masuk Dan Keluar Tandas

Menurut hadith yang diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, Rasulullah s.a.w. membaca ketika masuk tandas:

اللهم إني أعوذبك من الخبث والخبائث.

"Ya Tuhanku! Aku berlindung dengan rahmat-Mu dari kejahatan syaitan jantan dan syaitan betina."

Dan apabila beliau keluar dari tandas beliau berkata:

غفرانك.

"Aku pohon keampunan-Mu."

Bacaan Apabila Hendak Mengambil Wudhu'

Tersebut dalam hadith: Apabila beliau meletakkan tangannya ke dalam bekas yang berisi air beliau menyuruh para Sahabatnya: "Hendaklah kamu (mulakan) dengan mengambil wudhu' dengan membaca Bismillah".

Dia juga menyebut beliau berdo'a:

الحمدلله الذي أذهب عني الأذى وعافاني .

"Segala kepujian itu terpulang kepada Allah Tuhan yang telah menghilangkan dariku kekotoran yang menyakiti dan memberi 'afiat kepadaku."[8]

Do'anya Ketika Melihat Anak Bulan

Apabila beliau melihat anak bulan beliau berdo'a:

اللهم أهلَّه علينا بالأمن و الإيمان ، و السلامة والإسلام ربِّي وربك الله .

"Ya Tuhanku! Zahirkanlah anak bulan itu kepada kami dengan keamanan dan iman dan dengan keselamatan dan Islam. Allah itu Tuhanku dan Tuhanmu."[9]

Bacaaan Bismillah Ketika Menjamah Makanan

Apabila beliau menjamah makanan, beliau membaca (بسم الله) dan menyuruh setiap orang yang hendak makan supaya membaca (بسم الله) dan jika ia lupa menyebutkannya pada permulaan, maka hendaklah ia membaca.

باسم الله في أوله وآخره .

"Dengan nama Allah di awal dan di akhirnya."[10]

Demikianlah segala kegiatan hidup Rasulullah s.a.w. adalah terpengaruh dengan arahan Ilahi (*Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah mencipta*) yang telah diterima olehnya dalam detik pertama beliau dibangkit menjadi Rasul, dan arahan inilah yang menjadi tapak yang kuat bagi kefahaman keimanannya.

* * * * * *

(Pentafsīran ayat-ayat 6 - 8)

Sepatutnya kesedaran terhadap hakikat bahawa Allah sebagai Tuhan yang mencipta, Tuhan yang mengajar dan Tuhan yang mencurahkan limpah kurnia-Nya mendorong manusia ke arah mengenal Allah dan bersyukur kepada-Nya, tetapi apa yang telah berlaku ialah sebaliknya, dan penyelewengan inilah yang diperkatakan dalam bahagian kedua surah ini:

---

[7] *Hadith Sahih.*

[8] *Disebut oleh Ibnu Majah.*

[9] *Kata at-Tirmizi, ini adalah hadith hasan.*

[10] *Hadith Sahih.*

كَلَّآ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَيَطْغَىٰٓ ﴿٦﴾

أَن رَّءَاهُ ٱسْتَغْنَىٰٓ ﴿٧﴾ إِنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ ٱلرُّجْعَىٰٓ ﴿٨﴾

"Ingatlah! Sebenarnya manusia itu bersifat melampau dan takbur(6). Kerana melihat dirinya mempunyai harta kekayaan(7). Sesungguhnya kepada Tuhanmulah titik perkembalian."(8)

Manusia Lupakan Daratan Apabila Menjadi Hartawan

Allah itulah yang telah memberi rezeki dan mengurniakan kekayaan kepada manusia di samping menciptakan mereka, memuliakan mereka dan mengajar ilmu pengetahuan kepada mereka, tetapi manusia pada umumnya, kecuali mereka yang dilindungi imannya, tidak bersyukur apabila mereka diberi ni'mat harta hingga mereka kaya raya. Mereka tidak mengenal punca ni'mat yang menjadikan mereka kaya iaitu punca yang telah mencipta dan memberi ilmu pengetahuan dan rezeki kepada mereka. Mereka bertindak melampau, sombong dan takbur, sedangkan sepatutnya mereka mengenal Allah dan bersyukur kepada-Nya.

Sesudah ayat ini menunjukkan gambaran manusia pelampau yang lupakan asal kejadiannya dan berlagak takbur dan sombong kerana merasa sudah kaya, maka ia iringi pula dengan ancaman secara tidak langsung:

إِنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ ٱلرُّجْعَىٰٓ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya kepada Tuhanmulah titik perkembalian."(8)

Yakni ke mana lagi manusia pelampau yang sombong, kerana merasa sudah kaya itu, akan pergi?

Konsep Balik Kepada Allah

Sekaligus itu juga ayat ini mengemukakan satu dasar dari dasar-dasar kefahaman keimanan iaitu dasar perkembalian kepada Allah iaitu dasar perkembalian kepada Allah dalam segala perkara dan urusan, dalam segala niat dan tindakan. Kerana di sana tidak ada tidak perkembalian yang lain dari Allah. Hanya kepada Allah sahaja pulangnya manusia yang salih dan manusia yang jahat, manusia yang ta'at dan manusia yang menderhaka, manusia yang benar dan manusia yang batil, manusia yang baik dan manusia yang fasiq, manusia yang kaya dan manusia yang miskin. Hanya kepada Allah jua kembalinya manusia pelampau yang angkuh yang merasa dirinya sudah kaya itu. Segala-galanya akan kembali kepada Allah, kerana dari Allah mereka bermula dan kepada Allah mereka akan berakhir.

Demikianlah berkumpulnya di dalam dua bahagian ayat ini sudut-sudut pembicaraan kefahaman keimanan, iaitu penciptaan, penghormatan dan pengajaran Allah kepada makhluk insan kemudian diakhiri dengan titik perkembalian dan kepulangan kepada Allah Yang Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya:

إِنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ ٱلرُّجْعَىٰٓ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya kepada Tuhanmulah titik perkembalian."(8)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 14)

Sifat Angkuh Yang Keji

Bahagian yang ketiga dari surah-surah yang pendek ini menayangkan satu gambaran dari sifat-sifat keterlaluan dan keangkuhan yang keji, yang menimbulkan rasa takjub dan kaget dengan gaya pengungkapan Al-Qur'an yang unik:

أَرَءَيْتَ ٱلَّذِى يَنْهَىٰ ﴿٩﴾ عَبْدًا إِذَا صَلَّىٰٓ ﴿١٠﴾

أَرَءَيْتَ إِن كَانَ عَلَى ٱلْهُدَىٰٓ ﴿١١﴾

أَوْ أَمَرَ بِٱلتَّقْوَىٰٓ ﴿١٢﴾ أَرَءَيْتَ إِن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰٓ ﴿١٣﴾

أَلَمْ يَعْلَم بِأَنَّ ٱللَّهَ يَرَىٰ ﴿١٤﴾

"Apakah pandanganmu terhadap orang yang melarang(9). Seorang hamba Allah apabila ia hendak mengerjakan solat?(10). Apakah pandanganmu jika orang yang dilarang itu berada di atas jalan hidayat?(11). Atau menyuruh orang lain bertaqwa kepada Allah?(12). Apakah pandanganmu jika orang yang melarang itu mendustakan (agama Allah) dan berpaling darinya?(13). Tidakkah ia mengetahui bahawa Allah itu melihat?"(14)

Ayat-ayat ini begitu jelas mencemuh dan membayangkan rasa ta'jub di atas perbuatan keji yang dinyatakan dalam satu cara pengungkapan yang tidak dapat ditandingi dalam bahasa persuratan dan tidak dapat diungkap melainkan dengan uslub bahasa wahyu yang hidup yang mengungkap dengan sentuhan yang putus-putus tetapi lincah dan pantas.

أَرَءَيْتَ

"Apakah pandanganmu?"(9)

Apakah fikiranmu terhadap perbuatan yang keji ini? Apakah perbuatan ini wajar berlaku?

أَرَءَيْتَ ٱلَّذِى يَنْهَىٰ ﴿٩﴾ عَبْدًا إِذَا صَلَّىٰٓ ﴿١٠﴾

"Apakah pandanganmu terhadap orang yang melarang(9). Seorang hamba Allah apabila ia hendak mengerjakan solat?"(10)

Apakah pandanganmu apabila orang ini menambahkan perbuatannya yang keji dan buruk itu dengan satu perbuatan keji dan buruk yang lain? Apakah pandanganmu terhadap orang yang telah diganggu dan dihalang dari mengelakan solatnya sedangkan dia seorang yang memperjuangkan hidayat Allah dan menyuruh manusia bertaqwa? Apakah patut dia diganggu dan dihalang, sedangkan

dia membawa petunjuk Allah dan menyuruh manusia bertaqwa kepada Allah?

Apakah pandanganmu jika orang ini menambahkan perbuatannya yang keji itu dengan satu perbuatan yang lebih keji?

أَرَءَيْتَ إِن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰٓ ﴿١٣﴾

"Apakah pandanganmu jika orang yang melarang itu mendustakan (agama Allah) dan berpaling darinya?"(13)

Di sini datanglah ancaman Allah secara halus:

أَلَمْ يَعْلَم بِأَنَّ ٱللَّهَ يَرَىٰ ﴿١٤﴾

"Tidakkah Ia mengetahui bahawa Allah itu melihat?"(14)

Iaitu melihat tindak-tanduknya yang mendustakan agama Allah dan berpaling darinya, dan seterusnya melihat perbuatannya yang melarang orang Mu'min dari mengerjakan ibadat solat itu, sedangkan orang itu berada di atas jalan hidayat dan menyuruh bertaqwa. Allah melihat dan di sebalik penglihatan itu ada akibatnya:

أَلَمْ يَعْلَم بِأَنَّ ٱللَّهَ يَرَىٰ ﴿١٤﴾

"Tidakkah ia mengetahui bahawa Allah itu melihat?"(14)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 18)

Di hadapan pemandangan manusia pelampau yang menentang da'wah, keimanan dan keta'atan kepada Allah ditonjolkan amaran akhir yang tegas iaitu satu amaran yang terbuka bukan lagi satu amaran secara halus:

كَلَّا لَئِن لَّمْ يَنتَهِ لَنَسْفَعًۢا بِٱلنَّاصِيَةِ ﴿١٥﴾
نَاصِيَةٍ كَٰذِبَةٍ خَاطِئَةٍ ﴿١٦﴾
فَلْيَدْعُ نَادِيَهُۥ ﴿١٧﴾ سَنَدْعُ ٱلزَّبَانِيَةَ ﴿١٨﴾

"Tidak sekali-kali begitu, demi sesungguhnya jika ia tidak berhenti (dari perbuatannya yang keji itu) nescaya Kami akan tarikkan ubun-ubunnya(15). Iaitu ubun-ubun manusia yang pendusta dan berdosa(16). Biarlah dia memanggil kuncu-kuncunya(17). Kami akan memanggil malaikat Zabaniyah."(18)

Amaran ini merupakan amaran yang tepat pada waktunya dengan menggunakan kata-kata yang kasar.

Ungkapan **"Kami akan tarikkan"** adalah satu ungkapan yang kasar dan bunyi ungkapan **"tarik"** itu sendiri membayangkan maknanya yang kasar iaitu mengheret dengan kasar.

Maksud dari kata-kata **"ubun-ubun"** ialah dahi, iaitu bahagian anggota yang selalu diangkat tinggi oleh orang yang berlagak sombong dan takbur, iaitu ubun-ubun yang memang wajar ditarik dan ditumbangkan:

نَاصِيَةٍ كَٰذِبَةٍ خَاطِئَةٍ ﴿١٦﴾

"Iaitu ubun-ubun manusia yang pendusta dan berdosa."(16)

Inilah masa ubun-ubun itu ditarik dan ditumbangkan dan andainya terlintas di hatinya untuk memanggil kaum keluarga dan sahabat-sahabatnya untuk membantunya, maka:

فَلْيَدْعُ نَادِيَهُۥ ﴿١٧﴾

"Biarlah dia memanggil kuncu-kuncunya."(17)

Dan pihak Kami:

سَنَدْعُ ٱلزَّبَانِيَةَ ﴿١٨﴾

"Kami akan memanggil malaikat Zabaniyah." (18)

Kesudahan dari perlawanan ini dapat diketahui dengan mudah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 19)

Dalam tayangan pemandangan akhir yang mengerikan itu ditamatkan surah ini dengan mengarahkan orang Mu'min yang patuh supaya tetap teguh beriman dan melakukan keta'atan:

كَلَّا لَا تُطِعْهُ وَٱسْجُدْ وَٱقْتَرِب ۩ ﴿١٩﴾

"Tidak sekali-kali! Janganlah engkau menurut kehendaknya, malah sujudlah dan dampingilah dirimu kepada Allah."(19)

Cerita Abu Jahl Melarang Rasulullah s.a.w. Mengerjakan Solat

Yakni jangan sekali-kali engkau tunduk kepada manusia bongkak yang menghalangi engkau dari solat dan da'wah itu, malah sujudlah kepada Tuhanmu dan dampingilah dirimu kepada-Nya dengan keta'atan dan amalan-amalan ibadat, dan tinggalkan sahaja manusia yang bongkak dan penghalang itu kepada malaikat Zabaniyah.

Menurut setengah-setengah riwayat yang sahih, surah ini - selain dari bahagian yang pertama - adalah diturunkan kerana perbuatan Abu Jahl semasa ia lalu dan melihat Rasulullah s.a.w. sedang bersembahyang di Maqam Ibrahim, lalu ia berkata: "Wahai Muhammad! Bukankah aku melarang engkau bersembahyang?" Lalu Rasulullah s.a.w. menjawab dengan kata-kata yang kasar kepadanya. Dan barangkali peristiwa inilah yang membuat Rasulullah s.a.w. memegang leher Abu Jahl berkata kepadanya:

أَوْلَىٰ لَكَ فَأَوْلَىٰ ﴿٣٤﴾

"Awaslah engkau! Awaslah engkau!"

(Surah al-Qiamat: 34)

Lalu dijawab Abu Jahl: "Dengan hak apakah engkau mengancam aku? Demi Allah, akulah orang yang paling ramai pengikut-pengikut di wadi ini." Kerana itulah Allah menurunkan ayat:

فَلْيَدْعُ نَادِيَهُۥ ﴿١٧﴾

"Biarlah dia memanggil kuncu-kuncunya."(17)

Ujar ibn 'Abbas: "Jika Abu Jahal memanggil kuncu-kuncunya nescaya ia akan dibinasakan malaikat 'Azab pada sa'at itu juga."

Walau bagaimanapun, pengertian ayat ini adalah ditujukan kepada semua orang Mu'min yang ta'at, patuh mengerjakan ibadat dan berjuang menyampaikan da'wah Allah dan kepada semua pelampau yang zalim yang menahan orang-orang Mu'min mengerjakan ibadat solat, mengugut mereka yang melakukan keta'atan dan merasa angkuh dengan kekuatannya. Arahan Rabbani ialah:

كَلَّا لَا تُطِعْهُ وَٱسْجُدْ وَٱقْتَرِب ﴿١٩﴾

"Tidak sekali-kali! Janganlah engkau menurut kehendaknya, malah sujudlah dan dampingilah dirimu kepada Allah."(19)

* * * * * *

Demikianlah keselarasan semua bahagian surah ini dan kesepaduan nada-nada pernyataannya.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-QADR

SURAH KE **97**

سُورَةُ الْقَدْرِ

SURAH AL-QADR

Surah Malam Keagungan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **5**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِنَّا أَنزَلْنَٰهُ فِي لَيْلَةِ ٱلْقَدْرِ ﴿١﴾

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا لَيْلَةُ ٱلْقَدْرِ ﴿٢﴾

لَيْلَةُ ٱلْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾

تَنَزَّلُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِم مِّن كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾

سَلَٰمٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ ٱلْفَجْرِ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah turunkan Al-Qur'an itu pada Lailatul-Qadr(1). Tahukah engkau apakah Lailatul-Qadr itu?(2). Lailatul-Qadr itu lebih baik dari seribu bulan(3). Pada malam itu, para malaikat dan roh (Jibril) turun dengan perintah Tuhan mereka kerana membawa segala urusan (yang bijaksana)(4). Sejahteralah malam itu hingga fajar menyingsing."(5).

Malam Bersejarah

Pembicaraan dalam surah ini adalah, mengenai malam bersejarah yang dijanjikan Allah dan disambut seluruh alam dengan penuh gembira iaitu malam perhubungan mutlak di antara bumi dan alam al-Mala'ul-A'la, malam permulaan turunnya Al-Qur'an kepada hati Nabi Muhammad s.a.w., malam peristiwa agung yang belum pernah disaksikan bumi seumpamanya, baik dari segi kebesaran dan maknanya mahupun dari segi kesan-kesannya dalam kehidupan seluruh manusia, iaitu kebesaran yang tidak dapat diliputi oleh fikiran manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Malam Nur-nur Yang Gemilang

إِنَّا أَنزَلْنَٰهُ فِي لَيْلَةِ ٱلْقَدْرِ ﴿١﴾

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا لَيْلَةُ ٱلْقَدْرِ ﴿٢﴾

لَيْلَةُ ٱلْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah turunkan Al-Qur'an itu pada Lailatul-Qadr(1). Tahukah engkau apakah Lailatul-Qadr itu?(2). Lailatul-Qadr itu lebih baik dari seribu bulan."(3)

Ayat-ayat Al-Qur'an yang menyebut peristiwa malam ini berkilau-kilau memancarkan nur, la melimpahkan cahaya yang tenang, indah dan mesra iaitu nur Allah yang gemilang di dalam Al-Qur'an-Nya:

إِنَّا أَنزَلْنَٰهُ فِي لَيْلَةِ ٱلْقَدْرِ ﴿١﴾

"Sesungguhnya Kami telah turunkan Al-Qur'an itu pada Lailatul-Qadr."(1)

juga nur para malaikat dan Jibril yang berulang-alik di sepanjang malam itu antara bumi dan alam al-Mala'ul-A'la:

تَنَزَّلُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَٱلرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِم مِّن كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾

"Pada malam itu, para malaikat dan roh (Jibril) turun dengan perintah Tuhan mereka kerana membawa segala urusan (yang bijaksana)."(4)

Juga nur cahaya fajar menyingsing yang disebut oleh ayat-ayat Al-Qur'an selaras dengan cahaya wahyu, cahaya malaikat dan roh kesejahteraan yang menyelubungi alam dan roh-roh yang wujud di alam ini:

سَلَٰمٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ ٱلْفَجْرِ ﴿٥﴾

"Sejahteralah malam itu hingga fajar menyingsing."(5)

Hakikat Lailatul-Qadr

Malam yang diperkatakan oleh surah ini ialah malam yang diterangkan di dalam Surah ad-Dukhan:

إِنَّا أَنزَلْنَٰهُ فِي لَيْلَةٍ مُّبَٰرَكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿٣﴾

فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ ﴿٤﴾

أَمْرًا مِّنْ عِندِنَآ إِنَّا كُنَّا مُرْسِلِينَ ﴿٥﴾

رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٦﴾

"Sesungguhnya Kami turunkan Al-Qur'an itu di suatu malam yang penuh berkat. Sesungguhnya Kamilah yang memberi peringatan(3). Pada malam itu, dijelaskan segala urusan yang

penuh hikmat(4). Iaitu urusan dari kami. Sesungguhnya Kamilah yang mengutuskan para rasul(5). Sebagai rahmat dari Tuhanmu. Sesungguhnya Allah itu Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(6)

(Surah ad-Dukhan)

Malam Dalam Bulan Ramadhan

Yang dikenali umum, malam itu ialah satu malam dari malam-malam bulan Ramadhan sebagaimana telah dijelaskan di dalam Surah al-Baqarah:

شَهْرُ رَمَضَانَ ٱلَّذِىٓ أُنزِلَ فِيهِ ٱلْقُرْءَانُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَٰتٍ مِّنَ ٱلْهُدَىٰ وَٱلْفُرْقَانِ

"Iaitu bulan Ramadhan, di mana mula diturunkan Al-Qur'an sebagai petunjuk kepada manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan penjelasan-penjelasan yang membezakan di antara yang hak dengan yang batil."(185)

(Surah al-Baqarah)

Yakni malam itulah mula diturunkan Al-Qur'an kepada Rasulullah s.a.w. untuk disampaikannya kepada manusia. Menurut riwayat Ibn Ishaq, wahyu pertama iaitu permulaan Surah al-'Alaq adalah diturunkan dalam bulan Ramadhan semasa Rasulullah s.a.w. beribadat di dalam Gua Hira'.

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat yang menentukan malam itu. Setengah riwayat menentukannya pada malam 27 Ramadhan. Setengahnya pula menentukannya pada malam 21 Ramadhan. Dan ada pula yang menentukannya pada salah satu malam dari sepuluh malam terakhir bulan Ramadhan. Dan setengah riwayat mengumumkannya pada mana-mana malam di bulan Ramadhan semuanya. Walau bagaimanapun malam itu adalah tetap salah satu malam dari malam-malam bulan Ramadhan mengikut riwayat yang lebih rajih.

* * * * * *

Makna Malam Al-Qadr

Malam itu dinamakan ليلة القدر atau **"Malam al-Qadr".** القدر di sini mungkin dimaksudkan dengan makna perencanaan dan pentadbiran. Lailatul-Qadr bererti "malam perencanaan dan pentadbiran" atau "malam penentuan dan penyusunan tadbir Ilahi" dan mungkin pula dimaksudkan dengan **Lailatul-Qadr** ialah malam yang amat tinggi nilai dan darjatnya atau **"malam keagungan".** Kedua-dua makna itu sesuai belaka dengan peristiwa malam yang amat agung itu, iaitu peristiwa Nuzul-Qur'an atau turunnya wahyu dan perutusan dari Allah, kerana tidak ada peristiwa-peristiwa yang lebih besar dari malam ini dari yang lebih bermakna dari malam ini dalam agenda perencanaan dan penyusunan tadbir Ilahi terhadap kehidupan para hamba-Nya. Ia merupakan satu malam yang lebih baik dari seribu bulan. Angka bilangan yang disebut di dalam Al-Qur'an di tempat-tempat yang seperti ini tidaklah memberi makna bilangan yang terbatas, malah yang dimaksudkan dengan bilangan itu ialah bilangan yang banyak. Lailatul-Qadr adalah lebih baik dari seribu bulan dalam hidup manusia. Sudah ribuan bulan dan ribuan, tahun telah berlalu tanpa meninggalkan sebahagian kesan dari kesan-kesan dan perubahan-perubahan seperti yang telah ditinggalkan oleh Lailatul-Qadr.

Malam Lailatul-Qadr adalah begitu agung hingga hakikat keagungannya mengatasi batas-batas daya fikiran manusia:

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا لَيْلَةُ ٱلْقَدْرِ ﴿٢﴾

"Tahukah engkau apakah Lailatul-Qadr itu?"(2)

Tetapi keagungannya itu tidak memerlukan kepada mempercayai berbagai-bagai cerita dongeng Lailatul-Qadr yang masyhur dalam anggapan orang-orang awam.

Lailatul-Qadr adalah satu malam yang amat agung, kerana ia telah dipilih Allah sebagai malam permulaan Nuzul-Qur'an atau permulaan melimpahkan cahaya agama Allah ke seluruh alam, di samping melimpahkan kesejahteraan dan kedamaian yang memancar dari roh Allah (Al-Qur'an) ke atas hati dan kehidupan manusia, dan kerana Al-Qur'an itu mengandungi 'aqidah, kefahaman, syari'at dan adab sopan yang memancarkan kesejahteraan di bumi dan di hati nurani.

Pada malam itulah turunnya para malaikat terutama Jibril a.s. dengan izin Allah membawa Al-Qur'an bersama mereka. Mereka berhamburan di antara langit dan bumi dalam temasya alam yang agung yang digambarkan oleh ayat-ayat surah ini dengan gambaran yang menarik.

* * * * * *

Jika kita renungkan kembali pada hari ini dari belakang abad-abad yang sekian lama berlalu meninggalkan peristiwa Lailatul-Qadr yang mulia itu, dan kita gambarkan kembali temasya indah yang telah disaksikan oleh bumi pada malam itu, di samping kita memperhatikan pula apa yang sebenar berlaku di malam itu dan meneliti kesan-kesannya di sepanjang zaman, kesan-kesannya kepada dunia dan kesan-kesannya kepada kefahaman hati dan akal manusia tentulah kita dapati bahawa malam Lailatul-Qadr itu adalah sebenarnya suatu malam yang sungguh agung, di mana kita dapat menanggapi sebahagian dan tujuan pertanyaan Al-Qur'an mengenai malam itu:

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا لَيْلَةُ ٱلْقَدْرِ ﴿٢﴾

"Tahukah engkau apakah Lailatul-Qadr itu?"(2)

Pada malam itulah Allah menjelaskan segala urusan yang bijaksana, meletakkan nilai-nilai, dasar-dasar dan neraca-neraca dan menetapkan kedudukan-kedudukan yang lebih besar dari kedudukan-kedudukan individu-individu, kedudukan umat-umat, kedudukan kerajaan-kerajaan, kedudukan bangsa-bangsa, malah lebih besar dari itu lagi iaitu

kedudukan hakikat-hakikat peraturan-peraturan dan kedudukan hati-hati manusia.

Akibat Melupakan Malam Keagungan Malam Lailatul Qadr

Kerana kejahilan dan nasibnya yang tidak baik, manusia telah melupakan keagungan Lailatul-Qadr, dan sejak itulah mereka telah kehilangan ni'mat Allah yang paling indah, di samping kerugian kebahagiaan dan kedamaian yang hakiki iaitu kedamaian hati, kedamaian rumahtangga dan kedamaian masyarakat yang dikurniakan oleh Islam. Kerugian-kerugian itu tidak dapat diganti oleh kejayaan-kejayaan mereka di bidang kemajuan kebendaan, tamadun dan pembangunan. Walaupun mereka kini mewah dengan hasil-hasil pengeluaran dan cukup lengkap dengan segala kemudahan hidup, namun jiwa mereka merana tidak bahagia.

Cahaya indah yang pernah menerangi jiwa mereka itu telah padam, dan kesukaan yang gemilang yang telah membawa mereka ke alam al-Mala'ul-A'la telah pun hilang, kedamaian dan ketenteraman yang telah menyelubungi jiwa dan hati mereka telah lenyap, dan tiada suatu pun yang dapat menggantikan kesukaan roh, pancaran cahaya langit dan kebebasan terbang ke alam 'Illiyin itu.

* * * * * *

Memperingati Lailatul Qadr

Kita umat Mu'minin adalah diperintah supaya jangan lupakan malam yang agung itu. Nabi kita s.a.w. telah menunjukkan satu cara yang mudah untuk memperingati malam itu supaya jiwa kita mempunyai hubungan yang abadi dengannya, di samping mempunyai hubungan yang abadi dengan peristiwa universal yang berlaku pada itu, iaitu beliau telah menggalakkan kita supaya menghidupkan malam itu dengan amal ibadat pada setiap tahun dan menunggu-nunggu Lailatul-Qadr pada malam-malam sepuluh Ramadhan yang terakhir. Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, sabda Rasulullah s.a.w.:

تحروا ليلة القدر في العشر الأواخر من رمضان.

"Carilah Lailatul-Qadr itu pada malam-malam sepuluh yang terakhir dari bulan Ramadhan."

من قام ليلة القدر إيماناً واحتساباً غفرله ما تقدم من ذنبه .

"Barang siapa yang berbuat ibadat pada Lailatul-Qadr kerana didorong keimanan dan harapan mendapatkan pahala dari Allah nescaya diampunkan segala dosanya yang telah lalu."

Islam bukanlah upacara gerak-geri yang lahir, kerana itulah Rasulullah s.a.w. menegaskan supaya amal ibadat yang dilakukan pada malam itu hendaklah dikerjakan dengan hati yang penuh keimanan dan harapan mendapatkan pahala dari Allah, agar ibadat itu benar-benar menghidupkan konsep-konsep agung yang diduduki malam itu dan agar benar-benar ikhlas kerana Allah. Dengan ibadat yang seperti ini melahirkan dalam hati hakikat tertentu dari ibadat malam itu yang ada kaitan dengan tujuan yang diturunkannya oleh Al-Qur'an.

Methodologi pendidikan Islam menghubungkan ibadat dengan hakikat-hakikat 'aqidah di dalam hati. Ia jadikan amal ibadat itu sebagai saranan untuk memperingati, menghidup dan meneguhkan hakikat-hakikat 'aqidah dalam satu bentuk yang hidup yang menggerakkan perasaan-perasaan dan bukan hanya sekadar terhenti di batas-batas pemikiran sahaja.

Memang jelas bahawa methodologi pendidikan yang seperti ini sahaja merupakan cara yang paling baik untuk menghidupkan hakikat-hakikat 'aqidah dan memberikannya daya tenaga bergerak dalam hati dan perilaku manusia. Pemahaman hakikat-hakikat 'aqidah secara teori sahaja, tanpa dibantu dengan amal ibadat, tidak dapat meneguhkan hakikat-hakikat 'aqidah itu dan tidak dapat menjadikannya satu kekuatan pendorong dalam kegiatan hidup individu dan masyarakat.

Menghubungkan peringatan Lailatul-Qadr dengan melakukan amal ibadat pada malamnya dengan penuh iman dan ikhlas kerana Allah, merupakan sebahagian dari methodologi pendidikan Islam yang berjaya, kuat dan teguh.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-BAYYINAH

SURAH KE

98

سُورَةُ ٱلْبَيِّنَةِ

SURAH AL-BAYYINAH

Surah Bukti Yang Jelas

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

8

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

لَمْ يَكُنِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ وَٱلْمُشْرِكِينَ
مُنفَكِّينَ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ ٱلْبَيِّنَةُ ١
رَسُولٌ مِّنَ ٱللَّهِ يَتْلُوا۟ صُحُفًا مُّطَهَّرَةً ٢
فِيهَا كُتُبٌ قَيِّمَةٌ ٣
وَمَا تَفَرَّقَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ
ٱلْبَيِّنَةُ ٤
وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا لِيَعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ
حُنَفَآءَ وَيُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ۚ وَذَٰلِكَ دِينُ
ٱلْقَيِّمَةِ ٥
إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَٰبِ وَٱلْمُشْرِكِينَ فِى نَارِ
جَهَنَّمَ خَٰلِدِينَ فِيهَآ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمْ شَرُّ ٱلْبَرِيَّةِ ٦
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أُو۟لَٰٓئِكَ
هُمْ خَيْرُ ٱلْبَرِيَّةِ ٧
جَزَآؤُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا
ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۖ رَّضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟
عَنْهُ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِىَ رَبَّهُۥ ٨

"Orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak akan terpisah (dari kekufuran) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas(1). Iaitu (kebangkitan) seorang Rasul dari Allah yang membaca lembaran-lembaran suci Al-Qur'an(2). Yang terkandung di dalamnya maudhu'-maudhu' yang bernilai(3). Dan orang-orang yang telah dikurniakan kitab suci itu tidak berpecah-belah melainkan sesudah datang kepada mereka penerangan yang jelas(4). Dan mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya serta berpegang teguh dengan tauhid dan supaya mereka mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Dan itulah agama yang benar(5). Sesungguhnya orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin akan ditempatkan di dalam Neraka Jahannam di mana mereka hidup kekal abadi. Merekalah sejahat-jahat makhluk(6). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh merekalah sebaik-baik makhluk(7). Balasan untuk mereka di sisi Tuhan mereka ialah taman-taman Syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai di mana mereka hidup kekal buat selama-lamanya. Allah telah redha terhadap mereka dan mereka telah redha terhadap Allah. Itulah balasan bagi orang yang takutkan Tuhannya."(8).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Dalam mashaf dan di dalam kebanyakan riwayat, surah ini dikira turun di Madinah. Tetapi menurut setengah-setengah riwayat, surah ini diturunkan di Makkah. Walaupun dari segi riwayat dan dari segi gaya pengungkapan, menunjukkan surah ini lebih kuat diturunkan di Madinah, namun kemungkinannya diturunkan di Makkah tidak juga boleh diketepikan. Adanya sebutan zakat dan sebutan Ahlil-Kitab tidak boleh dijadikan bukti yang kukuh, kerana sebutan Ahlil-Kitab memang terdapat di dalam surah-surah yang telah dipastikan turunnya di Makkah, kerana di Makkah juga terdapat sesetengah Ahlil-Kitab yang beriman dan yang tidak beriman, begitu juga orang-orang Kristian dari Najran pernah datang menemui Rasulullah s.a.w. di Makkah dan terus beriman sebagaimana diketahui umum, begitu juga sebutan zakat terdapat di dalam surah-surah yang diturunkan di Makkah.

* * * * * *

Surah ini mengemukakan beberapa hakikat sejarah dan hakikat-hakikat keimanan dengan uslub laporan yang menguatkan bahawa surah ini diturunkan di Madinah di samping adanya riwayat-riwayat yang mengatakan demikian.

Hari Kebangkitan Rasulullah

Hakikat yang pertama ialah kebangkitan Rasulullah s.a.w. merupakan satu keperluan untuk memalingkan orang-orang kafir dari kaum Ahlil-Kitab, dan kaum Musyrikin dari kesesatan dan perselisihan yang telah mengongkong mereka. Tanpa kebangkitan itu

mereka tidak akan berganjak dari kesesatan dan perselisihan itu:

لَمْ يَكُنِ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ
مُنفَكِّينَ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ الْبَيِّنَةُ ﴿١﴾
رَسُولٌ مِّنَ اللَّهِ يَتْلُو صُحُفًا مُّطَهَّرَةً ﴿٢﴾
فِيهَا كُتُبٌ قَيِّمَةٌ ﴿٣﴾

"Orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak akan terpisah (dari kekufuran) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas(1). Iaitu (kebangkitan) seorang Rasul dari Allah yang membaca lembaran-lembaran suci Al-Qur'an(2). Yang terkandung di dalamnya maudhu'-maudhu' yang bernilai."(3)

Hakikat Perselisihan Ahlil-Kitab

Hakikat yang kedua: Golongan Ahlil-Kitab tidak berselisih dan berpecah-belah di dalam agama mereka sebagai akibat dari kejahilan dan kekaburan, malah mereka berselisih sesudah datang kepada mereka penerangan dan bukti yang jelas:

وَمَا تَفَرَّقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِن بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمُ
الْبَيِّنَةُ ﴿٤﴾

"Dan orang-orang yang telah dikurniakan kitab suci itu tidak berpecah-belah melainkan sesudah datang kepada mereka penerangan yang jelas."(4)

Hakikat Kesatuan Agama Allah

Hakikat yang ketiga: Asal agama Allah itu satu sahaja, dan semua dasar-dasarnya mudah dan jelas tidak membawa kepada berpecah-belah dan perselisihan mengenai dasar-dasar itu dan tabi'atnya yang mudah:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ
حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ ۚ وَذَٰلِكَ دِينُ
الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

"Dan mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya serta berpegang teguh dengan tauhid dan supaya mereka menunaikan solat dan memberi zakat. Dan itulah agama yang benar."(5)

Hakikat Orang-orang Kafir

Hakikat yang keempat: Orang-orang yang kafir setelah datang kepada mereka bukti yang jelas adalah sejahat-jahat makhluk. Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh adalah sebaik-baik makhluk. Kerana itulah balasan yang diterima oleh kedua-dua golongan itu amat jauh bezanya:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ فِي نَارِ
جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا ۚ أُولَٰئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ ﴿٦﴾
إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ
هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾
جَزَاؤُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّاتُ عَدْنٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا
الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ۖ رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا
عَنْهُ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبَّهُ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin akan ditempatkan di dalam Neraka Jahannam di mana mereka hidup kekal abadi. Merekalah sejahat-jahat makhluk(6). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh merekalah sebaik-baik makhluk(7). Balasan untuk mereka di sisi Tuhan mereka ialah taman-taman Syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai di mana mereka hidup kekal buat selama-lamanya. Allah telah redha terhadap mereka dan mereka telah redha terhadap Allah. Itulah balasan bagi orang yang takutkan Tuhannya."(8)

Inilah empat hakikat yang amat berharga untuk memahami peranan 'aqidah Islamiyah dan peranan kerasulan Muhammad s.a.w. yang akhir, juga untuk memahami persepsi keimanan sebagaimana kami akan jelaskan selepas ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

لَمْ يَكُنِ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ
مُنفَكِّينَ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ الْبَيِّنَةُ ﴿١﴾
رَسُولٌ مِّنَ اللَّهِ يَتْلُو صُحُفًا مُّطَهَّرَةً ﴿٢﴾
فِيهَا كُتُبٌ قَيِّمَةٌ ﴿٣﴾

"Orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak akan terpisah (dari kekufuran) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas(1). Iaitu (kebangkitan) seorang Rasul dari Allah yang membaca lembaran-lembaran suci Al-Qur'an(2). Yang terkandung di dalamnya maudhu'-maudhu' yang bernilai."(3)

Dunia Perlukan Kebangkitan Rasul Yang Baru

Dunia di waktu itu amat memerlukan kepada kebangkitan rasul yang baru, kerana kerosakan telah bermaharajalela di merata pelosoknya, dan tiada

harapan untuk membetulkan kerosakan itu melainkan dengan kebangkitan rasul yang baru, sistem hidup yang baru dan gerakan yang baru. Kekufuran di waktu itu telah merosakkan kepercayaan-kepercayaan semua penduduk dunia sama ada golongan Ahlil-Kitab yang mengenal agama-agama samawi sebelum ini yang kemudian mereka ubahkannya, atau kaum-kaum Musyrikin yang berada di Semenanjung Tanah Arab atau di luarnya.

Mereka tidak akan terpisah atau berganjak dari kekufuran ini yang menjadi pegangan mereka melainkan deagan kerasulan yang baru dan melainkan di tangan seorang rasul yang baru yang ia sendiri merupakan sebagai bukti yang jelas yang memisahkan di antara yang hak dan yang batil:

رَسُولٌ مِّنَ ٱللَّهِ يَتْلُواْ صُحُفًا مُّطَهَّرَةً ﴿٢﴾

"Iaitu (kebangkitan) seorang Rasul dari Allah yang membaca lembaran-lembaran suci Al-Qur'an."(2)

Iaitu suci dari kepercayaan-kepercayaan syirik dan kufur.

فِيهَا كُتُبٌ قَيِّمَةٌ ﴿٣﴾

"Yang terkandung di dalamnya maudhu'-maudhu' yang bernilai." (3)

Makna Kitab

Kata-kata **"Kitab"** secara umumnya bererti **maudhu'** seperti kitab at-Taharah (maudhu' yang membicarakan Taharah), kitab as-Solat (maudhu' yang membicarakan solat), kitab al-Qadr (maudhu' yang membicarakan Qadha' dan Qadar), dan kitab al-Qiamat (maudhu' yang membicarakan Qiamat). Jadi **"lembaran-lembaran yang suci"** yang dimaksudkan di sini ialah Al-Qur'anul-Karim yang mengandungi maudhu'-maudhu' pembicaraan dan hakikat-hakikat yang amat berharga.

Kerana itu kebangkitan rasul yang baru ini telah datang pada waktunya yang tepat, dan kitab suci yang mengandungi hakikat-hakikat dan berbagai-bagai maudhu' pembicaraan itu juga telah diturunkan untuk menimbulkan satu-satunya perubahan yang baik di muka bumi. Untuk menerangkan bagaimana dunia di waktu itu amat memerlukan kepada kebangkitan rasul yang baru, cukuplah kami petikkan di sini beberapa tinjauan dari sebuah buku yang bernilai yang ditulis oleh seorang tokoh Islam as-Sayyid Abul-Hasan Ali al-Hasani an-Nadawi berjudul "ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين". Inilah tinjauan yang paling jelas dan ringkas yang pernah kami baca dalam maudhu' ini. Dalam *"Bahagian Pertama dan Bab Pertama"* tersebut begini:

Keadaan Manusia Di Abad Keenam Dan Ketujuh Masihi Sebelum Kebangkitan Rasul

"Abad yang keenam dan yang ketujuh Masihi merupakan abad-abad yang paling mundur di dalam sejarah, kerana umat manusia telah berada di dalam kejatuhan sejak berabad-abad lamanya. Tiada satu kuasa di muka bumi yang dapat menahan umat manusia dari kejatuhan itu. Semakin lama semakin bertambah teruk dan cepat kejatuhannya. Manusia di dalam abad itu telah lupakan Allah Penciptanya, lupakan dirinya dan masa depannya. Ia telah kehilangan akalnya dan daya beza di antara yang baik dan yang jahat, yang elok dan yang buruk. Suara da'wah para Anbia' telah lama hilang, dan pelita-pelita yang dinyalakan mereka telah padam di tiup angin ribut yang berlaku selepas mereka, atau masih ada lagi, tetapi dengan apinya atau cahayanya yang sangat lemah dan kecil yang hanya dapat menerangi setengah-setengah hati sahaja, dan jauh sekali untuk menerangi rumah-rumah dan negeri-negeri. Ahli-ahli agama telah menarik diri dari medan kehidupan. Mereka berlindung di biara-biara, gereja-gereja dan tempat-tempat yang terpencil untuk menyelamatkan agama mereka dari fitnah-fitnah, untuk menjaga keselamatan diri mereka atau untuk mencari ketenangan dan ketenteraman atau untuk menghindarkan diri dari bebanan-bebanan dan kepenatan mencari kehidupan atau kerana gagal dalam perjuangan agama, politik, rohaniyah dan kebendaan. Sementara ahli-ahli agama yang masih berada di dalam gelombang kehidupan terus berbaik-baik dengan raja-raja dan ahli-ahli dunia dan bekerjasama dengan mereka di dalam kegiatan-kegiatan mereka yang berdosa dan zalim, mereka juga turut makan harta rakyat dengan jalan yang tidak sebenar.

Agama-agama Besar Telah Kehilangan Roh Dan Bentuknya

"Agama-agama yang besar di masa itu telah menjadi korban golongan perosak, oportunis, pendusta-pendusta dan golongan-golongan Munafiqin, sehingga agama-agama itu hilang roh dan bentuknya. Andainya para rasul yang membawa agama-agama itu dibangkitkannya kembali, tentulah mereka tidak mengenalinya. Pada masa itu juga negeri-negeri yang menjadi pusat-pusat tamadun, kebudayaan dan politik telah bertukar menjadi panggung-panggung kekacauan, keruntuhan, kerosakan peraturan dan pentadbiran dan kezaliman para pemerintah. Negeri-negeri itu sibuk dengan masalah-masalah dirinya, tidak lagi mampu untuk membawa risalah dan da'wah kepada umat-umat dunia. Segala moral dan semangatnya bankrap, dan segala sumber hidupnya kekeringan. Ia tidak memiliki punca-punca agama Allah yang bersih, dan tidak pula memiliki peraturan-peraturan yang tetap dari pemerintahan manusia."

Inilah satu tinjauan sepintas lalu menggambarkan secara umum keadaan manusia dan agama-agama sebelum kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. Al-Qur'an sendiri telah menunjukkan gejala-gejala kekufuran yang melibatkan golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin di berbagai-bagai tempat dalam Al-Qur'an. Di antaranya ialah firman Allah 'Azzawajalla mengenai kekufuran orang-orang Yahudi dan Nasara:

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ عُزَيْرٌ ٱبْنُ ٱللَّهِ وَقَالَتِ ٱلنَّصَٰرَى

ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ ٱللَّهِ

"Dan orang-orang Yahudi berkata: 'Uzayr itu putera Allah, dan orang-orang Kristian pula berkata al-Masih itu putera Allah."

(Surah at-Taubah: 30)

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ لَيْسَتِ ٱلنَّصَٰرَىٰ عَلَىٰ شَىْءٍ وَقَالَتِ ٱلنَّصَٰرَىٰ لَيْسَتِ ٱلْيَهُودُ عَلَىٰ شَىْءٍ

"Dan orang-orang Yahudi berkata: Orang-orang Kristian itu tidak mempunyai apa-apa pegangan yang benar. Dan orang-orang Kristian pula berkata: Orang-orang Yahudi itu tidak mempunyai apa-apa pegangan yang benar."

(Surah al-Baqarah: 113)

Kekufuran Yahudi

Firman Allah Ta'ala mengenai kekufuran orang-orang Yahudi:

وَقَالَتِ ٱلْيَهُودُ يَدُ ٱللَّهِ مَغْلُولَةٌ ۚ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُوا۟ بِمَا قَالُوا۟ ۘ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَآءُ ۚ

"Dan orang-orang Yahudi berkata: Tangan Allah itu terbelenggu (kikir), tangan merekalah yang terbelenggu, dan mereka telah dilaknatkan dengan sebab kata-kata mereka (yang keji), malah yang sebenarnya tangan Allah sentiasa terbuka (pemurah), Ia membelanja mengikut kehendak-Nya."

(Surah al-Ma'idah: 64)

Kekufuran Nasara

Firman Allah mengenai kekufuran orang-orang Kristian:

لَقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ مَرْيَمَ

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam."

(Surah al-Mai'dah: 72)

لَّقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَٰثَةٍ

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawa Allah itu ialah salah satu dari tiga."

(Surah al-Mai'dah: 73)

Kekufuran Musyrikin

Firman Allah mengenai kekufuran kaum Musyrikin:

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١﴾
لَآ أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾
وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٣﴾
وَلَآ أَنَا۠ عَابِدٌ مَّا عَبَدتُّمْ ﴿٤﴾
وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٥﴾
لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِىَ دِينِ ﴿٦﴾

"Katalah (wahai Muhammad!): Wahai orang-orang kafir(1). Aku tidak sembah apa yang kamu sembah(2). Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah(3). Dan aku bukannya penyembah-penyembah tuhan yang kamu sembah(4). Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah(5). Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku."(6)

(Surah al-Kafirun)

Dan selama ini terdapat berbagai-bagai ayat lagi.

Di sebalik kekufuran ini, muncullah berbagai-bagai kejahatan, kemunduran, pertelingkahan dan keruntuhan yang merata di dunia ini.

Kebangkitan Rasul Menyelamatkan Umat Manusia

"Pendeknya, tidak ada di dunia di waktu itu satu umat yang baik dan satu masyarakat yang tegak di atas akhlak dan budi pekerti yang mulia, tidak ada kerajaan yang dilandaskan di atas asas-asas keadilan dan rahmat kasihan belas, dan tidak ada kepimpinan yang ditegakkan atas lunas-lunas ilmu pengetahuan dan hikmat kebijaksanaan, dan tidak ada satu agama yang betul yang diwarisi dari para Anbia'.[1]

Kerana itu Allah dengan limpah rahmat-Nya telah memutus untuk mengutuskan seorang Rasul dari-Nya untuk membaca Al-Qur'an selaku lembaran-lembaran suci yang mengandungi berbagai-bagai maudhu' yang bernilai. Di samping itu orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin tidak akan berganjak dari kejahatan dan kerosakan 'aqidah mereka melainkan dengan kebangkitan Rasul ini yang akan bertindak sebagai penyelamat dan penunjuk ke jalan yang benar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 4)

Perpecahan Kaum-kaum Ahlil-Kitab

Setelah Allah mengemukakan hakikat ini di permulaan surah, ia menegaskan pula bahawa golongan Ahlil-Kitab itu tidak berpecahbelah dan berselisih di antara mereka dalam 'aqidah agama dengan sebab-sebab kejahilan mereka atau dengan sebab-sebab ketidakjelasan atau kerumitan untuk memahami agama itu, malah mereka berpecahbelah dan berselisih setelah datang kepada mereka ilmu pengetahuan yang cukup dan penerangan yang jelas

---

[1] *Lihat buku* ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين

mengenai agama mereka yang telah disampaikan oleh para rasul yang diutuskan kepada mereka:

وَمَا تَفَرَّقَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلْكِتَٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ ٱلْبَيِّنَةُ ﴿٤﴾

"Dan orang-orang yang telah dikurniakan kitab suci itu tidak berpecahbelah melainkan sesudah datang kepada mereka penerangan yang jelas."(4)

Perpecahan dan perselisihan yang pertama adalah berlaku di antara golongan-golongan umat Yahudi sebelum dibangkitkan Nabi Isa a.s. Mereka telah berpecahbelah kepada berbagai-bagai golongan dan puak, sedangkan rasul mereka ialah Nabi Musa a.s. dan kitab suci mereka ialah at-Taurat. Mereka membentuk lima golongan yang besar iaitu golongan Saduqiyyin[2], golongan Farisiyyin[3], golongan Aasiyyin[4], golongan pelampau dan golongan Samiriyyin[5]. Setiap golongan mempunyai ciri-ciri dan arah tujuan masing-masing. Kemudian perpecahan dan perselisihan berlaku di antara orang-orang Yahudi dan orang-orang Kristian, sedangkan Nabi Isa a.s. itu sendiri merupakan salah seorang dari nabi mereka yang terakhir yang datang untuk mengesahkan kitab suci (at-Taurat) yang dikurniakan kepada mereka sebelum ini, namun demikian perselisihan dan pertelingkahan yang tercetus di antara orang-orang Yahudi dan Kristian telah sampai ke peringkat perseteruan yang ketat dan dendam kesumat yang keji. Berbagai-bagai peristiwa pembunuhan beramai-ramai yang kejam dan mengerikan telah berlaku di antara dua puak itu sebagaimana dicatatkan oleh sejarah.

Persengketaan Sengit Di Antara Kaum Yahudi Dan Kaum Kristian

"Peristiwa-peristiwa permusuhan dan persengketaan di antara orang-orang Yahudi dan Kristian telah tercetus kembali di awal abad yang ketujuh. Pada tahun yang akhir dari pemerintahan Seri Maharaja Pokas (610 M), orang-orang Yahudi telah menyerang orang-orang Kristian di Antakya[6]. Untuk memadamkan pemberontakan itu Seri Maharaja telah mengirim seorang panglimanya bernama Abnosus. Beliau berlepas ke sana dan menjalankan tugasnya dengan keganasan dan kekejaman yang jarang berlaku. Beliau telah membunuh semua orang Yahudi. Mereka dibunuh dengan pedang, digantung, dimati-lemaskan di dalam air, dibakar, disiksa dan dicampakkan kepada binatang-binatang buas. Kejadian yang seperti itu telah berlaku berulang-ulang kali. Dalam bukunya al-Khutat al-Maqrizi menulis: Di zaman Seri Maharaja Rome Puqa, baginda Seri Maharaja Parsi telah menghantar bala tenteranya ke negeri-negeri Syam dan Mesir, lalu mereka meruntuhkan gereja-gereja di Quds, di Palestin dan di kebanyakan negeri-negeri di Syam. Mereka membunuh semua orang Kristian. Di Mesir juga mereka memburu orang-orang Kristian dan membunuh sebahagian besar dari mereka. Sementara jumlah yang ditawan amat banyak pula. Orang-orang Yahudi turut membantu askar-askar itu di dalam usaha memerangi orang-orang Kristian dan merobohkan gereja-gereja mereka. Kemudian dari Tabriyah mereka mara ke negeri-negeri al-Furs, Jabal al-Jalil, Kampung an-Nasirah dan bandar Sur dan negeri-negeri al-Quds, lalu mereka membunuh dan menyeksa orang Kristian dengan buas dan kejam, mereka telah meroboh dua buah gereja di al-Quds, dan mereka membakar rumah-rumah kediaman dan merampas sebatang tiang salib dan menawan Paderi Besar al-Quds dan sebilangan besar dari sahabat-sahabatnya.

Fatwa Paderi-paderi Kristian Untuk Membunuh Kaum Yahudi

"Al-Maqrizi berkata lagi ketika menyebut cerita penaklukan al-Quds: Ketika itulah orang-orang Yahudi di bandar Sur bangkit memberontak dan mengerahkan saki-baki orang-orangnya, lalu mereka berpakat menyerang dan membunuh orang-orang Kristian. Satu peperangan tercetus di antara Yahudi dan Kristian dan di dalam peperangan itu orang-orang Yahudi telah mengumpul tentera-tenteranya seramai kira-kira dua puluh ribu orang. Mereka telah meruntuhkan gereja-gereja Kristian di luar negeri Sur. Kemudian orang-orang Kristian menyerang balas orang-orang Yahudi dengan tentera-tentera yang lebih ramai, menyebabkan orang-orang Yahudi menerima kekalahan yang teruk dan ramai dari mereka terbunuh. Seri Maharaja Heraclius pemerintah Rom di Qustantiniyah (Constantinople) telah berjaya mengalahkan pemerintah Parsi dengan suatu tipu helah yang dilakukan terhadap Seri Maharaja Parsi sehingga baginda keluar darinya. Dan dari Qustantiniyah, baginda keluar untuk menubuhkan kerajaan-kerajaan Syam dan Mesir, dan membangunkan semula apa yang diruntuhkan oleh kerajaan Parsi. Orang-orang Yahudi dari Tabriyah dan lain-lain tempat telah keluar beramai-ramai menyambut kedatangan baginda. Mereka mempersembahkan berbagai-bagai hadiah yang mahal kepada baginda, dan apabila mereka memohon kepada baginda supaya, memberi keamanan kepada mereka, baginda telah bersumpah untuk memenuhi permintaan mereka. Setelah itu baginda memasuki negeri al-Quds, di sana baginda disambut pula oleh orang-orang Kristian dengan kitab-kitab suci Injil, salib-salib, pembakaran-pembakaran kemenyan dan lilin yang dipasang. Baginda dapati rumah-rumah dan bangunan-bangunan gereja di bandar itu telah roboh dan runtuh. Pemandangan itu amat menyedihkan baginda, lalu baginda menyatakan simpatinya kepada penduduk-penduduknya. Kemudian orang Kristian memberitahu baginda tentang orang-orang Yahudi yang telah

---

2 *Sadducees.*
3 *Pharisees.*
4 *Essenes.*
5 *Samaritans.*
6 *Sebuah bandar yang terletak di pesisiran pantai Mediterranean di Turki.*

mencetuskan pemberontakan bersama orang-orang Parsi dan tindakan-tindakan mereka membunuh orang-orang Kristian dan merobohkan gereja-gereja dengan keganasan yang melebihi keganasan orang-orang Parsi, dan merekalah yang membunuh semua orang Kristian. Akhirnya mereka meminta Seri Maharaja Heraclius supaya bertindak ke atas orang-orang Yahudi itu, tetapi baginda membantah dengan alasan kerana baginda telah pun memberi janji keamanan kepada mereka. Kemudian para paderi Kristian telah mengeluarkan fatwa yang menghalalkan baginda membunuh orang-orang Yahudi, kerana mereka telah menipu baginda dalam mendapatkan keamanan itu. Sedangkan baginda tidak tahu keganasan yang telah dilakukan mereka. Selanjutnya para paderi itu menyatakan kesanggupan mereka untuk membayar kifarat langgar sumpah dengan mewajibkan diri mereka dan semua orang Kristian berpuasa satu hari Jumaat pada setiap tahun sebagai ganti baginda buat selama-lamanya. Baginda tertarik dengan cadangan mereka, lalu bertindak menyerang orang-orang Yahudi dengan ganasnya dan menghapuskan semua mereka di negeri itu sehingga tidak ada lagi orang Yahudi di dalam negeri-negeri di bawah pemerintahan Rom di Mesir dan di Syam kecuali mereka yang sempat melarikan diri dan bersembunyi.

"Dari cerita-cerita sejarah ini dapatlah diketahui bagaimana kejam dan ganasnya kedua-dua pihak Yahudi dan Kristian itu terhadap darah manusia dan bagaimana kedua-dua mereka sentiasa menunggu peluang untuk menyerang musuhnya tanpa menghormati batas-batas yang wajar."[7]

Perpecahan Dalam Kalangan Kaum Kristian

Selain dari itu ialah perpecahan dan pertelingkahan di dalam kalangan orang-orang Kristian: sendiri, walaupun kitab suci mereka satu dan nabi mereka juga satu. Mula-mula mereka berpecahbelah dan bertelingkah dalam perkara 'aqidah, kemudian mereka terus berpecahbelah dan bertelingkah hingga melahirkan berbagai-bagai puak yang bermusuh ketat terhadap satu sama lain. Perselisihan mereka berlaku di sekitar sifat al-Masih Isa a.s., sama ada ia bersifat dengan sifat ketuhanan (Lahutiyah) atau bersifat dengan sifat kemanusiaan (Nasutiyah), begitu juga sifat bondanya Maryam dan sifat tiga uqnum (dalam kepercayaan triniti) yang membentuk "Allah" menurut anggapan mereka. Al-Qur'an telah menceritakan hal ini di dalam ayat-ayat berikut:

لَّقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْمَسِيحُ ٱبْنُ مَرْيَمَ

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawa Allah itu ialah al-Masih putera Maryam."

(Surah al-Mai'dah: 72)

لَّقَدْ كَفَرَ ٱلَّذِينَ قَالُوٓا۟ إِنَّ ٱللَّهَ ثَالِثُ ثَلَٰثَةٍ

"Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: Bahawa Allah itu ialah salah satu dari tiga."

(Surah al-Ma'idah: 73)

وَإِذْ قَالَ ٱللَّهُ يَٰعِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ ءَأَنتَ قُلْتَ لِلنَّاسِ ٱتَّخِذُونِى وَأُمِّىَ إِلَٰهَيْنِ مِن دُونِ ٱللَّهِ

"Dan kenangilah ketika Allah berfirman: Wahai Isa! Benarkah engkau berkata kepada orang ramai, ambillah aku dan ibuku sebagai dua tuhan selain dari Allah?

(Surah al-Ma'idah: 116)

"Perselisihan mengenai 'aqidah agama yang paling sengit ialah perselisihan di antara golongan Kristian Syam dan kerajaan Rom dengan golongan Kristian Mesir, atau lebih tepat di antara golongan Malakaniyah dengan golongan Manupusiyah. 'Aqidah yang menjadi pegangan Malakaniyah ialah al-Masih itu mempunyai dua sifat iaitu sifat ketuhanan dan sifat kemanusiaan. Sedangkan 'aqidah yang dipegang oleh golongan Manupusiyah ialah al-Masih itu hanya mempunyai satu sifat sahaja iaitu sifat ketuhanan dan di dalam sifat ketuhanan inilah lenyapnya sifat kemanusiaan al-Masih seperti lenyapnya setitis cuka di lautan dalam yang tiada berdasar. Perselisihan ini telah memuncak hebat di antara dua golongan itu dalam abad yang keenam dan yang ketujuh hingga merupakan satu peperangan yang tak kunjung berhenti di antara dua golongan yang bertelagah itu, atau seolah-olah seperti pertelagahan di antara orang-orang Yahudi dengan orang-orang Kristian. Setiap pihak menuduh lawannya sebagai puak yang tidak sedikit pun mempunyai pegangan yang betul.

"Seri Maharaja Heraclius (610 - 641) telah berusaha, selepas baginda berjaya mengalahkan kerajaan Parsi (pada tahun 638) untuk menyatukan aliran pemikiran golongan-golongan yang bertelingkah itu. Baginda mahu menyelaraskan semua aliran itu dan satu ketetapan penyelarasan telah dibuat iaitu orang ramai hendaklah menghindarkan diri dari memperkatakan masalah hakikat sifat al-Masih sama ada beliau mempunyai satu atau dua sifat, dan apa yang wajib di atas mereka beriktikad ialah mengaku atau bersaksi bahawa Allah itu hanya mempunyai satu iradat atau satu qadha' sahaja. Ketetapan itu telah dipersetujui pada awal tahun 631 dan dipilih sebagai mazhab rasmi kerajaan dan kakitangannya yang menjadi pengikut gereja Kristian.

"Baginda berazam untuk meletakkan mazhab yang baru ini mengatasi semua mazhab yang bertentangan dengannya dengan menggunakan berbagai cara dan sarana, akan tetapi orang-orang Kristian Qibti telah berdiri menentang baginda. Mereka menolak bid'ah dan penyelewengan ini. Mereka menentang habis-habisan dan bermati-matian untuk mempertahankan 'aqidah mereka

---

[7] *Dari buku* ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين

yang lama. Sekali lagi baginda Heraclius berusaha untuk menyatukan mazhab-mazhab itu dan menghapuskan perselisihan itu dengan membuat satu ketetapan baru supaya orang ramai beriktikad bahawa Allah itu mempunyai satu iradat. Adapun mengenai masalah kelulusan iradat itu secara praktikal, baginda tundakan dahulu keputusannya dan melarang orang ramai memperkata dan memperdebatkannya.

"Baginda jadikan keputusan ini sebagai satu risalah rasmi negara yang dibawa baginda ke seluruh alam Timur. Tetapi risalah itu tidak dapat menenangkan ribut di Mesir. Dan akhirnya terjadilah satu penindasan yang ganas dilakukan oleh pemerintah Rom di Mesir dan berlanjutan selama sepuluh tahun. Di dalam masa itulah terjadi berbagai-bagai keganasan yang mengerikan. Ada mereka yang diseksa kemudian dibunuh dengan melemaskan mereka di dalam air. Ada yang dibakar dengan api jamu hingga lemak-lemak dari lambung-lambung mereka meleleh ke lantai. Ada yang dimasukkan ke dalam guni-guni yang diisi dengan pasir, kemudian dibuang ke laut dan sebagainya dari kekejaman-kekejaman yang mengerikan."[8]

Seluruh pertelingkahan dan perselisihan ini adalah berlaku di antara golongan-golongan Ahlil-Kitab semuanya setelah mereka menerima penerangan-penerangan yang jelas. Mereka bukannya kurang ilmu pengetahuan dan penerangan, tetapi mereka adalah dihanyutkan oleh hawa nafsu dan penyelewengan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 5)

Asal agama itu jelas dan terang dan asal 'aqidah itu mudah:

وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا لِيَعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ حُنَفَآءَ وَيُقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ ۚ وَذَٰلِكَ دِينُ ٱلْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

"Dan mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan keta'atan kepada-Nya serta berpegang teguh dengan tauhid dan supaya mereka mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Dan itulah agama yang benar."(5)

Inilah asas-asas agama Allah secara umumnya:

Ciri-ciri Agama Yang Benar

Ibadat kepada Allah Yang Tunggal, mengikhlaskan keta'atan kepada Allah, menjauhi syirik dan pendokong-pendokongnya, mendirikan solat dan menunaikan zakat itulah agama yang benar. Pendeknya ciri agama yang benar ialah 'aqidah yang bersih di dalam hati. Dan ibadat yang tulus ikhlas kepada Allah itu adalah juru bahasa yang menterjemahkan 'aqidah itu. Menunaikan zakat ialah membelanjakan harta untuk jalan Allah. Oleh itu, barang siapa yang menegakkan asas-asas ini bererti ia telah menegakkan iman. Itulah yang diperintahkan Allah kepada Ahlil-Kitab, dan inilah asas agama Allah yang menyeluruh, iaitu satu agama dan satu 'aqidah yang dibawa oleh semua agama samawi dan diperjuangkan oleh para rasul silih berganti. Satu agama yang jelas tidak samar-samar dan tidak berbelit-belit. Satu 'aqidah yang tidak membawa kepada pecah-belah dan selisih faham. Dengan penerangan yang sejelas, seringkas dan semudah inilah ditegakkan 'aqidah ini, amatlah jauh jika dibandingkan dengan kefahaman-kefahaman yang berbelit-belit dan perdebatan-perdebatan yang beranekaragam itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

Apabila mereka telah menerima penerangan-penerangan yang jelas dari para rasul mereka di zaman dahulu, kemudian menerima pula penerangan-penerangan yang jelas dari Muhammad Rasulullah s.a.w. yang membaca kitab suci Al-Qur'an dan menghidangkan 'aqidah Islam yang jelas dan mudah, maka bererti jalan yang benar telah terbentang nyata, dan nasib kesudahan yang menunggu orang-orang yang beriman dan orang-orang yang tidak beriman juga turut jelas dan nyata:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ وَٱلْمُشْرِكِينَ فِى نَارِ جَهَنَّمَ خَـٰلِدِينَ فِيهَآ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمْ شَرُّ ٱلْبَرِيَّةِ ﴿٦﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمْ خَيْرُ ٱلْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾

جَزَآؤُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّـٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَـٰرُ خَـٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۖ رَّضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟ عَنْهُ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِىَ رَبَّهُۥ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin akan ditempatkan di dalam Neraka Jahannam di mana mereka hidup kekal abadi. Merekalah sejahat-jahat makhluk(6). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, merekalah sebaik-baik makhluk(7). Balasan untuk mereka di sisi Tuhan mereka ialah taman-taman Syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai di mana mereka hidup kekal buat selama-lamanya. Allah telah redha terhadap mereka dan mereka telah redha terhadap Allah. Itulah balasan bagi orang yang takutkan Tuhannya."(8)

---

[8] *Dari buku* ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين

Rasul Dan Risalah Yang Terakhir

Sesungguhnya Muhammad s.a.w. merupakan rasul yang terakhir dan agama Islam yang dibawa oleh beliau merupakan risalah yang terakhir. Para rasul datang bersilih ganti setiap kali dunia dilanda kerosakan untuk mengembalikan umat manusia kepada kebaikan. Di sana peluang demi peluang, tempoh demi tempoh dibuka kepada manusia-manusia yang menyeleweng dari jalan yang benar, tetapi setelah terlaksana kehendak Allah yang mengakhirkan risalah-risalahnya ke bumi dengan risalah Islam yang terakhir dan serba lengkap ini, maka peluang yang terakhir itu telah ditutupkan. Memilih iman bererti memilih keselamatan, dan memilih kufur bererti memilih kebinasaan. Jika kekufuran melambangkan kejahatan yang tidak terbatas, maka keimanan melambangkan kebajikan yang setinggi-tingginya.

Golongan Kafir Merupakan Sejahat-jahat Makhluk

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِنْ أَهْلِ ٱلْكِتَـٰبِ وَٱلْمُشْرِكِينَ فِى نَارِ
جَهَنَّمَ خَـٰلِدِينَ فِيهَآ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ هُمْ شَرُّ ٱلْبَرِيَّةِ ﴿٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang kafir dari golongan Ahlil-Kitab dan kaum Musyrikin akan ditempatkan di dalam Neraka Jahannam di mana mereka hidup kekal abadi. Merekalah sejahat-jahat makhluk."(6)

Ini merupakan satu hukuman muktamad yang tidak dapat dipertikaikan lagi, biarpun bagaimana baik setengah-setengah amalan mereka, adab sopan mereka dan peraturan-peraturan yang diciptakan mereka selama ia tidak ditegakkan di atas keimanan kepada agama dan kepada Rasul yang terakhir ini. Kita tidak seharusnya ragu-ragu terhadap keputusan ini kerana terpengaruh kepada mana-mana gejala kebaikan yang terputus hubungannya dengan agama Allah yang tetap dan lurus.

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ أُو۟لَـٰٓئِكَ
هُمْ خَيْرُ ٱلْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, merekalah sebaik-baik makhluk."(7)

Golongan Mu'min Merupakan Sebaik Makhluk

Ini juga merupakan satu keputusan muktamad yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Tetapi syarat-syarat keputusan itu juga jelas dan nyata iaitu iman sejati bukan semata-mata kerana dilahirkan di negeri Islam atau lahir di rumah orang yang mengaku dirinya sebagai orang-orang Islam, dan bukan semata-mata mengucapkan beberapa kalimah dengan sepenuh mulut. Iman sejati ialah iman yang melahirkan kesan-kesannya dalam kegiatan hidup seharian dalam bentuk amalan-amalan soleh, bukan semata-mata kata-kata di atas bibir. Amalan-amalan yang soleh ialah segala sesuatu yang disuruh Allah dari amalan-amalan ibadat, budi pekerti yang baik, bekerja atau berusaha dan bermu'amalah, dan yang paling utamanya ialah berusaha menegakkan syari'at Allah di bumi dan menghukumkan manusia dengan undang-undang Allah. Orang-orang yang sanggup berbuat demikian merekalah sebaik-baik makhluk.

جَزَآؤُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّـٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا
ٱلْأَنْهَـٰرُ خَـٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۖ

"Balasan untuk mereka di sisi Tuhan mereka ialah taman-taman Syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, di mana mereka hidup kekal buat selama-lamanya."(8)

Taman-taman Syurga

Taman-taman Syurga untuk kediaman yang kekal abadi dalam ni'mat-ni'matnya itu menggambarkan keamanan dari kefanaan dan kehilangan, juga menggambarkan ketenteraman dari sebarang kegelisahan yang biasa mengeruhkan kehidupan di bumi. Sungai-sungai yang mengalir di bawah Syurga menggambarkan suasana basah, sejuk, segar dan indah.

Kemudian ayat yang berikut meningkat sedarjah atau beberapa darjah yang lebih tinggi dalam menggambarkan ni'mat yang kekal abadi ini:

رَّضِىَ ٱللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا۟ عَنْهُ ۚ

"Allah telah redha terhadap mereka dan mereka telah redha terhadap Allah."(8)

Keredhaan dari Allah merupakan kemuncak segala ni'mat. Keredhaan mereka terhadap Allah ialah keredhaan terhadap qadha' dan qadar Allah ke atas mereka, keredhaan terhadap limpah kurnia Allah kepada mereka dan terhadap hubungan murni yang wujud di antara mereka dengan Allah, juga keredhaan dan kepuasan hati yang menyelubungi jiwa mereka dengan rasa-rasa ketenangan, kesukaan dan kegembiraan yang jernih dan mendalam.

Ungkapan ini sendiri dapat memberi bayangan-bayangan maksudnya yang seni, sedangkan ungkapan-ungkapan yang lain dari Al-Qur'an tidak mampu memberi bayangan-bayangan maksud yang sama dengannya.

ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِىَ رَبَّهُۥ ﴿٨﴾

"Itulah balasan bagi orang yang takutkan Tuhannya."(8)

Keredhaan Allah Kemuncak Segala Ni'mat

Ini satu penegasan terakhir bahawa segala balasan itu adalah terhenti di atas hubungan hati dengan Allah iaitu perasaan takut kepada Allah yang menjadi pendorong kepada segala yang baik dan penghalang dari segala penyelewengan. Perasaan inilah yang

menghapuskan segala dinding dan tabir dan menjadikan hati seseorang berdiri bulat di depan Allah Yang Maha Tunggal dan Maha Kuasa.

Orang-orang yang beribadat dengan ikhlas dan beramal dengan ikhlas dan bersih dari kekotoran ria' dan segala bentuk syirik, dan orang-orang yang benar-benar takutkan Allah, tidak akan terlintas dalam hatinya sebarang bayangan makhluk selain dari Allah, kerana dia sedar bahawa Allah akan menolak segala amalan yang dituju oleh seseorang kepada yang lain dari-Nya di samping dituju sama kepada-Nya. Allah itu Maha Kaya. Ia tidak perlu kepada kongsi atau sekutu, kerana itu hanya amalan yang ikhlas kepada-Nya sahaja yang diterima dan amalan yang tidak ikhlas kepada-Nya tidak akan diterimanya.

* * * * * *

Inilah empat hakikat agung yang menjadi intipati pembicaraan surah yang pendek ini. Ia dibentangkan oleh Al-Qur'an dengan uslubnya yang tersendiri yang begitu ketara dalam surah-surah yang pendek ini.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AZ-ZALZALAH

سُورَةُ الزَّلْزَلَةِ

SURAH KE

99

SURAH AZ-ZALZALAH

Surah Gegaran Bumi

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

8

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِذَا زُلْزِلَتِ ٱلْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ١

وَأَخْرَجَتِ ٱلْأَرْضُ أَثْقَالَهَا ٢

وَقَالَ ٱلْإِنسَٰنُ مَا لَهَا ٣ يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا ٤

بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَىٰ لَهَا ٥

يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ ٱلنَّاسُ أَشْتَاتًا لِّيُرَوْا۟ أَعْمَٰلَهُمْ ٦

فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُۥ ٧

وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُۥ ٨

"Apabila bumi digegarkan sedahsyat gegarannya(1). Dan bumi telah mengeluarkan isi kandungannya(2). Dan manusia berkata (ketakutan): Mengapa bumi jadi begitu?(3). Pada hari itu, bumi akan menceritakan berita-beritanya(4). Bahawa Tuhanmu telah memerintahnya (supaya berlaku demikian)(5). Pada hari itu, manusia akan keluar dari kubur masing-masing dengan berbagai-bagai keadaan untuk diperlihatkan balasan amalan mereka(6). Oleh itu, barang siapa yang melakukan amalan kebajikan seberat zarrah, nescaya ia akan melihat pahalanya(7). Dan barang siapa yang melakukan kejahatan seberat zarrah, nescaya ia akan melihat balasannya."(8).

Di dalam mashaf, juga menurut setengah-setengah riwayat, surah ini diturunkan di Madinah, tetapi di dalam riwayat-riwayat yang lain surah ini diturunkan di Makkah. Kami tarjihkan riwayat yang mengatakan surah ini diturunkan di Makkah, kerana pokok persoalan dan gaya pengungkapannya adalah menguatkan riwayat ini.

Gempa Bumi Pada Hari Qiamat

Itulah satu peristiwa gempa bumi yang menggentarkan hati manusia yang lalai. Satu gegaran gempa di mana maudhu', pemandangan dan nada-nada kata turut sama mengambil bahagian menggambarkannya. Dan itulah bahana yang gegak gempita yang menggegarkan bumi dan seluruh penduduknya. Sebaik sahaja mereka sedar dari kekagetan mereka, mereka terus dihadapkan dengan upacara hisab, ditimbang dan ditentukan balasan masing-masing, yang dijelaskan di dalam beberapa potong ayat yang pendek sahaja.

Inilah ciri Juzu' 'Amma seluruhnya dan ia digambarkan begitu kuat dalam surah ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

إِذَا زُلْزِلَتِ ٱلْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ١

وَأَخْرَجَتِ ٱلْأَرْضُ أَثْقَالَهَا ٢

"Apabila bumi digegarkan sedahsyat gegarannya.(1) Dan bumi telah mengeluarkan isi kandungannya"(2)

Itulah peristiwa Hari Qiamat di mana seluruh bumi bergegar dengan gempa-gempa yang paling dahsyat dan meluahkan segala isi perutnya dari mayat-mayat, logam-logam dan sebagainya, yang selama ini dikandunginya, seolah-olah bumi mahu meringankan tubuhnya dan kandungan-kandungannya yang berat itu.

Itulah satu pemandangan yang menunjukkan segala sesuatu yang tegak di bumi telah bergoyang di bawah tapak kaki para pendengar surah ini. Mereka merasa terhuyung-hayang, dan bumi terus bergegar dan bergoncang di bawah tapak kaki mereka, satu pemandangan yang menakutkan hati yang selama ini menyangkakan segala apa yang tegak di bumi itu akan tetap teguh, kukuh dan kekal abadi. Inilah kesan pertama dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang digambarkan oleh Al-Qur'an, satu gambaran yang benar-benar hidup dan menjalar ke dalam saraf-saraf pendengar ayat-ayat ini sebaik sahaja mendengar ungkapan Al-Qur'an yang unik ini, dan kesan ini bertambah jelas lagi apabila digambarkan reaksi "manusia" terhadap pemandangan itu dan dilukiskan keadaan-keadaan perasaan mereka ketika melihat pemandangan ini:

وَقَالَ ٱلْإِنسَٰنُ مَا لَهَا ٣

"Dan manusia berkata (ketakutan): Mengapa bumi jadi begitu?"(3)

Manusia Dalam Kebingungan Ketika Qiamat Meletus

Inilah pertanyaan orang-orang yang berada dalam kebingungan dan ketakutan yang melihat satu peristiwa yang luar biasa, yang tidak dapat difahaminya dan tidak dapat disabar dan didiamkan begitu sahaja.

"Mengapa bumi jadi begitu?" "Mengapa ia bergegar dan bergoncang begitu dahsyat?" "Mengapa?".

Mereka seolah-olah ikut terhuyung-hayang bersama gegaran itu dan cuba berpaut pada sesuatu untuk menahannya dari rebah, tetapi segala sesuatu yang ada di sekelilingnya terus bergoyang dan bergegar-gegar.

Umat manusia sebelum ini memang pernah melihat kejadian-kejadian gempa bumi dan letupan-letupan gunung berapi. Kejadian-kejadian itu dihadapinya dengan penuh ketakutan dan kecemasan. Mereka ditimpa kemusnahan dan kebinasaan, tetapi apabila mereka melihat gegaran dan gempa bumi Hari Qiamat, mereka dapatinya sama sekali tidak mempunyai titik keserupaan di antaranya dengan kejadian-keiadian gempa bumi dan letupan-letupan gunung berapi yang berlaku dalam dunia ini.

Gempa bumi pada Hari Qiamat merupakan satu peristiwa baru bagi manusia yang belum pernah dialaminya, satu peristiwa yang tiada tolok bandingnya, satu kejadian agung yang pertama kali berlaku.

يَوْمَئِذٍ

"Pada hari itu."(4)

Iaitu pada hari berlakunya gempa bumi yang mengkagetkan seluruh manusia.

تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا ﴿٤﴾

"Bumi akan menceritakan berita-beritanya."(4)

بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَىٰ لَهَا ﴿٥﴾

"Bahawa Tuhanmu telah memerintahnya (supaya berlaku demikian)."(5)

Cerita Qiamat Dari Mulut Bumi

Yakni pada hari itu bumi akan menceritakan bahawa segala apa yang berlaku itu adalah atas perintah Allah. Dialah yang telah memerintah bumi supaya bergegar dengan sedahsyat-dahsyatnya dan meluahkan segala isi kandungannya yang berat, dan kerana itu bumi telah mematuhi perintah-Nya:

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٢﴾

"Dan ia telah mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah."

(Surah al-Insyiqaq: 2)

Keadaan ini sendiri merupakan satu penceritaan yang amat jelas bahawa apa yang berlaku itu adalah dari perintah dan wahyu Allah kepada bumi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

Ketika manusia berada dalam keadaan bingung dan kaget di mana nada-nada ayat membayangkan kecemasan, keadaan terperanjat, hiruk-pikuk dan kacau-bilau, dan ketika mereka termengah-mengah bertanya: "Mengapa bumi jadi begini? Mengapa?" Tiba-tiba mereka berdepan dengan pemandangan Mahsyar, Hisab, Timbangan amalan dan Balasan.

يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِّيُرَوْا أَعْمَالَهُمْ ﴿٦﴾

فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾

وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

"Pada hari itu, manusia akan keluar dari kubur masing-masing dengan berbagai-bagai keadaan untuk diperlihatkan balasan amalan mereka(6). Oleh itu, barang siapa yang melakukan amalan kebajikan seberat zarrah, nescaya ia akan melihat pahalanya(7). Dan barang siapa yang melakukan kejahatan seberat zarrah, nescaya ia akan melihat balasannya."(8)

Dalam sekelip mata sahaja kita melihat pemandangan manusia dibangkit dari kubur di merata pelusuk bumi:

كَأَنَّهُمْ جَرَادٌ مُّنتَشِرٌ ﴿٧﴾

"Mereka seperti belalang yang berkeliaran."

(Surah al-Qamar: 7)

Iaitu satu pemandangan yang tidak pernah dilihat manusia, pemandangan seluruh manusia dari seluruh generasinya serentak bangkit dari kubur-kubur mereka di sana sini:

يَوْمَ تَشَقَّقُ الْأَرْضُ عَنْهُمْ سِرَاعًا

"Pada hari itu, bumi terbelah meluahkan mereka dengan segera."

(Surah Qaf: 44)

Di mana sahaja mata memandang, di sana kelihatan orang yang dibangkitkan dari kubur itu keluar dengan segera dan terus pergi tanpa menoleh ke kiri dan ke kanan. Semuanya berjalan tergesa-gesa tanpa menoleh kepada sesuatu apa dan tanpa melihat ke belakang dan ke sekelilingnya:

مُّهْطِعِينَ إِلَى الدَّاعِ

"Mereka tergesa-gesa menuju kepada suara yang menyeru mereka."

(Surah Al-Qamar: 8)

Leher mereka memanjang dan mata mereka membelalak:

لِكُلِّ امْرِئٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ يُغْنِيهِ ﴿٣٧﴾

"Pada hari itu, setiap orang dari mereka sibuk dengan diri masing-masing."

(Surah 'Abasa: 37)

Satu pemandangan yang tidak dapat digambarkan dengan ungkapan-ungkapan bahasa manusia kerana terlalu dahsyat, ngeri dan mengkagetkan. Tiada kata-kata walaupun dengan menggunakan segala kata yang terdapat dalam kamus-kamus dunia tidak juga tercapai untuk memberi dan menggambarkan pemandangan hari itu.

يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِّيُرَوْا أَعْمَالَهُمْ ﴿٦﴾

"Pada hari itu, manusia akan keluar dari kubur masing-masing dengan berbagai-bagai keadaan untuk diperlihatkan balasan amalan mereka."(6)

Seluruh Manusia Dikumpulkan Di Mahsyar

Ini menjadikan keadaan lebih dahsyat lagi. Mereka keluar menuju ke tempat yang akan ditunjukkan amalan-amalan mereka. Di sana mereka akan dihadapkan dengan segala amalan mereka dan menerima balasannya. Berdepan dengan amalan-amalan sendiri kadang-kadang lebih teruk dan dahsyat dari menerima balasannya. Ada orang tidak sanggup melihat perbuatannya di hadapan dirinya sendiri kerana terlalu keji di sa'at-sa'at ia dilanda perasaan menyesal. Bagaimana nanti kalau ia dihadapi dengan amalan-amalannya itu di hadapan khalayak manusia dan di hadapan Tuhan Rabbul-Jalil Yang Maha Agung?

Melihat dan menghadapi amalan-amalan itu sendiri merupakan satu hukuman yang amat menakutkan. Dan selepas itu diiringi pula dengan proses Hisab yang amat halus hingga tiada satu zarrah pun dari amalan yang baik atau amalan yang jahat yang ditinggalkan tanpa balasan:

فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾

وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

"Oleh itu, barang siapa yang melakukan amalan kebajikan seberat zarrah nescaya ia akan melihat pahalanya(7). Dan barang siapa yang melakukan kejahatan seberat zarrah nescaya ia akan melihat balasannya."(8)

Kata-kata zarrah telah ditafsirkan oleh Mufassirin dahulu sebagai "lalat". Ada pula yang mentafsirkannya dengan habuk-habuk debu yang kelihatan pada cahaya matahari. Itulah benda yang paling kecil yang dapat mereka tanggapkan dari kata-kata zarrah itu.

Tetapi zarrah yang kita ketahui sekarang ialah "atom", dan atom itu lebih kecil dari habuk-habuk debu yang dilihat pada cahaya matahari, kerana habuk-habuk itu masih dapat dilihat dengan mata kasar, sedangkan atom hanya dapat dilihat dengan mikroskop yang paling besar di makmal-makmal sains. Atom merupakan sesuatu yang boleh dilihat dalam hati ahli-ahli sains. Tiada seorang pun dari mereka yang dapat melihat atom dengan matanya atau mikroskopnya, apa yang dapat dilihat mereka hanya kesan-kesannya sahaja.

Amalan-amalan yang seberat atom ini, baik amalan baik mahupun amalan jahat, dihadirkan kelak dan diperlihatkan kepada yang melakukannya dan akan diberikan balasannya. Oleh itu, setiap orang tidak seharusnya memperkecil-kecilkan amalannya dengan mengatakan, "Ini cuma kecil sahaja, tidak dikira dan ditimbang." Malah hatinya seharusnya menggelentar di hadapan setiap perbuatan sebagaimana neraca yang halus akan bergerak meninggi atau menurun dengan sebab berat sebiji atom itu.

Semua Amalan Ditimbang Dengan Neraca Yang Halus

Neraca yang menimbangkan amalan itu adalah suatu neraca yang tiada tolok bandingnya di dalam dunia ini kecuali neraca di dalam hati Mu'min iaitu hati yang terus menggelentar, kerana melakukan kebaikan atau kejahatan seberat atom. Di sana ada hati-hati di dunia ini yang tidak tergoncang walaupun oleh dosa-dosa dan maksiat yang sebesar gunung, dan tidak merasa apa-apa walaupun ia telah bertindak menghancurkan kebaikan yang lebih teguh dari gunung. Itulah hati-hati yang degil di bumi yang akan hancur luluh pada Hari Hisab.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-'ADIYAT

SURAH KE

100

سُورَةُ العَادِيَاتِ

SURAH AL-'ADIYAT

Surah Gegaran Bumi

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

11

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَٱلْعَٰدِيَٰتِ ضَبْحًا ١ فَٱلْمُورِيَٰتِ قَدْحًا ٢
فَٱلْمُغِيرَٰتِ صُبْحًا ٣ فَأَثَرْنَ بِهِۦ نَقْعًا ٤
فَوَسَطْنَ بِهِۦ جَمْعًا ٥
إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لِرَبِّهِۦ لَكَنُودٌ ٦
وَإِنَّهُۥ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ٧
وَإِنَّهُۥ لِحُبِّ ٱلْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ٨
أَفَلَا يَعْلَمُ إِذَا بُعْثِرَ مَا فِى ٱلْقُبُورِ ٩
وَحُصِّلَ مَا فِى ٱلصُّدُورِ ١٠
إِنَّ رَبَّهُم بِهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّخَبِيرٌۢ ١١

"Demi kuda-kuda perang yang berlari pantas dan mendengus kencang(1). Dan demi kuda-kuda perang yang hentakan kakinya mencetuskan api(2). Dan demi kuda-kuda perang yang menyerang di waktu pagi(3). Lalu menerbangkan debu berkepul-kepul(4). Dan dengan kepulan debu itu ia menyerbu ke tengah kumpulan musuh(5). Sesungguhnya manusia itu amat tidak bersyukur kepada ni'mat Tuhannya(6). Dan sesungguhnya manusia itu sendiri mengakui sikapnya yang sedemikian(7). Dan sesungguhnya manusia itu amat sayangkan harta kekayaan(8). Adakah ia tidak tahu apabila dibongkarkan isi kubur(9). Dan didedahkan segala isi dada(10). Sesungguhnya pada hari itu Tuhan mereka amat mengetahui keadaan mereka."(11).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Penceritaan surah ini berlangsung begitu cepat, keras dan mengharukan. Ia melompat-lompat begitu cepat dan tangkas dari satu babak ke babak yang lain dan akhirnya sampai ke babak penghabisannya seperti berakhirnya penunggang kuda pada pusingannya yang terakhir.

Mula-mula ia menayangkan pemandangan sekumpulan kuda yang berlari pantas dengan dengusan-dengusan nafasnya yang kencang dan hentakan-hentakan kakinya yang mengeluarkan bunga-bunga api, iaitu kuda-kuda yang melancarkan serangan di waktu pagi dan membuat debu-debu bumi yang dipijaknya naik berkepul-kepul, dan di dalam kepulan-kepulan debu itulah ia menyerbu ke tengah angkatan musuh dan menyerang mereka secara mengejut mengakibatkan barisan mereka ketakutan dan lari bertempiaran.

Kemudian diiringi dengan pemandangan manusia yang tidak bersyukur, pementing diri dan bakhil.

Kemudian diiringi pula dengan pemandangan kubur-kubur yang dibongkarkan dan dada-dada yang dikeluarkan isi kandungannya.

Dan pada akhirnya tamatlah kepulan-kepulan debu, tamatlah perangai tidak mengenang budi dan bakhil, tamatlah proses pembongkaran kubur dan pengumpulan manusia dan segala-galanya selesai dengan kembali kepada Allah:

إِنَّ رَبَّهُم بِهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّخَبِيرٌۢ ١١

"Sesungguhnya pada hari itu Tuhan mereka amat mengetahui keadaan mereka."(11)

Rentak nada dari kata-kata dalam surah ini kedengaran keras dan berdentam-dentum, sesuai dengan suasana gempar, hiruk-pikuk dan berdebu-debu yang ditimbulkan oleh kubur-kubur yang dibongkar dan dada-dada manusia yang dikeluarkan segala isinya dengan kuat, juga sesuai dengan suasana sikap yang tidak mengenang budi, mementingkan diri dan terlalu bakhil. Oleh sebab itu semua penceritaan ini memerlukan satu frem yang sesuai, maka Al-Qur'an memilih frem itu dari suasana gempar yang diselubungi kepulan-kepulan debu-debu yang dicetuskan oleh kuda-kuda yang berlari kencang dan mendengus-dengus keras sementara hentakan kakinya mengeluarkan api. Itulah angkatan berkuda yang melakukan serangan mendadak dilimun pagi. Ia merangsangkan kepulan-kepulan debu dan terus menggempur di tengah-tengah musuh tanpa menunggu-nunggu. Frem itu merupakan sebahagian dari pemandangan, dan pemandangan merupakan sebahagian dari frem.[1]

* * * * * *

---

[1] *Lihat bab* التناسق الفني *dalam buku* التصوير الفني في القرآن.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

وَٱلْعَٰدِيَٰتِ ضَبْحًا ﴿١﴾ فَٱلْمُورِيَٰتِ قَدْحًا ﴿٢﴾
فَٱلْمُغِيرَٰتِ صُبْحًا ﴿٣﴾ فَأَثَرْنَ بِهِۦ نَقْعًا ﴿٤﴾
فَوَسَطْنَ بِهِۦ جَمْعًا ﴿٥﴾

"Demi kuda-kuda perang yang berlari pantas dan mendengus kencang(1). Dan demi kuda-kuda perang yang hentakan kakinya mencetuskan api(2). Dan demi kuda-kuda perang yang menyerang di waktu pagi(3). Lalu menerbangkan debu berkepul-kepul(4). Dan dengan kepulan debu itu ia menyerbu ke tengah kumpulan musuh."(5)

Allah S.W.T. bersumpah dengan kuda-kuda perang dan menggambarkan pergerakan-pergerakannya satu demi satu bermula dari lariannya yang pantas dengan suara nafasnya yang mendengus kencang dan dengan hentakan tapak kakinya yang mengeluarkan bunga-bunga api, kemudian menggempur musuh dengan serangan kilat di waktu pagi dalam kepulan-kepulan debu menyebabkan barisan musuh kacau-bilau dan hiruk-pikuk. Itulah langkah-langkah pertempuran biasa yang lumrah dialami oleh orang-orang Arab yang mula-mula ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka. Persumpahan Allah dengan kuda-kuda perang dalam bentuk itu membayangkan betapa kasihnya Allah kepada gerakan dan kegiatan kuda-kuda perang itu dan betapa tinggi nilainya di sisi Allah.

Selain dari itu, di sana terdapat keselarasan di antara pemandangan kuda-kuda dengan pemandangan sifat-sifat jiwa yang dijadikan objek sumpah dan ulasan sebagaimana telah diterangkan sebelum ini. Yang menjadi objek sumpah Allah S.W.T. ialah hakikat jiwa manusia yang kosong dari dorongan-dorongan iman, iaitu satu hakikat yang dibangkitkan oleh Al-Qur'an untuk menyedarkan manusia agar ia mengerahkan seluruh azam dan kemahuannya menentang hakikat hati yang kosong itu, kerana Allah mengetahui hakikat itu mempunyai pertalian yang mendalam dalam hatinya dan mempunyai kesan amat kuat mempengaruhi entitinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 8)

إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لِرَبِّهِۦ لَكَنُودٌ ﴿٦﴾
وَإِنَّهُۥ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ﴿٧﴾
وَإِنَّهُۥ لِحُبِّ ٱلْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya manusia itu amat tidak bersyukur kepada ni'mat Tuhannya(6). Dan sesungguhnya manusia itu sendiri mengakui sikapnya yang sedemikian(7). Dan sesungguhnya manusia itu amat sayangkan harta kekayaan." (8)

Sifat manusia memang tidak mengingatkan ni'mat Allah yang melimpah ruah kepada mereka dan sifat ini terbayang jelas dalam segala gerak-geri dan tutur katanya.

Semuanya menjadi saksi yang mengakui hakikat ini, dan seolah-olah manusia sendiri mengakui hakikat ini, atau ia akan mengakui pada hari Qiamat bahawa dia memang tidak mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepadanya:

وَإِنَّهُۥ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ﴿٧﴾

"Dan sesungguhnya manusia itu sendiri mengakui sikapnya yang sedemikian."(7)

Ia mengakuinya pada Hari Qiamat, di mana ia harus bercakap benar tentang dirinya, kerana pada hati itu tiada ruang untuk berdolak-dalik.

وَإِنَّهُۥ لِحُبِّ ٱلْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٨﴾

"Dan sesungguhnya manusia itu amat sayangkan harta kekayaan."(8)

Tabi'at Sayangkan Harta Kekayaan

Manusia sangat sayangkan dirinya sendiri, kerana itu ia sayangkan harta kekayaannya iaitu dalam bentuk wang, kuasa dan ni'mat-ni'mat kesenangan hidup dunia. Inilah tabi'at semulajadi manusia selama hatinya tidak bersebati dengan keimanan yang dapat mengubahkan kefahaman-kefahamannya dan nilai-nilai hidupnya, neraca pertimbangannya dan minat-minat perhatiannya, di samping mengubahkan sifat hatinya yang mengingkari ni'mat Allah kepada sifat mengenang budi dan bersyukur kepada Allah, juga mengubahkan sifatnya yang bakhil dan mementingkan diri kepada sifat kasihan belas dan mementingkan kebajikan orang lain, dan seterusnya memperlihatkan kepadanya nilai-nilai yang hakiki yang wajar dicinta dan direbut, wajar diusaha dan diperjuangkan olehnya iaitu nilai-nilai iman yang lebih tinggi dari nilai-nilai harta benda, kuasa dan ni'mat hidup dunia yang bersifat hayawani.

Tanpa Iman Manusia Menjadi Kecil

Manusia tanpa iman adalah manusia yang kecil dan kerdil. Cita-citanya juga kecil dan kerdil. Tetapi biarpun setinggi mana cita-citanya dan matlamat hidupnya, namun ia tetap bergelimang dengan lumpur bumi, tetap terikat dengan batas umurnya dan tetap terpenjara dalam tubuhnya. Dia tidak akan bebas dan tidak akan terangkat tinggi melainkan apabila ia berhubung dengan alam ketuhanan yang lebih besar dari alam bumi, lebih jauh dari alam hidup dunia dan lebih luas dari alam diri, iaitu alam yang lahir dari Allah yang azali dan kembali kepada Allah yang abadi di mana kehidupan dunia berhubung dengan Akhirat tanpa akhir buat selama-lamanya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 11)

Kerana itu di dalam surah ini dikemukakan satu peringatan terakhir untuk mengubati penyakit-penyakit tidak mengenang budi, mementing diri dan bakhil, dan untuk meleburkan belenggu-belenggu yang mengikat jiwa manusia dan membebaskan mereka darinya di samping menayangkan pemandangan kebangkitan dari kubur dan berkumpul di Padang Mahsyar dengan satu gambaran yang membuat seseorang itu lupakan kesayangan terhadap harta kekayaannya dan menyedarkannya dari sifat-sifatnya yang angkuh dan sombong:

أَفَلَا يَعۡلَمُ إِذَا بُعۡثِرَ مَا فِي ٱلۡقُبُورِ ﴿٩﴾
وَحُصِّلَ مَا فِي ٱلصُّدُورِ ﴿١٠﴾

"Adakah ia tidak tahu apabila dibongkarkan isi kubur(9). Dan didedahkan segala isi dada."(10)

Itulah satu pemandangan yang ngeri dan mengharukan pemandangan kubur-kubur digelidah dan dibongkar dan pemandangan rahsia-rahsia manusia yang disembunyikan itu diragut keluar dari dada-dada mereka, semuanya berlaku dalam suasana yang keras, dahsyat dan penuh debu.

Apakah manusia tidak tahu apabila hal ini berlaku? Allah tidak menyebut apa yang manusia harus tahu, supaya apabila manusia itu sedar bahawa perkara ini akan berlaku, maka ini sudah cukup untuk mengharukan perasaannya, juga supaya manusia cuba mencari jawapan sendiri, meneroka sendiri dan memahami sendiri kesan-kesan dan akibat-akibat yang mengikuti pergerakan-pergerakan peristiwa-peristiwa yang dahsyat itu.

Kemudian pergerakan-pergerakan yang dahsyat itu ditamatkan dengan pernyataan kembalinya segala sesuatu, segala urusan dan segala kesudahan kepada Allah:

إِنَّ رَبَّهُم بِهِمۡ يَوۡمَئِذٖ لَّخَبِيرُۢ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya pada hari itu Tuhan mereka amat mengetahui keadaan mereka."(11)

Segala Sesuatu Kembali Kepada Allah

Segala sesuatu berakhir dengan kembalinya kepada Allah Yang Maha Mengetahui keadaan-keadaan dan rahsia-rahsia mereka pada Hari Qiamat itu. Memang Allah mengetahui keadaan manusia di setiap waktu, tetapi menyebut pengetahuan Allah yang khusus pada hari itu akan membawa kesan-kesan lebih menyedarkan manusia iaitu pengetahuan yang membayangkan di sebaliknya akibat yang buruk, Hisab dan Balasan dari Allah. Inilah pengertian yang tersirat di dalam ayat ini.

* * * * * *

Surah ini merupakan satu perjalanan pendek yang penat, sibuk dan kalut sehingga akhirnya, baik dari segi makna, kata-kata mahupun dari segi nada kata-kata mengikut cara pengungkapan Al-Qur'an.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-QARI'AH

SURAH KE

101

سُورَةُ القَارِعَة

SURAH AL-QARI'AH

Surah Qiamat Yang Menggemparkan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

11

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

ٱلْقَارِعَةُ ﴿١﴾ مَا ٱلْقَارِعَةُ ﴿٢﴾
وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا ٱلْقَارِعَةُ ﴿٣﴾
يَوْمَ يَكُونُ ٱلنَّاسُ كَٱلْفَرَاشِ ٱلْمَبْثُوثِ ﴿٤﴾
وَتَكُونُ ٱلْجِبَالُ كَٱلْعِهْنِ ٱلْمَنفُوشِ ﴿٥﴾
فَأَمَّا مَن ثَقُلَتْ مَوَٰزِينُهُۥ ﴿٦﴾
فَهُوَ فِى عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ ﴿٧﴾
وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ ﴿٨﴾ فَأُمُّهُۥ هَاوِيَةٌ ﴿٩﴾
وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا هِيَهْ ﴿١٠﴾ نَارٌ حَامِيَةٌۢ ﴿١١﴾

"Hari Qiamat yang amat menggemparkan(1). Apakah Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu?(2). Dan tahukah engkau apakah Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu?(3). Pada hari itu, manusia seperti kelkatu yang berkeliaran(4). Dan gunung-ganang (berterbangan) seperti bulu-bulu yang dibusarkan(5). Barang siapa yang berat timbangan amalannya(6). Maka ia (akan ditempatkan) dalam kehidupan yang senang-lenang di Syurga(7). Dan barangsiapa yang ringan timbangan amalannya(8). Maka tempat kembalinya ialah Neraka Hawiyah(9). Dan tahukah engkau apakah Neraka Hawiyah itu?(10). Itulah Neraka yang amat panas."(11).

Kata-kata القارعة bererti Hari Qiamat. Kata-kata itu sama dengan nama-nama Qiamat yang lain seperti:

الطّامّة ، الصّاخّة ، الحاقّة ، الغاشية

Kata-kata القارعة menyarankan makna ledakan yang menggemparkan dan menggentarkan hati dengan peristiwa-peristiwanya yang dahsyat.

Keseluruhan surah ini memperkatakan tentang hakikat Hari Qiamat, peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalamnya dan kesudahannya. Ia menayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Hari Qiamat.

Pemandangan yang ditayangkan di sini ialah pemandangan huru-hara dan kemusnahan yang berlaku kepada manusia dan gunung-ganang. Pada hari itu, umat manusia kelihatan seolah-olah makhluk-makhluk yang amat kecil walaupun mereka ramai:

كَٱلْفَرَاشِ ٱلْمَبْثُوثِ ﴿٤﴾

"Seperti kelkatu yang berkeliaran"(4)

yang berterbangan simpang-siur menuju kebinasaan. Ia terbang tanpa arah dan tanpa matlamat. Pada hari itu juga, gunung-ganang yang kelihatan kukuh dan gagah menjadi seperti bulu-bulu yang dibusarkan, berterbangan dilontar-lontar dan dipermain-mainkan angin. Ia memberi gambaran yang seimbang apabila Hari Qiamat itu dinamakan dengan القارعة iaitu satu kata-kata dimana lafaznya, bunyinya serta semua hurufnya turut serta memberi bayangan yang selaras dengan kesan-kesan Qiamat yang berlaku kepada manusia dan gunung-ganang dan menyampaikan saranan-saranannya kepada hati dan perasaan manusia sebagai persediaan untuk menayangkan babak Hisab dan Balasan di akhir pemandangan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

ٱلْقَارِعَةُ ﴿١﴾ مَا ٱلْقَارِعَةُ ﴿٢﴾
وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا ٱلْقَارِعَةُ ﴿٣﴾

"Hari Qiamat yang amat menggemparkan(1). Apakah Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu?(2). Dan tahukah engkau apakah Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu?"(3)

Surah ini dimulakan dengan sepatah kata yang seolah-olah seperti sebiji bom:

ٱلْقَارِعَةُ ﴿١﴾

"Hari Qiamat yang amat menggemparkan."(1)

Ia disebut menunggal tanpa sebarang penerangan, kerana nada kata-kata itu sendiri sudah cukup menyampaikan saranan-saranannya yang mengerikan. Kemudian disusul dengan pertanyaan yang menggerunkan:

مَا ٱلْقَارِعَةُ ﴿٢﴾

"Apakah Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu?"(2)

Kerana Hari Qiamat merupakan suatu peristiwa yang menakutkan dan tidak jelas, yang menimbulkan tanda tanya.

Kemudian pertanyaan itu dijawab dengan sebuah pertanyaan yang membayangkan kejahilan (pendengarnya):

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا ٱلْقَارِعَةُ ﴿٣﴾

"Dan tahukah engkau apakah Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu?"(3)

Kerana Hari Qiamat merupakan satu peristiwa yang sukar dimengerti dan difahami.

Kemudian barulah dijawab dengan menceritakan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada hari itu. Ia tidak menjawab dengan menerangkan hakikat Hari Qiamat itu sendiri, kerana hakikatnya merupakan sesuatu yang di luar tanggapan manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 11)

يَوْمَ يَكُونُ ٱلنَّاسُ كَٱلْفَرَاشِ ٱلْمَبْثُوثِ ﴿٤﴾
وَتَكُونُ ٱلْجِبَالُ كَٱلْعِهْنِ ٱلْمَنفُوشِ ﴿٥﴾

"Pada hari itu, manusia seperti kelkatu yang berkeliaran(4). Dan gunung-ganang (berterbangan) seperti bulu-bulu yang dibusarkan."(5)

Inilah pemandangan pertama bagi Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu iaitu pemandangan yang menggoncangkan hati dan menggigilkan segenap sendi. Setiap pendengar merasa segala sesuatu yang tercacak kukuh di bumi hancur lebur menjadi debu-debu yang berterbangan. Kemudian tibalah babak akhir seluruh manusia di hari itu:

فَأَمَّا مَن ثَقُلَتْ مَوَٰزِينُهُۥ ﴿٦﴾
فَهُوَ فِى عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ ﴿٧﴾
وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ ﴿٨﴾ فَأُمُّهُۥ هَاوِيَةٌ ﴿٩﴾
وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا هِيَهْ ﴿١٠﴾ نَارٌ حَامِيَةٌۢ ﴿١١﴾

"Setelah itu, barangsiapa yang berat timbangan amalannya(6). Maka ia (akan ditempatkan) dalam kehidupan yang senang-lenang di Syurga(7). Dan barang siapa yang ringan timbangan amalannya(8). Maka tempat kembalinya ialah Neraka Hawiyah(9). Dan tahukah engkau, apakah Neraka Hawiyah itu?(10). Itulah Neraka yang amat panas."(11)

Yang Berat Timbangan Amalannya Kembali Ke Syurga

Berat ringan timbangan amalan itu menyarunkan adanya amalan-amalan yang bernilai dan dihargai Allah, dan adanya amalan-amalan yang tidak bernilai dan tidak dihargai Allah. Inilah keseluruhan yang dapat difaham dari ungkapan ayat ini. Inilah – Wallahu a'lam - yang dimaksudkan Allah dengan firman-Nya itu. Percubaan menceburkan diri dalam perdebatan-perdebatan 'aqliyah dan lafziyah mengenai maksud-maksud dari ungkapan ayat itu merupaan satu perbuatan biadab terhadap Al-Qur'an, di samping merupakan satu usaha sia-sia yang didorong oleh kekosongan hidup, yang menghalangi seseorang dari memberi perhatian yang sebenar terhadap Al-Qur'an dan Islam.

فَأَمَّا مَن ثَقُلَتْ مَوَٰزِينُهُۥ ﴿٦﴾

"Barang siapa yang berat timbangan amalannya."(6)

Yakni menurut pertimbangan dan penilaian Allah.

فَهُوَ فِى عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ ﴿٧﴾

"Maka ia (akan ditempatkan) dalam kehidupan yang senang-lenang di Syurga."(7)

Yang Ringan Timbangannya Kembali Kepada Ibunya Neraka

Kenyataan ini ditinggalkan begitu sahaja tanpa penjelasan, dan ini menimbulkan dalam hati suasana-suasana puas hati, dan itulah kemuncak keni'matan.

وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ ﴿٨﴾

"Dan barang siapa yang ringan timbangan amalannya."(8)

Yakni menurut pertimbangan dan penilaian Allah.

فَأُمُّهُۥ هَاوِيَةٌ ﴿٩﴾

"Maka tempat kembalinya ialah Neraka Hawiyah."(9)

Makna asal أم ialah "ibu". Si ibu ialah tempat kanak-kanak kembali mencari perlindungan, sedangkan ibu tempat kembali bagi orang-orang yang ringan timbangan amalannya untuk mencari perlindungan pada hari itu ialah Neraka Hawiyah. Pengungkapan ini sangat indah dan memberi imbangan makna yang khusus. Ia juga merupakan satu kenyataan yang tidak jelas sebagai persediaan untuk diiringi dengan penjelasan yang menjadikan kesan kenyataan itu bertambah mendalam lagi:

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا هِيَهْ ﴿١٠﴾

"Dan tahukah engkau apakah Neraka Hawiyah itu?"(10)

Satu pertanyaan yang menyaranan kejahilan (pendengarnya) untuk menggerunkan. Ini suatu gaya bahasa yang lumrah dalam Al-Qur'an untuk mengeluarkan sesuatu persoalan dari batas kefahaman dan tanggapan manusia.

Kemudian dijawab dengan nada penamat kata:

نَارٌ حَامِيَةٌ ﴿١١﴾

"Itulah Neraka yang amat panas.(11)

Itulah ibu tempat kembalinya orang-orang yang ringan timbangan amalan mereka untuk mencari perlindungan. Biasanya, pada ibulah terdapat keamanan dan ketenangan, tetapi malangnya orang-orang ini mendapat pada ibunya Neraka yang amat panas. Ini adalah suatu ungkapan yang menimbulkan rasa terkejut yang membayangkan hakikat yang kejam.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AT-TAKATHUR

سُورَةُ التَّكَاثُرِ

SURAH KE

102

SURAH AT-TAKATHUR

Surah Perlumbaan Membanyakkan Kekayaan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

8

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

أَلْهَىٰكُمُ ٱلتَّكَاثُرُ ﴿١﴾ حَتَّىٰ زُرْتُمُ ٱلْمَقَابِرَ ﴿٢﴾
كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣﴾ ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾
كَلَّا لَوْ تَعْلَمُونَ عِلْمَ ٱلْيَقِينِ ﴿٥﴾
لَتَرَوُنَّ ٱلْجَحِيمَ ﴿٦﴾ ثُمَّ لَتَرَوُنَّهَا عَيْنَ ٱلْيَقِينِ ﴿٧﴾
ثُمَّ لَتُسْـَٔلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٨﴾

"Kamu telah dilekakan oleh pertandingan memperbanyakkan harta kekayaan(1). Sehingga kamu mengunjungi kubur-kubur(2). Tidak sekali-kali begitu, kelak kamu akan mengetahui(3). Kemudian tidak sekali-kali begitu, kelak kamu akan mengetahui(4).Tidak sekali-kali begitu, kerana jika kamu mengetahui dengan ilmu yang yakin(5). Sesungguhnya kamu tetap akan melihat Neraka Jahim(6). Kemudian sesungguhnya kamu tetap akan melihatnya dengan penglihatan yang yakin(7). Kemudian sesungguhnya pada hari itu, kamu akan ditanya tentang segala ni'mat yang telah dini'mati kamu."(8).

Surah ini mempunyai nada yang hebat, menggerun dan mendalam seolah-olah satu suara dari seorang pemberi amaran yang berdiri di suatu tempat yang tinggi dan berseru dengan suara yang kuat dan lantang. Ia menggerakkan manusia-manusia yang lalai, yang mabuk dalam kesenangan dan yang leka dalam kekeliruan yang sedang menghampiri gaung kebinasaan, sedangkan mata mereka tertutup, pancaindera mereka terpesona dan terpukau. Ia menyeru mereka dengan selantang-lantang suaranya:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 8)

أَلْهَىٰكُمُ ٱلتَّكَاثُرُ ﴿١﴾ حَتَّىٰ زُرْتُمُ ٱلْمَقَابِرَ ﴿٢﴾

"Kamu telah dilekakan oleh pertandingan memperbanyakkan harta kekayaan(1). Sehingga kamu mengunjungi kubur-kubur."(2)

Perlumbaan Yang Melekakan Manusia

Wahai orang-orang yang leka dalam kekeliruan dan yang mabuk dalam kesenangan! Wahai orang-orang yang lalai, yang asyik berlumba-lumba membanyakkan harta kekayaan, anak-pinak dan keni'matan dunia, sedangkan kamu sekalian lambat-laun akan berpisah dengan kekayaan itu! Wahai orang-orang tertipu dengan keni'matan-keni'matan hidup hingga lupakan apa yang akan berlaku selepasnya! Wahai orang-orang yang akan meninggal semua harta kekayaan dan kesenangan yang menjadi sasaran perlumbaan dan kebanggaan menuju ke lubang kubur yang sempit di mana tiada ruang lagi untuk berlumba-lumba dan bermegah-megah, sedarlah dan insaflah sesungguhnya:

أَلْهَىٰكُمُ ٱلتَّكَاثُرُ ﴿١﴾ حَتَّىٰ زُرْتُمُ ٱلْمَقَابِرَ ﴿٢﴾

"Kamu telah dilekakan oleh pertandingan memperbanyakkan harta kekayaan(1). Sehingga kamu mengunjungi kubur-kubur."(2)

Kemudian Allah mengetuk pintu hati mereka untuk menyampaikan berita-berita dahsyat yang menunggu mereka selepas mereka mengunjungi kubur dengan nada pernyataan yang mendalam dan tenang:

كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣﴾

"Tidak sekali-kali begitu, kelak kamu akan mengetahui."(3)

Kemudian pernyataan diulangi lagi dengan lafaz dan bunyinya yang menggerunkan:

ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾

"Kemudian tidak sekali-kali begitu, kelak kamu akan mengetahui."(4)

Kemudian amaran itu ditegaskan semakin mendalam dan semakin hebat membayangkan perkara dahsyat yang akan berlaku kepada mereka, sedangkan mereka tidak menyedari hakikat yang dahsyat itu di sa'at-sa'at mereka mabuk dalam kesenangan dan asyik dalam perlumbaan membanyakkan harta kekayaan:

كَلَّا لَوْ تَعْلَمُونَ عِلْمَ ٱلْيَقِينِ ﴿٥﴾

"Tidak sekali-kali begitu, kerana jika kamu mengetahui dengan ilmu yang yakin."(5)

Kemudian Dia mendedahkan hakikat dahsyat yang tersembunyi itu:

لَتَرَوُنَّ ٱلْجَحِيمَ ﴿٦﴾

"Sesunguhnya kamu tetap akan melihat Neraka Jahim."(6)

Kemudian hakikat itu ditekan dan diperdalamkan lagi keberkesanannya dalam hati manusia:

ثُمَّ لَتَرَوُنَّهَا عَيْنَ ٱلْيَقِينِ ۝٧

"Kemudian sesungguhnya kamu tetap akan melihatkannya dengan penglihatan yang yakin."(7)

Kemudian Dia menyampaikan pernyataan akhir yang membuat simabuk siuman, silalai sedar dan sileka memberi perhatian dan orang yang sedang berpoya-poya dalam keni'matan menggelentar dengan ni'mat-ni'mat yang ada di dalam tangannya.

ثُمَّ لَتُسْـَٔلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ ٱلنَّعِيمِ ۝٨

"Kemudian sesungguhnya pada hari itu, kamu akan ditanya tentang segala ni'mat yang telah dini'mati kamu."(8)

Kamu akan ditanya tentang segala ni'mat itu, dari mana kamu dapat? Dan ke manakah pula kamu belanjakannya? Adakah kamu mendapat ni'mat-ni'mat itu dari kerja keta'atan dan kamu belanjakan ke jalan keta'atan? Adakah kamu mendapat ni'mat-ni'mat itu dari kerja-kerja maksiat dan kamu belanjakannya ke jalan maksiat? Adakah kamu memperolehi ni'mat itu dari pencarian yang halal dan membelanjakannya ke jalan yang halal? Atau kamu memperolehinya dari pencarian yang haram dan kamu belanjakan pula ke jalan yang haram? Adakah kamu bersyukur kepada Allah terhadap ni'mat itu? Adakah kamu tunaikan zakatnya? Adakah kamu membahagi-bahagikan ni'mat itu kepada orang lain atau kamu bolotkan ni'mat itu untuk diri kamu sahaja?

لَتُسْـَٔلُنَّ

"Kamu akan ditanya."(8)

Segala Punca Pendapatan Dan Perbelanjaan Akan Ditanya

Kamu akan ditanya tentang kegiatan-kegiatan hidup kamu yang berlumba-lumba membanyakkan harta kekayaan dan bermegah-megah dengannya. Itulah tanggungawab yang dipandang ringan oleh kamu di sa'at-sa'at kamu sedang leka dalam ni'mat kesenangan, tetapi akibatnya kamu akan menanggung duka nestapa yang amat berat.

* * * * * *

Keni'matan Hidup Dunia Hanya Babak Sekilas

Surah ini merupakan satu surah yang amat jelas maksudnya. Ia menyampaikan maksud-maksudnya secara langsung ke dalam hati manusia dan menjadikan mereka memberi perhatian yang berat kepada Akhirat dan mengenepikan keni'matan-keni'matan dunia yang remeh dan ni'mat-ni'mat kesukaan yang kecil, yang menjadi kegemaran orang-orang yang berjiwa kosong.

Surah ini menggambarkan keni'matan hidup dunia sebagai satu tayangan babak sekilas dalam sebuah filem yang panjang:

أَلْهَىٰكُمُ ٱلتَّكَاثُرُ ۝١ حَتَّىٰ زُرْتُمُ ٱلْمَقَابِرَ ۝٢

"Kamu telah dilekakan oleh pertandingan memperbanyakkan harta kekayaan(1). Sehingga kamu mengunjungi kubur-kubur."(2)

Kemudian kehidupan dunia yang sekilas itu berakhir dan menutup lembaran yang pendek. Dan selepas itu zaman terus melanjut bersama bebanan-bebanannya yang bertambah berat. Saranan-saranan ini disampaikan oleh pengungkapan ayat sendiri dan ini menjadikan hakikat yang dibicarakan itu selaras dengan susunan ungkapan yang unik itu.

Sebaik sahaja seorang itu membaca surah yang hebat, mendalam dan menggerunkan ini, yang mula-mulanya menjulang naik dengan nadanya yang lantang ke angkasa dan kemudian menjunam turun dengan nadanya yang tenang ke dalam lubuk hati, ia akan merasa betapa beratnya tanggungjawab hidup yang dihayatinya sebentar di dunia ini, kemudian ia memikul tanggungjawab yang berat itu dalam perjalanannya, kemudian di sanalah ia akan menghisabkan dirinya sendiri terhadap segala ni'mat yang dini'matinya sehingga sekecil-kecilnya.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-'ASR

SURAH KE **103**

سورة العصر

SURAH AL-'ASR

Surah Masa

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **3**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَالْعَصْرِ ۝١ إِنَّ الْإِنسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝٢

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا

بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝٣

"Demi masa(1). Sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian(2). Kecuali orang yang beriman dan melakukan amalan yang soleh serta saling berpesan supaya menjunjung agama yang benar dan saling berpesan supaya bersikap sabar."(3).

Di dalam surah yang kecil, yang mengandungi tiga ayat ini, tergambar satu peraturan hidup yang sempurna bagi manusia sebagaimana yang dikehendaki Islam. Ia menonjolkan sifat-sifat pokok kefahaman keimanan serta hakikatnya yang agung dan syumul dengan satu gambaran yang begitu jelas dan halus. Ia meletakkan seluruh perlembagaan Islam di dalam beberapa ungkapan yang pendek, dan mensifatkan hakikat dan fungsi umat Islam hanya dalam satu ayat sahaja iaitu ayat yang ketiga dari surah ini. Inilah pengungkapan yang mengkagumkan yang hanya dapat dilakukan oleh Allah 'Azzawajalla sahaja.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

Hakikat agung yang dikemukakan oleh keseluruhan surah ini ialah:

Biarpun sepanjang mana waktu di seluruh zaman dan di sepanjang mana kelangsungan hidup manusia di setiap masa, namun di sana hanya ada satu cara dan satu jalan hidup sahaja yang membawa keuntungan dan keselamatan. Itulah cara dan jalan hidup yang telah dijelaskan sempadan-sempadan dan batu-batu tandanya di dalam surah ini. Selain dari cara hidup ini adalah sia-sia dan rugi belaka.

وَالْعَصْرِ ۝١ إِنَّ الْإِنسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝٢

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا

بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝٣

"Demi masa(1). Sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian(2). Kecuali orang yang beriman dan melakukan amalan yang soleh serta saling berpesan supaya menjunjung agama yang benar dan saling berpesan supaya bersikap sabar."(3)

Itulah keimanan, amalan yang soleh, saling berpesan menjunjung agama yang benar dan saling berpesan supaya bersikap sabar.

Apakah iman itu?

Keimanan Dan Nilainya Dalam Kehidupan Manusia

Kami tidak bermaksud menta'rifkan iman di sini dengan ta'rif ilmu fekah, tetapi kami mahu memperkatakan tentang tabi'at iman dan nilainya dalam kehidupan manusia.

Keimanan ialah hubungan makhluk manusia yang bersifat fana, kerdil dan terbatas dengan Allah yang bersifat mutlak, azali, kekal dan menjadi sumber yang melahirkan segala yang wujud, juga hubungannya dengan alam yang lahir dari Allah dan hubungannya dengan undang-undang yang mengendalikan perjalanan alam ini, juga hubungannya dengan tenaga-tenaga alam yang tersimpan di alam ini. Titik tolak di sini ialah dari perbatasan diri manusia yang kerdil kepada ruang alam yang amat luas, dan dari batas-batas kekuatannya yang lemah kepada kebesaran tenaga-tenaga alam yang majhul, dan dari batas-batas umurnya yang pendek kepada kelanjutan abad-abad yang hanya Allah sahaja yang mengetahuinya.[1]

Hubungan seperti ini selain memberi kekuatan, kesinambungan dan kebebasan kepada manusia ia juga memberikan keni'matan hidup kepada mereka dengan segala keindahan alam dan dengan anekaragam makhluk, di mana roh-roh makhluk ini menjalin hubungan saling mesra dengan rohnya, sehingga hidup ini dirasakan seolah-olah satu perkelahan melihat temasya-temasya Ilahi yang dipamerkan kepada manusia di setiap tempat dan di setiap waktu. Hubungan ini merupakan suatu kebahagiaan yang tinggi dan kegembiraan yang melimpah, di samping merupakan suatu kemesraan terhadap hidup dan terhadap alam buana sama seperti kemesraan kekasih terhadap kekasih. Ini adalah suatu keuntungan yang tidak dapat

---

[1] *Dipetik dari kitab* السلام العالمي والإسلام *bab* العقيدة والحياة.

dibandingkan dengan keuntungan-keuntungan yang lain, dan kehilangannya merupakan suatu kerugian yang tidak dapat dibandingkan dengan kerugian-kerugian yang lain.

Asas-asas Keimanan

Kemudian asas-asas keimanan itu sendiri merupakan asas-asas kemanusiaan yang luhur. Menyembah Allah Yang Tunggal membebaskan manusia dari perhambaan kepada yang lain dari Allah dan menegakkan dalam jiwanya kesedaran berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan sesama manusia. Kerana itu ia tidak menghinakan dirinya kepada seseorang yang lain dan tidak tunduk melainkan kepada Allah Yang Maha Kuasa. Dari sinilah lahirnya kebebasan hakiki bagi manusia, iaitu kebebasan yang terbit dari hati nurani dan dari kefahaman terhadap hakikat yang berlaku di alam iaitu tiada kekuasaan melainkan kekuasaan Allah Yang Tunggal dan tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah Yang Tunggal. Pembebasan diri ini adalah terbit dengan sendirinya dari kefahaman ini, kerana ia merupakan satu-satunya kesimpulan yang logik.

Ciri Rabbaniyah (yang menjadi teras keimanan) itulah yang menentukan arah dari mana manusia harus menerima kefahaman-kefahamannya, nilai-nilainya, ukuran-ukurannya, pertimbangan-pertimbangannya, syari'at-syari'atnya, undang-undangnya dan segala peraturan yang mengikatkannya dengan Allah atau dengan alam atau dengan manusia. Dengan itu kehidupan manusia terhindar dari kongkongan hawa nafsu dan kepentingan, dan tempat kedua-duanya digantikan dengan syari'at dan keadilan. Ciri Rabbaniyah itu juga yang meningkatkan rasa bangga seseorang Mu'min terhadap nilai agamanya dan memandang rendah kepada kefahaman-kefahaman jahiliyah, nilai-nilainya dan pertimbangan-pertimbangannya, juga memandang rendah kepada nilai-nilai yang diambil dari perhubungan-perhubungan kebumian walaupun dia sebatang karah, kerana ia menghadapi nilai-nilai itu dengan kefahaman-kefahaman dan nilai-nilai yang diambil secara langsung dari Allah yang sudah tentu lebih unggul, lebih kuat dan lebih utama diikuti dan dihormati.[2]

Hubungan yang jelas di antara Khaliq dan makhluk, dan perbezaan yang nyata di antara martabat Uluhiyah dan martabat Ubudiyah dapat menghubungkan manusia yang fana dengan Allah Yang Kekal itu dengan hubungan yang lurus tanpa kerumitan dan tanpa memerlukan perantaraan. Hubungan yang jelas itu juga memberi nur di dalam hati, memberi ketenteraman kepada roh dan memberi kemesraan dan kepercayaan kepada jiwa, di samping menyingkirkan keraguan, ketakutan, kecemasan dan kegelisahan serta menghapuskan perasaan takbur dan sombong terhadap sesama makhluk dengan dakwaan-dakwaan yang palsu.

Juga sikap yang jujur mematuhi cara hidup yang dikehendaki Allah. Kerana itu sesuatu perbuatan yang baik bukanlah lahir secara kebetulan, dan bukanlah hasil dari keinginan yang tiba-tiba, dan bukanlah sesuatu yang dilakukan sekali sekala sahaja, malah sesuatu perbuatan yang baik itu adalah lahir dari motif-motif tertentu dan menuju kepada matlamat yang tertentu di mana semua individu yang berjuang kerana Allah bekerjasama memper-tahankannya. Dengan itu terbentuklah kelompok Muslimin yang mempunyai satu matlamat dan satu panji-panji itu, dan mereka akan bekerjasama dan berpadu sebagaimana yang dilakukan oleh generasi-generasi Islam yang silih berganti yang berpegang kukuh dengan agama ini.

Anggapan bahawa manusia itu mulia di sisi Allah meninggikan pandangan manusia terhadap dirinya sendiri, menimbulkan dalam hati nuraninya perasaan segan dan malu untuk menjatuhkan dirinya dari martabat luhur yang diangkatkan Allah itu. Tanggapan manusia itu mulia di sisi Allah merupakan satu tanggapan yang paling tinggi terhadap dirinya. Setiap aliran dan setiap kefahaman yang merendahkan darjat manusia pada pandangannya sendiri atau memulangkan asalnya kepada asal-usul yang hina yang memutuskan hubungannya dengan alam al-Mala'ul-A'la merupakan suatu persepsi atau aliran kefahaman yang menyeru manusia kepada menjatuh dan merendahkan diri sendiri, walaupun ini tidak dinyatakannya secara terus terang.

Dari sinilah saranan-saranan dari aliran-aliran Darwinisme, Freudisme dan Marxisme mengenai manusia merupakan saranan-saranan yang paling keji yang menimpa fitrah manusia dan kepimpinan manusia. Pendapat-pendapat itu menyarankan kepada manusia bahawa setiap kerendahan, kehinaan dan kekotoran (pada budi pekerti mereka) adalah perkara biasa yang memang diduga dan dijangka, tiada suatu yang menganehkan dan tiada suatu yang patut dimalukan. Saranan ini adalah suatu jenayah terhadap manusia yang patut dicela dan dikecamkan.[3]

Kebersihan perasaan-perasaan adalah hasil secara langsung dari kesedaran manusia terhadap kemuliaan dirinya di sisi Allah, dan dari kesedarannya terhadap pengawasan Allah ke atas dhamir dan hati manusia. Seseorang yang normal yang tidak dirosakkan oleh saranan-saranan Freud, Karl Marx dan sebagainya akan merasa malu andainya ada orang yang mengetahui keburukan-keburukan hati dan perasaannya. Seseorang Mu'min yang merasa dirinya

2 *Lihat tafsir Surah 'Abasa.*

3 *Lihat buku* الإنسان بين المادية والإسلام *oleh Muhammad Qutb.*

sedang dilihat Allah akan menggelentar, kerana itu lebih wajar baginya membersihkan dirinya.

Deria atau kesedaran akhlak merupakan hasil yang tabi'i dan pasti dari keimanan kepada Allah, Yang Maha Adil, Maha Penyayang, Maha Pengampun, Maha Pemurah, Maha Pengasih dan Maha Sabar, iaitu Tuhan yang bencikan kejahatan dan cintakan kebaikan dan Tuhan Yang Mengetahui jelingan mata yang tidak jujur dan rahsia-rahsia yang tersimpan di dalam dada.

Di sana terdapat tanggungjawab sebagai hasil dari kebebasan kemahuan dan pengawasan Allah yang ketat. Tanggungjawab itu menimbulkan kesedaran, rasa sensitif, sikap yang bijaksana dan hati-hati. Ia bukan sahaja merupakan tanggungjawab perseorangan, malah ia juga merupakan tanggungjawab secara kelompok, tanggungjawab terhadap kebaikan itu sendiri, tanggungjawab terhadap manusia seluruhnya di hadapan Allah. Apabila seseorang Mu'min itu bertindak, ia akan merasa seluruh tanggungjawab itu, ia akan menilai hasil setiap langkahnya sebelum ia menghayunkan kakinya. Ia sedar bahawa dia adalah makhluk yang mempunyai nilai di alam ini dan mempunyai tanggungjawab dalam sistem alam ini.

Saranan-saranan Keimanan

Di antara saranan keimanan lagi ialah menjauhi sikap tamak haloba terhadap keni'matan-keni'matan hidup dunia yang fana dan memilih balasan-balasan yang tersedia di sisi Allah yang lebih baik dan kekal. Firman Allah 'Azzawajalla:

وَفِي ذَٰلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ الْمُتَنَافِسُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan untuk mendapatkan ni'mat yang sedemikian, maka hendaklah mereka berlumba-lumba (membuat amalan yang soleh)."

(Surah al-Mutaffifin: 26)

Perlumbaan untuk merebut balasan-balasan yang disediakan Allah boleh meninggi dan membersihkan jiwa seseorang, dan ini, dibantu pula oleh wujudnya ruang pergerakan yang luas, yang dini'mati oleh seorang Mu'min, iaitu pergerakan di antara dunia dan Akhirat, di antara bumi dan alam al-Mala'ul-A'la, dan semuanya ini boleh mententeramkan kegelisahannya untuk mendapat hasil yang segera. Justeru itu ia mengerjakan kebaikan, kerana perbuatan itu baik dan kerana Allah sukakan kebaikan, dan dia tidak merasa apa-apa andainya perbuatan yang baik, itu tidak menghasilkan kebaikan di hadapan matanya dan dalam umur hidupnya yang terbatas, sebab Allah yang kerana-Nya ia mengerjakan kebaikan itu tidak mati dan tidak pula lupakan sedikit pun perbuatannya yang baik itu. Bumi bukannya negeri balasan, dan hidup di dunia bukannya stesyen pengembaraan. Dari sumber inilah seseorang Mu'min itu mengambil bekalan daya qudrat untuk terus mengerjakan kebaikan. Dan inilah sumber yang menjadikan amalan mengerjakan kebaikan itu suatu cara hidup yang bersambung-sambung, bukannya hasil dari keinginan yang timbul mendadak dan bukan pula suatu hasil yang tunggal yang tidak bersambung. Inilah sumber yang membekalkan tenaga raksasa kepada seseorang Mu'min untuk menentang kejahatan, sama ada berupa pemerintahan yang zalim atau berupa tekanan dari pandangan-pandangan jahiliyah atau berupa tekanan keinginan-keinginan hawa nafsunya sendiri terhadap kemahuannya.

Tekanan ini adalah terbit dari perasaan dan kesedaran seseorang bahawa umurnya begitu pendek untuk menghabiskan keni'matan-keni'matan hidupnya dan mencapaikan cita-citanya, juga kesedarannya terhadap kelemahannya untuk melihat hasil kebaikan yang jauh, dan untuk melihat kemenangan kebenaran di atas kebatilan. Di sinilah keimanan bekerja mengubati perasaan-perasaan itu dengan pengubatan asasi yang sempurna.

Keimanan Punca Segala Kegiatan Hidup Yang Baik

Iman itulah punca hidup yang agung. Dari punca inilah lahirnya segala cabang kebaikan, dan dengan punca inilah bergantungnya segala hasil kebaikan. Tanpa iman, cabang kebaikan merupakan satu cabang yang terputus dari pokoknya, yang akan terus layu dan kering. Dan tanpa iman, hasil kebaikan itu merupakan satu hasil dari syaitan yang tidak lanjut dan kekal,

Iman itulah paksi yang menarik ke arahnya semua tali-tali hidup yang luhur. Tanpa iman, tali-tali itu akan terlepas, terurai dan bersimpang-siur bersama hawa nafsu.

Iman itu satu sistem yang mengumpul berbagai-bagai kegiatan dan amalan-amalan dan mengembalikannya kepada satu sistem, di mana kegiatan-kegiatan itu menjadi selaras, saling bantu membantu dan menuju ke satu jalan dan bergerak dengan satu harakat yang mempunyai satu motif dan satu matlamat yang tertentu.

Amalan Yang Tidak Berlandaskan Keimanan Adalah Disia-siakan Allah

Kerana itulah Al-Qur'an mensia-siakan nilai segala amalan yang tidak berasal dari punca iman dan tidak terikat kepada paksi iman. Pandangan Islam dalam perkara ini amat jelas. Firman Allah 'Azzawajalla di dalam Surah Ibrahim:

مَّثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ ۖ أَعْمَالُهُمْ كَرَمَادٍ اشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ ۖ لَّا يَقْدِرُونَ مِمَّا كَسَبُوا عَلَىٰ شَيْءٍ

"Bandingan amalan orang-orang yang kafir terhadap tuhan mereka sama seperti abu yang ditiup angin pada hari ribut yang kencang. Mereka tidak dapat mengambil faedah sesuatu apa dari amalan-amalan yang mereka usahakannya."(18)

(Surah Ibrahim)

Firman-Nya lagi di dalam Surah an-Nur:

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَعۡمَٰلُهُمۡ كَسَرَابِۭ بِقِيعَةٖ يَحۡسَبُهُ ٱلظَّمۡـَٔانُ مَآءً حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَهُۥ لَمۡ يَجِدۡهُ شَيۡـٔٗا

"Dan orang-orang yang kafir, amalan-amalan mereka adalah sama seperti fatamorgana di padang datar, di mana si dahaga menyangkakannya air, tetapi apabila ia datang ke tempat itu, ia tidak dapati air sedikitpun."(39)

(Surah an-Nur)

Ini adalah nas-nas yang jelas yang menunjukkan seluruh amalan itu adalah sia-sia dan tidak berharga selama ia tidak bersandar kepada iman, kerana iman itulah yang membuat amalan itu mempunyai motif yang bersambung dengan Allah dan mempunyai matlamat yang sesuai dengan matlamat kewujudannya di alam ini. Inilah pandangan 'aqidah Islam yang logikal yang mengembalikan segala sesuatu kepada Allah. Sesiapa yang putus hubungan dengan Allah bererti ia terputus dan hilang hakikat maknanya. [4]

Iman adalah bukti kesihatan fitrah manusia dan kesempurnaan kejadiannya, juga bukti keseimbangannya dengan fitrah alam seluruhnya dan bukti adanya hubungan timbal balik di antara manusia dengan alam sekelilingnya. Oleh kerana ia hidup di alam ini dengan entitinya yang sihat, maka sudah tentu akan terjalin hubungan timbal balik di antaranya dengan alam buana di sekeliling, dan hubungan ini pada akhirnya pasti membawa manusia kepada iman, kerana alam itu sendiri mengandungi dalil-dalil dan saranan-saranan yang menunjukkan bahawa kekuasaan Allah yang mutlak itulah yang menciptakan alam ini dengan peraturan yang rapi. Sebaliknya apabila hubungan timbal balik itu tidak wujud abu rosak, maka itulah bukti adanya kerosakan sistem penerimaan pada entiti manusia, dan itulah tanda kerosakan yang akan membawa kepada kerugian, kerana kerosakan ini menyebabkan amalan-amalannya tidak sah walaupun pada zahirnya nampak baik.

Alam orang yang beriman itu begitu luas, syumul, tinggi, indah dan bahagia sehingga alam-alam orang-orang yang bukan Mu'min kelihatan begitu kecil, kerdil, rendah, buruk, celaka dan rugi serugi-ruginya.

* * * * * *

Amalan yang soleh itu merupakan buah yang tabi'i dari iman, juga merupakan gerakan automatis yang bermula pada sa'at bertapaknya hakikat iman di dalam hati manusia. Kerana itu iman merupakan satu hakikat positif yang dinamis. Sebaik sahaja ia bertapak dalam hati manusia ia terus bergerak menonjolkan zatnya keluar dalam bentuk amalan yang soleh. Inilah iman di dalam Islam. Ia tidak mungkin tinggal beku tanpa bergerak, tidak mungkin tinggal tersembunyi tanpa menjelma dalam satu bentuk harakat yang hidup di luar tubuh seorang Mu'min. Andainya iman itu tidak bergerak secara tabi'i seperti ini, maka ia adalah suatu iman yang palsu atau suatu iman yang mati. Ia sama dengan bunga yang tidak berbau, sedangkan bau itu harus tercetus dari bunga itu secara tabi'i, jika tidak, maka bau itu tidak wujud.

Di sinilah letaknya nilai iman, iaitu iman adalah gerakan, tindakan, amalan, pembinaan dan pembangunan yang bertawajjuh kepada Allah. Iman bukannya gerakan introversif atau menarik diri, bukannya bersifat negatif, bukannya penyorokan diri dalam isi dada dan bukannya semata-mata niat-niat baik yang tidak menjelma dalam gerakan dan tindakan. Inilah sifat utama Islam dan sifat inilah yang menjadikan Islam suatu kekuatan pembangunan yang amat besar dalam kehidupan.

Ini memang dapat dimengertikan, kemana iman itu ialah pembabitan diri dalam sistem hidup Rabbani, iaitu cara hidup yang sentiasa bergerak dan bertindak di alam ini, iaitu gerakan yang lahir dari satu perencanaan dan menuju ke arah satu tujuan. Kepimpinan ialah kepimpinan yang memimpin manusia ke arah merealisasikan program harakat yang menjadi tabi'at alam buana iaitu melakukan gerakan-gerakan dan tindakan-tindakan yang bersih, membina dan membangun sesuai dengan sistem hidup yang terbit dari Allah.

* * * * * *

Keperluan Tugas Saling Berpesan Meneruskan Perjuangan Menegakkan Kebenaran

Amalan saling berpesan supaya menjunjung agama yang benar dan saling berpesan supaya bersikap sabar melahirkan gambaran umat Muslimin atau kelompok Muslimin yang mempunyai identiti yang istimewa, perikatan yang istimewa dan arah tujuan perjuangan yang sama, iaitu kelompok yang sentiasa sedar terhadap hakikat entitinya dan terhadap kewajipannya, di samping mengetahui hakikat iman dan amalan soleh yang termasuk di bawahnya tugas memimpin umat manusia ke jalan iman dan amalan soleh. Kerana itu, untuk melaksanakan tugas atau amanah agung ini mereka perlu saling berpesan dan nasihat menasihati terhadap satu sama lain.

Dari kata-kata **saling berpesan** itu nampaklah satu gambaran umat atau kelompok Muslimin yang

---

[4] *Dalam pentafsiran al-ustaz as-Syaikh Muhammad 'Abduh mengenai ayat (7 - 8) Surah al-Zalzalah: "Oleh itu barang siapa yang berbuat amalan kebajikan seberat zarrah nescaya ia akan melihat pahalanya dan barangsiapa yang berbuat kejahatan seberat zarrah nescaya ia akan melihat balasannya." Beliau berkata: "Apa yang dinukilkan oleh setengah-setengah ulama' tentang ijma' bahawa amalan yang baik yang dilakukan oleh orang-orang kafir itu tidak berguna kepadanya pada Hari Akhirat dan tidak diringankan 'azab dosa kejahatannya adalah tidak berasas, kini kita lihat sendiri bahawa masalah ini bukanlah datang dari pendapat ijma', malah datang dari nas-nas Al-Qur'an yang jelas itu sendiri."*

bersatupadu, satu umat yang terpilih, yang sedar dan yang tegak di bumi di atas lunas-lunas kebenaran, keadilan dan kebaikan. Itulah gambaran umat Muslimin yang dikehendaki oleh Islam. Islam mahukan mereka menjadi satu umat yang terpilih, kuat, sedar, siap-siaga mengawasi kebenaran dan kebaikan dan sentiasa saling berpesan sesama mereka supaya menjunjung kebenaran dan bersabar dalam perjuangan dan hidup saling mesra, bekerjasama dengan semangat ukhuwah Islamiyah sebagaimana yang disarankan oleh kata-kata saling berpesan di dalam Al-Qur'an.

Amalan saling berpesan menjunjung kebenaran merupakan satu keperluan dalam perjuangan, kerana usaha-usaha menegakkan kebenaran itu amat sukar dan batu-batu penghalangnya beraneka ragam dalam bentuk hawa nafsu, logik kepentingan, persepsi-persepsi masyarakat, kemaharajalelaan dan kezaliman pemerintah. Dengan amalan saling berpesan dapatlah diberi peringatan, pemberangsangan dan penyedaran terhadap persamaan matlamat, terhadap semangat persaudaraan untuk memikul tugas dan amanah. Itulah pengembelingan seluruh arah tujuan perjuangan individu agar saling dan bertindak dengan kesedaran selaku seorang pengawal kebenaran yang merasa bahawa di sampingnya ada orang-orang lain yang sentiasa berpesan, memberangsang dan turut berjuang bersamanya, juga sentiasa berdiri di sampingnya, menyayanginya dan tidak menghampakannya. Agama Islam yang benar ini tidak dapat ditegakkan melainkan dengan pengawasan dan kawalan kelompok Muslimin yang saling membantu, saling berpesan dan bersatupadu.

Tugas Bersabar Dalam Perjuangan Da'wah

Amalan saling berpesan supaya bersikap sabar juga merupakan satu keperluan dalam perjuangan, kerana usaha-usaha menegakkan iman dan amal soleh, dan usaha-usaha menjaga kebenaran dan keadilan merupakan tugas-tugas yang amat sukar yang dihadapi oleh kelompok dan orang perseorangan, dan inilah yang memerlukan kesabaran, iaitu sabar melawan tentangan hawa nafsu sendiri, sabar melawan tentangan-tentangan orang lain, sabar menghadapi gangguan dan kesulitan, sabar menentang keangkuhan, kebatilan dan kejahatan, sabar mengharungi jalan perjuangan yang panjang, sabar menempuh peringkat-peringkat perjuangan yang lambat, sabar kerana hilangnya batu-batu tanda di jalan perjuangan dan sabar kerana kejauhan matlamat.

Amalan saling berpesan supaya bersabar itu menambahkan daya kebolehan, kerana ia dapat menimbulkan perasaan kesatuan matlamat dan tujuan dan kerjasama di antara semua pihak, di samping membekalkan perasaan kasih mesra terhadap satu sama lain, keazaman dalam tekad perjuangan yang kukuh dan sebagainya dari konsep-konsep hidup berkelompok kerana di dalam suasana kelompoklah hakikat Islam itu hidup dan menonjol dan jika tidak, maka itulah kerugian dan kehilangan.

Umat Manusia Dilanda Kerugian Di Merata Pelusuk Bumi

Pada hari ini apabila kita melihat dari kacamata undang-undang perlembagaan yang digariskan oleh Al-Qur'an untuk panduan hidup kelompok orang-orang Mu'min yang terselamat dari kerugian itu, kita merasa begitu cemas melihat umat manusia di merata pelusuk bumi - tanpa kecuali - sedang dilingkungi kerugian. Kita merasa begitu cemas melihat kesesiaan-kesesiaan dan kepercumaan hidup mereka di dunia sebelum Akhirat, dan melihat mereka berpaling dari agama yang baik yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, juga melihat tidak adanya pemerintah yang terpilih, beriman dan tegak di atas agama yang benar di muka bumi ini. Orang-orang Islam, atau lebih halus orang-orang yang mendakwa beragama Islam, merupakan orang-orang yang paling jauh dari agama ini di dunia sekarang dan paling kuat berpaling dari sistem hidup Ilahi yang telah dipilih Allah untuk mereka, dan dari undang-undang yang disyari'atkan Allah kepada mereka dan dari satu-satunya jalan yang digariskan Allah untuk menyelamatkan mereka dari kerugian dan kesesiaan. Negeri Arab, yang dahulunya menjadi tempat lahirnya agama yang baik itu, telah meninggalkan panji-panjinya yang telah dikibarkan Allah untuk mereka, mereka telah meninggalkan panji-panji iman untuk bergantung dengan panji-panji kebangsaan yang tidak pernah mereka capai kebaikan di bawah kibarannya, di sepanjang sejarahnya, dan nama mereka tidak pernah disebut di bawah kibarannya baik di bumi mahupun di langit, sehingga datangnya agama Islam mengibarkan panji-panji Allah Yang Tunggal yang tiada sekutu bagi-Nya. Dan di bawah kibaran panji-panji inilah umat Arab mencapai kemenangan, menjadi kuat dan berjaya bagi pertama kalinya di dalam sejarah mereka dan sejarah umat manusia seluruhnya.

Sifat-sifat Para Pemimpin Islam

Ujar al-Ustaz Abul-Hasan an-Nadawi dalam bukunya yang bermutu: ماذا خسر العالم بانحطاط المسلمين (*Apakah ruginya dunia dengan sebab kejatuhan umat Muslimin?*) yang memperkatakan tentang kepimpinan Islam yang terpilih dan unik ini di bawah jodol, *"Zaman Kepimpinan Islam"* dan *"Pemimpin-pemimpin Islam Dan Sifat-sifat Mereka:"*

> "Umat Muslimin muncul memimpin dunia. Mereka memecat umat-umat palsu dari kepimpinan umat manusia dengan penuh kesungguhan, bijaksana dan adil. Mereka mempunyai sifat-sifat yang cukup yang melayakkan mereka untuk memimpin umat-umat manusia dan menjamin kebahagiaan dan kejayaan umat yang berada di bawah naungan dan pimpinan mereka.
>
> "Pertama: Para pemimpin Islam mempunyai Kitab Suci dan syari'at yang diturunkan Allah. Mereka tidak membuat undang-undang sendiri, kerana penggubalan undang-undang sendiri itu merupakan punca kejahilan, kesalahan dan

kezaliman. Mereka tidak bertindak lintang-pukang dalam segala perilaku dan tindak-tanduk politik mereka dan dalam cara-cara mereka berinteraksi dengan manusia.

"Allah telah mengurniakan nur kepada mereka, yang membolehkan mereka berjalan dengan betul di kalangan umat manusia. Dan Allah telah mengurniakan syari'at kepada mereka yang membolehkan mereka mengadili manusia.

Firman Allah:

أَوَمَن كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَيْنَٰهُ وَجَعَلْنَا لَهُۥ نُورًا يَمْشِى بِهِۦ فِى ٱلنَّاسِ كَمَن مَّثَلُهُۥ فِى ٱلظُّلُمَٰتِ لَيْسَ بِخَارِجٍ مِّنْهَا ۚ

"Apakah seorang yang mati yang kemudian Kami menghidupkannya dan mengurniakan nur yang dia dapat berjalan dengannya di kalangan manusia itu sama dengan seorang yang berada dalam gelap-gelita dan tidak dapat keluar darinya."

(Surah al-An'am: 122)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِ ۖ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا۟ ۚ ٱعْدِلُوا۟ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu jadi orang-orang yang menegakkan kebenaran kerana Allah, dan janganlah rasa benci terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu berlaku tidak adil, malah hendaklah kamu berlaku adil kerana keadilan itu lebih dekat kepada taqwa dan bertaqwalah kepada Allah Yang Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."

(Surah al-Ma'idah: 8)

"Kedua: Para pemimpin Islam tidak memegang teraju pemerintahan dan kepimpinan tanpa mendapat didikan akhlak dan tanpa menjalani pembersihan jiwa iaitu berlainan dengan kebanyakan umat, individu-individu dan pegawai-pegawai pemerintah dahulu dan sekarang, malah mereka tinggal sekian lama di bawah didikan dan kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w. yang membersihkan jiwa mereka, mengajar adab sopan kepada mereka dan melatihkan mereka dengan sifat-sifat zahid, wara', bersih hati, amanah, mementingkan kebajikan orang lain, takut kepada Allah dan tidak bercita-cita dan untuk menjadi ketua. Dalam hubungan ini Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

إنا والله لا نولي هذا العمل أحداً سأله ، أو أحداً حرص عليه.

"Sesungguhnya kami, demi Allah, tidak melantikkan ke jawatan ini (jawatan ketua) seseorang yang memohonnya atau seseorang yang sangat meminatinya."[5]

Telinga mereka sentiasa terdengar-dengar firman Allah 'Azzawajalla:

تِلْكَ ٱلدَّارُ ٱلْءَاخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا ۚ وَٱلْعَٰقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٨٣﴾

"Negeri Akhirat itu Kami peruntukkannya kepada orang-orang yang tidak ingin berlagak angkuh di bumi dan melakukan kerosakan. Dan balasan yang baik itu ialah untuk orang-orang yang bertaqwa."

(Surah al-Qasas: 83)

Sifat Pegawai Pentadbir Di Dalam Islam

"Kerana itu mereka tidak berlumba-lumba untuk merebut jawatan-jawatan, apatah lagi untuk mencalonkan diri mereka ke jawatan-jawatan ketua, atau menonjolkan kebaikan diri mereka, atau berkempen untuk menaikkan diri mereka atau membelanjakan harta untuk mendapatkan jawatan-jawatan. Dan apabila mereka dilantik ke jawatan pegawai pemerintah, maka mereka tidak menganggapkan jawatan itu sebagai suatu hasil keuntungan atau perolehan atau bayaran kepada pengorbanan usaha tenaga dan harta yang dilakukan mereka, malah mereka anggapkannya sebagai suatu amanah yang diletakkan di atas bahu mereka dan sebagai suatu ujian dari Allah. Mereka sedar bahawa mereka, akan dibawa di hadapan Allah dan bertanggungjawab kepada-Nya dalam semua urusan pentadbiran baik yang kecil mahupun yang besar. Mereka sentiasa teringat kepada firman Allah 'Azzawajalla:

إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا۟ ٱلْأَمَٰنَٰتِ إِلَىٰٓ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحْكُمُوا۟ بِٱلْعَدْلِ ۚ

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan amanah-amanah itu kepada orang-orang yang berhak menerimanya dan apabila kamu mengadili di antara manusia, maka hendaklah kamu hukumkan mereka dengan keadilan."

(Surah an-Nisa': 58)

Dan firman-Nya:

وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْ ۗ

"Dialah (Allah) yang telah melantikkan kamu menjadi pemerintah-pemerintah di bumi dan mengangkatkan sebahagian dari kamu ke darjat-darjat yang mengatasi

---

[5] *Hadith* متفق عليه.

sebahagian yang lain untuk menguji kamu terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan kepada kamu."

(Surah al-An'am: 165)

"Ketiga: Para pemimpin Islam bukannya berkhidmat untuk kepentingan perkauman, mereka bukannya wakil-wakil suatu bangsa atau suatu negeri yang berjuang untuk kemakmuran dan kepentingan bangsa dan negeri itu sahaja atau percaya bahawa bangsa dan negeri mereka sahaja yang mempunyai kelebihan yang mengatasi segala bangsa dan negeri lain dan bahawa mereka sahaja yang dijadikan untuk memerintah dan bangsa-bangsa yang lain adalah dijadikan untuk diperintah mereka. Mereka tidak dilahirkan untuk membangun Empayar Arab yang mewah makmur, di mana mereka berlagak angkuh dan sombong di bawah naungannya dan mengeluarkan manusia dari penjajahan Rom dan Parsi kepada pemerintahan Arab atau pemerintahan mereka sendiri, malah mereka dilahirkan untuk mengeluarkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Tunggal seperti yang diucapkan oleh Rab'i ibn 'Amir di majlis Yazdajarad: "Allah telah mengutuskan kami untuk mengeluarkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Tunggal, dan dari kesempitan dunia kepada keluasan Akhirat, dan dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam.[6]

"Semua bangsa dan semua manusia di sisi para pemimpin Islam adalah sama sahaja iaitu semuanya dari keturunan Adam dan Adam berasal dan tanah. Tiada kelebihan bagi bangsa Arab ke atas bangsa bukan Arab dan tiada kelebihan bagi bangsa bukan Arab ke atas bangsa Arab melainkan dengan taqwa. Firman Allah 'Azzawajalla:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓا۟ ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ

"Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah ciptakan kamu lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan suku supaya kamu berkenal-kenalan satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang bertaqwa."

(Surah al-Hujurat: 13)

Umar ibn al-Khattab pernah berkata kepada 'Amr ibn al-'As Gabenor Mesir apabila anaknya telah memukul seorang Mesir dan berbangga-bangga dengan keturunannya sambil berkata: 'Nah ambil ini dari seorang anak bangsawan.' Lalu 'Umar mengenakan hukuman pukul balas dan berkata: 'Bila lagi awak memperhambakan manusia, sedangkan mereka dilahirkan ibu mereka dengan keadaan merdeka?'

"Mereka tidak bakhil menyebarkan pengajaran agama, ilmu pengetahuan dan pendidikan yang diketahui mereka kepada siapa sahaja. Mereka tidak memandang keturunan, warna kulit dan negeri apabila mereka menghukum, memerintah dan menilaikan kelebihan, malah mereka laksana awan yang memayung seluruh negeri dan manusia atau laksana hujan yang mencurah di atas bumi lembut dan keras dan dapat dimanfa'atkan oleh semua negeri dan manusia mengikut kadar penerimaan dan kesediaan masing-masing.

"Di bawah naungan dan pemerintahan mereka, semua bangsa walaupun yang pernah ditindas sebelumnya dapat menerima habuan masing-masing dalam bidang pengajaran agama, ilmu pengetahuan, pendidikan dan kerajaan dan turut bekerjasama dengan bangsa Arab dalam usaha membina sebuah dunia baru, malah ramai dari tokoh-tokoh mereka mengatasi orang-orang keturunan Arab dalam setengah-setengah bidang ilmu pengetahuan. Di antara mereka terdapat imam-imam, pakar-pakar Fekah dan Hadith yang merupakan mahkota-mahkota di atas kepala umat Arab dan umat Muslimin seluruhnya.

"Keempat: Manusia itu tersusun dari jisim dan roh. Ia mempunyai hati, minda, sentimen-sentimen dan anggota-anggota. Oleh itu, manusia tidak akan berbahagia, berjaya dan mencapai kemajuan yang seimbang melainkan seluruh (kekuatan ini) subur dan berkembang dengan seimbang dan layak dengannya serta mendapat makanan yang baik. Tamadun yang baik tidak akan wujud kecuali manusia terdidik dalam alam sekitar keagamaan, didikan akhlak, didikan minda dan raga yang memungkinkan mereka dengan mudah untuk mencapai kesempurnaan insaniyah. Jalan ini, menurut pengalaman, tidak mungkin berlaku melainkan apabila teraju kepimpinan dan pentadbiran tamadun itu berada di tangan orang-orang yang beriman kepada roh dan benda, yang dapat menunjukkan contoh-contoh yang baik dalam kehidupan keagamaan dan akhlak serta mempunyai akal yang sejahtera dan bijaksana dan mempunyai ilmu pengetahuan yang benar dan berguna."

Pada akhirnya beliau berkata ketika memperkatakan jodol: "Peranan Pemerintahan khalifah-khalifah ar-Rasyidin selaku contoh-contoh mithali tamadun yang soleh."

Contoh-contoh Tamadun Yang Soleh Dari Pemerintahan Khalifah-khalifah Ar-Rasyidin

"Demikianlah apa yang telah berlaku, kita tidak dapati mana-mana peranan dalam sejarah yang lebih sempurna, lebih indah dan lebih cemerlang dari peranan yang dimainkan dalam pemerintahan khalifah-khalifah ar-Rasyidin, di mana kekuatan roh, akhlak, agama, ilmu pengetahuan dan segala peralatan material bekerjasama dengan sepadu dalam membentuk manusia yang sempurna dan melahirkan tamadun yang soleh...... kerajaan mereka merupakan kerajaan yang terbesar di

[6] *Lihat kitab Ibn Kathir*, البداية والنهاية .

dunia, dan merupakan satu kuasa politik yang teragung di zamannya. Dalam pemerintahan mereka, muncul contoh-contoh akhlak yang tinggi dalam kehidupan rakyat dan sistem pemerintahan, juga dalam kegiatan perniagaan dan perusahaan. Kemajuan akhlak dan rohaniyah adalah sejajar dengan keluasan wilayah yang ditakluk mereka dan dengan tamadun yang dibangunkan mereka. Perlakuan jenayah amat kurang jika dibandingkan dengan keluasan negara dan bilangan penduduknya. Hubungan di antara individu dengan individu dan individu dengan masyarakat terus bertambah baik. Itulah peranan yang sempurna yang tidak diimpikan manusia lebih maju dari itu dan tidak pernah diandaikan oleh tukang-tukang sihir lebih cemerlang dari itu."

* * * * * *

Itulah beberapa ciri zaman kebahagiaan yang dialami manusia di bawah naungan perlembagaan Islam yang ditegakkan asas-asasnya dalam Surah al-Asr dan di bawah panji-panji iman yang dibawa oleh angkatan iman dan amalan soleh yang saling berpesan menjunjung agama yang benar dan bersikap sabar.

Antara Panji-panji Islam Dan Panji-panji Syaitan

Alangkah jauh bandingannya dengan kesesiaan yang dialami manusia kini di merata tempat dan dengan kerugian yang menimpa mereka dalam pertarungan kebaikan dan kejahatan! Dan alangkah jauh bezanya kegelapan dan kesesatan dengan kebajikan yang besar yang telah dibawa oleh umat Arab pada masa mereka membawa panji-panji Islam dan memegang kepimpinan umat manusia. Kemudian apabila mereka meletakkan panji-panji itu, mereka terus berada di ekor angkatan-angkatan kemajuan manusia dan seluruh angkatan itu menuju kepada kesesiaan dan kerugian belaka. Kini seluruh panji-panji dikibarkan untuk syaitan, tiada satu pun untuk Allah, seluruh panji-panji itu dikibarkan untuk kebatilan, tiada satu pun untuk kebenaran, seluruh panji-panji itu dikibarkan untuk kegelapan dan kesesatan, tiada satu pun untuk hidayat dan nur, seluruh panji-panji itu dikibarkan untuk kerugian, tiada satu pun untuk keuntungan. Namun demikian, panji-panji Allah tetap berkibar. Ia hanya menunggu tangan-tangan yang sanggup mengibarkannya dan menunggu umat manusia yang ingin berjalan di bawah kepimpinannya menuju kebajikan, hidayat, kebaikan dan keuntungan.

* * * * * *

Di Antara Untung Rugi Di Dunia Dan Untung Rugi Di Akhirat

Itulah perhitungan untung rugi di dunia ini, dan jika dibandingkan dengan perhitungan untung rugi di Akhirat, maka untung rugi di dunia adalah amat kecil. Di Akhirat sanalah untung rugi yang sebenar. Untung rugi di sana berlanjutan dalam zaman yang berterusan, dalam kehidupan yang kekal dan dalam alam hakikat yang sebenar. Di sanalah untung rugi yang sebenar iaitu keuntungan mendapat Syurga dan keredhaan Allah atau kerugian tidak mendapat Syurga dan keredhaan Allah. Di sanalah manusia akan mencapai kemuncak kesempurnaan yang ditentukan untuk mereka, atau akan terhumban jatuh ke darjat yang menghilangkan martabat kemanusiaan mereka dan akhirnya mereka menjadi senilai dengan batu, malah batu lebih senang dari mereka dari segi kerehatan. Firman Allah:

يَوْمَ يَنظُرُ ٱلْمَرْءُ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ وَيَقُولُ ٱلْكَافِرُ يَٰلَيْتَنِى كُنتُ تُرَٰبًۢا ﴿٤٠﴾

"Pada hari itu, setiap orang akan melihat apa yang telah dilakukan oleh dua tangannya dan setiap orang kafir akan berkata: Alangkah baiknya jika aku jadi tanah."

(Surah an-Naba': 40)

Kesimpulan Maksud Surah

Surah ini begitu tegas sekali menentukan jalan yang betul iaitu seluruh manusia berada dalam kerugian, melainkan orang-orang, yang beriman, melakukan amalan yang soleh dan saling berpesan supaya menjunjung agama yang benar dan supaya bersikap sabar. Inilah satu-satunya jalan, tiada jalan yang lain lagi, iaitu jalan beriman dan beramal soleh dan menegakkan masyarakat Islam yang bersatupadu menjaga agama yang benar dengan berbekalkan sifat sabar.

Tradisi Membaca Surah Al-'Asr Di Akhir Pertemuan

Itulah satu-satunya jalan, kerana itu dahulu ada dua orang lelaki dari sahabat Rasulullah s.a.w. apabila mereka bertemu, mereka tidak berpisah sehingga salah seorang dari mereka membaca Surah al-'Asr kepada seorang lagi, kemudian barulah mereka bersalam-salaman. Mereka berdua seolah-olah berjanji setia untuk menjunjung perlembagaan Ilahi ini, iaitu berjanji untuk tegak di atas iman dan amalan yang soleh, saling berpesan supaya menjunjung agama yang suci dan supaya bersikap sabar. Mereka berdua berjanji untuk mengawal perlembagaan Ilahi ini dan untuk menjadi golongan umat Islam yang hidup tegak di atas perlembagaan ini.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-HUMAZAH

SURAH KE

104

سُورَةُ الهُمَزَةِ

SURAH AL-HUMAZAH

Surah Pengumpat Dan Pencaci

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

9

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

وَيۡلٞ لِّكُلِّ هُمَزَةٖ لُّمَزَةٍ ١

ٱلَّذِي جَمَعَ مَالٗا وَعَدَّدَهُۥ ٢

يَحۡسَبُ أَنَّ مَالَهُۥٓ أَخۡلَدَهُۥ ٣

كَلَّاۖ لَيُنۢبَذَنَّ فِي ٱلۡحُطَمَةِ ٤

وَمَآ أَدۡرَىٰكَ مَا ٱلۡحُطَمَةُ ٥

نَارُ ٱللَّهِ ٱلۡمُوقَدَةُ ٦

ٱلَّتِي تَطَّلِعُ عَلَى ٱلۡأَفۡـِٔدَةِ ٧

إِنَّهَا عَلَيۡهِم مُّؤۡصَدَةٞ ٨ فِي عَمَدٖ مُّمَدَّدَةِۭ ٩

"Kecelakaan untuk setiap pengumpat dan pencaci(1). Yang giat mengumpul harta dan menghitungkan jumlahnya(2). Ia menyangka harta kekayaan dapat mengekalkannya(3). Tidak sekali-kali begitu, bahkan ia akan dilontarkan ke dalam Neraka Hutamah(4). Dan tahukah engkau, apakah Neraka Hutamah itu? (5). Itulah api Allah yang dinyalakan berkobar-kobar(6). Yang menjulang ke atas hati-hati (penghuninya)(7). Sesungguhnya (api) Neraka itu ditutupkan ke atas mereka(8). Sedangkan mereka terikat pada tiang-tiang yang panjang."(9).

Kekayaan Menjadikan Jiwa Manusia Angkuh

Surah ini menayangkan satu gambaran yang berlaku dalam kehidupan da'wah dalam peringkat perkembangannya yang pertama. Di samping itu, gambaran ini juga merupakan satu contoh yang berulang-ulang dalam setiap masyarakat, iaitu gambaran manusia hina yang berjiwa kecil, yang dikurniakan harta kekayaan, lalu seluruh jiwanya terkongkong kepada kekayaan itu. Ia merasa harta kekayaan itulah nilai tertinggi dalam kehidupan, iaitu nilai yang menjadikan seluruh nilai dan seluruh kedudukan yang lain termasuk kedudukan-kedudukan manusia, konsep-konsep dan hakikat-hakikat kelihatan kecil dan, rendah belaka di hadapannya. Ia merasa selama ia telah memiliki harta kekayaan bererti ia telah memiliki segala kehormatan manusia dan kedudukan mereka tanpa terkira. Ia mengira harta kekayaan itulah tuhan yang berkuasa yang boleh membuat segala apa sahaja sehingga berkuasa menolak maut, mengekalkan hidupnya, menolak qadha' Allah, Hisab-Nya dan Balasan-Nya jika dalam fikirannya pernah terlintas adanya persoalan Hisab dan Balasan Allah, kerana itu ia tergila-gila mengumpulkan harta kekayaan dan merasa begitu lazat menghitung-hitungkan jumlahnya, dan terbongkaslah dalam hatinya keinginan-keinginan yang jahat iaitu keinginan memandang rendah dan hina terhadap segala kehormatan dan kedudukan manusia yang lain dan menjadikan mereka sasaran umpat cela dan caci-makinya. Ia menghina dan mengejek mereka dengan lidahnya, dengan gerak-gerinya sama ada dengan mengajuk gerak-geri dan suara mereka atau memperkecilkan sifat-sifat mereka dengan kata-kata dan isyarat, juga dengan kenyitan mata, palingan muka dan gerakan yang menghinakan.

Inilah gambaran jiwa manusia yang hina yang tandus dari maruah dan iman. Sebagai agama yang memperjuangkan akhlak yang luhur, Islam bencikan gambaran jiwa yang rendah itu, kerana itu ia melarang perbuatan ejek-mengejek dan hina-menghina di berbagai-bagai tempat dalam Al-Qur'an, tetapi dalam surah ini perbuatan itu disebut dengan celaan yang teruk dan diancam dengan balasan-balasan yang dahsyat, dan ini menyarankan bahawa perbuatan ini benar-benar dilakukan oleh setengah-setengah kaum Musyrikin terhadap Nabi s.a.w. dan terhadap orang-orang yang beriman, kerana itu Allah menjawab perbuatan mereka dalam bentuk herdikan, bentakan dan ancaman yang menakutkan. Beberapa riwayat menentukan tokoh-tokoh tertentu, tetapi riwayat-riwayat itu tidak kuat, oleh sebab itu kami hanya berpada dengan penjelasan yang telah kami hidangkan itu.

* * * * * *

Ancaman itu datang dalam bentuk menayangkan satu pandangan di Hari Qiamat yang menggambarkan keseksaan atau keazaban fizikal dan jiwa, juga menggambarkan kedahsyatan Neraka dari segi fizikal dan niskala. Di sini dapat diperhatikan adanya persesuaian di antara kesalahan dengan cara keseksaan dan dengan suasana balasan. Gambaran si pengumpat dan pencaci yang sentiasa mengejek-ngejek, mencaci dan mempersenda-sendakan

manusia dan kehormatan mereka, juga sentiasa asyik mengumpul harta kekayaan dan merasakannya dapat menjaminkan hidup kekal, gambaran manusia yang angkuh, yang bertabi'at pengejek, pencaci dan merasa kuat dengan harta kekayaan ini, dipadankan dengan gambaran manusia yang terbuang dan terhumban ke dalam. Neraka Hutamah yang menghancurleburkan segala sesuatu termasuk kesombongan dan ketakburan.

Sifat Neraka Hutamah

نَارُ ٱللَّهِ ٱلْمُوقَدَةُ ﴿٦﴾

"Itulah api Allah yang dinyalakan berkobar-kobar."(6)

Api Neraka Hutamah itu secara khusus dihubungkan dengan api Allah. Ini menyarankan bahawa api itu api istimewa bukannya api Neraka biasa. Ia disalutkan dengan sifat yang dahsyat dan ngeri, iaitu:

ٱلَّتِى تَطَّلِعُ عَلَى ٱلْأَفْـِٔدَةِ ﴿٧﴾

"Yang menjulang ke atas hati-hati (penghuninya).(7)

Satu gambaran yang mengerikan bagaimana api itu membakar hati yang menjadi sumber yang melahirkan umpat keji dan menjadi sarang perasaan suka menyenda, sombong dan takbur itu untuk menyempurnakan gambaran keazaban manusia yang terbuang itu, api Neraka itu ditutupkan pula ke atasnya, tiada siapa yang dapat menyelamatkannya dan tiada siapa yang datang menanyakan halnya, dan di sana ia diikat dan ditambat pula pada tiang-tiang yang panjang seperti binatang tanpa sebarang kehormatan.

Dalam kata-kata:

عدّده ، كلاّ ، لينبذنّ ، تطّلع ، ممدّدة

terdapat nada-nada yang menggerunkan dan di dalam makna-makna ungkapan-ungkapan:

لينبذن في الحطمة ، وما أدراك ما الحطمة ، نار الله الموقدة..

terdapat penekanan dan penegasan yang disampaikan dengan berbagai-bagai bentuk penegasan. Mula-mula dikemukakan keterangan secara umum, kemudian disoal kembali, kemudian barulah diberi jawapan dan penjelasan. Semuanya merupakan cara-cara penegasan dan penekanan. Dalam ungkapan-ungkapan:

ويل ، لينبذن ، الحطمة ، نار الله الموقدة ، التي تطلع على الأفئدة ، إنها عليهم مؤصدة ، في عمد ممددة

terdapat ancaman. Semua-nya merupakan sejenis keselarasan ilustrasi dan gambaran perasaan yang sesuai dengan perbuatan para pengumpat dan pencaci itu.

* * * * * *

Tujuan-tujuan Pokok Surah Ini

Al-Qur'an sentiasa mengikuti dan memimpin perkembangan-perkembangan da'wah, dan Al-Qur'an merupakan senjata yang paling tajam dan hebat yang menghancurkan segala tipu daya perancang-perancang kejahatan dan menggegarkan hati musuh da'wah, di samping memberi ketenangan dan ketenteraman kepada orang-orang Mu'min.

Kita dapat melihat dua maksud yang besar dari keperhatian Allah S.W.T. mengulas gambaran jiwa ini:

Pertama: Mencela keruntuhan akhlak dan kerendahan jiwa manusia yang seperti ini.

Kedua: Menghiburkan hati orang-orang Mu'min dan menjaga jiwa mereka dari diresapi perasaan rendah diri kerana dihina, dan menyedarkan mereka bahawa Allah sentiasa memerhati, memandang keji dan membalas segala perbuatan jahat yang dilakukan kepada mereka. Dan kenyataan ini sudah cukup untuk menaikkan semangat mereka dan meninggikan jiwa mereka dalam menghadapi tindak-tanduk yang jahat dan keji itu.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-FIL

SURAH KE

105

سُورَةُ الفِيلِ

SURAH AL-FIL

Surah Gajah

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

5

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

**Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

Ayat-ayat dan Terjemahan

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفِيلِ ﴿١﴾

أَلَمْ يَجْعَلْ كَيْدَهُمْ فِي تَضْلِيلٍ ﴿٢﴾

وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ﴿٣﴾

تَرْمِيهِم بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ ﴿٤﴾

فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ ﴿٥﴾

"Tidakkah engkau lihat bagaimana Tuhanmu bertindak terhadap tentera-tentera bergajah?(1). Tidakkah Dia jadikan rancangan jahat mereka berada dalam kesesatan?(2). Dan Dia telah melepaskan ke atas mereka burung-burung yang terbang berpasuk-pasukan?(3). Sambil melontar ke atas mereka batu-batu yang pejal.(4). Lalu Dia menjadikan mereka (binasa) seperti daun-daun yang dimakan ulat."(5).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini menunjukkan kepada satu peristiwa yang amat masyhur dalam kehidupan penduduk Semenanjung Tanah Arab yang berlaku sebelum kebangkitan Rasulullah s.a.w. Peristiwa ini merupakan satu bukti yang besar bagaimana Allah menjaga dan memelihara tempat yang suci itu, iaitu tempat yang dipilih-Nya sebagai pusat cahaya agama yang terakhir, sebagai tempat pertumbuhan 'aqidah yang baru, dan sebagai titik-tolak agama itu memulakan pergerakan sucinya untuk memburu jahiliyah di merata pelusuk bumi dan menegakkan hidayat, kebenaran dan kebaikan.

Kisah Bala Tentera Abrahah Hendak Meruntuhkan Ka'bah

Kesimpulan dari berbagai-bagai riwayat yang mengisahkan peristiwa itu ialah ada seorang Gabenor Habsyah bagi negeri Yaman iaitu semasa negeri ini tunduk kepada pemerintahan Habsyah setelah diusir pemerintahan Parsi yang berkuasa di sana. Nama gabenor itu ialah Abrahah. Beliau telah membina sebuah gereja di Yaman atas nama Seri Maharaja Habsyah. Gereja itu dihiasi dengan segala macam hiasan dan peralatan yang amat indah dan menarik dengan tujuan untuk mengalihkan tumpuan orang-orang Arab dari Baitul-Haram di Makkah ke gereja itu. Beliau melihat bagaimana penduduk negeri Yaman sendiri yang diperintah oleh beliau turut tertarik kepada Baitul-Haram sama seperti kaum-kaum Arab yang lain di kawasan Tengah dan Utara Semenanjung Arab itu. Beliau telah menulis surat kepada Seri Maharaja Habsyah menerangkan niat dan tujuannya itu.

Tetapi kaum-kaum Arab tidak berganjak dari rumah suci mereka. Mereka beranggapan bahawa mereka adalah dari zuriat Ibrahim dan Ismail yang membina rumah suci itu. Inilah alasan kebanggaan mereka mengikut cara mereka yang suka berbangga-bangga dengan keturunan. Pada hemat mereka, kepercayaan-kepercayaan keagamaan yang ada pada mereka, walaupun sedang dalam keruntuhan, adalah lebih baik dari kepercayaan-kepercayaan keagamaan kaum Ahlil-Kitab yang ada di sekeliling mereka. Mereka melihat kepercayaan-kepercayaan kaum Ahlil-Kitab juga dilanda kucar-kacir dan keruntuhan.

Ketika inilah Abrahah membuat keputusan tegas untuk meruntuhkan Ka'bah supaya orang-orang Arab tidak lagi tertumpu kepadanya. Beliau telah memimpin satu angkatan tentera yang ramai yang disertai dengan gajah-gajah. Angkatan itu didahului oleh seekor gajah yang terkenal di sisi mereka, kemudian berita angkatan ini dan tujuannya telah didengar oleh kaum-kaum Arab dan mereka merasa sedih atas tujuan Abrahah yang mahu meruntuhkan rumah Ka'bah mereka. Kerana itu tampillah seorang pembesar dari kaum bangsawan dan raja-raja Yaman menentang angkatan Abrahah. Nama pembesar ialah Zu Nafar. Ia telah menyeru kaumnya dan kaum-kaum Arab yang lain supaya bangkit memerangi Abrahah untuk mempertahankan rumah Ka'bah. Seruannya telah mendapat sambutan mereka. Lalu ia pun memerangi Abrahah, tetapi ia kalah dan jadi tawanan Abrahah.

Nufayl ibn Habib al-Khath'ami juga tampil memimpin dua qabilah Arab bersama dengan kaum Arab yang ramai untuk menentang angkatan Abrahah itu, tetapi Abrahah telah berjaya mengalahkan mereka dan menawan Nufayl. Pada akhirnya, Nufayl bersetuju untuk menjadi pemandu jalan Abrahah dalam perjalanannya ke negeri Arab itu.

Apabila angkatan Abrahah lalu di Ta'if, beberapa orang dari suku Thaqif datang menemui Abrahah dan berkata kepadanya bahawa rumah suci yang

dimaksudkannya itu bukan terletak di tempat mereka, tetapi di negeri Makkah. Tujuan mereka berkata begitu ialah supaya Abrahah tidak mengganggu rumah suci mereka yang dibina untuk berhala al-Laata. Mereka juga telah menghantar seorang pemandu bersama Abrahah untuk menunjukkan rumah Ka'bah.

Setelah tiba di Mughammas yang terletak di antara Ta'if dan Makkah, Abrahah menghantar salah seorang panglimanya hingga ke Makkah. Panglima itu telah merampas dan membawa balik kepada beliau binatang-binatang ternakan kaum Quraisy dan lain-lainnya yang ada di Tihamah termasuk dua ratus ekor unta kepunyaan Abdul Muttalib ibn Hasyim. Beliau pada masa itu ialah menjadi pembesar dan ketua kaum Quraisy. Oleh kerana itu suku-suku Quraisy, Kinanah dan Huzayl dan penduduk-penduduk di Tanah Haram telah berazam untuk melawan angkatan Abrahah, tetapi kemudian mereka membatalkan cadangan itu setelah sedar bahawa mereka tidak berupaya untuk melawan angkatan Abrahah.

Kemudian Abrahah menghantar utusannya ke Makkah untuk menemui ketua negeri itu dan menyampai perutusan bahawa kedatangan angkatan Gabenor Abrahah bukan untuk memerangi penduduk negeri Makkah, tetapi hanya untuk merobohkan rumah Ka'bah sahaja. Andainya mereka tidak menentang, maka ia tidak lagi perlu menumpahkan darah mereka, dan andainya ketua negeri Makkah itu tidak mahu berperang, maka hendaklah ia dibawa mengadap gabenor. Apabila utusan Abrahah menerangkan tujuan kedatangannya kepada Abdul Muttalib, ia pun berkata, "Demi Allah, kami tidak mahu memeranginya. Kami tidak mempunyai kekuatan untuk berperang. Ka'bah ini ialah rumah Allah dan rumah kekasihnya Ibrahim a.s. Oleh itu, jika Allah mempertahankan rumah ini, maka itu memang rumah-Nya dan Tanah Haram-Nya, dan jika Allah membiarkannya untuk diroboh Abrahah, maka kami tidak punya kekuatan untuk mempertahankannya." Lalu utusan itu keluar bersama Abdul Muttalib untuk menemui Abrahah.

Kata Ibn Ishaq, Abdul Muttalib adalah seorang yang sangat tampan, cantik dan hebat. Oleh itu, sebaik sahaja Abrahah melihatnya, ia terus menyambutnya dengan penuh hormat. Tetapi oleh kerana beliau tidak suka dilihat oleh orang-orang Habsyah ia duduk bersama Abdul Muttalib di atas singgahsananya, maka beliau turun dari singgahsananya, lalu duduk di atas hamparan dan mempersilakan Abdul Muttalib duduk di sampingnya, kemudian beliau berkata kepada jurubahasanya, "Awak tanya dia, apakah maksud kedatangannya?"

Jawab Abdul Muttalib: "Maksud kedatangan saya ialah untuk meminta tuan gabenor memulangkan kembali dua ratus ekor unta yang telah dirampaskan olehnya."

Apabila jurubahasa itu menyampaikan jawapan Abdul Muttalib kepada beliau, beliau pun berkata kepada jurubahasanya, "Katakan kepadanya: Beta mulanya amat memandang tinggi kepada awak apabila beta melihat awak, kemudian sekarang beta memandang rendah kepada awak apabila awak menyatakan maksud kedatangan awak untuk mengadap beta. Adakah wajar awak datang mengadap beta kerana hendak berunding dengan beta untuk meminta balik dua ratus ekor unta kepunyaan awak yang dirampas oleh beta itu, dan awak langsung tidak mahu berunding dengan beta tentang nasib rumah Ka'bah yang menjadi pegangan agama awak dan agama nenek moyang awak, sedangkan maksud kedatangan beta ialah untuk merobohkannya?"

Jawab Abdul Muttalib: "Saya ini hanya tuanpunya unta-unta itu sahaja, sedangkan rumah Ka'bah ini ada tuanpunyanya yang akan mempertahankannya."

Sampuk Abrahah: "Ia tidak akan dapat menahani beta."

Jawab Abdul Muttalib: "Tuan bebas berbuat apa yang tuan suka". Lalu Abrahah pun memulangkan unta-untanya.

Abdul Muttalib pulang mendapatkan kaum Quraisy, dan menceritakan kepada mereka apa yang telah berlaku. Ia menyuruh mereka keluar meninggalkan kota Makkah dan berlindung di celah-celah bukit, kemudian beliau menuju ke Ka'bah dan memegang gelang pintunya, beliau berdiri bersama sekumpulan orang Quraisy berdo'a kepada Allah dan memohon pertolongan-Nya.

Ada riwayat menceritakan bahawa Abdul Muttalib telah berseloka:

لا هُمّ إن العبد يمنع رحله فامنع رحالك
لا يغلبن صليبهم ومحالهم أبداً محالك
إن كنت تاركهم وقبلتنا فأمرٌ ما بدا لك!

Tuhanku! Hamba-Mu tiada kuasa

Kecuali mempertahankan rumahnya

Kerana itu, pertahankanlah rumah-Mu

Salib dan kekuatan mereka

Tidak akan dapat mengalahkan-Mu

Andainya Engkau hendak membiarkan mereka

Meruntuhkan kiblat kami

Maka urusan itu terserah kepada-Mu.

Abrahah berlepas dengan bala tenteranya serta gajahnya menuju ke Makkah untuk meruntuhkan Ka'bah, tiba-tiba gajah itu terterum sebelum sampai ke Makkah dan tidak mahu masuk ke Makkah. Askar-askar Abrahah cuba memaksa gajah itu supaya bangkit merempuh Makkah, tetapi usaha mereka

gagal. Peristiwa ini memang benar berlaku mengikut pengakuan Rasulullah s.a.w. sendiri pada hari Hudaybiyah ketika untanya yang bernama Qaswa' terterum sebelum sampai ke Makkah. Sahabat-sahabat berkata:

"Qaswa' dah tak larat berjalan."

Jawab Rasulullah s.a.w.: "Bukan Qaswa' tak larat berjalan, bukan itu tabi'atnya, tetapi ia ditahan oleh Tuhan yang menahan gajah (tentera Abrahah)."[1] Tersebut di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda pada hari kemenangan menakluk Makkah:

"Allah telah menahan gajah (tentera Abrahah) dari melanggar Makkah dan Allah juga yang membolehkan Rasul-Nya dan orang-orang Mu'min menguasai negeri Makkah. Pada hari ini, kehormatan Makkah telah pulih kembali seperti kehormatannya di zaman dahulu. Oleh itu, setiap yang hadir hendaklah menyampaikan kepada yang tidak hadir."

Oleh itu, jelaslah bahawa peristiwa gajah ditahan dari merempuh negeri Makkah Pada tahun gajah itu adalah suatu peristiwa yang benar.

Tepat dengan iradat-Nya hendak membinasakan bala tentera itu bersama pemimpinnya Abrahah, Allah telah melepaskan pasukan-pasukan burung yang melontar ke atas mereka anak-anak batu yang membinasakan mereka seperti daun-daun kering yang reput sebagaimana diceritakan oleh Al-Qur'an. Tubuh Abrahah sendiri telah menjadi sasaran anak-anak batu itu dan ia menderita parah. Kerana itu ia telah dibawa keluar dari Makkah bersama-sama tenteranya, sedangkan jari jemarinya gugur sebatang demi sebatang sehingga sampai ke San'aa ibu kota Yaman. Beliau tidak mati sehingga dadanya berlubang menampakkan jantungnya.

Hakikat Burung-burung Yang Membinasakan Bala Tentera Abrahah Mengikut As-Syeikh Muhammad 'Abduh

Di sini terdapat berbagai-bagai riwayat dalam, menentukan jenis kumpulan burung-burung itu dan rupa bentuknya, juga tentang ukuran besar kecil dan bentuk rupa anak-anak, batu itu. Begitu juga di sana ada riwayat yang menyatakan bahawa wabak cacar telah berlaku dalam tahun serangan Abrahah di Makkah.

Bagi ulama'-ulama' yang cenderung menyempitkan ruang peristiwa-peristiwa luar biasa atau yang mencarikkan adat dan peristiwa-peristiwa kuasa ghaib atau cenderung melihat undang-undang alam itu berlaku dalam bentuknya yang biasa sahaja, mereka berpendapat bahawa pentafsiran peristiwa burung itu dengan kejadian wabak cacar adalah lebih dekat dan lebih baik. Burung-burung yang dimaksudkan itu ialah lalat-lalat yang membawa kuman-kuman cacar, kerana erti perkataan طير ialah setiap benda yang terbang.

Ujar al-Ustaz al-Imam asy-Syeikh Muhammad 'Abduh dalam tafsirnya mengenai surah ini di dalam Juzu' 'Amma:

"Pada hari yang kedua wabak cacar itu merebak dalam kalangan tentera Abrahah, menurut 'Ikrimah, itulah kejadian wabak cacar yang pertama di negeri Arab pada tahun itu. Kata Ya'kub ibn 'Utbah mengenai peristiwa itu: Kejadian wabak cacar adalah dilihat pertama kali pada tahun itu. Wabak itu telah memamah tubuh mereka dengan dahsyat dan jarang berlaku seperti itu. Daging-daging mereka merelai dan gugur menyebabkan Abrahah dan tenteranya takut dan terpaksa lari. Abrahah sendiri telah ditimpa wabak itu, dan daging tubuhnya terus gugur secebis demi secebis dan jari jemarinya jatuh sebatang demi sebatang, sehingga dadanya berlubang dan akhirnya mati di San'aa.

"Inilah cerita yang mencapai kata sepakat dari berbagai-bagai riwayat itu dan sah kita berpegang dengannya. Menurut keterangan surah yang mulia ini, wabak cacar itu telah berlaku dengan sebab anak-anak batu yang digugurkan ke atas tentera-tentera Abrahah oleh pasukan-pasukan burung yang dihantar oleh Allah bersama angin.

"Oleh itu, anda boleh mempercayai bahawa burung yang dimaksudkan itu adalah dari jenis nyamuk atau lalat yang membawa kuman setengah-setengah penyakit, dan anak-anak batu yang dimaksudkan itu adalah dari jenis tanah-tanah kering beracun yang dibawa angin dan melekat pada kaki binatang-binatang itu. Apabila tanah itu mengenai badan ia akan masuk ke dalam lubang-lubang kulit dan menimbulkan kudis-kudis yang akhirnya badan menjadi buruk dan daging-dagingnya gugur. Banyak binatang-binatang terbang yang lemah itu merupakan bala tentera Allah yang paling kuat dalam membinasakan manusia yang mahu dibinasakan Allah. Dan binatang yang seni ini yang sekarang dipanggil kuman adalah termasuk dari kumpulan binatang itu. Kuman-kuman itu juga berkelompok-kelompok dan berpasukan yang begitu banyak. Hanya Allah sahaja Yang Maha Mengetahui jumlah bilangannya. Kekuatan qudrat Allah untuk membinasakan orang-orang yang zalim tidak semestinya bergantung kepada burung-burung yang sebesar kepala bukit atau burung-burung yang sebesar garuda atau burung-burung yang mempunyai warna-warna yang tertentu atau bergantung kepada jenis ukuran batu yang tertentu. Segala-galanya boleh menjadi tentera Allah.

وفي كل شيء له آية * تدل على أنه الواحد

Setiap kejadian menampilkan buktinya

Tuhan Khaliq Yang Maha Esa

"Tiada kekuatan di alam buana ini melainkan semuanya tunduk kepada kekuatan Allah. Pemerintahan Abrahah yang zalim itu, yang mahu

---

[1] *Hadith al-Bukhari.*

meruntuhkan rumah Ka'bah, telah dibinasakan Allah bersama tenteranya dengan angkatan burung yang membawa wabak cacar sebelum mereka sempat, memasuki negeri Makkah. Ini adalah satu ni'mat yang dilimpahkan Allah ke atas penduduk Tanah Haram - walaupun mereka menyembah berhala - untuk memelihara rumah Ka'bah sehingga Dia bangkitkan Rasul-Nya s.a.w. yang akan memelihara rumah itu dengan kekuatan agama-Nya. Ia juga merupakan satu kemurkaan Allah terhadap tentera-tentera bergajah yang mahu menyerang rumah Ka'bah tanpa suatu kesalahan.

"Inilah riwayat yang boleh dipegang dalam mentafsirkan surah ini. Lain-lain riwayat tidak dapat diterima melainkan dengan ta'wilan jika riwayat-riwayat itu sahih. Kebesaran kekuasaan Allah semakin bertambah besar bagi orang-orang yang memandang besar kepada gajah, iaitu binatang berkaki empat yang mempunyai tubuh badan yang paling besar ini dapat dibinasakan dengan kuman yang kecil, yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Tentulah ini lebih besar, lebih aneh dan lebih mengkagumkan di sisi orang-orang yang ber'aqal."

Sayyid Qutb Tidak Setuju Dengan Pendapat As-Syeikh Muhammad 'Abduh

Bagi kami gambaran wabak cacar yang terjadi dari tanah berkuman yang dikemukakan oleh al-Ustaz al-Imam Muhammad 'Abduh atau keterangan riwayat-riwayat yang mengatakan bahawa batu-batu yang dilontarkan itu sendiri dapat menembuskan tubuh badan dan menjadikannya reput seperti daun-daun kayu yang kering tidaklah lebih menunjukkan qudrat Allah, dan tidak pula lebih baik untuk mentafsirkan peristiwa ini. Pada pandangan kami, kedua-dua pentafsiran itu adalah sama sahaja dari segi kemungkinan berlaku dan dari segi menunjukkan qudrat Allah, kerana bagi kami sama sahaja sama ada Allah binasakan angkatan Abrahah dengan undang-undang-Nya yang biasa yang diketahui manusia atau dengan undang-undang yang luar biasa yang tidak diketahui mereka.

Undang-undang Allah tidak hanya terbatas pada undang-undang biasa yang diketahui manusia. Dan undang-undang Allah yang diketahui manusia hanya sebahagian yang kecil sahaja. Allah dedahkan rahsia undang-undang itu sekadar yang mampu dicapai oleh daya 'aqal fikiran dan ujian-ujian mereka dalam masa yang lama. Undang-undang yang luar biasa atau mencarikkan adat juga merupakan undang-undang Allah, tetapi ia disifatkan luar biasa dibandingkan dengan undang-undang biasa yang diketahui mereka.

Kerana itu apabila kami berdepan dengan peristiwa luar biasa kami tidak merasa ragu-ragu lagi terhadapnya atau cuba menta'wilkan peristiwa itu asalkan sahaja riwayatnya sah dan betul. Serentak itu juga kami tidak melihat peristiwa yang berlaku dengan undang-undang biasa itu sebagai kurang berkesan atau kurang bermakna dari peristiwa yang berlaku dengan undang-undang luar biasa, kerana undang-undang biasa itu pada hakikatnya luar biasa jika diukurkan dengan qudrat kuasa manusia. Proses naik dan terbenamnya matahari merupakan satu kejadian luar biasa, tetapi manusia telah biasa dengannya setiap hari. Begitu juga kejadian kelahiran anak merupakan satu kejadian yang luar biasa, tetapi ia berlaku setiap sa'at. Jika tidak, siapa suka cubalah uji sendiri. Tindakan Allah menghantarkan burung-burung, walau apa sahaja jenisnya, membawa batu-batu yang mengandungi kuman-kuman cacar dan mengakibatkan berlakunya wabak cacar dalam kalangan tentera Abrahah yang sedang mara untuk meruntuhkan Ka'bah, merupakan satu peristiwa luar biasa yang benar-benar menunjukkan kekuasaan Allah. Ia tidak kurang hebatnya jika Allah menghantarkan burung-burung khusus membawa batu-batu khusus yang membinasakan tubuh badan bala tentera itu. Kedua-duanya sama-sama luar biasa belaka.

Tetapi dalam peristiwa ini khususnya, kami lebih cenderung kepada tafsiran bahawa ia adalah berlaku menurut undang-undang Allah yang luar biasa, iaitu Allah telah menghantar pasukan-pasukan burung yang luar biasa membawa batu-batu yang luar biasa dan mengakibatkan penyakit yang luar biasa, walaupun kita tidak semestinya menerima riwayat-riwayat yang menerangkan rupa bentuk dan besar kecilnya burung-burung dan batu-batu dengan sifat-sifat yang mengharukan itu, kerana kejadian-kejadian yang seumpama itu menunjukkan ada-ada sahaja ditokok tambah dengan unsur-unsur keterlaluan.

Kami lebih cenderung kepada tafsiran ini bukan kerana ia membawa makna dan hakikat yang lebih besar, tetapi kerana suasana surah dan latar belakang peristiwa ini menjadikan tafsiran ini lebih dekat. Allah S.W.T. mahukan rumah Ka'bah ini memainkan peranan yang besar. Allah mahu memelihara Ka'bah supaya menjadi pusat perhimpunan manusia yang aman dan supaya menjadi tempat pertumbuhan kumpulan yang memperjuangkan 'aqidah yang baru agar dari sinilah 'aqidah itu bergerak bebas, di sebuah negeri yang bebas, tidak dikuasai oleh kuasa luar dan tidak pula dikuasai oleh sebuah kerajaan yang kuat dan dapat membendung da'wah dari tempat pertumbuhannya lagi. Allah jadikan peristiwa ini satu pengajaran yang terdedah kepada semua pandangan manusia dari semua generasi sehingga ia membangkit-bangkitkannya sebagai ni'mat istimewa kepada kaum Quraisy dalam surah ini setelah Nabi s.a.w. diutus menjadi Rasul. Allah menjadikan peristiwa itu sebagai satu contoh bagaimana ia menjaga dan memelihara tempat-tempat-Nya yang suci. Oleh itu, amatlah sesuai dengan latar belakang seperti ini bahawa peristiwa itu berlaku dalam bentuk yang luar biasa dan belum pernah diketahui manusia. Tidak ada satu alasan yang diperlukan untuk menjadikan peristiwa ini sebagai peristiwa biasa, kerana peristiwa ini sendiri dengan segala latar belakangnya merupakan satu peristiwa yang unik,

lebih-lebih lagi kejadian biasa wabak cacar itu tidak sesuai dengan riwayat-riwayat yang menceritakan kesan-kesan penyakit yang menimpa angkatan tentera Abrahah, kerana penyakit cacar tidak menggugurkan daging-daging tubuh secebis demi secebis dan jari jemari sebatang demi sebatang, dan tidak membelahkan dada sehingga menampakkan jantung, sedangkan inilah gambaran secara langsung dari nas Al-Qur'an:

فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ ۝٥

"Lalu Dia menjadikan mereka (binasa) seperti daun-daun yang dimakan ulat."(5)

Riwayat 'Ikrimah dan keterangan Ya'kub ibn 'Utbah tidak merupakan nas bahawa tentera Abrahah telah ditimpa wabak cacar, ia tidak lebih dari menyatakan bahawa wabak cacar telah berlaku di Semenanjung Arab bagi pertama kalinya pada tahun itu, tidak ada dalam keterangan mereka berdua bahawa Abrahah dan bala tenteranya sahaja yang terkena wabak itu.

Di samping itu keadaan penyakit yang menimpa tentera Abrahah yang sebegini dahsyat tanpa terlibat sama penduduk-penduduk Arab yang berdekatan dengan tempat itu pada masa itu merupakan satu perkara yang luar biasa jika pasukan burung-burung itu hanya melontarkan batu-batu itu ke atas tentera Abrahah sahaja. Oleh itu, selama peristiwa ini sendiri merupakan satu perkara yang luar biasa, maka apa perlunya berpenat-penat untuk menentukannya dengan gambaran wabak cacar semata-mata dengan alasan kerana gambaran merupakan gambaran lumrah dan biasa pada tanggapan manusia, sedangkan berlakunya peristiwa itu dalam bentuk yang luar biasa adalah lebih sesuai dan munasabah dengan seluruh suasana peristiwa ini.

Pemikiran 'Aqliyah Melupakan Aspek Kebebasan Iradat Dan Qudrat Allah

Kami memang mengerti dan menghargai motif-motif Sekolah Pemikiran 'Aqliyah yang dikepalai oleh al-Ustaz al-Imam Rahimahullah pada masa itu, kami memang mengerti motif-motifnya yang mahu menyempitkan bidang peristiwa-peristiwa luar biasa atau peristiwa-peristiwa kuasa ghaib dalam mentafsirkan Al-Qur'anul-Karim dan kejadian-kejadian sejarah serta berusaha mengembalikan peristiwa-peristiwa kuasa ghaib itu kepada peraturan-peraturan yang lumrah dan biasa sahaja. Sekolah Pemikiran 'Aqliyah telah menghadapi kecenderungan kepada perkara-perkara khurafat yang mempengaruhi pemikiran orang ramai di masa itu di samping menghadapi banjir dongeng-dongeng dan cerita-cerita Israeliyat yang termuat di dalam kitab-kitab tafsir dan riwayat, sedangkan di masa itu kemajuan sains yang mengkagumkan manusia telah sampai kemuncaknya dan gelombang keraguan terhadap pentafsiran-pentafsiran agama juga telah memuncak tinggi, kerana inilah Sekolah Pemikiran 'Aqliyah tampil berdiri dan berjuang untuk mengembalikan kehormatan agama dan berlandaskan bahawa segala apa yang diterangkan oleh agama adalah sesuai dengan semua pemikiran 'aqal. Dari sinilah Sekolah Pemikiran 'Aqliyah berusaha membersihkan agama dari khurafat-khurafat dan dongeng-dongeng di samping berusaha mewujudkan pemikiran 'aqliyah agama dalam memahami undang-undang alam sebagai undang-undang yang tetap dan teratur rapi dan memulangkan seluruh harakat manusia dan harakat alam kepada undang-undang itu. Pemikiran seperti ini pada dasarnya merupakan pemikiran 'aqliyah Al-Qur'an, kerana Al-Qur'an memulangkan manusia kepada peraturan-peraturan alam yang diciptakan Allah selaku undang-undang yang tetap dan teratur rapi bagi seluruh harakat dan gejala alam.

Tetapi usaha menghadapi tekanan khurafat dari satu segi dan tekanan kemajuan sains di satu segi yang lain itu telah meninggalkan kesan-kesan keterlaluan di dalam Sekolah Pemikiran 'Aqliyah, iaitu keterlaluan berhemat dan kecenderungan menjadikan undang-undang alam yang biasa itu sebagai kaedah semesta bagi peraturan Allah, kerana itu dalam tafsir al-Ustaz as-Syeikh Muhammad 'Abduh dan tafsir dua orang muridnya al-Ustaz as-Syeikh Rasyid Redha dan al-Ustaz Abdul Qadir al-Maghribi, terdapat kecenderungan yang jelas mentafsirkan banyak perkara yang luar biasa dengan undang-undang Allah yang biasa dan menta'wilkan setengah-setengahnya dengan ta'wilan-ta'wilannya yang dikira sesuai dan rasional, di samping terdapat kecenderungan terlalu hati-hati dan hemat dalam menerima cerita-cerita kuasa ghaib.

Di samping kesedaran dan penghargaan kami terhadap faktor-faktor alam sekitar yang melahirkan aliran pemikiran 'aqliyah ini, kami dapati ada unsur keterlaluan dan pengabaian terhadap satu aspek yang lain dari persepsi Al-Qur'an yang sempurna, iaitu ia melupakan aspek kebebasan iradat dan qudrat Allah di sebalik peraturan-peraturan alam yang dipilih oleh-Nya, sama ada peraturan-peraturan biasa atau peraturan-peraturan luar biasa. Kebebasan iradat ini menolak 'aqal untuk menjadi hakim yang memberi keputusan terakhir, dan menolak apa yang difikirkan 'aqal sebagai asas segala pentafsiran, dengan erti sesuatu peristiwa yang tidak sesuai dengan 'aqal pastilah dita'wilkan sebagaimana yang ditegaskan berulang-ulang kali dalam tafsir tokoh-tokoh sekolah ini.

Undang-undang Biasa Bukanlah Keseluruhan Undang-undang Allah

Di samping itu pula, undang-undang Allah yang biasa itu bukanlah merupakan keseluruhan undang-undang Allah, malah ia hanya merupakan sebahagian yang kecil sahaja yang tidak cukup untuk mentafsirkan segala undang-undang yang berlaku di alam ini. Kedua, undang-undang Allah yang biasa dan yang luar biasa sama-sama menjadi bukti yang menunjukkan kebesaran qudrat Allah dan kehalusan perencanaan-Nya.

Semuanya ini di samping berhemat terhadap khurafat dan menolak dongeng dengan cara yang cukup sederhana adalah tidak terpengaruh dengan saranan persekitaran yang khusus, juga tidak terpengaruh dalam menghadapi tradisi intelektual yang lumrah di mana-mana zaman.

Ada satu kaedah yang terjamin selamat dalam mentafsirkan nas-nas Al-Qur'an, iaitu kita tidak harus menghadapi nas-nas Al-Qur'an dengan tanggapan-tanggapan 'aqliyah yang terdahulu atau dengan tanggapan-tanggapan yang telah diterima umum atau dengan tanggapan-tanggapan yang wujud di dalam sesuatu persoalan yang ditangani nas-nas Al-Qur'an, malah kita harus menghadapi nas-nas itu sebagai sumber untuk menerima tanggapan-tanggapan kita iaitu imaniyah kita. Justeru itu dari nas-nas inilah kita menerima tanggapan-tanggapan yang berhubung dengan hal-hal keimanan kita dan membentuk kaedah-kaedah logik dan semua persepsi kita. Andainya nas-nas itu menetapkan sesuatu persepsi, maka itulah yang seharusnya merupakan tanggapan kita mengikut sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Al-Qur'an. Itu ialah kerana pemikiran 'aqal yang kita mahu berhakimkannya dalam memahami persepsi-persepsi Al-Qur'an mengenai peristiwa-peristiwa alam, sejarah manusia dan perkara-perkara ghaib, adalah hasil pemikiran yang dikeluarkan oleh realiti kehidupan dan pengalaman manusia yang terbatas.

Hanya Al-Qur'an Layak Menjadi Sumber Kekuatan-kekuatan 'Aqliyah

Walaupun 'aqal itu sendiri mempunyai kekuatan mutlak yang tidak terikat dengan butir-butir ujian dan kejadian yang tertentu, malah ia mengatasi dan meningkat kepada pengertian-pengertian niskala di sebaliknya, namun pada penghabisannya ia tetap terbatas pada batas-batas kewujudan kita sebagai manusia, sedangkan kewujudan kita bukanlah suatu kewujudan yang mutlak seperti kewujudan Allah. Oleh kerana Al-Qur'an itu terbit dari Allah yang bersifat mutlak, maka Al-Qur'an itulah yang berhak menentukan persepsi kepada kita dan segala persepsi Al-Qur'an harus merupakan sumber untuk membentuk tanggapan-tanggapan 'aqliyah kita itu sendiri. Berdasarkan hakikat ini, tidak wajar dikatakan: "Bahawa keterangan sesuatu nas Al-Qur'an itu bercanggah dengan 'aqal, kerana itu ia perlu dita'wilkan" sebagaimana sering berlaku dalam tanggapan-tanggapan yang dikemukakan tokoh-tokoh aliran 'aqliyah ini. Tetapi ini bukanlah bererti kita harus berserah bulat kepada khurafat-khurafat, bahkan maksudnya ialah 'aqal kita bukanlah satu-satunya pemutus dalam mentafsirkan persepsi Al-Qur'an. Selama pengertian dari pengucapan atau pengungkapan Al-Qur'an itu jelas dan terang, maka pengertian itulah yang menentukan bagaimana seharusnya 'aqal kita menerima pengertian itu dan bagaimana seharusnya membentuk asas-asas kefahaman dan logik 'aqliyah kita terhadap pengertian-pengertian Al-Qur'an dan terhadap hakikat alam yang lain.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 2)

Tahun Gajah

Kembali kepada Surah al-Fil dan maksud ceritanya:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَٰبِ ٱلْفِيلِ ١

"Tidakkah engkau lihat bagaimana Tuhanmu bertindak terhadap tentera-tentera bergajah?"(1)

Ia merupakan satu pertanyaan dengan tujuan menimbulkan rasa kagum terhadap peristiwa yang amat besar itu. Peristiwa itu begitu terkenal dan masyhur di sisi umat Arab hingga mereka jadikannya sebagai tahun permulaan sejarah. Mereka berkata, "Kejadian itu berlaku di Tahun Gajah dan kejadian ini berlaku dua tahun sebelum Tahun Gajah atau berlaku sepuluh tahun selepas Tahun Gajah." Pendapat yang masyhur, Rasulullah s.a.w. telah dilahirkan pada Tahun Gajah itu sendiri, dan ini mungkin merupakan salah satu dari penyesuaian-penyesuaian Ilahiyah yang indah, yang memang dirancangkan.

Di sini jelaslah bahawa tujuan surah ini bukanlah untuk menceritakan suatu kisah yang tidak diketahui oleh orang-orang Arab, malah untuk mengingatkan mereka dengan kisah yang diketahui mereka untuk sesuatu maksud di sebaliknya.

Kemudian selepas ayat pertama ia menyambung cerita itu dalam bentuk pertanyaan yang sama dan membawa erti penjelasan (istifham taqriri).

Kaum Quraisy Diingatkan Supaya Bersyukur

أَلَمْ يَجْعَلْ كَيْدَهُمْ فِى تَضْلِيلٍ ٢

"Tidakkah Dia jadikan rancangan jahat mereka berada dalam kesesatan?"(2)

Tidakkah rancangan jahat mereka sesat (gagal) dan tidak sampai matlamatnya sama seperti orang kesesatan jalan dan tidak sampai kepada tempat yang dituju. Mungkin dengan pertanyaan ini, Allah mahu mengingatkan kaum Quraisy terhadap ni'mat-Nya kepada mereka, iaitu ni'mat menjaga dan memelihara rumah Ka'bah semasa mereka tidak berdaya untuk menghadapi serangan tentera bergajah yang kuat itu. Semoga dengan peringatan itu mereka merasa malu kerana perbuatan mereka mengingkari Allah yang telah menolong mereka di sa'at kelemahan mereka, dan semoga mereka mengurangkan rasa keangkuhan dengan kekuatan mereka dalam menghadapi Nabi Muhammad s.a.w. dengan segelintir pengikut-pengikutnya yang beriman, kerana Allah telah pun menghancurkan tentera-tentera yang kuat yang mahu mencerobohkan rumah suci-Nya dan Ia berkuasa pula untuk menghancurkan orang-orang kuat yang sedang menentang Rasul-Nya dan da'wah-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 3 - 5)

Serangan Abrahah Digagalkan Dengan Angkatan Burung Dari Allah

Dalam ayat yang berikut ia menjelaskan bagaimana Allah menggagalkan rancangan jahat mereka dalam satu pemerian yang amat indah dan menarik.

وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ﴿٣﴾

تَرْمِيهِم بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ ﴿٤﴾

فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ ﴿٥﴾

"Dan Dia telah melepaskan ke atas mereka burung-burung yang terbang berpasuk-pasukan(3). Sambil melontarkan ke atas mereka batu-batu yang pejal(4). Lalu Dia menjadikan mereka (binasa) seperti daun-daun yang dimakan ulat."(5)

Kata-kata ابابيل bererti kumpulan atau pasukan-pasukan, dan kata-kata سجّيل berasal dari kata-kata Parsi yang tersusun dari dua kalimat yang bererti "batu dan tanah" iaitu batu yang berpalit dengan tanah.

كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ ﴿٥﴾

"Seperti daun-daun yang dimakan ulat."(5)

Kata-kata عصف bererti daun kayu yang kering, dan maksud dari daun yang dimakan ulat ialah daun-daun hancur kerana dimakan dan dicaing ulat atau ketika dimakan dan dikunyah binatang. Ini adalah satu gambaran fizikal pecahbelah tubuh badan akibat terkena batu-batu yang dilontar oleh pasukan-pasukan burung. Ini tidak perlu dita'wilkan dengan gambaran bahawa mereka dibinasakan dengan penyakit cacar.

* * * * * *

Saranan Dan Teladan Dari Peristiwa Kebinasaan Bala Tentera Bergajah

Tujuan dan teladan yang dapat diambil dari peringatan Allah terhadap peristiwa ini memang banyak:

Pertama, ia menyarankan bahawa Allah S.W.T. tidak mahu menyerahkan urusan memelihara rumah suci-Nya kepada kaum Musyrikin Arab walaupun mereka memang berbangga dengan rumah itu di samping menjaganya dan berlindung padanya. Apabila mahu menjaga dan mengisytiharkan naungan dan pengawasan-Nya terhadap rumah itu. Ia membiarkan kaum Musyrikin kalah di hadapan kekuatan bala tentera yang menyerang dan qudrat kuasa-Nya terus campurtangan secara terang-terangan mempertahankan keselamatan rumah suci itu supaya orang-orang Musyrikin tidak mempunyai sebarang jasa mempertahankan rumah itu dengan semangat jahiliyah mereka. Keadaan latar belakang ini amat kuat menyokong bahawa urusan untuk membinasa tentera-tentera penceroboh adalah diatur mengikut undang-undang yang luar biasa bukanlah mengikut undang-undang biasa, kerana cara inilah yang lebih munasabah.

Sepatutnya campurtangan qudrat Allah yang terus-terang itu dibalas segera oleh kaum Quraisy dan kaum-kaum Arab yang lain dengan menganut agama Allah yang telah dibawa oleh Rasulullah s.a.w., dan tidak sepatutnya kebanggaan dan penjagaan mereka terhadap rumah suci dan berhala-berhala mereka yang mereka dirikan di sekelilingnya itu menjadi halangan kepada mereka untuk memeluk Islam. Peringatan Allah,dengan peristiwa itu dengan cara begini merupakan sebahagian dari kecaman terhadap mereka merupakan satu pernyataan hairan dan aneh terhadap sikap mereka yang degil itu.

Peristiwa itu juga menyarankan bahawa Allah tidak memberi kesempatan kepada Ahlil-Kitab iaitu Abrahah dan bala tenteranya untuk merobohkan Baitul-Haram dan menguasai tanah suci itu walaupun ia telah dicemari oleh kepercayaan syirik dan walaupun ia orang-orang Musyrikin sendiri menjadi penjaganya supaya rumah suci itu kekal bebas dari segala kekuasaan pemerintah-pemerintah dan kekal selamat dari rancangan-rancangan jahat, juga supaya kebebasan tanah suci itu kekal selamat dari rancangan-rancangan jahat, juga supaya kebebasan tanah suci itu kekal terpelihara agar agama yang baru itu dapat tumbuh dengan bebas tanpa dikongkong oleh sebarang kuasa dan tanpa dikuasai oleh mana-mana pemerintah yang zalim dan agar agama ini yang datang untuk mengatasi semua agama dan kepimpinan seluruh manusia tidak dinaungi dan dipimpin oleh yang lain. Inilah perancangan Allah terhadap rumah suci-Nya dan terhadap Nabi-Nya sebelum ada seorang manusia pun yang tahu bahawa Nabi yang akan membawa agama yang baru itu telah dilahirkan pada tahun tersebut.

Kita merasa gembira dan tenteram dengan saranan surah ini terhadap perasaan tamak haloba Gerakan Salibiyah Antarabangsa dan Gerakan Zionisme Antarabangsa yang berlegar di sekeliling tempat-tempat suci Islam. Gerakan-gerakan itu tidak berhenti-henti merancang secara sulit untuk melaksanakan tamak haloba mereka yang jahat itu. Allah 'Azzawajalla yang telah memelihara rumah suci-Nya dari pencerobohan Ahlil-Kitab itu akan terus menjaga dan memeliharanya, juga memelihara Madinatul-Rasul dari segala rancangan-rancangan yang jahat itu.

Saranan yang ketiga dari surah ini ialah bangsa Arab tidak pernah memainkan peranan penting di dunia, malah tidak mempunyai identiti sebelum Islam. Di Yaman, mereka merengkok di bawah penjajahan Parsi atau Habshah, kerajaan Arab yang berdiri di sana kadang-kadang berada di bawah naungan Parsi. Di utara, negeri Syam berada di bawah penjajahan Rom, baik secara langsung mahupun dalam bentuk

tertubuhnya sebuah kerajaan Arab di bawah naungan kerajaan Rom. Tiada wilayah yang terselamat dari penjajahan asing melainkan wilayah tengah Semenanjung Arab, tetapi wilayah itu berada dalam keadaan hidup berpindah randah dan berpecahbelah dan tidak dapat membentuk satu kekuatan yang hakiki dalam percaturan kuasa dunia. Peperangan antara qabilah berlaku selama empat puluh tahun, tetapi qabilah-qabilah itu baik secara berasing mahupun secara terkumpul tidak pernah mempunyai kekuatan yang disegani oleh negeri-negeri jiran yang kuat. Apa yang telah berlaku dalam Tahun Gajah itu merupakan ukuran kekuatan qabilah-qabilah itu apabila terdedah kepada serangan asing,

Kebangkitan Arab Di Bawah Panji-panji Islam

Hanya di bawah panji-panji Islam sahaja bangsa Arab bagi pertama kalinya dalam sejarah memainkan peranan antarabangsa dan mempunyai kekuatan kerajaan yang digeruni, iaitu kekuatan yang menyapu kerajaan-kerajaan, menghancurkan singgahsana-singgahsana dan memimpin umat manusia setelah dihapuskan kepimpinan-kepimpinan jahiliyah yang sesat. Tetapi faktor yang menyediakan kebangkitan bangsa Arab bagi kali pertama di dalam sejarah mereka ialah kerana mereka lupakan diri mereka sebagai bangsa Arab, mereka lupakan semangat kebangsaan dan perkauman mereka. Yang diingat hanya mereka adalah orang-orang Islam sahaja dan panji-panji yang dikibarkan mereka hanya panji-panji Islam sahaja. Mereka membawa satu 'aqidah raksasa yang kuat kepada manusia sebagai rahmat dan kebajikan untuk mereka. Mereka tidak membawa gagasan kebangsaan dan perkauman. Mereka membawa gagasan dari langit untuk diajarkan kepada manusia, bukannya membawa aliran pemikiran dari bumi untuk menundukkan manusia di bawah pengaruhnya. Mereka keluar dari negeri mereka semata-mata untuk berjihad di jalan Allah, bukan untuk membina sebuah Empayar Arab yang mewah makmur, angkuh dan takbur, bukan untuk mengeluarkan umat Arab dari penjajahan Rom dan Parsi kepada pemerintahan bangsa Arab sendiri, malah mereka keluar untuk mengeluarkan manusia daripada menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Tunggal tepat seperti ucapan Rab'i ibn 'Amir utusan orang Islam di majlis Yazdajarad (يزدجرد):

الله ابتعثنا لنخرج الناس من عبادة العباد إلى عبادة الله وحده . ومن ضيق الدنيا إلى سعة الآخرة ، ومن جور الأديان إلى عدل الإسلام.

"Allah mengutuskan kami untuk mengeluarkan umat manusia dari menyembah sesama manusia kepada menyembah Allah Yang Tunggal, dari kesempitan dunia kepada keluasan hidup Akhirat, dari kezaliman agama-agama kepada keadilan Islam."[2]

Arab Kembali Jatuh Setelah Meninggalkan Panji-panji Islam

Ketika inilah sahaja bangsa Arab mempunyai kewujudannya, memiliki kekuatan dan memegang teraju kepimpinan dan semuanya itu adalah untuk Allah dan untuk jalan Allah. Mereka terus mempunyai kekuatan dan memegang teraju kepimpinan selama mereka berjalan lurus di atas jalan Islam, tetapi apabila mereka telah menyimpang darinya dan mengingatkan kembali semangat kebangsaan dan perkauman mereka, dan apabila mereka tinggalkan panji-panji Islam untuk mengibarkan panji-panji kebangsaan dan perkauman, mereka dibuang oleh bumi dan dipijak oleh bangsa-bangsa yang lain, kerana Allah telah meninggalkan mereka apabila mereka meninggalkan Allah, dan melupakan mereka apabila mereka lupakan Allah.

Apakah nilai umat Arab tanpa Islam? Apakah gagasan yang dapat disumbangkan oleh bangsa Arab kepada umat manusia apabila mereka tinggalkan gagasan Islam! Apakah nilai satu bangsa yang tidak menyumbangkan sesuatu gagasan kepada umat manusia? Setiap bangsa yang pernah memimpin umat manusia dalam mana-mana zaman sejarah adalah mendukung sesuatu gagasan yang tertentu, sedangkan bangsa-bangsa yang tidak mendukung sesuatu gagasan seperti bangsa Tartar yang menyerang negeri Timur dan bangsa Barbarian yang menyerang kerajaan Rom di Barat tidak dapat hidup lama, mereka telah larut dalam bangsa-bangsa yang ditaklukkan mereka. Satu-satunya gagasan yang dapat disumbangkan oleh bangsa Arab kepada umat manusia ialah 'aqidah Islamiyah. 'Aqidah inilah yang pernah mengangkatkan mereka ke mercu kepimpinan. Andainya mereka tinggalkan 'aqidah ini, maka tiada lagi suatu fungsi dan peranan untuk mereka di bumi ini. Inilah yang patut diingat baik-baik oleh umat Arab jika mereka mahu hidup, mahu memiliki kekuatan dan mahu memegang teraju kepimpinan. Dan hanya Allah sahaja yang dapat memberi hidayat dari kesesatan.

* * * * * *

---

[2] البداية والنهاية, *oleh Ibn Kathir.*

JUZU' KE-30

SURAH QURAYSY

SURAH KE

106

سُورَةُ قُرَيْشٍ

SURAH QURAYSY

Surah Kaum Quraysy

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

4

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

لِإِيلَٰفِ قُرَيْشٍ ١
إِۦلَٰفِهِمْ رِحْلَةَ ٱلشِّتَآءِ وَٱلصَّيْفِ ٢
فَلْيَعْبُدُوا۟ رَبَّ هَٰذَا ٱلْبَيْتِ ٣
ٱلَّذِىٓ أَطْعَمَهُم مِّن جُوعٍ وَءَامَنَهُم مِّنْ
خَوْفٍۭ ٤

"Kerana (mengenangkan ni'mat) kebiasaan kaum Quraysy(1). Iaitu kebiasaan mereka melakukan perjalanan perniagaan di musim sejuk dan panas(2). Maka kerana itu hendaklah mereka menyembah Tuhan rumah Ka'bah ini(3). Yang telah mengurniakan makanan dan menyelamatkan mereka dari kelaparan dan mengamankan mereka dari ketakutan."(4).

Hasil Do'a Nabi Ibrahim

Allah 'Azzawajalla telah memperkenankan do'a kekasih-Nya Nabi Ibrahim apabila beliau berdo'a kepada-Nya selepas selesai membina rumah Ka'bah dan membersihkannya:

رَبِّ ٱجْعَلْ هَٰذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَٱرْزُقْ أَهْلَهُۥ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ

"Ya Tuhanku! Jadikanlah negeri ini sebuah negeri yang aman sentosa dan kurniakanlah rezeki dari buah-buahan kepada penduduknya."

(Surah al-Baqarah: 126)

Lalu Allah jadikan negeri ini aman sentosa dan bebas dari kuasa pemerintah-pemerintah yang zalim, dan Dia jadikan orang-orang yang tinggal di sana aman sentosa walaupun negeri-negeri di sekelilingnya sentiasa diancam ketakutan, sehingga sampai kepada zaman penduduk-penduduknya menyeleweng dari agama yang benar dan melakukan syirik terhadap Allah dengan menyembah berhala-berhala. Ini semua dilakukan Allah kerana satu hikmat yang dikehendaki-Nya terhadap rumah suci itu.

Apabila bala tentera bergajah datang untuk merobohkannya, mereka telah menerima akibat yang menghancurkan mereka sebagaimana yang diterangkan dalam Surah al-Fil. Allah telah memelihara keamanan dan kesentosaan rumah ini dan menjaga kehormatannya, sebagaimana diterangkan Allah:

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا جَعَلْنَا حَرَمًا ءَامِنًا وَيُتَخَطَّفُ
ٱلنَّاسُ مِنْ حَوْلِهِمْ

"Tidakkah mereka melihat. Kami jadikan (negeri mereka) tanah suci yang aman sentosa, sedangkan manusia (di negeri-negeri) di sekeliling mereka rompak-merompak"

(Surah al-Ankabut: 67)

Kesan Kehancuran Bala Tentera Bergajah

Peristiwa serangan bala tentera bergajah memberi kesan yang amat besar. Ia menambahkan kehormatan rumah Ka'bah di seluruh pelusuk Semenanjung Tanah Arab, juga meninggikan darjat penduduk-penduduknya dan para penjaganya dari kaum Quraysy. Ini menolong mereka dapat menjelajah ke negeri-negeri lain dengan aman, kerana di mana sahaja mereka pergi, mereka dihormati dan dilayani dengan baik. Ini juga menggalakkan mereka mengadakan perjalanan perniagaan dua hala yang besar dengan angkatan-angkatan kafilah iaitu perjalanan ke Yaman di selatan dan perjalanan ke Syam di utara serta mengatur dua angkatan perniagaan yang besar, iaitu pertama kafilah perniagaan yang menuju ke Yaman dimusim sejuk, yang kedua angkatan kafilah perniagaan yang menuju ke Syam di musim panas.

Walaupun keamanan jalan-jalan bukit di Semenanjung Tanah Arab dalam keadaan yang buruk dan penuh dengan kejadian samun-menyamun, tetapi kehormatan Baitullah yang dirasakan di seluruh pelusuk Semenanjung Tanah Arab telah menjamin keamanan dan keselamatan kepada penduduknya dalam kegiatan-kegiatan perniagaan mereka. Kaum Quraysy telah diberikan suatu keistimewaan. Pintu-pintu rezeki dibuka luas di hadapan mereka dan mereka dapat berniaga di dalam keadaan aman sentosa. Mereka menjadi begitu biasa dengan dua perniagaan yang menguntungkan itu sehingga kedua-duanya menjadi tradisi dalam kehidupan mereka.

Inilah ni'mat kehidupan yang diperingatkan Allah kepada kaum Quraysy selepas kebangkitan Rasulullah sebagaimana Allah peringatkan mereka dengan peristiwa serangan bala tentera bergajah dalam Surah al-Fil. Inilah ni'mat adat kebiasaan mereka melakukan dua perjalanan perniagaan di musim dingin dan di

musim panas. Itulah ni'mat rezeki yang mewah hasil dari dua perjalanan perniagaan itu, sedangkan negeri mereka kering kontang. Mereka dapat hidup selesa dan senang dari limpah kurnia Allah. Itulah ni'mat keamanan dari ketakutan sama ada di kampung halaman mereka sendiri di sekitar Baitullah atau dalam perjalanan-perjalanan mereka ke lain-lain negeri. Mereka selama-lamanya berada dalam lindungan kehormatan rumah suci Ka'bah yang dipelihara Allah dari segala pencerobohan.

Allah mengingatkan kaum Quraysy dengan ni'mat-ni'mat itu supaya mereka merasa malu kerana menyembah yang lain dari Allah, sedangkan Allah itulah Penaung rumah suci itu, mereka hidup aman sentosa dan di atas nama rumah suci itu mereka diberi layanan yang baik dalam perjalanan-perjalanan mereka dan mereka dapat pulang kembali dengan selamat.

Allah berfirman kepada kaum Quraysy kerana mengenangkan ni'mat kebiasaan orang Quraysy yang melakukan perjalanan perniagaan di musim sejuk dan musim panas, maka sudah sewajarnya mereka menyembah Allah penaung rumah suci itu yang telah mengurniakan ni'mat keamanan kepada mereka dan menjadikan mereka begitu biasa dan selesa dengan perjalanan-perjalanan perniagaan itu, dan dari perniagaan inilah mereka memperolehi hasil keuntungan yang mewah. Kerana itu:

فَلْيَعْبُدُوا۟ رَبَّ هَٰذَا ٱلْبَيْتِ ③

"Maka kerana itu hendaklah mereka menyembah Tuhan rumah Ka'bah ini."(3)

ٱلَّذِىٓ أَطْعَمَهُم مِّن جُوعٍ

"Yang telah mengurniakan makanan dan menyelamatkan mereka dari kelaparan."(4)

Mengikut keadaan bumi negeri, mereka sepatutnya sentiasa diancam kelaparan, tetapi Allah selamatkan mereka dengan bekalan-bekalan makanan dari kelaparan itu.

وَءَامَنَهُم مِّنْ خَوْفٍۭ ④

"Dan mengamankan mereka dari ketakutan."(4)

Mengikut keadaan mereka yang lemah dan keadaan alam sekitar di sekeliling mereka sepatutnya sentiasa diancam ketakutan, tetapi Allah mengamankan mereka dari ketakutan itu.

Itulah peringatan Allah yang sewajarnya menimbulkan rasa malu di dalam hati kaum Quraysy. Mereka bukannya tidak tahu nilai Baitullah dan kesan kehormatannya dalam kehidupan mereka. Malah dalam sa'at-sa'at kesusahan dan duka nestapa, mereka tidak memohon perlindungan melainkan pada Tuhan rumah suci yang Tunggal itu sahaja. Lihat sahaja Abdul Muttalib, ia tidak menentang angkatan tentera Abrahah dengan kekuatan askar, tetapi ia menentang Abrahah dengan Tuhan rumah suci yang mengawal sendiri rumah-Nya. Ia tidak menentang Abrahah dengan patung dan berhala-berhala, ia tidak berkata kepada Abrahah: "Tuhan-tuhan itu akan melindungi keselamatan rumah suci mereka", tetapi apa yang dikatakan kepada Abrahah ialah, "Saya adalah tuan kepada unta-unta yang dirampas engkau, dan rumah ini mempunyai tuannya yang akan mempertahankannya." ....Tetapi sayang kesesatan dan penyelewengan zaman jahiliyah tidak mengakui logik, tidak pulang kepada kebenaran dan tidak kembali kepada pandangan yang rasional.

Surah ini adalah lanjutan dari Surah al-Fil sebelumnya dari segi pokok persoalan dan suasana, walaupun ianya merupakan satu surah yang berasingan yang dimulakan dengan Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Menurut riwayat-riwayat hadith, di antara turunnya Surah al-Fil dan Surah Quraysy adalah dipisahkan oleh sembilan surah yang lain, tetapi tertib kedua-dua surah ini di dalam mashaf adalah disusun beriringan sesuai dengan pokok persoalan keduanya yang hampir sama.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-MA'UN

SURAH KE

107

سُورَةُ المَاعُون

SURAH AL-MA'UN

Surah Pertolongan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

7

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

أَرَءَيۡتَ ٱلَّذِي يُكَذِّبُ بِٱلدِّينِ ١

فَذَٰلِكَ ٱلَّذِي يَدُعُّ ٱلۡيَتِيمَ ٢

وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلۡمِسۡكِينِ ٣

فَوَيۡلٞ لِّلۡمُصَلِّينَ ٤

ٱلَّذِينَ هُمۡ عَن صَلَاتِهِمۡ سَاهُونَ ٥

ٱلَّذِينَ هُمۡ يُرَآءُونَ ٦

وَيَمۡنَعُونَ ٱلۡمَاعُونَ ٧

"Adakah engkau lihat orang yang mendustakan agama?(1). Itulah orang yang menindas anak-anak yatim(2). Dan tidak menggalakkan memberi makanan kepada orang miskin(3). Kecelakaan bagi orang-orang yang melakukan solat(4). Yang lalai dari solat mereka(5). Juga orang-orang yang ria'(6). Dan orang-orang yang enggan memberi pertolongan."(7).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Dalam setengah-setengah riwayat, surah ini diturun di Makkah. Dan dalam setengah-setengah riwayat yang lain, surah ini turun di Makkah dan di Madinah (iaitu tiga ayat yang pertama turun di Makkah dan bakinya turun di Madinah). Riwayat yang akhir inilah riwayat yang terkuat. Walaupun keseluruhan surah ini merupakan satu kesatuan yang padu dan mempunyai tujuan yang satu untuk menerangkan satu hakikat umum dari hakikat-hakikat 'aqidah Islam yang hampir-hampir membuat kami cenderung menganggapkan sebagai satu surah yang turun di Madinah semuanya, kerana persoalan yang diperkatakan surah ini adalah dari persoalan ayat-ayat Al-Qur'an yang diturun di Madinah iaitu persoalan hipokrit dan ria' yang tidak terkenal di kalangan angkatan Muslimin Makkah, tetapi penerimaan riwayat yang mengatakan surah ini turun di Makkah dan Madinah tidaklah menjadi suatu halangan, kerana kemungkinan empat ayat yang akhir diturunkan di Makkah, kemudian dihubungkan dengan tiga ayat yang pertama, kerana kedua-duanya mempunyai keserupaan dan pertalian dari segi persoalan. Cukuplah sekadar ini sahaja agar kita dapat terus membicarakan maudhu' surah ini dan hakikat agung yang hendak diolahkannya.

* * * * * *

Surah yang kecil mengandungi tujuh ayat yang pendek ini adalah memperkatakan satu hakikat agama yang amat besar yang hampir-hampir mengubahkan sama sekali pengertian biasa iman dan kufur, di samping mengemukakan kepada hati manusia satu hakikat yang gemilang tentang tabi'at agama ini dan tentang kebajikan yang amat besar yang disediakan kepada manusia dalam agama ini, juga tentang rahmat yang sempurna yang hendak dilimpahkan Allah kepada manusia apabila Dia mengutuskan risalah terakhir ini kepada mereka.

Islam Bukan Agama Kulit Dan Agama Upacara

Agama Islam ini bukanlah agama rupa lahiriah dan agama upacaraan. Rupa bentuk ibadat yang zahir dan syi'ar-syi'arnya itu tidak membawa apa-apa erti selama ia tidak lahir dari hati yang ikhlas kerana Allah, iaitu keikhlasan yang meninggalkan kesan-kesan dalam hati yang mendorong seseorang ke arah melakukan amalan-amalan yang soleh atau kesan-kesan yang dapat dilihat dengan jelas dalam kelakuan dan kegiatan-kegiatan yang mendatangkan kebaikan dan kemajuan kepada kehidupan manusia di bumi ini.

Demikian juga agama Islam bukanlah ajaran-ajaran yang berasingan atau bahagian-bahagian yang berselerak dan terpisah satu dengan lain, di mana seseorang itu boleh membuat apa yang disukainya dan meninggalkan apa yang tidak disukainya, malah agama

Islam merupakan satu program yang sepadu iaitu kegiatan-kegiatan ibadat dan syi'ar-syi'arnya bekerjasama dengan tugas perseorangan dan tugas-tugas sosial dan semuanya menuju kepada satu matlamat kebaikan manusia, iaitu matlamat yang mendatangkan kebersihan kepada hati dan kebaikan kepada kehidupan), matlamat yang menjadikan manusia bekerjasama dan saling membantu dalam usaha kebajikan, kebaikan dan kemajuan, satu matlamat yang menggambarkan rahmat Allah yang sempurna terhadap para hamba-Nya.

Seseorang boleh mengaku dengan lidahnya bahawa dia adalah seorang Muslim yang beriman kepada

agama Islam dan ajarannya. Ia mungkin mendirikan solat dan melakukan ibadat-ibadat yang lain dari solat, namun hakikat keimanan dan kepercayaan terhadap agama ini masih jauh darinya, kerana hakikat keimanan itu mempunyai alamat-alamatnya yang membuktikan kewujudannya. Selama alamat-alamat itu tidak wujud, maka keimanan dan kepercayaan pun turut tidak wujud walaupun lidahnya mengaku dan walaupun ia berbuat ibadat.

Apabila hakikat keimanan bertunjang di hati, ia terus bergerak di dalam kegiatan-kegiatan amalan soleh untuk membuktikan kewujudannya, dan andainya pergerakan yang seumpama itu tidak ada, maka itulah bukti bahawa hakikat keimanan itu tidak wujud. Inilah pernyataan tegas dari surah ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

Bukti Keimanan Yang Sebenar

أَرَءَيْتَ ٱلَّذِى يُكَذِّبُ بِٱلدِّينِ ۝١

فَذَٰلِكَ ٱلَّذِى يَدُعُّ ٱلْيَتِيمَ ۝٢

وَلَا يَحُضُّ عَلَىٰ طَعَامِ ٱلْمِسْكِينِ ۝٣

"Adakah engkau lihat orang yang mendustakan agama?(1). Itulah orang yang menindas anak-anak yatim(2). Dan tidak menggalakkan memberi makanan kepada orang miskin."(3)

Ayat ini dimulakan dengan pernyataan yang dihadapkan kepada siapa yang boleh melihat supaya melihat. Dan orang yang mendengar pertanyaan ini akan tertunggu-tunggu untuk melihat siapakah yang dituju oleh ayat ini, tiba-tiba jawapannya, **"Itulah orang yang menindas anak-anak yatim dan tidak menggalakkan memberi makanan kepada orang miskin."**

Mungkin jawapan itu memeranjatkan apabila dibandingkan dengan ta'rif keimanan yang biasa, tetapi jawapan itu sebenarnya merupakan intisari hakikat keimanan, iaitu orang yang mendustakan agama ialah orang yang menindas, menghina menyakiti anak-anak yatim dan tidak menggalakkan orang lain memberi makanan kepada orang-orang miskin. Jika benar ia mempercayai agama dan jika benar hakikat keimanan itu telah mantap di hatinya, tentulah dia tidak akan menindas anak-anak yatim dan tentulah dia tidak akan cuai memberi galakan supaya memberi makanan kepada orang miskin.

Hakikat mempercayai agama bukannya kata-kata yang dituturkan lisan, tetapi ialah suatu perubahan dalam hati yang mendorong seseorang membuat kebaikan dan kebaktian kepada saudara sesama manusia yang memerlukan pemeliharaan dan naungan. Allah tidak menghendaki kata-kata dari manusia, tetapi Allah mahukan tindakan-tindakan yang mengotakan kata-kata mereka. Tanpa tindakan, kata-kata itu kosong sahaja, tidak mempunyai sebarang nilai di sisi Allah.

Tiada yang lebih tegas dari tiga ayat tadi dalam menegakkan hakikat ini iaitu satu hakikat yang menggambarkan roh dan tabi'at 'aqidah Islam dengan gambaran yang setepat-tepatnya.

Di sini kami tidak mahu masuk ke dalam perdebatan Fiqhiyah mengenai ta'rif-ta'rif keimanan dan ta'rif-ta'rif Islam, kerana ta'rif-ta'rif Fiqhiyah itu adalah bertujuan dijadikan asas untuk ditegakkan hukum-hukum mu'amalat syari'yah di atasnya. Adapun di sini surah ini menjelaskan hakikat keagamaan yang sebenar mengikut pertimbangan Allah dan neraca-Nya, dan ini adalah satu perkara yang lain dari ta'rif-ta'rif yang zahir untuk ditegakkan hukum-hukum mu'amalat di atasnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 7)

Gambaran Keimanan Amali

Berdasarkan hakikat yang pertama ini, Allah memberi satu gambaran dari gambaran-gambaran keimanan yang amali:

فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّينَ ۝٤

ٱلَّذِينَ هُمْ عَن صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ۝٥

ٱلَّذِينَ هُمْ يُرَآءُونَ ۝٦

وَيَمْنَعُونَ ٱلْمَاعُونَ ۝٧

"Kecelakaan bagi orang-orang yang melakukan solat(4). Yang lalai dari solat mereka(5). Juga orang-orang yang ria'(6). Dan orang-orang yang enggan memberi pertolongan."(7)

Itulah do'a atau janji kebinasaan terhadap orang-orang yang melakukan solat sedangkan mereka lalai dari solat mereka. Siapakah orang-orang yang lalai dari solat itu? Mereka ialah:

Solat Bukan Harakat-harakat Yang Kosong Tanpa Penghayatan Jiwa Yang Ikhlas

ٱلَّذِينَ هُمْ يُرَآءُونَ ۝٦

وَيَمْنَعُونَ ٱلْمَاعُونَ ۝٧

"Orang-orang yang ria'(6). Dan orang-orang yang enggan memberi pertolongan."(7)

Mereka bersembahyang tetapi tidak mendirikan sembahyang. Mereka melakukan gerak-geri solat dan membaca segala bacaannya, tetapi hati mereka tidak menghayati bacaan-bacaan itu dan tidak hidup dengannya. Jiwa mereka tidak menghadirkan hakikat

solat dan hakikat isinya dari bacaan-bacaan, do'a-do'a dan tasbih-tasbih. Mereka bersembahyang kerana menunjukkan kepada orang lain bukannya kerana Allah, kerana itu mereka lalai dari solat dan tidak mendirikannya. Yang dituntut Allah ialah mendirikan solat bukannya semata-mata melakukan gerak-geri solat. Maksud mendirikan solat ialah menghadirkan hakikatnya dan menunaikannya dengan ikhlas kerana Allah Yang Tunggal.

Kerana itulah ibadat solat tidak meninggalkan kesan-kesannya di dalam jiwa orang-orang yang melakukan ibadat solat dengan kelalaian.

Mereka enggan memberi pertolongan dan enggan berbakti dan berbuat kebajikan kepada saudara-saudara mereka sesama manusia. Andainya mereka benar-benar mendirikan solat, tentulah mereka tidak akan enggan memberi pertolongan kepada hamba-hamba Allah yang lain. Inilah batu uji ibadat yang sebenar yang diterima Allah.

Demikianlah kita dapati diri kita sekali lagi berdepan dengan hakikat agama Allah, dan kita dapati satu nas Al-Qur'an yang mengecam orang-orang yang melakukan solat dengan 'azab kecelakaan yang besar kerana mereka tidak mendirikan solat dengan sebenar-benarnya. Mereka hanya melakukan gerak-geri yang tidak berjiwa dan tidak ikhlas kerana Allah. Mereka mengerjakan solat kerana ria'. Justeru itu ibadat solat mereka tidak meninggalkan kesan dalam hati mereka. Solat mereka bukan sahaja kosong dan sia-sia, malah merupakan maksiat yang menunggu balasan yang berat.

* * * * * *

Apa Yang Allah Mahu Dari Manusia

Marilah kita melihat apakah hakikat yang dikehendaki Allah dari para hamba-Nya apabila Dia mengutuskan para rasul membawa risalah-risalah-Nya untuk mengajak mereka supaya beriman kepada-Nya dan supaya menyembahkan-Nya. Sebenarnya Allah S.W.T. tidak berkehendak sesuatu apa dari manusia untuk kepentingan zat-Nya, kerana Allah Maha Kaya, malah Dia mahu mereka mendapatkan kebaikan dan kebajikan untuk diri mereka sendiri. Dia mahukan hati mereka menjadi bersih dalam hidup mereka mencapai kebahagiaan. Dia mahu mereka membina satu kehidupan yang luhur yang ditegakkan di atas perasaan yang bersih, saling membantu, murah hati, kasih mesra, rasa persaudaraan, kesucian hati dan tingkahlaku yang bersih.

Ke manakah umat manusia hendak pergi jauh dari kebajikan, rahmat dan mercu yang indah, luhur dan mulia ini? Ke manakah mereka hendak pergi meraba-raba di padang gurun jahiliyah yang gelap-gelita, celaka dan merana, sedangkan di hadapan mereka terpancar nur agama Allah di persimpangan jalan?

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-KAUTHAR

SURAH KE

108

سُورَةُ الكَوْثَر

SURAH AL-KAUTHAR

Surah Ni'mat Yang Limpah

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

3

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَانْحَرْ ﴿٢﴾

إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ﴿٣﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad!) ni'mat yang melimpah-ruah(1). Kerana itu dirikanlah solat dan berkorbanlah dengan ikhlas kerana Tuhanmu(2). Sesungguhnya orang yang bencikan engkau dialah orang yang putus keturunan."(3).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini dihadapkan khusus kepada Rasulullah s.a.w. sama seperti Surah adh-Dhuha dan Surah asy-Syarh. Dalam surah ini, Allah hiburkan Rasul-Nya dan menjanjikannya dengan ni'mat kebajikan yang limpah, dan mengancamkan musuhnya dengan malapetaka keputusan keturunan dan mengarahkannya ke jalan bersyukur.

Kerana itu surah ini merupakan satu gambaran dari kehidupan da'wah dan kehidupan penda'wah di zaman permulaan Islam di Makkah, iaitu satu gambaran dari angkara dan gangguan-gangguan yang dihadapi Nabi s.a.w. dan da'wah yang disampaikannya, juga satu gambaran dari pemeliharaan dan naungan Allah terhadap hamba-Nya dari sekumpulan para Mu'min yang kecil. Allah meneguhkan hati Rasul-Nya, menenangkan fikirannya, memberi janji yang baik kepadanya dan mengancamkan musuhnya dengan malapetaka.

Begitu juga surah ini menggambarkan hakikat hidayat, kebajikan dan keimanan di samping menggambarkan hakikat kesesatan, kejahatan dan kekufuran. Hakikat yang pertama menyarankan sifatnya yang banyak, melimpah-ruah dan berlanjutan dan hakikat yang kedua menyarankan sifatnya yang remeh, tersorok dan terputus walaupun orang-orang yang lalai mempunyai tanggapan yang berlainan dari itu.

* * * * * *

Tersebut di dalam hadith-hadith bahawa tokoh-tokoh Quraysy yang biadab selalu mengganggu Rasulullah s.a.w. dan da'wahnya dengan berbagai-bagai tipu daya, sendaan, ejekan dan penghinaan untuk menjauhkan orang ramai dari mendengar (da'wahnya yang benar yang dibawa dari Allah. Di antara mereka ialah al-'As ibn Wa'il, 'Aqabah ibn Abu Mu'ait, Abu Lahab, Abu Jahl dan lain-lain. Mereka mencemuhkan Rasulullah s.a.w. sebagai manusia yang putus keturunan, kerana semua anak lelakinya wafat. Kata salah seorang dari mereka: "Biarkannya, kerana ia akan mati tanpa meninggalkan seorang pun anak lelaki, dan perjuangannya tak lama akan berakhir begitu sahaja."

Tipu daya yang kecil ini, mempunyai kesannya di dalam masyarakat Arab yang memang berbangga-bangga dengan anak-anak lelaki yang ramai. Tikaman ini digunakan oleh musuh-musuh Rasulullah s.a.w. yang bencikannya, dan mungkin tikaman ini telah menggoreskan hati beliau dan mendukacitakannya, kerana itulah turunnya surah ini untuk menenang dan menghiburkan hatinya dan untuk menerangkan hakikat ni'mat kebajikan yang kekal berterusan yang telah dipilih oleh Allah untuknya, dan menerangkan hakikat keputusan dan kepupusan yang disediakan untuk musuh-musuhnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

Ni'mat Yang Dilimpahkan Ke Atas Nabi Muhammad s.a.w.

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) ni'mat yang melimpah-ruah."(1)

Kata-kata al-Kauthar bererti banyak tidak terbatas, maksudnya Kami kurniakan kepadamu ni'mat-ni'mat kebajikan yang banyak dan melimpah-limpah tidak tersekat dan tidak terputus iaitu bertentangan dengan kempen-kempen yang dilancarkan oleh tokoh-tokoh Quraysy yang biadab itu.

Ni'mat Nubuwah

Bagi siapa yang ingin memeriksa ni'mat kebajikan yang melimpah-ruah yang dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya, ia akan menemuinya pada segala aspek yang difikirkan olehnya iaitu ia akan menemuinya pada ni'mat nubuwwah dan ni'mat hubungannya dengan Allah Yang Maha Besar, kerana orang yang

telah menemui Allah tidak akan kehilangan sesuatu apa.

Ni'mat Al-Qur'an

Ia akan menemuinya pada ni'mat Al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w., kerana satu surah dari Al-Qur'an merupakan satu ni'mat kebajikan yang melimpah-ruah tidak berkesudahan.

Ni'mat Al-Mala'ul-A'la

Ia akan menemuinya pada ni'mat alam al-Mala'ul-A'la (para malaikat yang tertinggi) yang sentiasa mendo'akan rahmat ke atas Rasulullah s.a.w. dan mendo'akan rahmat ke atas orang-orang yang mendo'akannya. Nama Rasulullah s.a.w. sentiasa berkembar dengan nama Allah, baik di bumi mahupun di langit.

Ni'mat As-Sunnah

Ia akan menemuinya pada ni'mat sunnah Rasulullah s.a.w. yang kekal berterusan sepanjang zaman di merata pelusuk bumi. Berjuta-juta manusia bersilih ganti menurut sunnahnya. Berjuta-juta lidah dan bibir tak berhenti-henti menyeru namanya. Berjuta-juta hati sentiasa cinta sirahnya dan sentiasa mengingatinya sampai Hari Qiamat.

Ni'mat AL-Kauthar

Ia akan menemuinya pada ni'mat kebajikan yang banyak yang melimpahi umat manusia dari seluruh generasi dengan sebab da'wahnya sama ada manusia-manusia yang mengenal ni'mat kebajikan itu dan beriman dengannya atau manusia-manusia yang tidak mengenainya tetapi turut dilimpahi ni'mat ke atas mereka.

Ia akan menemuinya pada ni'mat-ni'mat kebajikan di dalam berbagai-bagai bentuk dan rupa yang tidak terhitung banyaknya. Sebarang usaha untuk menghitungkan ni'mat-ni'mat Allah merupakan semacam usaha hendak memperkecilkannya.

Ni'mat al-Kauthar yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad s.a.w. adalah ni'mat ymg melimpah-ruah tidak terhingga, tidak terkira dan tidak terbatas. Oleh sebab itu ayat ini ditinggalkan begitu tanpa diberi huraian yang tertentu. Ia meliputi segala kebajikan yang berkembang subur.

Terdapat banyak hadith dari berbagai-bagai saluran yang menerangkan bahawa al-Kauthar itu ialah sebuah sungai di dalam Syurga yang dikumiakan kepada Rasulullah s.a.w. Tetapi menurut Ibn 'Abbas sungai itu merupakan salah satu ni'mat dari ni'mat-ni'mat kebajikan yang melimpah-ruah yang dikurniakan kepada Rasulullah s.a.w. dan pendapat ini amat munasabah dengan keterangan ayat Al-Qur'an.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 2)

Kewajipan Menzahirkan Kesyukuran Dan Keikhlasan

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَٱنْحَرْ ﴿٢﴾

"Kerana itu dirikanlah solat dan berkorbankan dengan ikhlas kerana Tuhanmu."(2)

Setelah menerangkan ni'mat yang melimpah-ruah yang bertentangan dengan kempen-kempen, orang-orang kafir itu, Allah memerintah Rasul-Nya s.a.w. supaya mensyukuri ni'mat itu dengan kewajipannya yang pertama, iaitu kewajipan mengikhlas dan memusatkan hati kepada Allah dalam amal ibadat, arah tujuan, iaitu mengerjakan solat dan menyembelihkan binatang korban dengan ikhlas kerana Allah tanpa menghiraukan kesyirikan kaum Musyrikin dan tanpa menyertai upacara ibadat mereka dan mengikuti perbuatan mereka yang menyebut-nyebut nama-nama yang lain dari nama Allah ketika menyembelih korban-korban mereka.

Seluruh Kehidupan Lahir Dan Batin Dikira Sebagai Satu Unit

Keterangan yang berulang-ulang supaya disebutkan nama Allah sahaja ketika disembelih binatang-binatang korban dan diharamkan binatang-binatang sembelihan yang disebutkan nama lain dari nama Allah menunjukkan betapa besarnya perhatian agama Islam dalam usaha membersihkan seluruh kehidupan dari kesan-kesan syirik bukan hanya sekadar membersihkan pemikiran dan hati sahaja. Islam adalah agama keesaan dengan segala ertikatanya dan segala bayangannya, dan agama tauhid yang bersih dan jelas, kerana itu Islam mengikut jejak syirik dalam segala bentuk rupanya dan di segala tempat persembunyiannya. Ia memburunya dengan keras sama ada dalam hati, dalam ibadat dan dalam adat resam kehidupan. Kehidupan lahir dan batin merupakan satu unit padu dan Islam melayaninya sebagai satu unit padu yang tidak berbelah-bahagi dan Islam berusaha membersihkannya dari segala noda syirik dan membawanya bertawajjuh kepada Allah dalam bentuknya yang bersih dan jelas sebagaimana yang kita dapat lihat dalam masalah binatang-binatang sembelihan dan lain-lainnya dari syi'ar-syi'ar ibadat dan tradisi-tradisi kehidupan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 3)

Nama Muhammad s.a.w. Dan Da'wah Yang Tidak Putus Disebut Dan Diperjuangkan

إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ ٱلْأَبْتَرُ ﴿٣﴾

"Sesungguhnya orang yang bencikan engkau dialah orang yang putus keturunan."(3)

Di dalam ayat pertama Allah menerangkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bukanlah seorang yang terputus, tetapi seorang yang dikurniakan ni'mat kebajikan yang melimpah-ruah dan berterusan. Di dalam ayat yang akhir ini pula, Allah menjelaskan bahawa orang yang terputus itu bukannya Nabi Muhammad s.a.w., tetapi orang-orang yang

memusuhi dan membencikannya, dan janji Allah itu amat benar kerana sebutan nama mereka telah terputus, sedangkan nama Nabi Muhammad s.a.w. terus disebut dan disanjung tinggi. Pada hari ini kita dapat saksikan kebenaran firman Allah yang mulia ini dalam gambaran (kemasyhuran) namanya yang gemilang dan amat luas, yang tidak pernah disaksikan oleh orang-orang zaman dahulu yang telah mendengar nama beliau.

Keimanan, kebenaran dan kebajikan tidak mungkin terputus. Ia akan menghulurkan dahan-dahan dan cabang-cabangnya dan menunjangkan akar umbinya jauh ke dalam. Yang terputus ialah kekufuran, kebatilan dan kejahatan biarpun bagaimana ia membesar dan kuat.

Musuh-musuh Rasulullah Tidak Meninggalkan Apa-apa Kesan

Ukuran-ukuran Allah berlainan dari ukuran-ukuran manusia, tetapi manusia sahaja yang terkeliru dan tertipu apabila mereka menyangka bahawa ukuran-ukuran merekalah yang menentukan hakikat-hakikat segala perkara. Di hadapan kita terpampang contoh yang diterangkan dalam ayat ini sebagai satu contoh yang jelas dan abadi. Di manakah tokoh-tokoh Quraysy yang mengejek Nabi Muhammad s.a.w. dengan ejekan-ejekan yang hina dan menarik hati orang ramai? Ketika itu mereka menyangka bahawa mereka telah berjaya menghancurkan Nabi Muhammad s.a.w. dan menyekat jalan da'wahnya, di mana mereka sekarang? Di mana nama-nama mereka dan kesan-kesan peninggalan mereka dibandingkan dengan ni'mat-ni'mat kebajikan yang melimpah-ruah yang dikurniakan kepada Rasulullah yang dicapkan mereka sebagai manusia yang terputus keturunannya itu?

Da'wah Dan Penda'wah Tidak Akan Putus

Da'wah kepada Allah, kepada kebenaran dan kepada kebajikan, tidak mungkin terputus. Dan penda'wahnya juga tidak terputus. Bagaimana ia mungkin terputus, sedangkan ia sentiasa mempunyai pertalian yang kukuh dengan Allah Yang Maha Hidup, Maha Kekal, azali dan abadi. Hanya kekufuran, kebatilan dan kejahatan sahaja yang terputus bersama pejuangnya, walaupun dalam setengah-setengah ketika ia kelihatan panjang umur dan akar-akarnya menunjang jauh dalam bumi.

Amatlah benar firman Allah Yang Maha Agung dan amatlah bohong tanggapan kaum Musyrikin yang melakukan tipu daya yang jahat itu.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-KAFIRUN

SURAH KE

109

سُورَةُ الْكَافِرُونَ

SURAH AL-KAFIRUN

Surah Orang-orang Kafir

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

6

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ ١

لَآ أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ٢

وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ٣

وَلَآ أَنَا۠ عَابِدٌ مَّا عَبَدتُّمْ ٤

وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ٥

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِىَ دِينِ ٦

"Katakanlah (wahai Muhammad!) Wahai orang-orang kafir!(1). Aku tidak sembah apa yang kamu sembah(2). Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah(3). Dan aku bukannya penyembah tuhan-tuhan yang kamu sembah(4). Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah(5). Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku."(6).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

'Aqidah Orang-orang Arab Dirosakkan Oleh Kepercayaan Syirik

Orang-orang Arab tidak mengingkari kewujudan Allah, tetapi mereka tidak mengetahui hakikat Allah seperti yang diterangkan oleh Allah sendiri, iaitu bersifat Maha Esa dan selama-lamanya menjadi tumpuan seluruh makhluk, kerana itu mereka mempersekutui Allah, mereka tidak meletakkan Allah pada martabat-Nya yang sebenar dan tidak beribadat kepada-Nya dengan ibadat yang sebenar. Mereka mempersekutui Allah dengan berhala-berhala yang melambangkan tokoh-tokoh yang soleh dan tokoh-tokoh pembesar dari datuk nenek mereka atau berhala-berhala yang melambangkan malaikat-malaikat yang dianggap mereka sebagai puteri-puteri Allah. Demikian juga mereka percaya bahawa di antara Allah dan jin ada hubungan keturunan, atau mereka menyembah tuhan-tuhan itu, sedangkan mereka lupakan perlambangan-perlambangan ini. Dalam keadaan-keadaan ini, tuhan-tuhan itu disembah mereka dengan tujuan supaya tuhan-tuhan itu dapat memperdekatkan mereka dengan Allah sebagaimana Al-Qur'an menceritakan perkataan mereka dalam Surah az-Zumar:

مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَآ إِلَى ٱللَّهِ زُلْفَىٰٓ

"Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah sedekat-dekatnya."(3)

(Surah az-Zumar)

Al-Qur'an menceritakan bahawa mereka juga mengiktirafkan Allah sebagai Pencipta langit dan bumi, Pengendali matahari dan bulan, dan yang menurunkan hujan dari langit sebagaimana tersebut dalam Surah al-'Ankabut:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ

"Dan jika engkau bertanya mereka, siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan mengendalikan matahari dan bulan, nescaya mereka menjawab: Allah."(61)

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّن نَّزَّلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَحْيَا بِهِ ٱلْأَرْضَ مِنۢ بَعْدِ مَوْتِهَا لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُ

"Dan jika engkau bertanya mereka siapakah yang menurunkan air hujan dari langit dan menghidupkan bumi dengannya selepas matinya (tandusnya), nescaya mereka menjawab: Allah."(63)

(Surah al-'Ankabut)

Di dalam sumpah-sumpahnya, mereka berkata: تالله والله "Demi Allah", dan di dalam do'a pula, mereka berkata: اللهم Wahai Allah."

Tetapi walaupun mereka beriman kepada Allah, namun kepercayaan syirik telah merosakkan kefahaman mereka sebagaimana mereka dirosakkan oleh adat resam dan syi'ar-syi'ar tradisional mereka. Mereka memperuntukkan satu bahagian dari hasil-hasil tanaman dan ternakan kepada tuhan-tuhan yang didakwakan mereka dan satu bahagian dari anak-anak mereka sehingga peruntukan itu kadang-kadang membawa kepada membunuh anak-anak mereka. Hal ini telah diterangkan oleh Al-Qur'anul-Karim dalam Surah al-An'am.

وَجَعَلُوا۟ لِلَّهِ مِمَّا ذَرَأَ مِنَ ٱلْحَرْثِ وَٱلْأَنْعَٰمِ نَصِيبًا

فَقَالُوا۟ هَٰذَا لِلَّهِ بِزَعْمِهِمْ وَهَٰذَا لِشُرَكَآئِنَا ۖ فَمَا
كَانَ لِشُرَكَآئِهِمْ فَلَا يَصِلُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَمَا
كَانَ لِلَّهِ فَهُوَ يَصِلُ إِلَىٰ شُرَكَآئِهِمْ ۗ سَآءَ
مَا يَحْكُمُونَ ﴿١٣٦﴾
وَكَذَٰلِكَ زَيَّنَ لِكَثِيرٍ مِّنَ ٱلْمُشْرِكِينَ قَتْلَ
أَوْلَٰدِهِمْ شُرَكَآؤُهُمْ لِيُرْدُوهُمْ وَلِيَلْبِسُوا۟
عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ ۖ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا فَعَلُوهُ ۖ فَذَرْهُمْ
وَمَا يَفْتَرُونَ ﴿١٣٧﴾
وَقَالُوا۟ هَٰذِهِۦٓ أَنْعَٰمٌ وَحَرْثٌ حِجْرٌ لَّا يَطْعَمُهَآ إِلَّا مَن
نَّشَآءُ بِزَعْمِهِمْ وَأَنْعَٰمٌ حُرِّمَتْ ظُهُورُهَا وَأَنْعَٰمٌ
لَّا يَذْكُرُونَ ٱسْمَ ٱللَّهِ عَلَيْهَا ٱفْتِرَآءً عَلَيْهِ ۚ
سَيَجْزِيهِم بِمَا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿١٣٨﴾
وَقَالُوا۟ مَا فِى بُطُونِ هَٰذِهِ ٱلْأَنْعَٰمِ خَالِصَةٌ لِّذُكُورِنَا
وَمُحَرَّمٌ عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِنَا ۖ وَإِن يَكُن مَّيْتَةً فَهُمْ
فِيهِ شُرَكَآءُ ۚ سَيَجْزِيهِمْ وَصْفَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ حَكِيمٌ
عَلِيمٌ ﴿١٣٩﴾
قَدْ خَسِرَ ٱلَّذِينَ قَتَلُوٓا۟ أَوْلَٰدَهُمْ سَفَهًۢا بِغَيْرِ عِلْمٍ
وَحَرَّمُوا۟ مَا رَزَقَهُمُ ٱللَّهُ ٱفْتِرَآءً عَلَى ٱللَّهِ ۚ قَدْ ضَلُّوا۟
وَمَا كَانُوا۟ مُهْتَدِينَ ﴿١٤٠﴾

"Dan mereka telah memperuntukkan kepada Allah sebahagian dari tanaman dan ternakan yang telah diciptakan Allah, lalu mereka berkata mengikut sangkaan karut mereka: Ini untuk Allah dan 'ini pula untuk sembahan-sembahan kami. Maka bahagian yang diperuntukkan kepada sembahan mereka tidak sampai kepada Allah dan bahagian yang diperuntukkan kepada Allah sampai kepada sembahan-sembahan mereka. Alangkah buruknya apa yang diputuskan mereka.(136)[1] Demikianlah juga ketua-ketua mereka telah menjadikan sebilangan ramai dari orang Musyrikin memandang baik membunuh anak-anak mereka untuk membinasakan mereka dan mengelirukan mereka dan mengerjakan agama mereka. Dan andainya Allah menghendaki, nescaya mereka tidak berbuat begitu, kerana itu tinggalkan mereka dan perbuatan-perbuatan yang diada-adakan mereka(137).[2] Dan mereka berkata: Inilah ternakan-ternakan dan tanaman-tanaman yang terlarang, yang tidak boleh dimakan melainkan oleh sesiapa yang kami kehendaki sahaja mengikut anggapan mereka, juga ternakan-ternakan yang diharamkan menunggangnya dan ternakan-ternakan yang tidak mereka sebutkan nama Allah ketika menyembelihkannya. Allah akan membalas mereka dengan sebab pembohongan yang diada-adakan mereka.(138) Dan mereka berkata lagi: Anak-anak yang ada di dalam perut binatang-binatang ternakan itu adalah khusus untuk kaum lelaki kami dan diharamkan kepada para wanita kami, tetapi jika anak di dalam perut dilahirkan mati, maka lelaki dan wanita sama-sama boleh memakannya. Allah akan membalas mereka terhadap keputusan yang dibuat mereka. Sesungguhnya Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui.(139) Sesungguhnya telah rugilah orang-orang yang telah membunuh anak-anak mereka kerana bodoh tanpa ilmu pengetahuan dan mengharamkan rezeki yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, kerana membuat pembohongan terhadap Allah. Sesungguhnya mereka telah sesat dan mereka tidak mendapat hidayat."(140)

(Surah al-An'am : 136 - 140)

Kaum Musyrikin Mendakwa Mengikut Agama Ibrahim

Mereka menganggap diri mereka mengikut agama Ibrahim dan mereka lebih betul atau lebih mendapat hidayat dari kaum Ahlil-Kitab yang hidup bersama mereka di Semenanjung Tanah Arab, kerana orang-orang Yahudi menganggapkan 'Uzayr putera Allah, dan orang-orang Nasara menganggapkan 'Isa putera Allah, sedangkan mereka sendiri menyembah malaikat dan jin dengan anggapan bahawa malaikat dan jin itu mempunyai hubungan yang dekat dengan Allah menurut sangkaan mereka yang karut. Oleh itu, mereka mengira diri mereka lebih betul atau lebih mendapat hidayat dari kaum Ahlil-Kitab, kerana bagi mereka hubungan malaikat dan jin dengan Allah lebih dekat dari hubungan 'Uzayr dan 'Isa. Tetapi semua kepercayaan itu adalah syirik belaka, dan di sana syirik yang lebih baik atau terpilih, namun mereka telah menganggapkan, diri mereka lebih mendapat hidayat dan lebih betul.

Sebab Nuzul Surah Ini

Apabila Nabi Muhammad s.a.w. datang dan menerangkan kepada mereka bahawa agamanya ialah agama Ibrahim a.s., mereka pun berkata: "Kami

---

1 *Maksudnya: Mereka membuat peruntukan sebahagian untuk Allah dan bahagian ini dibelanjakan kepada fakir miskin dan kebajikan-kebajikan sosial yang lain, dan bahagian untuk sembahan-sembahan mereka diberikan kepada penjaga-penjaga berhala. Dalam amalan mereka, apa yang menjadi bahagian Allah boleh diberikan kepada berbala-berbala dan apa yang menjadi bahagian berhala-berhala itu tidak boleh diberikan kepada Allah iaitu diberikan kepada fakir miskin atau kebajikan-kebajikan sosial yang lain.*

2 *Mereka memandang baik membunuh anak-anak mereka dengan alasan mendekatkan diri kepada Allah sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Allah Ibrahim a.s.*

juga mengikut agama Ibrahim. Oleh itu, apakah perlunya bagi kami meninggalkan agama kami untuk mengikut Muhammad?" Serentak dengan itu juga mereka berusaha memujuk Rasulullah s.a.w. supaya mempersetujui satu jalan tengah di antaranya dengan mereka iaitu mereka mencadang supaya Muhammad bersetuju menyembah tuhan-tuhan mereka sebagai balasan mereka menyembah Tuhan Muhammad, juga supaya Muhammad tidak mengkritik tuhan mereka dan amal ibadat mereka. Dan bagi pihak Muhammad pula, beliau boleh membuat syarat-syarat yang disukainya terhadap mereka.

Mungkin kerana kefahaman-kefahaman mereka yang bercampuraduk dan kerana pengiktirafan mereka terhadap Allah, di samping mereka menyembah tuhan-tuhan yang lain, mungkin kerana inilah mereka merasa jarak di antara mereka dengan Muhammad itu amat dekat iaitu boleh dicari jalan persefahaman dengan membahagikan negeri kepada dua zon dan mencari jalan tengah, di samping memenuhi setengah-setengah kehendak peribadi.

Tiada Tawar-menawar Dalam Urusan 'Aqidah

Untuk menghapuskan kekeliruan ini dan memotong segala usaha untuk mencari tolak ansur, dan seterusnya untuk meletakkan garis pemisah yang tegas di antara ibadat mereka dengan ibadat Islam, di antara sistem mereka dengan sistem Islam dan di antara kefahaman mereka dengan kefahaman Islam, maka surah ini diturunkan sedemikian tegas dan sedemikian berulang-ulang untuk menolak segala usaha tawar-menawar dan meletakkan garis pemisah yang muktamad di antara tauhid dan syirik. Dan menegakkan tanda-tanda perbezaan yang jelas yang tidak menerima tawar-menawar dan tidak boleh dipertikaikan lagi sedikit atau banyak:

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١﴾

لَآ أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾

وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٣﴾

وَلَآ أَنَا۠ عَابِدٌ مَّا عَبَدتُّمْ ﴿٤﴾

وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٥﴾

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِىَ دِينِ ﴿٦﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!) Wahai orang-orang kafir!(1). Aku tidak sembah apa yang kamu sembah(2). Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah(3). Dan aku bukannya penyembah tuhan-tuhan yang kamu sembah(4). Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah(5). Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku."(6)

Dalam ayat-ayat ini terdapat penafian selepas penafian, penegasan selepas penegasan, penekanan selepas penekanan. Ia menggunakan segala uslub penafian, penegasan dan penekanan.

قُلْ

"Katakanlah."(1)

Maksud قُلْ : (Katakanlah) ialah suatu perintah Ilahi yang tegas yang membayangkan bahawa persoalan 'aqidah adalah urusan Allah Yang Maha Esa, sedangkan Nabi' Muhammad s.a.w. tidak punya sesuatu apa pun dalam urusan ini. Allah jua yang memerintah dan menghukum, dan perintah dan hukumnya tidak boleh ditolak.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 6)

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!) Wahai orang-orang kafir!"(1)

Allah menyeru mereka dengan hakikat diri mereka yang sebenar dan menyifatkan mereka dengan sifat-sifat mereka yang sebenar iaitu mereka bukan berada di atas agama yang benar, mereka bukan orang-orang Mu'min, malah mereka adalah orang-orang yang kafir. Tiada titik pertemuan di antara engkau dengan mereka. Ayat pertama ini menerangkan hakikat perpisahan yang tidak mungkin bertemu.

لَآ أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾

"Aku tidak sembah apa yang kamu sembah."(2)

Maksudnya, kerana itu ibadatku tidak sama dengan ibadat kamu dan Tuhanku tidak sama dengan tuhan kamu.

وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٣﴾

"Dan kamu bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah."(3)

Maksudnya, kerana itu ibadat kamu tidak sama dengan ibadatku dan tuhan kamu tidak sama dengan Tuhanku.

وَلَآ أَنَا۠ عَابِدٌ مَّا عَبَدتُّمْ ﴿٤﴾

"Dan aku bukannya penyembah tuhan-tuhan yang kamu sembah."(4)

Ini ialah ayat penguat bagi ayat yang pertama.

وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٥﴾

"Dan kamu juga bukannya penyembah-penyembah Tuhan yang aku sembah."(5)

Ayat ini merupakan ulangan untuk menguatkan ayat yang kedua supaya tidak ada ruang lagi bagi sebarang kekeliruan setelah ditegas dan diulang dengan segala cara penegasan dan ulangan.

Tiada Titik Pertemuan Di Antara Orang-orang Mu'min Dengan Orang-orang Kafir

Kemudian diintipatikan hakikat perpisahan yang tidak mempunyai titik pertemuan. Kelainan yang tidak ada titik keserupaan, perceraian yang mungkin bertemu dan perbezaan yang mungkin bercampur:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦﴾

"Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku."(6)

Aku di sini, kamu di sana, tiada jambatan, tiada titian dan tiada jalan yang menghubungkan di antara kita. Satu perpisahan yang syumul dan satu perbezaan yang amat jelas dan halus.

* * * * * *

Sistem Tauhid Tidak Bertemu Dengan Sistem Syirik

Perpisahan ini adalah perlu untuk menjelaskan tanda-tanda perbezaan yang pokok yang mustahil dapat diadakan pertemuan di antara keduanya di tengah jalan, iaitu perbezaan dalam asas i'tiqad, dasar kefahaman, hakikat sistem hidup dan tabi'at agama.

Tauhid merupakan satu sistem dan syirik merupakan satu sistem yang lain pula. Kedua-duanya tidak akan bertemu. Tauhid satu sistem yang membawa manusia dan alam seluruhnya kepada Allah Yang Tunggal, tiada sekutu bagi-Nya. Ia menentukan sumber tempat manusia menerima 'aqidahnya, syari'atnya, nilai-nilai dan ukurannya, adab sopan dan akhlaknya, kefahaman-kefahaman terhadap hidup dan alam. Sumber yang diterima oleh orang Mu'min itu ialah Allah Yang Tunggal tiada sekutu bagi-Nya. Seluruh hidupnya ditegakkan di atas asas ini tanpa bercampur dengan sebarang bentuk syirik sama ada syirik terang-terangan atau pun syirik halus (khafi).

Perpisahan yang jelas ini perlu kepada para penda'wah dan kepada mereka yang dida'wah.

Kefahaman-kefahaman jahiliyah telah bercampuraduk dengan kefahaman-kefahaman keimanan terutama dalam kelompok-kelompok manusia yang telah mengenal 'aqidah yang benar sebelum ini kemudian menyeleweng darinya. Kelompok-kelompok manusia seperti ini adalah paling degil untuk kembali beriman dalam bentuknya yang bersih dari sebarang penyelewengan. Mereka lebih degil dari kelompok manusia yang tidak pernah mengenal 'aqidah yang benar. Mereka merasa diri mereka di atas jalan yang benar, sedangkan mereka sebenarnya sesat dan menyeleweng.

Sikap Yang Betul Bagi Penda'wah

Campuraduk kepercayaan-kepercayaan dan amalan-amalan mereka di antara yang baik dengan yang rosak itu kadang-kadang memberi harapan kepada penda'wah untuk menarik mereka apabila ia mengiktirafkan mana-mana aspek dari kepercayaan dan amalan mereka yang betul dan cuba membetulkan mana-mana aspek yang rosak, tetapi godaan dan harapan ini amat merbahaya.

Jahiliyah tetap jahiliyah, Islam tetap Islam. Di antara kedua-duanya dipisahkan oleh satu perbezaan yang jauh. Satu-satunya jalan ialah keluar dari keseluruhan jahiliyah dan masuk ke dalam keseluruhan Islam, atau tinggalkan jahiliyah dengan segala apa yang ada padanya dan pindah ke dalam Islam dengan segala apa yang ada padanya.

Langkah pertama bagi penda'wah ialah merasa dirinya benar-benar terpisah dari jahiliyah baik dari segi kefahaman, cara hidup dan cara bertindak, iaitu satu perpisahan yang tiada titik pertemuan dan tiada kemungkinan untuk bekerjasama kecuali orang-orang yang berada dalam jahiliyah itu berpindah dengan keseluruhan mereka ke dalam Islam. Tidak ada tampal-menampal, tidak ada penyelesaian separuh jalan, tidak ada pertemuan di pertengahan jalan biar bagaimana sekalipun jahiliyah itu menyalutkan badannya dengan pakaian Islam atau memakai nama Islam.

Kejelasan gambaran ini dalam kesedaran penda'wah merupakan batu asas da'wah. Dia harus sedar bahawa dia bukan seperti mereka. Agama mereka tidak serupa dengan agamanya. Jalan hidup mereka tidak sama dengan jalan hidupnya. Dia tidak mungkin mengikuti jalan hidup mereka walaupun selangkah. Tugas utamanya ialah membawa mereka mengikuti jalan hidupnya tanpa ampu-mengampu dan tanpa bertolak ansur, sama ada sedikit atau banyak, dari agamanya.

Itulah sikap pembebasan dan pemisahan diri yang sempurna dan tegas.

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦﴾

"Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku."(6)

Para penda'wah hari ini amat perlu kepada perpisahan yang tegas ini. Mereka amat perlu kepada kesedaran bahawa mereka sedang mengembang semula Islam di dalam satu alam sekitar jahiliyah yang menyeleweng atau dalam kumpulan manusia yang duhulunya telah mengenal 'aqidah yang benar, tetapi setelah lama dilalui zaman, hati mereka menjadi keras dan menyeleweng dari jalan yang benar:

فَقَسَتْ قُلُوبُهُمْ وَكَثِيرٌ مِّنْهُمْ فَاسِقُونَ ﴿١٦﴾

"Hati mereka menjadi keras dan sebilangan besar dari mereka adalah fasiq (menyeleweng dari jalan yang benar)."

(Surah al-Hadid: 16)

Perpisahan Yang Mutlak Di Antara 'Aqidah Tauhid Dan 'Aqidah Syirik

Di sana tiada penyelesaian separuh-separuh, tiada pertemuan di separuh jalan, tiada da'wah sekadar membetulkan yang cacat dan tiada da'wah tampalan-tampalan, malah da'wah kepada Islam adalah sama

dengan da'wah di zaman permulaan iaitu pemisahan yang putus dari jahiliyah.

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ٦

"Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku."(6)

Agamaku ialah agama tauhid yang bersih yang menerima seluruh kefahamannya dan nilainya, 'aqidahnya dan syari'atnya dari Allah yang Tunggal sahaja tanpa sekutu dalam segala bidang hidup dan perilaku.

Tanpa pemisahan yang seperti ini, kekeliruan, kekaburan, bermuka-muka dan tampalan-tampalan akan terus kekal, sedangkan da'wah Islam tidak boleh ditegakkan di atas asas-asas yang lemah, malah ia tidak dapat ditegakkan melainkan di atas asas-asas yang tegas, terus-terang, berani dan jelas.

Inilah jalan da'wah yang pertama:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ٦

"Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku."(6)

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AN-NASR

سُورَةُ النَّصۡرِ

SURAH KE **110**

SURAH AN-NASR

Surah Kemenangan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **3**

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِذَا جَآءَ نَصۡرُ ٱللَّهِ وَٱلۡفَتۡحُ ﴿١﴾ وَرَأَيۡتَ ٱلنَّاسَ يَدۡخُلُونَ فِي دِينِ ٱللَّهِ أَفۡوَاجٗا ﴿٢﴾ فَسَبِّحۡ بِحَمۡدِ رَبِّكَ وَٱسۡتَغۡفِرۡهُۚ إِنَّهُۥ كَانَ تَوَّابَۢا ﴿٣﴾

"Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan (menakluk Makkah)(1). Dan engkau lihat manusia masuk ke dalam agama Allah sepuak demi sepuak(2). Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan pohonlah keampunan-Nya. Sesungguhnya Dia amat menerima taubat (hamba-Nya)"(3).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah yang pendek ini membawa berita gembira kepada Rasulullah s.a.w. iaitu berita ketibaan pertolongan dari Allah dan kemenangan menakluk negeri Makkah dan sambutan manusia yang berduyun-duyun memeluk agama Allah, di samping memberi arahan kepada Rasulullah s.a.w. supaya bertawajjuh kepada Allah dengan tasbih, tahmid dan istighfar ketika berita-berita yang menggembirakan itu menjadi kenyataan. Di samping itu surah ini juga sekaligus mendedahkan tabi'at dan hakikat agama Islam, dan sejauh mana cita-cita perjuangannya mahu membawa manusia kepada ketinggian, kemuliaan, keikhlasan dan pemusatan diri kepada Allah, kebebasan dan kemerdekaan iaitu kemuncak matlamat yang tidak dapat dicapai manusia melainkan di bawah naungan Islam.

* * * * * *

Ada berbagai-bagai hadith mengenai turunnya surah ini. Di antaranya yang kami pilih ialah hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad iaitu:

Kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Abu 'Adi, dari Daud, asy-Sya'bi dari Masruq katanya: Aisyah telah bercerita bahawa Rasulullah s.a.w. di akhir-akhir kegiatannya banyak berzikir dengan :

سبحان الله وبحمده ، أستغفرالله واتوب إليه .

Dan beliau telah bersabda: Tuhanku telah memberitahu kepadaku bahawa aku akan melihat satu alamat pada umatku, dan Ia memerintah kepadaku apabila aku melihat alamat itu supaya aku bertasbih, bertahmid dan beristighfar kepada-Nya. Sesungguhnya Allah itu Maha Penerima Taubat, dan aku telah pun melihat alamat itu iaitu (Surah an-Nasr):

إِذَا جَآءَ نَصۡرُ ٱللَّهِ وَٱلۡفَتۡحُ ﴿١﴾ وَرَأَيۡتَ ٱلنَّاسَ يَدۡخُلُونَ فِي دِينِ ٱللَّهِ أَفۡوَاجٗا ﴿٢﴾ فَسَبِّحۡ بِحَمۡدِ رَبِّكَ وَٱسۡتَغۡفِرۡهُۚ إِنَّهُۥ كَانَ تَوَّابَۢا ﴿٣﴾

(Hadith ini juga telah diriwayatkan oleh Muslim melalui Daud ibn Abu Hind dengan nas ini).

Qabilah-qabilah Arab Menunggu-nunggu Kemenangan Rasulullah s.a.w

Ujar ibn Kathir dalam tafsirnya: Yang dimaksudkan dengan kemenangan di dalam surah ini ialah kemenangan menakluk Makkah dan inilah pendapat yang sebulat. Qabilah-qabilah Arab memang menunggu-nunggu kemenangan Rasulullah s.a.w. menakluk Makkah untuk memeluk agama Islam. Mereka berkata: "Jika ia (Muhammad) dapat menundukkan kaumnya, maka itulah tandanya ia seorang Nabi." Oleh itu, apabila Allah memberi kemenangan kepadanya menakluk Makkah, mereka pun memeluk agama Allah sepuak demi sepuak. Dalam masa tidak sampai dua tahun selepas itu, seluruh Semenanjung Arab beriman kepada agama Allah. Tiada qabilah Arab melainkan semuanya mengisytiharkan keislaman mereka. Menurut riwayat al-Imam al-Bukhari dalam Sahihnya dari 'Amr ibn Salamah katanya: Sebaik sahaja tertakluknya negeri Makkah, setiap kaum segera menemui Rasulullah s.a.w. untuk menyatakan keislaman mereka. Qabilah-qabilah Arab sebelum itu memang menunggu-nunggu tertakluknya negeri Makkah untuk menyatakan keislaman mereka. Kata mereka: "Biarkanlah dia (Muhammad) dengan kaumnya, jika dia dapat menundukkan mereka, maka itulah tanda ia seorang Nabi."

Riwayat ini adalah sesuai dengan keterangan surah ini yang memberi isyarat bahawa satu peristiwa akan berlaku selepas turunnya ayat ini, dan mengarahkan Nabi s.a.w. supaya bertasbih, bertahmid dan beristighfar apabila berlakunya berita yang menggembirakan itu dan timbul alamatnya.

Surah Ini Membayangkan Ajal Rasulullah s.a.w.

Di sana ada lagi satu hadith dari Ibn 'Abbas dan hadith ini tidaklah sukar untuk diselaraskan dengan hadith yang telah kami pilihkan itu. Ujar al-Imam al-Bukhari: Kami telah diceritakan oleh Musa ibn Ismail katanya: Kami telah diceritakan oleh Abu 'Awanah dari Abu Bisyr, dari Said ibn Jubayr, dari ibn 'Abbas katanya: 'Umar telah memasukkan aku ke dalam kumpulan tokoh-tokoh tua Perang Badar. Setengah mereka seolah-olah merasa tidak setuju dalam hati mereka, lalu berkata: "Mengapa dimasukkan budak ini bersama kami dan kami juga ada anak-anak yang sebaya dengannya?" Jawab 'Umar: "Dia dari budak-budak yang kamu telah kenal." Pada suatu hari 'Umar menjemput mereka, lalu ia masukkan aku bersama mereka. Menurut hematku ia menjemput aku bersama mereka untuk memperlihatkan kebolehanku kepada mereka, lalu ia berkata: "Apa pendapat kamu tentang maksud firman Allah 'Azzawajalla:

إذا جآء نصر الله والفتح

"Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan (menakluk Makkah)."(1).

Jawab setengah mereka: "Allah menyuruh kita bertahmid dan berisfighfar kepada-Nya apabila ia menolong dan memberi kemenangan kepada kita." Setengah yang lain diam tidak berkata apa-apa. Lalu 'Umar berkata kepadaku: "Adakah pendapat engkau begitu juga, wahai ibn 'Abbas?" Jawabku: "Tidak." Lalu ia terus bertanya: "Apa pendapat engkau?" Jawabku: "Itulah ajal Rasulullah s.a.w. yang diberitahu Allah kepadanya. Firman Allah: 'Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan', maka itulah alamat ajal engkau. Oleh itu, hendaklah engkau bertasbih dengan memuji Tuhanmu dan beristighfar memohon keampunan-Nya, sesungguhnya Dia Maha Penerima Taubat." Kata 'Umar ibn al-Khattab: "Aku tidak mengetahui maksud ayat ini melainkan apa yang dikatakan engkau." (Riwayat al-Bukhari sahaja).

Mungkinlah kepada Rasulullah s.a.w. apabila beliau melihat alamat dari Tuhannya, ia terus faham bahawa tugasnya di bumi telah pun selesai dan dia tidak lama lagi akan menemui Tuhannya. Inilah maksud Ibn 'Abbas, "Itulah ajal Rasulullah s.a.w. yang diberitahu Allah kepadanya."

Walau bagaimanapun, di sana terdapat suatu hadith lagi yang diriwayatkan oleh al-Hafiz al- Bayhaqi dengan sanadnya dari Ibn 'Abbas juga katanya: "Sebaik sahaja turun إذا جاء نصرالله والفتح Rasulullah s.a.w. terus memanggil Fatimah dan berkata: 'Sesungguhnya ayahanda telah diberitahu tentang kematian ayahanda.' Lalu Fatimah menangis, kemudian dia ketawa sambil berkata: Ia menceritakan kepadaku bahawa ia telah diberitahu tentang kematiannya, kerana itulah aku menangis. Kemudian ia berkata pula: Sabarlah anakanda, kerana engkau anggota keluarga ayahanda yang pertama yang akan mengikuti ayahanda, kerana itulah aku ketawa."'

Di dalam hadith ini terdapat keterangan yang menentukan masa turunnya surah ini, iaitu ia diturunkan selepas tercapalnya kemenangan menakluk Makkah dan sambutan orang ramai memeluk agama Islam secara besar-besaran telah terlaksana, kerana itu apabila surah ini diturunkan sesuai dengan alamatnya, maka Rasulullah s.a.w. pun faham bahawa ajalnya telah hampir. Tetapi hadith yang pertama lebih kukuh dan lebih selaras dengan nas zahir Al-Qur'an terutama hadith yang menceritakan tentang Siti Fatimah yang menangis dan ketawa itu telah diceritakan dalam satu hadith yang lain dengan satu gambaran yang lain yang sesuai dengan pendapat yang kami tarjihkan ini. Hadith itu ialah dari Ummu Salamah r.a. katanya: "Rasulullah s.a.w. telah memanggil Fatimah pada tahun kemenangan menakluk Makkah dan bercakap-cakap dengannya, lalu Fatimah menangis. Kemudian ia bercakap-cakap dengannya lagi, lalu Fatimah ketawa." Kata Ummu Salamah: "Apabila Rasulullah s.a.w. wafat aku bertanya Fatimah tentang rahsia tangisan dan ketawanya tempoh hari, lalu ia bercerita: 'Rasulullah s.a.w. telah memberitahu kepadaku ia tidak lama lagi akan wafat, itulah sebabnya aku menangis. Kemudian ia memberitahu kepadaku pula bahawa aku akan menjadi penghulu kepada wanita-wanita ahli Syurga, kecuali Maryam binti 'Imran, kerana itulah aku ketawa'." (Dikeluarkan oleh at-Tirmizi).

Hadith ini selaras dengan nas zahir Al-Qur'an dan hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dan dikeluarkan oleh Muslim dalam kitab Sahihnya yang menerangkan di sana ada satu alamat di antara Rasulullah s.a.w. dengan Tuhannya iaitu: "Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan menakluk Makkah........" Oleh itu, apabila kemenangan menakluk Makkah berlaku, maka Rasulullah s.a.w. faham bahawa masa pertemuannya dengan Tuhannya telah hampir, dan kerana itulah ia memanggil Siti Fatimah sebagaimana yang telah diceritakan oleh Ummu Salamah r.a.

* * * * * *

Pengertian Dan Bimbingan Surah Ini

Dari seluruh huraian ini marilah kita tumpukan kepada pengertian yang tetap dan bimbingan yang berterusan yang dibawa oleh surah ini. Ke mercu manakah yang diisyaratkan oleh surah yang pendek ini:

إِذَا جَآءَ نَصۡرُ ٱللَّهِ وَٱلۡفَتۡحُ ١

وَرَأَيۡتَ ٱلنَّاسَ يَدۡخُلُونَ فِي دِينِ ٱللَّهِ أَفۡوَاجٗا ٢

فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ﴿٣﴾

"Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan (menakluk Makkah)(1). Dan engkau lihat manusia masuk ke dalam agama Allah sepuak demi sepuak(2). Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan pohonlah keampunan-Nya. Sesungguhnya Dia amat menerima taubat (hamba-Nya)"(3).

Bahagian awal surah ini menyarankan satu kefahaman khusus tentang hakikat peristiwa yang berlaku di alam ini dan tentang peranan Rasulullah s.a.w. dan peranan para Mu'minin dalam urusan da'wah Islam dan batas keupayaan mereka dalam urusan ini. Saranan ini diterangkan dalam ayat:

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ﴿١﴾

"Apabila tiba pertolongan Allah dan kemenangan (menakluk Makkah)."(1)

Iaitu pertolongan dan kemenangan itu adalah datang dari Allah pada masa yang ditentukannya dan dalam bentuk yang dikehendaki-Nya, sedangkan Nabi dan para Sahabatnya tidak mempunyai apa-apa peranan dalam kemenangan itu. Ia merupakan urusan Allah semata-mata yang dilaksanakannya dengan mereka atau tanpa mereka. Cukuplah Allah melaksanakan kemenangan urusan agama-Nya melalui mereka dan melantikkan mereka selaku pengawal dan pemegang amanah agama-Nya. Inilah keseluruhan peranan mereka dalam mencapai kemenangan dan dalam sambutan orang ramai menerima agama Allah. Kerana itu dalam menghadapi penghormatan Allah yang merealisasikan kemenangan itu, mereka berkewajipan bertasbih, bertahmid dan beristighfar di sa'at-sa'at kemenangan itu.

Makna Istighfar Di Sa'at Kemenangan Dan Kehilangan Kesabaran

Bertasbih dan bertahmid atas ni'mat Allah yang telah menjadikan mereka sebagai pemegang amanah dan pembela agama-Nya, juga atas rahmat Allah ke atas seluruh umat manusia dengan mengurniakan kemenangan kepada agamanya, kemenangan kepada Rasul-Nya menakluk Makkah dan sambutan besar-besaran dari orang ramai memeluk agama-Nya yang penuh kebajikan itu setelah sekian lama mereka berada di dalam keadaan buta, sesat dan rugi.

Beristighfar terhadap berbagai-bagai perasaan dan pengalaman jiwa iaitu berisfighfar terhadap perasaan bangga dan sombong yang berkecamuk dalam hati di sa'at-sa'at mabuk kemenangan setelah sekian lama berjuang. Perasaan yang sedemikian memang sukar dikawal pada hati manusia kerana itulah mereka perlu beristighfar.

Beristighfar terhadap perasaan-perasaan tidak sabar, perasaan terkilan, kerana lambatnya Allah menunaikan janji memberi bantuan dan pertolongan, perasaan gentar dan goncang, iaitu perasaan-perasaan yang mungkin dialami dalam sa'at-sa'at menghadapi perjuangan yang lama, kepenatan dan kesukaran sebagaimana yang telah digambarkan oleh Allah dalam surah yang lain:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُم مَّثَلُ الَّذِينَ خَلَوْا مِن قَبْلِكُم مَّسَّتْهُمُ الْبَأْسَاءُ وَالضَّرَّاءُ وَزُلْزِلُوا حَتَّىٰ يَقُولَ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ مَتَىٰ نَصْرُ اللَّهِ أَلَا إِنَّ نَصْرَ اللَّهِ قَرِيبٌ ﴿٢١٤﴾

"Adakah kamu mengira bahawa kamu akan memasuki Syurga, sedangkan kamu belum menerima dugaan seperti orang-orang Mu'min yang terdahulu dari kamu? Mereka telah ditimpa kesusahan dan kesengsaraan dan mereka telah digoncangkan (dengan berbagai-bagai ujian) sehingga Rasul dan orang-orang Mu'min yang ada bersamanya pernah bersungut: Bilakah tibanya pertolongan dari Allah? Lalu dijawab: Sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat."

(Surah al-Baqarah: 214)

Sikap yang seperti ini memerlukan istighfar. Beristighfar kerana tidak cukup bersyukur kepada Allah yang sentiasa melimpahkah ni'mat dan rahmat-Nya yang tidak putus-putus. Daya upaya manusia sentiasa terbatas, sedangkan ni'mat dan anugerah Allah sentiasa melimpah-ruah, Firman Allah:

وَإِن تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا

"Andainya kamu membilang ni'mat Allah, nescaya kamu tidak berdaya mengirakannya."

(Surah an-Nahl: 18)

Ketaksiran yang seperti ini memerlukan istighfar.

Kewajipan Bertasbih Dan Beristighfar Di Sa'at Kemenangan

Di sana ada lagi satu tujuan yang halus dari beristighfar di sa'at mencapai kemenangan, iaitu untuk menggerak dan menyedarkan hati yang sedang dilambung rasa megah dan bangga dengan kemenangan itu agar menginsafi ketaksiran dan kelemahan dirinya. Oleh itu, ia lebih baik merendahkan rasa kebanggaannya dan memohon istighfar kepada Allah, kerana istighfar boleh menghalangkan perasaan angkuh dan sombong.

Di samping itu, perasaan lemah dan merasa tidak cukup bersyukur kepada Allah, juga amalan bertawajjuh kepada Allah kerana memohon kemaafan dan keampunan boleh menjamin tidak berlakunya perbuatan-perbuatan yang zalim terhadap musuh-musuh yang kalah. Orang yang menang hendaklah menyedari bahawa Allah mengamatinya, bahawa Allahlah yang memberi kekuatan kepadanya mengalahkan musuh-musuhnya, sedangkan ia lemah

dan tidak berupaya. Allah telah mengalahkan musuh-musuhnya, kerana suatu tujuan yang dikehendaki-Nya. Oleh itu, kemenangan yang dicapai itu adalah kemenangan dari kurnia-Nya. Penaklukan itu adalah penaklukan-Nya dan agama adalah agama-Nya dan segala sesuatu terpulang kepada-Nya.

* * * * * *

Itulah kemuncak yang gemilang dan mulia yang diseru oleh Al-Qur'an supaya manusia bercita-cita mendaki-nya mengikut irama seruannya yang luhur. Itulah kemuncak yang membuat manusia dewasa kerana mereka dapat menundukkan keangkuhan mereka dan membuat jiwa mereka terbang bebas kerana mereka tunduk kepada Allah.

Contoh-contoh Kesyukuran Nabi Yusuf Dan Nabi Sulaiman a.s.

Itulah kebebasan dari belenggu-belenggu diri sendiri supaya manusia menjadi roh-roh dari roh Allah yang tidak mencari sesuatu yang lain melainkan keredhaan Allah. Dan di samping kebebasan itu ialah perjuangan untuk menolong kebaikan dan menegakkan kebenaran, juga usaha mengimarahkan bumi dan memajukan kehidupan, memimpin umat manusia dengan kepimpinan yang matang, bersih, membina, adil, dan menuju kepada Allah.

Adalah sia-sia bagi seseorang berusaha untuk mencapai kebebasan, sedangkan ia terbelenggu kepada dirinya dan kepada nafsu keinginannya, usahanya sia-sia selama ia tidak dapat membebaskan dirinya di sa'at-sa'at kemenangan dari perasaan-perasaan merasa berjasa dalam kemenangan itu, agar ia hanya mengenangkan jasa Allah sahaja.

Inilah adab sopan yang sentiasa diamalkan oleh para Nabi, dan inilah adab yang dikehendaki Allah supaya manusia sentiasa berusaha meningkat ke kemuncaknya atau sentiasa bercita-cita menuju kemuncaknya. Inilah adab sopan Nabi Allah Yusuf a.s. di sa'at tercapainya segala cita-citanya. Firman Allah:

وَرَفَعَ أَبَوَيْهِ عَلَى ٱلْعَرْشِ وَخَرُّوا۟ لَهُۥ سُجَّدًا ۖ وَقَالَ
يَٰٓأَبَتِ هَٰذَا تَأْوِيلُ رُءْيَٰىَ مِن قَبْلُ قَدْ جَعَلَهَا رَبِّى
حَقًّا ۖ وَقَدْ أَحْسَنَ بِىٓ إِذْ أَخْرَجَنِى مِنَ ٱلسِّجْنِ وَجَآءَ
بِكُم مِّنَ ٱلْبَدْوِ مِنۢ بَعْدِ أَن نَّزَغَ ٱلشَّيْطَٰنُ بَيْنِى وَبَيْنَ
إِخْوَتِىٓ ۚ إِنَّ رَبِّى لَطِيفٌ لِّمَا يَشَآءُ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْعَلِيمُ
ٱلْحَكِيمُ ﴿١٠٠﴾

"Lalu ia (Yusuf) mengangkatkan dua ibu bapanya di atas singgahsana dan mereka (saudara-saudaranya) merebahkan diri sujud hormat kepadanya dan berkata: Wahai ayahandaku, inilah ta'bir mimpi anakanda dahulu. Sesungguhnya Allah Tuhanku telah menjadikan mimpi itu suatu kenyataan dan sesungguhnya ia telah melakukan segala kebaikan terhadap anakanda ketika ia membebaskan anakanda dari penjara dan membawa ayahanda bonda ke sini dari dusun padang pasir setelah syaitan merosakkan hubungan di antara anakanda dengan saudara-saudara anakanda. Sesungguhnya Tuhanku itu Maha Halus melaksanakan apa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."'

(Surah Yusuf: 100)

Di sa'at itu, Nabi Yusuf a.s. mencabutkan dirinya dari suasana kegembiraan bertemu dengan orang tuanya dan berbaik-baik kembali dengan saudara-saudaranya untuk bertawajjuh kepada Allah bagi menyampaikan kesyukurannya. Beliau berdo'a ketika berada di kemuncak kekuasaan dan dalam kegembiraan tercapai impiannya:

رَبِّ قَدْ ءَاتَيْتَنِى مِنَ ٱلْمُلْكِ وَعَلَّمْتَنِى مِن تَأْوِيلِ
ٱلْأَحَادِيثِ ۚ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ أَنتَ وَلِىِّۦ
فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ تَوَفَّنِى مُسْلِمًا وَأَلْحِقْنِى
بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٠١﴾

"Ya Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan kepadaku ni'mat kerajaan dan Engkau telah mengajarkanku ilmu ta'bir mimpi. Wahai Tuhan Pencipta langit dan bumi! Engkaulah Penaungku di dunia dan di Akhirat. Wafatkanlah aku dalam agama Islam dan gabungkanlah aku dengan orang-orang yang soleh."

(Surah Yusuf: 101)

Di sini lenyaplah segala pangkat dan kebesaran dan hilanglah segala kesukaan bertemu dengan orang tua dan kegembiraan berkumpul kembali dengan saudara mara. Pemandangan babak akhir kisah Nabi Yusuf a.s. menggambarkan pemandangan seorang manusia yang bermohon kepada Tuhannya supaya memelihara keislamannya hingga ia wafat dan supaya ia dimasukkan ke dalam golongan orang-orang yang soleh di sisi Tuhannya.

Inilah juga adab sopan Nabi Allah Sulaiman a.s. apabila ia melihat singgahsana Balqis ratu negeri Saba' muncul di hadapannya sebelum matanya berkelip:

Kesyukuran Nabi Muhammad Di Sepanjang Hidupnya

فَلَمَّا رَءَاهُ مُسْتَقِرًّا عِندَهُۥ قَالَ هَٰذَا مِن فَضْلِ رَبِّى
لِيَبْلُوَنِىٓ ءَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ ۖ وَمَن شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِۦ ۖ
وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّى غَنِىٌّ كَرِيمٌ ﴿٤٠﴾

"Dan apabila Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di hadapannya ia pun berkata: Ini adalah limpah kurnia dari Tuhanku untuk mencuba aku, adakah aku bersyukur kepada-Nya dan mengingkari ni'mat-Nya. Oleh itu, sesiapa yang bersyukur, maka sesungguhnya ia bersyukur untuk

kebaikan dirinya dan sesiapa yang mengingkari ni'mat-Nya, maka Tuhanku adalah Maha Kaya dan Maha Pemurah."

(Surah an Naml: 40)

Inilah juga adab sopan Nabi Muhammad s.a.w. di sepanjang hidupnya dan dalam masa mendapat pertolongan dari Allah dan mencapai kemenangan menakluk Makkah, beliau membongkok di atas belakang untanya, kerana bersyukur kepada Allah dan memasuki negeri Makkah dengan keadaan seperti itu, sedangkan negeri itulah yang telah menyakitinya, mengusirnya keluar, memeranginya dan menentang da'wahnya dengan penuh kedegilan. Apabila tiba pertolongan dari Allah dan terlaksana kemenangan menakluk Makkah, ia lupakan kesukaan mendapat kemenangan dan terus membongkok bersyukur kepada Allah, bertasbih, bertahmid dan beristighfar sebagaimana yang diajar oleh Tuhannya. Ia bertasbih, bertahmid dan beristighfar begitu banyak sebagaimana yang diceritakan oleh hadith-hadith. Dan itulah sunnah yang diikuti para Sahabat selepasnya r.a. ajma'in.

* * * * * *

Demikianlah terangkatnya manusia dengan keimanan mereka kepada Allah. Demikianlah jiwa mereka memancar dengan gemilang, melembut halus dan terbang bebas. Demikianlah mereka berjaya sampai kepada darjat kebesaran, kekuatan dan kebebasan.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-MASAD

SURAH KE **111**

سُورَةُ المَسَد

SURAH AL-MASAD

Surah Tali

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **5**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

تَبَّتْ يَدَآ أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ ﴿١﴾

مَآ أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُۥ وَمَا كَسَبَ ﴿٢﴾

سَيَصْلَىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ﴿٣﴾

وَٱمْرَأَتُهُۥ حَمَّالَةَ ٱلْحَطَبِ ﴿٤﴾

فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍۭ ﴿٥﴾

"Binasalah dua tangan Abu Lahab dan sesungguhnya Ia tetap binasa(1). Ia tidak dapat ditolong hartanya dan segala usahanya(2). Ia akan merasa api Neraka yang mempunyai pucuk api yang marak bernyala(3). Dan juga isterinya pembawa kayu api(4). Di lehernya (terikat) tali dari sabut yang terpintal kukuh."(5).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Nama tubuh Abu Lahab ialah Abdul 'Uzza ibn Abdul Muttalib. Ia adalah bapa saudara Nabi s.a.w. Ia digelar "Abu Lahab" yang bererti "bapa pucuk api" kerana mukanya yang berseri-seri. Ia dan isterinya "Ummu Jamil" merupakan orang-orang yang paling kuat atau sengit menyakiti Nabi s.a.w. dan mengganggu da'wah yang dibawanya.

Kata Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Husayn ibn Abdullah ibn 'Ubaydullah ibn 'Abbas katanya: Aku dengar Rabi'ah ibn 'Ibad ad-Dayli bercerita: Aku bersama-sama ayahku dan ketika itu aku masih muda, aku melihat Rasulullah s.a.w. mengikuti qabilah-qabilah dan di belakangnya diekori oleh seorang lelaki bermata juling berwajah cerah dan berambut panjang mencecah bahu. Rasulullah s.a.w. berhenti menemui qabilah dan berseru: 'Wahai suku anu! Aku adalah utusan Allah kepada kamu. Aku menyuruh kamu menyembah Allah dan jangan mempersekutui-Nya dengan sesuatu apa. Aku minta kamu sekalian percaya kepadaku dan mempertahankanku sehingga aku dapat menyempurnakan tugas da'wah yang dibangkitkanku kerananya." Apabila Rasulullah s.a.w. selesai berbicara, maka lelaki yang mengekorinya itu tampil berkata: 'Wahai suku anu! Orang ini mahu kamu membuang berhala-berhala al-Laata dan al-'Uzza dan juga membuang sekutu-sekutu kamu dari jin suku Malik ibn Aqmas, dan meminta kamu mengikut bid'ah dan kesesatan yang dibawa olehnya. Oleh itu, janganlah kamu dengar perkataannya dan janganlah kamu ikutinya," Lalu aku bertanya ayahku: "Siapakah orang itu?" Jawabnya: "Itulah bapa saudaranya Abu Lahab." (Hadith ini juga diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dan at-Tabrani dengan lafaz yang sama).

Ini adalah salah satu contoh tindak-tanduk jahat Abu Lahab terhadap da'wah Islam dan terhadap Rasulullah s.a.w. Isterinya Ummu Jamil sentiasa membantunya dalam kempen-kempen yang zalim itu. Nama tubuh Ummu Jamil ialah Arwa binti Harb ibn Umayyah saudara perempuan Abu Sufyan.

Abu Lahab telah mengambil sikap memusuhi Rasulullah s.a.w. sejak hari pertama beliau berda'wah. Menurut sebuah hadith yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dari Ibn 'Abbas: Nabi s.a.w. keluar ke satu kawasan tanah rata dan naik ke atas bukit lalu berseru: "Marilah sekalian bersedia!" Lalu suku Quraysy keluar berhimpun dan beliau pun bersabda: "Apakah fikiran kamu jika aku katakan kepada kamu bahawa musuh akan menyerang kamu di pagi ini atau di petang ini? Adakah kamu percaya kepada perkataanku?" Jawab mereka: "Ya, kami percaya." Lalu beliau bersabda: "Aku datang untuk mengingatkan tentang 'azab yang amat dahsyat." Abu Lahab terus membantah: "Apakah kerana ini engkau kumpulkan kami sekalian? Binasalah engkau!". Lalu Allah menurunkan ayat تبت يدا أبي لهب hingga akhir. Dan mengikut satu riwayat yang lain, Abu Lahab berdiri menggoyang-goyangkan dua tangannya dengan kuat sambil berkata: "Binasalah engkau selama-lamanya! Apakah kerana ini engkau kumpulkan kami sekalian?" Lalu Allah turunkan surah ini.

Apabila suku Bani Hasyim dengan pimpinan Abu Talib bersatupadu untuk melindungi Nabi s.a.w., walaupun mereka tidak memeluk agamanya, kerana menyahuti panggilan semangat kesukuan, maka Abu Lahab telah menentang keputusan saudara-saudaranya dan terus menyebelahi pakatan Quraysy. Ia turut bersama dalam surat perisytiharan yang ditulis oleh orang-orang Quraysy untuk memulau suku Bani Hasyim, dan melaparkan mereka supaya mereka menyerahkan Nabi Muhammad s.a.w. kepada mereka.

Abu Lahab juga telah melamar Ruqayyah dan Ummu Kalthum anak perempuan Nabi s.a.w. untuk dikahwinkan dengan dua orang anak lelakinya sebelum beliau dibangkitkan menjadi rasul, tetapi sebaik sahaja Nabi s.a.w. dilantik menjadi rasul, Abu Lahab menyuruh kedua orang anaknya menceraikan Ruqqayah dan Ummu Kalthum untuk menambahkan beban kepada Nabi s.a.w.

Gangguan Abu Lahab Dan Isterinya Terhadap Rasulullah

Demikianlah Abu Lahab dan isterinya Ummu Jamil terus mengaturkan tentangan-tentangan yang membabi buta dan tidak mengenal damai terhadap Nabi s.a.w. dan da'wahnya. Oleh kerana rumah kediaman Abu Lahab berdekatan dengan rumah Nabi s.a.w., maka gangguan-gangguan mereka menjadi lebih sengit terhadap Nabi s.a.w. Menurut riwayat, Ummu Jamil telah membawa duri-duri dan meletakkannya di jalan-jalan yang dilalui oleh Nabi s.a.w. Ada pula pendapat yang mengatakan bahawa maksud dikatakan Ummu Jamil itu membawa kayu api ialah suatu sindiran terhadap usaha-usahanya yang jahat menyakiti, membuat fitnah dan mengumpat Rasulullah s.a.w.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Surah ini diturunkan sebagai jawapan atas perisytiharan perang Abu Lahab dan isterinya terhadap Rasulullah s.a.w., dan Allah sendiri mengambil alih teraju peperangan itu bagi pihak Rasulullah s.a.w.

تَبَّتْ يَدَآ أَبِي لَهَبٍ

"Binasalah dua tangan Abu Lahab. "(1)

Kata-kata التباب bererti kebinasaan, kemusnahan dan kelenyapan, dan maksud تبت (yang pertama binasalah) merupakan do'a dan maksud تب yang kedua "sesungguhnya ia tetap binasa" ialah pernyataan bahawa do'a kebinasaan itu telah terlaksana. Di dalam sepotong ayat yang pendek di permulaan surah dimulakan dengan do'a yang terus menjadi kenyataan yang menamatkan pertarungan, dan tabir pun dilabuhkan.

Ayat-ayat yang berikut merupakan penjelasan dari apa yang telah berlaku.

مَآ أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُۥ وَمَا كَسَبَ ٢

"Ia tidak dapat ditolong hartanya dan segala usahanya."(2)

Maksudnya ialah Abu Lahab telah binasa. Harta dan segala usahanya tidak dapat menolong dan menghalanginya dari kebinasaan. Itulah balasan di dunia, sedangkan balasan di Akhirat:

سَيَصْلَىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ٣

"Ia akan merasa api Neraka yang mempunyai pucuk api yang marak bernyala."(3)

Allah menyebut pucuk api yang marak bernyala sebagai gambaran bagaimana dahsyat dan ngerinya api itu menyala dan membakar.

وَٱمْرَأَتُهُۥ حَمَّالَةَ ٱلْحَطَبِ ٤

"Dan juga isterinya pembawa kayu api."(4).

فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍۭ ٥

"Di lehernya (terikat) tali dari sabut yang terpintal kukuh."(5)

Maksudnya ialah isterinya akan turut sama dibakar api Neraka dengan keadaannya membawa kayu api, dan di lehernya terikat tali sabut, yakni ia diikatkan dengan tali itu di dalam Neraka, atau yang dimaksudkan dengan tali itu ialah dengan pengertiannya yang hakiki iaitu tali yang telah dijadikan pengikat kayu api iaitu dahan-dahan kayu yang berduri (yang dibawa dan diletakkan di jalan yang dilalui Nabi s.a.w.) dengan pengertian metafora, iaitu maksud dari membawa kayu api itu ialah kiasan dari membawa gangguan yang jahat dan umpat keji.

* * * * * *

Keindahan Pengungkapan Dalam Surah Ini

Pengungkapan ayat-ayat dalam surah ini amat selaras, halus dan jelas dengan maudhuk dan suasananya. Di sini kami petikkan beberapa baris dari buku مشاهد القيامة في القرآن untuk menjelaskan kesan surah ini di dalam hati Ummu Jamil:

"Abu Lahab (bapa pucuk api) akan diseksakan dalam pucuk api Neraka yang marak bernyala, dan isterinya juga akan diseksa bersama, sedangkan di lehernya terikat tali dari pintalan sabut. Di sini terdapat keselarasan dari segi kata-kata dan dari segi gambaran. Di dalam Neraka ada pucuk-pucuk api yang marak bernyala-nyala, di mana Abu Lahab (bapa pucuk api) akan dibakar. Isterinya Ummu Jamil membawa kayu api (duri) dan meletakkan di tengah jalan yang dilalui Nabi Muhammad s.a.w. untuk menyakitinya (dengan pengertiannya yang hakiki atau metafora). Kayu api yang dibawanya itu merupakan bahan-bahan bakar yang mencetuskan pucuk api. Ia memberkas kayu-kayu itu dengan tali, kerana itu ia akan dibelenggu dengan tali yang sama ketika dia di'azab kelak di dalam Neraka yang mempunyai pucuk-pucuk api yang marak bernyala supaya balasannya setimpal dengan perbuatannya. Pengungkapan itu memberi satu gambaran yang sempurna dengan isi kandungannya yang bersahaja iaitu kayu api, tali, api. Neraka dan pucuk api di mana Abu Lahab dan isterinya yang suka membawa kayu api dibakar dengannya.

Di sana terdapat pula keselarasan dari jenis yang lain, iaitu keselarasan di antara bunyi kalimat-kalimat dengan bunyi yang terbit dari ikatan tali yang

memberkas kayu-kayu api dan bunyi cerutan leher dengan tali itu مسد .

Bacalah: تبت يدا أبي لهب nescaya anda dapati bunyinya yang keras serupa dengan bunyi tali yang mengikat kayu-kayu api, juga serupa dengan bunyi tali yang mencerut leher, dan seterusnya selaras dengan suasana kemarahan dan ancaman yang menyelubungi surah ini.

Demikianlah bertemunya keselarasan bunyi irama kalimat-kalimat bersama bunyi harakat gerak-geri dengan keselarasan gambaran-gambaran segala butirannya dan keselarasan menggunakan kata-kata yang serupa dan menjaga imbangan dalam perungkapan, dan seterusnya selaras dengan suasana surah dan sebab nuzul, dan semua keselarasan itu tercapai dalam lima ayat yang pendek dalam satu surah Al-Qu'ran yang amat pendek".

* * * * * *

Kesan Surah Ini Kepada Ummu Jamil

Pengungkapan selaras yang kuat inilah yang membuat Ummu Jamil mengira Rasulullah s.a.w. telah mengejeknya dengan sajak, terutama apabila surah ini tersiar dengan luas membawa ancaman, kecaman dan gambaran yang khusus menghina Ummu Jamil. Gambaran itu benar-benar menghinakan seorang wanita yang angkuh dan bongkak dengan asal-usul keturunannya. Ia digambarkan dengan gambaran **"seorang perempuan yang membawa kayu api dengan seutas tali terikat di lehernya,"** iaitu mengikut uslub yang kuat yang lumrah di sisi orang-orang Arab.

Menurut Ibn Ishaq, apabila Ummu Jamil mendengar ayat-ayat Al-Qu'ran yang mencaci dirinya dan suaminya, ia terus datang menemui Rasulullah s.a.w. yang pada masa itu sedang duduk di masjid berhampiran Kaabah bersama Abu Bakr as-Siddiq. Di tangannya ia menggenggam seketul batu, tetapi apabila ia berdiri di hadapan kedua-duanya, Allah jadikan penglihatannya tidak nampak Rasulullah s.a.w. melainkan Abu Bakr seorang sahaja. Lalu ia bertanya: "Hai Abu Bakr! Di mana sahabatmu? Aku dengar dia mengejek aku dengan sajak. Demi Allah, jika aku temuinya, aku akan hentamnya dengan batu ini. Demi Allah, aku juga seorang penyajak. Lalu ia bersajak:

مذمماً عصينا ، وأمره أبينا

Yang bermaksud: "Kami tidak akan ikut Muhammad yang tercela[1], begitu juga kami tidak akan menerima agama yang dibawa olehnya."

Setelah itu ia beredar dari situ. Abu Bakr berkata: "Wahai Rasulullah, tidakkah anda nampak ia melihat anda?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Ia tidak nampak aku, Allah telah jadikan matanya tidak nampak aku."

Menurut riwayat al-Hafiz Abu Bakr al-Bazzar dengan sanadnya dari Ibn 'Abbas katanya: Sebaik sahaja turunnya surah ini, isteri Abu Lahab pun datang. Ketika itu Rasulullah s.a.w. sedang duduk bersama Abu Bakr. Lalu Abu Bakr pun berkata: "Jika anda jauhkan diri, ia tidak dapat menyakiti anda." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya di antaraku dan dia akan didindingkan Allah." Ummu Jamil terus datang dan berdiri di hadapan Abu Bakr seraya berkata: "Hai Abu Bakr! Sahabatmu telah mengejek aku dengan sajak." Jawab Abu Bakr: "Tidak, demi Kaabah ini, ia tidak pernah bersajak dan tidak pula pernah berkata dengan sajak." Jawab Ummu Jamil: "Engkau betul." Apabila ia berundur dari situ, Abu Bakr bertanya Rasulullah, "Adakah ia tidak nampak anda?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Ya. Ia tidak nampak. Malaikat sentiasa melindungiku sehingga ia pergi."

Rakaman Kecaman Abadi Terhadap Abu Lahab Dan Isterinya

Demikianlah memuncak kemarahan Ummu Jamil terhadap surah ini yang disangkakan sebagai sebuah sajak, kerana biasanya ejekan atau sindiran di masa itu dilakukan dengan perantaraan sajak. Dan sangkaannya itu telah ditolak oleh Abu Bakr. Walau bagaimanapun, gambaran yang memberi sepenuh penghinaan itu telah dirakamkan dalam kitab suci yang kekal dan dalam lembaran alam al-wujud, iaitu rakaman kemurkaan Allah dan perisytiharan perangnya terhadap Abu Lahab dan isterinya sebagai balasan atas tipu dayanya menentang da'wah Allah dan Rasul-Nya. Kebinasaan dan kehinaan itulah balasan penentang-penentang da'wah Allah di dunia, sementara balasan Neraka akan dilakukan pada Hari Akhirat. Penghinaan yang diisyaratkan dengan kata-kata "tali" adalah terpalit di dunia dan di Akhirat.

* * * * * *

[1] *Yang dimaksudkan oleh Ummu Jamil dengan kata-kata* مذمما *"Muzammaman" (yang tercela) ialah Muhammad (yang terpuji). Kedua-dua kata-kata itu mempunyai timbangan bunyi yang sama dan makna yang bertentangan. Inilah bukti kemahiran Ummu Jamil mempermainkan kata-kata sebagai seorang penyair sebagaimana yang didakwakannya. (Penterjemah).*

JUZU' KE-30

SURAH AL-IKHLAS

SURAH KE **112**

سُورَةُ الإِخْلَاصِ

SURAH AL-IKHLAS

Surah Ketulusan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **4**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾
لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾
وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!) Allah itu Maha Esa(1). Allah itu selama-lamanya tumpuan seluruh makhluk(2). Tiada pernah beranak dan tiada pula pernah diperanakkan(3). Dan tiada siapa pun yang setanding dengan-Nya"(4).

Surah yang pendek ini menyamai satu pertiga Al-Qur'an sebagaimana yang telah diterangkan di dalam hadith-hadith yang sahih. Ujar al-Bukhari: Kami telah diceritakan oleh Ismail katanya: Saya telah diceritakan oleh Malik daripada Abdul Rahman ibn Abdullah ibn Abu Sa'sa'ah daripada bapanya:

عن أبي سعد ، أن رجلاً سمع رجلاً يقرأ : ((قل هو الله أحد)) يرددها . فلما أصبح جاء إلى النبي – صلى الله عليه وسلم – فذكر ذلك له – وكأن الرجل يتقالها – فقال النبي – صلى الله عليه وسلم – : ((والذي نفسي بيده ، إنها لتعدل ثلث القرآن))..

"Dari Abu Sa'd, ada seorang yang mendengar seorang lelaki membaca قل هو الله أحد *dengan berulang-ulang kali. Pada pagi keesokan ia datang menemui Nabi s.a.w., lalu ia menyebutkan cerita itu kepada beliau seolah-olah ia merasa surah itu sangat sedikit, lalu Nabi s.a.w. berkata:* ***"Demi jiwaku di tangan-Nya, sesungguhnya surah itu menyamai satu pertiga Al-Qur'an."*** [1]

Tiada sesuatu keanehan dalam sabda Rasulullah s.a.w. ini kerana 'aqidah keesaan yang diperintah supaya diumumkan beliau dengan قل هو الله أحد itu merupakan 'aqidah hati nurani, pentafsiran bagi alam dan merupakan satu sistem hidup, kerana surah ini mengandungi garis-garis pokok yang amat luas mengenai hakikat agung Islam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

Konsep Keesaan Allah

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!) Allah itu Maha Esa."(1)

Kata-kata أحد lebih halus dari kata-kata واحد, kerana kata-kata أحد menambahkan kepada kata-kata واحد pengertian, tiada suatu yang lain di samping Allah dan tiada suatu yang setanding dengan Allah.

Itulah hakikat keesaan kewujudan Allah. Di sana tiada hakikat melainkan hakikat Allah, tiada kewujudan hakiki melainkan kewujudan Allah. Segala maujud yang lain adalah mengambil kewujudan mereka dari kewujudan Allah yang hakiki, dan mengambil hakikat mereka darii hakikat zatiyah Allah.

Kerana inilah ia juga merupakan hakikat keesaan Pencipta, tiada yang lain dari-Nya yang menciptakan sesuatu atau menjadi daya pencipta dalam sesuatu di alam ini. Itulah 'aqidah hati nurani, dan itulah juga pentafsiran bagi kewujudan alam. Apabila pentafsiran ini mantap dalam hati dan kefahaman ini jelas dan terang, maka bersihlah hati dari segala kepercayaan yang karut dan dari segala pergantungan dengan yang lain dari zat Allah yang esa dan unik dengan hakikat kewujudan dan hakikat kuasa pencipta.

Yakni hati itu bersih dari pergantungan dengan sesuatu yang lain di alam al-wujud ini jika ia tidak bersih dari perasaan adanya sesuatu yang lain. Justeru itu tiada hakikat bagi sesuatu kewujudan kecuali kewujudan Ilahi, dan tiada hakikat bagi sesuatu kuasa pencipta kecualii hakikat kuasa pencipta iradat Ilahiyah sahaja. Oleh sebab itu tidak ada ertinya hati itu bergantung dengan sesuatu yang tidak mempunyai sebarang hakikat bagi kewujudannya dan sebarang hakikat bagi kuasa penciptaan-Nya.

Apabila hati telah bersih dari segala perasaan terhadap yang lain dari hakikat Allah yang tunggal dan bersih dari pergantungan kepada yang lain dari hakikat Allah, maka ketika itu ia akan bebas dari segala belenggu dan ikatan, bebas dari keinginan nafsu yang menjadi punca berbagai-bagai belenggu, juga bebas dari sebarang ketakutan yang menjadi sumber berbagai-bagai ikatan. Apa lagi yang

[1] *Diriwayatkan oleh al-Bukhari.*

diingininya sedangkan ia tidak kehilangan sesuatu sesudah ia mendapat Allah, dan siapa lagi yang patut ditakutinya sedangkan di sana tidak ada kuasa penciptaan selain kuasa penciptaan Allah sahaja?

Apabila mantapnya kefahaman ini yang tidak melihat di alam ini selain hakikat Allah sahaja, maka ia akan melihat hakikat ini pada segala kejadian yang lain yang lahir dari hakikat itu. Di tahap inilah hati seseorang akan melihat qudrat Allah menguasai segala sesuatu yang dilihatnya, dan pada tahap yang lebih tinggi dari tahap ini ia tidak nampak sesuatu di alam buana ini melainkan hanya Allah, kerana di sana tiada hakikat yang lain yang dilihatnya melainkan hanya hakikat Allah.

Begitu juga ia akan menolak kuasa penciptaan sebab-sebab (causes), malah ia akan memulangkan segala sesuatu, segala peristiwa dan segala gerak kepada Allah sebagai sebab pertama yang melahirkannya dan mempengaruhinya. Inilah hakikat yang amat ditekankan oleh Al-Qur'an dalam usaha menegakkan kefahaman keimanan. Kerana itu Al-Qur'an selama-lamanya menafikan sebab-sebab yang lahir dan menghubungkan segala sesuatu secara langsung kepada kehendak Allah:

وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ رَمَىٰ

"Bukan engkau yang memanah ketika engkau memanah tetapi Allahlah yang memanah."

(Surah al-Anfal: 17)

وَمَا ٱلنَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِندِ ٱللَّهِ

"Tiada kemenangan melainkan dari sisi Allah."

(Surah al-Anfal: 10)

وَمَا تَشَآءُونَ إِلَّآ أَن يَشَآءَ ٱللَّهُ

"Dan kamu tidak menentukan kehendak kamu kecuali dikehendaki Allah."

(Surah at-Takwir: 29)

Lain-lain ayat yang seperti ini memang banyak. Dengan penolakan semua sebab-sebab yang lahir dan mengembalikan segala-galanya kepada kehendak Allah Yang Tunggal, akan tercurahlah rasa ketenteraman di dalam hati, dan dapatlah ia mengenal arah tawajjuh di mana ia meminta kepada-Nya apabila ia inginkan sesuatu, dan berlindung pada-Nya apabila ia merasa takut, dan seterusnya ia bersikap tenang terhadap segala kuasa dan kekuatan efektif dan terhadap segala sebab yang lahir yang tidak mempunyai hakikat dan kewujudan sejati.

Inilah anak-anak tangga jalan menuju kepada Allah yang dicuba oleh ahli-ahli tasawwuf, dan mereka telah ditarik jauh oleh hakikat ini. Ini ialah kerana Islam mahukan manusia menyusuri jalan yang membawa kepada hakikat keesaan ini semasa mereka menghadapi realiti kehidupan dengan segala ciri-cirinya, atau semasa mereka menjalani kehidupan manusia dan memegang khilafah di bumi dengan segala nilai-nilainya di mana mereka merasa tiada hakikat yang sebenar melainkan hakikat Allah, dan tiada kewujudan yang sebenar melainkan kewujudan Allah dan tiada kuasa penciptaan melainkan kuasa penciptaan Allah dan mereka tidak berkehendak kepada jalan yang lain dari jalan ini.

* * * * * *

Konsep Tauhid Melahirkan Sistem Hidup Yang Sempurna Dan Positif

Dari sinilah lahirnya satu sistem hidup yang sempurna yang ditegakkan di atas pentafsiran tadi yang menimbulkan berbagai-bagai kefahaman, perasaan dan arah-arah tujuan dalam hati seseorang.

Itulah satu sistem beribadat kepada Allah Yang Tunggal, di mana tiada hakikat bagi kewujudan yang lain, melainkan kewujudan-Nya dan tiada hakikat bagi kuasa penciptaan yang lain melainkan kuasa penciptaan-Nya dan tiada kesan bagi iradat yang lain melainkan iradat-Nya.

Itulah satu sistem bertawajjuh kepada Allah Yang Tunggal sama ada ketika berada dalam kegemaran dan ketakutan, sama ada dalam kesenangan dan kesusahan, kerana apalah gunanya bertawajjuh kepada yang lain dari Allah yang tidak mempunyai kewujudan hakiki dan tidak mempunyai apa-apa kuasa di alam ini?

Itulah satu sistem menerima dari Allah Yang Tunggal dalam segala urusan 'aqidah, kefahaman, nilai-nilai, ukuran-ukuran, syari'at, undang-undang, kedudukan, peraturan, adab cara dan tradisi-tradisi. Penerimaan perkara-perkara ini pastilah dari Allah yang mempunyai kewujudan yang esa dan hakikat yang unik di alam realiti dan hati nurani.

Itulah satu sistem bergerak dan bertindak kerana Allah sahaja untuk mencari perdampingan dengan-Nya dan untuk menghindarkan diri dari rintangan-rintangan dan kekeliruan yang menyesatkan, sama ada yang wujud di dalam diri sendiri atau di sekelilingnya yang berupa benda dan manusia dan di antaranya ialah rintangan diri sendiri, belenggu keinginan nafsu dan ketakutan kepada sesuatu di alam ini.

Itulah satu sistem yang menghubungkan di antara hati manusia dengan segala makhluk yang lain dengan hubungan kasih sayang, saling simpati, saling menyambut, kerana bukanlah maksud melepaskan diri dari belenggu-belenggu kejadian alam ini ialah menaruh perasaan benci terhadapnya dan lari dari berhubung dengannya, kerana semua makhluk adalah dari ciptaan Allah. Semuanya mengambil kewujudannya dari kewujudan Allah dan semuanya dilimpahkan dengan nur hakikat Allah. Oleh kerana itu seluruh makhluk harus disayangi belaka kerana seluruhnya merupakan pemberian dan kurnia dan Allah yang amat dikasihi.

Kebebasan Dalam Islam Bukan 'Uzlah Dan Bukan Pula Pelarian

Itulah satu sistem yang luhur dan bebas, di mana bumi ini dipandang sebuah alam yang kecil, kehidupan dunia sebuah kehidupan yang pendek dan keni'matan hidup dunia juga suatu keni'matan yang sedikit, dan usaha mencapai kebebasan dari rintangan-rintangan dan kekotoran-kekotoran dunia merupakan matlamat dan cita-cita (orang yang beriman), tetapi kebebasan di dalam Islam bukan bererti pemencilan diri, bukan bererti pengabaian dan bukan pula bererti kebencian dan pelarian, malah ia bererti percubaan dan perjuangan yang berterusan untuk memajukan manusia seluruhnya dan untuk membebaskan kehidupan mereka seluruhnya, kerana itu manusia diserahkan teraju khilafah dan kepimpinan dengan segala tugas-tugas dan kewajipannya, serta diberi kebebasan dengan segala nilai-nilainya sebagaimana telah kami jelaskan sebelum ini.

Pembebasan diri dengan bertapa di rumah-rumah ibadat merupakan satu perkara yang mudah, tetapi Islam tidak mahu cara itu, kerana tugas menegakkan khilafah di bumi dan tugas memimpin umat manusia merupakan sebahagian dari sistem agama Allah untuk pembebasan manusia. Ia merupakan satu cara yang amat sukar, tetapi itulah satu-satunya cara yang dapat menegakkan insaniyah manusia dan menjamin kemenangan rohnya yang luhur di dalam dirinya. Pendeknya kebebasan di dalam Islam ialah kebebasan roh manusia menuju kepada Allah selaku sumber yang melahirkannya. Ia juga bererti perjuangan manusia untuk merealisasikan hakikat rohnya yang luhur, agar dapat bekerja di bidang yang dipilih untuknya oleh Allah Penciptanya Yang Maha Bijaksana.

* * * * * *

Tauhid Dalam Islam Merupakan Keseluruhan Agama

Kerana ini semua, maka da'wah Islam, di tahapnya yang pertama, ditumpukan kepada usaha menegakkan hakikat tauhid dalam hati manusia dengan gambaran jelas seperti ini, kerana konsep tauhid dengan gambaran seperti ini merupakan 'aqidah hati nurani, pentafsiran bagi kewujudan alam dan sistem bagi kehidupan. Tauhid bukan kata-kata yang diucapkan dengan lidah, malah bukan suatu gambaran yang tersimpan di dalam hati, malah tauhid merupakan keseluruhan agama, dan segala perincian dan cabang-cabang yang lain darinya hanya merupakan hasil tabi'i dari kemantapan hakikat tauhid yang tersemat di dalam hati manusia.

Penyelewengan-penyelewengan yang menimpa umat-umat Ahlil-Kitab di zaman dahulu dan yang telah merosakkan 'aqidah, kefahaman-kefahaman dan kehidupan mereka, adalah pada mulanya berlaku akibat dari terhapusnya gambaran tauhid yang murni dan kemudian diikuti pula oleh segala penyelewengan yang lain.

Kesan Pertama Dari 'Aqidah Tauhid Ialah Syari'at

Ciri yang membezakan gambaran tauhid di dalam 'aqidah Islam ialah cirinya yang meresap dalam seluruh kehidupan, dan seluruh kehidupan itu ditegakkan di atas asasnya. Ia menjadi tapak bagi semua program amali dalam kehidupan, kesan-kesannya kelihatan jelas di dalam bidang perundangan sebagaimana kelihatan jelas di dalam bidang kepercayaan. Kesan pertama dari 'aqidah tauhid ialah syari'at Allah merupakan undang-undang yang tunggal yang memerintah semua urusan kehidupan. Apabila kesan ini tidak wujud bererti 'aqidah tauhid belum lagi berdiri teguh, kerana itu 'aqidah tauhid tidak mungkin tegak melainkan seluruh implikasinya direalisasikan di segenap bidang hidup.

* * * * * *

Maksud Allah itu Maha Esa ialah Allah itu satu-satunya tumpuan seluruh makhluk, tidak beranak dan tidak pula diperanakkan dan tiada siapa yang setanding dengan-Nya. Al-Qur'an menyebut butiran-butiran ini untuk menambahkan kejelasan.

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 3)

Hakikat Tauhid

ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ﴿٢﴾

"Allah itu selama-lamanya tumpuan seluruh makhluk."(2)

Pengertian Allah Maha Esa ialah Allah itu bersifat sama ada tidak beranak dan tidak diperanak dan tiada tolok bandingnya. Perincian-perincian ini disebut Al-Qur'an dengan tujuan untuk menambahkan penjelasan. Makna الصمد dari segi bahasa ialah tuan penghulu yang dituju orang ramai, di mana tiada suatu urusan yang diputus melainkan dengan kebenarannya, Allah itulah Tuan yang sebenar, tiada tuan yang lain dari-Nya. Dia adalah Tunggal dalam ketuhanan-Nya, dan semua yang lain adalah hamba-Nya belaka. Dialah sahaja pihak yang ditujukan untuk mendapat hajat-hajat, dan Dialah sahaja yang menyahut seruan hamba-hamba-Nya yang mempunyai hajat. Dialah sahaja yang memutuskan segala perkara dengan keizinan-Nya, dan tiada siapa yang turut membuat keputusan bersama-Nya. Sifat ini dari awal lagi dapat difaham dari sifat-Nya Yang Maha Esa.

لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾

"Tiada pernah beranak dan tiada pula diperanakkan."(3)

Hakikat Wujud Azali

Maksudnya ialah hakikat Allah itu adalah hakikat yang wujud abadi dan azali lagi, Hakikat Allah tidak dipengaruhi, oleh keadaan demi keadaan. Dia

mempunyai sifat yang sempurna dalam segala keadaan. Makna kelahiran anak ialah kemunculan dan kesinambungan keturunan. Kelahiran anak merupakan satu kewujudan yang bertambah selepas kurang atau selepas tidak ada, dan semuanya ini mustahil pada Allah. Kelahiran anak juga memerlukan isteri yang sama kejadian dan ini juga mustahil bagi Allah kerana sifat Maha Esa itu sendiri mengandungi penolakan adanya ibubapa dan anak-anak.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 4)

Konsep Ahadiyah

وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ﴿٤﴾

"Dan tiada siapa pun yang setanding dengan-Nya."(4)

Maksudnya ialah tiada siapa yang serupa dan setanding dengan-Nya, sama ada dari segi hakikat kewujudan, atau dari segi hakikat kuasa penciptaan, atau dari segi mana-mana sifat dari sifat-sifat zatiyah-Nya. Pengertian ayat ini juga tercapai dengan sifat-Nya Yang Maha Esa, tetapi ia disebut dengan tujuan menguat dan mentafsirkannya dengan terperinci, iaitu menolak kepercayaan wujud dua tuhan yang mendakwa bahawa Allah itu tuhan kebaikan dan di sana ada lagi satu tuhan yang lain iaitu tuhan kejahatan yang menentang Allah dan menentang kebaikan-kebaikannya dan menyebarkan kerosakan di muka bumi. 'Aqidah dua tuhan yang paling masyhur ialah 'aqidah yang dianuti orang-orang Parsi yang percayakan ada tuhan nur dan ada tuhan gelap. Kepercayaan ini terkenal di selatan Semenanjung Tanah Arab di mana pernah tegaknya kerajaan dan kekuasaan Parsi.

* * * * * *

Surah ini menegak dan menjelaskan 'aqidah tauhid Islam sebagaimana Surah al-Kafirun menafikan sebarang keserupaan atau menafikan wujudnya titik pertemuan di antara 'aqidah tauhid dengan 'aqidah syirik. Kedua-dua surah ini memperkatakan hakikat tauhid dari satu sudut yang tertentu. Rasulullah s.a.w. biasanya membuka hari siangnya dalam solat Sunat Fajar dengan membaca dua surah ini dan pembukaan ini mempunyai makna dan tujuannya yang besar.

* * * * * *

JUZU' KE-30

SURAH AL-FALAQ

SURAH KE

113

سُورَةُ الفَلَقِ

SURAH AL-FALAQ

Surah Seluruh Makhluk

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

5

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

قُلۡ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلۡفَلَقِ ﴿١﴾

مِن شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾

وَمِن شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾

وَمِن شَرِّ ٱلنَّفَّٰثَٰتِ فِي ٱلۡعُقَدِ ﴿٤﴾

وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara seluruh makhluk(1). Dari kejahatan sebarang makhluk yang telah diciptakan-Nya(2). Dan dari kejahatan malam apabila (gelap-gelitanya) meresap(3). Dan dari kejahatan tukang-tukang sihir yang menghembus pada tali-tali yang tersimpul(4). Dan dari kejahatan pendengki apabila ia berdengki."(5).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah al-Falaq dan Surah an-Nas merupakan satu arahan dari Allah, mula-mula kepada Nabi-Nya s.a.w. dan kemudian kepada para Mu'minin, supaya memohon perlindungan dan naungan pada Allah dari segala kejadian yang menakutkan, sama ada yang sulit atau yang terang, sama ada yang tidak diketahui atau yang diketahui secara umum atau secara terperinci, seolah-olah Allah membuka perlindungan dan naungan-Nya kepada mereka sambil berseru dengan penuh kasih sayang: "Marilah ke sini, marilah masuk ke dalam perlindungan dan naungan-Ku. Marilah ke tempat yang aman yang memberi ketenangan kepada kamu! Marilah! Aku tahu kamu lemah dan mempunyai banyak musuh dan di sekeliling kamu berbagai-bagai kejadian yang menakutkan. Hanya di sini sahaja keamanan, ketenteraman dan kedamaian untuk kamu." Justeru itu kedua-dua surah ini dimulai dengan arahan ini:

قُلۡ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلۡفَلَقِ ﴿١﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara seluruh makhluk."

(Surah al-Falaq: 1)

قُلۡ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلنَّاسِ ﴿١﴾

"Katakan (wahai Muhammad!): Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara manusia."

(Surah an-Nas: 1)

Mengenai kisah turunnya surah ini terdapat beberapa athar yang semuanya sesuai dengan bayangan yang kami telah nyatakan tadi. Dari keterangan athar-athar itu jelaslah bahawa Rasulullah s.a.w. telah memperlihatkan kegembiraannya yang mendalam terhadap turunnya surah ini.

Dari 'Uqbah ibn 'Amir r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

أَلَم تر آيات أنزلت هذه الليلة لم يُرَ مثلهن قط ؟ قل أعوذ برب الفلق وقل أعوذ برب الناس.

"Tidakkah engkau mengetahui ayat-ayat yang telah diturunkan pada malam ini, iaitu ayat-ayat yang tidak didapati tolok bandingnya iaitu: قل أعوذ برب الناس *dan* قل أعوذ برب الفلق*"*[1]

Dari Jabir r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.: "Bacalah, wahai Jabir!" Aku menjawab, Demi bapaku dan ibuku, baca apa wahai Rasulullah?" Sabdanya: "Bacalah: قل أعوذ برب الناس dan قل أعوذ برب الفلق Lalu aku pun membaca kedua-duanya, kemudian beliau bersabda:

اقرأ بهما فلن تقرأ بمثلهما

"Bacalah kedua-dua surah ini dan engkau tidak akan dapat membaca surah yang serupa dengan kedua-duanya."

Dari Zarr ibn Hubaysy katanya: Aku bertanya Ubay ibn Kab r.a. tentang mu'auwizatayn قل أعوذ برب الناس dan قل أعوذ برب الفلق kataku: "Wahai Abu Munzir, saudaramu Abu Mas'ud telah berkata begini, begini, (mula-mula Ibn Mas'ud tidak mencatatkan kedua-dua surah ini di dalam mushafnya, kemudian ia kembali mengikut pandangan jemaah Sahabat, lalu mencatatkan kedua-dua surah ini di dalam mushaf). Lalu dia menjawab: "Aku telah bertanya Rasulullah s.a.w. dan jawab beliau: Aku diperintah berkata قل,

---

[1] *Dikeluarkan oleh Malik, Muslim, at-Tirmizi, Abu Daud dan An-Nasa'i.*

lalu aku pun berkata. Dan kami pun berkata seperti Rasulullah s.a.w. berkata."

(Dikeluarkan oleh an-Nasa'i)

Semua riwayat ini melahirkan bayangan-bayangan kasih mesra ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

Di sini - dalam surah ini - Allah menyebut dirinya dengan sifat-Nya yang boleh menjadi benteng yang melindungkan dari kejahatan-kejahatan yang tersebut di dalam surah ini:

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلْفَلَقِ ﴿١﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara seluruh makhluk."(1)

Makna Al-Falaq

Di antara pengertian الفلق ialah "waktu pagi" dan "seluruh makhluk". Pengertian ini ditujukan kepada segala kejadian yang dilahirkan ke alam al-wujud dan alam al-hayat sebagaimana diterangkan di dalam Surah al-An'am:

إِنَّ ٱللَّهَ فَالِقُ ٱلْحَبِّ وَٱلنَّوَىٰ يُخْرِجُ ٱلْحَيَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَمُخْرِجُ ٱلْمَيِّتِ مِنَ ٱلْحَيِّ

"Sesungguhnya Allahlah yang melahirkan tumbuh-tumbuhan dari butir dan biji benih. Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup."(95)

(Surah al-An'am)

Juga firman selanjutnya:

فَالِقُ ٱلْإِصْبَاحِ وَجَعَلَ ٱلَّيْلَ سَكَنًا وَٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ حُسْبَانًا

"Dialah yang melahirkan pagi dan menciptakan malam untuk beristirehat dan menciptakan matahari dan bulan untuk perkiraan."(96)

(Surah al-An'am)

Sama ada dipakai dengan pengertian "Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang menjadi waktu pagi yang memberi keamanan dengan cahaya siang dari segala kejahatan yang sulit dan tersembunyi" atau dipakai dengan pengertian "Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara seluruh makhluk yang memberi keamanan dari segala kejahatan makhluk," maka kedua-dua pengertian itu adalah sesuai dengan ayat-ayat yang kemudian.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 2)

Bahaya Dari Makhluk

مِن شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾

"Dari kejahatan sebarang makhluk yang telah diciptakan-Nya."(2)

Maksudnya ialah dari kejahatan seluruh makhluk ciptaan-Nya. Kerana setiap makhluk itu ada keburukan-keburukannya dalam keadaan-keadaan hubungannya yang tertentu, di samping mempunyai kebaikan-kebaikan dalam keadaan-keadaan yang lain. Dan yang dipohon perlindungan di sini ialah dari keburukan dan kejahatannya agar kebaikannya sahaja yang tinggal. Allah yang menciptakan seluruh makhluk itu adalah berkuasa pula mengarah dan mentadbirkan keadaan makhluk-makhluk itu supaya muncul aspek kebaikannya sahaja, bukan keburukannya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 3)

Bahaya Di Waktu Malam

وَمِن شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾

"Dan dari kejahatan malam apabila (gelap-gelitanya) meresap."(3)

Kata-kata الغاسق dari segi bahasa bererti "yang mencurah", dan erti kata-kata الوقب ialah lubang di bukit yang mengalirkan air. Dan yang dimaksudkan di sini biasanya ialah malam dan segala apa yang ada di malam hari. Apabila malam mencurah menyelubungi bumi, maka ketika itu malam sendiri menjadi sesuatu yang menakutkan, tambahan pula ia menimbulkan kemungkinan berlakunya segala sesuatu yang tidak diketahui dan tersembunyi seperti diserang binatang ganas, dimasuki pembunuh, dicerobohi musuh dan didatangi serangga-serangga bisa. Di samping itu, di malam hari juga terbetiknya berbagai-bagai fikiran karut dan berbagai perasaan duka nestapa yang mencekik dan melemaskan minda. Kegelapan malam menolong syaitan untuk bertindak dan menggoda. Kegelapan malam dan keseorangan di malam hari juga menggerakkan nafsu syahwat manusia dan munculnya bahaya-bahaya dari makhluk yang nampak dan tidak nampak yang bergerak dan menyerang di waktu malam.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 4)

Bahaya Bomoh-bomoh Sihir Dan Hakikat Sihir

وَمِن شَرِّ ٱلنَّفَّٰثَٰتِ فِى ٱلْعُقَدِ ﴿٤﴾

"Dan dari kejahatan tukang-tukang sihir yang menghembus pada tali-tali yang tersimpul."(4)

Kata-kata النفاثات في العقد ialah perempuan-perempuan bomoh sihir yang berusaha menimpakan bahaya dengan cara memperdayakan pancaindera dan urat

saraf seseorang dan menyampaikan saranan-saranan yang mempengaruhi jiwa dan perasaannya. Mereka membuat simpulan-simpulan tali atau sapu tangan dan menghembuskan pada simpulan-simpulan itu sebagai satu amalan tradisional sihir dan cara menyampaikan saranan-saranan.

Ilmu sihir tidak mengubahkan hakikat-hakikat sesuatu dan tidak pula mewujudkan satu hakikat yang baru, tetapi ia boleh membuat pancaindera dan perasaan seseorang itu merasakan apa yang dikehendaki tukang sihir. Inilah ilmu sihir seperti yang digambarkan oleh Al-Qur'anul-Karim dalam cerita Nabi Musa a.s.:

قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِمَّآ أَن تُلْقِىَ وَإِمَّآ أَن نَّكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَلْقَىٰ ﴿٦٥﴾

قَالَ بَلْ أَلْقُوا۟ ۖ فَإِذَا حِبَالُهُمْ وَعِصِيُّهُمْ يُخَيَّلُ إِلَيْهِ مِن سِحْرِهِمْ أَنَّهَا تَسْعَىٰ ﴿٦٦﴾

فَأَوْجَسَ فِى نَفْسِهِۦ خِيفَةً مُّوسَىٰ ﴿٦٧﴾

قُلْنَا لَا تَخَفْ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْأَعْلَىٰ ﴿٦٨﴾

وَأَلْقِ مَا فِى يَمِينِكَ تَلْقَفْ مَا صَنَعُوٓا۟ ۖ إِنَّمَا صَنَعُوا۟ كَيْدُ سَٰحِرٍ ۖ وَلَا يُفْلِحُ ٱلسَّاحِرُ حَيْثُ أَتَىٰ ﴿٦٩﴾

"Mereka (tukang-tukang sihir) berkata: Wahai Musa! Pilihlah sama ada engkau yang melemparkan dahulu atau kami orang-orang yang mula-mula melemparkannya(65). Jawab Musa: Silalah kamu melemparkan dahulu. Tiba-tiba tali-tali dan tongkat-tongkat mereka dengan pengaruh sihir mereka terperasan kepada Musa seolah-olah berjalan(66). Lalu Musa merasa takut dalam hatinya(67). Kami berfirman kepadanya: Janganlah engkau takut kerana sesungguhnya engkaulah yang paling tinggi (menang)(68). Dan lemparkanlah tongkat yang ada di tangan kananmu nescaya ia akan menelan apa yang dibuat mereka. Sesungguhnya apa yang dibuat mereka hanya tipu daya tukang sihir sahaja, dan tukang sihir itu tidak menang walau dari mana sahaja ia datang(69).

(Surah Taha)

Demikianlah tali dan tongkat-tongkat sihir mereka tidak berubah menjadi ular-ular yang sebenar tetapi ia hanya membuat orang ramai dan Musa terperasan seolah-olah tongkat-tongkat itu ular-ular yang berjalan hingga menimbulkan perasaan takut dalam hati beliau, lalu Allah meneguhkan hatinya. Kemudian hakikat yang sebenar terbuka apabila tongkat Musa benar-benar berubah menjadi seekor ular hakiki yang menelan semua tali-tali dan tongkat-tongkat tukang sihir yang palsu itu.

Inilah tabi'at ilmu sihir yang harus diterima oleh kita, dan dengan tabi'at inilah ilmu sihir memberi kesan kepada orang ramai, mencetuskan perasaan-perasaan tertentu mengikut saranan-saranan tukang sihir, iaitu perasaan-perasaan yang menakutkan mereka, mengganggu mereka dan mengarahkan mereka ke arah yang dikehendaki oleh tukang sihir. Sampai di sini cukuplah untuk kita memahami tabi'at ilmu sihir dan rahsia hembusan pada simpulan-simpulan tali. Sihir itu suatu kejahatan dan suatu bencana, dan hanya kepada Allah sahaja dapat dipohon perlindungan dan naungan dari gangguannya.

Riwayat Nabi Kena Sihir

Di sana terdapat beberapa riwayat setengahnya sahih tetapi tidak mutawatir yang mengisahkan bahawa Labid ibn A'sam dari bangsa Yahudi telah menyihirkan Nabi s.a.w. di Madinah selama beberapa hari menurut satu cerita, dan selama beberapa bulan menurut satu cerita yang lain, sehingga beliau terperasan telah mendatangi isteri-isterinya sedangkan beliau tidak mendatangi mereka, dan dalam satu riwayat yang lain beliau terperasan melakukan sesuatu sedangkan beliau tidak melakukannya. Dan kedua-dua surah ini adalah diturunkan sebagai jampi kepada Rasulullah s.a.w., Oleh itu, apabila beliau menghadirkan bahan sihir yang dimaksudkan itu setelah diberi mimpi kepadanya dan membaca kedua surah itu, maka terhurailah ikatan sihir itu pada beliau dan hilanglah segala gangguannya.

Tetapi riwayat-riwayat ini bercanggah dengan dasar al-'Ismat an-Nabawiyah[2] iaitu dasar setiap nabi itu ma'sum dalam segala tindakan dan kerja-kerja tablighnya. Riwayat-riwayat itu tidak sejajar dengan dasar 'aqidah bahawa setiap perbuatan Rasulullah s.a.w. dan setiap sabdanya merupakan suatu sunnah dan syari'at. Begitu juga riwayat-riwayat itu bercanggah dengan keterangan Al-Qur'an yang menafikan bahawa Rasulullah s.a.w. itu terkena sihir dan ia mendustakan kaum Musyrikin yang membuat dakwaan yang bohong itu. Oleh kerana itu kami terpaksa ketepikan riwayat-riwayat ini kerana Hadith-hadith A'ahad tidak boleh dijadikan pegangan dalam perkara-perkara 'aqidah. Tempat rujukan yang sebenar ialah Al-Qur'an, dan riwayat yang mutawatir merupakan syarat untuk diterima hadith-hadith yang ada hubungan dengan dasar-dasar 'aqidah, sedangkan riwayat-riwayat mengenai kisah Nabi s.a.w. disihir itu tidak mutawatir, tambahan pula mengikut pendapat yang kuat kedua-dua surah itu adalah diturun di Makkah ini melemahkan asas riwayat-riwayat itu.

* * * * * *

---

[2] العصمة النبوية

(Pentafsiran ayat 5)

Bahaya Pendengki

وَمِن شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ۝٥

"Dan dari kejahatan pendengki apabila ia berdengki."(5)

Hasad dengki ialah perasaan cemburu hati terhadap sesuatu ni'mat yang dikurniakan Allah kepada hamba-hamba-Nya yang tertentu serta bercita-cita supaya ni'mat itu musnah dan hilang, sama ada si pendengki yang merasa cemburu hati itu bertindak untuk memusnahkan ni'mat itu kerana ditekan dendam kesumat atau ia hanya terhenti sekadar menaruh perasaan cemburu hati sahaja, namun sesuatu kejahatan mungkin akan berlaku selepas wujudnya perasaan cemburu hati itu.

Kita terpaksa merendahkan nada menolak atau menafikan mana-mana rahsia alam yang kita tidak ketahui, juga rahsia-rahsia jiwa dan sistem peralatan jisim manusia, kerana di sana terdapat banyak kejadian yang lahir dari rahsia-rahsia itu sedangkan kita tidak dapat mentafsirkan sebab musababnya sehingga hari ini, contohnya perhubungan telepati (perhubungan antara jiwa) yang berlaku di antara individu-individu yang tinggal berjauhan, iaitu perhubungan yang benar-benar berlaku yang dapat dibuktikan kebenarannya dengan berita-berita kejadian yang masyhur dan ujian-ujian yang banyak, sedangkan kita tidak dapat mentafsirkan sebab musababnya berdasarkan maklumat-maklumat yang ada pada kita. Begitu juga hipnotisme (ilmu daya menidurkan orang lain) yang kini menjadi objek ujian yang meyakinkan, sedangkan rahsia dan kaifiyatnya masih tidak diketahui. Di samping telepati dan hipnotisme, di sana banyak lagi rahsia-rahsia alam, rahsia-rahsia jiwa dan rahsia-rahsia sistem peralatan jisim manusia.

Oleh itu, apabila pendengki-pendengki itu berdengki dan mengarahkan perasaan cemburu hatinya kepada orang yang didengkinya, maka kita tidak ada jalan untuk menafikan adanya kesan-kesan buruk dari pengarahan perasaan itu dengan alasan kerana ilmu pengetahuan dan alat-alat yang ada pada kita tidak sampai kepada rahsia kesan itu dan cara tindakannya. Kita tidak mengetahui bidang ini melainkan sedikit sahaja, dan pengetahuan yang sedikit itu pun biasanya kita perolehi secara kebetulan sahaja, dan kemudian ia mantap menjadi satu hakikat yang berlaku selepas itu.

Pada hasad dengki terdapat bencana dan kejahatan yang perlu dipohon perlindungan dan naungan dari Allah agar terselamat darinya.

Allah S.W.T. dengan limpah rahmat-Nya mengarahkan Rasul-Nya s.a.w. dan sekalian umat di belakangnya supaya memohon perlindungan kepada-Nya dari bencana-bencana kejahatan hasad dengki, dan sudah tentu apabila mereka memohon kepada-Nya, Dia akan melindungi mereka dari kejahatan-kejahatan itu baik secara umum mahupun secara terperinci.

Cara Nabi (s.a.w.) Membaca Ayat-ayat Perlindungan

Menurut riwayat al-Imam al-Bukhari dari Aisyah r.a. katanya: Adalah Rasulullah s.a.w. apabila beliau berada di tempat tidurnya setiap malam beliau menemukan dua tapak tangannya kemudian menghembuskan pada keduanya dan membaca قل هو الله أحد, قل أعوذ برب الفلق dan قل أعوذ برب الناس , kemudian beliau sapukan dengan kedua tapak tangannya semua bahagian tubuhnya yang dapat disapukan olehnya. Beliau mulakan di atas kepala dan mukanya dan bahagian hadapan badannya. Beliau berbuat demikian sebanyak tiga kali. Demikianlah diriwayatkan oleh para pengumpul hadith (Hadith Ashabus-Sunan).[3]

* * * * * *

---

[3] *Al-Ustaz as-Syeikh Muhammad 'Abduh telah mengemukakan satu pendapat yang lain ketika mentafsirkan ayat (4) dan (5) dalam tafsir Juzu' 'Amma dari karya beliau. Sila rujuk tafsir itu. Sebab yang membawa beliau mengeluarkan pendapat itu ialah berlandaskan alasan yang kami telah sebut pada Surah al-Fil, iaitu aliran pentafsiran 'aqliyah yang dianuti oleh beliau dengan tujuan untuk menyempitkan ruang perkara-perkara ghaib atau ghaibiyah yang di luar daya tanggapan pancaindera itu.*

JUZU' KE-30

SURAH AN-NAS

SURAH KE

114

سُورَةُ النَّاسِ

SURAH AN-NAS

Surah Manusia

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

6

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

قُلۡ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلنَّاسِ ﴿١﴾
مَلِكِ ٱلنَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَٰهِ ٱلنَّاسِ ﴿٣﴾
مِن شَرِّ ٱلۡوَسۡوَاسِ ٱلۡخَنَّاسِ ﴿٤﴾
ٱلَّذِي يُوَسۡوِسُ فِي صُدُورِ ٱلنَّاسِ ﴿٥﴾
مِنَ ٱلۡجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ ﴿٦﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad!): Aku pohon perlindungan pada Tuhan yang memelihara manusia(1). Yang menguasai manusia(2). Tuhan yang disembah manusia(3). Dari kejahatan (syaitan) pembisik yang datang dan menghilang(4). Yang membisik (kejahatan) di dalam dada manusia(5). Iaitu dari (syaitan) jin dan manusia."(6).

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

قُلۡ أَعُوذُ بِرَبِّ ٱلنَّاسِ ﴿١﴾
مَلِكِ ٱلنَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَٰهِ ٱلنَّاسِ ﴿٣﴾

"Tuhan yang memelihara manusia(1). Yang menguasai manusia(2). Tuhan yang disembah manusia."(3)

Dalam surah ini permohonan perlindungan dipanjatkan kepada Allah Tuhan yang memelihara manusia, yang memerintah manusia dan yang disembah manusia, dan perkara yang dipohon ialah perlindungan dari kejahatan syaitan yang datang dan menghilang untuk membisik kejahatan di dalam hati manusia iaitu syaitan jin dan syaitan manusia.

Memohon perlindungan kepada Tuhan yang memelihara dan menguasai manusia dan disembah manusia itu ialah dengan menghadirkan sa'at-sa'at Allah yang agung yang dapat menolak segala kejahatan umumnya dan kejahatan syaitan pembisik yang datang dan menghilang khususnya.

Konsep Mencari Perlindungan Pada Allah

الرب ialah sifat Allah yang memelihara, membimbing, mengarah, menjaga dan melindung. الملك ialah sifat Allah yang memilik, memerintah dan mentadbir. الإله ialah sifat Allah yang menguasai segala-galanya. Semua sifat-sifat ini berkuasa memberi pertolongan dari kejahatan-kejahatan yang meresap di dalam hati manusia yang tidak mengetahui bagaimana hendak menolak kejahatan-kejahatan yang tersembunyi itu.

Allah adalah Tuhan Pemelihara dan Pelindung segala makhluk, Pemerintah segala makhluk dan Penguasa segala makhluk, tetapi di sini Allah disebut khusus sebagai Pemelihara dan Pelindung manusia, Pemerintah manusia dan Tuhan yang disembah manusia supaya manusia merasa begitu hampir kepada-Nya dalam detik-detik mencari perlindungan dan naungan.

Allah telah mengarahkan Rasul-Nya s.a.w. dan sekalian umatnya, supaya mencari perlindungan dan naungan pada-Nya dengan menghadirkan pengertian-pengertian dari sifat-sifat tersebut itu semoga melindungi mereka dari kejahatan yang sangat halus jejak langkahnya, yang tidak terdaya ditolakkannya melainkan dengan pertolongan Allah Pemerintah dan Penguasa Yang Maha Agung, kerana kejahatan yang halus itu menyerang mereka tanpa disedari, dan mendatangi mereka dari arah yang tidak terfikir oleh mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

Mula-mula Allah menyebut sifat syaitan sebagai:

مِن شَرِّ ٱلۡوَسۡوَاسِ ٱلۡخَنَّاسِ ﴿٤﴾

"Pembisik yang datang dan menghilang."(4)

Kemudian Dia menyebut kerjanya:

ٱلَّذِي يُوَسۡوِسُ فِي صُدُورِ ٱلنَّاسِ ﴿٥﴾

"Membisik (kejahatan) di dalam dada manusia."(5)

Kemudian Dia memperkenalkan hakikatnya:

مِنَ ٱلۡجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ ﴿٦﴾

"Dari jin dan manusia."(6)

Tertib susunan ini membangkitkan kesedaran dan perhatian untuk mengenal hakikat syaitan pembisik

yang datang dan menghilang itu dan cara-cara ia bekerja melaksanakan kejahatannya, sebagai persediaan untuk menolak dan mengawasi gerak langkahnya.

Bisikan Syaitan

Apabila seseorang itu menyedari bahawa syaitan yang tidak nampak itu membisikkan kejahatan di dalam hati manusia secara halus dan tidak dapat dilihat, begitu juga apabila ia menyedari adanya manusia yang dapat menyerap ke dalam dada dan menaburkan kejahatan di dalam hati manusia sama seperti syaitan yang tidak nampak itu, maka ia akan bersiap sedia untuk mempertahankan dirinya dari kejahatan itu, kerana ia telah mengetahui tempat persembunyian, pintu dan jalan masuk (syaitan-syaitan itu).

Kita tidak mengetahui bagaimana berlangsungnya bisikan syaitan, tetapi kita merasakan kesan-kesannya di dalam jiwa dan di dalam realiti hidup kita. Kita sedar bahawa pertarungan di antara Adam dan Iblis adalah satu pertarungan yang amat lama. Kita sedar bahawa syaitan telah mengisytiharkan perang berterusan, iaitu satu perisytiharan yang lahir dari tabi'at jahat yang ada di dalam dirinya, dan lahir dari sifat-sifat angkuh, hasad dengki dan dendam kesumatnya terhadap manusia. Kita sedar syaitan telah meminta kebenaran dari Allah untuk memerangi manusia, dan permintaan itu telah diluluskan Allah kerana suatu hikmat yang diketahui-Nya. Walau bagaimanapun, Allah tidak membiarkan manusia mengharungi perjuangan itu tanpa senjata, malah ia telah menjadikan keimanan sebagai perisai untuk mereka, zikir sebagai kelengkapan perang dan do'a memohon perlindungan sebagai senjata. Andainya manusia itu lupakan perisai, kelengkapan dan alat senjatanya, maka dialah sahaja yang patut disalahkan.

عن ابن عباس – رضي الله عنهما – قال : قال رسول الله – صلى الله عليه وسلم – : ((الشيطان جاثم على قلب ابن آدم فإذا ذكر الله تعلى خنس ، وإذا غفل وسوس))...(أخرجه البخاري معلقا)

Dari Ibn 'Abbas r.a. katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.: "Syaitan itu duduk mencangkung di atas hati manusia, apabila manusia menyebut nama Allah ia akan mengundurkan diri, dan apabila manusia lalai ia akan membisikkan kejahatan."

Mengenai syaitan manusia pula, kita memang mengetahui dan mengenali banyak dari hasutan-hasutan dan bisikan-bisikan mereka yang jahat, malah kita tahu bahawa di antara hasutan dan bisikan jahat manusia itu ada yang lebih buruk dari hasutan dan bisikan syaitan. Mereka terdiri dari:

Teman-teman jahat yang menaburkan kejahatan ke dalam hati dan akal kawannya tanpa disedari dan diawasi olehnya kerana ia teman yang dipercayai.

Pengawai-pegawai atau orang-orang dalam pemerintahan yang mengelilingi para pemerintah yang membisikkan fikiran-fikiran yang jahat kepada mereka sehingga mereka bertindak ganas dan zalim terhadap rakyat jelata negerinya.

Tukang-tukang umpat yang menabur fitnah, yang pandai bermadah dengan kata-kata yang indah dan licin hingga apa yang dikatakannya itu kelihatan seolah-olah amat benar dan tidak dapat dipertikaikan lagi.

Penjual-penjual nafsu yang masuk dari pintu-pintu naluri dengan gaya yang amat menarik yang tidak dapat ditolak melainkan dengan kesedaran hati nurani dan pertolongan dari Allah.

Di sana terdapat berpuluh-puluh jenis manusia pembisik kejahatan yang datang dan menghilang, yang membuat perangkap-perangkap kejahatan dan menyeludupkannya ke dalam hati manusia. Mereka adalah lebih jahat dari syaitan-syaitan yang tidak nampak dan lebih halus dari jejak langkahnya.

Sifat Utama Syaitan

Manusia memang tidak berupaya untuk menolak bisikan-bisikan kejahatan yang halus, kerana itu Allah menunjukkan perisai dan alat-alat senjata kepada mereka supaya mereka dapat menempuh pertarungan yang dahsyat itu.

Syaitan pembisik itu telah disifatkan dengan kelakuan **"datang dan menghilang"**. Ini adalah satu isyarat yang mengandungi tujuan, kerana dari satu segi sifat itu menunjukkan bahawa kelakuan syaitan itu lebih suka bersembunyi menunggu peluang. Andainya terbuka ia akan meresap masuk perlahan-lahan membisikkan kejahatan-kejahatannya, dan dari satu segi yang lain pula, menunjukkan satu kelemahan syaitan apabila berdepan dengan mereka yang sedar dan siap-siaga mengawal pintu hatinya. Oleh kerana itu semua pembisik-pembisik kejahatan, sama ada dari syaitan yang tidak nampak atau dari syaitan-syaitan manusia apabila dilawan, mereka akan berundur menyembunyikan diri sebagaimana yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w.: *"Apabila manusia menyebut nama Allah, ia akan mengundurkan dirinya dan apabila manusia lalai, ia akan membisikkan kejahatan."*

Isyarat ini boleh menguatkan hati seseorang untuk menghadapi syaitan pembisik kejahatan, kerana ia bersifat datang dan menghilang, iaitu bersifat lemah apabila ia berdepan dengan alat senjata orang Mukmin di medan pertempuran.

Dari satu segi yang lain, pertarungan dengan syaitan merupakan satu pertarungan lanjut yang tidak akan tamat. Syaitan selama-lamanya menunggu peluang untuk menyerang manusia di sa'at-sa'at kelalaian, dan pertarungan itu akan terus meletus, sekali kalah dan sekali menang, hingga sampai kepada Hari Qiamat sebagaimana digambarkan di berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'an, di antaranya ialah gambaran yang menarik dalam Surah al-Isra' yang berikut:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟
إِلَّآ إِبْلِيسَ قَالَ ءَأَسْجُدُ لِمَنْ خَلَقْتَ طِينًا ﴿٦١﴾
قَالَ أَرَءَيْتَكَ هَٰذَا ٱلَّذِى كَرَّمْتَ عَلَىَّ لَئِنْ أَخَّرْتَنِ
إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ لَأَحْتَنِكَنَّ ذُرِّيَّتَهُۥٓ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٢﴾
قَالَ ٱذْهَبْ فَمَن تَبِعَكَ مِنْهُمْ فَإِنَّ جَهَنَّمَ جَزَآؤُكُمْ
جَزَآءً مَّوْفُورًا ﴿٦٣﴾
وَٱسْتَفْزِزْ مَنِ ٱسْتَطَعْتَ مِنْهُم بِصَوْتِكَ وَأَجْلِبْ
عَلَيْهِم بِخَيْلِكَ وَرَجِلِكَ وَشَارِكْهُمْ فِى ٱلْأَمْوَٰلِ
وَٱلْأَوْلَٰدِ وَعِدْهُمْ ۚ وَمَا يَعِدُهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ إِلَّا
غُرُورًا ﴿٦٤﴾
إِنَّ عِبَادِى لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنٌ ۚ وَكَفَىٰ
بِرَبِّكَ وَكِيلًا ﴿٦٥﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam. Lalu mereka sekalian pun sujud kecuali iblis, ia berkata: Adakah wajar aku sujud kepada orang yang telah Engkau ciptakannya dari tanah?(61). Dia berkata lagi: Terangkanlah! Inikah orangnya yang telah Engkau muliakan lebih dariku? Sesungguhnya jika dapat Engkau memberi tempoh kepadaku sehingga Hari Qiamat nescaya akan ku sesatkan zuriatnya kecuali sebahagian yang kecil(62). Lalu Allah menjawab: Baiklah, pergilah! Sesiapa dari mereka yang mengikut engkau, maka Neraka Jahannamlah balasan yang sungguh padan untuk kamu(63). Dan kejutkan dengan suaramu sesiapa sahaja dari mereka yang dapat engkau lakukan, dan kerahkan angkatan berkudamu dan kerahkanlah angkatan jalan kakimu untuk menyerang mereka, dan berkongsilah harta benda dan anak-pinak dengan mereka dan kemukakan janji-janjimu kepada mereka, dan sebenarnya tiada apa yang dijanjikan syaitan kepada mereka melainkan hanya tipu daya sahaja(64). Sesungguhnya engkau tidak mempunyai kuasa untuk menguasai hamba-hamba kesayangan-Ku, dan cukuplah Tuhanmu itu menjadi penjaga."(65)

Inilah gambaran perjuangan dan motif-motifnya yang jahat, sama ada perjuangan secara langsung dari syaitan atau perjuangan melalui manusia-manusia yang menjadi agen-agennya, dan dalam perjuangan itu manusia akan tetap merasa ia tidak terus kalah, kerana Tuhan yang memelihara dan menguasainya, dan Tuhan yang disembahnya itu tetap berkuasa di atas seluruh makhluk-Nya. Walaupun Allah membenarkan Iblis melancarkan peperangan menentang manusia, tetapi Ia tetap menguasai Iblis itu. Ia hanya membiarkan syaitan itu menakluk orang-orang yang lalai dari Tuhan mereka sahaja, sedangkan orang-orang yang mengingati Allah akan terselamat dari kejahatan dan bisikan syaitan yang halus. Kini jelaslah bahawa kebaikan itu haruslah bersandar kepada kekuatan dan hakikat Ilahi yang sejati yang tiada kekuatan dan hakikat yang lain dari-Nya, dan pastilah bersandar kepada Allah Tuhan yang memelihara, Tuhan yang memerintah dan Tuhan yang disembah, sedangkan kejahatan pula bersandar kepada bisikan Iblis yang datang dan menghilang, yang lemah bila ditentang, yang mundur ke belakang bila ditempur dan yang tewas di hadapan perlindungan dan naungan Allah.

Ini adalah satu kefahaman yang paling sempurna terhadap hakikat kebaikan dan kejahatan, di samping merupakan sebaik-baik kefahaman yang dapat memelihara hati dari kekalahan dan dapat mengisikannya dengan bekalan kekuatan, kepercayaan dan keyakinan.

والحمدلله أولاً وأخيراً . وبه الثقة والتوفيق .. وهو
المستعان المعين ...

10.05 malam Ahad, 8 Muharram 1417
bersamaan 25 Mei 1996[1]

---

1 *Catatan tarikh tamat penterjemahan oleh Penterjemah.*